

OII-11492

2000

Seminar & Forum Perdana  
Penghayatan dan Pengukuhan

# KEMERDEKAAN MALAYSIA

11 - 13 September 2000



M  
320.5409595  
SEM  
f

an

Negara Malaysia & Kementerian Kebudayaan, Riset dan Pelancongan

OII-1492

200

Seminar & Forum Perdana  
Penghayatan dan Pengukuhan  
**EMERDEKAAN  
MALAYSIA**

11 - 13 September 2000  
Hotel Istana  
Kuala Lumpur

APB934381  
NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
21 DEC 2000

M  
320.5409595  
SEM  
f or JR

# 2000



SERI ABDULLAH HJ. AHMAD BADAWI  
ALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

*Adalah menjadi kewajipan bagi generasi muda untuk menjaga dan menghargai erti kemerdekaan ini kerana ia adalah amanah keseluruhan warga Malaysia.*

## KATA-KATA ALUAN

**Timbalan Perdana Menteri**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

*Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Jabatan Arkib Negara Malaysia yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia.*

*Kita baru saja merayakan ulangtahun kemerdekaan yang ke 43. Sewajarnya usaha penghayatan ini diadakan bagi mengingatkan kembali masyarakat akan jerih payah perjuangan kemerdekaan. Pengukuhan pula bagi menyedarkan masyarakat tentang pencapaian dan pengisian kemerdekaan serta kesediaan menghadapi cabaran dan rintangan masa depan. Adalah menjadi kewajipan bagi generasi muda untuk menjaga dan menghargai erti kemerdekaan ini kerana ia adalah amanah keseluruhan warga Malaysia.*

*Sesungguhnya Malaysia mempunyai cabaran dan rintangan besar yang perlu dihadapi di alaf baru ini. Ketahanannya bukan sahaja bergantung kepada kekuatan ekonomi, kestabilan politik, kemantapan sosial mahupun keutuhan budayanya, tetapi juga kefahaman dan keinsafan rakyat tentang kemerdekaan dan maruah bangsanya. Saya berharap seminar ini dapat menyemai semangat cintakan negara dan menghargai nilai kemerdekaan di sudut hati dan jiwa generasi muda agar nama negara kekal aman dan berjaya.*



**Y. A. B. DATO' SERI ABDULLAH HJ. AHMAD BADAWI  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA**



D'ABDUL KADIR SHEIKH FADZIR  
MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

*Walaupun kemerdekaan negara tidak menumpahkan darah tetapi pengorbanan dari segi harta benda, pangkat, kuasa dan dengan segala kekurangan pada masa itu seharusnya menjadi ingatan kita semua betapa kritikal perjuangan mencapai kemerdekaan tersebut.*

## KATA-KATA ALUAN

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan merupakan salah sebuah Kementerian yang terlibat secara langsung dalam Sambutan Bulan Kemerdekaan yang bermula dari 17 Ogos hingga 16 September 2000. Pelbagai program telah diatur bagi mencapai hasrat Kerajaan agar rakyat dapat memahami dan menginsafi perjuangan untuk mencapai kemerdekaan negara.*

*Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia yang dianjurkan oleh Arkib Negara merupakan salah satu program yang diharapkan akan memperkuuhkan ingatan kita kepada sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan negara yang tercinta ini. Walaupun kemerdekaan negara tidak menumpahkan darah tetapi pengorbanan dari segi harta benda, pangkat, kuasa dan dengan segala kekurangan pada masa itu seharusnya menjadi ingatan kita semua betapa kritikal perjuangan mencapai kemerdekaan tersebut.*

*Selain itu, kita juga seharusnya memikirkan tentang persoalan pengisian dan cabaran kemerdekaan negara terutamanya kepada generasi muda. Pelbagai gejala sosial yang timbul pada masa kini seharusnya menginsafkan kita tentang cabaran besar yang dihadapi oleh negara dalam usaha mencapai hasrat menjadi sebuah negara maju.*

*Saya amat berharap agar Seminar ini dapat memenuhi hasrat di atas dan sekaligus akan menyemai dan memperkuuhkan ingatan kita kepada sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan negara. Semoga ianya menjadi pedoman di masa hadapan.*

**Y.B. DATO' ABDUL KADIR HJ. SHEIKH FADZIR**  
**MENTERI KEBUDAYAAN KESENIAN DAN PELANCONGAN**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Pusat  
Perayaan Bulan Kemerdekaan ke 43



DATO' TENGKU ALAUDDIN TENGKU ABDUL MAJID  
MUA SETIAUSAHA  
MENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN

*S* Usaha untuk memberi kefahaman dan kesedaran bagi membolehkan generasi muda menghayati kemerdekaan negara ini adalah sesuatu yang amat penting. Sambutan Hari

*Merdeka memerlukan penghayatan dan pengisian yang turut mengukuhkan rasa cinta kepada negara.* *S*

## KATA-KATA ALUAN

**Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

*Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia.*

*Usaha untuk memberi kefahaman dan kesedaran bagi membolehkan generasi muda menghayati kemerdekaan negara ini adalah sesuatu yang amat penting. Sambutan Hari Merdeka memerlukan penghayatan dan pengisian yang turut mengukuhkan rasa cinta kepada negara.*

*Pengenalan Perayaan Bulan Kemerdekaan pada tahun ini adalah membuktikan kesungguhan usaha menjadikan Kemerdekaan sebagai acara penting negara. Ianya adalah milik semua masyarakat yang perlu dikongsi bersama bagi menghargai apa yang kita miliki, apa yang kita capai dan apa yang perlu kita hadapi di alaf baru yang serba mencabar ini.*

*Sesungguhnya Kemerdekaan sesuatu bangsa itu perlu sentiasa dipelihara, dihargai serta diberikan erti agar sejarah perjuangan dan pengisiannya itu dapat membangunkan ketamadunan bangsa yang tinggi.*

**Y. M. DATO' TENGKU ALAUDDIN TENGKU ABDUL MAJID**  
*Pengerusi  
Jawatankuasa Penyelaras  
Perayaan Bulan Kemerdekaan ke 43*



ATO' HABIBAH ZON  
ETUA PENGARAH  
YKIB NEGARA MALAYSIA

*Usaha mendedahkan generasi baru kepada penghayatan kemerdekaan dapat menimbulkan rasa cinta kepada negara dan menghargai perjuangan kemerdekaan, menghargai pencapaian yang ada dan menimbulkan keinsafan di dalam diri generasi muda.*

## KATA-KATA ALUAN

**Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia**

*Sukacita saya ingin merakamkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia yang telah memberikan kepercayaan penuh kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia untuk menjayakan Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia ini.*

*Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia ini merangkumi beberapa tema seperti Pengertian Kemerdekaan, Sejarah Kemerdekaan, Pengisian dan Penghayatan Kemerdekaan serta Cabaran dan Harapan Masa Depan. Tema-tema ini dipilih bersetujuan dengan arus peredaran masa dan alaf baru yang menjanjikan perubahan-perubahan lebih dinamik kepada generasi baru negara. Oleh itu, usaha mendedahkan generasi baru kepada penghayatan kemerdekaan dapat menimbulkan rasa cinta kepada negara dan menghargai perjuangan kemerdekaan, menghargai pencapaian yang ada dan menimbulkan keinsafan di dalam diri generasi muda.*

*Dengan ini, saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan bantuan yang diberikan oleh pelbagai pihak bagi menjayakan seminar ini.*

*Salam hormat.*



**Y. BHG. DATO' HABIBAH ZON**  
*Pengerusi  
Jawatankuasa Induk  
Program Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia*

## LATAR BELAKANG

Program Penghayatan dan Pengukuhan kemerdekaan Malaysia diadakan sempena Perayaan Bulan Kemerdekaan dari 17 Ogos hingga 16 September 2000. Sejarah kemerdekaan perlu dihayati dan difahami oleh semua lapisan dan golongan masyarakat terutama generasi muda.

Kemajuan dan pembangunan yang dikecapi oleh rakyat Malaysia pada hari ini adalah hasil dari kemerdekaan yang kita miliki. Oleh kerana itu, penghayatan terhadap erti kemerdekaan ini perlu diterapkan secara berterusan supaya ia berkekalan dari satu generasi ke satu generasi. Semangat kemerdekaan ini perlu ditanam dan dipupuk dari semasa ke semasa agar ia tidak luntur dan dilupai oleh rakyat Malaysia dan sekaligus dapat membangkitkan semangat kecintaan terhadap negara ini walau di mana mereka berada.

Untuk menyemai semangat dan penghayatan terhadap erti kemerdekaan, maka seminari bertajuk "Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia" ini diadakan.

## OBJEKTIF

Untuk menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia mengenai kemerdekaan bagi memperkuuhkan semangat cintakan negara.

Untuk memberi keinsafan meluas kepada rakyat khususnya generasi muda dan golongan pelajar mengenai kemerdekaan serta pengorbanan pemimpin-pemimpin dahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan negara.

Untuk menghayati pencapaian negara dalam pelbagai bidang bagi mengekalkan kemerdekaan yang kita miliki.

Untuk mengukuhkan semangat rakyat Malaysia bagi menghadapi cabaran dalam memenuhi harapan masa hadapan negara.

3 TAHUN MENITI KEMERDEKAAN MALAYSIA

*Setelah dijajah hampir 500 tahun oleh kuasa-kuasa asing seperti Portugis, Belanda, Siam, Inggeris dan Jepun, Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada 31 Ogos 1957 diikuti oleh Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 melalui pembentukan Malaysia.*

*Perundingan yang diketuai oleh YTM Tuanku Abdul Rahman dan rakan-rakan seperjuangan beliau telah melalui pelbagai halangan dan rintangan dalam usaha untuk mendapatkan kemerdekaan. Namun begitu, kemerdekaan yang dicapai oleh Malaysia amat unik kerana perjuangan ini tidak melibatkan pertumpahan darah rakyat negara ini. Perjuangan kemerdekaan ini telah menjadi sejarah dan rakyat Malaysia seharusnya menghayati perjuangan ini sebagai landasan untuk pembinaan negara Malaysia yang lebih dinamik dan progresif di masa hadapan.*

*Kini kemerdekaan telah diperolehi, tugas kerajaan dan rakyat menjadi teramat berat terutama dalam mengisi kemerdekaan yang diperolehi. Namun kepimpinan negara yang diterajui oleh empat Perdana Menteri iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, YAB Tun Abdul Razak Hussein, YAB Tun Hussein Onn dan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya membawa Malaysia pada kedudukannya sekarang.*

*Dalam usaha mengisi kemerdekaan ini kerajaan telah mengambil pelbagai pendekatan dalam mempertingkatkan taraf hidup rakyat dan memajukan negara yang baru merdeka. Dasar Pembangunan Negara dan Rancangan Luar Bandar adalah langkah pertama yang diambil oleh kerajaan. Kawasan-kawasan FELDA telah dibuka di seluruh negara dalam usaha memajukan*



# 43 Tahun Meniti Kemerdekaan



penduduk luar bandar. Di samping itu juga, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pelajaran Negara bagi memajukan tahap pelajaran dan pendidikan di kalangan rakyat Malaysia.

Pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 merupakan satu rancangan jangka panjang bagi tempoh 20 tahun. Dasar ini bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang adil tanpa mengira kaum. Selain itu juga, Kerajaan Malaysia telah memberi penekanan kepada perpaduan dan integrasi nasional di kalangan rakyatnya yang berbilang kaum dan etnik. Perpaduan ini amat penting dalam membangunkan negara setelah Malaysia mengalami peristiwa pertelingkahan kaum pada 13 Mei 1969.



Kemerdekaan yang dikecapi oleh Malaysia kini telah mencapai 43 tahun dan rakyat Malaysia telah berjaya menikmati kemakmuran negara berdasarkan kepada pencapaian-pencapaian negara, baik dari segi politik, ekonomi maupun sosial. Kestabilan politik negara dan kemantapan sistem pentadbiran negara telah mendorong negara kita dihormati oleh negara-negara lain dan menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara berkembang dengan pesat. Kalau dahulu, negara banyak bergantung kepada ekonomi pertanian dan perlombongan bijih timah, kini kerajaan sudah mempelbagaikan sumber ekonominya dan beralih ke perindustrian bersama-sama dengan petroleum.



Tahun 1980an dan 1990an memperlihatkan kerajaan begit bersungguh-sungguh dalam membangun dan memajukan negara ini. Projek-projek pembangunan dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh negara untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat. Pencapaian Malaysia dalam pembangunan ini telah menjadi kebanggaan rakyat dengan terbinaan Menara Kuala Lumpur, Kuala Lumpur City Center (KLCC), Lapangan Terbang

*Antarabangsa Sepang (KLIA), Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, Multimedia Super Corridor (MSC), Pelancaran Satelit dan projek-projek pembangunan lain.*

*Pencapaian Malaysia tidak hanya terhad kepada projek-projek tersebut di atas. Rakyat Malaysia secara individu turut membuat pencapaian dalam pelbagai bidang . Kejayaan Pelayaran Solo Mengelilingi Dunia oleh Dato' Azhar Mansor dan Pendakian Gunung Everest adalah antara pencapaian yang amat membanggakan dan menunjukkan kebolehan rakyat negara ini setanding dengan negara maju lain.*

*Pencapaian-pencapaian ini telah menyakinkan negara-negara lain mengenai kemampuan Malaysia dalam menganjurkan persidangan-persidangan antarabangsa seperti CHOGM dan APEC dan acara-acara sukan bertaraf dunia seperti Sukan Komanwel 1998.*

*Tahun ini Malaysia telahpun memasuki alaf ke 21, kemerdekaan yang dicapai oleh negara selama 43 tahun ini perlu dihayati dan diperkuuhkan pengertiannya dalam usaha kerajaan memenuhi sembilan cabaran Wawasan 2020. Rakyat Malaysia hendaklah sedar kemerdekaan yang dicapai perlu dipelihara kerana penjajahan baru oleh kuasa-kuasa besar boleh berlaku dalam pelbagai bentuk. Rakyat Malaysia kini perlu melengkapkan diri mereka dengan perkembangan teknologi maklumat yang semakin mempengaruhi kehidupan.*



***“43 Tahun Telah Berlalu -  
Namun Masih Banyak Yang  
Perlu Kita Lakukan”***

**ATURCARA MAJLIS PERASMIAN  
11 SEPTEMBER 2000 (ISNIN)**

- |            |  |
|------------|--|
| 7.30 pagi  | Pendaftaran peserta  |
| 8.45 pagi  | Ketibaan Tetamu/Orang Kenamaan   |
| 9.15 pagi  | Ketibaan Y.B. Dato' Abdul Kadir Hj. Sheikh Fadzir<br>Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan                        |
| 9.20 pagi  | Ketibaan Y. A. B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi<br>Timbalan Perdana Menteri Malaysia                              |
| 9.25 pagi  | Persembahan Kemerdekaan oleh Istana Budaya   |
| 9.35 pagi  | Bacaan Doa   |
| 9.40 pagi  | Ucapan alu-aluan oleh Y.Bhg. Dato' Habibah Zon<br>Ketua Pengarah<br>Arkib Negara Malaysia                                |
| 9.45 pagi  | Ucapan Perasmian dan Ucaptama oleh<br>Y. A. B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi<br>Timbalan Perdana Menteri Malaysia |
| 10.30 pagi | Penyampaian Cenderamata  |
| 10.35 pagi | Jamuan Ringan  |
| 11.00 pagi | Bersurai/Seminar Bermula   |

SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

ATURCARA

11 SEPTEMBER 2000

MAHKOTA I & II

8.30 - 10.30 pagi	Majlis Pembukaan Rasmi
10.30 - 11.00 pagi	Jamuan Ringan

SESI 1

PERGERTIAN KEMERDEKAAN

11.00 - 1.00 tengah hari	Dewan Mahkota I & II
	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Y. Bhg. Tan Sri Abdul Samad Idris</li><li>2. Y. Bhg. Tan Sri (Dr.) Aishah Ghani</li><li>3. Y. Brs. Prof. Dr. Qasim Ahmad</li><li>4. Y. Brs. Ustaz Usman El-Muhammady</li></ol> <p>Pengerusi : Y. Brs. Prof. Madya Dr. Ahmad Atory Hussain</p>
1.00 - 2.30 petang	Makan Tengah Hari

SESI 2

SEJARAH KEMERDEKAAN

2.30 - 4.30 petang	Mahkota I (Trek 1)
	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Y. Bhg. Tan Sri Hj. Abdul Aziz Tapa</li><li>2. Y. Bhg. Datuk Hj. Jamdin b. Buyong</li><li>3. Y. Bhg. Prof. Dr. Abdullah Zakaria</li><li>4. Y. Brs. Prof. Madya Dr. Oong Hak Chin</li></ol> <p>Pengerusi : Y. Bhg. Prof. Dato' (Dr.) Zainal Abidin Wahid</p>
4.30 - 5.00 petang	Jamuan Ringan dan Bersurai
8.00 malam	Makan Malam

ATURCARA

11 SEPTEMBER 2000

ISNIN

SESI 2

SEJARAH KEMERDEKAAN

2.30 - 4.30 petang

Mahkota II (Trek 2)

1. Y. Bhg. Tun Datuk Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub  
*Pengalaman kemerdekaan (tumpuan kepada Sarawak)*
2. Y. B. Tun Abdul Ghafar Baba  
*Pengalaman kemerdekaan*
3. Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam  
*Kajian sejarah kemerdekaan*
4. Y. Bhg. Prof. Datuk Khoo Kay Kim  
*Kajian sejarah kemerdekaan (Dasar Luar)*

Pengerusi :

Y. Bhg. Tan Sri Dr. Arshad Ayub

4.30 - 5.00 petang

Jamuan Ringan dan Bersurai

8.00 Malam

Makan Malam

SESI 2

SEJARAH KEMERDEKAAN

2.30 - 4.30 petang

Mahkota III (Trek 3)

1. Y. Bhg. Jen (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim  
*Keselamatan (tentera)*
  2. Y. Bhg. Dato' Samsuri Arshad  
*Keselamatan (polis)*
  3. Y. Bhg. Datuk Jaafar Ismail  
*Keselamatan (perisikan)*
  4. Y. Brs. Prof. Madya Dr. Nik Anuar Nik Mahmud  
*Kajian sejarah (permisikan Singapura)*
- Pengerusi :
- Y. Bhg. Jen. (B) Tan Sri Ghazali Mohd. Seth

4.30 - 5.00 petang

Jamuan Ringan dan Bersurai

8.00 malam

Makan Malam

SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

ATURCARA

12 SEPTEMBER 2000

SELASA

SESI 3

PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN

8.30 - 10.30 pagi

Mahkota I (Trek 1)

1. Y. Bhg. Dato' Dr. Hassan Ahmad

*Orang Melayu dan budaya bahasanya selepas kemerdekaan : Suatu tinjauan budaya*

2. Y. Bhg. Prof. Datuk Abu Bakar Hamid

*Dasar Kebudayaan Kebangsaan menghadapi cabaran zaman*

3. Y. Brs. Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Borhan

*Pengisian dan penghayatan kemerdekaan : Dasar Kebudayaan Kebangsaan sebagai wahana perpaduan negara*

4. Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Adam

*Kajian budaya/pendidikan*

Pengerusi :

Y. Bhg. Prof. Dr. Norazit Selat

10.30 - 11.00 pagi

Jamuan Ringan

SESI 3

PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN

8.30 - 10.30 pagi

Mahkota II (Trek 2)

1. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh

*Peranan wartawan/pendidikan*

2. Y. Bhg. Dato' Dol Ramli

*Pengalaman dan peranan penyiaran dalam mengisi dan menghayati kemerdekaan Malaysia*

3. Y. Brs. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Latif A. Bakar

*Kajian peranan media massa*

Pengerusi :

Y. Bhg. Dato' Jaafar Kamin

10.30 - 11.00 pagi

Jamuan Ringan

ATURCARA

12 SEPTEMBER 2000

SELASA

SESI 3

**PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN**

8.30 - 10.30 pagi

**Mahkota III (Trek 3)**

1. Y. B. Dato' Mahadzir Mohd. Khir  
*Pengalaman dan analisa politik*
2. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdul Majid Ismail  
*Sejarah perkembangan perkhidmatan kesihatan di Malaysia sebelum dan selepas merdeka*
3. Y. Bhg. Dato' Lee Lam Thye  
*Kajian kemasyarakatan*

Pengerusi :  
Y. Bhg. Prof. Dr. Sabihah Osman

10.30 - 11.00 pagi

Jamuan Ringan

SESI 4

**PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN**

11.00 - 1.00 tengah hari

**Mahkota I (Trek 1)**

1. Y. Bhg. Dato' Mustapha Mohamad  
*Pengalaman ekonomi*
2. Y. Bhg. Dato' Rahmah Hj. Kassim  
*Economii luar bandar dan pertanian*
3. Y. Brs. Prof. Madya Badriyah Salleh  
*Penghayatan yang lolos untuk masa hadapan : Kesan sosio ekonomi dan harapannya (1957 - 2000)*

Pengerusi :  
Y. Bhg. Dato' Dr. Syed Othman Al Habshi

1.00 - 2.30 petang

Makan Tengah Hari

SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

ATURCARA

12 SEPTEMBER 2000

SELASA

SESI 4

PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN

11.00 - 1.00 tengah hari

Mahkota II (Trek 2)

1. Y. Bhg. Datuk Dr. Mohamed Salleh Ismail  
*Kerah ekonomi berdasarkan pengetahuan*
2. Y. M. Pn. Hjh. Ungku Anna Ungku Mohamad  
*Peranan profesional dalam pengisian kemerdekaan*
3. Y. Brs. Prof. Madya Dr. Nazari Ismail  
*Kajian korporat*
4. Y. Brs. Che Yazid Othman  
*Cabarannya wartawan dalam pengisian kemerdekaan*

Pengerusi :

Y. Bhg. Dato' Dr. Kamal Salleh

1.00 - 2.30 petang

Makan Tengah Hari

SESI 4

PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN

11.00 - 1.00 tengah hari

Mahkota III (Trek 3)

1. Y. Brs. En. Shamsul Bahrin Ibrahim  
*Bahasa Melayu dalam pernyanggahan di muka pengadilan : Suatu tinjauan*
2. Y. Brs. Prof. Madya Dr. Abdul Aziz Bari  
*Pengisian dan penghayatan kemerdekaan : Satu kajian perundangan*

Pengerusi :

Y. Bhg. Tan Sri Anuar Zainal Abidin

1.00 - 2.30 petang

Makan Tengah Hari

ATURCARA

12 SEPTEMBER 2000

SELASA

SESI 5

**PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN & CABARAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN**

2.30 - 4.30 petang

**Mahkota I (Trek 1)**

1. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Abdullah Ayob  
*Pengalaman pentadbiran*
2. Y. Bhg. Prof. Dato' Wan Mansor Abdullah  
*Peranan perkhidmatan awam mengikut pengalaman seorang Pegawai Tadbir*
3. Y. Brs. Prof. Madya Dr. Ahmad Atory Hussein  
*Peranan pentadbiran dan pembaharuan pentadbiran awam dalam mengisi dan memperkuatkan kemerdekaan negara*

Pengerusi :

Y. Bhg. Tan Sri Sallehuddin Mohamad

4.30 - 5.00 petang

**Jamuan Ringan dan Bersurai**

8.00 malam

**Makan Malam**

SESI 5

**PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN & CABARAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN**

2.30 - 4.30 petang

**Mahkota II (Trek 2)**

1. Y. Bhg. Dato' Omar Mohd. Hashim  
*Pengalaman dan kejayaan bekerja di Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran mengambil alih tanggungjawab peperiksaan dari Cambridge untuk dikendalikan di Malaysia*
2. Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Hashim Yaacob  
*Antara hasrat pengisian kemerdekaan*
3. Y. Brs. Dr. Idris Mohd Noor  
*Pengisian dan penghayatan kemerdekaan - cabaran dan harapan masa depan, jati diri : Analisis meta, cabaran dan peluang*
4. Y. Brs. Prof. Madya Dr. Mohd Mustapha Ishak  
*Cabaralan-cabaralan dalam pembentukan bangsa Malaysia*

Pengerusi :

Y. Bhg. Dato' Mohamed Jawhar Hassan

4.30 - 5.00 petang

**Jamuan Ringan dan Bersurai**

8.00 malam

**Makan Malam**

SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

ATURCARA

12 SEPTEMBER 2000

SELASA

SESI 5

PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN &  
CABARAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN

2.30 - 4.30 petang

Mahkota III (Trek 3)

1. Y. Bhg. Puan Sri Dato' Dr. Fatimah Hamidon  
*Kemaraan dan kemajuan wanita*
2. Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Hamdan Adnan  
*Persatuan pengguna*
3. Y. Brs. En. Saifuddin Abdullah  
*Kemerdekaan, peranan generasi anak merdeka dan pembinaan bangsa*

Pengerusi :

Y. Bhg. Dato' Dr. Nik Safiah Karim

4.30 - 5.00 petang

Jamuan Ringan dan Bersurai

8.00 malam

Makan Malam

13 SEPTEMBER 2000

RABU

SESI 6

CABARAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN

8.30 - 10.30 pagi

Mahkota I (Trek 1)

1. Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Anuwar Ali  
*Cabaran dan masa depan sistem pendidikan negara*
2. Y. Bhg. Dato' Zainul Ariff Hussein  
*Pembangunan ekonomi*
3. Y. Brs. Dr. Sulaiman Mahbob  
*Ekonomi dan kewangan*
4. Y. Bhg. Prof. Dr. Radhuan Arif  
*Cabar dan harapan masa depan sektor perikanan di Malaysia*

Pengerusi :

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Khalid Ibrahim

10.30 - 11.00 pagi

Jamuan Ringan

ATURCARA

13 SEPTEMBER 2000

RABU

SESI 6

CABARAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN

8.30 - 10.30 pagi

**Mahkota II (Trek 2)**

1. Y. Bhg. Kol. Dato' Prof. Dr. Ahmad Fawzi Hj. Mohd. Basri *Budaya politik Melayu : Satu tinjauan terhadap perubahan politi pengisian kemerdekaan*
2. Y. Brs. Prof. Madya Mohamad Abu Bakar *Globalisasi dan negara-bangsa : Ketahanan bangsa, keselamatan nasional dan kelangsungan negara*
3. Y. Brs. Prof. Madya Fo'ad Sakkdan *Sikap dan jangkaan remaja terhadap Wawasan 2020*
4. Y. Brs. Pn. Hjh. Ainan Hj. Kuntom *Perpaduan dan integrasi negara - pandangan Jabatan Perpaduan Negara*

Pengerusi :

Y. Brs. Prof. Madya Dr. Hussain Mohamed

10.30 - 11.00 pagi

Jamuan Ringan

SESI 6

CABARAN DAN HARAPAN MASA HADAPAN

8.30 - 10.30 pagi

**Mahkota III (Trek 3)**

1. Y. Bhg. Datuk Dr. Tengku Azzman b. Tengku Shariffadeen *Peranan IT*
2. Y. Bhg. Dato' Ir. Anuar Maarof *Cabar dan harapan masa depan dalam pelaksanaan aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik*
3. Y. M. Dr. Raja Malik Raja Mohamad *Peranan Multimedia*
4. Y. Brs. Dr. Mokhtar Yusof *Peranan IT dan Multimedia*

Pengerusi :

Y. Bhg. Dato' Dr. Muhamad Rais Abdul Karim

10.30 - 11.00 pagi

Jamuan Ringan

SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

ATURCARA

13 SEPTEMBER 2000

MAHKOTA I & II

11.00 - 12.30 tengah hari      Sidang Pleno Dan Resolusi

12.30 - 2.00 petang      Makan Tengah Hari

SESI 8

FORUM PERDANA KEMERDEKAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN  
KEMERDEKAAN MALAYSIA

2.30 - 4.30 petang      Mahkota I & II

Ahti Panel

1. Y. Bhg. Tan Sri Ghazali Shafie
2. Y. Bhg. Datuk K. Pathmanaban
3. Y. Bhg. Dato' Ismail Ibrahim
4. Y.B. Dato' Chor Chee Heung
5. Y. B. Puan Maznah Mazlan

Pengerusi :

Y. Bhg. Datuk Zain Hamzah

4.30 - 5.30 petang      MAJLIS PENUTUP

5.30 - 6.00 petang      Jamuan Ringan dan Bersurai

**ATURCARA MAJLIS PENUTUP  
13 SEPTEMBER 2000 (RABU)**

**4.30 petang**

Ketibaan Tetamu/Orang Kenamaan

**4.45 petang**

Ketibaan Y.B. Dato' Abdul Kadir Hj. Sheikh Fadzir  
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

**5.00 petang**

Ucapan alu-aluan oleh Y.Bhg. Dato' Habibah Zon  
Ketua Pengarah  
Arkib Negara Malaysia

**Penyampaian Resolusi**

**5.10 petang**

Ucapan penutup oleh Y.B. Dato' Abdul Kadir Hj. Sheikh Fadzir  
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

**5.25 petang**

Bacaan Doa

**5.30 petang**

Jamuan Ringan dan Bersurai

SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

AHLI JAWATANKUASA INDUK  
PROGRAM PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

Pengerusi                    Y. Bhg. Dato' Habibah Zon  
Setiausaha                  En. Sidek Jamil  
Penolong Setiausaha      Pn. Azimah Mohd. Ali

Ahli-ahli

Y. Bhg. Puan Sri Datuk Prof. Dr.  
Fatimah Hamidon  
(NCWO)

Tn. Hj. Mohamad Jusoh  
(Persatuan Wartawan Malaysia)

Y. Bhg. Dato' Omar Hashim  
(Persatuan Sejarah Malaysia)

Tn. Hj. Keliwon Pajhar  
(Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)

Y. Bhg. Dato' Mohd. Jawhar Hasan  
(ISIS)

En. Sarifudin Ibrahim  
(Dewan Bandaraya Kuala Lumpur)

Y. Bhg. Dato' Abdul Latiff Bakar  
(GAPENA)

ASP Samsudin Ali  
(Polis Diraja Malaysia)

Pn. Wan Hamidah Wan Ibrahim  
(Jabatan Perdana Menteri)

En. Mannan Abdul Rahim  
(Institut Kefahaman Islam Malaysia)

Pn. Ungku Anna Hj. Ungku Mohamad  
(Balai Iktisas Malaysia)

Pn. Hjh. Rahani Jamil  
(Arkib Negara Malaysia)

En. Abd. Karim A. Bakar  
(Dewan Bahasa dan Pustaka)

Tn. Hj. Hassan Mohd.  
(Arkib Negara Malaysia)

Pn Zubaidah Sual  
(Biro Tata Negara)

En. Zainol Abidin Abdul Rahman  
(Arkib Negara Malaysia)

Pn. Asmah Mohd. Taib  
(Kementerian Pendidikan)

Tn. Hj. Jamil Jalaluddin  
(Arkib Negara Malaysia)

Pn. Jamilah Ali  
(Kementerian Pendidikan)

Pn. Daresah Hj. Ismail  
(Arkib Negara Malaysia)

En. Che Yazid Othman  
(Persatuan Wartawan Malaysia)

Pn. Saodah Manaf  
(Arkib Negara Malaysia)

AHLI JAWATANKUASA KERJA

Pengerusi      **Y. Bhg. Dato' Habibah Zon**  
Setiausaha      **Pn. Azimah Mohd. Ali**

Ahli-ahli

**Y. Bhg. Dato' Abdul Latiff Bakar**  
(GAPENA)

Pn. Hjh. Rahani Jamil  
(Arkib Negara Malaysia)

**Y. Bhg. Prof. Dr. Abdullah Zakaria Ghazali**  
(Universiti Malaya)

Tn. Hj. Hassan Mohd.  
(Arkib Negara Malaysia)

**Dr. Muhammad Hassan Abdul Rahman**  
(Universiti Pertanian Malaysia)

En. Sidek Jamil  
(Arkib Negara Malaysia)

**En. Che Yazid Othman**  
(Persatuan Wartawan Malaysia)

En. Shamsi Shariff  
(Arkib Negara Malaysia)

**Pn. Poziah A. Rahman**  
(Jabatan Penerangan Malaysia)

En. Mohd. Zawawi Abdullah  
(Arkib Negara Malaysia)

**Pn. Norma Ramli**  
(Jabatan Penyiaran Malaysia)

Dr. Samsiah Mohamad  
(Arkib Negara Malaysia)

**En. Shahriman Dolah Hassim**  
(Biro Tata Negara)

Pn. Daresah Hj. Ismail  
(Arkib Negara Malaysia)

**Pn. Rozlin Mohamad**  
(Biro Tata Negara)

Tn. Hj. Ahmad Hj. Abdul Kadir  
(Arkib Negara Malaysia)

**En. Muhamad Syukor Ibrahim**  
(Istana Budaya)

Pn. Faridah Ishak  
(Arkib Negara Malaysia)

**En. Suhaiimi Magi**  
(Akademi Seni Kebangsaan)

En. Ihsan Hj. Hassan  
(Arkib Negara Malaysia)

SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

URUSETIA

Pengerusi      En. Sidek Jamil  
Setiausaha    Pn. Azimah Mohd. Ali

Ahli-ahli

En. Wan Rosdi Wan Dollah	Pn. Zarinah Elias
En. Jaafar Sidek Abdul Rahman	Cik Farizam Mustapha
En. Yusof Che' Rose	Pn. Marziah Mansor
Pn. Morni Haron	Pn. Noriah Ibrahim
En. Zaidin Mohd. Noor	Pn. Saadah Abdul Samad
En. Mohd. Nasser Malim	En. Mohd. Ali Hussein
En. Abu Bakar Zakaria	En. Khairi Harun
Cik Hamidah Kusnan	En. Roslan Mohamad
Cik Suyah Che' Rose	En. Hashim Malek
Pn. Zuraidah Abu Hassan	

AHLI JAWATANKUASA KECIL  
MAJLIS PERASMIAN DAN PENUTUP

Pengerusi      En. G. Alphonso  
Setiausaha    Pn. Azizah Sapuan

Ahli-ahli

Pn. Yatimah Rimun	En. Mohd. Nasir Ismail
Cik Hanizah Jonoh	En. Abdul Jabar Mohd. Ridfi
Pn. Wan Zainon Wan Awang	Pn. Wan Faridah Hanim Wan Omar

**AHLI JAWATANKUASA KECIL  
KERTAS KERJA DAN PERCETAKAN**

Pengerusi    Tn. Hj. Ahmad Hj. Abd. Kadir  
Setiausaha    En. Norazman Ahmad

**Ahli-ahli**

En. Prabakaran S. Nair	En. Shahlin Ali
Cik Hemalatha Ramasamy	En. Roslan Mohd. Radzi
En. Ahmad Sukri Abdul Kadir	En. Norashid Yassin
En. Mohd. Nasir Ismail	En. Rusli Haron
En. Zaidin Mohd. Noor	Cik Noraida Osman



**AHLI JAWATANKUASA KECIL  
PEMBENTANGAN DAN PENDOKUMENTASIAN**

Pengerusi    En. Mohd. Zawawi Abdullah  
Setiausaha    Pn. Noriah Jalil

**Ahli-ahli**

En. Savumthararaj G.	En. Kamarul Azwan Azman
En. Abu Rahman Hj. Ahmad	En. Asmawi Mohd. Yunus
Pn. Gowri P. S. Thangaya	En. Abd. Rashid M. Jani
En. Abd. Hamid Ahmad	En. Kamaruddin Sulaiman
En. Shafien Daud	Pn. Khadijah Awang

**SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA**

#### **AHLI JAWATANKUASA KECIL PERSIAPAN TEMPAT, PENGANGKUTAN, KELENGKAPAN DAN KESELAMATAN**

**Pengerusi** En. Shamsi Shariff  
**Setiausaha** En. Mohd. Nasser Malim

Ahli-ahli

Cik Leong Meng Wee En. Sharafot Ahmad Shah Ahmad Othman  
En. Azemil Abdul Aziz En. Sharafot Ahmad Shah Ahmad Othman  
En. Shafie Awang Tn. Ariff Nik Him  
Pn. Siti Hawiyah Manan

## AHLI JAWATANKUASA KECIL PUBLISITI DAN MEDIA

**Pengerusi** Pn. Faridah Ishak  
**Setiausaha** Pn. Noriah Mohd. Noor

Abli-abli

En. Yusof Che' Rose En. Jafizan Mohd. Pilus  
Pn. Rahimah Ismail Pn. Salmah Mohd. Safrid  
Pn. Normadiyah Zakaria Pn. Hjh. Azimah Abd. Rahman

AHLI JAWATANKUASA KECIL  
PELAPORAN DAN PERUMUSAN

Pengerusi Dr. Hjh. Samsiah Muhamad  
Setiausaha En. Mohd. Ariffin Santol

Ahli-ahli

Pn. Nor Zahriah Md. Razally	Tn. Abd. Hamid Tn. Daud
Cik Leong Meng Wee	Pn. Wan Zainon Wan Awang
Pn. Nor Janati Ibrahim	Pn. Siti Hawiyah Manan
Pn. Noriah Jalil	En. Shahlin Ali
Pn. Saemah Mokhtar	Cik Hanizah Jonoh
Pn. Samariah Mohd. Ali	En. Sharudin Karsan
Pn. Norehan Jaafar	

AHLI JAWATANKUASA KECIL  
KEWANGAN

Pengerusi En. Ihsan Hj. Hassan  
Setiausaha En. Ahmad Sabri Suhaimi

Ahli-ahli :

Pn. Maimum Aman	Pn. Khamizah Abd. Razak
Pn. Rusrina Mat	En. Khairi Harun

SEMINAR DAN FORUM PERDANA KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

SENARAI PENAJA

Permodalan Nasional Berhad

Teliti Computers Sdn. Bhd.

Tajar Construction Sdn. Bhd.

Lembaga Pembangunan Langkawi

PERNAS International Holdings Bhd.

Penerangan Malaysia Berhad

Percetakan Watan Sdn. Bhd.

Itusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Percetakan Warni Sdn. Bhd.

## PENGHARGAAN

Jawatankuasa Seminar dan Forum Perdana Kebangsaan Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

**Y. A. B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi**  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

**Y. B. Dato' Abdul Kadir Hj. Sheikh Fadzir**  
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

**Y. Bhg. Dato' Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

**Jabatan Perdana Menteri**  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Polis Diraja Malaysia

Jabatan Penerangan Malaysia

Kementerian-kementerian

Jabatan-jabatan Kerajaan

Universiti-universiti Tempatan

Pengerusi-pengerusi Trek

Pembentang-pembentang Kertas Kerja

Orang Perseorangan

Akhbar-akhbar Tempatan

Media-media Elektronik

dan

Kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan  
Seminar dan Forum Perdana Kebangsaan Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Ma

**RESOLUSI  
SEMINAR  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN  
KEMERDEKAAN MALAYSIA  
11 – 13 SEPTEMBER 2000**

**HOTEL ISTANA  
KUALA LUMPUR**

**RESOLUSI**  
**SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN**  
**MALAYSIA**

Kuala Lumpur menjadi saksyen global dan pertama kali diadakan negara dan mendaklah dikecambuan. Dengan kehadiran kerajaan  
11 - 13 September 2000. Beliau diundang untuk menghadiri

SEMINAR Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia, anjuran bersama Arkib Negara Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, yang diadakan pada 11-13 September 2000 di Hotel Istana, Kuala Lumpur menghargai usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk kesedaran di kalangan rakyat Malaysia bagi sentiasa menghayati dan mengukuhkan semangat cintakan negara serta mengekalkan kemerdekaan yang dimiliki.

SEMINAR yang membincangkan berbagai aspek dan bidang mengusulkan seperti berikut:-

#### **BAHASA**

1. **Menyedari** bahawa bahasa yang mantap menentukan kedaulatan bangsa dan Negara, SEMINAR mengusulkan:-
  - Dasar Bahasa hendaklah tegas;
  - Komitmen yang kuat daripada golongan elit dan pentadbir, khususnya dalam sektor pembangunan Negara termasuk sektor swasta adalah perlu untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan dan bahasa pembangunan;
  - Jawatankuasa Pemantauan Bahasa yang pernah diwujudkan di Dewan Bahasa dan Pustaka digerakkan semula.
2. **Menyokong** usaha mendaulatkan bahasa Melayu, SEMINAR menggesa:-
  - Semua Institusi Pengajian Tinggi, awam dan swasta hendaklah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, terutamanya tidak membezakan kursus sains dan teknologi dengan kursus-kursus yang lain;
  - Menteri Pendidikan mengenakan syarat supaya Institusi Pengajian Tinggi Swasta melaksanakan dasar Bahasa Melayu sebagai bahasa utama;
  - Institut Terjemahan Negara Malaysia hendaklah kembali kepada tujuan asal ia ditubuhkan iaitu menterjemah dan menerbitkan buku-buku pengajian tinggi dan profesional dalam Bahasa Melayu.

#### **BUDAYA DAN SENI**

1. **Memperakui** kepentingan kebudayaan dalam memperkuuhkan semangat kemerdekaan, SEMINAR mengusulkan:-

- Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971, hendaklah dijadikan salah satu unsur utama dalam kerangka pembangunan negara dan hendaklah dilaksanakan sepenuhnya bersama-sama dasar-dasar kerajaan yang lain seperti Rukun Negara, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, dan Dasar Pembangunan Negara;
  - Perlu mempertahankan budaya ketika dunia menjadi semakin global dan pada masa yang sama, meneroka bidang-bidang yang boleh disumbangkan kepada budaya dunia.
2. **Menyedari** betapa kesenian dapat membantu dalam menghayati kemerdekaan yang dicapai, SEMINAR ini mengusulkan:-
- Peningkatan penghayatan dan penyebaran segala cabang kesenian supaya dapat menaikkan semangat cintakan Negara;

## EKONOMI

**Menyedari** bahawa Malaysia akan menghadapi berbagai cabaran ekonomi dalam alaf baru ini, dan bagi menjamin kemerdekaan, SEMINAR mengusulkan:-

- Dilaksanakan pelbagai strategi untuk membina ketahanan Negara supaya mampu bersaing dan berlumba dengan Negara lain bagi mengelakkan penjajahan bentuk baru dan mengekalkan kebebasan ekonomi yang kita miliki;
- Perancangan dan pembangunan ekonomi perlu berlandaskan hukum-hukum Islam. Negara perlu memisahkan diri daripada terlibat dengan sistem riba untuk mengelakkan Negara ini daripada menjadi penghutang dan terperangkap dalam jerat kumpulan kapitalis.

## KEDUDUKAN ISTIMEWA MELAYU DAN BUMIPUTERA

1. **Memperakui** pengorbanan orang Melayu dan kaum Bumiputera dalam perjuangan menuntut kemerdekaan bukan hanya pengorbanan dan perjuangan parti politik sahaja, SEMINAR mengusulkan:-
- Agenda Melayu dan bumiputera tidak boleh diketepikan tanpa mengira dasar sesebuah parti politik itu. Dunia globalisasi yang tidak mengenal sempadan tidak seharusnya dijadikan alasan untuk menghapuskan hak-hak dan kedudukan istimewa ini;
  - Orang Melayu/Bumiputera perlu meningkat dan mengubah sikap mereka di dalam pencapaian di bidang ekonomi dan sosial supaya hak keistimewaan mereka menjadi kenyataan;
  - Tidak wajar mempersoalkan hak keistimewaan ini yang termaktub dalam Perlembagaan.

2. Menyedari kepintaran pemikiran, ketajaman penulisan dan kebebasan bersuara adalah unsur-unsur penting dalam pengertian dan pengisian kemerdekaan, SEMINAR mengusulkan:-
  - Rakyat diberi kebebasan berfikir, menulis dan bersuara seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia asalkan kebebasan ini tidak meggugat keselamatan dan ketenteraman awam.

## PENDIDIKAN

Menyedari bahawa Pendidikan amat penting untuk mewujudkan kefahaman dan kesedaran erti dan nilai sebuah kemerdekaan, SEMINAR mengusulkan supaya:-

- Kerajaan meningkatkan pelaburan di bidang pendidikan bagi menghasilkan sumber manusia yang berpengetahuan dan berpendidikan tinggi untuk menjamin pembangunan Negara yang berasaskan pengetahuan;
- Mengadakan program-program penghayatan kemerdekaan secara berterusan di semua institusi pendidikan dan memantapkan mata pelajaran yang berkaitan dengan sejarah perjuangan kemerdekaan;
- Mengkaji semula kaedah pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah;
- Memperbanyakkan kemasukan pelajar-pelajar Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Swasta;
- Akta Pendidikan 1996 yang memperuntukkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama di Institusi Pengajian Tinggi Swasta dipinda.

## PERPADUAN DAN KERJASAMA

1. Menyedari bahawa corak masyarakat Malaysia yang pelbagai, SEMINAR mengusulkan rakyat Malaysia:-
  - Mengutamakan nilai-nilai yang boleh membawa perpaduan seperti keagamaan, toleransi, timbang rasa, musyawarah, muafakat, sopan santun dan berbudi;
  - Menekankan nilai-nilai muhibbah dan kejiranahan;
  - Menitikberatkan nilai-nilai kesederhanaan dalam pertumbuhan dan pembahagian ekonomi;
  - Merealasasi dan mempraktikkan nilai-nilai murni dalam Rukun Negara;
  - Mendapatkan tafsiran yang jelas mengenai Kerajaan dan Politik untuk mengelakkan salah tafsir dan kurangnya pemahaman yang akan mengakibatkan hilangnya semangat patriotisme dan nasionalisme;
  - Memupuk semangat mengutamakan kepentingan Negara mengatasi peribadi di kalangan rakyat dan pemimpin demi menjamin kestabilan Negara;
  - Menumpukan segala usaha ke arah mengekalkan keamanan Negara demi meneruskan agenda pembangunan Negara.
  - Mengujudkan satu ruang persefahaman walaupun terdapat jurang perbezaan dalam pandangan, pendapat dan ideologi politik demi mengelakkan perpecahan di kalangan masyarakat.

- Menyedari bahawa penglibatan dan penyertaan setiap rakyat amat penting dalam usaha dan langkah kerajaan untuk mencapai perpaduan Negara.

- Memperakui perhubungan yang baik antara semua pihak adalah unsur utama dalam mengukuhkan kemerdekaan, SEMINAR mengusulkan:-
  - Pandangan yang berasas dan kukuh daripada pelbagai pihak seperti golongan belia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan perlu diberi perhatian sewajarnya;
  - Perlu ada jambatan penghubung di antara golongan tua dan belia dalam mengisi dan memahami erti kemerdekaan;
  - Hubungan baik, hormat-menghormati antara pemimpin-pemimpin Negara serantau perlu dikenalkan dan ditingkatkan supaya Negara dapat mengelakkan pergeseran dan konflik.

## SEJARAH

- Mengakui bahawa semangat bekerjasama di kalangan pemimpin-pemimpin pejuang kemerdekaan perlulah dicontohi dalam usaha meningkatkan kerjasama demi kebaikan dan kemajuan agama, bangsa dan Negara, SEMINAR mengusulkan:-
  - Agar generasi sekarang dan akan datang menjalani, menghayati dan menginsafi segala perjuangan dan pengorbanan para pejuang masa lalu bagi memupuk dan menghidupkan semula semangat nasionalisme yang semakin luntur.
- Menyedari kekurangan karya dalam Bahasa Melayu, SEMINAR menggesa:-
  - Penulisan dalam Bahasa Melayu yang meliputi berbagai bidang, khususnya mengenai sejarah dan budaya tinggi diperbanyakkan;
  - Penulisan Sejarah hendaklah berlandaskan kebenaran supaya rakyat dapat memahami dengan lebih jelas fakta yang sebenar;
  - Para pejuang dan pemimpin menulis buku mengenai pengalaman mereka;
  - Kerajaan menimbang semula peruntukan yang menghalang penyelidikan bahan rasmi yang terperingkat.
- Menghargai segala pengorbanan dan jasa mereka yang terlibat dalam perjuangan kemerdekaan, SEMINAR mencadangkan Kerajaan memberi pengiktirafan setimpal kepada semua mereka yang terlibat termasuk anggota tentera, polis, guru, penulis, wartawan, ulamak dan sebagainya.

## UMUM DAN CABARAN

- SEMINAR mengusulkan negara bersedia untuk membuat perubahan dari aspek-aspek perubahan minda, kepimpinan dan perundangan dalam menempuh era ilmu dan cabaran yang akan dihadapi di zaman IT;

2. SEMINAR mengusulkan sektor awam, sektor swasta dan sektor komuniti berkerjasama dalam menangani ancaman dunia barat dalam penguasaan ruang siber.

SEMINAR ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, khususnya kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Arkib Negara Malaysia sebagai pengajur di atas kejayaan mengadakan Seminar ini.

**SEMINAR KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN  
MALAYSIA  
11 -13 SEPTEMBER 2000  
HOTEL ISTANA, JALAN RAJA CHULAN  
KUALA LUMPUR**

**ABSTRAK KERTAS KERJA  
DAN  
BIOGRAFI PENULIS**

anjuran  
Arkib Negara Malaysia  
&  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

**SEMINAR KEBANGSAAN**  
**PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN**  
**MALAYSIA**  
**11-13 SEPTEMBER 2000**

**ISNIN 11 SEPTEMBER 2000**

**SESI 1 - PENGERTIAN KEMERDEKAAN**

**Pengalaman Dan Pengertian Kemerdekaan**

*Y. Bhg. Tan Sri Abdul Samad Idris*

**Biografi**

Tan Sri Abdul Samad Idris dilahirkan pada 13 Oktober 1923 di Seri Menanti, Negeri Sembilan. Pernah bertugas sebagai wartawan di akhbar Majlis, Kuala Lumpur pada tahun 1950 dan akhbar Utusan Melayu, Singapura pada 1950 dan 1960. Bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, beliau memegang beberapa jawatan penting dalam kerajaan sebelum bersara dari arena politik pada tahun 1980. Kini tokoh politik yang banyak berjasa ini menjawat jawatan Penggerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad; Penggerusi FINAS; Penggerusi Polystrene Sdn. Bhd.; Pengarah MWE Holdings Berhad dan Pengarah Utusan Melayu (M) Berhad.

**Teori Dan Konsep Pengertian Kemerdekaan**

*Y. Brs. Prof. Dr. Qasim Ahmad*

Kertas kerja ini membincangkan konsep dan pentakrifan nasionalisme dan kemerdekaan seperti yang telah diketengahkan oleh beberapa orang sarjana Barat dan Timur. Konsep dan perbincangan tentang hal ini kemudiannya dipersesuaikan dengan keadaan dan sejarah Tanah Melayu dan Malaysia.

Penjelasan tertumpu juga kepada persoalan tentang kemerdekaan dan nasionalisme sebagai ideal dan bagaimana atau kenapa ideal tersebut tidak dapat/mungkin dijelaskan secara sesempurnanya. Ini termasuklah hal yang telah berlaku di Malaya/Malaysia dan di tempat lain.

Dalam pada itu, kertas kerja ini juga mengandaikan atau menegaskan bahawa ketidakupayaan sesebuah negara-bangsa itu menyempurnakan ideal tersebut tidaklah semestinya pula merupakan sesuatu yang tidak baik, yakni kiranya dilihat dari sesuatu perspektif tertentu.

### **Biografi**

Qasim Ahmad mendapat ijazah pertama dan ijazah sarjana dari Flinders University of South Australia. Beliau memperoleh ijazah kedoktorannya dari University of London.

Bidang pengkhususan akademiknya ialah Sejarah Eropah Moden dan Sejarah Antarabangsa. Sehubungan dengan ini, di antara penulisan yang telah dihasilkannya termasuklah Eropah Moden: Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan (Kuala Lumpur: DBP, 1985 dan 1994). Britain, Franco Spain and The Cold War, 1945-1950 (New York 1992 dan 1995) dan Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan (DBP, 1991 dan 1996). Beliau juga telah menyelenggarakan buku Kekerasan Dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah (DBP 1993).

Sebelum berkhidmat sebagai ahli akademik pada tahun 1977 beliau pernah bekerja di Kementerian Luar Negeri Kuala Lumpur. Qasim Ahmad kini bertugas sebagai Dekan dan Profesor di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.

---

## **Pengertian Kemerdekaan**

**Y. Bhg. Tan Sri (Dr.) Hajah Aishah Ghani**

### **Biografi**

Tan Sri (Dr.) Hajah Aishah Ghani berasal dari Sungai Serai, Ulu Langat. Menjadi guru pelatih Sekolah Melayu Bukit Raya, Ulu Langat selama setahun. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Diniyah Putri selama 4 tahun dan ke Maktab Perguruan Tinggi Islam Padang selama 4 tahun. Pada tahun 1944 beliau mengajar di Sekolah Agama Padang Rengas. Beliau pernah menjadi wartawan akhbar Pelita Malaya. Mula menceburkan diri dalam bidang politik pada tahun 1945 dengan menganggotai PKMM dan dilantik sebagai Ketua Angkatan Wanita Sedar (AWAS), cabang PKMM. Bagaimanapun mengundur diri pada 1946. Pada 1949 menganggotai UMNO. Beliau merupakan Senator wanita pertama (1962). Pada tahun 1972 dilantik sebagai Ketua Wanita UMNO dan mengekalkan jawatan itu selama 12 tahun. Beliau ialah bekas Menteri Kebajikan Masyarakat (1973-1984). Sebagai penulis Tamu Dewan Bahasa dan Pustaka (1990-1991) beliau menghasilkan sebuah memori 'Aishah Ghani: Memori Seorang Pejuang' (1992).

---

**ISNIN 11 SEPTEMBER 2000**

**SESI 2 – SEJARAH KEMERDEKAAN**

## **Perikatan UMNO-MCA-MIC Dan Perjuangan Ke Arah Kemerdekaan**

**Tanah Melayu**

**Y. Brs. Prof. Madya Dr. Oong Hak Chin**

Apabila penulis menjalankan kajian mengenai dasar British dan politik komuniti Cina di Tanah Melayu beberapa tahun dahulu penulis tertarik dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan perjuangan politik ke arah mencapai kemerdekaan. Pertama, kegagalan para sarjana dan penulis untuk merekonstruksi penubuhan beberapa organisasi politik termasuk MCA dan penubuhan Perikatan UMNO-MCA. Kedua,

peranan dan sumbangan Tunku Abdul Rahman dan Perikatan UMNO-MCA-MIC dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Penulis melihat Tunku dan Perikatan memainkan peranan yang penting dan mereka berupaya membentuk dayatena yang kuat yang memaksa British menamatkan kolonialisasi dan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Kertas kerja ini bertujuan meninjau kembali perjuangan Perikatan dengan meneliti sumber.

### **Biografi**

Berasal daripada Tumpat, Kelantan, mendapat BA daripada Universiti Kebangsaan Malaysia 1982 dalam bidang sastera, MA daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan PhD daripada University of Hull, United Kingdom 1994.

Mula berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 6.12.1974 sebagai Penolong Penyelidik Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Tutor, Pensyarah dan Prof. Madya mulai 1.4.1997 di Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau juga aktif membuat penyelidikan, membuat laporan-laporan teknikal untuk universiti dan menghasilkan buku, jurnal dan monograf serta banyak terlibat dalam seminar dan persidangan kebangsaan dan antarabangsa.

---

### **Darah, Keringat dan Air Mata: Menjejaki dan Menghayati Perjuangan Pribumi Menentang Penjajah Di Malaysia**

*Y. Brs. Prof. Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali*

Pribumi Malaysia menentang kehadiran kuasa barat ke negeri mereka. Perjuangan ini bermula dengan tentangan Sultan Abdullah dari Kedah terhadap Syarikat India Timur Inggeris di Pulau Pinang pada tahun 1791 dan seterusnya Penghulu Dol Said di Naning pada tahun 1831 dan 1832. Apabila British terlibat di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang muncul gerakan terhadap penglibatan British itu. Tokoh-tokoh

seperti Sultan Abdullah, Sultan Ismail, Dato' Maharaja Lela Pandak Lam, Dato' Sagor Ngah Kamdin, Laksamana Wan Muhammad Amin, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim dan Syahbandar Uda Mahamor memainkan peranan utama dalam gerakan menentang British di Perak.

Di Selangor pula Raja Mahadi menentang British yang menyokong Tunku Kudin. Manakala di Negeri Sembilan gerakan tentangan dipimpin oleh Dato' Abdullah Tunggal dan Yamtuan Tunku Antah. Di Pahang gerakan tentangan dipimpin oleh Dato' Bahaman, Tuk Gajah dan Mat Kilau. Seterusnya gerakan di Kelantan di bawah pimpinan Tuk Janggut (Haji Mat Hasan bin Munas) dan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad. Terengganu pula dipimpin oleh Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (Haji Abdul Rahman Limpong).

Sabah dan Sarawak juga tidak ketinggalan berjuang menentang penglibatan British di sana. Di Sarawak muncul Rentap, Sherif Masahor, Datu Patinggi Haji Abdul Gapur, Banting dan Penghulu Asun. Manakala di Sabah lahir Mat Salleh, Mat Sator dan Antanum menentang pentadbiran Kompeni Borneo Utara.

Walaupun gerakan tentangan ini berakhir dengan kegagalan tetapi ia memberi iktibar kepada penduduk Malaysia bahawa kehadiran British bukanlah dengan mudah menguasai tanahair. Mereka ditentang oleh penduduk pribumi. Dalam hal ini banyak darah, keringat dan air mata gugur ke bumi Malaysia.

## Biografi

Berasal dari Besut, Terengganu. Mendapat B.A. (Hons.), Universiti Malaya 1973, M.A. Universiti Malaya, 1977, dan Ph.D, Universiti Malaya dalam tahun 1985. Beliau dilantik sebagai Profesor Jabatan Sejarah, Universiti Malaya pada tahun 1998. Beliau merupakan ahli jawatankuasa eksekutif dan ahli majlis Persatuan Sejarah Malaysia, ahli Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan Selangor, Ahli Jawatankuasa Polemik Sejarah Malaysia dan sering membentang kertas kerja dalam seminar dan forum sejarah. Banyak menyumbang kepada penulisan berbentuk sejarah sama ada dalam bentuk artikel, kertas kerja maupun buku daripada kajian dan penyelidikan beliau.

## **Perjuangan Kemerdekaan Di Sabah: Satu Kesinambungan Cetusan Kebangkitan Islam**

***Y. Bhg. Dato' Hj. Jamdin bin Buyong***

Islam dipercayai telah bertapak dan berkembang di Sabah semenjak kira-kira 500 tahun yang lampau. Ini termasuklah semasa negeri ini di bawah takluk kesultanna Brunei dan Sultan Sulu. Bagaimanapun perkembangan agama Islam tersekut semasa negeri ini di bawah pemerintahan Inggeris.

Suku-suku kaum rumpun Melayu yang beragama Islam tidak dapat menerima kedatangan Inggeris ke negeri ini. Kedatangan kuasa barat telah membangkitkan semangat patriotik Melayu yang bertindak menggunakan kekerasan menentang Inggeris. Kebangkitan ini telah mewarnai bumi Sabah silih berganti dati tahun 1775 hingga 1913. Bagaimanapun kesemua penentangan itu dapat dipatahkan oleh Inggeris.

Di samping itu, penindasan Inggeris ke atas perkembangan agama Islam juga telah membangkitkan semangat nasionalisme Melayu yang bergerak melalui organisasi sosial dan keagamaan. Pergerakan ini bermula sekitar tahun 1890-an dan dapat hidup patah tumbuh hilang berganti hingga ke awal tahun 1960-an.

Setelah gagal dalam gerakan demi gerakan melalui tindakan kekerasan dan juga melalui organisasi sosial dan keagamaan dalam tempoh yang begitu lama, akhirnya para patriotik Melayu berjuang secara terbuka melalui pergerakan politik. Perjuangan ini merupakan kesinambungan cetusan kebangkitan atas pengalaman pahit yang dialami oleh Islam yang ditekan dan ditindas oleh Inggeris. Bagi mengukuhkan strategi perjuangan ke arah mencapai matlamat ini, maka para nasionalis Melayu di negeri ini memilih saudara-saudara sedarah sedaging di Tanah Melayu untuk mewujudkan persefakatan politik melalui penubuhan Persekutuan Malaysia yang membawa kepada kemerdekaan Sabah.

Selepas merdeka, agama Islam terus menjadi satu daripada agenda utama perjuangan masyarakat Islam hingga berjaya menjadikannya sebagai agama rasmi penduduk Islam di negeri ini menjangkau lebih 50%. Bagaimanapun, atas kesilapan masyarakat Islam sendiri yang tidak tahan diuji dan berpecah, maka kekuatannya dalam politik dan kuasa pemerintahan Kerajaan Negeri menjadi goyah. Ini membawa padah kepada mayarakat Islam sendiri selepas itu.

Kini masyarakat Islam di Sabah berasa lebih selamat dan terjamin di bawah ikatan kausa politik nasional yang lebih besar dan kukuh. Ikatan tersebut membolehkan mereka berada di bawah kepimpinan Islam di peringkat negeri dan persekutuan. Inilah antara kejayaan nilai utama kemerdekaan yang telah mereka perjuangkan sekian lama. Untuk mengekalkan nilai ini, kini mereka lebih bijaksana, rasional, toleransi, hormat-menghormati dan saling bekerjasama dengan semua kaum dan semua agama.

Jika arus politik yang tenang ini berterusan tanpa dilanda oleh gelombang baru, maka akan bertambah bersinarlah cahaya politik Sabah yang membolehkan pengisian agenda kemerdekaan dengan lebih mudah dan cepat demi kepentingan rakyat seluruhnya.

### Biografi

Lahir di Putatan, Penampang pada 5.9.1946. Memulakan kerjayanya sebagai juruhebah radio, wartawan/Penolong Pengarang dan Pengarang Melayu Sabah Times dan Daily Express (1963-1970), Pegawai Penterjemah Kanan, Setiausaha dan Pemangku Ketua Biro Bahasa Malaysia, Jabatan Ketua Menteri; Setiausaha Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (1970-1994); Pengarah Muzium Sabah (1994-1996), Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah dan Setiausaha Majlis Ugama Islam Sabah (1996-2000) dan kini sebagai Setiausaha Akhabar Kepada Ketua Menteri, Sabah.

Dalam bidang seni, beliau bergiat sebagai penyair, pelukis dan penulis cerpen. Sebagai Sasterawan, beliau telah berjaya mendapat Hadiah Sastera peringkat kebangsaan, dianugerahi penghargaan sebagai Pahlawan Bahasa, Sastera dan Kebudayaan oleh KKBS (N), Penghargaan Penulis oleh DBP, Tokoh Penyair Islam Sabah dan lain-lain.

Beliau juga penyelidik dan penggerak pengembangan Bahasa, Sastera, Kebudayaan, Sejarah dan Seni Lukis. Beliau adalah antara pelopor utama dan aktivis perjuangan mendaulatkan Bahasa Melayu di Sabah yang bersama-sama menujuhan Badan Bahasa, Sabah sebagai Setiausaha 1 pada tahun 1970 hingga 1986. Menulis beberapa buah buku dan makalah tentang bahasa Malaysia Baku, lebih 30 buah kertas kerja tentang Bahasa, Sastera, Kebudayaan dan Sejarah. Beliau juga vbergiat sebagai Ahli Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan sejak 1978 hingga kini, pernah menjadi Ahli Jumaah Universiti Malaya dan Ahli Tribunal Hakcipta Malaysia.

---

### **Kajian Sejarah**

*Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam*

### **Biografi**

Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam merupakan Timbalan Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau memiliki ijazah pertama B.A.(Hons.), M.A., dan Ph.D dari Universiti Malaya. Beliau banyak menerbitkan beberapa buah buku dan banyak menjalankan penyelidikan mengenai sejarah Malaysia. Di antara buku tulisan beliau ialah Dato' Onn Jaafar (1992); Dr. Burhanuddin Al-Helmy – Satu Kemelut Politik (1996); Ahmad Boestamam (1994) dan terkini Sumbanganmu Dikenang (1999). Bidang kajian beliau ialah biografi politik, sejarah politik dan sejarah pendidikan.

---

### **Malaysia Merdeka, Sejarah Dan Kejayaan**

*Y.B. Tun Abdul Ghafar Baba*

## Biografi

Tun Abdul Ghafar Baba berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Setelah tamat pendidikan peringkat rendah beliau melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim pada tahun 1942. Berkhidmat sebagai guru dan aktif sebagai ahli UMNO, beliau merupakan salah seorang pengasas UMNO di Melaka. Beliau memenangi pilihanraya pada tahun 1955 dan 1959 dan dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka dari tahun 1959 hingga 1967. Pada tahun 1966 beliau dilantik sebagai Pengerusi MARA. Beliau berhenti dari menjawat jawatan Ketua Menteri pada 1967 untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada MARA. Tun Abdul Ghafar adalah juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Timbalan Perdana Menteri (7.5.86-15.10.93).

---

## Singapura Dalam Malaysia, 1963-1965

*Y. Brs. Prof. Madya Dr. Nik Anuar bin Nik Mahmud*

Singapura pernah menjadi sebahagian daripada Malaysia. Walau bagaimanapun, penyertaan Singapura dalam Malaysia telah menimbulkan pelbagai masalah. Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, menganggap kehadiran Singapura seumpama ‘duri dalam daging’. PAP bukan sahaja menyinggung perasaan orang-orang Melayu dengan kempen ‘Malaysian Malaysia’ malah telah juga membuat pakatan dengan parti-parti pembangkang untuk menjatuhkan Perikatan. Selepas dua kali rusuhan berlaku di Singapura pada tahun 1964, Kerajaan Persekutuan tidak ada pilihan. Demi keharmonian negara dan integriti wilayah Malaysia, pada 9 Ogos 1965 Singapura dengan rasminya dipisahkan dari Malaysia. Kertas kerja ini akan membincarkan bagaimana Singapura menyertai Malaysia dan perkembangan yang membawa kepada pemisahannya pada bulan Ogos 1965. Turut dibincarkan ialah tentang peranan yang dimainkan oleh British dalam menjayakan penyertaan Singapura dalam Malaysia serta sikapnya dalam krisis Kerajaan Pusat dengan Singapura hingga membawa kepada perpisahan.

## **Biografi**

Prof. Madya Dr. Nik Anuar Nik Mahmud berasal dari Pasir Puteh, Kelantan. Mendapat Sarjana Muda Sastera dengan kepujian dari Universiti Kebangsaan Malaysia (1973), Sarjana Sastera dari University London (1976) dan Ph.D. University of Hull, England (1989). Telah berkhidmat lebih 20 tahun di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau aktif sebagai ahli jawatankuasa Persatuan Sejarah, Ahli National Geographic Society, Ahli Asian Studies Association dan sering membentangkan kertas kerja dalam seminar dan forum peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga telah menghasilkan jurnal dan buku hasil daripada kajian dan penyelidikan beliau. Kini beliau adalah Alumni School of Oriental & African Studies, University of London dan Universiti of Hull.

---

## **Keselamatan**

*Y. Bhg. Jen. (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim*

## **Biografi**

Jen. (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim mendapat pendidikan awal di Raffles Institution, Singapura dan kemudian di English School Kota Bharu, Kelantan. Setelah menamatkan persekolahan beliau bertugas di Malayan Airways selama 2 tahun. Pada 1948 beliau memasuki Regimen Askar Melayu sebagai rekrut dan mendapat latihan di Royal Military Academy di Sandhurst di mana beliau ditauliahkan (commissioned) sebagai pegawai bertauliah. Sepanjang perkhidmatannya beliau memegang jawatan Pegawai Penerintah 2 Recce; COMD 3 Bde; COMD 7 Bde, Cdr. Wilayah II dan pelbagai jawatan di Kementerian Pertahanan, antara lain Chief of Personnel, Chief of Staff, Commandant of Staff College dan lain-lain. Sebelum bersara pada 1984 beliau adalah Panglima Angkatan Tentera selama 3 tahun setelah berkhidmat selama 35 tahun.

Sebelum bersara Tan Sri Zain pernah mengikuti kursus Advance Management Programme di Harvard Business School. Beliau kini adalah ahli Lembaga beberapa syarikat termasuk Angkasa Marketing Bhd., Posim Bhd., Amalgamated Containers Bhd., Suzuki Assembles Malaysia Sdn. Bhd., Lion Suzuki Marketing Sdn. Bhd., LION-SAM Foundation dan lain-lain. Pada 2 Disember 1993 dilantik Pengerusi Linatex Rubber Products Sdn. Bhd. Beliau ialah Pengerusi dan Pengarah Perwira Affin Bank Berhad sejak 5 Februari 1986. Beliau juga ialah Presiden Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) sejak November 1999.

Dalam bidang pengurusan beliau pernah menjadi Fellow kepada beberapa buah institusi termasuklah British Institute of Management (1974), Malaysian Institute of Bankers Malaysia (1994) dan New Zealand Institute of Management (1999).

Sebagai peminat bola sepak beliau pernah menjadi anggota Panel of FIFA Referees Instructors 1973-1985. Beliau kini merupakan salah seorang ahli jawatankuasa 'AFC Players Status Committee'.

## **SELASA 12 SEPTEMBER 2000**

### **SESI 3 – PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN**

**Orang Melayu Dan Budaya Bahasanya Selepas Kemerdekaan: Suatu Tinjauan Budaya**

*Y. Bhg. Dato' Dr. Hassan Ahmad*

Kertas ini meninjau masalah budaya bahasa di Malaysia, khususnya di kalangan orang Melayu, dan menganggap bahawa ini merupakan punca yang menyebabkan bahasa Melayu selepas kemerdekaan mengalami tahap kemerosotan sebagai alat pembina budaya tinggi, khususnya dalam bidang penulisan dan penerbitan karya-karya pengajian atau ilmu tinggi dalam bahasa ini dan pemunggiran bahasa Melayu dalam

proses pembangunan/kemajuan negara dalam bidang perusahaan, ekonomi dan teknologi.

Kertas ini juga meninjau, secara ringkas, sejarah pembudayaan bahasa Melayu di rantau ini untuk menunjukkan bagaimana tamadun bangsa Melayu dibina melalui kegiatan penulisan, penghasilan karya ilmu dan kesusasteraan yang tinggi melalui bahasa Melayu. Sejarah ini terputus apabila British memerintah Malaysia dan menyekat potensi bahasa Melayu untuk berkembang terus sebagai bahasa ilmu dan sebagai alat pembentuk tamadun dan penjana kemajuan bangsa Melayu. Penyekatan ini dilakukan melalui dasar pendidikan dan politik bahasa Inggeris yang memisahkan bangsa Melayu daripada kemajuan Tanah Melayu yang dilancarkan melalui bahasa Inggeris. Kesan dasar dan politik ini dianggap masih kekal dan belum dapat dikikis sepenuhnya oleh dasar bahasa dan pendidikan baru selepas kemerdekaan.

Punca utama kegagalan ini ialah orang Melayu sendiri: mereka tidak memperlihatkan kesedaran budaya dan intelektual yang tinggi terhadap usaha pembudayaan bahasa Melayu. Mereka tidak menunjukkan contoh yang baik dari segi kelakuan atau amalan bahasa Melayu mereka. Seolah-olah bangsa Melayu kini tidak lagi mampu berfikir secara cekap di dalam bahasa sendiri. Jika keadaan ini berterusan, bangsa Melayu akan kehilangan upaya untuk memajukan bangsa melalui bahasa sendiri. Keadaan yang berlaku pada zaman pemerintahan British kelihatan sedang berulang di negara ini selepas 43 tahun merdeka.

### **Biografi**

Dato Dr. Hassan Ahmad ialah bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa Dan Pustaka (1976-Ogos 1988) dan Duta/Wakil Tetap Malaysia ke UNESCO, Paris (September 1988-Mac 1994). Semasa di UNESCO beliau merupakan orang Malaysia yang pertama dipilih menjadi Presiden Kumpulan Elektoral Kawasan Asia-Pasifik yang diwakili oleh semua Duta dan Wakil Tetap Negara Asia-Pasifik. Beliau juga pernah menjadi Penggerusi Majlis Kemajuan Buku Negara (1981-1988), dan terkenal sebagai pakar penerbitan.

Beliau memiliki ijazah B.A. (Honours) dari Universiti Malaya dan Doktor Falsafah (Ph.D) dari Universiti Leiden. Bidang pengkhususan beliau ialah sosiologi bahasa dan perancangan bahasa ('Language Planning'), dan mempunyai minat yang mendalam tentang psikolinguistik dan falsafah bahasa dan sedang menulis sebuah buku tentang bidang ini. Beliau terlibat dalam kegiatan perancangan bahasa sejak tahun 1960-an hingga hari ini (beliau masih menjadi anggota Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan), dan telah menghasilkan lebih 400 artikel, esei, kertas kerja, dan ceramah umum tentang perancangan dan politik bahasa, budaya, sastera, dan pelbagai topik umum. Beliau juga telah menghasilkan tiga buah buku dan empat buah karya terjemahan (semuanya diterbitkan oleh DBP). Kumpulan karangan beliau yang baru, bertajuk *Imbasan* sedang dicetak dan akan diterbitkan oleh DBP akhir bulan September ini.

Kini beliau bertugas sebagai Ketua Eksekutif Yayasan Karyawan yang terlibat dalam usaha mengkaji, membiayai dan menerbitkan karya-karya agung Melayu dan pilihan karya-karya agung dari tamadun-tamadun lain.

### **Pengisian Dan Penghayatan Kemerdekaan: Dasar Kebudayaan Kebangsaan Sebagai Wahana Perpaduan Negara**

*Y. Brs. Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Borhan*

Kertas kerja ini mengiktiraf sumbangan besar para pejuang kemerdekaan terhadap kemerdekaan negara. Perjuangan pengisian kemerdekaan adalah proses pembudayaan. Sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka, Malaysia perlu memiliki ciri-ciri kebudayaan dan jati diri. Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1957 dan 1971 adalah hasil perjuangan para pejuang kemerdekaan untuk mencapai perpaduan negara. Cabaran mengekalkan kemerdekaan sangat hebat; rakyat Malaysia memerlukan kekuatan lahiriah dan batiniah dalam acuannya sendiri demi untuk survival masa depan.

## **Biografi**

Zainal Abidin Borhan dilahirkan pada 13 Disember 1953 di Melaka. Beliau memperolehi Sarjana Sastera (Pengajian Melayu) dalam tahun 1981. Sekarang beliau berkhidmat sebagai Profesor Madya di Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

---

## **Pembinaan Nasion Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah**

***Y. Brs. Prof. Dr. Ahmat Adam***

Kertas ini membincangkan kerangka pembinaan nasion Malaysia dari sudut sejarah. Kerjasama Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dengan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) melalui penggabungan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dengan AMCJA dilihat sebagai suatu percubaan untuk membangunkan suatu kebangsaan Malaya yang berasaskan persamaan hak antara kaum. Perbincangan ditumpukan kepada beberapa teori mengenai pembinaan nasion. Perbincangan mengenai pembinaan nasion selepas Merdeka didasarkan atas perbandingan yang dibuat mengenai kerjasama United Malays National Organization (UMNO) dengan Malayan Chinese Association (MCA) untuk tujuan mencipta politik *consociational*. Kertas ini cuba melihat mengapa gagasan pembinaan nasion yang berteraskan etnisiti dan bercirikan lambang-lambang keMelayuan menghadapi kesulitan dan mengapa akhir-akhirnya politik tolak ansur juga yang akan terus diamalkan.

## **Biografi**

Prof. Dr. Ahmat Adam adalah seorang profesor ilmu sejarah di Universiti Malaysia, Sabah. Beliau yang mula berkhidmat di U.M.S. sejak universiti itu memulakan sidang pengajiannya pada pertengahan tahun 1995 telah menjawat jawatan Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa sehingga sekarang ini.

Bidang pengkhususan Prof. Ahmat Adam ialah Sejarah Indonesia dan Malaysia. Beliau mendapat pendidikan prasiswazahnya di Universiti Malaya (1967 – 1970) dan kemudiannya melanjutkan pengajian pascasiswazahnya di Universiti London di mana dia telah meraih ijazah Master's dan Ph.D.nya dalam bidang Sejarah.

Penyelidikan dan penulisan Prof. Ahmat tertumpu kepada sejarah mengenai Indonesia dan Malaysia. Prof. Ahmat telah banyak menghasilkan makalah (iaitu sekitar 60 buah); beberapa di antaranya diterbitkan di dalam negeri dan ada juga yang diterbitkan di luar negara. Antara buku-buku Prof. Ahmat yang terkenal ialah: *The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Consciousness* yang telah diterbitkan oleh Southeast Asia Program, Cornell University, U.S.A. (1994), *Sejarah dan Bibliografi Akhbar Berbahasa Melayu Abad Ke-19* (1994), terbitan Universiti Kebangsaan Malaysia dan *Bahasa dan Pembentukan Bangsa* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (1995) dan *Penyelidikan dan Penerbitan Ilmiah*, Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (1999).

Prof. Ahmat Adam seorang yang mempunyai pengalaman yang luas di bidang pendidikan pengajian tinggi. Beliau pernah bertugas di UKM selama 25 tahun dan adalah mantan Dekan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Ketua di Jabatan Sejarah universiti tersebut sebelum berpindah ke Sabah; beliau juga adalah Profesor di Jabatan Sejarah UKM. Sebagai seorang sarjana Prof. Ahmat sering mendapat undangan untuk memberi ceramah di dalam dan luar negara. Dia juga pernah diundang sebagai sarjana tamu, sarjana Fulbright dan profesor pelawat di beberapa lembaga dan universiti luar negara seperti di Amerika Syarikat, Belanda, Denmark, Jepun dan Singapura.

Minat penyelidikan Prof. Ahmat Adam pada masa ini ialah mengenai sejarah politik dan masyarakat peribumi di Sabah. Beliau adalah seorang yang aktif di dalam pergerakan akademik dan pernah menjawat jawatan Presiden Persatuan kakitangan Akademik di UKM (1989 – 1990), Naib-Presiden Persatuan Sains Sosial Malaysia (1990 – 1992) dan terakhir, jawatan Presiden *International Association of Historians of Asia* (1998 – 2000).

Prof. Dr. Ahmat Adam telah dianugerahkan bintang **Johan Setia Mahkota (J.S.M.)** oleh Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada tahun 1998.

---

### **Dasar Kebudayaan Kebangsaan Menghadapi Cabaran Zaman**

*Y. Bhg. Prof. Datuk Abu Bakar Abdul Hamid*

Kongres Kebudayaan Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1971 telah menghasilkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Tiga unsur pentingnya:

- i. Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal di rantau ini.
- ii. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan.
- iii. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini bertujuan mencapai matlamat mengukuhkan perpaduan bangsa, membentuk jatidiri serta keperibadian bangsa Malaysia yang bersatu padu? Berhasilkah dasar kebudayaan ini membina rakyat yang berbudaya tinggi serta berilmu dan menangkis serangan budaya murahan bercorak hedonis?

Hampir 30 tahun telah berlalu. Apakah dasar ini masih relevan? Sejauh manakah berkesannya dasar ini membina bangsa Malaysia yang bersatu padu? Berhasilkah dasar kebudayaan ini membina rakyat yang berbudaya tinggi serta berilmu dan menangkis serangan budaya murahan bercorak hedonis?

Kini Dasar Kebudayaan Kebangsaan juga menghadapi cabaran yang besar akibat perubahan-perubahan yang pesat yang telah berlaku dalam bidang teknologi

maklumat, pencejagatan dengan gagasan dunia tanpa sempadan dan proses liberalisasi dalam bidang ekonomi, pendidikan dan budaya.

Kertas ini akan menumpukan perhatian kepada cabaran melaksanakan dasar ini. Antaranya:

Penerimaan dasar ini yang berbelah bagi

Penekanan yang berlebihan kepada lambang bukan kepada nilai menjadikannya sebagai ritual untuk upacara-upacara rasmi dan sebagainya.

Landaan arus kebendaan dan budaya peniaga

Serangan pencejagatan dan pasaran bebas

Leberalisasi dasar pendidikan

Cerobohan kebudayaan hedonistik

Sikap enteng terhadap kebudayaan

Kebudayaan sebagai pelengkap saja bukan yang asasi dalam kerangka pembangunan.

Budaya virtual dan kebebasan satelit

Kesungguhan pihak kerajaan melaksanakan dasar ini.

Akhir kertas ini mengemukakan beberapa saranan untuk memberikan tempat yang sewajarnya kepada kebudayaan kebangsaan dalam keseluruhan kehidupan rakyat Malaysia antaranya:-

Menimbulkan semula kesedaran bahawa hakikat berbelah baginya masyarakat Malaysia memerlukan usaha pengintegrasian secara terus menerus dan bersepada. Kemajuan yang tercapai sehingga kini bergantung kepada perpaduan rakyat.

Dasar kebudayaan mestilah menjadi salah satu pertimbangan utama dalam semua kerangka pembangunan.

Memandangkan dua institusi sosial yang paling berkesan memupuk persefahaman di kalangan rakyat ialah institusi pendidikan dan media massa, maka dicadangkan satu program literasi budaya dijalankan melalui dua institusi ini dengan tujuan mewujudkan lebih banyak perkongsian maklumat, perkongsian pengalaman

### **Biografi**

Seorang ahli akademik dan pentadbir akademik yang berpengalaman luas; telah berkhidmat lebih 30 tahun di Universiti Malaya. Pernah juga dilantik sebagai Profesor Pelawat di beberapa buah universiti luar negara termasuk dua tahun sebagai "*Distinguished Razak Professor*" di Ohio University, Amerika Syarikat.

Dilahirkan di Batu Pahat, Johor dan mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Parit Kadi, Muar, Sekolah Tinggi Kerajaan Muar dan Maktab Sultan Abu Bakar (duku English College), Johor Baharu sebelum melanjutkan pelajaran di Universitas Indonesia, Jakarta, Indonesia.

Aktif dalam kegiatan sastera, budaya, penulisan dan pendidikan. Antara lain, pernah berkhidmat sebagai Ketua 1 PENA, Ahli Lembaga Dewan Bahasa dan Pustaka, Setiausaha Jawatankuasa Penaja Universiti Kebangsaan, Editor **Majalah Penulis, Tenggara dan Nusantara**. Sehingga bulan lalu adalah Pengurus Bernama. Kini antara lain Pengurus Yayasan Penataran Ilmu dan Pengurus Jawatankuasa Rayuan Penapisan Filem, Ahli Pemegang Amanah Yayasan Karyawan Malaysia dan Ahli Jemaah Bistari Johor.

Telah menghasilkan beberapa buah buku dan lebih 100 buah rencana akademik dan popular yang telah diterbitkan dalam jurnal, majalah dan akhbar tempatan dan luar negara.

Gelaran Profesor yang disandangnya sekarang telah dianugerahkan oleh Ohio Universiti, Athens, Amerika Syarikat.

---

## **Peranan Wartawan Dalam Perjuangan dan Pengisian Kemerdekaan Malaysia**

***Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Latif A. Bakar***

Sebelum Tanah Melayu (Malaysia) mencapai Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, akhbar dan wartawan memainkan peranan penting dalam usaha menyemarakkan dan membangkitkan semangat serta mengemukakan idea yang bernalas bagi mencapai matlamat kemerdekaan dari Kerajaan British. Sejak tahun 1905 akhbar dan wartawan bergerak cergas di seluruh Tanah Melayu melalui penerbitan Majalah seperti Al-Imam dan diikuti Tunas Melayu, Al-Ikhwan, Utusan Melayu, Warta Malaya, Sahabat, Edaran Zaman, Majlis, Saudara, dan lain-lain. Di peringkat awal gerakan meenentang British, wartawan turut terlibat dalam gerakan yang berunsur politik seperti Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, Onn Jaafar, Yunus Abdullah, Ishak Hj. Muhammad, Ibrahim Hj. Yaakob, Ahmad Boestamam, Ramli Hj. Tahir dan sebagainya.

Setelah Tanah Melayu mencapai Kemerdekaan, akhbar dan wartawan Utusan Melayu, Berita Harian amat berpengaruh dalam perjuangan pengisian kemerdekaan. Diantara tokoh wartawan yang memainkan peranan penting ialah Said Zahari, Melan Abdullah, Mazlan Nordin dan lain-lain. Ramai juga wartawan-wartawan yang bergiat sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan telah melibatkan diri dalam politik (sepenuh masa) sebagai parti pemerintah (PERIKATAN) dan parti pembangkang. Kali ini, Ketua Pengarang di akhbar yang berpengaruh seperti Utusan Melayu (Utusan Malaysia) dan Berita Harian dilantik dari kalangan yang berpihak kepada parti pemerintah bagi mencapai matlamat parti dan perjuangan mengisi kemerdekaan.

### **Biografi**

Dilahirkan pada 1 November 1952 di Bandar Hilir, Melaka. Beliau memperolehi Ijazah B.A. (Hon) pada 1975 dan M.A. (1985) di Jabatan Sejarah serta Doktor Falsafah (1997) di Jabatan Pengajian Media.

Pada tahun 1975 hingga 1980 beliau bertugas sebagai pengajar di Jabatan Sejarah dan pada 1980 beliau bertugas sebagai pengajar di Jabatan Penulisan Kreatif dan Deskriptif (Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya). Apabila RPKD dinaikkan taraf sebagai Jabatan Penulisan pada 1987 (pada 1993 ditukar kepada Jabatan Pengajian Media), beliau dilantik menjadi Ketua Jabatan (1987 hingga 1992 dan 1997 hingga 2001). Pada tahun 1989, beliau dilantik menjadi Profesor Madya.

Beliau bergiat dalam GAPENA sebagai Ketua Dua dan banyak menghasilkan karya yang berkaitan dengan sejarah dan media seperti "Abdul Rahim Kajai sebagai wartawan" (1980), Peranan Media Dalam Pilihanraya Persekutuan 1959 dan 1964) pada 1997 dan lain-lain.

---

#### **Pengalaman Dan Peranan Penyiaran Dalam Mengisi Dan Menghayati Kemerdekaan Malaysia**

*Y. Bhg. Dato' Dol Ramli*

Penulis, dalam BAHAGIAN PERTAMA Kertas Kerjanya, membayangkan ciri-ciri kelebihan penyiaran (Radio dan Televisyen) berbanding dengan lain-lain media massa.

Dalam BAHAGIAN KEDUA, penulis menyingkap sejarah ringkas siaran Radio (TV belum wujud di Malaya dan Singapura sebelum tahun 1960an). Singapura menjadi ibu pejabat Jabatan Penyiaran, milik bersama Kerajaan Selat dan Persekutuan ("Pan-Malayan" Department), dan mengawal (control) semua bentuk siaran Radio di kedua-dua negeri, bertempat di Caldecott Hill, Thomson Road, sehinggalah Radio Malaya Semenanjung mencapai kemerdekaan sendiri dari kongkongan Singapura pada 1 Februari 1959, 17 bulan selepas merdeka.

BAHAGIAN KETIGA menggariskan beberapa tindakan pemodenan Jabatan Penyiaran dan pengisian kemerdekaan negara membangun seperti: Bahasa Melayu di

"standard"kan sebutan dan penggunaannya dalam semua bentuk Siaran di Radio Malaya (seakan peranan BBC London bagi "The Queen's English di United Kingdom). Di antara projek besar-besaran prasaranan ialah penubuhan ANGKASAPURI (kompleks penyiaran bersepadu) yang menjadi nadi penggerak media elektronik negara, stesen radio baru dalam setiap negeri di Semenanjung, Stesen Pemantau (Monitoring) di Klang dan stesen pemancar baru berkuasa tinggi (200 KM Shortwave) di Kajang bagi penggunaan siaran luar negeri SUARA MALAYSIA. Penulis juga membuat perancangan awal bagi menubuhkan pusat latihan tempatan INSTITUT PENYIARAN TUN ABDUL RAZAK (ringkasnya IPTAR) yang kemudian menumpangkan di premisnya pusat latihan serantau ASIA-PACIFIC INSTITUTE FOR BROADCASTING DEVELOPMENT (AIBD). Penubuhan kedua-dua pusat latihan ini diselesaikan sepenuhnya oleh pengganti Penulis. Semua alat pemancar Radio Malaya/Malaysia bagi siaran tempatan dipertinggikan kuasanya dari sekitar 10 KW(AM) kepada 50KW ke atas. Selain dari AM, siaran jenis FM juga diperkenalkan secara berperingkat, mula-mula "mono" kemudian "stereo", dimanfaatkan sepenuhnya oleh pengganti penulis.

Di paras Konsep dan Perkhidmatan Baru, Penulis menyebut penubuhan Siaran ke Sekolah-sekolah (diambil alih kemudiannya oleh Kementerian Pendidikan), Perkhidmatan Komersil (pengiklanan), pelancaran siaran SUARA MALAYSIA, Siaran Orang Asli, pengkhususan (*specialisation*), penubuhan TV Malaysia (Penulis sebagai seorang dari pengasasnya), penubuhan Perpustakaan Muzik Nasional (*National Music Library atau NML*) berupa koleksi terbesar di dunia merangkumi muzik dan persembahan seni-budaya kuno dan tradisional (etnik) penduduk Malaysia.

Dalam BAHAGIAN KEEMPAT, Penulis menyenaraikan kerja-kerja penggantinya selepas bersara di akhir tahun 1974. Ketua Pengarah Penyiaran baru (Dato' Abdullah Mohamad dan penggantinya Dato' Jaafar Kamin) menghadapi saingan lain-lain media elektronik (Radio dan TV) satu fenomena yang tidak dialami oleh Penulis Kertas Kerja. Namun mereka berjaya meneruskan usaha permodenan dan pembangunan RTM, sehingga wujud dan beroperasi institusi IPTAR, AIBD, IBC, siaran FM Stereo di merata negara, pemindahan ABU sepenuhnya ke Angkasapuri, dsb.

**BAHAGIAN KELIMA** Kertas Kerja mengandungi beberapa saranan Penulis yang menekankan: perlunya disindiketkan siri program RTM untuk menarik mata dunia menghayati keunikan Malaysia, pentingnya diperbadankan RTM untuk meningkatkan kredibilitinya, menekankan latihan intensif dan berterusan di bidang "*Computer imaging*" dan "*special effects*" bagi mencanggihkan program RTM, mempromosikan nyanyian lagu-lagu pergaulan rakyat kepada rakyat dan betapa mustahaknya dibayar ganjaran yang setimpal dengan kerja berat penuh cabaran dilakukan oleh para penyiar RTM, institusi bina-negara Malaysia yang penting dalam zaman serba moden dan pancaroba berasaskan dinamism sains dan teknologi, politik dan kemasyarakatan, ekonomi dan industri serta keilmuan pelbagai rupa.

### **Biografi**

Dilahirkan pada 1922 Dato' Dol Ramli mendapat pendidikan formal di sekolah Melayu, kemudian di Raffles College 1941 dan mendapat B.A Honours dari Universiti Malaya Singapura pada 1955. Memulakan karier sebagai guru Sekolah Melayu Kota Raja Singapura 1942-1945 (waktu Jepun), berkhidmat di Press Intelligence dan Mahkamah Daerah sebelum menjadi Penolong penyiar (BA3) di Bahagian Melayu Radio Malaya di Jabatan Penyiaran Caldecott Hill, Singapura pada 1948. Selepas mendapat ijazah beliau dinaikkan pangkat menjadi penyelia Program Melayu di Kuala Lumpur pada 1955, menjadi Timbalan Pengarah pada 1960, Pengarah Radio 1965 dan Ketua Pengarah Penyiaran bagi RTM mulai 1 Oktober 1969 hingga bersara tahun 1974.

Dalam karier sebagai tokoh bidang penyiaran terlalu banyak jasa beliau seperti memodenkan sektor penyiaran, penubuhan ANGKASAPURI, pelancaran TV, penubuhan stesen-stesen radio negeri dan daerah, meningkatkan kuasa alat pemancar, membanyakkan siaran SWMWFM siaran sekolah-sekolah, TV Pendidikan Suara Malaysia (luar negara), radio Inggeris dan Mandarin.

Dari 1975-1979 berkhidmat dengan Bernama sebagai pengurus besar dan mengembangkan sayap Bernama di dalam dan luar negara. Dari 1980-1989

berkhidmat di UMW Holding dan membina Menara Jam di Lebuhraya Persekutuan. Beliau juga bergiat sebagai ahli jawatankuasa-jawatankuasa badan-badan kebajikan dan telah mencipta senikata lagu Bahasa Jiwa Bangsa pada 1960.

---

### **Peranan Wartawan dan Pendidikan**

*Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh*

#### **Biografi**

Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh berasal dari Balik Pulau, Pulau Pinang. Beliau mendapat B.A. (Hons.) dari Universiti Malaya pada tahun 1964. Dan memperolehi Ph.D. dalam bidang pendidikan dan sosiologi pada tahun 1972 daripada University Stanford. Beliau merupakan Naib Canselor pertama Universiti Utara Malaysia. Selepas itu beliau berkhidmat sebagai penasihat khas Kementerian Pendidikan. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh banyak menulis kertas kerja ilmiah, rencana dan jurnal dalam bidang pendidikan, bahasa dan kebudayaan.

---

### **Penghayatan Dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia**

*Y. Bhg. Dato' Lee Lam Thye*

#### **Biografi**

Sebelum berkecimpung dalam politik Dato' Lee Lam Thye bertugas sebagai guru sementara dan juga aktivis kesatuan sekerja. Beliau merupakan setiausaha Eksekutif National Union of Commercial Workers. Dalam politik beliau merupakan tokoh yang lantang lagi tegas dalam menyuarakan pandangan dan sikap terhadap sesuatu isu. Beliau adalah Ahli Dewan Undangan (ADUN) Bukit Nenas, Selangor (1969-1974). Dalam pilihanraya 1974 beliau telah terpilih sebagai Ahli Parlimen Bukit Bintang dan seterusnya selama empat penggal (1974-1990). Bagaimanapun pada tahun 1990 beliau bersara daripada politik dan menumpukan sepenuh masanya dalam bidang

kebijakan dan sosial. Sama ada dalam badan-badan kerajaan, separuh kerajaan mahupun persendirian. Di antara penglibatan beliau ialah Pengerusi National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH), Naib Presiden Pemandam Malaysia, Naib Pengerusi dan Ahli Majlis Eksekutif Yayasan Pencegah Jenayah Malaysia (MCPF), Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Besar Kuala Lumpur dan lain-lain.

Dalam sektor swasta beliau merupakan Pengarah bukan eksekutif (non-executive) dalam beberapa syarikat seperti Sime-UEP Properties Bhd., Sistem Televisyen Malaysia Bhd., Amcorp Bhd., FFM Bhd., dan Ho Hup Construction Bhd.

---

### **Sejarah Perkembangan Perkhidmatan Kesihatan Di Malaysia Sebelum Dan Selepas Merdeka**

*Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdul Majid bin Ismail*

Sebelum kedatangan Inggeris, penduduk Tanah Melayu menggunakan cara tradisi untuk mengatasi masalah penyakit-penyakit mereka. Bila British menjajah Malaya mereka membina beberapa hospital untuk memberi rawatan kepada penduduk. Tetapi hospital-hospital ini ditempatkan di pekan besar sahaja. Kerajaan British menyediakan perkhidmatan perubatan ini semata-mata untuk keperluan pegawai-pegawai dan keluarga mereka dan pekerja di lombong dan ladang-ladang getah yang dimiliki oleh mereka. Lagi pun penduduk tempatan tiada berapa minat menggunakan cara perubatan Barat.

Bila Malaya merdeka polisi kerajaan ialah menyerakkan perkhidmatan ini ke luar bandar dengan menujuhkan perkhidmatan kesihatan luar bandar. Dengan wujudnya perkhidmatan ini mutu kesihatan seluruh penduduk telah dapat dinaikkan. Sambilan ini beberapa lagi hospital yang baru dan canggih menggunakan alat-alat moden telah dibina oleh kerajaan untuk memenuhi keperluan untuk penduduk dalam negara ini.

Kerajaan juga telah mencipta beberapa program mencegah penyakit berjangkit seperti:

1. Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar
2. Program Vaksinasi (Triple DPT Vaccine)
3. Program Mengawal Malaria
4. Program Mengawal T.B.
5. Program Vaksinasi Polio

Dan lain-lain. Program-program ini telah dapat menjaga kesihatan dan meninggikan mutu perkhidmatan kesihatan penduduk seluruh negara.

### **Biografi**

Tan Sri Dato' Haji Abdul Majid adalah seorang doktor bedah ortopedik (Orthopaedic Surgeon). Beliau adalah lulusan College of Medicine, Singapore (1946-1949); Fakulti Perubatan Universiti Malaya (1950); Royal College of Surgeons, Edinburgh (1953-1955), dan University of Liverpool (1957). Sebagai seorang profesional beliau mempunyai kelayakan M.B.B.S., Universiti Malaya (1950); F.R.C.S. Edinburgh (1955); M.Ch. Orth. Liverpool (1957); F.R.A.C.S. (1972), dan F.A.Sc. Medical Sciences, Malaysia (1995).

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar, Kuala Lumpur (Julai 1950-Ogos 1953); State Surgeon di Hospital Besar, Seremban (Januari 1956-September 1956); Chief Orthopedic Surgeon, PTM, Hospital Besar Kuala Lumpur (1958-1969); Pengarah Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Kesihatan (1970-1971), dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (1971-1976). Pernah dan masih lagi memegang jawatan sebagai Ahli dan juga Pengurus Yayasan Jantung Malaysia dan lain-lain. Beliau juga merupakan Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah beberapa buah syarikat swasta.

### **Perpaduan Dan Integrasi Nasional**

*Y. Brs. Puan Hajah Ainan Hj. Kuntom*

1. Malaysia yang dahulunya dianggap sebagai sebuah negara "plural society", kini diiktiraf oleh negara-negara luar sebagai sebuah negara yang berjaya menguruskan hubungan kaum dengan cemerlang. Sejak 40 tahun yang lalu, Malaysia telah berjaya mewujud, mengekal dan memperkuatkan perpaduan di kalangan rakyatnya.
2. Perpaduan dan permuafakatan yang wujud bukannya lahir secara semulajadi, tetapi adalah hasil daripada pengorbanan dan kebijaksanaan pimpinan negara sejak dari awal kemerdekaan lagi. Kesinambungan perjuangan ini diteruskan oleh pemimpin-pemimpin negara yang terkemuka melalui perancangan dasar dan pelaksanaan program-program ke arah memperkuatkan lagi hubungan kaum di negara ini. Keharmonian dan kestabilan ini telah membolehkan Malaysia melaksanakan lain-lain agenda seperti pembangunan ekonomi, politik dan sosial serta hubungan antarabangsa. Malaysia yang dibina hasil daripada permuafakatan rakyat dalam bidang-bidang tersebut telah menjadi sumber rujukan dan inspirasi kepada negara-negara lain, baik yang sedang membangun maupun yang telah maju.
3. Jabatan Perpaduan Negara berpendapat bahawa perpaduan negara dan intergrasi nasional adalah sebagai kuku dan isi. Intergrasi nasional dilihat sebagai satu proses berterusan untuk mencapai perpaduan. Manakala perpaduan negara dilihat sebagai satu keadaan kesepaduan hasil daripada proses intergrasi. Di dalam konteks Malaysia, perpaduan negara dikatakan wujud sekiranya ketegangan yang muncul tidak berpunca daripada konflik kaum, agama dan wilayah. Perpaduan negara ini dijalinmesra oleh Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.
4. Proses ke arah perpaduan negara telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan melalui biang ideologi negara seperti Rukunegara, Wawasan 2020; melalui peruntukan perundangan; melalui gabungan parti politik; melalui dasar-dasar Kerajaan; melalui pembangunan seimbang di antara wilayah dan sebagainya. Di peringkat Jabatan Perpaduan Negara, aktiviti penggalakan seperti Lawatan

Integrasi, program Orientasi bagi Pegawai-pejawai yang bertukar ke Sabah dan Sarawak; Kempen Kibar Bendera, Program Rukun Tetangga, Kempuan Diri dan sebagainya dijalankan manakala aktiviti pencegah seperti Mediasi, Penubuhan Panel Penasihat Perpaduan Negara, Penyelidikan Etno-Sosial dan Dialog dengan Badan-Badan Agama juga diadakan bagi meningkatkan lagi perpaduan negara.

5. Tindakan-tindakan “affirmative” dan “pro-aktif” yang dijalankan oleh Kerajaan dapat menghasilkan nilai-nilai mengikut acuan Malaysia yang boleh menjadi teras untuk perpaduan negara dan seterusnya melahirkan Bangsa Malaysia menjelang tahun 2020.

#### **Biografi**

Puan Hajah Ainon Hj. Kuntom kini adalah Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1970 sebagai Pembantu Penyiaran di Kementerian Penerangan dan seterusnya memegang beberapa jawatan penting di beberapa jabatan dan kementerian hingga ke jawatan beliau kini mulai Mac 2000.

Di samping jawatannya sekarang Puan Hajah Ainon amat aktif dalam bidang kemasyarakatan di dalam dan di luar Kementerian/Jabatan sebagai anggota Jawatankuasa, Penasihat dan Penyelaras Program/Projek Persatuan/Pertubuhan tempatan dan luar negeri. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah memperlihatkan kejayaan dalam pelbagai bidang khususnya dalam mempertingkatkan kebijakan wanita. Beliau telah mengusahakan perlaksanaan “Undang-undang Syariah” bagi 13 buah negeri di Malaysia, Undang-undang Rogol dikemukakan di Parlimen; sistem pembayaran bil berkomputer di Jabatan-Jabatan Kerajaan, Dana Khas Negara 1997-1999 dan lain-lain.

Puan Hajah Ainon adalah lulusan Sarjana Muda (B.A.Hons) Komunikasi dari Universiti Sains Malaysia 1973, M. Inst. P.S. dari Institut of Purchasing and Supply,

England, 1984 dan Diploma dalam bidang-bidang kewartawanan dan perhubungan dari Wellington Polytechnic, New Zealand, 1970.

---

**SELASA – 12 SEPTEMBER 2000**

**SESI 4 – PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN**

**Ekonomi Luar Bandar Dan Pertanian**

***Y. Bhg. Dato' Hajah Rahmah Hj. Kassim***

**Biografi**

Berasal daripada Seremban, Negeri Sembilan mendapat pendidikan awal daripada Sekolah King George (V) Seremban, melanjutkan pelajaran ke Sekolah Tunku Abdul Rahman, Ipoh dan mendapat Sarjana Muda Ekonomi dengan kepujian Universiti Malaya.

Mula berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada Ogos 1971 hingga Mac 1974, Penolong Setiausaha dan Ketua Penolong Setiausaha Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri 1974-1982, Timbalan Pengarah dan Pengarah Bahagian Unit Perlaksanaan ICU Jabatan Perdana Menteri 1982-1985, Setiausaha Bahagian Pembasmian Kemiskinan Kementerian Pembangunan Luar Bandar 1995, Timbalan Ketua Setiausaha Sosial Kementerian Pembangunan Luar Bandar 1995-1999 dan kini sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Beliau juga dilantik menjadi Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah badan-badan berkanun dan telah menyertai dan memberi sokongan untuk seminar dan forum kebangsaan dan antarabangsa.

Sejak berkhidmat dengan kerajaan dalam PTD dari tahun 1971, beliau diberi tanggungjawab membangunkan pertanian secara bersepada, pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar. Pengendalian bidang tugas ini telah meliputi pelbagai

jenis tugasan seperti pengkajian dan penulisan kertas kerja dan laporan, penyampaian ceramah/taklimat, perundingan dengan pihak-pihak tempatan dan antarabangsa (seperti Bank Dunia, ASEAN, ADB, rundingan-rundingan bi-lateral), penyertaan dalam forum-forum dan kursus-kursus di peringkat tempatan dan antarabangsa, mengelolakan majlis-majlis perasmian/keramaian di peringkat persekutuan dan negeri/daerah, mesyuarat-mesyuarat dan lawatan ke peringkat lapangan di tapak projek/agensi.

Tugasan-tugas ini juga meliputi kawasan luar bandar di seluruh negara dan masyarakat-masyarakat tertentu seperti orang asli, dan desa-desa terpencil di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

---

#### **Ke Arah Ekonomi Berasaskan Pengetahuan**

*Y. Bhg. Datuk Dr. Mohammad Salleh Ismail*

Kerajaan telah merancang untuk menjadi negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020. Di antara cabaran yang harus tempohi untuk menjadi negara perindustrian yang maju, ialah membentuk sebuah ekonomi yang berdaya saing, dinamik, kuat dan berdaya tahan dengan pertumbuhan keluaran sebanyak 7 peratus setahun secara berterusan hingga tahun 2020. Pada masa yang sama Ekonomi Malaysia khasnya dan ekonomi seluruh dunia amnya sedang mengikuti harus trasformasi. Transformasi ini melibatkan beberapa unsur yang secara langsung mendatangkan perubahan bentuk industri dan corak pekerjaan, globalisasi, dinamisma dan persaingan, dan revolusi Teknologi Maklumat.

Tindakbalas Ekonomi Baru ini memberi kesan kepada warganegara Malaysia dari segi peluang perniagaan, pertumbuhan dan produktiviti serta penilaian latihan dan pendidikan. Dengan yang demikian, asas kepada pembangunan pada masa akan datang adalah rangsangan terhadap transformasi digital, pelaburan dalam mempertingkatkan inovasi, pendidikan untuk mewujudkan kemahiran penting bagi Ekonomi Baru. Ekonomi yang berasaskan pengetahuan ini menuntut tahap teknologi

dan keupayaan sumber manusia yang lebih hebat. Dalam ekonomi global dimana modal berupaya bergerak pantas, pemilihan sumber bahan mentah lebih bermakna jika digandingkan dengan kualiti tenaga manusia serta tahap teknologi yang tinggi bagi mengekalkan. Keupayaan bangsa untuk mengarap pengetahuan dan teknologi tinggi dengan cepat akan menentukan kemakmuran negara di masa akan datang. Di dalam ekonomi pertanian dan perindustrian kedudukan sosial seseorang bergantung kepada pemilikan tanah atau ladang. Manakala di dalam ekonomi berdasarkan pengetahuan ukuran kedudukan seseorang bergantung kepada pemilikan pengetahuan dan penguasaan teknologi tinggi.

### **Biografi**

Datuk Dr. Salleh adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Taman Teknologi Malaysia sejak 1988 hingga kini. Tugas utama beliau ialah untuk membangunkan Taman Teknologi yang pertama di Malaysia sebagai pusat pembangunan industri dan sokongan kepada usahawan penyelidikan dan teknologi di antara institusi, universiti dan sektor swasta tempatan dan antarabangsa dalam bidang automasi, teknologi informasi dan bioteknologi.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pensyarah dan beliau adalah Prof. Madya di Universiti Pertanian Malaysia (Universiti Putra Malaysia) dari tahun 1977 hingga 1983. Pada tahun 1983 hingga 1987 beliau adalah Pengarah Bahagian Konsultansi dan Pemindahan Teknologi, Institut Piauan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). SIRIM adalah pertubuhan utama ditubuhkan untuk memberi sokongan kepada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan perindustrian di Malaysia.

---

**Peranan Profesional Dalam Pengisian Kemerdekaan**  
***Y.M. Puan Hajah Ungku Anna bt Ungku Muhammad***

Untuk memajukan sebuah negara kita memerlukan profesional. Ini terbukti pemimpin-pemimpin kita dahulu seperti Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan kini YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang terdiri daripada golongan profesional. Usahawan yang banyak membantu dalam mempertingkatkan ekonomi negara juga terdiri daripada golongan profesional. Oleh itu, negara yang membangun perlukan profesional-profesional yang lahir daripada pendidikan tinggi dan yang berpengalaman luas.

Tidak semestinya seseorang yang bergelar graduan itu sudah cukup untuk dimartabatkan profesional. Seseorang itu harus mempraktikkan apa yang dipelajari dan seterusnya menyumbangkan perkhidmatannya untuk negara. Setelah mereka bergelar profesional, mereka-mereka ini akan menjadi mentor kepada golongan profesional muda untuk meneruskan perjuangan profesionalismenya dalam semua kerjaya (profesyen) di Malaysia.

### **Biografi**

Anak kelahiran Johor, berkelulusan dari United Kingdom dalam jurusan Rekabentuk Dalaman (Interior Design). Pengarah Pereka MNC Sdn. Bhd.

Beliau adalah ahli dalam IPDM dan pernah memegang jawatan Setiausaha Kehormat dan Ahli Majlis. Pada tahun 1989, beliau mewakili Malaysia dalam 'Design Tour' di Jepun menghadiri FCEM In World Congress di Argentina. Beliau mewakili IPDM ke Balai Ikhtisas Malaysia (BIM) dan telah menyandang jawatan sebagai Naib Pengurus untuk tahun 2000/2001.

### **Peranan dan Cabaran Wartawan Malaysia di Afaf Baru**

*Encik Che Yazid Haji Othman*

Wartawan, suatu entiti yang wujud bersama yang lain sejak zaman pra merdeka. Ia sama penting seperti pasukan polis, tentera, para pegawai pemerintah, para peguam dan hakim serta ahli-ahli penggubal dasar kerajaan.

Di zaman penjajah peranan wartawan, bersama entiti lain meniup kesedaran agar rakyat pribumi negara ini bangun menentang dan menghalau penjajah dan kita pun merdeka. Selepas merdeka tugas wartawan bertambah kompleks. Ia harus berperanan bersama entiti lain memandu masyarakat untuk sama-sama mengisi kemerdekaan.

Kita pun membangun. Lalu tiba zaman teknologi maklumat, sistem langit terbuka dan dunia tanpa sempadan. Wartawan terpaksa menggandakan usaha berada selangkah di hadapan memayungi masyarakat bersama entiti lain agar ia tidak karam di daratan dan kegersangan di lautan.

Kini tiba cabaran wartawan untuk alaf baru. Terlebih-lebih lagi terasa cabaran ini apabila hancurnya Kesatuan Soviet dan lenyapnya ‘perang dingin’. Segala strategi dan muncung senjata propaganda kuasa Barat terhala ke dunia ketiga yang kelihatan semacam secara automatik berada di kedudukan lama Kesatuan Soviet, walaupun tanpa kemahuhan kita. Nah ini cabaran hakiki para wartawan di alaf ini.

### **Biografi**

Encik Yazid Othman berkelulusan Sarjana Muda (BA. Hons) Sastera dan Sains Sosial dalam bidang Penulisan Kreatif dan Deskriptif dari Universiti Malaya pada 1981. Menceburii bidang kewartawanan sejak tahun 1974. Pernah mengurus persidangan kewartawanan antarabangsa dan mewakili negara dan badan-badan kewartawanan antarabangsa dalam persidangan kewartawanan peringkat antarabangsa di dalam dan luar negara seperti International Journalists Seminar di Brussels pada 1987. Kini beliau ialah Presiden Persatuan Wartawan Malaysia (NUJ), President World Federation And Muslim Journalist (WFMJ), Penasihat kepada Confederation of Asean Journalist (CAJ), dan Ketua Pertubuhan Non-Aligned Students And Youths Organization (NASYO) East Asia Regional Centre.

---

## Bahasa Melayu Dalam Penyanggahan Di Muka Pengadilan : Suatu Tinjauan<sup>13</sup>

*Y. Brs. Encik Shamsul Bahrin Ibrahim*

Apabila arahan dikeluarkan supaya Bahasa Melayu segera dipergunakan sepenuhnya di mahkamah-mahkamah rendah dan seberapa dapat di mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan, maka segala surat-surat acara mahkamah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan sekali gus bahasa terjemahan ini digunakan dalam penyanggahan dan hujah termasuk perintah serta penghakiman. Keadaan bahasa terjemahan ini sungguhpun menggunakan perkataan-perkataan Melayu tetapi susunan bahasa methodologynya serta filsafahnya jauh terpesong dari Bahasa Melayu "basic". Ini berlaku kerana salah anggapan bahawa susunan kalimat bahasa Inggeris dapat digunakan pula dalam Bahasa Melayu. Jika sikap dan amalan ini tidak dijaga maka rosaklah Bahasa Melayu sejati buat selama-lamanya.

Untuk membendung Bahasa Melayu "basic" sikap para peguam yang mula beramat di mahkamah harus diberi kesedaran sebagaimana yang dibuat di England and Wales di mana para pelajar digalakkan mengambil perhatian berat pada mata pelajaran Sejarah dan Kesusteraan dan ini sekali gus melatih diri supaya senantiasa sedar akan peristiwa-peristiwa silam dan bagaimana masyarakat maju dari peristiwa-peristiwa sejarah itu untuk mencapai kemajuan yang dinikmati dewasa ini sambil memupuk kecenderungan dalam bidang kesusteraan, pelajar itu juga akan memperkuatkannya dan jalan bahasa yang kita kenal selama ini dan sekaligus mengikis keinggerisan yang sudah mula berakar umbi. Hanya dengan demikian dapat kita kekal Bahasa Melayu yang sebenarnya.

### Biografi

Berasal dari Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, mendapat didikan dari Anderson School, Ipoh. Pernah berkhidmat dalam Angkatan Laut dalam Squadron Ke 25 Pasukan Penyapu Periuk-api dan Squadron Pertama Pasukan Kapal Roda. Mendapat cedera di kaki waktu bertugas di Laut China Selatan sebagai Executive Officer KD Seri Kelantan. Melanjutkan pelajaran LLB (London) External melalui Institut

Teknologi Mara dan ke London mengikuti ijazah Utter Barrister di Inner Temple dan "called to the Bar" di England pada tahun 1979 dan diterima sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi di Malaya pada tahun berikutnya. Dia juga menjadi rakan-niaga firma guaman Skrine. Amalan utamanya dalam bidang perkapalan (Admiralty), penerbangan (Aviation), libel, perbankan, perundangan alam sekitar dan insuransi.

Sejak tahun 1995 menjadi Secretary-General, Asean Law Association dan sebelum itu menjadi Editor majalah keluarannya selama 3 tahun.

---

#### **Pengisian Dan Penghayatan Kemerdekaan Satu Kajian Perundangan**

*Y. Brs. Prof. Madya Dr. Abdul Aziz Bari*

Kertas ini membincangkan tema Pengisian dan Penghayatan Kemerdekaan dari sudut Perlembagaan dan Undang-Undang. Ini dilakukan dengan meneliti kerangka dan peruntukan berkenaan dan menilai setakat mana ia telah berjaya membina sebuah persekitaran yang kondusif buat matlamat mengisi dan menghayati kemerdekaan. Kertas ini mencadangkan supaya pentafsiran yang betul dilakukan bagi membolehkan pengisian kemerdekaan dalam ertikata yang sebenar dapat dilakukan. Sekiranya itu memerlukan pindaan maka langkah tersebut hendaklah dilakukan supaya kerangka perlembagaan kita lebih selaras dengan maksud dan cita-cita mengisi dan menghayati kemerdekaan. Bagaimanapun ini perlu dilakukan dengan berhati-hati.

#### **Biografi**

Profesor Madya Dr. Abdul Aziz Bari berasal dari Sabak Bernam, Selangor, mendapat pendidikan awal di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur. Mendapat Diploma Pentadbiran Awam, DPA (UiTM), Sarjana Muda Undang-Undang, LLB Hons daripada UIAM, Sarjana Undang-Undang, LLM Universiti Nottingham, England) dan Doktor Falsafah, PhD daripada Universiti Birmingham, England.

Sekarang memegang jawatan sebagai Penyelaras Kursus Undang-Undang Perlembagaan dan bekas Ketua, Jabatan Undang-Undang Awam, Kuliah Undang-Undang, ULAM, Gombak, Selangor Darul Ehsan. Bidang pengkhususan beliau ialah Undang-Undang Awam (Undang-Undang Perlembagaan, Undang-Undang Perlembagaan Perbandingan, Undang-Undang Pentadbiran, Undang-Undang Antarabangsa, Jurisprudens dan Sistem Undang-Undang Malaysia).

Beliau aktif menghasilkan artikel-artikel dan karya-karya seperti Buku *Cabinet Principles in Malaysia – The Law and Practice* (Univision Press Sdn. Bhd., 1999), *Perlembagaan Malaysia – Asas dan Konflik* (DBP, sedang dicetak) serta artikel-artikel ilmiah (dalam jurnal) dan popular (dalam akhbar dan majalah). Selalu terlibat dengan seminar kebangsaan dan antarabangsa.

---

## **SELASA 12 SEPTEMBER 2000**

### **SESI 5 – PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN**

#### **Peranan Perkhidmatan Awam Mengikut Pengalaman Seorang Pegawai Tadbir**

*Y. Bhg. Dato' Wan Mansor bin Wan Abdullah*

#### **Pendahuluan**

Kertas membicarakan peranan perkhidmatan awam khususnya Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dalam usaha mencapai, mengisi dan menghayati kemerdekaan, dikisahkan melalui pengalaman seorang pegawai tadbir yang telah berkhidmat dalam PTD selama 30 tahun daripada tahun 1959 hingga 1989.

#### **Memimpin Gerakan Kemerdekaan**

Pegawai-pegawai awam telah menjadi pemimpin perjuangan menuntut Kemerdekaan pada permulaannya kerana mereka adalah orang-orang terpelajar dan dilatih sebagai pemimpin. Semangat kemerdekaan juga ditiup oleh pelajar-pelajar

agama terutamanya yang menuntut di luar negeri kerana terpengaruh dengan perjuangan kemerdekaan di sana.

### **Menuntut Kemerdekaan**

Di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, perbincangan-perbincangan telah dijalankan dengan wakil-wakil kerajaan British. Rombongan Tunku turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan yang mewakili Sultan-sultan. Yang demikian usaha menuntut kemerdekaan tidak merupakan usaha ahli-ahli politik semata-mata.

### **Mengisi Kemerdekaan**

Sumbangan terbesar perkhidmatan awam apabila kemerdekaan tercapai ialah mengambil alih jentera pentadbiran daripada tangan pegawai-pegawai Inggeris. Pengambilan alih pentadbiran dijalankan dengan teratur walaupun pegawai-pegawai kanan tempatan masih muda dan kurang pengalaman. Mereka terus dilantik memegang jawatan-jawatan penting dibantu oleh pegawai-pegawai Inggeris (dagang) yang masih tinggal.

### **Rancangan Pembangunan**

Langkah pertama diambil oleh kerajaan Tanah Melayu merdeka ialah melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini sistem pentadbiran pembangunan melalui bilik gerakan telah diperkenalkan. Melalui sistem ini projek-projek pembangunan dikesan. Tun Abdul sendiri selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap pembangunan sentiasa membuat lawatan-lawatan mengejut ke tapak-tapak projek. Projek pembangunan yang besar ialah projek pembukaan tanah besar-besaran yang sekarang dikenali sebagai projek FELDA.

### **Pembangunan Pelajaran (Pendidikan)**

Pegawai-pegawai tadbir turut memainkan peranan bagi melaksanakan rancangan yang dijalankan oleh kementerian-kementerian profesional. Penulis memaparkan penglibatannya di Kementerian Pelajaran (Pendidikan) dalam usaha menambah bilangan guru-guru siswazah yang boleh mengajar dalam bahasa Melayu. Penulis juga terlibat dalam usaha menambah bilangan pelajar-pelajar di universiti-universiti di Britain pada masa berkhidmat di Jabatan Penuntut-Penuntut Malaysia di London.

### **Pertahanan Negara**

Di sebuah lagi Kementerian profesional, pegawai-pegawai tadbir menyumbangkan khidmat menyusun dasar pertahanan negara dan merancang pembesaran angkatan tentera, seperti yang dialami oleh penulis semasa berkhidmat di Kementerian Pertahanan.

### **Penutup**

Daripada contoh-contoh yang diberikan dalam kertas ini nyatakan pegawai-pegawai awam khususnya pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, telah memberi sumbangan penting kepada perjuangan kemerdekaan pada awalnya dan kemudian dengan melaksanakan dasar kerajaan yang memerintah telah memainkan peranan penting menegakkan dan membangunkan kemerdekaan.

### **Biografi**

Berasal daripada Kuala Terengganu melanjutkan pelajaran ke Malay College Kuala Kangsar 1955, mendapat BA dalam bidang Sastera daripada Universiti Malaya Singapura pada 1958, BA Hons Universiti Malaya Singapura 1959 dan ..... Pentadbiran Pembangunan di Universiti Cambridge 1965.

Mula berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah Kuala Terengganu 1959, Pegawai Perkhidmatan Tadbir Malaya (MCS) di pejabat Setiausaha Selangor Kuala

Lumpur pada 1959, Penolong Pegawai Daerah Hulu Selangor 1959-1962, Pegawai Daerah Sabak Bernam, Selangor 1961-1962, Setiausaha Sulit Perdana Menteri (Tunku Abdul Rahman 1962-1964), Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Biasiswa dan Latihan Kementerian Pelajaran 1965-1967, Timbalan Pengarah Jabatan Penuntut-Penuntut Malaysia di London 1967-1972, Pengarah Jabatan Penuntut-Penuntut Malaysia di London 1972-1974, Setiausaha Kerajaan Selangor 1977-1981, Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan 1981-1984, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam 1984-1989 dan sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia 1989-1994.

---

### **Peranan Pentadbir Dan Pembaharuan Pentadbiran Awam Dalam Mengisi Dan Memperkuatkan Kemerdekaan Negara: Penghayatan Dan Cabaran**

*Y. Brs. Prof. Madya Dr. Ahmad Atory Hussain*

Kertas kerja ini adalah merupakan perbahasan dan pembicaraan mengenai perihal pentadbir dan usaha-usaha pembaharuan pentadbiran awam Malaysia dalam membangunkan negara semenjak mencapai kemerdekaan. Usaha-usaha pembangunan selama ini banyak bergantung kepada pentadbiran awam sebagai jentera pelaksana yang berkesan dan cekap. Justeru, kertas kerja ini akan menyentuh beberapa unsur penting di dalam proses membangunkan negara seperti tugas dan tanggungjawab pentadbir yang berubah/bertukar dari zaman kolonial kepada era kemerdekaan, tahun-tahun 1970an, 1980an, 1990an hingga kini. Selain itu akan dibicarakan juga mengenai kesan-kesan dari dasar penswastaan, globalisasi dan juga kepimpinan YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dianggap sangat besar impaknya kepada pembangunan pentadbiran dan pembangunan orang Melayu khasnya, Malaysia umumnya. Apa yang kita saksikan kini sebenarnya adalah impak dari transformasi masyarakat yang dilakukan oleh kepimpinan Dr. Mahathir itu sendiri. Ini termasuklah beberapa persoalan penting seperti konsep keberkecualian pegawai awam, ketaatan terhadap autoriti, sikap politik pegawai awam dan kemerosotan pengaruh pentadbir awam terhadap masyarakat.

## Biografi

Prof. Madya Dr. Ahmad Atory Hussain berasal dari Chenderong Balai, Teluk Intan. Memiliki ijazah B.A. dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1971 dalam bidang Sosiologi dan Sejarah, M.A. dari Pennsylvania State University , USA 1978-1979 dalam bidang Pentadbiran Awam dan Politik dan Ph.D di Universiti Malaya 1989-1993 dalam bidang Pembaharuan dan Pembangunan Pentadbiran Awam. Kini beliau bertugas sebagai Dekan Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia. Beliau turut menghasilkan beberapa buku meliputi beberapa kajian bidang seperti politik, pentadbiran, pengurusan, dasar awam, politik Melayu, UMNO dan sebagainya.

---

## Pengalaman Pentadbiran

### *Y. Bhg. Tan Sri Dato' Abdullah bin Ayub*

1. Struktur Pemerintah/Pentadbiran Sebelum Merdeka
2. Persediaan untuk melaksanakan peralihan pemerintahan.  
Penubuhan Malay Forum antara pegawai-pegawai Melayu
3. Persediaan untuk menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957
  - (i) Pertabalan Yang Dipertuan Agung yang pertama
  - (ii) Perisytiharan Kemerdekaan
  - (iii) Bentuk perayaan
4. Pengisian jawatan-jawatan yang penting:-
  - (i) Setiausaha Tetap Kementerian-kementerian
  - (ii) Ketua-Ketua Jabatan
  - (iii) Angkatan Bersenjata – Darat, Laut & Udara
  - (iv) Ketua Polis Negara
  - (v) Peguam Negara dan Peguamcara Negara
  - (vi) Duta-Duta
5. Pengisian Kemerdekaan

- (i) Perancangan Pembangunan Nasional – Penubuhan Economic Planning Unit, Buku Merah – Bilik Gerakan
  - (ii) Bahasa Kebangsaan
  - (iii) Dasar Pelajaran Kebangsaan
6. Penubuhan Malaysia
- (i) Rationale
  - (ii) Rundingan antara Kerajaan, Sabah, Sarawak, Brunei, Singapura dan Malaya. Rundingan akhir di London-Brunei terkeluar
  - (iii) Konfrantasi oleh Indonesia dan bangkangan dari Filipina
  - (iv) Singapura keluar dari Malaysia – 1965
7. Peristiwa Mei 13, 1969
- (i) Majlis Gerakan Negara
  - (ii) Peranan Pegawai-pejawai lebih ketara
8. Dasar Ekonomi Baru. 1971-1990
- Apa matlamatnya dan apa yang telah dapat dihasilkan
9. Dasar Ekonomi untuk Pembangunan Negara selepas 1990

### **Biografi**

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub, 74 tahun dilahirkan di Sitiawan Perak, di mana beliau mendapat pendidikan awalnya. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di Raffles College (yang kemudiannya menjadi sebahagian daripada Universiti Malaya, Singapura) sebagai ‘Queen Scholar’ dan mendapat ijazah kepujian pada tahun 1953. Pada 1958-1959 beliau melanjutkan pelajaran lepas ijazah dalam bidang Pentadbiran Awam di Cambridge University.

Tan Sri Abdullah mula berkhidmat dalam perkhidmatan ‘Malayan Civil Service (MCS)’ (kemudiannya dikenali sebagai PTD) pada tahun 1954. Beliau telah berkhidmat di pelbagai Kementerian, sebahagian besarnya di Perbendaharaan selama 15 tahun. Beliau menjadi Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam dari 1972-1994; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, 1974-1978 dan Ketua Setiausaha Negara

pada 1979. Beliau bersara daripada perkhidmatan kerajaan pada 1981, dan dilantik sebagai Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam Malaysia sehingga 1991.

Selain jawatan-jawatan tersebut Tan Sri Abdullah juga pernah menjadi Pengerusi Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP/EPF); Pengerusi Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. ; dan Pengarah kepada beberapa badan dan syarikat kerajaan seperti Perbadanan Nasional Berhad, Malaysia National Insurance Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi beberapa buah negeri. Beliau masih lagi Pengarah Perbadanan Johor.

Tan Sri Abdullah memang terkenal dalam bidang koperasi dan kini masih lagi sebagai Pengerusi 'Malay Officers Cooperative Credit and Investment Society (MOCCIS) dan pengarah beberapa syarikat yang dimiliki oleh koperasi ini. Kegiatan beliau dalam bidang sosial termasuklah sebagai Presiden Persatuan Pesara-Pesara Malaysia (Pensioners Association of Malaysia), pengarah Lembaga Bersekutu Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Islam Malaysia dan Pengerusi Yayasan Neurosurgikal (Neurosurgical Foundation). Tan Sri Abdullah juga adalah Pro-Canselor Universiti Teknologi Malaysia. Johor Bahru. Beliau mendapat anugerah Doktor Kehormat Undang-undang daripada Universiti Malaya.

#### **Pengalaman Dan Kejayaan Bekerja Di Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Mengambilalih Tanggungjawab Peperiksaan Dari Cambridge Untuk Dikendalikan Di Malaysia**

*Y. Bhg. Dato' Hj. Omar Mohd Hashim*

Kertas ini cuba mengesahkan pengalaman penulis semasa bertugas di Kementerian Pendidikan selama 30 tahun dalam usaha mengisi kemerdekaan menerusi perlaksanaan dasar-dasar baru pendidikan yang digubal oleh rakyat sendiri khasnya sebagaimana yang termaktub dalam Laporan Penyata Razak 1956 dan juga Laporan Abdul Rahman Talib 1961.

2. Pengalaman bertugas di zaman awalan di Kementerian Pendidikan amatlah mencabar, serba kekurangan, tetapi penuh kepuasan hati. Beliau memberi perincian khas kepada kerja-kerja dan pencapaian sebuah badan terpenting di bawah Kementerian Pendidikan iaitu Lembaga Peperiksaan yang pernah beliau berkhidmat selama 15 tahun, mengariskan tugas-tugas unique peranan khas badan itu yang boleh jadi tidak diketahui umum khasnya dalam soal melaksanakan dasar Bahasa Kebangsaan dan Kurikulum. Pencapaian Lembaga Peperiksaan mengambil alih pengendalian Peperiksaan SPM/MCE/HSC dan memindahkan markas pengendalian peperiksaan dari Cambridge ke Kuala Lumpur merupakan satu kejayaan yang amat strategik dan penting dan yang mempunyai impak yang besar pada sistem pendidikan negara khasnya persekolahan pengantar Bahasa Melayu. Dari segi implikasi dan akibatnya ia dapat dianggap satu achievement yang terpenting dan terbesar pernah dicapai di zaman Malaysia Merdeka.
3. Ia merupakan satu peristiwa penting sejarah dan melambangkan kemajuan profesionalism anak negeri memikul tanggungjawab penting mengendalikan urusannya sendiri seiring dan sama pentingnya dengan perjuangan mengambil alih tanggungjawab memerintah negara iaitu kemerdekaan. Kebebasan mengendalikan urusan sendiri ini memungkinkan kita mencorak dan mengemudikan arah tujuan pendidikan kebangsaan dan membentuk acuan kita sendiri tanpa terikat dan dibelenggu sistem penjajahan lebih-lebih lagi dalam perkembangan kurikulum.
4. Beberapa iktibar daripada pengalaman dan penghayatan serta perancangan projek dan kerja di zaman awalan dapat dirumuskan.
5. Pertamanya, kerja-kerja pengisian dan penghayatan kemerdekaan oleh pegawai-pegawai pendidikan yang merupakan angkatan pelopor adalah amat mencabar penuh kompleks dan serba kekurangan tetapi dia memberi banyak kepuasan hati kerana ia dijalankan dengan dedikasi yang dijanakan perasaan nationalism khasnya dalam usaha membela nasib dan maruah negara dan "agenda Melayu".

6. Kedua projek pengambilalihan tanggungjawab peperiksaan Cambridge oleh Lembaga Peperiksaan adalah satu projek yang dirancang selama 16 tahun dengan teliti dan cermat serta komprehensif dan bukan dibuat secara tergesa-gesa atau ad-hoc.
7. Ketiganya ia didasarkan atas pendekatan yang konservatif dan berhemat, mengkaji kekuatan dan kelemahan infrastruktur dan tenaga mahir kita, melatih kepakaran kepegawaian yang begitu ramai diperlukan untuk menentukan mutu pelajaran tidak terjejas dan terus diakui dunia. Di samping itu ia wajib mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap mutu serta keutuhan sistem peperiksaan nasional yang dibangunkan.

### Biografi

Dato' Hj. Omar bin Mohd. Hashim berasal daripada Dinding, Pulau Pinang, mendapat BA (Hons) Universiti Malaya Singapura 1960 dan Dip. Ed. Singapore 1961. Mula berkhidmat sebagai guru di Sultan Abd. Hamid College pada 1962, pegawai peperiksaan di Lembaga Peperiksaan (1962-1964), Pengarah MTD Sungai Besi (1969-1972), Pengarah Pelajaran Sabah (1972-1975), dan Johor (1975-1976), Pengarah Lembaga Peperiksaan (1976-1984), Pengarah Perancang dan Penyelidikan Pendidikan (1984-1985), Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (1985-1990), Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam SPR (1990-1992) Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan kini sebagai Pengerusi SPR dari 21.6.1999 sehingga kini.

Beliau juga pernah menjadi penggerusi dan ahli Jawatankuasa dan Lembaga Penasihat persatuan, yayasan-yayasan dan badan-badan kerajaan. Beliau adalah Ahli Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia sejak 1993.

Selain daripada itu, beliau telah menghasilkan bahan-bahan tulisan berbentuk cerpen dan ilmiah khusus tentang pendidikan sejak 1968 dan telah diterbitkan oleh DBP. Terakhir, buku beliau ialah 'Pengisian Misi Pendidikan, Edisi Kedua, 1999.

---

**Ke Arah Pembentukan Bangsa Malaysia: Antara Kesediaan dan Persediaan*****Y. Brs. Prof. Madya Mohamed Mustafa Ishak***

Upaya ke arah pembentukan sebuah 'Bangsa Malaysia' yang bersatu padu dan terintegrasi sepenuhnya sebenarnya telah bermula sejak negara mencapai kemerdekaan 43 tahun yang lalu. Namun, upaya ini telah, sering dan masih berdepan dengan cabaran dari pelbagai dimensi. Justeru, projek pembentukan 'Bangsa' di Malaysia masih merupakan satu agenda nasional yang belum selesai. Kertas kerja ini cuba menyingkap susur-galur perkembangan projek pembentukan 'Bangsa' di negara ini dan kerumitan-kerumitan yang dihadapi dalam merealisasikan hasrat ini. Dengan menggunakan perspektif sosiologi politik, kertas ini menghujahkan bahawa kerumitan dan kekangan-kekangan yang menyelubungi projek pembentukan 'Bangsa' di Malaysia dapat difahami secara lebih luas jika sekiranya fenomena politik etnisiti dan nasionalisme dipecah dan dihuraikan dengan mendalam. Kertas ini juga menghujahkan bahawa wujud kontradiksi 'ideologi-ideologi etnik' di kalangan kelompok-kelompok etnik utama yang secara signifikan mempengaruhi politik pembentukan 'Bangsa' di Malaysia. Selain itu idea 'Bangsa Malaysia' itu sendiri masih lagi kabur pengertiannya, malahan perdebatan umum berhubung dengan konsep ini masih labur pengertiannya, malahan perdebatan umum berhubung dengan konsep ini masih lagi terbuka. Walau pun perubahan-perubahan pesat yang berlaku di Malaysia sejak empat dekad yang lalu telah banyak merubah lanskap sosio-politik dan ekonomi negara, etnisiti masih merupakan faktor yang terkuat yang mempengaruhi dinamisme politik dan projek pembentukan 'Bangsa' di Malaysia.

---

**Antara Hasrat Pengisian Kemerdekaan*****Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Hashim Yaakob***

Kemerdekaan negara yang diperjuang dan dimenangi oleh Kaum Bumiputera secara majoriti, adalah bertujuan untuk kembali menjadi tuan di negara yang dipusakai setelah hak itu dirampas daripada mereka. Untuk memenuhi tujuan ini Kaum

Bumiputera mesti maju dalam semua bidang semasa yang menentukan ketuanan. Hakikatnya pada hari ini, Kaum Bumiputra belum boleh menjadi tuan yang sebenarnya kerana pencapaian yang tidak setanding tingginya dengan bangsa-bangsa lain dalam banyak bidang. Perkara ini terjadi kerana ramai Kaum Bumiputra mempunyai sikap ambil mudah dan kurang usaha dalam menghadapi cabaran, berbanding dengan bangsa lain. Selagi Kaum Bumiputra tidak mengakui sifat ini, dan tidak berusaha untuk menggantikan dengan yang berlawanan, lalu mengubah sikap, maka kemerdekaan yang diperolehi tidak akan membawa hasrat sepenuhnya. Tuan yang sejati tidak dibendung suruhan; kemerdekaan dan kebebasan yang ada jika tidak dimanfaatkan, akan hilang.

### **Biografi**

Dr. Hashim Yaacob berasal dari Tanah Merah, Kelantan. Mendapat ijazah BDS dari Universiti Otago, New Zealand, ijazah MSc. dari Universiti London, Kelayakan Kepakaran FDSRCPS Glasg. dari The Royal College of Surgeons of Glasgow, Scotland dan Chartered Biologist dari Institut of Biology, United Kingdom. Beliau juga merupakan Fellow of The Royal College of Surgeons of England (FDSRCS Eng.), Fellow of The Academy of Science of Malaysia (FASc.) dan Foundation Fellow of The Royal College of Australasia (FFOP RCPA). Kini beliau merupakan Profesor (Patologi Mulut dan Perubatan Mulut) dan Dekan, Fakulti Pergigian Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau juga bergiat aktif dalam bidang kebudayaan dan sering membuat persembahan bersama Kumpulan Osman Hulubalang.

### **Pengisian Dan Penghayatan Kemerdekaan Cabaran Dan Harapan Masa Depan, Jati Diri: Analisis Meta, Cabaran Dan Peluang**

*Y. Brs. Dr. Idris Mohd Noor*

Jati diri merangkumi aspek-aspek semula jadi individu yang kekal dan berterusan. Ianya juga boleh dikaitkan dengan satu bentuk kesahaman dan perasaan terhadap siapa diri kita. Jati diri boleh dikelaskan kepada dua sifat iaitu individualistik dan

kolektif. Jati diri terbina hasil daripada kewujudan elemen-elemen persekitaran dan biologi yang ada pada manusia. Faktor-faktor seperti keturunan biologi, sejarah bangsa, peringkat umur, kependudukan sesebuah negara, jantina, tahap sosi-ekonomi, nilai-nilai amalan masyarakat, bahasa, tahap pendidikan dan prasarana memberi kesan kepada jati diri individu atau kelompok masyarakat. Pertembungan dua atau lebih budaya sering menimbulkan konflik, kekeliruan jati diri atau dilema kepada belia dan remaja. Dalam membincangkan isu yang masih dibincangkan dan dikaji, kertas kerja ini telah mengupas secara ringkas dan komprehensif hal-hal berkaitan tafsiran, teori-teori, analisis kajian dan penyelidikan terdahulu, komponen dan cabaran jati diri. Penulisan kertas kerja ini lebih menampakkan universalnya tetapi ia sekadar memberi kefahaman teoritikal kepada pembaca. Jati diri dalam negara ini adalah lebih dibicarakan dalam suasana perbincangan sewaktu pembentangan di seminar.

### **Biografi**

Dr. Idris bin Mohd Noor berasal dari mendapat Sarjana Muda Sastera dan Pendidikan daripada Universiti Sains Malaysia, Master of Education daripada Universiti of Birmingham, England dan mendapat PhD daripada The University of Manchester England.

Memulakan karier sebagai guru 1984-1986 dan pada 1992 menjadi pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia hingga tahun 2000 dan kini bertugas sebagai Pengarah Bahagian Penyelidikan Biro Tatanegara Jabatan Perdana Menteri.

Beliau juga pernah membuat penyelidikan-penyelidikan untuk universiti dan telah menghasilkan siri-siri kertas kerja dalam bentuk buku dan jurnal.

---

**Kemerdekaan, Peranan Generasi Anak Merdeka Dan Pembinaan Bangsa**

***Y. Brs. Encik Saifuddin Abdullah***

Apabila arahan dikeluarkan supaya Bahasa Melayu segera dipergunakan sepenuhnya di mahkamah-mahkamah rendah dan seberapa dapat di mahkamah tinggi dan mahkamah rayuan, maka segala surat-surat acara mahkamah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu dan sekali gus bahasa terjemahan ini digunakan dalam penyanggahan dan hujah termasuk perintah serta penghakiman. Keadaan bahasa terjemahan ini sungguhpun menggunakan perkataan-perkataan Melayu tetapi susunan bahasa methodologynya serta filsafahnya jauh terpesong dari Bahasa Melayu "basic". Ini berlaku kerana salah anggapan bahawa susunan kalimat bahasa Inggeris dapat digunakan pada dalam Bahasa Melayu. Jika sikap dan amalan ini tidak dijaga maka rosaklah Bahasa Melayu sejati buat selama-lamanya.

Untuk membendung Bahasa Melayu "basic" sikap para peguam yang mula beramat di mahkamah harus diberi kesedaran sebagaimana yang dibuat di England and Wales di mana para pelajar digalakkkan mengambil perhatian berat pada mata pelajaran Sejarah dan Kesusasteraan dan ini sekali gus melatih diri supaya senantiasa sedar akan peristiwa-peristiwa silam dan bagaimana masyarakat maju dari peristiwa-peristiwa sejarah itu untuk mencapai kemajuan yang dinikmati dewasa ini sambil memupuk kecenderungan dalam bidang kesusasteraan, pelajar itu juga akan memperkuuhkan daya dan jalan bahasa yang kita kenal selama ini dan sekaligus mengikis keinggerisan yang sudah mula berakar umbi. Hanya dengan demikian dapat kita kekalkan Bahasa Melayu yang sebenarnya.

### Biografi

Saifuddin Abdullah ialah Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara II (MAPEN II), Pengarah Yayasan Belia Malaysia, Pemegang Amanah Yayasan Salam, Ahli Majlis Anti-Dadah PEMADAM Kebangsaan, Ahli Majlis Aids Malaysia dan Presiden Kelab Sukan Bermotor MBM-Zaifa.

Beliau pernah menjadi Jurucakap Jawatankuasa NGO Bertindak Mempertahankan Kedaulatan Ekonomi Negara (TINDAKAN), Setiausaha Barisan Bertindak Bosnia,

Setiausaha Tabung Kosovo, Perunding untuk Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Asia-Pasifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Setiausaha Agung MBM yang paling lama berkhidmat dan aktivis sejak di sekolah menengah serta jurulatih bola keranjang. Beliau berucap mewakili NGO Asia-Pasifik di Persidangan Sedunia Menteri-Menteri Belia Pertama anjuran PBB di Lisbon pada 1998 dan perwakilan ke Sesi Pertama Forum Belia Sedunia PBB di Vienna pada 1991.

Beliau Perunding Perniagaan dan pernah berkhidmat dengan Sismatech Sdn. Bhd., Pengurus Besar Akademi Penulis, Pengurus Kanan (Hal Ehwal Korporat) Universiti Islam Antarabangsa, guru dan editor.

Beliau menuntut di Kolej Melayu Kuala Kangsar dan mendapat Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya, Diploma Terjemahan dari Persatuan Penterjemah Malaysia-Dewan Bahasa dan Pustaka serta mengikuti kursus *Non-profit Management* di Harvard Business School.

Telah menerbitkan dua buah buku dan sebuah monograf mengenai belia, menghasilkan banyak kertas kerja dan rencana, menukilkannya pada momen-momen peribadi dan pernah menulis/mengarah serta penasihat teater.

---

**RABU 13 SEPTEMBER 2000**  
**SESI 6 – CABARAN DAN HARAPAN MASA DEPAN**

**Cabar Dan Masa Depan Sistem Pendidikan Negara**  
***Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Anuwar Ali***

Sistem pendidikan yang telah diwujudkan di Malaysia sehingga kini pada keseluruhannya telah membantu mengeluarkan tenaga manusia yang dikehendaki mengikut pertumbuhan ekonomi negara. Kemakmuran ekonomi, kemajuan prasarana untuk rakyat, sistem pengangkutan, keharmonian rakyat pelbagai kaum dan beberapa

aspek lain tidak akan dapat dinikmati sekiranya sistem pendidikan tidak teratur. Dari sistem persekolahan hingga ke peringkat pendidikan tinggi, negara telah melalui pelbagai perubahan yang secara amnya dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Sungguhpun demikian, terdapat juga beberapa kekangan dan kelemahan yang dikaitkan dengan sistem pendidikan negara ini. Maka, tanggungjawab menyelidiki punca dan akibat kelemahan yang timbul itu terletak di bahu semua yang terlibat dalam menguruskan pendidikan negara. Kita juga sedia maklum bahawa pendidikan juga meliputi pembentukan diri atau insan yang bertanggungjawab. Oleh itu pendidikan merupakan proses yang lebih penting daripada keperluan menambah tenaga manusia atau menjana pendapatan negara.

Terdapat banyak faktor yang menentukan halatuju pendidikan negara. Keperluan orientasi pembangunan negara berdasarkan Wawasan 2020 mempengaruhi sistem pendidikan yang sedia ada. Demikian juga keperluan atau pengaruh ICT dan globalisasi yang sedang melanda dunia turut mencorakkan bentuk sistem pendidikan. Selain itu keperluan meningkatkan kualiti dan produktiviti untuk pembangunan negara juga mempengaruhi bentuk sistem yang ingin diwujudkan.

Sistem pendidikan juga berhadapan dengan beberapa cabaran di tahap persekolahan termasuk pertambahan mendadak jumlah murid berbanding pembangunan prasarana sekolah dan pembangunan latihan untuk guru secara profesional. Negara juga tercabar dengan keperluan melahirkan pelajar yang mampu berfikir, berdikari dan mampu membuat keputusan di semua peringkat. Sistem pendidikan juga mesti mengalami reformasi atau perubahan agar mewujudkan pendekatan baru dalam sistem pengajaran dan pembelajaran, dan penggunaan sumber dan peralatan baru serta keperluan celik komputer. Persoalan mengenai imej guru juga tidak setimpal berbanding dengan harapan masyarakat terhadap mereka.

Di peringkat pendidikan tinggi, beberapa persoalan perlu diberi fokus terutamanya pendemokrasian pendidikan; peranan kolej swasta; agihan di antara sains dan sains sosial serta peranan penyelidikan di universiti ke arah pembangunan negara. Tidak

ketinggalan prestasi dan kecemerlangan akademik pelajar Bumiputera perlu juga diberi perhatian yang serius.

### **Biografi**

Prof. Datuk Dr. Anuwar Ali kini adalah Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia sejak 1 Mei 1998. Beliau memperolehi ijazah pertamanya dalam bidang ekonomi, B.Sc. (Econs.) daripada Queen's University of Belfast, New Ireland (1970); Ijazah Sarjana, M.A. (Econs.) daripada University of Leicester, United Kingdom (1975), dan Doktor Falsafah (Ph.D.) daripada University of Kent, Canterbury, United Kingdom (1982).

Prof. Datuk Dr. Anuwar Ali memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan dan Industri, Malaysia (Julai – September 1973). Mulai September 1976-September 1975 beliau bertugas sebagai Pengajar di Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan Malaysia. Di antara April 1993 hingga Mac 1994 beliau ialah Dekan Fakulti Ekonomi Universiti Kebangsaan; sebelum itu memegang pelbagai jawatan pentadbiran. Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia mulai April 1994 hingga September 1995. Pada Oktober 1995 beliau adalah Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi di Kementerian Pendidikan Malaysia sehingga April 1998 sebelum memegang jawatannya sekarang. Semenjak Mei 1999 beliau adalah Ahli Suruhanjaya Sekuriti. Beliau juga merupakan konsultan kepada beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, dan juga beberapa pertubuhan antarabangsa seperti UNIDO, ILO, UNDP, Bank Dunia dan ESCAP.

---

## **Cabaran Dan Harapan Masa Depan Sektor Perikanan Di Malaysia**

**Y. Bhg. Datuk Dr. Mohamad Raduan bin Mohd Ariff**

### **Biografi**

Datuk Dr. Mohamad Raduan bin Mohd Ariff berasal daripada Tapah, Perak. Mendapat BA daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 1978 dan MA daripada Universiti Malaya pada 1982 dan PhD daripada Universiti Malaya pada 1993.

Memulakan kerier sebagai tutor di Universiti Malaya pada 1978, menjadi Pegawai Penyelidik LKIM pada 1982-1983, Pensyarah 1983, Prof. Madya 1992 dan Profesor Universiti Malaya dari 2000 hingga kini.

Dalam kerjaya sebagai tokoh pendidikan, beliau banyak menghasilkan tulisan berbentuk rencana, buku, jurnal, ensiklopedia dan tulisan-tulisan dalam akhbar-akhbar tempatan.

---

## **Pembangunan Ekonomi dan Sektor Kewangan-Antara Cabaran dan Harapan**

**Y. Brs. Dr. Sulaiman bin Mahbob**

### **Biografi**

Dr. Sulaiman memasuki perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1971. Sekarang beliau sedang bertugas sebagai Ketua Urusetia, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan juga sebagai Pegawai Khas kepada Y.B. Menteri Tugas-Tugas Khas.

Beliau pernah juga bertugas di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri antara 1972 hingga tahun 1982 dan di Perbadanan Persekutuan antara 1986 hingga 1994. Dr. Sulaiman pernah juga

berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) antara 1994 dan 1997 dan juga sebagai Timbalan Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pengalaman beliau meliputi penggubalan dasar-dasar ekonomi, fiskal dan pembangunan negara serta perdagangan antarabangsa dalam sektor perkhidmatan. Semasa di MIER beliau mengetuai kumpulan mengkaji Pelan Induk Industri Kedua dan kajian Cukai Nilai tambah (VAT) dan peranan Perbadanan Ekonomi Negeri.

Dr. Sulaiman memiliki ijazah B.Ec. (Hons) dari Universiti Malaya, M.Sc. (London) dan Ph.D dari Syracuse University, New York.

Beliau juga aktif dalam bidang pendidikan dan persatuan dengan memberi sumbangan sebagai Profesor Adjung di UUM, Naib Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia dan ahli Exco Persatuan Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Dr. Sulaiman sering kali juga menyumbang makalah-malakah kepada akhbar-akhbar tempatan.

---

#### **Pengisian, Pencapaian Dan Cabaran Serta Harapan Masa Depan Pembangunan Ekonomi Negara**

*Y. Bhg. Dato' Zainul Ariff bin Hussein*

#### **Biografi**

Datuk Dr. Hj. Zainul Arif Hj. Hussein berasal dari Seang Teik Road, Pulau Pinang mendapat BA (Hons) dan Dip. Universiti Malaya, MBA daripada University of Ohio, United States of America, PhD (Public Policy) University of Southern California, Los Angeles, United States of America, Certificate in Management Services (Excellent Grade), Royal Institute of Public Administration RIPA United Kingdom dan Sijil Program Pembangunan Eksekutif EDP Rep. Korea.

Sangat aktif dalam kesatuan-kesatuan pelajar iaitu Setiausaha Persatuan Pelajar Melayu Pulau Pinang, Setiausaha Agung dan Naib Presiden GPMS, Presiden Persatuan Pelajar Malaysia University of Ohio, United States of America dan Presiden Pelajar Malaysia University of Southern California, Los Angeles, United States of America.

Dalam perkhidmatan kerajaan beliau mula berkhidmat dengan Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama pada 2.5.1969 sebagai Pelatih Tadbir Sementara, Penolong Setiausaha Kerajaan dalam Pentadbiran Negeri Selangor, Pensyarah Dewan Latihan pegawai-pegawai kerajaan, pensyarah hingga ke Timbalan Pengarah dan Ketua Pusat Intan (1973-1980), Setiausaha Bahagian Pendidikan tinggai Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Timbalan KSU Jabatan Perdana Menteri dan KSU Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kini beliau adalah Ketua Pengarah Unit Penyelaras dan Perlaksanaan Jabatan Perdana Menteri.

Beliau juga aktif berkhidmat sebagai ahli majlis IPT, yayasan-yayasan pendidikan dan ahli lembaga pengarah beberapa badan berkanun seperti PETRONAS, MISC, ISIS, YPEIM, Mhf dan tabung kebajikan kumpulan Maybank.

Beliau juga menyumbang tenaga sebagai penceramah serta pembentang kertas kerja untuk isu-isu pentadbiran dan sosial dalam dan luar negara dan telah menghasilkan lebih 30 puluh tulisan ilmiah sejak 1977.

### **Globalisasi Dan Negara-Bangsa: Ketahanan Bangsa, Keselamatan Nasional Dan Kelangsungan Negara**

*Y. Brs. Prof. Madya Mohamed Abu Bakar*

Tulisan ini bercadang memperihalkan kesan-akibat globalisasi semasa ke atas negara-bangsa, sama ada sebagai pelakon antarabangsa atau sebagai custodian warisan sejarah, tradisi budaya dan sistem nilai kebangsaan. Ternyata bukan sedikit di

kalangan negara di dunia hari ini yang terdedaj kepada persejagatan barat telah menerima padah buruk lanjutan dari perkembangan tersebut. Dari segi yang lain, pembentangan ini juga bermaksud mengetengahkan ruang dan peluang yang masih ada pada sesebuah negara seperti Malaysia untuk mengukuhkan ketahanan nasionalnya bagi membolehnya mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatannya. Satu senario masa kini dan masa depan tentang keupayaan dan potensi Malaysia turut dipaparkan bagi renungan bersama.

### **Biografi**

Prof. Madya Mohamad Abu Bakar ialah Ketua, Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategi dan bekas Timbalan Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Pengerusi Jawatankusa Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Mendapat pendidikan di Universiti Malaya, Universiti Lancaster dan Universiti London serta latihan dari Institut Pentadbiran Awam, Maastricht, Negeri Belanda.

Pernah menjadi Sarjana Pelawat Fulbright di Universiti Washington, Amerika Syarikat dan Profesor Pelawat di Universiti Nasional La Plata, Argentina dan Pensyarah Undangan di INTAN, Maktab Turus Angkatan Tentera dan Maktab Pertahanan Malaysia semenjak 20 tahun yang lalu.

Pengarah/penyunting beberapa buah buku termasuk Penghayatan Sebuah Idea, Satu Tafsiran Tentang Islam Semasa dan Ulama Terengganu dan penulis lebih dari 100 buah kertas kerja berhubung pergerakan pelajar, politik Melayu, pergerakan Islam, dasar luar Malaysia dan globalisasi semasa. Antara sumbangan terbaru ialah "Islam, Civil Society and Ethnic Relations in Malaysia" (kertas kerja, Tokyo), "Contemporary Islam and the Challenges of Continuity in Malaysia" (kertas kerja, Bangkok) dan "Koservatism, Kafir Mengkafir dan Konflik Politik Kepartian Melayu" (PEMIKIR, Julai-September 2000).

---

## **Sikap Dan Jangkaan Remaja Terhadap Wawasan 2020**

*Y. Brs. Prof. Madya Mohd Foad Sakdan*

Wawasan 2020 merupakan satu agenda utama negara yang dibentuk bagi merencanakan negara ke arah negara maju dengan acuannya tersendiri. Sebagai satu gagasan yang ulung, maka tinjauan sikap dan jangkaan masyarakat terhadap wawasan ini dianggap signifikan sebagai asas menilai kesediaan masyarakat menyahut kesembilan-sembilan cabaran yang diutarakan oleh wawasan ini. Seramai 1218 orang daripada pelbagai kategori remaja telah dijadikan sampel. Hasil kajian ini umumnya boleh dibahagikan kepada tiga. Pertama remaja secara umumnya tanpa mengira bangsa, pendapatannya mahupun pendidikan menerima wawasan ini sebagai satu agenda yang perlu dihayati dan diyakini akan matlamatnya. Kedua remaja juga dengan jelas mempunyai sikap dan jangkaan yang cabaran-cabaran dalam wawasan 2020 ini mampu dicapai. Ketiga adalah mengenai penilaian halangan serta kekuatan yang dimiliki oleh negara dalam usaha mencapai wawasan. Dalam hal ini kebanyakan responden melihat politik pelbagai parti (politik perkauman) yang ada sekarang dan pengagihankekayaan sebagai elemen kelemahan utama yang mungkin menjadi penghalang kepada tercapainya cita-cita wawasan 2020.

### **Biografi**

Mohd. Foad Sakdan telah dilahirkan di Muar, Johor dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Tinggi Muar. Beliau kemudiannya telah melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjananya di Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia. Mula berkhidmat di Universiti Utara Malaysia pada tahun 1991.

Mohd. Foad Sakdan telah menghasilkan 16 penyelidikan. Antara penyelidikan peringkat negeri Kedah yang dihasilkan oleh beliau ialah "Pembangunan Langkawi: Satu Tinjauan Mengenal Sikap Masyarakat Melayu Setempat" (1995-1996), "Kajian Pembangunan Politik Negeri Kedah Darul Aman" (1995-1996), "Penyertaan Wanita Melayu Luar Bandar Dalam Aktiviti Ekonomi Sebagai Usaha Meningkatkan Kualiti Hidup – Kajian Kes Di Baling" (1996), "Penyertaan Masyarakat Dalam Pilihanraya

Umum di Kedah: Kajian Kes Pilihanraya Ke Sembilan" (1995-1996), "Kajian Psiko-sosial Remaja Negeri Kedah" (1996-1997) dan "Impak Pembinaan Lebuhraya Kuala Perlis-Changloon Ke Atas Masyarakat Setempat" (1996-1997). Selain daripada itu beliau juga pernah dilantik sebagai Perunding dengan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dalam mengkaji impak dan penilaian program pembangunan KEDA secara menyeluruh pada tahun 1996.

Beliau juga telah membentangkan 23 kertaskerja di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Di peringkat antarabangsa adalah seperti di The Fourth ASEAN Inter-University Seminar On Social Development dan Afro-Asian Psychological Congress.

Di samping itu beliau telah menerbitkan buku pengetahuan Asas Politik Malaysia (Dewan Bahasa dan Pustaka) yang banyak memberikan manfaat kepada para pembaca.

### **Budaya Politik Melayu: Satu Tinjauan Terhadap Perubahan Politik Pengisian Kemerdekaan**

*Y. Bhg. Kol. Prof. Dato' Dr. Ahmad Fawzi*

Kertas ini cuba melihat perubahan politik yang berlaku selepas merdeka dengan tumpuan khusus kepada orang Melayu. Dalam pada itu akan wujud imbasan perkembangan politik sebelum merdeka sebagai perbandingan dan indikator kepada perubahan politik itu. Kejayaan UMNO menumbangkan Malayan Union tahun 1946 adalah satu manifestasi dari perpaduan orang Melayu buat pertama kali dalam sejarah. Namun kerana isu bendera PKMM meninggalkan UMNO, dalam tahun 1951 pula persidangan ulama seluruh Semenanjung akhirnya mewujudkan PAS. Krisis kepimpinan UMNO pula menyebabkan Dato' Onn bersama pengikut menarik diri dari UMNO dan melahirkan IMP sebuah parti pelbagai kaum dalam tahun 1952 dan menjadi Parti Negara menjelang pilihanraya 1955. Kemerdekaan Tanah Melayu dengan kontrak sosial 4 + 1 menjadi indikator kepada suhu politik negara ini. UMNO dan PAS menjadi alat politik kekuasaan orang Melayu, dari isu siapa lebih Melayu,

berubah kepada siapa lebih suci dan kini siapa lebih zalim, tidak adil dan tidak benar. Pilihanraya sejak tahun 1955 memperlihatkan perubahan-perubahan orientasi politik orang Melayu. Orientasi yang cuba dilihat uji ialah orientasi terhadap rejim, orientasi terhadap diri sendiri dalam melihat objek politik, dan orientasi diri melihat orang lain dalam sistem politik. UMNO yang menjadi teras politik Barisan Nasional yang mengutamakan pembangunan berdepan dengan krisis dalaman yang mengugat kekuatan parti. Kertas ini juga akan melihat persoalan kepemimpinan politik dan menganalisis keputusan pilihanraya umum 1999. Terang dan kelamnya konsep serta penghayatan nasionalisme Melayu turut juga disorot. Akhir sekali kertas ini juga cuba melihat kemungkinan dan kebarangkalian perubahan budaya politik pada masa akan datang.

### Biografi

Kol. Prof. Dato' Dr. Ahmad Fawzi Mohd Basri berasal dari Perak. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Belanja Kiri, Parit, Sekolah Menengah Iskandar Shah Parit, Sekolah Menengah Aminuddin Bakri, dan Sekolah Menengah Dato' Sri Amar Diraja Muar, Johor. Beliau mendapat ijazah B.A.Hons. dan M.A. dalam bidang sejarah dari Universiti Malaya, manakala ijazah Ph.D. dalam bidang politik diperolehi dari University of Hull, United Kingdom. Dalam bidang kerjaya pula, dalam tahun 1972 beliau menjadi tutor di jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kemudian menyertai bidang pentadbiran sebagai pegawai di jabatan Hal Ehwal Pelajar UKM berakhir dengan jawatan Pengarah Perumahan dan Perkhidmatan Pelajar UKM, beliau pernah juga menjadi Ketua Penolong Pendaftar Sumber Manusia di UKM. Mulai Jun 1984 beliau menyertai UUM sebagai pensyarah kenegaraan dan dilantik menjadi Sekan Sekolah Pengajian Asasi UUM yang pertama (1984-1989), sekembalinya dari United Kingdom dilantik pula sebagai Dekan Sekolah Pembangunan Sosial yang pertama sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UUM dalam tahun 1997. Dalam bidang khidmat masyarakat dan NGO, beliau menyertai kepemimpinan GPMS dalam tahun 1969 dari seorang exco GPMS akhirnya beliau dilantik menjadi Presiden GPMS (1974-1976), dalam Majlis Belia Malaysia (MBM) beliau pernah menjadi Naib Preseiden bagi tahun 1975/76 dan

1982/84. Beliau juga aktif dalam Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) iaitu bermula sebagai anggota sidang redaksi jurnal PSM "Malaysia In History", kemudian menjadi ahli jawatankuasa kerja dan akhirnya dilantik sebagai Setiausaha Kehormat PSM (1982/84). Selain itu beliau juga aktif dalam pergerakan patriotisme melalui keterlibatannya dalam Regimen Askar Wataniah (AW) Malaysia sejak tahun 1974 sebagai rekrut, pegawai tidak bertauliah dan ditauliahkan ke pangkat Leftenen dalam tahun 1979. Beliau juga mempelopori penubuhan PALAPES di UKM dan dilantik sebagai Ketua Cawangan Latih (OC Trg Wing). Mulai tahun 1984 beliau berpindah ke UUM dan menubuhkan PALAPES UUM serta diberi tugas Timbalan Komandan berpangkat Mejari dan kemudiannya ke pangkat Leftenen Kolonel. Dalam tahun 1997 beliau dinaikkan ke pangkat Kolonel ditugaskan sebagai Komander Regimen 509 (AW) berpengkalan di Pulau Pinang dan kini beliau menjadi Komander Regimen 513 (AW) yang bermarkas di Sungai Petani. Beliau menulis 23 buah buku yang kebanyakannya buku sejarah, pernah menjadi kolumnis politik bagi majalah Dewan Masyarakat, di samping menghasilkan rencana sejarah, politik dan ketenteraan serta buku teks sejarah untuk sekolah rendah dan menengah.

---

#### **Peranan Teknologi Maklumat**

***Y. Brs. Dr. Mokhtar bin Yusof***

#### **Biografi**

Mokhtar Mohd Yusof menerima ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sistem informasi daripada University of Salford, United Kingdom pada tahun 1996. Beliau juga memperolehi ijazah Sarjana Sains (M.Sc) dalam bidang sains komputer daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) dalam bidang ekonomi gunaan daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dr. Mokhtar kini adalah Pengurus Projek IT bagi Unit Pemantauan Sistem Pelaksanaan Projek dan Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri. Beliau juga merupakan seorang Pensyarah (Adjunct Lecturer) di Universiti Putra Malaysia. Beliau telah berkhidmat di beberapa agensi kerajaan termasuk Pengurus IT bagi Perbendaharaan Malaysia (1996-1999),

Pengarah Projek IT bagi Jabatan Pendaftaran Negara (1982-1992), Juruanalisa Sistem di Lembaga Peperiksaan (1978-1982) dan Pegawai Projek di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (1976-1978).

---

### **Peranan Teknologi Maklumat**

***Y.M. Dr. Raja Malik bin Raja Mohamed***

Dr. Raja Malik bin Raja Mohamed di lahirkan pada 23 Mei 1949. Beliau memasuki Universiti Malaya dan berjaya menamatkan pengajian pada tahun 1972 bersama segulung Ijazah dalam bidang Ekonomi (B.Econs.). Seterusnya memasuki Institut Teknologi Mara pada tahun 1975 untuk mendapatkan Diploma dalam Sistem Analisis. Beliau meneruskan pengajian peringkat Sarjana di Aston University, United Kingdom dan pada tahun 1981 berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana dalam Sistem Analisis (M.Sc.). Akhirnya sekali lagi Dr. Raja Malik menyambung pelajaran di Universiti yang sama untuk kursus peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Pengurusan Maklumat pada tahun 1990.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir di Kementerian Kesihatan pada tahun 1972 dan Penolong Pegawai Daerah di Tampin dan Rembau tahun 1974. Memegang jawatan sebagai Juruanalisa Sistem di Bahagian Peperiksaan, Kementerian Pendidikan dari tahun 1975-1979. Beliau turut memegang beberapa jawatan di Jabatan Perdana Menteri termasuk Timbalan Pengarah, Ketua Eksekutif Maklumat dan Unit Pengurusan Maklumat. Menjadi Pengurus Pusat Komputer di Kementerian Pendidikan dari tahun 1990-1991 dan Pengurus Am Bahagian Perkhidmatan Komputer dari tahun 1991-1994. Sekarang ini, beliau memegang jawatan Pengarah 'INTAN's Management Technology Center (IMATEC)'. Sebelum itu bertugas sebagai Timbalan Pengarah, Bahagian IT dan Ketua Pusat Latihan Komputer Nasional, INTAN.

Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang akademik, Dr. Raja Malik banyak menulis dan menerbitkan artikel dan kertas kerja mengenai sistem analis, komunikasi,

teknologi maklumat, Perkhidmatan Awam, program latihan, ekonomi, Kerajaan Elektronik dan sebagainya. Beliau juga banyak menyampaikan ceramah, persembahan dan syarahan mengenai kerjasama pelaksanaan projek IT, perancangan dalam perkhidmatan komputer, pengurusan sains, permasalahan dalam pelaksanaan teknologi dalam perkhidmatan awam, pembangunan IT dalam sektor awam, profesionalisme Pegawai Sistem Maklumat dan lain-lain lagi.

Beliau juga banyak menyampaikan ceramah-ceramah mengenai ekonomi, pengurusan maklumat, sains dan penyelidikan. Di samping turut menjadi konsultan di banyak tempat. Antaranya di Jabatan Perdana Menteri, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Negeri Perak, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Sektor Perkhidmatan Awam dan lain-lain lagi.

---

### **Cabarau Dan Harapan Masa Depan Dalam Pelaksanaan Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik**

*Y. Bhg. Dato' Ir Anuar Maarof*

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Elektronik, iaitu salah satu aplikasi perdana di bawah projek Koridor Raya Multimedia. Fokus akan diberi kepada pendekatan dan impak projek-projek Kerajaan Elektronik serta cabaran dan harapan masa depan dalam mencapai visi Kerajaan Elektronik.

Visi aplikasi perdana Kerajaan Elektronik adalah untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan Perkhidmatan Awam ke arah pencapaian kecemerlangan perkhidmatan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Teknologi-teknologi yang terkini akan membolehkan proses-proses kerja dalam di rombak untuk menjadikannya lebih cekap serta mengubah paradigma dalam proses perkhidmatan pelanggan. Perubahan paradigma ini akan turut membawa kesan kepada halacara masyarakat berurusan dengan Perkhidmatan Awam. Ringkasnya, aplikasi perdana Kerajaan Elektronik akan membawa kepada proses *reinventing Government*.

Kerajaan telah mengenal pasti 5 projek perintis Kerajaan Elektronik, iaitu Perkhidmatan Elektronik, Perolehan Elektronik, Persekutuan Pejabat Generik, Sistem Maklumat Sumber Manusia dan Sistem Pemantauan Projek. Dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan Elektronik, pelbagai rintangan dan cabaran dihadapi. Pada peringkat *roll-out* projek ini kepada agensi-agensi Kerajaan dijangkakan lebih banyak cabaran baru yang perlu diatasi. Cabaran-cabaran ini boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu cabaran pengurusan, sumber manusia, teknikal dan luaran.

Cabaran pengurusan merangkumi komitmen dan kepimpinan pengurusan atasan, perancangan pelaksanaan, kos projek dan peruntukan kewangan. Cabaran sumber manusia pula merangkumi keengganahan menerima perubahan, kepakaran *dan trasfer of technology*. Cabaran teknikal merangkumi penyelesaian bertaraf antarabangsa dan kompleksiti Perkhidmatan Awam. Manakala cabaran luaran merangkumi keupayaan konsortium, persaingan luaran serta keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi.

Harapan masa depan Kerajaan Elektronik boleh dilihat dari segi impak projek-projek ke atas Perkhidmatan Awam, khususnya dan impak ke atas ekonomi dan negara, secara amnya. Adalah diharapkan agar pelaksanaan Kerajaan Elektronik akan memberi faedah kepada Perkhidmatan Awam dan orang awam, memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk menyertai pembangunan aplikasi yang bertaraf antarabangsa dan memastikan *vision of a truly Electronoc government* dapat dicapai.

Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik akan menjadi realiti tidak lama lagi dengan *roll-out* projek-projek perintis kepada agensi-agensi Kerajaan. Pelbagai cabaran telah dihadapi. Namun demikian, ia merupakan pengajaran dan pengalaman yang akan menjadi imput kepada perancangan fasa-fasa Kerajaan Elektronik yang seterusnya. Semua pihak yang terlibat mesti berusaha supaya aplikasi perdana Kerajaan Elektronik berjaya dan mencapai objektifnya kerana projek ini mempunyai peranan strategik dalam memperkuatkukuhkan daya saing negara dan pencapaian hasrat untuk menjadi sebuah negara *knowledge economy*.

## Biografi

Dato' Ir. Anuar bin Maarof telah dilantik secara pinjaman sebagai Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat MAMPU pada 3 Ogos 1994. Mulai 3 Ogos 1999 beliau telah dilantik secara pertukaran tetap dan memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah MAMPU untuk Teknologi Maklumat. Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau menjawat jawatan Timbalan Pengerusi Fakulti Sains, Timbalan Dekan Fakulti Sains Komputer, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Timbalan Naib Canselor Pentadbiran Universiti Teknologi Malaysia.

Lulusan Kejuruteraan Komunikasi dari Maktab Teknik, Elektronik dan Elektrik dari University Strathclyde dan Sains Komputer dari California Polytechnic State University, San Luis Obispo, USA.

Beliau banyak menulis perkara-perkara berkaitan dengan perkembangan teknologi maklumat di sektor awam. Pada masa ini, beliau terlibat dengan perkembangan IT di tahap antarabangsa melalui projek UNESCO, ASIA EDIFACT Board, menjadi penyelaras projek *Electronic Government* mewakili MAMPU di dalam Jawatankuasa Pemandu Projek Y2K Negara. Beliau juga menjadi ahli Institut Jurutera Malaysia dan berdaftar sebagai Jurutera Professional dengan Lembaga Jurutera Malaysia.



"Keranamu Malaysia"

# Sentra Penghajatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia

11 - 13 September 2000

Hotel Istana  
Jalan Raja Chulan  
Kuala Lumpur

**Pengalaman dan Pengertian Kemerdekaan**

oleh  
**Tan Sri Samad Idris**

**Sesi 1**



anjuran  
Arkib Negara Malaysia  
&

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan P

**SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA**

**Pengalaman dan Pengertian Kemerdekaan**

oleh  
**Tan Sri Samad Idris**

**Sesi 1**

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
21 DEC 2000

**SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN**  
**PENGALAMAN DAN PENGERTIAN KEMERDEKAAN**  
**Oleh : TAN SRI SAMAD IDRIS**

Secara spontan dalam ucapan penangguhan pada akhir persidangan Majlis Mesyuarat Agung Umno di Istana Iskandariah Kuala Kangsar, Perak tanggal 27, 28 dan 29 Ogos 1950 saya mencadangkan supaya slogan Umno ditukar daripada '*Hidup Melayu*' kepada '**Merdeka**'. Perkataan '**Merdeka**' agak asing kepada orang Melayu ketika itu menyebabkan banyak pihak membuat ejakan terhadap saranan tersebut, tetapi tujuh tahun selepas itu iaitu pada 31 Ogos 1957 seruan saya dalam Majlis Mesyuarat Agung Umno itu menjadi kenyataan.

Sebenarnya dalam persidangan tersebut telah berlaku peristiwa tragis kepada seorang perwakilan dari **Seberkas**, Kedah bernama Encik Ahmad bin Ariff apabila beliau terbunuh dalam serang hendap komunis di Sungai Bakap, Seberang Perai. Persidangan Umno telah melancarkan derma kilat dan berjaya membuat kutipan sebanyak RM310.00 sebagai sumbangan kepada keluarga Allahyarham. Mungkin berdasarkan peristiwa inilah hati saya begitu meluap-luap hingga tercetusnya cadangan mahu menjadikan '**Merdeka**' sebagai slogan Umno yang baru.

Dalam persidangan setengah tahun Majlis Mesyuarat Agung Umno pada 24-25 Mac 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur saranan saya ini telah dijadikan usul oleh Pemuda Umno yang dikemukakan melalui wakilnya Encik Gharieb Rauf. '**Merdeka**' telah diterima sebagai slogan Umno dengan 34 undi menyokong, 23 undi menentang dan 2 undi berkecuali. Bermula dari sinilah gema '**Merdeka**' mula kedengaran setiap kali dilaungkan ketika berhimpun atau berceramah di seluruh pelusuk tanah air.

Ilham perjuangan kemerdekaan sudah mula subur dijiwa bangsa Melayu sejak sebelum kedatangan Jepun lagi. Ketika ini Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI – sekarang UPSI) di Tanjung Malim, Perak yang menjadi tumpuan pejuang-pejuang kebangsaan Indonesia apabila berlindung daripada ditangkap Belanda seperti

Djamaluddin Tamin, Subakat, Tan Melaka, Alimin, Musso, Nata Zainuddin, Darsono, Buhan Djamin, Semaun, Sutan Djenain, Muchtar Lufi, malah ramai lagi.

Sebelumnya mereka mendapat perlindungan di sekolah pondok di Jenderam, Kajang yang diasaskan oleh penduduk-penduduk tempatan dalam tahun 1915. Sekolah pondok di Jenderam ini menyebarkan semangat nasionalisma apabila tenaga pengajarnya menjemput beberapa tokoh Kaum Muda golongan bekas pelajar Timur Tengah memberikan ceramah, di antaranya termasuklah Sheikh Tahir Jalaluddin al-Falaki, Sheikh Muhammad Salim al-Kalali dan Syed Muhammad ibnu Akil. Pejuang-pejuang kemerdekaan Indonesia ini juga dijemput menyampaikan ceramah mereka, disebabkan penduduk-penduduk di Jenderam ini merupakan keturunan Minangkabau dari Indonesia.

Tanah Melayu juga merupakan medan bagi pejuang-pejuang kemerdekaan negara lain meneruskan perjuangan mereka seperti dilakukan oleh Dr. Sun Yat Sen dari China. Dia pernah menetap di Tanah Melayu malah mengumpulkan dana bagi membantu perjuangan melawan kerajaan Manchu di China. Begitu juga Subhas Chandra Bose meneruskan perjuangan di Tanah Melayu bagi melawan Inggeris di India sebelum kedatangan Jepun. Maknanya bangsa Melayu sudah terdedah dengan semangat nasionalisma melawan penjajah dan perjuangan mereka sudah lama berkembang.

Semenjak Melaka dikalahkan Portugis 24 Ogos 1511, perjuangan melawan penjajah sudah bermula. Sultan Mahmud melancarkan siri serangan beberapa kali, dan akhirnya terpaksa berundur ke Bentan dan ke Kampar di Sumatera Saudagar-saudara Jawa yang diketuai oleh Pateh Kadir juga melancarkan serangan ke atas Portugis, kemudian diikuti dengan Utumutiraja dalam tahun 1513. Dalam tahun 1513 Pateh Unus kerabat di raja Jawa telah menyerang Portugis di Melaka, tetapi semua percubaan itu gagal.

Portugis terus mengukuhkan kuasa dengan bantuan dari Goa, di India. Hingga tahun 1568 percubaan dibuat oleh Aceh bagi mengalahkan Portugis di Melaka masih juga gagal. Bagaimana pun dalam tahun 1641, Bendahara Sekudai dari Johor (atau

Bendahara Paduka Raja, Tun Jenal putra kepada Tun Seri Lanang) berjaya membantu Belanda mengalahkan Portugis di Melaka, tetapi menyebabkan Melaka jatuh pula ke tangan Belanda. Malangnya, apabila Bendahara Sekudai dialahkan oleh Jambi dalam tahun 1673, Belanda tidak pula membantu Johor.

Bangsa Melayu terus berjuang merebut kemerdekaan dari Belanda seperti dilakukan oleh Raja Haji dalam tahun 1784, hingga beliau gugur di Teluk Ketapang, Melaka. Penjajah silih berganti, pejuang-pejuang Melayu juga silih berganti sebagai kesinambungan kepada perjuangan sebelumnya. Nakhoda Udin misalnya melancarkan serangan secara gerila (dianggap oleh penjajah sebagai melanun) di Sungai Kerian, Perak menentang Inggeris di Pulau Pinang tahun 1826, diikuti oleh Dato' Dol Said di Naning dalam tahun 1831. Perjuangan mereka yang gagal diteruskan pula oleh Raja Mahdi di Selangor tahun 1872. Dato' Bandar Tunggal di Sungai Ujong, Negeri Sembilan 1874, Dato' Maharaja Lela di Pasir Salak, Perak tahun 1875 dan Dato' Siamang Gagap di Seri Menenti, Negeri Sembilan 1876.

Di Pahang, Dato' Bahaman (Semantan), Imam Rasu dan anaknya Mat Kilau (Jerantut), Panglima Mansur (Chenor), Panglima Haji (Kuala Lipis) serentak melawan Inggeris dalam tahun 1892. Mereka juga gagal melawan kekuatan Inggeris. Kemudiannya Tok Janggut Haji Mat Hassan di Pasir Putih, Kelantan tahun 1915, Silawatang di Kesang, Muar, Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong di Telemong, Terengganu tahun 1928 bertindak menentang penjajah Inggeris, tetapi semuanya menemui kegagalan.

## PERJUANGAN MATA PENA

Disebabkan tidak mampu merebut kemerdekaan melalui ketenteraan, bangsa Melayu juga melancarkan perjuangan melalui mata pena. Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi bersama rakan-rakannya dalam **Kaum Muda** menerbitkan majalah ‘Al-Imam’ tahun 1906 setelah menanamkan pengajian di Timur Tengah. Suntikan semangat perjuangan semasa

menuntut di Timur Tengah banyak mempengaruhi pejuang-pejuang muda ini bagi menimbulkan kesedaran kepada bangsa Melayu.

Selepas ini banyak akhbar dan majalah diterbitkan seperti 'Neraca', 'Warta Malaya', 'Al-Ikhwan', 'Saudara' dan beberapa lagi dalam usaha melawan penjajah secara perang saraf. Onn Jaafar merupakan pengarang dan penerbit akhbar 'Neraca' juga menjadikan mata pena sebagai saluran meneruskan perjuangan. Demikian juga golongan penulis-penulis yang lain seperti Ibrahim Haji Yaakob, Harun Aminul-Rasyid, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam menggunakan mata pena mereka dalam perjuangan kemerdekaan ini.


Justeru saya juga terbabit dalam bidang penulisan ini akhir dekad 1940-an sebagai kesinambungan perjuangan kemerdekaan bangsa Melayu. Saya menggunakan nama samaran **Mat Belantan** bagi akhbar 'Majlis', kemudiannya akhbar 'Utusan Melayu' selepas akhbar Majlis ditutup, dengan membuat kritikan keras terhadap penjajah sesuai dengan nama 'belantan' yang membawa maksud di Negeri Sembilan sebagai kayu sepanjang satu hasta untuk dilontarkan supaya buah di atas pokok boleh gugur ke tanah.

Maknanya perjuangan kemerdekaan bangsa Melayu sejak tahun 1511 hingga kedatangan Jepun tahun 1942 melalui tiga kategori iaitu i) **perjuangan secara militan/gerila**, ii) **perjuangan melalui pengajian pondok**, dan iii) **perjuangan menggunakan mata pena**. Dalam ketiga-tiga kategori perjuangan ini mereka berpecah dengan tidak mempunyai kesatuan yang kukuh ke arah membentuk tentangan lebih berkesan terhadap penjajah. Bolehlah dianggap perjuangan yang mereka lancarkan adalah secara berasingan mengikut kemampuan masing-masing.

Tetapi selepas Kongres Melayu pertama 1 hingga 4 Mac 1946, tiga golongan yang berjuang secara berasingan ini iaitu a) militan, b) agama, dan c) nasionalisma (mata pena) dapat disatukan dalam satu jentera yang lebih tersusun hingga terbentuknya Umno. Dengan kesatuan yang kukuh inilah memudahkan Umno berjuang merebut kemerdekaan tanah air pada 31 Ogos 1957, dan kita dapat menikmati erti kemerdekaan itu hingga ke

saat sekarang. Memang dalam tempoh demikian lama Umno melalui pelbagai pencaroba, seperti kata pepatah orang tua-tua kita ‘**kalau takut dipukul gelombang , jangan berumah di tepi pantai**’

Bagi saya pengalaman dalam perjuangan merebut kemerdekaan tanah air ini sukar mahu dilupakan kerana ‘**tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat mengatur perjuangan yang panjang**’. Kalau saya boleh diibaratkan sebagai tempat merujuk, maka eloklah saudara-saudara bertanya dahulu dan kemudian saya akan menerangkan segala liku-liku perjuangan yang menjadi inti kepada kemerdekaan itu. Justeru saya sedia untuk berkongsi pengalaman dengan saudara-saudara semua dalam menghayati erti kemerdekaan tanah air kita.





"Keranamu Malaysia"

# Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia

11 - 13 September 2000

Hotel Istana  
Jalan Raja Chulan  
Kuala Lumpur

Pengertian Kemerdekaan


oleh  
Tan Sri Dato' Seri (Dr) Aishah Ghani

Sesi 1



anjuran  
Arkib Negara Malaysia  
&  
Kementerian Kebudayaan, Seni dan Pelancongan

SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN MALAYSIA



## **SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN**

### **PENGERTIAN KEMERDEKAAN**

**Oleh : Tan Sri Dato Seri (Dr) Aishah Ghani**

Kita perlu melihat semula mengapa rakyat di Malaya, khasnya orang Melayu bangun bermati-matian menuntut kemerdekaan daripada penjajah British selepas perang dunia kedua, pada penghujung tahun 1945. Kebangkitan semangat pejuang-pejuang kemerdekaan ini adalah didorong oleh kesedaran dan keinsafan bahawa kemerdekaan memberi erti yang sangat besar, rakyat mempunyai hak menentukan corak pemerintahan negara sendiri dan dengan itu rakyat akan terlepas dari belenggu penindasan penjajah yang menyebabkan sebahagian besar dari mereka hidup miskin, mlarat, tidak berpelajaran dan dalam keadaan yang sangat dhaif.

Tuntutan kemerdekaan berjaya diperjuangkan dan diisytiharkan Malaya Merdeka pada 31hb Ogos 1957 kerana adanya kata sepakat antara pemimpin-pemimpin berbagai kaum iaitu Melayu, China dan India dan telah dapat menyakinkan penjajah Inggeris bahawa rakyat Malaya ketika itu sudah bersedia menerima kemerdekaan negaranya dan tidak akan membawa kepada perpecahan dan perbalahan antara kaum.

Dalam memilih corak pemerintahan yang akan dilaksanakan di negara Malaya Merdeka, rundingan yang telah diadakan beberapa kali antara berbagai pihak telah menetapkan bahawa corak Kerajaan yang telah dipilih ialah demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan . Corak atau bentuk Kerajaan seperti inilah yang telah diamalkan di negara kita semenjak merdeka hingga kini kita menyaksikan pilihanraya terakhir pada bulan November 1999.

Perlembagaan negara kita menjamin keadilan untuk semua. Semangat yang terkandung dalam perlembagaan patut dan perlu difahami oleh semua rakyat. Mereka patut memahami bahawa penghormatan yang telah diberi kepada semangat perlembagaan itulah yang sebenarnya yang telah membawa rahmat dan kebaikan dan telah dapat

meletakkan negara dalam keadaan maju, stabil dan aman. Negara bertambah maju dan makmur kerana di masa-masa yang lalu sebahagian besar dari rakyat sedar dan faham bahawa pilihanraya itu sangat penting bagi menentukan pemilihan wakil-wakil di Dewan Rakyat dan Negeri. Sebab itu mereka telah memberikan satu kesinambungan bagi pelaksanaan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang ada.

Kemerdekaan yang dituntut oleh rakyat telah dapat dicapai dengan tidak ada pertumpahan darah seperti yang berlaku disetengah negara lain. Namun demikian harga kemerdekaan yang diperolehi itu terbukti lebih tinggi kerana pengisian yang telah dibuat bertahun-tahun mampu memberi corak hidup yang lebih baik kepada rakyatnya. Kemerdekaan telah dicapai kerana kebijaksanaan beberapa orang pemimpin iaitu Allahyarham Tengku Abdul Rahman Putra Alhaj, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein dan Allahyarham Tun Dr. Ismail dari parti UMNO dan beberapa orang lagi dari parti M.C.A. dan M.I.C. serta wakil-wakil dari berbagai pihak, berunding dengan pihak British, disokong pula oleh tindakan-tindakan tegas dan berani yang ditunjukkan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan ketika menentang Malayan Union, yang memakan masa lebih dari dua tahun lamanya. Malayan Union telah ditentang hebat oleh ribuan rakyat, termasuk kaum wanita. Kerana tidak ada pertumpahan darah, ada pula pemimpin dari negara lain yang menyatakan bahawa negara kita hanya separuh merdeka bukan merdeka sepenuhnya. Selang enam tahun Malaya merdeka Kerajaan British telah memberi kemerdekaan kepada Negeri Sabah dan Sarawak melalui penyatuan dengan negeri-negeri Tanah Melayu (Malaya) dan beralih nama kepada Malaysia pada tahun 1963.

### **Pengertian Kemerdekaan.**

Apabila seorang hamba dimerdekakan oleh tuannya, bererti hamba itu tidak lagi menjadi abdi, boleh diperlakukan sesuka hati oleh tuannya. Dia mempunyai hak menentukan hidupnya sendiri. Kemerdekaan bagi sebuah negara mempunyai pengertian yang lebih luas, secara ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa kemerdekaan itu bermakna bebas dari belenggu penjajahan yang biasanya datang dari puak atau kuasa yang lebih besar dan kuat.

Rakyat yang dijajah mempunyai seribu harapan apabila perjuangannya menuntut kemerdekaan bagi negaranya dapat dicapai. Mereka rela berkorban apa jua hatta nyawa sekalipun. Malangnya ramai pula yang kecewa kerana apa yang diharapkan untuk terlepas dari cengkaman kemiskinan, kehidupan yang dhaif tidak dapat dirasai walaupun negara mereka sudah merdeka berpuluhan tahun.

Rakyat Malaysia patut bersyukur dan berterima kasih kepada negara yang mempunyai pemimpin-pemimpin yang berpandangan jauh dan mampu mentadbir dan membuat berbagai dasar yang berfaedah kepada rakyat. Peristiwa-peristiwa pahit yang telah ditempuh dijadikan bahan kajian yang mendalam dan pemimpin-pemimpin mencari jalan supaya jurang perbezaan ekonomi antara kaum yang boleh merangsang ketegangan hubungan berbagai pihak dapat diperkecil, tidak semakin melebar.

Tidak dapat dinafikan bahawa dasar ekonomi baru yang lahir selepas ketegangan tahun 1969, telah merubah nasib golongan miskin yang sebahagian besarnya kaum Bumiputra. Kemerdekaan negara kita yang disusuli dengan perancangan yang baik telah memberi peluang kepada golongan miskin untuk merubah nasib mereka. Hasilnya kita telah dapat melihat kejayaan besar yang diperolehi oleh anak-anak petani, anak penoreh getah, pemandu, nelayan dan banyak yang lain lagi. Inilah hasil perjuangan pejuang-pejuang kemerdekaan dari generasi yang lalu. Dasar ekonomi baru membuka peluang yang lebih luas kepada golongan miskin untuk memasuki Pusat-pusat Pengajian Tinggi dengan bantuan Kerajaan.

Anak-anak yang datang dari golongan yang miskin, tapi telah berpeluang memasuki Pusat-pusat Pengajian Tinggi sama ada di dalam atau di luar negara tidak lagi mewarisi kemiskinan orang tuanya. Ramai pula antaranya yang telah menjadi ahli-ahli perniagaan yang terkenal, memangang jawatan tinggi dalam Kerajaan dan Swasta. Oleh itu tenaga pakar dari luar pada keseluruhannya sudah tidak diperlukan lagi.

### Perubahan Besar Kepada Wanita.

Kemerdekaan Negara telah membawa perubahan besar kepada wanita. Sebelum merdeka kaum wanita jauh ketinggalan dalam serba serbi. Pukul rata buta huruf, dan hidup sebagai pembantu utama dalam keluarga. Dasar-dasar Kerajaan selepas negara merdeka telah merubah nasib wanita kerana mendapat peluang untuk bersekolah dan memasuki Pusat Pengajian Tinggi sama seperti yang diperolehi oleh penuntut lelaki. Maka kini kita dapat melihat kejayaan wanita menembusi segala bidang. Kejayaan dalam kampus sangat menyerlah, kerana di setengah fakulti siswi lebih ramai dari siswa dan kejayaannya pula lebih hebat dan cemerlang. Kemerdekaan jugalah yang memberi peluang kepada seorang wanita untuk menjadi Gabenor Bank Negara.

### Jangan Menjadi Kacang Lupakan Kulit.

Kita rakyat Malaysia sangat bertuah kerana kemerdekaan memberi pengertian yang membanggakan. Malangnya ramai pula antara rakyat yang bagaikan kacang lupukan kulit. Mereka tidak pernah bertanya kepada diri sendiri apakah akan jadi pada dirinya sekiranya negara ini masih dijajah. Mereka tidak pernah merasa terhutang budi kepada generasi yang berjuang mati-matian untuk menuntut kemerdekaan daripada British. Jauh sekali daripada mahu berterima kasih kepada Kerajaan yang telah melaksanakan dasar-dasar yang telah memberi faedah dan keuntungan kepada mereka yang menempatkan mereka sebagai manusia yang lengkap serba serbi, hanya yang kurang ialah rasa tanggungjawab kepada negara.

Hujjah golongan ini senang sahaja. Mereka mengatakan bahawa segala peluang yang mereka perolehi itu adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mengadakannya dan tidak perlu dihargai dan berterima kasih. Wal hal mereka lupa bahawa tidak semua Kerajaan di negara-negara yang baru merdeka seperti kita mampu melaksanakan dasar-dasar dan perancangan yang begitu banyak untuk faedah rakyat. Tidak jauh dari sini, kita dapat melihat berjuta-juta rakyat dalam kemiskinan walaupun negara mereka telah merdeka lebih lama daripada kita.

### **Pengertian Kemerdekaan kepada Golongan Muda.**

Saya yakin ramai golongan muda mudi yang tidak mengambil berat pengertian kemerdekaan, terutama sekali golongan yang dilahirkan setelah negara mencapai kemajuan dan mereka dibesarkan dalam keadaan yang agak mewah dan ada yang terlalu mewah. Mereka tidak perlu lagi berjalan kaki berbatu-batu atau menaiki bas untuk ke sekolah kerana telah ada kereta sendiri. Oleh itu kemerdekaan negara dianggap satu perkara biasa dan tidak ada apa-apa yang perlu diberi perhatian.

Golongan seperti ini sangat merbahaya dan merugikan. Mereka yang maju dalam pelajaran mungkin mempunyai taraf hidup yang selesa tapi tidak bertanggungjawab kepada masyarakat dan hanya mementingkan diri sendiri. Ada pula sebahagianya yang menghabiskan umurnya dengan sia-sia seperti menjadi penagih atau melakukan berbagai rupa jenayah.

Golongan muda mudi seperti ini tidak mempunyai cinta yang mendalam kepada negara. Kepada mereka ini merdeka bermakna mereka berbuat apa saja yang mereka suka dan tidak disekat dan diganggu oleh sesiapa.

Tidak pula dapat dinafikan bahawa ramai golongan muda yang mempunyai pengertian tentang kemerdekaan dengan samar-samar. Pengetahuan mereka tentang perjuangan menuntut kemerdekaan tidak ada. Alangkah sedihnya mendapati anak muda yang ditemui bual tidak pun kenal siapa Allahyarham Tun Razak dan pemimpin-pemimpin yang lain yang memperjuangkan kemerdekaan yang telah merentas jalan untuk kebahagiaan anak cucu cicitnya termasuk mereka itu sendiri.

Oleh itu demi untuk mengekalkan negara Malaysia sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, demi untuk mempertahankan kemerdekaan negara tercinta, generasi muda pada hari ini yang akan menjadi pewaris negara di masa depan perlu diberi kesedaran bahawa mereka lahir harapan bangsa dan tiang negara. Untuk menambahkan kesedaran ini, saya mengesyorkan beberapa perkara di bawah:-

- a) Sewaktu mereka dibangku sekolah, sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan perlu diperkenalkan.
- b) Adakan debat di sekolah yang boleh menambah keinsafan betapa kemerdekaan itu perlu dihayati dan dipertahankan.
- c) Lagu patriotik seperti Jalur Gemilang dan Keranamu Malaysia boleh dianggap sangat baik untuk menyuburkan lagi semangat cintakan negara.
- d) Ibu Bapa bertanggungjawab menyuntik semangat cintakan negara kepada anak-anak.
- e) Para pemimpin dari segenap lapisan perlu berlaku jujur dan memperakui kebenaran sebagai kebenaran, jangan ada yang memberi gambaran bahawa sesuatu kejadian yang benar berlaku sebagai sandiwara, kerana perbuatan seperti ini boleh mengelirukan dan menghakis kepercayaan golongan muda terhadap kepimpinan orang-orang yang lebih tua dari mereka.
- g) Jangan malu melaungkan perkataan merdeka walaupun setelah merdeka 43 tahun.
- h) Beri pelajaran secukupnya untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar kerana ledakan I.T. dan globalisasi, yang bersamanya akan sampai penjajahan cara baru iaitu penguasaan ekonomi.

Semoga Allah memberkati perjuangan kita demi negara tercinta.

**Konsep Kemerdekaan dan Nasionalisme**

oleh  
**Prof. Qasim Ahmad**

**Sesi 1**

# KONSEP KEMERDEKAAN DAN NASIONALISME

## Nasionalisme dan Kemerdekaan

Daripada satu segi, kemerdekaan dan nasionalisme boleh disama ertikan maksudnya. Kedua-duanya merujuk kepada negara-bangsa, atau lebih tepat lagi, merupakan unsur yang boleh dimiliki oleh negara-bangsa. Pendeknya, kita boleh, misalnya, menggunakan frasa yang berbunyi seperti ini 'negara-bangsa yang mempunyai kemerdekaan', atau, 'negara-bangsa yang menjunjung nasionalisme kental'. Merdeka bererti bebas lantas negara-bangsa yang merdeka ialah negara-bangsa yang bebas, berhak dan tidak terikat oleh sesuatu untuk menentukan perjalanan, pemerintahan dan halatujunya sendiri. Jadi, misalnya, dalam ucapan rasminya menyambut ulangtahun kemerdekaan Malaysia yang ke 43 baru-baru ini, YAB Perdana Menteri Malaysia, telah menegaskan bahawa 'kita tidak tunduk kepada orang asing dan agensi-agensi mereka walau apapun tekanan yang ditujukan kepada kita dan negara kita.'<sup>1</sup> Ini ialah pernyataan tentang kebebasan dan kemerdekaan, tentang nasionalisme yang dijulang oleh sebuah negara-bangsa.

Negara-bangsa yang merdeka juga dikatakan atau ditakrifkan sebagai negara-bangsa yang berdaulat. Ciri-ciri kebebasan dan kedaulatan inilah juga yang diperjuangkan dan dipertahankan oleh nasionalisme sesebuah negara-bangsa. Jadi negara-bangsa yang berteraskan semangat nasionalis tidak dapat tidak tentulah juga memperjuangkan hal yang sama, yakni kebebasan dan kedaulatan. Di sinilah terletaknya kesamaan erti kemerdekaan dengan nasionalisme.

## Sejarah dan Pentakrifan Nasionalisme

Namun begitu, dari segi amalan, dan konteks sejarahnya juga, nasionalisme dan kemerdekaan sering tidak seiring atau seerti.<sup>2</sup> Di permulaan perbincangan ini, mungkin berfaedah juga kita galurkan dengan lebih jelas lagi peringkat masa kemunculan

<sup>1</sup> Harian Express, 31 Ogos, 2000, hlm.1

Misalnya, telah pernah dihujahkan bahawa para pejuang yang bertindak gigih atau berperang untuk mengusir pemerintah asing dari ibu pertiwi mereka tidak semestinya seorang nasionalis sekiranya agendanya yang seterusnya tidak pula menepati tuntutan nasionalisme. Lih. R. Suntharalingam, 'Konsep Nasionalisme: ke Arah Satu Takrif' dlm. R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail. *Nasionalisme: Satu Tinjauan*. (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1985)hlm.15.

nasionalisme dan pengertian istilah itu sendiri. Di Barat memang terdapat pandangan yang mengatakan bahwa nasionalisme itu adalah sesuatu sejarah itu sendiri. Tetapi pandangan ini bukanlah sesuatu yang dipersetujui ramai. Dengan perkataan lain, negara-bangsa, entiti yang diperjuangkan atau dipertahankan oleh nasionalisme, tidaklah lumrah dianggap sebagai sesuatu yang memang telah wujud secara semula jadi di sepanjang sejarah manusia. Umumnya pengkaji Barat memang sering menekankan peri modernnya fenomena nasionalisme itu.

Selain dari memperkatakan unsur di atas, para sarjana Barat juga turut menekankan unsur kesamaan bangsa, atau kelainan bangsa dibandingkan dengan bangsa lain, sebagai asas nasionalisme dan negara-bangsa. A.D. Smith, misalnya, mengatakan bahwa 'kelainan etnik tetap terus menjadi *sine qua non* [syarat asas] sesebuah negara.'<sup>3</sup> Kelainan etnik yang dirasakan atau dikongsi oleh rakyat sesebuah negara ini, kata Smith, termasuklah 'mitos asal-usul yang dikongsi, ingatan sejarah yang sama, penanda budaya politik yang unik, dan rasa kelainan ...'<sup>4</sup>

Pentakrifan Smith di atas nyata mengiyakan beberapa pendapat sarjana Barat yang lain tentang hal yang sama. Hans Kohn, misalnya, telah pernah menyatakan bahawa faktor seperti 'keturunan, bahasa, daerah, entiti politik, kebudayaan dan tradisi, atau agama yang sama' merupakan ciri-ciri penting bagi pembentukan satu negara bangsa.<sup>5</sup> Menurut seorang lagi sarjana barat, yakni Elie Kedourie, doktrin nasionalisme 'menegaskan bahawa manusia secara semulajadinya [*sic*] berpaksikan negara-bangsa, dan negara-bangsa itu dikenali dengan ciri-ciri tertentu yang boleh dicam, dan jenis kerajaan yang dianggap sah hanyalah kerajaan nasional yang berasaskan pemerintahan sendiri'.<sup>6</sup> Dalam nada yang sama Palmer dan Colton menyatakan bahawa 'negara bangsa selalunya (tetapi tidak semestinya sentiasa) terdiri daripada manusia yang berkongsi satu bahasa'. Kemudian mereka memperjelaskan lagi hal ini dengan menyatakan bahawa,

<sup>3</sup> Anthony, D. Smith, *National Identity* (London: Penguin Books, 1991)him. 70.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> Hans Kohn, *Nationalism: Its Meaning and History* (New York, 1971) him. 9

<sup>6</sup> Elie Kedourie, *Nationalism* (London, 1985)him. 122

'Sesuatu negara bangsa juga mungkin percaya yang bangsanya adalah dari satu keturunan baka bangsa yang sama (biarpun keprcayaan itu tidak benar), atau mempunyai tanggapan tentang suatu sejarah yang sama, suatu masa depan yang sama, satu agama yang sama, satu watan atau daerah geografi yang sama, atau satu musuh luar yang sama.'<sup>7</sup>

Pendeknya, berdasarkan pelbagai pendapat di atas, nasionalisme atau negara bangsa sebaik-baiknya diasaskan kepada sebanyak mungkin unsur persamaan di kalangan para ahlinya atau warga yang mendiami sesebuah negara-bangsa itu.

### **Keutamaan Kepentingan Nasional**

Selain dari unsur kesamaan atau kelainan bangsa dan budaya seperti yang diperjelaskan di atas, unsur mementingkan nasib negara-bangsa sendiri lebih dari perkiraan keagamaan, juga dikaitkan, sekurang-kurangnya di Barat, dengan konsep nasionalisme. Oleh itu apabila Perancis keluar dari pakatan blok Katholik semasa Perang Tiga Puluh Tahun dan memihak kepada blok atau kumpulan negara Protestan atas perhitungan kepentingan nasional Perancis, maka, kata Beatty dan Johnson, Eropah pada masa itu sedang menyaksikan kebangkitan negara-bangsa dan nasionalisme.<sup>8</sup> Sehubungan dengan ini, Perjanjian Westphalia 1648, yakni perjanjian yang telah menandakan tamatnya Perang Tiga Puluh Tahun, telah juga sering dilihat sebagai mercu tanda kepada kemunculan prinsip dan pengamalan negara-bangsa di Eropah.<sup>9</sup>

### **Unsur Kedaulatan Rakyat**

Selain peristiwa Westphalia, peristiwa Revolusi Perancis 1789 turut menjadi penanda kepada kemunculan nasionalisme di Eropah. Revolusi Perancis dipilih atau dikhusrusukan sebagai penanda penting, kalaupun tidak penanda sejati nasionalisme, kerana revolusi tersebut mendokong konsep kedaulatan rakyat. Pendeknya, nasionalisme, selain daripada digandingkan dengan ciri-ciri kesamaan bangsa, budaya dan lain-lain, sikap

<sup>7</sup> R.R. Palmer & J. Colton, *A History of the Modern World* (New York: A.A. Knopf, 1983) hlm. 511  
<sup>8</sup> J.L. Beatty & D.A. Johnson (ed.) *Heritage of Western Civilization* Jil. 11 (Englewood Cliffs: Prentice-Hall, 1995) hlm. 3  
<sup>9</sup> Lih. M. Chambers, et.al. *The Western Experience: From The Renaissance to the Modern World* (New York: McGraw Hill, 1995) hlm. 474.

mendukung kepentingan negara-bangsa, semestinya juga, menurut pandangan ini, mendukung prinsip kedaulatan rakyat. Prinsip kedaulatan rakyat inilah, berlawanan dengan amalan kedaulatan raja, yang telah dieksport oleh Perancis ke negara-negara Eropah lain semasa pemerintahan Napoleon Bonaparte pada kurun yang berikutnya, yakni kurun kesembilan belas. Dengan merujuk kepada hal inilah maka Elie Kedourie mengatakan bahawa ' Nasionalisme ialah satu doktrin yang direka di Eropah pada awal kurun kesembilan belas'.<sup>10</sup>

### Pandangan Sarjana Tempatan

Beberapa para serjana tempatan, yakni di Malaysia, menerima konsep atau takrifan nasionalisme seperti yang cuba diperjelaskan di atas. Namun begitu terdapat juga yang tidak secara khusus membabitkan isu kedaulatan rakyat dalam pentakrifan mereka tentang nasionalisme.<sup>11</sup> Walau bagaimanapun sekiranya nasionalisme itu disabitkan juga dengan elemen kedaulatan rakyat maka pendapat yang mengatakan bahawa nasionalisme Melayu telah wujud semasa kerajaan Melayu Melaka lagi tentulah agak sukar dipertahankan. Ia agak sulit untuk dibela terutamanya sekiranya kita muhi prinsip kedaulatan rakyat itu diterjemahkan kepada pengamalan tingkah-laku politik moden seperti pengendalian pilihanraya, referendum dan hal-hal yang seumpamanya.<sup>12</sup>

<sup>10</sup> Lih. Kedourie, *op.cit.*, hlm. 9.

<sup>11</sup> Untuk takrifan nasionalisme sarjana tempatan yang turut melibatkan elemen kedaulatan rakyat, lih. R. Sunthalingam *op.cit.* hlm. 15-16, dan Cheah Boon Kheng 'Asal Usul dan Asas Nasionalisme Melayu', dlm. R. Sunthalingam & Abdul Rahman Haji Ismail, *op.cit.* hlm. 81-82. Sementara pengkaji seperti Ramlah Adam dan Awang Had Salleh tidak pula membabitkan elemen kedaulatan rakyat secara khususnya dalam pentakrifan mereka tentang nasionalisme. Lih. Ramlah Adam 'Nasionalisme Malaysia: 1940-1957' kertas kerja di *Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia* 16-18 Ogos 1994, Melaka, hlm. 1 dan Awang Had Salleh, 'Nasionalisme Melayu: Apakah Masih Relevan? Nasionalisme Malaysia: Apakah Sudah Mungkin?', Kertas kerja di *Seminar Kebangsaan: Nasionalisme dan Pembangunan Di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 15 Nov. 1994, hlm. 1-2. Sementara Khoo Kay Kim pula pernah menyatakan lebih baik atau tepat istilah seperti nasionalisme ini tidak ditakrifkan. Katanya, 'Mungkin kita tidak sepautnya banyak membuat masa cuba menakrifkan suatu konsep yang memang tidak dapat ditakrifkan dengan sempurna. Ini suatu penyakit yang timbul kerana sains sosial cuba meniru sains fizikal.' Khoo Kay Kim, 'Nasionalisme Melayu C. 1919-1941: Suatu Tatapan Semua', Kertas kerja di *Seminar Kebangsaan: Nasionalisme dan Pembangunan Di Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 15 Nov. 1994, hlm. 3.

<sup>12</sup> Walau bagaimanapun, lih. juga Abdul Rahman Haji Ismail, 'Takkan Melayu Hilang di Dunia: Suatu Sorotan Tentang Nasionalisme Melayu' dlm. R. Sunthalingam & Abdul Rahman Haji Ismail, *op.cit.* hlm. 37.

Dalam dunia moden kita, misalnya, kalau kita hadkan perbincangan kita kepada semenjak kurun kesembilan belas, tidak semua dari lebih 180 negara yang kini menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), telah mengalami kedua-dua fenomena tersebut, yakni kemerdekaan dan nasionalisme, secara serentak atau seiring.

### **Kolonialisme**

Umum mengetahui bahawa kurun kesembilan belas hingga ke pertengahan kurun kedua-puluh merupakan era kolonialisme Barat. Menjelang Perang Dunia Pertama (1914) bumi Afrika yang masih tinggal di bawah pemerintahan pribumi tidakpun sampai empat peratus. Di Asia keadaannya tidak juga jauh berbeza. Akhirnya hanya negara seperti Siam, Afghanistan dan Jepun saja yang tidak dijajah atau mengalami pendudukan kuasa asing. Dengan maranya kolonialisme atau imperialisme Eropah ke Asia dan Afrika, maka hilanglah kemerdekaan negara-negara Asia-Afrika tersebut. Kemudian muncullah pula nasionalisme di Asia dan Afrika bagi menuntut semula kemerdekaan. Lantas bagi kebanyakan negara Asia dan Afrika nasionalisme dan kemerdekaan adalah amat berkait rapat. Sebaliknya, bagi negara-negara Eropah yang menjajah, kemerdekaan tidak pernah menjadi isu, sekurang-kurangnya dalam zaman moden kita ini. Mereka tidak pernah berada dalam keadaan yang memaksa mereka menuntut kemerdekaan. Dalam pada itu pula mereka [negara penjajah] tidak semestinya pula tidak mempunyai semangat nasionalis. Tetapi bagi negara-negara ini nasionalisme dan kemerdekaan bukanlah merupakan hal atau pengalaman yang saling berkait antara satu sama lain.

### **Tuntutan Kemerdekaan Di Eropah**

Biarpun negara-negara penjajah Eropah tidak terlibat, umumnya dengan isu kemerdekaan negara sendiri, perkara tersebut bukanlah merupakan sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Eropah moden. Ia pernah dialami oleh sesetengah negara Eropah dalam kurun kesembilan belas malah kurun kedua puluh juga. Pertembungan di antara perjuangan berasaskan nasionalisme dengan perjuangan menuntut kemerdekaan ini berlaku di Eropah di antara, terutamanya, pertengahan kurun kesembilan belas membawalah kepada awal kurun berikutnya, yakni kurun kedua puluh.

Banyak negara-bangsa yang terdapat di Eropah sekarang ini masih belum wujud lagi pada kurun kelapan belas atau, sesetengah yang lain pula, hingga ke awal kurun kedua puluh. Benua Eropah pada masa itu didominasi oleh tiga buah empayar besar iaitu Empayar Rusia, Empayar Turki dan Empayar Austria-Hungary. Negara-negara-bangsa Eropah yang kita kenali pada masa ini seperti Slovakia, Jerman, Itali, Bulgaria, Czech dan beberapa yang lain sebenarnya menjadi sebahagian daripada salah satu empayar ini. Jadi maksudnya, bangsa seperti Czech, Magyar, Slovak, Serb, Croat, Rumania, Itali dan Jerman belum mempunyai negara-bangsa mereka sendiri. Pada kurun ke sembilan belas, percubaan yang paling nekad dan agak menyeluruh untuk membentuk negara-bangsa di kalangan banyak bangsa ini telah dilakukan dalam tahun 1848. Namun begitu percubaan dalam peristiwa yang kemudiannya dikenali sebagai Revolusi-revolusi 1848 ini rata-rata gagal. Walau bagaimanapun, selepas ini usaha untuk membentuk negara-bangsa telah diteruskan dan selepas 1848 Eropah akhirnya telah melihat penubuhan negara-bangsa Itali dalam tahun 1861 dan diikuti pula oleh negara bangsa Jerman sepuluh tahun selepas itu (1871).

### **Perang Dunia Pertama**

Selepas penubuhan kedua-dua negara-bangsa ini membawalah ke masa tercetusnya Perang Dunia Pertama pada tahun 1914, perkembangan nasionalisme di Eropah berlaku dengan begitu pesat sekali. Semasa Perang Dunia Pertama, kuasa Amerika Syarikat telah juga turut terlibat di peringkat akhir krisis antarabangsa tersebut. Oleh kerana Amerika Syarikat telah memainkan peranannya, maka ia telah turut mempastikan prinsip yang didukungnya turut diamalkan di Eropah. Pengaruh Amerika Syarikat ini dijelaskan melalui Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson. Deklarasi Presiden Amerika ini menekankan pandangan liberal dan demokratik. Ia juga khusus memperjuangkan prinsip penentuan nasib negara-bangsa sendiri oleh rakyat sesebuah negara-bangsa berkenaan. Negara-bangsa telah takrifkan berlandaskan kewujudan dan kehendak sesuatu rumpun bangsa. Prinsip ini telah diterapkan dalam Persidangan Damai Paris pada akhir Perang Dunia Pertama.

Empayar Austria-Hungary dan juga Turki, merupakan empayar yang berada dalam kemerdekaan yang kalah semasa Perang Dunia Pertama. Akibatnya kedua-dua empayar tersebut telah berkecaci dan mereka telah terpaksa memberi laluan kepada penubuhan negara-bangsa baru. Lantas, tujuh negara-bangsa baru telah muncul berikutnya tamatnya Perang Dunia Pertama. Negara-bangsa tersebut ialah Checzloslovakia, Hungary, Finland, Latvia, Lithuania, Poland dan Yugoslavia. Austria-Hungary telah dibubarkan. Dua entiti politik baru telah muncul menggantikannya, yakni Austria dan Hungary. Empayar Turki, selain dari kehilangan daerah di Eropah, juga telah terpaksa menyerahkan tanah jajahannya di luar Eropah kepada kuasa Eropah. Syria dan Lebanon telah terlepas ke tangan Perancis sementara Iran dan Iraq telah dikuasai oleh Britain. Tidak hairanlah kiranya terdapat penulis seperti Palmer dan Colton yang mengatakan bahawa Perang Dunia Pertama merupakan suatu perayaan yang mendendangkan kejayaan nasionalisme di Eropah.<sup>13</sup>

### Keterhadan Kejayaan Nasionalisme Di Eropah

Namun begitu, kejayaan nasionalisme di Eropah selepas Perang Dunia Pertama tidak menjamin kestabilan berterusan di benua tersebut. Aspirasi agar negara-bangsa ditubuhkan berdasarkan sesuatu rumpun bangsa, telah tidak dapat ditepati sepenuhnya. Secara *ideakta*, sebuah negara-bangsa harus mewakili atau didiami oleh satu rumpun bangsa yang bertutur satu bahasa dan yang mempunyai kebudayaan serupa. Tetapi *idea* ini tinggal sebagai *idea* sahaja. Ia gagal diterjemahkan di dunia nyata sebagai sesuatu yang praktikal.

Hal yang berlaku di Eropah selepas Perang Dunia Pertama, biarpun terdapatnya prinsip atau Deklarasi Woodrow Wilson, jelas memaparkan kegagalan atau keterhadan nasionalisme. Misalnya, di negara Czechoslovakia yang terbentuk selepas Perang Dunia Pertama, terdapat juga orang Magyar (Hungary) dan Jerman yang menjadi rakyatnya. Di negara Poland terdapat orang Ruthenia, di Lithuania terdapat orang Pole sementara di Rumania terdapat orang Bulgar. Secara keseluruhannya terdapat hampir 19 juta orang yang menjadi bangsa minoriti di sembilan negara-bangsa di Eropah selepas

<sup>13</sup> Palmer & Colton, *op.cit.* hlm. 694

Perang Dunia Pertama. Di sembilan negara-bangsa tersebut jumlah penduduknya ialah 98 juta orang.<sup>14</sup>

Jadi, biar apapun unsur persamaan yang mahu ditekankan atau dijadikan landasan untuk penubuhan sesebuah negara-bangsa, para pengkaji juga amat sedar bahawa aspirasi yang sedemikian itu merupakan suatu *ideal* yang tidak semestinya terdapat secara mudah dan lumrah di alam nyata. Lantas, Palmer dan Colton, misalnya, penulis yang telah dirujuk sebelum ini, jelas menyatakan bahawa 'negara-bangsa selalunya (tetapi tidak semestinya sentiasa) terdiri daripada manusia yang berkongsi satu bahasa'. Kedudukan nasionalisme sebagai suatu *ideal* telah dipaparkan dengan amat baik sekali oleh Leonard Tivey. Katanya,

'Dakwaan para nasionalis ini merupakan suatu *ideal*. Ia tidak terhasil sepenuhnya di mana-mana pun. Dalam sesetengah kes terdapat sesuatu yang menghampiri *ideal* tersebut, tetapi dalam kes lain terdapat kehampaan getir terhadap ketidakwujudan sesuatu elemen tertentu. Kadang kala para nasionalis menggesa rakan se negara mereka bangkit dan berusaha lebih keras bagi menghasilkan penyatuan atau kemakmuran atau kejayaan atau kegemilangan. Mereka mungkin sekali-sekala menggalakkan langkah meniru bangsa lain. Mereka tentunya akan mendesak agar ditangkis sebarang tekanan atau eksploitasi dari bangsa lain biarpun, sekiranya perlu, dengan menggunakan kekerasan.'<sup>15</sup>

### ***Ideal* Nasionalisme Di Tanah Melayu**

Dilihat dalam konteks pertumbuhan dan perkembangan nasionalisme di negara kita, sesungguhnya kita boleh mengesani dengan jelas bagaimana nasionalisme Melayu dalam bentuk yang *ideal* (*ideal* kepada orang Melayu) telah akhirnya dikompromikan. Di Tanah Melayu pertumbuhan nasionalisme tidak dapat tidak telah digalurkan kepada

<sup>14</sup> P M H. Bell, *The Origins of The Second World War in Europe* (London: Longman, 1988) hlm.28-29.

<sup>15</sup> Leonard Tivey (ed.) *The Nation State: The Formation of Modern Politics* (Oxford: Martin Robertson, 1981) hlm. 6.

nasionalisme Melayu.<sup>16</sup> Dalam perjuangan nasionalisme Melayu pandangan 'yang begitu lumrah' terdapat pada zaman sebelum Perang Dunia Keuda, ialah pandangan yang mahukan Tanah Melayu kekal diperintah oleh bangsa Melayu.<sup>17</sup> Pentakrifan nasionalisme Melayu yang ekslusif ini, bangsa Melayu-negara Melayu, telah mengalami transformasi, atau dicairkan, kemudiannya. Pada masa selepas Perang Dunia Kedua, dalam era kerjasama PUTERA-AMCJA, aktivis politik Melayu dan bukan Melayu telah bersetuju menjadikan nasionalisme (kebangsaan) Melayu sebagai asas nasionalisme Tanah Melayu. Melayu pula dijadikan nama rupa bangsa Tanah Melayu. Seperti yang ditegaskan oleh Abdul Rahman Haji Ismail, 'Takrif bangsa Melayu kini menjadi amat luas dan terbuka. Ia telah sampai kepada puncaknya.'<sup>18</sup>

Walau bagaimanapun, selepas Perang Dunia Kedua nasionalisme Melayu yang berteraskan prinsip bangsa-Melayu negara-Melayu telah terus juga diperjuangkan. Perjuangan ini, misalnya, telah ditegaskan oleh Tunku Abdul Rahman pada awal tahun 1951 (Februari 1951) dengan kata-katanya, 'Apa guna bercadang berkerajaan sendiri jika kerajaan itu bukan milik orang Melayu?'<sup>19</sup> Tema ini diulangi oleh beliau lagi beberapa bulan kemudian semasa beliau mengambil alih tugas sebagai Yang Dipertua UMNO dari Dato' Onn pada bulan Ogos 1951. Tunku, antara lain, berkata,

'Negeri ini diterima daripada Melayu, maka patutlah diserahkan balik kepada Melayu. Adapun pun dikatakan Malayan itu belum lagi ditentukan siapa mereka itu. Maka biarlah Melayu sendiri menentukan siapa Malayan itu.'<sup>20</sup>

### **Penjejasan *Ideal***

Namun demikian akhirnya pengekalan konsep atau prinsip bangsa Melayu-negara Melayu ini tidak dapat direalisasikan. Keputusan pada akhir tahun 1956 untuk menjadikan prinsip *jus soli* asas bagi memberikan kerakyatan kepada orang bukan

<sup>16</sup> Tentang pertumbuhan nasionalisme Melayu lih. W.R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1980). Buku ini diterbitkan pertama kalinya pada tahun 1966.

<sup>17</sup> Abdul Rahman Haji Ismail, *op.cit.*, hlm.45.

<sup>18</sup> *Ibid.* hlm 46

<sup>19</sup> Lih. *Ibid.* hlm. 48

<sup>20</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu* (Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981) hlm. 316 seperti yang dipetik dlm., Ramlah Adam, *op.cit.* hlm. 38-39

Melayu telah menukar secara drastik komposisi rakyat Tanah Melayu merdeka. Golongan bukan Melayu yang kemudiannya menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu merdeka juga tidak dikenali sebagai rupabangsa bernama Melayu, seperti yang pernah diutarakan pada satu ketika dahulu. Persekutuan Tanah Melayu telah diterjemahkan menjadi bukan *Federation of Malay States* tetapi *Federation of Malaya* dan bangsanya bukan Melayu tetapi pelbagai bangsa yang disebut juga *Malayan*. Dengan itu ideal nasionalisme Melayu, bangsa Melayu-negara Melayu, telah jelas tidak tercapai.

Implikasi atau impak dari kompromi di atas tidaklah sukar dirumuskan. Tunku sendiri menyedarinya dan menjelaskan sendiri bilamana pendiriannya tentang konsep bangsa Melayu-negara Melayu mula berubah menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Semasa berucap di Kuala Lumpur pada bulan April 1955 Tunku mengaku,

' Orang Melayu sedia memberi hak-hak yang munasabah dan patut kepada orang-orang bukan Melayu. Orang Melayu telah memberi pengorbanan yang banyak dari hak-hak sebagai bupitru Tanah Melayu kepada bangsa-bangsa yang bukan Melayu. Belum ada satu bangsa anak negeri yang telah berbudi begitu banyak seperti yang telah diperbuat oleh orang Melayu. Sesungguhpun ada jaminan hak-hak istimewa Melayu dalam perjanjian Persekuturan tetapi ini tidak sekali-kali mencegah atau menyekat bangsa-bangsa yang bukan Melayu daripada mencapai kesenangan dan kekayaan dan lagi hingga sekarang hak-hak istimewa itu masih belum lagi menghasilkan keadaan yang setaraf di antara orang Melayu dengan bukan Melayu.'<sup>21</sup>

Hal yang telah diperakukan oleh Tunku di ambang kemerdekaan Tanah Melayu ini telah betul-betul menjadi kenyataan bilamana negara tersebut mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Intipati pemerihalan Tunku tentang apa yang telah berlaku itu telah diperkata atau diulang lagi oleh para sarjana di kemudian hari. Ramlah Adam, misalnya, telah meringkaskan hal yang sama itu sebegini,

---

<sup>21</sup> Ramlah Adam, *op.cit*. hlm.40, lih. notakaki 2.

<sup>22</sup> Janji Tunku Abdul Rahman untuk mengembalikan negeri ini kepada bangsa Melayu tidak tertunai; sebaliknya, orang Melayu merdeka sebagai satu kaum bukannya satu bangsa, pada tahun 1957.<sup>22</sup>

Bersabit hal yang sama Chandra Muzaffar pula berkata,

' Dari bangsa menjadi komuniti: penurunan status ini merupakan dari satu segi, salah satu konsensi terbesar yang pernah dilakukan oleh mana-mana masyarakat pribumi kepada masyarakat bukan pribumi di sepanjang sejarah manusia.'<sup>23</sup>

### Perbandingan

Setelah meringkaskan proses penumpulan idealisme nasionalisme Melayu, kertas kerja ini seterusnya akan cuba menilai sejauh mana proses atau langkah tersebut boleh atau wajar dijustifikasi. Mungkin sesetengah pihak berpendapat hal yang telah berlaku tidak perlu dijustifikasi atau sebaliknya; yang wajar dilakukan hanyalah menceritakannya sahaja. Namun begitu penulis merasakan isu dan implikasi yang terbabit, atau yang mungkin terbabit, akan menjadi lebih terserlah sekiranya proses yang diperkatakan di atas turut dinilai dan inilah yang akan cuba dilakukan di sini. Penilaian ini pula dilakukan dengan membuat perbandingan dengan permasalahan nasionalisme yang berbangkit di tempat lain, khususnya di Eropah. Sekali lagi kritikan terhadap pendekatan ini mungkin disuarakan oleh sesetengah pihak. Dakwaan mungkin dibuat bahawa kes yang dibandingkan itu tidak mempunyai cukup ciri persamaan untuk mewajarkan sebarang perbandingan dilakukan lebih-lebih perbandingan secara sepintas lalu. Keterhadan pendekatan ini dan sekali-gus keterhadan faedahnya memang disedari. Pertikaian yang boleh ditimbulkan juga tidak dinafikan. Namun begitu, hujahnya dibuat juga di sini sebagai mengutarakan suatu pandangan, tidak lebih dari itu.

Apabila Ramlah Adam menjelaskan kenapa Tunku Abdul Rahman tidak berupaya untuk menunaikan janjinya untuk merealisasikan konsep bangsa Melayu-negara Melayu, beliau (Ramlah Adam) mengatakan sebab utamanya ialah kerana 'Tunku, seperti juga Dato'

<sup>22</sup> *Ibid.* hlm. 44-45

<sup>23</sup> Chandra Muzaffar, 'Tolerance In The Malaysian Political Scene' dlm. Syed Othman Alhabshi & Nik Mustapha Nik Hassan (eds.). *Islam and Tolerance* (Kuala Lumpur: Institute of Islamic Understanding, Malaysia., 1994)hlm 123.

Onn, yang berpendidikan barat di England, tidak dapat melarikan diri dari tekanan British'. Ramlah Adam kemudian menyambung,

'Dasar politik British yang mahu Tanah Melayu ini dibentuk sebagai sebuah negara-bangsa berbagai bangsa, sedar dengan hal itu [sic] British sebagai penjajah mahu, jika kerajaan sendiri akan diberi kepada negara ini, pelaburan ekonomi dan kepentingan politik serta strategiknya mestilah terjamin. Dengan itu, dasarnya untuk menjaga kepentingan orang Melayu semata-mata dalam politik Tanah Melayu, tidak dapat dan tidak boleh dipertahankan.'<sup>24</sup>

### ***Realpolitik***

Dilihat dari segi pertembungan kuasa semata-mata, dari perspektif *realpolitik*, penjelasan Ramlah Adam ini tidak sukar difahami, malah mudah untuk diterima. Dari perkiraan kemampuan fizikal atau militer yang mudah diukur, Tanah Melayu, secara logik kasarnya, tidak berupaya untuk menandingi Britain. Mungkin secara hipotetiknya, seseorang itu boleh berhujah bahawa semangat boleh mengatasi segala-galanya. Terpulanglah kepada pemimpin pada masa itu, pada zaman pramerdeka, untuk menentukan sama ada rakyat Melayu waktu itu mempunyai semangat yang diharapkan, dan memiliki secara kental, mendalam dan istiqamah atau konsisten. Terpulanglah juga kepada rakyat semasa untuk meluahkan semangat perjuangan mereka ke tahap yang melimpah ruah sehingga para pemimpin mereka tidak mempunyai pilihan selain untuk melayani dan 'menunggang' semangat tersebut ke penghujungnya. Dari segi sejarah sebenarnya, walau bagaimanapun, hal yang sedemikian itu telah *tidak* berlaku. Yang telah berlaku ialah suatu persetujuan atau tolak-ansur yang dikenali sebagai '*a historic bargain*', atau, kebelakangan ini disebut juga sebagai '*a social contract*' atau kontrak sosial. Kompromi di antara para pemimpin inilah, kata James P. Ongkili, yang telah membolehkan berlakunya 'transisi yang agak licin dari pemerintahan British kepada kemerdekaan Malaya'.<sup>25</sup>

<sup>24</sup> Ramlah Adam, *op.cit.* hlm. 40

<sup>25</sup> J.P. Ongkili, *Nation-Building in Malaysia 1946-1974* (London: Oxford University Press, 1985) hlm. 130

Walau bagaimanapun, tidak semua pihak melihat 'tolak-ansur' bersejarah itu sebagai satu tolak-ansur yang melibatkan pengorbanan dari semua pihak, yakni pihak bangsa-bangsa yang terdapat di Tanah Melayu pada masa itu. Ini kerana golongan imigran mendapat sesuatu yang mereka tidak pernah miliki sebelum itu yakni kewarganegaraan, walhal golongan pribumi diberikan sesuatu yang sememangnya sudah mereka punyai sebelum merdeka lagi, yakni hak keistimewaan di negara sendiri.<sup>26</sup> Jadi seperti yang pernah dijelaskan, ' "kedudukan istimewa" ' ini tidaklah tepat kalau dikatakan sebagai suatu "keuntungan" atau "kelebihan" kepada orang Melayu. Pada hakikatnya kedudukan sedemikian sudah lama wujud'. Lantas bertambah jelaslah kemurnian hati atau kemurahan konsensi yang dibuat oleh masyarakat pribumi seperti yang terdapat atau tergambar dalam pernyataan Tunku Abdul Rahman, Ramlah Adam dan Chandra Muzaffar yang telah dipetik sebelum ini.

Perdebatan ini mungkin boleh diteruskan, tetapi ia membabitkan isu yang sememangnya sensitif. Orang bukan Melayu sekarang ini, mungkin boleh mengatakan yang mereka telah begitu banyak membuat sumbangan kepada negara, tetapi golongan Melayu mungkin pula akan menjawab bahawa hakikatnya keadaan atau pencapaian ekonomi di antara kaum masih tidak seimbang. Lantas seandainya keadaan tidak selimbang ini tidak diperbaiki maka semua pihak akan mengalami kerugian, yakni sekiranya ketidakstabilan sosial timbul. Perihal sensitifnya hal ini pada pandangan sesetengah pihak jelas ketara apabila perkara ini telah ditimbulkan baru-baru ini oleh seorang ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negara semasa beliau diwawancara oleh wartawan sebuah majalah serantau. Saranan agar 'tolak-ansur bersejarah' itu dilihat semula, atau dirungkai kalau perlu, yang ditimbulkan oleh David Chua itu, telah mengundang atau membangkitkan pelbagai reaksi spontan dan tajam.<sup>27</sup>

Walau bagaimanapun, untuk kembali semula kepada isu nasionalisme sebagai satu *ideal* dan penegasan Tivey bahawa ' ia tidak berhasil sepenuhnya di mana-mana pun', kes

<sup>26</sup> Institut Tadbiran Awam Negara, *Malaysia Kita* (Kuala Lumpur: INTAN, 1991) hlm. 504  
<sup>27</sup> Untuk laporan tentang wawancara dengan David Chua lih. *Far Eastern Economic Review*, 10 Ogos 2000, hlm. 26-27. Untuk reaksi kepada hal yang dibangkitkan itu lihat, antara lain, pandangan Profesor Diraja Ungku Aziz dalam Wawancara dengan *Mingguan Malaysia*, 20 Ogos, 2000 hlm. 7.

nasionalisme Melayu, nampaknya telah jelas menunjukkan kebenaran atau ketepatan dakwaan tersebut. Sekiranya diterima hakikat bahawa nasionalisme tulen adalah satu *ideal* sahaja, maka ketidakupayaannya dihasilkan di negara kita tidaklah seharusnya dikesali atau diratapi. Persoalan yang lebih relevan untuk generasi kini ialah bagaimana yang telah terhasil itu, yang kini memang sudah menjadi sejarah, yang tidak semestinya pula merupakan sesuatu sejarah yang tidak baik, malah amat baik sekali mengikut perspektif tertentu, dapat terus diperbaiki lagi dari semasa ke semasa.

### Konsep Kemerdekaan: Satu Penilaian Semula?

Malah unsur keterhadan penjelmaan nasionalisme ini, juga boleh dikesani bersabit konsep kemerdekaan. Tiada sebuah negara pun boleh mendakwa yang ia adalah merdeka sepenuhnya. Mungkin tiada sesiapa pun yang perlu diperingatkan tentang perkara ini. Walau bagaimanapun, perkembangan globalisasi yang kian pesat pada zaman kita telah seolah-olahnya memberikan suatu definisi baru pula kepada istilah saling kebergantungan. Seorang pemerhati atau penganalisis tempatan, A. Razak Baginda, bilamana menilai kembali hal ini sempena perayaan ulangtahun kemerdekaan Malaysia yang ke 43 ini, telah menarik perhatian kita kepada persoalan penting ini. Katanya, antara lain,

'... hari ini dengan globalisasi serta perubahan teknologi yang pesat berlaku, seseorang itu tentu tertanya-tanya tentang makna sebenar kemerdekaan dalam keadaan sekarang.'

Beliau menyambung,

'... kini terdapat cabaran amat asas terhadap konsep kemerdekaan dan ini sebenarnya adalah akibat dari kebergantungan kepada pelaburan asing serta pasaran kewangan, dan peranan aktor bukan-negara yang kian meningkat.'<sup>28</sup>

Sekiranya pada tahun 1957, semua pihak, sama ada rakyat atau pemimpin, terpaksa mengukur baju di badan sendiri, untuk membuat keputusan sama ada mahu atau tidak menerima penjelmaan nasionalisme yang tidak *ideal* sepenuhnya, maka pertimbangan

<sup>28</sup>

A. Razak Baginda. 'Reinterpreting independence', dlm. *The Sun*, 3 September, 2000, hlm. 18.

yang sama juga terpaksa dibuat terhadap kemerdekaan yang mungkin juga tidak *ideal*/ sepenuhnya. Dan sekiranya telah diperkatakan bahawa nasionalisme yang tidak *ideal*/ sepenuhnya itu mungkin sebenarnya baik, atau amat baik<sup>29</sup> : seandainya dilihat dari perspektif tertentu, maka tentu juga penegasan atau hujah yang serupa boleh dibuat bersabit kemerdekaan, yakni kemerdekaan yang tidak mencapai *ideal*/yang sepenuhnya. Namun begitu sekiranya terdapat pihak yang mahu juga mencapai nasionalisme *ideal*/ biar apapun implikasinya, kita tentu boleh mempertimbangkan atau mengandaikan kos yang mungkin terpaksa ditanggung. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, perbandingan kes dalam sejarah mungkin tidak dapat diterima oleh semua pihak, dan penulis sendiri sedia mengakui yang justifikasi untuknya mungkin sukar dicari. Namun begitu, seperti yang telah juga dinyatakan di atas, perbandingan, biar apapun keterhadan dan ketidakwajarannya, mungkin juga mahu dibuat demi mengenangkan sesuatu hujah.

Jadi dalam kes sebegini kalau kita diizinkan membuat perbandingan tentu kita boleh merujuk kes yang berlaku di Eropah semasa Perang Dunia Kedua. Adolf Hitler telah membiarkan keghairahan nasionalisme Jerman menguasai segala perhitungan dan strateginya. Akibatnya, dorongan dan ledakan nasionalisme tersebut telah mencetuskan secara langsung atau tidak langsung Perang Dunia Kedua. Lantas sekiranya Perang Dunia Pertama telah dilihat sebagai perayaan kepada kemenangan konsep dan arus nasionalisme,<sup>30</sup> maka Perang Dunia Kedua telah pernah dilihat oleh sesetengah pihak sebagai malapetaka atau angkara akibat pemburuan melulu konsep dan idealisme nasionalisme. Dalam konteks yang sebeginilah pengkaji seperti Koedourie telah menemplak nasionalisme sebagai sesuatu yang telah 'menimbulkan konflik-konflik baru, memperburukkan lagi ketegangan, dan mendatangkan malapetaka kepada jutaan manusia yang tidakpun terlibat langsung dengan hal-hal politik'.<sup>31</sup>

Selepas Perang Dunia Kedua para negarawan dan ahli politik utama Eropah telah begitu serik sekali dengan malapetaka yang didatangkan oleh nasionalisme. Mereka telah berjanji dengan diri mereka untuk memastikan peristiwa seumpama itu tidak berulang

<sup>29</sup> Lih di atas

<sup>30</sup> Lih di atas

<sup>31</sup> A. Koedourie, *op.cit.* hlm. 138

lagi. '*Never again*' merupakan mantra baru mereka dan sesungguhnya akibat dan sesalan dari Perang Dunia Kedua boleh dihujahkan sebagai elemen penting yang mana akhirnya telah memberi laluan konsep dan penubuhan Kesatuan Eropah'<sup>32</sup>. Biarpun terdapat tekad untuk mempastikan tidak berulangnya lagi tempiasan gagasan nasionalisme yang mengerikan, namun Eropah telah digegarkan sekali lagi oleh fenomena yang sama atau hampir sejenis apabila tercetusnya konflik di bekas Yugoslavia. Bersabit hal ini, tidak sukar untuk kita merumuskan bahawa pemburuan nasionalisme yang *ideal* telah menjerumuskan rakyat Balkan yang tidak terlibat secara langsung dengan urusan politik harian ke kancan malapetaka yang begitu dahsyat di penghujung abad ke 20. Seperti yang telah ditegaskan oleh Bogdan Denitch,

' Oleh itu semua yang mendokong gagasan negara etnik atau nasional, dan bukannya negara yang merangkumi semua warga negaranya, sebenarnya mendokong, secara sedar atau tidak sedar, dasar pembersihan etnik yang telah mencetuskan kekejaman yang menghampiri pembunuhan habis-habisan seperti yang telah kita lihat berlaku di dalam perperangan Bosnia di antara tahun 1992-1993'.<sup>33</sup>


Namun begitu, gambaran Kedourie tentang kedurjanaan nasionalisme, yang juga dikatakan oleh Beatty dan Johnson sebagai ' salah satu petaka besar dunia moden',<sup>34</sup> boleh dielakkan sekiranya kita bersedia untuk tidak memburu konsep dan ideal nasionalisme ke penghujungnya. Dalam keadaan begitu, kita mungkin akan lebih mempersetujui gambaran Smith tentang nasionalisme. Bagi Smith, seorang nasionalis lebih merupakan ' pendidik bangsanya yang bersemangat', yang berusaha untuk membangun dan mendaulatkan bangsanya.<sup>35</sup> Inilah apa yang dimaksudkan oleh penulis dalam perbincangan di atas bahawa nasionalisme *ideal* yang tidak berhasil itu tidak semestinya merupakan sesuatu yang tidak baik.

<sup>32</sup> Lih. Qasim Ahmad, 'Kesatuan Eropah di Alaf Baru' dlm. *Pemikir*, Julai-September 2000, hlm. 243-270.

<sup>33</sup> Bogdan Denitch, *Ethnic Nationalism : The Tragic Death of Yugoslavia* (Minneapolis: University of Minnesota Press, 1994) hlm. 7

<sup>34</sup> Beatty & Johnson , *op.cit.*, hlm. 3

<sup>35</sup> A.D. Smith, *Theories of Nationalism* (London: Gerald Duckworth & Co., London) hlm. 12.



**Falsafah Kemerdekaan**

oleh

**Ustaz Muhammad 'Uthman El-Muhammady**

**Sesi 1**

بسم الله الرحمن الرحيم  
خالده ونصلى على رسوله الكريم

## FALAFAH KEMERDEKAAN(1)

OLEH

MUHAMMAD 'UTHMAN EL-MUHAMMADY

Yang dimaksudkan "falsafah" di sini ialah implikasi kefahaman yang berada di sebalik kalimah itu terdiri daripada maksudnya, ciri-cirinya, nilai-nilainya, termasuk juga matlamat-matlamatnya, juga usaha-usaha bagi menjayakannya atau merealisaskannya dan meneruskannya. Inilah yang akan dibicarakan oleh penulis, insya Allah, dengan mengambil kira panduan teks-teks dan contoh dalam sejarah Islam dalam membicarakannya.

### Perkataan "kemerdekaan"

2. Sebagaimana yang ada dalam "Kamus Dewan", terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, "merdeka" atau "memerdekaan" atau "kemerdekaan" nama terbitannya memaksudkan "bebas (daripada penjajahan kurungan, naungan dll), lepas (dr tebusan, tuntutan), berdiri sendiri, tidak bergantung kepada orang lain".
3. Dalam bahasa Arabnya "istiqlal" memberi makna kemerdekaan, berdaulat, dan kata perbuatan "istaqalla" terkandung di dalamnya maksud-maksud mengangkat, meninggikan, menjayakan, dan meneruskan sesuatu sebagaimana yang ada dalam "al-Fara'id ad-Durriyyah" dalam huraijan tentang kata "istaqalla". Kalau kata "al-'itq" maka ianya juga mengandungi maksud bebas merdeka seperti bebas merdeka hamba daripada perhambaan. Terkandung dalam maksud itu ialah keindahan, keutamaan, kecemerlangan, kebebasan. Kalau kata sifat 'atiq maknanya lama, cemerlang, mulia. Kata "hurr" banyaknya "ahrar" memaksudkan benbas merdeka, pemurah, bahagian yang terpilih, murni, tidak bercampur. Kata "harurah", "hurriyyah" an "haruriyyah" terkandung di dalamnya maksud kebebasan (lawan perhambaan), dan bebas daripada hawa nafsu yang jahat.

4.Dalam bahasa Inggeris, antaranya sebagaimana yang ada dalam "Webster's Unabridged Encyclopedic Dictionary of the English Language", kata "independence" memaksudkan antaranya keadaan bebas merdeka daripada dijajah atau dikontrol oleh pihak lain, atau dipengaruhi oleh pihak lain.

#### Maksud-Maksud Di Sebalik Kemerdekaan

5.Maka maksud di sebalik kata-kata "kemerdekaan", "kebebasan", "itq", "istiqlal", "hurriyyah", dan "independence" adalah kebebasan daripada perhambaan atau penjajahan, atau daripada dikontrol oleh pihak lain, berkedudukan mulia, tinggi, sebagai pihak yang terpilih, dengan mempunyai ciri-ciri yang murni, terbebas daripada pengaruh keinginan-keinginan yang jahat.Maka maksudnya nampaknya bermula dengan kebebasan yang boleh difahamkan dalam hubungan dengan kedudukan politik, perekonomian, ketenteraan, budaya, sampailah kepada nilai-nilai.Kemerdekaan yang sebenarnya ialah kebebasan untuk menentukan jatidiri dari segi politik, perekonomian, ketenteraan, budaya, termasuk nilai-nilai;dan dalam hubungan dengan perkara-perkara yang menyentuh nilai bagi Muslimin kita ditentukan oleh Islam, dengan mengambil faedah daripada unsur-unsur lain yang diperlukan.

6.Dalam hubungan dengan kemerdekaan mereka, Orang-Orang Amerika misalnya menyebut tentang prinsip-prinsip yang mereka berjuang untuk menjayakannya seperti persamaan semua manusia, dengan hak-hak mereka ke atas kehidupan, kebebasan, usaha mencari kebahagiaan; mengadakan kerajaan yang menjayakan apa yang mereka cita-citakan; diikuti dengan sebutan aspek-aspek penindasan yang dikenakan ke atas mereka oleh Kerajaan British waktu itu.Ini yang menyebabkan mereka membuat peristiwa kemerdekaan mereka dalam abad ke 18. ([www.nara.gov/exhall/charters/declaration/declaration.html](http://www.nara.gov/exhall/charters/declaration/declaration.html)).

7.Bagi kita, kemerdekaan kita yang tercapai dalam tahun 1957 selepas di jajah semenjak 1511 oleh Portugis, kemudian Belanda, kemudian British merupakan perjuangan yang mengorbankan nyawa dan harta yang terlalu banyak, dengan ramai dari mereka yang terkorban itu tidak tercatat namamanya.Ianya bukannya kemerdekaan yang tercapai dengan tidak bersusah payah, bahkan ianya didahului dengan pengorbanan nenek moyang kita yang hilang tanpa kisah, yang melibatkan para pemimpin, ulama, hulubalang, dan rakyat.<sup>31</sup> Ogos 1957 itu ialah kesimpulan daripada apa yang berlaku beberapa abad lamanya semenjak 1511 itu.

## Jatidiri Kita

- 8.Kemerdekaan daripada penjajahan British itu menjadikan kita bangsa yang merdeka dan berdaulat yang bebas untuk menyusun hidup kita dan menentukan nasib atau destini kita sendiri dalam sejarah dunia dengan izin Allah.Kita tidak lagi dijajah dari segi politik , ketenteraan, dan ekonomi (betul ekonomi dunia berada dalam rangkaian yang saling pengaruh mempengaruhi dalam zaman global tanpa sempadan ini) dan budaya secara yang boleh diperhatikan dengan pandangan mata kepada kita.
- 9.Ini perlu kita fahamkan dengan jelas dan nyata supaya kemerdekaan ini terus terkawal dengan cara yang membolehkan kita hidup menentukan nasib kita sendiri.Pertama-tamanya dilihat dari segi manifestasi budaya atau peradaban, yang menjadi paksi bagi segala-galanya ialah faham alam atau world-view, faham ilmu atau epistemologi dan faham nilai atau aksiologi.Ini yang mesti dipertahankan kalau dilihat dari perspektif Muslimin yang merupakan majoriti dalam negara ini.Bagi mereka yang lain maka mereka bebas mengamalkan agama dan kepercayaan mereka dalam konteks kehidupan yang ditentukan bersama dalam negara ini dengan kebebasan mereka yang terjamin dalam Perlembagaan.
- 10.Muslimin dengan faham alam mereka yang berpaksikan tauhid - taurhidic world-view- mesti memastikan faham alam ini kekal menentukan kehidupan mereka berdasarkan kepada keyakinan kepada Tuhan, alam abadi, nubuwwah, pegangan kepada kitab suci Quran, keyakinan kepada keberadaan alam ghairi termasuk alam kermalaiakatan, dan tadbir lIlahi yang menentukan segala.Termauk ke dalamnya perjuangan manusia Muslim membina kehidupan dan budaya dalam hidup sesuai dengan jatidirinya sebagai khalifah Tuhan dan hambaNya di muka bumi ini.Dengan itu mereka sepatutnya membuktikan diri mereka sebagai "umat yang terbaik yang dilahirkan untuk faedah umat manusia", bermula dengan kedudukan mereka dalam negara tercinta ini sebagai contoh keunggulan dalam semua perkara yang positif,dalam konteks ini mereka membina negara Malaysia yang mereka adalah warganegaranya.
- 11.Faham ilmu atau epistemologi merupakan paksi kita dalam hubungan dengan ilmu atau cara kita mengetahui - mode of knowing.Di dalamnya kita mendapat panduan tentang persoalan-persoalan apa itu ilmu? Apakah punca-piunca ilmu bagi kita? Wahyu? Kenabian? Pancaindera? Pengamatan akal? Penyelidikan? Pengamatan dalam makmal dan alam

tabi'I? Penggunaan alat-alat elektronik zaman ini? Komputer? Akidah Sunni kita? Pemikiran Modernisme? Pascamodenisme? Sains dan teknologi yang diperlukan? Yang positif dan serasi dengan faham ilmu kita kita teruskan dan perjuangkan, faham-faham yang menghancurkan faham ilmu kita seperti aspek-aspek falsafah pascamodenisme yang negatif kita tolak.

12.Dalam soal sains dan teknologi termasuk ITC kita bersama-sama dengan mereka yang bukan Muslimin memperjuangkannya supaya itu semua menjadi aspek-aspek yang teguh dalam tamadun yang kita sedang binakan bersama;pemikiran-pemikiran yang merosakkan dalam epistemologi moden kita bersama-sama mengkesampingkannya.

13.Dalam soal aksiologi atau faham nilai kita mendapat panduan dalam menghadapi soalan-soalan: Apakah itu nilai? Apakah itu kebaikan? Keburukan? Apa punca-puncanya? Wahyu? Kenabian? Pengalaman manusia? Penyelidikan yang rapi tentang kehidupan? Pemikiran yang rasional? Semuanya mempunyai kedudukannya masing-masing dengan sewajarnya.Bagaimana hendak membentuk kebaikan dalam peribadi manusia? Keluarga? Masyarakat dan negara? Apakah faktor-faktor perubahan manusawi? ("factors of human change?") Nilai-nilai murni sarwajagat? Di mana nilai-nilai Islam dan Melayu di dalamnya? Nilai-nilai etika dan oral Timur jauh? Nilai-nilai Asia Selatan? Nilai Kristian? Di manakah pertemuan-pertemuannya? Ini yang membangunkan kita dalam bidang faham nilai yang mesti kita pertahankan dalam menghadapi serangan faham nilai nisbi pemikiran moden dan pascamodenisme.Ini paksi nilai-nilai generasi merdeka kita yang perlu kita realisasikan demi menjaga keutuhan peribadi manusia dan keluarga serta masyarakat kita dalam dunia "tanpa sempadan" ini.Dan untuk ini semua perlu berkerjasama, pemerintah, kalangan ulama dan akademik, pendidikan,budaya, seni, media.

14.Dalam bidang kesenian dan budaya inilah yang memandu kita dari masalah pemikiran, ilmu, nilai, seni bina sampai kepada lagu dan cara berpakaian secara sopan dalam hidup harian kita dan keluarga kita.Kita tidak mahu generasi muda kita tenggelam dalam gelombang budaya global yang di "Coca-Cola"kan, di "KFC"kan, di "seluar jeans"kan, di "Michael Jackson"kan, di "catwalk"can dengan supermodel mereka sebagai contoh, dengan filem ganas mereka yang mereka sendiri mengakui kecelakaan sosial dan etikanya; dengan budaya tidak menghormati orang tua mereka, pemimpin mereka, dengan meringan-ringankan agama di kalangan mereka; dengan stail internasional dalam senibina mereka yang kita

replikakan dalam kalangan kita, walaupun ada kekecualiannya sekarang. Ini antaranya yang menyebabkan akitik Jepun terkenal itu membina falsafah "symbiosis" dalam senibinanya.

15. Dalam siasah kita membina hidup siasah yang terpandu oleh siasah yang tertakrif sebagai "pentadbiran dan pemerintahan berdasarkan kepada kebijaksanaan", dari Tuhan dan ubi dan mereka yang sebenarnya bijaksana; terelak daripada siasah yang ditakrif oleh Bismarck "the art of the possible" atau seni tentang apa yang serba-boleh.

16. Dalam pendidikan kita meneruskan identiti pendidikan dalam falsafah pendidikan negara dengan mengambil manfaat semaksima mungkin dalam pendidikan dengan teknologi dan maklumat serta hasil penyelidikan yang berguna yang terkini.

17. Golongan belia kita kembalikan kepada konsep belia yang taat kepada Tuhan dalam semua kegiatan hidupnya dengan berbasi kepada Tuhan dan keluarga serta masyarakat dan negara semenjak masa mudanya supaya masa mudanya cemerlang sesungguhnya, dan mereka jangan terpengaruh dengan budaya hiburan yang melampau ("excessive entertainment culture") dan budaya memuja-muja orang yang popular dalam media ("celebrity cult") dan budaya mengejar-ngejar jenama dalam kepenggunaan untuk menunjukkan kemewahan hidup sebagai matlamat ("conspicuous consumerism") yang dikatakan oleh aktivis kepenggunaan sebagai "agama setan baharu yang menyebabkan manusia membeli lebih daripada apa yang diperlukannya" sehingga seolah-olah pasarraya menjadi ganti tempat ibadat, dan membeli-belah semacam ganti kepada ibadat.

18. Kita perlu kembali kepada ideal supaya warganegara cintakan negara sebagai wadah tempat berbakti kepada Tuhan dan manusianya dan negara kerana mencari kebahagiaan di sini dan dalam alam yang kekal abadi dengan memupuk hubungan berdasarkan kepada persaudaraan, tolongan dan perpaduan demi untuk mencapai kejayaan sesungguhnya. Moga-moga kita berjaya dalam menangani kehidupan dalam menghadapi alaf baharu dan menentukan identiti kita sebenarnya dalam kalangan bangsa-bangsa di dunia. Allahumma amin.

(1) Kertas yang disediakan untuk Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia, 11-13 September, 2000, anjuran Jabatan Arkib Negara Malaysia, di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

**Perjuangan Kemerdekaan Di Sabah: Satu  
Kesinambungan Cetusan Kebangkitan Islam**

oleh  
**Datuk Haji Jamdin Buyong**

**Sesi 2 Trek 1**

# **PERJUANGAN KEMERDEKAAN DI SABAH: SATU KESINAMBUNGAN CETUSAN KEBANGKITAN ISLAM**

**Datuk Haji Jamdin Buyong  
Pejabat Akhbar dan Penerbitan  
Jabatan Ketua Menteri  
Sabah**

## **1. MINDA MASYARAKAT ISLAM**

Masyarakat Islam di Sabah tidak mahu menerima doktrin nilai-nilai kolonialisme barat. Ruang minda mereka telah didominasi dan didorong oleh hakikat sejarah bahawa universalisme Islamiah telah berakar umbi di negeri ini semenjak kira-kira 500 tahun yang lampau lagi. Dengan itu, pada masa negeri ini terpaksa di bawah kekuasaan Inggeris dan Jepun, walaupun masyarakat Islam lemah dari segi ilmu dan perancangan strategi, namun jiwa mereka tetap dihambat semangat "melawan" tidak mahu mengalah.

## **2. PATRIOTISME MELAYU: 1775-1913**

Semangat patriotisme Melayu yang mahu membebaskan dirinya secara kekerasan daripada belenggu penjajahan telah melatari sejarah Sabah sebelum perang dunia kedua lagi. Gelombang kebangkitan penentangan itu bermula pada tahun 1775 apabila Datu Tating menyerang penempatan Inggeris di Pulau Balambangan. Ini diikuti oleh kebangkitan Syerif Usman bertempur dengan Inggeris di Teluk Marudu pada tahun 1845 dan Haji Saman di Sungai Membakut pada tahun 1846.

Gelombang kebangkitan ini semakin luas melanda Sabah apabila Inggeris melebarkan kekuasaannya dari satu kawasan ke satu kawasan. Antaranya, Datu Baginda Putih

menentang Inggeris di Berhala, Sandakan pada tahun 1879 dan Pengiran Syahbandar Hassan menentang Inggeris di Padas Damit, Beaufort pada tahun 1888.

Setelah berjaya mematahkan beberapa gerakan kebangkitan para patriotik Melayu, akhirnya Inggeris berhadapan dengan perperangan yang panjang dan paling rumit yang dicetuskan oleh Datu Paduka Mat Salleh (Datu Mohammad Salleh bin Datu Balu). Pahlawan ini telah menunjukkan semangat patriotisme Melayu yang paling tinggi sepanjang sejarah pergolakan negeri ini dalam mempertahankan kedudukan Islam. Mat Salleh dengan keras membantah penyerahan tanah Sabah yang terletak di bawah takluk kekuasaan Islam kepada pihak Inggeris. Pada masa menduduki Tambunan, Mat Salleh memberi amaran keras kepada Inggeris bahawa sekiranya Inggeris berhasrat mengambil alih Tambunan, maka dia akan mengambil alih Sandakan dan Labuan. Mat Salleh melancarkan perang ke atas Inggeris dan berjaya mengganggu gugat pentadbiran penjajah selama enam tahun.

Setelah kota pertahanan terakhir Mat Salleh di Tambunan musnah oleh serangan bedilan Inggeris pada detik awal tahun 1900, semangat patriotisme Melayu terus membara di kalangan saki baki pengikutnya. Mereka terus bergerak menentang Inggeris dari masa ke masa. Antara mereka ialah Mat Satur dan Mat Daud menyerang Inggeris di Kudat pada bulan April 1900 dan Kamunta menyerang Tempasuk dan Menggatal pada bulan Mei 1900. Demikian juga Tinus, Sarah, Santara dan Langkap bergerak di sebelah pantai barat. Seorang lagi patriotik Melayu, Pak Musa bergerak menentang Inggeris dari tahun 1908 hingga 1913.

Semangat patriotisme Melayu menentang penjajahan Inggeris secara kekerasan telah mewarnai bumi Sabah silih berganti dari tahun 1775 hingga tahun 1913. Kebangkitan itu juga melibatkan beberapa orang patriotik yang bukan Islam seperti Sigunting dan Antanom, namun perjuangan berlandaskan semangat patriotisme Melayu Islam lebih menonjol dan merata hampir menembusi setiap kawasan penting negeri ini

Walaupun gerakan secara kekerasan itu berjaya menyekat Inggeris daripada melaksanakan dasar yang lebih menekan dan menindas Islam, namun semuanya dapat dipatahkan oleh kekuatan senjata Inggeris.

### **3. NASIONALISME MELAYU**

Di samping gerakan patriotisme Melayu secara kekerasan, bercambah juga gerakan semangat nasionalisme Melayu tanpa kekerasan yang mula bertapak di Sabah selewat-lewatnya pada tahun 1890-an. Antaranya ialah gerakan yang dipelopori oleh "The Mohammaden Association" di Sandakan sekitar awal tahun 1890-an. Ini diikuti oleh gerakan Persatuan Melayu Tawau (PMT) sekitar tahun 1910-an. Selepas itu muncul Persatuan Kebangsaan Melayu Tawau (PKMT) pada tahun 1948. Ketiga-tiga gerakan itu tidak dapat bertahan lama kerana disekat oleh pihak Inggeris daripada terus bertambah kukuh.

Walaupun gerakan nasionalisme Melayu sentiasa mendapat tekanan dan halangan daripada pihak Inggeris, namun masyarakat Melayu semakin berani menonjolkan semangat nasionalismenya melalui gerakan sosiopolitik sekitar pertengahan tahun 1930-an, iaitu dengan mewujudkan rangkaian persepakatan dan kerjasama dengan masyarakat Melayu di Tanah Melayu melalui Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM). Para pendokongnya bergerak melalui rangkaian cawangannya di Jesselton, Tawau dan Labuan, tetapi ahlinya adalah dari seluruh Sabah. Di Labuan juga wujud pergerakan nasionalisme Melayu melalui Kesatuan Melayu Muda.

### **4. GERAKAN GERILA**

Islam lebih tertekan pada masa pemerintahan Jepun di negeri ini. Dengan itu, gerakan penentangan secara kekerasan tercetus semula. Ini merupakan kesinambungan kebangkitan Islam secara kekerasan menentang kuasa luar. Pelopornya ialah Datu Mustapha (Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun) yang mewarisi semangat patriotisme Mat Salleh. Beliau bangkit menentang Jepun melalui gerakan perang gerila. Datu Mustapha terpaksa menerima tawaran dilantik sebagai Ketua Anak Negeri bagi menggantikan bapanya yang telah meninggal dunia. Jika

tidak, Jepun mengancam untuk memotong kepalanya. Meskipun demikian, Datu Mustapha tetap merancang strategi untuk memerangi Jepun.

Datu Mustapha pergi ke Jesselton untuk berbincang dengan Albert Kwok bagi menubuhkan organisasi bawah tanah untuk menentang Jepun. Mereka berpakat untuk menyerang Jepun secara serentak di seluruh Sabah. Bagaimanapun setelah mengetahui kedudukan sebenarnya, Datu Mustapha tidak menyertai gerakan itu, sebaliknya menasihati Albert Kwok agar membatalkan saja rancangan itu. Datu Mustapha memberitahunya bahawa oleh kerana gerakan ini belum mempunyai persediaan yang secukupnya, maka amatlah sukar untuk mengalahkan Jepun. Selain itu, Datu Mustapha terbukti tidak mahu bersekongkong dengan Albert Kwok kerana gerakannya adalah untuk mendirikan pemerintahan China di negeri ini. Tanpa penglibatan Datu Mustapha, Albert Kwok meneruskan juga gerakannya, tetapi tewas dan menyerah diri. Dia dan pengikutnya telah dihukum bunuh oleh Jepun.

Datu Mustapha yang berpangkat Kepten dalam gerakan gerila menyusun strateginya sendiri secara lebih teratur untuk menentang Jepun. Walaupun telah menempuh pelbagai ancaman maut dan beberapa kali ditangkap oleh Jepun, namun Datu Mustapha dapat menyelamatkan diri dan menewaskan musuh dalam beberapa pertempuran.

## 5. SIAPA BERKUASA DI SABAH

Apabila Jepun menyerah kalah dan negeri ini kembali aman, Datu Mustapha menunjukkan semangat patriotisme dan nasionalismenya apabila datang bersama gerombolan bekas anggota gerilanya menyerbu pejabat Labour Party di Kudat. Datu Mustapha berhadapan dengan Setiausaha parti berkenaan bernama Liu, iaitu kawan Chin Peng. Dengan bersenjatakan barung, Datu Mustapha menyergah: "Kamu mesti keluar jam ini juga, kalau tidak aku sapu kamu", sambil menghalakan telunjuknya tepat ke muka Setiausaha itu.

Setiausaha itu menyampuk: "Saya tidak mahu pergi. Saya memerintah di sini dengan pengikut-pengikut saya. Apa sebab kita biarkan orang putih memerintah? Kita perintah sendiri."

"Saya memerintah, bukan British dan bukan juga kamu. Ini negeri saya dan bukan negeri kamu," jawab Datu Mustapha sambil menghunuskan barungnya.

Setiausaha itu menjawab lagi: "Kalau saya tidak pergi dan orang-orang ini ikut saya, bagaimana?"

"Cuba, panggil pengikut-pengikut kamu, panggil semua mereka, biar saya habiskan," sampuk Datu Mustapha dengan berang. Setiausaha itu akhirnya mengalah dan berikutnya telah keluar dari Kudat dalam perjalanan ke Singapura

## 6. GERAKAN SOSIOPOLITIK

Kuasa penjajahan Inggeris semakin kukuh selepas tamatnya perang dunia kedua dengan tertubuhnya British Crown Colony. Meskipun demikian, masyarakat Melayu bertambah berani bergerak dalam pergerakan sosiopolitik yang lebih jelas perjuangannya. Mereka bergerak melalui Parti Kebangsaan Melayu (PKM) dan Barisan Pemuda Society (BARIP) yang bertapak di Jesselton dan Labuan pada tahun 1946. Para pelopor semangat nasionalisme Melayu yang menerajui PKM termasuklah Zakaria Gunn (Datuk Haji), Tengku Nordin, Abdul Rahman Barnawi, Hassan Wahab, Abu Bakar Ahmad dll. Sebahagian penggerak PKM ialah bekas pendokong kuat PASPAM yang telah dibubarkan. Satu daripada kegiatan pergerakannya ialah menganjurkan perhimpunan masyarakat Melayu di Labuan yang turut dihadiri oleh wakil khas, Harun Aminurrashid, Ahli Jawatankuasa Pusat PKM Singapura/Tanah Melayu.

Meningkatnya semangat nasionalisme Melayu di negeri ini antaranya didorong oleh semangat nasionalisme Melayu tokoh-tokoh Indonesia seperti Sukarno dan Hatta. Pengaruh ini dapat dilihat melalui lambang bendera merah putih dan cogankata

“merdeka” yang sering digunakan oleh PKM di samping sokongannya terhadap perjuangan kemerdekaan Indonesia. Dengan ini, Inggeris telah menyekat pergerakannya sebelum pengaruhnya bertambah luas.

BARIP ialah rangkaian dari badan induknya di negara Brunei dengan pergerakannya tertumpu di Jesselton dan Labuan. Antara penggerak utamanya ialah Pg. Ahmad dan Mandur Mohd. Syarif. BARIP merupakan pergerakan nasionalisme Melayu yang tersusun rapi dan lebih berani bertindak menentang penjajahan Inggeris. Antara gerakannya ialah mengepung bandar Jesselton kerana berselisih saham dengan masyarakat China di bandar itu. BARIP juga ada menganjurkan beberapa pergerakan menuntut kemerdekaan negeri ini, antaranya mengadakan perarakan sejauh 3 batu dari Ladang Labau hingga ke Pekan Telipok pada tahun 1947 bagi menunjukkan perpaduan dan kekuatan masyarakat Melayu kepada Inggeris.

Perjuangan nasionalisme Melayu BARIP tergambar dalam lagu rasminya:

Pulau Borneo tanah airku  
Negeri tempat tumpah darahku  
Kami berbaris menuju satu  
Di bawah Lambang Merah Putih itu

Kami Melayu bersatu hati  
Berpegang waja berhati batu  
Menjadi tentera di tanah airku  
Menjaga keamanan kaum bangsaku  
Hidup! Hidup! Melayu kaum bangsaku

Meskipun PKM dan BARIP memperlihatkan pertaliannya dengan semangat nasionalisme Melayu Indonesia, namun tujuannya bertapak di negeri ini adalah bagi menyatukan masyarakat Melayu ke arah meningkatkan kedudukan politik dan ekonomi yang tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak pentadbiran Inggeris. Kerana itu Inggeris telah menggunakan muslihat melaka-lagakan para

pemimpinnya yang membawa kepada perpecahan dan akhirnya pergerakan itu terpaksa dibubarkan.

## 7. GERAKAN DAKWAH ISLAMIAH

Memandangkan pergerakan nasionalisme Melayu tidak dapat bertahan lama kerana sentiasa dihalang oleh Inggeris, maka masyarakat Melayu mengalihkan strategi perjuangan mereka melalui institusi gerakan Islamiah. Ini sebagai helah mengelakkan pihak Inggeris menyekat pergerakannya. Seorang pendakwa nasionalis Melayu, Imam Suhaili Haji Yaakub memimpin masyarakat Melayu bersatu bergerak di bawah Khairat Jumaat Muslimin (KJM) di Jesselton pada tahun 1947. Satu daripada cabaran berupa provokatif yang dihadapi oleh gerakan ini ialah tindakan Inggeris merobohkan dan memindahkan masjid di Kampung Air di bandar Jesselton ke Kampung Sembulan (kemudiannya Inggeris membina sebuah gereja baru di atas bukit di kawasan berkenaan). Imam Suhaili menentang keras tindakan pemindahan masjid berkenaan. Pergeseran beliau dengan pihak Inggeris memuncak yang akhirnya Inggeris mengeluarkan perintah menghalau beliau keluar dari Sabah. Beliau kembali ke negara Brunei. Peristiwa ini menyebabkan perjuangan KJM juga menjadi lemah dan terpaksa dibubarkan pada tahun 1949.

Inggeris terus menekan perkembangan dakwah Islamiah. Antaranya membuat ketetapan melalui kuatkuasa undang-undang melarang orang-orang Islam masuk ke kawasan yang penduduknya bukan Islam. Masyarakat Islam semakin terhimpit untuk meluaskan gerakan dakwahnya.

## 8. GERAKAN SOSIOPOLITIK MUNCUL KEMBALI

Bagi menyambung perjuangan yang tersekat sekian lama, sebahagian bekas ahli KJM menuhuhan Pergaulan Ikhwan Sabah pada pertengahan tahun 1950-an. Persatuan ini membuka keahliannya kepada semua orang Islam tanpa mengira suku kaum. Ini diikuti oleh pergerakan melalui persatuan yang lebih terbuka sifatnya, iaitu Angkatan

Gaya Baru (AGABA) yang bergerak di Jesselton dan Pergaulan Anak Negeri (PAN) yang bergerak di Sandakan mulai awal tahun 1960-an.

## **9. GERAKAN PERSATUAN ISLAM**

Meskipun pelbagai gerakan nasionalisme Melayu yang berbau politik dapat dikesan dan disekat oleh Inggeris, namun masyarakat Melayu tidak berputus asa. Mereka mencari jalan lain bagi meneruskan perjuangan ke arah mengukuhkan kedudukan agama dan masyarakat Islam yang semakin tergugat di bawah pentadbiran Inggeris. Bagi memastikan pihak Inggeris tidak menyekat pergerakannya, mereka kembali bergerak melalui persatuan yang lebih jelas berkonsepkan gerakan dakwah Islamiah, iaitu Persatuan Islam Tawau (PIT) ditubuhkan pada tahun 1955, Persatuan Islam Putatan (PIP) ditubuhkan pada tahun 1959 dan Persatuan Islam Sabah ditubuhkan pada tahun 1960.

Melalui gerakan dakwah Islamiah, masyarakat Islam dapat berkumpul dan bertukar-tukar fikiran menyatukan masyarakat Islam untuk meneruskan perjuangan berunsur sosiopolitik di samping tujuan utamanya bagi meningkatkan dakwah Islamiah.

## **10. GERAKAN POLITIK DATU MUSTAPHA**

Semangat nasionalisme Melayu telah lama terpendam dalam diri Datu Mustapha. Beliau amat benci kepada Inggeris kerana mendapati Inggeris memandang hina terhadap penduduk negeri ini. Semasa bertengkar kerana membela seorang penduduk di Kudat, Datu Mustapha menyifatkan seorang pegawai Inggeris dengan kata-kata: "Ini orang putih penjajah negeri ini dan mahu menunjukkan sombongnya, aku akan kasi dia mati". Selepas itu, Datu Mustapha menghilangkan diri. Beliau yang berjawatan Ketua Anak Negeri pada masa itu tidak diambil apa-apa tindakan, sebaliknya dipujuk oleh gabenor supaya kembali bertugas.

Datu Mustapha mendampingi perjuangan Parti Kebangsaan Melayu dengan berbincang dengan Zakaria Gunn di Labuan semasa dalam perjalanan ke London

pada tahun 1946. Perbincangan itu telah mencetuskan idea untuk menubuhkan sebuah parti politik yang lebih besar merangkumi seluruh negeri Sabah. Selepas itu pada tahun 1953, semasa menuntut di Maktab Pertanian Serdang, Datu Mustapha bertemu dengan Onn bin Jaafar. Berikutan dengan pertemuan itu, beliau hampir menyertai UMNO kerana tertarik hati terhadap perjuangannya, tetapi atas pengaruh kawan-kawannya, beliau tidak dapat meneruskan hasratnya itu.

Datu Mustapha bertemu dengan Tunku Abdul Rahman pada persidangan ECAFE di Kuala Lumpur pada tahun 1957. Pada pertemuan inilah, bagi pertama kalinya Datu Mustapha mengemukakan cadangan kepada Tunku agar Borneo Utara dicantumkan dengan Tanah Melayu, iaitu Borneo Utara menjadi satu unit dalam Persekutuan Tanah Melayu. Tunku berjanji untuk memikirkan cadangan itu. Datu Mustapha sekali lagi berjumpa dengan Tunku pada tahun 1959 di Jesselton semasa Tunku singgah dalam perjalannya ke Manila. Semasa berkursus di London pada tahun 1959, Datu Mustapha berbincang dan mencadangkan kepada Donald Stephens (Tun Haji Mohd. Fuad Stephens) untuk menubuhkan sebuah parti politik di Sabah. Mereka bersumpah menjadi "abang dan adik kandung". Tetapi apabila kembali ke tanah air, Donald Stephens tidak melaksanakan sumpah itu, sebaliknya menubuhkan partinya sendiri, iaitu UNKO. Datu Mustapha terpaksa merancang penubuhan partinya sendiri, iaitu USNO pada tahun 1961. Perlembagaan parti ini digubal dengan menggunakan sebahagian besar Perlembagaan UMNO. Ramai nasionalis Melayu yang gagal dalam pergerakan bercorak sosiopolitik dan keagamaan sebelum itu telah bersatu di bawah parti ini.

## **11. ISLAM BERSEMARAK DI BAWAH DATU MUSTAPHA**

Selepas Sabah mencapai kemerdekaan menerusi pembentukan Persekutuan Malaysia, Datu Mustapha menjadikan Islam sebagai satu daripada agenda utamanya. Apabila mendapati agenda ini tidak diberi perhatian sewajarnya, beliau meletakkan jawatan sebagai Yang di-Pertua Negara Sabah dan kembali aktif dalam politik dan berjaya menjadi Ketua Menteri. Satu daripada agenda utamanya, ialah menyatukan

masyarakat Islam melalui Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) hasil gabungan PIT, PIP dan PIS. Selepas itu, gerakan dakwah besar-besaran dijalankan. Pengislaman beramai-ramai menjadikan penduduk Islam bertambah hingga ke tahap majoriti berbanding dengan agama lain. Ini membolehkan Islam diangkat sebagai agama rasmi di negeri ini. Kejayaan berikutnya ialah penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah yang menjadi agensi Kerajaan untuk melaksanakan program dakwah Islamiah.

Datu Mustapha telah menunjukkan kewibawaannya yang luar biasa sebagai patriotik dan nasionalis Melayu yang mewarisi perjuangan Islam yang telah mewarnai sejarah Sabah bermula dengan penentangan Datu Tating ke atas penempatan Inggeris di Pulau Balambangan pada tahun 1775. Keberaniannya dalam gerakan pengislaman menyemarakkan perkembangan Islam di negeri ini. USIA di bawah kepimpinannya telah membeli gereja (yang telah didirikan sebagai menggantikan masjid di bandar Jesselton), dan kemudiannya menjadikan gereja itu sebagai masjid. Datu Mustapha mempunyai cita-cita yang lebih tinggi daripada kejayaan itu. Beliau mahu melihat rakyat bersatu melalui satu bahasa, satu kebudayan dan satu agama.

Ketika menyebut perkara tersebut, Datu Mustapha dengan tegas dan berani mengisyiharkan: "saya sedar, bahawa sungguhpun kata-kata saya ini merupakan "political suicide", tetapi oleh kerana kepentingan penduduk di negeri ini, di hari ini hingga masa hadapan, sampai ke anak cucu cicit seterusnya, maka saya berani dan sanggup menghadapi segala cabaran dan rintangan, sebabnya saya berpendapat tidak ada jalan lain untuk memberi jaminan bagi negeri kita dan penduduknya melainkan dengan jalan yang saya sebutkan tadi". Agenda itu terbukti telah menjadi satu daripada "political suicide" kepada perjuangan Datu Mustapha dan USNO.

## 12. ISLAM GOYAH

Apabila Datu Mustapha turun dari menara kekuasaannya, maka pendekatan Kerajaan Negeri dalam menangani agenda bahasa, kebudayaan dan agama berubah secara drastik. Dalam perubahan ini, walaupun MUIS dapat terus berfungsi seperti biasa, tetapi USIA sebagai penggerak di baris hadapan dalam program dakwah Islamiah hilang kekuatannya. Pertubuhan ini tidak lagi mampu menahan gelombang perpecahan di kalangan masyarakat Islam. Meskipun agenda Islam terus bersama-sama mewarnai kemerdekaan negeri ini, namun para pemimpin Islam tidak lagi begitu berani dan lantang bersuara dalam mempertahankan kedudukan Islam. Dalam senario politik yang baru itu, meskipun masih ada para pemimpin Islam mahu terus menjadikan dakwah Islamiah sebagai satu daripada agenda utama, tetapi keadaan tidak mengizinkan mereka untuk bertindak mengikut rentak seperti sebelumnya, kerana mereka pasti bimbang yang agenda tersebut boleh menjadi "political suicide" kepada perjuangan mereka seterusnya. Dalam keadaan ini, pergerakan dakwah Islamiah semakin goyah. Masyarakat Islam pada umumnya berasa tertindas. Pelbagai usaha telah dicuba untuk mengembalikan kekuasaan USNO, tetapi semuanya gagal kerana masyarakat Islam sendiri telah berpecah dan terlalu sukar untuk kembali bersatu.

## 12. KESIMPULAN

- (a) Masyarakat Islam menunggu lebih dua setengah abad untuk bebas daripada belenggu orang barat. Tempoh itu telah diwarnai dengan dominasi kebangkitan perjuangan Islam menentang Inggeris. Keberanian dan kepintaran Datu Mustapha dalam gerakan gerila dan perjuangannya dalam politik ialah landasan terpenting dan terakhir dalam sepanjang sejarah pergolakan di negeri ini yang membawa kepada kemuncak kejayaan, iaitu kemerdekaan negeri Sabah. Meskipun demikian, dasar untuk menyatukan rakyat melalui satu bahasa, satu kebudayaan dan satu agama telah menjadi satu daripada "political suicide" kepada perjuangan beliau dan USNO. Dengan itu, pada masa kini, tidak ada lagi pemimpin atau parti politik di Sabah yang berani meneruskan dasar itu, khususnya

dasar perpaduan melalui satu agama. Dasar itu dianggap tidak praktikal. Meskipun demikian, dasar itu tetap mempunyai kekuatan tersendiri yang menggegarkan dan membuka minda pemikiran rakyat di Sabah tentang betapa pentingnya perpaduan di kalangan rakyat semua kaum, sehingga Datu Mustapha sanggup memperjuangkan dasar yang amat keras dan berisiko tinggi itu.

- (b) Pengisian kemerdekaan di Sabah tidak boleh menolak hakikat sejarah bahawa kebebasan dan kemerdekaan negeri ini telah dipelopori dan diperjuangkan oleh para patriotik dan nasionalis Islam dengan pelbagai pengorbanan yang amat besar dan dalam tempoh yang paling panjang. Inilah sebabnya, masyarakat Melayu di negeri ini sentiasa menekankan untuk terus mengisi kemerdekaan dengan memperjuangkan dan mempertahankan ketuanan dan dominasinya dalam politik dan pemerintahan negeri ini. Ini adalah kerana ketuanan inilah saja yang dapat menyelamatkan kesinambungan kegemilangan Islam di negeri ini. (c)
- (c) Pelbagai dasar, konsep dan tindakan yang telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tempoh 37 tahun negeri ini merdeka, telah memberi banyak pengajaran kepada generasi hari ini untuk direnung dan dihayati sebagai panduan positif dan negatif dalam menghadapi tuntutan pengisian kemerdekaan seterusnya, antaranya:
- (i) Meskipun dasar perpaduan melalui satu agama terbukti tidak praktikal dan membawa kepada "political suicide", namun kebimbangan yang keterlaluan hingga tidak mahu mendekatkan diri kepada agenda gerakan Islamiyah kerana menganggapnya sebagai "perangkap maut politik", boleh membawa padah yang amat serius kepada masa hadapan Islam. Oleh itu, Islam hendaklah terus menjadi satu daripada agenda utama dalam pengisian

kemerdekaan, tetapi hendaklah melalui proses yang lebih bijaksana, rasional, toleransi, adil, saksama serta menghormati agama-agama lain.

- (ii) Dasar perpaduan melalui satu bahasa (Bahasa Kebangsaan) dan satu kebudayaan (Kebudayaan Kebangsaan) tidak boleh disamakan dengan dasar perpaduan melalui satu agama, oleh kerana dasar Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan adalah dasar nasional. Meskipun demikian pelaksanaan dasar ini harus diperhalusi lagi agar tidak menggambarkan sebarang unsur-unsur yang menimbulkan pandangan negatif di kalangan rakyat pelbagai kaum yang bimbang tentang kemungkinan dasar itu akan membunuh bahasa dan budaya ibunda mereka.

## **RUJUKAN**

JAMDIN BUYONG, 1981. Perjuangan Peribumi Menentang Penjajahan di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat. Kertaskerja dibentangkan pada Seminar Sejarah sempena Perayaan Sabah 100 Tahun, anjuran bersama Yayasan Sabah dan Persatuan Sejarah Malaysia, di Teater Mini, Yayasan Sabah, Kota Kinabalu (Julai 1981).

JAMDIN BUYONG (Norsabah), 1971. Watak Wira Mat Salleh Dalam Asas Struktur Sejarah, BAHASA, Kota Kinabalu.

I.D. Black, 1968. The Ending Of Brunei Rule in Sabah 1878-1, JMBRAS, XLI, 2.

North Borneo Annual Report, 1947, 1957, 1958, 1960, 1962.

Owen Rutter, 1930. The Pirate Wind. London.

K.G. Tregoning, 1958. Under Chartered Company Rule, Singapore.

ABDULLAH HUSSAIN, 1976. Tun Datu Mustapha Bapa Kemerdekaan Sabah, Kuala Lumpur: Penerbit M.F.I.

DATUK HAJI JAMDIN BUYONG  
Pejabat Akhbar dan Penerbitan  
Jabatan Ketua Menteri  
Kota Kinabalu.  
3 Sept. 2000

**Darah, Keringat dan Air Mata: Menjejaki dan  
Menghayati Perjuangan Pribumi Menentang  
Penjajah**

oleh  
**Prof. Dr. Abdullah Zakaria**

**Sesi 2 Trek 1**

# **Darah, Keringat dan Air Mata: Menjejaki dan Menghayati Perjuangan Pribumi Menentang Penjajah**

Oleh

Abdullah Zakaria bin Ghazali

Jabatan Sejarah

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

## **Pendahuluan**

Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 adalah kemuncak daripada hasil perjuangan orang Melayu menentang penjajah. Kejayaan ini adalah satu pencapaian yang tidak dapat dimilai harganya dalam perjuangan yang dirintis oleh Sultan Ahmad dan Sultan Mahmud Melaka sejak 1511. Sejak tahun itu darah, keringat dan air mata pribumi yang menitis di bumi tidak dapat dikira lagi. Perjuangan ini berterusan; menentang Belanda, Siam, British dan sehingga kemerdekaan menjadi kenyataan.

## **Perjuangan Menentang Penjajah**

Kehadiran kuasa asing menjajah Malaysia mencetuskan tentang penduduk pribumi. Mereka menentang Portugis, Belanda dan Siam di Semenanjung Malaysia dan menentang British di Sabah dan Sarawak. Portugis yang mempunyai matlamat menguasai sumber ekonomi di timur dan penyibaran agama Kristian datang ke Melaka untuk menguasai perdagangan pada 11 September 1509 di bawah pimpinan Diogo Lopez de Sequira.<sup>1</sup> Saudagar Islam yang ada di Melaka bimbang dengan kedatangan bangsa asing ini mempengaruhi Bendahara Tun Mutahir menghalau orang Portugis ini. Dengan itu Bendahara Tun Mutahir menahan beberapa orang Portugis, antara pegawaiinya Rui De Araujo. Ketua rombongan Portugis, Lopez de Sequira memohon dibebaskan tetapi tidak dilayan. Dengan itu beliau pulang ke Portugal membuat laporan.<sup>2</sup>

Raja Portugal, Emanuel hantar angkatan Portugis ke Melaka bawah pimpinan Diogo Mendes de Vasconcelos. Apabila angkatan ini tiba di Goa, Alfonso de Albuquerque menahan dan memenjarakan Diogo Mendes de Vasconcelos. Alfonso de Albuquerque mengambil alih tugas pimpinan tentera bergerak dari Goa ke Pidi, Sumatera dan ke Melaka.<sup>3</sup> Setelah gagal mencapai kata sepakat, perperangan meletus di antara Melaka dengan Portugis. Angkatan Melaka di bawah Sultan Ahmad, putera Sultan Mahmud menentang kemaraan tentera Portugis ini tetapi gagal.<sup>4</sup> Melaka ditakuki Portugis pada 24 Ogos 1511.

Kemenangan Portugis ini menyebabkan pusat pertadbiran kerajaan Melaka berpindah randah. Ketika bersemayam di Johor, Sultan Mahmud meneruskan

perjuangan menentang Portugis di Melaka. Portugis pula melancarkan serangan ke atas pusat pemerintahan Sultan Mahmud di Pulau Bintan: tahun 1521, 1523 dan 1524. Serangan Portugis ini dapat diatasi oleh angkatan Sultan Mahmud. Namun begitu angkatan Sultan Mahmud gagal mengatasi serangan angkatan Portugis ke atas Pulau Bintan pada tahun 1526. Setelah Kota Kara ditawan Portugis, di atas nasihat para pembesar Sultan Mahmud berundur ke Kampar. Baginda mangkat di sini pada tahun 1528.<sup>5</sup>

Sultan Mahmud digantikan oleh putera baginda, Sultan Alauddin Riayat Shah dan bersemayam di Johor. Kini Johor memainkan peranan sebagai pusat kerajaan Melaka dahulu. Kewujudan kerajaan Johor di bawah pemerintahan Sultan Keturunan kesulatanan Melaka ini mencuriagai Portugis di Melaka. Dengan matlamat mengawal perdagangan di perairan Selat Melaka, Portugis melancarkan serangan ke atas Johor, misalnya pada tahun 1535, 1536 dan 1587.<sup>6</sup> Serangan ini menyebabkan pusat pentadbiran Johor seringkali berpindah. Pada awal kurun ke-17 Belanda ke perairan Johor. Pada tahun 1602, Jacob Heemskerk datang ke Batu Sawar, pusat kerajaan Johor menjalinkan persahabatan dengan Sultan Alauddin Riayat Shah II. Pada tahun 1641, Johor membantu Belanda menyerang Portugis di Melaka. Portugis dikalahkan dan Belanda menduduki Melaka.

Pendudukan Belanda di Melaka ditentang oleh penduduk Naning. Belanda bertindak balas melancarkan serangan ke atas Naning pada tahun 1643. Naning yang gagal menghadapi angkatan Belanda menandatangani perjanjian pada tahun tersebut. Antara syarat yang disetujui, Naning sanggup menghantar satu persepuluhan hasil tahunannya kepada Belanda di Melaka.<sup>7</sup> Walaupun demikian Belanda tidak pernah memaksa Naning menghantar hasil tersebut. Sebaliknya Belanda pernah meminta 400 gantang padi sahaja.<sup>8</sup> Belanda yang bertapak di Melaka ingin menguasai perniagaan bijih timah di Selat Melaka, terutamanya di Perak. Setelah mendapat bantuan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Aceh, Belanda berjaya mendapat tandatangan Sultan Muzaffar Shah II membuka gudang di Perak. Walaupun begitu langkah Belanda untuk memonopoli perdagangan bijih timah di Perak ditentang oleh penduduk Perak. Pada tahun 1651 loji Belanda di Kuala Perak diserang dan semua orang Belanda yang ada di situ dibunuhan dan Belanda menutup lojinya di sini. Kemudiannya Belanda datang lagi dan kali ini membina loji di Pulau Pangkor. Kehadiran orang Belanda tidak disukai oleh penduduk tempatan kerana mereka ingin menguasai semua bijih timah yang dikeluarkan di Perak. Orang Perak menyerang kapal dagang Belanda yang berlayar di persisiran pantai Perak pada tahun 1676 dan 1677. Serangan ini menyebabkan Belanda mengukuhkan kawalan di Pulau Pangkor. Kekuatan ini tidak menghalang serangan Panglima Kulup Ali dan pengikutnya pada tahun 1690. Ramai orang Belanda yang terkorban dan mereka meninggalkan kubu tersebut.<sup>9</sup>

Pada tahun 1782 berlaku perselisihan Johor-Belanda yang menyebabkan Belanda menghantar tentera mengepung Riau di bawah pimpinan Laksamana Toger Aboe pada tahun 1782. Kehadiran angkatan Belanda ditentang oleh pasukan Johor. Sementara

pasukan Johor mempertahankan serangan Belanda, Sultan Ibrahim Selangor bersama pengikut baginda dengan bantuan Rembau melancarkan serangan ke atas Belanda di Melaka pada tahun 1783. Tindak balas pasukan Johor ini menyebabkan Belanda gagal menawan Riau. Dengan itu pada tahun 1784 angkatan Belanda diperintahkan pulang ke Melaka. Sultan Ibrahim berangkat ke Riau menemui bapa saudaranya, Yamtuhan Muda Raja Haji untuk mendapatkan bantuan Johor. Raja Haji pula, kerana dijemput oleh anak saudaranya sendiri, Sultan Ibrahim dan perang jihad mengambil keputusan berperang menentang Belanda di Melaka. Sultan Mahmud Johor, Yamtuhan Muda Raja Haji berangkat ke Melaka. Apabila sampai di Muar, Sultan Mahmud dinasihatkan bersemayam di sini; Yamtuhan Muda Raja Haji berangkat ke Melaka. Dalam perjuangan tersebut Yamtuhan Muda Raja Haji mangkat di Teluk Ketapang, Melaka pada tahun 1784. Kemangkatannya menyebabkan pasukan Selangor dan Johor pulang ke negeri masing-masing.

Tidak berapa lama setelah Sultan Ibrahim pulang ke Selangor, angkatan Belanda menyerang Kuala Selangor, pusat pentadbiran Sultan Ibrahim pada bulan Julai 1784. Sultan Ibrahim gagal mempertahankan Kuala Selangor berundur ke Hulu Selangor dan seterusnya ke Pahang. Setelah berjaya menawan Kuala Selangor, kubu di atas Bukit Selangor dinamakan Kota *Altinsburg*, sempena nama Gabenor Jeneral Belanda pada ketika itu; kubu di atas Bukit Tanjung Keramat pula dinamakan Kota *Utrecht*, sempena nama kapal di bawah pimpinan Jacob Pieter van Braam yang berjaya mengalahkan Yamtuhan Muda Raja Haji. Pihak Belanda telah melantik Raja Muhammad Ali menjadi Pemangku Sultan Selangor dan dibantu oleh anak saudaranya, Syed Ali. Kemudiannya Raja Muhammad Ali yang berselisihan faham dengan Belanda pulang ke Siak. Dengan itu tinggallah Syed Ali di Selangor. Beliau pula telah mengisyiharkan dirinya sebagai Yang Dipertuan Selangor. Penduduk Selangor enggan mengiktirafkan Syed Ali sebagai Yang Dipertuan Selangor dan juga tidak mahu menjual bijih timah kepada Belanda.<sup>10</sup>

Dalam pada itu angkatan Johor dikalahkan oleh Belanda di Bintan, menandatangani perjanjian pada 10 November 1784. Antara lain Perjanjian ini mencatatkan bahawa pelabuhan Riau menjadi hak Belanda; Sultan Mahmud kekal sebagai pemerintah Johor di bawah perintah Belanda. Jawatan Yamtuhan Muda dan orang Bugis tidak dibenarkan memegang jawatan dalam pentadbiran Johor. Pada bulan Jun 1785 Belanda menghantar David Ruhde ke Riau memegang jawatan Residen Belanda.

Sultan Ibrahim Selangor yang berlindung di Pahang melancarkan serangan ke atas pasukan orang Belanda yang berkubu di Kuala Selangor pada Jun 1785. Baginda berjaya menawan semula Kuala Selangor. Angkatan Belanda pulang ke Melaka dan Syed Ali pulang ke Siak. Namun begitu pertempuran Selangor-Belanda berlarutan hingga terikatnya perjanjian pada tahun 1786. Dalam perjanjian ini Sultan Ibrahim akan menjual bijih timah kepada Belanda.<sup>11</sup>

Kehadiran Residen Belanda di Riau tidak disenangi oleh Sultan Mahmud. Dengan

itu baginda mengutuskan surat kepada Raja Tempasuk di Kalimantan meminta baginda menghantar angkatan menyerang Belanda di Riau. Bantuan daripada Raja Tempasuk ini berjaya mengalahkan Belanda di Riau Mei 1787. Walaupun berjaya, Sultan Mahmud khuatirkan Belanda akan bertindak balas. Dengan itu baginda meninggalkan Riau dan bersemayam di Lingga. Kemudianya pada tahun 1787 juga Belanda menduduki Bintan.

Sementara itu Serangan dan penaklukan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821 dan pendudukannya sehingga 1842, mencetuskan siri perjuangan orang Melayu Kedah membebaskan negerinya dan memulihkan semula kedaulatan kerajaan serta maruah bangsa Melayu. Tokoh yang bertanggungjawab merancangkan serangan ke atas Kedah ialah Raja Ligor, dan dia pula mendapat arahan daripada Bangkok.<sup>12</sup> Pasukan Siam yang mengandungi 7,000 orang tentera di bawah arahan Raja Ligor berlepas dari Trang ke Sungai Kedah, dengan alasan mendapatkan bekalan makanan bagi melancarkan serangan ke atas Burma. Padahal matlamat mereka menangkap Sultan Kedah.<sup>13</sup> Apabila tiba di Kedah pada Ahad 12 November 1821, secara mengejut mereka menyerang Kedah.<sup>14</sup> Sultan Ahmad Tajuddin ketika ini berada di Kuala Muda, menggali terusan berundur ke Seberang Perai, dan ke Pulau Pinang.<sup>15</sup> Dato' Syahbandar, Dato' Temenggung dan Dato' Laksmana cuba mengatasi serangan ini tetapi terkorban dalam pertempuran. Dato' Bendahara, Tunku Yaakob (putera Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah) dan Tunku Jam Jam ditawan oleh Siam. Bendahara diracuni ketika dalam perjalanan ke Senggora.<sup>16</sup> Tentera Siam membunuh ramai orang lelaki; menangkap wanita dan kanak-kanak sebagai tawanan.<sup>17</sup> Dianggarkan sejumlah 1,000 orang Kedah yang telah ditawan dibawa ke Bangkok untuk dijadikan hamba kepada Raja, Pernangku Raja(Wangna) dan menteri-menteri Siam.<sup>18</sup>

Chao Phya Ligor meletakkan kedua-dua anaknya, Phya Buri Saknuto sebagai Gabenor dan Phya Sina Nunchit sebagai Timbalan Gabenor Kedah. Kedua-duanya hanya disahkan oleh Rama III selepas tahun 1826.<sup>19</sup> Di samping itu pentadbiran Siam di Kedah dibantu oleh pasukan tentera Siam bagi menjamin perlaksanaan pentadbiran dan undang-undang.<sup>20</sup> Pada tahun 1822, Syarikat Hindia Timur Inggeris menghantar wakil yang diketuai oleh John Crawfurd, di antara lain untuk mengembalikan semula Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah di atas takhta kerajaan Kedah.<sup>21</sup> Begitu juga dengan utusan Kapten Henry Burney ke Bangkok pada tahun 1825, salah satu matlamatnya untuk mengembalikan kuasa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah di atas takhta kerajaan Kedah.<sup>22</sup> Kedua-dua utusan ini gagal berbuat demikian. Namun begitu Kapten Henry Burney berjaya menandatangani perjanjian dengan kerajaan Siam pada tahun 1826. Antara syaratnya, British mengakui kedaulatan Siam ke atas Kedah dan British tidak akan membenarkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah, keluarganya atau pengikutnya menyerang Kedah.<sup>23</sup>

Pada tahun 1826, Syed Zainal Abidin atau lebih dikenali dengan panggilan Tunku Kudin,<sup>24</sup> anak saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah; Tunku Long Putih, saudara ipar Sultan Ahmad Tajuddin dan Tunku Sulaiman melancarkan serangan ke

atas pertahanan Siam di Kota Kuala Kedah tetapi gagal.<sup>26</sup> Kemudiannya sekali lagi Tunku Kudin memimpin angkatan Kedah menyerang tentera Siam di Kedah pada tahun 1829. Angkatan ini antara lain disertai Tunku Long Puteh, Tunku Jaafar dan Tunku Dagang, anak Tunku Long Puteh; panglima Hassan, Mis, Che Rio, Awang Lahal dan Che Akil. Serangan ini juga dikalahkan tentera Siam.<sup>27</sup> Tunku Kudin merancangkan gerakan lagi pada bulan Januari 1830. Dia berjaya mengumpulkan kira-kira 5,000 orang dan mara ke Kedah melalui Perai. Mereka yang menyertai angkatan ini mengisifatkan sebagai perjuangan jihad menentang orang kafir, Siam.<sup>28</sup> Pada tahun 1831, angkatan Tunku Kudin terdiri daripada 2,000 orang, dengan semangat jihad<sup>29</sup> menyerang pasukan Siam di Kota Kuala.<sup>30</sup> Kota Kuala ditawan oleh pasukan Kedah pada 24 April 1831.<sup>31</sup> Tentera Siam yang bertahan di sini mengundurkan diri ke Alur Ganu, markas pertahanan mereka. Kira-kira 30 orang tentera Siam ditawan dan disiksa sehingga mati; sebagai membala dendam di atas tindakan tentera Siam sebelum ini ke atas orang Kedah.<sup>32</sup> Begitu juga dengan orang Cina yang membantu tentera Siam disiksa hingga mati.<sup>33</sup>

Kejayaan Tunku Kudin mengambil balik Kota Kuala, serta mengundurkan tentera Siam diketahui oleh Chao Phya Ligor. Dia mengumpulkan kira-kira 7,500 orang dengan 3,000 ekor gajah mara ke Kedah pada Jun 1830.<sup>34</sup> Angkatan Siam menyerang pasukan Tunku Kudin di Kota Kuala. Tunku Kudin dan pasukannya mempertahankan kedudukan, tetapi dikalahkan di sini. Tentera Siam memasuki Kota Kuala, kira-kira 50 orang Melayu termasuk Tunku Kudin terkorban. Orang Melayu Kedah dalam perjuangan ini berpegang kepada perang jihad, menentang kafir; mati syahid dan masuk syurga.<sup>35</sup> Kepala Tunku Kudin dipancung dan dibawa ke Bangkok.<sup>36</sup> Mereka yang berjaya melepaskan diri berundur ke Pulau Pinang atau Seberang Perai.<sup>37</sup>

Ketika orang Melayu menentang Siam, British memberi bantuan kepada angkatan Siam. Gabenor R. Ibbetson memenuhi tuntutan Raja Ligor melalui artikel 13, Perjanjian Burney 1826, mengeluarkan pengisyiharan yang menyatakan barangsiapa yang ditangkap akan dianggap sebagai lanun dan akan dikenakan hukuman yang setimpal. British juga memberi bantuan ubat bedil kepada Raja Ligor.<sup>38</sup> Kapal-kapal perang diarahkan ke Sungai Kedah dan Sungai Merbok memintas pasukan Tunku Kudin dan Tunku Long Puteh yang mungkin akan mengundurkan diri daripada serangan Siam melalui laut.<sup>39</sup> Kapal perang *Zephyr*, *Emarald*, *Wolf*, *Alligator* dan *Crocodile* untuk mengawal perairan Kedah. Dengan tindakan ini British berharap Siam akan mempercayainya.<sup>40</sup> Kapten H. Hamley bersama kapal *Wolf* diarahkan juga menyibarkan surat pengisyiharan yang menyeru supaya pasukan orang Melayu bersurai.<sup>41</sup> Dalam pada itu British mengambil keputusan memindahkan Sultan ke Melaka.<sup>42</sup> Dalam peperangan ini orang Melayu berjaya membunuh kira-kira 700 orang tentera Siam. Sementara itu 1,500 orang pejuang Kedah terkorban. Setelah Kota Kuala jatuh kembali ke tangan Siam, kira-kira 4,000 hingga 5,000 keluarga telah ditawan dan dibawa ke Siam.<sup>43</sup>

Kegagalan kebangkitan Tunku Kudin ini tidak menghambat perjuangan menghalau

penajah Siam ini. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang berada dalam buangan di Melaka merancang menyerang Siam di Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah berangkat ke Beruas, Perak merancang gerakan di sini.<sup>44</sup> Pada 27 Mac 1837, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah yang berada di Beruas mengeluarkan pengisyitharan supaya berhimpun di Pulau Langkawi. Gabenor S.G. Bonham pula mengeluarkan surat amaran mengingati jangan menyokong Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah. Sekiranya ingkar mereka akan menerima padahnya.<sup>45</sup> Rancangan baginda gagal kerana dihalang oleh British. Gabenor Negeri-Negeri Selat pada ketika ini, Murchison menghantar Kapten James Low ke Perak, memberi amaran Raja Muda jangan terlibat dalam gerakan Sultan Kedah. Jika membenarkan Beruas sebagai markas serangan ke atas Siam di Kedah, British tidak akan membantu Perak sekiranya diserang oleh Siam.<sup>46</sup> British menghantar kapal perang *Zephyr*,<sup>47</sup> kemudianya kapal *Zebra* di bawah pimpinan Kapten McCrea dan perahu *Diamond*<sup>48</sup> diantar pula ke Beruas untuk membawa Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah ke Melaka. Walaupun Kapten McCrea gagal tetapi akhirnya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah kembali semula ke Melaka. Baginda dikawal supaya tidak mencetuskan serangan ke atas Kedah. Elaun baginda dikurangkan.<sup>49</sup>

Perjuangan orang Melayu Kedah menentang Siam berterusan; kali ini dipimpin oleh Tunku Muhammad Saad bin Tunku Daud. Tunku Muhammad Saad dibantu oleh Dato' Muhammad Ali dari Langkawi; Tunku Muhammad Taib dan Tunku Muhammad Akib dari Setul; Syed Husin dan Wan Muhammad Arshad dari kayang(Perlis); Tunku Abdullah, Tunku Sulaiman;<sup>50</sup> Syeikh Abdul Samad al-Palembangi, seorang ulama terkenal di Kedah pada ketika ini;<sup>51</sup> juga panglima perang, seperti Tok Mo Ris(Bomoh Idris) dari Perupok, Kubur Panjang;<sup>52</sup> Dato' Syahbandar Wan Daud dari Pulai, Baling dan Dato' Madi dari Bandar Baru.<sup>53</sup> Dato' Panglima Bukit Gantang juga menghantar 100 orang dan lima buah perahu ke Kedah membantu gerakan menentang Siam.

Angkatan Tunku Muhammad Saad berjaya mengalahkan tentera Siam yang bertahan di sempadan Seberang Perai.<sup>54</sup> Seterusnya pada 3 Ogos 1838, Tunku Muhammad Saad dan angkatannya melancarkan serangan ke atas Kota Kuala, tetapi gagal. Tidak lama kemudian sekali lagi serangan dilakukan dan angkatan Siam yang tidak dapat bertahan berundur ke arah Perlis.<sup>55</sup> Angkatan Tunku Muhammad Saad menyerang dan mengalahkan pasukan Siam bertahan di Alur Ganu di bawah Phya Buru Sukhuton. Sementara itu pasukan di bawah Dato' Muhammad Ali yang bergerak ke Utara berjaya menduduki semula Setul. Pasukan lain di bawah Wan Mat Pulau mara ke Chenak. Pasukan ini juga mera ke Kota Baru, Reman dan seterusnya ke Kuala Bekah, Patani.<sup>56</sup> Angkatan di bawah pimpinan Tunku Muhammad Taib<sup>57</sup> dan Tunku Muhammad Jiwa bersama kira-kira 2,500 orang berjaya menduduki Senggora.<sup>58</sup> Angkatan Tunku Muhammad Saad dan Syeikh Abdul Samad al-Palembangi bersama 4,200 orang berjaya menduduki Hadyai.<sup>59</sup>

Setelah berjaya menduduki Kedah dan beberapa tempat di Selatan Siam, pasukan Tunku Muhammad Saad menghadapi serangan balas pasukan Siam. Raja Siam, Pra

Nang Klaor atau Rama III mengarahkan Chao Phya Ligor dan Chao Phya Senggora yang ada di Bangkok pulang ke negeri masing-masing mengumpul kekuatan mengatasi pasukan Kedah di bawah pimpinan Tunku Muhammad Saad.<sup>60</sup> Angkatan Siam ini berjaya mengalahkan angkatan Tunku Muhammad Taib dan menawan Senggora, Hadyai dan Setul. Kemudiannya angkatan Siam melancarkan serangan ke atas Kedah. Angkatan Tunku Muhammad Saad dikalahkan.<sup>61</sup> Haji Muhammad Taib yang mengalami kecederaan berundur; menaiki perahu ke Pulau Pinang.<sup>62</sup> Tunku Muhammad Taib pula setelah gagal bertahan kubu Alur Ganu daripada serangan Siam, berundur di waktu malam ke Kuala.<sup>63</sup> Pihak British menghantar kapal Hyacinth untuk mengepung pantai Kedah. Kapal ini bertugas dari 6 Disember 1838 hingga 11 April 1839.<sup>64</sup> Ketika mengepung persisiran pantai Kedah, angkatan British memusnah perahu dan harta orang-orang Kedah.<sup>65</sup>

Akhirnya Kedah ditawan kembali oleh angkatan Siam. Tunku Muhammad Saad dilaporkan berundur ke arah Seberang Perai<sup>66</sup> dan kemudiannya beliau ditangkap oleh British dengan tuduhan sebagai "lanun". Tunku Muhammad Saad dihadapkan ke mahkamah. Walaupun bebas daripada tuduhan sebagai "lanun", Tunku Muhammad Saad dibuang ke Culcutta. Beliau kemudiannya dibenarkan pulang dan meninggal dunia di Pulau Pinang.<sup>67</sup>

Walaupun gerakan Tunku Kudin dan Tunku Muhammad Saad dengan kegagalan, tetapi ia memberi kesan terhadap kerajaan Siam. Mulai tahun 1838, Pra Nang Klaor atau Rama III telah mengambil keputusan untuk memulangkan pentadbiran Kedah kepada anak tempatan. Pada tahun 1838, Rama III telah melantik Tunku Anum, kerabat diraja Kedah sebagai Gabenor Kedah. Kemudiannya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah dibenarkan kembali dan menduduki sumula takhta kerajaan Kedah.<sup>68</sup> Pada Ogos 1842, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah pulang ke Kedah.<sup>69</sup>

Kehadiran British dan penglibatan mereka dalam pentadbiran tempatan telah mencetuskan gerakan terhadap mereka. Gerakan ini berlaku di Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Gerakan menentang British ini; Semenanjung Tanah Melayu menentang kerajaan British, Sarawak menentang pentadbiran Brooke; manakala Sabah menentang Syarikat Berpiagam Borneo Utara.

Campur tangan British dalam halehwal tempatan di Semenanjung Tanah Melayu telah mencetuskan tentangan. Pendudukan tidak sah British di Pulau Pinang pada tahun 1786 telah ditentang oleh Sultan Abdullah Kedah. Baginda mengumpul tentera di Seberang Perai untuk menyerang British di Pulau Pinang. Namun begitu British bertindak terlebih dahulu, angkatan Sultan Abdullah dari Kedah dikalahkan. Baginda menandatangani perjanjian 1791 mengakui kekuasaan British di Pulau Pinang dan menerima bayaran tahunan 6,000 ringgit Sepanyol.

British yang menduduki Melaka mulai 1825, selepas Perjanjian London 17 Mac 1824, terlibat dalam halehwal Naning. Angkatan British dihantar di bawah pimpinan

Kapten Wyllie dan dibantu oleh Leftenan Milnes dan Leftenan Begbie berserta 150 orang sepoi diarahkan menawan Tabuh, pekan dan pusat pentadbiran Penghulu Dol Said<sup>70</sup> diserang hendap oleh angkatan Penghulu Dol Said. Angkatan British ini dikalahkan oleh pasukan Penghulu Dol Said dan berundur ke Melaka.<sup>71</sup> Ketika berundur mereka diserang hendap oleh pasukan Penghulu Dol Said.<sup>72</sup> Oleh kerana menjaga maruah, kalah di tangan Naning, pihak British menghantarkan angkatan yang lebih besar di bawah Leftenan Kolonel Herbert pada tahun 1832 dan berjaya menawan Naning.

Penentangan di Sungai Ujong pula adalah berpunca daripada tindakan Dato' Klana Sungai Ujong, Syed Abdul Rahman menanda tangani perjanjian pada 21 April 1874, menerima pengaruh British. Sepatutnya sebagai Waris Di Darat, Dato' Klana hendaklah terlebih dahulu berunding dengan Dato' Shahbandar Abdullah Tunggal, Waris Di Air, tetapi tidak dilakukan oleh Dato' Klana. Dengan itu perselisihan berlaku di antara Dato' Klana dengan Dato' Shahbandar. Pada 16 November 1876, kira-kira 400 orang Dato' Klana melancarkan serangan dan menawan kubu Dato' Shahbandar di Rahang dan Rasah.<sup>73</sup> Dato' Shahbandar menyerang balas dan berjaya mengundurkan pasukan Dato' Klana. Dato' Klana meminta bantuan daripada British.<sup>74</sup> British yang sememangnya menunggu peluang menghantar tentera membantu Dato' Klana Sungai Ujong. Kini Dato' Shahbandar menentang British. Dato' Shahbandar gagal mengatas serangan pasukan British. Dia mengundurkan diri ke Selangor.<sup>75</sup> Kemudiannya Dato' Shahbandar Abdullah datang menyerah diri di Sungai Ujong. Pada 17 Disember 1874, Dato' Shahbandar menurunkan tandatangan dan copnya ke atas surat pengakuan: tidak akan melancarkan serangan ke atas Dato' Klana dan Gabenor Negeri-Negeri Selat.<sup>76</sup> Kemudiannya pada 15 Januari 1875, Dato' Shahbandar sekali lagi menurunkan tandatangan dan cop ke atas surat pengakuan akan tinggal di Singapura.<sup>77</sup> Dia seterusnya dibuang ke Singapura dan meninggal di sini.<sup>78</sup>

Sementara Dato' Shahbandar menentang British di Sungai Ujong, J.W.W. Birch yang datang bertugas sebagai Residen British Perak pada 4 November 1874 melaksanakan berbagai peraturan baru. Misalnya membatalkan pajakan Kuala Sungai Perak oleh Sultan Abdullah kepada saudagar Lee Cheng Tee dengan kadar \$26,000.00 setahun; mengharahkan pembesar Perak memungut cukai dan campur tangan dalam soal perhambaan di Perak. Segala tindakan J.W.W. Birch ini tidak disenangi oleh sultan dan pembesar Perak. Dengan itu mesyuarat diadakan di Durian Sebatang pada 21 Julai 1875. Mesyuarat ini dikendalikan oleh Sultan Abdullah, dihadiri oleh pembesar atau wakilnya, kecuali Raja Yusof memutuskan membunuh J.W.W. Birch.<sup>79</sup> Mereka yang hadir: Sultan Abdullah, Raja Idris, Wan Husin (wakil Temenggung), Kundah Muhammad (wakil Raja Bendahara dan Seri Maharaja Lela), Penghulu Mat Ali (wakil Menteri Ngah Ibrahim), Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor, Dato' Laksamana, Dato' Shahbandar, Raja Ahmad, Orang Kaya Mat Arshad, Mat Ros, Raja Musa, Tuk Muda Rapa, Haji Idris, Haji Daud, Haji Mat Yasin, Pak Taib, Raja Mahkota dan Haji Daud (tidak sama dengan Haji Daud sebelum ini).<sup>80</sup> Pada 2 November 1875, J.W.W. Birch dibunuh di Pasir Salak.<sup>81</sup> Pasukan British di bawah Brigadier Jeneral J. Ross dan

Mejar Jeneral F. Colborne dihantar ke Perak untuk menghapuskan gerakan tentangan dan menangkap mereka yang terlibat. Mereka yang terlibat ditahan dan menyerah diri, dibicarkan. Dato' Maharaja Lela Pandak Lam, Dato' Sagor (Dato' Seri Agar Diraja Ngah Kamdin), Pandak Indut dan Seputum dijatuhi hukuman gantung sampai mati. Manakala Ngah Jabor, Panjang Bur, Kulup Ali(Che Ali) dan Si Tuah dijatuhi hukum penjara seumur hidup.<sup>82</sup> Sultan Ismail dan Panglima Perang Semaun dibuang ke Sekudai, Johor. Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim bin Jaafar, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Shahbandar Uda Mahamor dibuang ke Pulau Seychelles.<sup>83</sup>

Kebencian terhadap British dapat juga berlaku di Selangor pada kurun ke-19. Raja Mahdi menentang British kerana British memberi sokongan kepada saingannya, Tunku Kudin yang menyokong Raja Abdullah dan Raja Ismail dalam persaingan perebutan kuasa ke atas Klang. Campur tangan British di Selangor dengan perlantikan Residen J.G. Davidson pada awal 1875 juga membangkitkan rasa tidak senang hati Raja Mahdi ibn Raja Sulaiman. Dengan sokongan Raja Mahmud, anak raja Selangor, Raja Asal, Raja Beroman, Syed Masahor dan Sultan Puasa; Raja Mahdi membuat pakatan menentang Tengku Kudin, wizurai dilantik oleh Sultan Abdul Samad yang mendapat sokongan daripada British. Semangat menentang British membawa kepada pakatan untuk melancarkan serangan ke atas Kuala Lumpur. Rancangan serangan ke atas Kuala Lumpur diketahui oleh pihak British dan Raja Mahdi tidak dibenarkan pulang ke Selangor. Namun begitu percubaan dibuat juga oleh Raja Mahdi untuk melancarkan serangan ke atas Kuala Lumpur. Rancangan ini gagal, kerana British berjaya menangkap Sultan Puasa dan meminta jasa baik Maharaja Abu Bakar membawa Raja Mahdi yang berada di Padang Muar ke Johor Bharu. Dengan itu kebangkitan di Selangor tidak sempat berlaku.<sup>84</sup>

Begitu juga di Sri Menanti, Yamtuan Tunku Antah melancarkan gerakan menentang British kerana British melibatkan diri dalam soal Terachi pada tahun 1875 menyokong dakwaan Dato' Klana Sungai Ujong bahawa Terachi sebagai haknya. Pada 26 November 1875, P.J. Murray bersama rombongan datang ke Terachi untuk meninjau keadaan di sini. Terachi sebenarnya, bersama-sama Hulu Muar, Gunong Pasir dan Jempul adalah terdiri dalam negeri-negeri Sri Menanti yang dikenali sebagai 'Tanah Mengandung' dan terletak dalam bidang kuasa Yang Dipertuan Sri Menanti. Penglibatan British ini mencabar kewibawaan Yang Dipertuan Sri Menanti, Tunku Antah. Ketegangan hubungan Tunku Antah dan British ini mencetus pertempuran. Pada awal Disember 1876, angkatan Tunku Antah berjaya menawan balai polis di Paroi.<sup>85</sup> Kemudiannya Tunku Antah membina kubu pertahanan di Paroi. Kubu ini diserang oleh pasukan British dan Tunku Antah berundur ke Bukit Putus.<sup>86</sup> Tunku Antah mengundurkan diri ke Johor dan berlindung di bawah Maharaja Abu Bakar. Kemudiannya Tunku Antah dibenarkan pulang, berkuasa di Seri Menanti sahaja.<sup>87</sup>

Penglibatan British di Pahang mulai 1887 dan perlantikan J.P. Rodger sebagai Residen British pada tahun 1888 serta perlaksanaan perubahan dalam pentadbiran menimbulkan percanggahan nilai-nilai tempatan dengan barat. Pentadbiran baru di

bentuk di Pahang. Pahang telah dibahagikan kepada beberapa daerah dan diletakkan di bawah Pemungut Cukai dan Majistret berbangsa Eropah. Kuantan diletakkan di bawah pentadbiran A.H. Wall, Pekan, F. Belfield; Kuala Pahang, W.W. Michell; Temerloh, E.A. Wise; Hulu Pahang, W.C. Michell dan Hugh Clifford sebagai Pengguna Hulu Pahang.<sup>88</sup> Dengan itu peranan Pembesar tempatan di kawasan masing-masing diambil oleh oleh 'Pemungut Cukai dan Majistret'. Sebagai gantian di atas kehilangan kuasa ini pihak British mencadangkan bayaran elauan kepada pembesar. Tuk Gajah, Temenggung, Shahbandar, Maharaja Perba Jelai, Orang Kaya Chenor dan Orang Kaya Temerloh ditawarkan elauan \$1,200.00 dan Dato' Bahaman pula sebanyak \$840.00 setahun.<sup>89</sup> Tarawan elauan tahunan ini ditentang oleh pembesar Pahang; di antaranya Maharaja Purba Jelai, Orang Kaya Chenor, Dato' Shahbandar, Tuk Gajah, Orang Kaya Temerloh dan Abdullah Bera. Mereka menyatakan tidak akan patuh keputusan Majlis Mesyuarat Negeri yang mereka sifatkan sebagai "Majlis Tuan Rodger". Rodger pula memberi amaran tidak ragu-ragu mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang mengingkari keputusan Majlis Mesyuarat Negeri. Selain itu British juga terlibat dalam soal perhambaan dan sistem kerah.

Pembesar Pahang tidak dibenarkan memungut cukai dalam kawasan masing-masing. Dato' Bahaman yang memungut cukai di dalam kawasannya di Semantan telah diberi amaran oleh pihak British. Dalam pada itu 3 orang pengikut Dato' Bahaman telah ditahan oleh C.E.B. Desborough di atas tuduhan memungut hasil hutan tanpa kebenaran. Oleh kerana menolak permohonan Dato' Bahaman supaya mereka tersebut dibebaskan, serangan dilakukan ke atas rombongan C.E.B. Desborough. Beberapa buah perahu karam dan Townson, seorang pendayung Melayu serta seorang mata-mata Sikh tercedera.<sup>90</sup> Mulai gerakan Dato' Bahaman secara terbuka ini, pengikutnya bertambah ke 600 orang dan dibantu oleh 100 orang asli. Orang Melayu pula menyibarkan dakyah menyatakan Dato' Bahaman berjaya mengalahkan pasukan Desborough.<sup>91</sup> Peraturan baru yang diperkenan dan dikuatkuasakan serta kehilangan kuasa dan wibawa serta untuk mempertahankan maruah negeri menyebabkan mereka melancarkan gerakan menentang British di Pahang pada tahun 1891-1895. Dalam gerakan yang dilancarkan, Dato' Bahaman, Tuk Gajah(Imam Perang Rasul) dan Mat Kilau dikalahkan. Mereka berundur ke Kelantan dan Terengganu. Kemudiannya dengan semangat jihad yang ditanam oleh Tukku Paloh (atau Sayyid Abdul Rahman al-Idrus), Dato' Bahaman dan pejuang-pejuang Pahang melancarkan serangan ke atas Kuala Tembeling; berikutnya berjaya menawan kubu Jeram Ampai. Walaupun begitu kejayaan ini tidak berkekalan, kerana pasukan British berjaya mengundurkan mereka. Sekali lagi mereka memasuki sempadan Kelantan dan Terengganu.<sup>92</sup> Gerakan memburu pejuang Pahang dilakukan oleh pasukan British di bawah Hugh Clifford ke Kelantan dan Terengganu, tetapi menghadapi kegagalan kerana tidak mendapat kerjasama daripada penduduk tempatan.<sup>93</sup>

Pada tahun 1915, berlaku kebangkitan Tuk Janggut di Pasir Puteh, Kelantan dipimpin oleh Haji Mat Hassan bin Munas (lebih dikenali dengan panggilan Tuk Janggut) dengan sokongan Engku Besar Jeram Tuan Ahmad. Pentadbiran British

Kelantan memperkenalkan peraturan baru dan antaranya akan berkuatkuasa pada 1 Januari 1915. Dalam cukai baru ini cukai tahunan tanah pertanian di antara 1 ringgit dan 1 ringgit 20 sen seekar terhadap tanah kelas satu; 80 sen seekar tanah kelas dua; 60 sen seekar tanah kelas tiga dan 40 sen seekar tanah kelas empat. Setiap tanah sama ada dikerjakan atau tidak dikerjakan diwajibkan membayar cukai. Sebelum ini pembayaran hasil tanah berdasarkan hasil yang diperolehi. Sekiranya hasil tinggi cukainya tinggi; jika hasil rendah, cukainya rendah, atau dikecualikan langsung. Misalnya tanaman sirih 5 sen sejungung, lembu dan kerbau 20 sen seekor,<sup>94</sup> pokok kelapa yang berbuah, 3 sen sepokok; durian 12 1/2 sen sepokok dan pinang 1 sen sepokok. Tanah padi pula, sawah 97 1/2 sen seekar dan huma 46 sen seekar.<sup>95</sup> Peraturan baru, kejatuhan harga kelapa kering, hasil padi merosot; pengaruh dahagi Singapura (1915), bahawa British mengalami kekalahan teruk di antar faktor menyumbang meletusnya kebangkitan Pasir Puteh pada tahun 1915.<sup>96</sup>

Pada 29 April 1915, Tuk Janggut mengadakan mesyuarat di Kampung Tuk Akib. Di antara mereka yang hadir, Tuk Janggut, Penghulu Adam, Haji Said dan Che Sahak Merbol. Mesyuarat ini bersetuju memulakan pembayaran hasil dan menyerang pekan Pasir Puteh. Sementara itu Abdul Latiff, pegawai daerah Pasir Puteh telah mengarahkan Sarjan Che Wan dengan beberapa orang mata-mata menangkap Tuk Janggut. Pertengkarannya berlaku di antara kedua pihak, Tuk Janggut menikam Sarjan Che Wan dan mati. Mata-mata yang ikut serta lari menyelamatkan diri.<sup>97</sup> Ketegangan yang wujud di Pasir Puteh ini menyebabkan Encik Abdul Latiff dan kakitangan kerajaan mengundurkan diri ke Kota Bharu.

Angkatan Tuk Janggut, Engku Besar Jeram dan Penghulu Adam serta Che Sahak Merbol melancarkan serangan ke atas Pasir Puteh. Mereka tinggal di Pasir Puteh selama 3 hari. Ketika berada di sini, mereka melantik Engku Besar Jeram Tuan Ahmad sebagai Pemerintah; Tuk Janggut sebagai Perdana Menteri, dibantu oleh Haji Said dan Che Sahak Merbol sebagai Pegawai Daerah.<sup>98</sup> Mereka dilaporkan merosakkan bangunan kerajaan, rekod dan melepaskan orang salah.<sup>99</sup>

Penasihat British Kelantan meminta bantuan tentera dari Singapura. Pasukan bantuan di bawah Lettenan Kolonel C.W. Brownlow dengan kapal *S.S. Kaka* dan pasukan di bawah Kapten Marryat dengan *H.M.S. Cadmus* dihantar ke Kelantan. Mereka tiba di Tumpat, Kelantan pada 5 Mei 1915. Kemudiannya bantuan tambahan *Malay States Guides* dihantar dengan kapal *S.S. Calypso* tiba di Kelantan pada 12 Mei 1915.<sup>100</sup> Pasukan British ini mara ke Gunong pada 5 Mei 1915. Setekrusnya ke Bukit Jawa, 8 Mei 1915 dan akhirnya tiba di Pasir Puteh pada 9 Mei 1915. Pasukan ini tidak menerima sebarang tentangan kerana Tuk Janggut dan penyokongnya telah pun meninggal pekan Pasir Puteh. Sultan Kelantan dengan nasihat Penasihat British, menurunkan tanda tangan ke atas surat pengisyiharan memaklumkan 5 orang pemimpin; Tuk Janggut, Engku Besar Jeram Tuan Ahmad, Penghulu Adam, Che Sahak dan Haji Said, menyerahkan diri dalam tempoh 7 hari. Sekiranya ingkar rumah mereka akan dibakar.<sup>101</sup>

Kerajaan menawarkan hadiah 500 ringgit tiap-tiap seorang kepada sesiapa yang berjaya menangkap mereka. Pada 23 Mei 1915, pasukan British mendapat maklumat yang Tuk Janggut dan penyokongnya akan melancarkan serangan ke atas Pasir Puteh pada 24 Mei 1915. Pasukan British terdiri daripada 50 orang Sikh dan 7 pegawai Eropah di bawah Major Borton mara ke Jeram pada 24 Mei 1915. Pertempuran kemudiannya berlaku di antara kedua-dua belah pihak di Kampung Dalam Pupuh. Tuk Janggut dilaporkan terkoban; manakala Engku Besar Jeram Tuan Ahmad yang mengalami kecederaan di paha diselamatkan oleh Awang Deraman ke Reman, Selatan Thailand.<sup>102</sup> Mayatnya diarak di Pasir Puteh dan Kota Bharu, sebelum digantungkan kepala ke bawah di Padang merdeka untuk beberapa ketika. Kemudiannya dikebumikan di Pasir Pekan.<sup>103</sup>

Penglibatan British di Terengganu juga mencetuskan tentangan pada tahun 1922, 1925 dan 1928 di bawah pimpinan ulama, Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (lebih dikenali dengan panggilan Haji Abdul Rahman Limborg). Suatu perkara yang menarik dalam gerakan di Terengganu ini ialah peranan isu agama begitu menonjol. Mereka menganggap bahawa undang-undang baru yang diperkenalkan oleh pentadbiran British ini adalah undang-undang kafir. Sementara itu Haji Musa bin Abdul Ghani (lebih dikenali dengan Haji Musa Minangkabau) yang mendapat tauliah mengajar agama dan memungut zakat di Hulu Terengganu menyatakan yang peraturan baru yang dibawa oleh British adalah peraturan kafir.

Antara peraturan baru yang diperkenalkan, penduduk Terengganu diwajibkan membayar cukai, mengambil surat kebenaran untuk mengambil hasil hutan, membuka tanah untuk berhuma atau petempatan sementara. Mereka juga tidak dibenarkan memburu binatang liar tanpa mengambil lesen terlebih dahulu.<sup>104</sup> Melalui Undang-Undang Kawalan Binatang Buas yang dikeluarkan pada tahun 1923 melarang penduduk tempatan memburu binatang liar. Sekiranya ada yang mengingkari akan dikenakan denda sebanyak \$500.00 dan senapang mereka akan dirampas. Manakala peraturan mengenai tanah yang diluluskan pada tahun 1924, mewajibkan setiap penduduk Terengganu mendaftarkan tanah mereka untuk mendapatkan surat hak milik. Setiap orang diwajibkan membayar \$2.50 untuk menyelesaikan kedudukan tanah mereka kepada mahkamah. Daripada \$2.50 ini, \$1.00 dibayar untuk pendaftaran di Pejabat Tanah, \$1.00 lagi untuk salinan asal dan \$0.50 untuk salinan berikutnya. Sekatan mengambil hasil hutan dan berhuma serta pengenalan peraturan baru lain menyebabkan lahirnya rasa tidak puas hati penduduk Terengganu, terutamanya mereka di kawasan pendalaman.

Pada 1922, Haji Abdul Rahman Limborg sebagai wakil petani yang didakwa mengambil hasil hutan tanpa surat kebenaran menyatakan di dalam mahkamah, tanah adalah hak Allah dan negeri tidak mempunyai hak mengenakan cukai. Kegagalan pendakwa menjelaskan pertanyaan Haji Abdul Rahman Limborg menyebabkan perbicaraan ditangguhkan beberapa kali.<sup>105</sup> Perbicaraan yang dilangsungkan beberapa

kali ini berakhir tanpa keputusan.<sup>106</sup>

Pada tahun 1925 Haji Abdul Rahman Limbong terlibat mengerah penduduk pendalaman berkumpul membersih tanah Tengku Nik Maimunah ibn Sultan Zainal Abidin III di Telemong. Jumlah mereka pada 3 Mei 1925 di antara 300 hingga 500 orang. Mereka kemudiannya bersurai apabila kerajaan campur tangan.<sup>107</sup> Kira-kira tiga tahun kemudian, tahun 1928 berlaku sekali lagi kebangkitan. Kali ini mereka berkumpul di Kuala Berang dan Telemong. Walaupun ia dikendalikan oleh pemimpin yang berlainan di Kuala Berang dan Telemong, tetapi mereka di bawah pimpinan Haji Abdul Rahman Limbong. Mereka yang berkumpul di Kuala Berang menduduki bangunan kerajaan yang ditinggalkan pada 22 Mei 1928. Jumlah mereka yang berkumpul dianggarkan melebihi 500 orang. Di antara ketua yang ada pada hari ini, Abu Bakar Chinting, Mat Pitas, Engku Mat Kuala Pueh, Abdullah Jurukaka dan Ismail Kuala Por.<sup>108</sup> Sementara pasukan Kuala Berang mara ke Kuala Terengganu pada 23 Mei 1928, pasukan yang berkumpul di Kampung Pelam juga bergerak. Rancangan mereka, kedua-dua pasukan ini akan bertemu di Pasir Kebakang.

Pasukan Kampung Pelam di bawah pimpinan Mat Zin bin Mat Min, Haji Zakaria (atau Kia) dan Lebai Deraman (Tuk Janggut) dalam perjalanan melalui Padang Kacung ditahan oleh pasukan kerajaan di bawah pimpinan Dato' Panglima Dalam, Dato' Seri Lela Diraja dan Dato' Pahlawan di Padang Kachung, Kuala Telemong. Dato' Panglima Dalam, Dato' Pahlawan dan Dato' Seri Lela Diraja mengeluarkan arahan tembak kepada ketua pasukan polis, Inspektor Tengku Abdullah.<sup>109</sup> Tembakan pasukan kerajaan itu mengorbankan 11 orang dipihak Kampung Pelam. Tuk Janggut terkorban. Berita kematian di Padang Kacung ini menyebabkan kumpulan Kuala Berang yang sampai di Kampung Chepu pulang ke kampung masing-masing.

Kerajaan Terengganu mendapat bantuan daripada 50 orang polis dan 2 orang pegawai (seorang Melayu dan seorang Eropah) dari Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pasukan bantuan ini tiba di Kuala Terengganu pada 24 Mei 1928. Gerakan memburu dan menangkap pemimpin terlibat dijalankan. Tarawan hadiah di antara 100 hingga 200 ringgit dikeluarkan kepada sesiapa yang berjaya menangkap Haji Tahir Kampung Gunung, Mat Pitas, Abu Bakar Chinting, Ismail Kuala Por, Haji Kia Telemong, Abdullah Jurukaka Kuala Menjing, Isa Paloh Dalam Tersat, Engku Mat Kuala Pueh, Lebai Hasan Kuala Menjing, Mat Zin Telemong, Penghulu Salleh Pasir Nyior dan Che Leh (anak Haji Abdul Rahman Limbong).<sup>110</sup>

Hasil gerakan memburu dan menyiasat, kerajaan berjaya menangkap Abu Bakar Chinting, Ismail Kuala Por, Engku Mat Kuala Pueh, Abdullah Jurukaka, Haji Tahir Gunung, Mat Pitas, Mat Zin bin Mat Min, Lebai Hasan, Haji Kia, Penghulu Umar, Che Leh bin Haji Abdul Rahman Limbong dan Haji Abdul Rahman Limbong. Semua mereka, kecuali Haji Abdul Rahman Limbong diperjarakan. Haji Abdul Rahman Limbong ditempatkan dalam sebuah rumah di halaman istana Maziah. Semua tahanan ini dibicarkan pada 11 Jun 1928. Kesemuanya didapati bersalah bersabit dengan

kebangkitan yang berlaku pada tahun 1928. Mat Zin bin Mat Min dijatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan kerja berat; Abu Bakar Chinting, Ismail Kuala Por dan Abdullah Jurukaka hukuman penjara 10 tahun dan kerja berat; Haji Kia 7 tahun kerja berat; Haji Tahir Gunung, Mat Pitas, Engku Mat Kuala Pueh dan Lebai Hasan 5 tahun kerja berat. Che Leh dan Penghulu Salleh Pasir Nyior dibebaskan.<sup>111</sup> Haji Abdul Rahman Limpong dijatuhkan hukuman buang negeri ke Mekah.<sup>112</sup>

Gerakan tentangan juga berlaku juga di Sabah. Datu Tating di Sabah pada kurun ke-18, menentang British di Balambangan. Kemudiannya Syarikat Baron de Overbeck dan Alfred Dent yang mendapat pajakan Sabah daripada Sultan Brunei pada tahun 1877 dan Sultan Sulu pada tahun 1878 telah dianugerahkan Piagam oleh kerajaan British pada tahun 1881 dan berikutnya Kompeni Berpiagam Borneo Utara ditubuhkan pada tahun 1882.

Pentadbiran Kompeni memperkenalkan cukai bagi menambah kewangan mereka. Di antara cukai yang diperkenalkan ialah ke atas beras. Kegiatan pedagang memasuki kawasan pendalamatan dan mendapatkan hasil hutan telah merosakkan jalinan perdagangan tradisional penduduk tempatan. Apabila pegawai yang pertama dihantar bertugas di Kudat pada awal 1882, menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk tempatan. Salah seorang pegawainya, F.X. Witti telah dibunuh oleh suku pendalamatan dalam bulan Mei 1882. Begitu juga apabila pejabat dipindahkan dari Kudat ke Sandakan pada bulan Januari 1884, pihak British menghadapi tentangan daripada Pangiran Samah. Pihak British juga menghadapi serangan daripada suku Bajau di Sungai Kwang pada tahun 1885. Pada tahun 1888 Kompeni mendapat perlindungan daripada kerajaan Britain. Pada bulan Disember 1888, Pangiran Shahbandar Hassan bertempur dengan pasukan British di bawah D.D. Daly dan Kapten R.D. Beeston. Pasukan Pangiran Shahbandar Hassan dikalahkan dan kota Shahbandar dimusnahkan pada Mac 1889. Pada tahun 1894 pula Si Gunting telah melancarkan serangan ke atas pasukan polis menyebabkan tujuh orang daripadanya terbunuh. Perjuangan Si Gunting berakhir pada tahun 1905 apabila beliau menyerah diri kepada Kapten A.B.C. Francis.<sup>113</sup>

Kompeni Borneo Utara juga menghadapi tentangan daripada Datu Mohamed Salleh bin Datu Balu (dikenali sebagai Datu Mat Salleh). Pada bulan Ogos 1895 Mat Salleh bersama 10-30 orang pengikut datang ke Sandakan untuk berunding dengan pegawai British bagi membincangkan masalah cukai kepala, surat kebenaran untuk perahu dan tindakan kekerasan pegawai British ke atas penduduk tempatan. Kedatangan Mat Salleh ini tidak dilayan oleh pihak Kompeni. Setelah menunggu sepuluh hari di Buli Sim Sim Mat Salleh dan pasukannya meninggalkan tempat ini. Pada ketika ini Gabenor Beaufort, Pryer dan Gueritz tidak ada di Sandakan. Pentadbiran dipangku oleh Cook. Kedatangan Mat Salleh disalah anggap oleh Gabenor Beaufort yang kembali ke Sandakan. Beliau menghantar pasukan tentera menyerang Mat Salleh. Walaupun angkatan British ini gagal mengesani Mat Salleh tetapi mereka telah memusnahkan kampung Mat Salleh. Mat Salleh kini menjadi buruan British. Tawaran

hadiah sebanyak 500 ringgit dikeluarkan kepada sesiapa yang berjaya menangkap Mat Salleh. Pada 9 Julai 1897, Mat Salleh dan pengikutnya melancarkan serangan dan memusnahkan bangunan British di Pulau Gaya dan tinggal di sini hingga 12 Julai 1897.<sup>114</sup> Apabila pasukan British bertindak balas Mat Salleh meloloskan dirinya. Begitu juga Mat Salleh berjaya melaikkan diri apabila kubunya di Ranau diserang oleh pihak British. Kemudian pada bulan November 1897 Mat Salleh bersama pengikutnya, kaum suluk, suku Bajau, Pirasan dan Ilanun menyerang Ambong.

Setelah gagal menangkap Mat Salleh, pengarah urusan kompeni, William Cowie menawarkan perdamaian dengan Mat Salleh. Walaupun rancangan itu ditentang oleh beberapa orang pegawai British, Cowie meneruskan rundingan dengan Mat Salleh. Dalam rundingan tersebut Mat Salleh dibenarkan mentadbirkan daerah Tambunan. Akhirnya pihak British tidak menepati janji dengan mengambil alih pentadbiran Tambunan pada tahun 1897. Perbuatan British ini menimbulkan kemarahan Mat Salleh. Dengan itu beliau meneruskan perjuangan. Dalam pertempuran yang berlangsung seterusnya kubu Mat Salleh diserang oleh pasukan Kompeni. Pada 1 Februari 1900, pasukan British diberitahu oleh seorang perempuan bernama Niuk, yang keluar dari kubu menyatakan bahawa Mat Salleh telah meninggal dunia pada 31 Januari 1900. Manakala perjuangan Mat Salleh di Sabah diteruskan oleh pengikutnya Mat Sator. Pada April 1900 Mat Sator bersama suku Bajau, Dusun dan Ilanun melancarkan serangan ke atas Kudat. Mat Sator gugur dalam pertempuran ini. Kemudiannya Kamunta yang meneruskan perjuangan menyerah diri dan dijatuhi hukuman tembak mati pada Julai 1902. Gerakan Pak Musa yang dilancarkan pada tahun 1908 juga dapat dipatahkan oleh kompeni pada tahun 1913.<sup>115</sup>

Kemudiannya, kompeni mengisyiharkan pendaftaran milik tanah, menyekat pertanian pindah dan mengawal membuat tapai. Langkah ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati mereka yang terlibat. Penduduk tempatan juga dikenakan bayaran menyukat tanah untuk menentukan sempadan sebanyak \$1.00 untuk satu ekar dan \$2.00 untuk kawasan yang lebih besar. Di samping itu \$0.50 dikenakan ke atas hak milik tanah untuk satu ekar setahun. Bayaran juga dikenakan ke atas tiap-tiap pokok kelapa yang menghasilkan nira untuk membuat tuak dengan harga \$0.25 setahun; juga \$0.02 segantang beras untuk membuat tapai. Didapati juga berlakunya kerja paksa yang dilakukan oleh Kompeni ke atas orang Murut tanpa bayaran gaji membina jalan raya ke kawasan pendalaman. Ada di kalangan mereka percaya pembinaan jalan raya ini adalah mengusir roh nenek moyang mereka. Apabila kemarau berlaku mereka menuah bahawa ianya terjadi disebabkan oleh kemarahan roh tersebut.

Dalam keadaan resah gelisah dan kesusahan itu Antanum muncul mendakwa mempunyai kuasa luar biasa boleh menghalau pemerintahan Kompeni dari kawasan mereka. Dengan pimpinan Antanum, kira-kira 900 orang Murut melancarkan gerakan menentang Kompeni pada 1915, menyerang Pensiangan dan kemudiannya menyerang Rundum. Kompeni menghantar tentera menyerang kubu Antanum. Serangan ini menyebabkan Antanum dan 400 orang terkorban. Kematian Antanum mengakhiri

kebangkitan Rundum.<sup>116</sup>

Seperi juga Semenanjung Tanah Melayu dan Sabah, bumiputera Sarawak juga melancarkan tentangan terhadap pentadbiran Brooke. Pengasasan pentadbiran Brooke di Sarawak dimulakan oleh James Brooke<sup>117</sup> pada tahun 1841. James Brooke pertama kali datang ke Sarawak pada tahun 1839 dengan kapal Royalist berjumpha Pangiran Muda Hashim menyerahkan hadiah dan surat ucapan terima kasih daripada kerajaan Negeri-Negeri Selat kerana membantu kelasi British yang karam berhampiran dengan Kucing. Walaupun James Brooke diminta oleh Pangiran Muda Hashim membantu mengatasi kekacauan yang dibangkitkan oleh Datu Patinggi Ali, tetapi beliau menolaknya. James Brooke meninggalkan Sarawak, akhirnya pulang ke Singapura. Pada tahun 1840 James Brooke datang sekali lagi di Sarawak. Kali ini beliau terlibat dalam kekacauan masih berterusan, membantu Pangiran Muda Hashim. Setelah kekacauan tamat, James Brooke dilantik sebagai pemerintah Sarawak(bahagian pertama sekarang). Perlantikan ini dilakukan oleh Pangiran Muda Hashim setelah dipaksa oleh James Brooke. Di upacara tersebut, Pangiran Muda Hashim memberi surat kepada James Brooke yang menyatakan beliau, Pangiran Muda Hashim ibu al-marhum Sultan Muhammad memberi kuasa kepada James Brooke memerintah Sarawak; termasuk pungutan cukai dan perbelanjaan negeri. Manakala James Brooke pula akan membayar seribu ringgit kepada Sultan Brunei dan Pangiran Muda Hashim; tiga ratus ringgit kepada Patinggi; seratus lima puluh kepada Dato' Bandar dan seratus kepada Dato' Temenggung. Selain itu James Brooke hendaklah menghormati dan mengekalkan adat istiadat dan undang-undang orang Melayu Sarawak. Sekiranya berlaku kekacauan di Sarawak yang mungkin merugikan Sarawak, Sultan Brunei dan Pangiran Muda Hashim akan membantu James Brooke.<sup>118</sup>

Setelah berkuasa di Sarawak, James Brooke memecat pembesar Brunei dan melantik ketua-ketua orang Melayu Sarawak memegang jawatan dalam kerajaannya. Di peringkat Bahagian, pentadbiran dipegang oleh Residen. Manakala daerah pula, diketuai oleh Pegawai Daerah. Di awal pentadbirannya, Sungai dan penduduk Sarawak di bawah perintah Ketua Melayu. Mereka ini pula mempunyai hubungan yang rapat dengan Brunei.<sup>119</sup> Walaupun beliau dilantik sebagai Gabenor Sarawak pada tahun 1841, tetapi James Brooke hanya dilantik sebagai Gabenor Sarawak pada 24 September 1842. Kekuasaannya ke atas Sarawak dikukuhkan lagi melalui surat kuasa bertarikh Julai 1846 yang diberikan oleh Sultan Brunei. Dengan itu beliau telah menjalankan dasar yang kemudiannya ditentang oleh pribumi Sarawak. Walaupun begitu James Brooke berjaya meluaskan kawasan pentadbirannya yang berasal 18, 130 kilometer persegi kepada 121, 730 kilometer persegi. Dalam usahanya ini banyak jiwa yang terkorban.<sup>120</sup>

Kerajaan baru James Brooke menolak kedaulatan Brunei ke atas Sarawak; melantik Ketua Melayu dalam pentadbirannya. Perluasan kawasan pentadbirannya, diikuti dengan pembentukan pejabat baru seperti Ketua Setiausaha, Bendahari dan Residen untuk tiap-tiap bahagian. Walaupun kakitangannya ini dipenuhi daripada pengambilan

pegawai dari Britain, tetapi James Brooke mengekalkan kumpulan pegawai Melayu dalam kerajaannya. Ketua Melayu yang terkanan dalam kerajaan Brooke ialah Datu Patinggi, kemudiannya diikuti oleh Datu Syahbandar(atau Bandar), Datu Temenggung, Datu Imam(Penasihat halewal Agama Islam) dan Datu Hakim(Berwibawa dalam Perundangan Islam). Mereka diberi bayaran gaji yang berpatutan. Kuasa tertinggi dalam kerajaan Brooke terletak di tangan Raja. Beliau berkuasa mutlak; tetapi dibantu oleh Majlis Tertinggi. Majlis tertinggi ini bertemu tiap-tiap minggu berbincang mengenai dasar pentadbiran negeri.<sup>121</sup>

Tidak beberapa lama menjadi Raja Sarawak, James Brooke memperkenalkan peraturan di Sarawak. Mereka yang melakukan kesalahan, seperti menyamun, membunuh atau jenayah yang berat akan dibicarkan. Sekiranya didapati bersabit dengan kesalahan tersebut mereka akan dikenakan hukuman. Penduduk Sarawak, Melayu, Cina dan Dayak dibenarkan berdagang dan menjadi buruh. Semua infrastruktur boleh digunakan oleh semua orang; segala kapal dan perahu boleh keluar masuk sungai-sungai di Sarawak. Walaupun perdagangan dibebaskan, tetapi perusahaan antimoni (bijih perak) adalah monopoli Gabenor. Walaupun kebenaran diberikan untuk berhubung dengan orang Dayak, tetapi mereka tidak boleh mengganggu mereka atau mengambil dengan paksa barang-barang mereka. Orang Dayak juga tidak boleh dipaksa menjual barang mereka. Sementara itu pungutan cukai hanya oleh pegawai yang memiliki surat tauliah yang dicop oleh Gabenor. Gabenor akan menentukan jumlah cukai yang akan dibayar oleh penduduk pribumi untuk membantu kewangan dalam pentadbiran kerajaan Sarawak. Penyelesaian akan diadakan terhadap sukatan, timbangan dan matawang negeri Sarawak. Gabenor akan mengeluarkan surat perintah supaya penduduk pribumi mematuhi segala peraturan yang disyiharkan. James Brooke membentuk sebuah mahkamah keadilan yang mana beliau sendiri sebagai Hakim.<sup>122</sup>

Penglibatan Brooke di Sarawak ini ditentang oleh Sharif Sahap, keturunan Arab dari Sadong.<sup>123</sup> Gerakan ini dapat diatasi oleh pentadbiran Brooke.<sup>124</sup> Penentangan terhadap pentadbiran Brooke juga dilancarkan oleh ketua tempatan lain, Sherif Japar dan Sherif Mullah. Semua tentangan ini dapat diatasi oleh James Brooke. Dalam bulan Mac 1845, James Brooke telah dilantik sebagai Agen Mahkota British di Borneo. Dalam kempennya yang dilaungkan menentang lanun ini, James Brooke dibantu oleh Tentera Laut Diraja British dari Singapura. Di antara kapal yang membantu beliau dalam gerakannya menentang masyarakat Melayu dan Iban di Bahagian Kedua ialah *H.M.S. Dido* di bawah pimpinan Henry Keppel.<sup>125</sup>

Orang Iban bertempur dengan pasukan Brooke di Kampung Nanga Padih dan Rimbas, mereka kalah. Dalam satu pertempuran yang besar di Beting Maru pada 31 Julai 1849, orang Iban di bawah pimpinan Abang Apong dan Linggir Mali Lebu dikalahkan oleh angkatan Brooke. Namun begitu perjuangan menentang pentadbiran Brooke masih berterusan. Antara pemimpin Iban yang terkenal dan disanjung meneruskan perjuangan ini ialah Rentap.<sup>126</sup> Perjuangannya ialah menolak kehadiran

James Brooke dan orang asing mentadbir kaumnya. Rentap juga mengalami kekalahan mengatasi kemaraan tentera James Brooke di Karangan Peris di Skrang. James Brooke kemudianya mendirikan kubu di Nanga Skrang, pertemuan sungai Skrang dengan Batang Luper. Pembinaan kubu ini mendapat tentangan daripada Rentap. Sebagai langkah persediaan Rentap dan pengikut setia bergerak ke pendalamam, membina kubu pertahanan di Sungai Lang, cabang Sungai Skrang. Kubu Rentap di Sungai Lang telah diserang oleh pasukan James Brooke yang terdiri daripada orang Dayak dan Melayu pada tahun 1851. James Brooke dalam usaha menjamin kekuatannya dalam kawasan-kawasan yang telah beliau kalahkan penduduk pribumi telah membina kubu-kubu pertahanan. Kubu dibina di Kanowit, Sarikei dan Skrang. Kubu Kanowit dijaga oleh Henry Steel; kubu Sarikei, Charles Fox dan kubu Skrang, William Brereton dan Alan Lee. Orang Iban meneruskan perjuangan mereka menentang pentadbiran Brooke. Pembinaan kubu-kubu pertahanan ini telah mengganggu kebebasan dan menceroboh kawasan mereka. Pada awal tahun 1853, orang Iban di bawah pimpinan Rentap telah melancarkan serangan ke atas kubu Skrang. Penguasa kubu Nanga Skrang, William Brereton yang mendapat maklumat Rentap akan melancarkan serangan ke atas kubu tersebut menghantar pasukannya untuk menghadang kemaraan pasukan Rentap. Beliau juga telah mendirikan sebuah kubu kecil di satu tempat kira-kira beberapa kilometer ke atas daripada kubu Nanga Skrang, di Lintang Batang. Pertempuran berlaku di antara pasukan Rentap dengan pasukan James Brooke. Pertempuran ini berakhir dengan penguduran angkatan Rentap. Dalam serangan ini Alan Lee yang mengepalai pasukan James Brooke terkorban.<sup>127</sup> Kematian Alan Lee ini telah meletakkan Rentap sebagai pahlawan yang disanjung. Kini beliau berjaya menawan hati penduduk Skrang dan Saribas, serta membawa sama ketua-ketua mereka; seperti Linggir (atau Mali Lebu) dari Paku dan tiga orang anak Orang Kaya Pemancha Dana (Bayang), Aji, Luyoh dan Nanang berjuang menentang pentadbiran Brooke.

Pada tahun 1854, kubu Rentap di Sungai Lang telah diserang oleh pasukan James Brooke. Rentap mengundurkan diri ke Bukit Sadok; kubu Sungai Lang ditawan oleh pasukan James Brooke. Rentap menguatkan kedudukannya di Bukit Sadok. Beliau dikenali juga dengan panggilan Raja Hulu. Kekuatan kubu Rentap di Bukit Sadok diserang oleh Tuan Muda Charles Brooke dengan pasukan yang terdiri daripada 3,500 orang dayak dan 500 orang Melayu dalam bulan Jun 1857. Dalam pertempuran ini Rentap berjaya mengundurkan pasukan Tuan Muda Charles Brooke. Kejayaan ini mengharumkan nama Rentap. Namun begitu tidak lama kemudianya pasukan di bawah Tuan Muda Charles Brooke berjaya mengalahkan pasukan Iban di bawah pimpinan Aji Apai Limpa. Pada tahun 1858, pasukan di bawah Tuan Muda Charles Brooke melancarkan serangan ke atas kubu Rentap di Bukit Sadok. Dalam pertempuran yang berlaku, pasukan Rentap berjaya mengalahkan pasukan Tuan Muda Charles Muda. Namun begitu pada tahun 1861, pasukan ini datang lagi menyerang kubu Rentap di Bukit Sadok. Rentap kali ini gagal mengatasi serangan pasukan Tuan Muda Charles Brooke berundur ke Bukit Lanjak. Kemudiannya ke Entabai dan meninggal dunia beberapa tahun kemudian.<sup>128</sup>

Gerakan tentangan terhadap pentadbiran Brooke juga dilakukan oleh orang Melayu. Antara pemimpin mereka yang terkenal ialah Sharif Masahor.<sup>129</sup> Sharif Masahor ialah Gabenor Sarikei yang dilantik oleh Sultan Brunei pada tahun 1849. Beliau mempunyai pengaruh politik yang sangat luas di kalangan orang Iban di Sungai Skrang dan Saribas dan orang Melanau di Sungai Rejang. Kehadiran James Brooke yang diikuti dengan penguasaannya ke atas Sarawak sangat-sangat tidak disenangi oleh beliau. Kemarahaninya bertambah lagi dengan langkah-langkah perluasan kuasa yang diambil oleh James Brooke ke atas daerah-daerah kerajaan Brunei. Langkah James Brooke yang dimulainya pada tahun 1853 telah berjaya menguasai kira-kira tujuh buah daerah Brunei. Sultan Brunei yang tidak berupaya menghalang kemaraan kekuasaan Brooke ini terpaksa menyerah kawasan Sungai Sadong, Semerahan, Lingga, Krian, Skrang, Rejang dan Saribas. Walaupun Sarikei menjadi kawasan Sarawak, Sharif Masahor sebagai Gabenornya, tetapi Sharif Masahor tergugat dengan pentadbiran Brooke ini. Pembinaan kubu oleh pentadbiran Brooke di Kanowit adalah seperti mengambil alih pentadbiran Sharif Masahor di Sarikei. Kubu ini dijajai oleh pegawai British, Henry Steel. Pembinaan kubu dan kehadiran Henry Steel di Kanowit ini telah mencabar kedudukan Sharif Masahor. Dengan itu beliau merasakan perlu mengambil langkah yang sesuai untuk memusnahkan kerajaan Raja Putih di Sarawak. Dalam usahanya itu beliau membuat pakatan dengan Haji Abdul Gapur melancarkan gerakan untuk menghalau James Brooke dari Sarawak.

Haji Abdul Gapur, manantu Datu Patinggi Ali telah dilantik oleh James Brooke menjadi Datu Patinggi menggantikan mertua pada tahun 1844, selepas Datu Patinggi Ali dibunuh oleh orang Iban di Sungai Skrang. Ketika menjadi Datu Patinggi, Haji Abdul Gapur tidak puas hati ke atas pentadbiran Brooke yang mengambil langkah menghapuskan monopoli perdagangan pembesar Melayu dengan orang dayak darat di Sarawak. Sebagai ganti di atas kehilangan monopoli ini kerajaan Brooke membayar gaji tetap kepada mereka yang terlibat. Malah, James Brooke telah mencampuri hal yang boleh disifatkan peribadi Datu Patinggi Haji Abdul Gapur. James Brooke cuba menghalang Datu Patinggi Haji Abdul Gapur mengahwinkan anaknya dengan Sharif Bujang, adik Sharif Masahor. James Brooke bimbang perkahwinan ini akan menghasilkan hubungan erat di antara dua buah keluarga. Beliau bertanggapan, Sharif Masahor adalah seorang yang merbahaya. Usaha James Brooke gagal, kerana Datu Patinggi Haji Abdul Gapur yang tidak senang dengan gangguan James Brooke ini meneruskan juga perkahwinan anaknya pada tahun 1851. Kini James Brooke mencurigai yang Datu Patinggi Haji Abdul Gapur dan Sharif Masahor merancangkan menentang pentadbirannya dan membunuh orang eropah di Sarawak. Dengan mengambil kira perkara ini, James Brooke mengambil langkah untuk mengurangkan kuasa dan wibawa pembesar Melayu di Kucing. Pada tahun 1854, James Brooke telah melantik terus ketua-ketua kampung di kawasan-kawasan pembesar tersebut. Ketua-ketua kampung ini tidak lagi bertanggungjawab kepada pembesar Melayu, tetapi berhubung terus dengan Raja. Langkah James Brooke ini, yang tidak merujuk perlantikan tersebut terlebih dahulu kepada pembesar Melayu, dianggap oleh Datu

Patinggi Haji Abdul Gapur sebagai menghina kedudukan pembesar Melayu. Dengan itu Datu Patinggi Haji Abdul Gapur menjemput semua ketua kampung yang dilantik oleh James Brooke hadir mesyuarat. Dalam mesyuarat ini Datu Patinggi Haji Abdul Gapur menggunakan kuasanya sebagai Datu Patinggi, membatalkan perlantikan ketua-ketua kampung yang dilantik oleh James Brooke. Tindakan Datu Patinggi Haji Abdul Gapur ini dipandang berat oleh kerajaan Brooke. Beliau dianggap menderhaka kepada kerajaan Brooke. Walaupun begitu kerajaan Brooke gagal membuktikan Datu Patinggi Haji Abdul Gapur merancang untuk menjatuhkan kerajaan Brooke. Dengan itu beliau dinasihatkan ke Mekah menunaikan fardhu haji dan seterusnya dibuang ke Melaka.

Penglibatan Brooke dalam persengketaan Mukah, di antara Pangiran Nipa dengan Pangiran Matusin menjadi alasan kepada Sharif Masahor<sup>130</sup> menentang Brooke. Dalam persengketaan Mukah ini, Pangiran Matusin telah membunuh saudara sepupunya Pangiran Ersat. James Brooke yang mempunyai cita-cita untuk menguasai Mukah kerana sumber sago yang banyak di sini telah melibatkan diri di Mukah. Padahal Mukah di luar daripada kekuasaan beliau. Penglibatannya itu telah mengheret Sharif Masahor dan Pangiran Nipa menentang pentadbiran Brooke. Sharif Masahor, Gabenor Sarikei bersama pengikutinya datang ke Mukah membantu saudara iparnya, Pangeran Nipa (anak Pangeran Ersat) menentang Pangeran Matusin. Matusin berjaya mlarikan diri ke Kuching dan meminta bantuan James Brooke. Kini Mukah ditadbirkan oleh Pangeran Nipa. James Brooke menghantar anak saudaranya Charles Brooke (Tuan Muda) untuk menyelesaikan pergaduhan ini. Charles Brooke mengeluarkan isytihar menghalau Sharif Masahor dari Sarikei. Langkahnya ini mencabar kekuasaan Sharif Masahor dan juga melibatkan diri dalam daerah yang bukan kekuasaan pentadbiran Brooke. Oleh kerana kebanyakkan orang Iban Saribas bergantung kepada Sharif Masahor untuk mendapatkan garam dan bekalan bahan letupan maka kini barang-barang tersebut tidak boleh lagi didapati oleh mereka. Dengan itu orang Iban Saribas memberi sokongan kepada Sharif Masahor.

Sementara menghadapi berbagai tentang daripada penduduk pribumi Sarawak, pentadbiran Brooke dikejut pula oleh kebangkitan orang Cina pada tahun 1857.<sup>131</sup> Walaupun kebangkitan orang Cina dapat diatasi oleh kerajaan Brooke, tetapi orang Cina berjaya menduduk bandar Kucing dan James Brooke terpaksa menyelamatkan bagi mendapatkan bantuan daripada pembesar Melayu. Dengan bantuan para pembesar Melayu, James Brooke berjaya mematahkan kebangkitan orang Cina. Orang Cina mengundurkan diri ke Sambas, ramai juga yang terkorban dalam serangan ini. James Brooke yang berhutang budi kepada orang Melayu ini telah membenarkan Haji Abdul Ghafur pulang ke Sarawak, tetapi tidak memulangkan jawatan yang disandangnya sebelum ini. Berbeza pula juga dengan Sharif Masahor, dibenarkan pulang ke Sarikei memegang jawatan Gabenor di sini.

Kehadiran semula kedua-dua tokoh ini di Sarawak akhirnya telah mencetuskan kembali pakatan menentang kerajaan Brooke. Semangat perjuangan bertambah kerana

mereka mendapat inspirasi daripada perjuangan Dahagi India pada tahun 1857 dan penentangan orang Banjar terhadap pentadbiran Belanda di Banjarmasin pada tahun 1859. Sementara itu, mereka yakin yang pentadbiran Brooke adalah lemah selepas kebangkitan orang Cina. Perkembangan ini telah menjadi inspirasi kepada perjuangan semula Sharif Masahor dan Haji Abdul Ghafur untuk menentang dan menghalau orang asing dari bumi Sarawak. Kini pentadbiran Brooke menghadapi tantangan daripada orang Melayu di bawah pimpinan Sharif Masahor dan Haji Abdul Gapur.

Dalam gerakan tersebut Sharif Masahor mendapat sokongan daripada orang Melayu, Melanau, Igan, Mukah dan kaum Iban. Sharif Masahor merasa yakin yang penduduk pribumi akan turut sama menentang kerajaan Brooke sekiranya beliau memulakan gerakan tentangan. Dengan itu beliau merancang untuk membunuh pegawai British yang bertugas di bahagian ketiga. Hasil daripada pakatan ini dua orang pegawai British, Charles Fox dan Henry Steele telah dibunuh di Kanowit pada 25 Jun 1859 oleh Sawing dan Sakalai.<sup>132</sup> Kelicekan Sharif Masahor dalam pakatan ini menyebabkan kerajaan Brooke tidak mempunyai bukti yang sahih untuk mendakwa beliau terlibat dalam pembunuhan itu. Kematian Fox dan Steel menimbulkan kebimbangan di kalangan orang Eropah di Sarawak. Mereka merasa khuatir tentang nyawa dan keselamatan berada di Sarawak. Lantarannya, terdapat di kalangan mereka meninggalkan Sarawak.

Kerajaan Brooke memandang berat di atas kematian Fox dan Steel. Sebuah angkatan tentera yang kuat di bawah Charles Brooke dihantar ke Kanowit untuk menjalankan penyiasatan. Sharif Masahor pula membantu pasukan Charles Brooke ini. Beberapa yang dituduh terlibat dalam pembunuhan ini dibunuh oleh Sharif Masahor. Tindakan Sharif Masahor ini lebih bermotifkan menyembunyikan keterlibatan beliau dalam pakatan pembunuhan itu. Sementara itu Sharif Masahor berunding dengan Haji Abdul Gapur di Sarikei untuk bertindak selanjutnya. Kedua-duanya telah mengarahkan seorang yang menyamar sebagai Pangiran Temenggung Hashim Jalil Brunei menyeru penduduk tempatan di Sadong menentang kerajaan Brooke. Orang Iban diseru supaya menentang kerajaan Brooke.

Dalam pakatan yang dirancang, Haji Abdul Gapur akan mengumpulnya orang-orangnya di Pontianak dan akan melancarkan serangan dari darat. Manakala Sharif Masahor akan mara dari Sarikei menyerang Kucing dari laut. Kedua-dua serangan ini akan dilancarkan secara serentak. Pakatan ini bocor, diketahui oleh Charles Brooke. Beliau meminta kerajaan Belanda di Pontianak mengambil tindakan ke atas Haji Abdul Gapur. Sebelum sempat bertindak, Haji Abdul Gapur telah ditahan oleh pihak berkuasa Belanda di Pontianak. Seterusnya Haji Abdul Gapur ditahan di Betawi dan meninggal dunia di sini. Sharif Masahor mara ke Kucing pada tahun 1860 untuk melancarkan serangan. Kemaraannya ini diketahui oleh Charles Brooke terlebih dahulu dan tindakan telah diambil. Kapal dan perahu angkatan Sharif Masahor telah disekat dan ditenggelamkan. Sharif Masahor yang kalah dalam pertempuran tersebut berjaya menyelamatkan diri. Beliau ke Mukah dan bergabung dengan Pangeran Nipa.

Angkatan Brooke mengepung Mukah. Akhirnya angkatan Brooke berundur setelah Gabenor Labuan, merangkap pemangku Konsul British di Brunei mengarahkan angkatan tersebut meninggalkan Mukah.<sup>133</sup> Dalam bulan April 1861, James Brooke berlayar dengan kapal Rainbow ke Brunei mengadap Sultan. Surat tauliah diberikan oleh Sultan kepada James Brooke sebagai wakil Sultan di Mukah dan mengarahkan Sharif Masahor berundur. Di atas desakan James Brooke, Sultan Brunei menahan Sharif Masahor dan dibuang ke Singapura pada tahun 1861. Sharif Masahor meninggal dunia di Singapura pada tahun 1890.

Perjuangan menentang pentadbiran Brooke di Sarawak masih wujud pada tahun 1894 dan kali ini dipimpin oleh Bantin. Bantin berkuasa di Hulu Sungai Batang Lutar di kawasan Hulu Air. Bantin menentang pentadbiran Brooke kerana tidak puas hati ke atas tindakan D.J.S. Bailey, pegawai kanan yang bertugas di Simanggang mengenai cukai ke atasnya. Manakala penduduk di sini pula membantah paksaan Residen supaya berpindah membuat penempatan di sepanjang sungai utama kerana ini akan menjelaskan kegiatan tanaman pindah mereka. Selain itu mereka tidak mahu tinggal berhampiran dengan pentadbiran orang asing. Pada tahun 1894 D.J.S. Bailey tanpa arahan Raja Brooke, mengeluarkan mengancam memusnahkan rumah panjang yang dibina di kawasan sempadan, Sarawak dengan kawasan pentadbiran Belanda di Borneo. Langkah ini diambil akibat daripada kekacauan yang berlarutan berlaku di sempadan. Kemudiannya berlaku pula peristiwa ke atas diri Bantin yang menimbulkan kemarahaninya. Pada tahun 1895, dalam perjalanan pulang daripada perniagaan, ketika memasuki sempadan dari kawasan pentadbiran Belanda, barang-barang yang dibawa oleh Bantin, seperti tempayan dan tembaga telah dirampas oleh pegawai bertugas kerana beliau gagal membayar cukai. Padahal barang-barang ini yang tergolong sebagai sebagai barang mewah orang Iban tidak perlu dikenakan cukai. Selain itu cukai biasanya dipungut di pusat-pusat pungutan di hilir dan tidak dilakukan ke atas perniagaan kecil-kecilan di sempadan pendalam. Barang-barang Bantin dirampas, denda sebanyak 10 kati (\$7.20) dikenakan ke atasnya.<sup>134</sup> Di samping itu kawasan kediaman Bantin di Delok disifatkan sebagai kawasan larangan oleh Bailey. Pada tahun 1896, Residen mengarahkan orang Iban hilir Batang Lutar melancarkan serangan ke atas perkampungan Bantin. Angkatan yang langsung tidak ada orang Eropah ini telah memusnahkan rumah Bantin. Beberapa terkorban, termasuk anak saudara Bantin. Charles Brooke yang tidak menyenangi tindakan Bailey ini cuba berunding dengan Bantin. Bantin menolak kerana ingin menuntut bela ke atas apa yang berlaku di kampung. Pada tahun 1897, Charles Brooke datang ke Lubuk Antu untuk bertemu Bantin. Walaupun Bantin menolak, Charles Brooke memaklumkan kepada penduduk hulu, denda yang pernah dikenakan oleh Bailey sebelum ini akan dihapuskan atau dikurangkan. Charles Brooke mengarahkan Bailey tidak mengambil sebarang tindakan ke atas Bantin. Kira-kira seminggu selepas Charles Brooke tiba di Lubuk Antu, Bantin dan pengikutnya melancarkan serangan menuntut bela ke atas orang Iban hilir yang menyerangnya sebelum ini. Kemudiannya Charles Brooke menghantar pasukan menyerang Bantin. Dalam serangan tersebut kira-kira 20 buah rumah panjang musnah dan 18 orang terkorban. Bantin mengundurkan diri menyemberangi

sempadan. Kemudiannya kerajaan Brooke menguruskan perdamaian orang Iban hulu dengan hilir. Dalam bulan Ogos 1900, Bantin dan beberapa ketua hulu datang membayar cukai pintu di Lubuk Antu.<sup>135</sup> Perdamaian tidak lama kekal, kerana berlaku pembunuhan ke atas orang Iban hulu oleh orang Iban hilir. Walaupun kerajaan menangkap dan mendenda mereka yang terlibat, tetapi Bantin melancarkan serangan pada tahun 1902 ke atas rumah panjang di Sermat. Sebagai tindak balas, kerajaan menghantar kira-kira 12,000 orang di bawah Raja Muda Charles Vyner memerangi Bantin. Oleh kerana berlaku wabak kolera, ramai orang Iban meninggalkan pasukan ini. Selain itu ramai juga yang mati. Dalam bulan September 1902, Bantin dan Ngumbang membawa kira-kira seribu pahlawan menyerang dan membunuh kira-kira 70 orang di rumah panjang hilir Batang Luper. Gerakan mengatasi tentangan Bantin berterusan dalam tahun 1903 dan 1904. Kebangkitan yang dipimpin oleh Banting menjadi lemah selepas tahun 1908 kerana dipatahkan oleh pentadbiran Brooke. Walaupun beliau tidak dapat ditangkap tetapi menyedari kekuatannya lemah Banting tidak lagi melancarkan serangan ke atas pentadbiran Brooke dan mengundurkan diri ke kawasan pentadbiran Belanda. Bantin meninggal dunia pada tahun 1932.<sup>136</sup>

Pada tahun 1931, Penghulu Asun memimpin orang-orang Iban hulu melancarkan gerakan menentang pentadbiran Charles Vyner Brooke. Tentangan ini berlaku kerana membantah dasar cukai pintu yang dikenakan oleh pentadbiran Brooke.<sup>137</sup> Namun begitu tentangan ini dapat diatasi oleh pasukan polis yang diantar oleh Charles Vyner Brooke. Penghulu Asun dan pemimpin utama ditangkap.<sup>138</sup>

### Kesimpulan

Kehadiran dan penglibatan kuasa Portugis, Belanda, Siam dan British ditentang oleh penduduk pribumi. Walaupun terdapat beberapa kejayaan dalam peringkat awal, tetapi semua gerakan tentangan tersebut berakhir dengan kegagalan. Namun begitu perjuangan ini menitiskan darah, keringat dan air mata serta menandakan penduduk pribumi tidak dengan mudah menyerah tanah air mereka kepada kuasa asing.

### Singkatan

C.O.	-	Colonial Office
JIAEA	-	Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia
JMBRAS	-	Journal of the Malayan/Malaysian Branch, Royal Asiatic Society
GLRC	-	Governor Letters to Resident Councillor
GMLI	-	Governor Miscellaneous Letters In
GMLO	-	Governor Miscellaneous Letters Out
MBRAS	-	Malaysia Branch Royal Asiatic Society
PLOLS	-	Penang Letters and Orders-In Council Miscellaneous Letters Sent
SSR	-	Straits Settlements Records
t.t.	-	tanpa tarikh
WKTD	-	War of Kedah and Tuanku Din's Proceedings
WMM	-	An Account of the war between the Malays and Siamese in 1838 commonly called the war of Tuanku Mahomad Saad

### Nota

1. M.J. Pintado (Collected, Translated and Annotated), *Portuguese Documents on Malacca*, Vol. I, 1509-1511 (Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 1993), hlm. 87.
2. Ibid., hlm. 49-53.
3. Luis Filipe F. Reis Thomaz, *Nina Chatu and the Portuguese Trade in Malacca* (Bandar Melaka: Luso-Malaysian Books, 1991), hlm. 25.
4. Perjuangan angakatan Melaka ada digambarkan dalam buku Sejarah Melayu. Untuk keterangan lebih jelas lagi boleh lihat W.G. Shallabear, *Sejarah Melayu* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1985), hlm. 202-205.
5. Buyong Adil, *Sejarah Melaka* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973), hlm. 83-87. W.G. Shallabear (diusahakan), *Sejarah Melayu*, hlm. 211-213.

6. L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975), hlm. 23.
7. T. Braddell, "Notes on Naning, with A Brief Notice of the Naning War", *JIAEA*, New Series Vol. I, 1856, hlm. 194-195. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan Di Malaysia", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 23-1995, hlm. 3.
8. C.O. 273/1, "Chapter VIII - Malacca Naning War", hlm. 410. L.A. Mills, *British Malaya 1824-67* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966), hlm. 116. Haji Mubin Sheppard, "The Tomb of Dato Abdul Said Dato Naning", *Malaysia in History*, Vol. X, No. I, 1967, hlm. 33-34. R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hlm. 301.
9. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Perak, 1651-1955: Satu Tinjauan Mengenai Perjuangan Orang Melayu", Adnan Haji Nawang (disunting oleh), *Perak Dahulu Dan Sekarang* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1988), hlm. 160.
10. Virginia Matheson (editor), *Tuhfat al-Nafis* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., 1982), hlm. 205-213. Lee Kam Hing dan Mohd. Yusoff Hashim, "Peperangan Selangor-Belanda: Sebab dan Akibat Dalam Sejarah Selangor", Adnan Haji Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (editor), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya* (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Muzium Sultan Alam Shah Selangor D.E., 1992), hlm. 56-57.
11. Mohd. Yusoff Hashim, "Sultan Ibrahim Ibnu Raja Lumu (Sultan Sallehuddin) di Dalam Sejarah Selangor Abad Ke-18 dan Ke-19", Adnan Haji Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (editor), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, hlm. 125. Buyong Adil, *Sejarah Selangor* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), hlm. 27-28).
12. J.M. Gullick, "Kedah 1821-1855 Years of Exile and Return", *JMBRAS*, Vol. LVI, Pt. 2, 1983, hlm. 35. C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867* (Singapore: Oxford University Press, 1972), hlm. 257.
13. SSR. H.6:PLOLS, Willim Armstrong Clubley, Setiausaha kepada kerajaan kepada R. Caunter, Pesuruhjaya Polis, Pinang, 21 November 1821.
14. John Anderson, *Political and Commercial Considerations Relative to The Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*

- (Singapore: MBRAS, 1965), hlm. 2. R. Bonney, *Kedah 1717-1821: The Search for Security and Independence* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), hlm. 166. Nicholas Tarling, *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969), hlm. 29. G.A. Hodgson, "An Introduction to Kedah History", *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid I, Bilangan I, Jun 1966, hlm. 14. John Crawfurd, *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands & Adjacent Countries* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hlm. 362-363. T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca Vol. II*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hlm. 7-8.
15. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), hlm. 108-110. Ura a/p Pin@Chum, Kedah 1803-1843: Pergolakan Politik Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989/90, hlm. 41. R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", *JMBRAS*, Vol. 14, Pt. 3, 1936, hlm. 181.
  16. Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah* (Alur Setar: The British Malaya Press Ltd., Penang, 1346), hlm. 9. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 111. Haji Buyong Adil, *Sejarah Kedah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), hlm. 62-63.
  17. T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca Vol. II*, hlm. 4.
  18. Sharom Ahmat, "Kedah-Siam Relations, 1821-1905", *The Journal of the Siamese Society*, Vol. 59, Pt. I, January 1971, hlm. 98-99. Ura a/p Pin@Chum, Kedah 1803-1843: Pergolakan Politik Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah III, hlm. 43.
  19. W.F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851* (New York: J.J. Augustin Incorporated Publisher Locust Valley, 1957), hlm. 67.
  20. Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842: Satu Kebangkitan Orang Melayu. Esei Panjang, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987/1988, hlm. 80.
  21. Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm. 63.
  22. C.O. 273/1, Leftenan Henry Burney kepada James C. Melvill, Julai 1846.
  23. Perjanjian di antara Great Britain dan Siam ditandatangani pada 20 Jun 1826. Perjanjian ini dikenali juga sebagai Perjanjian Burney. Mengenai perjanjian ini

boleh rujuk kepada W.G. Maxwell & W.S. Gibson (eds.), *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo* (Suffolk Lane: Jas. Truscott & Son, Ltd., 1924), hlm. 77-82, tetapi artikel XIII tidak lengkap dikemukakan. Artikel XIII berbunyi: "The Siamese engage to the English, that the Siamese shall remain in Quedah, and take proper care of that country and of its people; the inhabitants of Prince of Wales Island and of Quedah shall have trade and intercourse as heretofore; the Siamese shall levy no duty upon stock and provisions, such as cattle, buffaloes, poultry, fish, paddy, and rice, which the inhabitants of Prince of Wales Island, or ships there, may have occasion to purchase in Quedah, and the Siamese shall not farm the mouths of rivers, or any streams in Quedah, but shall levy fair and proper import and export duties. The Siamese further engage, that when Chow Phya, of Ligor, returns from Bangkok, he shall release the slaves, personal servants, family and kindred, belonging to the former Governor of Quedah, and permit them to go and live wherever they please. The English engage to the Siamese that the English do not desire to take possession of Quedah, that they will not attack, or disturb it, nor permit the former Governor of Quedah, or any of his followers to attack, disturb, or injure in any manner, the territory of Quedah, or any other territory subject of Siam. The English engage that they will make arrangements for the former Governor of Quedah, to go and live in some other country, and not at Prince of Wales Island, or Prye, or in Perak, Selangore, or any Burmese country. If the English do not let the former Governor of Quedah go and live in some other country as here engaged, the Siamese may continue to levy an export duty upon paddy and rice in Quedah. The English will not prevent any Siamese, Chinese, or other Asiatics at Prince of Wales Island, from going to reside in Quedah if they desire it". (T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. I, hlm. 467-468).

24. Bonda Tunku Kudin ialah saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah. Bapanya keturunan Arab, berasal dari Palembang, Sumatera.
25. Tengku Long Puteh ialah orang kuat Tunku Kudin. Beliau anak Tunku Raden, Palembang, Sumatera. Berkahwin dengan Tunku Jam Jam, saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah. (C.O. 273/1, "WKTD").
26. Haji Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu* (Kedah: Universiti Utara Malaysia, 1987), hlm. 75.
27. C.O. 273/1, "WKTD".
28. C.O. 273/1, "WKTD".
29. C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, hlm. 259.

30. Kota Kedah atau Kota Kuala berbentuk empat segi bujur, lapan puluh dharab lima puluh ela; dindingnya dibina daripada batu, tingginya 10 kaki. C.O. 273/1, "WKTD".
31. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 128. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasihah Negeri Kedah*, hlm. 149. Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm. 67. SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson, Residen Singapura kepada Chao Phra Prah-Klang Chao Kun Kasa, 3 Mei 1831, mencatatkan Tunku Kudin berjaya menduduki Kedah pada 18 April 1831. Cyril Skinner, *The Civil War in Kelantan in 1839* (Kuala Lumpur: Malaysian Branch Royal Asiatic Society, 1965), hlm. 6.
32. C.O. 273/1, "WKTD".
33. Orang-orang Cina ini dijahit hidup-hidup di dalam kulit kerbau yang baru disembelih, dibiarakan terdedah di sinaran matahari sehingga mereka mati.(C.O. 273/1, "WKTD").
34. C.O. 273/1, "WKTD".
35. C.O. 273/1, "WKTD".
36. W.F. Vella mencatatkan yang Tunku Kudin membunuh diri pada 22 April 1832, setelah gagal melepaskan diri daripada serangan pasukan Siam.(Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm. 68). Ada juga menyatakan yang Tunku Kudin membunuh diri kerana tidak mahu dijadikan tawanan perang Siam.(Ura a/p Pin@Chum, Kedah 1803-1843: Pergolakan Politik Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, hlm. 54).
37. C.O. 273/1, "WKTD".
38. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 128-129. C.M. Turnbull, *The Straits Settlements, 1826-67*, hlm. 259.
39. SSR. V.5: GMLO, surat kepada Raja Ligor, 14 Jun 1831.
40. T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, hlm. 15. C.O. 273/1, "WKTD". SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada H. Hamley, 15 Jun 1831; R. Ibbetson kepada H. Hamley, 19 Jun 1831.
41. SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada Laksamana Sir E. Owen, 12 Julai 1831.
42. SSR. V.5: GMLO, R. Ibbetson kepada Laksamana Sir E. Owen, 12 Julai 1831. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 130.

43. Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 57. P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 130, menyatakan akhbar *Singapore Chronicle* melaporkan kedua-dua pihak yang terkorban di antara 6,000 hingga 10,000 orang; majoritinya di pihak Siam.
44. C.O. 273/1, Straits Settlements, 1838-1858, Miscellaneous, An Account of the War between the Malays and Siamese in 1838 commonly called the war of Tuanku Mahomed Saad. (Seterusnya diringkaskan sebagai C.O. 273/1, "WMM"). Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 61.
45. J.M. Gullick, "Kedah 1821-1855 Years of Exile and Return", hlm. 44.
46. C.O. 273/1, "WMM". SSR. U5: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 25 Februari 1837. Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 61.
47. SSR. U5: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 20 Februari 1837.
48. T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, hlm. 18.
49. C.O. 273/1, "WMM". C.O. 273/1, "WMM", laporan Kapten McCrea, 25 April 1837. Mengenai peranan Kapten McCrea di Beruas, sila lihat J.M. Gullick, "Kedah 1821-1855 Years of Exile and Return", hlm. 44-45. T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, Vol. II, hlm. 18-19. Beliau mencatatkan elاعn tersebut diturunkan dari 10,000 ringgit sepanyol kepada 500.
50. Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm. 71.
51. Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 63.
52. Huraian lanjut mengenai Tuk Mo Ris sila lihat, Yaacob Ahmad, "Pahlawan Tok Mo Ris", Khoo Kay Kim (Penyunting), *Beberapa Aspek Sejarah Kedah* (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983), hlm. 1-10.
53. Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 64.
54. C.O. 273/1, "WMM", James Low kepada J.W. Salmond, Residen Konsular, 3 Jun 1838.
55. C.O. 273/1, "WMM".
56. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah*

*Negeri Kedah*, hlm. 149.

57. Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 68.
58. SSR. W4: GMLI, kenyataan Dato' Muhammad Salleh.
59. Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 68.
60. Ibid., hlm. 69.
61. SSR. W4: GMLI, Residen Konsular Pulau Pinang kepada S.G. Bonham, 26 Mac 1839. SSR. W4: GMLI, kenyataan Dato' Muhammad Salleh. Beliau berusia kira-kira 50 tahun. Terlibat dalam gerakan menentang Siam di Kedah.
62. SSR. W4: GMLI, kenyataan Haji Muhammad Taib, Pejabat Polis, Sabtu, 9 Mac 1839. Beliau berusia 35 tahun.
63. SSR. W4: GMLI, kenyataan Dato' Muhammad Salleh.
64. SSR. W4: GMLI, Pemerintah *Hyacinth* kepada S.G. Bonham, 16 April 1839. Mengenai penglibatan kapal *Hyacinth* ini sila lihat, Sherard Osborn, *The Blockade of Kedah in 1838 in Malayan Waters* (Singapore: Oxford University Press, 1987).
65. R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", hlm. 185.
66. SSR. W4: GMLI, Pemerintah *Hycinth* kepada S.G. Bonham, 11 April 1839.
67. Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 71-73.
68. Kobkua Suwannatha-Pian, Sejarah Thai Zaman Bangkok (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), hlm. 87.
69. SSR. U8: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 24 Ogos 1842.
70. SSR. U.L. GLTRC., R. Ibbetson kepada Samuel Garling, Timbalan Residen Konsular Melaka, 13 Ogos 1831. Singapore Chronicle, 11 Ogos 1831.
71. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Perang Naning 1831", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 9, 1985.
72. *Singapore Chronicle*, Khamis, 8 September 1831. SSR. R.I. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William,

19 Ogos 1831.

73. *Further Correspondence relating to the affairs of certain native states in the Malay Peninsula, in the neighbourhood of the Straits Settlements* (London: Harrison and Sons, 1876). (Seterusnya diringkaskan sebagai FCNS, 1876), No. 8, surat Sir Andrew Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, enclosure 15 Dato' Klana Sungai kepada Leftenan Gabenor Melaka, 20 November 1874.
74. FCNS, 1876, No. 8, surat Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 29 Disember 1874, enclosure, 17, W.A. Pickering kepada Sir A. Clarke, 23 Disember 1874.
75. Abdul Majid bin Kari, "The History of the Life of Dato' Shahbandar Tunggal of Kepayang". Abdul Majid adalah cucu Dato' Shahbandar.
76. FCNS, 1876, No. 8, Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, enclosure 22, "Pengkuan Dato' Shahbandar".
77. FCNS, 1876, No. 15, Sir A. Clarke kepada Earl of Carnavon, 9 Februari 1875, enclosure 2, "Pengkuan Dato' Shahbandar".
78. T. Chelliah, "War in Negeri Sembilan 1874-1875", Graduation Excercise, University of Malaya, Singapore, 1955, hlm. 41.
79. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Tentang Terhadap Pentadbiran British di Perak 1874-1875", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 10, 1981, hlm. 103-116.
80. C.O. 273/86, William Jervois kepada Carnavon, 14 Disember 1876, terlampir, "Enquiry as to complicity of Chief in the Perak Outrages, Abridgement of Evidence, Arranged various heads, Government Printing Press, Singapore, 1876", kenyataan Haji Husin. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Sultan Abdullah Muhammad Shah II", Abdullah Zakaria bin Ghazali dan Adnan Haji Nawang (editor), *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997), hlm. 190-191.
81. Mengenai mereka yang terlibat dalam pembunuhan J.W.W. Birch, sila lihat Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Pembunuhan J.W.W. Birch: Satu Kajian Tentang Pembunuuhnya", *JEBAT*, Bilangan 9, 1979/80, hlm. 59-72.
82. Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Dato' Sagor: Peranannya Dalam Gerakan Menentang British Di Perak 1874-1876* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1993), hlm. 37-52.

83. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak (Ipoh: Yayasan Perak, 1997), hlm. 221-222. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim bin Long Jaafar, 1840-1895: Satu Kajian Mengenai Perjuangannya Menentang British di Perak", *PURBA*, Bilangan 11, 1992, hlm. 17-28.
84. Khoo Kay Kim, "Before Pasir Salak", *JHSUM*, Vol. VII, 1968/69, hlm. 40-52. Mohomad Amin Hassan, "Raja Mahadi bin Raja Sulaiman", *Peninjau Sejarah*, Vol. I, No. 2, December 1966, hlm. 53-61.
85. J.M. Gullick, "The War wit Yam Tuan Antah", *JMBRAS*, Vol. 27, Pt. I, 1954, 8-9.
86. FCNC, 1876, Gabenor Sir William Jervois kepada Earl of Carnavon, 14 Disember 1875 (telegram).
87. T. Chelliah, "War in Negri Sembilan 1874-1875", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1955. J.M. Gullick, "The War with Yam Tuan Antah", *JMBRAS*, Vol. 27, Pt.1, 1954.
88. Zakaria bin Md Dom, "Wan Muhammad bin Wan Idris Maharaja Purba Jelai", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78, hlm. 85. Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895* (Kota Bahru: Pustaka Aman Press, 1972), hlm. 123; 127. Noriah Sulong, "Orang Kaya Bahaman Satu Kajian Riwayat Hidup", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974/75, hlm. 41.
89. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Gerakan Menentang British di Pahang, 1887-1895", Norazit Selat (editor), *Pahang: Sejarah dan Budaya* (Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang, 2000), hlm. 127. W. Linehan, *A History of Pahang* (Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1973), hlm. 133. Aruna Gopinath, *Pahang 1880-1933: A Political History* (Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1991), hlm. 118.
90. Noriah Sulong, "Dato' Bahaman: Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan", Norazit Selat (editor), *Pahang: Dahulu dan Sekarang* (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1996), hlm. 9.
91. C.O. 273/177, Sir Cecil C. Smith kepada Lord Knutsford, 29 Disember 1891; J.P. Rodger kepada Setiausaha Jajahan Negeri Selat, 24 Disember 1891. C.O. 273/179, telegram J.P. Rodger kepada Setiausaha Gabenor, 22 Disember 1891.

92. Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*.
93. Hugh Clifford, "Expedition to Trengganu and Kelantan", *JMBRAS*, Vol. 34, Pt. I, 1962.
94. Haji Abdullah Amirah, *Riwayat Hidup Tuk Janggut* (Pulau Pinang: Sinaran Bros Ltd., 1957), hlm. 8.
95. C.O. 273/427, A. Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan London, 20 Julai 1915, terlampir Laporan Farrer, 31 Mei 1915.
96. C.O. 273/427, A. Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan London, 20 Julai 1915.
97. Nik Anuar Nik Mahmud, "Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut (1915)", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 40-42.
98. Ibid., hlm. 49.
99. C.O. 273/426, Sir A. Young kepada Lewis Harcourt, Pejabat Tanah Jajahan London, 5 Mei 1915.
100. C.O. 273/426, A. Young kepada Lewis Harcourt, 25 Mei 1915, Enclosure 1, "A Copy of report of the proceeding of H.M.S. Cadmus at Kelantan" by H.D. Marryat (komander), 14 Mei 1915; terlampir Lettenan Kolonel C.W. Brownlow kepada Ibu Pejabat Negeri Selat, 16 Mei 1915.
101. C.O. 273/426, A. Young kepada Lewis Harcourt, Pejabat Tanah Jajahan, London, 18 Mei 1915.
102. C.O. 273/426, Arthur Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan, London, 2 Jun 1915, terlampir, *Straits Times*, 29 Mei 1915
103. Ibrahim Nik Mahmood, "The Tuk Janggut Rebellion of 1915", W.R. Roff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), hlm. 62-86.
104. MBOF. Tr. 662/1341, "Undang-Undang Kawalan Binatang-Binatang Buas".
105. C.O. 717/61, J.L. Humphreys kepada Beckett, 22 April 192, terlampir laporan J.L. Humphreys "Report on certain matter connected with one Haji Drahman of Trengganu".

106. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Terengganu 1909-1922: Pentadbiran British dan Kesannya", Dato' Muhammad Saleh bin Haji Awang & Mohd. Yusof Abdullah (Penyusun), *Pesaka III* (Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1985), hlm. 79-80. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Terengganu Dalam Sejarah", *PURBA*, Bil. 18-1999, hlm. 65-66.
107. Abdullah Zakaria bin Ghazali, Kekacauan dan Kebangkitan Trengganu 1921-1928, Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 134-183.
108. C.O. 717/61, Residen British Perak (H.W. Thomson) kepada Ketua Setiausaha Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, 30 Jun 1928, terlampir laporan Residen British Perak, "Report on the Recent Disturbance in Trengganu" (seterusnya diringkas sebagai C.O. 717/61, "RDT"), kenyataan Imam Taib bin Ahmad, hlm. 97, kenyataan Latiff bin Hamat (dalam tahanan), hlm. 63.
109. SUK. TR. 1295/1346, kenyataan Dato' Lela, Dato' Pahlawan dan Dato' Panglima Dalam, Sabtu, pukul 11.45 pagi, 5 Muharam 1347 (24.6.1928). C.O. 717/61, "RDT", kenyataan Dato' Dalam, 25 Jun 1928; kenyataan Dato' Lela, 27 Jun 1928; kenyataan Dato' Pahlawan; kenyataan Tengku Abdullah dan kenyataan Sarjan Deraman.
110. SUK. Tr. 1295/1346, "Pemberitahu Khas kepada sekalian mereka dalam Negeri dan Jajahan Terengganu", 5 Zulhijah 1346 (26.5.1928).
111. SUK. Tr. 1295/1346, "Ingatan - Perkara Penderhakaan Rakyat-Rakyat Hulu...", (t.t.).
112. SUK. Tr. 1295/1346, "Pemberitahu Kerajaan", 12 Zulhijah 1346 (2.6.1928). Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kebangkitan 1928: Satu Perbincangan Mengenai Beberapa Tokoh dan Peranan Mereka", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 9, 1980, hlm. 55-73; "Islam dan Anti-Penjajahan di Trengganu", *Islamika II* (Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1982), hlm. 114-130; "Kebangkitan Trengganu 1928", Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur & Abdullah Zakaria Ghazali (eds), *HISTORIA* (Kuala Lumpur: The Malaysian Historical Society, 1984), hlm. 277-306.
113. Jamdin Buyong, "Perjuangan Peribumi Menentang Penjajahan Di Sabah: Protes Terhadap Nilai Barat", kertas kerja yang dibentang dalam Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah, Kota Kinabalu, 12-16 Ogos 1981.
114. Mengenai serangan ke atas Pulau Gaya ini sila lihat G.Hewett, "The Mat Salleh Expedition", *North Borneo Police Magazine*, 1957, hlm. 3-4; *The North Borneo Herald*, August 1, 1897, hlm. 207. D.S. Ranjit Singh, *The Making of*

*Sabah 1865-1941* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2000), hlm. 193-194.

115. K.G. Tregonning, "The Mat Salleh Revolt (1894-1905)", *JMBRAS*, Vol. 29, Pt. I, 1956, hlm. 20-36. Ian Black, *A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company's Rule in Sabah, 1878-1915* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983), hlm. 129-172. Colin Neil Crisswell, "The Mat Salleh Rebellion Reconsidered", *The Museum Sarawak Journal*, Vol. XIX, Nos. 38-39 New Series, 1971, hlm. 155-165.
116. Ian Black, "The Rundum Rebellion of 1915: Millenarianism and Social Protest", kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah dan Masyarakat Sabah, Kota Kinabalu, 12-16 Ogos 1981.
117. James Brooke dilahirkan pada tahun 1803 di India. Pernah berkhidmat sebagai tentera di India, sebelum mengundurkan diri kerana mengalami kecederaan teruk. Apabila bapanya meninggal dunia, beliau belayar dengan kapal Royalist ke Singapura dan ke Kucing, Sarawak membawa hadiah bagi pihak kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Raja Muda Hashim.(Vernon Mullen, *The Story of Sarawak* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hlm. 37-38.
118. Buyong Adil, Haji, *Sejarah Sarawak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), hlm. 22-23.
119. Margaret Clark Roff, *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), hlm. 37.
120. J.M. Gullick, *Malaysia* (London: Earnest Benn Limited, 1969), hlm. 162-163.
121. Malcolm MacDonald, *Borneo People* (Singapore: Oxford University Press, 1985), hlm. 345-346.
122. Didasarkan kepada Haji Buyong Adil, *Sejarah Sarawak*, hlm. 25-26.
123. S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs 1839-1909* (London: Henry Sotheran & Co., 1909), hlm. 79.
124. Robert Pringle, *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941* (London: Macmillan, 1970), hlm. 70-73.
125. Keterangan lanjut ekspedisi Keppel, sila lihat Henry Keppel, *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido For The Suppression of Piracy* (London: Frank Cass & Co. Ltd., 1968).

126. Rentap dilahirkan kira-kira tahun 1800. Tinggal di kawasan Sungai Saribas. Nama asalnya Libau; kemudiannya ditukar kepada Rentap setelah berjaya dalam satu perlawanan.(A.M. Cooper, *Men of Sarawak* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1968), hlm. 1. S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak..*, hlm. 153-184.
127. Robert Pringle, *Rajahs and Rebels..*, hlm. 91-92.
128. A.M. Cooper, *Men of Sarawak*, hlm. 6-7.
129. S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak..*, hlm. 207-124.
130. Sharif Masahor dilahirkan kira-kira tahun 1810 di Brunei.(A.M. Cooper, *Men of Sarawak*, hlm. 31).
131. Dalam kebangkitan ini orang Cina menduduki bandar Kucing. Bangunan kerajaan dibakar. James Brooke menyeberangi sungai Bedil untuk mendapatkan bantuan daripada pembesar Melayu.(Leo Moggie, *Astana Centenary 1870-1970* (Kucing: Borneo Literature Bureau, 1970), hlm. 7).
132. Robert Pringle, *Rajahs and Rebels..*, hlm. 114-115. Nicholas Tarling, *Britain, Brookes & Brunei* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971), hlm. 107. Harriette McDougall, *Sketches of Our Life at Sarawak*, hlm. 176.
133. Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke..*, hlm.78.
134. H.H. The Rajah's, August 1896-June 1898, C. Brooke kepada Bailey, 3 Oktober 1897.
135. Robert Pringle, *Rajahs and Rebels..*, hlm. 222-224.
136. Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke..*, hlm. 130-131.
137. Robert Pringle, *Rajahs and Rebels..*, hlm. 164.
138. Vernon Mullen, *The Story of Sarawak*, hlm. 66. Mengenai Asun ini, lihat juga Her Highness The Ranees of Sarawak, *The Three White Rajahs* (London: Cassell and Company Limited, 1939), hlm. 208-212.

**Perikatan UMNO-MCA-MIC dan Perjuangan  
Ke Arah Kemerdekaan**

oleh  
**Prof. Madya Dr. Oong Hak Ching**

**Sesi 2 Trek 1**

**Perikatan UMNO-MCA-MIC dan Perjuangan Ke arah Kemerdekaan**

Prof.Madya Dr Oong Hak Ching  
Jabatan Sejarah  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Pendahuluan**

Apabila penulis menjalankan kajian mengenai dasar British dan politik komuniti Cina di Tanah Melayu beberapa tahun dahulu penulis tertarik dengan beberapa perkara yang berkaitan dengan perjuangan politik ke arah mencapai kemerdekaan. Pertama, kegagalan para sarjana dan penulis untuk merekonstruksi penubuhan beberapa organisasi politik termasuk MCA dan penubuhan Perikatan UMNO-MCA. Kedua, peranan dan sumbangan Tunku Abdul Rahman dan Perikatan UMNO-MCA-MIC dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Penulis melihat Tunku dan Perikatan memainkan peranan yang lebih penting dan mereka berupaya membentuk dayatenaga yang kuat yang memaksa British menamatkan kolonialisasi dan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Kertaskerja ini bertujuan meninjau kembali perjuangan Perikatan dengan meneliti sumber-sumber *primer* dan juga sumber kedua.

**Latarbelakang Sejarah**

Kebangkitan penentangan terhadap imperialisme dan kolonialisme British dan perjuangan untuk mengekalkan kedaulatan dan kemerdekaan di wilayah-wilayah yang kini termasuk dalam Persekutuan Tanah Melayu dan kemudian Malaysia memang wujud sejak dahulu. Misalnya perjuangan Dol Said atau Perang Naning (1831-1832) yang cuba memertahankan kedaulatan Naning daripada pencerobohan British daripada tanahjajahan mereka di Melaka. Malangnya Naning kalah bukannya di tangan angkatan tentera British tetapi kerana serangan mengejut daripada Sayed Shaban, menantu Raja Ali, Yam-tuan Muda (pemerintah) Rembau. Mengikut R.O. Winsted: "Sayid Sha'ban spites had

*knowledge of the enemy's sporadic energy so that he could descend on deserted stockades and capture them. Thanks to this 'pretty chief' on June 15<sup>th</sup> Taboh the principal village was taken by surprise... The Naning defence was broken"* (1982:195).

British menawarkan Naning kepada Raja Ali, Yam-tuan Muda Rembau tetapi tawaran ini ditolak. Dengan demikian Naning dijadikan sebahagian daripada wilayah Melaka. Perang ini menelan belanja yang amat besar, #100,000 dan memperlakukan dasar gerakmara British ke Negeri-negeri Melayu. Gerakan penetangan terhadap British juga berlaku apabila British memperluaskan pengaroh dan menegakkan kawalan keatas negeri-negeri Melayu lain seperti Perak, Kelantan dan Terengganu dan juga di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimana pun perjuangan menentang imperialisme dan kolonialisme British pada masa itu tidak begitu meluas dan tidak efektif. Ini disebabkan British telah menjalankan dasar "pecah dan perintah" yang telah berupaya menidurkan politik Tanah Melayu sehingga lah menjelang pecah Perang Dunia Kedua.

Imperialisme Jepun di Tanah Melayu bermula dengan pendaratan angkatan tentera Jepun di Kota Baharu pada 8 Disember 1941. Jepun dengan pantas menyerang Ipoh pada 27 Disember 1941, Kuala Lumpur pada 11 Januari 1942, Johor dan Singapura pada 8 Februari 1942. Dalam masa 70 hari seluruh Tanah Melayu termasuk Singapura telah ditakluki. Pada 15 Februari Jeneral Percival secara rasminya telah menyerah kalah kepada Jeneral Yamashita di kilang Ford, Singapura. Kejayaan Jepun ini telah menjatohkan prestij British pada kaca mata orang tempatan. Jepun berupaya mengalahkan British dengan begitu pantas dan kekebalan pengkalan tentera British cuma merupakan satu mitos. Kesedaran politik dan nasionalisme Melayu yang mulai cambah menjelang Perang Dunia telah dipercepatkan dan pertingkatkan oleh Jepun. Kempen-kempen anti-British dan meningkatkan kesedaran semangat Asia, serta peluang-peluang penyertaan dalam majlis-majlis perundingan dan pentadbiran telah meningkatkan keiginan nasionalis Melayu untuk memperolehi kemerdekaan bagi tanah air mereka. Konflik etnik yang diapi-apikan oleh Jepun dan juga tindakan askar Bintang Tiga menjelang kepulangan tentera British turut meningkatkan kesedaran politik orang Melayu.

Kesan pendudukan Jepun keatas masyarakat Cina dan India juga kuat. Dasar Jepun yang sangat keras terhadap komuniti Cina seperti operasi sook ching atau pemurnian melalui penghapusan dan bayaran wang tebus dosa telah menyebabkan banyak kematian dan penderitaan di kalangan komuniti ini. Komuniti Cina perlu menyesuaikan diri dengan kehendak Jepun bagi tujuan untuk hidup dan yang tidak bersedia berbuat demikian telah menyertai pasukan gerilla Bintang Tiga dan pertubuhan Penduduk tanah Melayu Anti Tentera Jepun atau MPAJA. Komuniti India juga mengalami kesedaran politik yang kuat melalui penyertaan dan sokongan kepada Tentera Kebangsaan India atau INA yang memperjuangkan kemerdekaan India . Melalui latihan dalam INA mereka belajar menggunakan alat senjata dan latihan perang dan juga belajar bagaimana menjalankan organisasi politik dan berpolitik.

Pendudukan Jepun telah mendatangkan banyak perubahan samada dari segi psikologi, sosial atau politik yang menyebabkan penduduk Tanah Melayu lebih peka terhadap perkembangan di dalam masyarakat dan di sekeliling mereka. Setelah tamat Perang Dunia Kedua berbagai pertubuhan politik dan sosial telah dibentuk bagi mendapatkan kemajuan politik bagi Tanah Melayu. Di antara pertubuhan-pertubuhan ini termasuklah UMNO, MCA dan MIC yang menjadi parti kompenan dalam Perikatan dan kemudian juga dalam Barisan Nasional.

#### **Pembentukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau the United Malays National Organization (UMNO)**

Pada zaman Peperangan Dunia Kedua(1942- 1945) British telah mengubal sebuah perlombagaan baru yang membayangkan perubahan dasar mereka di Tanah Melayu. Dasar baru ini akan memberi kesan negatif kepada masyarakat Melayu: menghapuskan konsep Tanah Melayu sebagai negeri Melayu, kedaulatan Sultan-sultan Melayu dan taraf kebumiputeraan orang Melayu. Dasar baru ini membayangkan kerajaan British tidak lagi berhasrat untuk memikul tanggungjawab untuk memberi perlindungan kepada Sultan-sultan dan orang Melayu berasaskan perjanjian yang "kudos" di antara British dengan Sultan-sultan Melayu yang dibuat sebelum perang. Sebalik dasar baru tersebut memberi banyak manfaat kepada orang-orang bukan Melayu terutama orang Cina yang dahulu nya

dianggap sebagai perantau yang tidak mempunyai sebarang hak dalam kehidupan politik di Tanah Melayu.

Pejabat Tanah Jajahan mengambil masa lebih daripada dua tahun untuk mengutip data bagi merangka kenyataan dasar lepas perang British terhadap Tanah Melayu. Pada 15 Januari 1944 Setiausaha Negara bagi Tanah jajahan telah menyerahkan sebuah memorandum "Policy in Malaya and Borneo" untuk dibincangkan oleh jawatankuasa kabinet perang mengenai dasar di Tanah Melayu dan Borneo. Jawatankuasa ini mengambil masa hampir setahun sebelum meluluskan rangka dasar perlombagaan Tanah Melayu. Sebelum cadangan perlombagaan baru diumumkan kepada ramai pihak tentera telah dibenarkan untuk menggunakan direktif dasar dalam operasi ketenteraan menduduki kembali Tanah Melayu. Tindakan ini dilakukan bagi meningkatkan kerjasama Force 136 dengan gurilla MPAJA dan menggelakkan Komunis daripada menetang kepulangan tentera British ke Tanah Melayu. Dalam telegram yang dihantar kepada Pejabat Luar bertarikh 3 September 1945, M.E. Dening, Penasihat Politik kepada Lord Louis Mountbatten memaklumkan perkara ini kepada Pejabat Tanahjajahan (CO 273/675).

G.H. Hall yang mengantikan Oliver Stanley sebagai Setiausaha Negara bagi Tanah jajahan telah mengistiharkan dasar lepas perang British terhadap Tanah Melayu di Parlimen pada 10 Oktober 1945. Antara lain disebutkan bahawa dasar British adalah untuk membentuk satu Perlombagaan Kesatuan Tanah Melayu yang kemudian dikenali sebagai Malayan Union dan untuk membentuk satu kewarganegaraan Tanah Melayu yang akan memberikan hak-hak kewarganegaraan yang samarata kepada sesiapa yang mendakwa bahawa Tanah Melayu adalah tanah air mereka. Malayan Union akan mengandungi sembilan buah negeri Melayu dan dua buah negeri bekas Negeri-negeri Selat iaitu Melaka dan Pulau Pinang. Singapura diasingkan dan membentuk sebuah unit tersendiri.

Pada 11 Oktober 1945 Sir Harold MacMichael tiba di pelabuhan Kelang untuk memulakan tugas mendapatkan pesetujuan Sultan-sultan bagi menyerahkan kedaulatan atau jurisdiksi mereka kepada Mahkota British. Mulai 20 Oktober hingga 21 Disember 1945 MacMichael mengunjungi Sultan-sultan dan berjaya

mendapat persetujuan mereka. Walau bagaimana kebanyakan Sultan bersetuju selepas diugut akan diturunkan dari atas takhta.

Selepas mendapat kedaulatan penuh ke atas negeri-negeri Melayu, Pejabat Tanah jajahan mengeluarkan Kertas Putih yang memberi penjelasan terperinci skim *Malayan Union*. Pada hari ang sama Rang Udang-undang (Repeal) Negeri-negeri Selat dibentangkan di Parlimen British untuk meluluskan perundangan yang perlu bagi melaksanakan cadangan-cadangan perlombagaan baru. Tetapi pada 30 Mac 1946 kerajaan British mengumumkan penangguhan pelaksanaan peruntukan kewarganegaraan *Malayan Union* tetapi meneruskan rancangan pembentukan kerajaan Malayan Union. Pada 1 April Gent ditabalkan menjadi Gabenor Malayan Union.

Rancangan dan pembentukan *Malayan Union* telah mendapat tentangan hebat dari orang Melayu. Mereka merasa khuatir mengenai kesan *Malayan Union* terhadap untuk nasib masa depan bangsa Melayu di tanah air mereka sendiri. Kebimbangan mereka tertumpu kepada tiga perkara: perubahan konsep daripada Tanah Melayu untuk orang Melayu kepada untuk orang Malaya, penghapusan kedaulatan sultan-sultan, dan peruntukan cadangan kewarganegaraan Malayan Union yang membuka peluang dan memberi persamaan taraf kepada semua penduduk Tanah Melayu. Akhbar *Utusan Melayu* dalam keluaran 24 Januari mengecam skim *Malayan Union* yang dianggap menurunkan taraf raja-raja Melayu kepada hamba dalam birokrasi Mahkota Britain. Akhbar *Maylis* pula menganggap taraf orang Melayu di bawah *Malayan Union* diturunkan lebih kurang sama dengan orang Dayak di Amerika Utara dan penduduk asli di Australia.

Pada 3 Januari 1946 Dato' Onn Jaafar telah membentuk Pergerakan Melayu Semenanjung Johor bagi menentang dan mengagalkan kerajaan Malayan Union. Hampir seluruh lapisan masyarakat Melayu termasuk beberapa sultan turut sama berjuang menentang Malayan Union. Beberapa orang bekas pegawai-pegawai British yang pernah bertugas di Tanah Melayu seperti R.O. Winstedt, Frank Swettenham dan George Maxwell turut sama mengecam dasar Malayan Union (Some Notes For the Secretary of State's Talk With Prominent Ex-Malayans dalam CO 273/676).

Pada 1-4 Mac satu kongres Melayu yang pertama telah diadakan di Kuala Lumpur yang mengambil keputusan menentang *Malayan Union* secara pasif seperti pemulauan upacara pertabalan Gabenor Edward Gent, berkabung selama seminggu sebagai tanda kehilangan hak dan mengirim nota bantahan kepada pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui Liga Arab di Khairah. Dato' Onn Bin Jaafar mencadangkan supaya persidangan ketiga diadakan di Johor baharu bagi menyatukan seluruh orang Melayu dengan tujuan meneruskan perjuangan menentang Malayan Union. Persidangan ini diadakan pada pada 11 Mei dan berjalan sehingga 13 Mei 1946. Wakil-wakil 41 pertubuhan termasuk Parti Kebangsaan Melayu (MNP) telah hadir dan mereka sebulat suara memilih Dato Onn sebagai pengurus persidangan. UMNO secara rasmi ditubuhkan dengan Dato Onn menjadi presiden dan Dato Wahab atau Dato Paglima Bukit Gantang sebagai Pengurus organisasi. Johor Bahru dipilih sebagai ibupejabat dan beberapa jabatan dalam UMNO telah dibentuk seperti Sekretariat, Kewangan, Hubungan Awam, Pendidikan dan Agama, Anti-Malayan Union dan Perniagaan dan Industri.

Persidangan ini mengambil keputusan untuk meneruskan dasar tidak berkerjasama dan penentangan secara pasif terhadap kerajaan dan akan memulaukan kedatangan Malcolm MacDonald sebagai Gobnor-Jeneral British bagi Asia Tenggara. Sebelum itu masyarakat Melayu telah memulaukan pertabalan Edward Gent sebagai Gabnor Malayan Union. Persidangan ini menganggap MNP sebagai tidak *persona grata* dengan UMNO kerana MNP kerana pendirian atau dasarnya terhadap *Malayan Union*, Sultan dan UMNO yang agak kurang jelas. Wakil-wakil MNP termasuk Dr Burhannudin bersedia menyokong UMNO dan dasar anti *Malayan union* tetapi mahu mengekalkan hak berada dengan pembangkang sayap kiri.

Tindakan MNP tidak menyertai UMNO serta mengekalkan hubungan dengan golongan kiri dan mengerakkan cawangan pemudanya, Angkatan Pemuda Insaf (API) telah menimbulkan kebimbangan dan menghantui British sehingga mereka lebih bertolak ansor dengan UMNO. British memang menyedari sekiranya tuntutan-tuntutan masyarakat Melayu sebagaimana diwakili oleh UMNO tidak dipenuhi kemungkinan besar mereka akan meninggalkan UMNO.

Jika ini terjadi menurut Bourdillon, pegawai pejabat Tanahjajahan: *The position will then pass into the hands of Indonesian forces of M.N.P., supported for so long as it suits them by the Malayan Communist Party* (CO537/1530/303, 1946). Perjuangan UMNO akhirnya berjaya apabila British mengantikan *Malayan Union* dengan Persekutuan tanah Melayu.

Pada 21 Januari 1948 sultan-sultan telah menandatangani Perjanjian Persekutuan dengan Gent sebagai wakil kerajaan British. Perlembagaan baru ini dilaksanakan pada 1 Februari 1948. Jika diteliti perubahan-perubahan yang diperkenalkan perlembagaan Persekutuan memenuhi kehendak-kehendak British dan orang Melayu yang diwakili oleh UMNO. Di bawah dasar Persekutuan, Tanah Melayu kembali menjadi tanahair orang Melayu. Kerajaan British memulangkan kembali kedaulatan Sultan-sultan, sekurang-kurangnya kedaulatan "dalaman". Kedudukan istimewa orang Melayu diakui dan juga istilah orang Melayu diperjelas. Dasar kewarganegaraan Malayan Union yang sangat dibenci oleh masyarakat Melayu telah dipinda yang menyebabkan orang bukan Melayu sangat sukar untuk memperolehi kewarganegaraan tempatan. Masyarakat Melayu juga bersetuju dengan kehendak-kehendak British bagi mewujudkan sebuah kerajaan pusat yang kuat. Perjanjian Persekutuan tidak banyak menghilang kuasa British kecuali dalam membuat pindaan perlembagaan. Seberang pindaan perlembagaan pada masa hadapan perlu mendapat persetujuan sultan-sultan. Tetapi sultan masih perlu menurut kehendak Residen atau Penasihat jika nasihat diberikan secara formal.

Di bawah kerajaan Pesekutuan jawatan-jawatan Gabenor-Jeneral dan Gabenor telah diubah kepada Commissioner General atau Pesuruhjaya-Jeneral dan High Commissioner atau Pesuruhjaya Tinggi. Walau bagaimana pun fungsi kedua-dua jawatan berkenaan tidak berubah. Sebuah Dewan Perundangan Persekutuan ditubuhkan dengan ahli-ahlinya seramai 75 orang termasuk 14 ahli rasmi. Pesuruhjaya Tinggi akan mempengaruhi mesyuarat. MacDonald kekal memegang jawatan Pesuruhjaya Jeneral dan Edward Gent memegang jawatan Pesuruhjaya Tinggi.

#### **Persatuan Cina Malaya atau the Malayan Chinese Association (MCA)**

Pembentukan dan pelaksanaan dasar atau perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menimbulkan perasaan tidak puas hati orang-orang bukan Melayu, khususnya komuniti Cina. Perubahan dasar yang besar di bawah perlembagaan Persekutuan menyentuh kedudukan mereka. Syarat-syarat untuk membolehkan mereka menjadi warganegara sangat ketat kecuali bagi mereka yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat atau

menjadi warganegara United Kingdom and the Colonies. Peruntukan Kewarganegaraan Persekutuan mengenakan syarat-syarat seperti dilahirkan di Persekutuan dan perlu mengalami asimilasi terbatas, sekurang-kurangnya menguasai Bahasa Melayu sebelum dapat diterima menjadi warganegara. Ini bermakna sebahagian besar orang bukan Melayu akan tetap menjadi orang asing dan tidak mempunyai hak-hak politik. Dalam suasana tidak puas hati masyarakat Cina ini lah PKM melancarkan pemberontakan bersenjata dan sebagai responnya kerajaan mengistiharkan keadaan Darurat. Edward Gent di panggil pulang dan terbunuh dalam kermalangan kapal terbang. Henry Gurney yang menggantikannya sebagai Pesuruhjaya Tinggi mengambil langkah-langkah bagi memerangi Komunis dan mendapatkan kerjasama daripada semua golongan penduduk Tanah Melayu termasuk komuniti Cina.

MacDonald, Pesuruhjaya Jeneral bagi wilayah-wilayah British di Asia Tenggara juga memainkan peranan penting merapatkan hubungan kaum di Tanah Melayu yang menjadi tegang akibat Darurat. MacDonald dan Gurney berpendapat gerakan Komunis dan PKM sebagai anasir asing dan bagi menghapuskan pengaruh asing masyarakat Cina perlu di reorientasi dengan melihat Tanah Melayu sebagai tanah air mereka. Satu parti politik alternatif kepada PKM yang mempunyai haluan tempatan perlu dibentuk untuk masyarakat Cina.

Masyarakat Cina sendiri terutama Tan Cheng Lock, seorang tokoh Cina peranakan mempunyai hasrat untuk menubuhkan sebuah organisasi politik Cina yang berhaluan tempatan. Tan Cheng Lock mengemukakan idea untuk membentuk Persatuan Cina Tanah Melayu atau Malayan Chinese Association pada bulan September 1943 semasa beliau tinggal di India. Perkara ini telah dimaklumkan kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan. Tetapi hasrat Tan Cheng Lock untuk menubuhkan MCA tidak dapat direalisasikan kerana tiada sokongan daripada pihak British. Tan Cheng Lock juga cuba membentuk Liga Cina Tanah Melayu pada awal bulan Mei 1948 dengan tujuan menarik orang-orang Cina kelahiran Cina daripada melibatkan diri dalam politik berhaluan Cina dan menggalakkan mereka memindahkan perasaan cinta kepada Tanah Melayu untuk manfaat semua pihak yang mengharapkan Tanah Melayu muncul sebagai sebuah dominion dalam empayar dan komanwel British. Tan Cheng Lock juga melihat kemungkinan Liga Cina Tanah Melayu akan bercantum atau bersekutu dengan Liga Perpaduan Tanah Melayu yang akan dianggotai oleh semua kaum.

Pada 5 Disember 1948, Tan Cheng Lock menyatakan sekali lagi tujuannya untuk membentuk MCA dalam ucapannya kepada Dewan Perniagaan Cina Melaka dan satu salinan ucapannya dikirimkan kepada MacDonald. Pada pandangan MacDonald cadangan

ini baik tetapi keadaan tidak sesuai. Ia menasihat Tan Cheng Lock agar menangguhkan dahulu rancangan ini untuk mengelakkan salah faham daripada masyarakat Melayu terutama UMNO. MacDonald menulis kepada Tan Cheng Lock pada 15 Disember 1948 yang antara lain menyatakan:

"...[I]...am personally averse to steps being taken in this direction at the moment. I think it would be wise to have the proposed talks with some of our Malay friends in the first instance. Propaganda in favour of the formation of the [Malayan Chinese] Association before that might be misunderstood and arouse suspicions amongst the Malays. After preliminary talks have taken place, there could be no such misunderstanding" (MacDonald Papers)

Gurney mempunyai pandangan yang berbeza dengan MacDonald yang berpendapat masa memang sesuai untuk membentuk MCA. Belia memberi sokongan kepada rancangan Tan Cheng Lock, bahkan telah mengambil inisiatif dengan membuat rayuan kepada ahli-ahli Cina dalam Dewan Perundingan Persekutuan untuk menubuhkan MCA. Sementara itu MacDonald mengambil insiatif untuk menemukakan pemimpin-pemimpin Melayu dengan Cina bagi membincang masalah hubungan kaum. Pada 29 Disember 1948, pertemuan yang diatur oleh MacDonald diadakan di Johor Bahru yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Dato Onn, pemimpin-pemimpin Cina dan juga MacDonald. Dalam pertemuan tersebut Tan Cheng Lock telah meminta sokongan daripada pemimpin-pemimpin Melayu bagi menubuhkan MCA. Gurney dan MacDonald juga membincangkan perkara yang sama. Pada 25 Januari 1949 Gurney berbincang dengan pemimpin-pemimpin Cina seperti H.S. Lee, Yong Shook Lin dan Khoo Teck Ee supaya persatuan yang akan ditubuhkan nanti menerima pemulihan keamanan dan ketenteraman sebagai salah satu objektif utama MCA.

Pada 27 Februari 1949 satu majlis pelancaran penubuhan MCA di adakan di Kuala Lumpur yang ditaja oleh 16 ahli Cina dalam Dewan Persekutuan (Federal Council) dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor. Empat ahli Dewan yang terdiri dari Yong Shook Lin, Ng Swee Cam, Mrs.Oon dan Dr. Lee Tiang Keng tidak hadir . Antara yang hadir ialah empat wakil daripada Pulau Pinang, 18 Perak, 5 Kedah dan Perlis, beratus-ratus daripada selangor, 10 Negeri Sembilan, 9 Melaka, 23 Johor, & Pahang, 2 Terengganu dan Kelantan tidak menghantar wakil.

H.S.Lee mencadangkan Ee Yew Kim menjadi penggerusi majlis dan disokong oleh Khoo Teik Ee. Dalam kata-kata aluannya Ee Yew Kim menyatakan: "Special factors and circumstances pertaining particularly to the Chinese community had made collective

*action imperative for the well-being of the Chinese in the Federation in relation to the Government on the one hand and other sister [Malay] community on the other..."* daripada kenyataan ini jelas bahawa isu politik dan bukannya isu sosial atau kebajikan yang mendorong komuniti Cina membentuk MCA. Dalam erti kata lain komuniti Cina perlu menjalankan hubungan yang baik dan persefahaman dengan tujuan mendapat peluang menjadi warganegara dan memperolehi hak-hak politik. Tan Cheng Lock yang mencadangkan supaya para hadirin bersetuju dengan perubahan MCA menyebutkan bahawa "*The people of Malaya can only constitute a Nationality if the different Communities making up its mix population are united among themselves by common sympathies and fellow-feeling and reconcile themselves to living together in peace and harmony under rights and law.*"

Tan Cheng Lock dipilih sebagai Presiden MCA, Yong Shook Lin sebagai Setiausaha dan Khoo Tek Ee sebagai Bendahari. Di antara objektif MC ialah: (a) memupuk dan memelihara hubungan kaum; (b) untuk menjaga kepentingan-kepentingan dan kebajikan masyarakat Cina dalam aspek sosial, ekonomi, politik berdasarkan lunas-lunas perlumbangan dan undang-undang; dan (c) memelihara undang-undang dan peraturan supaya Tanah Melayu dapat mencapai keamanan dan kemajuan secara teratur.

Kerajaan kolonial British di Tanah Melayu berharap MCA dapat membantu rancangan petempatan semula yang dilaksanakan oleh Lt. General Harold Briggs, Pengarah Operasi (Director of Operations). Sehingga 1952, 470,509 setinggan telah ditempatkan semula di 440 Kampung Baru atau New Villages di seluruh Tanah Melayu. Penglibatan MCA bagi membantu penduduk Kampung Baru ini telah menyebabkan timbul salah tafsiran yang menyebutkan MCA sebagai sebuah pertubuhan sosial dan kebajikan. Memang benar MCA terlibat dalam kerja-kerja sosial dan kebajikan tetapi kegiatan-kegiatan dalam bidang ini juga sangat berkait rapat dengan politik terutama mengurangkan pengaroh PKM di kalangan masyarakat Cina dan meningkatkan prestij MCA. Pihak kerajaan memberi keizinan kepada MCA untuk mengendalikan loteri awam masyarakat bagi memungut wang untuk membantu penduduk Kampung Baru dan mereka yang kurang bernasib baik. Penglibatan dalam kegiatan ini menjadi MCA sebuah organisasi yang mempunyai kedudukan kewangan yang kuat yang secara tidak langsung mengukuhkan kedudukan organisasi ini.

Selepas pembentukan UMNO masyarakat India di Tanah Melayu sedang memikirkan keperluan menyatukan orang India dalam sebuah organisasi politik yang berorientasikan Tanah Melayu. Persatuan India Pusat Tanah Melayu atau CIAM yang diiktiraf oleh Kongress Kebangsaan India sebagai wakil rasmi organisasi orang India di Tanah Melayu tidak lagi aktif. J.A. Thivy, Presiden CIAM tidak dapat mengerakkan organisasi ini "due to personal quarrels" ia menumpukan perhatian kepada bidang sosial dan pendidikan masyarakat India dengan menubuhkan Institut Tagore yang baru di Cameron Highlands pada 5 Mei 1946 bagi memberi pendidikan bagi orang-orang India di Tanah Melayu. Pada 18 Mei Thivy telah turut menghadiri satu persidangan yang dianjarkan oleh Liga Demokrasi Baru India (New Democratic League of Indians) yang bertujuan untuk menyatukan berbagai persatuan India di Tanah Melayu. G. V. Thavier, pemimpin Persatuan India Negeri Sembilan juga mengadakan satu pertemuan bagi membincangkan keperluan mengadakan "a central political body" bagi orang India di Tanah Melayu. Menurut Malayan Security Service Political intelligence Journal (Mei 1946:3), "The theoretical urge towards unity has been present in the India community but, as in India, it is difficult to satisfy in practice."

Pada bulan Ogos 1946 akhirnya orang India berjaya menubuhkan Kongress India Tanah Melayu atau MIC dengan John Thivy menjadi presidennya yang pertama. Tujuan penubuhan MIC pada asasnya sama dengan UMNO dan juga MCA iaitu bagi memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing yang berkaitan isu-isu perlombagaan dan hak-hak politik dan bidang-bidang lain. Tetapi berbeza dengan UMNO dan MCA pemimpin-pemimpin MIC terutama John Thivy dan kemudian, Buddh Singh mempunyai semangat anti - penjajahan yang sangat kuat. Misalnya Thivy misalnya turut dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan bagi Indonesia. Dalam satu ucapannya di Singapura ia menyatakan "...Indian independence could not be regarded as complete until Indonesian attained hers. Ia juga turut berkempen menyokong perjuangan Tengku Mahmud Mahyudin dan GEMPAR yang berjuang bagi membebaskan Pattani daripada pemerintahan Thai. Pemimpin-pemimpin MIC juga turut memperjuangkan kepentingan dan kebijakan golongan buruh ladang .

Di bawah kepimpinan K.L. Devasar, MIC menyokong Parti Kemerdekaan Tanah Melayu atau Independence of Malaya party (IMP) yang mahu mendapatkan kemerdekaan dengan kadar segera daripada pemerintahan British. Selepas Dato Onn dan IMP mengajorkan Persidangan Kebangsaan MIC telah

menarik diri kerana persidangan ini gagal menjadikan kemerdekaan sebagai isu utama. Dengan demikian MIC mencari sekutu politik yang baru.

### **Penubuhan Perikatan UMNO-MCA dan MIC**

Sejarah penubuhan Perikatan UMNO-MCA telah banyak diperkatakan tetapi masa kini para penulis dan penyelidik masih menganggap penubuhan perikatan ini sebagai satu fenomena yang luar biasa dan sukar dimengertikan. Para peneliti seperti Moore (1960), Means (1970), Vasil (1971) dan (1980), Datar (1983) dan Heng Pek Koon (1988) telah dilanda oleh masalah untuk mendapatkan informasi yang mencukupi bagi memberi penjelasan mengenai asal usul Perikatan UMNO-MCA.

Para penulis ini tidak dapat mengisi kesenjangan dalam urutan peristiwa-peristiwa penting dalam jangka masa 16 September 1951 apabila Independence of Malaya Party (IMP) dibentuk hingga 9 Januari 1952 apabila H.S. Lee, Pengurus Malayan Chinese Association (MCA) Cawangan Selangor dan Dato Yahaya, Pengurus Jawatankuasa Kecil Pilihanraya UMNO membuat pengumuman bersama untuk bekerjasama dalam Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur.

Para penulis dan peneliti memberikan tafsiran dan kenyataan yang berbeda mengenai asal usul perikatan UMNO-MCA.. Bahkan ada di antara mereka menggunakan cereka atau mitos dan andaian saperti dalam tesis PhD Moore mengenai "The United Malays National Organisation and the 1959 Malayan Elections". Moore menyebut tindakan H.S. Lee mengadakan kerjasama dengan UMNO menentang IMP telah menimbulkan anggapan di kalangan banyak pemimpin tertinggi MCA bahawa Lee telah mengkhianati atau "*betrayed*" MCA. Satu kenyataan yang tidak dapat dipertahankan dengan seberang bukti atau bahan. Sepuluh tahun selepas Moore, Means pula tampil untuk mengemukakan idea "*personal animosities*" yang diterima oleh kebanyakan sarjana dan penulis sebagai penyebab yang membawa kepada penubuhan Perikatan. Di antara mereka termasuk Vasil yang cuba mengembangkan konsep pertentangan personaliti sebagai sebab kelahiran Perikatan. Tetapi tokoh yang terlibat dalam pertentangan

personalitis ini bukannya Tan Cheng Lock. Menurut Vasil tokoh yang terlibat ialah Sir Henry Lee. Tanpa seberang kenyataan untuk menyokong hujah-hujahnya Vasil cuba satu huraian yang terperinci mengenai peristiwa yang dianggap mewujudkan personaliti konflik di antara Sir Henry Lee dengan Dato Onn (1980: 86).

Perasaan permusuhan di antara H.S.Lee dan Dato Onn tidak timbul dalam perkembangan yang membawa kepada penubuhan Perikatan UMNO-MCA. Tetapi sebaliknya proses pembentukan boleh berlaku kerana ada nya peranan Jawatankuasa Hubungan Kaum atau CLC yang telah berjaya mengurangkan perasaan perkauman pemimpin-pemimpin Melayu dan Cina termasuklah Dato Onn dan Tan Cheng Lock. Pada penghujung tahun 1950 ingin mengubah UMNO dari sebuah pertubuhan Melayu kepada organisasi tidak perkauman dengan tujuan untuk menyatukan semua penduduk Tanah Melayu tanpa mengira bangsa dan agama. Ia mencadangkan agar atas keanggotaan UMNO diperluaskan untuk membolehkan orang bukan Melayu yang merupakan warganegara Persekutuan menjadi ahli bersekutu atau associate member (Vasil, 1971:46). Yong Shook Lin, Tan Cheng Lock dan beberapa pemimpin MCA telah diterima sebagai ahli bersekutu UMNO (TCL/VII/7 16 April 1950).

Dato Onn kemudian cuba mengubah nama UMNO daripada "United Malay National Organisation" kepada "United Malayan National Organisation." Ia menyatakan hasratnya untuk membentuk sebuah parti baru andai kata ahli-ahli UMNO menolak cadangan tersebut. Parti baru itu bermatlamat mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu dalam masa tujuh tahun (Vasil, 1971: 46).

Sebagaimana Dato Onn, Tan Cheng Lock juga menaroh harapan untuk melihat kemunculan badan bukan perkauman. Idea ini dikemukakan dalam satu mesyuarat jawatankuasa kerja MCA pada 21 April 1951. Menurut Tan parti itu "might be superimposed upon, and co-exist with UMNO,MCA and the Malayan Indian Congress (MIC)." Tan menyatakan bahawa: Perhaps what is needed, and the first and most practical step to be taken under existing development of Malayan consciousness among the people of this land would be to create a new United Malayan National Organization or Party with a new constitution in which members of all the races are assembled and meet on a common ground and an

equal footing to discuss the affairs of the country purely as Malayans and which may be superimposed on or superadded to and co-exist with the existing communal bodies such as the United National Malay National organisation, Malayan Indian Congress and Malayan Chinese Association which are to be retained to careonlyfor the special and peculiar interests of the various communities (Oong, 1993:289).

Cadangan Tan Cheng Lock berbeda sedikit dengan cadangan Dato Onn. Tan Cheng Lock mencadangkan penubuhan UMNO baru-- United Malayan National Organization tetapi UMNO lama (United Malays National organization) dikenalkan atau "co-exist." Parti baru itu akan menjadi payung atau pengikat kepada badan-badan perkauman-- UMNO, MCA dan MIC. Dalam kata-kata lain Tan Cheng Lock ingin mewujudkan perpautan di antara parti baru dengan badan-badan perkauman yang telah sedia ada. Konsep yang dikemukakan hampir mendekati konsep perikatan atau politik permuafakatan. Tetapi Dato Onn pula ingin menukar United Malays National Organization kepada United Malayan National Organization yang akan membawa kepada penghapusan organisasi politik Melayu. Usaha Dato Onn ini tidak berjaya dan ia memilih alternatif kedua, keluar daripada UMNO dan berusaha menubuh parti baru yang bersifat bukan perkauman. Tan Cheng Lock menyokong parti baru yang dicadangkan tetapi ia terus kekal dalam MCA.

Pada 26 Ogos 1951 Dato Onn secara rasmi meletakkan jawatan dalam Perhimpunan Agong UMNO. Tunku Abdul Rahman, adek Sultan Kedah telah mengambil alih teraju kepimpinan UMNO. Dato Onn menganjurkan satu perhimpunan di Majestic Hotel, di Kuala Lumpur pada 17 September 1951. Perjumpaan ini dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock. Dianggarkan kira-kira satu ribu orang yang mewakili berbagai bangsa dan kaum menyertai perhimpunan ini. Satu resolusi telah diterima yang antara lain untuk menubuhkan IMP. Sebuah jawatankuasa untuk mengorganisasikan IMP telah dibentuk yang turut dianggotai oleh pemimpin-pemimpin MCA seperti Tan Cheng Lock, Yong Shook Lin, Setiausaha Agung MCA, dan Khoo Teik Ee, Bendahari MCA. IMP menyebutkan objektifnya di antara lain: (1) mencapai taraf berkerajaan sendiri dalam tempoh 10 tahun, (2) pilihanraya berdasarkan prinsip demokrasi diperkenalkan

diperingkat kerajaan tempatan pada 1953 dan kemudian ke peringkat perundangan pusat berdasarkan "adult suffrage" pada 1955, (3) memalayansasikan perkhidmatan awam dan membentuk sebuah perkhidmatan Tanah Melayu (Malayan service), dan lain-lain (Khong, 1984:162).

Pembentukan IMP telah menimbulkan kembali kegelisahan masyarakat Melayu yang dahulunya menentang habis-habisan dasar Malayan Union. Perinsip IMP yang menekankan kosep persamaan hak kepada semua tanpa mengira bangsa, agama atau etnik menyerupai dasar Malayan Union. Apabila sahaja Dato Onn membuat pengumuman untuk membentuk sebuah parti baru masyarakat Melayu terus mengecamnya. Dalam sepucuk surat kepada akhbar, seorang Melayu dari Kedah mengatakan pembentukan parti itu merupakan "... a prelude to the disappearance of the Malay race" (Finkelstein, 1952: 12) dan taraf orang Melayu akan diturun seperti "... the Red Indians striving to live in the waste lands of America" (*ibid.*).

Pembentukan IMP telah menimbulkan konflik perkauman terutama di Kedah. Menurut Tunku "Di Kedah sahaja telah berlaku perbunuhan di dalam tidak kurang dari empat buah kampung" (Ahmad Fawzi Basri, 1991: 341). Tunku Abdul Rahman yang juga Presiden UMNO menentang keras prinsip-prinsip IMP yang membuka pintu keahliannya kepada semua orang tinggal di Tanah Melayu tanpa mengira kesetiaan atau hak-hak kelahiran mereka di sini (Vasil, 1971:52). Orang Cina terutama yang diwakili oleh MCA lebih berhati-hati dalam memberi sokongan kepada IMP. Walau pun Tan Cheng Lock menyatakan sokongan kepada IMP dan ia juga meneruskan rancangan asal untuk membentuk satu perpautan atau perikatan parti-parti politik perkauman-- UMNO-MCA dan MIC dengan parti baru atau IMP. Tan Cheng Lock berusaha untuk membawa Dato Onn dengan Tunku Abdul Rahman, Presiden UMNO dan membawa mereka ke meja perundingan. Sebagai salah satu usaha melaksanakan rancangan politiknya Tan Cheng Lock telah membentuk Tabung Kerjasama Ekonomi dan Persahabatan Melayu-Cina atau Sino-Malay Friendship and Economic Cooperation Fund (SMFECF)(TCL/4/2-2a,Singapore). Ia telah mengemukakan satu cadangan untuk membentuk sebuah jawatankuasa yang anggota-anggotanya terdiri dari Dato Onn, Presiden IMP, Tunku Abdul Rahman, Presiden UMNO.

Muhamad Sopiee dalam suratnya kepada Tan Cheng Lock, menyatakan besar kemungkinan Tunku Abdul Rahman akan bersetuju untuk menyertai rancangan tersebut jika ia dijemput dan ia bersedia "*to sound UMNO leaders on [Tan Cheng Lock]... plan and their participation in it*" (*ibid.*). Tetapi ia menjangka Dato Onn tidak akan bersedia untuk bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin UMNO dan kemungkinan besar akan meminta supaya peruntukan yang dicadangkan diselenggarakan melalui Rural and Industrial Development Authority (RIDA). Md. Sopiee menambah: "*What we have to remember is that it is the goodwill of the Malays that we want, and not if Dato Onn or Raja Ayoub or myself.*" Md. Sopiee juga mengingatkan Tan Cheng Lock "*Eventhough we might disagree very strongly with Tunku Abdul Rahman and his narrow communalism, UMNO is still the most representative of existing Malay organisations.*" Pada pandangannya "*...it would be a tragic failure if we by-passed UMNO*" (*ibid.*).

Sementara itu tindakan Dato Onn dan pemimpin-pemimpin politik lain telah membentuk IMP mendapat perhatian yang serius daripada pemimpin-pemimpin. Tunku Abdul Rahman selaku Yang DiPertua atau Presiden UMNO "telah berasa khuatir di atas nasib orang-orang Melayu kelak sekiranya parti tersebut memegang kuasa atas Malaya" (kutipan dalam Ahmad Fawzi Basri, 1991:340). Tunku menyedari bahawa perkembangan politik waktu itu telah meningkatkan konflik perkauman. IMP sebuah organisasi politik yang memperjuangkan kosep persamaan hak bagi semua kaum disokong oleh MCA dan MIC, sementara masyarakat Melayu pula terus menyokong UMNO. Konflik perkauman akan bertambah buruk jika sekiranya kedua-dua pihak--IMP, MCA dan MIC-- di satu pihak bertanding melawan UMNO.

Memandangkan keadaan demikian Tunku Abdul Rahman telah bersetuju untuk menghadiri satu pertemuan di kediaman Thuraisinggam (bekas pengurus CLC dan juga pemimpin IMP) pada bulan Januari 1952. Antara mereka yang turut serta termasuk Tan Cheng Lock, Rasmani R. Ramani, seorang peguam India dan beberapa ahli Majlis Perundungan Persekutuan. Menurut Thuraisinggam "*the reason for the meeting as being the altruistic one of saving Malaya from bloodshed.*" (CO 1022/85 B.H. Oon kepada J.J.Paskin, 5 Feb. 1952).

Untuk mengelakkan konflik perkauman Thuraisinggam mencadangkan supaya dibentuk sebuah pergerakan antara kaum seperti CLC dengan salah satu tujuan untuk berjuang mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Tunku juga telah bersetuju dengan cadangan tersebut yang menurutnya "Saya telah mengambil berat pergi jumpa Dato Sir Onn dan pemimpin-pemimpin IMP... dan mencadangkan kepada mereka supaya mengadakan perikatan dengan UMNO" (kutipan dalam Ahmad Fawzi Basri, 1991:341). Tetapi pertemuan ini gagal menghasilkan satu keputusan yang positif kerana menurut B.H.Oon, ahli Majlis Perundungan Persekutuan dari Pulau Pinang dan salah seorang pemimpin MCA, "*T[unku] A[bdul Rahman] took the stand that all must help him drive out the British before he would discuss terms of granting rights to non-Malays*" (CO 1022/85). Tan Cheng Lock tidak membuat sebarang komitmen dan seterusnya "... excused himself to attend a dinner with Sir J.Hay" (*ibid.*). Cadangan Tunku untuk membentukan perikataan UMNO dengan IMP telah gagal kerana menurut Tunku "Mereka [IMP] telah menolak" (Ahmad Fawzi Basri, 1991: 341). Selepas itu "beberapa orang pemimpin-pemimpin UMNO di Kuala Lumpur telah berjumpa saya dan memberitahu bahawa tujuan mereka hendak mengadakan perikataan dengan MCA untuk bertanding di dalam pilihanraya Municipal Kuala Lumpur" (Ahmad Fawzi Basri, 1991: 341). Menurut Tunku, "Saya telah berfikir inilah suatu jalan bagi menghuraikan masalah yang telah meruncingkan saya itu dan saya pun memberikan persetujuan saya dengan serta-merta, dan dengan itu terdirilah Perikatan dengan tujuan bertanding di dalam pilihanraya Municipal Kuala Lumpur." (Ahmad Fawzi Basri, 1991:341) yang diadakan pada 16 Februari 1952.

Para pemerhati politik semasa seperti para wartawan tidak mengetahui pertemuan sulit yang diadakan di antara Tan Cheng Lock, Tunku Abdul Rahman dan Dato Onn di rumah Thuraisinggam di Kuala Lumpur. Berita mengenai peristiwa ini tidak kedapatan dalam akhbar-akhbar tempatan. Apabila UMNO Cawangan Kuala Lumpur dan MCA mengumumkan deklarasi bersama pada 8 januari 1952 sebuah akhbar berbahasa Inggeris di bawah tajuk "UMNO and MCA To Fight Elections" menyatakan : "The merger was the most unexpected move to date in the campaign" (*The Straits Budgets*, 10 Januari 1952).

*The Straits Budgets* menyatakan bahawa pengumuman deklarasi bersama tersebut dibuat satelah satu perjumpaan diadakan di antara H.S.Lee, Presiden MCA Cawangan Selangor dan Dato Yahya bin Abdul Razak, Pengerusi Jawatankuasa Pilihanraya UMNO Kuala Lumpur. Seterusnya dinyatakan bahawa UMNO-MCA akan bertanding dalam pilihanraya tersebut "on a common non communal, non-party basis" (*ibid.*). Akhbar *Utusan Melayu* yang diterbitkan pada 9 Januari 1952 di bawah tajuk berita "Kegemparan Dalam Pilihanraya Kuala Lumpur: UMNO Dan MCA Bersatu" melaporkan bahawa "Suatu kejadian yang telah mengemparkan telah berlaku dalam ... pertandingan pilihanraya Munisipal Kuala Lumpur... dua pertubuhan politik yang berdasarkan perkauman telah bersatu dalam pertandingan itu."

Akhbar *Utusan Melayu* keluaran hari berikutnya melaporkan reaksi berbagai-bagai pihak terhadap tindakan MCA dan UMNO menjalinkan kerjasama dalam pilihanraya ini. R.K. Pannikar, ahli Majlis Bandaran Kuala Lumpur berkata: "perpaduan antara UMNO cawangan Kuala Lumpur dengan Persatuan Cina Malaya ada lah satu perpaduan yang tidak suci." (*Utusan Melayu*, 10, Jan. 1952) ia juga mengatakan "sekarang siapa jual Melayu kepada Cina... UMNO atau Parti Kemerdekaan Malaya." K.L.Devasar, Presiden MIC yang juga calon IMP dalam Pilihanraya Majlis Bandara Kuala Lumpur berpendapat tindakan UMNO Kuala Lumpur tidak mendapat restu daripada UMNO ibu pejabat.

Akhbar *Utusan Melayu* juga melaporkan tindakan UMNO Kuala Lumpur dan MCA Cawangan Selangor tersebut mendapat respon yang positif daripada Mohammad Sopiee yang dilaporkan sebagai Setiausaha Parti Buruh Selangor (*Utusan Melayu*, 10 Jan. 1952). Menurut *Utusan Melayu* Inche Sopiee berkata:

dia menyambut baik akan perpaduan itu kerana pilihanraya Munisipal tidak akan dijalankan di atas dasar perkauman. Dia berharap perpaduan tidak terbatas kepada setakat Kuala Lumpur atau Selangor sahaja tetapi seluruh Malaya. Dia juga berharap bahawa perpaduan ini tidak bersifat sementara hanya dalam pertandingan Pilihanraya Munisipal sahaja tetapi kekal sebab kedua-dua pertubuhan itu ada lah pertubuhan-pertubuhan yang betul-betul mewakili kaum Melayu dan Cina.

Perlu disebutkan kembali bahawa Mohamad Sopiee telah membantu Tan Cheng Lock dalam usaha-usaha untuk menarik Tunku Abdul Rahman dan pemimpin-pemimpin UMNO meng anggotai jawatankuasa SMFECF dan ia juga mengingatkan Tan supaya tidak mengenapikan UMNO. Peranan Mohammad Sopiee memang penting sebagai penghubung di antara Tan Cheng Lock dengan Tunku Abdul Rahman dan menyokong kuat perwujudan kerjasama UMNO-MCA dalam pilihanraya ini. Tuduhan bahawa ibupejabat UMNO tidak mengetahui usaha-usaha bagi mewujdkan kerjasama UMNO-MCA telah dinafikan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Sadon Jubir, ahli Jawatankuasa Kerja Agung UMNO dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Hal-ehwal Siasah dan Pilihanraya UMNO mengatakan pihak ibupejabat mengetahui perkara itu dan "ibupejabat UMNO telah bersetuju dengan sikap UMNO Kuala Lumpur itu" (*Utusan Melayu* 10 Januari 1952). Sadon menambah bahawa "...itu lah cara yang baik dalam perjuangan pilihanraya itu." Tunku Abdul Rahman selaku Presiden UMNO turut serta dalam kempen pilihanraya untuk menyokong calon-calon UMNO dan MCA. Pada 13 Januari 1952 turut hadir dalam satu rapat umum yang diadakan di Dewan Perhimpunan Cina Selangor di Kuala Lumpur. Tunku memberi penjelasan kepada para hadirin seramai 400 orang (70 daripadanya Melayu) bahawa "beberapa kejadian telah berlaku dalam beberapa bulan terakhir ini menyebabkan UMNO dan Persatuan Cina Malaya sangat perlu bekerjasama dan saling mengerti antara satu sama lain" dan menyatakan perasaan gembiranya kerana "persetujuan di antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Cawangan Selangor... dapat berlaku dengan segera dan lancar..." (*Utusan Melayu*, 14 Januari 1952). H.S. Lee selaku Presiden MCA Cawangan Selangor pula menjelaskan bahawa pembentukan "Persatuan UMNO-MCA ... merupakan kemahuan semula jadi politik" (*ibid.*).

Dalam Pilihanraya Bandaran perikatan UMNO-MCA bertanding dalam semua kawasan undi: Lima UMNO dan tujuh MCA termasuk seorang ahli bersekutu. Calon-calon UMNO tediri daripada Inche Abdullah Yassin, Inche Yahya bin Sheikh Ahmad, Inche Salleh Hakim dan Raja Mohamad bin Raja Alang yang kesemua kecuali satu bertanding merebut kerusi-kerusi dalam Sentul Ward. Seorang lagi calon, Raja Mohamad bertanding di *Rengas Ward*. Calon-

calon MCA pula terdiri dari Chan Kwong Hon, Ong Yoke Lin, Cheah Ewe Keat, Douglas K.K. Lee dan Chan Chee Hong, kesemuanya bertanding di Imbi dan Petaling Ward. Elsie Somasundaram, seorang ahli sekutu MCA turut bertanding di Bangsar Ward. Dalam kempen pilihanraya perikatan UMNO-MCA menekankan kepada isu-isu tempatan seperti yang terkandungi dalam deklarasi bersama mereka.

Keputusan pilihanraya memperlihatkan bahawa pengundi memberikan sokongan kuat kepada calon-calon perikatan UMNO-MCA. 9 daripada 12 kerusi dimenangi oleh perikatan manakala 2 sahaja kerusi diperolehi oleh IMP termasuk kerusi yang dimenangi oleh Presiden MIC Kuala Lumpur. Perikatan UMNO-MCA memperolehi 5,180 undi Melayu, 4,928 undi Cina dan 232 undi India (Vasil, 1980:89). IMP pula memperolehi 1,988 undi Melayu, 1,394 undi Cina dan 3,262 (*ibid.*). Nampaknya masyarakat India memberi sokongan padu kepada IMP mungkin disebabkan oleh kerana K.L.Devasar, Presiden MIC Kuala Lumpur bertanding di atas tiket parti ini.

Keputusan Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur memperlihatkan dengan jelas bahawa masyarakat Melayu dan Cina lebih tertarik kepada idea kerjasama politik antara kaum (*interracial cooperation*) daripada non-perkauman. Tan Cheng Lock sangat gembira dengan kemenangan yang dicapai oleh perikatanan UMNO-MCA dan menghantar telegram ucapan tahniah yang diterima oleh H.S.Lee pada 18 Februari 1952 (Oong, 1993:347). Antara lain ia menyatakan "that the cause of Sino-Malay co-operation and the political activities should triumph throughout the country..." (*ibid.*). Ini tidak bermakna Tan Cheng Lock tergesa-gesa mengubah pendirian politiknya tetapi perkembangan yang berlaku ada lah selaras dengan idea politik Tan Cheng Lock yang menyatakan: "Principles are more important than people"(*ibid:* 349). Ia menyokong prinsip-prinsip IMP, kerjasama UMNO-MCA dan Melayu-Cina. Thio Chan Bee, seorang teman karibnya menyatakan: What is now needed is a rallying together of the UMNO-MCA-IMP, but it will need god's guidance and help to be successful." Ia seterusnya menasihatkan Tan Cheng Lock supaya "*show goodwill to rival units and hold up the ideal of all-Malayan unity and co-operation for the good of all and for the country*" (*ibid:* 349).

Bagi Tunku Abdul Rahman kemenangan perikatan UMNO-MCA dalam Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur sangat bermakna. Dalam perutusan yang dikirimkan kepada H.S. Lee, Tunku menyatakan "*Alliance great achievement profit/s] Malaya*" dan berharap perikatan ini akan berkekalan dan berkembang ke seluruh negara (*ibid*: 348). Tunku juga secara peribadi bersedia memberi konsesi politik yang lebih luas kepada orang Cina dan bukan Melayu yang lain seperti prinsip kewarganegaraan berdasar jus soli dan konsep Tanah Melayu untuk semua penduduk Tanah Melayu. Tetapi menurut Tunku "*in order to get his view agreed to his U.M.N.O. Branches ...there should be liaison meetings between the leaders of the U.M.N.O. and the leaders of the M.C.A. in the various States and Settlements to discuss confidentially and in a friendly manner these various points*" (*Ibid.*).

Selepas pilihanraya Tan Cheng Lock masih menjalinkan hubungan yang rapat dengan IMP dan Dato Onn di samping secara sulit cuba merapatkan hubungan dengan Tunku Abdul Rahman. Tan Cheng Lock mengikut rombongan Dato Onn ke seluruh Semenanjung bagi membentuk cawangan-cawangan IMP seperti di Melaka dan Pulau Pinang. Melalui H.S. Lee pula perbincangan-perbincangan diadakan untuk membentuk perikatan UMNO-MCA secara formal. Tindak-tinduk MCA dan Tan Cheng Lock tiga" telah menimbulkan kemarahan Dato Onn dan seterusnya menyebabkan perhubungan mereka menjadi tegang dan putus pada 18 September 1952 MCA juga meneruskan usaha merapatkan hubungan dengan UMNO.

Hampir setahun selepas Pilihanraya Majlis Bandaran Kuala Lumpur, yakni pada 3 Februari 1953 buat kali pertama pemimpin-pemimpin MCA yang diketuai oleh Tan Cheng Lock dan pemimpin-pemimpin UMNO yang diketuai oleh Tunku menghadiri mesyuarat secara tidak formal bagi mengukuhkan hubungan di antara kedua pertubuhan. Antara yang hadir termasuklah wakil-wakil UMNO: Inche Sardon Jubir, S.A. Bahaman, Dr. Ismail Rahman dan Syed Nasir bin Ismail dan wakil-wakil MCA: H.S.Lee, Leong Yew Koh, S.M. Yong dan Ong Yoke Lin. Tan Cheng Lock telah dipilih bagi mempengaruhi mesyuarat ini dan mesyuarat berikut oleh Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock secara bergilir. T. H. Tan, Ketua Setiausaha Eksekutif MCA dipilih menjadi Setiausaha

mesyuarat secara tidak formal ini. Tan Cheng Lock menjelaskan bahawa tujuan mesyuarat ini ia lah "to fix an agenda for the UMNO-MCA roundtable conference" (SSPHS Lee, Minutes of the informal meeting of UMNO-MCA representatives, 3 Feb. 1953).

Mesyuarat tidak formal ini bersetuju untuk membentuk jawatankuasa perhubungan UMNO-MCA di semua peringkat dan arahan akan diberikan kepada cawangan-cawangan UMNO dan MCA. Sebuah jawatankuasa kecil telah dibentuk yang ahli-ahlinya terdiri dari Dr. Ismail Rahman, Sardon Jubir, S.M.Yong dan H.S.Lee untuk merangka peraturan-peraturan pilihanraya persekutuan. Tunku pula menjelaskan pendirian UMNO bahawa segala keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa bersama tidak akan mengikat UMNO dan MCA. Menurutnya: "*The decisions were merely recommendations to the MCA and UMNO for acceptance or otherwise by their respective executive.*" (SSPHS Lee). Fungsi mesyuarat perwakilan UMNO-MCA persis sama dengan CLC sebagai badan membincangkan masalah-masalah politik dan ekonomi yang boleh menjelaskan hubungan kaum. Perbincangan yang terperinci dibuat diperingkat tertinggi dan segala keputusan yang diambil akan diserahkan kepada pertimbangan pertubuhan masing-masing. Setelah berkali-kali mengadakan mesyuarat Perikatan bersetuju mengajorkan Kongres Kebangsaan yang kemudian disebut Konvensi Kebangsaan untuk membincangkan masalah Pilihanraya Umum di Tanah Melayu. Pada 23 Ogos 1953 apabila Konvensi Kebangsaan diadakan Perikataan UMNO-MCA dilahirkan secara rasmi. MIC turut menyertai Perikatan pada Oktober 1954.

#### **Perikatan dan Perjuangan Menuntut Kemerdekaan**

Walaupun kesedaran politik dan nasionalisme telah meluas di kalangan penduduk berbagai kaum selepas tamat Perang Dunia Kedua, keinginan dan perjuangan untuk mendapat kemerdekaan terbatas kepada golongan nasionalisme radikal seperti MNP, API, AWAS dan PKM. Pada 2 Mac 1948 Dr. W. Linehan, penasihat perlumbagaan *Malayan Union*, 1946-1948, membuat laporan kepada kerajaan kolonial British menyatakan "*The prospect of the rise of a strong independent movement in Malaya, at any rate within the next generation or so.*

*appears to be exceedingly remote*" (CO537/3746 Stockwell, part II, 1995:1).

Linehan berpendapat orang Melayu tidak akan memberikan sokongan kuat kepada gerakan menuntut kemerdekaan dengan memberikan beberapa sebab seperti berikut:

- a. *They fear above all Chinese political domination, and they realise that in their present weak position the withdrawal of the Protecting Power would immeasurably increase that danger. They appreciate that they are not ripe for independence and that their political, economic and social progress will be advanced by British help. They know that for a long time to come they cannot afford to dispense with that help. The policy of UMNO as repeatedly voiced by Dato Onn, is to put a strong curb on any malay urge that there may be for immediate independence so that the Malays may learn to walk before they attempt to.*
- b. *The propaganda for an independent Malaya comes almost altogether from the mouths of the Communist or communist-inspired orators and any doctrine tainted with communism (one of whose aims is the destruction of religion) is utterly repellent to the Muslim Malays.*
- c. *The disturbances in India on the withdrawal of the British has opened the eyes of thinking people of the Malay race as to the dangers inherent in a British withdrawal from Asia territories.*
- d. *The local manifestations of extreme Indian nationalism originating with some members of the MIC, coupled with the anti-Federation attitude of that body, makes the Malays extremely suspicious of Malayan independence coming from such a source.* (CO537/3746 Stockwell, part II, 1995:1).

W.L. Blythe, bekas setiausaha hal-ehwal orang Cina di Tanah Melayu dan presiden pesuruhjaya-pesuruhjaya munisipal Singapura, mempunyai pandangan yang sama dengan Linehan. Ia melihat daripada dimensi orang Cina. Menurutnya

*"Any Malayan independence movement, to be successful, must comprise both Malays and Chinese in partnership... in Malaya, where the two principal races are numerically so evenly balanced but culturally so apart, there is no prospect, for a long time to come, of the emergence of a strong independence movement, and that it will be a lot of the British, if we retain the power and the will to do so, to keep the ring until a closer fusion of the two races is produced* (CO 537/3746 dalam Stockwell, part II, 1995:2).

Padangan Linehan dan Bylthe memang lah kurang tepat kerana perubahan-perubahan politik di Tanah Melayu kemudiannya mendorong kepada

wujudnya gerakan kemerdekaan yang kuat. PKM melancarkan pemberontakan dan kerajaan mengistiharkan Darurat pada pertengahan tahun 1948. Kerajaan British terpaksa mengkaji semula dasar-dasarnya di Tanah Melayu termasuk merancang dan melaksanakan program-program politik bagi memenangi "jantung dan minda" penduduk-penduduk Tanah Melayu dalam usaha memerangi keganasan Komunis. Pada awal tahun 1953 keadaan menjadi jelas bahawa perjuangan menentang Komunis telah menyebelahi pihak kerajaan kolonial British di Tanah Melayu. Tetapi pada masa yang sama British terpaksa menghadapi satu dayatenaga baru dalam politik Tanah Melayu. Satu perkara yang dianggap tidak mungkin terjadi tetapi telah terjadi: kemunculan Perikataan UMNO-MCA yang mengabungkan kekuatan Melayu-Cina dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Dayatenaga akan menjadi lebih kuat dan kebal jika disertai oleh PKM dan golongan radikal Melayu.

Pengaroh Perikatan telah meningkat dengan drastik sekali selepas kejayaan mereka memangi Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur. Mereka kemudiannya mencapai kemenangan demi kemenangan dalam pilihanraya bandaran dan tempatan. Dato Onn sedang menyaksikan pengaroh politik IMP semangkin merosot dan ia cuba tampil mengambil kembali teraju kepimpinan dalam politik tempatan.

Pada penghujung tahun 1952 beberapa penyokong kuat dato Onn dan pemimpin-pemimpin IMP, Menteri Besar dan Malcolm MacDonald telah mengadakan satu pertemuan bagi membentuk sebuah Jawatankuasa Perhubungan bagi memupuk perpaduan kaum. Dato Panglima Gantang menolak idea ini tetapi menyokong supaya diadakan satu persidangan untuk tujuan yang sama. Menteri-menteri Besar Perak, Kelantan , Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu dan Selangor dan beberapa pemimpin lain telah mengumumkan mereka akan menganjorkan satu persidangan di Kuala Lumpur pada 27 April 1953 dengan tujuan menghimpunkan "all those leaders who strive sincerely for a united, free and independence Malayan nation ...to consider how they can best in co-operation forward their splendid ideal." Presiden UMNO menerima pelawaan daripada Dato Panglima Bukit Gantang untuk menghantar dua orang wakil

menyertai persidangan ini yang diharapkan “ *will be widely representative of Malayan leaders* ” (SSPSHLee).

Pemimpin-pemimpin Perikatan memberi tafsiran bahawa tujuan persidangan ini adalah untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Kerja yang akan dikuasai oleh Menteri-menteri Besar dan jawatankuasa ini kelak akan mengawal dasar-dasar pertubuhan-pertubuhan politik lain. Dengan demikian Perikatan UMNO-MCA telah menolak pelawaan berkenaan. Perikataan sebaliknya merancang untuk menganjorkan satu Kongress Kebangsaan bersama-sama dengan Parti Buruh Tanah Melayu.

Pada 30 Mei 1953 Perikatan UMNO-MCA mengenalpasti beberapa pertubuhan yang akan dijemput menyertai Kongress Kebangsaan Antara pertubuhan-pertubuhan itu termasuk UMNO, MCA, PMU, pertubuhan-pertubuhan India seperti MIC, FIO, MIA, dan MBIA, Persatuan Orang Serani, Persekutuan Ceylon Tanah Melayu, SCBA dan juga IMP. Objektif awal Kongress ini untuk membentuk National Congress Party of Malaya dan membolehkan pilihanraya umum diadakan pada tahun 1954. Perikatan UMNO-MCA menghadapi banyak masalah untuk menganjorkan Kongress kebangsaan termasuk perselisihan faham di antara MCA dengan pemimpin-pemimpin Parti Buruh yang menyebabkan parti ini menarik diri daripada menjadi panganjor. Tetapi akhirnya Kongress Kebangsaan yang ditukar menjadi Konvensi Kebangsaan diadakan pada 23 Ogos 1953, kemudian pada 11 Oktober 1953 dan 14 Februari 1954.

Walaupun Perikatan UMNO-MCA menjemput 15 pertubuhan tetapi yang hadir cuma empat buah tidak termasuk perikatan. Pertubuhan itu ialah PAS (Pan-Malayan Islamic Party), PMU (Peninsular Malays Union ), KMU (the Kelantan Malay Union ) dan Parti Buruh Tanah Melayu (the Pan-Malayan Labour Party). Konvensi Kebangsaan mengeluarkan manifestonya yang antara lain menyatakan : “*We the people of Malaya, as represented by our political organisations, determined to establish strength and unity independent state ( in which the sovereignty of the sultans as constitutional Rulers of their respective territories shall be maintain) , social order on the basis of eternal principles of justice, liberty and unity...*” (SSPHSLee). Konvensi ini juga meminta supaya Pilihanraya Persekutuan diadakan pada atau sebelum bulan November 1954.

Sebagai respon kepada tuntutan-tuntutan Perikatan dan organisasi organisasi politik kerajaan British telah membentuk sebuah Jawatankuasa Pilihan raya bagi merangka langkah-langkah memperkenalkan Pilihanraya Persekutuan. Jawatankuasa ini mengandungi 46 ahli yang kebanyakannya mereka daripada pengikut Dato Onn dan wakil-wakil dalam Persidangan Kebangsaan (National Conference). Perikatan UMNO-MCA cuma diberi peluang menghantar tujuh wakil sahaja. Satu angka yang terlalu kecil bagi dua pertubuhan politik yang kuat dan besar.

Pada Januari 1954, Jawatankuasa Pilihanraya menghasilkan laporan yang menunjukkan mereka tidak dapat mencapai kata sepakat. Laporan Majoriti mencadangkan bahawa 48 dilantik dan 44 dipilih. Ini bermakna mereka mau melambatkan proses membawa Tanah Melayu kearah berkerajaan sendiri.

Laporan Minoriti yang disokong oleh Perikatan mencadangkan 60 dipilih dan 40 dilantik. Perikatan mengemukakan cadangan majoriti ahli dipilih kerana mereka diduga akan memenangi Pilihan raya yang akan diadakan kelak.

Laporan Jawatankuasa Pilihanraya telah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Tinggi dan Persidangan Raja-raja. Sebuah Kertas Putih (White Paper) telah diterbitkan mengandungi satu tolak ansur: Dewan Perundangan Persekutuan yang disusun semula akan mengandungi 98 ahli dengan 46 dilantik dan 52 dipilih. Perikatan tidak puashati dan menuntut supaya sekurang-kuranya 3/5 ahli Dewan Perundangan baru dipilih.

Perikatan mengambil keputusan menghantar delegasi ke London untuk membincangkan isu berkenaan dengan Setiausaha Negara Bagi Tanahjajahan. Wakil-wakil Perikataan terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Dato Razak dan T.H. Tan. Melalui pertolongan Lord Ogomore, wakil-wakil Perikatan telah dapat menemui Setiausaha Bagi Negara. Perikatan mengatakan mereka tidak dapat menerima cadangan Kertas Putih kerana pihak yang menang dalam Pilihanraya tidak berupaya membentuk sebuah kerajaan yang kuat dan mereka boleh dipermain-mainkan oleh ahli-ahli yang dilantik. Selain daripada kos mengadakan pilihanraya terlalu besar dan membebankan parti-parti yang bertanding.

Rombongan Perikatan gagal mendapat sokong Setiausaha Negara Bagi tanahjajahan. Sekembali mereka ke Tanah Melayu mereka meneruskan tuntutan

berkenaan. Templer bersetuju dengan beberapa cadangan Perikatan dan membayangkan kemungkinan beberapa ahli-ahli khas yang akan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi diambil daripada mereka yang dicadangkan oleh pihak yang menang.

Pada 13 Jun 1954 Perikatan UMNO-MCA mengambil keputusan memboikot kerajaan dengan menarik ahli-ahli mereka yang dilantik dalam bahan-bahan kerajaan. Antara mereka yang meletak jawatan termasuklah H.S. Lee (Pengangkutan), Ismail (Sumber Alam) dan Tunku sendiri. British berpendapat tindakan Perikatan tidak akan berkesan kerana kebanyakan ahli-ahli yang dilantik dalam Dewan Perundangan dan bahan-bahan kerajaan terdiri daripada penyokong Dato Onn dan Parti Negara yang mengantikan IMP.

Pada 24 Jun 1954, the Federation of Malaya Agreement (Amendment) Bill telah dibentangkan di Dewan Perundangan oleh Dato Onn selaku Ahli Ehwal dalam Negeri. 59 ahli-ahli Dewan yang hadir telah meluluskan Rang Undang-undang ini dengan sebulat suara. 16 ahli Perikatan UMNO-MCA memulaukan persidangan ini kerana mereka menyedari dengan kedudukan sebagai golongan minoriti yang begitu kecil mereka tidak mempengaruhi keputusan Dewan. Pindaan perlombagaan dilakukan mengikut cadangan Kertas Putih dan Pilihanraya akan diadakan pada Julai 1955.

Selepas kegagalan Perikatan telah mengubah strategi perjuangan dengan cuba mendapat sokongan daripada Sultan-sultan. Pada 2 Julai 1954, mereka mengadakan perarakan yang dihadiri oleh seramai 2000 orang ke Johor Bahru untuk mengadap dan mengemukakan petisi yang antara lain meminta supaya dilantik sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan mengemukakan cadangan reformasi perlombagaan unuk Tanah Melayu.

Strategi Perikatan berjaya memikat hati Sultan Johor yang kemudian mengadakan mesyuarat dengan sultan-sultan pada 22 dan 23 Ogos 1954. Persidangan Raja-raja Melayu yang diadakan 21 Oktober 1954 telah bersetuju dengan cadangan UMNO mengenai keperluan menyemak semula perlombagaan Tanah Melayu dan dicadangkan sebuah Jawatankuasa dilantik dengan ahli-ahli yang kebanyakannya bersimpati dengan UMNO termasuk Dato Abdul Razak, Naib yang Di pertua UMNO.

Pesuruhjaya Tinggi juga bertolak ansor dengan Perikatan dengan memberi jaminan bahawa ia akan berunding dengan parti yang menang bagi menentukan lima daripada tujuh ahli khas (*seven reserved Nominated Members seats*) dalam Dewan Perundangan. Ini bermakna parti yang menangi Pilihanraya Persekutuan nanti mempunyai kesempatan menentukan penyokong mereka akan dilantik bagi lima kerusi khas berkenaan. Jaminan Pesuruhjaya Tinggi British ini telah diterima oleh Perikatan dan mereka telah menamatkan pemuluan atau boikot. Kejayaan ini menyebabkan Perikataan dianggap sebagai juara dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan kedudukan politik Dato Onn semangkin pudar.

Jalan ke arah kemerdekaaan masih belum jelas. Pada Mac 1955 Sir Anthony Eden, Setiausaha Luar (the Foreign Secretary), menyatakan Darurat menjadi halangan bagi Britain untuk membawa Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Ini bermakna Perikatan harus berusaha menamatkan darurat walau pun dengan jalan berunding dan mendapat kerjasama dengan PKM.

Dalam Pilihanraya yang diadakan pada 27 Julai 1955, Perikatan meletakan 52 calon dengan 35 calon UMNO, 15 MCA dan 2 MIC. Pembahagian kerusi ini dibuat tidak berdasarkan bilangan pengundi mengikut kaum. Peratusan pengundi yang berdaftar dalam tahun 1955 dianggarkan 84 peratus Melayu, ii peratus Cina dan 5 peratus India. Cuma dua kawasan Pilihanraya yang mempunyai pengundi majoriti bukan Melayu. Ini bermakna Perikatan meletakkan 17 colan bukan Melayu bertanding di kawasan Melayu. Manifesto Pilihanraya Perikatan inginkan kemerdekaan dalam masa empat tahun, meneruskan dasar pendidikan yang akan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, memalayanasasi perkhidmatan awam, dan menawarkan pengampunan (general amnesty) kepada PKM bagi menamatkan Darurat. Perikatan UMNO-MCA-MIC mendapat kemenangan besar dengan menawan 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Perikatan mendapat lebih daripada 81 undi popular. Parti Negara di bawah pimpinan Dato Onn tidak memenangi seberang kerusi. Walaupun Dato Onn meniupkan sentimen nasionalisme Melayu yang kuat dalam pilihanraya ini pengundi lebih tertarik dengan isu kemerdekaan. Pilihanraya ini

menyaksikan kemunculan Parti Islam Se Malaya (PAS) yang telah memenangi sebuah kerusi.

Berikutnya dengan Pilihanraya ini "sistem ahli" telah di tukar kepada sistem kabinet. Tunku Abdul Rahman, selaku pemimpin Perikatan telah dilantik sebagai Ketua Menteri atau ketua kerajaan. Pesuruhjaya Tinggi British masih kekal sebagai ketua persekutuan dan mengekalkan kuasa mengesahkan undang-undang. Pemimpin-pemimpin Perikatan merasakan bahawa penganas Komunis harus diberi pengampunan bagi menggalakkan mereka menyerah diri dan menghentikan pemberontakan bersenjata. Komunis juga telah mengubah strategi perjuangan dengan melancarkan ofensif damai atau jalan perundingan. Pada Jun pemimpin-pemimpin Perikatan menerima surat bertarikh 1 Mei daripada PKM yang menyatakan bahawa "*...the aim of the MRLA was to achieve a peaceful, democratic and independent Malaya* (Oong, 1993: 390). PKM memberi bayangan bahawa mereka bersedia untuk menemui pihak kerajaan dan berunding bagi mewujudkan keamanan.

Sebagai respons Tunku Abdul Rahman dan beberapa pemimpin Perikatan yang lain mula menyokong idea untuk berunding dengan PKM. Keadaan ini menimbulkan kecemasan bagi pegawai-pegawai British dan Komanwel. Pesuruhjaya Tinggi memang sedar bahawa Perikatan dan PKM mempunyai satu matlamat yang sama iaitu untuk mengusir British dan mendapat kemerdekaan. Ia berpendapat jika isu kemerdekaan dibincangkan "the Chief Minister may emerge from the meeting feeling that he has a closer identity of view " PKM dan akan meningkatkan status Chin Peng. Status pegawai British pul akan merosot. Dengan demikian British mengambil keputusan untuk memberi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dengan menganggap isu Darurat bukan lagi menjadi halangan. Tunku pergi menemui Chin Peng dengan kemerdekaan sudah berada dalam tangan. Selepas Pertemuan Baling, Tunku mengetuai satu delegasi yang mengandungi empat wakil Perikatan dan empat wakil Sultan-sultan ke London untuk merundingkan kemerdekaan tanah Melayu. Merka tiba dalam Januari 1956 dan berunding selama tiga minggu. British seperti yang dijangkakan akan memberikan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Kerajaan British telah melantik sebuah Suruhanjaya Komanwel (Commonwealth Commission) yang dikenali sebagai Reid Commission untuk membuat cadangan bagi perlombagaan masa hadapan Tanah Melayu. Commission ini mengandungi ahli-ahli termasuk Lord Reid sebagai Pengurus, Sir Ivor Jennings (United Kingdom), Sir William McKell (Australia), Mr. Justice Abdul Hamid (Pakistan), and Chief Justice B. Malik (India).

Suruhanjaya melawat dan memungut pandangan pada bulan Mei 1956. Kedatangan Suruhanjaya ini meningkatkan lagi perasaan perkauman di antara penduduk-penduduk keturunan Melayu dan bukan Melayu terutama Cina kerana perbezaan kepentingan dalam tuntutan-tuntutan dan pandangan-pandangan mereka mengenai beberapa isu perlombagaan. Perikataan pada mulanya ingin menghantar satu memoranda juga menghadapi masalah kerana tekanan-tekanan daripada pihak-pihak tertentu dalam kalangan organisasi-organisasi masing-masing: UMNO daripada masyarakat Melayu; MCA dengan masyarakat Cina dan MIC dengan masyarakat India.

Dewan-dewan perniagaan Cina dan persatuan-persauan sosial dan kebajikan Cina atau *Hua Tuan* menuntut supaya prinsip kewarganegaraan berasaskan jus soli yang ditentang kuat oleh masyarakat Melayu. Perikatan kemudian dapat bertolak ansur mengenai isu ini yakni menerima prinsip *jus soli* tertangguh. Sesiapa yang dilahir pada atau selepas Merdeka akan diterima jadi warganegara secara otomatis. Menurut Heng Pek Koon, penerimaan prinsip *jus soli* ini "*mark a momentous watershed in the history of Chinese political development in Malaya*" dan : "*It gave citizenship and franchise to nearly half the Chinese population, thus enabling the community as a whole to play an effective role in the political life of the country*". (1984:339)

Perikatan menerima cadangan bahawa kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan, agama Islam sebagai agama rasmi dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa rasmi dan menolak konsep dua kewarganegaraan. Suruhanjaya Reid telah menyiapkan tugas merangka deraf perlombagaan Tanah Melayu pada Februari 1957. Deraf ini kemudian diteliti oleh sebuah Jawatankuasa Kerja tempatan yang mengandungi 11 ahli mewakili Sultan-sultan, Perikatan dan pegawai-pegawai British. Jawatankuasa Kerja membuat

beberapa pindaan dan kemudian dibentangkan dalam Dewan Perundangan Persekutuan pada 15 Ogos. Pada pukul 12 tengahmalam 30 Ogos 1957 bendera Union Jack telah diturunkan dan Tunku Abdul Rahman mengistiharkan kemerdekaan. Pada jam 12.01 pagi 31 Ogos lahir sebuah negara baru yang berdaulat dan merdeka.

### Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dilihat bahawa pergerakan kemerdekaan Tanah Melayu telah menghasilkan kejayaan kerana melalui Perikatan penduduk-penduduk Tanah Melayu yang daripada orang-orang Melayu, Cina dan lain-lain walaupun berbeza kebudayaan telah dapat mengongsi keazaman, untung nasib dan hala tuju. Perikatan berjaya muncul sebagai satu gerakan kemerdekaan yang kuat dalam masa yang singkat. British terpaksa keluar gelanggang tidak sampai lima tahun selepas pembentukannya.

### Rujukan

- Ahmad Fawzi Basri, Ahmad et al. 1991. *Bumi Dipijak Milik Orang*. Kuala Lumpur: DBP.
- CO 537/7303, Eastern Colonies, Original Correspondence (Straits Settlement and Malay States) PRO. London (Gurney kepada Higham 13 Jun 1951).
- CO 537/7343, Eastern Colonies, Original Correspondence (Straits Settlements and Malay States), PRO. London (Monthly Political Intelligence Report, April to May 1951).
- CO 537/7346, Eastern Colonies, Original Correspondence (Straits Settlements and Malay states) PRO. London (Political Intelligence Report, Political Summary-May 1951).
- CO 1022/81, South East Asian Department, Original Correspondence 1950-1956, PRO. London (Report on Recent Political Developments by The Officer Administrating The Government).
- Datar, Kiran Kapur, 1983. *Malaysia: Quest for a politics of consensus*. New Dehli: Vikas Publishing House PVT. LTD.

- Finkelstein, Lawrence S. 1952. "Prospects for Self-Government in Malaya", *Far Eastern Survey*, Vol.XX1, No.2, 30 Januari, American Institute of Pacific Relations.
- Heng, Pek Khoon, 1984. "The Development of the Malayan Chinese association." Tesis PhD Universiti London.
- \_\_\_\_\_, 1988. *Chinese Politics in Malaysia A History of the Malaysian Chinese Association*, Singapore: Oxford University Press.
- Khong, Kim Hoong, *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-57*, INSAN, Kuala Lumpur, 1984.
- "Malayan Security Service Political Intelligence Journal". MSS.Ind.Ocn.S.251.
- Mauzy, D.K. 1983. *Barisan Nasional: Coalition Government in Malaysia*, Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd.
- Means, Gordon P. 1970. *Malaysian Politics*, London: University of London Press.
- Malcolm MacDonald Papers, Department of Palaeography and Diplomatic, University of Durham (England).
- Moore, Daniel E. 1960. "The United Malays National Organisation and The 1959 Malayan Election: A Study of A Political Party in Action in Newly Independent, Plural Society." Tesis Ph.D University of California.
- Oong Hak Ching. 1993. "British Policy and Chinese politics in Malaya, 1942-1955." Tesis PhD Universiti Hull.
- Tan Cheng Papers: A Descriptive List, compiled by the Library Staff, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- TCL, Tan Cheng Lock Papers, Institute of Southeast Asian Studies Library (Singapore)
- The Straits Budget, 1950-1953.*
- Tunku Abdul Rahman. 1977. *Looking Back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Stockwell, A.J. (editor) 1995. Malaya Part: The Malayan Union Experiment 1942-1948. British document on The end of Empire.London:HMSO.
- \_\_\_\_\_. Malaya Part II: The Communist insurrection 1948-1953 British document on The end of Empire.London:HMSO.
- \_\_\_\_\_. Malaya Part III: The Alliance Route To Independence 1953-1957. British document on The end of Empire.London:HMSO.

- Stubbs, Richard. 1989. *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press.
- SP13, Surat Persendirian Tan Cheng Lock Arkib Negara (Kuala Lumpur, Malaysia)
- SSPHS Lee, Surat Persendirian H. S. Lee.
- Vasil, R.K. 1971. *Politics in a Plural Society*, Oxford University Press.
- \_\_\_\_\_. 1980. *Ethnic Politics in Malaysia*. New Delhi: Radiant Publishers.
- Utusan Melayu*, Januari-Februari 1952.

**Perjuangan Kemerdekaan Sarawak**

oleh  
**Tun Patinggi Hj Abdul Rahman Yaakub**

**Sesi 2 Trek 2**

## PERJUANGAN KEMERDEKAAN SARAWAK

1 Sebelum September, 1841, Sarawak telah di perintah oleh Kesultanan Brunei. Pada mula-mulanya nama "Sarawak" hanyalah bandar Kuching sekarang. Ianya bukanlah sebuah wilayah yang meliputi kesemua Bahgian-Bahgian dan daerah-daerah Sarawak seperti sekarang ini.

2 Pada 15 Ogos, 1839, James Brooke, seorang "adventurer" dari England telah datang ke Kuching dengan sebuah sekunyir (schooner) bernama "Royalist". Dalam bulan Ogos, 1840, dia datang lagi ke Kuching. Menurut cerita penulis-penulis buku mengenai Brooke, James Brooke toloh berjaya mengalah pomberontakan di daerah Kuching pada masa itu. Kerana kejayaan itu, Raja Muda Hashim, Brunei telah menyerah kepada James Brooke pemerintahan "Kuching". Apakah dakwa'an itu benar? Barang di-ingat pada zaman itu pemerintahan Brunei sangat lemah. Saya lebih cenderung kepada pendapat yaitu, James Brooke telah memaksa Raja Muda Hashim untuk menyerah "Kuching" kepadanya.

3 Pada 1 Ogos, 1842, James Brooke telah di isytihar di Brunei sebagai "Rajah Sarawak". Pertabalan beliau di Kuching berlaku pada 18 September, 1842. Daerah-daerah lain maseh lagi di perintah oleh Brunei. Dari

2

Kuching, James Brooke mengatur serangan-serangannya untuk menakluki daerah-daerah lain seperti Paku, Rimbas, Batusan, Sekrang, dan lain-lain, sehingga alih beliau berjaya menakluki seluruh kawasan di pantai Sarawak pada penghujung 1888.

4 Perjuangan menentang James Brooke bermula awal-awal lagi, di kalangan Melayu, Iban, Kenyah, Kayan dan Suku-Suku bumiputra-bumiputra yang lain. Brooke dibantu oleh pengiran-pengiran (Brunei) yang berada di Sarawak dan Datu-Datu (ijuan yang diguna di Sarawak pada masa itu) yang berasal dari Indonesia, kononnya, keturunan Raja Jarum. Sharif Satap dengan penyokong-penyokongnya orang-orang Melayu dan Iban menentang Brooke di Patusan, Sekrang. Brooke berjaya menawan Patusan.

5 Satalah mengalah pemberontakan-pemberontakan lain di daerah-daerah yang berdekatan dengan Kuching, James Brooke berjaya mematah kumpulan Rentap, Sharif Manshor dan lain-lain. Hulu balang Sharif Maskhur terdiri dari orang-orang Melayu dan Iban. Mereka telah melancar serangan secara besar-besaran. Akhirnya Sharif Masyhor telah berjaya dikalahkan oleh James Brooke dan di-buang ke Singapura, seterusnya ke Selangor.

6 Maka berkuasalah keluarga Brooke di Sarawak sehingga 1 July, 1946. Pada tarikh itu Sarawak telah diserah oleh Charles Vyner Brooke, raja yang ke Tiga

kepada Kerajaan British. Penyerahan itu di sokong oleh Datu-Datu Melayu, kecuali Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Yang paling kuat menyokong penyerahan ialah Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha, ayah kepada Dato' Abang Abu Bakar, bekas Menteri Pertahanan Malaysia. Abang Haji Mustapha kemudian di-beri gelaran baru, yaitu Datu Bandar, oleh Kerajaan British dan kemudiannya di lantek sebagai 'Penasehat Hal Ehwal Masyarakat Melayu'. Pada zaman "Brooke", (Abang Hj. Mustapha berkerja sebagai pegawai polis yang paling kanan diantara pegawai-pegawai polis tempatan. Setelah di lantek sebagai Datu Bandar, beliau di beri tugas di "Secretariat for Native Affairs" di bawah seorang pegawai Inggeris. Dialah yang paling senior dan paling berpengaruh di kalangan orang-orang Melayu yang menyokong penyerahan. Dibawah Datu Bandar, adeknya sendiri Abang Hj. Abdul Rahim, juga bertugas di Secretariat yang sama. Beliau mempunyai pangkat "Senior Native Officer" dan Magistrate Kelas Dua. Jawatan S.N.O., adalah di bawah D.O. yang kesemuanya pada masa itu di sandang oleh pegawai Inggeris. Seorang lagi adek Datu Bandar, yaitu Abang Othman, telah di naik pangkat dari Polis Inspector ke A.S.P. dan bertugas sebagai A.D.C. kepada Gabnor, Sarawak.

7 Rakyat Sarawak, khususnya orang-orang Melayu, menganggap golongan Datu Bandar sebagai pengkhianat kepada Bangsa dan melabel mereka dan penyokong-pen-yokong mereka "kiliat-te", berarti kuncu-kuncu penjajah.

4

8 Sementara itu 338 orang pegawai-pegawai Kerajaan keturunan bumiputra dan kebanyakannya guru-guru sekolah Melayu meletak jawatan. Mereka berdiri teguh di belakang Datu Patinggi. Mereka juga menubuh beberapa pertubuhan seperti Barisan Pemuda Sarawak, Persatuan Islam Sibu dan lain-lain untuk menentang British dan Datu Bandar. Diseluruh Sarawak, golongan Anti-Cession melancar tunjuk perasaan dan memboikot golongan Pro-Cession. Kalau ada kenduri, baik perkawinan mahupun yang lain seperti kematian, golongan anti-cession akan membolkot majlis tersebut. Suami mencerai isteri kerana berlainan kem. Semangat perjuangan melambung tinggi. Anti-cessionist sanggup berkurban apa jua pun. Perut lapor pun di tahan namun tunduk kepada penjajah British adalah pantang.

9 Dato Patinggi menerus perjuangannya menentang penyerahan menerusi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak yang telah di tubuh dalam tahun 30an. Setiausaha Agungnya, Inche' Johari <sup>ANANG</sup> bersama-sama dengan Hj. Suut Tahir, Che'gu Johari Bojeng (ayah kepada Dato' Jamil, Timbalan I.G.P. sekarang) dan ramai lagi yang lain merupakan tulang belakang P.K.M.S. Mere-kalah yang berkerja, dengan tidak mengenal penat lelah, menggembeleng tenaga menentang British dan Datu Bandar. Hj. Suut Tahir berhenti kerja sebagai Ag. Medical Officer untuk bergiat dalam politik.

5

10 B.P.S. pada kutika itu dipimpin oleh Ustaz Sharqawi Othman yang berkerja sebagai Pengetua Madrasah Islamiah, Kuching, di bantu oleh Annuar Ahmad. B.P.S. mengada ceramah di merata tempat untuk mendapat sokongan menentang "cession". Tidak ketinggalan dalam perjuangan adalah Abang Ikhwan Zaini (Tan Sri dan Dato setelah Malaysia) memimpin sebuah pertubuhan politik yang lain yaitu Angkatan Semangat AnakNegeri Sarawak (A.S.A.S), bersama-sama seorang cucu kepada Datuk Patinggi yaitu Abang 'Kassim bin Abang Taha. Abang Ikhwan menerbit Utusan Sarawak sebagai lidah "Anti-Cession".

11 Di Sibu pula, Awang Ramli, Abang Han bin Abang Ahmad, Rosli Dhobi, Hj. Nor Tahir, Wan Zen dan lain-lain mengatur persiapan untuk membunuh Gabnor Sarawak. Gabnor Sarawak yang Kedua, Duncan George Stewart, telah melawat Sibu bagi kali pertama pada penghujung 1949. Kutika beliau memeriksa perbarisan kehormatan, kontingen Polis, beliau telah di tikam dengan sebilah keris oleh Rosli Dhobi yang pada masa itu berumur sekitar 16 tahun. Rosli berpura-pura bertugas sebagai seorang pemberita dengan membawa sabuah kamera. Duncan Stewart dikejar ke Hospital Sibu dan seterusnya di terbang untuk dirawat di Singapura. Beliau meninggal dunia disana.

12 Rosli, Awg. Ramli dan lain-lain telah di tangkap, Abang Han bin Abang Ahmad di tangkap di Miri. Akhirnya

6

Rosli, Awg. Ramli, Morshidi bin Sedek dan Bujang bin Suntong di jatuh hukuman gantung sampai mati sungguhpun Rosli berumur kurang dari 18 tahun. Undang-undang telah dipinda untuk membolehkan Rosli di hukum bunuh. Keempat-empat mereka di kebumi di kawasan Penjara, Kuching. Kumpulan yang merancang pembunuhan Gabnor Sarawak di kenal sebagai 'Rukun Tiga Belas'. Tidak lama setelah Sarawak di serah kepada British, Datu Patinggi Abang Hj. Abdillah bin Datu Patinggi Abang Hj. Muhammad Kassim telah meninggal dunia pada 22 Nov, 1946. Setelah itu, cucu beliau, Abg. Kassim mula dengan senyap-senyap mengada perhubungan rapat dengan kerajaan Koloni Sarawak. P.K.M.S., B.P.S., dan lain-lain pertubuhan anti-cession mula di susupi oleh "mata-mata gelap" British. Dalam tahun 1947/1948, kutika saya berlatih sebagai Student Native Officer, saya telah diberi tugas menterjemah kedalam bahasa Inggeris lapuran-lapuran mesyuarat pertubuhan-pertubuhan itu, dan surat-surat yang di kirim oleh Abang Kassim kepada Gabnor Sarawak. Abang Kassim mohon berkerja sebagai Native Officer. Permohonan beliau ditentang oleh Datuk Bandar.

13 Setelah pembunuhan Stewart, kegiatan anti-cession mula reda (di Sarawak, artinya semakin kurang). British pula mengambil langkah-langkah mengasingkan orang-orang Melayu dari Iban dan lain-lain Bumiputra. Anak-anak Melayu yang tidak mempunyal peluang yang baik di zaman Brooke di beri bantuan untuk belajar di luar Negri. British lebih banyak menonjolkan anak-anak Iban dan

7

menyuburkan semangat kebangsaan "Dayak". Sarawak Field Force (Polis) di anggotai kebanyakannya oleh Iban-Datu-Datu yang menyokong Cession di pencenkan. Orang-orang Melayu, bukan keturunan 'perabangan', mula merasa British lebih adil dari Brooke. Kalau di zaman Brooke hanya golongan perabangan atau yang ada hubungan dengan mereka sahaja yang mempunyai peluang untuk memegang jawatan-jawatan N.O., Inspector Polis dan lain-lain. Yang bukan perabangan? Jawapan yang biasa di beri: "Bukan keturunan" untuk memerintah.

14 Dasar Brooke, di sokong oleh Datu-Datu yang berkuasa, tidak memberi kesempatan kepada bumiputra untuk mempunyai pelajaran yang tinggi. Guru-guru sekolah Melayu hanya mempunyai pelajaran sekolah rendah. Diseluruh Sarawak tidak ada Form V. Form V hanya di adakan setelah peperangan dunia Kedua. Datu-Datu, seperti Datu Patinggi, tidak mempunyai pelajaran lebih dari sekolah rendah. Ada yang hanya pandai menulis jawi. Datu Hakim Abang Hj. Mohidden, ayah kepada Tan Sri Abang Ahmad Urai, (bekas Yang Dipertua Dewan Negara) telah belajar agama di Mekah. Datu Bandar dan adek-adek beliau (Abang Abdul Rahim dan Abang Othman) berkelulusan sekolah menengah rendah (Inggeris). Bolehlah dikatakan Datu-Datu pada zaman Brooke hanya menjadi "Yes" men kepada Brooke.

15 Apakah sabenarnya yang diperjuangkan oleh golongan anti-cession? Mereka mahu "Anthony Brooke", anak

8 saudara kepada Sir Charles Vyner Brooke, dilantik sebagai Rajah Sarawak yang ke IV. Pemerintahan "cara Brooke" dikekalkan. Dengan kata-kata yang lain, Datu-Datu Melayu terus "berkuasa". Kebanyakkan bumiputra lain (Iban, Bidayuh, Kenyah, Melanau, Kayan, dll.) menyokong "cession", kerana mereka merasa di bawah kerajaan British, mereka akan mempunyai peluang yang baik untuk masa hadapan mereka, khususnya dalam bidang pendidikan.

16 Orang-orang keturunan Cina memang memberi sokongan yang sepenuhnya kepada cession. Oleh kerana mereka mempunyai pendidikan yang lebih tinggi dari bumiputra, maka di pejabat-pejabat kerajaan ramallah mereka memegang jawatan-jawatan yang penting.

17 Perjuangan anti-cession mati dengan sendirinya. Mereka tidak mempunyai pemimpin-pemimpin yang berkaliber. Selama lebih seratus tahun Brooke memerintah, bumiputra Sarawak dibiarkan "bodoah". Mereka dididek hanya untuk "mengiya'kan" segala-gala yang dikata "pemimpin", "orang-orang besar" dan "Tuan-tuan" orang putih. Cogan kata mereka, khususnya di kalangan pegawai-pegawai kerajaan, ialah "Your obedient servant". Diterjemah ke dalam Bahasa Melayu "Yang Menurut Titah Perintah".

18 Gerakan politik di kalangan orang Melayu mulai dari 1950, setelah pembunuhan Duncan Stewart, lensung tidak

ada. P.K.M.S. tinggal sebagai tempat bekas pejuang-pejuang anti-cession berbual-bual tentang nasib orang Melayu. Anak-anak Melayu di bandar Kuching khayal dengan menonton gendeng-gendeng (Joget) Melayu, yang selalu diadakan di kampung-kampung apabila ada perkahwinan dan lain-lain upacara. Mereka ketinggalan dalam pelajaran. Kepercayaan bahawa Sarawak di punyal orang-orang Melayu tinggal "nama" sahaja.

19 Tetapi, anak-anak Melayu dan bumiputra lain di luar bandar mula mengambil peluang untuk mendapat ilmu pengetahuan yang tinggi. Mereka itulah akhirnya yang tampil kehадapan dalam perjuangan kebangsaan.

20 Pada 12 June, 1959, Sarawak United Peoples' Party, yang dipimpin oleh Ong Kee Hui sebagai Pengurus dan Stephen Yong Kuek Tza sebagai Setiausaha Agong, telah didaftar sebagai sebuah Parti Politik. Dari permulaan lagi S.U.P.P. itu telah diresapi oleh kader-kader komunis. Menurut Ong Kee Hui, Gabenor Sarawak pada masa itu, Sir Anthony Abel, telah mendorong beliau dan rakan-rakannya untuk menubuh S.U.P.P. Oleh kerana S.U.P.P. tidak mempunyai tokoh-tokoh bumiputra yang berkaliber, maka hanya tinggallah sebagai sebuah party politik orang China. "Mata-mata gelap" British pun sengaja ditanam dalam S.U.P.P. Ong Kee Hui memberi tahu saya, Anthony Abel berjanji kepada beliau, Jugah anak Barlong dan Datu Bandar akan menyertai S.U.P.P.

10

21 Tidak lama kemudian Datu Bandar telah memberi tahu saya cadangan beliau hendak menubuh sebuah party politik untuk menentang S.U.P.P. Saya yakin beliau telah mendapat lampu hijau dari British. Pada masa itu beliau maseh lagi bertugas sebagai Adviser on Malay Affairs, tetapi secretariat for Native Affairs telah di bubar. Beliau diberi sebuah bilik kecil di bangunan secretariat, tetapi tidak mempunyai kuasa dan tugas seperti pada zaman permulaan koloni.

22 Saya telah membawa Tuan Hj. Sau'ut Tahir dan Tuan Hj. Muhammad Hj. Bakri (Yang Di-Pertua P.K.M.S.) itu berjumpa Datu Bandar di opisnya. Beliau minta sokongan kedua-dua mereka mengenai cadangan hendak menubuh sebuah party politik. Kedua-dua mereka enggan memberi sokongan kepada beliau, kerana mereka menganggap Datu Bandar sebagai seorang pengkhianat kepada orang Melayu. Saya sendiri memberi sokongan kepada cadangan Datu Bandar. Saya percaya dia mempunyai ketekunan untuk memimpin sebuah party politik sebagai usaha menentang S.U.P.P. dan seterusnya memperjuang kemerdekaan Sarawak. Pada masa itu saya bertugas sebagai Crown Counsel merangkap D.P.B. Belum ada bumiputra lain yang mempunyai kelulusan ilmu undang-undang kutika itu. Atas permintaan Datu Bandar, saya telah menggubal undang-undang Party Negara (nama yang di pilih Datu Bandar sendiri). D.P.B

23 Pada awal 1960, suatu perjumpaan telah diadakan dirumah Datu Bandar untuk membincang cadangan beliau. Mereka yang hadir ialah William Tan, Tan Tzak Yu, Temenggong Jugah, Temenggong Oyong Lawai Jau (Kayan dari Baram), Abang Haji Abdul Rahim, Abang Othman dan saya sendiri. Datu Bandar menerang kepada yang hadir tentang penubuhan Party Negara. Beliau memberi tahu, Pengerusi Pertama Party Itu adalah beliau sendiri dan adeknya Abang Othman beliau lantek sebagai setiausaha. William Tan dan Tan Tzak Yu menyokong cadangan Datu Bandar. Temenggong Jugah dan Temenggong Oyong Lawai Jau enggan menyertai Party Negara. Jugah berkata, antara lain: "sekarang baru Datu kelala (kenal) kepada orang Iban. Dulu Datu-Datu lihat kami sebagai uras (sampah)". Oyong Lawai Jau menyokong kata-kata Jugah. Bagaimanpun, kemudiannya Jugah menyertai Party Negara. Party Negara (PANAS) telah di daftar pada 9 April, 1960.

24 Atas desakan orang-orang Iban dan dorongan pegawai-pegawai Inggeris, khususnya D.O. Mr. Bruen, Jugah menubuh sebuah party baru, Party Pesaka Anak Sarawak (PAPAS) yang di-daftar pada 15 Ogos, 1962.

25 Ucapan Tengku di Singapura tentang penubuhan Malaysia telah di lapur oleh akhbar-akhbar tempatan di Sarawak. S.U.P.P. berpendapat sabelum mengetahui "blue print" cadangan tersebut, mereka belum dapat menentukan pendirian. Mereka juga berpendapat Sarawak

hendaklah diberi "self-government" terlebih dahulu untuk membolehkan rakyat sendiri menentukan masa hadapan Sarawak. Stephen Kalong Ningkan, Setiausaha Agong Sarawak National Party mula-mulanya menentang, tetapi kemudian menyokong pada dasarnya.

26 Reaksi yang awal dari Datu Bandar ialah lebih baik Tengku memujuk Sultan Brunei menerima cadangan British ~~seperti tersebut diatas~~. Bagaimana pun, tidak lama kemudian beliau mengeluarkan kenyataan menyokong ker��dekaan Sarawak menerusi Malaysia. Beliau telah dipanggil Ag. Chief Secretary, Mr Snelus untuk mendapat penjelasan atas perubahan pendiriannya. Snelus telah mempertikalkan tindakan Datu Bandar mengisyithar sokongannya kepada cadangan Tengku dengan tidak berondong terlebih dahulu dengan Majlis Tertinggi PANAS. Setelah menemui Snelus, Datu Bandar menemui saya di Pejabat Attorney-General. Beliau minta nasehat apa yang harus beliau lakukan untuk mengatasi pandangan Snelus.

27 Nasehat yang saya beri ialah supaya Majlis Tertinggi PANAS mengadakan mesyuarat tergempar untuk memberi keputusan mengenai cadangan Tengku. Setelah itu mesyuarat Agong Party juga hendaklah diadakan. Alhamdulillah, tindakan Datu Bandar diterima dan disokong sepenuhnya oleh Party.

28 Kempen menyokong dan menentang Malaysia berjalan dengan kencangnya. Pihak British belum menunjuk

"Supaya Brunei, Sabah dan Sarawak disatu dalam: "Federation of Borneo".

pendirian mereka dalam tahun 1960. Sehingga penghujung 1961, sokongan party-party politik terbahagi kepada: 1) S.U.P.P. dan SNAP menentang, dan 2) PANAS menyokong. Keadaan mungkin telah membimbang Kuala Lumpur. Maka dua orang dari UMNO (Hasan Hj. Muhammad dan Ahmad Umar) telah datang ke Kuching pada pertengahan 1961. Mereka berjumpa dengan Hj. Muhamad Hj. Bakri, Yang Di-Pertua P.K.M.S. dan sahabat beliau Hj. Sau'ut Tahir, setiausaha Agong Barisan Pemuda Sarawak (B.P.S.). Pada kutika itu B.P.S. dipimpin oleh Ahmad Zaidi, Yang Di-Pertua Negri Sarawak sekarang. B.P.S. di-hidup kembali oleh Ahmad Zaidi sekembali beliau dari United Kingdom dalam tahun 1957/58. Suatu perjumpaan telah dladakan di rumah Dawi Abdul Rahman, seorang anti-cessionist. Beliau berhenti kerja sebagai hospital assistant dalam tahun 1946 bersama-sama dengan 338 orang yang lain. Saya hadir dalam perjumpaan itu. Setelah berbincang dengan panjang lebar, maka kami bersetuju untuk menubuh sebuah lagi party politik dengan tujuan menyokong cadangan Tengku. Pilihan kami yang pertama ialah supaya B.P.S. bertukar menjadi parti politik. Malangnya Ahmad Zaidi menentang cadangan tersebut. Rupa-rupa-nya beliau mempunyai agenda yang lain. Beliau terlibat dalam pem-berontakan Azahari pada penghujung 1962 dan lari ke Indonesia sabelum Malaysia ditubuhkan pada 16 Sept, 1963. Dia aktif di Kalimatan Barat menentang Malaysia.

14

29 Saya dan rakan-rakan dengan segeranya menujuh Parti Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA). BARJASA di-pimpin oleh Tuanku (golongan Syod di Sarawak) Bujang. Setiausaha Agongnya Inche' Alfred Mason, seorang Iban yang berpengaruh di kalangan orang-orang Iban di Bahagian Kedua, Sarawak. Saya sendiri bertugas sebagai "penasehat" BARJASA. Pentadbirannya di bawah jagaan saya sendiri. Kami menumpang ibu Pejabat P.K.M.S. sebagai ibu Pejabat sementara BARJASA.

30 "BARJASA" di sokong oleh golongan yang anti Datu Bandar, khususnya kumpulan anti-cession. "BARJASA" mengelak mengambil ahli-ahli Negara. Bagaimanapun Datu Bandar menganggap BARJASA sebagai musuh. Saya rasa pehak Kuala Lumpur telah membuat kesilapan kerana tidak menerang kepada Datu Bandar tentang hakikat sebenar BARJASA ditubuh.

31 Sarawak Chinese Association telah di daftar pada 30 July, 1962. Ianya di pimpin oleh Ling Beng Siew dari Sibu. Kebanyakkan ahli-ahli PANAS (Party Negara) keturunan China keluar dari PANAS untuk menyertai SCA. SCA menyokong Malaysia. Ling Beng Siew mempunyai hubungan yang rapat dengan pemimpin-pemimpin MCA seperti Senator T.H. Tan, Senator Khaw Kai Boh dan Dr. Lim Swee Ann. Beng Siew juga mempunyai pengaruh yang kuat di kalangan pemimpin-pemimpin Iban di Bahagian Ke-Tiga (Sibu dan lain-lain). Beliau adalah

15

seorang saudagar kayu balak. Syarikatnya mempunyai ramai pekerja-pekerja Iban dan Melanau. Pada zaman koloni, dia telah dilantek sebagai "member of Supreme Council" (EXCO).

32 Untuk menghadapi pilihan raya pada pertengahan 1963, kesemua party-party yang menyokong Malaysia telah menubuh Sarawak Alliance pada awal 1963. Pengerusinya, Temenggong Jugah dan Setiausaha Agong, Stephen Kalong Ningkan.

33 PANAS telah keluar dari Sarawak Alliance pada pertengahan bulan April, 1963, yaitu sbelum pilihanraya. Datu Bandar tidak dapat bekerja sama dengan party-party lain dalam Sarawak Alliance. Namun demikian pada kutika itu PANAS masih menentang S.U.P.P.

34 Pilihanraya (tier system) telah berlangsung pada pertengahan 1963. PANAS dan S.U.P.P. menggunakan simbol masing-masing. BARJASA, SNAP dan SCA menggunakan simbol kapal layar, tetapi berlainan bentuknya dari simbol Malayan Alliance.

35 SNAP menumpu kemenangan mereka di Bahagian Ke-Dua, SCA di kalangan China di Bahagian Pertama, Ke-Dua dan Ke-Tiga. BARJASA lebih banyak di Bahagian Ke-Dua, Ke-Tiga, Ke-Empat dan Ke-Lima. Pilihanraya di Sarawak menggunakan "tier system". Calon-calon dikehendaki bertanding di peringkat District Councils terlebih

16

dahulu. Setelah menang, District Councils akan memilih calon-calon ke peringkat Divisional Advisory Councils. Divisional Advisory Councilslah yang akan memilih ahli-ahli Council Negri dari kalangan Councillors sendiri. Pada masa itu Council Negri mempunyal 36 anggota yang dipilih - 10 orang dari Bahagian Pertama (Kuching), 6 orang dari Bahagian Ke-Dua (Simanggang), 11 orang dari Bahagian Ke-Tiga (Sibu), 6 orang dari Bahagian Ke-Empat (Miri), dan 3 orang dari Bahagian Ke-Lima (Limbang). Pilihanraya District Councils telah berlangsung dalam bulan April. Saya telah mendapat izin dari kerajaan Koloni untuk bertanding. Perikatan Sarawak memberi saya tugas sebagai Executive Secretary bersama-sama dengan Sim Kheng Lung (SCA). Kami berdua mengatur jentera pilihanraya dan tugas-tugas lain untuk menentukan kemenangan Perikatan Sarawak.

36 Setelah keputusan pilihanraya peringkat District Councils diumumkan, Datu Bandar mengumumkan PANAS dan SUPP setuju berkerja sama dan membahagi kursi Bahagian Pertama antara mereka, yaitu 5 SUPP dan 5 PANAS. BARJASA telah berusaha untuk berkerja sama dengan PANAS dan bersedia menyokong PANAS untuk mendapat 7 kursi dan 3 kursi untuk BARJASA. Menurut John Loyar, Datu Bandar bersetuju menyokong Stephen Yong sebagai Ketua Menteri dan beliau sendiri sebagai Timbalan. John Loyar adalah seorang Bidayuh (BARJASA) yang telah menang di Bau District Council. Wakil PANAS yang dipilih dengan sokongan SUPP

17

sebagai ADUN ialah Datu Bandar sendiri, dua orang adek beliau, Mr. Leong Ho Yuen dan Dagok ak. Randen (Bidayuh).

37 Tindakan Datu Bandar mencemaskan Kuala Lumpur, kerana kalau SUPP boleh menang kesemua 11 kerusi di Bahagian Ke-Tiga, mereka dan PANAS akan mempunyai 21 kursi yaitu majority. Tiga kursi, Bahagian Ke-Lima semuanya dimenang oleh "Bebas", yaitu James Wong, Mak Yau Lim ,dan Racha Umung. Saya kira mereka akan menyokong pihak yang majority. Kalau ini berlaku, Council Negri, dengan diketuai oleh SUPP akan, melulus usul menolak kemasukan Sarawak dalam Malaysia.

38 Sebelum Divisional Advisory Council Bahagian Ke-Tiga bermesyuarat untuk memilih 11 orang ADUN saya telah menerima panggilan telefon dari Ling Beng Siew, (SCA), Sibu, menerangkan kalau SUPP mendapat sokongan dari seorang Councillor Iban bernama Sali (Bebas), SUPP akan menang di Sibu. Kalau saya setuju, beliau akan bertindak "memujuk" Sali menyokong Perikatan. Saya memberi lampu hijau kepada beliau. Alhamdulillah, Ling Beng Siew berjaya menyelamat Perikatan dan Malaysia.

39 Dari Miri saya terbang ke Sibu untuk menemui Sali di rumah Ling Beng Siew di mana Sali telah berjaya dijaga dengan ketat. Isteri Sali telah datang untuk membawa

18

balik suaminya, tetapi kami telah berjaya menyembunyi Sall. Maka, menanglah Perikatan di Sibu, Simanggang dan Miri dengan jumlah kusi 23. Allah telah mentakdirkan Sarawak mencapai kemerdekaan menerusi usaha seorang anak Raja dari Kedah dan rakan-rakannya.

40 Datu Bandar meninggal dunia di Kuching pada tahun 1984, tidak lama setelah beliau dilantik sebagai Menteri Kehakiman. Tengku mengenang jasa beliau menyokong Malaysia.

41 Dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kuching kami berdua duduk bersama. Kami bersetuju untuk membawa UMNO ke Sarawak dan membubar PANAS dan BARJASA. Tetapi, Allah belum mentakdir seperti yang kami dan Tengku setujui.

42 Berbalik kepada kisah di Sibu. Setelah Perikatan bersetuju menyokong Ningkan sebagai Ketua Menteri, Jugah, Ningkan, Ling Beng Slew dan saya sendiri telah dipanggil oleh Chief Secretary, Mr. F.D. Jakeway untuk menemui beliau di Pejabat Resident, Sibu. Dalam perjumpaan itu, Jakeway mencadang kepada kami supaya bersetuju membawa wakil SUPP seperti Ong Kee Hui dalam Kabinet Kerajaan Negeri Sarawak. Mendengar demikian, Jugah langsung melenting. Dengan nada suara yang keras dan muka merah padam dia memarahi Jakeway sambil menghentak meja dengan tangan kanan beliau. Beliau bertanya Jakeway bagaimana beliau boleh

19

membuat cadangan demikian, padahal Jakeway sendiri pemah berkata SUPP adalah komunis. Jugah, seorang buta huruf, dan yang telah diberi pangkat sebagai Temenggong atau "Paramount Chief of the Ibans" oleh British, telah menunjuk keberaniannya dan ketegasannya yang luar biasa menentang boss beliau dahulu. Jugah jugalah yang telah menangis dihadapan saya pada 8 July, 1970, kutika beliau menemui saya di Pejabat Ketua Menteri, sehari setelah saya mengangkat sumpah. Beliau, yang telah menentang saya sehingga waktu itu, minta belas kasihan supaya saya bersetuju melantik seorang atau dua ADUN PESAKA sebagai Menteri. Dia merayu dalam bahasa Iban, "anang muai kami anak" (jangan membuang kami, anak). Ayer mata saya turut membasahi pipi. Saya memberi tahu beliau saya akan melantik dua orang ADUN PESAKA sebagai Menteri. Sebenarnya, kedua-dua mereka itu telah pun berada di Arif Hotel bersama saya. Saya telah belajar ilmu politik yang sangat berguna dari Ling Beng Siew. Dari saat itu, Jugah dan saya menjadi sahabat yang karib.

43 Pada tahun 1973, saya telah dikejut oleh Jugah dengan hasrat beliau hendak bersara dan membubar party PESAKA. Beliau mahu kesemua ahli-ahli PESAKA menyertai Party Bumiputra Sarawak (mengganti BARJASA dan PANAS) yang saya pimpin pada masa itu. Beliau memberi alasan bahawa umur beliau telah meningkat, beliau lelah, dan beliau berpuas hati dan yakin saya akan menjaga orang-orang Iban dengan baik. Saya menolak

cadangan beliau. Ringkasnya, beliau bersetuju menerima cadangan saya supaya P.B.S. dan PESAKA dibubar dan diganti dengan Party Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (P.B.B.). Beliau sendiri saya cadangkan memegang jawatan pengurus. Beliau juga bersetuju tidak berhenti dari jawatan Menterinya.

44 Jugah meninggal dunia pada 8 July, 1981. Saya telah berkirim telegram ke Kuala Lumpur mencadang supaya beliau dianugerah gelaran "Tun" sebelum beliau dikebumikan. Malangnya, Kuala Lumpur tidak setuju dengan alasan gelaran tersebut tidak dianugerah "post-thumously". Tapi, Tun Salleh (bekas I.G.P.) yang meninggal sebelum Jugah telah dikurnia "Tun-ship" sebelum beliau dikebumi! Bagaimanapun, lama setelah Jugah meninggal, jasanya yang sungguh cemerlang dikenang juga. Tun Jugah tetap saya kenang sebagai seorang sahabat karib dan pemimpin yang berkualiber tinggi, sungguhpun buta huruf. Sungguh luar biasa! Kalau Juga menentang, Malaysia tidak berhasil ditubuh.

45 Bagaimana pula kisah Ling Beng Siew setelah pilihanraya 1970? Dengan sokongan P.B.S. dan PESAKA, tiga orang calon SCA telah menang. Namun beliau enggan memberi sokongan kepada saya untuk dilantik sebagai Ketua Menteri. Pada 6 July, 1970, beliau memberi tahu saya bahawa orang-orang Cina tidak mahu menyokong saya sebagai Ketua Menteri. Alasannya, saya dianggap sebagai ultra-Malay. Bagaimanapun, kata

21

beliau, mungkin beliau dapat merobah pendirian orang Cina kalau saya bersetuju memegang jawatan "Outside Chief Minister", dan seorang China di lantik sebagai "Inside Chief Minister". Saya berpura-pura setuju dengan cadangan beliau kalau-lah ianya boleh dilaksanakan. Beliau sungguh terperanjat apabila saya mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri dan Stephen Yong sebagai Timbalan Ketua Menteri pada pagi 7 July, 1970. Begitulah, manusia membuat rancangan, Allah jugalah yang mentaqdir berlakunya sesuatu.

Kertas kerja ini sungguh banyak kekurangannya. Ramai lagi tokoh-tokoh Sarawak dan Semenanjung tidak sempat ditulis. Mereka telah bertungkus-lumus berusaha untuk menjamin kemasukan Sarawak dalam Malaysia. Saya mohon maaf kepada mereka. Saya sanjung tinggi dan merasa terhutang budi kepada semua mereka itu.

**Malaysia Merdeka, Sejarah dan Kejayaan**

oleh  
**Tun Ghafar Baba**

**Sesi 2 Trek 2**

## MALAYSIA MERDEKA, SEJARAH DAN KEJAYAAN

OLEH  
**GHAFAR BABA (TUN)**

### Persatuan Melayu Muda

"Kesatuan Melayu Muda", bolehlah dikatakan persatuan orang Melayu yang pertama bercorak kebangsaan meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Ditubuhkan pada tahun 1937 oleh Ibrahim bin Haji Yaacob seorang bekas guru Melayu lepasan Sultan Idris Training College (SITC), Tanjung Malim, Perak. Walaupun persatuan ini tidak bercorak politik dengan jelas tetapi secara tidak langsung ianya merupakan sebuah parti politik kerana tujuannya untuk membela nasib orang-orang Melayu yang serba ketinggalan terutama dalam bidang pelajaran dan ekonomi. Kesatuan ini dibubarkan oleh tentera Jepun sewaktu pendudukan Jepun dahulu.

### Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Apabila British balik memerintah Tanah Melayu selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, 1945 tertubuh sebuah parti politik yang bernama Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Partai ini dilahirkan dengan usaha seorang Indonesia yang bernama Mokhtaruddin Laso. Dr. Burhanuddin Al-Helmi menjadi presiden parti tersebut dibantu oleh Ahmad Boestamam sebagai Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Ishak bin Haji Muhamad terkenal dengan panggilan Pak Sako seorang sasterawan negara yang terkemuka. Parti ini mirip kepada cara perjuangan orang-orang Indonesia yang menentang Belanda dengan menggunakan senjata. PKMM mahu menghapuskan pemerintahan British di Malaya dengan menggunakan kekerasan. Parti ini telah diharamkan oleh British pada tahun 1948. Pada tahun 1945, waktu British balik memerintah Malaya mereka telah membawa sekali bersama-sama satu bentuk pemerintahan baru yang dinamakan "Malayan Union". Pada zaman dahulu negara kita ini bernama Tanah Melayu dan kadang-kadang disebut juga Semenanjung Tanah

Melayu. Pemerintahannya berasingan mengikut negeri masing-masing. Ada sembilan (9) buah negeri-negeri Melayu yang diperintahkan oleh rajanya masing-masing.

Walau bagaimanapun British sebelum Perang Dunia Kedua telah mewujudkan satu persatuan diantaranya dinamakan "Negeri-Negeri Melayu Bersekutu" (Federated Malay State) mengandungi Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang. Negeri yang lain seperti Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Johor dinamakan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (Unfederated Malay State). Manakala 3 buah negeri lain Singapura, Melaka dan Pulau Pinang disatukan dengan nama 'Straits Settlement' atau dalam Bahasa Melayu "Negeri-Negeri Selat". Pemerintahan Negeri-Negeri Selat ini ditadbirkan secara langsung daripada 'Colonial Office' di London.

Mengikut gagasan Malayan Union semua negeri-negeri di Tanah Melayu disatukan di bawah satu pentadbiran. Walaupun konsep penyatuan semua negeri-negeri Melayu itu adalah wajar dilaksanakan tetapi lain-lain syarat yang terkandung dalam Gagasan Malayan Union itu sangat merugikan orang-orang Melayu sehingga kedaulatan raja-rajapun terhapus. Orang Melayu di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar yang pada waktu itu menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat, Johor telah bangkit menentang gagasan Malayan Union itu. Akhirnya pada 11 Mei 1946 tertubuhlah satu lagi parti politik orang Melayu iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Dalam tahun 1948 dengan kekuatan UMNO gagasan "Malayan Union" yang dicadangkan oleh penjajah British itu ditarik balik dan digantikan dengan satu perjanjian baru yang dinamakan 'Federation of Malaya Agreement' atau 'Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948'. Walaupun telah digubal satu perjanjian baru di antara Kerajaan British dengan Raja-

Raja Melayu namun kuasa memerintah masih di dalam tangan orang-orang British. Kerajaan British melantik seorang yang diberi gelaran British High Commisioner atau Pesuruhjaya Tinggi British untuk memerintah Malaya.

Kerajaan British telah menubuhkan sebuah badan perundangan di Malaya yang bernama "Federal Legislative Council" (Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu). Malangnya ahli-ahli yang menduduki "council" tersebut walaupun mewakili banyak golongan tetapi kesemua 98 orang ahli badan tersebut dilantik oleh pemerintah British yang bermakna Majlis Perundangan itu hanya merupakan "rubber stamp" mengikut sahaja telunjuk British.

UMNO yang diketuai oleh Presiden barunya Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah membuat tuntutan supaya majoriti iaitu 3/5 daripada jumlah ahli-ahli Majlis Perundangan Persekutuan itu hendaklah dipilih oleh rakyat melalui satu pilihanraya.

Pada tahun 1951 UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik Melayu telah mengadakan pakatan iaitu bergabung dengan satu pertubuhan politik orang Cina yang bernama MCA. Pakatan ini dinamakan Perikatan atau "Alliance" yang kemudiannya disertai oleh parti politik orang India iaitu MIC (Malaysia Indian Congress). Melalui Parti Perikatan yang mempunyai kedudukan yang lebih kukuh telah menuntut sekeras-kerasnya supaya diadakan pilihanraya umum di Malaysia. Perjuangan itu mengambil masa kira-kira empat hingga lima tahun. Akhirnya British tunduk kepada tuntutan Parti Perikatan di mana pilihanraya pertama telah diadakan pada 27 Julai 1955 untuk memilih 52 orang ahli Dewan Undangan Persekutuan tersebut dan mana-mana parti yang beroleh kemenangan dapat melantik 5 orang ahli tambahan. Pemerintahan Kolonial British mengharapkan parti-parti politik di Malaya yang menentang Parti Perikatan seperti Parti Negara, Malayan Party, Parti Islam Tanah Melayu

(PAS), Labour Party akan dapat mengalahkan Parti Perikatan. Dengan demikian jika Parti Perikatan dapat dikalahkan berkemungkinan besar British akan terus memerintah negeri ini beberapa lama lagi.

Tetapi dengan takdir Tuhan, Parti Perikatan mendapat kemenangan besar dalam pilihanraya tersebut apabila memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang ditandingi. Manifesto Parti Perikatan yang paling tegas sekali ialah jika menang akan memerdekaan Malaya dalam tempoh 4 tahun. Sesudah mencapai kemenangan itu maka tertubuhlah sebuah kabinet yang dianggotai oleh parti-parti dalam perikatan dengan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Ketua Menteri tetapi Malaya masih lagi dikuasai oleh British.

Tunku Abdul Rahman berusaha hendak menamatkan keganasan komunis yang telah bertindak hendak menegakkan negara komunis di Malaysia dengan menggunakan senjata. Satu perjumpaan dalam tahun 1956 di Baling, Kedah telah diadakan di antara Tunku Abdul Rahman dan lain-lain pemimpin perikatan dengan Chin Peng, Ketua Parti Komunis Malaya. Tunku Abdul Rahman memujuk mereka meletakkan senjata kerana beliau akan berangkat ke London untuk memperjuangkan kemerdekaan Malaya dengan cara aman tetapi permintaan Tunku Abdul Rahman itu tidak diendahkan oleh Parti Komunis Malaya. Mereka terus berjuang menggunakan senjata. Dalam tahun itu juga Tunku Abdul Rahman dengan beberapa orang pemimpin parti perikatan yang lain disertai oleh beberapa orang Menteri Besar mewakili raja-raja Melayu telah berangkat ke London untuk membincangkan soal kemerdekaan. Oleh kerana Tunku mewakili sebahagian besar rakyat Malaysia yang mahukan kemerdekaan seperti yang telah ditunjukkan oleh mereka dalam Pilihanraya 1955 itu maka dengan mudahnya pada 8 Februari 1956 termeterailah satu perjanjian di mana Malaya atau Tanah Melayu akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tarikh kemerdekaan yang

ditetapkan pada 31 Ogos 1957 itu ialah mengikut cadangan yang dibuat oleh Pergerakan Pemuda UMNO.

Kepulangan kembali ke Malaya rombongan Tunku Abdul Rahman yang telah mencapai kejayaan besar itu disambut secara besar-besaran di padang Bandar Hilir, Melaka pada 20hb. Februari 1956. Lebih 100,00 orang rakyat dari seluruh negara telah berhimpun hendak mendengar amanat beliau yang telah memberi pengakuan bahawa negara akan beroleh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Mengikut perjanjian tersebut sebuah Suruhanjaya menggubal perlembagaan Malaya Merdeka telah diwujudkan yang bernama "Reid Commission" yang mengandungi ahli wakil daripada negeri Kanada, India, Pakistan dan Australia. Suruhanjaya ini telah menggubal perlembagaan negara yang akan mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Orang ramai, parti politik dan orang perseorangan dibenarkan menghantar memorandum mengikut kehendak mereka masing-masing kepada suruhanjaya ini untuk menjadi asas perlembagaan negara merdeka. Walaupun Parti Perikatan atau rakyat Malaysia sendiri tidak bersetuju banyak perkara yang tercatit dalam perlembagaan tetapi rakyat pada waktu itu memikirkan melahirkan sebuah negara merdeka adalah lebih penting maka dengan sebab itu perlembagaan tersebut telah diterima dan akhirnya telah dipinda beberapa kali setelah Parlimen Malaya ditubuhkan. Sehingga hari ini mengikut ingatan saya lebih 20 kali pindaan telah dibuat untuk disesuaikan dengan iklim penduduk negara ini. Pada tahun 1959 sekali lagi diadakan pilihanraya iaitu pilihanraya yang pertama semenjak negara mencapai kemerdekaan dan tertubuhlah Parlimen Malaya dengan rasminya mengandungi ahli seramai 104 orang di mana Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dipilih menjadi Perdana Menteri yang pertama.

Pilihanraya di peringkat negeripun diadakan serentak dengan pilihanraya Parlimen di mana tiap-tiap negeri di Malaya mempunyai Dewan Undangan Negeri yang diketuai oleh seorang yang bergelar Menteri Besar atau Ketua Menteri. Sehingga hari ini negara kita telah mengadakan 10 kali pilihanraya selepas mencapai kemerdekaan tetapi bagi saya pilihanraya sebelum tercapai kemerdekaan yang diadakan pada tahun 1955 adalah pilihanraya yang tersangat penting kerana pilihanraya itulah yang telah menentukan tercapainya kemerdekaan negara. Pada tahun 9 Julai 1963 satu lagi kejayaan besar yang telah dapat dicapai oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ialah dengan menujuhkan negara yang bernama Malaysia iaitu percantuman di antara Tanah Melayu dengan Singapura, Sabah dan Sarawak yang pada waktu itu di bawah pentadbiran British. Negara baru yang bernama Malaysia telah dapat ditubuhkan setelah melalui proses yang amat sukar sekali kerana 2 buah negara jiran kita Indonesia dan Filipina telah membantah penubuhan negara Malaysia itu. Indonesia menyatakan penubuhan Malaysia bererti akan menjelaskan keselamatan negara Indonesia kerana perjanjian pertahanan yang dibuat oleh Kerajaan Malaya dengan Kerajaan British itu dianggap oleh Presiden Sukarno sebagai satu tindakan membawa askar British hampir ke Indonesia dan mungkin menaklukkan negara tersebut. Tuduhan itu adalah tidak benar sama sekali. Malaya atau Malaysia tidak akan membenarkan dirinya digunakan oleh mana-mana pihak penjajah yang hendak memusnahkan negara-negara jiran tambahan pula Indonesia di anggap sebagai abang tua kepada Malaysia. Filipina membantah kerana kononnya Sabah itu adalah kepunyaan Filipina. Kerajaan Malaysia telah berjalan dengan baik tetapi terpaksa mengeluarkan Singapura daripada negara Malaysia pada tahun 9 Ogos 1965 kerana pemimpin-pemimpin politik Singapura yang terdiri daripada Orang Cina kebanyakannya tidak dapat menyesuaikan diri dengan iklim politik Tanah Melayu. Indonesia telah melancarkan perang yang terkenal dengan nama "Ganyang Malaysia" terhadap Malaysia

tetapi tidak berjaya maka berjalanlah Kerajaan Malaysia itu dengan selamat sejahtera bertambah maju sehingga hari ini. Kejayaan besar dalam semua bidang yang dapat dicapai oleh negara kita adalah berpunca daripada pandangan jauh pemimpin-pemimpin politik di negara ini untuk menyatukan kaum-kaum di Malaysia yang banyak bilangannya yang besarnya seperti kaum Melayu, Cina dan India. Dengan kerjasama semua kaum negara ini beroleh keamanan dan kemajuan. Walaupun begitu tercetus juga perkelahian kaum yang telah berlaku pada 13 Mei 1969. Walaupun kita tidak mengingini pertumpahan darah seperti yang telah belaku itu tetapi ada membawa banyak rahmat kerana membuka mata semua orang mencari jalan untuk menghapuskan sama sekali gejala perkauman. Pada waktu darurat itu Malaysia telah diperintahkan oleh sebuah badan yang ditubuhkan oleh Kabinet dengan nama Majlis Gerakan Negara (MAGERAN – National Operations Council) diketuai oleh Tun Abdul Razak Hussein waktu menjadi Timbalan Perdana Menteri.

'National Operation Council' yang mengandungi ahlinya terdiri daripada berbagai kaum dan berbagai golongan telah merumuskan suatu konsep baru bagi menghapuskan ketidakseimbangan ekonomi di antara kaum di Malaysia. Konsep baru itu bernama Dasar Ekonomi Baru yang akan dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun (1970-1990). Dalam tempoh tersebut semua syarikat-syarikat asing baik syarikat asing dalam negeri atau luar negeri yang ada di Malaysia mesti merombak modal-modal dalam syarikat masing-masing supaya dijualkan sebanyak 30% kepada Bumiputra dan mengambil sekurang-kurangnya 30% juga pekerja-pekerja dalam syarikat masing-masing daripada kalangan orang Melayu. Dasar ini telah dijalankan dengan licin dan pada akhirnya apabila cukup tempoh 20 tahun yang dijanjikan kedudukan ekonomi orang Melayu telah meningkat kepada hampir 20% tidak sampai kepada 30% sebagaimana yang dirancangkan. Dengan kejayaan Dasar Ekonomi Baru itu ekonomi orang Melayu telah menjadi bertambah kukuh.

Pendidikan yang diberikan kepada orang Melayu juga sudah jauh bertambah baik daripada yang didapati di waktu zaman pemerintahan British dahulu. Mengikut dasar pelajaran yang digubal oleh Dato' Abdul Razak bin Hussein yang waktu itu menjadi Timbalan Perdana Menteri sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung telah diperbaiki bukan sahaja bangunan tetapi juga pelajaran yang diberikan kepada murid-murid di kampung dengan memberikan guru-guru yang lebih terlatih. Daripada sekolah rendah kanak-kanak telah dibawa masuk ke dalam sekolah menengah dengan percuma. Dalam tempoh yang singkat lebih daripada 1,000 buah sekolah menengah telah dapat didirikan. Hampir-hampir kesemua murid-murid dari sekolah rendah telah dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah itu dan akhirnya sebahagian besar telah dapat masuk ke universiti.

Pada masa pemerintahan British hanya beberapa buah sahaja sekolah menengah yang didirikannya itupun didirikan di bandar-bandar yang mana murid-murid Melayu daripada kampung tidak dapat peluang untuk memasukinya. Jumlah universiti daripada sebuah yang ditinggalkan oleh British iaitu Universiti Malaya sekarang telah bertambah menjadi hampir 20 buah banyaknya. Dari segi pendidikan orang Melayu telahpun mendapat nafas baru dan maju yang boleh bersaing dengan masyarakat/kaum yang lain. Tambahan pula dengan adanya 'special privilege' orang Melayu yang tercatit dalam perlumbagaan banyaklah penuntut-penuntut Melayu mendapat "scholarship" untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah tinggi. Walaupun telah ramai pemuda Melayu yang berkelulusan tinggi yang bertaraf profesional tetapi jika dibandingkan dengan pemuda-pemuda kaum lain orang Melayu masih juga ketinggalan di belakang. Usaha untuk memajukan orang Melayu dalam bidang pelajaran dan ekonomi terus diusahakan oleh pemerintah dengan satu nama baru yang

dinamakan Dasar Ekonomi Kebangsaan menggantikan Dasar Ekonomi Baru yang telah ditamatkan pada tahun 1990.

Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mempunyai pandangan yang jauh dengan beraninya telah menentukan bahawa negara ini akan menjadi negara maju dalam tahun 2020 yang terkenal dengan nama Wawasan 2020, yang akan kita harapkan, jika ini berlaku orang Melayu akan mempunyai kedudukan yang sejajar dengan kaum-kaum yang lain. Inilah perjuangan besar yang sedang dihadapi oleh orang-orang Melayu di negara ini yang mengkehendaki orang Melayu bukan sahaja mempunyai keinsafan tetapi juga bekerja keras untuk maju. Jika kita lemah kita akan menjadi hamba di atas tanahair kita sendiri. Perjuangan UMNO dalam bidang ugama amat memberangsangkan kepada orang yang boleh memahaminya. UMNO mengharapkan supaya kegemilangan atau keagungan Agama Islam seperti di zaman Nabi Muhammad s.a.w. dahulu dapat dipulihkan semula.

Rata-rata umat Islam di seluruh dunia hari ini lemah baik dari segi ekonomi dan ketenteraan maka sebab itu orang-orang Islam tidak berdaya mempertahankan diri atau menuntut hak mereka seperti perjuangan orang Palestina dan Orang Bosnia. Orang Islam harus mempunyai pelajaran yang tinggi dan mempunyai kekuatan dalam bidang ekonomi seterusnya ketenteraan untuk beroleh kejayaan mempertahankan diri. Inilah usaha yang sedang dijalankan di negara kita. Dengan sebab itu orang Melayu yang terdiri 100% daripada orang Islam mesti dimajukan dalam bidang tersebut mudah-mudahan ianya menjadi contoh kepada negara-negara Islam yang lain dalam dunia ini.

Segala kejayaan yang telah dapat dicapai oleh Malaysia dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan tidak boleh dinafikan adalah hasil daripada kerjasama yang rapat di antara semua kaum.

Tujuan penubuhan Parti Perikatan UMNO, MCA, MIC dahulu bukan semata-mata untuk mencapai kemerdekaan tetapi juga merupakan asas bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu (Single United Malaysia Nation). Usaha menubuhkan satu bangsa Malaysia yang bersatu memang sangat-sangat penting bagi mengekalkan Malaysia yang aman damai dan makmur tetapi ianya bukanlah satu usaha yang mudah untuk dilaksanakan. Pada masa ini boleh dikatakan rata-rata pemimpin mengatakan penubuhan bangsa Malaysia bersatu itu belum dapat dibuat kerana belum sampai masanya terutama apabila melihatkan ekonomi satu kaum iaitu Melayu makin jauh tertinggal di belakang. pada pendapat saya makin lama perkara ini dibiarkan ianya akan menjadi lebih besar bahayanya. Mengikut pemikiran saya sudah sampai masanya kita memulakan satu langkah baru untuk tujuan tersebut.

Ada tiga (3) ruang besar yang menjadi pokok yang mestи diselesaikan:-

1. Politik
2. Ekonomi
3. Pendidikan

Ketiga-tiganya mestilah dibincangkan serentak secara menyeluruh untuk suatu kesimpulan yang terakhir dan muktamad bagi menentukan penubuhan bangsa Malaysia bersatu itu berjaya dengan sepenuhnya. Sebuah badan saya rasa perlu seperti MAPEN untuk membincangkan perkara yang tersebut di atas. Semua parti-parti politik dan kemasukan NGO boleh dibawa berunding untuk membincangkan masalah tersebut.

Dalam menyelesaikan masalah ini tidaklah adil jika hanya satu kaum sahaja yang diminta berkorban. Setiap kaum mestilah sanggup berkorban dengan itu barulah penyelesaian dapat dicapai. Kita tidak boleh membiarkan perselisihan kaum berpanjangan kerana akan menimbulkan malapetaka kepada anak cucu kita yang akan datang.

**Sejarah Tuntutan Politik Bukan Melayu  
Dalam Proses Mencapai dan Mengisi  
Kemerdekaan Negara**

oleh  
**Prof. Dr. Ramlah Adam**

**Sesi 2 Trek 2**

Profesor Dr.Ramlah Adam,

Universiti Malaya,K.Lumpur.

SEJARAH TUNTUTAN POLITIK BUKAN MELAYU DALAM PROSES MENCAPAI DAN  
MENGISI KEMERDEKAAN NEGARA.

HARI INI.....

Politik Malaysia yang hampir reda dengan masaalah politik perkaumannya,saperti 1950an,1960an,1970an dan 1980an,kini telah dikejutkan dengan suatu komen seorang pemimpin dan peniaga Cina terhadap perlindungan politik orang Melayu didalam perlembagaan.Ia kemudiannya menjadi suatu yang serius sebagai sebuah tuntutan politik pula oleh badan-badan bukan kerajaan masyarakat Cina.Walaupun Datuk David Chua,Timbalan Pengerusi Mapen II merangkap Timbalan Setia Usaha Agung Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perniagaan Cina(All Chinese Chambers of Commerce and Industries of Malaysia-ACCCIM) menafikan kenyataannya dalam akhbar asing,namun,tuntutan 17 perkara SUQUI,dengan tambahan menghapuskan konsep bumiputra dan Hak Istimewa Melayu dalam perlembagaan negara,dilihat oleh orang Melayu sebagai satu tekanan politik keatas keselamatan politik orang Melayu dan bumiputra di Malaysia<sup>1</sup>.Lawatan Lee Kuan Yu pula saperti diatur memberi semangat dan sokongan moral kepada suara itu,yang selari dengan konsep 'Malaysian Malaysia',gagasan tajaannya, yang mencetuskan sebuah kontraversi politik yang amat serius 35 tahun lalu,sehingga menjadi salah satu sebab penyingkiran Singapura daripada Malaysia.Memang susah untuk melihat kesemuanya ini sebagai satu kebetulan semata-mata .

---

<sup>1</sup>Utusan Malaysia,1 September 2000.

## SEJARAHNYA.....

Kalau dibaca sejarah politik negara,memang inilah 'duri dalam daging' yang menjadi satu tuntutan politik yang tidak putus-putus dipersoalkan.Peluang mencari rezeki di Tanah Melayu akibat dasar 'buka pintu' British,telah menyebabkan orang imigran menjadi kaya dan menguasai ekonomi Tanah Melayu dalam tahun-tahun 1920an dan 1930an.Kuasa ekonomi mereka ternyata telah mendorong British untuk melantik wakil-wakil pedagang,peniaga dan lain-lain pertubuhan,yang kebanyakannya dipimpin oleh mereka(saperti quilds)kedalam Majlis-majlis Mesyuarat P.Pinang,Singapura dan Melaka bagi Negeri-negeri Selat,jajahan taalok British.Orang Melayu,anak tempatan,tidak ada perwakilannya.Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu saperti Perak,Selangor,N.Sembilan dan Pahang,iaitu negeri-negeri 'lombong emas' ekonomi kapitalisme British,juga tidak terlepas daripada dasar ini.Penguasaan pentadbiran British telah memudahkan segala urusan eksplorasi ekonomi dan kerjasama ekonomi diantara kedua pihak ini,yang langsung tidak membawa masuk atau mengambil kira anak negeri.Malah British telah mencipta dasar-dasar perundungan dan peraturan pertanian dan perdagangan serta perniagaan untuk mengeneplekkan penglibatan anak negeri dalam sistem ekonomi moden British.

Dasar imperialisme British 'devide and rule' yang dijelmakan dalam dasar ekonominya itu kemudiannya telah mendorong kumpulan ini meminta pengiktirafan politik keatas mereka.Seorang ahli Straits Legislative Council, telah menuntut tarafnya sebagai anak negeri kerana peranannya memajukan ekonomi Singapura dan Tanah Melayu.Selepas itu terdapat suara yang lebih lantang

---

menuntut hak sebagai anak negeri.Tan Cheng Lock misalnya mendesak hak orang Cina untuk membeli tanah dinegeri-negeri Melayu secara persendirian(secara perladangan dan syarikat besar memang telah dibenarkan).Ada juga desakan untuk menjadi penghulu-penghulu kampong bagi memberi inisiatif memajukan ekonomi kampong-kampong Melayu.Ada juga tuntutan untuk membenarkan peladang-peladang Cina membuat sawah padi,memandangkan sifat komersial amat kurang dalam pertanian tradisional Melayu itu.Mereka juga mendesak Rakyat British diperluaskan kenegeri-negeri Melayu bagi membolehkan pembangunan ekonomi negeri itu dipercepatkan.Ini semua berlaku dalam tahun 1920an dan awal 1930an.Walapun British tidak mengizinkan,namun,untuk mensabitkan kesalahan jenayah seorang Asia(Cina),British mendesak Sultan Johor mengiktiraf seorang Cina sebagai Rakyat Raja Johor,bagi dijatuhi hukuman di Johor.

Kesederhanaan orang Melayu dalam mempertahankan haknya dalam gerakan nasionalismenya,telah memberanikan British memaksa Malayan Union keatas Raja-raja/Negeri Melayu British memang disokong dan didesak oleh OCAI(Overseas Chinese Association)pimpinan Tan Cheng Lock dan Tan Siew Sin.Didalam memorandum yang dihantar ke England dan juga dirundingkan di India,tempat selamat untuk mengelakkan tekanan Jepun,mereka meminta supaya dasar pro-Melayu British pra-1941 dibuang.British yang memang telah merancang untuk menghapuskan berbagai unit pentadbiran Tanah Melayu melalui cadangan-cadangan daripada War Office,Foreign Office,Indian Office dan Colonial Office,telah menerima cadangan itu yang amat berguna untuk eksplorasi ekonomi yang lebih maksimum dan mengelakkan perluasan kuasa Amerika Sharikat di Asia Tenggara.Kerjasama Raja-raja Melayu dan orang Melayu dengan pemerintah Jepun pula,telah menjadi sebab British mencabut hak tradisional orang Melayu keatas Tanah Melayu.

Tidak siapa menduga,tindakan British dan pendatang itu telah membangkitkan perpaduan politik orang Melayu,yang tidak pernah berlaku sebelum ini.Ternyata,apabila orang Melayu tercabar maruah dan haknya,mereka bangkit melawan.Kesedaran kebangsaan mereka dapat diperkasakan;Kongres Melayu 1946 diadakan dan menghasilkan UMNO sebagai barisan pertahanan mereka menentang penjajahan mutlak British dan orang dagang.Mereka berpadu kukuh;Raja-raja Melayu,golongan diraja,pembesar dan rakyat berganding bahu tanpa kira fahaman politiknya.Parti Kebangsaan Melayu Malaya(PKMM),yang radikal/kiri menganggotai UMNO dan menentang Malayan Union.Mereka bersatu untuk menyapu bersih penghinaan politik yang diconteng kemuka mereka.British terpaksa berunding semula dengan Raja-raja Melayu dan UMNO.

Ini tidak disukai,maka mereka berusaha dari segala penjuru untuk melemahkan perjuangan bangsa Melayu ini.Parti Komunis Malaya,yang masih halal,menaja mogok-mogok pekerja dan rapat-rapat umum mengutu perundingan itu.Ia juga mempengaruhi golongan radikal supaya tetap menyokong Malayan Union,walaupun dalam masa yang sama menyokong UMNO.Persatuan-persatuan Cina Singapura,saperti All Chinese Chambers of Commerce(ACC),dibawah pimpinan Tan Cheng Lock dan badan-badan semi-politiknya,telah menubuhkan CJA(Council of Joint Action),untuk menentang gerakan orang Melayu itu.Badan ini kemudian diperluaskan ke Tanah Melayu dan dinamakan PMCJA(Pan Malayan Council of Joint Action) dan kemudian ditukar kepada AMCJA(All Malayan Council of Joint Action).Ternyata,mereka cukup bersatu menentang bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union

Badan ini kemudian bekerjasama dengan persatuan-persatuan dokongan Parti Komunis

Malaya,terutama kesatuan-kesatuan sekerja Tanah Melayu dan Singapura,menentang habis-habisan usaha British dengan Raja-raja Melayu dan UMNO untuk menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 Parti radikal Melayu,PKMM,yang ditaja oleh Parti Kominis Malaya sebelum itu kemudian menarik diri daripada UMNO,untuk bekerjasama dengan AMCJA.Penubuhan PUTERA pada 1947,secara terang-terangan berkempen bersama-sama pertubuhan-pertubuhan diatas menentang Perjanjian Persekutuan 1948,tajaan British-UMNO/Raja-raja Melayu.Alasannya:UMNO melanjutkan feudalisme dan tidak menuntut kemerdekaan daripada British.Inilah juga alasan Parti Kominis Malaya dan AMCJA yang mahu kerakyatan terbuka(jus soli),kemerdekaan penuh,pilihanraya popular dan konsep kerajaan republik.Kerjasama golongan radikal Melayu dengan golongan kominis dan sekutunya memang membingongkan banyak pengkaji,sehingga ada yang sanggup mengubah ayat untuk membetulkan persepsi sendiri,walaupun konteks kerjasama itu tidak difahami dengan sewajarnya.

UMNO dan Raja-raja Melayu terus berunding dengan British;satu pendekatan politik yang menjadi pegangan parti itu yang berterusan sehingga kini.Raja-raja Melayu dan UMNO kemudiannya berjaya melaksanakan Perjanjian Persekutuan 1948 dan menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerangka dan teras politik Melayu pra-1941 menjadi dasarnya.

Suatu perkara yang amat penting disini ialah peruntukan Kedudukan Istimewa Melayu dalam Perjanjian Persekutuan 1948,perlembagaan bertulis yang pertama dibuat dalam sejarah negara ini.Ia menjadi asas Perlembagaan 1957 dan Malaysia,kemudiannya Hak Istimewa Melayu dalam Perjanjian 1948 itu telah diletakkan dalam tanggongjawab Pesuruhjaya Tinggi British,iaitu dalam Part III,19(1)(d),yang berbunyi:

'In the exercise of his executive authority, The High Commissioner shall have the following special responsibilities, that is to say... (d) the safeguarding the special position of the Malays'(The Federation Of Malaya Agreement, 1948(G.N.6 of 1948) Agreement of Clauses, Government Gazette 1949,hlm.12)

Kegagalan bukan Melayu dan orang dagang itu tidak berakhir disitu sahaja. Ada dua tindakan yang diambil. Parti Kominis Malaya telah melancarkan pemberontakan bersenjata. British,demi untuk mengelakkan pelaburan ekonominya terjejas,telah menjadikan ia satu perperangan diantara orang Melayu dan orang Cina atau diantara orang Islam dengan Kominis yang dikatakan tidak anti-Islam.Dengan itu,orang Melayu melihatnya sebagai satu perjuangan menegakkan kedaulatan politik Melayu;maka ramai anggota SC,Home Guard dan anggota polis adalah terdiri daripada orang Melayu.Mungkin kerana kemiskinan hidup,mereka sanggup menggadai nyawa dan kadang-kadang cacat seumur hidup.Bagaimanapun,rasa cinta kepada negaranya dan demi menjaga maruah bangsa dan agamanya,ramai yang memasuki pasukan keselamatan,walaupun upahnya tak seberapa.

Bagi golongan sederhana dan peniaga saperti ACCC dan AMCJA,mereka mengambil jalan bekerjasama dengan British.Tan Cheng Lock dan penyokong-penyokongnya menubuuhkan Malayan Chinese Association(MCA) untuk membantu penempatan semula masyarakat Cina di Kampong-kampong Baru,yang dibina sebagai strategi mengurangkan pengaruh kominisme di kalangan masyarakat Cina.Dengan itu,hak mendapat tanah secara individu dinegeri-negeri Melayu saperti tuntutan tahun 1920an dan 1930an itu telah dapat direalisasikan diatas nama Darurat.

Dalam bidang politik pula,mereka ,melalui British, mendesak orang Melayu/UMNO

mengiktiraf hendak politik mereka yang tersekat dalam tahun 1946. Ini ternyata dalam kata dua British kepada pemimpin UMNO iaitu jika Tanah Melayu mahu berkerajaan sendiri atau merdeka,pintu politik mesti dibuka luas kepada orang dagang British ini mengena;pemimpin UMNO terpaksa berunding dengan semua masyarakat bukan Melayu.Cummines Communities Liaison Committee(CLC) dibentuk untuk menjadi platform politik mereka memaksa Raja-raja Melayu dan UMNO melonggarkan kerakyatan negeri-negeri Melayu.

Raja-raja Melayu memang ditekan oleh British yang mahu melindungi kepentingan ekonomi dan politiknya di negeri-negeri Melayu.Pembinaan kampong-kampong baru Cina,pertumbuhan bandar-bandar baru dan gerakan-gerakan kominis berlaku dalam negeri-negeri tersebut,telah memperbanyakkan secara drastik jumlah penduduk Cina dan mereka bukan Rakyat Raja Melayu.Ini menyulitkan kerana mereka tidak boleh dihukum dinegeri-negeri itu kerana mereka bukan Rakyat Raja.Pemilikan tanah di Kampong-kampong Baru juga tidak boleh dibuat kerana mereka bukan Rakyat Raja negeri tersebut.

Ahli-ahli bukan Melayu dalam CLC telah mendesak kerakyatan negeri Melayu diperluaskan,Raja-raja Mmelayu diminta untuk menerima orang dagang itu sebagai rakyatnya.(Dalam Perjanjian 1948,Rakyat Raja terdiri daripada orang Melayu/Malaysian).Ini ditolak dengan keras oleh UMNO dan Raja-raja Melayu,sehingga perundingan itu berjalan selama 3 tahun(1949-1951).Sebagai jalan keluar,satu pertukaran politik(political exchange) dibuat;iaitu Raja Melayu menerima orang asing sebagai rakyatnya dalam peruntukan State Nationality 1951,sementara RIDA(Rural Industrial Authority Development)ditubuhkan bagi membantu pendidikan,ekonomi dan pembanguyan luar bandar,terutama untuk membaiki nasib orang Melayu,majoriti penduduk luar bandar.Ia ditubuhkan

pada November 1950,dan dalam masa yang sama,hampir 70 peratus orang dagang menjadi rakyat Persekutuan Tanah Melayu.Kehendak dan perjuangan ACCC,AMCJA dan Parti Kominis Malaya telah berjaya sebanyak 75 peratus.

Dalam menuntut kemerdekaan negara,sekali lagi,masyarakat Cina bermain politik.Mereka menyokong Dato' Onn dan IMP,tetapi tetap mengadakan pakatan dengan UMNO dalam Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur pada Febuari 1952.Tan Cheng Lock,H.S Lee dan Tan Siew Sin saling sokong menyokong untuk mencari kawan Melayu yang menguntungkan.Dato' Onn tetap mengenakan syarat dalam kerakyatan jus soli dan ini menjadi sebab penarikan diri MCA daripada IMP secara rasmi. Dibawah kepimpinan UMNO yang baru,Tengku Abdul Rahman dan Dato' Abdul Razak,Perikatan UMNO-MCA dibuat dan kerakyatan jus soli terbuka dan tempoh tinggal 5 tahun sebagai syarat dalam Pilihanraya 1955,menjadi landasan sokongan orang Cina dan India untuk menyokong UMNO untuk mengadakan pilihanraya tersebut.Malah,ada yang tidak menjadi rakyat dibenarkan mengundi;Tanah Melayu saperti kapal pecah kepada orang dagang.Kemerdekaan yang dicapai membolehkan 15 peratus baki perjuangan mereka dipenuhi.

Namun,orang Melayu saperti Pa'Kadok:Menang sorak kampong tergadai.Mereka hanya menjadi salah satu kaum sahaja dalam Tanah Melayu yang merdeka.Taraf mereka sebagai bangsa yang menduduki negeri-negeri Melayu dalam Semenanjung Tanah Melayu hilang dengan kemerdekaan yang dicapai pada 31 Ogos 1957 itu.Malah,ia sabenarnya adalah satu anti-tesis kepada gerakan nasionalisme yang menegakkan kedaulatan politik,ekonomi,sosial dan pendidikan Melayu,yang diperjuangkan sejak awak kurun 20 lalu.

Hanya satu peruntukan kecil untuk mereka:Kedudukan Istemewa Melayu diteruskan dalam

Perlembagaan Merdeka 1957.Kali ini ia diletakkan didalam bidang kuasa Yang Di Pertuan Agung,ketua negara Malaysia.Dalam Perlembagaan Merdeka,Part XII,General and Miscellaneous,Fasal 153,(1) dikatakan:

It shall be the responsible of The Yang DiPertuan Agung to safeguard the special position of the Malays... Ini ditambah lagi dalam no 2,Fasal 153 itu dengan ...and to ensure the reservation for Malays of such proportion as he may be deem reasonable of positions in public service(other than the public service of a state)anmd of schoolorships,exhibitions and other similar educational or training privileges or special facilities given or accorded by the Federal Government and,when any permit or licence for the operation of any trade or business is required by federal law,then,subject to the provisionss of that law and this Article,of such permits and licences.(hlm. 96)

Pembentukan Malaysia 1963,sekali lagi memberi peluang untuk golongan pendek bukan Melayu menghapuskan perlindongan orang Melayu itu.Dengan tokoh hebatnya,Lee Kuan Yew,Singapura mempersolakan hal itu dengan mengemukakan konsep 'Malaysia Malaysia' dan meritokrasi sebagai imejnya dan kesamarataan sebagai dasarnya.Bersorak sorailah parti-parti pembangkang menggunakan dalam pilihanraya-pilihanraya kebangsaan 1959,1964 menjadi begitu meruncing dalam tahun 1969,sehingga tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969.

Isu itu agak reda apabila pembentukan Akta Hasutan 1974 diadakan.Namun,perlaksanaan DEB sebagai alat memajukan orang Melayu dan masyarakat lain,telah dipersoalkan oleh parti pembangkang,terutama DAP, sebagai satu diskriminasi kaum.Ia kemudian menjadi isu untuk memancing undi dalam pilihanraya 1974,1978,1982,1986 dan 1990.Dasar itu yang berjaya menambahkan dan meningkatkan taraf pendidikan di kalangan orang Melayu dan bumiputra,walaupun

jumlahnya lebih kecil daripada bukan Melayu.Bagi bidang ekonomi pula,ia tetap tidak tercapai,walaupun dasar penswastaan dan pengkropatan dijalankan.Kemelesetan ekonomi yang baru melanda pada tahun 1997-1999,memusnahkan kelompok peniaga dan koperat Melayu yang baru terbentuk itu,sehingga keadaannya tidaklah begitu menggalakkan.Ini ditambah pula dengan perpecahan politik Melayu kerana beberapa insiden politik negara pada tahun lepas.

#### PERJUANGAN MEREKA MASIH BERTERUSAN.....

Perpecahan dan kekalutan politik orang Melayu memang mengundang keberanian golongan pendesak Cina untuk membuat 17 tuntutan pada tahun lepas.Perebutan untuk mendapatkan kuasa pemerintahan diantara UMNO dan PAS/Keadilan telah menjadikan undi orang Cina amat dihargai dan berbagai janji diberikan kepada mereka,termasuk perlaksanaan konsep negara Islam.Kesempatan itu telah digunakan oleh bukan Melayu untuk mendapat tuntutan yang terbaik.Tambahan pula ada suara yang mengatakan bukan Melayu boleh menjadi perdana menteri Malaysia pada suatu hari nanti.'Pucuk dicita ulam mendatang',dengan berani mereka menuntut Hak Istimewa Melayu Dihapuskan dan konsep Bumiputra ditiadakan.Keengganan mereka menarik-balik tekanan politik itu dan meminta maaf,menunjukkan mereka memang bertekad untuk terus berjuang ,walaupun reaksi tidak puas hati orang Melayu begitu jelas sekali.Mereka langsung tidak mempedulikan sensitiviti masyarakat Melayu dan bumiputra termasuk jaminan Perdana Menteri bahawa hak politik Melayu akan dipertahankan didalam perlumbaan.Ternyata,tindakan kumpulan pendesak masyarakat Cina ini bukanlah suatu sandiwaras politik,saperti drama-drama politik Melayu itu sendiri.

Begitulah kaedah perjuangan politik mereka sejak dahulu.Percatoran politik untuk mendap-

yang terbaik akan sentiasa dilakukan apabila masyarakat Melayu dan bumiputra alpa.Sikap bertolak ansur dan pengorbanan orang Melayu untuk berkongsi kuasa politik dengan mereka dan membenarkan penguasaan ekonomi disetiap ceruk bandar lama dan baru serta perumahan yang dibina,tidak cukup untuk kumpulan ini menghormati dan menghargai masyarakat Melayu.Orang Melayu yang masih lemah dalam semua hal terutama ekonomi dan pendidikan sains dan teknoloji dan IT serta masih kurang tenaga profesional untuk mengangani tuntutan globalisasi,terus ditekan kedudukan dan kuasa politiknya,yang merupakan benteng terakhir menegakkan ketuanannya.Mampukah orang Melayu bertahan?Atau adakah perpaduan Melayu menjadi jawapan kepada cabaran ini? Inilah dilema kemerdekaan negara bagi orang Melayu.

**Sejarah Kemerdekaan (Keselamatan) -  
Peranan Angkatan Tentera Malaysia**

oleh  
**Jen (B) Tan Sri Dato' Zain Hashim**

**Sesi 2 Trek 3**

**PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN  
MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN  
(SESI 2 -TREK 3)**

**SEJARAH KEMERDEKAAN (KESELAMATAN)  
PERANAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

*PADA 11 SEPTEMBER 2000  
DI HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR  
OLEH  
JEN (B) TAN SRI DATO' ZAIN HASHIM*

**AL'FATIHAH**

*(Marilah kita sedekah Al-Fatihah kepada Roh-Roh Anggota Askar Melayu yang tiada lagi bersama kita)*

**PENDAHULUAN**

1     “TAAT SETIA” – cogan kata Askar Melayu pada 1 Mac 1933, itulah sejarahnya sehingga hari ini, termasuk kelakuan seluruh anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Filem “Lt Adnan” adalah salah satunya pengorbanan yang sekarang di pamerkan untuk rakyat Malaysia. Ada banyak lagi yang manis dan pahit sepanjang 67 tahun yang lampau. Kita rakyat Malaysia tidak boleh menyoal Taat Setia Anggota ATM kepada Negara, Bangsa dan Agama. Tanpa pengorbanan mereka, keamanan yang dinikmati sekarang mungkin tidak di perolehi dan dikenangkan. Keselamatan merangkumi tentera, polis, perkhidmatan awam serta rakyat!

2     Dalam ucaputama oleh YAB Dato Seri Abdullah Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada pagi tadi, beliau telah dengan panjang lebar menceritakan detik-detik sejarah perjuangan secara ringkas yang telah dialami oleh Negara Malaysia. Ini telah meringankan lagi persebahan saya.

**LATAR BELAKANG**

3     Penjajah-penjajah yang telah memerintah sebahagian besar dunia beberapa abad dahulu, khususnya di Asia, boleh diruntuhkan seperti yang dilakukan oleh Negara Jepun apabila mereka menguasai sebahagian besar Negara Asia dalam tahun empat puluhan. Penjajahan Jepun telah menyemarakkan semangat Kemerdekaan di beberapa negara-negara tersebut. Dengan kekalahan Negara Jepun pada pertengahan tahun empat-puluhan, mulalah proses mencapai kemerdekaan yang banyak melalui revolusi di India (India dan Pakistan antara orang Islam dan bukan Islam), Burma, Indonesia dll.

4 Kalau kita renung kebelakang, pihak British tidak berlagak. Mountbatten telah memberi kepercayaan penuh kepada Chin Peng, yang pada ketika itu telah berpura-pura membantu pihak British melawan Jepun tetapi sebenarnya menolong diri sendiri dan Parti Komunis Malaya CPM. (Tuhan Maha Kuasa. Senjata dan peluru yang diperolehi oleh CPM telah diguna untuk menentang Tentera British). Pihak British juga telah memberi penghormatan kepada Chin Peng dengan pengurniaan Victory Medal 1939-45. Beliau juga adalah perserta di Victory Parade di London!

5 Tujuan sebenar MPAJA timbul Di Malaya pada tahun 1945 telah ditentang oleh orang Melayu. Ini memaksa pihak pentadbiran Tentera British (BMA) mengarah Tentera Jepun supaya tidak berundur di kawasan tertentu. Pada tahun 1948, CPM telah melancarkan gerakan untuk menakutkan rakyat Malaya dan melakukan keganasan. Tentera Malaya pada ketika itu diketuai oleh Brigadier Geroge Denaro (DFMF) yang mengandungi Rejimen 1 dan 2 Askar Melayu, Depot serta Pasukan Bantuan di Port Dickson. Regimen 3 Askar Melayu telah ditubuhkan pada 1949 di Pengkalan Chepa. Kegiatan Tentera British untuk melawan keganasan CPM tidak berjaya dan apabila Sir Henry Gurney (Pesuruhjaya Tinggi British) diserang-hendap di Bukit Fraser pada 1951 telah mengecewakan pihak British. Pihak Tentera pada ketika itu mengamalkan konsep "Brigg's Plan" tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana perasaan hasrat dendki di antara Pihak Tentera dan Pentadbiran Awam. CPM bermaharajalela dimana-mana sahaja mereka suka. Hampir seluruh Malaya di jajah oleh CPM.

#### **DETIK BAIKPULIH**

6 Perlantikan Sir Gerald Templer pada 1952 selaku Pesuruhjaya Tinggi merangkap Pengarah Operasi, General Stockwell selaku Panglima Tinggi di Malaya serta Kol. Kehormat Rejimen Askar Melayu dan Kol. Young sebagai Ketua Polis Negara telah mula membawa hasil kerjasama. Angkatan Tentera Komenwel bersama-sama dengan Askar Melayu serta Pasukan Polis dan Home Guard mula bekerjasama dan menguatkuasa undang-undang (law and order) di Semenanjung Malaya.

Pegawai-Pegawai Pentadbiran Civil dan Tentera yang tidak memberi kerjasama dihantar balik ke England; begitu juga dengan warganegara British yang mengurus ladang – iaitu kuasa Gen. Templer. Saya bertemu Gen. Templer di King;s House pada awal August 1952.

7 Pada 1952, juga adalah implementasi Konsep "Briggs Plan" iaitu penubuhan Kampung Baru (New Villages) untuk memisahkan "ikan" daripada "air". Penambahan bekas Polis Palestine telah mengukuhkan pihak Polis. Pertubuhan 1 Fed Rej dan A Sqn FACR adalah pasukan berbilang kaum yang pertama didirikan oleh Gen Templer serta pengambilan 12 "supermen".

8 A Sqn FACR telah ditubuhkan di Kem Rasah pada awal Ogos 1952. 2<sup>nd</sup> Lt Hariri dan saya menyertai Lt Ibrahim {Bilal} dengan beberapa pegawai British. Pada 1 Okt 1952 Gen Templer mengishtiharkan pasukan kami beroperasi. Semua anggota adalah daripada Askar Melayu dan pemandu-pemandu daripada MRTU dan pegawai kanan tidak bertauliah serta pegawai-pegawai dari 13/18H. Anggota keturunan Cina mulai masuki Sqn pada akhir tahun 1953. Kebanyakan mereka adalah melakukan kesalahan jenayah kecil dan ingin mengelak tindakan undang-undang . Pada pendapat saya, ramai mereka ini adalah askar yang berwibawa. Lt Ibrahim tidak lama dengan kami oleh kerana kepentingan "halal" didalam Mes Pegawai British. Saya ingin menguraikan pendirian Maj Robin Gage yang telah memaksa Mes Pegawai British mengambil Hariri dan saya duduk dalam Mes tersebut (bukan Mes Pegawai Gurkha) dan juga menarik diri menjadi ahli Sg Ujong Kelab di Seremban yang tidak membenarkan Kelab tersebut diguna oleh rakyat Melayu.

9 1952 – Nukleus Fed Reg. ditubuhkan di Barrack India – Taiping.

10 25 Dis 1952, 3 Troop A Sqn bergerak ke Kluang untuk membantu Gurkha Brigade menawan balik Balai Polis Yong Peng. Nukleus 6 Melayu ditubuhkan di Kem Kluang sebelum dipindah ke Kem Mersing dan Kem tersebut diambil oleh A Sqn dan Nukleus B Sqn FACR. Kluang juga adalah tempat 1 Sqn Malayan Engineers yang berdiri daripada bekas jurutera British.

### **PERTABALAN RATU ELIZABETH**

11 April 1953, Kontingen Malaya kepertabalan Ratu Elizabeth berkumpul di Port Dickson yang terdiri daripada 1, 2, 3 dan 4 Askar Melayu, 1 Fed Rej. dan FACR (Seorang Pegawai dan 3 berlainan pangkat). Saya sebenarnya adalah sebahagian daripada penunggang kuda tetapi telah menjadi Adjutan Malayan Kontingen. Kebanyakan anggota-anggota kami telah menerima pingat keberanian British seperti MC, DCM dan MM. Pingat Coronation telah kami terima daripada Ratu Elizabeth di Buckingham Palace, sehari selepas pertabalan bersama dengan Kontingen dari Fiji, Singapura, Pakistan, India dan lain-lain. Gen Templer melawat kami setiap hari di Kensington Gardens.

### **PEROMBAKAN PEMERENTAHAN TENTERA**

12 1953 – perombakan HQ Malaya Command dan 17 Gurkha Div (Kem Rasah) kepada 2 kawasan Div (1 Fed Div – Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Province Wellesley, Perak termasuk Cameron Highlands, Kelantan dan Terengganu) dan 17 Gurkha Div (Pahang kecuali Cameron Highlands, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor), 2 pasukan Tentera Armor British (Kem Paroi di Seremban & Kem Jalan Ashby di Ipoh), FACR di Kluang, 2 Federal Brigade di Ipoh (tukar nama dari Brigade British). 1 Fed Brigade dengan Panglima Frank Brooke di bawah 17 Gurkha Div.

13 Saya adalah sebahagian sejarah Malaya pada ketika itu. Pada mulanya saya selaku pemimpin "Troop" FACR dan pada tahun 1953 selaku Juruiring kepada Panglima 1 Div yang pertama, berpengkalan di Taiping. Templer telah mengarah MG Bill Lambert untuk mencuba saya selaku Juruiring. Perkara sukar yang kami alami adalah panggilan telefon daripada Gen Templer pada waktu malam apabila ada kejadian penganasan berlaku di kawasan tanggung jawab 1 Div. Untuk mengatasi masalah ini, saya telah network dengan semua pasukan bertempur dan tidak melalui saluran biasa untuk memperolehi maklumat. Gen Templer dapat maklumatnya daripada pihak polis.

## PEMULIHAN KEADAAN

14 Seluruh Semenanjung Malaya, dianggap kawasan hitam di mana pengganas Komunis bermaharajalela. Sebaik sahaja Pasukan Keselamatan (iaitu tentera dan polis) dapat menguatkuasa undang-undang serta ketenteraman, kawasan ini digelar kawasan putih dan pembangunan diteruskan. Kawasan putih hanya menunjukkan pengganasan militant komunis telah dihapus atau mereka mengundur diri dan kegiatan Sel CPM telah kurang. Sel-sel ini di kenal oleh bahagian polis cawangan khas.

15 Cara membebaskan kawasan hitam adalah dengan keperluan kad pengenalan, mengendalikan "curfew", mengawal gerakan bahan makanan dan sekatan jalan, manakala pasukan tempur membuat operasi di hutan atau di ladang berhampiran kawasan tersebut. Sebaik sahaja pengganas komunis dihapuskan atau mereka mengundur diri, pasukan tempur akan dikeluarkan. Ini memberi peluang kepada CPM mengambil tindak balas dan membunuh rakyat yang telah menolong Pasukan Keselamatan. Bersama dengan operasi tempur perangsaraf untuk menukar minda rakyat supaya menyokong Kerajaan dan bukan CPM dilaksanakan. Masakan untuk penduduk berpusat. Dengan demikian, banyak Kampung Baru atau "New Villages" di bina di seluruh Semenanjung. Pihak Keselamatan dapat mengawal penduduk di kawasan yang tertentu dan Kerajaan membina sekolah untuk anak-anak penduduk Kampung Baru. Penduduk diberi tanah diluar kawasan Kampung Baru untuk mereka bercucuk tanam serta mencari kehidupan yang lain seperti ternakan. Dengan cara demikian, Kerajaan dapat pisahkan "ikan" daripada "air" dan sedikit demi sedikit kawasan putih ditambah. Kawasan hitam dapat di kurangkan. Kawasan hitam yang terakhir adalah di Lembah Jabor, Pahang dan kawasan ini dapat diputihkan pada bulan Jun 1960. Dengan demikian Kerajaan dapat mengisitiarkan Semenanjung bebas daripada pengganas komunis pada 31 Julai 1960. Saya terlibat dalam operasi ini. Sehingga ini, Malaya adalah negara yang pertama dan ulung menghapuskan komunis militant.

### **PERISTIWA MERDEKA**

16 1953 Gen Templer mempelawa kemerdekaan kepada YTM Tunku sekiranya YTM Tunku dapat hapuskan pengganas komunis. Pejabat Colonial di London menegur Gen Templer kerana beliau tiada hak mempelawa tersebut.

17 YTM Tunku menerima cabaran Gen Templer. YTM Tunku telah menemui Chin Peng pada 1955 dan cuba mendapat pendamaian. Pelawaan ini ditolak oleh Chin Peng. YTM Tunku yang memimpin Kerajaan pada ketika itu mendesak rakyat untuk menghapuskan pengganas komunis dan pada masa yang sama, merunding dengan Kerajaan British. Alhamdulillah pada 8 Februari 1957 iaitu Harijadi YTM Tunku serta ibu saya, mesyuarat terakhir telah diadakan dan laporan "Constitutional Conference at Lancaster House, London" telah ditanda-tangani untuk membolehkan YTM Tunku mengistiharkan kemerdekaan.

18 Pagi tadi Pak Lah telah mencerita upacara pertama perishtirahan Merdeka, jam 12 malam pada 31 Ogos 1957 di mana Bendera Union Jack telah diturunkan dan Bendera Malaya telah dikibarkan. Pada ketika itu, saya berada di Bangunan Sultan Abdul Samad untuk mengawasi ketenteraman Bandar Kuala Lumpur. Detik sejarah ini dan perasaan diri saya tidak dapat dihuraikan.

19 Pada jam 4 pagi 31 Ogos 1957, saya berada di Stadium Merdeka. Pada ketika itu, hujan mulai turun dan saya terpaksa memindah kanak-kanak sekolah ke bawah Grand Stand di Stadium Merdeka untuk memberi kawasan terowong kepada anggota tentera yang akan mengambil bahagian di Istiadat tersebut. Apabila hujan tidak berhenti pada jam 6 pagi, saya telah menalipon YTM Tunku dan memohon kebenaran beliau untuk menangguhkan Istiadat Kemerdekaan. YTM Tunku tidak bersetuju, sambil berkata InsyaAllah hujan akan berhenti sebelum Majlis bermula. Setengah jam sebelum Majlis bermula, hujan berhenti dan Istiadat Merdeka berjalan mengikut jadual. Syukur Alhamdulillah.

20 Perasaan rakyat yang menyambut seruan Merdeka oleh YTM Tunku sungguh bergempar dan perasaan ini juga tidak saya lupakan buat selama-lamanya. Saya percaya ramai kanak-kanak sekolah pada ketika itu walaupun seronok dengan hujan, hanya kemudian menyedari detik sejarah Negara ini.

## PENUTUP

21 Sebagai penutup, saya mohon semua mengunjungi cinemaplex untuk melihat filem 'Lt. Adnan' bagi memahami sedikit cogan kata "TAAT SETIA".

22 Akhir kata renonglah pengorbanan Pasukan Keselamatan, khususnya anggota Angkatan Tentera Malaysia untuk memberi keamanan kepada Negara yang kita cintai ini. Keamanan ini perlu dikenalkan untuk Negara terus membangun. Tanpa keselamatan tiada pembangunan dan tanpa pembangunan, tiada keselemanan (KESBAN). Anggaplah Pasukan Keselamatan sebagai Insuran Negara – tingginya nilai insuran itu, tinggilah premiumnya. Tanggungjawab keselamatan Malaysia mestilah dipikul bersama oleh setiap warganegara Malaysia. Rakyat berbilang kaum, ugama dan tradisi perlu bersatupadu dan bekerjasama untuk mencapai Wawasan 2020. InsyaAllah.

Terima kasih dan Wabillah Hitaufiq Walhidayah, Wasallamualaikum  
Warahmatullah Hiwabarakatuh.

**Keselamatan Negara Dari Sudut Awam**

oleh  
**Datuk Hj. Abu Talib Hj. Haron**

**Sesi 2 Trek 3**

**Kertas Kerja Seminar Penghayatan Dan Pengukuhan  
Kemerdekaan Malaysia Peringkat Kebangsaan**  
**Pada 11 - 13 September 2000**

**Keselamatan Negara Dari Sudut Awam**

**Pengenalan**

1. Secara relatifnya, Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan damai. Ini bukanlah bermakna negara ini tidak menghadapi masalah keselamatan. Negara masih menghadapi masalah kehadiran Pendatang Tanpa Izin (PTI) yang ramai, sentimen perkauman dan keagamaan, penyebaran ajaran sesat, cabaran integrasi nasional, isu penagihan dadah, tindak tanduk NGOs Dalam Negeri, tuntutan ke atas Wilayah Malaysia dan tuntutan bertindih, tindak tanduk NGOs Antarabangsa, kebangkitan kuasa-kuasa serantau dan pengujudan dunia tanpa sempadan serta era globalisasi. Sungguhpun demikian, Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya memelihara keselamatan negara selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang termaktub dalam perlombagaan.

**Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Keselamatan Negara**

2. Keselamatan negara tidak boleh dipisahkan daripada kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan keharmonian sosial. Ianya bukanlah merupakan keupayaan dan kekuatan ketenteraan semata-mata malah ianya mencakupi aspek-aspek lain iaitu:

### **Keutuhan Wilayah**

- i. Kemampuan untuk mengawasi dan mempertahankan setiap inci negara daripada sebarang ancaman samada yang datangnya dari luar atau dari dalam negara sendiri.
- ii. Kemampuan mengesan sebarang bentuk ancaman terhadap keselamatan wilayah-wilayah dalam negara.
- iii. Kemampuan menilai, merancang, kesiapsediaan menghadapi ancaman serta menghalang ancaman.
- iv. Kemampuan membanteras serta menamatkan ancaman.

### **Kestabilian Politik**

- i. Kewujudan sebuah Kerajaan yang berwibawa.
- ii. Jaminan serta kebebasan berpolitik.
- iii. Mengamalkan sistem demokrasi melalui suara rakyat.
- iv. Memelihara hak rakyat dan keadilan sejagat.

- v. Memelihara perpaduan dikalangan rakyat yang terdiri daripada berbagai kaum, adat resam, budaya dan agama.

### **Kejayaan Ekonomi**

- i. Keupayaan negara bersaing dengan negara-negara lain dalam bidang ekonomi.
- ii. Kebolehan memiliki serta meningkatkan keupayaan teknologi sejajar dengan perkembangan semasa.
- iii. Pengagihankekayaan negara secara sama rata dan adil.

### **Keharmonian sosial**

- i. Sikap toleransi yang tinggi dikalangan masyarakat berbagai kaum, ugama, budaya dan cara hidup.
- ii. Patuh kepada undang-undang dan peraturan.
- iii. Mengamalkan budaya yang progresif dan dinamik.
- iv. Bebas dari sebarang ancaman dan belenggu.

## Matlamat Keselamatan Negara

3. Keselamatan negara adalah bertujuan untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat supaya bebas dari sebarang ancaman samada daripada dalam atau luar serta memastikan rakyat bebas menjalankan kegiatan mereka selagi ianya tidak bertentangan dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada.

4. Ancaman dari dalam:

### 4.1. Kebanjiran Pendatang Tanpa Izin (PTI)

4.1.1. Kemasukan PTI yang pada asasnya bertujuan memenuhi kepentingan ekonomi dan politik kini menimbulkan masalah sosial dan keselamatan yang serius. Ini kerana bilangan mereka adalah besar iaitu dianggarkan melebihi 2.2 juta orang. Dari bilangan ini, hanya 711,000 orang atau 32.3% sahaja yang mempunyai dokumen yang sah. Kebanjiran mereka bukan sahaja menimbulkan masalah jenayah, membebangkan sistem perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan sosial, malah boleh menggugat keselamatan negara.

#### **4.2. Sentimen Perkauman Dan Keagamaan**

4.2.1. Dasar dan program tertentu Kerajaan sering dieksplotoi dari perspektif kaum dan agama oleh pihak-pihak tertentu sehingga boleh menimbulkan kecurigaan, prasangka dan salah faham antara kaum dan pengikut agama. Perperangan, kekacauan serta huru hara di negara tertentu di Eropah dan Afrika berpunca dari konflik perkauman dan agama dengan mudah dapat diikuti di negara ini dan mengingatkan kita padah eksplotasi sentimen perkauman dan agama kepada negara. Gejala ini boleh berlaku di sini, kerana perpaduan tulen di negara ini masih belum wujud dan mantap.

#### **4.3. Penyebaran Ajaran Sesat**

4.3.1. Ajaran Sesat boleh mengancam keselamatan negara kerana lazimnya pengikut ajaran sesat taksub dan taat membabi buta kepada pemimpin mereka sehingga mereka dieksplotasi oleh pemimpin mereka untuk kepentingan sendiri. Peristiwa al-Maunah dengan Tragedi Sauk sedikit sebanyak telah menjelaskan kesejahteraan negara.

#### 4.4. Cabaran Integrasi Nasional

4.4.1. Integrasi Nasional perlu ditingkatkan lagi bagi mengikis semangat kenegerian yang sempit dikalangan penduduk negara ini. Pihak tertentu yang tidak ingin melihat negara ini aman dan bersatupadu akan mengeksploti isu ini untuk kepentingan mereka tanpa mengambilkira tentang akibatnya terhadap keharmonian negara. Kegagalan mengujudkan integrasi nasional yang tulen menyebabkan perpecahan wilayah seperti yang berlaku di negara jiran Timur Timor, Indonesia.

#### 4.5. Isu Penagihan Dadah

4.5.1. Seramai 178,902 orang terlibat dengan penagihan dadah di negara ini semenjak 1970 hingga Jun 1996. Dari jumlah tersebut 118,837 orang adalah penagih berulang dan sehingga 1 Julai 1996 seramai 15,722 orang penagih sedang menjalani proses pemulihan di 28 pusat serenti di seluruh negara. Selain dari itu, 765 orang pula menjalani latihan di 40 Pusat Jagaan Lanjutan seluruh negara. Penagihan dadah mempunyai kaitan yang rapat dengan sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS) yang menyerang 16,744 orang sehingga Julai 1996. Dari jumlah tersebut, lebih 50% adalah berumur bawah 29 tahun.

#### **4.6. Tindak-Tanduk NGO's Dalam Negeri**

4.6.1. Tindak tanduk pertubuhan tertentu bukan kerajaan (NGO's) dalam negeri membangkitkan apa yang mereka sebut isu alam sekitar dan hak asasi manusia di negara ini kian menonjol. Kerajaan digambarkan tidak mempedulikan kepentingan memelihara alam sekitar dan hak asasi manusia serta membelakangkan hak dan kepentingan kaum minoriti. Impaknya kepada imej negara adalah negatif dan membantut usaha memperluaskan pasaran dan perdagangan antarabangsa Malaysia.

#### **5 Ancaman dari luar:**

##### **5.1. Tuntutan Keatas Wilayah Malaysia dan Tuntutan Bertindih**

5.1.1. Di antara isu yang membawa kesan secara langsung kepada Malaysia ialah kemungkinan negara-negara lain menggunakan kekerasan untuk memperkuuhkan tuntutan bersabit soal wilayah dan sempadan. Dalam hubungan ini, tuntutan kedaulatan wilayah Malaysia bersabit Pulau Batu Putih oleh Singapura, Pulau Sipadan dan Ligitan oleh Indonesia dan kawasan

Limbang oleh Brunei serta Sabah oleh Filipina akan kekal sebagai "flash point" yang perlu diberi perhatian.

## 5.2. Persaingan Politik, Ekonomi dan Persenjataan Dikalangan Negara Jiran

5.2.1. Aspek Politik - Kewibawaan pucuk kepimpinan negara memperjuangkan hak-hak dan kepentingan dunia ketiga telah menimbulkan perasaan "kurang senang" dikalangan pemimpin tertentu serantau dan di peringkat antarabangsa.

5.2.2. Aspek Ekonomi - Dalam usaha mempertingkatkan kemajuan ekonomi masing-masing, negara-negara di rantau ini terus saling menyaangi di bidang perdagangan dan ekonomi walaupun ada usaha bertujuan meningkatkan kerjasama melalui Forum Dua Hala dan pembentukan kawasan pertumbuhan segi tiga. Persaingan ini ketara dalam aspek pasaran keluaran utama negara, bidang perkhidmatan dan promosi pelaburan asing.

5.2.3. Aspek Persenjataan - Semenjak Perang Dingin tamat, negara-negara di rantau Asia Pasifik sedang mempertingkatkan keupayaan pertahanan serta persenjataan masing-masing. "Military procurement lists" angkatan bersenjata masing-masing

menjadi semakin panjang dan menarik perhatian pembekal-pembekal senjata dari seluruh dunia.

### 5.3. Masalah Dengan Negara Jiran

5.3.1. Masalah Persempadanan antara Kerajaan Malaysia dengan Indonesia

5.3.2. Masalah Tuntutan Bertindih antara Kerajaan Malaysia dengan beberapa negara Asean di Kepulauan Spratly, Pulau Sipadan dan Ligitan dengan Indonesia dan Pulau Batu Putih dengan Singapura.

5.3.3. Pencerobohan oleh pihak asing di kawasan-kawasan sempadan dan perairan negara serta dakwaan pencerobohan penduduk tempatan di kawasan-kawasan perbatasan negara jiran.

5.3.4. Campur tangan asing terhadap perkembangan politik semasa di negara ini dan serangan terhadap sistem perundungan negara.

5.3.5. Masalah penyeludupan barang-barang ataupun orang secara haram.

5.3.6. Limpahan masalah dari negara jiran seperti masalah jerebu dan masalah pencemaran alam sekitar seperti pembuangan sisa-sisa minyak di perairan negara.

#### 5.4. Tindak-Tanduk NGO's Antarabangsa

5.4.1. Kebanyakan NGO's antarabangsa diwujudkan atau diperalatkan oleh kuasa Barat untuk memelihara kepentingan mereka melalui pelbagai strategi termasuk mengenakan tekanan ke atas negara sedang membangun. Mereka mengeksploit isu alam sekitar dan isu hak asasi manusia termasuk hak kaum minoriti yang didakwa kononnya di tindas oleh Kerajaan. Kesan tindak-tanduk mereka ini dapat dilihat dari tekanan berupa pemulauan penggunaan kayu-kayu tropika dari Malaysia serta pengenaan tarif-tarif tertentu terhadap keluaran Malaysia.

#### 5.5. Ancaman Lanun

5.5.1. Ancaman lanun di Selat Melaka dan di Laut Sulu jika dibiarkan berleluasa akan menjelaskan ekonomi dan keselamatan negara.

## **Kebangkitan Kuasa-Kuasa Serantau**

5.6. Semenjak Russia (dulu USSR) berundur dari Vietnam dan Amerika Syarikat mengurangkan kehadiran tentera mereka di rantau ini, Republik Rakyat China (PRC) dan India kini dilihat sedang mempertingkatkan keupayaan ketenteraan dan kehadiran masing-masing di Lautan Hindi dan Laut China Selatan. Perkembangan ini diperhati dengan penuh minat oleh negara rantau ini kerana ia boleh membawa kepada persaingan ketenteraan.

## **Pergolakan Serantau**

5.7. Pergolakan di negara-negara serantau seperti isu Spratly, konflik India-Pakistan, masalah dua China (Taiwan-RRC), masalah dua Korea (Utara-Selatan), perkembangan di Timur Tengah dan perkembangan di Indonesia akan sedikit sebanyak menjelaskan kestabilan rantau ini serta kestabilan negara.

## **Menangani Cabaran Dalam Negeri**

6 Negara ini mempunyai 'frame work' serta undang-undang untuk menghadapi sebarang ancaman yang timbul kerana setiap tindakan yang diambil adalah berdasarkan undang-undang yang telah digubal serta diluluskan di

parlimen melalui proses demokrasi. Undang-undang wujud kerana adanya sebuah Kerajaan yang kuat dan stabil.

7. Dasar-dasar yang dibentuk samada dasar ekonomi, sosial, pembangunan atau pertahanan adalah bertujuan untuk kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Rakyat berdiri teguh dibelakang Kerajaan dalam menghadapi ancaman luar walaupun terdapat perbezaan fahaman politik.
8. Negara ini juga mempunyai mekanisma menyeluruh dan berkesan untuk menghadapi masalah keselamatan daripada peringkat tertinggi (Pusat) hingga ke peringkat daerah dan kampung. Sebarang masalah yang timbul dapat diatasi diperingkat awal (akar umbi).
9. Masalah-masalah berkaitan politik disalurkan melalui saluran dan jentera politik yang sedia ada dan mengambil kira kepentingan semua pihak. Setiap keputusan yang dibuat adalah secara bersama.
10. Rakyat negara ini juga mempunyai sikap toleransi yang tinggi serta saling menghormati diantara satu sama lain walaupun mempunyai perbezaan yang luas dari segi bangsa, suku kaum, ugama dan kepercayaan.
11. Negara ini juga mempunyai jentera awam yang berkesan dan berwibawa yang dapat menguruskan keselamatan negara apabila keadaan memerlukan

umpamanya dalam keadaan darurat jentera Kerajaan masih dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan.

12. Dasar Kerajaan seperti dasar pendidikan negara telah digubal sebegini rupa sehingga berjaya menyatupadukan rakyat yang mempunyai berbagai latarbelakang dan terdiri daripada pelbagai suku kaum dan asal usul.

### Menangani Cabaran Luar

13. Dasar dan strategi pertahanan negara digubal begitu rupa untuk mempastikan ianya berupaya menangkis sebarang cabaran yang datang dari luar melalui peningkatan dan modenisasi pasukan keselamatan serta melalui kerjasama pertahanan dengan negara-negara tertentu.

14. Negara ini juga mengamalkan dasar luar berbaik-baik dengan negara jiran dan tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain.

15. Sebagai anggota PBB, negara ini adalah komited terhadap 'charter' badan dunia tersebut ke arah keamanan sejagat.

16. Pendekatan melalui persefahaman dan kerjasama antarabangsa dijadikan landasan ke arah kebaikan bersama.

### **Peranan Orang Ramai**

17. Keselamatan negara adalah merupakan tanggungjawab bersama yang perlu ditangani secara bersepada dan memerlukan penglibatan setiap lapisan masyarakat.
  
18. Rakyat harus memahami tentang nikmat daripada kedudukan negara yang aman damai serta perpaduan yang wujud dikalangan mereka. Sikap muhibbah dan persefahaman haruslah dipupuk dikalangan rakyat bermula daripada bangku sekolah lagi. Rakyat juga harus bekerjasama dalam membantu usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan dalam mewujudkan sebuah negara yang aman dan maju dalam bidang ekonomi dan pembangunan. Oleh itu rakyat hendaklah menggunakan kebijaksanaannya dalam memilih sebuah Kerajaan yang berwibawa.

### **Penutup**

19. Keselamatan negara tidak harus dilihat dari aspek ketenteraan dan penguatkuasaan undang-undang semata-mata tetapi ianya melibatkan semua pihak dan perlu ditangani secara terselaras dan bersepada melalui usaha-usaha dalaman serta melalui saluran diplomatik dan kerjasama dengan negara luar samada secara dua hala ataupun melalui pendekatan serantau.

**Pasukan Petugas Khas Persekutuan (S/L)**  
**Bahagian Keselamatan Negara**  
**Jabatan Perdana Menteri.**

**Singapura Dalam Malaysia, 1963 -1965**

oleh

**Prof. Madya Dr. Nik Anuar Nik Mahmud**

**Sesi 2 Trek 3**

SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN  
KEMERDEKAAN MALAYSIA

SINGAPURA DALAM MALAYSIA, 1963-1965

Nik Anuar Nik Mahmud  
Jabatan Sejarah  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi

Singapura pernah menjadi sebahagian daripada Malaysia. Walau bagaimanapun, penyertaan Singapura dalam Malaysia telah menimbulkan pelbagai masalah. Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, menganggap kehadiran Singapura seumpama 'duri dalam daging'. PAP bukan sahaja menyinggung perasaan orang-orang Melayu dengan kempen 'Malaysian Malaysia' malah telah juga membuat pakatan dengan parti-parti pembangkang untuk menjatuhkan Perikatan. Selepas dua kali rusuhan berlaku di Singapura pada tahun 1964, Kerajaan Persekutuan tidak ada pilihan. Demi keharmonian negara dan integriti wilayah Malaysia, pada 9 Ogos 1965 Singapura dengan rasminya dipisahkan dari Malaysia. Kertas kerja ini akan membicarakan bagaimana Singapura menyertai Malaysia dan perkembangan yang membawa kepada pemisahannya pada bulan Ogos 1965. Turut dibincangkan ialah tentang peranan yang dimainkan oleh British dalam menjayakan penyertaan Singapura dalam Malaysia serta sikapnya dalam krisis Kerajaan Pusat dengan Singapura hingga membawa kepada perpisahan.

## I

Singapura atau Temasik, nama lamanya, pada asalnya adalah sebahagian daripada empayar Johor-Riau-Lingga tetapi pada awal abad ke-19 pulau itu telah diserah oleh Sultan Hussin kepada Sir Stamford Raffles. Pada ketika koloni-koloni British di negeri Selat, iaitu Melaka dan Pulau Pinang dicantumkan dengan Kesatuan Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua, Singapura kekal sebagai koloni diraja. Semenjak itu Singapura berkembang secara herasingan dari Semananjung.

Singapura telah mencapai kemajuan perlombagaan secara berperingkat-peringkat bermula dari tahun 1955 hingga 1959. Di bawah peruntukan *Singapore Colony Order in Council (1955)*, Singapura telah mencapai status pemerintahan sendiri. Pemimpin-pemimpin politik koloni itu sedar bahawa lambat laung Singapura akan mencapai kemerdekaan. Menyedari bahawa Singapura tidak mampu berdiri sendiri, maka parti-parti utama di Singapura berhasrat untuk melihat Singapura bercantum dengan Tanah Melayu.

Pada tahun 1958, Singapura telah diberikan Perlombagaan baru yang memberi taraf pemerintahan sendiri penuh, kecuali dalam bidang pertahanan dan hubungan luar yang mana masih berada di bawah tanggungjawab British. Di bawah perlombagaan baru itu, Singapura akan diketuai oleh seorang Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Yang di Pertuan Negeri. Dalam pilihanraya tahun 1959, *People's Action Party* atau PAP telah mencapai kemenangan besar, iaitu memperolehi 43 daripada 51 kerusi. Lee Kuan Yew telah dipilih sebagai Perdana Menteri.

Seperti juga dengan pemimpin-pemimpin lain, Lee Kuan Yew berhasrat untuk melihat Singapura bebas daripada belenggu penjajahan British. Bagaimanapun Lee sedar bahawa kerajaan British tidak akan memberi kemerdekaan kepada Singapura kecuali melalui percantuman dengan Persekutuan Tanah Melayu. Kerajaan British mahu pastikan kepentingannya di Singapura sama ada dari segi ekonomi ataupun ketenteraan akan tetap terjamin selepas koloni itu mencapai merdeka. Lee Kuan Yew juga sedar bahawa Singapura tidak boleh hidup dengan sendirinya. Kalau Singapura menjadi sebuah negara yang merdeka dan tidak bercantum dengan negara-negara lain, dijangka kedudukan ekonomi dan keselamatan Singapura mungkin terancam. 'Dengan tiada perchantuman',

tegas Lee Kuan Yew, 'maka kedudukan ekonomi kita akan perlahan2 merosot'.<sup>1</sup> Tetapi hasrat dari Singapura itu tidak mendapat sambutan dari kerajaan Perikatan. Ini kerana percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu akan menyebabkan kedudukan orang Melayu akan terancam dari segi bilangan penduduk. Singapura mempunyai penduduk bukan Melayu yang ramai jumlahnya, lebih kurang 80%, kalau mereka ini dicampurkan dengan penduduk bukan Melayu di Tanah Melayu, maka golongan yang bukan Melayu akan menjadi golongan yang terbesar.

Kepentingan percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu semakin ketara apabila pengaruh golongan kiri bertambah kuat. Kekalahan PAP dalam pilihanraya kecil Hong Lim dan Anson pada awal tahun 1961 telah mencemaskan pihak British. Bagi British, kerajaan PAP pimpinan Lee adalah 'probably the best government we are only to get'.<sup>2</sup> Pihak British merasa kuatir kalau-kalau keadaan sedemikian dibiarkan, maka golongan kiri mungkin dapat berkuasa di Singapura. Pada masa itu kerajaan British telah merancangkan bahawa di pertengahan tahun 1963, perlembagaan Singapura akan dipinda untuk membolehkan Singapura menjadi sebuah negara yang merdeka. Mengikut perkiraan kerajaan British, kalau pilihanraya diadakan di Singapura pada pertengahan tahun 1963 maka besar kemungkinan golongan kiri di Singapura akan dapat berkuasa di Pulau itu. Dengan itu tidaklah hairan apabila Geoffrey Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, telah diarah oleh Pejabat Tanah Jajahan supaya menyayinkan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, tentang peripentingnya percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu bagi mengelakkan pulau itu daripada dikuasai oleh puak Komunis.

Dalam pertemuan dengan Tunku, Tory mengingatkan bahawa sekiranya satu kerajaan yang mirip ke kiri wujud di Singapura maka gerakan Komunis di Tanah Melayu mungkin akan mendapat sokongan dari Singapura. Malah Tory memberitahu Tunku bahawa Lim Chin Siong, seorang pemimpin golongan kiri, kerana yakin bahawa PAP akan tumbang, telah berjumpa dengan Lord Selkirk, Pesuruhjaya Tinggi, bagi mendapatkan jaminan bahawa kiranya PAP tumbang dan parti baru mengambil alih, kerajaan British tidak akan mengantung perlembagaan sebaliknya membenarkan parti berkenaan memerintah. Oleh kerana itu, satu-satunya cara untuk membendung perkembangan politik yang tidak sihat di Singapura ialah dengan mengadakan percantuman Singapura dengan Tanah Melayu.

Usaha Tory itu menghasilkan buah. Beberapa hari selepas itu, Tunku memanggil Lee Kuan Yew ke Kuala Lumpur untuk berbincang soal masa depan Singapura. Pertemuan itu berlangsung pada 23 April 1961. Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail, Menteri Dalam Negeri, dan Goh Keng Swee, Menteri Kewangan Singapura. Pada pandangan Tunku, satu-satunya cara untuk mengatasi 'masalah Singapura' ialah dengan mengadakan percantuman bukan sahaja dengan Singapura tetapi juga dengan wilayah-wilayah di Borneo seperti Sarawak, Sabah dan Brunei. Tunku telah meminta Lee Kuan Yew menyiapkan kertas cadangan mengenai 'Grand design'. Lee Kuan Yew menganggap pertemuan itu sebagai 'a breakthrough'.

Dalam beberapa hari sahaja Lee Kuan Yew, dengan dibantu oleh pegawai-pegawai British, telah menyiapkan sebuah kertas kerja bertajuk 'Paper on the future of the Federation of Malaya, Singapore and the Borneo territories'.<sup>3</sup> Kertas itu mengemukakan dua alternatif. Alternatif pertama mencadangkan setiap wilayah mencapai taraf kemerdekaan secara berasingan manakala alternatif kedua mencadangkan ketiga wilayah itu bercantum dalam satu gagasan. Kertas itu berpendapat bahawa alternatif pertama tidak sesuai kerana selepas mencapai kemerdekaan kemungkinan

Singapura akan dikuasai oleh sebuah parti yang pro-Komunis. Kertas itu berpandangan bahawa alternatif kedua adalah yang terbaik bagi menyelesaikan masalah tiga wilayah itu.

This is the most satisfactory solution for the peoples of the three territories and also one which the British could accede to. It would also preserve the common economic, social and political ties that have existed between these territories as part of a common Empire in this region. But in working out the constitutional arrangements, care must be taken not to upset the sense of security and stability of the people of the Federation of Malaya, nor to arouse fears among the peoples of the Borneo territories that they are being swamped by more active and sophisticated people from the big cities of Singapore and the Federation.

Kertas itu telah dikaji dengan teliti oleh Tunku Abdul Rahman dan penasihat-penasihatnya. Pada 27 Mei 1961, Tunku telah mengemukakan cadangannya tentang gagasan Malaysia dalam ucapan bersejarahnya di Kelab Wartawan di Singapura. Menurut Tunku :

Sebagai satu bangsa, Malaya hari ini sedar bahawa dia tidak dapat berdiri sendiri dan hidup bersendirian. Di luar bidang politik antarabangsa, maka politik kebangsaan kita hendaklah didasarkan pada konsep yang luas. Lambat laun Malaya akan dapat mencari persefahaman dengan British dan dengan rakyat-rakyat di wilayah Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.<sup>4</sup>

Pada 26 Jun 1961 Tunku telah mengemukakan satu memorandum kepada Perdana Menteri British, Harold MacMillan.<sup>5</sup> Memorandum itu membahaskan cara-cara bagaimana hendak mengintegrasikan wilayah Borneo Utara dan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Sebagai langkah awal, Tunku mencadangkan supaya Brunei, Borneo Utara dan Sarawak menyertai Persekutuan dengan mempunyai hak dan keistimewaan yang sama dengan negeri-negeri lain di Persekutuan Tanah Melayu. Penyertaan Singapura sebagai anggota Persekutuan itu hanya akan berlaku selepas proses integrasi wilayah Borneo dengan Persekutuan Tanah Melayu. Tunku mencadangkan agar rundingan kemasukan Singapura diadakan sebelum perlombagaan negeri itu dijaki pada pertengahan tahun 1963. Pada pandangan Tunku, perubahan Persekutuan besar ini adalah penting bagi menyekat perkembangan pengaruh Komunis di Asia Tenggara terutama sekali selepas kejayaan Komunis di Laos.

Dalam jawapannya pada 3 Ogos 1961, MacMillan menganggap cadangan Tunku itu sebagai konstruktif kerana ia menyumbang ke arah menstabilkan keadaan di Asia Tenggara.<sup>6</sup> Namun begitu, beliau memerlukan masa untuk meneliti memorandum tersebut, terutama yang menyentuh dengan soal pertahanan dan kedudukan wilayah Borneo. Seterusnya MacMillan mencadangkan supaya Tunku dan Lee Kuan Yew datang ke London untuk berbincang mengenai isu tersebut.

Semasa menerima surat Perdana Menteri British daripada Pesuruhjaya Tinggi British Geoffrey Tory, Tunku mengingatkan bahawa belum tidak akan menerima Singapura kecuali dalam kerangka 'Greater Malaysia'.<sup>7</sup>

His Malays would never forgive him if he were by connection with Singapore alone to create at any time a Chinese majority in the two territories. To press him to agree to some bilateral arrangement with Singapore in the short term was to invite him to do great political damage to himself.

Mengulas kenyataan Tunku itu, Tory memaklum kepada MacMillan bahawa 'I know Tunku's present intention is to tell Lee plainly that Federation will have none of Singapore by itself and that it is all of Greater Malaysia or nothing'.

Dalam surat susulannya kepada Harold Macmillan pada 11 Ogos 1961, Tunku mengulas dengan agak panjang tentang percautuman Singapura dengan Tanah Melayu.<sup>8</sup>

As you know, the question of the integration of Singapore and the Federation is not a new one; indeed since independence, the idea of merger, to give its popular name, has been constantly mooted, but I have stood against it because of my fear that communal politics of Singapore based on Chinese chauvinism would upset the balance of political thinking in the Federation, and destroy our hopes for the peace and well-being and harmony of our peoples. The politics of this region, however, would not allow for isolation and the idea of greater co-operation and association between the Borneo territories, Singapore and the Federation has been exercising my mind for some considerable time.

While I agree that the pace for such a development should not be forced, I am at the same time most concerned about the Communist threat in Singapore which becomes more menacing as time goes on, and I feel very strongly that before long the question of the future of Singapore will have to be settled. I am convinced that an independent Singapore will be drawn towards China; unless that is forestalled, it is needless for me to say the Federation, as well as the region, will be exposed to grave dangers.

If we are to take in Singapore, it would be necessary first to strengthen our position, and we can only do that if the three territories of Borneo join us. This would provide a measure of such confidence in our people and would correct the imbalance in the population. The Malays and the Dayaks are of the same racial origin while the Chinese in those territories have not as yet been seriously penetrated by Chinese Communist politics. Without the Borneo territories I would find it impossible to contemplate the integration of Singapore and the Federation and to persuade my political colleagues and the country to accept it.

You were right, of course, in emphasizing that the Borneo territories should be associated under the proposed arrangements only as a free and willing partners. I have no doubt that once they are persuaded that such a merger would be in their interest, they would only be happy to join us. The difficulties to which you have referred are no more serious than those which existed in the Federation before independence. They are purely parochial and create no insuperable barrier. These susceptibilities and demands can be met and provided for under the Federation Constitution, and assurances to that effect will, I think, satisfy the territories concerned.

Sementara itu, pertemuan telah berlangsung antara Tunku dengan Lee Kuan Yew di Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1961 untuk membincang soal pungutan suara di Singapura dan cadangan surat Tunku kepada MacMillan. Tunku bersetuju dengan cadangan Lee untuk mengadakan pungutan suara dan mencadangkan supaya ia diadakan dalam kadar yang segera. Di akhir perbincangan, satu kenyataan akhbar telah dikeluarkan.

The Federation and Singapore leaders had a full and frank exchange of views on the situation in Singapore vis-a-vis the Federation, in particular on the question of merger and the various implications arising from the subject.

Among many matters examined was the question of Federation responsibility for defence, external matters and security. The Singapore Prime Minister laid particular stress on the necessity of Singapore's retaining local autonomy, especially on matters of education and labour.

Both Prime Ministers have agreed in principle on these proposals. They have also agreed that a working party should be set up to go into the overall financial and other implications arising out of arrangements whereby local autonomy is retained by Singapore on agreed matters, and to consider the financial contribution Singapore would be required to make to the National Government.<sup>9</sup>

Pada 6 September 1961, Tunku telah mengirim surat itu kepada MacMillan meminta supaya kerajaan British menubuhkan sebuah Jawatankuasa kerja bagi meneliti gagasan itu.<sup>10</sup> Tunku mengingatkan bahawa kiranya perkara itu tidak dibincang segera kemungkinan ia tidak akan dapat dilaksanakan selama-lamanya.

Menjawab surat Tunku, MacMillan menyatakan bahawa beliau memerlukan masa untuk meneliti implikasi rancangan Malaysia. Beliau juga perlu pastikan bahawa idea Malaysia itu mendapat sokongan Parlimen British dan penduduk-penduduk di Borneo sebelum sebarang keputusan dibuat tentangnya.

Jawapan MacMillan itu tidak memuaskan Tunku. Dalam suratnya kepada MacMillan pada 28 September, Tunku mengingatkan Perdana Menteri British bahawa

... as far as my Government is concerned the main reason for the merger of the Borneo territories is to prevent Singapore from falling into the hands of the Communists, which we are sure would happen if she were to be given independence. With the exception of the Communist elements and their proxies all Singapore politicians realise that in such an event disaster would follow which will affect the rest of South East Asia. I have emphasised that my Government would not be able to carry the idea of merger of Singapore unless the Borneo territories are merged with the Federation as well.

... Mr Lee Kuan Yew is worried about his position and the future of Singapore but I am afraid I cannot help him much until I have received a firm answer from you about the transfer of the sovereignty over the Borneo territories to the Federation.<sup>13</sup>

Pada 4 Oktober 1961, MacMillan menjawab surat Tunku. MacMillan menegaskan sokongan kerajaan British terhadap Gagasan Malaysia yang akan merangkumi Tanah Melayu, Singapura dan tiga buah wilayah British di Borneo.

I agree with you that there would be great dangers to stability in the area as a whole and in Singapore in particular if the present opportunity is let slip. It is therefore urgent that you and we should consider jointly what means are best calculated to achieve our objectives as quickly as may be possible.<sup>11</sup>

Bagi memuaskan kehendak Tunku, MacMillan telah mengeluarkan kenyataan rasmi pada 13 Oktober 1961.

Tunku Abdul Rahman, Prime Minister of the Federation of Malaya, has accepted an invitation from the Prime Minister to come to London early in November for exploratory talks about the Tunku's suggestion for a closer future association between the Federation, Singapore, North Borneo, Brunei and Sarawak.

These discussions will naturally take into account the proposals published recently in Singapore and Malaya for a merger of these two territories.

Her Majesty's Government have welcomed Tunku Abdul Rahman's constructive proposals which would bring the Federation of Malaya, Singapore, Brunei, North Borneo, and Sarawak into close political and economic association. Obviously this idea has great possibilities for the well-being of all territories involved. The many important implications of such a far-reaching scheme as well as its form and timing need careful consideration. The object of the discussions with Tunku Abdul Rahman is to reach an understanding with him on the broad issues and to prepare the way for consultation with the Borneo territories, without which no commitment can be entered into.<sup>12</sup>

Keputusan MacMillan untuk mengadakan rundingan di London memuaskan Tunku. Dalam suratnya kepada MacMillan pada 8 Oktober 1961, Tunku mengingatkan bahawa 'the essential point is the transfer of British sovereignty over North Borneo Territories to Malaya for the

Federation of Malaysia and this should be done before or at least simultaneously with the merger of Singapore'.<sup>13</sup> Tambahnya lagi:

I am deeply appreciative of the personal interest you have taken in what may be regarded as a matter for common endeavour. There are difficulties which we must resolve arising out of anxieties of people of these Territories. However, this is nothing new as we had to go through all these difficulties ourselves before independence. Much of these fears can be removed if the advantages rather than the disadvantages could be emphasised and the British Government would unreservedly commend the proposal of Malaysia to the Borneo Territories. Of course, the ideal way would be to seek the opinions and views of responsible people there but as you have already acknowledged we do not have this much time at our disposal. I am sure you agree that we have to resort to the process of telescoping time by some crash programme. But such bold steps will I am certain prove advantageous.

As you are already aware we have to reckon with the fact that the status of Singapore would be the subject of review in 1963. It cannot be ruled out that Mr. Lee Kuan Yew's Government might not last long and a general election might perhaps return a Government not so well disposed towards the merger of Singapore with the Federation or vice versa. This is therefore makes me feel that we cannot wait for 1963 but that Malaysia should be brought into being as early as reasonably convenient to both our Governments. Hence my anxiety that there should be a firm commitment on the part of the British Government now in the belief that a delay might defeat our common objective.

Pada 16 Oktober 1961 Tunku mengemukakan usul di Parlimen tentang gagasan Malaysia. Tunku meminta Parlimen memberi persetujuan secara prinsip terhadap konsep Gagasan Malaysia serta mengesahkan usaha Kerajaan untuk menjayakannya.

Semasa berucap dalam Persidangan UMNO pada 4 November, Tunku memberi jaminan bahawa rundingan di London akan berjaya. Walau bagaimanapun, Tunku menjelaskan bahawa kerajaan British perlu terlebih dahulu mendapatkan pandangan penduduk-penduduk seperti yang dituntut oleh Piagam Pertubuhan Bangsa Bersatu.

Pada 11 November 1961 Kerajaan Singapura telah mengeluarkan kertas Putih. Kertas itu menggariskan rangka perlombagaan yang digubal oleh sebuah Jawatankuasa Kerja bersama Tanah Melayu-Singapura.

Seperi yang diputuskan oleh Tunku, rombongan Malaysia yang dipimpin oleh beliau sendiri telah bertolak ke London pada 16 November 1961. Turut serta dalam rombongan itu ialah Tun Abdul Razak, Tan Siew Sin, Muhammad Ghazali Shafie, Setia Usaha Tetap Kementerian Luar dan Kadir Samsuddin, Ketua Setiausaha Negara.

Rundingan telah berlangsung antara Tunku dengan Perdana Menteri British MacMillan di London pada 19 hingga 21 November 1961. Tunku menghuraikan kandungan Kertas Putih tersebut yang mana memperakui kedudukan istimewa Singapura berbanding dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan itu. Setiausaha bagi Hal Ehwal Komonwel menanya Tunku tentang apa akan berlaku kepada cadangan percantuman sekiranya kerajaan PAP tumbang. Tunku menjawab dengan nada positif bahawa dengan sokongan wakil Parti Perikatan dan Parti Perikatan Singapura, kerajaan PAP mampu untuk bertahan sehingga pilihanraya umum pada tahun 1963. Sungguhpun begitu, beliau tidak menolak kemungkinan PAP akan tumbang memandangkan ia hanya mempunyai majoriti yang kecil di Majlis Mesyuarat Legislatif. Justeru itu, tegas Tunku, rancangan pembentukan 'Greater Malaysia' perlu disegerakan.

Rundingan itu mencapai persetujuan untuk menubuhkan Suruhanjaya Penyiasat bagi meninjau pandangan penduduk-penduduk di Borneo terhadap cadangan Malaysia. Suruhanjaya ini akan dipengerusi oleh seorang penggerusi yang akan dilantik bersama oleh kedua kerajaan dan

menggandungi empat orang ahli; Laporan Suruhanjaya ini akan menjadi asas kepada kedua kerajaan untuk memutuskan skema Persekutuan itu.

Pada 23 November 1961, Perdana Menteri MacMillan dan Tunku telah mengeluarkan kenyataan bersama.

In a series of meetings in London this week British and Malayan Ministers examined the proposal to create a 'Federation of Malaysia' which would embrace the Federation of Malaya, Singapore, North Borneo, Sarawak and Brunei.

In the light of a full study of the problem which has been going on for some months, the British and Malayan Governments are convinced that this is a desirable aim.

The Ministers took note with satisfaction of the heads of agreement recently negotiated between the Governments of Malaya and Singapore for the merging of the State of Singapore with the Federation.

Before coming to any final decision it is necessary to ascertain the views of the peoples of North Borneo and Sarawak. It has accordingly been decided to set up a Commission to carry out this tasks and to make recommendations. The Commission will be composed of a Chairman and four members, two nominated by the British Government and two by the Malayan Government. In the light of the Commission's report the two Governments will decide what further steps should be taken.

At the same time the views of the Sultan of Brunei are being sought.

In regard to defence matters it was decided that, in the event of the formation of the proposed Federation of Malaysia, the existing Defence Agreement between Britain and Malaya should be extended to embrace the other territories concerned. It was, however, agreed that the Government of the Federation of Malaysia will afford to the Government of the United Kingdom the right to continue to maintain bases at Singapore for the purpose of assisting in the defence of Malaysia, and for Commonwealth defence and for the preservation of peace in South East Asia.<sup>17</sup>

Persetujuan London telah disambut dengan sinis oleh parti-parti pembangkang di Singapura. Barisan Sosialis menganggap percantuman Singapura dengan Tanah Melayu sebagai 'honeymoon-merger' sebaliknya mereka menuntut percantuman sepenuhnya atau *full merger*. Kegiatan Barisan Sosialis dan sekutu-sekutunya itu dipandang serius oleh Lee Kuan Yew dan Tunku. Mereka bimbang kempen pemimpin Barisan Sosialis dan puak kiri itu, kiranya tidak dibendung, akan mempengaruhi rakyat Singapura supaya menentang percantuman malah memungkinkan juga tumbangnya kerajaan PAP sebelum percantuman berlaku. Barisan Sosialis merupakan cabaran terbesar kepada PAP. Parti itu mempunyai 17 kerusi di Dewan Perwakilan. Kekalahan PAP dalam pilihanraya kecil di Hong Lim dan Anson menunjukkan bahawa PAP kemungkinan akan menghadapi kesukaran untuk mempertahankan kuasanya dalam pilihanraya akan datang. Persoalan ini telah menjadi perbahasan hangat antara Tunku, Lee dan pegawai-pegawai British.

Dalam menghadapi gerakan Barisan Sosialis, kempen pro-Malaysia telah dipertingkatkan di Singapura. Lee Kuan Yew telah melancarkan kempen 'perjuangan untuk percantuman' dengan besar-besaran melalui radio dan media massa. Lee telah menggunakan faktor keselamatan dan ancaman komunis sebagai senjata untuk mempengaruhi rakyat Singapura supaya menyokong rancangannya itu.

Tunku dan pemimpin-pemimpin persekutuan juga turut menjalankan kempen. Dalam menghadapi kemungkinan ini, Tunku dalam kempennya mengingatkan penduduk-penduduk Singapura bahawa sekiranya mereka tidak menyokong PAP dan menolak percantuman Singapura dengan semenanjung melalui gagasan Malaysia, beliau tidak teragak-agak untuk

menutup *causeway* bagi menghalang anasir-anasir komunis menyelusup masuk ke Semenanjung.

Tindak tanduk pemimpin-pemimpin Sosialis dan Komunis dalam kempeta anti-Malaysia amat membimbangkan Tunku dan Lee. Dalam menghadapi tindak tanduk pemimpin-pemimpin Sosialis dan Komunis itu, Lee telah mengambil kesimpulan untuk mengambil tindakan ke atas mereka, khususnya Lim Chin Siong, Setiausaha parti Barisan Sosialis. Lee mendesak Tunku supaya bertindak ke atas pemimpin-pemimpin tersebut sebelum pilihanraya umum pada tahun 1964.

Lord Selkirk, Pesuruhjaya Tinggi British, bagaimanapun tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Tindakan sedemikian pada pandangan Selkirk akan memberi peluang kepada Komunis untuk mencetuskan kekacauan serta memberi gambaran kepada umum seolah 'Malay repression of the Chinese and so serve as a rallying point to unite opinion in left wing and trade union organisations against merger'. Selain dari itu, pihak keselamatan juga tidak dapat membuktikan 'any communists during the last three years. Evidence on which to base repressive action is therefore almost totally lacking'.

Pandangan Selkirk itu disokong kuat oleh Pejabat Tanah Jajahan. Dalam notanya kepada Setiausaha bagi Tanah Jajahan, Pejabat Tanah Jajahan berpendapat bahawa:

It seems to us on the other hand that such action would have the very opposite effect to that which the Malaysians wish, and that the best hope of achieving Merger peacefully lies in keeping the local political temperature down, by denying the Barisan Sosialis any opportunity for provoking communal strife and by avoiding action which might cement the opposition to Merger.<sup>18</sup>

Pada 14 Mei, Lee telah mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Tanah Jajahan tentang ancaman puak sosialis dan komunis di Singapura. Lee bercadang untuk mengambil tindakan sebelum Singapura menyertai Malaysia, iaitu semasa British masih lagi bertanggungjawab ke atas pulau itu. Beliau bercadang untuk menghantar pulang ke Persekutuan lebih kurang 15 atau 20 orang pemimpin-pemimpin tersebut, termasuk Sydney Woodhull, Fong Swee Suan dan Dominic Puthucherry.<sup>19</sup>

Sementara itu, pada awal September 1962, David Marshall telah menghantar surat kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 6 Julai 1962 membantah cara pungutan suara itu diadakan serta menuntut supaya seorang pemerhati dihantar untuk meninjau pungutan suara di Singapura.<sup>20</sup>

It is in this context and in the light of Resolution 1514(XV) of the United Nations which states that transfer of sovereignty must be in accordance with the will of the people freely expressed, that we appeal to you to take cognisance of the fact that the manner in which the United Kingdom will be seeking to transfer sovereignty over Singapore is not in accordance with the will of the people freely expressed, that in fact it is making arrangements with a minority government which has lost the confidence of the people and it will be transferring sovereignty in accordance with the results of a completely fraudulent referendum.

The people of Singapore through the nineteen elected representative signatories to the letter herewith attached, two of whom have been returned in two by-elections, appeal to the United Nations and its Committee on Colonies, to send an observer to Singapore on a basis of urgency in order to ascertain the true position and to advise the nations of the world who are members of the United Nations of the perfidy which is sought to be perpetrated upon the subject people of Singapore through a dishonest referendum.

Tindakan David Marshall itu dipandang serius oleh pihak British. Mengulas tentang tindakan petisyen itu, Philip Moore, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura, berpendapat:

The significant thing about the Opposition's approach to the United Nations is that they are now trying to bring pressure on HMG as well as the Singapore Government. So far we have been successful in keeping out of the merger debate in Singapore but I think the time has come when it might be useful for HMG to make a statement which would lend support to Lee Kuan Yew's line merger is inevitable.<sup>21</sup>

Moore kemudiannya berbincang dengan Lee tentang tindakan Marshall. Lee bagaimanapun menegaskan bahawa 'he has nothing to fear from UN'. Tegasnya lagi: If Marshall or anyone else from Singapore goes to the UN; Lee will go also'.

Pejabat Tanah Jajahan menolak campurtangan PBB dalam kes Singapura dan dengan itu juga tidak bersetuju dengan cadangan Lee untuk pergi ke PBB. Ini kerana kerajaan British menganggap masalah Singapura sebagai masalah dalaman British. Jika sekiranya kes itu di bawa ke PBB, bukan sahaja isu perancuman dan pungutan suara tetapi projek Malaysia secara keseluruhan akan terjejas.

Although Federation, unlike Britain believe that United Nations did have right to concern themselves in colonial affair, nevertheless in case of Singapore they would take their stand if necessary against United Nations interferences on the grounds that merger had been decided on by people of Singapore through popularly elected Legislative Assembly.<sup>22</sup>

Walau bagaimanapun, cubaan untuk menghalang *Committee of 17* daripada campurtangan dalam urusan dalaman Singapura itu gagal. Pada bulan Julai 1962, perayu (petitioners) dan Lee Kuan Yew telah dipanggil oleh *Committee of 17* untuk disoal. Kecekapan Lee Kuan Yew mengemukakan hujah tentang sokongan penduduk Singapura terhadap cadangan menyertai Malaysia menyebabkan *Committee of 17* memutus tidak akan mengambil sebarang tindakan ke atas rayuan perayu. Bagi mengesahkan lagi keputusan Singapura untuk menyertai Malaysia, pungutan suara telah diadakan pada 1 September 1962.

Dalam pungutan suara tersebut, Lee Kuan Yew telah merayu supaya para pengundi mengundi syor PAP dengan mengatakan bahawa kemerdekaan Singapura tanpa di dalam Malaysia adalah merupakan satu bencana kepada sebuah pulau yang panjangnya 16 batu dan luasnya 24 batu disamping kedudukan pulau tersebut yang menghadapi masalah dalam kedudukan ekonomi.

Dalam pungutan suara itu, para pengundi telah dibenarkan menghantar undi kosong. Dalam hal ini, kerajaan Singapura mengatakan bahawa undi kosong ataupun undi rosak akan dikira sebagai undi untuk bergabung di dalam Malaysia.

Hasil pungutan suara itu ialah 71 peratus para pengundi telah mengundi menyokong formula PAP untuk bersatu dalam Malaysia. Dengan keputusan selesa itu, Lee Kuan tidak lagi menghadapi halangan untuk membawa masuk Singapura dalam Malaysia.

Tindakan puak kiri menyokong Parti Rakyat Brunei dalam perberontakan di Brunei pada awal Disember 1962 telah memberi alasan kepada Majlis Keselamatan untuk mengambil tindakan ke atas puak kiri. Mesyuarat bersetuju untuk mengambil tindakan ke atas 180 orang, termasuk Ahmed Boestaman dan Lim Kean Siew.<sup>23</sup> Mesyuarat juga bersetuju untuk mengharamkan Barisan Sosialis dan penerbitan sosialis - Plebian dan Barisan. Keputusan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan pada 15 Disember 1962.

Pada 4 Februari 1963, operasi menahan puak kiri telah dijalankan di Singapura. Seramai 113 orang aktivis puak kiri telah diletak dibawah tahanan Akta Keselamatan Negara. Lim Chin Siong telah diberi peluang meninggalkan Singapura tetapi beliau menolak. Dalam masa yang sama,

kerajaan Singapura telah mengeluarkan kenyataan tentang operasi penahanan itu.

The Committee therefore decided that in the interests of the defence and security of the peoples of Malaysia, action must be taken in Singapore concurrently with action in Malaya and Sarawak to ensure that this does not happen...<sup>24</sup>

Pada bulan Mac 1963, rundingan pusingan akhir telah bermula antara Kuala Lumpur dengan Singapura. Masalah utama ialah kewangan. Siapakah yang harus menguasai pendapatan Singapura selepas percantuman? Menurut Kuala Lumpur cukai Persekutuan di Singapura hendaklah dipungut oleh kerajaan Persekutuan dan segala pungutan cukai itu hendaklah dianggap sebagai pendapatan Persekutuan. Namun Singapura mahukan Kertas Putih mengenai percantuman ini menjelaskan bahawa pungutan demikian seharusnya dilakukan oleh jabatan-jabatan negara Singapura dan menggunakan hasil daripada pungutan itu, untuk memberi sumbangan kepada kerajaan Persekutuan berdasarkan perkhidmatan yang diberikan kepada Singapura. Kedua, bagaimana hendak membahagikan lebihan pendapatan yang diperolehi oleh Singapura. Kuala Lumpur berpendapat bahawa kerajaan Persekutuan hendaklah mendapatkan bahagian yang wajar daripada lebihan itu selepas gabungan. Tetapi Singapura mahukan sebarang pembahagian lebihan hendaklah selari dengan pertambahan pendapatan sesebuah negeri, hasil daripada persetujuan Pasaran Bersama Malaysia.

Dalam masa yang sama, Kuala Lumpur juga berunding dengan Brunei. Brunei menuntut untuk menguasai semua pendapatan daripada minyaknya buat selamanya dan bukan untuk sepuluh tahun seperti yang dicadangkan oleh Kuala Lumpur.

Perbezaan pendapat mengenai soal kewangan ini merumitkan rundingan. Tidak tahan dengan kerentah Singapura dan Brunei, Kuala Lumpur telah mengeluarkan kata dua kepada dua-dua negeri itu bahawa 'sekiranya kedua-dua negeri ini tidak mahu memasuki Malaysia, mereka hendaklah mengatakan demikian dengan segera'.

Kesan awal terhadap keputusan ini ialah pembatalan Tunku ke London untuk rundingan awal Perjanjian Malaysia yang dijadualkan pada 27 Jun 1963. Sebaliknya perwakilan peringkat tinggi telah diwakilkan kepada Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri.

Rundingan di London telah berlangsung pada 27 Jun hingga 7 Julai 1963. Pada 9 Julai Perjanjian mengenai Malaysia telah ditandatangani di Rumah Marlborough. Sultan Brunei bagaimanapun telah mengambil keputusan untuk tidak menyertai Malaysia.

Rancangan asal untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 terpaksa ditangguh bagi membolehkan Rombongan Sekretariat PBB di bawah Lawrence Michelmore memastikan sama ada rakyat di Sarawak dan Borneo Utara benar-benar mahu memasuki Malaysia. Berikutnya dengan jaminan yang diberikan oleh U Thant, Yang diPertuan Agung telah menandatangani Pengisytiharan Diraja bahawa Malaysia akan dibentuk pada 16 September. Usaha PMIP untuk menghalang penubuhan Malaysia atas alasan bahawa kerajaan Persekutuan telah meminda perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tanpa mendapat persetujuan daripada Raja-Raja Melayu terlebih dahulu, terutamanya Sultan Kelantan. Dakwaan kerajaan Kelantan itu bagaimanapun telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan atas alasan bahawa kerajaan Persekutuan tidak melanggar perlembagaan.<sup>25</sup>

Setelah halangan ini berjaya diatasi, pada 16 September 1963, Malaysia telah diisytihar penubuhannya secara rasmi.

Singapura menyertai Malaysia dalam suasana yang tidak mesra. Hanya campurtangan British yang meyelamatkan keadaan. Melihat gelagat Lee yang melampau, Tunku pernah mengugut untuk membentuk Malaysia tanpa Singapura. Tindakan Lee Kuan Yew mengkritik Tunku secara terbuka kerana bersetuju mengubah tarikh perisytiharan penubuhan Malaysia daripada 31 Ogos kepada 16 September 1963 telah menyinggung perasaan Tunku. Selain itu, Lee juga membelakangkan Tunku apabila beliau mengisyiharkan kemerdekaan Singapura pada 31 Ogos 1963. Pengisytiharan itu walaupun tidak sah tetapi ia seakan-akan mengkhianati Tunku.

Pengeseran antara Tunku dengan Lee Kuan Yew memuncak selepas pilihan raya Singapura pada bulan September 1963. Dalam pilihanraya itu, semua calon UMNO-PERIKATAN Singapura telah kalah oleh PAP. Kemenangan PAP itu mengejutkan UMNO. Seperti disebut oleh Abdullah Ahmad:

Tengku terkejut kerana beliau menaruh harapan bahawa dengan kemasukan Singapura dalam Malaysia orang Melayu yang berminoriti di pulau itu akan terus menyokong UMNO malah menjadi pengikut UMNO yang lebih kuat. Sebaliknya Tengku melihat partinya di Singapura telah dihancurkan sama sekali.<sup>26</sup>

UMNO Singapura menerima kekalahan itu dengan penuh emosional. Pada 27 September 1963 ahli-ahli UMNO Singapura telah membakar patung Lee Kuan Yew.

Apabila pilihanraya umum diistiharkan di Semenanjung, Lee mengambil keputusan untuk meletakkan 9 orang calunnya untuk bertanding kerusi parlimen menentang MCA pada bulan April 1964. Tindakan PAP itu adalah bercanggah dengan ikrar Lee sebelum penubuhan Malaysia bahawa PAP tidak akan bertanding dalam pilihan raya di semenanjung. Malah dalam kempen-kempen pilihanraya, Lee menyeru para pengundi supaya menyokong PAP 'so that UMNO leaders would have to adjust their social and economic policy to take into account the wishes of the people in the towns'.<sup>27</sup> Lee bagaimanapun gagal mencapai cita-cita politiknya. PAP hanya menang satu daripada dari sembilan kerusi yang dipertandingkan. Ekoran dari penglibatannya dalam pilihanraya 1964, Lee dan PAP telah dicap sebagai 'musuh masyarakat Melayu'.

Keadaan bertambah buruk lagi apabila tercetusnya rusuhan kaum di Singapura pada bulan Julai 1964. Rusuhan itu telah mengorban dan mencederakan beratus orang. Pada ketika rusuhan itu berlaku Tunku berada di London.

Perkembangan yang berlaku itu telah menarik perhatian Kerajaan British. Lord Head, Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia, dalam utusannya kepada Setiausaha Komonwel memihak kepada Lee Kuan Yew sambil menyalahkan Syed Jaafar Albar, Setiausaha Agung UMNO kerana menceetuskan rusuhan itu. Pada pandangan Lord Head, 'Lee and his party are one hundred per cent in support of Malaysia against Indonesia and loyal to the concept of Malaysia'. Tambahnya lagi, 'they have proved themselves to be a real and effective bulwark against the Communists in Singapore who form a very large and dangerous opposition element'.<sup>28</sup>

Ekoran peristiwa itu, pada 6 Ogos 1964, Sir Alec Douglas-Home, Perdana Menteri British, telah mengadakan perbincangan dengan Tunku tentang situasi di Malaysia.<sup>29</sup> Home mencadangkan supaya Tunku melantik Lee dalam kabinet Kerajaan Pusat. Tunku secara terus terang memberitahu kepada Home bahawa beliau tidak dapat melantik Lee dalam kabinetnya

kerana 'he was very unpopular among Malays and Chinese alike'. Beliau bagaimanapun bersetuju untuk menambahkan bilangan perwakilan dari Singapura, Sarawak dan Sabah dalam Majlis Pertahanan.

Tunku telah mengadakan perjumpaan dengan Lee bagi mengatasi masalah itu. Tunku mencadang supaya Lee mengosongkan kerusi parlimennya dan sebagai balasannya kerajaan Pusat akan memberi kuasa otonomi kepada kerajaan Singapura, khususnya dalam hal ekonomi, kewangan dan keselamatan. Tunku juga meminta Lee tidak terlibat dalam kegiatan politik di Semenanjong dan Borneo.

Perbincangan itu diketahui oleh pihak British. Dengan serta merta, Lord Head telah diarah supaya berjuma dengan Tunku dan Lee untuk berbincang tentang hal tersebut. Pihak British tidak bersetuju dengan cadangan-cadangan Tunku. Pada pandangannya, 'Such major change would be likely to have serious repercussion on international opinion as indicating an internal weakening, and possibly ultimately collapse of the Federation. They would be a godsend to Indonesian propaganda. Relations with Sabah and Sarawak would also be upset'.<sup>30</sup>

Pada 11 Februari 1965, Lord Head dan Earl Louis Mountbatten telah mengadakan perbincangan dengan Tunku di Kuala Lumpur. Earl Mountbatten, Ketua Turus Angkatan Bersenjata United Kingdom, dengan nada yang tegas menjelaskan kepada Tunku tentang pandangan British dan kesan buruknya kepada pandangan dunia terhadap cadangan penyerahan kerusi parlimen oleh Singapura kembali kepada kerajaan pusat. Tunku dengan tegas menjawab bahawa keputusannya untuk menukar status Singapura dalam Persekutuan adalah untuk menyelesaikan 'present dog and cat relations between Singapore and Kuala Lumpur'.

Gagal untuk menyayinkan Tunku tentang keburukan rancangan itu, Lord Head dan Lord Mountbatten kemudiannya berjumpa pula dengan Lee. Selepas mendengar pandangan Lord Head dan Lord Mountbatten, Lee menyatakan persetujuannya untuk menolak cadangan Tunku. Lee mencadangkan agar Singapura diberikan kuasa penuh dalam urusan dalaman, kecuali dalam bidang pertahanan dan hubungan luar. Dalam masa yang sama beliau akan memberikan kenyataan bertulis kepada Tunku bahawa Singapura tidak akan menggunakan kedudukannya di Parlimen untuk menyerang Kerajaan pusat. Dan, sekiranya ikrar itu dilanggar, Lee bersedia untuk menyerahkan semula hak ke atas urusan dalaman kepada kerajaan Pusat. Sehubungan dengan kerusi parlimen, Lee bersedia untuk menimbangkannya selepas tamatnya konfrontasi. Kesemua cawangan UMNO dan MCA di Singapura akan ditutup dan PAP juga akan menutup cawangannya di Semenanjung.

Pada 15 Februari 1965, Lee telah mengadakan pertemuan dengan Tunku di Singapura. Dalam perbincangan itu, Tunku bersetuju untuk membenarkan Singapura mengekalkan kerusinya di Parlimen.

Sementara itu, persoalan Malaysia-Singapura telah dibincang dengan serius oleh Jabatan Perdana Menteri British. Jabatan Perdana Menteri berpendapat bahawa kedua cadangan itu sama ada cadangan Tunku atau Lee akan membawa kepada perpecahan Persekutuan Malaysia malah ia bukan sahaja akan menjasaskan imej Malaysia di mata dunia tetapi juga akan menjasaskan tanggungjawab British dalam mengurus soal keselamatan dalam negeri dan pertahanan wilayah Malaysia daripada ancaman Indonesia. Jabatan itu mengesyorkan kedua-dua rancangan itu hendaklah ditolak.

Justeru, Lord Head telah diarah supaya berjumpa dengan Tunku dan Lee tentang keburukan kedua-dua cadangan tersebut.

Your immediate aim must in short be to press for abandonment of any radical changes in constitutional, defence or internal security fields. On this you will be best judge as to how far Tunku's colleagues may be of further help.

Your secondary objectives in event of Tunku proving unresponsive should be at least to ensure that he gives us firm undertaking that we shall have ample opportunity to express our views on any major changes on which he and Lee may still insist.<sup>31</sup>

Pada 23 Februari 1965, Lord Head telah berjumpa dengan Tunku seperti yang diarahkan. Tunku memberi jaminan bahawa kerusi Singapura di Parlimen akan dikenakan. Sehubung dengan soal keselamatan dalam negeri dan kewangan, Tunku masih berbincang dengan ahli-ahli kabinetnya.

Selaras pertemuan itu, Lord Head telah menulis kepada Tunku mengulang jaminan Tunku tentang kedudukan kerusi Parlimen Singapura. Surat itu berbunyi seperti berikut:

I was much encouraged in my talk with you yesterday when you said that there would be no question of the Singapore representatives leaving the Federal Parliament. As I told you my Government had considerable apprehensions about such a possibility largely because of its effect on world opinion and confidence about future unity of the Federation.<sup>32</sup>

Pada 2 Mac 1965, Tunku, selepas mendapat persetujuan kabinet, telah menulis surat kepada Harold Wilson, Perdana Menteri British, memberi jaminan bahawa cadangan perubahan dalam hubungan Pusat dengan Singapura itu tidak akan melemah sebaliknya mengukuhkan lagi pentadbiran.

When Earl Mountbatten called on me in Kuala Lumpur recently, he discussed certain matters about which you and your colleagues have expressed deep concern, and that is with regard to the news that I was contemplating a break-up with Singapore. This news, according to him, would cause serious alarm to all those who have the interest of Malaysia at heart and if it were to leak out it would give the Indonesian's moral advantage. I have very much in mind that aspect of the matter and you can rest assured that I will do nothing to give Indonesia a sense of victory.

What I have in view is that there should be a re-arrangement of the State and Federal powers as between Singapore and the Central Government without affecting the status of Singapore as a member State of Malaysia. We found out after one and half years of experience in the working of the Constitution that this arrangement is necessary for the effective and smooth running of the administration. It would not change in any way Singapore's relation with the Central Government. On the other hand, it will give Singapore greater autonomy with which to administer the State having in mind the peculiar situation obtaining in that State. The changes, if any, will be worked out in easy stages without giving any indication that there is any conflict of interest between the State and the Central Government.<sup>33</sup>

I am convinced, so does the Prime Minister of Singapore, that this reshuffling of State and Federal powers will bring about better relationship between the State and Central Governments.

Hubungan antara Kuala Lumpur dengan Singapura kembali tegang apabila Lee Kuan Yew mengumum hasratnya untuk menubuhkan pakatan parti politik untuk menentang Parti Perikatan dalam pilihanraya umum ke 4 yang dijadualkan berlangsung pada tahun 1969. Turut serta dalam mesyuarat yang berlangsung di Singapura pada 8 Mei 1965 ialah United Democratic Party dan SUPP. Pada 9 Mei *Malaysian Solidarity Convention* telah ditubuhkan serta menjadikan slogan 'Malaysian Malaysia' sebagai dasar perjuangan mereka. Lee Kuan Yew percaya bahawa slogan 'Malaysian Malaysia' pasti akan menarik para pengundi bukan-Melayu untuk menyokong parti-parti yang bergabung dalam M.S.C kerana parti-parti itu mempejuangkan hak sama rata.

Ahli-ahli UMNO memandang serius terhadap penubuhan M.S.C serta menganggapnya sebagai satu usaha untuk menjatuhkan Perikatan dan

menghapuskan hak keistimewaan orang-orang Melayu dan bumiputra. Maka itu, tidaklah hairan apabila terdapat ahli-ahli UMNO yang mendesak supaya Lee Kuan Yew ditahan kerana mengungkit isu-isu sensitif. Malah PAS turut mengencam Tunku dan Dr. Ismail, Menteri Dalam Negeri, kerana gagal mempertahankan hak ketuanan Melayu. Tunku bagaimanapun meminta anggota-anggotanya supaya bertentang dan bersedia untuk menangani Lee Kuan Yew secara demokratik.

Bantahan UMNO tidak diambil perdu oleh Lee Kuan Yew. Lee Kuan Yew meneruskan kempen 'Malaysian Malaysia'nya serta bertekad untuk memastikan M.S.C berjaya dalam pilihanraya umum yang membolehnya menuju kerajaan.

Jun 1965 merupakan bulan yang paling kritis. Sidang Dewan Rakyat bulan Jun telah menjadi medan perang mulut antara pemimpin pusat dengan pemimpin Singapura. Razak secara terus terang menyalahkan Lee diatas kekalutan politik. Tindak tanduk Lee telah menguntungkan Indonesia, tegas Razak. Razak menambah bahawa 'Lee was playing dangerous game and had embarked on reckless adventure. If despite alliance government's belief in, and work for, racial harmony trouble were to break out they must hold him fully responsible'.<sup>34</sup>

Tunku ternyata amat kecewa dengan sikap dan kegiatan Lee Kuan Yew. Kekecewaan itu kelihatan dalam kenyataannya sebelum berangkat ke London untuk menghadiri Sidang Negara-Negera Komonwel.

I wish I had not listened to all that persuasive talk before...Then Malaya would still be very happy Malaya...no confrontation, nothing.<sup>35</sup>

Hubungan buruk antara kerajaan Pusat dengan Singapura turut merisaukan pihak British. 1 Jun 1965, Lord Head telah bertemu dengan Tunku serta menasihatkan beliau berusaha untuk meredakan keadaan. 'If things went on like this, it would be hard to see how or when they would terminate; and that Malaysia seemed to be heading for a serious political clash which might have most disastrous results'.<sup>36</sup>

Walaupun akur dengan nasihat itu, Tunku menyalahkan Lee Kuan Yew kerana memburukkan keadaan 'deliberately spreading false propaganda abroad and had now returned and was determined to attack bitterly the Federal Government in a way he must know would lead to racial trouble'.

Head bertanya Tunku: 'how would they end and did the Tunku think he could still treat with Lee Kuan Yew and bring about some kind of detente'. Tunku menjawab: 'no, he was determined never again to try and treat with Lee Kuan Yew, whom he did not trust a yard and about whom he was completely disillusioned'. Head berkata 'how then was all this going to end, to which the Tunku replied,' I know my duty and I shall not hesitate to do it'.

Head menanya Tunku sama ada kenyataannya itu bererti Lee akan ditahan. Tunku menjawab 'that he was'. Head menjawab bahawa 'if Lee Kuan Yew were put inside for any reason other than for reasonable activities, it would mean much shock and embarrass the British Government and would undoubtedly have far-reaching effects among world opinion. Lee was now well-known in many countries which wished Malaysia well and any suggestion that he had been confined for carrying on purely political activities would have a most unfortunate effect in Britain and elsewhere'. Tunku membalsas bahawa beliau mempunyai tanggungjawab 'to preserve the unity of this Federation and that if Lee Kuan Yew was destroying it, he knew where his duty lay'.

Pihak British memandang serius perkembangan dalam hubungan Singapura dengan kerajaan pusat. Sekiranya kekacauan atau rusuhan berlaku di Singapura, kepentingan pengkalan British di pulau itu akan

terjejas. Pada 3 Jun, Lord Head telah diarah oleh Jabatan Komonwel agar mengingatkan Lee Kuan Yew supaya tidak mencetuskan ketegangan yang boleh melemahkan struktur kerajaan pusat dan juga menguntungkan Indonesia.

Dalam masa yang sama Head juga diarah supaya menasihat Tunku daripada menahan Lee di bawah undang-undang darurat. Pada pandangan British:

We fully realise that such a decision would be a matter lying within the internal responsibilities of the federal Government. Further, we would not wish the Tunku to think that we do not fully realise that Lee's present behaviour must necessarily cause deep concern to the Federal Government, particularly in respect of its relationship with the States.

we feel we must let the Tunku have our frank views, because we are most concerned at the prospect of very serious consequences which would directly affect our own interests and our relations with Malaysia.

If Lee were to be arrested and detained shock to world opinion would be profound.<sup>37</sup>

Tunku akur dengan 'nasihat' itu. Namun demikian, Tunku maklum kepada Head bahawa beliau tidak lagi percaya kepada Lee Kuan Yew. 'Completely disillusioned' tegas Tunku. 'The time for patience and delay had passed'.

Sejam kemudian Lee berjumpa dengan Head. Mengikut Head, Lee berada dalam keadaan 'a very emotional state'. Lee memaklumkan bahawa 'time had come to fight for a Malaysia that would not be dominated by Malays'. Oleh sebab itulah beliau menubuahkan barisan pembangkang. Beliau juga bersedia untuk dipenjarakan kerana 'it would strengthen his position'. Head mengingatkan Lee bahawa 'to continue on his present course would only precipitate a crisis...' Bagaimanapun Lee menjawab dengan sombang bahawa 'time for patience and delay was over...'

Kerajaan British amat bimbang dengan perkembangan tersebut. Pesruhjaya Tinggi di arah supaya cuba mempengaruhi Tunku dan Lee mencapai *detente*.

Pada 4 Jun 1965 Head bertemu sekali lagi dengan Lee. Head dengan terus terang menyatakan perasaan tersinggung kerajaan British terhadap sikap provokatif Lee, seperti mempersoal siapa datang dulu ke Tanah Melayu dan cadangan perlengkapan pilihan. Head ingatkan Lee bahawa dengan 'continuing to stoke up fires of political controversy Lee would firstly forfeit sympathy and support which he had created overseas, secondly he would make it less likely that his multi-racial policy would succeed in attracting Malays because of his present conduct would alarm them and give ammunition to Chauvinistic Malays to say that he was dangerous leader of Chinese Party. Thirdly continuation of his present policy would inevitably endanger future stability of Federation'.<sup>38</sup>

Lee menjawab bahawa 'it was not his fault'. Beliau menyebut sikap provokatif akhbar-akhbar Melayu dan mengkritik dengan tajam propaganda UMNO di Singapura. Beliau menjelaskan bahawa 'he had to fight now because to adopt a mild line would be interpreted as tacit acceptance of malay dominated Malaysia'.

Head mengingatkan bahawa Malaysia akan gagal sekiranya kaum Melayu dan Cina tidak dapat bekerjasama. Begitu juga sekiranya beliau ingin menjadi pemimpin, beliau mesti menarik undi kaum Melayu. Sekiranya Singapura hendak maju, ia mesti mempunyai pasaran bersama. Lee bersedia untuk berdamai. Tetapi Head ingatkan bahawa 'things had gone too far now and that Tunku would not be prepared to consider any proposal on general lines previously adumbrated'.

Lee bagaimanapun masih berasa yakin bahawa 'solution must be found somewhere'. Sungguhpun demikian, Lee mulai takut dengan keadaan 'he had got himself into'.

Head kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Tunku. Tunku menyatakan keimbangannya dengan perkembangan yang berlaku. Sungguhpun begitu, Tunku berasa yakin bahawa beliau akan dapat mengatasinya, seperti menggantikan Lee daripada pimpinan PAP. Head tidak yakin ia akan berjaya. Walau bagaimanapun, tegas Tunku, keadaan sudah menjadi teruk dan adalah mustahil 'political detente' atau 'disengagement' dapat dicapai.

Head membangkitkan tentang kemungkinan Lee ditahan. Tindakan itu akan menjelaskan sokongan Britain terhadap Malaysia. Lagipun, Lee tidak akan 'expose himself to charges of treason so that his arrest could be justified in Britain and to world opinion'. Tunku menjawab bahawa 'I trust in God and I have been here to do my duty and I will not fear to do it but you can assure your government that I will not detain Lee without good reason which can be fully justified'.

### III

Keadaan yang semakin meruncing itu telah menyebabkan Tunku memikirkan secara serius mengenai keburukan serta kebaikan Singapura kekal dalam Malaysia. Tun Razak yang telah ditugaskan berbincang dengan ahli-ahli kabinet dan Lee Kuan Yew mengenai persoalan ini telah mengatakan kepada Tunku bahawa perundingannya dengan Lee telah gagal mencapai kata 'perseujuan'. Ahli-ahli kabinet terkanan, Dato Ismail, Tan Siew Seng dan V.T. Sambanhan, memutuskan bahawa Kerajaan pusat mempunyai dua pilihan, iaitu

- (i) menggunakan kuasa darurat dengan mengambil tindakan dengan cara kekerasan terhadap pimpinan PAP, atau
- (ii) memberikan kemerdekaan kepada Singapura.

Mereka mencapai kata sepakat bahawa Singapura mesti dipisahkan. Pada 29 Julai Tun Abdul Razak terbang ke Singapura untuk berjumpa dengan Lee sebagai usaha terakhir untuk mencari penyelesaian tetapi ternyata gagal. 'I met Mr. Lee. I found it impossible. Our minds did not meet on most points'.<sup>39</sup>

Pada 5 Ogos 1965, Tunku pulang dari London. Pada 6 Ogos 1965 Tunku mengadakan pertemuan dengan Menteri-menteri kanannya. Tun mengemukakan laporannya tentang pertemuannya dengan Lee. Mesyuarat mengambil keputusan untuk memisahkan Singapura dari Malaysia.

Pada petang itu juga Dr Goh Keng Swee telah dimaklumkan tentang keputusan itu. Pada tengah hari 7 Ogos, Lee berjumpa dengan Tunku. Lee cuba mengelakkan perpisahan dengan mengemukakan beberapa pilihan, termasuk 'a political truce'. Tunku 'was completely resolute'. Pada hari itu juga, Tunku dan Lee Kuan Yew, dengan perasaan berat hati, telah memeteraikan perjanjian tentang pemisahan Singapura dari Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Lord Head cuba menghalang perpisahan tersebut tetapi gagal. Dalam suratnya kepada Dr. Toh Chin Chye, Tunku menulis:

I am writing to tell you that I have given the matter of our break with Singapore my utmost consideration and I find that in the interest of our friendship and the security and peace of Malaysia as a whole there is absolutely no other way out.

If I were strong enough and able to exercise complete control of the situation I might perhaps have delayed action, but I am not, and so while I am able to counsel tolerance and patience I think the amicable settlement of our differences in this way is the only possible way out.<sup>40</sup>

Dengan nada yang sedih dan menyesal, Toh memaklumkan kepada Tunku hasratnya untuk mengekalkan Singapura dalam Malaysia. Beliau percaya bahawa masalah Kuala Lumpur dengan Singapura itu dapat diselesaikan. Bagaimanapun, oleh kerana Tunku telah berkeyakinan bahawa pengekalan Singapura akan hanya mencetuskan masalah yang lebih lagi, maka 'we have no alternative but to be resigned to your wish that Singapore leaves the Federation of Malaysia'. Tambahnya lagi:

I and my colleagues had rejoined at the reunification of Singapore with Malaya in September 1963. It has come as a blow to us that the peace and security of Malaya can only be secured by the expulsion of Singapore from Malaya. If this is the price for peace in Malaya and Singapore than we must accept it however agonising our inner feelings may be. Although lasting unification of Singapore and Malaya has not been achieved this time, nevertheless it is my profound belief that future generations will succeed where we have failed.

Sementara itu, Lee Kuan Yew telah mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Pesuruhanjaya Tinggi British, Mills, untuk menjelaskan bahawa pemisahan Singapura dari Malaysia bukanlah kerana kelemahannya ataupun kerana takut sesuatu berlaku ke atasnya. 'Conviction that the ultimate alternative was bloodshed and the triumph of Communism had alone persuaded him that there was no other way', tegas Lee.

Pada 9 Ogos 1965 Tunku membawa usul ke Parlimen. Ketika berucap di sidang Parlimen dalam suasana tegang Tunku dengan masyuk memperkatakan tentang 'sebuah negara Kerajaan Negeri yang tidak lagi memberikan, bahkan sedikitpun taat setia kepada Kerajaan Pusat' sambil mengisyartkan perpisahan Singapura. Antara lain, beliau menegaskan bahawa:

We have tried everything possible to avoid the separation of Singapore from the rest of Malaya. In the end we find that there are only two courses open to us: (1) is to take repressive measures against the Singapore Government or their leaders for the behavior of some of their leaders; and (2) is the course of action, which we are taking now, to sever connection with the State Government of Singapore that has ceased to give even a measure of loyalty to the Central Government. The position of the Central Government, not only at home but worse still abroad, has been mocked and made to look ludicrous on many occasions. It is clear that for us to take repressive measures against the Singapore leaders as we consider it repulsive to our concept of a parliamentary democracy to do so. Even then, it will not solve the problems because, as I have said just now, there is not one problem but many and all that gives us the most concern is the communal issue which has been brought up by the leaders of Singapore. This is a matter which concerns me most, because the peace, happiness and the security of this country depend on goodwill and understanding among the various people who have made a home of this country. Without this goodwill and this understanding this nation is bound to break up and with a consequential disaster which we have seen and read about happening elsewhere. We feel that this repressive action against a few would not, therefore, solve the problem, because the seed of discontent, fear and hatred, has been sown not only in Singapore but elsewhere; and, I feel, if we were to take repressive measure, it cannot help because it would sprout elsewhere, and with the rule of force.<sup>41</sup>

Tun Tan Siew Seng, Menteri Kewangan, telah menyokong usul itu

Tindakan Tunku itu ternyata mendapat bantahan keras bukan sahaja daripada sesetengah pucuk pimpinan UMNO, tetapi juga daripada pemimpin-pemimpin PAS. Namun begitu, Tun Abdul Razak menjelaskan:

Kita terpaksa mengeluarkan Singapura dari Malaysia - dan ini-lah sa'at yang sungoh bersejarah, kerana sungguh pon kita merasa sedeh dan dukachita kerana satu negeri telah terpaksa keluar, tetapi kita gembira kerana kita telah dapat menyingsirkan diri dari dalam daging kita.<sup>42</sup>

Dalam pada itu, kedua kerajaan telah mencapai beberapa persetujuan untuk kepentingan bersama. Singapura dan Malaysia telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pertahanan Bersama bagi mempertahankan kedua negara itu daripada ancaman luar.

Keputusan nekad Tunku untuk memisahkan Singapura dari Malaysia telah mengejutkan pihak British. Ini kerana keputusan itu telah dibuat tanpa berunding terlebih dahulu dengan kerajaan British seperti yang dipersetujui sebelum ini. Tunku berkata beliau sengaja tidak berunding dengan pihak British, Australia dan lain-lain pihak kerana bimbang mereka mungkin menahannya dari menyingsirkan Singapura.

Pada 11 Ogos 1965 Tunku telah memaklum kepada Harold Wilson, Perdana Menteri British, tentang pemisahan Singapura daripada Malaysia serta langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia bagi memastikan bahawa Singapura tidak akan menjelaskan keselamatan Malaysia. Malaysia juga bersetuju untuk sponsor kemasukan Singapura dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Singapura juga telah bersetuju untuk membenarkan Malaysia mengkalkan serta menggunakan pengkalan-pengkalan tentera di Singapura. Juga dipersetujui bahawa mana-mana pihak tidak akan menjalin hubungan dengan negara asing yang mana mungkin akan menjelaskan kemerdekaan dan keselamatan Malaysia.

Kerajaan British agak kecewa dan marah dengan keputusan Tunku memisahkan Singapura daripada Malaysia. Ini kerana, dengan pemisahan itu bererti asas utama persetujuan British untuk membentuk Malaysia dengan menyertakan Sabah dan Sarawak telah berkecaci. Tujuan utama British membentuk Malaysia adalah untuk menyelamatkan Singapura daripada menjadi 'Cuba' di Asia Tenggara dan sekali gus memaksa British menutupkan pengkalannya di Singapura untuk kegunaan SEATO.

Dengan itu, tidaklah hairan sejak peristiwa itu, kerajaan Buruh Britain mengambil sikap anti-Tunku dan pro-Singapura. Ini jelas tergambar daripada minit Denis Healey kepada Harold Wilson, Perdana Menteri, apabila mengesyurkan supaya dasar pertahanan British terhadap Malaysia dikaji semula. Pada pandangan Denis, 'the key issue is not whether or when we leave Singapore, but how to get out of Borneo: i.e. how to end our commitment under confrontation as soon as possible'.<sup>43</sup>

Denis juga mencadangkan supaya kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia dikaji semula di bawah pengawasan PBB samada ia mahu terus kekal dengan Tanah Melayu ataupun dengan Singapura ataupun dengan Filipina dan Indonesia atau Brunei ataupun mencapai kemerdekaan sepenuhnya.

Pemisahan Singapura daripada Malaysia sememangnya memberi kesan juga kepada wilayah-wilayah di Malaysia Timur, khususnya Sabah. Terpengaruh dengan hasutan pegawai-pegawai British, Donald Stephens telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Pusat dan juga memutuskan bagi membawa usul dalam persidangan Majlis Kebangsaan U.P.K.O untuk membawa keluar Sabah daripada Malaysia kerana kononnya tidak berpuashati dengan kedudukan Sabah yang dianggap diberi layanan seperti sebuah koloni. Stephen telah meminta pihak British membantunya mencapai hasrat tersebut. Bottomley, pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, bagaimanapun meminta Stephen menyelesaikan soal itu secara rundingan dengan pihak Kuala Lumpur bagi mengelakkan kekacauan yang akan hanya menguntungkan Indonesia.

Apabila Bottomley menanya Razak tentang situasi di Sabah, Razak dengan tegas menjawab bahawa 'there was no question of Malaysia acquiescing an independence for Sabah'.<sup>44</sup> Razak meminta Bottomley memberitahu Stephens bahawa kerajaan British tidak akan mempertahankan Sabah selepas ia keluar daripada Malaysia dan kiranya negeri itu diambilalih oleh Indonesia, beliau percaya orang pertama yang akan digantung oleh Indonesia ialah Stephens sendiri.]

Pada 19 Ogos 1965, Tunku telah menjelajah seluruh Sabah dan Sarawak untuk menunjukkan kekuasaan kerajaan pusat sambil mengingatkan mereka bahawa beliau akan menganggarkan dan menghancurkan sebarang perubahan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia. Amaran Tunku nampaknya meninggalkan kesan baik kepada Donald Stephens, Kalong Ningkan ataupun British. Melihat ketegasan Tunku itu, Donald Stephens dan Kalong Ningkan membatakan hasrat mereka untuk membawa Sabah dan Sarawak keluar daripada Persekutuan Malaysia. Melihat kepada ketegasan Kuala Lumpur untuk menangani isu Sabah, Pejabat Hubungan Komonwel telah menasihatkan pegawai-pegawaiannya di Malaysia agar tidak bersikap 'rash and hasty action' sebaliknya 'to play the matter long for the time being'.<sup>45</sup>

#### IV

Kehadiran Singapura dalam Malaysia tidak kekal lama. Lapan belas bulan selepas penyertaannya dalam Malaysia, Singapura telah dipecat oleh Tunku pada 9 Ogos 1963 kerana tidak tahan dengan gelagat Lee Kuan Yew yang dianggap oleh Tun Abdul Razak seumpama 'duri dalam daging'. Selepas menyertai Malaysia, Lee Kuan Yew cuba untuk bertapak di Semenanjung Malaysia dan bercita-cita untuk mengambil alih tempat MCA sebagai rakan kongsi UMNO. Malah Lee telah membuat pakatan dengan parti-parti pembangkang di semenanjung untuk menentang Perikatan dalam pilihanraya 1969. Dalam kehairahan kempen 'Malaysian Malaysia', Lee dengan melampaui mengatakan bahawa orang-orang Melayu di semenanjung 'bukan anak jati negeri ini', malah Lee juga menolak asas-asas Perlombongan yang niemperakui kedaulatan Raja-Raja Melayu dan hak keistimewaan orang-orang Melayu dan bumiputera. Tindak tunduk melampaui Lee itu telah mencetuskan rusuhan kaum di Singapura dalam tahun 1964 sebanyak dua kali. Keadaan ini diakui sendiri oleh pihak British: 'Lee's own actions have done much to bring the present situation about'.

Pakatan Lee dengan pemimpin-pemimpin Sarawak dan Sabah di bawah payung 'Malaysian Solidarity Convention' amat membimbangkan Tunku. Berhadapan dengan situasi itu, Tunku hanya mempunyai dua pilihan, raitu sama ada menangkap Lee Kuan Yew ataupun memisahkan Singapura dari Malaysia. Tunku dan Menteri-menteri kanan kabinet memilih untuk memisahkan Singapura dari Malaysia demi 'keamanan, kebahagiaan dan keselamatan negara ini'. Dalam ucapannya di Dewan Rakyat pada 9 Ogos 1965, Tunku menegaskan bahawa

Since the formation of Malaysia, and this year in particular, there have been so many differences with the Singapore Government and these differences take many forms, many shape and many guises - so much so that it is now come to this breaking point I cannot find, search deep as I like into my mind, any other solution, except the course of action that I am now taking or forced to take.

Tun Abdul Razak, dalam ulasannya, menganggap peristiwa pemisahan itu sebagai 'sa'at yang sungguh bersejarah, kerana sungguh pon kita merasa sedeh dan dukacita kerana satu negeri telah terpaksa keluar, tetapi kita gembira kerana kita telah dapat menyengkirkan duri dari dalam daging kita'.

**Orang Melayu Dan Budaya Bahasanya Selepas  
Kemerdekaan: Suatu Tinjauan**

oleh  
**Dato' Dr. Hassan Ahmad**

**Sesi 3 Trek 1**

# **Orang Melayu Dan Budaya Bahasanya selepas Kemerdekaan; Suatu Tinjauan Budaya**

Oleh Dato Dr. Hassan Ahmad

## **1. Pendahuluan**

Perkara yang akan saya bincangkan dalam Forum ini ialah tentang *budaya bahasa orang Melayu selepas Kemerdekaan*, bukan tentang bahasa Melayu khususnya. Bahasa Melayu sebenarnya ialah bahasa yang maju, sama majunya dengan bahasa-bahasa lain yang maju di dunia ini, dan hakikat ini bukan baru wujud dalam tempoh beberapa tahun ini atau selepas kemerdekaan, tetapi telah ada pada bahasa Melayu sejak abad ke-14 atau ke-15 lagi, malah lebih awal lagi, kalau tidak mana mungkin akan lahir atau tertulisnya karya-karya besar kesusastraan, falsafah, teologi, metafizik dan tasawuf dalam bahasa ini dalam abad ke-16 dan ke-17, sebagaimana akan saya jelaskan lagi nanti. Yang tidak maju nampaknya ialah budaya bahasa orang Melayu, maka kerana inilah kita perhatikan sejak mutakhir ini *nilai budaya* bahasa Melayu makin lama makin merosot, terutama jika dibandingkan dengan pengaruh bahasa Inggeris sebagai bahasa pembangunan atau kemajuan di negara ini.

## **2. Takrif ‘Budaya Bahasa’**

2.1 Yang dimaksudkan dengan *budaya bahasa* ialah fungsi dan nilai bahasa itu sebagai pembentuk tamadun atau budaya tinggi bangsa yang memiliki bahasa itu, atau isi dan nilai budaya yang ada pada bahasa itu. Isi budaya yang penting dan sangat berpengaruh dalam proses pembentukan tamadun dan kemajuan manusia ialah ilmu, pemikiran, seni, kesusastraan, sains, teknologi dan sistem nilai bangsa itu yang merupakan hasil minda dan pemikiran kolktif bangsa itu sebagaimana yang tercurah dan terakum sepunjang sejarah bangsa itu dalam bentuk karya-karya besar penulisan bangsa itu. Apabila kita membaca karya sesuatu bangsa kita membaca akal budi bangsa itu, kita melihat falsafah hidup dan sistem nilai dan pemikiran bangsa itu – pendek kata, kita melihat tamadun mereka, budaya mereka, jati diri atau identiti mereka sebagai suatu bangsa. Tamadun ini dapat dibentuk dan diungkapkan hanya dalam bahasa bangsa itu

sendiri, tidak dalam bahasa-bahasa asing atau bahasa pinjaman. Tidak ada bangsa di dunia ini yang tamadunnya atau jati dirinya dibina melalui bahasa asing. Bahasalah yang menjadi alat utama bangsa itu untuk membentuk tradisi atau warisan bersama yang kekal dalam minda kolektif bangsa itu sepanjang zaman hingga ke hari ini. Tradisi atau warisan ini bersinambungan dan kekal melalui proses dinamikanya tersendiri, iaitu melalui proses perubahan, pembaharuan, penemuan baru, perekayaan, melalui proses ‘invention’ dan ‘reinvention’ dan penyuaian (adaptasi). Inilah proses yang dapat terus menghidupkan, memperkayakan dan mengkalkan tamadun sesuatu bangsa sehingga nilainya dapat diterima dan relevan pada setiap zaman. Jika alat tamadun ini, iaitu bahasa, dimusnahkan, misalnya melalui penjajahan kuasa asing, pasti akan terputus dan musnahlah sejarah tamadun bangsa itu. Yang tinggal nanti hanya segolongan kecil anggota bangsa itu yang berpeluang memajukan diri mereka melalui bahasa asing yang mereka pelajari dan kuasai tetapi tidak berupaya membangunkan tamadun atau memajukan bangsa mereka seluruhnya kerana alatnya, iaitu bahasa yang digunakan tidak difahami oleh bangsanya. Biasanya, bangsa seperti ini merupakan bangsa yang mundur kerana mereka kehilangan daya cipta untuk menciptakan pembaharuan dan kemajuan. Mereka cuma pandai meniru – meniru tamadun dan kemajuan bangsa-bangsa lain. Dalam proses itu mereka akhirnya akan kehilangan jati diri sendiri.

2.2 Contoh bagaimana sesuatu bangsa itu maju melalui bahasa sendiri dapat kita lihat pada sejarah tamadun bangsa Eropah. ‘Revolusi sains’ baru berlaku di seluruh Eropah dalam abad ke-17 setelah bangsa-bangsa Eropah mula menggunakan bahasa kebangsaan masing-masing, menggantikan bahasa Latin, sebagai bahasa ilmu dan sains. Bahasa Inggeris, misalnya, menjadi bahasa sains dan falsafah baru selepas abad ke-16 atau ke-17 apabila beberapa orang ‘ahli sains’ atau pemikir bangsa Inggeris (misalnya, Francis Bacon( 1561-1626 ) dan Isaac Newton (1642-1727) menciptakan karya-karya ilmu atau sains. Ahli sains dan falsafah itu terpaksa meminjam ratusan istilah baru dari bahasa Latin dan Greek. Dengan cara demikianlah bahasa Inggeris dapat dikembangkan sebagai bahasa ilmu dan dijadikan alat pengantar di pusat-pusat pengajaran di seluruh Eropah. Bahasa Latin tidak mampu melakukan fungsi pembudayaan dan pendemokratisan ilmu ini di kalangan rakyat tidak mengetahui bahasa Latin.

2.3 Kata-kata ‘maju bangsa bangsa majulah bahasa’ lebih tepat daripada kata-kata ‘maju bahasa majulah bangsa’ kerana tidak mungkin sesuatu bahasa itu akan maju sekiranya bangsa yang menggunakan bahasa itu tidak maju. Orang tertarik untuk mempelajari bahasa Inggeris atau bahasa apa pun bukan kerana bahasa itu, dari segi sifat atau struktur linguistiknya, lebih maju daripada bahasa-bahasa lain tetapi kerana bahasa itu ‘kaya budaya’, maksudnya, bahasa itu kaya dengan khazanah ilmu yang mungkin tidak ada atau belum ada dalam bahasa-bahasa lain. Memang benar, bahasa Inggeris merebak di luar kawasan England dan menjadi bahasa antarabangsa melalui penjajahan, tetapi bangsa-bangsa lain pasti tidak akan tertarik dengan bahasa ini jika nilai atau isi budayanya tidak tinggi.

### 3. Proses Pembudayaan Bahasa dalam Sejarah Bahasa Melayu

3.1 Tadi, saya katakan bahawa bahasa Melayu sudah menjadi bahasa yang maju sekurang-kurangnya sejak abad ke-14 lagi. Hal ini berlaku melalui proses pembudayaan bahasa itu. Kita tahu bahawa bahasa Melayu telah berfungsi sebagai bahasa rasmi, yakni sebagai bahasa kerajaan, di rantau ini sekurang-kurangnya sejak abad ke-13, misalnya pada zaman kerajaan Melayu-Islam Samudera-Pasai di Sumatera. Malah, ada pendapat yang mengatakan bahawa bahasa Melayu sudah digunakan sebagai bahasa kerajaan atau bahasa istana pada zaman kerajaan Melayu-Srivijaya dari abad ke-7 hingga abad ke-13. Kita tahu juga bahawa di rantau kita ini terdapat banyak bahasa yang berasal dari rumpun bahasa Malayo-Polinesia, di samping pelbagai ragam dan dialek bahasa Melayu. Ada ragam bahasa Melayu yang disebut oleh orang Barat sebagai ‘bahasa pasar’ ('bazaar Malay') yang digunakan di pelabuhan-pelabuhan di Selat Melaka. Ragam bahasa inilah yang kemudiannya merebak menjadi lingua franca atau bahasa komunikasi luas, bahasa yang dapat merentas batas dan daerah etnik dan geografi di rantau ini. Tetapi dari sekian banyak ragam dan dialek bahasa Melayu itu lahir pula suatu ragam bahasa Melayu tinggi yang digunakan sebagai bahasa urusan kerajaan, bahasa undang-undang, bahasa agama Islam, bahasa diplomasi, dan bahasa pemikiran. Proses apakah yang berlaku yang memungkinkan lahirnya bahasa Melayu ragam tinggi ini? Jawapannya ialah, ragam itu dibentuk melalui proses pembudayaan bahasa yang berlaku sejak sekurang-kurangnya abad ke-12 atau ke-13. Proses pembudayaan bererti proses mengembangkan bahasa itu

melalui kreativiti pemikiran atau intelektual, ilmu, seni dan kesusastraan yang dicurahkan dalam bentuk persuratan atau tulisan. Pada pertengahan abad ke-14 lahir sebuah 'hikayat' tulisan Melayu, iaitu *Hikayat Raja Pasai*. Pada tahun 1590, menurut Profesor Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, sebuah karya teologi dan falsafah tinggi '*Aqa'd Al-Nasafi*' dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.<sup>1</sup> Proses ini mencapai kemuncaknya yang luar biasa pada abad ke-17. Pada abad itulah terhasil beberapa banyak karya Melayu yang sekarang ini dapat kita nilai dan terima sebagai karya agung bangsa berbahasa Melayu. Antara contoh karya besar yang dapat kita sebutkan termasuk: *Sulalat al-Salatin* yang oleh orientalis Barat disebut 'The Malay Annals' atau 'Sejarah Melayu', *Hikayat Hang Tuah*, *Taj al-Sulatin*, dan puluhan karya falsafah, teologi, metafizik atau tasawuf yang dihasilkan oleh pengarang, ilmuwan dan pemikir berbahasa Melayu seperti Sheikh Nuruddin Al-Ramiri, Hamzah Fansuri, Syamsudin al-Samatrani dan Abdul Rauf Al-Singkel. Proses ini disambung pada abad ke-18 hingga ke pertengahan abad ke-19 melalui penulisan tokoh seperti Abdus-Samad al-Palembani, Abdullah Kadir Munshi dan Raja Ali Haji.

3.2 Kesan pembudayaan bahasa Melayu itu di rantau ini luar biasa. Bahasa Melayu berjaya merentas sempadan etnik dan geografi di seluruh kawasan Gugusan Pulau-Pulau Melayu. Para pedagang dan mubaligh agama, baik agama Islam maupun agama-agama lain dari luar negeri, dan juga kemudiannya para pentadbir kolonial Barat (Belanda dan Inggeris), terpaksa menggunakan bahasa Melayu ini untuk mengadakan hubungan bukan sahaja dengan raja-raja Melayu tetapi juga dengan rakyat biasa yang terdiri daripada pelbagai kelompok etnik, bahasa dan dialek. Proses ketamadunan inilah yang akhirnya menjadikan seluruh kawasan yang kini diliputi oleh tiga negara, iaitu Indonesia, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam (tidak tertinggal Singapura dan kawasan Patani di Selatan negara Thai) sebagai kawasan yang disebut "Dunia Berbahasa Melayu". Dan inilah sebabnya mengapa seluruh tenaga dan rancangan kuasa-kuasa penjajah Barat yang muncul di kawasan ini sejak tahun 1511 (apabila bangsa Portugis mengalahkan kerajaan Melayu Melaka) tidak herjaya menghapuskan jati diri atau identiti bangsa Melayu sebagaimana mereka berjaya melakukannya di kawasan lain, misalnya di Amerika Utara

dan Amerika Selatan, atau di Australia, di New Zealand, dan di Filipina dan juga di Timur-Timor.

3.3 Demikianlah caranya bagaimana bahasa Melayu memainkan peranan penting sebagai pembentuk jati diri bangsa dan tamadun tinggi bangsa berbahasa Melayu di rantau ini dalam sejarahnya. Peranan BM sebagai pembentuk tamadun tinggi, khususnya sebagai alat pencapaian karya-karya ilmu, mengalami proses kererosotan dalam zaman pemerintahan British di Tanah Melayu kira-kira dari tahun 1874 hingga tahun 1957. Sebabnya jelas: BM sekat perkembangannya sebagai bahasa tamadun tinggi oleh dasar pendidikan dan politik bahasa Inggeris. Saya kira kesan budaya dasar dan politik ini masih belum dapat dikikis oleh dasar bahasa dan pendidikan selepas kemerdekaan.

#### 4. Keadaan Selepas Kemerdekaan

4.1 Hari ini, setelah 43 tahun bangsa Melayu merdeka daripada penjajahan Inggeris, kita melihat tanda-tanda yang jelas sejak mutakhir ini bahawa bahasa Melayu akan hilang martabatnya atau nilainya atau pengaruhnya sebagai bahasa pembangunan atau bahasa kemajuan di negara ini. Jangan kita menyangka bahawa 'martabat' bahasa Melayu tidak akan tergugat selagi tarafnya sebagai bahasa rasmi dicatatkan dalam Perlembagaan. Soal yang perlu kita bangkitkan ialah: proses pembudayaan apakah yang berlaku pada bahasa Melayu selepas kemerdekaan itu. Kita mempunyai dasar bahasa yang digubal selepas kemerdekaan melalui proses tolak ansur politik. Kecerdaran atau komitmen budaya dan intelektual tidak mendasari keputusan itu. Misalnya, BM digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan dan di institusi pengajian tinggi awam. Tetapi di luar sistem rasmi itu budaya bahasa Melayu tidak berkembang dan tidak dikembangkan. Sebabnya ialah, orang cuma menganggap dasar itu sebagai suatu ideologi atau sebagai dasar yang dijadikan untuk menyelesaikan masalah politik atau masalah yang disebut 'masalah perpaduan negara' selepas pihak British meninggalkan Tanah Melayu. Komitmen budaya dan intelektualnya tidak ada, dan warisan ini nampaknya kekal hingga ke hari ini. Hal ini dapat kita perhatikan pada kelesuan perkembangan BM sebagai alat pembinaan budaya tinggi dan sebagai alat pembangunan atau kemajuan negara.

#### *4.2 Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu*

- (1) Peranan BM sebagai alat pembinaan budaya tinggi dapat kita lihat khususnya dari segi penghasilan korpus ilmu dalam bahasa ini. Dasar pendidikan selepas kemerdekaan berjaya menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di sekolah kebangsaan dan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Salah satu kesan dasar ini ialah, jumlah anak-anak Melayu yang berjaya menuntut di peringkat tinggi meningkat beratus kali banyaknya jika dibandingkan dengan jumlah pelajar Melayu di Universiti Malaya sebelum tahun 1957. Selain ini, kebanyakannya tenaga pengajar di IPTA yang kini berjumlah 10 buah ialah orang Melayu. Tetapi taraf BM itu sebagai bahasa pengantar di IPT tidak disertai atau didukung oleh usaha untuk menjadikannya sebagai bahasa pencipta ilmu, sebagaimana yang pernah berlaku dalam sejarah bahasa ini, seperti yang saya sebutkan tadi. Akibatnya ialah, sistem pengajian tinggi di negara terus bergantung pada buku-buku pengajian tinggi yang diimport dari negara berbahasa Inggeris, khususnya dari Britain dan Amerika Syarikat. Keadaan ini mendorong pihak yang berkuasa untuk cuba menyelesaikan masalah itu dengan mengubah dasar yang ada dengan mengarahkan pihak IPTA supaya mengajar kurus-kursus tertentu dalam bidang sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris. Keadaan bertambah buruk bagi status bahasa Melayu sebagai bahasa pengajian tinggi di negara ini apabila institusi pengajian tinggi swasta digalakkan tumbuh bagaikan cendawan. Semua IPTS – jumlahnya dikatakan melebihi 500 buah ketika ini – dan ini termasuk tiga buah universiti swasta anjuran badan korporat gergasi awam, iaitu Petronas, Telekom dan Tenaga, semuanya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utamanya.
- (2) Rekod kemajuan penerbitan buku ilmu tinggi dalam BM dapat kita jadikan ukuran untuk menilai kemajuan BM sebagai bahasa budaya tinggi di negara ini. Mulai tahun 1990-an bidang penerbitan buku pengajian tinggi dalam BM tidak bertambah maju, malaherosot. Kalau saudara mengunjungi Pameran Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang diadakan baru-baru ini (18-27 Ogos 2000) tahulah kita betapa merosotnya penerbitan buku ilmu tinggi yang asli dalam BM. Kebanyakannya buku dalam BM yang dipamerkan (menurut kiruan saya, lebih kurang 85%) ialah buku teks dan bacaan tambahan peringkat sekolah rendah dan menengah dan buku-buku umum agama Islam.

Kalau saudara mengunjungi kedai-kedai buku besar di K.L dan P.J, misalnya kedai buku MPH di gedung Mid Valley - kedai buku yang terbesar di Malaysia - tidak kelihatan sebuah pun buku pengajian tinggi terbitan terbaharu (bukan karya terjemahan) dalam BM; yang lainnya (lebih 90%) adalah buku import dalam bahasa Inggeris dan buku-buku dalam bahasa Cina. Jadi, dari segi kemajuan budaya ilmu berbahasa Melayu ini kita sebenarnya belum dapat dikatakan sudah merdeka sepenuhnya: bangsa kita masih bergantung pada bahasa Inggeris dan budaya ilmu mereka. Bayangkan, keadaan ini berlaku setelah 43 tahun kita merdeka dari segi politik.

#### 4.3 *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pembangunan Negara*

- (1) Keadaan kedua dapat kita lihat pada pemimpinan BM, berbanding bahasa Inggeris, sebagai bahasa pembangunan negara, khususnya dalam bidang perusahaan ekonomi, kemajuan sains dan teknologi. Terdapat di negara ini dua sektor yang dipisahkan oleh bahasa, iaitu sektor awam atau sektor kerajaan yang menggunakan BM sebagai bahasa utama urusannya dan sektor swasta atau sektor bukan kerajaan yang menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa utama urusannya. Dari segi peruntukan dasar bahasa pemisahan ini jelas kerana Perlembagaan dan Akta Bahasa Kchangkaan 1967 mentakrifkan status BM sebagai bahasa yang perlu digunakan untuk urusan rasmi kerajaan sahaja; bahasa-bahasa lain bebas digunakan dalam semua lapangan dan sektor lain kecuali untuk urusan rasmi kerajaan. Ini bererti bahawa kedudukan bahasa-bahasa lain, termasuk bahasa Inggeris, kekal tarafnya dalam sektor bukan kerajaan atau *swasta* kerajaan. Hari ini sektor bukan kerajaan, melalui dasar penswastaan, memainkan peranan utama sebagai jentera pembangunan negara dalam bidang ekonomi, perusahaan dan pembangunan teknologi. Dasar bahasa tidak menyebut apakah status BM dalam sektor pembangunan itu. Namun, ini tidak bererti bahawa BM tidak boleh digunakan sebagai bahasa pembangunan dalam sektor *swasta* itu. Tidak ada undang-undang atau akta yang secara nyata (*spesifik*) mengatakan bahawa BM, yang merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara, tidak boleh digunakan dalam sektor *swasta*. Jadi, timbul soal, mengapakah BM tidak digunakan dan dikembangkan di sektor *swasta*?

## 5. Mengapa?

5.2 Banyak faktor dapat kita kemukakan untuk menjelaskan mengapa bahasa Melayu tidak mencapai tahap kemajuan budaya yang mantap dan tinggi setelah kira-kira 43 tahun bahasa ini dimajukan sebagai bahasa rasmi dan bahasa pendidikan. Sesuai dengan takrif yang saya kemukakan tentang makna budaya bahasa, kita dapat berkata bahawa selama 43 tahun ini belum wujud secara mantap apa yang dapat kita sebut 'kesedaran berbahasa Melayu' di kalangan penduduk Malaysia, termasuk di kalangan orang Melayu sendiri. Kerana ketiadaan kesedaran ini maka tiada siapalah yang mempedulikan proses pemunggiran yang berlaku pada BM di sektor pembangunan negara dan sebagai bahasa budaya tinggi. Lihat sahaja, misalnya, kedudukan BM di media elektronik. Bahasa kebangsaan tidak lagi merupakan bahasa utama di media ini. Budaya berbahasa kebangsaan tidak lagi dapat disemaikan dan dipupuk melalui media elektronik yang dikuasai oleh tauke-tauke dan kapitalis hiburan.

5.2 Biasanya orang menyebut dasar pemerintahan dan ketidakcergasan pelaksanaan dasar bahasa sebagai faktor yang menyebabkan tergugatnya kedudukan BM sebagai bahasa pengajaran tinggi dan berlakunya pemunggiran BM di sektor swasta atau sebagai bahasa pembangunan negara. Tetapi saya kira ini hanya gejala atau tanda masalah yang lebih mendalam, iaitu masalah ketiadaan sokongan atau komitmen budaya bahasa Melayu di kalangan pembuat dasar negara dan di kalangan orang Melayu amnya, dari peringkat atasan sampailah ke peringkat bawah. Kerana inilah, apa sahaja rancangan yang digubal untuk 'memajukan' negara ini, misalnya dalam bidang ekonomi dan teknologi maklumat, tiada siapa dari kalangan pembuat dan perancang dasar itu yang terfikir atau memikirkan peranan BM dalam proses itu. Selalunya sikap atau dasar yang diambil untuk mengatasi apa yang mereka anggap sebagai 'masalah bahasa Melayu' ialah dengan melemahkan lagi kedudukan bahasa itu. Contohnya, cara mengatasi kekurangan buku pengajaran tinggi dalam BM ialah dengan menganjurkan supaya bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar kedua di IPTA. Masalah sebenarnya tidak diatasi, iaitu bagaimanakah penghasilan dan penerbitan buku IPT dapat dibantu oleh ekonomi negara untuk memperkuat dan memajukan bidang itu. Tidak ada dasar pembudayaan atau kepustakaan ilmu tinggi yang jelas selama ini.

5.3 Punca kelemahan kedudukan BM di negara ini tidak lain bukan ialah orang Melayu sendiri. Merkalah yang tidak menunjukkan sikap dan contoh yang baik, yang dapat mempengaruhi minat orang lain terhadap BM. Budaya bahasa Melayu di kalangan orang Melayu kian kacau. Merkala nampaknya seolah-olah tidak mampu berfikir atau bercakap secara berterusan dalam BM yang baik dan betul. Dan ini termasuk orang Melayu dalam golongan elit, para menteri Melayu, pegawai tinggi kerajaan, usahawan, profesor dan pensyarah universiti. Kajian saya menunjukkan bahawa apabila dua atau lebih orang Melayu berdwibahasa Melayu-bahasa Inggeris bertemu di mana sahaja, baik di tempat kerja, di kedai, di tepi jalan, di lobi hotel, bahkan di rumah, mereka tidak akan bercakap dalam BM sepenuhnya lebih daripada tiga minit tetapi akan menggunakan bahasa Inggeris dan/atau bahasa campuran atau 'code-switching' dan 'code-mixture' antara BM dengan bahasa Inggeris. Dengan anak-anak mereka peringkat tadika dan sekolah rendah pun mereka berbual sama ada dalam bahasa Inggeris atau dalam bahasa campuran. Pengalaman saya memerhatikan kclakuan bahasa ('language behaviour') di kalangan bangsa Jepun, Cina (iaitu Cina dari negeri Cina), dan bangsa Perancis menunjukkan bahawa apabila mereka bertemu dan berbual-bual sesama bangsa sendiri, di mana-mana sahaja dan tentang apa juu topik, mereka tidak melakukan 'code-switching' dan tidak pernah bercakap dalam bahasa asing walaupun mereka mengetahui dan fasih dalam bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris. Kesan saya ialah, orang Melayulah bangsa yang paling banyak menggunakan bahasa campuran dan paling gemar berbahasa Inggeris dalam perbualan sesama bangsa sendiri. Apakah tujuan mereka, saya tidak tahu, tetapi yang saya tahu ialah, cara seperti itu tidak diamalkan oleh bangsa yang maju di dunia.

5.4 Kita mengetahui bahasa Inggeris bukan untuk berbual-bual di rumah dengan keluarga kita atau untuk bersembang-sembang kosong dengan rakan sebangsa di kedai kopi dalam bahasa itu. Kita mengetahui bahasa Inggeris untuk tujuan yang lebih tinggi daripada itu, misalnya untuk mempelajari ilmu yang ada dalam bahasa itu, kemudian menyebarkan ilmu itu kepada bangsa kita melalui penulisan atau melalui cara lain. Kalau proses pembudayaan ini tidak dilakukan dalam bahasa sendiri, apa perlunya kita menggunakan bahasa Melayu di IPTA atau sebagai bahasa utama dalam sistem

pendidikan kebangsaan? Ilmu dan kemajuan negara tidak dapat dibina melalui bahasa rojak atau bahasa Melayu ragam rendah. Saya tidak menganjurkan supaya rakyat Malaysia semuanya bercakap dalam bahasa Melayu tinggi, bahasa baku. Tetapi untuk membina kemajuan, untuk menjadi bangsa yang cemerlang dalam bidang pendidikan dan ilmu dan sains dan teknologi, orang Melayu tidak ada pilihan lain melainkan kembali kepada akarnya, bererti kembali kepada identiti sendiri, budaya dan tamadun sendiri, berulah segala dasar dan rancangan yang baik-baik untuk bangsa Melayu dan untuk negara, termasuk dasar bahasa kebahasaan dan dasar pendidikan kebangsaan, dapat didukung dengan kesedaran dan komitmen budaya yang tinggi. Masa depan bahasa Melayu di negara ini bergantung pada orang Melayu yang mempunyai kesedaran ini, tidak orang Melayu yang berkata 'peduli apa pada bahasa Melayu asalkan aku sendiri kaya'. Saya khawatir, jika laju kelakuan bahasa Melayu ini tidak berubah, suatu hari nanti bangsa Melayu tidak mampu lagi berfikir tinggi dalam bahasa sendiri kerana ragam bahasa yang mereka tahu hanya ragam bahasa rendah, ragam bahasa campuran itu. Tanda-tanda bahawa bahasa Inggeris akan memainkan peranan lamanya, peranan semasa mereka menjajah kita dahulu, sedang berulang hari ini, iaitu peranannya sebagai bahasa yang memisahkan bangsa Melayu daripada kemajuan negara.

4 September 2000

---

<sup>1</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16<sup>th</sup> Century Malay Translation of the 'Aqa'id of Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Department of Publications, University of Malaya. Lihat juga Mahayudin Yahya. 1995. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: DBP, yang berpendapat bahawa sebuah kitab agama (tasawuf) dalam bahasa Arab, *Luhut A-Bahr* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pada abad ke-13.

**Dasar Kebudayaan Kebangsaan Menghadapi Cabaran  
Zaman**

oleh  
**Prof. Datuk Abu Bakar Bin Abd Hamid**

**Sesi 3 Trek 1**

**DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN  
MENGHADAPI CABARAN ZAMAN**

**OLEH**

**ABU BAKAR BIN ABD HAMID**

**PENGERUSI**

**YAYASAN PENATARAN ILMU**

## **PEMBUKA**

Sesudah 43 tahun merdeka apakah masih perlu kita membincangkan tentang kebudayaan kebangsaan? Lebih-lebih lagi mengingat Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah dimaktubkan dalam tahun 1971 apabila berlangsungnya Kongres Kebudayaan Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pertanyaan seperti ini sudah tentu mengundang sekelumit rentetan pertanyaan yang lain. Apakah Bangsa Malaysia itu sendiri sudah wujud? Jelaskah kepada kita bagaimana rupa jatidiri Malaysia? Apakah cinta kita kepada Malaysia itu melampaui cinta kepada kaum atau suku kaum kita?

Dalam hubungan ini Dr. Hassan Ahmad mengatakan, "... Malaysia sebenarnya tidak mempunyai 'kebudayaan kebangsaan'. Yang ada ialah kebudayaan pelbagai bangsa. Hakikat ini tidak dapat kita nafikan. Kesan Dasar Kebudayaan Kebangsaan tidak menyeluruh. Budaya Melayu tetap tidak dapat melintasi sempadan bangsanya, begitu juga budaya kaum-kaum lain tetap terikat dengan bangsa yang memilikinya secara asaliah. Yang ada ialah budaya ritual atau upacaraan atau rasmian yang digunakan oleh kerajaan dalam majlis rasmi negara atau dalam urusan rasmi kerajaan. Jadi Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sebenarnya ialah dasar budaya negara, bukan dasar budaya kebangsaan." (Lihat, "Dasar Kebudayaan Kebangsaan Menghadapi Cabaran Baru" *Dewan Budaya*, Januari 1997)

Barangkali kita masih belum selesai membina satu bangsa Malaysia. Belum kukuh dalam citra kita apakah corak kebudayaan Malaysia. Masih samar-samar rupa bentuk jatidiri keMalaysiaan. Namun kita sudah dilanda pula oleh arus baru yang besar lagi deras secara bertubi-tubi membawa bersamanya, antaranya nilai yang bertentangan dengan apa yang kita anuti dan mahu perkembangkan selama ini. Begitulah kelihatannya gagasan pensejagatan dicipta untuk merobohkan sebahgian daripada benteng yang kita bina berdasarkan aspirasi kebangsaan. Gejala yang tidak kita undang ini tidak pula boleh kita

suruh pergi begitu saja seperti pada tajuk buku oleh William Greider, *Globalisation, Ready or Not: the Manic Logic of Global Capitalism* (Simon & Schuster, 1997).

Budaya sering dianggap sebagai suatu kemewahan oleh segolongan anggota masyarakat tertutama di kalangan golongan peniaga. Ia bukan sesuatu keperluan asasi, kalau ada baik, tak ada pun tak mengapa. Anggapan sedemikian juga terlihat dalam projek pembangunan negara, baik besar maupun kecil. Kebudayaan yang bercorak kebangsaan tidak menjadi bahagian yang utama daripada kerangka pemikiran bagi sesuatu pembangunan. Kalau ia menjadi bahan yang boleh mlariskan suatu projek pelancongan, maka baguslah. Kalau tidak, apa perlunya? Kebudayaan kebangsaan tidak dianggap sebagai unsur yang boleh memajukan bangsa. Malahan sebaliknya, sebagai unsur melambat-lambatkan kemajuan. Lihatlah apa yang berlaku dengan bahasa kebangsaan. Ia boleh dikorbankan untuk kononnya mempercepatkan pendidikan teknologi moden di peringkat pendidikan tinggi.

Sikap sambil lewa terhadap aspek kebudayaan ini sebahagiannya disebabkan oleh tanggapan kebudayaan yang disempitkan. Kebudayaan dihubungkan dengan kesenian semata-mata, dengan aspek adat istiadat, upacara-upacara rasmi, pakaian rasmi dan yang berhubungan denganya. Kesenian dan unsur-unsur upacara adalah bahagian yang penting daripada kebudayaan terutama dari segi jatidiri yang tampak tetapi kebudayaan jauh lebih luas daripada itu. Ia mencakup bidang falsafah, pemikiran, ekonomi, teknologi, pendidikan dan nilai. Dalam kertas ini saya melihat kebudayaan dalam pengertian yang luas, iaitu sebagai hasil ciptaan dan warisan hidup manusia dalam sesebuah masyarakat, hasil penyesuaian manusia dengan alam sekitarnya dan hasil yang diperolehi melalui pendidikan.

Dilihat dari sudut yang lebih luas ini peranan budaya amat penting dalam dalam kerangka pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Malahan bagi Malaysia, sebuah negara yang sedianya amat berbelah bagi dari sudut etnik, suku, agama, bahasa, budaya, taraf pencapaian ekonomi, lokasi dan sebagainya, kebudayaan menjadi alat utama

pembentukan jatidiri, sumber integrasi dan asas perpaduan antara suku dan kaum. Bagi Malaysia masyarakat yang bersatu padu, bertaat setia yang tidak berbelah bagi bukan suatu kemewahan tetapi suatu kementerian untuk *survivalnya*. Budaya juga mestilah menjadi alat pembina minda supaya rakyat berfikiran maju, mengikuti perkembangan zaman, bersikap saintifik dan rasional di samping daya pemupuk nilai-nilai murni seperti amanah, toleransi, sederhana, bertimbang rasa, bertanggung-jawab dan lain-lain lagi.

Kertas ini tidak bertujuan memberikan rasional kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah dimaktubkan 1971 itu. Ramai sarjana dan budayawan telah dengan baiknya mengemukakan hujah-hujah yang kukuh mempertahankan dasar tersebut. Di antaranya, Profesor Zainal Keling dalam rencananya, "Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia" yang telah dibentangkan dalam **Pertemuan Dunia Melayu** di Melaka dalam bulan Disember 1982 dan Haji Abdul Aziz Deraman, "Perancangan dan Pentadbiran Kebudayaan di Malaysia" yang telah diterbitkan dalam **Kebudayaan Kebangsaan Dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia** yang telah diselenggarakan oleh Abdul Latiff Abu Bakar (Biro Pendidikan UMNO, 1987).

Kertas ini akan menumpukan perhatian kepada status kebudayaan kebangsaan kini dan cabaran yang dihadapi untuk melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam era yang pesat berubah akibat gagasan dunia tanpa sempadan, pensejagatan, liberalisasi ekonomi dan pendidikan yang dikuasai oleh teknologi maklumat dan komunikasi moden.

## 1. LATAR BELAKANG

1.1 Kongres Kebudayaan Kebangsaan, 16-20 Ogos 1971, di Universiti Malaya anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah merumuskan tiga asas bagi pembinaan kebudayaan kebangsaan:

- i. Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berdasarkan kebudayaan asli rakyat rantau ini.
- ii. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan ketangsaan.

- iii. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

1.2 Rumusan ini telah mengemas-kinikan keputusan kongres yang diadakan sebelum ini, iaitu pada 30 Disember 1957 sampai 2 Januari 1958, di Sekolah Tinggi Melaka. Kongres Kebudayaan Melayu ini telah dianjurkan oleh orang-orang perseorangan dan badan-badan bahasa, sastera dan budaya Tanah Melayu, Singapura dan Kalimantan Utara. Panitia Kongres terdiri daripada Cikgu Yusof Harun sebagai Pengerusi, Cikgu Harun Mohd. Amin sebagai Penolong Pengerusi dan Cikgu Abdul Samad Ahmad (ASMAD) sebagai Setiausaha. Antara rumusan penting Kongres ini ialah:

- i. Dengan haknya sebagai bumiputera Tanah Melayu, maka Kongres Kebudayaan Melayu yang pertama menetapkan bahawa Kebudayaan Melayu yang tidak bertentangan dengan agama Islam adalah menjadi kebudayaan kebangsaan Tanah Melayu.
- ii. Sebarang unsur-unsur dalam kebudayaan Melayu yang sesuai dengan kehendak-kehendak dan keadaan zaman hendaklah dipupuk dan diperkemaskan seluas-luasnya.
- iii. Sebarang unsur kebudayaan asing yang tidak bertentangan dengan agama Islam yang mengisi kekosongan dan/atau memajukan kebudayaan Melayu hendaklah diterima, bahkan dicari, dimasukkan dan disebatikan dalam kebudayaan Melayu.

1.2.1 Kongres ini juga telah membentuk sebuah **Dewan Kebudayaan Kebangsaan** dan Encik Aminuddin Baki telah dilantik sebagai Pengerusinya. (Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, *Kebudayaan Kebangsaan Dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia*, 1987, hal. 25-30) Sehingga ini tidak jelas apakah hasil kegiatan Dewan Kebudayaan Kebangsaan.

1.3 Dalam bulan Jun 1976 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menu buhkan Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan. Jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai kaum ini diberi tugas untuk memberi fikiran dan cadangan dalam

hal "pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, perkara-perkara kebudayaan amnya dan masalah penyertaan semua kaum dalam pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu." (Lihat Azaz Deraman, "Perancangan dan Pentadbiran Kebudayaan Di Malaysia", dalam Abdul Latiff Abu Bakar ,1987, hal. 173-174) Kelihatannya, pengwujudan Jawatankuasa Penasihat ini bertujuan melibatkan pelbagai kaum dan golongan dalam usaha melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

1.4 Dasar-dasar kerajaan yang lain juga tidak dapat dipisahkan daripada konsep dan pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Antaranya, **Rukun Negara**, **Dasar Bahasa Kebangsaan**, **Dasar Pendidikan Kebangsaan**, **Dasar Ekonomi Baru**, **Dasar Ekonomi Kebangsaan** dan **Wawasan 2020**. Dasar-dasar ini menekankan asas utama kepada gaya hidup rakyat Malaysia, iaitu ketuhanan, kesetiaan kepada raja dan negara, kepercayaan kepada nilai-nilai budaya bercorak Malaysia seperti demokrasi dengan batas dan tanggung-jawabnya, keadilan sosial, kesopanan, kesusilaan, kesederhanaan, toleransi, bertimbang rasa, rasional, saintifik, berfikiran maju, menerima teknologi moden dan nilai-nilai murni yang lainnya. Saya percaya tidak ada perbalahan untuk menerima nilai-nilai tersebut.

1.4.1 Khusus dalam bidang kebudayaan, **Rukun Negara** menegaskan, "menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak." Dalam hubungan ini, Tan Sri Ghazali Shafie, salah seorang pencetus idea **Rukun Negara**, mengatakan,

**Rukun Negara** menjamin diterima budaya-budaya lain dengan disusun semula dalam sistem budaya bumiputera. Tari singa dalam bentuknya yang ada sekarang ini, umpamanya, tak mungkin diterima sebagai manifestasi gerak-geri tarian Malaysia. Sekiranya, seperti mana kata Spengler, jiwa budaya tidak dapat dipisahkan dari latar belakang alamnya, maka tari singa adalah kepunyaan tanah besar Cina dari segi budaya. Ianya tidak ada sebarang kaitan dengan alam sekeliling Malaysia, walaupun peranannya untuk mempengaruhi terjamin. Kiranya tari singa ini dimasukkan ke dalam budaya yang berteraskan budaya bumiputera, mungkin di satu masa nanti setelah berlalu masa perselisihan dan penyesuaian,

maka hasil dari interaksi ini satu-satu gerak-gerik tarian, boleh jadi seekor harimau dengan irungan gong dan tabla atau gamelan seperti di Bali." (Ucapan Y.B. Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie, Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan Malaysia kepada **Kumpulan Pengkaji Asia Tenggara** mengenai **Kebudayaan Untuk Masa Hadapan** di Kuala Lumpur, 17 Jun 1971, hal. 19-20)

## 2 STATUS KEBUDAYAAN KEBANGSAAN KINI

2.1 ritual, adat istiadat Apa yang dikatakan Kebudayaan Kebangsaan lebih jelas terlihat dalam aspek dan upacara rasmi. **Lagu Kebangsaan, Jalur Gemilang**, pakaian rasmi ahli parlimen, pegawai kerajaan termasuk anggota kor diplomatik kita mencerminkan budaya kebangsaan. Dalam hal-hal tersebut unsur kebudayaan kebangsaan dan identiti Malaysia boleh dikatakan menyerlah.

2.2 Kebudayaan kebangsaan juga dapat ditinjau daripada sudut pencapaian individu atau masyarakat yang menimbulkan rasa kebanggaan dan kemegahan secara bersama rakyat Malaysia. Misalnya, hasil kemajuan teknologi seperti kereta Malaysia, hasil penyelidikan kelapa sawit, bangunan pencakar langit seperti Menara Berkembar dan Menara Kuala Lumpur, hasil arkitek bercorak Malaysia seperti Mesjid Negara, Tabung Haji dan Dayabumi. Sudah tentu masih boleh dipersoalkan sejauh mana hasil ciptaan ini memenuhi hasrat kebudayaan kebangsaan.

2.3 Dari segi politik dan kerajaan kita mempunyai **Perlembagaan Malaysia, Rukun Negara, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Ekonomi Kebangsaan** dan **Wawasan 2020** yang bertujuan membentuk masyarakat Malaysia yang maju dalam acuan kita sendiri. Penerimaan dasar-dasar ini sedikit sebanyak mencerminkan kesedaran masalah yang dihadapi oleh semua kaum secara bersama dan bahawa destinasi kita secara bersama ditentukan oleh bagaimana kita bersedia menghadapi masalah-masalah ini secara jujur, bertoleransi dan

keseluruhan adalah lebih besar daripada jumlah bahagian-bahagiannya. Demikian juga banyak bangunan yang tidak ke Malaysiaan cirinya, sementara pembangunan bandar baru dan taman perumahan banyak yang tidak mengambil kira nilai-nilai budaya yang penting bagi Malaysia..

- 3.3 Selain daripada aspek ritual dan lambang yang memperlihatkan identiti Malaysia tidak banyak usaha menerapkan dinamika budaya untuk nenentang budaya yang negatif seperti lepak, dadah dan menggunakan media elektronik untuk tujuan hiburan murahan dan fonografi. Dasar penapisan yang berlainan piaawai antara media satelit dan 'terrestrial' membingungkan ibu-bapa dan menjadikan kawalan hanya berkesan bagi golongan yang tidak berkemampuan. Sementara beban penapisan kini sedikit demi sedikit dipindahkan daripada kerajaan kepada ibu-bapa, maklumat dan panduan untuk ibu-bapa memilih filem yang sesuai untuk anak-anak mereka juga tidak mudah untuk diperolehi.
- 3.4 Semakin hari golongan peniaga dengan budaya kebendaannya semakin berkuasa menetukan cara hidup kita. Kuasa iklan adalah salah satu kuasa penentu pasaran. Barang yang tidak semestinya baik menjadi makanan harian orang ramai kerana kuasa iklan. Bayangkan bagaimana orang Islam hari ini tidak lagi segan silu melahap 'hamburger' dan 'hot-dog'. Perkataan 'ham' dan 'dog' pada nama makanan tersebut kini tidak lagi menimbulkan apa-apa perasaan mual atau jijik di kalangan orang Islam termasuk yang berkopiah putih.. Anak kecil berumur dua tahun pun sudah kenal McDonald. Demikianlah kuatnya cengkaman iklan ke atas kehidupan kita. Iklan yang meluas tidak bergantung kepada kualiti barang tetapi kepada kos yang sanggup dibayar untuk mempromosikannya.
- 3.4.1 Landaan arus kebendaan dan budaya dagang ini secara sedar atau tidak sedar sudah mengeser ke samping nilai-nilai positif yang utama dalam pembentukan masyarakat yang bersatu padu dan berkongsi pengalaman..

mereka. Dulu **Dewan Bahasa dan Pustaka** melakukan tugas ini dan memberikan laporan setiap enam bulan kemajuan mereka masing-masing melaksanakan Dasar Bahasa Kebangsaan.

2.5.2 Dalam bidang perniagaan, banyak syarikat, termasuk bank-bank sama ada milik bumiputera atau bukan, mengamalkan multi-lingualisme. Borang yang amat sederhana seperti memasukkan wang ke dalam kira-kira bank pun mesti dibuat dalam tiga bahasa. Implikasi daripada ini ialah masih ramai rakyat Malaysia yang tidak menguasai bahasa Malaysia walaupun untuk mengisi borang yang amat mudah. Apakah program pendidikan bahasa Malaysia sudah sama sekali gagal? Atau ada usaha yang terancang untuk melaksanakan pelbagai bahasa dalam bidang perdagangan?

2.5.3 Malahan adakalanya bahasa kebangsaan bukan saja hanya bahasa ketiga tetapi tidak diberikan tempat langsung. Agaknya tidak mustahil suatu hari nanti dalam jangka waktu terdekat banyak syarikat yang tidak akan menggaji mereka yang tidak menguasai bahasa Mandarin. Ini tidak boleh ditafsirkan sebagai diskriminasi kerana ia adalah kelayakan tambahan yang diperlukan oleh pasaran seperti kemahiran komputer dan mempunyai lesen pemandu.

2.5.4 Kekeliruan tangapan dwi-bahasa telah menghasilkan bahasa campur aduk yang amat mengelirukan. Seorang teman saya dari Amerika yang belajar bahasa Melayu amat bingung dengan ucapan 'wife I' yang lazim didengarnya di kalangan orang Melayu. Katanya ini Melayu pun tidak Inggeris pun tidak. Kini bahasa campur-aduk tak keruan ini sudah melampaui bahasa lisan. Sudah tertera dalam bentuk tulisan. Apabila Saudara-saudari makan di hotel, perhatikanlah menunya. Saudara-saudari akan dapat mengumpulkan banyak contoh rojak basi yang memuaskan.

2.6 Suatu fungsi penting kebudayaan kebangsaan ialah menanamkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat termasuk golongan remaja. Hanya dengan demikian kita boleh melahirkan masyarakat madaniah bukan masyarakat madaiyah yang meminati hanya budaya murahan bercorak hedonistik. Banyak institusi sosial boleh digunakan untuk mencegah budaya lepak, dadah dan sebagainya.. Bagi orang Islam mesjid adalah salah satu institusi sosial yang boleh digunakan dengan cukup berkesan untuk membina nilai-nilai murni berteraskan iman dan akhlak. Kegiatan mesjid tidak seharusnya terbatas kepada sembahyang berjemaah, zikir, kuliah, menguruskan korban dan jenazah serta khairat kematian. Mesjid boleh juga menjadi pusat ilmu secara am, pusat komputer, pusat permainan sepak takraw, bola tampar atau ping-pong. Dengan demikian ia boleh menarik golongan remaja untuk lebih sering datang ke mesjid. Jika mereka kena bayar untuk pergi ke Cyber Cafè, mesjid boleh menyediakan kemudahan komputer dengan percuma atau dengan bayaran yang murah. Selain memantapkan konsep *amar makrufnahi mungkar* serta dosa dan pahala, kegiatan-kegiatan ini boleh mencambah dengan lebih berkesan tradisi keilmuan, nilai gotong-royang, muafakat dan berkongsi maklumat, pengalaman, gagasan serta wawasan. Institusi sosial lain hendaklah digunakan dengan tujuan menyemai budaya-budaya positif dan nilai-nilai murni dan mencegah budaya negatif seperti dadah, lepak dan lain-lain.

2.7 Apakah kebudayaan kebangsaan pada hari ini menjadi salah satu unsur utama dalam kerangka pembangunan negara? Misalnya, apabila kita membangun sebuah bandar baru, apakah unsur-unsur kebudayaan kebangsaan dan jatidiri Malaysia menjadi salah satu pertimbangan utamanya? Apakah ia suatu usaha terarah mempercepat proses integrasi antara kaum? Bagaimana dengan komposisi penduduknya? Apakah kita juga hari ini turut membina satu "Kampung Baru" seperti yang dibuat oleh penjajah dalam zaman darurat dulu? Apakah ada kemudahan untuk beribadat, tempat rekreasi dan sukan? Apakah ada fasiliti untuk penduduknya berinteraksi supaya semangat muhibbah dan kejiraninan, nilai yang amat penting bagi Malaysia, dapat

bersemarak? Di manakah letaknya tanah perkuburan? Baru-baru ini terdengar berita bahawa di Lembah Kelang tanah perkuburan hanya cukup sehingga 2003. Apa akan terjadi sesudah itu?

2.8 Kini kita memasarkan Malaysia kepada pelancong asing sebagai "Little Asia". Datang ke Malaysia sama dengan Anda telah mengunjungi Tanah Besar India dan Cina! Gimik pemasaran ini boleh menjadi anti-tesis kepada asas kebudayaan kebangsaan. Uniknya budaya Malaysia ialah kerana kedinamikannya mengambil unsur-unsur yang positif daripada luar dan menggembelengnya dengan kreativiti tempatan ke dalam suatu budaya Malaysia tersendiri yang tidak lagi sama dengan dengan sumber asalnya. Bahasa Melayu adalah contoh yang baik sekali. Ia amat banyak mengambil daripada perbendaharaan perkataan dunia dalam proses menjadikannya bahasa moden. Tetapi watak bahasa Melayu itu tetap kekal selagi strukturnya, seperti sistem fonologinya dan sistem morfologinya serta bentuk kalimatnya, masih dipertahankan. Kausa kata akan terus berubah dan bertambah tetapi ia tetap bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia selagi strukturnya masih patuh kepada struktur bahasa Melayu. Tulisan Jawi adalah contoh yang lain. Sungguhpun asasnya Arab, ia telah diperkaya oleh unsur-unsur lain seperti Parsi Kini ditambah dan diperkaya lagi dengan bunyi yang tidak wujud dalam bahasa Arab dan Parsi seperti "v". Namanya Tulisan Jawi pun sepesifik Malaysia. Orang Indonesia tidak menyebutnya sebagai tulisan Jawi.

2.8.1 Konsep Kebudayaan Kebangsaan Malaysia yang telah dipersetujui 1971 itu dapat diibaratkan sebuah rumah Melayu. Struktur induknya Melayu dan boleh diperkaya dengan unsur-unsur budaya lain selagi tidak merusak wataknya. Hiasan dalamannya juga boleh diambil daripada mana-mana budaya lain yang serasi dengan keseluruhan konsep bangunan itu. Tetapi kini sudah ada yang mempersoalkan apakah konsep ini diterima oleh semua pihak? Sejauh manakah iltizam Kerajaan melaksanakannya?

### **3. CABARAN MEMBINA KEBUDAYAAN KEBANGSAAN**

Ternyata pada hari ini Dasar Kebudayaan Kebangsaan masih belum lagi berhasil menjadi asas kepada semua pemikiran dan tindak tanduk, baik kerajaan khasnya maupun rakyat Malaysia amnya. Dasar Kebudayaan Kebangsaan menghadapi pelbagai rupa cabaran, terutama dengan perubahan zaman yang dibawa oleh pemikiran baru dan teknologi maklumat dan komunikasi moden.

3.1 Penerimaan konsep Dasar Kebudayaan Kebangsaan pada hari ini masih belum merata di kalangan rakyat Malaysia. Ada yang menganggapnya enteng sahaja sementara sebahagian rakyat terutama golongan bukan bumiputera dengan tegas menolaknya. Di antara alasan yang diberikan kononnya mereka tidak terlibat dengan penciptaan dasar tersebut. Alasan ini tidak dapat diterima oleh kerana Kongres tersebut telah dianjurkan oleh Kerajaan yang didokong oleh parti-parti politik dari semua kaum. Lagi pula bukan-bumiputera juga turut serta dalam Kongres tersebut, di antara yang telah membentangkan kertas kerja ialah Profesor Khoo Kay Kim, Profesor Lloyd Fernando, Puan Dr. Premilla dan A.P.M. Piyadasa.

3.1.1 Dalam hubungan ini Jawatankuasa Suqiu mengatakan "...Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang sedia ada adalah didasarkan pada budaya tunggal, ianya merupakan halangan bagi perkembangan kebudayaan masyarakat majmuk." Dan Jawatankuasa ini mencadangkan, "Kenalkan dasar kebudayaan dan seni yang lebih liberal dan pluralistik." Apakah dasar ini juga bermakna melaksanakan multi-lingualisme?

3.2 Iltizam kerajaan melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan juga boleh dikatakan kurang daripada jitu. Contohnya dapat kita lihat pada sikap yang liberal dalam penggunaan bahasa Malaysia walaupun dalam upacara rasmi kerajaan sementara mempromosikan Malaysia sebagai "Little Asia" tidak membantu ke arah mengukuhkan kebudayaan kebangsaan. Konsep ini bukan memadukan tetapi memisah-misahkan. Dalam ilmu Retorika dikatakan

berhikmah. Bagimanapun, perbalahan selalu timbul apabila dasar-dasar ini hendak dilaksanakan. DEB diterima oleh semua pihak tetapi apabila dikenakan sasaran yang tegas dan kuota yang spesifik dalam pelaksanaannya maka akan timbul bantahan. Bolehkah dasar-dasar ini dilaksanakan dengan berkesan tanpa sasaran dan kuota yang tepat?

- 2.4 Di antara usaha yang telah dilaksanakan adalah pembinaan prasarana untuk mengembangkan kebudayaan kebangsaan. **Arkib Negara, Perpustakaan Negara dan Muzium Negara** serta Bahagian-Bahagian Penyelidikan di Kementerian dan IPT memainkan peranan memelihara dan mengkaji pelbagai aspek kebudayaan serta menyebarkan maklumat mengenainya kepada orang ramai. Ruang untuk berkreasi dan mencipta disediakan dengan pembinaan Balai Seni Lukis Negara, Istana Budaya dan lain-lain kemudahan. Penyebaran maklumat kepada orang ramai amat penting dalam usaha membina kesedaran akan kekayaan khazanah budaya kita dan menimbulkan rasa kebanggaan bersama terhadapnya. Kini kita perlu menggunakan teknologi maklumat moden untuk menyampaikan maklumat ini dengan lebih cepat dan berkesan.
- 2.5 Kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi, bahasa pentadbiran dan bahasa pengantar utama di sekolah dan IPT untuk jangka waktu yang lama boleh dikatakan mantap tetapi akhir-akhir ini, terutama dengan pindaan Akta Pendidikan 1996 dan sikap yang liberal, kedudukannya sudah tercabar. Dalam badan-badan kerajaan dan separuh kerajaanpun penggunaannya masih kurang merata. Misalnya, apabila **Akademi Sains Malaysia** mengadakan jamuan tahunannya, bahasa Malaysia sama sekali tidak digunakan dalam kad jemputan, kad jawapan dan buku programnya. Apakah ini kerja saintifik yang terlalu tinggi hingga tidak mungkin dibuat dalam bahasa Malaysia?
- 2.5.1 Siapakah yang memantau sejauh mana badan-badan kerajaan, separuh kerajaan dan swasta melaksanakan bahasa kebangsaan dalam tugasannya

Budaya tajaan hari ini sudah meminggirkan budaya gotong-royong. Jika Anda mahu mengadakan Hari Ibu-Bapa di sekolah anak Anda, mana yang akan dipilih oleh para ibu-bapa, bergotong-royong menyediakan makanan atau meminta seorang taukei atau Wakil Rakyat menaja majlis itu. Dari pengalaman saya, hampir semua orang memilih yang kedua. Dan dengan itu budaya gotong-royong sedikit demi sedikit menjadi cerita sejarah saja.

- 3.5 Liberalisasi pendidikan seperti yang dicerminkan oleh pindaan Akta Pendidikan 1966 akan membawa kesan yang membimbangkan dalam jangka panjangnya terhadap usaha membentuk warga Malaysia yang bersatu padu dan kental sifat keMalaysiaannya. Bayangkan akibat dari segi pembinaan bangsa Malaysia jika melalui sistem pendidikan kita sekarang ini segolongan orang boleh belajar dari peringkat tadika sehingga ke IPT dalam bahasa pengantar lain daripada bahasa kebangsaan. Bagaimana pula interaksi mereka dengan segolongan besar rakyat Malaysia yang lain? Tidakkah dengan pindaan Akta ini kita sendiri sudah memasang jerangkap samar atau bom jangka kepada usaha membina generasi Malaysia yang akan datang yang bersatu padu dan bertaat setia yang berbelah bagi kepada Malaysia? Bagaimana pula dengan usaha membezakan bahasa pengantar ilmu-ilmu sains dan teknologi dengan yang lainnya di peringkat IPT: satu dalam bahasa Inggeris dan satu lagi dalam bahasa Malaysia. Selain menafikan hak bahasa Melayu menjadi bahasa sains dan teknologi, kita sudah membina jurang komunikasi antara dua golongan manusia. Barang diingat negara-negara besar yang maju dan liberal pun menekankan satu sistem pendidikan yang kukuh saja untuk menggembungkan generasi mudanya menjadi warga yang taat setianya tidak tumpah ke tempat lain.
- 3.6 Hakikat bahawa isu-isu berkaitan dengan bahasa kebangsaan, kebudayaan kebangsaan dan pendidikan kebangsaan masih diperdebatkan dengan hebat membuktikan bahawa kita masih belum berjaya menanganinya dengan tuntas. Dalam pada itu arus serangan gagasan pencejagatan yang dicirikan oleh

konsep dunia tanpa sempadan, langit terbuka dan perdagangan bebas sudah melanda kita. Jentera yang menggerakkannya ialah perniagaan. Kononnya semua orang akan mendapat faedahnya apabila produk yang dihasilkan dengan pengurusan yang paling cekap, menggunakan tenaga yang paling mahir dan dengan kos pengeluaran yang paling rendah tanpa mengira di mana dan oleh siapa ia dihasilkan. Sudah tentu yang pertama mendapat keuntungan besar adalah kaum kapitalis yang memodalkan dan mengusahakan produk tersebut. Kononnya sistem ekonomi ini saling bergantungan (*interdependence*) tanpa mengira kepentingan mana-mana golongan peniaga atau kerajaan termasuk yang paling berkuasa. Tetapi hakikatnya, seperti kata William Greider, "*The global economy divides every society into new camps of conflicting economic interests. It undermines every nation's ability to maintain social cohesion. It mocks the assumption of shared political values that supposedly unite people in the nation-state.*" William Greider, **One World, Ready or Not** (Simon & Schuster, 1997) Kelihatannya globalisasi akan membawa kita kembali kepada hukum alam rimba di mana yang paling kuat menjadi raja dan yang lemah akan menjadi mangsa. Orang seperti William Greider percaya sistem yang dibawa oleh globalisasi ini banyak buruknya dan oleh kerana itu tidak akan kekal. Tetapi akan memakan waktu yang lama juga sebelum ia nanti dihancurkan.

3.6.1 Globalisasi menyerang negara bangsa dari dua dimensi. Pertama, ia membuka batas-batas negara dan peraturan-peraturan yang menyekat lalu lintas barang dagangan oleh mana-mana negara. Sebagai contoh, Malaysia tidak boleh lagi melindungi industri keretanya sehingga Proton perlu bersaing secara bebas dengan kereta-kereta lain. Kononnya nanti orang Malaysia boleh memilih untuk membeli kereta yang diminati mereka dengan harga yang lebih murah. Dengan kebebasan yang serupa, bahan hiburan dari luar akan lebih murah dan mudah diperolehi di Malaysia tanpa mengira apa kandungannya dan nilai apa yang disugukkan. Pastinya nilai iman, akhlak, etika, taat setia kepada negara, muhibbah, tolak ansur serta identiti kita akan tercabar.

- 3.6.2 Pensejagatan juga menyerang negara-bangsa daripada dimensi lain, barangkali, tidak disengajakan. Tekanan supaya menjadi lebih bebas, terbuka dan liberal mengakibatkan reaksi yang setimpal daripada suku-kaum (*tribe*) yang merasa terancam kewujudannya. Mereka merapatkan barisan untuk mempertahankan identiti, bahasa dan kebudayaannya. Misalnya Orang Irish kembali menunjukkan minat yang besar terhadap bahasa, kesusteraan dan budayanya. Manusia akan lebih gigih mempertahankan budaya serta identiti suku-kaumnya dan tindakan ini sekali lagi mencabar usaha membina negara-bangsa dengan melebarkan jurang antara suku-kaum. Upaya mengintegrasikan pelbagai suku-kaum dalam sesebuah negara menjadi semakin lemah. Bagi Malaysia di mana kerja pembinaan bangsa belum selesai, fenomina ini adalah suatu tamparan yang hebat kepada usaha mengukuhkan kebudayaan kebangsaan dan jatidiri Malaysia. Kita kini akan menerima akibat yang dahsyat daripada kelekaan melaksanakan tugas ini sekian lama
- 3.6.3 Pensejagatan bertujuan menghomogenkan (*homogenize*) manusia supaya selera mereka lebih kurang sama dan mereka meminati makanan yang lebih kurang sama, pakaian yang lebih kurang sama, menggunakan alat kelengkapan yang lebih kurang sama dan bercuti di tempat-tempat peranginan yang sedemikian juga. Dengan itu lebih mudah memasarkan sesuatu produk sementara pasarannya seantero dunia luasnya. Tetapi dapat dibayangkan akan lahir reaksi yang hebat terhadap usaha penghomogenan manusia ini. Dengan demikian mereka yang kukuh jatidirinya mempunyai peluang yang lebih baik mempertahankan diri daripada yang lain yang akan dibawa arus. Lagi keras usaha menghilangkan keindividuan seseorang itu maka lagi lagi gigih usaha orang itu mempertahankan keperibadiannya.

3.6.4 Dalam keadaan yang kemelut ini kita harus berfikir bukan saja untuk menjadi konsumen kepada produk global tetapi memberikan sumbangan kepada dunia global ini dari segi falsafah, produk dan pemikiran asli kita. Apabila diadakan International Food Festival di Athens, Ohio, Amerika Syarikat, saya lihat orang Amerika dan orang dari negara lain beratur berderet-deret untuk membeli sate Malaysia dan sate Indonesia. Begitu juga roti canai dan mi Siam Malaysia. Ini tandanya produk-produk ini mempunyai potensi dalam pasaran global. Sudah tentu kita perlu menguasai strategi memasarkannya dan mengawal mutunya. Pastilah orang mahu beralih rasa daripada MacDonald dan Kentucky. Demikian juga dengan potensi pakaian wanita Malaysia, sukan sepaktakraw serta tarian dan lagu-lagu Malaysia. Seorang pensayrah berbangsa Amerika yang pernah tinggal di Malaysia selama empat tahun telah mengadakan "rumah terbuka" di kawasan kejiranannya di Amerika. Ringkasnya, semakin dunia menjadi global semakin perlu kita melihat ke dalam diri kita dan budaya kita sendiri bukan saja untuk mempertahankan peribadi kita tetapi meneroka bidang-bidang yang kita boleh sumbangkan kepada budaya dunia.

#### 4. CADANGAN PEMUGARAN

4.1 Ciri masyarakat Malaysia yang sedianya amat berbelah bagi kepada suku-kaum, kumpulan etnik, lokasi timur-barat serta bandar-luar bandar, perbezaan agama, bahasa, tradisi dan adat, kepincangan kedudukan ekonomi dan pengenalan etnik melalui pekerjaan menuntut Malaysia mempunyai dasar kebudayaan yang kukuh untuk menjana integrasi dan perpaduan. Maka itu sayugialah diterima dan diperkemas Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah dimaktubkan sejak 1971 itu. Dasar kebudayaan ini berpotensi mengikat taat setia rakyat dan memupuk perpaduan kebangsaan.

4.2 Selain unsur-unsur tampak yang menjadi lambang dan jatidiri negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan perlu diperkuuh dengan penekanan kepada falsafah dan nilai yang boleh mengukuhkan perpaduan antara suku, kaum serta golongan dan menghindarkan kemungkinan berlakunya perbalahan dan persengkitaan yang membawa kepada perpecahan. Semua nilai positif yang universal patut kita terima dan amalkan tetapi ada segugus nilai yang perlu diberikan tekanan yang istimewa oleh rakyat Malaysia. Saya mencadangkan nilai-nilai yang diutamakan ialah ketuhanan, toleransi, bertimbang rasa, bertolak ansur, kepekaan yang tinggi terhadap budaya dan pantang larang golongan lain, bersopan santun dan berbudi. Selain itu ditekankan juga nilai muhibbah, kejiranan serta gotong-royong. Dari segi politik, percaya kepada demokrasi dengan tanggung-jawab dan batas-batas tertentu seperti termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Dari segi ekonomi pula, kita menerima konsep kesederhanaan dalam pengertian ***umatan wasatan*** dan pertumbuhan dengan pengagihan sebagai usaha memperbetulkan kepincangan yang berlaku dalam sejarah akibat penjajahan.

4.3 Kita perlu menangani pencejagatan dengan penuh kebijaksanaan. Paradoksnya pencejagatan ialah semakin kuat usaha menghomogenkan manusia di muka bumi ini semakin kuat pula reaksi mereka untuk menekankan keperibadian masing-masing. Kita perlu lebih mengenali dan menghayati tradisi kita yang bermutu tinggi bukan saja untuk menyerlahkan keunggulan kita tetapi juga untuk memberi kan sumbangan kepada budaya dunia.

4.4 Kebudayaan mestilah menjadi asas kepada semua projek pembangunan, baik fizikal maupun bukan fizikal baik kecil maupun besar. Dalam hubungan ini Perdana Menteri kita, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed telah mengatakan,

Kita semua telah bersetuju, perpaduan dan ketuhanan itu akan kita bina dan pupuk melalui satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan, satu kebudayaan, iaitu kebudayaan kebangsaan. Maka bahasa kebangsaan

diasaskan kepada bahasa Melayu dan kebudayaan kebangsaan ialah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal peribumi Malaysia. Kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-masing sebagai kebudayaan kesukuan dalam rangka dan batas-batas tertentu, adalah terjamin dalam Perlembagaan negara kita.

Dengan demikian, persoalan konsep kebudayaan kebangsaan tidak timbul lagi, sama seperti persoalan bahasa kebangsaan juga tidak timbul lagi. Yang menjadi persoalannya hanyalah usaha dan tanggungjawab untuk mengisi konsep ini, bagi kepentingan hidup bersama. Jika kita semua benar-benar inginkan sebuah negara yang aman makmur dengan kehidupan rakyatnya yang damai serta bahgia, bahasa dan kebudayaan tidaklah seharusnya lagi dijadikan isu politik yang akan hanya menguntungkan golongan yang anti perpaduan dan yang taat setianya diragukan. (Pidato perasmian, "Pertemuan Dunia Melayu", (18 Disember 1982)

**Dasar Kebudayaan Kebangsaan Sebagai Wahana  
Perpaduan Negara**

oleh  
**Prof. Madya Zainal Abidin Borhan**

**Sesi 3 Trek 1**

PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN:  
DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN SEBAGAI  
WAHANA PERPADUAN NEGARA

OLEH

**PROFESOR MADYA ZAINAL ABIDIN BORHAN**  
Jabatan Sosio-Budaya Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN  
KEMERDEKAAN MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN,  
11-13 SEPTEMBER 2000, HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR,  
ANJURAN ARKIB NEGARA MALAYSIA

**PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN:  
DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN SEBAGAI  
WAHANA PERPADUAN NEGARA**

Oleh

**Profesor Madya Zainal Abidin Borhan  
Jabatan Sosio-Budaya Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya**

1.0 Setiap tahun pada 31 Ogos, akan ada ritual kalenderikal, perbarisan kemerdekaan. Ritual kemerdekaan ini diadakan pula kini di negeri-negeri dan tidak lagi di Kuala Lumpur; mungkin kelak di Putrajaya. Radio dan televisyen mengadakan siaran langsung perbarisan Hari Kebangsaan, khususnya yang di peringkat kebangsaan.

Ada rakyat menonton dan mendengar siaran langsung tersebut; ada yang tidak kisah dan menganggap sama seperti pagi cuti umum yang lain. Ada yang balik kampung, ada yang bawa anak-anak bersiar-siar; ada yang sibuk dengan kerja lain. Orang ramai memiliki pilihan untuk melakukan apa sahaja melainkan menghadiri perbarisan Hari Kebangsaan.

Anak-anak sekolah, kakitangan kerajaan dan yang terlibat dengan perbarisan sibuk dengan tugas masing-masing. Mereka kena hadir raptai perbarisan; pagi-pagi Hari Kebangsaan sudah bangun tidur. Malam 31 Ogos pula ramai yang datang untuk menyaksikan detik 12 malam menaikan Jalur Gemilang; ada yang lepak di Dataran Merdeka dan pelbagai perlakuan lagi.

Ritual kalenderikal Hari Kebangsaan atau kemerdekaan ini adalah fenomena kebudayaan; fenomena manusia Malaysia. Apakah mereka faham erti kemerdekaan atau tidak.

barangkali tidak penting; mereka tahu setiap 31 Ogos cuti umum. Mereka tahu sejarah kemerdekaan; barangkali menghayati di dalam erti kata kemerdekaan pun mereka tahu. Orang ramai tahu merdeka ertinya bebas; dan mereka melakukan tuntutan kebebasan.

Pada tahun ini buat pertama kali diadakan diadakan Bulan Kemerdekaan (17 Ogos - 16 September); dan diisikan dengan pelbagai aktiviti, khususnya untuk menyedarkan dan meningkatkan penghayatan kemerdekaan rakyat. Kepada generasi yang memperjuangkan kemerdekaan, bulan seperti ini adalah satu penghargaan kerana sumbangan perjuangan mereka. Ada di antara mereka yang terbilang, ternama, dan dijulang; ada yang terpencil kerana nama tercicir; ada yang terasa kerana tidak dihargai; ada yang tidak berjuang tetapi dilihat orang sebagai pejuang.

Perjuangan kemerdekaan boleh dianalogikan sebagai menanam **pohon kemerdekaan**. Generasi yang memperjuangkan kemerdekaan mula menanam **benih kemerdekaan**; generasi yang berjuang untuk mengisi kemerdekaan memupuk dan membajai sehingga hidup subur pohon kemerdekaan. Apabila **pohon kemerdekaan** hidup subur, ramai yang menumpang berteduh; bersandar di batang yang kukuh; bergantung pada dahan yang utuh; berlindung di bawah daun-daun yang rimbun; dan, menikmati buah-buah kemerdekaan yang ranum. Nikmat inilah yang dirasai oleh generasi anak merdeka selama 43 tahun.

Pohon kemerdekaan sudah berumur 43 tahun. Sering dilanda ribut taufan, daun-daun kering jatuh berguguran, buah-buah yang busuk jatuh terpesuk; namun pohon kemerdekaan tetap

subur kerana baja kemerdekaan bikinan hati yang jujur; akar tunjang mendasar ke dalam bumi warisan leluhur.

Penghayatan kemerdekaan generasi anak merdeka kadangkala diragui. Apakah kerana pendekatan sejarah tidak mencukupi; atau suasana sosio-politik dan sosio-ekonomi sekarang jadi sedemikian. Barangkali Malaysia perlu pendekatan kebudayaan untuk mempertingkatkan kefahaman, penghayatan dan pengisian. Apakah kaitan kemerdekaan dengan kebudayaan? Segala persoalan yang dianalogikan di atas merupakan persoalan kebudayaan dan kemanusiaan.

2.0 **Takrif Kebudayaan** yang popular ialah cara hidup, namun kebudayaan ialah keseluruhan cara hidup yang mengandungi i) sistem organisasi dan institusi masyarakat ii) sistem pengetahuan ide dan kognisi iii) kesenian iv) sistem mata pencarian dan ekonomi v) sistem teknologi dan peralatan vi) peraturan kehidupan yang meliputi adat, hukum atau undang-undang, moral, etika atau sistem normatif vii) kuasa dan kuatkuasa, pemerintahan atau sistem politik viii) sistem nilai, pandangan dunia dan falsafah ix) sistem kepercayaan x) sistem simbol, bahasa dan makna. Di dalam meneruskan kelangsungan kebudayaan bahasa memainkan peranan yang penting.

Kesemua aspek kebudayaan tersebut berlaku di dalam kehidupan manusia yang diperolehi secara warisan dan tradisi melalui bahasa yang diterima sebagai sesuatu yang bermakna. Di dalam proses perkembangan kebudayaan berlaku penyesuaian dan perubahan kerana kebudayaan itu dinamik. Penerusan dan kedinamikan kebudayaan kerana manusia adalah watak utama kebudayaan.

Kebudayaan adalah hasil manusia mengenai manusia dan kemanusiaan. Adanya kebudayaan kerana adanya manusia. Manusia membentuk dan menghidupkan kebudayaan dan manusia hidup di dalam kebudayaan. Semenjak lahir manusia dibudayakan dan hidup mengurus kebudayaan lantaran kebudayaan itu adalah mengenai manusia maka kebudayaan tidak abstrak. Kebudayaan memberi identiti atau jati diri kepada manusia.

3.0 Oleh kerana manusia hidup di dalam ruang atau wilayah geopolitik maka setiap ruang yang bernama negara atau negeri memiliki ciri kebudayaan atau identiti atau jati diri yang khas lagi tersendiri. Jika saya berasal dari Melaka sudah tentu orang Melaka mempunyai jati diri kebudayaan yang mudah dikenali oleh orang dari negeri lain.

Malaysia sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat memiliki ciri kebudayaan tersendiri yang terbentuk melalui proses sejarah lebih awal dari masa kemerdekaan. Malaysia tidak wujud dalam vakum, ia mempunyai asas-asas sejarah yang cukup panjang. Asas-asas sejarah sebelum merdeka perlu diambil kira di dalam membentuk ciri kebudayaan rakyat.

Sebagai satu wilayah geopolitik, Malaysia wujud di dalam wilayah budaya yang yang dinamakan wilayah budaya Melayu; seperti India, Pakistan dan Bangladesh wujud di dalam wilayah budaya Indik. Atau negara-negara seperti Iraq, Saudi Arabia, Mesir, United Arab Emirates (UAE), Yemen yang wujud di dalam wilayah budaya Arab atau Semetic dan begitu jugalah wilayah kebudayaan China yang terdapat di China.

Sebagai negara merdeka, Malaysia perlu memiliki ciri kebudayaan yang tersendiri, yang boleh diperagakan di peringkat nasional dan antarabangsa. Maka pejuang kemerdekaan, para ilmuan, intelektual, budayawan dan para pemimpin negara telah merangka apa yang dikenali sebagai **Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971)**. Namun pada masa sebelum merdeka, pada awal tahun 1957, para pejuang politik, budaya, bahasa dan sastera, ilmuan, tokoh-tokoh intelektual Melayu dari pelbagai organisasi bukan kerajaan telah terlebih dahulu menganjurkan Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Melaka. Kongres ini telah juga menetapkan dasar yang hampir serupa seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971. Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1957 adalah dasar kebudayaan rakyat.

Para pejuang kemerdekaan dan nasionalis Melayu pada masa itu sedar bahawa sebagai sebuah negara berdaulat, Persekutuan Tanah Melayu perlu memiliki ciri kebudayaan atau jati diri yang sebatи dan serasi dengan fitrah semula jadi wilayah budaya Melayu; di samping menerima secara adaptif dan akomodatif kehadiran serta kewujudan kebudayaan lain. Para nasionalis Melayu pada masa sebelum merdeka tidak memiliki pemikiran yang sempit yang menafikan hakikat kehadiran budaya dan masyarakat asing pada masa itu. Sifat dan sikap keterbukaan mereka merupakan salah satu kedinamikan semangat kebangsaan Melayu yang menjadi asas memperjuangkan kemajuan dan kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial serta keamanan negara.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) ini menetapkan bahawa, i) Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini; ii) unsur-unsur

kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan; iii) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan tersebut ialah, i) untuk mengukuh perpaduan negara, ii) mewujud dan memelihara keperibadian kebangsaan; iii) memperkayakan kehidupan kemanusiaan dan kerohanian seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi.

Tujuan dasar tersebut diwujudkan ialah, i) mewujudkan identiti atau jati diri kebangsaan; ii) mengenangkan nilai-nilai murni, unggul dan ciri-ciri terbaik di dalam sesuatu bidang; iii) mengurangkan pengaruh asing yang tidak sesuai dengan peradaban bangsa Malaysia.

4.0 Rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai kaum, berbilang bahasa, agama dan kebudayaan. Masyarakat seperti ini di dalam sebuah negara merdeka lagi berdaulat memerlukan satu ciri kebudayaan, identiti atau jati diri kebangsaan. Lantaran itu asas dan dasar kebudayaan kebangsaan dirangka di dalam bentuk dan struktur yang tersebut di atas.

Dasar tersebut tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Di samping itu dasar tersebut melengkapi ideologi negara iaitu **Rukunegara** (1970), **Dasar Ekonomi Baru** (1970), **Dasar Pendidikan Kebangsaan**, dan **Akta Bahasa Kebangsaan** (1967). Kesemua ini bermatlamat untuk membentuk satu ciri kebudayaan atau identiti kebangsaan kepada rakyat Malaysia yang pelbagai kaum.

Matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan cukup jelas iaitu mengutamakan **perpaduan negara**, mewujudkan **keperibadian kebangsaan** dan membentuk rakyat **Malaysia yang seimbang** dari segi kemanusiaan, serta kerohanian dengan pembangunan sosio-ekonomi. Manusia Malaysia yang seimbang dari segi dunia dan akhirat (spiritual) adalah sesuai dengan tuntutan agama Islam.

Tujuan dasar tersebut juga jelas bahawa rakyat Malaysia perlu memiliki **jati diri kebangsaan**, memiliki nilai-nilai murni yang unggul, di samping mencapai taraf pencapaian terbaik, dan, mengurangkan pengaruh asing yang tidak sesuai dengan budaya dan tamadun Malaysia.

5.0 Walaupun dasar tersebut secara ketara menegaskan kebudayaan Melayu dan Bumiputera iaitu kebudayaan asal masyarakat rantau ini, sebagai teras kebudayaan kebangsaan, namun dasar tersebut tidak melarang pengamalan kebudayaan masyarakat lain di negara ini. Tidak ada peruntukan Perlembagaan dan Undang-undang yang melarang amalan kebudayaan lain di negara ini.

Kebudayaan masyarakat Cina, India dan lain-lain boleh terus berkembang sesuai dengan fitrahnya di negara ini. Amalan kebudayaan yang bercanggah dengan dasar tersebut serta peruntukan undang-undang negara, ialah amalan kebudayaan atau cara hidup yang menganjurkan perpecahan, menghina kebudayaan lain, bersikap prejudis dan prasangka kepada kebudayaan, agama, kepercayaan, bahasa, adat resam dan amalan-amalan lain rakyat Malaysia.

Pihak kerajaan sama ada kerajaan pusat dan negeri menghormati upacara-upacara keagamaan dan kebudayaan masyarakat di Malaysia. Upacara dan perayaan keagamaan dianggap sebagai upacara dan perayaan negara. Nilai dan sikap saling hormat-menghormati ini cukup penting sebagai asas perpaduan kebangsaan, di samping memiliki kesedaran bahawa semua bangsa dan kaum di negara ini saling memerlukan, saling melengkap, saling percaya mempercayai, memiliki rasa setiaawan, rasa kebersamaan atau **esprit de corp** berdasarkan falsafah seperti **isi dengan kuku, cubit peha kiri peha kanan terasa sakit, seperti aur dengan tebing**; bukannya falsafah hidup mementingkan diri dengan semangat perkauman yang sempit, seperti **enau dalam belukar**.

Di samping itu rakyat Malaysia perlu memiliki nilai dan sikap bertoleransi antara satu sama lain. Nilai dan sikap ini amat diperlukan untuk saling faham-memahami. Barangkali tidak ramai dari rakyat Malaysia dapat saling faham-memahami secara mendalam akan makna dan nilai sesuatu kebudayaan, namun apa yang lebih penting ialah usaha untuk memahami sudah memadai, walau pun pemahaman itu berlaku secara umum atau secara popular sahaja.

Nilai dan sikap yang disebutkan di atas memerlukan proses interaksi sosial yang berlaku di pelbagai peringkat. Interaksi boleh berlaku secara informal di kawasan perumahan, pasaraya, pasar malam, kedai kopi, atau secara formal di pejabat atau di upacara formal yang lain. Barangkali agensi pemerintah dan organisasi swadaya masyarakat (NGO) perlu mencari jalan menjalinkan kerjasama di antara rakyat. Berfikir bahawa ini **orang kita (in-group)** dan itu **orang luar (out-group)** adalah suatu fitrah, namun janganlah sehingga menyalimi dan menafikan hakikat kewujudan orang lain; serta membuat tuduhan tanpa fakta yang tepat.

Di dalam setiap interaksi sosial, setiap pihak perlu menyedari bahawa kewujudan mereka adalah saling melengkapi ibarat isi dengan kuku. Walaupun secara sosiologikal interaksi boleh berlaku secara vertikal seperti antara kelas, kedudukan, status, kumpulan kerja, namun prasangka dan prejudis tidak sewajar menjadi faktor menghalang interaksi. Walaupun berlainan kelas, antara enggang dengan pipit, antara rumah beratap genting dengan beratap rumbia, namun perlu ada nilai dan sikap menghormati kewujudan dan keberadaan orang lain.

Setiap interaksi memerlukan komunikasi. Instrumen terpenting komunikasi ialah bahasa. Media bahasa yang sewajarnya digunakan di Malaysia ialah bahasa kebangsaan, bahasa Melayu, namun tidak terdapat pula peruntukan undang-undang yang menghalang penggunaan bahasa dan dialek lain semasa berkomunikasi. Penggunaan bahasa kebangsaan telah terbukti sebagai alat atau media terbaik di dalam hubungan antara kaum di dalam masyarakat yang pelbagai bangsa seperti Malaysia. Penggunaan bahasa yang baik dan betul hendaklah sentiasa menjadi amalan sebagai rakyat berbudaya dan bertamadun. Berbahasa biadab bukan lambang orang yang bertamadun dan beragama.

Nilai perpaduan cukup penting di negara ini. Tanpa perpaduan kaum iaitu perpecahan atau konflik boleh berlaku dan negara ini boleh hancur. Seluruh rakyat Malaysia boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan proses kenegaraan. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Jika nilai perpecahan menjadi keutamaan, kestabilan politik tidak akan tercapai; pembangunan ekonomi tidak lancar; keutuhan nasional akan terencat. Negara kucar kacir, tidak harmoni, kesejahteraan dan kemakmuran cuma jadi mimpi, keganasan dan rusuhan akan berlaku. Keamanan, kesejahteraan, kemakmuran yang diperolehi serta dinikmati sekarang ini adalah

kesan dari perpaduan kebangsaan yang diamalkan selama ini oleh rakyat Malaysia. Tidak sewajarnya kita gadai harga dan nilai perpaduan tersebut.

Nilai perpaduan yang dinikmati sekarang di Malaysia adalah kesan dari keprihatinan dan pengorbanan rakyat Malaysia yang mengutamakan kepentingan negara dari kepentingan diri. Para pejuang kemerdekaan negara ini, sama ada yang terbilang dan tidak ternama; yang terkorban dan dikorbankan telah memberikan satu pengorbanan yang terlalu amat besar untuk saudara-saudari generasi anak merdeka. Begitu juga para pejuang seperti para perajurit yang telah menggadai nyawa untuk mempastikan rakyat Malaysia lain tidur nyenyak dapat hidup dan bermiaga dengan aman dan sejahtera. Saudara-saudari generasi anak merdeka sesungguhnya amat terhutang budi. Bangsa yang menghargai perjuangan para pejuangnya adalah bangsa yang besar lagi budiman. Mereka telah menanam **pohon kemerdekaan** untuk generasi kini dan akan datang. Generasi kini cuma menikmati **buah-buah kemerdekaan** dan seharusnya mempertahankan kemerdekaan.

Walaupun barangkali erti kemerdekaan sudah berubah, bebas sebebasnya, keterbukaan dan ketelusan, bebas bersuara, bebas memilih, namun batas kesopanan perlu dijaga. Keamanan dan kesejahteraan perlu dihormati; wilayah dan sempadan perlu dipertahankan; yang buruk dari luar perlu ditolak, yang baik perlu disaring. Kebebasan bersuara ialah kebebasan menentukan masa depan yang lebih baik secara kita, di dalam acuan kita sendiri.

Jika secara peribadi rakyat Malaysia boleh berkorban untuk dirinya, keluarganya, kaumnya, kenapa tidak untuk negaranya. Sebagai rakyat Malaysia kita bersyukur kerana generasi

yang terdahulu dari kita kini telah meletakkan nilai perpaduan sebagai asas kukuh negara kita. Rakyat Malaysia mewarisi perpaduan yang tidak ternilai, generasi terdahulu dari kita berkorban dan memiliki wawasan yang tinggi terhadap masa depan generasi kita dan generasi akan datang di Malaysia. Syabas Malaysia.

6.0 Dalam konteks kelangsungan kemerdekaan dan kebudayaan kebangsaan, masa depannya di dekad, abad dan alaf baru di Malaysia, bergantung sejauh mana kita rakyat Malaysia membudayakan nilai perpaduan tersebut; dan sejauh mana kita mampu berkorban seperti generasi terdahulu.

Cabarannya luar cukup dahsyat, khususnya cabaran kebudayaan yang secara mudah meresap ke dalam bilik tidur, iaitu melalui pelbagai kecanggihan peralatan teknologi maklumat. Kita telah dilanda e-dagang, e-ekonomi dan pelbagai lagi. Namun semua ini adalah keupayaan material sahaja. Kita perlu menguasainya, perlu menguasai ilmunya, di samping memiliki kekuatan keperibadian, jati diri dan tahu memilih yang terbaik untuk Malaysia. Malaysia memerlukan pendekatan kebudayaan yang sesuai dengan cara kita, di samping pendekatan ekonomi untuk maju dan berjaya.

Izinkan saya mencadangkan, agar **Bulan Kemerdekaan** ini **diadatkan** sebagai acara formal setiap tahun. Setiap negeri, daerah, mukim dan kampung serta taman perumahan perlu merancang pengisian Bulan Kemerdekaan. Ikon, simbol atau lambang baru untuk kemerdekaan perlu diwujudkan; dari kreativiti rakyat di kampung-kampung akan terjelma ikon-ikon baru kemerdekaan sesuai dengan keperluan masa kini. Acara-acara kesenian rakyat perlu dihidupkan

sebagai satu cara pengisian Bulan Kemerdekaan. Semangat rakyat perlu dikobarkan agar rasa patriotik kepada negara sentiasa ada di lubuk hati nurani dan jiwa raga mereka.

Pelaksanaan Bulan Kemerdekaan yang meluas di peringkat rakyat memerlukan penggembelingan semua peringkat. Di dalam konteks masyarakat Melayu-Islam dialog antara pelaksanaan Bulan Kemerdekaan dengan golongan agamawan perlu diadakan supaya tidak terdapat tanggapan perayaan tersebut sebagai *melalaikan* sehingga ada pula yang mengharamkan.

**Keranamu Malaysia aku terhutang budi, keranamu Malaysia aku berbakti. Hidup Malaysia!**

**Pembinaan Nasion Malaysia : Suatu Tinjauan Sejarah**

oleh  
**Prof. Dr. Ahmat Adam**

**Sesi 3 Trek 1**

# Pembinaan Nasion Malaysia: suatu tinjauan sejarah

Ahmat Adam  
Universiti Malaysia Sabah

*Nations were products of history,  
and built on centuries of social and  
sexual intermingling of different  
groups ... (Otto Bauer)*

## Pengenalan

Istilah ‘nasion’ membawa erti sebuah komuniti atau sekelompok masyarakat yang merasakan bahawa mereka adalah suatu ‘bangsa’ lantaran terikat oleh keturunan, budaya dan sejarah yang sepunya; biasanya ikatan-ikatan itu disebabkan oleh hakikat bahawa mereka memiliki bahasa yang sepunya juga. Menurut James G. Kelaas, sesbuah nasion itu mestilah juga mempunyai sifat-sifat seperti suatu kesedaran mengenai rupabangsanya (*nationality*) dan rasa cinta terhadapnya, serta sanggup berkorban demi mempertahankan nasion itu.<sup>1</sup> Istilah nasion juga digunakan untuk *state* atau ‘negara’. Sungguhpun terdapat banyak negara yang sama-sama berkongsi ciri-ciri nasion itu, dan justeru itu istilah *nation state* pun digunakan, namun wujud juga ‘nasion di dalam negara’. Negara-negara seperti ini dinamakan ‘*multinational state*’, misalnya United Kingdom, Switzerland, Belgium dan Canada.<sup>2</sup> Malaysiapun<sup>3</sup> oleh seorang ahli akademik dianggap sebagai sebuah negara tetapi “banyak nasion”.

Dalam makalah ini istilah ‘nasion’ digunakan dalam kedua-dua konteks yakni: i) melibatkan negara (seperti nasion Malaysia) dan ii) kumpulan etnik dilihat sebagai ‘nasion’ (nasion Melayu). Pada tempat-tempatnya, penggunaan istilah ‘nasion’, ‘negara’ dan ‘etnik’ juga berkemungkinan tindih-menindih.

## Keadaan di Malaya Akibat Perang Dunia Kedua

Sebagai sebuah nasion Malaysia mempunyai sejarah yang masih baru. Upaya membina nasion Malaya (yang kemudiannya Malaysia) berlaku akibat daripada Perang Dunia Kedua, iaitu bermula di Semenanjung Tanah Melayu. Zaman sebelum itu boleh dianggap sebagai zaman yang meletakkan Tanah Melayu sebagai tanahair orang Melayu dan orang

<sup>1</sup> Lihat James G. Kelaas, *The Politics of Nationalism*, Macmillan, London, 1991, hal. 2-3.

<sup>2</sup> *Ibid.*, hal. 3

<sup>3</sup> Lihat Shamsul A.B. Malaysia in 2020, *One State Many Nations? Observing Malaysia from Australia*, The Seventh James C. Jackson Memorial Lecture 1992, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1992, *passim*.

Melayu pun, disebalik melihat kelompok-kelompok mereka sebagai bertuankan raja-raja di negeri masing-masing, menganggap diri mereka sebagai berkebangsaan Melayu. Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua kaum nasionalis Melayu yang muncul kira-kira pada dasawarsa ketiga abad yang lalu telah menuangkan semangat nasion yang mereka impikan kedalam sebuah gerakan yang diterajui oleh Kesatuan Melayu Muda dan kemudiannya diteruskan oleh Partai Kebangsaan Melayu.<sup>4</sup> Nasionalisme yang beraliran kiri itupun kemudiannya terpaksa berakomodasi dengan pernyataan *multi-ethnicity* yang wujud di Malaya yang juga memperlihatkan kehadiran aliran politik yang didukung oleh kaum bukan Melayu seperti yang terdapat pada gerakan *All-Malaya Council of Joint Action* (AMCJA)<sup>5</sup>. Setelah menubuhkan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) pada 22 April 1947 para nasionalis Melayu itu telah menggabungkan diri bersama AMCJA untuk membentuk suatu consociational strategy dalam memperjuangkan Malaya merdeka yang akan disalurkan melalui akomodasi politik berdasarkan prinsip-prinsip seperti:

1. sebuah Malaya bersatu yang merangkumi pulau Singapura;
2. majlis-majlis perundangan Pusat, Negeri dan Tempatan yang dipilih sepenuhnya;
3. hak-hak politik yang sama kepada semua yang menjadikan Malaya sebagai "rumah" yang tetap dan objek taat setia yang tidak berbelah bagi;
4. sultan-sultan berperlembagaan memerintah melalui Majlis-Majlis Negeri yang demokratik;
5. langkah-langkah berperlembagaan yang khas untuk kemajuan orang Melayu;
6. hal-hal yang melibatkan agama dan adat orang Melayu diletakkan langsung kedalam tangan orang Melayu<sup>6</sup>

Yang agak menarik dalam pengakomodasian dua pihak itu ialah cadangan yang dikemukakan untuk dimasukkan kedalam "Perlembagaan Rakyat" yang digubal pada bulan Oktober 1947. Cadangan yang merupakan tambahan kepada prinsip-prinsip diatas ialah agar:

1. istilah "Melayu" diterima sebagai rupabangsa (*nationality*) kewarganegaraan Malaya;
2. mengenai kedudukan orang Melayu di dalam dewan perundangan, dicadangkan bahawa 55% kerusi akan diberikan dan boleh disambung tempohnya tetapi hanya untuk tiga kali pilihanraya yakni selama sembilan tahun;
3. suatu Majlis Bangsa-Bangsa (*Council of Races*) akan diwujudkan untuk memastikan tiada pendiskriminasian kaum;

<sup>4</sup> Partai Kebangsaan Melayu Malaya, atau singkatannya PKMM (akan digunakan selepas ini seterusnya), telah secara rasminya didirikan pada 30 November 1945; sebelum itu, ia telah diasaskan dengan bantuan Mochtarudin Lasso pada bulan Oktober dengan penubuhan *protem-committee*nya.

<sup>5</sup> AMCJA bermula sebagai Council of Joint Action yang ditubuhkan pada 14 Disember 1946 atas dayausaha Malayan Democratic Union. CJA bertukar nama menjadi Pan-Malayan Council of Joint Action pada 22 Disember tahun yang sama. Pada bulan Ogos 1947 barulah ia diberi nama All-Malaya Council of Joint Action.

<sup>6</sup> Prinsip-prinsip ini telah diluluskan sebagai resolusi dalam suatu perhimpunan massa yang dihadiri oleh sekitar 2,000 orang di Taiping yang terdiri daripada berbagai bangsa pada 13 April 1947. Lihat CO 537/2145 13421, Public Record Office.

#### 4. bahasa Melayu dijktiraf sebagai bahasa rasmi "Malaya".

Prinsip-prinsip yang dikemukakan di dalam Perlembagaan Rakyat itu, walau bagaimanapun, telah ditolak oleh kerajaan British atas alasan orang Melayu tidak akan boleh menandingi kekuatan angka penduduk Cina yang akan menguasai mana-mana dewan perundangan lantaran kekuatan pendidikan mereka dan pertambahan bilangan pengundi akibat daripada pemberian kewarganegaraan secara automatik. Selain penggunaan istilah Melayu untuk rupabangsa kewarganegaraan Malaya juga dianggap "tidak realistik" oleh British, pemberian kewarganegaraan yang longgar juga dilihat "sebagai tidak realistik, sia-sia, dan juga merbahaya".

Tidak menghairankan, Perlembagaan Rakyat telah ditolak oleh British lantaran para penggubalnya (AMCJA-PUTERA) dianggap sebagai pertubuhan barisan hadapan Parti Komunis Malaya.<sup>7</sup> Lagipun, di antara United Malays National Organisation (UMNO) dengan PKMM, British menganggap UMNO lebih boleh dipercayai kerana suatu perkara yang diperjuangkan oleh PUTERA ialah, sama seperti PKMM, untuk berusaha ke arah mewujudkan sebuah persekutuan Melayu Raya yang merangkumi Malaya, Jawa, Sumatera, Borneo, Sulawesi dan pulau-pulau lain di gugusan kepulauan Melayu.<sup>8</sup>

#### Melayu dan Ethnonationalism

Sebenarnya, jika diteliti perjuangan asal Parti Kebangsaan Melayu yang berpangkal daripada cita-cita Kesatuan Melayu Muda untuk memperjuangkan nasionalisme yang berasaskan etnisiti, yakni yang berpaksikan Melayu sebagai Bumiputera dan pemilik Malaya<sup>9</sup>, ia merupakan perjuangan untuk "membentuk pertubuhan yang akan bekerjasama dengan para pejuang Indonesia dan memasukkan Malaya ke dalam Republik Indonesia Raya". Perkara ini telahpun diungkapkan di dalam Kongres KRIS [Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung] yang diadakan pada 16 Ogos 1945 atas pimpinan Dr. Burhanuddin.<sup>10</sup> Bagi Partai Kebangsaan Melayu Malaya, yang mewarisi prinsip-prinsip semangat kebangsaan KMM, etnisiti atau *ethnie*,<sup>11</sup> mengikut istilah yang dipakai oleh

Sekalipun Parti Komunis Malaya tidak diwakili secara langsung di dalam AMCJA-PUTERA, namun pihak British mempunyai rasa syak yang kuat bahawa pertubuhan itu dipengaruhi oleh komunis. Bahkan British menganggap "the Malay Council of Joint Action [PUTERA] as a manifestation of current Communist activity". Lihat Fortnightly Intelligence Report No.49, up to 27 January 1947, dalam CO537/2140 136697. Lihat juga Albert Lau, *The Malayan Union Controversy, 1942 – 1948*, Oxford University Press, 1991, hal. 245.

<sup>8</sup> CO 537/2140 136697, Fortnightly Intelligence Report No.57, up to 21 May 1947, hal. 3, "Malay Affairs". Perkara ini telah diulangi oleh Dr. Burhanuddin ketika dia singgah di Rangoon dalam perjalanan pulang dari menghadiri Inter-Asian Relations Conference pada awal 1947.

<sup>9</sup> Lihat Ibrahim Yaacob, *Sekitar Malaya Merdeka*, (cetakan ulangan), Kesatuan Malaya Merdeka, Bahagian Penerangan, Jakarta, 1957, *passim*. Lihat juga Burhanuddin El Hulaimy, *Asas Falsafah Bangsa dan Kebangsaan Melayu*, *passim*, cetakan ulangan, t.p., 1963.

<sup>10</sup> Lihat Federation of Malaya Political Report No.3 for January 1949 52243/4 dalam CO 537/4742.

<sup>11</sup> Lihat Anthony D. Smith, "The Origins of Nations" dalam John Hutchinson and Anthony D. Smith (eds.), *Nationalism*, Oxford University Press, New York, 1994, hal. 151.

Anthony Smith, telah dijadikan landasan nasionalisme itu sehingga menjelang perlombagaan Persekutuan Tanah Melayu digubal oleh British.

Tetapi kenyataan semasa yang menunjukkan pada tahun-tahun pasca Perang Dunia Kedua telah menampakkan bahawa kumpulan etnik "Melayu" bukanlah satu-satunya bangsa yang berada di Semenanjung Tanah Melayu. Kehadiran parti-parti politik yang juga anti-penjajahan British seperti Parti Komunis Malaya, Malayan Indian Congress, dan Malayan Democratic Union (yang ditubuhkan di Singapura pada bulan Disember 1945), menyebabkan PKMM yang pada mulanya cuba menonjolkan *ethnic nationalism* atau *ethnonationalism*, telah terpaksa membuat penyesuaian atau akomodasi dengan mengaplikasikan social nationalism dalam gerakannya melalui pergabungan PUTERA dengan AMCJA.

Apakah *ethnic nationalism*? Dan apakah perbedaannya dengan *social nationalism*? Nasionalisme etnik atau *ethnonationalism* ialah nasionalisme yang berasaskan satu-satu kumpulan etnik. Ia bersifat eksklusif kerana keanggotaan kepada nasion hanya terbatas kepada satu kumpulan etnik sahaja; ia menyisihkan bangsa-bangsa yang tidak berkongsi etnisiti yang sepunya. Untuk membolehkan PKMM memperjuangkan cita-cita kemerdekaannya, ia terpaksa mengamalkan suatu bentuk nasionalisme yang lebih terbuka ia itu nasionalisme sosial. Nasionalisme sosial ialah semangat kebangsaan yang berasaskan suatu kebudayaan kebangsaan yang dikongsi bersama, dan bukan keturunan yang sepunya (*common descent*). Ia lebih bersifat inklusif, dalam erti kata bahawa mana-mana kaumpulan boleh mengamalkan kebudayaan itu dan menjadi anggota nasion itu, sekalipun kaum itu bukanlah anggota etnik itu.<sup>12</sup>

Wadah yang berbentuk gabungan AMCJA-PUTERA merupakan langkah pertama parti-parti politik pasca Perang Dunia Kedua mempraktikkan *consociational politics* atau politik tawar-menawar. Wadah ini pada dasarnya mengiktirafi hakikat masyarakat Malaya adalah berciri *multi-ethnic* atau *multi-national*. PKMM yang mewakili aliran politik kiri dalam gerakan kemerdekaan orang Melayu pun terpaksa mengakui hakikat Semenanjung Tanah Melayu yang pada periode sebelum tamatnya Perang Dunia Kedua menjadi "tanaahir" orang Melayu telah berubah corak. Bahkan ura-ura melaksanakan gagasan Kesatuan Malaya atau *Malayan Union* itu sendiri adalah suatu tanda bahawa British ingin merubah keadaan politik zaman sebelum perang yang memberi pengiktirafan istimewa kepada orang Melayu sebagai pemilik Tanah Melayu.

### **British dan Malaya yang Berbilang Kaum**

British beranggapan bahawa selepas tamat Perang Dunia Kedua, dan pemerintahan British ditegakkan semula, orang Melayu akan terpaksa menerima hakikat Malaya sebagai sebuah negeri yang bersifat berbilang kaum. Sekalipun tidak dinafikan bahawa hak-hak politik, ekonomi dan sosial orang Melayu akan dipelihara, namun British merancang bahawa kepentingan orang bukan Melayu yang bermastautin di Malaya akan

<sup>12</sup> Mengenai konsep *ethnonationalism* dan *social nationalism*, lihat James G. Kellas, *The Politics of Nationalism and Ethnicity*, Macmillan, Hampshire, 1991, hal. 51 - 52.

diperkuuh dengan memberikan kepada mereka penyertaan yang bertambah dalam lembaga-lembaga berperwakilan (*representative institutions* – baca: politik).<sup>13</sup> Seperti yang diungkapkan oleh Setiausaha Tanah Jajahan British pada awal tahun 1944, dasar British selepas tamatnya perang jelas akan mempunyai objektif untuk membuka jalan “for a growing participation in the Government by the people of all communities in Malaya”.<sup>14</sup> Bahkan ada perbincangan di kalangan pegawai British bahawa selepas tamatnya perang, bukan sahaja sebuah kesatuan yang menyatukan unit-unit politik seperti yang diamalkan sebelum perang patut dibentuk, tetapi juga wilayah-wilayah Borneo pun patut “dipersekutuan” baik secara bergabung dengan “the United States of Malaya” maupun dengan cara mewujudkan hubungan yang rapat wilayah-wilayah itu dengan Malaya.<sup>15</sup>

Kaedah *Consociational*<sup>16</sup> yang mula-mulanya dipraktikkan oleh gabungan AMCJA itu jugalah yang kemudiannya diamalkan oleh UMNO ketika ia mengadakan pakatan kerjasama dengan Malayan Chinese Association untuk menghadapi pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Kejayaan yang dicapai oleh perikatan ini telah menyebabkan Malayan Indian Congress yang bekerjasama dengan Independence of Malaya Party atau IMP<sup>17</sup> pimpinan Dato' Onn keluar daripada kerjasama itu untuk bersama-sama dengan UMNO dan MCA menghadapi pilihanraya persekutuan yang pertama iaitu pada tahun 1955.<sup>18</sup>

Seyogia diingati, penubuhan parti Perikatan pada awal tahun 1952 itu adalah reaksi kepada IMP yang, melalui Dato' Onn Jaafar, cuba menampilkan politik yang bukan-perkauman. Dengan mengadakan pakatan untuk merebut kerusi yang ditandingkan dalam pilihanraya munisipal Kuala Lumpur, UMNO-MCA berkeyakinan dapat mengalahkan IMP. Sesungguhnya, di sebalik pendirian yang non-*communal*nya, IMP telah kalah teruk di tangan perikatan UMNO-MCA.<sup>19</sup> Kemenangan yang diraih di Kuala Lumpur menambahkan minat kedua-dua parti untuk meneruskan konsep perikatan itu bagi mencuba mendapatkan kemenangan dalam pilihanraya-pilihanraya yang lain. Tetapi, walaupun permuafakatan untuk bertanding wujud, namun pada ketika itu UMNO dan MCA tidak pula berhajat untuk mengadakan sebuah program yang sepunya.

<sup>13</sup> Albert Lau, op. cit., hal. 49-50.

<sup>14</sup> Ibid., hal. 80.

<sup>15</sup> Ibid., hal. 42.

<sup>16</sup> Daripada perkataan *consociate* yang bererti bersikutu dengan sebuah spesis yang dominan.

<sup>17</sup> IMP telah ditubuhkan pada 16 September 1951

<sup>18</sup> MIC telah bekerjasama dengan IMP untuk mengadakan Persidangan Kebangsaan yang ditaja oleh tujuh orang Menteri Besar pada 27 April 1953.

<sup>19</sup> UMNO-MCA telah memenangi 9 daripada 12 kerusi; sementara IMP hanya mendapat kemenangan dua kerusi dan sebuah kerusi yang lain dimenangi oleh parti bebas.

Dorongan untuk mengadakan kerjasama bagi memenangi pilihanraya majlis-majlis munisipal yang lain, walau bagaimanapun, tidak meredakan persaingan kedua-dua parti dalam hal memperjuangkan kepentingan kaum masing-masing. Ketegangan dalam hubungan antara kedua-dua parti jelas kelihatan pada periode itu apabila isu-isu rang undang-undang yang berkaitan dengan kawalan imigresen, pendidikan, dan rang undang-undang Pendaftraan dan Pelesenan Perniagaan dibahaskan di dalam Majlis Perundangan Persekutuan.<sup>20</sup> Isu-isu ini, pada tahun-tahun terkemudiannya, terutama yang menyentuh soal bahasa, pendidikan dan kedudukan istimewa orang Melayu sering menimbulkan ketegangan kaum. Jika dilihat pada isu-isu yang sering dibangkitkan oleh MCA dalam tempoh menjelang hampir setiap pilihanraya, terutamanya pada pilihanraya 1955, 1959, 1964 dan 1969 amat ketara sekali betapa ketegangan antara UMNO dan MCA sering tertonjol. Walaupun kedua-dua UMNO dan MCA cuba mengekalkan barisan yang sepunya ketika menghadapi pilihanraya, tetapi ternyata sekali tarik menarik dalam usaha menampakkan seolah-olah masing-masing parti cuba mempertahankan hak dan kepentingan kaumnya atau tidak berganjak daripada pendiriannya yang bersifat perkauman, sering membawa kepada proses rundingan yang sering disebut sebagai politik tolak-ansur.

Politik tolak ansur dewasa ini disebut politik *consociationalism*. Bagi UMNO, yang berupa pihak yang dominan dalam gagasan Perikatan, isu-isu mengenai bahasa Melayu, sistem pendidikan kebangsaan dan bahasa kebangsaan adalah isu-isu yang menjadi lambang kepada apa yang pernah disebut sebagai hak "ketuanan Melayu". Tetapi isu-isu inilah yang tidak pernah selesai secara tuntas dalam erti kata isu-isu itu dapat diterima oleh bangsa bukan Melayu, khasnya Cina. Dalam sejarah pembinaan nasion Malaysia, isu-isu inilah yang sering membangkitkan ketegangan perkauaman. Mengapakah ini berlaku?

Seperti yang diungkapkan di atas tadi, sejarah Malaysia, atau lebih tepat lagi sejarah Semenanjung Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, adalah sejarah nasion Melayu. Sekalipun dijahah beberapa kali oleh bangsa-bangsa Eropah, termasuk British, hakikat dan kenyataan sejarah menunjukkan bahawa kuasa-kuasa asing itu mengiktirafi orang Melayu sebagai sebuah 'nasion' di Semenanjung. Segala perjanjian dibuat dengan raja-raja Melayu. Bahkan kehadiran orang Cina dan India sejak pada zaman kesultanan Melaka pun tidak menafikan hakikat ini. Hanya setelah pembanjiran imigrasi orang Cina ke Tanah Melayu menjelang daswarsa-dasawarsa awal abad ke-20, barulah orang Melayu menjadi gawat tentang kedudukan imbalan etnik di Tanah Melayu. Hal inipun dibangkitkan oleh suara-suara pemimpin masyarakat Cina yang berhujah bahawa orang Melayu tiada berhak menolak tuntutan hak-hak politik dan ekonomi orang Cina.<sup>21</sup>

<sup>20</sup> Gordon P. Means, *Malaysian Politics* (edisi ke-2), Hodder and Stoughton, London, 1976, hal. 135.

<sup>21</sup> Pada tahun 1920-an dan 1930-an, orang Cina telah menyuarakan rasa tidak puas hati mereka kerana disisihkan daripada peluang memegang jawatan-jawatan kerajaan. Pada tahun 1931 akhbar *Al-Ikhwan* telah melaporkan kata-kata Lim Ching Yan, seorang ahli Majlis Perundangan Pulau Pinang yang mendakwa "Semenanjong negerinya [orang Cina] dan katanya bukan Negeri Melayu". Lihat W. R. Ross, *The Origins of Malay Nationalism*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1967, hal. 149, 207 - 209.

Jika dibandingkan dengan sejarah pembinaan nasion di Indonesia, Filipina dan Burma amat ketara bahawa perancangan dan pengkonsepsian nasion diprakarsai oleh elit politik dan kaum inteligensia negara-negara itu sendiri dan ia tidak melibatkan inisiatif yang diambil oleh pihak asing secara langsung. Di Indonesia, terutamanya, elit politik yang terdiri daripada kumpulan etnik yang berbeza-beza telah bersama-sama memberikan saham masing-masing untuk menentukan konsep nasion, wilayah fizikal nasion itu dan juga filsafat negara atau ideologi nasion itu. Sumpah Pemuda 1928 yang terkenal itu, misalnya, merupakan pengucapan yang jelas mengenai "imagined community"<sup>22</sup> yang dihasratkan oleh kaum inteligensianya. Pengucapan ini lahir semula menjelang hari-hari terakhir pemerintahan Jepun di Indonesia, apabila berlaku perbahasan mengenai Pancasila dan Undang-Undang Dasar [Perlembagaan] 1945 di kalangan para nasionalis.

### **British Merancang Pembinaan Nasion Malaya**

Sebaliknya pula, pembinaan nasion di Malaya telah dirancang dan ditangani secara langsung oleh British. Apabila pemerintahan kolonial British memikirkan untuk melaksanakan gagasan Kesatuan Malaya atau Malayan Union, British telahpun memberi perhatian kepada hasrat membina sebuah 'nasion' yang baru bagi Tanah Melayu, khasnya dari segi memberikan hak-hak politik kepada orang Cina.<sup>23</sup> Bahkan British, oleh kerana sedar bahawa hubungan kaum terutamanya antara orang Melayu dan Cina amat perlu dipupuk, telah menubuhkan *Communities Liason Committee* atau Jawatankuasa Hubungan Kaum pada bulan Januari 1949, melalui inisiatif Pesuruhjaya Agung, Malcolm MacDonald.<sup>24</sup> Seyogia diingati, polemik antara kaum yang muncul selepas pengenalan Malayan Union, dan selepas pembatalannya, dengan disusuli pula oleh gagasan Persekutuan Tanah Melayu, telah mendatangkan ketegangan kaum di Malaya khasnya yang melibatkan isu kewarganegaraan. Jawatankuasa Hubungan Kaum itu, yang pada mulanya dinamakan Jawatankuasa Muhibbah Melayu-Cina, merupakan langkah pertama British untuk menangani isu-isu yang menimbulkan pergeseran antara kaum termasuk yang berkaitan dengan politik.

Dalam laporan pertama Jawatankuasa ini yang dikemukakan pada bulan September 1949, telah dinyatakan matlamat untuk mengadakan pilihanraya di peringkat tempatan dan juga majlis perundangan persekutuan.<sup>25</sup> Manakala mengenai dasar pendidikan pula, Jawatankuasa Hubungan Kaum mencadangkan agar diwajibkan pengajaran bahasa Melayu dan Inggeris di semua sekolah kerajaan dan yang menerima bantuan kerajaan.

<sup>22</sup> "Nasion", menurut huraiyan Benedict Anderson, adalah sebuah "komuniti yang dibayangkan". *Imagined community* ini lahir sebagai akibat daripada pertemuan kapitalisme dan teknologi cetak terhadap bahasa-bahasa yang pelbagai. Lihat Benedict Anderson, *Imagined Communities: reflections on the origin and spread of nationalism*, Verso, London, 1983, *passim*.

<sup>23</sup> Albert Lau, *op.cit.*, hal. 76 dan 81.

<sup>24</sup> Anggota jawatankuasa ini terdiri daripada lima orang Melayu dan empat orang Cina dengan MacDonald sendiri berperanan sebagai pegawai perhubungan.

<sup>25</sup> Pada waktu ini keanggotaan jawatankuasa itu terdiri daripada 6 orang Melayu, 6 orang Cina dan seorang wakil daripada masing-mamsing bangsa India, Serani, Selon dan Eropah.

Sesungguhnya, Jawatankuasa Hubungan Kaum inilah yang telah menunjukkan jalan kepada pemimpin-pemimpin Melayu dan bukan Melayu kepada kaedah tolak ansur ataupun membolehkan pemimpin pelbagai kaum yang menganggotai jawatankuasa itu untuk berbincang dan mencari persetujuan dalam membuat keputusan, sekalipun tidak semua yang dipertusukan akan diterima oleh kaum masing-masing.

### **Politik Consociationalism**

*Communities Liason Committee* itu merupakan sebuah lembaga yang mempraktikkan apa yang disebut “*consociationalism*” pada hari ini. Walaupun gabungan AMCJA-PUTERA telah juga mempraktikkannya tetapi “ideologi” nampaknya lebih kuat mempengaruhi keputusan-keputusan yang diambil. Tetapi bagi CLC, jelas proses tawar menawar dan tarik-menarik lebih kuat mencorakkan keputusan yang dibuat dan prinsip tolak ansur sangat diutamakan.

Apakah *consociationalism*? Walaupun istilah ini sebenarnya belum begitu lama diketengahkan, tetapi ia telah dipopulerkan oleh A. Lijphart, yang menggunakan ungkapan *Consociational Democracy* untuk menghuraikan suatu bentuk demokrasi yang diupayakan bagi menangani masalah-masalah kemajmukan budaya atau *cultural pluralism* yang keterlaluan.<sup>26</sup> Tetapi *consociationalism* mensyaratkan agar elit politiknya mampu bersikap kreatif dan konstruktif dalam tindakan “*free will*” mereka.<sup>27</sup> Tanpa kualiti ini maka sukarlah pemimpin mengatasi masalah lantaran tidak dapat mengawal kalangan “*rank and file*”nya. Tidak mungkin kompromi atau tolak ansur yang dicapai antara elit itu dapat dilaksanakan jika di peringkat *grassroots* timbul desakan menentang yang keterlaluan. Dalam sejarah pembinaan nasion Malaysia, penerimaan secara praktik oleh orang Cina terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi hanya berlaku selepas Rusuhan 13 Mei 1969. Tetapi dasar bahasa inipun kembali goyah dan menurun mulai tahun 1980-an hingga sekarang. Sekalipun tidak boleh dinafikan bahawa bahasa Melayu telahpun dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan di institusi pengajian tinggi, kemerosotan bahasa Melayu dapat diukur dari segi rendah nilainya di kalangan sektor swasta, dan dari segi rendah mutu penggunaanya oleh orang Malaysia sendiri yang terdiri daripada berbagai kalangan, baik di peringkat rasmi maupun tidak.

Anehnya, faktor kemerosotan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan rasmi lebih kuat disebabkan oleh sikap elit Melayu yang baru muncul selepas satu dasawarsa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Elit politik Melayu yang berkuasa terutamanya, sama ada tidak begitu yakin terhadap peranan bahasa Melayu sebagai asas pembentukan bangsa dan pembinaan jati diri Malaysia,<sup>28</sup> ataupun mereka mengambil sikap acuh-tak acuh terhadap perjuangan kaum nasionalis Melayu yang terdahulu untuk

<sup>26</sup> James G. Kellas, *The Politics of Nationalism and Ethnicity*, hal. 135-136.

<sup>27</sup> Ibid., 138.

<sup>28</sup> Untuk perbincangan lanjut mengenai isu bahasa dan pembentukan bangsa, lihat Ahmat Adam, *Isu Bahasa dan Pembentukan Bangsa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, bab 2, 5 - 7.

menjadikan pembinaan nasion Malaya dan kemudiannya Malaysia melalui bahasa Melayu. Selain itu, imbauan agar kebudayaan Melayu dijadikan sebagai landasan pembinaan suatu kebudayaan kebangsaan juga nampaknya telah tidak mendatangkan apa-apa kesan. Bantahan dan tentangan yang dihadapkan oleh komuniti Cina terhadap isu ini juga mendapat dukungan elit politik mereka.<sup>29</sup>

Kegagalan orang Melayu merealisasikan cita-cita UMNO dan PKMM di peringkat awal gerakan kebangsaan Melayu membuktikan bahawa sayembara yang berlaku antara orang Melayu dan Cina untuk mencitrakan wajah negara Malaya merdeka, dan kemudiannya Malaysia, tampaknya berlaku berterusan. Baru-baru ini suatu upaya pembentukan nasion Dalam bentuk mewujudkan apa yang dinamakan Sekolah Wawasan juga ternyata mendapat tentangan dari pihak komuniti Cina, sekalipun akhir-akhirnya ia diterima tetapi penerimaannya tertakluk kepada beberapa kualifikasi. Perdebatan mengenai hak istimewa orang Melayu, saya fikir tidak akan berakhir begitu sahaja, kerana sayembara antara dua kelompok etnik terbesar di Malaysia dalam hal-hal yang bersangkutan dengan upaya mencitrakan nasion Malaysia belum selesai. Di satu pihak orang Melayu menginginkan nasion ini dibina atas asas-asas sejarah yang bererti unsur-unsur keperibumian. Ada percubaan di kalangan nasionalis Melayu untuk membentuk apa yang dinamakan '*social nation*' proses pembinaan nasion yang berasaskan masyarakat yang majmuk, tetapi melalui suatu bahasa dan kebudayaan kebangsaan. Di pihak orang Cina pula, terdapat komitmen untuk memperjuangkan nasion yang berasaskan ciri-ciri kemajmukan masyarakat, etnik dan budaya, dan justeru itu mereka tetap memperjuangkan *multilingualism, dan multi-culturalism*.

Bagi orang Melayu, tidak mungkin mereka dapat mempraktikkan *ethnic nationalism* lantaran, seperti yang dinyatakan di atas, asas-asas pembinaan nasion telah dibina oleh British. Kuasa ekonomi yang sangat ampuh dimiliki oleh orang Cina juga tidak akan memungkinkan sebarang upaya pendominasian budaya dapat berlaku. *Superiority* orang Cina dalam berbagai bidang kehidupan, termasuk di bidang perniagaan dan pendidikan pun sukar disaingi; dan jika ada pihak yang mengatakan tanpa berpaut kepada hak keistimewaan, orang Melayu, sebagai suatu kumpulan etnik, dapat menandangi atau setidak-tidaknya menyamai prestasi orang Cina dalam berbagai bidang, pihak itu tentulah alpa mengambil kira faktor sejarah dan peradaban yang telah menyebabkan kedua-dua bangsa itu tidak berada di padang yang sama datarnya. Sementelahnya pula, dalam konteks globalisasi dan kecanggihan teknologi maklumat yang semakin menguasai atau setidak-tidaknya mempengaruhi cara hidup dan budaya pemikiran kita, tidak ada kemungkinannya kerangka pembentukan nasion yang menekankan etnis dapat bertahan.


## Kesimpulan

Berasaskan sejarah masa silam negara ini selama kira-kira setengah abad lebih sedikit, proses pembinaan nasion masih pesat berlaku. Kemerdekaan yang telah diharungi selama

<sup>29</sup> Mengenai reaksi orang Cina terhadap dasar kebudayaan kebangsaan, lihat Ahmat Adam, "Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan: Sikap Orang Cina Malaysia Terhadapnya", *MANU, Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah*, Bil. 1, 1998, hal. 120 – 143.

empat puluh tiga tahun menandaskan dengan amat jelas bahawa keharmonian hubungan antara kaum adalah satu-satunya jalan untuk memastikan nasion ini terbentuk. Tetapi jalan itu adalah jalan yang panjang. Suatu hakikat yang perlu diakui juga ialah upaya merapatkan jurang ekonomi antara kaum adalah pendekatan yang utama dalam pembinaan sebuah nasion yang terdiri daripada masyarakat yang majmuk. Pemikiran politik dan perubahan sosial sesebuah masyarakat hanya dapat dibentuk melalui pengadaan suasana dan keadaan ekonomi yang tampaknya berlaku secara saksama. Tampaknya juga, untuk beberapa lama lagi, format politik yang disebut *consociational democracy* itulah yang lebih sesuai untuk Malaysia.

*Wallahu 'alam*



**Peranan Wartawan/Pendidikan**

oleh  
**Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh**

**Sesi 3 Trek 2**

**SEMINAR KEBANGSAAN  
PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN  
MALAYSIA**

**PERANAN WARTAWAN/PENDIDIKAN**

**Oleh**

**Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh  
Presiden  
Persatuan Pendidikan Malaysia**

**Anjuran  
Arkib Negara Malaysia  
Kuala Lumpur, 11-13 September 2000**

## **PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN: PERANAN WARTAWAN DAN PENDIDIKAN<sup>1</sup>**

**Oleh  
Tan Sri Dato' Dr Awang Had Salleh**

### **PENGENALAN**

Judul perbincangan ini menekankan dua aspek. Pertama, peranan yang dapat dimainkan oleh (a) wartawan, dan (b) pendidik. Kedua, matan atau subjek yang wartawan dan pendidik berperanan melakukannya, iaitu (a) pengisian, dan (b) penghayatan.

Saya pasti sidang menyedari yang saya telah menggantikan kata "pendidikan" di dalam judul dengan kata "pendidik". Saya mengambil kebebasan menukaranya untuk memelihara keselarasan. Kita sama ada menyebut "peranan kewartawanan dan pendidikan" atau "wartawan dan pendidik." Saya mengambil pilihan kedua.

Saya juga ingin mengambil kebebasan untuk menukar susun kata "pengisian dan penghayatan" kepada "penghayatan dan pengisian" kerana, pada hemat saya, dalam kebanyakan keadaan penghayatan mendahului pengisian.

### **APAKAH SEBENARNYA KEMERDEKAAN**

Judul perbincangan ini akan mempunyai implikasi yang agak terbatas jika dengan "kemerdekaan" kita maksudkan pemindahan kuasa mentadbir dan mengurus negara daripada pihak penjajah kepada pihak kita sendiri – rakyat negara sendiri. Akan lebih besar ruang litup peranan wartawan dan pendidik jika kemerdekaan itu diperluaskan

---

<sup>1</sup> Dibentang kepada Seminaar Kebangsaan Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia, di Hotel Istana, Kuala Lumpur, anjuran Arkib Negara Malaysia, 11-13 September, 2000.

untuk meliputi aspek-aspek lain juga yang melewati kemerdekaan dalam aspek pentadbiran dan pengurusan sahaja.

## DIMENSI-DIMENSI KEMERDEKAAN

Oleh itu, saya melihat kemerdekaan sebagai kebebasan dalam pelbagai aspek: kebebasan negara dalam bidang ekonomi; kebebasan negara dalam bidang minda; kebebasan negara dalam bidang ilmu pengetahuan; kebebasan negara dalam bidang diplomasi antarabangsa; kebebasan negara dari pelbagai masukan dari luar yang negatif sifatnya dan kebebasan daripada sekatan masukan dari negara ini ke negara luar.

Demikianlah, saya melihat kemerdekaan itu sebagai pembebasan negara daripada segala macam belenggu politik, minda, ekonomi, budaya, diplomasi. Sesetengah belenggu itu di datangkan dari negara luar yang tidak menyenangi kita. Sesetengahnya negara pula datang dari dalam diri kita sendiri – dari dalam masyarakat bangsa kita sendiri.

## PENGHAYATAN KEMERDEKAAN

Pada perhatian saya, penghayatan kemerdekaan berlaku pada sekurang-kurangnya dua fasa. Penghayatan fasa pertama ialah penghayatan kemerdekaan dengan maksud pengambil-alihan pentadbiran dan pengurusan negara daripada penjajah. Pencapaian kemerdekaan itu, sebelumnya, dianggap sebagai sasaran perjuangan bangsa. Bila kemerdekaan itu telah tercapai, setelah beberapa waktu berlalu, baru mulai kita rasakan bahawa kemerdekaan dari segi pentadbiran dan pengurusan sahaja belum mencukupi.

Kita menjadi sedar tentang hal ini menerusi pengalaman-pengalaman baru. Manipulasi kewangan dunia meletakkan kita pada kedudukan terancam atau serba salah atau merugikan. Menjadi sedarlah kita bahawa walaupun sudah merdeka dari segi pentadbiran dan pengurusan, kita masih dibelenggu dalam konteks ekonomi, kewangan dan perdagangan dunia.

Kita juga menjadi sedar kemudiannya bahawa kita juga masih dilanda penjajahan budaya menerusi masukan bertubi-tubi filem, buku, majalah, musik, berita dan sebagainya. Apakah ini buruk? Saudara mungkin bertanya. Tidakkah ini memperkayakan lagi khazanah budaya kita? Saudara mungkin bertanya lagi. Baik atau <sup>tidak</sup> tetap tidak, ianya adalah/bermasalah. Ia bermasalah atas beberapa sebab. Pertama, masukan barang-barang atau bahan-bahan itu sekaligus terdiri daripada yang baik dan juga yang tidak baik. Bahan-bahan budaya tinggi tidak banyak yang masuk. Yang banyak ialah yang berbentuk populer dan picisan. Maka terbelengguh minda kita dengannya. Begitu pula halnya dengan aliran berita dan pewarnaan berita serta pemilihan berita yang dieurahkan kepada kita ikut mencorakkan pandangan dan pemikiran serta tanggapan kita. Sedang kita/punya daya untuk menterbalikkan aliran berita daripada kita kepada mereka.

Begitu pula halnya dengan pendidikan. Pengantar pelajar-pelajar kita ke negara-negara maju mendatangkan faedah kepada negara kita dari beberapa segi, seperti memperolehi pengetahuan dan keterampilan dalam bidang-bidang yang kurang kita miliki, tetapi pada waktu yang sama, negara-negara maju itu memanfaatkan otak atau hasilan penyelidikan pemuda-pemudi kita untuk memperkuuh dan mempertingkat ilmu dan teknologi di sana. Pada waktu yang sama, anak-anak muda yang ke sana sedikit <sup>baik</sup> sebanyaknya menerima sosialisasi intelek mereka. Tidak pasti saya apakah ini/atau

buruk, tetapi bila tenaga akademik di beberapa IPT yang saya terajui sebelum ini pulang dari pengajian mereka dan menimbulkan isu kesaksamaan dalam DEB saya menjadi insaf bahawa mereka melihatnya dari sudut penglihatan orang sana yang pada waktu itu sebenarnya belum lagi meyakini pendekatan *affirmative action*.

#### KEMERDEKAAN SEBAGAI SEBUAH SASARAN KEMERDEKAAN SEBAGAI SEBUAH PERMULAAN

Demikianlah kemerdekaan itu perlu dihayati. Ia perlu dihayati dari segi pengorbanan dan perjuangan segala lapisan – yang memimpin dan yang dipimpin – dalam gerakan menentang penjajahan masa itu. Pada waktu yang sama, perlu pula kita hayati tentang “perjuangan yang belum selesai” bila masih banyak belenggu-belenggu penjajahan bentuk baru yang masih melanda dan menggugat kemerdekaan lahiriah yang telah kita capai.

Ke arah itu, seperti mana dulunya kita menjadikan pencapaiaan kemerdekaan sebagai suatu sasaran perjuangan, kita perlu kini menjadikan pemecahan tali dan rantai belenggu yang tak ketara itu sebagai sasaran baru. Dalam konteks inilah “perjuangan yang belum selesai” itu menjadi amat bererti dan amat signifikan. Dengan kata lain, pencapaian kemerdekaan 43 tahun dahulu bukanlah pencapaian terakhir kepada negara dan bangsa. Ia baru merupakan titik permulaan kepada perjuangan yang mesti diteruskan.

#### IMPLIKASI KEMERDEKAAN SEBAGAI SEBUAH PERMULAAN

Bilamana pencapaian kemerdekaan 43 tahun lalu dianggap sebagai sebuah permulaan kepada “perjuangan ini mesti diteruskan”, maka ertiannya bermulalah sebuah

proses pengisian kemerdekaan.

## MASALAH SEHUBUNGAN DENGAN PENGISIAN KEMERDEKAAN

Rupa-rupanya, isu pengisian kemerdekaan juga bermasalah. Memang benar bahawa mewujudkan sistem pendidikan nasional yang bermula dengan Jawatankuasa Pelajaran 1956 yang dipengerusikan oleh Tun (masa itu Dato') Abdul Razak adalah sebuah pengisian kemerdekaan; mengemukakan dan melaksanakan proram Buku Merah dan dikuti kemudiannya rancangan-rancangan lima tahun adalah pengisian kemerdekaan; memang benar pembesaran angkatan polis dan tentera adalah pengisian kemerdekaan; membina prasarana fizikal di seluruh negara adalah pengisian kemerdekaan; tetapi masih ada lagi aspek-aspek lain yang mesti ditangani dalam usaha meneruskan pengisian kemerdekaan.

Pada suatu waktu kita biasa dengan konsep "pembangunan tenaga manusia" atau *manpower development*. Konsep pendekatan itu didapati tidak sesuai di seluruh dunia, lalu digantikan dengan konsep "pembangunan sumber manusia" atau *human resource development*. Ini juga merupakan pengisian kemerdekaan.

Saya berpendapat bahawa, dalam mendekati dan melaksanakan pembinaan sumber manusia, kita alpa tentang sebuah lagi aspek, iaitu "pembinaan manusia" atau *human development* itu sendiri. Kita tidak secara sungguh dan serius menangani soal belenggu minda, soal orang tidak berfikir lalu mempercayai apa sahaja secara membabi-butut, soal pemikiran berperasangka dan *stereotyping*, soal minda terjajah, soal pendirian ekstrim melulu, soal anggota masyarakat yang kehilangan jatidiri.

## PERANAN WARTAWAN DAN PENDIDIK

Saya merasa lebih senang jika "wartawan dan pendidik" itu dibaca sebagai "penulisan dan pendidikan". Oleh itu, saya melihat yang berikut ini dalam perspektif itulah, yakni dalam perspektif penulisan – apa pun bentuk penulisan itu – dan pendidikan dalam perspektif yang luas yang terlepas daripada sekadar sekolah dan institusi pendidikan lainnya.

Saya melihat peranan penulisan – termasuk sumbangan kewartawanan – sebagai mengingatkan selalu secara tak ketara (a) sejarah kemerdekaan, (b) perjuangan dan pengorbanan dalam gerakan kemerdekaan, (c) peristiwa-peristiwa penting sehubungan perjuangan kemerdekaan, (d) ertinya pengisian kemerdekaan, (e) kupasan mengenai "perjuangan yang belum selesai" dan "perjuangan ini mesti diteruskan" oleh Perdana Menteri, (f) peri perlu pengukuhan jatidiri yang tidak berupa anti-perubahan dan anti-pemodenan, (g) peri perlu diperangi gejala tak berfikir, gejala prasangka, gejala keracunan dan penajahan minda, dan sebagainya.

Sebahagian penulisan mungkin bersifat objektif dan berlandas ilmu. Penulisan yang begini amat berguna dari segi intelek. Sebahagian penulisan pula, dalam bentuk sastera, amat dirasakan di hati dan di jiwa. Kesannya amat besar – menimbulkan marah, sedih, empati, dan merasa terpanggil untuk mempertahankan kemerdekaan dan ikut serta dalam pengisian kemerdekaan.

Saya melihat pendidikan sebagai terbahagi kepada dua, iaitu, (a) pendidikan berinstansi, dan (b) pendidikan massa atau orang ramai. Dari segi pendidikan berinstansi pula, dua perkara dapat dibincang, iaitu (a) dari segi kurikulum, dan (b) dari segi pendekatan guru dalam pengajaran.

Baik dari segi kurikulum, baik dari segi pendekatan guru, kedua-kedua aspek berikut memerlukan perhatian, iaitu, fakta dan rasa. Yang pertama, iaitu fakta, menyampaikan maklumat berlandaskan IQ, manakala yang kedua, iaitu rasa, adalah berlandaskan EQ, bagi menimbulkan empati yang amat berguna dalam memupuk penghayatan dan kecintaan.

Di samping itu semuanya, <sup>d</sup>ari segi dasar pendidikan, hendaklah difikirkan bagaimana perhitungan “pembinaan sumber manusia” dapat diimbangi dengan “pembinaan manusia itu sendiri” iaitu pembinaan sahsiah, bakat, kreativiti dan patriotisme.

Mengenai pendidikan massa pula, media memainkan peranan sama ada dalam bentuk papan iklan, iklan kemanusiaan pada kaca tivi dan radio, poster, dan lain-lain seumpamanya. Ianya harus dirancang dan disusun secara berkesinambungan dan tidak dibiarkan berlaku sendiri-sendiri.

## KESIMPULAN

Demikianlah sekadarnya saya melihat persoalan penghayatan dan pengisian oleh kemerdekaan itu dari segi penulisan dan pendidikan – termasuk wartawan dan pendidik ~~tentunya~~.

**Pengalaman dan Peranan Penyiaran Dalam Mengisi dan  
Menghayati Kemerdekaan Malaysia**

oleh  
**Dato' Hj. Dol Ramli**

**Sesi 3 Trek 2**

**SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN  
MALAYSIA**  
**11 – 13 SEPTEMBER 2000**

**PENGALAMAN DAN PERANAN PENYIARAN DALAM MENGISI DAN  
MENGHAYATI KEMERDEKAAN MALAYSIA**

**Oleh : Dato' Hj. Dol Ramli,  
bekas Ketua Pengarah Penyiaran, bersara 1975.**

**BAHAGIAN PERTAMA**

**1. PENGAKUAN IKHLAS**

Elok diketahui dari awal lagi bahawa kertas kerja ini tidak bertaraf akademik atau ilmiah. Ianya lebih tersurat berdasarkan ingatan dan pandangan seorang bekas penyiar, berumur 78 tahun, yang bersara dari RTM 25 tahun dulu. Jika terdapat kelemahan dan kesilapan isi kandungannya harap dimaafkan.

**2. PENDAHULUAN**

- 2.1. Media elektronik, khususnya penyiaran (*broadcasting*), mempunyai ciri-ciri kelebihan yang tersendiri, mengatasi lain-lain media massa yang sama-sama memaparkan bahan informasi, hiburan dan ilmu pengetahuan sebagai isi kandungannya. Dikira dari segi kepentasan penerimaannya, intimnya yang boleh menyeludup masuk keseluruhan pelosok rumah kita dari jarak jauh dengan sekilip mata, dan berkemampuan memanfaatkan mereka yang cacat penglihatan (melalui radio), pendengaran (melalui TV) dan yang tidak bersekolahan formal, maka penyiaran diakui keunggulannya di seluruh dunia.

- 2.2. Dengan penemuan “*transistor*” (1949) yang berkuasakan bateri kecil murah, mudah di dapati di mana jua, maka peti radio bimbhit kini mampu dimiliki oleh keluarga miskin sekali pun, di mana-mana negeri di dunia. Kini dengan adanya kelengkapan canggih yang ringan dan “*mobile*” melibatkan penggunaan gelombang mikro dan satelit angkasa maka konsep “perkampungan sejagat” (*global village*) pandang-dengar tanpa sempadan semakin terserlah seperti terbukti dalam siaran CNN dikaca TV.
- 2.3. Namun ada juga golongan orang yang merasa kurang senang dengan pengaruh radio dan televisyen, mengkhawatir isi kandungan programnya boleh dimanipulasikan guna untuk menawan hati dan minda rakyat jelata lebih-lebih lagi kanak-kanak yang mudah terpergiaruh dengan hidangan program beragenda tersembunyi,
- 2.4. Di Malaysia, yang pemilik peti radio dan TV sungguh ramai, peranan penyiaran dalam apa situasi juga boleh dianggap penting bagi negara muda membangun yang majmuk, berbilang agama dan budaya, memainkan peranan bina-negara dengan penuh semangat semenjak tercapainya merdeka sebagaimana yang terbayang dalam isi kandungan kertas kerja ini

## **BAHAGIAN KEDUA.**

### **3. SEJARAH RINGKAS PENYIARAN**

Elok kita singkap sejenak tirai sejarah penyiaran di rantau sebelah sini, merangkumi Malaya/Malaysia dan Singapura yang berjaring rapat kecuali berpatuh arang pada tarikh hikmat: 1 Februari 1959 apabila Radio Malaya mencapai kemerdekaannya sendiri dari telunjuk Caldecott Hill (Ibu Pejabat Jabatan Penyiaran ) di Singapura.

- 3.1. Di zaman sebelum tercetus Perang Pasifik (1941-1945) sudah ada beberapa stesen radio “*amateur*” kecil-kecilan semenjak tahun 1922 lagi, seperti yang terdapat di Singapura, dituruti oleh Johor Bahru, kemudian Pulau Pinang (1924). Siaran radio di stesen-stesen tersebut amat terbatas masa pancarannya, isi kandungannya dan kuat-kuasa pemancarnya. Hanya apabila syarikat komersil *British Malaya Broadcasting Corporation (BMBC)* julung-julung kali memulakan perancangannya dalam tahun 1936 di Caldecott Hill, Thomson Road, Singapura, dengan kompleks siaran (pejabat, studio, sistem “*aerial*” dan stesen pemancar) bertaraf “profesional” maka barulah mantap era penyiaran dalam kedua-dua wilayah. Nama kenalan (*call sign*) “Inilah Radio Malaya” mula berkumandang di udara dari tahun 1937.
- 3.2. Angkara semaraknya Perang Dunia Kedua di Eropah mulai September 1939 maka Kerajaan Negeri-negeri Selat (*Straits Settlement Government*) di masa itu mengambil alih BMBC yang diserapkan ke dalam orbit Kementerian Penerangan (British) dengan diberi nama baru “*Malaya Broadcasting Corporation (MBC)*”. MBC beroperasi dari Bangunan Cathay yang tertinggi sekali di Singapura masa itu. Warta beritanya disiarkan dalam bahasa Inggeris, Cina (9 dialek), Melayu, Tamil, Hindustan, Urdu, Perancis dan Belanda bagi faedah pendengar tempatan dan juga askar-askar pertahanan berbilang bangsa yang ditempatkan di Singapura dan Malaya di masa itu.
- 3.3. Apabila tercetusnya Perang Pasifik dengan Tentera Jepun mula merempuh masuk dari utara Semenanjung dan dari Singgora (Selatan Thailand) pada 7 Disember 1941 lalu mara ke selatan secara kilat, menawan seluruh Semenanjung dan Singapura dalam

masa 68 hari saja, maka keseluruhan sistem dan peralatan penyiaran radio di masa itu jatuh ke tangan Tentera Jepun hampir lengkap pada segala-galanya.

- 3.4. Di zaman pendudukan Tentera Jepun (1942-1945) siaran radio di Singapura dan juga di Pulau Pinang dikeslopatasi sepenuhnya sebagai alat propaganda "Hitai San" yang juga mendirikan studio dan alat pemancar di Kuala Lumpur, kemudian di Ipoh, Melaka dan Seremban, walau pun berupa kecil-kecilan. Namun disebabkan kekurangan alat-ganti akibat perperangan maka mutu teknikal siaran radio didapati beransur pudar.
- 3.5. Apabila pentadbiran Tentera British (*BMA: British Military Administration 1945-1948*) mula bertapak setelah Jepun menyerah diri maka peralatan siaran radio diberi keutamaan, lalu segera dibaik pulih di Singapura, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang mengatasi lain-lain stesen. Dengan pemerintahan *BMA* tamat secara rasmi pada tahun 1948 (tarikh RTM gunakan sebagai tahun kelahirannya) maka perkhidmatan radio di Singapura dan Semenanjung digabungkan menjadi satu entiti bergelar Jabatan Penyiaran bersifat "*Pan-Malayan*", beribupejabatkan kompleks Caldecott Hill, Singapura. Lain-lain stesen di Semenanjung memainkan peranan kedua dalam percaturan khidmat radio di masa itu. Semua pegawai atasan dari Pengarah, Timbalannya, Ketua Juruteranya membawa kepada penyelia-penyalia perkhidmatan bahasa tempatan (Inggeris, Cina dalam 7 dialek, Melayu dan Tamil) "bersemayam" di Caldecott Hill. Hanya pada bulan Ogos 1955 barulah Penyelia Program Melayu (*Malay Programme Supervisor*) dipindahkan ke Kuala Lumpur dengan penulis sebagai penyandangnya setelah lulus Ijazah B.A. Honours dari Universiti Malaya di Singapura pada tahun yang sama.

Namun semua stesen radio di Semenanjung masa itu, sehingga tarikh hikmat 1 Februari 1959, dianggap tidak melebihi satelit yang berlegar mengelilingi ibu pejabat Caldecott Hill, mengikut telunjuk tuan besar "Mat Salleh", akur dengan segala perintah dan kehendaknya. Isi kandungan siaran, warta berita, penentuan dasar pembangunan atau perancangan pembangunan dan lain-lain, semuanya terbatas oleh agenda Kerajaan British walau pun, dalam bentuk "*Pan-Malayan*" Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (FMS) berkongsi belanja dengan Kerajaan British dan bertaraf sama-rata sama-rasa dalam segala hal-ehwal penyiaran. Tetapi pada amalan dan hakikatnya perkongsian ini berat sebelah, memihak kepada agenda Kerajaan British. Kedudukan demikian rupa telah menimbulkan perasaan resah di kalangan para pegawai dan pekerja tempatan (tidak ramai di Kuala Lumpur masa itu, tidak melebihi 200 orang termasuk pegawai-pegawai "Mat Salleh", juruteknik, pemandu kereta dan buruh kasar). Lebih-lebih lagi apabila membara semangat kebangsaan mereka setelah Malaya mencapai kemerdekaan politik pada 31 Ogos 1957. Atas gesaan kuat dari pegawai-pegawai kanan tempatan (segelintir sahaja bilangan mereka di masa itu) maka Kerajaan Persekutuan bersetuju membebaskan Radio Malaya di Semenanjung dari kawalan penjajah kolonial British di Singapura, mulai 1 Februari 1959. Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra sendiri memegang portfolio Penerangan dan Penyiaran buat sementara waktu sebelum seorang Penolong Menteri (bukan "Timbalan" seperti sekarang ini) bernama Encik Ismail, dilantik membantu Tunku.

- 3.6. Tarikh 1 Februari 1959 sungguh bersejarah bagi RTM kerana ia mengupayakan Jabatan Penyiaran Persekutuan membuat perancangannya sendiri, menentukan nasib masa depannya sendiri mengisi konsep penyiaran mengikut acuan dan cita-rasanya

sendiri. Radio Malaya terus bertindak, walau pun negara di masa itu mengalami keadaan serba kurang, membuat perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang, berfasa-fasa, untuk meletakkan batu asas yang kukuh supaya media massa elektronik mampu menjadi alat bina-negara yang berpotensi, menepati cita-cita aspirasi negara muda yang baru saja merdeka dan berdaulat.

### **BAHAGIAN KETIGA**

#### **4. KEMERDEKAAN PENYIARAN: PERANCANGAN & TINDAKAN**

Semenjak 1 Februari 1959, Jabatan Penyiaran mengorak langkah tegas untuk mengisi kemerdekaan negara walau pun ianya jauh kekurangan tenaga manusia dan dana kewangan di awal 1960an, angkara kerajaan mengatasi kegiatan pengganas komunis (darurat 1948-1960), dan keperluan projek-projek infrastruktur sosial di sektor persekolahan, kesihatan, perhubungan awam, pengangkutan dan lain-lain lagi yang dianggap lebih mendesak di masa itu. Kertas kerja ini cuba menyenaraikan secara ringkas beberapa pencapaian Jabatan Penyiaran dalam bidang-bidang tertentu, tidak mengikut susunan kronologi atau keutamaannya.

##### **4.1. Di lapangan Bahasa dan Sastera (1957-1974)**

- a) Bahasa Melayu “*standard*” dijadikan dasar sebutan dan pemakaian yang betul dalam semua program berbahasa Melayu oleh staf Radio Malaya seperti pembacaan Warta Berita, Persembahan Muzik, Rencana, Ulasan Selari dan Dokumentari, tetapi dalam program drama dan lawak jenaka (*comic sketches*) penggunaan loghat negeri dan kaum dibenarkan supaya terasa lebih “*natural*” seperti

dalam siri sukaramai "Kebun Pak Awang". Dasar RTM ini seiring dengan *BBC English* bagi bahasa Inggeris di United Kingdom. Khabarnya guru-guru sekolah di Malaya/Malaysia dan Singapura berpandukan sebutan bahasa Melayu di Radio Malaya/Malaysia di masa itu, mungkin sehingga hari ini.

- b) Program khas mengenai bahasa dan sastera Melayu disiarkan dari masa ke masa bagi faedah para pendengar yang menghayati bidang ini. Bantuan dan kerjasama Dewan Bahasa & Pustaka kerap diperolehi RTM dalam program tersebut.
- c) RTM menyertai dan menyokong usaha Kerajaan mempopularkan Bahasa Melayu dari mula lagi apabila "Minggu Bahasa Kebangsaan" di lancarkan dari 30 Januari hingga 6 Februari 1960. Malahan penulis kertas kerja ini, dilantik oleh kerajaan ke dalam Jawatankuasa Pengelola yang dipengerusikan oleh Tuan Syed Nasir (kini bergelar Tun dan telah pun arwah) Ketua Pengarah DBP di masa itu. Penulis juga mencipta lagu dan senikata BAHASA JIWA BANGSA yang menjadi muzik pelancaran "Minggu Bahasa Kebangsaan" yang pertama. Orkes Radio Malaya ditugaskan menggubah dan merakamkan lagu tersebut untuk mengiringi pasukan koir khas pimpinan Tony Fonseka (pencipta lagu BENDERA MALAYA/MALAYSIA). Lagu BAHASA JIWA BANGSA masih tedengar sempena aktiviti Bahasa Melayu hingga sekarang. Radio Malaya juga mencari-cari orang bukan-Melayu untuk menyertai program berbahasa Melayu dalam bentuk Warta Berita, drama, rencana, muzik (seperti penyanyi lagu

Melayu rentak asli Andre Goh) dan sebagainya. Kini sudah ramai mereka dari kaum Cina dan India menyertai program Melayu RTM dalam berbagai bentuk....sebagai membuktikan keunikan rakyat Malaysia yang majmuk.

- d) Penulis kertas kerja pernah menjadi pengurus Jawatankuasa anjuran DBP mengenai Istilah Komunikasi, mengumpul dan membukukan istilah-istilah baru dan lama untuk penggunaan orang ramai, khususnya mereka yang bertugas dalam bidang media massa.
- e) Beberapa istilah baru bagi kegunaan para penyiar di masa menjalankan tugas masing-masing dicipta khas oleh RTM sendiri, seperti “ulasan selari” (*“running commentary”*) dan “temuramah” (*broadcast interview*), *dan sebagainya*.

#### 4.2. Di lapangan Seni Muzik (1959-1975)

RTM senantiasa berusaha meningkatkan mutu muzik dan mencungkil bakat baru di kalangan penyanyi dan pemuzik negara supaya mereka tidak ketinggalan zaman, memainkan peranan memupuk perkembangan seni muzik sejajar dengan kemajuan negara dalam bidang seperti pendidikan, sukan, sains dan teknologi, bahasa dan persuratan, ekonomi dan perindustrian dan sebagainya. Di antara cara-caranya ialah:

- a) Mengadakan pertandingan mencipta lagu untuk memperkayakan khazanah muzik tanah air dalam berbagai bentuk dan rentak seperti di bidang Asli (dalam rentak ronggeng, zapin, inang, ghazal dan lain-lain), di bidang Langgam (seperti rentak rumba, waltz, foxtrot dan lain-lain

lagi), di bidang March, di bidang Muzik Nasional atau Patriotik dan di bidang Lagu Kanak-Kanak untuk kegunaan sekolah-sekolah tempatan supaya murid sekolah tidak hanya menyanyi lagu-lagu Barat seperti "*Twinkle Twinkle Little Star*" , "*Baa Baa Black Sheep*" dan sebagainya. Lagu rentak Seriosa juga cuba digalakkan tetapi sambutannya amat mendukacitakan, malahan kini lagu Seriosa tidak kedengaran langsung di udara.

- b) Pertandingan menyanyi untuk mencungkil bakat baru kerap diadakan dengan sentiasa mendapat sambutan baik sehingga hari ini. Syarifah Aini, Sudirman, Jamal Abdillah dan Siti Nurhaliza menjadi bukti kepada hasil usaha RTM dalam bidang ini.
- c) Dari awal lagi RTM bertekad untuk membimbing rakyat, lebih-lebih lagi generasi muda, pada menghayati seni muzik bertaraf tinggi seperti jenis klasik dan balada yang melibatkan persembahan orkes besar-besaran (lebih 50 orang pemuziknya). Semenjak tahun 1957 lagi, Jabatan Penyiaran telah melancarkan siri jenis Konsert Diraja (seakan "*Royal Command Performance*" di United Kingdom). Pada mula-mulanya dinamakan MALAM IRAMA MELAYU (kemudian diubah nama kepada MALAM IRAMA MALAYSIA, kini KONSERT PERDANA MALAYSIA) ditontoni oleh para pembesar dan pemimpin negara. Hanya ciptaan terbaru, gubahan terbaik dan pemuzik terhandal sahaja dipersembahkan dalam siri Konsert Diraja setiap tahun. Di antara lagu-lagu instrumental ciptaan khas berbentuk klasik ialah: PUTERI GUNUNG LEDANG (ciptaan Gus Styn, pemain piano

Orkes RTM), GENTA PURBA (ciptaan Saiful Bahary), TELATAH SANG KANCIL, HANG TUAH dan lain-lain. Hasil sampingan Konsert ini ialah, selain dari meninggikan taraf muzik Malaysia, ianya membolehkan RTM memetik dari rakaman lagu-lagu khas tersebut beberapa bahagian atau cebisan yang sesuai dijadikan muzik suasana (*background music*) dan muzik rasahati (*mood music*). Muzik tersebut boleh digunakan dalam program RTM atau terbitan Filem Negara Malaysia dan pihak swasta sekalipun supaya penerbitan drama, dokumentari dan rencana tempatan tidak semata-mata bergantung kepada muzik rekaan Barat.

- d) Supaya lagu-lagu tempatan boleh dipersembahkan dengan alat muzik bertali (*biola, cello, double-bass*) *a la "Chamber Music"*, maka sekolah-sekolah yang ada kumpulan orkes kecil seperti ini (5-6 orang pemuziknya) mampu memainkan lagu-lagu tempatan selain dari ciptaan Bach dan Bethoven saja dengan menggunakan buku-buku keluaran RTM bersama Dewan Bahasa dan Pustaka diterbitkan khas untuk tujuan ini, gubahan Mario Lim seorang pemain biola Orkes RTM. Mudah-mudahan usaha penerbitan buku muzik seperti ini masih diteruskan.
- e) Merasakan betapa mustahaknya sebanyak-banyak muzik etnik (tarian dan nyanyian) rakyat Malaysia dikumpulkan dalam bentuk rakaman untuk penggunaan program biasa dan juga penyelidikan oleh pakar muzik maka satu koleksi khas dinamakan "*National Music Library*" (*NML*) diwujudkan mulai tahun 1956, mengandungi berbagai persembahan kuno, turun-temurun kaum Bumiputera dan

Orang Asli di seluruh negara. Semua staf RTM yang melawat kampung-kampung termasuk yang terpencil di pendalaman negara semasa membuat "field-work" diwajibkan mencari dan merakamkan persembahan etnik yang terserempak oleh mereka untuk dibawa pulang ke Ibu Pejabat RTM bagi simpanan dalam *NML*. Kini koleksi muzik etnik Malaysia yang masih tersimpan di Angkasapuri dianggap terbesar di dunia merupakan khazanah warisan seni muzik dan budaya negara kita maka itu tidak ternilai harganya. Walau pun persembahan etnik seperti Nobat, Chak Limpong, Ulek Mayang, Selampit, Makyong, Wayang Kulit masih terdapat di Malaysia tetapi banyak juga seperti Tari Labi-labi telah pun pudar, mungkin telah pun pupus seperti binatang purba dinosaurus dan burung dodo. Persembahan Orang Asli di Radio Malaya/Malaysia juga termasuk dalam lingkungan muzik etnik, untuk kegunaan dalam Siaran Orang Asli di Radio Malaya/Malaysia. Diharap koleksi *NML* ini dipupuk terus, dibaikpulih jika telah lama terbiar, supaya ianya terus menjadi sebahagian dari warisan khazanah muzik Malaysia yang unggul.

- f) Untuk menarik perhatian pakar muzik di dalam mahu pun di luar negeri, pada tahun 1957, 3 pitasuara diberi nama "A", "B" dan "C" diterbitkan oleh penulis mengandungi bahan-bahan rakaman yang dipetik dari koleksi *NML* dan juga Perpustakaan Muzik Jabatan Penyiaran. Pitasuara "A" mengandungi cebisan ringkas (25 saat – 45 saat) muzik jenis etnik seperti Nobat, muzik Makyong, Wayang Kulit, Selampit dan lain-lain. Pitasuara "B" pula mengandungi cebisan muzik berentak Asli seperti Zapin, Ghazal, Inang

dan Ronggeng; pitasuara "C" mengandungi muzik Melayu moden berentak jazz, foxtrot, rumba, seriosa dan sebagainya. Setelah Dr. Barbara Smith, Profesor Jabatan Ethno-Musicology dari University Hawaii mendengar Pitasuara "A" beliau terus mencadangkan agar Radio Malaya berkongsi kerja dengan *East-West Centre, University of Hawaii*, tempat beliau mengajar, untuk membuat penyelidikan ilmiah terhadap setiap bahan muzik etnik dalam rakaman tersebut untuk dibukukan kelak. Beliau juga menamakan seorang mahasiswanya untuk datang ke Malaya bagi tujuan ini. Malangnya, Radio Malaya di masa itu masih dalam kongkongan Caldecott Hill, Singapura, dan juga tidak berkemampuan tenaga kerjanya apa lagi dana kewangan bagi projek sebesar ini. Begitu juga halnya dengan Profesor *Ethno-Musicology University of Michigan*, Dr. P. Malm. Begitu terpesona beliau dengan Pitasuara "A" maka beliau menghantar seorang mahasiswanya dalam bidang ini Ms Patricia Matusky supaya membuat kajian di paras kedoktoran mengenai "*"Music in the Malay Shadow Play"*" (*Wayang Kulit*) dibukukannya setebal 585 muka surat. Setelah lulus maka Dr. Matuski diberi kontrak bekerja di Universiti Malaya mengajar siswa tempatan muzik "*Wayang Kulit*" termasuk memain peralatannya seperti serunai, canang, gendang, tetawak dan sebagainya. Sepatutnya para akademik dan pakar kebudayaan negaralah yang menyahut cabaran membukukan secara ilmiah segala bahan seni muzik etnik, drama dan tariannya sekali yang masih ada berselerak di merata negara kita, sebelum ianya pupus, hilang di dunia mungkin tidak bernisan.

g) Penulis berpendapat ada baiknya sekali sekala dibawa dari luar pemuzik atau penyanyi handalan untuk memberi nafas baru kepada seni musik tempatan. Maka itu penulis membawa masuk dari Singapura Hamzah Dolmat pada awal 1958, dengan ilham Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra. Hamzah ialah pemain biola handalan dibidang "folk music" lalu bekerja dengan Orkes RTM bergaji lebih 3 kali ganda perolehannya di Singapura. Begitu juga dengan kedatangan penyanyi sensasi Indonesia Bing Selamat yang mengikat kontrak 2 tahun dengan RTM. Beliau disusuli dengan ketibaan Saiful Bahary, bekas pemimpin Orkes Radio Republik Indonesia, di Malaya untuk bekerja dengan Filem Negara Malaya tetapi kerap ke Angkasapuri untuk bermesra dan membuat rakaman. Beliau seorang pencipta dan mengubah muzik yang rata terkenal di negerinya sendiri dan juga di Malaya, Singapura dan Brunei. Sungguh ironi lagu march ciptaan BERJAYA didapat menaikkan semangat rakyat Malaysia bangun menentang dasar Konfrontasi Presiden Indonesia Soekarno "mengganyang Malaysia". Ada beberapa ciptaan Saiful yang menjadi march rasmi bagi angkatan bersenjata Malaysia seperti BARISAN KITA (Tentera Darat) dan SAMUDRA RAYA (Tentera Laut). Tentera Udara Malaysia memilih ciptaan anak tempatan Mahzan Manan bertajuk PERWIRA ANGKASA sebagai march rasminya.

#### 4.3 MEMBINA PRASARANA FIZIKAL PENYIARAN (1959-1974)

Sebaik sahaja Radio Malaya berjaya membebaskan diri dari belenggu Caldecott Hill Singapura pada 1 Februari 1959 maka ianya segera membuat rancangan jangka-panjang untuk memenuhi

aspirasi negara yang baru merdeka selain dari cita-cita dan idaman dirinya sendiri untuk menjadi sebuah institusi penyiaran yang disegani ramai dalam bidang media elektronik. Di bawah ini disenaraikan secara ringkas projek pembangunan yang sempat dilaksanakan dalam tempoh singkat 1959-1974:

- a) Membina sebuah kompleks penyiaran yang moden bersepadu (*modern integrated broadcasting complex*) bagi radio dan TV dinamakan ANGKASAPURI untuk dijadikan ibupejabat penyiaran dan nadi penggerak penyiaran bagi seluruh negara. Kawasan yang dipilih di Bukit Putera cukup luas tapak tanahnya, dan tidak jauh dari pusat ibunegara Kuala Lumpur. Walau pun pada mulanya ANGKASAPURI dibina khusus bagi penggunaan penyiaran sahaja tetapi akhirnya Kementerian Penerangan serta Jabatan Perkhidmatan Penerangan masuk menumpang bangunan pentadbirannya sehingga lah di hari ini
- b) Membina stesen radio yang moden dan baru dalam setiap negeri di Malaya/Malaysia (kecuali Negeri Sembilan) lengkap dengan padang pemancarnya. Kini pengganti penulis, sebagai Ketua Pengarah Penyiaran Dato' Abdullah Mohamed telah menubuhkan stesen radio di Negeri Sembilan memenuhi rancangan asal RTM.
- c) Membina sebuah Stesen Pemantau (*Monitoring Station*) di Klang, Selangor, untuk mengesan siaran dari luar negeri, lebih-lebih lagi siaran pengganas komunis SUARA REVOLUSI MALAYA yang rakaman isi kandungannya setiap hari diserahkan kepada Kerajaan Pusat untuk makluman dan tindakan sewajarnya.

- d) Membina seberapa segera yang boleh sebuah stesen pemancar baru di Kajang, berkuasa tinggi sehingga 200 KW AM shortwave khusus bagi kegunaan SUARA MALAYSIA. Perkhidmatan SUARA MALAYSIA mula-mula beroperasi menggunakan pinjaman alat pemancar BBC di Tebrau, Johor Selatan, dan mula dilancarkan dalam 3 bahasa: Indonesia, Inggeris dan Mandarin. Pelaksanaannya dilakukan dalam masa 3 minggu saja setelah Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra memanggil penulis ke pejabatnya menggesa supaya siaran luar negeri Malaysia dilancarkan secepat mungkin, untuk mematahkan serangan propaganda Konfrontasi Presiden Indonesia (Soekarno). Penyiar Bahagian Bahasa Indonesia di SUARA MALAYSIA diperolehi dari kumpulan pelarian dan pemberontak Indonesia yang lari masuk ke Malaysia kerana menentang dasar Presiden Soekarno menyebelahi PKI (Parti Komunis Indonesia). Ketua mereka bernama Des Alwi banyak membantu SUARA MALAYSIA untuk mendapatkan tenaga kerja Indonesia. Sebahagian dari bakal penyiar Indonesia diberi latihan intensif di rumah penulis sendiri oleh beliau, disebabkan kesuntukan masa. Di antara bahasa asing yang dirancangkan secara jangka panjang untuk siaran SUARA MALAYSIA ialah bahasa Arab, Thai, Burma, Vietnam, Perancis dan 2 bahasa utama Afrika.
  
- e) Mengambil inisiatif mengasaskan projek pusat latihan penyiaran bagi faedah staf RTM sendiri untuk meninggikan segera secara berterusan keupayaan staf menerbitkan program bermutu tinggi. Kompleks latihan ini dinamakan

INSTITUT PENYIARAN TUN ABDUL RAZAK (IPTAR) letaknya dalam kawasan Angkasapuri. Dalam bangunan yang sama, di sebelah atasnya, ditempatkan pusat latihan serantau di paras lebih tinggi dengan sokongan UNESCO dan ABU (*Asia-Pacific Broadcasting Union*), diberi nama *Asia-Pacific Institute for Broadcasting Development (AIBD)*...yang menjadi pemangkin kepada rancangan RTM memindahkan operasi ABU keseluruhannya bertumpu ke Angkasapuri. Dato' Abdullah Mohamed, pengganti Penulis sebagai KPP, telah menyempurnakan projek ini.

- f) Supaya para pendengar radio di seluruh pelosok tanah air lebih selesa menghayati program RTM maka kuasa alat pemancar (*transmitters*) jenis AM *shortwave* dan *mediumwave* diperkuatkan dari sekitar 20 KW kepada 50 KW ke atas. Begitu juga jenis gelombang AM nya ditambah dengan sistem *FM (Frequency Modulation)* yang lebih terang penerimaan siarannya dan tidak diganggu petir atau guruh di langit. Kemudian RTM membaiki lagi mutu siaran FM tersebut dari mono ke stereo (dua jurusan pendengaran)

#### 4.4. KONSEP DAN PERKHIDMATAN BARU

- a) Melancarkan perkhidmatan Siaran ke Sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh RTM sendiri, yang tidak lama kemudian diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan sehingga hari ini operasinya. RTM sedar akan bagaimana pentingnya perkhidmatan berguna ini yang boleh meninggikan minat, ilmu pengetahuan dan

pengertian murid-murid sekolah jika dibantu dengan siaran program yang bermutu. Penulis pernah bekerja dalam Bahagian Melayu, Siaran Ke Sekolah-sekolah, di masa bertugas di Caldecott Hill, Singapura, selama hampir dua tahun (1949-1950).

- b) Memulakan Perkhidmatan Komersil (mula sekali di Radio Malaya) dengan bantuan *New Zealand Broadcasting Corporation* yang meminjamkan selama dua tahun John Sadler, pakar NZBC dalam bidang ini. Perkhidmatan ini bukan saja meningkatkan dana pendapatan RTM tetapi juga memberi peluang kepada para peniaga tempatan mengiklankan produk mereka secara lebih leluasa melalui radio dengan bayaran berpatutan. Perkhidmatan ini masih berjalan lancar, malahan kini menjadi punca pendapatan utama RTM untuk membayai operasinya, sebagaimana juga lain-lain media swasta samada radio, TV mahupun media percetakan.
- c) Membantu mewujudkan perkhidmatan TV di Malaysia (sistem PAL 625 lines) mula-mula dalam versi hitam putih, kemudian berwarna-warni. Penulis menganggotai Jawatankuasa Penubuhan TV sambil bersetuju memindahkan beberapa pegawai kanan Radio Malaysia ke TV Malaysia untuk menjayakan penubuhan perkhidmatan TV di Malaysia. Di antara yang dipindahkan ialah: Ahmad Merican (kini Dato'), Syed Alwi (kini juga Dato') dan Raja Iskandar Zahid yang di masa itu sedang dididek oleh Penulis untuk mengambil alih jawatan Pengarah Jabatan Radio. Pengarah Jabatan TV (Ow Kheng Law) diambil dari Filem Negara Malaysia. Radio dan TV akhirnya

dicantumkan dalam satu Jabatan Penyiaran, pada 1 Oktober 1969 dengan jawatan pemimpinnya diberi nama Ketua Pengarah Penyiaran.

- d) Oleh sebab, semenjak Merdeka, negara meningkat maju dan rakyatnya semakin "*sophisticated*" dan berilmuan, maka perlu kemajuan tersebut sama dan sejajar dilakukan oleh Jabatan Penyiaran kepada dirinya dalam berbagai bentuk dan cara. Satu daripadanya ialah: melaksanakan dasar pengkhususan (*specialisation*) mulai tahun 1957 dalam Bahagian Melayu sahaja dengan Ahmad Merican ditugaskan secara tidak rasmi tanpa pengetahuan dan persetujuan Caldecott Hill, "menjaga" segala program berkaitan dengan seni muzik. Tidak lama kemudian, setelah Radio Malaya mencapai kemerdekaannya sendiri pada 1 Februari 1959, maka Ahmad bin Mohd. Noor pula diambil bekerja di Bahagian Melayu untuk bertanggungjawab dalam berbagai program berkaitan dengan pertanian, perikanan, perlادangan dan lain-lain. Beliau berkelulusan Diploma Pertanian dari Serdang *College of Agriculture* (kini UPM). Ahmad Mohd. Noor berjaya meningkatkan taraf program jenis ini, tidak seperti dulu yang penerbitnya ialah pegawai biasa BA 3 yang bukan saja jahil dalam hal ehwal pertanian bahkan tidak berminat pula dalam bidang ini. Lain-lain unit pengkhususan ditubuhkan dalam bidang Agama (Islam), Drama, Ceramah dan Rencana, Sukan , Pembangunan, dan lain-lain lagi.
- e) Supaya warganegara Orang Asli juga tidak ketinggalan dalam arus pembangunan, maka Perkhidmatan Siaran

Orang Asli dalam dua bahasa utama – Semai dan Temiar – diadakan. Malangnya apabila disiarkan program “Lagu Lagu Permintaan” pendengar Orang Asli lebih gemar meminta lagu nyanyian Saloma, P.Ramlee dan Sharifah Aini daripada muzik, nyanyian dan tarian Orang Asli sendiri yang ada dalam simpanan koleksi perpustakaan NML. Penulis pernah melawat perkampungan orang Asli yang terletak jauh di pendalaman negara kita, untuk memastikan sendiri mutu siaran, penerimaan “signalnya” (*reception*) dan jenis program kegemaran kaum Orang Asli.

- f) Untuk membuat persediaan kalau-kalau berlaku keadaan hura-hara yang berluasa dan berlarutan termasuk pertempuran bersenjata dan peperangan besar-besaran maka Jabatan Penyiaran membuat perancangan bagi menghadapi senario ganas seperti ini. Dalam fail yang ditandakan RAHSIA BESAR, penulis mencatatkan jenis unit siaran bergerak lengkap dengan alat pemancar, janakuasa bergerak, bahan minima untuk program, sistem aerial, dan sebagainya termasuk juga mengenalpasti lokasi yang strategik bagi menempatkan unit-unit tersebut. Perancangan yang bertajukkan *DEFENCE PLAN* dibuat berdasarkan semua stesen RTM – radio, TV dan alat pemancarnya sekali – musnah akibat serangan musuh atau disebabkan kerja sabotaj besar-besaran. Mungkin *DEFENCE PLAN* ini tidak diperlukan lagi maka itu fail *TOP SECRETnya* telah terhapus.

## **BAHAGIAN KEEMPAT**

### **5. 1975 DAN SELANJUTNYA**

- 5.1 Setelah penulis bersara, pegawai terkanan yang mengambil alih kerja-kerja Ketua Pengarah Penyiaran (panggilan jawatan baru ini diperkenalkan mulai 1 Oktober 1969) meneruskan kerja mengisi kemerdekaan negara di bidang penyiaran dengan membuat inisiatif baru selain dari menghalusi (*refine*) apa yang telah terserlah, menyempurnakan mana-mana projek di setengah jalan (seperti penghijrahan ABU) atau telah diasaskan (seperti IPTAR dan AIBD) menunggu perlaksanaannya. Usaha ini dilaksanakan dalam pelbagai lapangan seperti (i) Program. Misalnya RTM berupaya melapurkan kejadian diluar negeri dan menyertai rangkaian pemberitaan *ASIAVISION NEWS* dengan menggunakan gabungan sistem komputer, gelombang mikro dan satelit angkasa. (ii) Pentadbiran (menggunakan faks, E-Mail dan alat komputer secara leluasa untuk memudah dan mempercepatkan kerja), (iii) Infrastruktur seperti menyiap dan mengelolakan IPTAR, AIBD dan kemudahan baru *IBC* (*International Broadcast Centre*) yang juga dibina dalam kawasan Angkasapuri untuk memudahkan kerja membuat liputan dan siaran aktiviti antarabangsa oleh para penyiar RTM sendiri dan oleh para penyiar stesen luar negeri, seperti sukan *COMMONWEALTH GAMES* di Kompleks Bukit Jalil (1998), *SEA GAMES* dan mungkin *ASIA GAMES* di tahun 2006 jika Malaysia berjaya dalam permohonannya menjadi tuan rumah.
- 5.2 Juga di paras antarabangsa, RTM berjaya mengukuhkan kedudukannya di peringkat "Senior Vice President" ABU (oleh penulis dari 1968 hingga 1972), Presiden (oleh Dato' Abdullah Mohamed, kemudian Dato' Jaafar Kamin), yang membawa kepada

pemindahan operasi ABU bermula dengan Bahagian Kejuruteraannya bertukar tempat dari Tokyo ke Angkasapuri, Kuala Lumpur (April 1974), diikuti dengan pemindahan Bahagian Program ABU dari Sydney (Australia) ke Angkasapuri dan akhirnya pertukaran lokasi Pejabat Setiausaha Agung ABU dari Sydney ke Teheran (Iran) kemudian ke Angkasapuri, Kuala Lumpur. Dengan operasi ABU keseluruhannya tertumpu di Kuala Lumpur (Angkasapuri) termasuk AIBD maka Malaysia secara tidak rasmi menjadi pusat penyiaran bagi seluruh benua Asia dan kawasan barat Pasifik (termasuk Australia dan New Zealand). Strategi perancangan jangka panjang mengenai ABU ini dibuat penulis pada tahun 1968 dengan sokongan WISMAPUTRA (Kementerian Luar Negeri) berdasarkan penubuhan AIBD, Kuala Lumpur menjadi tuanrumah *ASIAN BROADCASTERS' CONFERENCE* ke-4 (24-30 Ogos 1962) yang julung-julung kali diadakan di luar Tokyo, dan para pegawai RTM memegang jawatan tinggi ABU. Dengan operasi ABU di Angkasapuri sepenuhnya, maka RTM kekal menduduki kerusi dalam *Administrative Council* yang menentukan dasar dan inisiatif ABU. Kedudukan RTM di kemuncak ABU yang berprestij ini boleh dibanggakan dan patut sekali dipertahankan. Kini bilangan keanggotaan ABU mencecah angka 102 dalam 57 negara dan kawasan.

- 5.3. RTM masih terus meningkatkan pemodenan perkhidmatannya dari masa ke semasa untuk berdaya saing dengan lain-lain stesen dan sistem elektronik samada yang di dalam atau di luar negeri, seperti stesen swasta TV3, NTV7, ASTRO dan INTERNET (walau pun INTERNET bukanlah stesen TV dalam erti kata sebenarnya) selain dari stesen radio swasta seperti Radio ERA, *THR (Time Highway Radio)*, Sensasi Stesen (Johor Bahru) dan paling terbaru sekali

ialah stesen radio milik NTV7 (mula beroperasi awal tahun 2000). Saingan hebat kepada RTM di dalam negeri sendiri tidak wujud di masa penulis menjadi Ketua Pengarah Penyiaran (1969-1974). Maka itu KPP sekarang terpaksa berhempas pulas bagi menentukan supaya RTM terus kekal di tumpuk atasan dunia penyiaran Malaysia, sambil menepati kepentingan dan aspirasi negara. Rakyat Malaysia yang majmuk kini meningkat keilmuan dan sophistikasinya beraspirasi mengatasi Gunung Everest bukan setakat Gunung Kinabalu saja.

## **BAHAGIAN KELIMA**

### **6. TUJUH PERAKUAN DI BIDANG PENYIARAN**

Selain dari meneruskan daya usaha pemodenan dan keberkesanan RTM sebagai alat bina-negara yang sungguh berguna dengan sentiasa meningkatkan mutu programnya, membaiki infrastruktur dan segala peralatannya, lebih-lebih lagi sambil terus menjana penambahan semangat dedikasi dan kreativiti pekerjaanya supaya seiring dengan aspirasi negara dan rakyat Malaysia, maka RTM termasuk pihak kerajaan (Kementerian Penerangan) perlu mengambil beberapa langkah segera untuk:

- 6.1 Memperkenalkan ke mata dunia melalui siri program "syndication" (jualan kepada stesen-stesen TV luar negeri dan "cable TV") akan keindahan serba serbi negara kita (Malaysiana) dengan memaparkan secara langsung dan tidak ketara akan keindahan buminya (berhutan rimba, berair terjun yang mempesonakan, berbukit-bukau dan bergenung-ganang, berpantai panjang dan berpulau-pulauan indah, berpelbagai faun dan floranya), yang unik serba kaya kesenian dan kebudayaan rakyatnya yang berbilang kaum dan agama, tetapi hidup secara

dan berharmoni, mempamerkan pakaian dan perhiasan mereka termasuk senjata etniknya seperti keris, menunjukkan ilmu pertahanan diri bangsa Melayu yang tersendiri seperti silat dan lain-lain lagi. Satu dari caranya ialah dengan menerbitkan siri program TV dalam dua bahasa: Melayu dan Inggeris, mengandungi jalan cerita dan lakunan yang sungguh baik, penggambaran dan mutu rakaman suara yang terpuji dan muzik irangan yang cantik. Sambil menghiburkan, maka secara tidak ketara siri ini akan mendedahkan unsur-unsur Malaysiana kepada pengetahuan dan penghayatan berjuta-juta penonton TV di merata dunia yang ada di antaranya tidak tahun di mana Malaysia. Penonton TV juga selalu mencari kelainan dalam program hidangan mereka yang kerap berbentuk *Hollywood*, penuh dengan adegan keganasan, pembunuhan dan sex. Siri program RTM hendaklah dibuat supaya ianya sesuai untuk tontonan seluruh keluarga di rumah. Penulis ada memuatkan butir-butir lanjut mengenai siri program seperti ini, dinamakan "*Adventures of Hang Tuah – Malay Warrior*" (atau apa juu panggilan yang sesuai) dalam kertas Lampiran "A". Program dalam siri ini hendaklah lengkap jalan ceritanya dalam setiap episod selama 45 minit (seperti siri "*The X Files*", "*Star Trek*" atau "*Xena – Warrior Princess*", tidak bersambung-sambung) dengan adanya ruang untuk selitan iklan. Versi Bahasa Inggerisnya membolehkan stesen luar negeri memindahkan suara (*dubbing*) atau mengenakan sarikata bahasa tempatan (*sub-titling*) bagi faedah penonton negeri masing-masing di Jerman, Perancis, Itali, Sepanyol, Cina, Arab, India dan sebagainya.

- 6.2. Segara memperbadankan RTM supaya bukan saja dapat ia lebih mudah dan cepat bertindak (seperti membayar upah artis, pemuzik atau penerbit filem swasta yang persesembahannya telah

ditayangkan) tetapi lebih-lebih lagi bergerak cergas dalam usaha pembaharuan dan permodenan selain dari dapat meningkatkan kredibilitinya disisi dunia penyiaran antarabangsa dan khalayak penonton dan pendengar (*viewing and listening audience*) di dalam Malaysia sekali pun. Dunia kini menganggap, benar atau tidak, mana-mana stesen penyiaran milik Kerajaan sebagai tidak lebih dari alat propaganda pihak pemerintah maka itu rendah kredibilitinya, tidak seperti stesen perbadanan *BBC*, *ABC* (*Australian Broadcasting Corporation*), *NZBC* (*New Zealand Broadcasting Corporation*) atau yang dimiliki sektor swasta seperti *ASTRO*, *CNN* dan *REUTER TV*.

- 6.3 Meningkatkan setinggi-tingginya akan latihan dan keupayaan staf RTM di bidang "*computer-related imaging and special effects*" supaya mampu RTM di masa muka menerbitkan program-program luarbiasa dan menakjubkan seakan taraf filem *Hollywood "blockbusters"*. Dengan penggunaan peralatan "*computer-imaging*" dan "*special effects*" maka hampir 95% dari bilangan haiwan purba dalam filem *JURASSIC PARK* wujud hanya dalam pengisian komputer saja. Dengan kemampuan seperti ini maka mungkin program-program penerbitan RTM akan dapat disindiketkan kepada stesen-stesen TV dan Cable TV di luar negeri dengan lebih kerap lagi, dengan itu menambahkan pendapatan RTM selain dari terus secara halus mencerminkan Malaysia sebagai negara yang hebat dan elok dilawati, yang demikian membangunkan lagi industri pelancongan kita. Ianya juga akan meninggikan imej RTM khasnya dan negara Malaysia ‘amnya, sebagaimana kesan siri program "*Adventures of Hang Tuah – Malay Warrior*" (lihat perakuan 6.1. dalam kertas kerja ini).

- 6.4. Kini didapati *CD* (*Compact Disc*) dan *VCD* (*Video Compact Disc*) mempunyai ciri-ciri unggul yang jauh kelebihannya berbanding dengan filem, pita suara dan pita video untuk menyimpan kekal segala isi kandungan bernilai tinggi (misalnya yang melibatkan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Perdana Menteri) yang menjadi warisan sejarah negara Malaysia. *CD* dan *VCD* tidak terjejas oleh “*print-through phenomenon*” atau “*strong external magnetic impulses*”, oleh serangan kulat (bagi filem), atau perubahan suhu dan kelembapan (*humidity*) dalam Bilik Simpanan RTM atau Filem Negara Malaysia (FNM). Ianya jauh lebih tahan lasak, lebih murah, lebih ringan dan jauh lebih kecil saiznya memudahkan kerja simpanan, dan juga lebih mudah ditayang balik untuk siaran, penyelidikan, rakaman-semula dan suntingan. Oleh itu sekiranya RTM dan FNM belum lagi memindahkan bahan-bahan arkibnya yang tersimpan dalam bentuk pita atau filem biasa ke dalam bentuk *CD* dan *VCD*, maka diperakukan kuat supaya kedua-dua pertubuhan berbuat demikian secepat mungkin demi keselamatan segala rakaman bersejarah yang masih disimpan mereka. Salinan *CD* dan *VCD* seperti ini hendaklah diserahkan juga kepada ARKIB NEGARA MALAYSIA untuk mudah dirujuk oleh para sejarahwan dan penyelidik ‘amnya. Perakuan ini telah disokong juga oleh PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA dalam Mesyuarat Tahunannya yang diadakan di Ipoh pada Sabtu 26 Ogos 2000.
- 6.5 Sekiranya undang-undang atau Akta ARKIB NEGARA MALAYSIA tidak mewajibkan salinan manuskrip sesuatu ciptaan lagu tempatan diserahkan kepadanya untuk simpanan tetap, seperti mana buku, majalah dan lain-lain penerbitan, maka hendaklah undang-undang atau Akta tersebut dipindah segera untuk mencapai tujuan ini supaya, antara lain-lain, memudahkan kerja

penyelidikan ilmiah dibuat mengenai perkembangan dan kemajuan seni muzik tanah air dari zaman ke zaman, selain dari memudahkan keputusan rasmi diambil mengenai pencipta lagu dan senikata sebenarnya dan tarikh karya tersebut diilhamkan. Pencipta lagu juga dapat mudah dikesan jika kerja pendaftaran wajib seperti yang kertas kerja ini perakuan dipersetujui lalu dilaksanakan oleh pihak berkenaan.

- 6.6 Memperkenalkan kepada rakyat Malaysia, lebih-lebih lagi generasi mudanya, secara leluasa melalui siaran radio dan TV dalam berbagai bentuk termasuk karaoke akan lagu-lagu pergaulan rakyat (*community sing-along songs*) seperti “Enjit-Enjit Semut”, “Anak Ikan”, “Dayong Sampan” (berunsur ke Cinaan), “Suriram”, “Jingli Nona” (lagu kaum keturunan Portugis di Melaka), “Rasa Sayang-Sayang Eh” (terkenal di merata rantau Asia Tenggara), “Puteri Santubung” (ciptaan sukaramai di Sarawak), “ Chan Malichan”, “Geylang Sipaku Geylang” (lagu perpisahan seperti “Auld Lang Sync”), “Kopi Susu”, “Achi Achi Buka Pintu” (berunsur irama India), “Jambatan Tamparuli” (lagu sukaramai kaum Kadazan Sabah), “Cik Mamat Parang Tajam” dan lain-lain lagi. Dengan cara ini murid-murid di paras sekolah rendah membawa ke institusi pengajian tinggi tidak semata-mata hanya tahu menyanyi lagu-lagu pergaulan Barat seperti “Daisy Daisy”, “Loch Lomond”, “She'll be coming round the Mountain”, “Auld Lang Sync” dan sebagainya. Malahan Malaysia juga mempunyai lagu “Selamat Hari Jadi” (seimbang dengan “Happy Birthday to you”) karangan Johari Salleh, bekas Pemimpin Orkes RTM. Malangnya lagu “Selamat Hari Jadi” ini jarang dinyanyikan di Malaysia disebabkan kurang promosinya.

- 6.7 Di zaman serba moden menempah alaf baru yang penuh cabaran , kini berteknologi tinggi dan semakin canggih, berlatar belakangkan beberapa konsep dan penemuan baru dan agak lama seperti *INTERNET, E-Mail, IT, World Wide Web, E-Commerce*, komputer, satelit angkasa, globalisasi, digitalisation, laser teknologi, *broadband development*, fibre optics, dan sebagainya, maka seseorang penyiar dalam dunia serba canggih serta kerap berubah memerlukan sikap kerja, keinginan belajar, ketabahan hati dan semangat dedikasi yang terpuji. Dia sentiasa mencari pembaharuan dan unsur penarikan dalam program yang diterbitkannya, memerlukan daya kreativiti yang tinggi, selalu bertugas dalam keadaan tertekan (*stressful*) untuk menepati had masa (*deadlines*) yang singkat. Dan juga sentiasa terdedah kepada pengawasan dan keritikan orang ramai. Dia dan rakan-rakan sejawat terpaksa melengkapkan diri dengan berbagai keilmuan, kepakaran dan kemahiran supaya dapat terus kerkhidmat untuk nusa dan bangsa secara berkesan melalui mikrofon. Jika Malaysia masih mengharapkan para penyiar RTM terus berkhidmat sebagai pemangkin kemajuan rakyat dan pembangunan negara maka hendaklah ganjaran yang setimpal dibayar kepada mereka sebelum terlambat kerana "*if you pay peanuts, you get monkeys, and monkeys cannot be trusted with bananas!*"

EDARAN TERHAD.

ILHAM & HAKCIPTA TERPELIHARA  
OLEH PENULIS.

KERTAS RINGKAS PROJEK  
MENYEBARLUK MALAYSIANA SERATA DUNIA MELALUI "SYNDICATED" SIRI TV : "KEMBARA  
HANG TUAH" (ADVENTURES OF HANG TUAH - MALAY WARRIOR)

Sararan Dato' Hj. Dol Ramli.

**1. TUJUAN UTAMA.**

Perlu segera dicari jalan terbaik, menarik dan berkesan tetapi realistik dan "viable", bagi menyebarkan ke merata dunia akan <sup>bahan pengisian</sup> <sup>kearifan,</sup> Malaysiana (segala-galanya mengenai Malaysia) termasuk kebudayaan dan peradaban (civilization) Melayu.

**2. CARA TERBAIK.**

(a) Cara terbaik dan cepat yang boleh mendatangkan kesan yang diharapkan ialah dengan menerbitkan satu siri hiburan TV berasal pada episod, sesuai untuk "syndication" (jualan dipasaran dunia penyiaran), bertemakan kisah gelagat dan aksi Hang Tuah bersama-sama rakan karibnya Hang Jebat, Hang Lekir, Hang Lekiu dan Hang Kasturi, di zaman dulu kala, zaman bersejarah. Siri "The Adventures of Hang Tuah", atau "Hang Tuah - Malay warrior," atau apa juatajuk yang dipilih, hendaklah lengkap jalan ceritanya dalam setiap episod seperti siri "The X-Files" dan "Star Trek", yakni tidak bersambung-sambung seperti siri "Dallas." Setiap episod hendaklah memakan masa siaran 45 minit termasuk 3-4 ruang untuk selitan iklan sebagai galakan kepada stesen TV yang membeli siri Hang Tuah kita.

(b) Jika siri Hang Tuah ini diterbitkan dengan bijaksana dan profesionalisme yang tinggi dan penuh imaginasi, saya percaya ia akan mendapat sambutan baik dikalangan stesen TV di merata dunia yang masih dahagakan siri jenis "infotainment" (hiburan campur informasi). Para penonton TV bukan sahaja akan dihiburkan dengan jalan cerita yang indah dan menarik, bahkan akan mendapat informasi secara halus dan tidak langsung mengenai kesenian dan kebudayaan negara kita, adat istiadat, tata tertib dan sopan santun, ~~keupayaan~~ dan peradaban masyarakat Malaysia yang majmuk, termasuk keindahan alam sekitar negara kita, binatang dan mergastuanya, ilmu pertahanan diri, alat senjata nenek moyang kita, pakaian dan hiasan tradisionalnya, tarian dan lagunya serta lain-lain lagi.

(c) Mungkin dengan cara pendedahan para penonton asing kepada Malaysiana melalui siri Hang Tuah ini maka lebih ramai dari mereka akan beringinan hendak melancung ke Malaysia, dengan itu memajukan lagi industri pelancungan kita.

**3. KEKERAPAN DAN BAHASA.**

Siri TV "The Adventures of Hang Tuah" ini hendaklah di terbitkan untuk siaran:


- (i) Pada mulanya sebulan sekali sekurang-kurangnya; kemudian dinaikkan kepada dua minggu sekali; akhirnya, apabila lebih matang pengalaman kita, dijadikan siaran sekali seminggu (52 episod setahun).
- (ii) Dalam dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris. Yang Melayu ialah untuk siaran dalam negeri dan di negara-negara yang menggunakan atau faham dalam Bahasa Melayu seperti Indonesia, Brunei dan Singapura. Rancangan episod dalam Bahasa Inggeris pula ditujukan bagi penggunaan dalam negara yang berbahasa Inggeris seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan New Zealand, dan juga bagi negara-negara yang bukan berbahasa Inggeris seperti Perancis, Jerman, Turki, Switzerland, Sepanyol, negara-negara Arab, Jepun, Korea dan lain-lainnya. Episod berbahasa Inggeris ini dibuat dengan cara alih-suara (lip-sync) yang tepat dan profesional, dan diedarkan juga kepada negara-negara yang tidak berbahasa Inggeris, lengkap dengan pita muzik dan video, skrip dan lain-lain panduan untuk memudahkan stesen TV luar negeri ini menggunakan untuk, samada membuat terjemahan dan "dubbing" sendiri (misalnya ke Bahasa Jerman atau Jepun), ataupun menggunakan sarkata (subtitles) yang sesuai untuk fahaman para penontonnya yang tidak tahu berbahasa Inggeris.

#### 4 CERITA DAN JALAN CERITA

- (a) Walaupun siri Hang Tuah ini berunsurkan sejarah dan legenda, namun tidak perlu atau semestinya kita mengikuti tepat akan cerita atau kisah yang tersurat dalam, misalnya, HIKAYAT HANG TUAH, dan sebagainya. Karangan-karangan lama ini hanya dijadikan panduan atau ilham sahaja. Jalan ceritanya dalam setiap episod boleh direka sewenang-wenangnya asalkan ianya berunsur atau bertemakan sejarah, menarik dan menghiburkan, kerana tujuan utama kita ialah untuk menarik perhatian dan minda para penonton TV luar negeri supaya menghayati Malaysia, lalu bertekad untuk mengetahui Malaysia dan rakyatnya dengan lebih dekat lagi melalui lawatan dan pelancongan, atau setidak-tidaknya membaca buku mengenai Malaysia dan rakyatnya.
- (b) Malahan, dalam beberapa episod, mungkin tidak payah Hang Tuah sendiri hadir, asalkan namanya ada disebut-sebut atau pengaruhnya dilayangkan. Sahabat karibnya yang berempat (Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu) juga masing-masing atau sekumpulan dari mereka boleh dijadikan bahan jalan cerita atau mengambil peranan utama. Ini semua bermakna, jika siri Hang Tuah ini benar-benar diterbitkan secara bijaksana dan penuh imaginasi, ianya boleh bertahan bertahun-tahun lamanya seperti juga siri popular "The X-Files" dan "Star Trek".

#### 5 KESINAMBUNGAN

- 1) Sungguh mustahak sekali bahawa setiap episod dalam siri Hang Tuah ini dijaga rapi mutunya dari semua segi, tidak ada tolak ansur dalam perkara mutu jika kita mahukan kejayaan projek TV ini. Mutu jalan ceritanya, penggambarannya, suara dan muzik iringannya, aksi para pelakonnya, pengarahannya... semuanya ini hendaklah dijaga rapi supaya stesen luar negeri akan terus berlanggan dengan kita sambil itu secara tidak langsung mendedahkan para penonton mereka kepada Malaysiana kita.
- 2) Seorang penasihat utama hendaklah dilantik oleh pertubuhan yang bertanggungjawab menerbitkan siri Hang Tuah ini untuk mengetuai satu kumpulan pemutus yang tugasnya ialah mengawal dan menyelia penerbitan siri



Hang Tuah supaya menepati tujuan-tujuan siri tersebut, tidak melenceng arahannya, apatah lagi jika menurut ~~menurut~~  
persembahannya hingga akan bolch menjelaskan lanjutan luar negeri kepada siri ini.

#### 6. BELANJAWAN

- (a) Mungkin belanja asalnya agak besar apatah lagi dengan kita menggunakan barang, kelengkapan dan tenaga kerja terbaik bukan sahaja yang terdapat di dalam negri bahkan mungkin yang didatangkan dari luar negri seperti "props", peralatan kamera tercanggih, sistem suara dan lampu cahaya terbaik, barisan para pengaruh pelakon, pengurus, juru teknik, juru latih silat dan sebagainya yang terpilih, termasuk penulis skrip dan pereka seni atau pengarang cerita yang handal-handal belaka... untuk menjamin mutu penerbitan siri Hang Tuah ini.
- (b) Jika kita hendak bersaing jaya dengan lain-lain pengeluar rancangan TV "syndicated" luar negara, ada banyak jalan atau "option" kita dimasa ini. Dengan bayaran atau yuran "syndication" dari banyak stesen di mana dunia, bukan sahaja belanja penerbitan siri Hang Tuah akan dapat diatas dalam tempoh agak singkat, bahru mungkin terdapat pula keuntungan yang bukan sahaja memuaskan malahan mungkin lumayan selain mendatangkan kepuasan dan kebanggaan industri kita di khalayak mata dunia. Siri ini juga merupakan yang jadi kali Malaysia menceburkan diri dalam dunia "syndication" dan mungkin juga mendatangkan kesan sampingan seperti penambahan bilangan para penulis skrip, <sup>se cara besar-besaran</sup> yang lebih kreatif, barisan pelakon yang baik-baik, pengarah yang lebih handal dan sebagainya, selain dari kesan sampingan mengenalkan lagi Malaysia kepada mata dunia luar dan mengembangkan lagi industri pelancungan kita. Mungkin Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat dirujukkan projek ini bagi mendapatkan sokongan dan kerjasama termasuk bantuan kewangan bagi menjayakan projek siri TV Hang Tuah.

#### 7. PERBINCANGAN TERPERinci

Saranan saya ini dibuat secara ringkas dengan tujuan menimbulkan reaksi dan minat awalan dikalangan rakan-rakan seperjuangan. Memang ada beberapa perkara yang perlu disemak lebih lanjut atau dibincangkan dengan lebih mendalam, lebih teliti dan "comprehensive" supaya projek ini tidak tercicir di tengah jalan.

Tandatangan Penulis Kertas Projek:



(Datuk Hj. Dol Ramli)  
15 Jan, 2000

**Peranan Akhbar dan Wartawan Dalam Perjuangan dan  
Pengisian Kemerdekaan Malaysia**

oleh  
**Prof. Madya Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar**

**Sesi 3 Trek 2**

PERANAN AKHBAR DAN WARTAWAN DALAM  
PERJUANGAN DAN PENGISIAN KEMERDEKAAN MALAYSIA

oleh

Prof Madya Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar

Ketua Jabatan Pengajian Media

Universiti Malaya

Umumnya para pengkaji sejarah Malaysia meletakkan permulaan gerakan kebangsaan Malaysia pada tahun 1906 iaitu wujudnya majalah *al-Imam* di Singapura yang dipelopori oleh golongan agama seperti Sheikh Tahir Jalaluddin, Abas Muhammad Taha, dan Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi.\*

Pada awal abad dua puluh kewartawanan Melayu yang menerbitkan akhbar dan majalah Melayu memainkan peranan penting menyemarakkan semangat orang Melayu agar rajin bekerja, bersatu, dan berusaha memajukan nasib bangsa Melayu. Golongan agama yang berfahaman kaum muda dan golongan guru menggunakan akhbar, majalah dan buku sebagai alat menyedarkan orang Melayu memperoleh kejayaan dalam segala bidang. Bentuk-bentuk penulisan yang digunakan untuk pembelaan nasib orang Melayu ialah rencana, puisi, cerpen, dan novel.

Peringkat permulaan gerakan kebangsaan pada 1906 hingga 1926, bidang penulisan hanya tertumpu pada persoalan masyarakat semasa dalam bidang sosial dan ekonomi. Penebrian akhbar dan majalah *al-Imam*, *Tunas*, *Al-Ikhwan*, *Utusan Melayu*, *al-Hikmah*, *Pengasas*, *Saudara*, *Idaran Zaman*, dan lain-lain lebih mengemukakan persoalan ekonomi, kemiskinan, pendidikan, Islah Islamiah dan lain-lain. Pada peringkat kedua dan ketiga gerakan kebangsaan di Malaysia lebih tertumpu pada masalah sosio-ekonomi dan politik orang Melayu (1926-1941).

Bidang penulisan memainkan peranan yang penting dalam gerakan kebangsaan orang-orang Melayu. Rencana-rencana di dalam majalah dan akhbar Melayu seperti *a-Imam* (mula terbit 1906), *al-Ikhwan* (1926), *Saudara* (1928), *Malaya* (1928), *Majlis* (1931), *Warta Melaya* (1930), dan *Utusan Melayu* (1939) turut memberi kesedaran dan memperjuangkan nasib orang-orang Melayu.

Di samping rencana dan puisi Melayu tradisional seperti syair, pantun, gurindam, seloka, dan lain-lain, puisi Melayu moden seperti sajak yang bertemakan semangat kebangsaan turut tersiar di dalam akhbar dan majalah ini. Puisi ini dijadikan alat untuk menyampaikan sesuatu pandangan, fikiran, dan gagasan penyair. Puisi tradisional pula mendapat perhatian sebelum 1941.

Harun Mohd Amin merupakan antara pemuka puisi yang bertemakan kebangsaan. Dari tahun 1929 hingga 1939 beliau telah menghasilkan tidak kurang daripada lapan buah puisi yang bertemakan demikian. Puisi-puisi itu ialah "Mesti Ingat" (*Jasa*, 13 Julai 1929), "Semenanjung" (*Jasa*, 11 September 1929), "Tenaga Kaumku" (*Jasa*, 10 Oktober 1929), "Seloka Harapan" (*Temasik*, 1 Mei 1930), "Rayua Bangsamu" (*Temasik*, 10 Ogos 1930), "Oh Bangsaku" (*al-Ikhwan*, 16 November 1930), "Mempertahankan Hak Kita" (*Warta Ahad*, 19 April 1936), dan "Perwira Melayu" (*Warta Jenaka*, 8 Jun 1939).

A. Samad Ahmad yang menggunakan nama samaran Anum turut memberi sumbangan penting dalam perkembangan puisi kebangsaan. Beliau yang bertugas sebagai wartawan akhbar Majlis pada tahun 1940 telah memberi tanggungjawab mengendalikan ruangan Sudut Pujangga. Di samping menulis puisi, Anum turut menyairkan puisi yang bertemakan kebangsaan yang ditulis oleh Rajawali, Bayu (Ahmad Boestaman), Mohamad Hashim Bahalddin, Roslaini (Abdullah Hussein), Teruna Kelang, Pujangga Baru, dan lain-lain.

Anum ialah antara penulis puisi yang agak produktif. Dalam tempoh lima bulan, beliau telah menghasilkan sekurang-kurangnya enam buah puisi kebangsaan yang disiarkan dalam akhbar *Majlis*. Puisi-puisi itu ialah "Encik Onn" (2 Mac 1940), "Taraf Melayu Selepas Perang" (6 Mac 1940), "Kapal Tiada Nakhoda" (8 Mac 1940), "Serunai Pujangga" (23 Mac 1940), "Kami sedar" (14 Mac 1940), dan Hari Kejatuhan Kita" (10 Julai 1940).

Anehnya puisi-puisi yang membawa persoalan cintakan tanahair tidak banyak dihasilkan. Dia antara puisi yang mempunyai tema ini ialah "Timang-Timang Bayi Semenanjung Tanah Melayu" (tanpa nama yang tersiar di dalam majalah *Malaya* pimpinan Mohd Yunus keluaran Mei 1926 yang cukup jelas menggambarkan perasaan penulis terhadap tanahairnya yang tercinta.

Alangkah permai dipandang mata  
Negeri Semenanjung bumi yang rata  
bukit berbarisan laksana kota  
molek dan gerun bersama serta.

Pantai menganjur kanan dan kiri  
 ombak memecah membanting diri  
 alunan deras sama selari  
 kepala belayar pergi dan mari.

Puisi yang bertajuk "Tanahairku" (tanpa nama) tersiar dalam *Al-Hikmah*, 27 Ogos 1936 turut mengemukakan persoalan cinta kepada tanahair.

Ayuhai negeri tanahairku  
 kaulah tempat tumpah darahku  
 daripada tumnuhanmu berhidup diriku  
 kepadamu juga kembali aku.

Engkaulah ibu, bapa pun engkau  
 tempat perhimpunan kaum dan suku  
 kayu batu bukit dan buku  
 mengandungi keindahan indahnya laku  
 oh engkaulah tanahairku.

Puisi-puisi yang membawa persoalan tentang keadaan dan nasib bangsa Melayu yang ketinggalan di belakang dalam segala bidang baik ekonomi, pendidikan, sosial, dan kehidupan seluruhnya mendapat perhatian penyair-penyair seperti A. Samad Ahmad, Ibrahim Hj. Yaakob, Haron Mohd. Amin, Ahmad Ismail, dan lain-lain. Seorang penyair lain, Khadam Petani dengan puisinya bertajuk "Mutu Kebangsaan", (*al-Hikmah*, 23 April 1936) telah mendedahkan keadaan dan nasib orang-orang Melayu di tanahairnya sendiri.

Kalau dipandang alatan bandar  
 berdukalah hati hendak dikhabar  
 oleh tersangat kita membiar  
 begitu keadaannya belum tersedar.

Padahal kuasa kita membuat  
 sebarang rekaan ringan dan berat  
 hanya dinantikan tidak dibuat  
 kemudian harus juga melarat.

Sayangnya tuan bukan kepala  
 adat istiadat kita yang terang  
 habis ditinggal serta dibuang  
 akhirnya kelak menumpang orang.

Begitu juga puisi yang ditulis oleh Ibrahim Hj. Yaakob yang bertajuk "Tanahairku" yang tersiar dalam *Warta Negeri*, 3 Februari 1930:

Ayuhai Semenanjung tanahairku  
tempatku besar didiknya ibu  
llahi ra'bi-bi tolonglah bangsaku  
tinggal di belakang memakan debu.

Ayuhai Semenanjung tanahairku  
tempatku duduk setiap hari  
bangsaku miskin sudahlah tentu  
keadaannya lemah tidak berdiri.

Ayuhai Semenanjung tanahairku  
tempat bermain di dalam puri  
tidakkah belas amboi bangsaku  
melihat harta terlepas di jari.

Puisi-puisi yang membawa persoalan tentang bencana orang asing dan penjajah Inggeris turut mendapat perhatian para penyair sebelum 1941. Harun Mohd. Amin dalam puisinya bertajuk "Mempertahankan Hak Kita" (*Warta Jenaka*, 19 April 1936), telah mengingatkan orang Melayu tentang bahayanya orang asing di Tanah Melayu. Beliau tidak berpuas hati dengan sikap tauke-tauke dan wakil-wakil Cina dalam majlis-majlis mesyuarat yang mendakwa bahawa mereka yang telah banyak berjasa dan memberi kemakmuran kepada Tanah Melayu. Mereka menuntut persamaan hak seperti kerakyatan, tanah, dan kemudahan lain dengan alasan mereka telah membantu penjajah Inggeris memajukan negeri ini. Di samping itu Harun beranggapan bahawa orang Cina gembira kerana orang Melayu ketinggalan dalam segala lapangan akibat kedatangan orang asing di Tanah Melayu. Ini jelas apabila Harun menggambarkan sikap orang Cina terhadap orang Melayu dalam sajak-sajaknya itu:

Aku senang aku kaya  
orang Melayu habis kudaya!  
habis kuhalau masuk ke paya  
aku bersenang di jalanraya.

Hartanya habis dapat kutipu  
undurlah ia ke gunung menumpu  
habis semuanya dapat kusapu  
menggeleparlah Melayu seperti kena palu.

Demikianlah perasaan si Tongsan itu  
memandang kita rendahnya tentu  
dikira Melayu semuanya batu  
tiada bersuara walau dilutu.

Dengan sebab itu mereka bersuara  
kepada pemerintah ia berkira  
meminta kekuasaan menjadi perwira  
kecurangan pemerintah ia nan mara.

Dalam bidang prosa, terutama rencana, cerpen, dan novel akhbar turut memainkan peranan penting dalam usaha menyemarakkan api kebangsaan di kalangan orang Melayu. Di antara golongan yang telah mengukir namanya dan menggunakan bidang penulisan dalam gerakan kebangsaannya ialah golongan agama seperti Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, Abas Mohd. Taha, golongan guru, seperti Yusof Ahmad dan golongan wartawan seperti Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Yaacob, Ishak Hj. Muhammad, Onn Jaafar dan lain-lain.

Abdul Rahim Kajai merupakan wartawan Melayu yang popular dalam tahun 30-an. Beliau bertugas sebagai ketua pengarang akhbar yang popular seperti *Majlis*, *Warta Malaya*, dan *Utusan Melayu*, telah menggunakan ruangan rencana pengarang sebagai medan mengkritik penjajah Inggeris, orang asing dan membela nasib orang Melayu untuk mencapai kemajuan.<sup>1</sup>

Pada tahun 1926, Kesatuan Melayu Singapura (KMS) diasaskan. KMS ialah pergerakan semi-politik Melayu pertama dan dipimpin oleh Mohd. Yunus Abdullah. Di antara tujuan penting KMS ialah untuk menggalakkan ahli-ahlinya bergerak aktif dalam urusan-urusan pentadbiran, memperjuangkan kemajuan dan kepentingan orang melayu dalam lapangan politik dan pelajaran, membuat permohonan kepada Inggeris berhubung dengan hak kebebasan orang Melayu dan mengambil berat tentang pelajaran tinggi serta teknik di kalangan orang Melayu.

KMS yang wujud di Singapura telah mendapat perhatian penduduk di Tanah Melayu. Kewartawanan Melayu telah memainkan peranan penting dengan memberi kesedaran kepada pembaca-pembaca tentang perlu diwujudkan persatuan politik di negeri-negeri Melayu seperti KMS. Wartawan dan penulis ini tidak jalah bertujuan untuk menghindarkan penjajah Inggeris; mereka ingin menjadikan persatuan-persatuan tersebut sebagai salah satu saluran bagi membela nasib orang melayu dalam hubungan dengan pihak Inggeris. Persatuan-persatuan tersebut hendaklah menyusun satu perlombagaan mengikut undang-undang negeri serta mentaati kerajaan Inggeris dan raja-raja Melayu.

Di antara akhbar dan majalah Melayu yang turut membincangkan pergerakan politik orang Melayu ialah *Idaran Zaman*, *Saudara*, *Warta Malaya*, *Majlis*, *Majalah Malaya*, dan lain-lain. *Idaran Zaman* (Pulau Pinang) melalui rencananya yang bertajuk "Persatuan Melayu" (11 September 1926) bersetuju dengan penubuhan KMS dan ia turut memberi perangsang kepada orang Melayu supaya mewujudkan persatuan politik seperti KMS di seluruh Tanah Melayu dan mengadakan perjumpaan persatuan-persatuan Melayu. Dengan penuh harapan, *Idaran Zaman* yang dipimpin oleh Mohd. Yunus bin Abdul Hamid, menyeru:

Mudahan-mudahan kita harap pada segenap penjuru tanah semenanjung ini akan terambahlah cawangan persekutuan Melayu itu bagi pihak jawatankuasanya di Singapura itu moleklah jika diadakan suatu perhimpunan ramai dengan menjemput sekelian ketua-ketua dan wakil-wakil kumpulan Melayu dari segenap negeri di Semenanjung ini bagi mengetahui persetujuannya masing-masing guna meluaskan masuk kebaikan.

Bertambahlah moleknya jika perhimpunan ramai itu boleh diadakan di Kuala Lumpur atau pada salah satu tempat yang terletak pada bahagian pertengahan daripada negeri semenanjung ini supaya memudahkan bagi wakil-wakil atau utusan-utusan yang akan hadir kepadanya. Mudah-mudahan ...

Akhbar *Saudara* yang diterbitkan di Pulau Pinang (1928) telah mengambil berat tentang penubuhan persatuan-persatuan Melayu yang bercorak politik di samping membincangkan hal-hal agama mengikut fahaman pembaharuan Islam (kaum muda). ketika Abdul Rahim Kajai bertugas sebagai penolong Pengarang *Saudara* (Mac 1930), beliau menyeru orang Melayu supaya bersatu memperbaiki pergerakan bangsa dan tanahair yang dipimpin oleh orang Melayu. Pergerakan ini untuk mengelakkan orang Melayu jatuh secara beransur-ansur. Bagi Kajai, cita-cita politik tidak akan tercapai melainkan perjuangan melalui pergerakan kesatuan. Kesatuan pula tidak akan berhasil melainkan dengan sikap kerjasama. Oleh itu, kesatuan boleh dianggap tubuh yang satu manakala sikap kerjasama ialah jiwanya. Untuk mencapai cita-cita ini, orang Melayu hendaklah menghapuskan segala faktor yang boleh mendatangkan perpecahan, menghapuskan kesatuan, dan menghilangkan timbangrasa serta maruah kebangsaan di tanahairnya.

Pada tahun 1931, akhbar *Saudara* telah mencadangkan supaya diadakan kongres di kalangan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu. Tiap-tiap negeri hendaklah menghantar wakil-wakil diperhimpunan besar kongres Melayu dan orang Melayu hendaklah mengemukakan masalah yang dihadapi dan seterusnya mewujudkan Persekutuan Melayu. Kajai, bagi pihak akhbar *Saudara* mencadangkan supaya Kongres Melayu diadakan di Johor Bahru kerana ia kawasan moden. Persekutuan Melayu yang dicadangkan oleh akhbar *Saudara* adalah berhaluan kanan itu mengikut undang-undang negeri dan patuh kepada raja-raja Melayu dan kerajaan Inggeris. Di samping itu, Persekutuan Melayu ini cuba membantu kerajaan Inggeris memajukan orang Melayu dan cuba mengatasi kemajuan bangsa asing di Tanah Melayu. Oleh itu orang Melayu diharap agar dapat bergerak sendiri

dalam Persekutuan Melayu yang hendak ditubuhkan itu.

Cadangan Kajai untuk mengadakan Kongres Melayu dan dihadiri oleh wakil-wakil seluruh Tanah Melayu telah mendapat sokongan dari akhbar dan majalah seperti *Warta Melaya*, *Majlis* dan *Malaya*. Mohd. Yunus bin Abdul Hamid melalui rencananya yang bertajuk "Kongres bagi Umat Melayu Dalam Negeri" dalam majalah *Malaya*, keluaran April 1931 telah menyokong cadangan Saudara. Di antaranya beliau berkata:

Kita fikir ini bukanlah suatu hal yang ganjil akan tetapi itulah hal yang patut dan mesti kejadian. Teristimewa di dalam masa sekarang ini yang boleh dikatakan kedudukan dan keadaan orang melayu di dalam negerinya ini amnya seumpama telur di hujung tanduk; serba payah! ... Inilah yang kita bersetuju akan mendengar dan melihat orang-orang melayu mengadakan suatu kongresnya bagi merundingkan hal-hal tersebut dan beberapa hal lagi dengan pemimpin pembesar-pembesar dan ketua-ketuanya berhimpun kepada salah suatu negeri di Semenanjung ini seberapa segera.

Ishak Hj. Muhammad merupakan golongan wartawan yang giat menulis rencana, cerpen dan novel yang mengemukakan persoalan semasa dan kepincangan masyarakat seperti ketidakadilan penjajah Inggeris, golongan pembesar, dan birokrat yang tidak bertanggungjawab membela nasib orang Melayu, kesan negatif kedatangan orang asing dan sebagainya. Ishak berjaya mengetengahkan persoalan semasa dan kepincangan masyarakat dan membuat pembelaan nasib orang Melayu melalui cerpen dan dua buah novelnya, *Anak Mat Lela Gila* dan *Putera Gunung Tahan*.<sup>2</sup>

Di antara wartawan Melayu yang prolifik dan menggunakan bidang kewartawanan dan persatuan untuk mengkritik penjajah dan mebangkitkan kesedaran orang Melayu ialah Ibrahim Haji Yaacob (IBHY). Beliau yang pernah menjadi wartawan akhbar *Majlis* dan *Warta Melayu* dan memimpin Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1938 telah menggunakan bidang kewartawanan untuk gerakan kebangsaannya.<sup>3</sup>

Dasar kerajaan Inggeris yang melantik wakil-wakil Melayu daripada golongan aristokrat tidak dipersejuki oleh IBHY. Dasar ini adalah semata-mata untuk kepentingan kerajaan Inggeris. Ini menyebabkan IBHY berharap agar kerajaan memilih wakil-wakil Melayu di dalam Majlis itu yang terdiri daripada ... ahli bukan berjawatan yang bersangkutan-paut dengan jawatan kerajaan. Sekiranya kerajaan ingin memilih wakil-wakil tersebut, IBHY mencadangkan agar memilih orang-orang yang berperasaan dan mengerti kemahuan dan kehendak rakyat Melayu.<sup>4</sup>

Bagi IBHY, pemilihan wakil-wakil Melayu dalam majlis harus secara demokrasi. Dengan cara ini nasib orang Melayu dapat dibela dengan kerelaan dan kepusan hati orang Melayu. Ini menyebabkan IBHY mengemukakan beberapa soalan tentang pemilihan wakil-wakil itu, iaitu:

1. Adakah ahli-ahli mesyuarat itu dipilih dengan menggunakan persetujuan undi rakyat umum?
2. Adakah sebenar-benarnya ahli mesyuarat itu orang yang tidak bersangkut-paut dengan jawatan kerajaan?
3. Adakah sebenar-benarnya ahli mesyuarat itu daripada orang kebanyakan?

Bagi IBHY yang demikian, kejatuhan dan kemunduran orang Melayu ini hendaklah dibela oleh wakil-wakil Melayu dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan terutamanya:

(i) hendaklah meluaskan jalan pencarian hidup mereka itu supaya orang-orang Melayu itu menjadi satu bangsa yang kaya; (ii) hendaklah meluaskan pelajaran mereka itu supaya orang Melayu menjadi satu bangsa yang pandai dan taat kepada kerajaan biarlah orang-orang Melayu itu tahu hal ehwal dunia dan mengerti pergerakan siasat dunia yang luas ini.<sup>6</sup>

IBHY dengan tegas mengkritik sikap sesetengah wakil Melayu dalam majlis yang duduk diam sahaja. Sikap mereka ini tidak mendarangkan faedah kepada orang Melayu sebaliknya untuk feadah dirinya sahaja. Ini dapat dilihat apabila IBHY dengan berani menyifatkan wakil-wakil tersebut sebagai:

...lupa akan tanggungannya kepada umum hanyalah mengeluarkan fikiran untuk faedah diri sahaja. Saya sebagai seorang Melayu memang berasa malu di atas pekerjaan wakil-wakil Melayu sebegitu lupa akan nasib orang-orang ramai atau khas kepada pemakan-pemakan gaji. Yang demikian tidaklah hairan kita sekarang orang Melayu tinggal membawa nasibnya hina dan daif. Suara-suara umum Melayu tidak ada harga sedikit pun kebanyakannya wakil-wakil Melayu tidak gemar mengutip fikiran orangnya sama ada surat-surat khabar atau surat rayuan yang sampai kepada mereka itu.<sup>7</sup>

Sekiranya wakil-wakil Melayu ini tidak dapat memperjuangkan untuk kepentingan bangsanya, IBHY mencadangkan supaya tugas wakil-wakil Melayu diserahkan kepada rakyat Melayu daripada golongan biasa. Seperti kata IBHY:

...sekiranya jika mustahak dihormatkan suara-suara rakyat itu rasanya haruslah diberi peluang kepada orang Melayu dalam hal menjaga tanahair supaya mereka itu boleh menerangkan fikiran dan kemasylkannya<sup>8</sup>

IBHY turut mengambil perhatian terhadap kepentingan dan kemajuan orang Melayu dalam bidang ekonomi, pelajaran, dan agama. bagi beliau, kemunduran orang melayu dalam bidang ini bukanlah disebabkan mereka malas, tetapi kerana dasar pemerintahan Inggeris yang mementingkan kemajuan ekonomi yang mendarangkan keuntungan yang lumayan. Bagi menjayakan ekonomi kapitalismenya maka ramai buruh dari China dan India dibawa masuk ke Tanah Melayu tanpa memikirkan nasib orang Melayu.

Gerakan kebangsaan di Malaysia lebih bersemarak lagi selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1945. Pada peringkat ini orang Melayu bergerak lebih padu, agresif, berkeyakinan, dan secara terang berjuang menuntut kemerdekaan. Akhbar dan majalah Melayu seperti *Utusan Melayu*, *Majlis*, *Warta Negara*, *Suluh Malaya*, dan *Pelita Malaya* memainkan peranan penting mengkritik dasar Inggeris dan menuntut kemerdekaan.

Ini jelas apabila kerajaan Inggeris mengisyiharkan pelaksanaan rancangan Malayan Union 1946, akhbar dan majalah menjadi saluran untuk meniupkan serta membangkitkan semangat Melayu dan kebangsaan menentang penjajah dan menyeru rakyat bersatu melalui parti-parti Melayu.

Akhbar *Utusan Melayu* menjadi saluran yang penting menuntut kemerdekaan dengan menyiaran rencana-rencana tentang kemerdekaan dari segi ekonomi, pelajaran, politik dan lain-lain.

Selepas pendudukan Jepun, penyair-penyaier dengan berani mengkritik kerajaan Inggeris terutama rancangan penubuhan Malayan Union pada tahun 1946. Selari dengan pertumbuhan gerakan kebangsaan, penyair-penyaier ini tidak berdiam diri malah menggunakan puisi sebagai alat komunikasi bagi mencurahkan hatinya terhadap semangat cinta, berjuang, dan membela nasib agama, bangsa dan negara.<sup>9</sup>

Akhbar dan majalah yang memainkan peranan penting dalam menyiaran puisi-puisi bertema kebangsaan ini ialah *Majlis*, *Majalah Guru*, *Mastika*, *Hiburan*, *Kencana*, *Medan Masyarakat*, *Utusan Zaman*, *Sutra Merdeka*, dan lain-lain. Penyair-penyaier yang muncul pada peringkat permulaan ialah mereka yang sudah mencipta nama dalam menghasilkan puisi-puisi semasa atau sebelum pendudukan Jepun seperti Abdul Samad Ahmad (Anum), Embong Yahya ("Nyumba"), Masuri S.N., Ahmady Asmara, Ahmad Boestaman, dan lain-lain. Di samping itu, terdapat penyair-penyaier baru seperti Tongkat Warrant, Zulkifli Muhammad, Burhan Md Yaman, A Samad Said, Mariam Ghani, Siti Aishah dan lain-lain.

Puisi "Memperingati Semangat Berperistiwa" karya Anum (*Majlis*, 12 Jun 1946) memperingati pembentukan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang dikenali sebagai Perkembar (kemudiannya UMNO).

Penyair puisi "Memperingati Semangat Berperistiwa" merakamkan penghargaan kerana penubuhan UMNO:

Peringatilah dia  
Wahai putera-puteri harapan bangsa!  
Catakanlah dengan tinta emas

Ke dalam buku sejarah  
Untuk pujaanmu silang masa.

Saat yang tak luput dari kenangan  
Saat kita menanam cita-cita dengan angan=angan  
Saat kita menyusun barisan  
Berjuang menuju kemenangan dan kebahagiaan  
masa, oh masal tibalah kami kiranya  
Agar memenuhi impian pujangga  
Meningkat setingga demi setingga

Melayu berparlimen  
Melayu berkerajaan  
Melayu raya - Melayu Merdeka!

Sebelum Tanah Melayu (Malaysia) mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, akhbar dan wartawan memainkan peranan penting dalam usaha menyemarakkan dan membangkitkan semangat serta mengemukakan idea yang berasas bagi mencapai matlamat kemerdekaan dari kerajaan British. Sejak tahun 1906 akhbar dan wartawan bergerak cergas di seluruh Tanah Melayu melalui penerbitan majalah seperti *Al-Imam* dan diikuti *Tunas Melayu*, *Al-Ikhwan*, *Utusan Melayu*, *Warta Malaya*, *Sahabat*, *Edaran Zaman*, *Majlis*, *Saudara* dan lain-lain. Di peringkat awal gerakan menentang British, wartawan turut terlibat dalam gerakan yang berunsur politik seperti Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, Onn Jaafar, Yunus Abdullah, Ishak Hj. Muhammad, Ibrahim Hj. Yaacob, Ahmad Boestaman, Ramli Hj. Tahir dan sebagainya.

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, akhbar dan wartawan *Utusan Melayu*, *Berita Harian* amat berpengaruh dalam perjuangan pengisian kemerdekaan. Di antara tokoh wartawan yang memainkan peranan penting ialah Said Zahari, Melan Abdullah, Mazlan Nordin dan lain-lain. Ramai juga wartawan-wartawan yang bergiat sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan telah melibatkan diri dalam politik (sepenuh masa) sebagai parti pemerintah (PERIKATAN) dan parti pembangkang. Kali ini, ketua pengarang di akhbar yang berpengaruh seperti *Utusan Melayu* (*Utusan Malaysia*) dan *Berita Harian* dilantik dari kalangan yang berpihak kepada parti pemerintah bagi mencapai matlamat parti dan perjuangan mengisi kemerdekaan.

Berdasarkan kajian dalam Buku Peranan Media dalam Pilihanraya Persekutuan (1997)<sup>10</sup>, saya dapat mengetahui menjelang tahun 1960-an akhbar *Utusan Melayu* lebih berpihak kepada kerajaan Perikatan (Barisan Nasional) dalam membantu pengisian kemerdekaan Malaysia. Penguasaan UMNO membeli saham *Utusan Melayu* pada tahun 1961, telah membuka era

baru dunia kewartawanan di Malaysia. Buat pertama kalinya, UMNO (mewakili parti dan kerajaan Perikatan) telah menguasai Lembaga Pengarah *Utusan Melayu* dan memainkan peranan penting bagi menentukan dasar utama *Utusan Melayu*. Mulai tahun 1961 sehingga sekarang, UMNO tetap berpengaruh dan memainkan peranan penting dalam organisasi *Utusan Melayu*.

Melan Abdullah selaku Ketua Pengarang *Utusan Melayu* (1960-an) terpaksa mengikut dasar-dasar yang ditetapkan Lembaga Pengarah *Utusan Melayu* dalam menjalankan tugas harianya sebagai wartawan. Sikap beliau yang selari dengan perjuangan dan dasar Perikatan, turut mendorongkan beliau membuat liputan-liputan dan ulasan-ulasan yang boleh membawa faedah kepada parti dan kerajaan Perikatan yang sedang memerintah. Dalam menghadapi Pilihanraya 1964, beliau telah menjalankan tugasnya yang lebih berpihak kepada Perikatan dan turut sama berkempen menyokong Perikatan melalui jawatannya sebagai Pengerusi Perhimpunan Kebangsaan yang menentang konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.

Liputan Pilihanraya Persekutuan 1959 dan 1964 adalah satu contoh pengalaman ‘konsep kebebasan akhbar’ (yang menjadi asas kepada teori tanggungjawab sosial dan teori media pembangunan) yang dipraktikkan di *Utusan Melayu* tetapi dengan tafsirannya yang tersendiri. Ini bergantung kepada persetujuan Lembaga Pengarah *Utusan Melayu* membuat sesuatu dasar dan menjadi tanggungjawab Ketua di Jabatan pengarang melaksanakan atau menggunakan kebijaksanaannya menjalani tugas sebagai wartawan yang profesional.

Mengikut Mohd. Safar Hashim dalam bukunya bertajuk *Akhbar dan Kuasa*, 1996, bahawa dalam tempoh bermulanya Tanah Melayu mencapai kemerdekaan 1957 sehingga 1990, kerajaan Perikatan (kemudian dikenali Barisan Nasional memainkan peranan penting mengukuhkan dan melakukan pemasukan kuasa bagi pihak eksekutif melalui pindaan-pindaan kepada perlembagaan dan pengubahan akta parliment. Sehubungan ini, pihak eksekutif yang terdiri daripada anggota parti politik UMNO memainkan peranan di peringkat politik berusaha mengukuhkan kedudukan politik dan ekonomi parti itu.

Malaysia yang melaksanakan sistem pemerintahan bercorak demokrasi yang berdasarkan Raja Berperlombagaan mempunyai tiga cabang kerajaan, iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Akhbar pula dianggap sebagai kuasa yang keempat. Kuasa eksekutif yang terdiri daripada anggota parti yang memerintah (UMNO-MCA-MIC) berusaha memiliki kuasa ekonomi di samping menguasai dan memiliki akhbar.

Walaupun Perikatan telah memenangi 74 kerusi parliment daripada 104 kerusi parliment serta menjadi kerajaan yang memerintah, kerajaan Perikatan masih tidak berpuas hati dengan kemenangan yang diperolehi dalam Pilihanraya Persekutuan dan Negeri 1959. Parti

bembangkang telah memperolehi kemenangan di luar jangkaan jika dibandingkan Pilihanraya Persekutuan 1955, Perikatan memenangi 51 kerusi manakala PAS telah menguasai Kelantan dan Terengganu. Manakala Pilihanraya Persekutuan PAS telah berjaya memperoleh 13 kerusi parlimen dan FSRM memenangi lapan kerusi parlimen dan diikuti PPP (4), Parti Negara (1), Malayan Party (1) dan calon bebas memenangi tiga kerusi.

Kesan daripada Pilihanraya Persekutuan dan Negeri 1959, UMNO yang menjadi teras parti Perikatan telah memikirkan perihal pentingnya Perikatan menguasai akhbar bagi mewujudkan kekuatan politiknya dan memantapkan pentadbiran kerajaan Perikatan pada masa akan datang. Dalam tahun 1961, Perikatan telah menguasai majoriti dan memainkan peranan penting dalam Jabatan Pengarang.

Penguasaan Perikatan dalam *Utusan Melayu* pada 1961 merupakan satu titik permulaan bagi parti Perikatan yang memerintah Tanah Melayu dan menganggapkan akhbar sebagai satu kuasa yang penting dan memerintah di Persekutuan Tanah Melayu. Ini bagi menjamin kemantapan dan kestabilan parti Perikatan memerintah dan menguasai pemerintah pada masa akan datang. Setelah *Utusan Melayu* dikuasai Perikatan pada tahun 1961, pada tahun 1972 tiba pula giliran Kumpulan *New Straits Times* dan seterusnya menguasai akhbar-akhbar lain seperti *The Star* (melalui MCA) dan MIC menguasai *Tamil Nesan*.

Bagi menunjukkan bahawa *Utusan Melayu* memainkan peranan penting dalam membuat liputan khususnya dalam Pilihanraya Persekutuan, penyelidikan ini telah dapat membuktikan bahawa *Utusan Melayu* memainkan peranan penting dalam membuat liputan Pilihanraya Persekutuan 1959 dan 1964. Sebelum Perikatan menguasai *Utusan Melayu*, liputan Pilihanraya Persekutuan 1959 lebih berkecuali dan tidak terpengaruh dan berpihak kepada Perikatan. Manakala Pilihanraya Persekutuan 1964, iaitu setelah Perikatan menguasai *Utusan Melayu*, liputan pilihanraya lebih berpihak kepada Perikatan dan banyak berita negatif untuk parti pembangkang.

Perikatan lebih berhati-hati dan telah menyusun beberapa strategi dalam Pilihanraya Persekutuan 1964. *Utusan Melayu* yang dikuasainya memainkan peranan penting menyokong dan mengemukakan dasar-dasar pembangunan dan mengkritik parti pembangkang tentang isu konfrontasi dan dihubungkaitkan dengan Indonesia dan komunis. Kali ini, Perikatan telah berjaya memenangi 89 kerusi berbanding 74 dalam Pilihanraya Persekutuan 1959. Nampaknya peranan yang dimainkan *Utusan Melayu* kena pada sasaran yang ditujukan kepada parti pembangkang, terutama PAS yang hanya memenangi lapan kerusi berbanding 13 kerusi pada 1959 dan FSRM hanya memenangi dua kerusi berbanding lapan kerusi pada 1959.

Sejak Pilihanraya Persekutuan 1964 sehingga sekarang, akhbar yang dikuasai oleh Syarikat

Utusan Melayu Sdn Bhd seperti *Utusan Melayu* (yang asal) dan *Utusan Malaysia* (Rumi) masih mempunyai format yang sama apabila membuat liputan Pilihanraya Persekutuan. Ruangan rencana pengarang dan rencana ditulis dengan tujuan menyokong rancangan pembangunan kerajaan Perikatan (Barisan Nasional) dan mengkritik rancangan dan dasar parti pembangkang. Ini amat berbaza sekali dengan liputan berita dan ruangan-ruangan rencana pengarang dan rencana dalam Pilihanraya Persekutuan 1959 yang lebih bebas dan tidak menunjukkan sikap 'bias' pada sesuatu parti yang bertanding. Begitu juga kepada akhbar *Berita Harian* yang banyak membuat liputan yang pro kepada kerajaan dalam usaha mengisi kemerdekaan dalam tahun 1960-an hingga sekarang.

#### Nota

- Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, (Kuala Lumpur: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia dan Penerbit Universiti Melaya, 1996)
- 1. Abdul Latiff Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).
- 2. Abdul Latiff Abu Bakar, *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik* (Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya, 1977).
- 3. Abdul Latiff Abu Bakar, "Ibrahim Haji Yaacob: kegelisahan dan Impian Seorang Pejuang Melayu," dalam *Imej dan Cita-cita* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982).
- 4. Agastja, "Wakil Melayu dalam federal Council" *Warta Ahad*, 29 Mac 1936, 5.
- 5. Ibid.
- 6. Silawatan, "Wakil-wakil Melayu," *Majlis*, 18 Jun 1937, 10.
- 7. Silawatan, "Wakil-wakil Melayu dalam Masyarakat," *Majlis*, 11 Jun 1936, 1.
- 8. Silawatan, "Adakah Negeri Bersekutu Demokrasi," *Majlis*, 30 Julai 1937, 3.
- 9. Abdul Latiff Abu Bakar, *Puisi Kebangsaan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987).
- 10. Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, *Peranan Media Dalam Pilihanraya Persekutuan* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, 1998. Hlm. 286-289).
  
- Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia anjuran Arkib Negara Malaysia sempena Bulan Kemerdekaan 2000 pada 12 September 2000 di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

**Sejarah Perkembangan Perkhidmatan Kesihatan di  
Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka**

oleh  
**Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdul Majid Ismail**

**Sesi 3 Trek 3**

**SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN  
MALAYSIA**  
**11 - 13 SEPTEMBER 2000**

**SEJARAH PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN KESIHATAN  
DI MALAYSIA SEBELUM DAN SELEPAS MERDEKA**

Oleh : Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Hj. Abdul Majid Ismail.

**SEBELUM MERDEKA:**

Sebelum kedatangan Inggeris ke Tanah Melayu penduduk tempatan menggunakan cara tradisional iaitu menggunakan bomoh, dukun atau bidan kampung untuk mengubati penyakit atau masalah mereka. Pembangunan hospital-hospital di Persekutuan Tanah Melayu didorong oleh industri bijih timah. Pengaruh British di Persekutuan Tanah Melayu bermula pada tahun 1874. Pada masa itu, negara ini mengeluarkan 12% bijih timah di dunia dan meningkat 55% dalam tahun 1895. Dengan ini nyatakanlah kepentingan untuk memelihara tenaga kerja yang sihat. Antara tahun 1883 dan 1910, beberapa hospital telah dibina untuk memberi perkhidmatan menyembuhkan penyakit. Pada awal abad, ada 15 hospital di Perak, 14 di Selangor, 3 di Negeri Sembilan 2 di Pahang. Rancangan yang dibentuk oleh kerajaan British ialah membina sebuah Hospital Besar (General Hospital) disetiap ibu negeri dan sebuah Hospital Daerah (District Hospital) setiap daerah.

**Perkembangan Perkhidmatan Kesihatan**

Pada 1957, terdapat 66 hospital - 10 hospital besar (dalam bandar besar negeri) dan 56 hospital daerah dalam Persekutuan Tanah Melayu, sementara 7 lagi institusi khas disediakan untuk pesakit kusta dan mental. Walau bagaimanapun, hospital-hospital ini didapati di bandar-bandar besar di negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) dan juga negeri-negeri Straits Settlements (Pulau Pinang & Melaka). Didapati

perkhidmatan kesihatan di negeri ini lebih berkembang daripada perkhidmatan didapati di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, kecuali Negeri Johor (Lihat Carta 1).

Selepas Merdeka, apabila perkhidmatan perubatan dan kesihatan menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan satu daripada perkara utama dilaksanakan ialah mengagih-agihkan penjagaan kesihatan seluruh negara termasuk perkhidmatan hospital. Peruntukan juga disediakan untuk mengganti hospital yang buruk yang dibina awal tahun 1900, kerana kepercayaan perkhidmatan perubatan moden meningkat. Tahun demi tahun perkhidmatan perubatan telah disesuaikan dengan penukaran dalam *epidemiology*, perkembangan teknologi dan suasana *socio-economic*, supaya hospital-hospital terus memberi perkhidmatan berkesan dan meningkatkan status kesihatan penduduk seluruh negara. Kebanyakan pakar adalah orang British dan kebanyakan doktor tempatan adalah penolong mereka.

Perkhidmatan pencegahan (Perkhidmatan Kesihatan) ada ditubuhkan di bandar-bandar besar dengan penubuhan 'Sanitary Boards' berkenaan dengan membersihkan jalan-jalan raya dan menjaga pasar-pasar awam. Dalam tahun 1900, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah ditubuhkan. Ini adalah langkah utama untuk menyahut cabaran bagi mencari punca dan mengawal penyakit tropika yang berjangkit. *Malaria*, *beriberi*, *cholera* dan *cirit-birit* adalah di antara masalah utama penyakit. Penyakit ini bertambah buruk dengan kekurangan zat makanan, *smallpox* dan *rabies*. Penyelidikan dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan ditingkatkan dan beberapa jawatkuasa penasihat dilantik untuk mengawal dengan tegas. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) adalah tempat untuk aktiviti-aktiviti penyelidikan yang termasyhur di dunia. Perkhidmatan-perkhidmatan pencegahan telah ditubuhkan pada awal tahun 1928 dengan penubuhan *Division of Entomology and the Government Malaria Advisory Board*. Perkembangan selanjutnya ujud dengan terdirinya lain-lain bahagian seperti

*'Nutrition and Biochemistry', 'Bacteriology and Pathology'.* Aktiviti-aktiviti kawalan penyakit telah mendapat kesan yang agak besar.

Berdasarkan sejarah, pembahagian di antara hospital dan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan awam diteruskan: Perkhidmatan-perkhidmatan pencegahan secara amnya dipanggil kesihatan dan perkhidmatan-perkhidmatan penyembuhan selalunya dipanggil perubatan. Kemajuan yang dibuat untuk mengembangkan perkhidmatan kesihatan tidak berjalan lancar dari tahun 1930 ke 1939 kerana kemelesetan ekonomi di seluruh dunia. Pada 1958 selepas merdeka, Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih kuasa di kedua-dua perkhidmatan kesihatan awam dan perubatan. Pentadbiran perkhidmatan-perkhidmatan ini kemudiannya diserahkan dari Kerajaan Negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Dalam tahun 1963, Sabah dan Sarawak bersatu dengan Semenanjung Malaysia, dulunya di panggil Malaya, untuk membentuk Malaysia baru bersekutu. Perkembangan awal perkhidmatan kesihatan di Sabah dan Sarawak sebelum kemerdekaan adalah melalui cara berlainan kerana status jajahan yang berbeza.

Perkhidmatan kesihatan di Sarawak bermula semasa era Pemerintahan Raja Brooke untuk memberi khidmat kepada pegawai-pegawai Eropah dan keluarga mereka. Perkhidmatan disambung kepada masyarakat tempatan tidak lama kemudian dengan memberi latihan kepada gadis-gadis tempatan di dalam ilmu kebidanan di Kuching. Semasa zaman penjajah, perkhidmatan kesihatan di Sarawak ditumpukan pada jagaan penyembuhan di mana kebanyakannya ditempatkan di bandar. Di luar bandar hanya ada beberapa kemudahan kesihatan. Perkhidmatan-perkhidmatan diberi terutamanya melalui hospital-hospital, statik dan dispensari-dispensari bergerak. Pihak berkuasa tempatan atau majlis-majlis daerah mengendalikan semua klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak (MCH) di seluruh negeri. Jabatan Kesihatan membantu di dalam latihan perbidanan. Perkhidmatan kesihatan diteruskan semasa pendudukan Jepun (1942-1945). Dua

dekad kemudian ada beberapa perkembangan penting dipelbagai aspek perkhidmatan.

Asas organisasi perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan di Sabah dimulakan oleh '*North Borneo Chartered Company*' yang mentadbir dari 1881 hingga 1942. Selepas perang dunia II Sabah menjadi *Crown Colony*. Kerajaan iaitu The British *Crown Colonial* meneruskan pembangunan perkhidmatan semasa dibawah pentadbiran mereka dari tahun 1945 hingga 1963.

## **SELEPAS KEMERDEKAAN.**

### **Tujuan Polisi Negara**

Perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang mampu untuk semua orang dilaksanakan melalui penubuhan kemudahan-kemudahan penjagaan kesihatan awam yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan telah diikuti oleh kerajaan yang baru dibentuk selepas kemerdekaan. Walaupun sumber-sumber adalah terhad, persediaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan awam telah dirancang untuk meliputi semua negeri. Ini telah dilengkapsan dengan meluaskan perkhidmatan kesihatan luar bandar dengan adanya bidan-bidan dan pembinaan hospital-hospital di setiap ibu negeri dalam tahun 1960an.

### **Program-program Kesihatan Yang Dicipta Dan Dikuatkuasakan.**

1. Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar
2. Program Vaksinasi (*Triple DPT Vaccine*)
3. Program Mengawal Malaria
4. Program Mengawal T.B.
5. Program Vaksinasi Polio.

## **PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR - PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR**

Satu cara mudah telah digunakan oleh Kementerian Kesihatan di dalam merancang sejak dari 1960an. Cara yang mudah dibuat untuk mencepatkan keputusan bagi melancarkan pembangunan infrastruktur kesihatan, terutamanya bagi hampir 75% penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Sebelum merdeka, hampir semua kemudahan kesihatan yang ada hanya terdapat di bandar-bandar dan kerajaan terpaksa menubuhkan perkhidmatan kesihatan dengan cepat untuk memberi khidmat kepada penduduk luar bandar.

### **Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar (Rural Health Service)**

Untuk menyokong kepentingan perkhidmatan luar bandar, pusat kesihatan besar (MHC) telah dibina sebagai pusat untuk tiga peringkat unit kesihatan luar bandar untuk memberi khidmat kepada 50,000 penduduk (**lihat carta II**). Setiap unit dihadkan kepada 4 Pusat Kesihatan Kecil (HSC) untuk memberi khidmat kepada 10,000 penduduk setiap pusat. Pusat Kesihatan Besar (MHC) dan setiap Pusat Kesihatan Kecil (HSC) adalah 4 klinik bidan yang juga tempat tinggal mereka (MCQ) terletak di dalam kawasan pusat-pusat operasi untuk memberi khidmat kepada 2,000 penduduk setiap kawasan 4 klinik bidan (MCQ) berserta Pusat Kesihatan Kecil (HSC) boleh memberi perkhidmatan kepada 10,000 penduduk disitu.

Cara-caranya ialah:

1 pusat kesihatan besar (MHC) + = 1 unit kesihatan luar bandar: 50,000 penduduk

4 Pusat Kesihatan Kecil (HSC)

1 Pusat Kesihatan Besar (MHC) + = 10,000 penduduk

1 Pusat Kesihatan Kecil (HSC)

1 Klinik Bidan (MCQ) = 2,000 penduduk

Sistem tiga peringkat, dalam tahun 1969, kajian kertas perkhidmatan kesihatan tempatan telah disiapkan dengan bantuan WHO. Sistem penghantaran dua peringkat bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar telah disyorkan semasa ulasan pertengahan penggal di Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Dengan peraturan baru ini, pusat kesihatan kecil telah ditamatkan dan diperkenalkan Klinik Desa menggantikan Klinik Bidan (MCQ). Kemudahan : nisbah bilangan penduduk juga telah bertukar, oleh itu pusat kesihatan hanya memberi khidmat kepada 15,000 - 20,000 bilangan penduduk luar bandar dan 2,000 - 4,000 di klinik luar bandar (lihat carta 2 - sistem dua peringkat). Dari tahun 1973 hingga ke hari ini, perkhidmatan ini diteruskan dalam penukaran Pusat-pusat Kecil dan Klinik Bidan (MCQ) masing-masing kepada Pusat Kesihatan dan Klinik Desa.

Sistem dua peringkat (**Lihat carta III**) telah diperkenalkan untuk meningkat mutu tahap kesihatan yang disediakan oleh perkhidmatan kesihatan luar bandar. Seorang doktor perubatan dan seorang doktor gigi yang bertugas hanya di Pusat Kesihatan Besar di sistem tiga peringkat. Pada masa yang sama, dengan penukaran latihan, bidan dinaikkan pangkat kepada '*community nurse*' di Klinik Desa untuk memberi rawatan penyakit yang ringan.

Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar (RHS) dianggarkan boleh memberi perkhidmatan kepada 50% penduduk luar bandar dalam tahun 1970. Ianya telah dirancang untuk memberi perkhidmatan menyeluruh dalam tahun 1990. Usaha-usaha telah dibuat untuk mengenalpasti kampong/kumpulan-kumpulan penduduk yang kurang dan tidak mendapat perkhidmatan masyarakat tempatan.

Selepas kemerdekaan, adalah untuk membangunkan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan kanak-kanak, terutamanya negeri-negeri dalam kawasan luar bandar di mana keluarga-keluarga berpendapatan rendah. Tumpuan utama adalah membaiki kekurangan imbangan di dalam menjalankan perkhidmatan di antara kawasan bandar dan luar bandar di kalangan negeri-negeri. Penekanan bagi meringankan keadaan mereka yang melarat di dalam kawasan yang miskin

bertujuan untuk memperbaiki keadilan dalam perkhidmatan kesihatan adalah di antara lain-lain perkara. (**Carta IV + V**).

Polisi ekonomi yang baru dalam tahun 1971, telah memberi gambaran jelas mengenai strategik yang akan diikuti di dalam membangunkan perkhidmatan kesihatan untuk hampir dua dekad. Pada awal 1980an rancangan negara untuk kesihatan telah juga menyatukan objektif-objektif WHO, strategik kesihatan untuk semua yang mana selaras dengan matlamat polisi-polisi negara. Hasil daripada modus operandi, melengkapkan pembahagian sumber-sumber dan menyenangkan untuk mendapat penjagaan kesihatan dan juga memperbaiki kualiti dan perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Oleh sebab itu kualiti perkhidmatan kesihatan luar bandar telah dipertingkatkan, memperbaiki kemudahan-kemudahan, menggilap dana melengkapi dan yang lebih penting pekerja yang mendapat latihan yang baik dan kakitangan berpengalaman.

Sementara itu, perkhidmatan-perkhidmatan swasta dan bukan kerajaan yang lain juga telah berkembang dengan cara mereka sendiri. Di dalam dekad yang lepas, mereka telah dipanggil untuk turut bekerjasama di dalam meningkatkan sistem kesihatan negara yang akan memastikan kecekapan menggunakan sumber-sumber kesihatan negara yang terhad. Skim kewangan kesihatan dan pembentukan semula penjagaan kesihatan berpotensi akan menunjukkan satu model baru yang lengkap yang tidak akan mengurangkan tanggungjawab kerajaan berkenaan masalah masyarakat untuk memastikan persediaan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan saksama. Rancangan kesihatan yang diujudkan pada 1994 menggambarkan '*philosophy*', '*strategic*' dan '*proces*' yang sedang dan akan negara teruskan bagi membangunkan penjagaan kesihatan.

### **Malayanisasi Perkhidmatan Awam.**

Sungguhpun Malaya telah merdeka pada tahun 1957 tetapi banyak lagi pegawai British memegang jawatan tinggi di perkhidmatan awam. Dan banyak pula di kalangan mereka yang enggan melepaskan jawatan mereka supaya pegawai tempatan boleh mengambil alih jawatan mereka. Kedua-duanya ini mengejutkan pegawai-pegawai tempatan. Persatuan Pegawai-pegawai Tempatan Division 1 iaitu '*Senior Asian Government Officers Association (SAGOA)*' telah mengambil peranan yang penting dalam "Proses Malayanisasi" ini dengan mendesak kerajaan supaya pegawai-pegawai British ini melepaskan jawatan-jawatan mereka supaya pegawai-pegawai tempatan boleh mengambil tempatnya.

### **Peningkatan Jagaan Kesihatan Melalui 'Specialisation'.**

Pada mulanya perkhidmatan perubatan diujudkan, ia adalah untuk memberi perkhidmatan perubatan asas kepada seberapa orang yang boleh diubati dan mengendalikan masalah penyakit di negara ini. Penyakit berjangkit seperti '*tuberculosis*', *malaria*, *demam typhoid* dan *gastroenteritis*. Pada hari ini penyakit *non-communicable* seperti *cardiovascular* dan *cerebrovascular*, *cancer* dan *trauma* adalah sebab-sebab dimasukkan ke hospital. Kesedaran orang ramai boleh mendapat pilihan perubatan baru juga mendorong meningkatkan mutu penjagaan perubatan. Tindakan yang diambil ialah menukuhan perkhidmatan pakar atau pembantu pakar untuk menambah kualiti penjagaan pesakit di hospital Kementerian Kesihatan.

Perkhidmatan Pakar pada awalnya diberikan oleh doktor-doktor Eropah dan terhad kepada *basic specialities* dalam perubatan awam, pembedahan, *obstetrics* dan *ophthalmology*. Orang British membuat halangan untuk melatih pakar tempatan. Perkhidmatan pakar *anaesthetics*, *pathology* and *radiology* tidak banyak didapati. Perkhidmatan tersebut diambil alih oleh doktor tempatan yang telah dilatih kebanyakannya di United Kingdom pada awal 1950an. Beberapa

latihan asas untuk pakar boleh didapati di 3 dari 6 buah sekolah perubatan kerajaan di negara ini dalam tahun 80an. Perkhidmatan pakar telah bertambah daripada 130 unit dalam tahun 1970 ke 350 unit dalam tahun 1997 (1 unit bersamaan 1 atau lebih pakar dalam unit pakar/jabatan).

### **PADA MASA AKAN DATANG.**

Perkhidmatan perubatan telah menyumbang ke arah menjadikan negara sihat dan ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Cabaran penukaran epidemiology, penduduk yang semakin tua, kemajuan pesat di dalam perubatan dan teknologi maklumat, juga kenaikan kos penjagaan kesihatan akan menjadi isu-isu yang perlu diambil perhatian. Peranan tradisional di hospital dan Kementerian Kesihatan dalam menyediakan perubatan dan perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan di dalam negara ini akan diubah memandangkan peralihan paradigma baru terhadap kesihatan lebih baik daripada penyakit, tanggungjawab individu yang kuat terhadap kesihatannya, penggabungan yang akan berlaku di hospital, pengenalan Sistem Kewangan Penjagaan Kesihatan Negara dan Kemudahan Penjagaan Kesihatan Swasta dan Akta Perkhidmatan.

Di tengah-tengah perubahan ini, Kementerian Kesihatan perlu memastikan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dapat diperolehi oleh mereka yang memerlukan dengan kos yang mampu bagi pesakit-pesakit dan kerajaan.

Tidak dinafikan, pada masa akan datang lebih banyak cabaran dalam masa negara menuju ke alaf seterusnya.

## SINOPSIS

Sebelum kedatangan Inggeris, penduduk Tanah Melayu menggunakan cara tradisi untuk mengatasi penyakit-penyakit mereka. Bila British menjajah Malaya, mereka telah membina beberapa hospital untuk memberi rawatan kepada penduduk. Tetapi hospital-hospital ini ditempatkan di pekan besar sahaja. Kerajaan British menyediakan perkhidmatan perubatan ini semata-mata untuk keperluan pegawai-pegawai dan keluarga mereka dan pekerja-pekerja di lombong-lombong dan ladang-ladang getah yang dimiliki oleh mereka. Lagi pun penduduk tempatan tiada beberapa minat menggunakan cara perubatan Barat.

Bila Malaya merdeka, polisi kerajaan ialah menggerakkan perkhidmatan ini ke luar bandar dengan menubuhkan perkhidmatan kesihatan luar bandar. Dengan ujudnya perkhidmatan ini mutu kesihatan seluruh penduduk telah dapat dinaikkan. Sambilan ini beberapa lagi hospital yang baru dan canggih menggunakan alat-alat moden telah dibina oleh kerajaan untuk memenuhi keperluan untuk penduduk dalam negara ini.

Kerajaan juga telah mencipta beberapa program mencegah penyakit berjangkit seperti:

1. Perkhidmatan Kesihatan Luar bandar
2. Program Vaksinasi (Triple DPT Vaccine)
3. Program Mengawal malaria
4. Program Mengawal T.B.
5. Program Vaksinasi Polio

dan lain-lain. Program-program ini telah dapat menjaga kesihatan dan meninggikan mutu perkhidmatan kesihatan penduduk seluruh negara.


**Table 1: Admissions to Ministry of Health Hospitals, 1960 - 1996.**

Year	No. of Hospitals (Include Special Institutions)	Admission Numbers	Admission Rate (Per 1000 pop)
1960	65	311,791	45.1
1970	62	569,066	54.5
1980	95	909,394	67.4
1985	101	1,068,788	68.2
1990	102	1,307,609	73.6
1995	117	1,447,582	70.0
1996	117	1,517,744	71.7


**Peninsular Malaysia Only.**

Source: Data for computation of admission rate is derived from  
the Ministry of Health  
Annual Report 1971/72, 1980, 1985, 1990, 1995, 1996 and the Report of  
the Medical Department for the year 1960, Federation of Malaya.

**Chart II: Three-Tier System**



### Chart III - Two-Tier System



**Table IV : Incidence of Childhood Immunisable Diseases in  
Malaysia, 1975 - 1996**  
**(Number of cases per 100,000 people)**

Disease	1975	1980	1985	1990	1996
Neonatal Tetanus	0.10	0.44	0.31	0.06	0.11
Diphtheria	11.10	0.97	0.24	0.05	0
Pertussis	3.40	0.72	0.95	0.13	0.03
Poliomyelitis	0.40	0.03	0.02	0	0
Measles	98.00	64.95	32.93	3.17	2.17

Source: Immunisable Diseases Surveillance in Malaysia 1987,  
Information and Documentation Unit,  
Ministry of Health Malaysia.

**Table V: Vital Statistic for Malaysia, 1957 to 1995**

	1957	1980	1985	1990	1996
Population (Millions)	6.3	10.3	13.8	18.0	21.2
Growth rate	NA	2.7	2.4	2.3	2.3
Life Expectancy					
Male (Years)	56.0	64.0	66.0	69.0	69.0
Female (Years)	58.0	68.0	70.0	73.0	74.0
Crude Birth Rate	46.2	32.5	30.3	26.8	27.1
Crude Death Rate	12.4	7.0	5.5	4.8	4.6
Infant Mortality Rate	75.5	40.8	23.9	12.1	9.1
Toddler Mortality Rate	10.7	4.2	2.1	0.9	0.7
Maternal Mortality Rate	3.2	1.5	0.6	0.2	0.2

Source: Department of Statistics, Malaysia, Information

Documentation System Unit, Planning and Development Div.  
Ministry of Health.

The life expectancy at birth for males has risen from 56 in 1957 to 69 in 1995, and 58 years and 74 years respectively for females. Malaysia is performing relatively well in terms of accepted health indicators in comparison with its neighbours (*Table 3*).

**Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan  
Malaysia**

**oleh  
Dato' Lee Lam Thye**

**Sesi 3 Trek 3**

# Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia.

## **1. Pendahuluan.**

Setelah 43 tahun negara merdeka, negara ditadbir oleh bangsa sendiri mencapai kemajuan yang agak pesat dalam semua bidang. Di dapati pada masa kini semangat kerjasama antara rakyat tidak sekukuh seperti semasa memperjuangkan tuntutan untuk merdeka daripada penjajah.

Mereka yang berada mempercayai bahawa apa yang mereka nikmati adalah usaha diri sendiri bukan dalam bentuk kolektif. Mereka yang kurang berada pula mula mempercayai wujudnya diskriminasi terhadap mereka dan mula menyimpan dendam untuk melakukan sesuatu yang bakal menghuru-harakan. Bagi mereka yang tidak ambil kisah, langsung tidak peduli untuk memahami maksud kemerdekaan Mari kita kaji pengisian kemerdekaan yang kita harapkan.

## **2. Takrifan Kemerdekaan.**

### **2.1 Skop kenegaraan**

Negara bebas dari diperintah oleh **bangsa asing** yang tidak peka dengan kebijakan rakyat negara tersebut. Dengan lain perkataan, negara bebas dari penjajahan.

### **2.2 Skop individualistik.**

Perasaan bebas dari belenggu kongkongan kerana berupaya memenuhi keperluan hidup dan kehendak tanpa rasa bimbang, risau dan takut.

Semasa negara ditadbir oleh kuasa asing (penjajah), kualiti hidup rakyat di zaman itu tidak sebaik kualiti hidup kaum kerabat atau puak penjajah secara keseluruhan. Penjajah pula tidak peka dan tidak ambil peduli tentang kebijakan rakyat yang diperintah.

Dengan itu perasaan tidak puas hati rakyat bertambah dan tidak lagi mempercayai pemerintahan oleh bangsa asing. Jadi rakyat merasakan mereka layak memerintah sendiri supaya masa depan mereka boleh

ditentukan sendiri. Ekoran dari itu, semangat perjuangan untuk menentang penjajahan mula timbul seterusnya menghasilkan buah kemerdekaan.

Persoalan. Mungkinkah wujudnya semangat perjuangan untuk menuntut kemerdekaan **sekiranya** bangsa asing yang memerintah negara benar-benar memerintah dengan **adil dan ikhlas** serta peka dengan kebajikan rakyat tempatan?

### **3. Kesejahteraan hidup.**

Walauapapun yang penting dalam kehidupan ialah kebahagiaan. Setiap orang mahu merasakan diri bebas dari kongkongan bimbang, risau dan takut. Sebenarnya jiwa setiap insan tidak berbangsa. Siapa sahaja yang mengambil berat tentang diri kita, kita sayang.

Jadi kemerdekaan akan hanya bererti bila kehidupan bermasyarakat itu dalam keadaan **aman**. Banyak negara di dunia yang merdeka tapi masih tidak bebas dari perebutan kuasa memerintah seperti di Afghanistan, Yugoslavia dan sebagainya. Rakyat terus hidup dalam gundah gulana dan huru hara. Sumber-sumber keperluan hidup terhad dan menjadi sukar di dapatkan menjadikan hidup lebih tertekan.

### **4. Keharmonian dan keamanan.**

Keharmonian dan keamanan adalah keadaan hidup bermasyarakat yang bebas dan saling menghormati antara individu dalam masyarakat tersebut tanpa dengan sengaja memudharatkan ahli masyarakat yang lain.

Kehidupan yang aman sebenarnya diimpikan oleh setiap insan. Walau siapa yang memerintah sekali pun, setiap dari kita memerlukan keamanan. Apabila aman, barulah kita bebas dan dapat menikmati kehidupan. Hidup kita tidak aman apabila dibelenggu oleh perasaan bimbang, risau dan takut.

Bila keyakinan untuk memenuhi keperluan hidup kita tergugat, kita mula bimbang. Hidup jadi tidak **aman**. Dalam dekad akhir zaman penjajahan, rakyat lebih merasakan gundah gulana bimbang keperluan hidup untuk satu kehidupan sejahtera akan tergugat.

## 5. Patriotisma.

Perasaan cintakan tanahair sehingga sanggup berkorban jiwa demi mempertahankannya. Tanahair atau negara ialah tempat kita hidup. Tanpa tempat untuk hidup kita tak boleh hidup. Jika seseorang mempunyai banyak tempat, mungkin semangat melindungi hak di satu-satu tempat tidak sekuat semangat orang yang hanya mempunyai satu tempat.

Kalau seseorang mempunyai banyak kerakyatan, mungkin semangat patriotiknya amatlah kurang kerana dia mungkin tak mahu mengambil risiko memperjuangkan satu tempat kerana dia ada lagi tempat lain. Atau seseorang yang mampu memiliki banyak tempat untuk hidup pun, kurang bersemangat untuk mengambil risiko.

Memandangkan hari ini wang dapat membeli apa saja termasuk membeli kehidupan, jadi mereka yang berwang, mungkin memiliki semangat patriotik yang agak kurang.

Bagi mereka yang tidak memiliki tempat untuk hidup, mereka akan diperhambakan dengan ditawarkan kehidupan sebagai ganjaran perkhidmatan. Mereka ini akan hidup di mana saja.

Agak besar jumlah rakyat yang tidak memiliki hak milik tempat tinggal walau di negara sendiri. Peraturan ialah mereka mestilah berwang. Mereka disyaratkan membeli hak milik tersebut. Bila mereka berwang, di mana saja dalam dunia ini mereka boleh tinggal. Bagaimana pula kita mahu harapkan mereka ini mempunyai semangat patriotik? Keadaan ini seolah memaksa seseorang menjaga hak milik orang lain.

Setiap manusia dianugerahkan sifat patriotik secara semulajadi. Sempadan untuk Patriotisme dalam diri setiap kita mungkin tidak sama terpulang kepada bagaimana kita memahami hak kita. Yang jelas rata-rata rakyat memahami sempadan rumah tangga masing-masing. Cara melindungi rumah yang disewa dengan rumah sendiri pun agak berbeza.

Jadi yang penting untuk mewujudkan semangat patriotik rakyat terhadap negara, rakyat mestilah merasakan negara itu haknya dan mereka mesti merasakan tanpa negara, tiada lagi kehidupannya. Tahap bergantung hidup kepada negara mestilah tinggi.

Tapi realiti hari ini, kita mengajar rakyat bergantung hidup kepada wang. Jadi semangat patriotik terhadap wang lebih tinggi daripada negara. Dengan wang orang boleh membeli negara. Ideologi **wang sebagai penentu hidup**, mestilah dihakis dahulu bagi mewujudkan semangat patriotik kepada negara.

## 6. Cabaran di alaf baru.

Demi mengekalkan keamanan negara dan rakyat hidup bahagia, cabaran tetap sama, samada alaf, abad, dekad, tahun atau hari yang baru. Cabaran yang utama ialah memenuhi **tuntutan keperluan hidup bahagia** bagi setiap ahli masyarakat.

Setiap hari jumlah populasi bertambah, tetapi keluasan negara tetap. Jadi ruang yang terhad mestilah dikongsi bersama-sama. Demi kehidupan yang lebih mudah, teknologi dicipta. Teknologi tidak pernah dicipta untuk kehancuran. Dengan wujudnya teknologi maklumat yang canggih, ilmu bergerak dengan pantas dari satu minda ke minda yang lain. Ini satu perkara yang baik.

Musuh utama keamanan ialah pemikiran yang kurang waras. Kombinasi pemikiran kurang waras dan teknologi canggih adalah penentuan kepada kehancuran sesebuah masyarakat. Tapi kombinasi pemikiran waras dan teknologi canggih menghala ke arah kesempurnaan hidup.

Pemikiran waras mestilah berdasarkan sifat kemanusiaan dan berupaya menjangka akibat sesuatu penyebab. Pemikiran waras mengetahui perbezaan antara yang baik dan yang tidak baik berdasarkan akibat yang memberi kemudharatan atau kemenafaatan.

Setiap detik sejarah berlaku. Sejarah ialah ilmu. Sejarah ialah pengetahuan kita tentang proses sebab dan akibat. Daripada pengetahuan sebab dan akibat inilah kita mengulangi penyebab yang memberi akibat yang bermanfaat sebaliknya kita menghindari penyebab yang memberi akibat yang memudharatkan. Kecanggihan teknologi memberi ruang pembelajaran ilmu dengan lebih cepat.

Jadi kita tahu melalui sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan, pemerintahan yang kurang baik ialah penyebab kepada perjuangan rakyat pribumi menuntut hak untuk hidup dan menikmati kehidupan. Kemerdekaan satu jawapan kerana sudah tidak mempercayai pemerintahan kuasa asing tersebut.

## 7. Perayaan Hari Kemerdekaan.

Adakah semangat kemerdekaan sekadar mengibar jalur gemilang setiap kali tarikh 31 Ogos tiba, atau memaksa pelajar menyanyikan lagu negaraku, atau pasukan keselamatan berbaris diiringi musik "march"? Kita semua tahu ianya lebih dari itu.

Sebelum terlambat kita semua mestilah sedar bahawa huru-hara, atau penentangan hanya diwujudkan oleh golongan yang merasa mereka dinafikan hak untuk hidup dan menikmati kehidupan, iaitu golongan terdesak.. Jadi kita mestilah mengenalpasti golongan ini dan memberikan mereka kehidupan yang sewajarnya kerana itulah tanggungjawab kita kepada insan senegara. Inilah semangat kemerdekaan yang kita perlu dalam satu masyarakat merdeka.

Kita mesti peka dengan kebijikan saudara, sahabat dan jiran kita. Kita juga mesti menghormati perbezaan cita rasa yang sedia ada antara ahli masyarakat. Sedarkan kita, sebilangan besar dari ahli masyarakat kita hidup dalam bimbang, risau dan takut setiap tiba hujung bulan? Apakah yang kita lakukan bagi membebaskan mereka daripada belenggu itu? Kita silap kerana terus mewujudkan keadaan itu dan menambahkan lagi bimbang, risau dan takut dalam diri ahli masyarakat. Ini merupakan faktor-faktor ke arah suasana hidup yang kita tidak gemari.

Pekakah kita kehidupan mereka di rumah-rumah setinggan atau rumah kos rendah? Kualiti hidup yang bagaimakah agaknya mereka nikmati? Adakah kita masih berfikiran bahawa mereka memang hanya layak kehidupan sebegini? Jika ini yang kita fikir, tidak ada gunanya kita bercerita tentang kemerdekaan dan patriotisme yang memang tidak ada dalam diri kita. Apakah erti kemerdekaan bagi golongan yang hidup dalam serba daif?

Bagi mendalami nasib dan kualiti hidup saudara senegara walaupun berlainan bangsa dan ugama, kita merayakan Perayaan Hari Merdeka dengan semangat Malaysia. Perayaan hari merdeka pula sepatutnya merupakan hari yang besar. Lebih besar daripada perayaan keugamaan. Perayaan keugamaan hanya tertentu kepada pengikut ugama tertentu sahaja tetapi hari kebangsaan ialah hari yang sama-sama, semua kaum rakyat Malaysia bersatu memperjuangkannya. Jadi apa kata kita merayakan hari kebangsaan dengan semua kaum saling ziarah menziarahi, menikmati juadah sambil jalur gemilang merupakan hiasan utama di rumah masing-masing. Satu cadangan.

## 8. Rumusan

Kita semua sedar dan tahu **pemilikan hak tanpa had** pemangkin kepada pergaduhan dan seterusnya menjerumuskan masyarakat kepada kehancuran.

Sistem dan ideologi ini jugalah yang diamalkan oleh penjajah yang kemudian mencetuskan semangat rakyat Malaysia untuk menuntut kemerdekaan. Kita janganlah leka dan alpa **melakukan kesilapan yang sama** sebab setiap individu akan berjuang menuntut **hak untuk hidup dan menikmati kehidupan**.

**Penghayatan Yang Lain Untuk Masa  
Hadapan: Kesan Sosio-Ekonomi Dan  
Harapannya, 1957-2000**

oleh  
**Prof. Madya Badriyah Haji Salleh**

**Sesi 4 Trek 1**

**Penghayatan yang lalu untuk masa hadapan: Kesan sosio-ekonomi dan  
harapannya, 1957-2000**

Oleh

**Prof. Madya Badriyah Haji Salleh**

**Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.**

I

Negara kita telah berumur 43 tahun di dalam kemerdekaan politiknya. Dari segi ekonomi ia berjaya menjadi salah sebuah yang termaju di Asia. Bersama-sama dengan kemajuan itu ia juga telah mengalami banyak perubahan, khususnya dalam gaya hidup masyarakat yang telah disebakkan dan didorong oleh kemajuan ekonomi itu. Hal ini tidak boleh dipisahkan daripada kesan-kesan lain seperti kesan pendidikan, kemajuan kesihatan dan peroses perbandaran. Ini semua telah mengubah struktur masyarakat yang telah jauh berbeza daripada struktur 43 tahun yang lalu. Sebelum itu pemandangan dalam masyarakat Malaysia dicorakkan oleh penduduk berbilang kaum yang jenis pekerjaan, dan kawasan tempat tinggal menjadi garis pengenalan kepada golongan kaum-kaum tertentu. Walaupun ciri-ciri ini masih kelihatan pada masa kini, namun garis pemisahannya sudah tidak lagi begitu keras seperti sebelumnya.

Kertas kerja ini akan hanya mengulas beberapa perkembangan ekonomi yang telah berlaku di Malaysia dan meneliti beberapa kesan tertentu khususnya yang mempengaruhi penduduk, penghijrahan dan pembandaran. Kemudian ia akan membuat beberapa cadangan yang boleh dibincang dan diperbaiki bersama.

## Perkembangan Ekonomi Malaysia Secara Ringkas

Malaysia telah melancarkan beberapa Rancangan lima-tahunan semenjak sebelum Kemerdekaan dimetraikan sehingga ke sekarang: Rancangan Malaya Pertama dan Kedua (1955-1965), Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) dan Dasar Ekonomi Baru mulai dari 1970-2000. Setiap tahap mempunyai objektif-objektifnya yang khusus dan pencapaiannya yang tersendiri. Rancangan Malaya Pertama dan Kedua telah digubal untuk meningkatkan ekonomi penduduk dan negara dalam sektor pengeluaran sumber asli, iaitu getah dan bijih timah. Ini adalah langkah yang awal untuk membentulkan kesan yang telah ditinggalkan oleh penjajahan British. Umumnya semasa pemerintahan British Semenanjung Tanah Melayu telah dijadikan negara pengeluar getah dan bijih timah terbesar di dunia. Sabah yang dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara dan Sarawak telah mengeluarkan sumber-sumber asli pertanian getah, kayu kayan dan juga galian seperti minyak. Sumber-sumber pertanian dan galian yang lain juga dikeluarkan tetapi bukan merupakan sumber pengeluaran terpenting. Pada zaman British ini dasar *laissez-faire* telah diamalkan bertujuan untuk mendapatkan hasil yang optimum bagi semua pengeluaran yang diceburi. Undang-undang Tanah yang baru telah dikenalkan supaya objektif British untuk memusatkan perkembangan ekonomi dapat diper mudahkan. Kesannya tanah telah dibahagikan mengikut kegunaannya, iaitu tanah peribumi bagi penduduk asli di kawasan masing-masing dan tanah perlombongan dan pertanian bagi pemodal-pemodal besar.

Kesan terpenting kepada dasar *laissez-faire* British tadi telah berupaya menempatkan Malaysia sebagai negara pengeluar sumber asli yang amat dihargai oleh Britain. Getah dan bijih timah dari Semenanjung menjadi petukaran mata wang asing yang sangat penting bagi negara penjajah itu. Amerika Syarikat, misalnya, menjadi pengimpor getah terpenting dari Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun dari segi sosio-ekonomi kesan daripada dasar ekonomi itu juga telah mewujudkan sebuah masyarakat berbilang kaum yang amat ketara di Malaysia. Ini diperkuuhkan lagi

dengan dasar 'pecah dan perintah' British. Undang-undang Tanah Peribumi dan Undang-undang Tanah Simpanan Melayu telah menempatkan kesemua pemilik atau pengguna tanah itu sebagai petani. Tanah perladangan getah yang sejumlah besarnya dippunyai oleh peladang-peladang Eropah dikerjakan oleh ribuan pekerja-pekerja yang diimport dari India dan tanah perlombongan yang umumnya digalakkan kepada pelombong-pelombong Cina telah dipenuhi oleh pekerja-pekerja yang dibawa dari Cina. Oleh itu pada umumnya corak ekonomi dan penduduk di Malaysia boleh dikenali mengikut kaum dan pekerjaan.

Jadual 1      British Malaya: Pemilikan Ladang Mengikut Kaum, 1938

Kaum	5,000 ekar dan lebih	1,000-4,999 ekar	500-999 ekar	100-499 ekar
Eropah	47	467	237	245
Cina	1	47	94	911
India	-	5	21	343
Lain-lain	5	13	10	63

Sumber: Edmund Terence Gomez & Jomo K.S., 1999. *Malaysia's Political Economy. Politics, Patronage and Profits*. Cambridge University Press, hal. 13.

Jadual 2      British Malaya: Peratus Bijih Timah Keluaran Perlombongan Eropah dan Cina, 1910-1938.

Tahun	Eropah	Cina
1910	22	78
1915	28	72
1920	36	64
1922	38	62
1924	45	55
1926	44	55
1928	49	51
1930	63	37
1932	66	34
1934	66	34
1936	67	33
1938	67	33

Sumber: Gomez & Jomo, ibid.

Table 3 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu: Penduduk Yang Terlibat Dalam Pertanian Mengikut Kaum, 1931

Pekerjaan	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Pertanian Padi	89,122	1,038	1,892	267	92,319
Pertanian Getah	43,622	67,873	26,332	555	138,382
Pertanian Kelapa	10,244	1,246	8,010	37	19,537
Buah & Sayuran	1,296	32,621	214	20	34,151
Ternakan	6,386	2,449	1,750	47	10,632
Kehutanan	1,757	10,225	137	8	12,127
Lain-lain	25,549	16,115	9,883	158	51,705
Jumlah	177,976	131,567	48,218	1,092	358,853

Sumber: Lim Teck Ghee, 1977, *Peasants And Their Agricultural Economy In Colonial Malaya 1871-1941*. Kuala Lumpur, Oxford University Press, Appendix 1.7, hal. 248.

Daripada jadual-jadual di atas kita boleh melihat bagaimana jenis-jenis ekonomi di Semenanjung telah dikuasai oleh kaum-kaum tertentu semasa pemerintahan British. Ini bukan mengatakan bahawa kaum yang lain tidak terlibat langsung di dalam aktiviti ekonomi yang berbeza, tetapi mereka tidaklah merupakan golongan yang terlibat secara dominan. Di dalam sektor pertanian padi jelaslah orang-orang Melayu yang paling dominan. Jadual tersebut tidak memasukkan mereka dari Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu, yang mata pencarian terpenting mereka sememangnya pertanian padi. Di dalam pertanian getah pula bilangan semua kaum adalah besar, namun mereka merupakan pekebun-pekebun kecil, iaitu pemilik yang luas tanahnya kurang daripada 100 ekar, ataupun pekerja di kebun-kebun tersebut sebagai penoreh, dan lain-lain.

Setelah selesai pendudukan Jepun dan British pulang semula ke Tsanah Melayu, Sabah dan Sarawak, beberapa rancangan pembangunan semula telah digubal. Rancangan pembangunan ini dibahagi kepada beberapa fasa, iaitu, Rangka Rancangan Pembangunan Persekutuan Tanah Melayu (1950-1955) dan permulaan Rancangan Malaya Pertama dan Kedua (1956-1965) yang masih meneruskan dasar *laissez-faire* seperti sebelumnya. Ini telah disambung pula dengan rancangan-rangan lima tahunan yang lain di bawah Rancangan Malaysia Pertama hingga ketujuh (1966 – 2000). Mulai daripada 1970 Dasar

Ekonomi Baru dikenalkan di bawah rancangan yang sama, dan pada tahap ini dasar *laissez-faire* telah tamat kerana proses-proses pembangunan telah banyak melibatkan kerajaan.

Tujuan rancangan-rancangan Malaya Pertama dan Kedua adalah untuk mempertingkat ekonomi penduduk, khususnya orang-orang Melayu dan Bumiputera lain, kerana sejarah telah meninggalkan mereka berbanding dengan golongan-golongan lain. Nampaknya pembangunan tidak dapat dirasai dengan lebih pesat seperti yang dikehendaki. Maka pada 1965 Kongres Ekonomi Bumiputra Pertama telah diadakan untuk mencari jalan bagaimana ekonomi mereka dapat dipergiatkan lagi. Akibatnya Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Nasional (Pernas) telah ditubuhkan.<sup>1</sup>

Walaupun rancangan pembangunan telah dibuat, namun kesannya agak lambat. Malaysia masih sangat bergantung kepada hasil pertanian, dan getah masih merupakan 80% daripada hasil pendapatan eksport. Kemiskinan masih ketara dan saham Bumiputera di dalam kebanyakan sektor ekonomi masih sangat kecil, iaitu hanya 1.9%, berbanding kaum Cina 22.5% dan orang asing masih memegang 60.7% pada 1970.<sup>2</sup> Jenis pekerjaan masih lagi dapat dilihat dengan jelas mengikut golongan kaum-kaum tertentu.

Jadual 4 Semenanjung Malaysia: Pekerjaan Mengikut kaum, 1970 (Peratus)

Bidang Pekerjaan	Melayu	Cina	India
Pertanian, Perikanan, Kehutanan	68	21	10
Perlombongan	25	66	8
Pembuatan	29	65	5
Binaan	22	72	6
Keperluan	48	18	33
Perhubungan & Kenderaan	43	40	17
Perdagangan	24	65	11
Perkhidmatan	49	36	14

Sumber: Snodgrass, Donald K., 1980. *Inequality and Economic Development in West Malaysia*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, hal. 96.

<sup>1</sup> Mohamad Idris Saleh, Che Su Mustaffa, Fuziah Shaffie, 1994. *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hal.134.

<sup>2</sup> Gomez dan Jomo, op.cit., hal. 20.

Ini telah menjadi salah satu sebab yang telah mencetuskan peristiwa 13 Mei 1969, apabila kedudukan politik orang-orang Melayu juga telah tergugat di dalam Pilihanraya 1969 itu. Akibat daripada itu maka Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak, sebagai asas kepada Rancangan Malaysia Kedua dan bertujuan untuk:

1. membasmi kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum.
2. Menyusun semula masyarakat bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang supaya dapat mengurangkan dan seterusnya menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.<sup>3</sup>

Dengan lahirnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) itu, maka mansuhlah dasar *laissez-faire* yang telah diamalkan sebelum ini. Dasar ini juga mempunyai objektif untuk mempertingkatkan penglibatan orang-orang Melayu/Bumiputera dalam saham sektor koprat ke tahap 30% pada 1990. Dengan itu juga kerajaan telah memainkan peranan yang sangat penting untuk melahirkan kelas menengah Melayu yang berkesan. Di bawah DEB ini juga beberapa agensi pembangunan telah diluluskan oleh Parlimen, bertujuan untuk memusatkan lagi rancangan-rancangan pembangunan itu. Di antara agensi-agensi tersebut ialah: 1) agensi untuk perkhidmatan awam, seperti Perkhidmatan Bekalan Air, Telekom, sistem penerbangan MAS, pembuangan sampah; 2) Badan-Badan Berkanun, seperti Malaysian Industrial Development Authority (MIDA), Tourism Development Corporation (TDC), Urban Development Authority (UDA), Petroliam Nasional Bhd., (Petronas), Muda Agricultural Development Authority (MADA), Malaysian Rubber Development Corporation (MARDEC) dan State Economic Development Corporations (SEDCs); 3) Syarikat-syarikat awam berhad, samada sebahagian atau sepenuhnya dipunyai oleh kerajaan, telah diwujudkan di bawah Akta Syarikat 1965. Di antara nya adalah seperti, Heavy Industries Corporation of Malaysia (HICOM), Peremba Bhd. dan Food Industries of Malaysia (FIMA). Selain daripada itu kerajaan juga telah menubuhkan

---

<sup>3</sup> Mohamad Idris, dll, op.cit., hal. 134.

beberapa agensi bagi pihak Bumiputra, seperti Perbadanan Nasional Bhd. (Pernas) dan Permodalan Nasional Bhd. (PNB) yang mempunyai subsidiari seperti Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputra. Ini tidak termasuk agensi-agensi untuk pembangunan getah seperti Rubber Industries Rubber Smallholding Authority (RISDA) dan kemajuan tanah dan wilayah seperti Federal Land Development Authority (FELDA).

Penglibatan kerajaan dalam pembangunan melalui agensi-agensi di atas telah menelan belanja yang semangkin meningkat. Contohnya, dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama, (1966-1970) kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 4.6 bilion; telah meningkat kepada RM 10.3 bilion untuk tempoh Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), dan menjadi RM 31.1 bilion bagi Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980); dan kira-kira RM 40 bilion bagi Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Akhirnya bagi Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) ia meningkat lagi kepada kira-kira RM 57.5 bilion.<sup>4</sup>

Kesan daripada dasar pembangunan ekonomi di atas kerajaan telah mengalihkan kepentingan pembangunan ekonomi kepada pemelbaagaian jenis keluaran dan tidak bertumpu semata-mata kepada pengeluaran bahan-bahan mentah sahaja. Industri pembuatan diberikan tumpuan sekarang dan kesannya ia telah mengubah sumbangan Keluaran Negara Kasar (KNK), seperti pertanian yang telah menyumbangkan 40% KNK pada 1960 telah turun peratusnya menjadi 16% sahaja pada 1993. Sumbangan sektor pembuatan sebaliknya telah meningkat daripada 9% pada 1960 menjadi 30% pada 1993.<sup>5</sup> Perubahan ini bukan sahaja terhad kepada peratus pengeluaran tetapi juga kepada peranan jenis buruh yang melibatkan diri di dalam sektor pembuatan ini. Untuk penjelasan lanjut, sila lihat jadual di bawah.

<sup>4</sup> Gomez & Jomo, op.cit., hal. 31.

<sup>5</sup> Ibid. hal 41.

Jadual 5 Semenanjung Malaysia. Peratus Orang Melayu dan Cina Sebagai Tenaga Buruh Dalam Sektor Pembuatan

Tahun	Melayu %	Cina %
1957	19.6	72.0
1970	28.9	65.2
1980	53.5	45.4

Sumber: T.G.McGee, et.al, 1986. *Industrialisation and Labour Force Processes. A Case Study of Peninsular Malaysia*. The Australian national University, hal.47.

Tren penglibatan buruh mengikut kaum berterusan dan nampaknya tujuan DEB untuk mengurangkan pengenalan pekerjaan mengikut garis perkauman sudah membawa kesan. Demikian juga di dalam penglibatan Bumiputera secara umum sebagai pemegang saham dalam projek-projek pembuatan, peratusnya telah meningkat juga. Ini adalah juga disebabkan oleh dasar pengswastaan yang dikenalkan oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohammad pada 1983 untuk mempertingkatkan pemodal-pemodal Bumiputera. Maka lahirlah Sports Toto (1985), Malaysian International Shipping Corporation Bhd., (MISC) (1987), Malaysian Airlines Bhd. (MAS), HICOM Holding Bhd., dan Petronas Dagangan Bhd., (1993). Kerajaan juga telah mula memberikan lesen kepada syarikat-syarikat Bumiputera seperti Sistem Televisyen Malaysia Bhd., TV3 (1983) dan Metro Vision (1994), Celcom dan Sapura Holding.<sup>6</sup>

Jadual 6 Malaysia: Penglibatan Pemilikan Saham Mengikut Kaum Dalam Sektor Pembuatan, 1975-1990 (Peratus)

Tahun	Bumiputera	Syarikat Awam	Bukan Bumiputera	Asing
1975	41.8	-	30.7	27.5
1980	40.4	-	26.7	32.9
1985	54.4	-	27.8	17.8
1990	16.4	3.5	15.7	64.3

Sumber: Diubahsuai dari Gomes & Jomo, op.cit, hal. 43.

Sedikit penjelasan perlu dibuat mengenai Jadual 6 di atas yang menunjukkan perubahan ketara di dalam penglibatan di kalangan Bumiputera, Bukan Bumiputera dan orang asing

<sup>6</sup> Gomes & Jomo, hal 81-82.

dalam sektor pembuatan. Semenjak 1975 sehingga tahun 1985 penglibatan Bumiputera terus meningkat kepada berbanding dengan penglibatan Bukan Bumiputera yang jarang melewati tahap 30%. Walau bagaimanapun mulai daripada tahun 1987 penglibatan Bumiputera dan Bukan Bumiputera telah menurun berbanding dengan penglibatan orang luar atau asing yang terus meningkat dan menguasai sektor ini sehingga tahun 1990. Ini adalah disebabkan oleh kemelesetan tahun 1980an dan kerajaan telah mengubah peratoran yang sebelum ini tidak membenarkan pelaburan asing melebihi 30%. Peratoran baru ini menarik minat banyak pelabur asing untuk mencebur sektor ini. Malah semenjak 1988 pelaburan dari Bukan Bumiputera pun dapat mengatasi peratus Bumiputera kerana peratoran yang dilonggarkan membenarkan mereka masuk bersaing, berbanding sebelum ini.

Semua perubahan di atas sebenarnya telah memberi kesan yang hebat kepada penduduk dan masyarakat Malaysia. Kita tidak boleh menafikan bahawa perkembangan ekonomi telah meningkatkan taraf kehidupan penduduk dan masyarakat, khususnya di kalangan Bumiputera. Jika digunakan anggaran rasmi kerajaan mengenai tahap kemiskinan penduduk, adalah telah dianggarkan bahawa ia telah menurun daripada 49% pada 1970 kepada 16% pada 1990. Ini jika ia diasaskan kepada garis kemiskinan iaitu, RM 33 sebulan.<sup>7</sup> Walaupun terdapat kontroversi mengenai anggaran ini, kita tidak dapat menafikan bahawa pembangunan ekonomi telah banyak mengubah corak kehidupan penduduk dan masyarakat. Pembangunan itu telah banyak menawarkan peluang pekerjaan dalam berbagai bidang. Dan disebabkan oleh permintaan buruh yang banyak di dalam semua sektor pembangunan, pembuatan, pertanian dan juga perkhidmatan secara besar-besaran, ia mengakibatkan kesan penghijrahan dan juga pembandaran.

---

<sup>7</sup> Sudhir Anand, 1982. *Inequality and Poverty in Malaysia*. New York Oxford University Press for the World Bank.

### III

#### Kesan Pembangunan Ekonomi: Penduduk, Penghijrahan dan Pembandaran

Walaupun pembangunan ekonomi membawa bayak kesan, kertas kerja ini akan hanya menumpukan perbincangan kepada tiga kesan yang saya anggap sangat penting berhubung dengan penduduk dan masyarakat. Pertama ialah tentang pertambahan jumlah penduduk, kedua proses penghijrahan yang telah mendorong kepada ketiga, iaitu, proses pembandaran. Justeru, ia mengakibatkan landskap petempatan dan gaya hidup yang akan berubah. Ramai orang kampong telah menjadi orang bandar, dan banyak kampong telah menjadi kampong yang lebih besar atau juga telah menjadi bandar baru, walaupun terdapat juga beberapa kampong yang telah menjadi lebih sepi. Ini semestinya telah mengubah corak kehidupan atau gaya hidup yang menakjubkan atau, kadangkala, mungkin mengelirukan.

Jumlah penduduk semestinya telah bertambah dengan pesatnya selepas 1957. Walau bagaimanapun corak pertambahan ini berbeza daripada sebelum 1957. Sebelum Perang Dunia Kedua pertambahan penduduk pada umumnya adalah disebabkan oleh penghijrahan masuk orang dari luar kesan daripada dasar ekonomi penjajahan. Tetapi setelah 1957, ia adalah disebabkan oleh nisbah kesuburan dan kejatuhan nisbah kematian. Nisbah kematian menurun disebabkan oleh perkembangan kemajuan dalam sektor kesihatan dan keadaan sosio-ekonomi yang lebih baik.<sup>8</sup> Nisbah kematian menurun daripada 19 per 1000 pada 1947 kepada 6 per 1000 pada 1977.<sup>9</sup> Kadar kematian ini terus menurun tahun demi tahun, dan ini menunjukkan juga tentang kemudaan purata umur bagi penduduknya, iaitu 40% adalah mereka yang berumur kurang daripada 15 tahun.<sup>10</sup> Pada umumnya jumlah penduduk dianggarkan akan bertambah daripada 15.8 juta pada

<sup>8</sup> Lim Lin Lean, 1983. *Population and Development: Theory and Empirical Evidence the Malaysian Case*. International Book Service, hal. 19-20.

<sup>9</sup> *Ibid.*, hal. 23.

<sup>10</sup> Datin Dr.Noor Laily Dato' Abu Bakar, dkk.,1982. *Facts and Figures. Malaysia National Population and Family Development Programme*. Jabatan Perdana Menteri. Lembaga Perancang Keluarga Malaysia, hal. 11.

1985 kepada 22.4 juta pada 2000 dan akan mencapai angka 27.5 juta pada 2010.<sup>11</sup> Keadaan ini bukan sahaja disebabkan oleh faktor-faktor dorongan yang disebabkan oleh keadaan sosio-ekonomi tetapi juga mungkin akan menjadi penyebab kepada keadaan sosio-ekonomi akan datang.

Jadual di bawah dapat menggambarkan keadaan pertambahan penduduk di Malaysia seperti yang telah dianggarkan oleh Rabbi Royan daripada Unit Perancangan Ekonomi:

Jadual 7 Saiz Anggaran Penduduk (000), Taburan dan Perkembangan Mengikut Kawasan, 1985-2010, Malaysia.

Tahun	Semenanjung	Sabah	Sarawak	Malaysia
1985	12,965.8 (82.1%)	1,279.5 (8.1%)	1,542.7 (9.8%)	15,787.9 (100%)
1990	14,589.2 (81.7%)	1,517.6 (8.5%)	1,754.2 (9.8%)	17,860.9 (100%)
2000	18,116.1 (80.8%)	2,068.0 (9.2%)	2,243.4 (10.0%)	22,427.4 (100%)
2010	21,917.9 (79.8%)	2,732.1 (9.9%)	2,817.3 (10.3%)	27,467.3 (100%)

Purata Nisbah Perkembangan (%)

1985-90	2.4	3.4	2.6	2.5
1990-00	2.2	3.1	2.5	2.3

Sumber: Rabbi Royan, "Projected Population Trends: Some Socio-economic Implications", hal. 107.

Kepesatan bilangan penduduk dan penurunan kadar kematian yang menggalakkan, adalah juga kesan daripada dasar perkembangan kesihatan yang lebih menunjukkan kepada ciri-ciri fenomena pembangunan sebuah negara yang maju dan bukan sebuah negara yang membangun. Pandangan ini diasaskan kepada pertunjuk daripada ciri-ciri yang digunakan sebagai sebab kemasukan ke hospital kerajaan.<sup>12</sup> Di antara yang dominan adalah yang disebabkan oleh kemalangan jalanraya, masalah sakit jantung, keadaan rumah tangga, dan berkurangnya penyakit-penyakit berjangkit. Tidaklah dapat dinafikan

<sup>11</sup> Rabbi Royan, 1989. "Projected Population Trends; Some Socio-economic Implications" kertas kerja untuk Seminar Changing Malaysian Society and Economy: The Role of Population. 24-26 November 1987. Kuala Lumpur, Population Studies Unit, Faculty of Economics and Administration University of Malaya, hal. 106.

bahawa sebab-sebab tersebut adalah kerana bertambahnya pendapatan penduduk yang mampu untuk memiliki kenderaan bermotor, kesesakan jalan raya khususnya di kawasan-kawasan bandar dan yang menuju ke bandar-bandar; tekanan mental dan fizikal disebabkan oleh tekanan keadaan hidup yang lebih mendesak, dan cabaran-cabaran baru ke atas unit-unit keluarga dan juga keadaan hidup yang amat memerlukan daya saing yang tiada kesudahan. Inilah yang dikatakan sebagai fenomena negara maju. Penduduk yang puratanya berumur kurang daripada 15 tahun menghendaki pendidikan yang baik untuk menyediakan diri masing-masing di dalam masyarakat yang sentiasa mencabar. Orang dewasa perlu bersaing untuk mendapatkan status sosio-ekonomi yang lebih tinggi. Semua ini boleh menjadi punca masalah-masalah kesihatan yang dikatakan di atas.

Pertambahan penduduk bermakna bernambahnya juga tenaga pekerja di pasaran. Sebahagian besar daripada mereka adalah orang-orang yang baru meninggalkan persekolahan. Setiap tahun ia bertambah kira-kira 3% , atau, beberapa juta orang bagi setiap lima tahun. Mereka perlu ditampung dengan berbagai jenis pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Mereka perlu disediakan dengan kepesatan perkembangan ekonomi. Tugas ini dirancangkan oleh beberapa agensi kerajaan, seperti Modernization, Administration and Manpower Planning Unit (MAMPU) dan juga Economic Planning Unit (EPU). Kedua-duanya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana kepesatan perkembangan ekonomi negara, Malaysia telah dapat menampung tenaga pekerja ini sebanyak 4.1% setiap tahun, atau jumlah pekerjaan hampir 2 juta jenis.<sup>13</sup> Sebilangan besar daripada penduduk sendiri lebih suka bekerja di bandar-bandar dan dalam jenis pekerjaan yang besesuaian dengan kelayakan mereka. Ini telah menyebabkan sektor pertanian banyak ditinggalkan. Demikian juga pekerjaan di peringkat bawahan dalam sektor perindustrian telah tidak dapat diisi. Kesannya ialah pengimportan buruh-buruh asing.<sup>14</sup> Ini telah menyebabkan keadaan sosio-ekonomi yang berbeza pula.

---

<sup>12</sup> Datin Dr. Noor Laily Dato' Abu Bakar, op.cit., hal. 58.

<sup>13</sup> *Ibid.*, hal. 61.

<sup>14</sup> Lihat, Anja Rudnick, 1996. *Foreign Labour in Malaysian Manufacturing. Bangladeshi Workers in the Textile Industry*. Kuala Lumpur, INSAN. Sumber-sumber tidak resmi melaporkan pada 1994, 60% daripada buruh ladang terdiri daripada buruh asing. Pada 1991 telah dilaporkan 70% daripada tenaga buruh dalam sektor binaan adalah buruh asing, hal. 40.

Rebutan di kalangan penduduk sendiri untuk mendapatkan peluang pekerjaan di bandar-bandar yang selaras berkembang dengan kepesatan pembangunan ekonomi itu telah menyebabkan fenomena penghijrahan dan pemberandalan yang juga pesat.

Proses penghijrahan bukan merupakan fenomena baru. Manusia berhijrah dari satu tempat ke satu tempat, dari satu negeri ke satu negeri, dari satu negara ke satu negara, semenjak sejarah manusia dicatatkan. Walau bagaimanapun dalam sejarah Malaysia, penghijrahan yang paling pesat dialami adalah semasa pemerintahan British. Akibat dasar ekonomi mereka, ratusan ribu orang India, Cina dan orang-orang dari kepulauan Melayu, telah berhijrah masuk ke Semenanjung. Sabah dan Sarawak juga mengalami fenomena yang sama tetapi bilangan yang terlibat tidak sebesar dan sepesat yang berlaku di Semenanjung. Namun kesannya hampir sama, iaitu kemunculan masyarakat berbilang kaum yang amat ketara. Setelah tamatnya pendudukan Jepun dan British kembali semula, Dharurat pula diisyiharkan di Tanah Melayu akibat rusuhan Komunis. Dan ribuan penduduk yang tinggal di pinggiran hutan telah dipindahkan ke Kampung-Kampung Baru di bawah Rancangan Briggs kerana sebab-sebab keselamatan. Pada 1959 seramai 763,600 orang telah ditempatkan di 559 buah Kampung Baru.<sup>15</sup> Setelah kemerdekaan, penghijrahan dilakukan oleh penduduk Malaysia sendiri, dari kampong ke bandar, dari bandar ke bandar dan dari kampong ke kampong, ataupun sebaliknya. Proses ini semestinya juga disebabkan oleh kepentingan ekonomi masing-masing, walaupun penghijrahan boleh juga disebabkan oleh sebab-sebab lain yang bukan kerana ekonomi, seperti kerana keluarga atau lain-lain. Pada umumnya, di Semenanjung sahaja, perubahan corak kependudukan yang disebabkan oleh penghijrahan dalaman telah bertambah sebanyak 85% pada 1970 berbanding dengan peratus penghijrahan dalaman pada 1957, sedangkan pertambahan bilangan penduduk keseluruhannya bertambah sebanyak 40%.<sup>16</sup>

<sup>15</sup> Lim Lin Lean, 1983. *Population and Development: Theory and Empirical Evidence the Malaysian Case*, hal. 162.

<sup>16</sup> J.Pryor, 1979. *Migration and Development in South-East Asia. A Demographic Perspective*. Kuala Lumpur, Oxford University Press, hal. 84

Dalam proses perpindahan yang baru ini, Selangor dan Pahang menjadi salah sebuah negeri di Malaysia yang menerima pertambahan penduduk dengan pesat. Kebanyakan penghijrahan berlaku dari negeri-negeri lain, terutama dari Perak, Terengganu, Melaka dan Kelantan. Selangor, khususnya bandar Kuala Lumpur, merupakan pusat pentadbiran dan perindustrian yang baru. Peratus jumlah penduduk dalam pusat-pusat bandar-bandar termasuk Kuala Lumpur, telah meningkat sebanyak 3.2% setiap tahun berbanding dengan 2.4% di kawasan luar bandar, dan 2.6% di seluruh Malaysia.<sup>17</sup> Pahang pula yang telah membuka ratusan ribu hektar tanah kerana rancangan pertanian di bawah FELDA juga mengalami pertambahan penduduk yang pesat. Kawasan Tigasegi Jengka adalah seluas 122,000 hektar dan kawasan Pahang Tenggara adalah seluas 1 juta hektar. Pada 1971 seramai 145,000 orang atau 21,500 unit keluarga telah berpindah ke kawasan-kawasan ini di bawah rancangan tersebut.<sup>18</sup>

Perpindahan di atas membawa kesan yang berbeza. Perpindahan ke bandar-bandar telah mengakibatkan kesesakan dari segi perumahan, perpindahan ke kawasan rancangan pertanian seperti FELDA telah melahirkan bandar-bandar baru. Perpindahan ke bandar-bandar adalah bebas dan tidak terhad, tetapi perpindahan ke kawasan rancangan pertanian hanya melibatkan orang-orang yang dipilih sahaja. Dari segi kesan, berkemungkinan jenisnya adalah sama, khususnya dalam bentuk sosio-ekonomi, tetapi dari segi impaknya adalah berbeza. Dalam hal perumahan, contohnya, kawasan-kawasan bandar yang terbuka itu mengalami lebih banyak masalah, khususnya dari segi perumahan. Contohnya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang merupakan kawasan yang paling pesat mengalami proses pembandaran ini. Pada 1991, negeri Selangor dan Pulau Pinang mengalami tahap pembandaran yang paling tinggi, iaitu masing-masing pada tahap 75.3% dan 75.0%.<sup>19</sup> Di antara negeri-negeri yang lambat proses pembandarannya ialah Kedah, Pahang, Sabah, Perlis dan Kelantan. Di antara bandar-bandar yang paling pesat berkembang pula, selain daripada Kuala Lumpur, ialah

<sup>17</sup> *Ibid.*, hal. 95.

<sup>18</sup> *Ibia.*, hal. 87.

<sup>19</sup> Morshid & Sirat, et al, 1999. *Low-Cost Housing In Urban-Industrial Centres Of Malaysia. Issues and Challenges*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, hal.32.

Johore Bahru, Klang, Petaling Jaya, Georgetown, Ampang, Selayang Baru dan Bukit Mertajam.

Jadual 8 Pembandaran di Malaysia, 1911-1991 (Penduduk Bandar Lebih 10,000 orang)

Negeri	Jumlah Pendu- duk1991 (000)	Pendu- duk bandar 10,000 lebih	Peratus Penduduk (10,000 dan Lebih)							
			1911	1921	1931	1947	1957/ 1960	1970	1980	1991
Penang/Seberang Prai	1065	799	37.3	41.8	47.7	52.9	56.7	50.9	47.3	75.0
Selangor	2289	1723	15.9	23.0	24.8	32.7	43.0	45.4	34.6	75.3
JB	2074	992	-	10.1	10.9	15.4	21.8	26.2	35.3	47.8
W.P.Kuala Lumpur	1145	1145	-	-	-	-	-	-	100.0	100.0
Semenanjung	14128	4162	10.7	14.0	15.1	15.9	16.3	28.8	37.4	54.4
Malayna	17567	8896	-	-	-	-	-	26.7	34.2	50.6

Sumber: Usman 1989. *Department of Statistics, Malaysia* 1992, dipetik dari Morshidi Sirat, 1999, hal. 33.

Jika diteliti jadual di atas kita akan dapat hampir setiap kawasan yang disebutkan di atas telah melonjak jumlah penduduknya kira-kira lima kali ganda dibandingkan dengan jumlah penduduk pada 1911. Kecuali Pulau Pinang yang pertambahannya adalah kira-kira dua kali ganda sahaja. Ini adalah disebabkan di zaman British Pulau Pinang merupakan pelabuhan eksport/import yang penting bagi ekonomi mereka dan perkembangan pembandaran di situ telah bermula lebih awal dari kawasan-kawasan lain yang lebih merupakan kawasan pengeluar bahan mentah getah dan bijih timah dan bukan pusat bandar. Kita juga dapat perhatikan bahawa perkembangan perbandaran melonjak selepas Kemerdekaan, tetapi lebih ketara selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan.

Memang tidak dapat disangkal proses pembandaran akibat daripada kepesatan perkembangan ekonomi, akan mengakibatkan pula beberapa isu lain yang amat penting. Di antaranya ialah isu penyediaan perasaran yang cukup dan menasabah, yang kedua penghijrahan ke bandar telah meninggalkan kawasan perkampungan atau luar bandar semakin sepi.

Perasaran asas bagi setiap penduduk ialah, rumah sebagai tempat tinggal, pendidikan, kemudahan kesihatan dan makanan. Ini merupakan hak asasi bagi setiap orang. Walau bagaimanapun kertas kerja ini semata-mata akan membincangkan tentang isu pertama,

iaitu isu perumahan di kawasan-kawasan bandar. Ini bukan bererti bahawa perkara-perkara yang lain kurang mustahak. Saya hanya memilih untuk membincangkan isu ini di sini kerana ia merupakan perasaran asas. Kekurangan tempat tinggal akan membawa kesan yang buruk kepada masyarakat, walau bagaimana majunya ia di dalam ekonomi. Adanya tempat tinggal jika tidak sesuai juga akan membawa kepada beberapa masalah yang lain. Contohnya, jika satu unit keluarga 5 orang hanya mempunyai tempat tinggal dengan dua buah bilik tidur sahaja, akan mengakibatkan kesihatan fizikal, psikologikal dan mental penghuninya kurang sihat. Walau bagaimanapun untuk mendapatkan sebuah tempat tinggal yang lebih luas dan selesa menghendaki kos yang jauh lebih tinggi, yang kebanyakannya penduduk di bandar tidak mampu mengadakannya. Akibatnya wujudlah perkampungan setinggan yang menjadi ciri tetap hampir semua kawasan perbandaran yang pesat membangun di seluruh Asia Tenggara ini. Kuala Lumpur, Johore Bharu, Pulau Pinang tidaklah terasing. Memang sudah menjadi lumrahnya, sebuah kawasan setinggan dibina secara tidak teratur dan tidak mempunyai kemudahan asas yang sempurna. Masalah kesihatan dan sosial mengikuti pengwujudan petempatan-petempatan seperti ini. Ini bukan bererti bahawa kawasan-kawasan bukan setinggan tidak menghadapi masalah yang sama, tetapi kita tidak dapat menafikan bahawa tekanan mental dan fizikal ke atas penduduk di kawasan ini adalah lebih hebat. Kerana dari segi geografinya sahaja jurang keselesaan di antara kawasan setinggan dan kawasan perumahan yang ditadbirkan secara teratur adalah luas. Oleh itu secara langsung kepesatan perkembangan ekonomi juga melahirkan jurang-jurang seperti ini di dalam masyarakat. Jika isu ini tidak diselesaikan, nescaya ia akan memuncak menjadi isu sosio-ekonomi yang memincangkan.

Selain dari kewujudan kawasan-kawasan setinggan ini ialah kekurangan tempat-tempat tinggal bagi ramai pekerja dalam kawasan-kawasan perindustrian yang berhijrah dari tempat-tempat lain. Beberapa kajian menunjukkan, walaupun ramai mereka tidak tinggal di kawasan setinggan, tetapi mereka tinggal di kawasan-kawasan perumahan yang betul tetapi memuatkan bilangan penghuni yang terlalu ramai dalam sebuah rumah. Walaupun hal mungkin dapat mengurangkan kos bagi penghuninya, tetapi dari segi per-

kemanusiaannya ini adalah sesuatu yang tidak wajar. Ia juga akan menjelaskan keselesaan kesihatan dan perkembangan sosial.

Memandangkan kepada kepentingan tempat tinggal bagi penduduk-penduduk, kerajaan telah memainkan peranan dalam proses untuk mengadakan perasarana ini mulai dari 1961.<sup>20</sup> Walau bagaimanapun peranan ini semakin lama semakin dikongsi dengan sektor swasta. Oleh kerana permintaannya sangat mendesak, dan peruntukan kewangannya kurang, didapati sasaran untuk mewujudkan unit perumahan ini jauh dari jangkaannya.<sup>21</sup> Contohnya, di antara 1986 dan 1990, sasaran kerajaan adalah untuk membina 552,500 unit. Namun di akhir 1990 hanya 36.9% dilaporkan selesai. Ini menjadi lebih runcing apabila peruntukan kerajaan untuk tujuan ini semakin menurun. Ini tidak pula bermaksud bahawa sektor ini tidak mempunyai peruntukan langsung, kerana beberapa buah badan berkanun telah diberi mandat untuk memenuhi sebahagian daripada peranan tersebut. Di antaranya ialah Urban Development Authority (UDA) dan juga agensi-agensi kerajaan Negeri seperti State Economic Development Authorities (SEDCs). Namun kita tidak boleh menafikan juga bahawa peruntukan ke arah ini secara perbandingan masih sangat kecil. Jadual di bawah dapat menunjukkan keadaan demikian.

Jadual 9 Perbelanjaan Kerajaan Pusat Untuk Pembangunan Mengikut Sektor

	1992 (RM juta)	1995 (RM juta)	1997 (RM juta)
Keselamatan	2012	5460	6342
Perkhidmatan Masyarakat	2972	11,514	14532
Perumahan	171	86	112
Perkhidmatan Ekonomi	5579	2892	4048
Pentadbitan Am	459	3863	5098
Jumlah	11022	23729	41713

Sumber: Morshidi Sirat, et al, op.cit. hal 40.

<sup>20</sup> S.H.Tan, 1983. "Low-Cost housing In Malaysia: a review of public sector involvement" dlm. Y.M.Yeung, ed. *A Place To Live: more effective low-cost housing in Asia*. dlm. Morshidi Sirat, et.al., op.cit. hal.39

<sup>21</sup> Ahmad Zaki Yahya, 1997."Low-cost housing: the Government viewpoint". Dlm Cagamas Bhd. *Housing the Nation. A Definitive Study*. dlm. Morshidi Sirat, hal.41.

Kekurangan tempat tinggal yang sesuai memanglah menjadi masalah. Tetapi keadaan perumahan yang sedia ada juga kadang-kadang merupakan masalah. Tempat tinggal yang sempit, kawasan yang kurang bersih, kekurangan atau kedhaifan keadaan perasarana lain, seperti ketiadaan tempat membasuh dan mengeringkan pakaian yang sesuai, *elevator* (bagi perumahan yang bertingkat tinggi) dan kemudahan asas sosial, seperti ruang untuk berehat, bermain, dan belajar yang umum yang boleh digunakan oleh semua orang. Tetapi apa yang mungkin lebih dhaif di kalangan penghuni bandar secara umumnya adalah kurangnya semangat ‘kekitaan’, iaitu semangat bahawa tempat perumahannya adalah ‘kampungnya’ dan semua penghuni adalah orang ‘kita’, tidak kira sama ada mereka dari keturunan apa. Ini dapat dibuktikan dari kebiasaan orang bandar yang masing-masing bergegas dan bersesak untuk ‘balik kampong’ pada setiap hari perayaan, walau apapun jenis perayaan.

Seperti yang telah dinyatakan di awal kertas kerja di atas, ramai penghuni bandar sekarang memanglah berasal dari kawasan yang lain. Ini bermakna ramai penduduk merupakan ‘orang baru’ dalam kawasan perumahannya. Jika mereka datang dari kawasan kampong yang mengikut tradisinya, terdiri dari saudara mara jauh ataupun dekat, suasana persaudaraan itu sudah terjalin. Di kawasan yang baru ini suasana sedemikian harus diwujudkan sendiri. Namun dalam suasana perumahan yang agak sesak dan setiap penghuni mempunyai obligasi tersendiri yang dikaitkan dengan pekerjaan mahupun keluarga, peluang untuk membina suasana ‘kekitaan’ ini agak merumitkan.

Justeru, saya akan menyarankan beberapa cadangan untuk mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia dalam sebuah kawasan perumahan yang mungkin dapat melahirkan suasana ‘kekitaan’ itu. Selain dari itu ia mungkin juga akan dapat mengurangkan beban keluarga bandar yang tinggal di dalam kawasan-kawasan perumahan seperti ini, iaitu, setiap kawasan perumahan yang mempunyai jumlah penduduk melebihi 50 unit keluarga, atau sekurang-kurangnya 200 orang penghuni haruslah mempunyai organisasi-organisasi sokongan tertentu seperti sebuah tadika, nursery, perpustakaan, dan kawasan permainan/rekreasi untuk kanak-kanak dan juga orang dewasa sebagai tambahan kepada

tempat-tempat kegunaan umum yang biasanya sudah ada, seperti surau dan dewan pelbagai guna. Tempat-tempat yang saya cadangkan itu hendaklah diurus oleh orang-orang secara tetap, walaupun perlu ditadbirkan oleh penghuni-penghuni sendiri. Ia mungkin dijadikan sebahagian penting kepada agenda persatuan penghuni-penghuni untuk memastikan bahawa tempat-tempat itu berfungsi dengan baik dan teratur. Satu perancangan yang teliti patut difikirkan bagi menjayakannya. Kejayaan ini dapat melahirkan kawasan-kawasan perumahan yang teratur dan bersuasana kekeluargaan dan muhibbah.

Jika unit-unit sokongan tadi, ditadbirkan oleh penghuni itu sendiri, ia akan dapat melahirkan rasa bangga kepada masyarakat kawasan perumahannya. Contohnya, seorang suri rumah tangga yang tidak bekerja di luar tetapi berkeupayaan untuk menjadi orang yang bertanggung jawab, mengikut giliran atau jadual, menguruskan nursery. Orang lain pula yang mempunyai pengalaman dan berkebolehan dapat menguruskan perpustakaan, atau tempat rekreasi dan sebagainya. Mungkin anak-anak yang lebih dewasa boleh dipertanggung jawabkan untuk membuat giliran bertugas di mana-mana yang sesuai dan tidak membebangkan. Dengan kerjasama dan bantuan dari syarikat-syarikat tertentu mungkin sebuah bilik *Information and Technology* (IT) dapat ditubuhkan. Di Pulau Pinang, Syarikat Intel membantu sebuah kawasan perumahan berdekatan dengan memberikan alat-alat IT serta memberikan tunjuk ajar sebagai bantuan mereka kepada masyarakat. Cadangan di atas adalah untuk memberi makna kepada perjuangan Kemerdekaan kita untuk mewujudkan satu komuniti berbilang kaum yang berharmoni dan bertanggung jawab. Oleh kerana tren pembangunan kita di zaman ini adalah merujuk lebih ke arah proses pembandaran, saya fikir sebuah kawasan perumahan di dalam bandar patut dirancang dengan teliti supaya ia boleh menjadi sebuah kawasan petempatan contoh yang ideal. Ia juga bertujuan untuk mewujudkan suasana ‘kekitaan’ yang mantap dan bermakna.

### Pengisian dan Penghayatan Kemerdekaan

Dari segi material, khususnya dalam ekonomi, saya fikir Malaysia sudah boleh berbangga dengan banyak jenis pencapaian. Kalau kita bandingkan keadaan ekonomi kita dengan ekonomi dua generasi penduduk yang lalu, memang jelas kita telah jauh berbeza dari mereka. Tetapi ini tidak bermaksud pencapaian kita sudah sempurna. Kita tidak harus mendabik dada dengan kepuasan bahawa perjuangan kita telah selesai. Walaupun ramai telah mengalami perubahan ekonomi yang positif, tetapi masih ada juga yang tercicir di belakang. Ini memanglah kebiasaan dalam kehidupan. Namun di dalam mengejar pembangunan ekonomi (material), hidup tidak akan sempurna tanpa pengisian kerohanian dan tanggung jawab. Kemerdekaan ini hanya akan dapat dihayati dengan penuh makna jika yang tercicir tadi bilangannya tidak akan menjadi lebih besar, dan jika kita menoleh mereka sepatutnya tidak dibenarkan berada terlalu jauh di belakang. Kerana jika jurang di antara yang maju dan kurang maju itu tidak dapat dirapatkan, Kemerdekaan kita selama 43 tahun dan seterusnya tidak mungkin dapat diisi dan dihayati.

**Ekonomi Luar Bandar dan Pertanian**

oleh  
**Dato' Rahmah Hj. Kassim**

**Sesi 4 Trek 1**

**PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN**  
***Ekonomi Luar Bandar dan Pertanian***

- 1.0 Pendahuluan (*erti kemerdekaan yang dikaitkan dengan pembangunan ekonomi luar bandar*)
- 1.1 Kemerdekaan yang dicapai oleh Malaysia pada 31 Ogos 1957 telah membawa titik tolak perubahan besar di dalam pembangunan negara khasnya pembangunan di luar bandar.
- 1.2 Di zaman sebelum merdeka, luar bandar sering dikaitkan dengan perkataan "kampung", yang relevan dengan kedaifan, keadaan kemudahan asas yang jauh dari lengkap dan mencukupi serta lingkaran kemiskinan yang besar dan kuat.
- 1.3 Hanya setelah merdeka, barulah pembangunan luar bandar diberi perhatian yang sewajarnya. Bermula di zaman pemerintahan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra kemudiannya disambung dengan Allahyarham Tun Abdul Razak, yang begitu gigih membangunkan luar bandar sehingga beliau digelar "Bapa Pembangunan". Usaha-usaha ini terus menjadi agenda pembangunan Kerajaan dan disambung oleh generasi pemimpin seterusnya iaitu

Allahyarham Tun Hussein Onn dan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB, 1970-1990) dan Dasar Pembangunan Negara (DPN, 1991-2000), yang berteraskan penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan.

**2.0 Pembangunan Ekonomi Luar Bandar Semasa Pra Kemerdekaan**  
*(usaha dan langkah-langkah yang dilaksanakan semasa era penjajahan British)*

- 2.1 Semasa era penjajahan British, pembangunan negara lebih terfokus kepada kawasan-kawasan yang signifikan dan berkepentingan ekonomi kepada penjajah. Kemudahan infrastruktur yang memacu ekonomi seperti jalanraya, jalan keretapi, bekalan kuasa dan bekalan air bersih hanya tertumpu di kawasan-kawasan pelabuhan, estet-estet getah dan juga di kawasan perlombongan (bijih timah).
  
- 2.2 Dengan kata lain, pembangunan semasa era penjajahan hanya tertumpu di kawasan-kawasan bandar, perlabuhan dan kawasan-kawasan yang kaya dengan sumber pertanian (getah) dan sumber galian (bijih timah).

- 2.3 Situasi pembangunan luar bandar semasa ini adalah sepetimana yang digambarkan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad:-

*"Ketika itu kita dicengkam kemiskinan. Sikap masyarakat kampung dikatakan tidak positif, tidak berminat bekerja kuat dan mudah berpuashati dengan apa yang ada semata-mata. Ini adalah kesan corak pentadbiran yang hanya mengutamakan kepentingan mereka (British) dalam mengeksplorasi sumber negara tanpa mempedulikan kepentingan penduduk".*

*(petikan ucapan sempena Hari Perhimpunan Desa wawasan, Jengka, Pahang, 28 November 1994)*

- 2.4 Menjelang tahun-tahun mencapai kemerdekaan (bermula 1950 an), ekonomi luar bandar mula diberi perhatian. Dalam Rancangan Malaya Pertama (First Malaya Five Year Plan, 1956-1960), pemajuan pembangunan ekonomi luar bandar dibuat dengan membangunkan sektor pertanian. Sejumlah 23.6% daripada beianjawanan negara sebanyak RM1.0 billion telah diperuntukkan bagi membangunkan sektor pertanian ini.
- 2.5 Pembangunan yang giat di dalam sektor pertanian ini telah melibatkan penerokaan dan pembukaan tanah-tanah perladangan di kawasan-kawasan hutan-hutan dara di

Malaysia. Pada tahun 1956, Federal Land Development Authority (FELDA) telah ditubuhkan bagi menjana dan merealisasikan pembangunan sektor pertanian ini.

- 2.6 Menjelang tahun 1960, FELDA telah berjaya membuka dan membangunkan seluas 30,000 ekar tanah pertanian. Daripada jumlah ini, seluas 15,000 ekar telah ditanam dengan tanaman getah yang membabitkan seramai 3,500 keluarga.
- 3.0 Perancangan dan Pelaksanaan Pembangunan Ekonomi Luar bandar Di Peringkat Awal Kemerdekaan (*tumpuan usaha-usaha pembangunan ekonomi luar bandar bagi jangka pendek, jangka petengahan dan jangka panjang*)
- 3.1 Perancangan dan pelaksanaan pembangunan ekonomi luar bandar Malaysia, jika dinilai mengikut trend ianya seperti pergerakan "waves" yang diutarakan oleh Alvin Toffler iaitu bermula dengan *Gelombang Pertama yang membabitkan Revolusi Pertanian* dan kemudiannya diikuti dengan *Gelombang Kedua yang membabitkan Revolusi Industri*.
- 3.2 Di peringkat awal penjanaan ekonomi luar bandar ini, penekanan lebih tertumpu dengan pembangunan sektor pertanian secara produktif. Ianya dikenal sebagai "First

"Rural Development Transformation" yang membabitkan pelaksanaan dasar dan mekanisma seperti berikut:-

- (a) RED Book (Rural Economic Development);
  - (b) Operations Room Technique; dan
  - (c) Coordinating Mechanism (Action Councils) di peringkat Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri, Daerah dan Kampung;
- 3.3 Di dalam Rancangan Malaya Kedua (Second Malaya Five Year Plan, 1961-1965, memperlihatkan perancangan Kerajaan bagi pembangunan ekonomi luar bandar menekankan kepada pembangunan infrastruktur luar bandar dan pengujudan peluang-peluang perkerjaan bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar. Pembangunan sektor pertanian masih merupakan agenda pembangunan negara yang utama di dalam menjana peningkatan ekonomi di kawasan luar bandar.
- 3.4 Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM270 juta bagi menjana pembangunan sektor pertanian dan pembangunan infrastruktur luar bandar. Dengan peruntukan sebegini besar, Kerajaan melalui FELDA telah berjaya membuka tanah pertanian dan penempatan baru seluas 145,000 ekar dengan melibatkan 12,000 keluarga. Usaha-usaha ini telah memberi

impak yang positif di dalam penjanaan ekonomi luar bandar, di mana sejumlah 45,000 hingga 50,000 peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk luar bandar.

3.5 Semasa Rancangan Malaya Kedua ini juga, beberapa institusi telah ditubuhkan khasnya bagi memacu pembangunan ekonomi luar bandar. Institusi tersebut ialah:-

- (a) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar bandar (1960);
- (b) FAMA (1965); dan
- (c) Bank Bumiputra (1965)

4.0 Perancangan dan Pelaksanaan Pembangunan Ekonomi Luar Bandar Di Alaf Baru (*tumpuan kepada usaha menangani isu/cabaran globalisasi serta kedaulatan negara*)

4.1 Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sentiasa sensitif kepada kehendak dan perkembangan semasa yang memperngaruhi kehidupan masyarakat luar bandar. Untuk itu, Kementerian terus mengkaji arah tuju luar bandar selaras dengan dasar dan strategi pembangunan negara.

- 4.2 Sejak merdeka sehingga awal 1990-an luar bandar telah melalui apa yang dikatakan Transformasi Pertama Luar Bandar. Banyak kemajuan telah dilihat khusus pembinaan infrastruktur asas, utiliti dan pembangunan aktiviti ekonomi khususnya pertanian.
- 4.3 Walau bagaimanapun, memandangkan pembangunan negara khususnya di bandar bergerak tersangat pesat dan tidak seiring dengan pembangunan luar bandar, maka terdapat jurang perbezaan antara bandar dengan luar bandar. Dalam usaha mengurangkan jurang perbezaan ini pembangunan luar bandar terus diperhebatkan di bawah Transformasi Kedua pembangunan luar bandar yang berlandaskan kepada **Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar (FSBPLB)** yang telah diluluskan oleh Kerajaan.
- 4.4 FSBPLB memberi penekanan kepada pembangunan manusia di samping meneruskan pembangunan fizikal melalui 7 inisiatif, iaitu:-
- (a) pembangunan individu cemerlang;
  - (b) pembangunan keluarga sejahtera;

- (c) pembangunan masyarakat beridentiti dan berdaya tahan;
- (d) pembangunan ekonomi mapan;
- (e) pembangunan prasarana berkualiti;
- (f) pembangunan mekanisme penyampaian berkesan; dan
- (g) penyediaan kerangka kerja institusi yang responsif kepada perubahan.

4.5 Antara cabaran-cabaran yang perlu diharungi di alaf baru yang memberi kesan kepada masyarakat luar bandar ialah:-

- (a) Pengaruh pasaran tanpa sempadan (yang menuntut kepada usaha meningkatkan pengetahuan dan mutu barang, meningkatkan kemahiran melalui latihan dan kursus berdikari, jatidiri).
- (b) Kemajuan IT ('E-ekonomi', 'E-dagang', 'E-komuniti' yang menuntut kepada penggunaan komputer dan internet dalam perniagaan, 'paperless marketing', peningkatan pengetahuan dan kemahiran ilmu komputer).

4.6 Menyedari cabaran-cabaran getir globalisasi ini, arah hala penumpuan pembangunan luar bandar kini menjurus kepada bidang-bidang berikut:-

- (a) Pembangunan insan di dalam menyediakan masyarakat luar bandar dengan skil-skil terkini khasnya di dalam bidang IT;
- (b) Pembangunan ekonomi luar bandar ke arah komersil dan berteknologi tinggi;
- (c) Pembangunan infrastruktur yang berkualiti khasnya di dalam bidang telekomunikasi; dan
- (d) Penggalakan pembangunan industri luar bandar dengan memperlengkap industri-industri ini dengan kemudahan prasarana dan peralatan terkini serta mempunyai mekanisma pemasaran dan jualan ke arah E-Dagang.

4.7 Dasar dan Strategi Pembangunan Bandar Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe8) bagi membawa dan menjana pembangunan luar bandar di alaf baru adalah seperti berikut:-

- (a) *Tumpuan kepada Pembangunan Manusia berobjektif meningkatkan kemahiran, berfikiran positif dan meminimumkan gejala sosial. Antaranya melalui:-*
- (i) Pembentukan dasar pendidikan non-formal yang jelas matlamatnya dan pelaksanaan yang lebih terancang dan bersepadu;
  - (ii) Memperluas dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan;
  - (iii) Meningkatkan kemudahan (termasuk memiliki bangunan sendiri), kewangan, tenaga kerja dan kepakaran;
  - (iv) Penekanan kepada usaha-usaha menangani gejala sosial; dan
  - (v) Memperhebatkan Gerakan Desa Wawasan (GDW) sebagai satu gerakan pengupayaan masyarakat desa.
- (b) *Tumpuan kepada Pembangunan Ekonomi Desa dengan objektif menyusun semula struktur ekonomi desa supaya tidak dikaitkan dengan pertanian tradisional tetapi mampu menerapkan aktiviti pertanian moden, pembuatan dan perkhidmatan. Antaranya melalui:-*
- (i) Aktiviti pertanian secara komersil dan agro-business;
  - (ii) Meningkatkan produk dan aktiviti pelancongan;
  - (iii) Penglibatan pengusaha desa dalam sub-kontrak kepada industri besar;
  - (iv) Insentif khas sebagai galakan pemindahan industri ke desa;

- (v) Kajian pemasaran;
- (vi) Program galakan dan skim pembiayaan;
- (vii) Satu kampung satu produk (1 KIP); dan
- (viii) Peningkatan pengeluaran makanan.

**(c) *Strategi Pembangunan Wilayah***

- (i) Pernbangunan Wilayah mundur dengan penekanan kepada:
  - Pembangunan ekonomi;
  - Pembangunan kampung-kampung tradisi;
  - Pembangunan usahawan desa di LKW;
  - Peningkatan kemudahan dan infrastruktur serta pembangunan bandar-bandar baru;
  - Bergerak ke arah blaya diri; dan
  - Pembubaran melalui pengkorporatan.
- (ii) Bekerjasama antara Kerajaan Pusat-Kerajaan Negeri.
- (iii) Pendekatan Integrated Rural Development Project (IRDP) di Sabah dan Sarawak
- (iv) Pembangunan kawasan secara bersepadu bagi kampung terpencil di Semenanjung

**(d) *Strategi Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur dengan objektif bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup tetapi merangsang pembangunan ekonomi komersil dan perkembangan teknologi maklumat (IT). Antaranya:***

- (i) Memperkenalkan Telekomunikasi luar bandar - program baru bawah RMKe8;
- (ii) Ameniti sosial - agenda baru;

- (iii) Mengkaji semula konsep payung (kesaksamaan agihan dan kecekapan pelaksanaan); dan
  - (iv) Mempertingkatkan tifputan dan kualiti BALB, BELB, PJK dan JALB.
- (e) *Strategi Sokongan*
- (i) Penyusunan semula peranan/organisasi Kementerian
  - (ii) Perancangan strategik KPLB
  - (iii) Pelaksanaan program secara sinergi
    - Antara Bahagian/Agenzi KPLB
    - Antara KPLB dengan Kementerian-Kementerian lain
    - Antara KPLB dengan Kerajaan Negeri

4.8 Dalam usaha untuk mempercepatkan pencapaian matlamat pembangunan luar bandar, penekanan yang diberikan ialah:-

- (a) Peningkatan produktiviti bagi aktiviti ekonomi luar bandar selaras dengan dasar, Kerajaan yang berteraskan 'productivity driven growth';
- (b) Peralihan daripada 'hardcore poor' kepada golongan berpendapatan rendah dengan mengambil kira kadar golongan termiskin dapat disifarkan pada akhir tahun ini;
- (c) Peningkatan penggunaan teknologi moden terkini termasuk penggunaan kemudahan IT; dan

- (d) Terus menyeimbangkan pembangunan infrastruktur dengan pembangunan insan, malahan pembangunan insan akan terus dipertingkatkan.

## 5.0 Penutup

Setelah empat dekad negara mencapai kemerdekaan, banyak kejayaan telah dicapai di dalam pembangunan luar bandar. Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan rakyat daripada 49.3% pada tahun 1971 kepada 6.1% pada tahun 1997. Liputan bekalan air bersih telah ditingkatkan liputannya kepada 96% di Semenanjung, 62% di Sabah dan 64% di Sarawak. Manakala bekalan elektrik telah ditingkatkan liputannya 98% di semenanjung, 68% di Sabah dan 70% di Sarawak. Ini adalah merupakan komitmen Kerajaan bagi memastikan pembangunan ekonomi penduduk luar bandar tidak tercicir dari arus perdana pembangunan negara.

## **Ke arah Ekonomi Berasaskan Pengetahuan**

oleh

**Datuk Dr. Mohamad Salleh Ismail**  
**Dr. Zainal Abidin Ahmad**  
**Prof. Ishak Ismail**  
**En. Shahzalan Adam**

**Sesi 4 Trek 2**

**SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN  
MALAYSIA**

**TEMA:      KEARAH EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN  
11 – 13 SEPTEMBER 2000**

**KUALA LUMPUR**

Y. Bhg Datuk Dr. Mohamad Salleh Ismail (Presiden/Ketua Eksekutif)  
Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM)  
dan

Dr. Zainal Abidin Ahmad Ketua Pegawai Operasi TPM IT Sdn Bhd  
Prof. Ishak Ismail, Ketua Pegawai Operasi TPM Academy Sdn Bhd  
Shahzalan Adam, Pengurus Besar, Korporat, TPM

## **Abstrak.**

Kerajaan telah merancang untuk menjadi negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020. Diantara cabaran yang harus tempohi untuk menjadi negara perindustrian yang maju, ialah membentuk sebuah ekonomi yang berdaya saing, dinamik, kuat dan berdaya tahan dengan pertumbuhan keluaran sebanyak 7 peratus setahun secara berterusan hingga tahun 2020. Pada masa yang sama Ekonomi Malaysia khasnya dan ekonomi seluruh dunia amnya sedang mengikuti harus transformasi . Transformasi ini melibatkan beberapa unsur yang secara langsung mendatangkan perubahan bentuk industri dan corak perkerjaan, globalisasi, dinamisma dan persaingan, dan revolusi Teknologi Maklumat.

Tindakbalas Ekonomi Baru ini memberi kesan kepada warganegara Malaysia dari segi peluang perniagaan, pertumbuhan dan produktiviti serta penilaian latihan dan pendidikan. Dengan yang demikian, asas kepada pembangunan pada masa akan datang adalah rangsangan terhadap transformasi digital, pelaburan dalam mempertingkatkan inovasi, pendidikan untuk menwujudkan kemahiran penting bagi Ekonomi Baru. Ekonomi yang berasaskan pengetahuan ini menuntut tahap teknologi dan keupayaan sumber manusia yang lebih hebat. Dalam ekonomi global dimana modal berupaya bergerak pantas, pemilikan sumber bahan mentah lebih bermakna jika digandingkan dengan kualiti tenaga manusia serta tahap teknologi yang tinggi bagi mengekalkan. Keupayaan bangsa untuk mengarap pengetahuan dan teknologi tinggi dengan cepat akan menentukan kemakmuran

negara dimasa akan datang. Di dalam ekonomi pertanian dan perindustrian kedudukan sosial seseorang bergantung kepada pemilikan tanah atau ladang. Manakala didalam ekonomi berdasarkan pengetahuan ukuran kedudukan seseorang bergantung kepada pemilikan pengetahuan dan penguasaan teknologi tinggi.

## **1. Mukadimah.**

Enam ratus tahun yang lalu Melaka telah ditemui dan berkembang menjadi sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan antarabangsa yang pesat. Seratus tahun selepas itu ia berada dipuncak dan menguasai perdagangan di Selat Melaka. Daripada sebuah entrepot, satu kerajaan yang kuat telah ditubuhkan dan berkembang menjadi sebuah empayar yang berpengaruh. Melaka terperangkap dalam kejayaanya sendiri. Walaupun mempunyai rakyat yang ramai namun perpaduannya rapuh. Melaka tumbang kepada Portugis yang walaupun mempunyai askar yang lebih kecil bilangannya tetapi bersatupadu, berdisiplin, terlatih dan mempunyai teknologi perkapalan dan peperangan yang lebih baik. Melaka dan negeri-negeri Melayu yang pernah duduk dibawah penguasaannya telah dijajah selama lebih empat ratus tahun.

## **2. Perkembangan Ekonomi Selepas Kemerdekaan.**

2.1 Kini Malaysia adalah sebuah negara membangun dengan 22 juta penduduk. Sejak merdeka 43 tahun yang lalu, Malaysia telah beralih daripada sebuah negara berasaskan pertanian kepada ekonomi berasaskan perindustrian yang telah menyumbangkan kepada 37 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Kini Malaysia sedang bergerak kearah ekonomi yang berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi mengikut arus perubahan ekonomi global.

Bijih timah dan getah merupakan eksport utama Malaysia sejak sebelum merdeka. Daripada tahun 1895 hingga 1914, bijih timah merupakan sumbangan terbesar, tetapi selepas itu eksport getah semakin bertambah. Pada tahun 1907, eksport timah merupakan 96.8 peratus daripada eksport negara, sebaliknya pada tahun 1915 eksport getah menjadi 53.7 peratus manakala bijik timah hanya 37.7 peratus. Rancangan pembangunan ekonomi yang berterusan selama lima puluh tahun telah berjaya mengurangkan kemiskinan serta mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada pengeluaran pertanian dan perlombongan. Sektor pembuatan telah dipergiatkan dan sumbangan sektor ini meningkat ketahap 33.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 1995 dan menyumbangkan 70 peratus daripada nilai eksport negara.

2.2 Kerajaan telah merancang untuk menjadi negara perindustrian yang maju menjelang tahun 2020. Diantara cabaran yang harus tempohi untuk menjadi negara perindustrian yang maju, ialah membentuk sebuah ekonomi yang berdaya saing, dinamik, kuat dan tahan luntur. Matlamat 2020 memerlukan pertumbuhan output 7 peratus secara berterusan. Selain mengekalkan kestabilan politik, ekonomi dan kewangan Malaysia harus membangunkan industri yang berdaya saing. Salah satu caranya ialah menjadi pengeluar yang cekap yang mengeluarkan produk dan perkhidmatan dengan harga yang rendah. Penyediaan infrastruktur fizikal, sosial dan pentadbiran yang mencukupi bagi menampung kegiatan ekonomi yang semakin meningkat.

2.3 Satu aspek penting pertumbuhan ialah peningkatan kecekapan buruh. Produktiviti buruh dapat dipertingkatkan dengan menambah serta meninggikan kualiti modal yang digunakan oleh buruh. Produktiviti ekonomi secara keseluruhannya boleh dipertingkatkan dengan mengalihkan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti serta industri dimana nilai tambah pekerja lebih tinggi. Peningkatan produktiviti yang juga boleh disumbangkan secara memperbaiki susunan dan pengurusan cara kerja seperti pengujudan kumpulan meningkat kualiti (QCC). Bekalan tenaga manusia bidang profesional, teknikal, pengurusan dan penyelidikan yang mencukupi dan berterusan memerlukan program pembangunan sumber manusia yang berkesan dan disokong oleh pasaran tenaga buruh yang efisyen. Malaysia mestilah membuat peraturan tinggi dalam pembangunan sumber manusia untuk meningkatkan keupayaan tenaga buruhnya dan menghala kearah pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi. Selain itu perlu juga ada peningkatan dalam kecekapan pengeluaran dan memperbaiki kualiti produk menerusi pengurusan yang lebih baik, cekap serta berupayaan mengeluarkan produk-produk baru dan berkualiti tinggi. Ini memerlukan pembangunan keupayaan R & D yang maju.

### **3. Cabaran Negara Pasca Dua Ribu.**

3.1 Di dalam era globalisasi pertumbuhan ekonomi didorong oleh keupayaan untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik dengan menggabungkan sumber alam dan daya kreativiti secara efisyen serta inovatif.

Oleh kerana itu penggunaan dan pengolahan pengetahuan merupakan faktor yang penting bagi pertumbuhan ekonomi moden. Ekonomi berdasarkan pengetahuan bukan sahaja mengenai industri baru yang berteknologi tinggi yang berasaskan sains seperti perisian komputer, robotik dan bioteknologi malahan ia juga merangkumi keupayaan untuk memperelok dan menghasilkan produk serta meneroka pasaran baru. Ia juga melibatkan semua jenis industri samada yang berteknologi tinggi atau tidak, yang berasaskan pengeluaran atau perkhidmatan, peruncitan dan juga pertanian. Ia bergantung kepada sumber manusia yang berpengetahuan, inovatif dan mempunyai keusahawanan yang tinggi. Jepun adalah contoh yang nyata, dimana ekonominya diasaskan kepada keupayaan tinggi sumber manusia. Selepas perang dunia kedua negara Jepun musnah sehingga tiada lagi infrastruktur yang berkesan, tambahan pula mereka ketiadaan sumber alam semula. Namun begitu selepas 50 tahun ia telah membangun menjadi sebuah kuasa ekonomi dunia. Ia membangun kerana sikap bangsanya yang kuat bekerja, berpengetahuan.

3.2 Kunci kepada daya saing tinggi dalam ekonomi baru terletak kepada cara sesuatu masyarakat itu menggabungkan, mengerakkan dan mengkomersialkan pengetahuan mereka. Sumber-sumber pengetahuan pula adalah pekerja yang mahir dan berilmu, teknologis dan saintis.

3.3 Beberapa faktor yang berkaitan adalah kritikal kepada peningkatan daya saing dan salah satu darinya ialah pembangunan asas-asas sains dan langkah-langkah yang berikutan seperti menyeferakan peningkatan teknologi dan kepentasan mengkomersialkan ide-ide baru terutamanya dalam bidang pelancongan, komunikasi, perubatan, farmasi, robotik, dan kejuruteraan genetik.

3.4 Faktor yang kedua ialah peningkatan dalam pelaburan pendidikan. Lebih banyak pelaburan perlu dilakukan dalam bidang pendidikan. Tahap dan kualiti pendidikan dan kemahiran perkerja mempengaruhi pembangunan negara. Perkembangan ekonomi dinegara maju berkait rapat dengan tahap pendidikan tinggi rakyatnya serta juga struktur tenaga buruh mereka. Korea Selatan dan Singapura adalah dua buah ekonomi yang maju diantara negara sedang membangun dan masing-masing mempunyai erolmen di institusi pengajian tinggi dan bilangan pakar sains dan teknikal yang lebih ramai dari Malaysia dan Thailand, seperti yang ditunjuk di Rajah 1.

Rajah. 1

Sumber:

	Thailand	Singapore	Malaysia	Korea
<b>Pembahagian Ekspor Dilihat Dari Peratusan Perdagangan Dunia</b>	0.9 %	2.4 %	1.0 %	1.9 %
<b>Bilangan Pakar Sains dan Teknikal Bagi 1000 Penduduk</b>	0.2	1.8	0.4	2.3
<b>Permohonan Paten</b>	Tidak Ada Data	14,231	4,053	96,557
<b>Enrolmen Institusi Pelajaran Tinggi Mengikut Peratusan Bilangan Murid Di Bangku Sekolah</b>	20 %	34%	11 %	52 %
<b>Ekspor Teknologi Tinggi (1995) Dalam Dolar AS (Bilion)</b>	14,826	69,249	37,072	47,805
<b>Keluaran Dalam Negara Kasar Dalam Dolar AS (Bilion)</b>	184.1	96.3	50.1	442.5

Sumber: World Bank

3.4 Faktor ketiga ialah tahap penggunaan komputer dan Internet oleh sesebuah masyarakat. Komputer dan Internet sangat penting di dalam era ekonomi yang berdasarkan pengetahuan untuk mengumpul, menganalisis, menyimpan, mencari dan menyebar maklumat. Tahap penggunaan komputer dan Internet menentukan kejayaan untuk meningkatkan pengetahuan secara meluas dan seterusnya menggunakan secara berkesan. Faktor lain termasuklah jumlah perbelanjaan R&D sesebuah negara. Keempat-empat faktor tersebut berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi dan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar.

Rajah 2.

Negara	Tahun	Saintis & Jurutera Per sejuta penduduk	Juruteknik dalam R&D Per sejuta penduduk	Perbelanjaan R&D % drpd KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 1997 (USD bilion)
Jepun	1992	5,677	869	2.98	4,186.7
United Kingdom	1993	2,417	1,019	2.03	1,289.5
Amerika Syarikat	1993	3,732	-	2.42	8,083.4
Singapura	1994	2,512	1,524	1.37	96.3
Korea Selatan	1994	2,636	317	2.79	442.5
Malaysia	1992	87	88	0.32	50.1
Thailand	1991	173	51	0.13	184.1

Sumber: World Economic Outlook October 1998, IMF, EIU, Asian Development Outlook 1996 & 1997, ADB, MOF

#### 4. Teknologi Maklumat.

4.1 Kemajuan dalam teknologi komunikasi dan komputer membolehkan perhubungan dan pemindahan maklumat jarak jauh dibuat dengan pantas. Penggunaan teknologi canggih ini membolehkan urusan perdagangan dilakukan dengan lebih murah dalam pasaran yang lebih luas. Dunia telah bertukar menjadi perkampungan global dan dengan pembebasan sekatan perdagangan persaingan menjadi lebih kompetitif. Didorong oleh tarikan pasaran global yang lebih luas dan menguntungkan organisasi perniagaan dan juga kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan produktiviti, kualiti dan pengeluaran produk yang lebih murah dan efisyen.

4.2 Teknologi komputer, komunikasi, bioteknologi dan robotik telah merubah cara pengeluaran dan perniagaan secara drastik. Teknologi-teknologi ini telah merubah cara pengeluaran, meningkatkan produktiviti serta kualiti dan mengantikan tenaga manusia. Sebagai contoh tin minuman sekarang adalah 80 peratus lebih ringan dari yang dikeluarkan 50 tahun dahulu dan ladang kelapa sawit boleh mengeluarkan hasil selepas tiga berbanding dengan lima tahun sebelum ini. Dengan perkembangan teknologi komputer dan komunikasi perhubungan lebih murah dan berkupayaan tinggi. Kini bukan sahaja suara malah gambar dan dokumen-dokumen perdagangan dapat dihantar dan diterima secara interaktif yang mendorong perdagangan dijalankan secara elektronik dengan meluas melalui Internet. Malah dengan pengenalan Internet pelajar dapat menerima pendidikan, doktor dapat merawat dan memberi nasihat perubatan kepada pesakit, orang ramai melakukan urusan bank serta menempah barang dan perkhidmatan secara 'on-line'.

4.3 Penggunaan Internet telah berkembang dengan pesat iaitu dari 30 juta pengguna dalam tahun 1995 kepada lebih dari 150 juta pengguna pada hari ini. Ia adalah satu alat baru yang telah merubah cara perniagaan dijalankan. Organisasi yang berjaya melengkapkan diri dengan teknologi Internet dan potensinya boleh mendapatkan peluang untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti mereka. Kerajaan menyedari tentang kepentingan Internet dalam pembangunan dan kejayaan

organisasi perniagaan di Malaysia dan telah merangka strategi dengan memperkenalkan Multimedia Super Corridor (MSC) dan Rang Jaminan (Bill of Guarantee) disamping infrastruktur, undang-undang, dan polisi untuk menarik syarikat bertaraf dunia menggunakan untuk pengujian teknologi. Tujuh jenis aplikasi telah dikenal pasti untuk mengujudkan aktiviti-aktiviti di MSC iaitu sekolah bistari, kad pintar, teleperubatan, kluster R&D, kerajaan elektronik, rangkaian pengilangan sedunia dan pemasangan tanpa sempadan.

4.4 Perkembangan teknologi komunikasi yang canggih mendorong kearah globalisasi dan diterajui oleh negara maju. Sempadan perdagangan menjadi kian malap dan peluang terbuka kepada semua yang pintar dan cerdas. Seperti juga masyarakat lain dinegara-negara maju masyarakat kita telah melalui beberapa tahap perkembangan ekonomi iaitu ekonomi pertanian ke ekonomi perindustrian dan akan menjenguk pula ekonomi berdasarkan pengetahuan. Sehingga kini lebih 320 syarikat telah menerima taraf MSC dimana 24 peratus daripadanya mempunyai rakan niaga dari Amerika Syarikat (AS). Namun begitu kejayaan Malaysia dalam penggunaan Internet masih ketinggalan berbanding AS. Pada tahun 1997 terdapat 192.5 pengguna telefon dan 1.23 pengguna Internet bagi setiap seribu peduduk berbanding dengan 569.2 dan 13.27 masing-masing di Singapura.

**Rajah 3**

Negara	Pengguna talipon(Per 1000 orang) 1997	Pengguna Komputer(Per 1000 orang) 1997	Pelanggan Internet(Per 1000 orang) 1997	KDNK Dalam Dolar AS (Bilion)
Amerika Syarikat	625.6	450.0	35.21	8,083.4
Jerman	561.6	231	9.45	2,084.4
Singapura	529	316	13.27	96.3
Hong Kong	569.2	261	11.14	154.6
Malaysia	192.5	65	1.23	50.1
Thailand	85.5	28	0.17	184.1

4.5 Ekonomi berdasarkan pengetahuan menuntut tahap teknologi dan keupayaan sumber manusia yang lebih hebat. Dalam ekonomi global dimana modal berupaya bergerak pantas, pemilikan sumber bahan mentah lebih bermakna jika digandingkan dengan kualiti tenaga manusia serta tahap teknologi yang tinggi bagi mengekalkan. Keupayaan bangsa untuk mengarap pengetahuan dan teknologi tinggi dengan cepat akan menentukan kemakmuran negara dimasa akan datang. Di dalam ekonomi pertanian dan perindustrian kedudukan sosial seseorang bergantung kepada pemilikan tanah atau ladang. Manakala didalam

ekonomi berasaskan pengetahuan ukuran kedudukan seseorang bergantung kepada pemilikan pengetahuan dan penguasaan teknologi tinggi. Ekonomi yang berasaskan pengetahuan berbeza dengan kedua-dua bentuk ekonomi yang tersebut dimana sector perkhidmatan memberikan peluang pekerjaan yang lebih banyak berbanding sektor pengeluaran. Komputer dan telekomunikasi menjadi tulang belakang kegiatan ekonomi ini dan penyelidikan saintifik serta pendidikan menjadi asas kekayaan dan penentu pertumbuhan ekonomi. Ide-ide berasas, keusahawan dan inovasi merupakan aset penting dan menjadi bahan mentah kepada ekonomi baru. Ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) menuntut perubahan dalam masyarakat dan tidak boleh dielakkan kerana masyarakat lain juga sedang bersedia ke arah itu.

4.6 Penguasaan pengetahuan dan tahap teknologi yang tinggi adalah pemacu kepada penguasaan ekonomi oleh negara-negara maju seperti Jepun, Jerman, Amerika Syarikat dan Great Britain. Penguasaan mereka dalam teknologi robotik, komputer, telekomunikasi canggih, bioteknologi serta tenaga semula jadi membolehkan mereka meningkatkan produktiviti dan pengeluaran produk yang berkualiti tinggi serta murah. Dengan produk yang berkualiti tinggi serta murah mereka menguasai pasaran global serta memperolehi kekayaan yang lebih banyak. Bagi mengekalkan daya saing ini mereka terus membuat pelaburan yang besar dalam bidang pendidikan, latihan serta penyelidikan.

## **5. Penutup**

5.1 Ekonomi Malaysia khasnya dan ekonomi seluruh dunia amnya sedang mengikuti harus transformasi . Transformasi ini melibatkan beberapa unsur yang secara langsung mendatangkan


- (a) Perubahan bentuk industri dan corak perkerjaan
- (b) Globalisasi
- (c) Dinamisma dan persaingan
- (d) Revolusi Teknologi Maklumat.

Tindakbalas Ekonomi Baru ini memberi kesan kepada warganegara Malaysia dari segi peluang bisnis , pertumbuhan dan produktiviti serta penilaian latihan dan pendidikan. Dengan yang demikian, asas kepada pembangunan pada masa akan datang adalah

- (a) Rangsangan terhadap transformasi digital
- (b) Pelaburan dalam mempertingkatkan inovasi
- (c) Pendidikan untuk menwujudkan kemahiran penting bagi Ekonomi Baru.

Acapkali istilah *knowledge economy* dan *knowledge worker* disebut-sebut. Apa maksud istilah ini? Sebenarnya *knowledge economy* adalah suatu keadaan ekonomi di mana nilai ekonomi tidak lagi hanya dianggap terletak pada barang dan produk sahaja. Nilai seperti pengetahuan dan ilmu khas serta bakat dan kebolehan seorang individu yang dibawa kepada pekerjaannya menjadi

perkara yang lebih penting. Ini bermakna negara seperti Malaysia perlu menitikberatkan modal sumber manusia yang sedia ada. Sumber manusia ini memerlukan jagaan, asuhan dan didikan supaya negara akan dapat menikmati sumbangan produktiviti dari tenaga manusia yang pandai berikhlas, kreatif, peka kepada tanggungjawab dan proaktif.




*Sumber: Kementerian Pendidikan 1999*

Di manakah arahuju Malaysia bagi era selepas tahun 2000. Tentu sekali jawapannya adalah ke arah kemerdekaan sepenuhnya; bukan sahaja dari aspek politik tetapi juga dari aspek ekonomi.

5.2 Kajian yang telah dijalankan di dalam dan di luar negeri menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi tanpa risiko inflasi boleh diwujudkan dengan cara meningkatkan tahap kemahiran perkerja. Ini adalah kerana perkerja yang mahir mempunyai produktiviti yang tinggi yang diperlukan oleh negara untuk mencapai kejayaan di pasaran global di abad yang ke 21 ini. Produktiviti selalunya ditingkatkan melalui pendidikan dan latihan yang dapat membangunkan kemahiran perkerja di dalam keadaan teknologi yang sentiasa mengalami peralihan. Strategi negara perlu melihat dan mengenalpasti cara yang sempurna untuk membangunkan modal tenaga manusia, iaitu ilmu, pendidikan dan kemahiran perkerja. Menyedari hakikat ini TPM telah memperbanyakkan usaha untuk melatih ahli teknologi dan jurutera yang akan dapat menyumbangkan usaha kepada industri dengan cara yang lebih mampat. Semenjak setahun yang lalu TPM Academy telah beroperasi untuk memberi latihan dan meningkatkan kemahiran perkerja industri teknologi tinggi, seperti di Rajah 4. Tiap-tiap tahun terdapat jurang pembaziran tenaga manusia (knowledge gap). Jurang ini dapat dirapatkan dengan adanya program seperti Program Pembangunan Kemahiran dan Program Pembangunan Vendor anjuran TPM Academy. Sambutan dari industri teknologi tinggi adalah sangat menggalakkan.

Rajah 4



**Peranan Profesional Dalam Pengisian  
Kemerdekaan**

oleh  
**Y.M. Ungku Anna Ungku Mohamad**

**Sesi 4 Trek 2**

## **MUKADIMAH**

Ahli Majlis BIM dan ahli-ahli gabungannya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia kerana memberi laluan kepada pihak profesional untuk membentangkan satu kertas kerja sempena menyambut perayaan bulan kemerdekaan.

Di sini saya sebagai wakil BIM akan menerangkan dengan ringkas peranan profesional, kesedaran profesional, siapa dia profesional, BIM dalam profesional, kenapa profesional disarankan bergabung, pencapaian dan pengisian profesional dan arah tujuan profesional.

Sejajar dengan agenda kerajaan dan visi 2020, pihak profesional diharap memainkan peranan lebih proaktif.

Dari itu, peranan profesional pada seminar yang bertajuk "Pengukuhan Erti Kemerdekaan" tepat pada masanya.

## **PERANAN PROFESIONAL**

Jika anda seorang profesional sudah tentu anda dijangkakan mempunyai kemahiran dalam bidang profesyen tertentu dengan kod etika dan seorang yang penuh dengan kejujuran dan ketelusan yang memerlukan kemahiran dan pengetahuan. Dari itu setiap kerjaya atau profesyen yang melahirkan profesional akan terikat kepada kod etika masing-masing. Kod etika yang mesti dipatuhi dengan tegas dan berdisiplin.

Dengan ringkas definisi profesionalisme adalah bagaimana sesuatu kerja itu dilaksanakan.

Berapa ramai yang sedar bahawa golongan profesional telah memberikan sumbangan yang besar kepada negara. Jika diimbas kembali negara kita sebelum merdeka, negara kita kurang melahirkan tenaga profesional-profesional tempatan. Ini menyukarkan negara untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju.

Kita memang sedar inginkan pembangunan. Tanpa pembangunan Malaysia tidak boleh menandingi negara-negara maju. Jadi apakah bahan atau 'resipi' yang diperlukan untuk memangkinkan pembangunan di Malaysia. Sudah

tentu tenaga profesional. Dari itu, apakah peranan professional untuk membangunkan Malaysia.

Ini terbukti daripada pemimpin-pemimpin negara kita seperti Allahyarham Tunku Abdul Rahaman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan kini perdana menteri Malaysia sekarang YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, mereka semua terdiri daripada golongan profesional. Tidak ketinggalan usahawan yang banyak membantu dalam mempertingkatkan ekonomi negara, juga terdiri daripada golongan profesional. Negara membangun seperti Malaysia sangat memerlukan tenaga profesional. Profesional yang lahir daripada pendidikan tinggi dan yang berpengetahuan luas. Tidak semestinya seseorang yang bergelar graduan itu sudah cukup dimartabatkan profesional. Seseorang itu mesti mempraktikkan apa yang dipelajari dengan pengalaman yang diperolehi dan seterusnya menyumbang sesuatu untuk negara.

Golongan profesional sememangnya ramai di Malaysia. Ini adalah kerana tiap-tiap kerjaya atau profesi akan melahirkan golongan profesional dalam bidang masing-masing. Tetapi terdapat 20 profesi persatuan yang bergabung di bawah satu badan yang dipanggil Balai Ikhtisas Malaysia (BIM) iaitu:-

1. Institut Jururtera Malaysia.
2. Institut Kimia Malaysia.
3. Institut Pertanian Malaysia.
4. Persatuan Pergigian Malaysia.
5. Persatuan Perubatan Malaysia.
6. Pertubuhan Arkitek Malaysia.
7. Persatuan Farmasi Malaysia.
8. Persatuan Veterinar Malaysia.
9. Institut Bahan Malaysia.
10. Institut Perancangan Malaysia.
11. Persatuan Pekerja Sosial Malaysia.
12. Institut getah dan plastik Malaysia.
13. Persatuan Sains Tanah Malaysia.
14. Institut Rimbawan Malaysia.

15. Chartered Institute of Building Malaysia.
16. Institut Lanskap Arkitek Malaysia.
17. Institut Perekabentuk Dalaman Malaysia.
18. Institut Internal Audit Malaysia.
19. Majlis Peguam Malaysia.
20. Institut Akauntan Malaysia.

Dari itu, jika profesional-profesional tempatan semuanya disarankan bergabung atau bersatu di dalam melahirkan dan bertukar pandangan yang mana dapat memberikan manfaat kepada negara kita Malaysia.

Tujuan gabungan ini supaya kesefahaman profesional itu wujud dan barulah boleh kita membangunkan negara kesatu landasan walaupun kita tahu setiap profesi itu mempunyai tugas-tugas yang berlainan.

Dari itu, golongan profesional harus menuju kesatu matlamat. Matlamat yang sebenarnya berpegang kepada kehendak yang asal iaitu untuk mencapai atau melihat negara Malaysia maju dan makmur ketaraf dunia atau global dalam semua aspek kemajuan.

Persoalannya sudahkah negara Malaysia maju sebagaimana yang dikehendaki oleh para golongan profesional. Mari kita imbas kejayaan-kejayaan yang telah kita capai sama ada dalam bidang perubatan, pembangunan dan perundungan. Ini adalah sebahagian daripada peranan professional bagi pengisian dan penghayatan kemerdekaan Malaysia.

Dalam bidang perubatan, tenaga profesional telah memberikan sumbangan yang besar di dalam memperbaiki kesihatan rakyat. Antaranya pemindahan jantung, pintasan jantung, pemindahan hati yang kesemuanya dilakukan oleh anak tempatan. Rakyat tidak perlu lagi bersusah payah ke luar negara lagi. Salah satu sejarah perubatan Malaysia yang tidak pernah dilakukan oleh negara lain adalah pembedahan yang melibatkan pemindahan tangan yang baru saja berlaku baru-baru ini. Ini terbukti bahawa Malaysia juga mempunyai kepakarannya sendiri.

Dari segi undang-undang pula, malaysia telah berjaya mewujudkan dua buah mahkamah iaitu mahkamah sivil dan mahkamah syariah. Mahkamah syariah telah dimartabatkan sama dengan mahkamah sivil. Oleh itu segala keputusan yang

dibuat oleh mahkamah syariah tidak boleh dipertikaikan oleh mahkamah sivil. Begitu juga undang-undang, akta-akta dan enakmen-enakmen sentiasa dibahaskan di parlimen bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Profesional dalam sektor pembangunan dan hartaanah seperti arkitek-arkitek, jurutera-jurutera, juru ukur bahan, perancang Bandar, arkitek landskap dan pereka bentuk dalaman bersama-sama menggembling tenaga untuk membawa teknologi terkini di Malaysia. Teknologi-teknologi ini bukan saja datang dari Barat malah timur terutamanya daripada Jepun dan Korea. Dengan adanya teknologi ini Malaysia akan sentiasa terkehadapan di dalam menempuh dunia era globalisasi.

Peranan profesional dalam sector ini telah mencapai seperti:-

- (1) Bangunan berkembar petronas tertinggi di dunia.
- (2) Kereta kebanggaan Malaysia Proton.
- (3) KLIA
- (4) Highway
- (5) LRT
- (6) Formula one racing circuit.

Banyak lagi pencapaian dan peranan profesional yang boleh membanggakan kita rakyat Malaysia. Ianya tidak bererti yang negara sudah maju maupun misi atau matlamat profesional sudah selesai. 43 tahun dahulu tidak sama dengan Malaysia hari ini. Malaysia telah berubah dengan bertambahnya penduduk sejumlah 23 juta dan akhirnya profesi pun bertambah. Masalah pun bertambah, cabaran pun bertambah, tambah, sana tambah sini tambah sama bertambah. Dari itu, peranan profesional mestilah diteruskan untuk mengisi visi 2020 Malaysia pula.

#### **Arah Tujuan Profesional.**

Suasana di Malaysia kini sudah berubah. Kemanakah arah dan peranan profesional selepas 43 tahun. Profesional tidak perlu risau dan takut, hanya merancang untuk mengisi peranan profesional di masa hadapan.

Sememangnya para professional mendukung visi 2020 yang diilhamkan oleh seorang professional yang terkemuka bukan hanya di Malaysia malah di seluruh dunia iaitu perdana menteri Malaysia yang keempat YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Para professional di Malaysia adalah diantara pejuang-pejuang yang mampu melaksana untuk memajukan negara

Akan tetapi kita hendaklah berhati-hati dengan perkataan ‘paradigm shift’. Apa yang mustahak tentang paradigm shift ialah falsafahnya iaitu falsafah untuk mencapai sesuatu yang teguh dengan cara ketelusan gaya berfikir. Paradigm shift akan berlaku sekiranya para professional mentafsirkan sesuatu belainan.

Kajian telah menunjukkan manusia akan menurun setelah mendapat tahap keselesaan yang dinamakan ‘comfort zone’ iaitu zon keselesaan. Keselesaan inilah yang akan menarik ramai para professional.

Persoalannya, zon keselesaan sudah tidak ada cabaran lagi. Dari itu kita harus keluar mencari satu kawasan yang boleh kita terokai supaya kita boleh mencapai matlamat. Matlamat yang sudah sedia ada dan diukur dengan satu tindakan realistic yang berlaku tepat pada waktunya.

Ada kemungkinannya yang mengatakan professional tidak sesuai dalam dunia virtual. Ada juga yang setuju bahawa professional tidak boleh dipisahkan di dunia ini terutamanya Malaysia yang sedang membangun.

Golongan professional yang dilahirkan pada zaman penjajah British dan Jepun, telah sampai kepuncak peranan mereka. Perjuangan mereka mestilah diteruskan oleh para professional yang lahir selepas merdeka dan kini anak-anak Malaysia terutamanya yang bergelar professional yang akan meletakkan Malaysia ke

landasan yang sama dengan negara-negara maju. Maka di sini lah timbulnya ‘paradigm shift’ atau mungkin peralihan dunia IT.

Di MSC, Multimedia Super Corridor, di situ lah arah tujuan golongan professional yang dilalui. Selepas merdeka, mungkin ‘smart partnership’ akan mengambil alih perkataan professional. Malah disinilah mereka akan menggunakan ‘circle of influence’ iaitu generasi yang serentak dengan mereka.

**Modal Asing dan Kesannya Ke Atas  
Kemerdekaan Negara**

oleh  
**Prof. Madya Dr. Mohd Nazari Ismail**

**Sesi 4 Trek 2**

## **Modal Asing dan Kesannya Keatas Kemerdekaan Negara**

**Oleh:**

**Prof. Madya Dr. Mohd Nazari Ismail  
Ketua,  
Jabatan Dasar dan Strategi  
Fakulti Perniagaan dan Perakaunan  
Universiti Malay**

Dibentangkan di Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia  
11 – 13 September 2000, Kuala Lumpur.

## Pengenalan

Konsep 'Merdeka' adalah satu konsep yang sangat penting di dalam hidup manusia, sama ada di peringkat individu, keluarga dan negara. Ini adalah kerana naluri manusia yang sukaan kebebasan. Tanpa kebebasan, manusia akan merasa tertekan dan merana. Bahkan satu cara bagi kita menghukum manusia yang membuat kesalahan ialah dengan memenjarakan mereka dan seterusnya menyekat kemerdekaan pergerakan mereka. Walau pun terdapat beberapa aspek kehidupan di penjara yang agak baik (sebagai contoh, seseorang banduan tidak perlu bimbang tentang keperluan mencari makan, membayar sewa, membayar cukai pintu, bil letrik dan air dll.), namun penderitaan akibat kehilangan kebebasan menyebabkan tidak seorang pun di kalangan kita sanggup dipenjarakan.

Konsep 'Merdeka' juga adalah konsep yang penting kerana ia berkait rapat dengan konsep kedaulatan yang merujuk kepada kebebasan membuat keputusan. Individu yang berdaulat bebas membuat keputusan tentang segala aspek kehidupannya sendiri. Ia bebas memilih kerja untuk menyeraya hidupnya, bebas memilih di mana hendak tinggal, bebas memilih calon isteri atau suami yang hendak dikahwin serta juga bebas memilih jalan hidup – iaitu sama ada sebagai seorang hamba yang taat kepada segala suruhan dan larangan Allah atau sebagai hamba yang langsung tidak mempedulikan batasan ugama.<sup>1</sup>

Di dalam konteks kemasyarakatan dan negara, konsep kedaulatan merujuk kepada kebebasan sesebuah negara menentukan apakah sistem-sistem hidup yang akan diamalkan oleh rakyat. Negara yang benar-benar berdaulat adalah sebuah negara yang mempunyai kebebasan yang mutlak untuk memilih sistem manakah yang akan diamalkan daripada berbagai sistem kehidupan kemasyarakatan yang ada.

Perbincangan berkenaan persoalan kemerdekaan dan kedaulatan ini boleh di lihat dari berbagai sudut. Kertas kerja ini akan membincangkan isu kedaulatan dari aspek perniagaan dan ekonomi. Perhatian akan ditumpukan kepada ciri utama sektor korporat iaitu pergantungan yang kuat kepada modal asing. Selepas itu saya akan membincangkan begaimana pergantungan kuat terhadap modal asing telah mempengaruhi tahap kedaulatan masyarakat dan negara kita.

## Modal Asing di dalam Ekonomi Malaysia

Salah satu ciri terpenting sektor korporat negara kita ialah penglibatan modal asing. Negara kita adalah negara yang mengamalkan konsep ekonomi terbuka (open economy). Amalan ini bermula dengan serius pada awal tahun 70an berikutan dengan polisi penggalakkan kemasukan modal asing ke negara kita. Pada mulanya syarikat asing digalakkan masuk sebagai sebahagian dari polisi 'gantian impot'. Ini telah disusuli oleh polisi 'orientasi eksport' pada tahun 1980an dimana syarikat asing digalakkan masuk untuk menceburi sektor perkilangan dan pembuatan dengan menjadikan negara kita

<sup>1</sup> Tetapi manusia perlu sedar bahawa kebebasan itu hanya untuk sementara dia hidup di dunia. Pada hari akhirat kelak manusia akan di bawa kehadapan Allah untuk menjawab soalan tentang jalan manakah yang telah di pilih. Pada masa itu nanti, manusia tidak lagi bebas untuk memilih untuk masuk syurga atau neraka!

sebagai pentas ekspot (export platform). Dengan cara ini negara memperolehi dua faedah utama iaitu peluang pekerjaan yang banyak, serta pertambahan kemasukan matawang asing (foreign exchange earnings). Ada pendapat yang mengatakan bahawa polisi ini juga berjaya menyekat pergantungan negara kepada modal yang dimiliki oleh bangsa Cina dan seterusnya membantu usaha menjayakan Dasar Ekonomi Baru yang digubal berikutnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969.

Akibat dari polisi penggalakkan kemasukan modal asing, pada hari ini kita mendapati bahawa sektor pembuatan kita sangat bergantung kepada syarikat asing. Sebagai contoh, ialah sektor elektronik yang merupakan sektor pembutuan yang terpenting di Malaysia.<sup>2</sup> Seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 1, pelaburan asing merupakan 86 peratus dari keseluruhan pelaburan didalam sektor ini. Sektor ini juga menyediakan 35 peratus dari peluang pekerjaan di dalam sektor pembuatan.

Jadual 1: Pelaburan Asing Di Dalam Sektor Elektronik (RM bil)

	Jumlah Keseluruhan Pelaburan Asing Di dalam sektor Total Elektronik	Jumlah Keseluruhan Pelaburan Di dalam Sektor Elektronik	Pelaburan Asing sebagai Peratus Jumlah Pelaburan
1991	1.94	2.255	86.0
1992	0.563	0.885	63.6
1993	1.588	1.919	82.8
1994	4.473	5.555	80.5
1995	2.282	2.759	82.7
1996	8.995	11.816	76.1
1997	2.730	5.392	50.6
1998	1.422	1.653	86.0

Sumber: Mida

Malaysia sekarang ini adalah lokasi utama operasi syarikat gergasi dunia di dalam sektor elektronik seperti Motorola, Intel, Fujitsu, Sharp, Matsushita, Hitachi, Sony dll. Kewujudan mereka di negara kita juga telah mengakibatkan sukar bagi syarikat tempatan menempah nama di dalam sektor ini.

<sup>2</sup> Sektor elektronik telah menyumbang sebanyak 71.4 peratus dari jumlah ekspot Malaysia pada tahun 1999.

Apakah akibat dari pergantungan kita yang sangat kuat kepada modal asing di dalam sektor korporat negara kita dari konteks kemerdekaan dan kedaulatan negara kita? Untuk membincangkan persoalan ini, saya ingin membahagikan konsep kedaulatan kepada empat bahagian iaitu kedaulatan ekonomi, kedaulatan budaya, kedaulatan politik dan kedaulatan undang-undang.

*Kedaulatan ekonomi.*

Kedaulatan ekonomi merujuk kepada kebebasan sesebuah negara menggubal polisi ekonomi dalam usaha mengurus sumber dalamannya. Adakah Malaysia telah kehilangan kedaulatannya dalam penggubalan polisi ekonominya akibat dari operasi syarikat asing di negara kita. Adakah kita begitu bergantung kepada syarikat asing sehingga kita tidak dapat melaksanakan polisi tertentu. Berdasarkan kepada keupayaan kita untuk mengadakan polisi kawalan modal berikutan krisis kewangan yang melanda rantau ini pada tahun 1997, jelaslah bahawa negara kita masih mempunyai kedaulatan dari segi ekonomi. Ini jelas sekali berbanding dengan negara lain dirantau ini. Kebimbangan negara lain terhadap kesan negatif yang mungkin timbul akibat dari langkah kawalan modal telah membuat mereka langsung tidak memikirkan alternatif yang dipilih oleh Malaysia. Di Indonesia, polisi ekonomi sama ada polisi kewangan dan fiskal terpaksa digubal dengan cara yang memuaskan institusi asing seperti IMF, Bank Dunia dan Bank Asing lain. Keadaan ini juga berlaku di Korea. Kerajaan di bawah tekanan yang hebat oleh institusi kewangan dari negara asing untuk melakukan penstrukturran semula. Sebaliknya tekanan seperti di atas tidak terdapat di Malaysia.

*Kedaulatan Budaya*

Kedaulatan budaya merujuk kepada keupayaan sesebuah negara menentukan cara hidupnya, termasuk sejauh manakah ianya ingin mengamalkan sesuatu adat resam, nilai dan ideologi. Aspek ini sebenarnya boleh dibahagikan kepada dua yaitu budaya perniagaan dan budaya umum. Contoh budaya perniagaan asing adalah amalan-amalan yang diperkenalkan oleh syarikat Jepun seperti menyanyi lagu organisasi dan pakaian seragam yang tidak membezakan antara kumpulan pengurusan dan pekerja. Sebenarnya terdapat beberapa aspek positif lain yang dikaitkan dengan budaya asing seperti Kaizen (continuous improvement), Zero-defect, Learning organization dll.

Tetapi ada pendapat yang mengatakan bahawa banyak unsur negatif telah juga meresapi budaya masyarakat kita seperti sikap yang materialistik serta budaya 'hedonistik'. Lihatlah iklan rokok Salem yang memaparkan budaya 'rock' yang sangat bertentangan dengan nilai Islam. Terdapat banyak lagi nilai yang betentangan dengan Islam dan adat Melayu yang telah dimasukkan ke dalam masyarakat kita dengan begitu hebat sehingga kita sudah menjadi lali dan tidak lagi peka dengan hakikat bahawa nilai

tersebut sebenarnya adalah sangat bertentangan dengan ugama kita. Contoh terbaik ialah pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan. Sekarang ini cita-rasa dan nilai masyarakat sudah mencapai tahap di mana iklan motosikal pun terpaksa memaparkan percampuran bebas antara lelaki dan perempuan (konzonnya dengan memakai motosikal tertentu, adalah lebih senang bagi seseorang jejaka untuk memikat wanita). Oleh kerana itu, timbul tanda-tanya sama ada budaya masyarakat kita telah diracuni oleh syarikat asing.

Tetapi adakah adil bagi kita memarahi pelabur asing kerana mengotorkan budaya kita? Sebahagian besar dari budaya negatif yang kita cedok dari luar adalah tidak dipindahkan oleh pelabur asing tetapi adalah sebenarnya telah wujud di dalam masyarakat kita atau di jemput masuk oleh rakyat kita sendiri. Sebagai contoh ialah budaya judi dan arak. Amalan meminum arak adalah bukannya diperkenalkan oleh syarikat asing. Amalan ini adalah amalan rakyat Malaysia semenjak dahulu lagi, terutama sekali di kalangan rakyat Malaysia yang bukan Islam. Malangnya, rakyat Malaysia tidak menggunakan akl untuk cuba menghapuskan budaya meminum arak ini. Sebaliknya kita menjemput masuk syarikat Carlsberg dan Guinness untuk membina kilang mereka di sini. Kita cuba menghapuskan amalan menghisap dadah, tetapi entah kenapa, tidak bermotivasi menghapuskan amalan meminum arak walau pun begitu banyak kemalangan jalan raya dan jenayah dikaitkan dengan arak. Budaya judi pula adalah budaya yang terus dikuasai oleh syarikat Magnum dan Genting yang dikawal oleh rakyat Malaysia sendiri. Bahkan terdapat di kalangan ahli pengarah syariah tersebut yang berugama Islam. Budaya membayar rasuah adalah budaya kita sendiri yang langsung tidak boleh dikaitkan dengan syarikat asing. Bahkan banyak syarikat asing yang merungut tentang payahnya bermiaga di Malaysia kerana budaya rasuah kita. Dalam erti kata yang lain budaya ini adalah budaya yang kita sedang cuba ajarkan kepada pengurus syarikat asing! Budaya 'rock', pergaulan bebas dsbg. adalah kadangkala dibawa masuk oleh rakyat Malaysia sendiri yang tidak menggunakan akl yang bijak untuk menapis mana yang baik dan mana yang buruk setelah terdedah kepada budaya tersebut. Pendekkata, adalah tidak adil bagi kita mengatakan bahawa syarikat asing telah menjelaskan kedaulatan dan kemerdekaan masyarakat kita dari segi budaya.

#### *Kedaulatan Perundangan*

Kedaulatan undang-undang merujuk kepada keupayaan sebuah negara menggubal undang-undangnya sendiri tanpa ditekan oleh mana-mana pihak asing. Di Malaysia, ada yang mengatakan bahawa sebahagian dari undang-undang kita telah digubal semata-mata akibat dari tekanan pihak luar. Satu contoh terkini ialah undang-undang berkaitan hak milik harta intelektual (Intellectual Property Laws). Undang-undang tersebut adalah banyak dicedok dari negara barat. Ini adalah kerana banyak syarikat di dalam bidang Teknologi Maklumat memberi amaran kepada negara kita bahawa jika undang-undang tersebut tidak digubal dan dilaksanakan dengan sepenuhnya, mereka tidak akan melabur didalam negara kita. Tetapi tekanan ini sebenarnya juga datang dari syarikat sofware Malaysia sendiri yang memerlukan perlindungan dari aktiviti ciplak atau cetak-rompak dalam usaha mereka bersaing dengan gergasi dari luar dalam industri ini.

Kewujudan kedaulatan kita dari segi perundangan sebenarnya agak jelas baru-baru ini berikutan keputusan mahkamah di dalam kes Datuk Seri Anuar Ibrahim. Walau pun telah timbul tekanan dan kritikan dari berbagai pihak asing terhadap sistem kehakiman kita namun sistem kehakiman kita masih kekal dan langsung tidak dipinda. Pendekkata, bukti kepada tuduhan yang mengatakan bahawa sistem perundangan kita dipengaruhi oleh pihak asing adalah tidak kukuh.

#### *Kedaulatan Politik*

Kedaulatan politik merujuk kepada keupayaan sebuah negara menentukan sistem politik yang hendak diamalkan. Di sesetengah negara syarikat asing mempengaruhi proses politik negara secara langsung dan tidak langsung. Umpamanya, pernah terjadi kes di United Kingdom di mana ahli politik disogokkan dengan wang untuk mempengaruhi perbahasan di parlimen. Ini tidak berlaku di negara kita.

Pergolakan politik yang berlaku berikutan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim juga membuktikan bahawa sistem politik kita adalah berdaulat. Walau pun terdapat kritikan yang begitu hebat dari orang asing, sama ada individu, organisasi serta negara, terhadap suasana politik negara kita yang dikatakan tidak mengamalkan demokrasi yang tulen, tidak membentarkan kebebasan akhbar dsbg namun setakat ini sistem politik Malaysia tidak menunjukkan tanda akan berlakunya perubahan yang mendadak. Kita masih tetap dengan cara kita dari segi amalan demokrasi ala Malaysia.

Tahap kemerdekaan dan kedaulatan politik kita yang agak tinggi jelas dilihat jika kita membandingkan negara kita dengan negara Indonesia dan Korea berikutan dengan krisis kewangan yang melanda rantau ini pada tahun 1997. Di negara tersebut, telah terdapat perubahan perubahan suasana politik yang agak radikal. Bahkan telah berlaku pertukaran Presiden di kedua-dua buah negara tersebut.

#### Pelaburan Langsung Dari Luar Negeri dan Kesannya

Salah satu aspek utama yang membezakan Malaysia dari Indonesia dan Korea ialah jumlah penglibatan modal asing di dalam sektor perniagaan kita di dalam bentuk pelaburan langsung berbanding dengan pelaburan tidak langsung dan. Ini adalah kerana polisi kerajaan kita yang menggalakkan pelaburan asing semenjak tahun 70an seperti yang dibincangkan di atas. Di Korea dan Indonesia, kerajaan mereka menekankan pertumbuhan syarikat milik sendiri di atas semangat kebangsaan yang kuat. Di Korea, akibat penekanan kepada polisi pertumbuhan syarikat milik sendiri (yang sering di kenali sebagai 'chaebols') dan pengurangan pergantungan kepada pelabur langsung asing, maka syarikat milik sendiri tersebut telah menjadi tunjang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam usaha untuk menjadi tunjang yang lebih berkesan mereka telah terjebak dengan hutang yang besar dengan institusi kewangan dari luar negeri. Di dalam suasana ekonomi yang sehat dan sedang mengalami pertumbuhan, jumlah pinjaman yang besar tidak mendatangkan apa-apa masalah. Tetapi di dalam sistem kewangan antarabangsa moden yang membenarkan pengaliran dana di dalam jumlah yang besar akibat teknologi terkini serta terdapatnya

amalan spekulasi kewangan yang hebat, adalah satu kesilapan yang besar apabila kita mengandaikan bahawa keadaan ekonomi dan kewangan akan sentiasa tenang. Sekarang ini pengaliran dana antarabangsa adalah di dalam jumlah 'trillion' sehari dan ini jelas mempunyai potensi yang tinggi untuk memberikan kesan yang kuat terhadap kestabilan matawang.

Apabila krisis kewangan dan ekonomi melanda rantau ini pada tahun 1997, maka firma gergasi di Korea dan Indonesia telah mengalami masaalah hutang yang hebat kerana kejatuhan nilai matawang negara. Secara teknikal, kebanyakan firma-firma gergasi tersebut adalah muflis. Namun demikian, kerajaan mereka meyedari bahawa jika syarikat tersebut dibiarkan muflis dan berhenti daripada beroperasi, maka masaalah ekonomi dan sosial yang akan timbul akibat adalah terlampaui hebat. Untuk mengelakkan masaalah tersebut, firma-firma tersebut yang mempunyai ratusan ribu pekerja, kerajaan mereka terpaksa meminjam dengan IMF dengan banyak. Apabila sesebuah negara meminjam dengan banyak dari IMF, sudah tentu negara tersebut akan terjejas dari segi kebebasan menentukan polisi dalam bidang ekonomi, politik, sosial dsbg.

Keadaan tersebut juga telah berlaku di Malaysia tetapi pada tahap yang kurang serius. Ini adalah kerana polisi menggalakkan pelaburan asing ke dalam sektor korporat telah membuat sektor korporat kita tidak banyak berhutang dengan institusi kewangan asing. Sudah tentu memang terdapat syarikat kita yang berhutang dengan institusi luar seperti Renong, Lion Group dan TRI. Itulah sebabnya syarikat tersebut sekarang di bawah tekanan yang hebat untuk melakukan penstrukturkan semula. Tetapi secara umumnya sektor korporat kita tidak meminjam dengan begitu banyak. Sektor korporat negara kita yang dimiliki oleh firma asing pula juga tidak terlibat dengan krisis hutang tersebut.

Oleh kerana itu, kita telah dapat mengelakkan diri meminjam dari IMF untuk menyelamatkan sektor korporat negara. Penggunaan dana dari tabungan dalaman sudah cukup untuk menyelamatkan beberapa syarikat seperti Renong dan sebagainya. Sudah tentu terdapat bangkangan dari pihak tertentu yang menuduh bahawa langkah tersebut adalah merupakan penyalah-gunaan kuasa. Pengurus atasaran syarikat kita yang meminjam begitu banyak dari bank luar negeri dalam keghairahan dan ketamakan mereka untuk meraut kekayaan sepatutnya tidak diselamatkan dengan menggunakan duit rakyat.

Jikalau kita meminjam dengan IMF, sudah tentu kemerdekaan dan kedaulatan kita akan terjejas dengan teruk. Oleh yang demikian, satu iktibar yang patut kita pelajari dari krisis kewangan kita baru-baru ini ialah demi menjamin kemerdekaan dan kedaulatan kita tetap utuh, kita perlu menjauhkan diri dari terjebak dengan sistem kapitalis dunia yang dikawal oleh golongan Zionis. Mereka akan sentiasa cuba untuk memerangkap kita dengan cara menggalakkan kita meminjam dari mereka. Apabila kita sudah terjebak, keadaan kita adalah sangat getir dan bahaya. Krisis kewangan mungkin akan berlaku lagi kerana amalan spekulasi kewangan masih tetap berlaku. Krisis kewangan tersebut akan menenggelamkan ekonomi kita dan menjerat leher negara kita sendiri jika tidak berhati-hati. Sistem riba yang mengakibatkan jumlah hutang bertambah akibat bunga yang dikenakan kepada hutang tersebut akan memastikan bahawa jeratan di leher kita akan menjadi lebih ketat dan kuat.

Cadangan saya merangkumi dua aspek utama. Pertama ialah kebaikan menggalakkan pelabur asing melabur di negara kita. Kita perlu menghapuskan sikap takut kepada pelabur dan pemodal asing. Sikap tersebut adalah sikap kolot yang harus dikikis dari masyarakat kita. Kita harus meyediakan prasrama yang baik untuk menggalakkan pelabur asing melabur secara langsung di negara kita. Kita juga perlu meningkatkan tahap pendidikan rakyat kita untuk memberikan keyakinan kepada pelabur asing.

Kedua, kita harus mengurangkan penekanan kepada polisi membangunkan syarikat milik sendiri seperti yang telah dilakukan pada masa yang lepas. Kita juga harus menghapuskan polisi memberikan peluang yang lebih (preference) atau perlindungan (protection) kepada syarikat milik sendiri. Kebanyakan dari syarikat tersebut telah menyalahgunakan perlindungan yang diberikan kepada mereka. Mereka menjadi tidak effisyen atau tidak berkesan akibat perlindungan yang diberikan kepada mereka. Pengurusan mereka juga telah membuat keputusan perniagaan yang tidak baik apabila mereka sentiasa dilindungi dari pesaing sama ada pesaingan tersebut adalah dari dalam atau dari luar negeri. Mereka telah meminjam dengan banyak dari sumber luar negeri untuk melibatkan diri di dalam projek yang tidak produktif dan yang boleh meningkatkan dayasaing negara dari jangka panjang. Yang paling menyediakan ialah akibat dari hubungan baik mereka dengan pemimpin politik dan kerajaan, mereka telah menjadi syarikat yang tidak berupaya bersaing dengan mana-mana syarikat dari dalam dan luar negeri apabila suasana persaingan menjadi terburuk.

Ketiga, kita perlu memisahkan diri kita dari terlibat dengan sistem kewangan kapitalis barat yang berdasarkan kepada sistem riba sebagai penghutang. Sebaik sahaja kita terlibat sebagai penghutang kepada institusi kewangan barat sebagai penghutang, kita akan mendedahkan diri kepada jeratan mereka untuk memperhambakan diri kita kepada mereka. Kita akan mendedahkan negara kita kepada usaha mereka untuk mengambil balik kedaulatan masyarakat kita.

Tetapi ramai akan bertanya sama ada terdapat alternatif kepada cara yang sedia ada untuk membangunkan ekonomi negara kita? Bagaimanakah kita hendak memastikan bahawa terdapat pembangunan ekonomi yang pesat dan moden di negara kita tanpa melibatkan diri kita dengan sistem kewangan antarabangsa yang akan menjeratkan negara kita didalam perangkap yang diletakkan oleh kumpulan kapitalis Zionis? Bagaimanakah kita hendak meningkatkan kemajuan ekonomi negara demi meningkatkan mertabat negara kita tanpa terpaksa berhutang dengan pembiutang Yahudi durjana itu?

Cadangan saya yang keempat dan terpenting ialah kita perlu memerdekaan diri kita dengan kemerdekaan yang hakiki. Ini bermula dengan pembebasan mental atau pemikiran masyarakat kita. Kita perlu membebaskan masyarakat kita dari pandangan bahawa pembangunan ekonomi dan material adalah segala-galanya. Pandangan yang mengatakan bahawa pembangunan ekonomi dan material adalah objektif terpenting masyarakat mencerminkan hakikat bahawa pemikiran masyarakat kita belum merdeka. Jika kita mahukan negara kita maju dari segi ekonomi dan material kerana mahu dihormati dan

disegani oleh negara lain di dunia, ini bermakna kita adalah masih dalam belenggu mereka. Ini bermakna kita masih dijajah. Cuma penjajahan yang berlaku adalah secara tidak langsung ia tidak ubah seperti seorang hamba abdi yang dimerdekaan tetapi hamba tersebut masih berusaha bersungguh-sungguh untuk memuaskan hati bekas tuannya. Ini adalah kerana hamba yang betul-betul merdeka ialah hamba yang tidak langsung lagi memikirkan tentang bekas hambanya. Sebenarnya manusia yang betul-betul sudah mencapai kemerdekaan yang hakiki ialah manusia yang tidak memikirkan langsung tentang apa orang lain tanggap tentang dirinya. Yang penting baginya ialah apakah tanggapan Allah terhadap dirinya. Ini adalah lantaran hakikat bahawa yang Allah sahajalah satu-satunya yang mempunyai hak keatas dirinya kerana Allah adalah penciptanya, Allah lah yang memberi rezeki dan kehidupan kepadanya, Allahlah yang memiliki alam semesta ini dan Allah lah tempat kembalinya nanti.

Oleh kerana itu negara kita perlu memikirkan bagaimana hendak mendapat tanggapan yang positif daripada Allah. Itu adalah titik permulaan segala polisi, perancangan serta tindak tanduk masyarakat. Pembangunan ekonomi dan perniagaan yang akan kita lakukan adalah sepatutnya dilakukan sebagai salah satu aspek dari berbagai usaha untuk mendapat tanggapan yang baik dari Allah. Hasil dari kesedaran ini, saya yakin masyarakat kita akan menjadi lebih berusaha dan berazam untuk mencapai pembangunan ekonomi dan material. Usaha tersebut akan dilakukan dengan gigih kerana hasil kesedaran bahawa umat Islam berlu bebas dari usaha pihak musuh untuk memperhambakan masyarakat kita kepada mereka. Tetapi usaha gigih tersebut akan dilakukan dengan cara yang berlandaskan kepada ajaran Tuhan semesta Alam tanpa melakukan aktiviti yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti memajukan industri arak dan judi serta tanpa meminjam dari sistem perbankan riba yang dikawal oleh puak kapitalis Yahudi durjana yang menunggu untuk menjerat kita. Mungkin kadar pertumbuhan ekonomi kita akan menjadi perlahan sedikit. Tetapi itu tidak penting. Kita akan membangun mengikut kemampuan kita sendiri (at our own pace) dan bukannya untuk memuaskan 'expectation' orang lain. Sikap ini adalah sikap yang mencerminkan kemerdekaan yang hakiki.

Saya menutup kertas kerja ini dengan mengimbas kembali ungkapan seorang panglima perang Islam di zaman silam bernama Rubai' bin Amir apabila ditanya oleh Maharaja Parsi bermama Rustam tentang kenapa beliau datang ke Parsi. Beliau menjawab ... "Saya datang untuk membebaskan manusia dari kesempitan dunia kepada keluasan akhirat dan dari penyembahan sesama manusia kepada penyembahan Allah S.W.T.".

## **Peranan dan Cabaran Wartawan**

**oleh  
En. Yazid Haji Othman**

**Sesi 4 Trek 2**

# Tajuk : Peranan dan Cabaran Wartawan Malaysia

Oleh : Yazid Haji Othman  
Presiden Persatuan Wartawan Melayu Malaysia  
( PWM )

## Pengenalan :

Sejarah telah membuktikan bahawa media dan wartawan memainkan peranan penting sebagai alat penyebar, pembakar semangat nasionalisme di kalangan orang Melayu berminat untuk berpolitik dan menubuhkan parti politik hasil daripada pena wartawan. UMNO sendiri diwujudkan adalah hasil gerakan pena wartawan, dan akhbar *Utusan Melayu* menjadi tulang belakang dalam gerakan ini.

Hasil daripada perjuangan wartawan Melayu, akhbar-akhbar *Utusan Melayu* dan akhbar-akhbar lain yang ada pada ketika itu maka orang Melayu berjaya disedarkan agar bangun menuntut supaya negara mereka dibebaskan dari belenggu penjajahan. Akhirnya kita berjaya mencapai kemerdekaan pada 1957.

Ini bermakna peranan media dan wartawan di negara ini telah berjaya menjadi alat untuk menyedarkan orang Melayu agar menuntut kemerdekaan. Selepas merdeka golongan wartawan Melayu terus memainkan peranan memupuk kesedaran orang-orang Melayu untuk mengisi kemerdekaan dengan melahirkan tokoh-tokoh korporat Melayu.

Telah tiba satu detik kesedaran berfikir di kalangan kelompok wartawan Melayu di negara ini pada 1987, iaitu persoalan Melayu tidak boleh diserahkan bulat-bulat kepada orang politik. Ini kerana mereka begitu sibuk dengan urusan parti politik. Politik pula mengikut musim, setiap lima tahun sekali pilihanraya umum diadakan dan dua tahun sekali pula pemilihan UMNO. Keghairahan mengekalkan kemenangan, mencari kekuatan politik peribadi dan kumpulan masing-masing telah menjadi satu budaya bagi orang yang berpolitik. Kadangkala tuntutan sebegini membuatkan mereka lupa kepada nasib orang Melayu.

Oleh itu satu kesepakatan diambil di kalangan wartawan Melayu pada 26hb November 1987 untuk menubuhkan Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM). Persatuan ini diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 18hb Ogos 1989.

### **Peranan dan cabaran wartawan di alaf baru :**

YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa bercakap melancarkan sekretariat Persekutuan Wartawan Islam Sedunia atau World Federation of Muslim Journalists (WFMJ) sempena Malam Perdana PWM serta penyampaian anugerah Wartawan Cemerlang Negara pada 3hb April 1996 di Hotel Istana Kuala Lumpur, Perdana Menteri mengajak wartawan untuk memainkan peranan untuk sama-sama membina negara dengan pihak kerajaan. Katanya :

"Saya ingin mengajak PWM, marilah sama-sama kita bina negara ini dengan penuh cemerlang. Saya berbangga dengan sikap PWM yang tampil kehadapan

memainkan peranan mengumpul tandatangan seluruh wartawan Malaysia membantah pihak media Barat yang menghina pemimpin negara kita.

\*Sikap PWM ini mencerminkan peranan wartawan di Malaysia memang berbeza dengan sikap wartawan Barat yang kebanyakannya ingin melihat para pemimpin mereka jatuh dan naikkan yang lain dan jatuhkan lagi begitulah seterusnya tak henti-henti. Mereka merasa bangga dengan berjaya berbuat demikian.

\*Mereka telah berusaha agar para wartawan di negara-negara membangun lainnya agar ikut cara mereka. Kononnya ini dibuat berdasarkan prinsip kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara.

\*Tetapi di Malaysia lain sekali iklimnya. Sebagaimana presiden PWM tadi menyebut, PWM keluar ke pentas-pentas forum antarabangsa menentang sikap para wartawan Barat yang cuba mengajar para wartawan kita untuk melaksanakan idea-idea mereka yang bobrok itu. Kerajaan terhutang budi dengan sikap semulajadi PWM itu.

\*Sememangnya para wartawan kita mempunyai tanggungjawab sosial untuk memajukan masyarakat dan negara mereka. Sekiranya mereka menghentam para pemimpin kita, bilakah kita boleh melihat negara kita membangun.

"Negara hanya boleh membangun dengan jayanya jika rakyatnya bersatu dan memahami hasrat kerajaan untuk memajukan negara.

"Jika wartawan dapat memahami ini dan bersama-sama berusaha ke arah ini maka kita boleh bangunkan negara kita dengan jaya. Lalu tidakpun melebihi negara-negara maju lain, sekurang-kurangnya kita boleh menyamai mereka dalam jangka masa tak lama lagi."

Itulah pandangan Perdana Menteri Malaysia terhadap peranan wartawan negara ini. Sebenarnya apa yang dibuat oleh PWM mengumpul tandatangan para wartawan Malaysia mulai 28hb Mac 1996 hingga 3 hb April 1996 itu adalah merupakan tanggungjawab kami dengan rasa kesedaran yang mendalam ingin mempertahankan negara kita dari serangan para media barat yang cuba merosakkan imej pemimpin dan negara kita di mata dunia.

Kami rasa terpanggil untuk menangkis sikap berat sebelah media barat ini dengan cara paling drastik, dari 1288 orang wartawan Malaysia dari pelbagai kaum itu membuktikan para wartawan juga mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dalam menjaga maruah dan kedaulatan negara kita.

Itu satu contoh kecil pengorbanan para wartawan untuk mempertahankan maruah negara.

Sebenarnya semangat untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara adalah tercambah dari setiap rakyat negara ini. Manakala para wartawan

memainkan peranan selangkah kebudayaan menyedarkan masyarakat dengan pelbagai cara dan berusaha membangun menggunakan pelbagai media cetak dan elektronik untuk meluaskan semangat tersebut.

Kita kini di sogokkan oleh pihak media Barat dengan slogan-slogan bombastik "The New World Information Order" melalui pendekatan "open sky system", "global village", dunia tanpa sempadan dan sebagainya.

Slogan-slogan yang bombastik itu hanyalah ibarat satu fantasi kepada kanak-kanak kecil yang baru sehari keluar dari perut ibu mereka, apabila ia cuba buka mata, dilihatnya lelangit pada buaiannya penuh dengan objek-objek berwarna-warni berkilau-kilau dengan segala bentuk yang mempesonakan.

Hal ini samalah dengan satu peristiwa yang di catatkan oleh Rich De Vos dalam bukunya yang tertulis Compassionate Capitalism ( Penguin Books, USA 1994 ) di mana seorang lelaki bersama anak-anak dan isterinya berkata, apabila kebebasan datang ke Jerman Timur mereka tidak tahu apa nak buat, yang sering di ulangkan di mulutnya hanyalah kata-kata "Kami sudah bebas, kami boleh buat apa saja"

Sebenarnya inilah yang amat bahaya bagi para wartawan di negara-negara membangun mereka tiba-tiba sedar, mereka sudah bebas setelah melihat apa yang di buat oleh media-media barat.

Dalam kegilaan kebebasan yang tak menentu hujung pangkal ini kerap memerangkap ramai wartawan yang terpukau dengan cara Barat lalu mengkritik para pemimpin sendiri tanpa memikirkan para pemimpin sendiri, tanpa memikirkan akibat kepada maruah dan kedaulatan negara sendiri.

Pada masa yang sama slogan-slogan "The New World Information Order", Sistem Langit Terbuka, dunia tanpa sempadan dan sebagainya menunggu dengan jerat yang besar untuk mengutip segala bahan yang para wartawan tempatan laporkan untuk merosakkan negara sendiri untuk dijadikan senjata tercanggih untuk memalukan dan mengaibkan para pemimpin negara membangun ini di seluruh dunia, lalu mereka terperangkap dengan tekanan antarabangsa lalu rakyat dengan sendiri turut terpengaruh dan mula persoalkan pemimpin sendiri dan berusaha menjatuhkannya.

Kita tak persoalkan sekiranya pemimpin-pemimpin yang berusaha jatuhkannya itu merupakan pemimpin-pemimpin yang benar-benar tak berguna dan merugikan negara, tetapi andaikata, sebaliknya? Tidakkah kita akan kerugian dan pembangunan negara akan terbantut.

Bagaimanapun jika ini di tujuakan kepada para pemilik media terbabit, ia akan memberi jawapan yang amat selamba dengan mengangkat bahu "aku tak peduli ini hakikatnya yang betul, aku sibuk nak fikir akibatnya kepada negara atau pun apabila dapat peluang gasak, kita gasaklah..."

Alasan "sibuk" seperti ini tidak boleh diterima satu kesilapan dibuat negara akan hancur akibatnya.

Nicholas Coleridge dalam bukunya Paper Tigers ( Read Consumer Books Ltd.London 1993, ). Memaparkan tentang gergasi media Rupert Murdoch yang menerima 400 panggilan telefon dalam seminggu semasa tinggal di bandaraya New York, masih boleh mengambil tahu hal-ehwal media yang berada di seluruh bandar besar di Amerika, di London, Australia dan di Hong Kong setiap hari.

Segala pantang larang Rupert Murdoch yang tak mahu para wartawan melanggarinya tetap terpelihara walau sesibuk manapun beliau.

Oleh itu alasan sibuk yang diberikan oleh para wartawan dan pengendali media kita sehingga mengabaikan tanggungjawab tak boleh diterima.

Di sana sudah tentu ada sebab lain yang menyebabkan para wartawan kita serta di media cetak dan elektronik tersebut terikut-ikut dengan pihak yang melakukan segala fitnah tanpa bukti dan memaki hamun para pemimpin negara sendiri.

Terlalu banyak unsur-unsur negatif yang datang bersama dengan The New World Information Order dari Barat. Bagi saya hal ini ada kaitan dengan persoalan di atas itu.

Antaranya ramai pemimpin, rakyat, khasnya wartawan yang melanggani pendapat IMF yang mencadangkan negara-negara membangun mengamalkan langkah-langkah pemulihan ekonomi dengan caranya.

Manakala pakej tawaran IMF termasuk memberi kuasa kepada pihak "para pencipta kebebasan untuk berusaha menentang pemimpin sendiri.

Disini ramai sakali para pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi terpengaruh slogan-slogan "menyelamatkan negara" , "reformasi" , "bebaskan belenggu kemiskinan dan lain-lain lagi.

Lalu golongan yang selama ini bermottokan pencinta atau pejuang, pembela rakyat dan sebagainya mangambil peluang dari "Sistem langit terbuka" dan "Dunia Tanpa Sepadan" untuk menyebarkan segala khabar angin, dan kalau tidak ada khabar angin pun, mereka tiup angin sendiri untuk memfitnahkan pemimpin sendiri melalui internet, dan sebagainya.

Hal ini disambut pula oleh para pelanggan yang selalunya mempunyai pendapat sebelah pihak. Lalu tersebarlah segala hasutan dan tohmahan tanpa bukti ini kepada rakyat jelata, yang kasihannya orang yang lurus yang sering menerima berita baru menjadi mangsa mereka, lalu rasa benci meluap-luap tebal di hati orang ramai lalu tercetus huru-hara.

Inikah yang kita mahu? Bila huru-hara para pelabur cabut dan lari, negara akan bertambah buruk, ekonomi hancur, pasaran saham akan jatuh menjunam. Kepercayaan para pedagang dalam dan luar negara hilang. Apa untungnya Si penyebar tadi?

Nah..... Di sini lah cabaran para wartawan untuk tampil ke hadapan terangkan perkara ini sejelas-jelasnya kepada rakyat akan keburukannya yang menjadi punca persoalan supaya rakyat tidak keliru. Yang menjadi masalah pula bila wartawan berkenaan juga turut keliru lalu menjadi lagi keliru. Maka terjadilah "Keliru lagi mengelirukan".

Untuk mengatasi perkara ini, kita hendaklah kembali kepada pangkal dasar kita iaitu Etika kewartawanan yang sembilan perkara itu, berpegang dengannya, amalkannya dan laksanakannya serta pertahankannya.

Wallahu A'lam.

**Bahasa Melayu Dalam Penyanggahan Di  
Muka Pengadilan : Suatu Tinjauan**

oleh  
**En. Shamsul-Bahrain Ibrahim**

**Sesi 4 Trek 3**

**PENGERTIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN**

**Bahasa Melayu Dalam Penyanggahan  
Di Muka Pengadilan : Suatu Tinjauan**

**Oleh**

**Shamsul-Bahrain Ibrahim,**

**Barrister  
dari Inner Temple**

**Peguambela & Peguamcara  
dari Mahkamah Tinggi, Malaya**

**Secretary-General  
Asean Law Association**

## PENGENALAN

### Bahasa Undang-undang

*"Dengan itu adalah disimpulkan bahawa Defendan-defendant kedua adalah bersedia untuk mengambil kesemua pliding untuk mengeji, mencemar dan merosakkan reputasi peribadi dan profesional Plaintiff, sambil mencari jalan untuk mengenepekan tanggungjawab sejauh mana mereka boleh, dan bahawa motif utama mereka pula berkomunikasi dengan wakil Majalah atau wakil-wakil Majalan melalui Defendant Pertama dan/atau rakan kongsi-rakan kongsi Defendant-defendant Kedua berhubung dengan artikel tersebut adalah untuk menyerang Plaintiff dengan dahsyatnya dan/atau untuk menimbulkan kontroversi, atas kerugian dan kemudaratannya terhadap Plaintiff ...."*

Bila undang-undang itu dinyatakan dalam bentuk tulisan, maka sudah sewajarnyalah undang-undang itu mempertahankan sifat-sifat kata tulisan (lain pula halnya dengan kata-kata pertuturan) di samping ciri-ciri yang terdapat pada penulisan undang-undang. Undang-undang dalam bentuk tulisan tidak terkongkong oleh batas-batas daya ingatan seperti dalam proses perbualan. Oleh yang demikian undang-undang dalam bentuk tulisan mempunyai lebih perbendaharaan kata jika dibandingkan dengan pertuturan. Waktu menulis jika dibandingkan dengan pertuturan kita mampu menoleh ke belakang dan kerana itu kita akan mencapai sesuatu yang lebih meruwet dan lebih tepat.

Bahasa undang-undang bertulis juga memerlukan pemakaian bentuk tatabahasa yang ditetapkan dengan bantuan kosa kata dan kamus. Hasilnya bahasa undang-undang bertulis itu akan lebih padat dari pertuturan.

Penulisan sudah tentu dapat digunakan untuk pelbagai-bagai tujuan bermula dari surat-menyurat persendirian, surat menyurat antara peguam dengan anak-guam dan antara peguam yang saling tentang-menentang berhubung dengan kes hinggahalah kepada suruhan kepada peguam; pendapat yang dikeluarkan oleh peguam, perintah mahkamah, penghakiman, buku-buku teks pelajaran, buku panduan profesyen, rencana-rencana penyelidikan, dokumen perundangan persendirian (dokumen-dokumen ini sendiri memberi peranan pelbagai kegunaan; surat wasiat, penyelesaian, kontrak, conveyances, gadaian dan bermacam-macam lagi) dan rang undang-undang.

Kebanyakan penulisan undang-undang jenis ini bertujuan untuk merakamkan maklumat yang mengandungi hak serta kewajipan pihak-pihak yang berkenaan untuk mengikat kontrak yang sudah dipersetujui. Dokumen perundangan seperti ini adalah lebih jauh tujuannya dari memberi penerangan untuk kegunaan segera. Dokumen ini dibuat untuk mencatatkan terlebih dulu apa yang harus berlaku dalam segenap kemungkinan walaupun kadangkala

kemungkinan itu mungkin tidak berlaku. Berlainan pula dengan penulisan-penulisan sastera di mana makna penulisan itu sering dibiarkan untuk dirunding kemudian hari. Adalah menjadi sifat dokumen undang-undang persendirian supaya dokumen itu dapat mencatatkan maklumat untuk masa depan. Bila penulisan perundangan digunakan untuk kegunaan catatan simpanan, dokumen ini haruslah memberi pengertian yang tepat.

Soalnya mampukan Bahasa Melayu dalam bentuk yang ada sekarang digunakan untuk dokumen perundangan bebas dari bermacam-macam pengertian pada masa depan kalau dokumen ini dihadapkan ke mahkamah nanti? Kalau jawapan kita itu boleh, mungkin kita mengaku Bahasa Melayu itu sudah teguh landasannya dan ada yang berani berkata bahawa Bahasa Melayu yang digunakan sekarang ini tidak ada cacat celanya dari segi memberi makna yang tepat.

Masalah utama yang dihadapi oleh Bahasa Melayu adalah pengaruh bahasa Inggeris bukan saja dari segi perbendaharaan kata tetapi juga dari segi susunan kata dalam ayat. Ini berlaku hasil dari penilaian dalam bahasa Inggeris dan penggunanya yang berfikir dalam bahasa Inggeris sehingga bahasa Inggeris itu dijadikan bimbingan.

Dalam penulisan Bahasa Melayu itu sendiri penulis, wartawan dan ahli politik juga mempengaruhi bahasa perundangan. Tetapi orang-orang yang tergolong dalam bidang yang saya sebutkan ini menulis hanya untuk kepentingan semasa dengan tujuan menyampaikan maklumat tetapi bukan untuk pengertian masa depan yang mungkin dihadapkan ke Pengadilan. Atas dasar ini ahli bahasa khasnya orang Melayu harus mengaku landasan yang kita lalu masih rapuh. Jalan untuk memperkokohkan landasan itu tidak ada jalan lain melainkan membaik-pulihkan landasan tersebut dengan meninjau kembali Bahasa Melayu basic.

Yang saya maksudkan Bahasa Melayu basic ialah atas Bahasa Melayu itu sendiri dari segi :-

1. sejarah;
2. tatabahasa;
3. sebutan;
4. terjemahan; dan
5. keanehan

## I. SEJARAH

Zaman penjajahan Inggeris dahulu Bahasa Melayu diajarn untuk membasmi buta huruf pada kalangan orang Melayu dan setelah buta hurufnya semakin mengurang, Bahasa Melayu diajarn untuk memahami cerita-cerita dongeng Melayu serta hikayat-hikayat Melayu seperti Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Awang Sulung Merah Muda dalam bahasa yang senang-

senang. Kemudian diperkenalkan Hikayat Munshi Abdullah - untuk memahami penulisan-penulisan asal seperti Pelayaran Abdullah dan Hikayat Hang Tuah, pelajar-pelajar di ajar Tatabahasa Melayu melalui Pelita Bahasa Melayu Jilid 1, II dan III. Buku Teks yang sama juga digunakan oleh guru-guru pelatih dari Sultan Idris Training College (SITC). SITC menitikberatkan "basic" dan basicnya bermula dari zaman kesultanan Melaka.

Sebelum Sultan Mansur Shah, Sultan yang memerintah Melaka ialah Sultan Muzaffar Shah iaitu Sultan ke- 4 Melaka, manakala Sultan ke-5nya ialah Sultan Muhammad Shah [1424-44]. Waktu pemerintahan bagindalah undang-undang Melaka mula disusun.. Nilai Undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka ini terdapat pada hakikatnya bahawa Kanun ini tidak terbatas pada hanya menceritakan kehidupan Mahkamah dan kepada kehidupan golongan-golongan atasan tetapi juga kepada rakyat. Kebanyakan ketentuan-ketentuan mencerminkan sejarah masyarakat Melayu di Melaka seperti yang dicerminkan dalam undang-undang Melaka itu sendiri. Ini bermakna Bahasa Melayu dalam perundangan tidak semuda seperti yang kebanyakan kita fikirkan. Malah sama tua dengan bahasa perundangan di Eropah. Tetapi dengan robohnya batu-batu masjid di Melaka untuk mendirikan Kota Melaka oleh Portugis, maka ikut berkecaci Bahasa Melayu perundangan.

Sejak terdirinya Kota Melaka, Bahasa Melayu dianggap sebagai "vernacular language" - Bahasa Kalangan. Tetapi orang Melayu tetap berpegang "Bahasa dan Bangsa tidak dijual beli". Keadaan ini berlarutan dari zaman Portugis ke zaman Belanda, dari zaman Belanda ke zaman Inggeris, dari zaman Inggeris ke zaman Jepun, dari zaman Jepun balik ke zaman Inggeris.

Sejak merdeka salah satu dari tujuan pengajaran Bahasa Melayu adalah untuk memahami serta menikmati Sastera Melayu seperti Tenggelamkan Kapal Venderdjik, Salah Asuhan dan lain-lain bagi persediaan peperiksaan Cambridge School Certificate. Tujuan ini selaras dengan tujuan pengajaran Bahasa Inggeris yakni memahami English Literature seperti The Tales of Two Cities, Oliver Twist oleh Charles Dickens. Setelah Bahasa Inggeris itu dapat dikuasai secukupnya pelajar itu disogokkan pula dengan drama-drama Shakespeare seperti Hamlet, Romeo and Juliet, Cleopatra dan Merchant of Venice.

Sekali air bah, sekali pasir berubah  
Sekali air bah, sekali tepian berubah  
Sekali air pasang, sekali pasir berubah

English Literature tidak lagi diajar seperti dulu. Tetapi di England dan Wales, teks yang sama masih diinginkan. Ini memberi "advantage" kepada pelajar undang-undang. Dalam Merchant of Venice terdapat adegan bagaimana piutang telah terlepas dari teraniaya hasil kecekapan seorang

peguam yang bernama Portia setelah penghutang Shylock gagal dipujuk supaya lebih berperkemanusiaan. Shylock tetap dengan berpegang kepada perjanjian:

### *THE MERCHANT OF VENICE*

#### *SHYLOCK*

*When it is paid according to the tenor.  
It doth appear you are a worthy judge.  
You know the law. Your exposition  
Hath been most sound. I charge you by the law  
Whereof you are a well-deserving pillar,  
Proceed to judgment. By my soul swear  
There is no power in the tongue of man  
To alter me. I stay here on my bond.*

Shylock terus dipujuk supaya berperi kemanusiaan. Apabila semua hujah ditolak, Portiapun berhujah sebagai ikhtiar akhirnya :

#### *PORIA*

*Therefore prepare thee to cut off the flesh.  
Shed thou no blood, nor cut thou less no more  
But just a pound of flesh. If thou tak'st more  
Or less than a just pound, be it but so much  
As makes it light or heavy in the substance  
Or the division of the twentieth part  
Of one poor scouple-nay, if the scale do turn  
But in the estimation of a hair  
Thou diest, and all thy goods are confiscate*

Dengan itu terselamatlah yang tertuduh.

Ini bermakna sejak di bangku sekolah lagi pelajar dide dahkan dengan keberkesanan bahasa sehingga dapat menyelamatkan nyawa. Kesedaran ini terus dipupuk dengan drama :

### *Anthony And Cleopatra*

#### *Henry VIII*

#### *Julius Ceasar*

#### *The life and Death of King John*

#### *The Life of Henry the Fifth*

#### *The Merry Wives of Windsor*

Matapelajaran Sejarah dianggap penting bagi mendidik seorang peguam dan orang-orang Inggeris berpegang teguh kepada gejala ini kerana pada hari pertama lagi seseorang mahasiswa Ilmu Hukum di beritahu :-

*A lawyer without history or literature is a mechanic, a mere working mason; if he possesses some knowledge of these, he may venture to call himself an architect.*

— Scott, *Guy Mannerling*

Secara tradisinya, ahli-ahli teori perundangan secara meluas menggunakan filsafah bahasa. Kerap sekali disanggahkan oleh mereka filsafah bahasa sebagai suatu alat induk bagi menguraikan persoalan-persoalan umum berkaitan dengan sifat lembaga undang-undang serta pengertian ungkapan-ungkapan undang-undang yang utama. Pada peringkat yang tinggi-tinggi keadah linguistic hanya digunakan sebagai pembantu dalam percobaan untuk menjelaskan keruwetan keadaan tafsiran serta kaedah pengguna-pakai.

Saya sengaja memilih karya William Shakespeare dan Charles Dickens kerana dari beberapa rujukan perundangan dan karya Shakespeare ada ditimbulkan suatu teori bahawa William Shakespeare itu adalah seorang peguam terlatih dan Charles Dickens memulakan hidupnya sebagai seorang kerani peguam dan pemberita mahkamah dan kebanyakan nobelnya mengandungi watak perundangan atau rujukan perundangan. Adegan perbicaraan yang terkenal dalam buku *Pickwick* (ditulis waktu penulisnya berumur hanya 24 tahun) menyorotkan perjalanan sistem guaman-bela di pengadilan "common law" dalam zaman kemelesetan.

Relevant atau tidaknya karya Shakespeare dan Dickens dalam membekalkan seorang mahasiswa Ilmu Hukum tertakluk pada "debate". Tapi yang penting oleh kerana bahasa itu adalah suatu jentera kepada seseorang peguam, adalah tanggung-jawab kita semua memastikan Bahasa Melayu itu betul-betul menghayati bangsa Melayu dan jalan lain tidak ada melainkan balik ke pangkal jalan dengan meniti-karatan lunas-lunas bahasa yang telah disusun dan diperkembangkan oleh orang zaman dahulu.

Anthony Diller dalam rencananya yang bertajuk "Sriwijaya And the First Zeros" menulis bahawa angka "0" yang kita kenal pada hari ini berasal dari penulisan (*inseptions*) Sriwijaya (lihat Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society : Jilid Lx VII Bahagian 1, 1995). Tetapi yang anehnya, orang Melayu sendiri tidak sedar apakah huruf "zero" itu harus dipanggil : Orang Indonesia panggil "nol", orang Melayu sebut "kosong", orang Melayu Singapura kata "sefar".

Adat resam manusia menawarkan asas sistem perundangan, kadang-kadang diperturunkan dalam bentuk tulisan, kerap kali tersimpan dalam ingatan orang tua-tua lalu diwariskan dari satu generasi ke generasi lain. Dengan ketibaan Islam ke Melaka oleh Mukhdum Saiyid Abdu'l Aziz di

Melaka suatu faktor baru yang besar telah menyelebungi adat tersebut tetapi tidak semestinya mengambil alih adat itu.

Imbasan perundangan kesultanan Melaka dapat kita tinjau dari titah terakhir Sultan Mansur Shah dalam tahun 1470 sejurus sebelum baginda mangkat sambil memandang pada anakanda baginda Raja Husin, baginda bertitah :

*"Ketahui olehmu, hai anakku, bahawa yang dunia ini tiada akan kekal adanya. Yang hidup itu sedia akan mati juga sudahnya. Iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal, disebut orang selama-lamanya. Adapun peninggalanku ini, hai anakku, hendaklah engkau berbuat sabar serta adil sangat-sangat, dan jangan tamakkan harta orang, kerana makan hak sama Islam itu terlalulah besar dosanya, tiada diampuni Allah subhanahu Wataala, melainkan dengan izin tuannya. Dan jagalah lagi khali engkau keluar dihadap orang, kerana segala hamba Allah banyak terserah kepadamu. Jikalau kesukaran baginya hendaklah engkau tolong; jikalau teraniaya ia hendaklah engkau periksai baik-baik, supaya diakhirat tiada dilibatkan Allah atas lehermu, kerana sabda nabi Salla Allahu alaihi wassalam : Kullukum rain wa kullukum masulum an raiyyatihi, yakni segala kamu yang membela lagi di tanyai daripada pembelaan kamu; ertinya segala raja-raja di akhirat lagi ditanya Allah. Tiada daripada segala rakyat. Sebab demikian, maka harus engkau berbuat adil dan saksama, supaya di akhirat jannah diringankan Allah Taala kira-kiramu. Dan handaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun kebijaksanaannya dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya itu? Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya kerana raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada akan nescaya pohon tiada akan dapat berdiri," demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya. Hai anakku, hendaklah engkau turut seperti wasiatku ini, supaya engkau beroleh berkat diberi. Allah subhanahu Wataala."*

Setelah Sultan Mansur Shah mangkat Raja Husinpun ditabalkan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah.

Itulah yang dikatakan adat di selubungi oleh unsur-unsur Islam.

Dari segi sejarah - perkataan "adat" dan "undang-undang" itu adalah dua patah perkataan yang dapat dipertukarkan.

- Adat - Bahasa Arab. Perkataan "adat" meliputi :
- (i) perangai peribadi seseorang (Hikayat Melayu)
  - (ii) kebiasaan dunia (Pantun Melayu)
  - (iii) convention masyarakat yang menentukan apa yang tidak benar (langgar adat; terlepas dari adat).
  - (iv) perjalanan undang-undang alam (bawa adat)
  - (v) kaedah yang menguasai permainan, sukan (adat gelanggang)
  - (vi) undang-undang pertempuran (adat perang) [Hikayat Bugis]
  - 
  - etiquette Mahkamah (adat balai)
  - (vii) denda, yuran, hukum (penalties) yang ditetapkan oleh adat misalnya adat sasalaha (denda atas kesalahan menggoda)  
adat takul lantak (batas pemisah) (pembatasan) - bayaran bawah undang-undang Minangkabau
  - (viii) common law atau undang-undang adat secara umum sama ada setempat (adat Minangkabau; adat Rembau; adat Jelebu) atau seperti yang dibahagi-bahagikan oleh ahli hukum Melayu;
  - (ix) undang-undang kesultanan  
autokrat yang didefinisikan sebagai :  
"apa-apa titah raja tidaklah boleh di-banding lagi"  
(Moestiko Adat Alam Minangkabau, Balai Pustaka Batavia).
  - (x) sifat-sifat demokrasi;  
adat pepateh; adat lembaga yang terkenal sekali ialah adat peribuan Minangkabau (matriarchal law). Suku kata 'adat' secara telitinya (in a strict sense) tidak meliputi hukum syara' statute-law (undang-undang) conventions (muafakat) secara teorinya, hukum adat dan hukum syara' di kuat-kuasakan sama rata (adat yang kawi, shara' yang lazim) secara amalannya bertindak.

- (xi) secara tidak rapi, semua undang-undang, misalnya adat kitab Allah (kata-kata Bidalan Melayu).

[common law Minangkabau berasaskan pada tradisi dari zaman dahulu kala dan diwujudkan ke dalam pepatah-pepatah lama (kata pesaka, kata saka, perbilangan adat)

Ada kalangan percaya telah difikirkan oleh seorang yang bernama Dato' Perpateh Pinang Sa-batang dan setelah diperbincangkan lalu diterima secara kasarnya dan kemudian seluruh penduduk mengangkat sumpah taat setia kepada adat tersebut bagi diri mereka dan anak-cucu mereka atas besi kawi atau bisa kawi. Adegan peristiwa ini di negeri sekitar Batipoh. Priangan dan Padang Panjang.

Di-mana jalan Baginda Giri?  
Di-baroh balai panjang.  
Di-mana benar adat terdiri?  
Di-Batipoh Padang Panjang

Permainan bahasa masih kekal dengan dugaan yang paling tidak menentukan. Panduan penterjemahan dengan membuat perbandingan tidak akan menyelesaikan masalah pendapat yang berlainan. Misalnya perkataan "suit" diterjemahkan sebagai "guaman". Pada saya suit bermakna kehadiran oleh seseorang di mahkamah sebagai suatu kewajiban atau suatu penyanggahan di bawa ke muka mahkamah undang-undang oleh seorang persendirian atau syariakt tetapi bukan oleh polis atau kerajaan. Dan saya terjemahkan "gugatan". Guaman saya maksudkan "case".

Bahasa perundangan yang khusus lagi asing dari pertuturan lazim adalah hasil dari suatu masyarakat yang dianggotai oleh suatu golongan yang sangat terbatas terdiri dari orang-orang yang tangkas undang-undang dan mampu pula membaca tulisan-tulisan dalam bahasa itu. Apa yang secara berkesanannya dikatakan penukarannya-ganti undang-undang, rangkai kata yang kuno dan kolot, dan pendidikan undang-undang yang khusus seperti di Inns of Court semamangnya disusun untuk melahirkan golongan elit ekonomi, serta nilai diskriminasi yang dimanfaatkan oleh golongan elit seumpama itu. Belajar undang-undang itu sendiri merupakan suatu keistimewaan.

Para peguam sering menyebut perkataan "pertimbangan undang-undang" ia-itu suatu bahagian alat pemikiran khayal dan bentuk penyelidikan dan wacana, dengan inti lapangan serta kaedah yang menutup. Apa yang ada pada kita adalah susunan-susunan bahasa yang terdapat dalam sejarah :

*"setelah sampai ke Melaka, maka Patih Adam pun datang kepada Seri Nara Diraja, maka kata Patih Adam, 'Manira*

*datang ini hendak minta janji andika dengan manira,  
hendak mendudukkan manira dengan ananda.”*

*Maka kata Seri Nara Diraja, “Tiada hamba berjanji hendak  
mendudukkan anak hamba dengan tuan hamba.”*

*Maka kata Patih Adam, “Tidakkah tatkala ananda lagi  
berlari-lari kata tuan hamba, “Patih Adam, dengar juga  
kata anak hamba ini, ia hendak berlakikan tuan hamba?”*

*Maka kata Seri Nara Diraja, “ Sungguh hamba berkata  
demikian, tetapi hamba bergurau juga dengan tuan  
hamba.”*

*Maka kata Patih Adam, “Adakah adat peremasan  
diperguraukan orang?*

*Maka Patih Adam pun kembalilah ke tempatnya singgah.  
Maka ia berbicara di dalam hatinya hendak memrogol Tun  
Mandi.”*

w.a. Shellabear : Sejarah Melayu.

Ada pertanyaan yang berbunyi : Apakah itu analisis perundangan? Pertanyaan itu seolah-olah wacana (yang dibuat oleh peguan) tentang undang-undang itu mempunyai suatu inti sari yang kekal. Dalam menghadapi wacana seumpama itu, apa yang wajar kita tanya ialah : Dalam bentuk apa yang kita terima dan apakah yang kita harusjadikan pada bahan asal itu?

Menghurai analisis perundangan adalah suatu cara untuk menggambarkan bahan perundangan secara luas sebagai sebutan tentang kumpulan polisi dan kumpulan dasar yang ada hubung-kaitnya. Itu adalah suatu cara wacana untuk tujuan yang tertentu dengan menghargai bahawa tujuan yang dipertalikan itu membentuk perkembangan undang-undang yang ditafsirkan. Perbezaan utama adalah melihat dasar-dasar kesejahteraan dan dasar moral yang terkumpul serta hak politik sebagai isi yang tepat dari tujuan yang dibimbangi itu. Menyamaratakan dan mengidamkan wacana dasar dan polisi itu adalah kerja menafsirkan undang-undang itu dengan memberi lebih bermakna. Melalui tafsiran semula dengan memasuki isi undang-undang itu lebih mendalam, maka kita akan lebih memahami bahasa-bahasa undang-undang sebagai pecahan-pecahan dari suatu rancangan hidup sosial yang senang dimengertikan.

## 2. TATABAHASA

### 1. Kata ganti

Tatabahasa yang kita pakai sekarang dipengaruhi oleh kaedah grammar Inggeris. Jadi waktu menghuraikan tentang bentuk ayat kita terus berkata dalam sesuatu ayat itu terbahagi kepada : subject verb predicate. Misal :

*Saya minum kopi* (betul)

Ini bentuk aktif. Kalau ditukar menjadi pasif :

*Kopi diminum oleh saya* (pun betul). Malah inilah kalimat yang sering kita dengar di mahkamah. Tetapi Bahasa Melayu basic tidak membenarkan kalimat ini. Waktu menukar dari bentuk aktif ke bentuk pasif, perkara yang mesti diambil kira adalah subjek itu sendiri. Sama ada orang pertama, orang kedua atau orang ketiga. Kalau orang pertama di tulis : *Kopi saya minum*. Kalau orang kedua : *Kopi di minum oleh awak* atau *kopi awak minum*.

## 2. Penambahan

Perkataan makan dan minum tidak dipakai dengan menggunakan imbuhan "me". Memadailah dengan kata "*Saya makan durian hingga sakit perut*" :

Atau kita kata :

*Kambing makan rumput.*

Bukan

*Kambing memakan rumput*

Tetapi salahkah kalau kita kata :

*Kambing memakan pucuk ubi?*

Tidak salah kerana "me" di situ menunjukkan suatu perbuatan yang dilarang.

## 3. Kata depan "di"

Kata depan *di* terdapat dalam dua bentuk (1) bebas (2) terikat. Dalam bentuk bebas *di* menyatakan tempat. Manakala dalam bentuk terikat pula *di* itu dipakai dalam bentuk pasif.

Kalau dalam bahasa Inggerisnya *di* itu bermakna sebagai, yang kita tahu: in, on and at.

Saya katakan "*di*" ini tergolong dalam ertikata "basic" kerana kita sudah terpesong dalam penggunaannya. Bayangkanlah keadaan suasana seperti yang digambarkan dalam laporan penghakiman mahkamah yang

berbunyi : "Kemalangan itu berlaku di antara dua motosikal". Di sini sudah berlaku salah guna bahasa.

#### 4. kata depan dari

Kata depan, kata yang menerangkan tempat

- (i) *as a locative preposition :*

dari daksina ka-paksina (from South to North)

- (ii) *as a temporal proposition:*

dari dahulu sampai sekarang (from the past even onto now)

- (iii) *as a preposition of comparison:*

indah kabar dari rupa (report makes a thing finer than it is seen to be)  
rumour always exaggerates

- (iv) *Common as a prefix):*

dari atas (from above)

dari bawah (from below)

- (v) *deteriorating, demotion, going from bad to worse:*

dari anjung turun ke sampan

dari jong turun ke sampan

- (vi) *honestly, frankly:*

dari hati ke hati

- (vii) *long ago:*

dari jauh hari

- (viii) *Jika berbuat salah akan diumpat orang di belakang dan kalau tidak di depan kita:*

dari jauh orang angkat telunjuk, kalau dekat dia angkat mata

dari dalam (from within)

dari luar (from without)

dari sana (thence)

dari sini (hence)  
dari situ (thence)

Misalnya :

1. *president of a university* : rektor dari sebuah universiti
2. *to expect much of something* : mengharapkan banyak dari sesuatu
3. *to come from a noble family* : berasal dari keluarga bangsawan
4. *wide of the mark* : jauh dari sasaran
5. *section 78 of Limitation Act* : seksyen 78 dari Akta Pebatasan

#### 5. Kata depan "daripada"

1. *From, of, showing origin of a thing or material etc.:*  
bajunya dibuat daripada kain sutera yang halus
2. *used in the process; from, than, showing difference or distinction:*  
Gelang yang ini lebih mahala daripada yang itu
3. *since, as from showing time or period, removal, etc.:*  
Daripada sekarang setiap affidavit mesti mempunyai dua kepala
4. *showing prohibition, removal:*  
Kita mesti mencegahkan diri daripada mengungkit isu hak keistimewaan serta kedudukan orang Melayu
5. *showing given, sender:*  
Anakguam saya baru saja menerima sepucuk surat daripada bekas isterinya yang berada di Sydney.

#### 6. Context of situation

Untuk memahami sebarang ucapan maka perlu sekali kita meneliti keadaan sekeliling ucapan itu dibuat secara mutlak. Sebagai contoh saya ambil perkataan "baung". Kamus Dewan Bahasa memberi makna baung begini :

*baung - sj ikan darat*

Jadi jika orang yang bukan bangsa Melayu dan seperti biasa mengaku pintar berbahasa Melayu berjalan-jalan dalam kampung waktu cuaca mendung tiba-tiba terdengar seorang budak berteriak "Baung, baung" nescaya dia menganggap budak itu kurang siuman kerana memanggil ikan baung. Pada hal dalam keadaan alam sekeliling budak itu memanggil hujan! Kita tidak boleh menyalahkan orang yang menganggap sedemikian kerana kamus-kamus kita tidak memberi makna baung dalam keadaan sekeliling tersebut.

Apa yang diperlukan di sini ialah menjeniskan perhubungan tindakan ucapan menurut logik dengan menurut kegunaannya. Keanehan besar bahasa perundangan ialah keupayaan kita menetapkan batas bahawa kata-kata yang gawat berhubung dengan perkataan-perkataan imbang yang biasa. Watak bahasa perundangan yang tersendiri dan susunan kaedah undang-undang yang membingungkan adalah hasil dari suatu sistem kaedah. Bahasa yang terlibat dalam ucapan dan dalam pemakaian kaedah merupakan suatu bahagian daya penyanggahan manusia yang istimewa dengan ciri-ciri yang membawa kepada kekeliruan kalau diabaikan dan disia-siakan.

Ini bermakna bahasa perundangan adalah suatu perihal kegunaan undang-undang dan hendaklah diasingkan dari cara definisi yang lazim secara keberkesanannya ialah suatu bentuk kehidupan yang benar-benar tertentu dalam mana sifat-sifat pemakaiannya mengandungi makna atau mempunyai nilai perundangan bukan berdasarkan pada sebarang kumpulan set yang menentukan atau proses-proses sosial, tetapi bukan berdasarkan pada pendirian (lembaga) yang normal dan kaedah-kaedah sistem perundangan yang berkesan. Pada peringkat definisi pula kaedah-kaedah yang paling bergantung yang harus dititik-beratkan untuk mencari definisi sebarang ungkapan yang tertentu. Undang-undang dan kehidupan sehari-hari harus dibezakan; fungsi utama perkataan-perkataan undang-undang bukan untuk mempertahankan atau menghuraikan apasaja tetapi adalah untuk suatu fungsi yang berbeza dan fungsi berbeza ini adalah hubungan peranannya dalam bentuk kehidupan undang-undang atau permainan undang-undang.

## 7. Renungan Utama

Dugaan tentang bentuk kehidupan dan dugaan tentang permainan undang-undang adalah sumbangan yang berpengaruh kepada permainan bahasa. Yang menjadi pokok kepada permainan bahasa ialah methodologi :

1. Dalam bahasa Melayu, renungan utama disebut dahulu diikuti dengan kata keterangan. Dalam bahasa Inggerisnya : In Malay the main thought comes first, the adjunct follows.

Misalnya :

- a) Malam tadi saya berada di rumah isteri kedua (alibi)

Di rumah isteri kedua saya berada semalam-malaman  
malam tadi (bukan di tempat lain).

- b) Kalau takut dilimbur pasang, jangan berumah di tepi pantai  
Kalau takut kena getahnya, jangan makan nangka  
Mara jangan dipikat, rezeki jangan di tolak

Jadi :

Kalau berlaku kebakaran, gunakanlah tangga, jangan  
gunakan lif

*Ketua-ketua raja duduk;  
Jangan ditimpah papan;  
Diketahui ganja itu mabuk  
Apalah sebab maka dimakan.*

#### 8. Melanggar kaedah

Sementara definisi bersistem ungkapan yang digariskan tadi mungkin luas pemakaianya terhadap mendefinisikan makna atau nilai sebarang ungkapan yang tertentu berhubung dengan kumpulan fakta kaedah yang ditetapkan sebelumnya (adat, kegunaan pendirian) dengannya mesti dipersetujui meskipun demikian terdapat pula sisa masalah kefahaman yang berhubung kait dengan penggunaan bahasa yang sebenar dan yang tersembunyi. Bahasa pertuturan merupakan suatu kegiatan dan pemahaman pertuturan juga memerlukan kejuruan teknik; di mana analisis mencocokkan apa yang dipanggil "mematuhi kaedah" dan "melanggar kaedah" dan kes-kes yang benar-benar berlaku. Misalnya perkataan "setuju" dengan "janji". Contoh:

*"Apabila Sultan Ahmad Tajuddin yang sudah tua itu dibenarkan pulang ke Kedah dan menduduki tempatnya semula sebagai raja, baginda bersetuju dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh Bangkok."*

Tetapi apa yang dipersetujui tidak menjadi persetujuan, tetapi menjadi perjanjian. Pada hal persetujuan memerlukan dua pihak, sedangkan janji itu hanya merupakan akuanji oleh satu pihak saja.

Terdapat 2 penterjemahan yang berbeza :

1. mengenai jenis kefahaman : perkataan : "taxation"

kefahaman umum	-	pencukaian
kefahaman undang-undang	-	pemeriksaan penaksiran kos

2. menangani permainan bahasa : perkataan "tanggung"

kefahaman umum	-	memikul, menderita
kefahaman undang-undang	-	terikat/dimestikan

Dalam pertembahanaraan kata apakah yang mesti kita fikirkan tentang polisi dan dasar atau konsep apakah yang harus kita ambil sebagai jalan keluar dalam percobaan kita untuk mengaitkan polisi dengan dasar serta memilih yang mana satu?

Contoh :

1. Perkataan "guam" (antara sama sendiri)

Guam	:	pertikaian (dispute) contentions matter - Hikayat Hang Tuah
------	---	--

Guaman	:	lawsuit (Terengganu, Kelantan)
--------	---	--------------------------------

Berguam	:	to be a party to a suit
---------	---	-------------------------

Peguam	:	lawyer (Perak)
--------	---	----------------

Pegawam	:	Batawi
---------	---	--------

Guaman jenayah	:	Kelantan, Terengganu
-------------------	---	----------------------

Anakguam	:	Party to a Suit (Kelantan)
----------	---	----------------------------

2. Perkataan "Advocate"

Bahasa Melayu	:	Peguam bela
---------------	---	-------------

Bahasa Indonesia	:	Advokat
------------------	---	---------

Bahasa Tagalog	:	Abugado
----------------	---	---------

3. Perkataan "toll"

Bahasa Inggeris	:	Toll
-----------------	---	------

Bahasa Melayu	:	Bea (lihat Majmu-al-ahkam Johore Code)
---------------	---	--

	:	Pebean = Toll Station
--	---	-----------------------

Dalam membuat pilihan yang saya katakan tadi Dewan Bahasa memilih "tol" mungkin berdasarkan pada "polisi dan dasar".

4. Perkataan "Commonwealth"

Bahasa Inggeris	:	Commonwealth
Bahasa Melayu	:	Negara-negara Persekemakmuran
	:	Negara-Negara Komanwel (Dewan Bahasa)

5. Perkataan United Nation : Bangsa-Bangsa Bersatu  
(diterjemahkan)

Lagi sekali polisi dan dasar bermain-main di sini.

Di Indonesia, "polisi dan dasar" itu dikira dari segi "popularity sejagat" perkataan itu. Misalnya dalam memilih perkataan "university", "universite" atau "universitas". Apakah perkataan yang paling popular di kalangan negara yang telah mempelupori maksud perkataan "university" itu? Setelah didapati yang mana lebih popular, maka mereka pilih "universitas" bukan universite atau universiti.

9. Methodology

Walau apapun "polisi dan dasar" yang sudah ditetapkan atau kalaupun sudah dirumuskan, sejarah dan kesusasteraan tidak harus diabaikan. Kita perlu berpaling jauh ke belakang sambil berpegang teguh kepada methodology bahasa datuk moyang kita dengan mengambil kira :

(i) Haus dan Lusuh Bahasa

a) Bahasa Tulis

sahaya	saya
sahaja	saja
baharu	baru; bukan bahrus atau bharu
hulu	ulu

b) bahasa pertuturan

hujan	ujan
hari	ari
hutan	utan
membacang	embacang
harimau	rimau

(ii) Kata penghubung (conjugation)

Bahasa Melayu sendiri, sering kali, dapat diperkayakan dengan menggunakan kata penghubung seperti perkataan "persekemakmur" tadi. Tapi kita tidak begitu gemar menggunakan alat ini kerana terlalu banyak dipengaruhi oleh bahasa Inggeris. Mungkin ada kalanya kita kurang memberi penumpuan dalam hal ini.

Perkataan dalam bahasa Melayu mengandungi :

1. kata dasar (root word)
2. penambahan (prefix dan suffix)
3. bunyi sengau (sound change)

Misalnya

1. kata dasar - sapu
2. penambahan - "me" bukan "meng" seperti diajarn di sekolah
3. kata sengau - ny  
belajar
  - a. kata dasar - ajar
  - b. penambahan - ber
  - c. kata sengau - l

Kalau kata dasar itu sudah mempunyai huruf "r", maka tidak perlu memakai kata sengau. Contoh :

bekerja	-	bukan ber(r) kerja
beserta	-	bukan be (r) serta
rempak-	berderet	sejajar - (Queue)
serempak	-	concurrently
terserempak	-	tiba-tiba bertemu muka (bukan tak sengaja)
tersenyum	-	tiba-tiba senyum bukan tak sengaja senyum

Bahasa Inggeris mempunyai seratus lebih prefixes dan suffixes, - - able, - - - ness, - - ment, pre -, dis- anti - dan seterusnya dan dengan ini ia dapat membentuk dan membentuk semula perkataan-perkataan dengan suatu kemudahan dan ini menjadikan bahasa Inggeris itu lain dari yang lain. Misalnya ambillah bahasa Perancis *mutin* (pemberontakan) dan Inggeris telah mengalihkan kata-kata itu dengan *mutiny*, *mutinous*,

mutunously, mitineer dan banyak lagi sementara bahasa Perancis masih tetap dengan satu bentuk, *mutin*.

(iii) Fonetik

Selain dari suku-kata Bahasa Melayu juga mempunyai keanehan fonetiknya yang tersendiri.

Misalnya :

Jika "h" itu diapit oleh dua huruf saksi yang berlainan, maka 'h' itu tidak dibunyikan.

Chontoh

tahun	pahit
tahi	jahit
tahil	kelahi
tahu	mahu
sahut	bahu

terdapat juga pengecualian :

Tuhan
sahih
jahit

(iv) Verbs in imperative mood

Kata kerja dalam modus permintaan tidak mempunyai imbuhan.

*Jangan pijak rumput*

*Bawa buku itu ke mari*

## 10. Class words

Kini "class word" sudah semakin pupus.

Chontoh :

1. Perdana Menteri akan berlepas ke Jepun  
Bukan lagi  
Perdana Menteri akan berlepas ke negari Jepun.
2. Air Irrawaddy semakin keruh  
Bukan lagi

Air Sungai Irrawady semakin keruh

Dulu kita kata

bunga orchid	tanggal 15
hari Sabtu	baju kemeja
bulan September	orang Gurkha
tahun 1958	topi helmet
gunung Everest	daun pandan

### 11. Word denotes feelings

Jika perkataan itu menggambarkan perasaan maka perkataan itu mesti diikut dengan perkataan "akan" atau "pada"

*Saya marah pada pesuruh.*

Sekarang

*Saya marah dengan pesuruh*

*Saya sayang pada dia  
atau*

*Saya sayang akan dia*

Sekarang

*Saya sayang dengan dia*

*Pesuruh saya bencikan kucing*

Sekarang

*Pesuruh saya benci dengan kucing*

Persoalan yang kita hadapi ialah sama ada kita harus betulkan keadaan ini ataupun berdiam diri tak perlu tetapkan landasan seperti yang saya katakan pada mulanya tadi. Saya serahkan kepada ahli-ahli bahasa.

Ungkapan "filsafah bahasa" akan lebih jelas kalau kita lihat tiga jenis bahasa yang berlainan filsafah bahasa diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tidak mengambil kira filsafah bahasa Inggeris itu sendiri. Akibatnya begini :

Fikirkanlah suatu pengumuman di sebuah hotel di negeri Yugoslavia :

*"The flattening of underwear  
with pleasure is the job of*

*the Chambermaid. Turn to  
her straightaway."*

Atau amaran kepada pemandu-pemandu di jalan raya di kota Tokyo :

*"When a passanger of the  
foot heave in sight,  
tootle the horn. Trumpet  
at him melodiously at  
first, but if he still  
obstacles your passage,  
then tootle him with  
vigour."*

Atau arahan yang menyemarakkan suatu kotak "fast food" di negeri Itali:

*"Besmear a backing pan,  
previously buttered with  
a good tomato sauce, and  
alter, dispose the canneloni,  
lightly distance between  
them in a only couch."*

Setelah meninjau ke Zagreb, Tokyo dan Rome, mari kita pulang ke Kuala Lumpur.

*"Yang Arif, Yang Arif,  
Nama saya ialah Mastura A. Kadir.  
Saya mewakili perayu-perayu.  
Rakan bijaksana saya Encik Sulaiman  
Moydien mewakili responden-responden*

*Arahan-arahan saya ialah meminta  
penangguhan kerana pihak-pihak akan  
sampai satu perjanjian."*

### 3. SEBUTAN, PENGUCAPAN

Bahasa Melayu berlandaskan suku-suku kata yang tinggi. Oleh itu pengucapan dalam Bahasa Melayu menitik-beratkan tekanan suku kata itu. Dan setiap suku kata itu mestilah diberi tekanan yang sama.

Misalnya :

kecenderungan	- ke/cen/de/rung/ngan
kemanusiaan	- ke/ma?nu/si/ia/an
berdarmawisata	- ber/dar/ma/wi/sa/ta

Oleh kerana Bahasa Melayu itu dikatakan "highly syllabic" maka anak-anak diajar mengeja.

a- lam	da- da
ba- tuk	ê- mas
cu- cu	fa- kir

Hanya penyanyi popular Siti Nurhaliza saja yang memberi tekanan menurut Bahasa Melayu "basic".

Lain pula halnya dengan Bahasa Inggeris. Percakapan dalam Bahasa Inggeris tidak menentu. Kalau adapun tidak banyak, misalnya perkataan "object" diberi tekanan pada suku kata pertama : (ob'dzekt). Tidak hairanlah kalau anak-anak Melayu memberi tekanan yang sama ke atas kedua-dua suku kata ini.

Bahasa Melayu di sebut seperti di eja. Berlainan pula halnya dengan bahasa Inggeris. Antara perkataan-perkataan itu :

heard	-	beard
road	-	broad
five	-	give
early	-	dearly
ache	-	moustache
low	-	how
doll	-	droll
scour	-	four
bread	-	speak

Apabila negara barat memperkenalkan kaedah "look and read" dan kitapun turut kaedah itu, maka dengan sendirinya tekanan dalam suku kata dalam Bahasa Melayu ditinggalkan. Akibatkan, percakapan menjadi "free for all" dan ejaan tidak lagi dibuat secara suku kata.

seri (ketuhanan Hindu)	-	Sri (Isteri Vishnu)
Isteri	-	istri (di Indonesia sudah mula)
Bank Bumiputra (Malaysia)	-	Bank Bumiputra (Indonesia)

#### 4. TERJEMAHAN

Cara kebanyakan peguam Inggeris menulis mengeciwakan sahabat handai dan menghamparkan anak-guam mereka. Sementara setiap profesyen

ingin mempertahankan kegaiban jalan bahasa yang luar biasa itu tetapi para peguam tetap tidak mahu berganjak jika dibandingkan dengan profesi lain. Suatu kumpulan di United Kingdom yang bergelar "Clarity" dipengerusikan oleh seorang peguam dan dia membela diri dengan berkata :

*mengapa peguam menulis supaya  
tiada siapa yang memahami  
mereka? Mereka berkata itu kerana  
mereka harus tepat dan bahasa  
mereka telah diasah dan diukur  
melalui litigasi yang berkurun-kurun  
Tetapi ini adalah suatu omong  
kosong. Sebab yang sebenarnya  
ialah bahawa sungguhpun mereka  
di beri bayaran kerana kecekapan  
mereka menggunakan kata-kata  
kebanyakannya peguam adalah penulis  
yang bukan saja membosankan  
tetapi kikuk dan mereka masih  
belum dapat membasmikan  
kebiasaan buruk yang mereka  
pelajari waktu mereka masih  
menuntut dulu.*

Tidak ada organisasi yang mahu mencurangi kepercayaan pelanggan dengan memberi perjanjian perundangan yang tidak terfahami untuk ditanda-tangani. Oleh yang demikian adalah adil supaya apa yang peguam tulis itu dapat difahami oleh anak-guaninya. Ini memerlukan kesahaman antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu sebelum membuat penterjemahan.

Bahasa perundangan menimbulkan ketidaksaksamaan atau ketidaktepatan dan tidak menentu. Memang benar peguam tidak dapat menggantikan ketentuan-ketentuan perundangan teknikal seperti '*negligence*', '*indemnity*' dan '*estoppel*' dengan suatu perkataan yang samaartinya walaupun mereka boleh membekalkan penyelesaian yang berasingan. Misalnya perkataan-perkataan seperti "*hereof*", "*whereof*" dan "*thereof*". Perkataan-perkataan lain seperti "*herein*", "*hereinafter*" dan "*hereinbefore*". Seterusnya "*hereby*", "*thereby*" dan "*whereby*".

Jalan keluar :

Gantikan saja atau potong sama sekali ciri rasa perundangan itu.  
Cincang saja bengkang-bengkuknya  
Masukkan orang ke dalam penulisan itu.

### 1) Menggantikan ciri rasa perundangan :

Perihal kajian 1. Dalam cabutan dari perjanjian sewa-pakai, terdapat ciri rasa keangkuhan perundangan.

*In the event of car breakdown the owners must at their own expenses effect the collection of the car and perform repairs thereto.*

Ayat ini bererti-dua. Yang mana harus ditanggung oleh pemilik, mengambil motokar itu atau mengambil dan membaiki motokar itu. Kalau kedua-dua dipertanggungkan, sebelum diterjemahkan ayat itu harus disusun semula :

*If the car breaks down the owners must collect and repair it, both at their own expenses.*

Ini bermakna : "In the event of" menjadi "it" dan "hereto" menjadi "to it" atau "to the car", dan "must effect the collection" menjadi "must collect".

Perihal kajian 2 : Sebuah jabatan kerajaan tempatan menyuruh orang yang membuat permohonan untuk mendapatkan gantian pas meletak kereta menurunkan tanda-tangan pada sebuah borang :

*I hereby declare that the information given above is correct to the best of my knowledge and that I have conducted a thorough search for the said pass and honestly believe that the same cannot be found by me. I agree that in the event of the said pass being found by me I will forthwith return the same to the City Hall.*

## 2. Jalar-jalur

Ayat-ayat yang panjang merupakan satu lagi penyakit dalam dokumen-dokumen undang-undang. Ayat-ayat dari perjanjian "overdraft" bank pernah menjalar sehingga 900 patah perkataan, keanehan yang memarah dan membingungkan pembaca.

Ayat yang mengandungi 83 patah perkataan dari sebuah perjanjian sewa-pakai peralatan pejabat antara "Richard Roe" selaku pemilik dengan "John Doe" penyewa pakai peralatan itu memberi penjelasan apa yang berlaku jika peralatan itu rosak :

*"if the equipment shall go out of order John Doe shall at his own expenses have the equipment repaired by the person, firm or body corporate designated by Richard Roe and in the event of John Doe failing so to do then Richard Roe shall be entitled to take possession of the equipment and have it repaired at the cost of John Doe and during such possession and repair, the lease charges shall nevertheless accrue and payable by John Doe to Richard Roe."*

Jelas sekali bahawa ayat itu dapat dipecah tiga di mana satu bahagian dari cerita itu berakhir dan cerita lain bermula. Ini bukan saja mengekalkan makna asal tetapi juga mengekalkan susunan katanya :

*"If the equipment shall go out of order, John Doe shall at his own expenses have the equipment repaired by the person, firm or body corporate designated by Richard Roe and in the event of John Doe failing so to do then Richard Roe shall be entitled to take possession of the equipment and have it repaired at the cost of John Doe. During such possession and repair the lease charges shall nevertheless accrue and be payable by John Doe to Richard Roe."*

Kemudian kesemua perkataan "shall" ditukar dengan "must", Bahasa teknik perundangan seperti "in the event of" dan "nevertheless accrue" akan ditukar kepada perkataan-perkataan biasa. Penulisan semula akan berbunyi :

*"If the equipment goes out of order, John Doe must at his own expense have it repaired by the person, firm or corporate body designated by Richard Roe. If John Doe fails to do this, Richard Roe may take possession of the equipment and have it repaired at John Doe's expense. During such possession and repair, John Doe must still pay the lease charges."*

Sesudah itu barulah text itu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.

(3) Kata-kata yang menyusahkan.

- (i) address      *"we are addressing the problem and will let you have a reply soon."*

Kadang kala kedwiriantan timbul dari penggunaan kata "address" begini :

*"The Minister has been addressing the letter he received from Mr. Smith"*

Orang-orang sinis kata katakerja seperti itu selalunya digunakan sebagai olah untuk melindung apa yang belum dibuat.

Kata-kerja yang lebih tepat yang boleh dipakai ialah "consider" dan "tackle". In membolehkan terjemahannya menjadi "mempertimbangkan".

- (ii) advices Suatu lagi contoh keangkuhan peguam :

*"I await your advices in respect of this matter."*

Better to be precise and use "instructions", "suggestions" ataupun "comments".

- (iii) and/or Garis condong menimbulkan kesukaran kepada pembaca dengan terdapatnya tiga perkataan :

Daripada menulis : "*We will bring horses and/or donkeys*"

Lebih baik tulis : "*We will bring horses or donkeys or both*".

- (iv) Orang yang cermat berbahasa berpesan bahawa perbezaan makna antara "*anticipate*" dengan "*expect*" tidak harus dibiarkan bercantum.

*Anticipate* maknanya mengambil tindakan untuk mencegah, atau mendapat manfaat dari, suatu kejadian pada masa depan. Manakala expect pula maknanya menjangka.

*Customers anticipated the rise in interest rate by choosing fixed rate loans.*

*Pelanggan memilih jenis pinjaman kadar tetap kerana menjangka kadar bunga akan meninggi.*

- (v) Apropos atau à propos - in respect of

concerning ( à propos the trial; apropos of the submission).

apropos	- mengenai
about	- tentang, mengenai
concerning	- mengenai berkaitan dengan
with reference to	- dengan merujuk kepada
in respect of	- berhubung dengan, mengenai

- (vi) as and when anak kalimat ini nampaknya tidak lebih dari memberi makna "when" atau "if".

*As and when the go-ahead is given, the project will involve the construction of a new underground station as well as rail tunnels*

Mungkin ini bermaksud :

*As soon as we get the go-ahead for the project, we will begin constructing a new underground station and rail tunnels.*

- (vii) as at      *"the value of your shares as at 5 April, was \$324."*

Biasanya perkataan "on" sudah cukup.

- (viii) as per      *"I enclose the form as per our telephonic conversation".*

Adalah lebih baik, tetapi bukan selalu mungkin, mengelak dari mencampur-adukkan bahasa Inggeris dengan bahasa Latin dalam anak kalimat yang sama. Lebih baik ditulis "*I enclose the form as discussed.*"

Perkataan "*herewith*" sengaja digugurkan.

- (ix) At the end  
of the day      Ini adalah anak kalimat omong kosong.  
Sepatutnya perkataan "ultimately", "eventually" (akhirnya).  
The only thing that can truly be said to occur at  
the end of the day is nightfall.  
Siang berganti malam.

- (x) avail  
facilities  
yourself      *"if you fail to avail yourself of the  
above, your electricity supply could be cut off  
without further notice."*

Inilah yang dikatakan ungkapan yang "woolly" atau "pseudo-genteel" (kepura-puraan).

Bahasa lazimnya :

*"If you do not use (atau "take-up" atau "make-up" of) one of the repayment methods shown above your electricity supply could be cut off without further notice."*

- (xi) Can      Pengguna bahasa yang cermat akan berhati-hati memakai perkataan "can" dan "may".

"Can" maknanya dapat, boleh  
"May" maknanya boleh

*Can (is able to)*

: *Helen can take solid food now that her jaw is mended*

: *Helen is able to take solid food now that her jaw is mended.*

*May (is permitted to)*

: *Helen may take solid food because the doctor says its safe to do so.*

Apakah terjemahan yang harus di pakai supaya makna asalnya tidak lari.

*Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs, Intellectual Property Division, may make rules requiring a patent register to be kept. The rules may delegate the keeping of the register to another person.*

#### Terjemahan

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Bahagian Harta Intelek, boleh membuat peraturan yang memerlukan supaya buku daftar paten berdaftar diselanggarakan. Peraturan itu boleh menyerahkan kekuasaan menyelenggarakan buku daftar itu kepada orang lain.

Memadailah dengan perkataan "boleh" dalam terjemahan ini?

#### Boleh

- a. Secara umum

#### England

"Boleh" senantiasa bermakna boleh. Boleh adalah suatu ungkapan pengizin dan pemungkin, tetapi terdapat atas berbagai sebab, perihal di mana apabila saja orang itu dititipkan dalam batasan undang-undang dengan kuasa, maka akan menjadi tugasnya untuk menjalankan tugas itu, *Sheffield Corpn. v Luxford*,

*Sheffield v Morrell [1929] 2 KB 180 at 183, 184 DC per Talbot J.*

#### Australia

Penggunaan perkataan ‘boleh’ dilihat pada zahirnya menyampaikan maksud bahawa pihak yang berwajib yang mempunyai kuasa berbuat tindakan seumpamanya mempunyai pilihan sama ada mahu berbuat ataupun tidak : *Massy v Council of the Municipality of Yass [1922] 22 SR (NSW) 494 at 497, 499 per Cullen CJ.*

#### New Zealand

“Boleh” maknanya “diberi hak”. Dari segi undang-undang itu membolehkan suatu tindakan berlaku, Itu juga memberi hak kepada pegawai penguat-kuasa (misalnya) untuk berbuat sesuatu yang mungkin dia sebaliknya tidak berhak berbuat demikian. Tetapi ia tidak mengendahkan suatu tugas positif yang memerlukan pegawai penguat-kuasa itu mengambil langkah selanjutnya dan tidak memberi layanan kepada pengecualian : *Parker v MOT [1982] 1 NZLR 209 at 211 CA per Mc Mullin J.*

#### b. Mandatori

Di mana sepatutnya statut mengarahkan diperhakkan ke sesuatu bagi menegak keadilan, atau kesejahteraan masyarakat, maka perkataan “*may*” itu samalah dengan perkataan “*shall*” : *R v Barlow [1693] 2 Salk 609 m.k 609, per cur*

Dalam kes *Re Eyre & Leicester Corp. [1892] 1 QB 136 m.k. 142, 143 CA per Lord Esher MR :*

*“It says that the Court “may” appoint an arbitrator .... I think that in such a case as this “may” means “must” and that the Court is bound to appoint an arbitrator”*

#### c. Serba Membolehkan

#### England

Waktu membincangkan perngertian perkataan “*may*” dalam Supreme Court Act, 1981, seksyen 37 dalam

pertimbangan suatu permohonan untuk mendengarkan perintah "mandamus" Grave J dalam kes *Widnes Alkali Co. Ltd v Sheffield & Midland Rly. Co. Committee* [1877], 37LT 131 m.k. 132 berkata :

"Tidak dapat di ragu-ragu lagi ada dalam Akta-Akta Parlimen terdapat perkataan "may" yang telah ditafsirkan seolah-olah perkataan itu serba membolehkan tetapi tidak pula halnya di sini. Perkataan-perkataan yang mengekorinya menunjukkan bahawa perihal itu semata-mata terpulang kepada budi bicara dan kebijaksanaan mahkamah, maksudnya sudah tentu kebijaksanaan undang-undang bukan kebijaksanaan sewenang-wenang."

#### Australia

Dalam kes *Oser v Felton* [1966] ALR 1086 halaman 1092, Jenkyu J berkata :

"Sumber-sumber menunjukkan bahawa perkataan "may" itu mengertikan suatu budi bicara dan harus ditafsirkan sedemikian juga melainkan terdapat maksud nyata yang jelas lagi mencukupi yang menunjukkan sebaliknya."

Dalam bahasa sehari-harian, "may" dapat juga menyatakan secara tidak langsung suatu kemungkinan yang positif :

*"You should show this letter to other joint shareholder as they may recall different information from elsewhere."*

"Tuan sepatutnya menunjukkan surat ini kepada pemegang-pemegang saham bersama yang lain kerana mereka mungkin menerima dari sumber lain maklumat yang berbeza."

- (xii) Disconnect      *"We regret that your supply could be disconnected unless you make a satisfactory arrangement to pay the arrears,"*

"Kami berasa kesal yang bekalan tuan akan diputuskan melainkan jika tuan membut persiapan yang memuaskan untuk membayar tunggakannya (dipotong?).

(xiii) Documentation "We will let you have the documentation in the next ten days".

Perkataan "documentation" ini dianggap "pompous" membesarlu diri.

"Kami akan berikan dokumentasi tersebut dalam tempoh sepuluh hari lagi."

Sepatutnya :

"We will let you have the documents in the next ten days."

Documents - dokumen

(xiv) duly Kalaupun perkataan "duly" ini membawa sebarang makna, makna yang boleh diberi adalah "in the correct manner".

Surat tawaran saham dari sebuah syarikat mengandungi perkataan "duly" yang berlebih-lebihan.

*I am pleased to tell you that ..... as a qualifying shareholder, an application for shares duly made by you .... will receive special treatment .... This means that if you duly apply in the offer ..... if you duly on this application form .....*

Terjemahan yang biasa di buat :

*Sukacita dimaklumkan bahawa ..... sebagai seorang pemegang-saham yang layak, suatu permohonan untuk saham sebagaimananya yang dibuat oleh tuan..... akan menerima layanan khusus ..... Ini bermakna bahawa jika tuan sebagaimananya memohon dalam*

*tawaran ..... jika tuan sebagaimananya atas borong permohonan ini .....*

Syarikat tersebut sepatutnya mengelakkan diri dari menggunakan perkataan "duly" itu hanya dengan berkata pada borang permohonan :

*".... only correctly completed forms would qualify for the offer."*

*".... hanya borang yang diisi dengan sempurna lagi betul saja yang layak menerima tawaran."*

## 5. KEANEHAN

Suatu laporan akhbar ada menuduh bahawa yang digunakan pada papan kenyataan itu salah. Perkataan yang saya maksudkan ialah "bahaya". Laporan itu menuduh bahawa perkataan "merbahaya" bagi melarang orang-orang masuk ke kawsasan itu salah katanya kerana perkataan yang betul ialah "berbahaya" lagipun katanya dalam bahasa Melayu tidak ada imbuhan "mer". Teguran itu tidak mendapat tanggapan dari pihak-pihak tertentu. Oleh kerana laporan ini diterbitkan secara menonjol, maka saya anggap pihak akhbar itu sendiri menyokong teguran itu. Pada hal imbuhan "mer" dan "ber" dipakai pada kata dasar bahaya menurut maksud yang dituju. Kalau bahaya yang ketara hanya satu, maka perkataan "berbahaya" digunakan manakala bahaya yang ketara pula banyak "merbahaya" digunakan. Dan perkataan merbahaya itu sendiri berasal dari cantuman perkataan "mara" dan "bahaya" atau "mara bahaya" kerana mara dan bahaya itu sama erti. Bak kata bidalan :

1. *mara hinggap; mara terbang;  
mara bergesel sambil lalu,  
enggan lalu ranting patah*
2. *Mara jangan dipikat,  
rezeki jangan ditolak.*

Kata penghujung "dan" dalam ungkapan "mara dan bahaya" itu dalam bahasa Melayu basic tidak boleh dipakai kerana kalau dua kata-kata ini menunjukkan :

1. berbagai; seperti :  
*mara dan bahaya*
2. sambung-menyambung, berlarutan; seperti :  
*siang dan malam*
- dan 3. Bercampur-aduk seperti  
*ayam dan itik*

kata penyambung tidak digunakan. Jadi dalam bahasa Melayu basic kita kata:

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 1. | makan minum<br>mara bahaya   |   |
|    | tunjuk ajar<br>pisau parang  |   |
| 2. | pagi petang<br>siang malam   | — <i>Siang malam berpanas berembun</i>  |
| 3. | ayam itik<br>jantan betina<br>tinggi rendah<br>gunung ganang<br>kambing kerbau<br>kain baju<br>buka tutup<br>sana sini | — <i>Ayam itik raja pada tempatnya</i><br>— <i>Sana sini gigi menimang</i><br><i>Hendak makan ikan dalam telaga</i><br><i>Lagi lemak telur berlinang</i><br><i>Sisiknya lekat kepada dada</i> |

herewith, hereby, hereof, heretofore, hereto, herein,

herewith	-	bersama ini
hereby	-	dengan ini
hereof	-	tersebut
heretofore	-	sebelum ini, sampai sekarang
hereto	-	dengan ini

Keanehan ini timbul dari buku undang-undang silam dan baunya masih terasa. Kalau kata-kata ini dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sebagai terjemahan maka kemelayuannya terjejas.

Jadi, kalau : "I hereby declare" elok saja diambil "I declare", dan dari situ diterjemahkan saja : "Saya mengumumkan".

#### *Null and void*

null	-	tidak sah, batal, mansuh
void	-	tidak sah, batal

*null and void* - kegunaan anak kalimat “*null and void*” termasuk dalam golongan tidak menentu.

Jowitt's Dictionary of English Law :

*Null and void* itu *void*

The Shorter Oxford English Dictionary : *Null*

1. *Void, of no legal or binding force; of no efficacy, invalid;*
2. *Of no value or importance; insignificant*

**England** Di mana sebuah lesen untuk perbalakan memperuntukkan bahawa bila berlaku perlanggaran terhadap ketentuan dan syarat yang dibenarkan lesen itu dianggap “*null and void*” dan ungkapan “*void*” telah ditafsirkan sebagai “*voidable*” dan keseluruh fasalnya dikira sebagai fasal lucut hak biasa, oleh yang demikian pemberi lesen itu setelah menerima sewa selepas syarat itu dilanggari, maka pelanggaran itu dianggap telah mengendurkan lucut hak : *Jardine v A G doe Newfoundland [1932] AC 275*.

**Australia** **Butterworths Australia Legal Dictionary :**

**Null and Void** - Of no legal effect - not valid, not legally binding : National Acceptance Corp. Pty Ltd. v Benson [1988] 12 NSWLR 213

1. Suatu transaksi yang “*null and void*” tidak mempunyai nilai perundangan dan tidak mempunyai akibat perundangan.

Dua perkataan ini *synonyms tetapi dalam anak kalimat ini setengah-setengah mahkamah menafsirkan “void” itu bermakna “voidable”*. Pemilihan pengertian bergantung pada keadaan sekeliling yang tertentu :

*Egan v Maher [1978] 20 ACR 421*

*Brooks v Burns Philip Trustees Co. Ltd [1969] 12 CLR 432*

**Unless and until** - kecuali kalau dan hingga  
“*Unless and until the conditions are met, the deal is off.*”

Kecuali kalau dan hingga syarat-syaratnya dipenuhi, perjanjian itu batal.

**Anak kalimat****Latin or Perancis (P) Anak kalimat gantian Bahasa Melayu**

ad hoc	for this purpose or occasion	teristikewa untuk hal ini
carte blanche(P)	a free hand, freedomkuasa penuh berbudibicara	
cf (conferre)	compare	bandingan tara
circa	about	sekitar
de minimis	trivalties	keremehan
en bloc (P)	as a whole, together	bersama-sama
ex officio	by virtue of the office held	kerana jawatan
ibid (ibidem)	in the same place	dalam tempat yang sama
ie (id est)	that is	yaitu; yakni
inter alia/alias	among other things	antara lain
modus operandi	way of working, method	cara mengendalikan sesuatu pekerjaan kaedah
per se	as such, by or in effect, essentially	sendirian
qv (quod vide)	see	lihat
seriatim	one at a time, in the same order	satu demi satu mengikut susunan
sic	thus (drawing notice of error)	begitu, demikian
sine die	indefinitely	untuk jangka waktu yang tidak terbatas

vis-a-vis (F)	as regards, regarding on, above	ber(hadap) -hadapan
viz (videlicet)	namely	yaitu, yakni

## **PENUTUP**

Saya telah memulakan kertas ini dengan memetik suatu dalihan dari pernyataan tuntutan, maka sudah wajarlah saya tutup kertas kerja ini dengan memetik suatu penghakiman dari laporan undang-undang:

*"Pengamal Perubatan hendaklah bermakna seorang pakar bedah atau pakar perubatan yang memperoleh ijazah kelayakan dalam Perubatan Barat, yang dilesen dari segi undang-undang dan layak dengan sewajarnya untuk menjalankan amalan perubatan dan pembedahan yang dibenarkan dalam kawasan geografi dia menjalankan amalananya, dan yang juga memiliki Sijil Amalan Tahunan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia."*

Terima kasih.

Shamsul-Bahrain, Barrister  
dari Inner Temple,

Peguambela & Peguamcara  
dari Mahkamah Tinggi, Malaya

**Pengisian Dan Penghayatan Kemerdekaan  
Satu Kajian Perundangan**

oleh  
**Prof. Madya Dr. Abdul Aziz Bari**

**Sesi 4 Trek 3**

# **PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN**

## **SATU KAJIAN PERUNDANGAN\***

Profesor Madya Dr. ABDUL AZIZ BARI\*\*

Kuliah Undang-undang

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)

### **ABSTRAK**

Kertas ini membincangkan tema Pengisian dan Penghayatan Kemerdekaan dari sudut Perlembagaan dan Undang-undang. Ini dilakukan dengan meneliti kerangka dan peruntukan berkenaan dan menilai setakat mana ia telah berjaya membina sebuah persekitaran yang kondusif buat matlamat mengisi dan menghayati kemerdekaan. Kertas ini mencadangkan supaya pentafsiran yang betul dilakukan bagi membolehkan pengisian kemerdekaan dalam ertikata yang sebenar dapat dilakukan. Sekiranya itu memerlukan pindaan maka langkah tersebut hendaklah dilakukan supaya kerangka perlembagaan kita lebih selaras dengan maksud dan cita-cita mengisi dan menghayati kemerdekaan. Bagaimanapun ini perlu dilakukan dengan berhati-hati.

### **I PENDAHULUAN**

Pengisian dan Penghayatan Kemerdekaan mempunyai makna dan konteksnya sendiri dari sudut perlumbagaan dan undang-undang. Ini bukan kerana perlumbagaan dan undang-undang mempunyai kehendak dan matlamat yang berbeza dengan matlamat negara. Perbezaan itu wujud daripada kenyataan bahawa perlumbagaan dan undang-undang lebih merupakan sebuah mekanisme yang dibina untuk mewujudkan keadilan dan kesaksamaan. Tetapi ia tetap tidak dapat lari daripada kenyataan bahawa kerangka perlumbagaan dan undang-undang, dalam konteks tertentu, secara tidak langsung, turut

menyerlahkan hasrat kemerdekaan tadi. Hakikat ini adalah sesuatu yang bersifat sejagat dan tidak terhad kepada Malaysia sahaja<sup>1</sup>.

Kerangka perlembagaan dan undang-undang memang tidak menyebut maksud mengisi dan menghayati kemerdekaan dalam dokumen-dokumen yang berkenaan. Bagaimanapun adalah tidak munasabah sekiranya ia diliatsir dan difahami dalam konteks yang bertentangan dengan maksud tersebut. Walhasil apa undang-undang sekalipun, sebagai faktor yang muncul bagi menguatkuasakan nilai dan kehendak masyarakat yang melatarinya<sup>2</sup>, ia perlu mengambil kira pertimbangan dan maksud tadi, asalkan pelaksanaannya tidak melanggar prinsip-prinsip asasi yang pokok di dalam undang-undang itu.

Jika dilihat keseluruhan dokumen perlembagaan, termasuk laporan Suruhanjaya Reid<sup>3</sup>, agak jelas bahawa faham perlembagaan<sup>4</sup> (constitutionalism) dan demokrasi<sup>5</sup> menjadi tonggak utama yang melatari keseluruhan kerangka perlembagaan dan undang-undang kita. Meskipun penekanan ini tidak dinyatakan dengan jelas oleh dokumen dan statut berkenaan adalah janggal sekiranya kemerdekaan dirumahkan di dalam sebuah sistem yang bersifat autokratik dan menentang demokrasi. Selain itu ciri-ciri sebegini jelas tidak selaras dengan semangat kemerdekaan itu sendiri. Dalam pada itu kemerdekaan yang turut merangkumi semangat kebebasan dan kebebasan itu tidak mungkin hidup dan berkembang dalam sebuah sistem yang serba mencekik dan mencengkam.

---

<sup>1</sup> Untuk perbincangan lanjut lihat, umpamanya, R.C. van Caenegem, *An Historical Introduction to Western Constitutional Law*, Cambridge University Press, 1995.

<sup>2</sup> Lihat, umpamanya, Abdul Aziz Bari, "Asas dan Falsafah Undang-undang Kontrak Moden Barat – Satu Tinjauan Permulaan" dalam Mahamad Arifin (ed), *Al-Ahkam, Jilid 7 – Undang-undang Kontrak: Dasar, Konsep dan Masalah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000, hh.15-32

<sup>3</sup> Lihat *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957*, No.330, London: Her Majesty's Stationery Office (HMSO), 1957

<sup>4</sup> Untuk perbincangan ringkas tentang konsep ini lihat, umpamanya, Abdul Aziz Bari, "Faham Perlembagaan – Konsep dan Perlaksanaan", *Dewan Budaya*, Jilid 20, Bil.12, Disember 1998, hh.50-1

<sup>5</sup> Lihat, *Report*, para.14, hal.8

## II. KERANGKA PERLEMBAGAAN DAN PERUNDANGAN MALAYSIA

Kerangka perlembagaan bolehlah diterangkan sebagai sebuah sistem yang merangkumi perlembagaan secara keseluruhannya; yakni peruntukan-peruntukan, jadual-jadual (di dalam Perlembagaan Persekutuan dan negeri) dan nilai-nilai serta tradisi yang melatarinya. Sistem Undang-undang pula merujuk kepada keseluruhan penyusunan dan isi yang merangkumi institusi, manusia, prosedur dan juga nilai-nilai yang menjadi teras perjalannya. Dengan itu ia bukan sahaja mahkamah dan statut meskipun faktor-faktor ini merupakan nadi penting yang menandai apa yang dikatakan sistem undang-undang itu<sup>6</sup>.

Meskipun sistem perlembagaan dan perundangan Malaysia umumnya dikatakan sebuah sistem berdasarkan kepada sistem Westminster manakala sistem undang-undangnya pula dikatakan sebahagian daripada keluarga *common law*<sup>7</sup> ini tidak bermakna bahawa apa yang kita miliki sekarang seratus peratus merupakan tiruan daripada apa yang wujud di England. Walaupun tidak dinafikan wujudnya amalan meniru yang melulu dan membuta tuli di kalangan para hakim dan pengamal profesion guaman kita mungkin boleh dikatakan bahawa pengaruh sistem Inggeris begitu kukuh kerana kita pernah diperintah oleh mereka. Dengan demikian adalah menjadi sesuatu yang lumrah dan mudah untuk kita meneruskan dan mencedok perkara-perkara yang kelihatan teruji dan telah diamalkan ratusan tahun lamanya. Perlu ditekankan bahawa sebenarnya undang-undang kita tidak pernah mewajibkan peniruan dan pengamalan undang-undang Inggeris secara membauta tuli<sup>8</sup>.

<sup>6</sup> Untuk perbincangan lanjut tentang ini lihat,umpamanya, Geoffrey Wilson, *Cases and Materials on the English Legal System*, London; Sweet & Maxwell Ltd., 1973, hal.v. Lihat juga Peter Wesly-Smith, *Introduction to the Hong Kong Legal System*, edisi kedua, Hong Kong: Oxford University Press, 1993, hh. 10-7.

<sup>7</sup> Untuk perbincangan lanjut lihat,umpamanya, Helena H.M. Chan, *An Introduction to the Singapore Legal System*, Singapore: Malayan Law Journal Pte. Ltd., 1986 dan R.H. Hickling, *Malaysian Law*, Kuala Lumpur: Professional (Law) Books Publishers, 1987, hh.116-26. Lihat juga Abdul Aziz Bari, "Common Law Malaysia sendiri?", *Dewan Budaya*, Bil.1, Jilid 20, Januari 1998, hh.40-1

<sup>8</sup> Lihat Akta Undang-undang Sivil 1956, terutamanya seksyen 3 and 5 yang mengenakan syarat-syarat tertentu sebelum prinsip undang-undang Inggeris boleh dipakai di negara ini: lihat,umpamanya, Ahmad

Kalau kita melihat kerangka perlembagaan yang ada, meskipun pengaruh Inggeris nampak begitu nyata – contohnya kalau kita melihat prosedur dan amalan parlimen<sup>9</sup> – ada sebab-sebab mengapa ia perlu dipertahankan. Antaranya ialah apabila ia merupakan amalan yang berguna. Selain itu ia sebenarnya masih mempunyai ikatan dengan tanahair kita. Dengan kata lain amalan-amalan yang dipinjam dari Britain tidak semestinya menunjukkan bahawa perlembagaan dan undang-undang gagal mengisi dan menghayati kemerdekaan. Meskipun demikian dalam hal tertentu peniruan ini ada yang tidak harus diteruskan. Apalagi apabila peniruan itu bukan sesuatu yang dimestikan oleh perlembagaan itu sendiri. Apatah lagi apabila perlembagaan sendiri telah menyediakan mekanisme untuk perubahan<sup>10</sup>. Ini semua dipersetujui oleh wakil-wakil kita sendiri yang turut sama menggubal prinsip-prinsip perlembagaan, bermula dengan Persidangan Perlembagaan di London pada 1956 yang kemudiannya diikuti oleh pelbagai mesyuarat dan persidangan<sup>11</sup> sehinggalah draf akhir perlembagaan yang ada sekarang diterima dan diberi kuatkuasa undang-undang pada 31 Ogos 1957<sup>12</sup>.

Meskipun ada di antara kita yang tidak bersetuju dengan hujah-hujah ini kita perlu menerima kenyataan bahawa perlembagaan tetap menyerlahkan ciri-ciri asal negara ini yang dengan sendirinya menunjukkan bahawa dokumen itu adalah sebahagian daripada

---

Ibrahim & Ahilemah Joned, *The Malaysian Legal System*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hh.99-112

<sup>9</sup> Lihat Ahmad Abdullah, *Parlimen Malaysia – Amalan dan Cara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969. Lihat juga Perlembagaan Persekutuan, Perkara 62 dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (Standing Orders).

<sup>10</sup> Lihat Abdul Aziz Bari, "Perlumbagaan dan Perubahan", *Dewan Budaya*, Jilid 19, Bil. 9, September 1997, hh.48-9. Untuk perbincangan akademik yang lebih terperinci lihat, umpamanya, H.P. Lee, "The Process of Constitutional Change in Malaysia" dalam Suffian, Lee & Trindade (eds), *The Constitution of Malaysia – Its Developments 1957-1977*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hh.369-412.

<sup>11</sup> Perbincangan mengenai sejarah perlembagaan boleh dibaca dalam Tun Mohd. Salleh Abas, *Prinsip Perlumbagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hh.11-37. Lihat juga Zainal Abidin Abdul Wahid et al, *Malaysia – Warisan dan Perkembangan*, edisi kedua, 1996, hh.339-51.

<sup>12</sup> Proses perundangannya disenaraikan dalam R.H. Hickling, *Malayan Constitutional Documents, Vol. I*, edisi kedua, Kuala Lumpur: Government of Federation of Malaya Press, 1962, hal.xi

manifestasi kemerdekaan. Kedudukan Raja-raja, agama Islam, hak-hak keistimewaan Melayu dan Bahasa Melayu<sup>13</sup> adalah perkara-perkara yang jelas menekankan identiti dan ciri asal tanahair kita yang telah diterima sebagai sebahagian daripada kompromi dan persetujuan antara kaum sekawtu kemerdekaan dirundingkan. Sebahagian daripada kedudukan ini mungkin terdedah kepada beberapa persoalan termasuk yang berakar kepada demokrasi. Ini termasuklah kuasa melantik kerajaan oleh ketua negara<sup>14</sup>, kuasa membubar dewan rakyat dan dewan-dewan undangan negeri<sup>15</sup> serta kuasa tertentu Majlis Raja-raja dalam pindaan perlembagaan<sup>16</sup>. Bagaimanapun maksud asal pengekalan kedudukan-kedudukan ini, baik yang bersifat kuasa, keistimewaan dan seumpamanya adalah berpunca daripada pelbagai sebab. Antaranya ialah hasrat untuk mewujudkan kestabilan. Dalam pada itu kuasa tersebut juga boleh dipertahankan kerana ia adalah satu-satunya alternatif yang terbaik. Selain itu kedudukan-kedudukan tersebut juga boleh disifatkan sebagai manifestasi sejarah. Tidak kurang pentingnya ialah kedudukan berkenaan sebagai simbol dan identiti buat negara ini<sup>17</sup>. Alasan-alasan ini cukup untuk memberi ruang bagi mempertahankan kesahan (legitimacy) peruntukan-peruntukan berkenaan<sup>18</sup>. Secara tidak langsung ini semua menunjukkan bahawa perlombagaan yang ada turut mengandungi unsur-unsur dan institusi-institusi yang wujud sejak sebelum kedatangan British lagi<sup>19</sup>.

<sup>13</sup> Lihat Tun Mohd. Salleh Abas, *supra*, hh.38-59

<sup>14</sup> Perlombagaan Persekutuan, Perkara 40(2)(a). Lihat juga, *ibid*, Jadual Kelapan seksyen 1(2)(a).

<sup>15</sup> *Ibid*, Perkara 40(2)(b), Jadual Kelapan, seksyen 1(2)(b).

<sup>16</sup> *Ibid*, Perkara 38(2)© dan (4). Lihat juga Perkara 159(5).

<sup>17</sup> Untuk perbincangan lanjut lihat Abdul Aziz Bari, "Institusi Ketua Negara, Ketua Negeri dan Majlis Raja-raja" dalam Ahmad Ibrahim *et al*, *Perkembangan Undang-undang Perlombagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hh.40-98.

<sup>18</sup> Untuk perbincangan lanjut lihat Abdul Aziz Bari, *The Development and Role of Constitutional Monarchy in Malaysia*, Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Universiti Birmingham, England, 1996.

<sup>19</sup> Untuk perbincangan lanjut lihat Abdul Aziz Bari, "Sejarah dan hubungannya dengan beberapa ciri penting Perlombagaan Persekutuan Malaysia", 10 *Kanun* (2) Jun 1998, hh.1-15. Lihat juga Andrew Harding, *Law, Government and the Constitution in Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd., 1996, hh.5-11.

Dalam konteks mengisi dan menghayati kemerdekaan peruntukan-peruntukan di atas menggantikan institusi-institusi yang pada zaman pemerintahan British dipegang oleh pegawai-pegawai mereka yang menjalankan kuasa-kuasa berkenaan atas nama Baginda Ratu sebagai simbol kekuasaan dan pemerintahan Inggeris di sini. Dari sudut ini perlembagaan jelas menjadi *modus operandi* bagi cita-cita menggantikan pemerintahan Inggeris dengan pemerintahan sendiri. Terpulanglah kepada kepada kita semua untuk meneruskan ini semua dengan membina dan menyuburkan tradisi yang terdiri daripada amalan dan prosedur yang berakar dan bersesuaian dengan faham perlembagaan. Untuk itu kita masih boleh terus belajar atau mencedok pengalaman dan kerangka dari dunia luar; asal sahaja ia menepati kehendak dan cita-cita merdeka.

### III. PENYESUAIAN DAN PERUBAHAN YANG DIPERLUKAN

Persoalan-persoalan ini dibincangkan kerana sebagai sebuah sistem yang dibina dan dilaksanakan oleh manusia, sistem perlembagaan dan perundangan kita tidak sunyi daripada kelemahan. Dalam pada itu oleh kerana sesetengah daripada peruntukan berpunca daripda kehendak dan keperluan masa lalu mungkin ada hal-hal yang memerlukan perubahan dan penyesuaian. Pengertian mengisi kemerdekaan itu sendiri mungkin berubah maknanya; apa yang sesuai dengan tuntutan tahun 1957 tidak semestinya kekal pada tahun 2000. Cabaran yang berbeza memerlukan kerangka dan perundangan yang berbeza.

Adalah dicadangkan bahawa dalam membicarakan soal-soal ini semua pihak perlu mengambil sikap terbuka, matang dan lapang dada. Selain itu sikap yang terlalu legalistik; yakni yang hanya menudung dan membataskan perbahasan kepada peruntukan-peruntukan undang-undang sahaja, meskipun perlu, tidak harus dijadikan alasan untuk tidak menggalak apalagi menentang keperluan untuk perubahan. Kedudukan undang-undang berhubung dengan hasutan perlu difahami dalam konteksnya yang wajar. Selain itu semangat dan tuntutan demokrasi perlu turut sama diambil kira. Ini semua dinyatakan dengan kesedaran bahawa undang-undang hanyalah sebagai alat, bukan maksud yang

muktamad. Sebagai alat, perlembagaan dan undang-undang harus mengambil kira matlamat dan maksud yang lebih besar. Dalam konteks negara, ini boleh merangkumi hasrat kemerdekaan itu sendiri.

Kalau kita menoleh kepada sejarah keperluan dan tuntutan perubahan sebenarnya telah wujud sejak awal-awal lagi. Sikap Suruhanjaya Reid yang mencadangkan bahawa kedudukan istimewa Melayu dikaji selepas 15 tahun menunjukkan bahawa peruntukan berkenaan mempunyai maksud yang tertentu yang mungkin tidak harus kekal selama-lamanya<sup>20</sup>. Ini seniacam disahkan oleh pergolakan politik yang mencetuskan peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Ini ditunjukkan lagi dengan beberapa perkembangan mutakhir berhubung dengan kedudukan istimewa orang-orang Melayu<sup>21</sup>. Apa yang perlu dibahaskan di sini ialah mengapa dan bagaimana persoalan-persoalan itu timbul. Kita tidak harus dengan mudah termakan dengan momokan dan ugutan hasutan sedangkan persoalan-persoalan yang dibangkitkan adalah sah dan relevan.

Setelah 43 tahun merdeka seharusnya orang-orang Melayu telah boleh berdiri sama tinggi dengan orang lain<sup>22</sup>. Sekiranya ini tidak berlaku siasatan bebas dan menyeluruh perlu dilakukan. Ini kerana perlembagaan telah menyediakan mekanisme yang cukup untuk itu: peruntukan, perlaksanaan dan juga *check and balance*. Bukan sahaja Perlembagaan Persekutuan<sup>23</sup>, perlembagaan-perlembagaan negeri-negeri Melayu serta Sabah dan Sarawak telah menyediakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan. Apakah di sana wujud rasuah, kelemahan pelaksanaan dan kronisme yang menggagalkan pelaksanaan maksud perlembagaan tadi? Dalam pada itu perlu ditekankan semula betapa peruntukan berkenaan tidak berhasrat membenarkan diskriminasi (sekiranya ia benar-benar difahami)

<sup>20</sup> Lihat, *The Report*, para 163-68.

<sup>21</sup> Lihat, umpamanya, Kadir Dikoh, "Hak Istimewa Melayu kekal: PM", *Berita Harian*, 18 Ogos 2000, hh.1-2. Lihat juga, Wong Sai Wan, "Cool it, says PM", *The Star*, 23 Ogos 2000, hh.1-2.

<sup>22</sup> Lihat *Berita Harian*, 25 Ogos 2000, hal.28: "Orang Melayu perlu hak istimewa".

<sup>23</sup> Lihat Perkara 153. Untuk perbincangan lanjut lihat Abdul Aziz Bari, "Hak dan Keistimewaan orang-orang Melayu menurut Perlembagaan Malaysia", kertas dalam *Wacana Agenda Melayu – Pembangunan dan Kesamarataan*, CEDER, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 20-1 Jun 2000.

atau membolehkan pengambilan hak orang-orang bukan Melayu secara yang tidak sah atau terpaksa. Lagipun maksud umum peruntukan berkenaan, khususnya dalam membantu golongan yang terkebelakang dan mundur (yang secara kebetulan terdiri daripada orang-orang Melayu), rasanya perlu diberikan penekanan. Ertinya ia tidak harus dihadkan kepada orang Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak semata-mata. Selain itu kontroversi tadi mungkin membayangkan wujudnya *over-zealous implementation* atau pelaksanaan peruntukan berkenaan yang melampau dan membuat tuli seperti yang pernah dibangkitkan. Sebagai sebuah dokumen istimewa perlembagaan seharusnya ditafsir secara luas, tidak seperti undang-undang biasa, supaya maksud dan falsafahnya tidak terseleweng<sup>24</sup>.

Dalam pada itu telah timbul juga konflik-konflik seperti yang berlaku pada tahun 1983 dan 1993 berhubung dengan kedudukan dan kuasa Raja-raja. Pindaan perlembagaan 1994 juga berkaitan dengan masalah ini. Sebenarnya punca dan masalah yang menjadi tema pokok kepada krisis-krisis perlembagaan tersebut adalah lumrah dan tidak memerlukan jatkan. Bagaimanapun cara dan pendekatan pihak berwajib dalam menanganinya tidak begitu wajar. Raja-raja memainkan peranan yang penting dalam struktur *check and balance* atau ‘periksa dan imbang’ perlembagaan kita. Dengan demikian pengurangan kuasa mereka dan pemindahan kuasa itu kepada pihak yang lain – yang kemungkinan penyelewengannya jauh lebih besar – bukan sahaja tidak wajar tetapi juga menyimpang dari maksud asal yang dikandung dalam Perlembagaan Merdeka 1957. Sama seperti contoh-contoh yang lain insiden ini juga tidak semestinya menunjukkan bahawa perlembagaan gagal memenuhi hasrat merdeka. Tidak mustahil kiranya masalah timbul di peringkat pelaksanaan, baik di pihak kerajaan maupun di pihak istana. Masalah tidak akan selesai sekiranya penghakisan kedudukan dan kuasa di suatu pihak membawa kesan menguatkan kedudukan pihak yang lain kerana ini boleh menimbulkan ketidakseimbangan; sesuatu yang cuba dicapai oleh Perlembagaan Merdeka 1957.

<sup>24</sup> Untuk perbincangan lanjut mengenai soal pentafsiran perlembagaan lihat,umpamanya,Ahmad Ibrahim, “Interpreting the Constitution – Some general principles” dalam Trindade & Lee (eds), *The Constitution of Malaysia – Further Perspectives and Developments*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1986, hh.18-45.

Antara perkembangan paling menarik selepas merdeka berhubung dengan perlembagaan kita ialah penubuhan Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia (Suhakam)<sup>25</sup>. Apa yang menarik mengenai perkembangan ini ialah betapa perlembagaan sendiri tidak mengkehendaki penubuhan sebuah badan yang antara fungsinya ialah mendidik dan menyiasat pelanggaran hak-hak asasi manusia di negara ini<sup>26</sup>. Bagaimanapun ini tidaklah bermakna bahawa inisiatif tersebut adalah sesuatu yang bertentangan dengan perlembagaan. Malahan dari satu sudut ia boleh dijadikan alasan kepada penubuhan badan-badan lain yang peranan dan fungsinya selaras dengan faham perlembagaan dan demokrasi itu sendiri<sup>27</sup>. Apakah ini bermakna bahawa pada suatu masa nanti boleh dituntut supaya kerajaan mengadakan atau mengizinkan pungutan suara (referendum) sebelum satu-satu tindakan penting yang mempunyai kesan ke atas rakyat diambil?<sup>28</sup> Walau apa pun sebab dan kesan penubuhan Suhakam ini apa yang boleh disimpulkan ialah betapa budaya dan tradisi perlembagaan kita sebenarnya sentiasa berkembang. Ia tidak statik. Begitu juga apa yang dikatakan sebagai perlembagaan bertulis itu sebenarnya tidaklah dapat merangkumi segala-galanya. Dengan itu dari semasa ke semasa inovasi dan pembaharuan perlu difikirkan. Ini tidak memerlukan kerana perlembagaan itu sendiri, meskipun digubah untuk menjadi dasar pemerintahan negara, disusun berdasarkan suasana dan kehendak masa lampau yang tidak semuanya masih lagi relevan dan sesuai untuk zaman kini dan akan datang.

Dalam konteks undang-undang pula banyak seruan telah dikemukakan supaya isi statut-statut kita lebih mencerminkan kehendak dan aspirasi negara. Antaranya ialah pindaan terhadap Akta Undang-undang Sivil 1956 supaya undang-undang Islam dapat turut

---

<sup>25</sup> Lihat Human Rights Commission of Malaysia Act 1999 (Act 597), seksyen 4 dan 12. Lihat juga wawancara dengan Tan Sri Musa Hitam, Pengurus Suhakam dalam *Berita Harian*, 14 Ogos 2000, hh.23-4: "Tanggungjawab Suhakam tingkat kepekaan hak asasi".

<sup>26</sup> Ulasan awal mengenai Suhakam dibuat oleh Shaila Koshy, "Early tasks of the 'protector'" dalam *Sunday Star*, 23 April 2000, hal.27.

<sup>27</sup> Untuk komen terbaru mengenai Suhakam lihat Brenda Benedict, "Without Fear or Favour", *The Star* (Section 2), 21 Ogos 2000, hh.3-4.

<sup>28</sup> Lihat "Isu Islam – Hadi cadang Pungutan Suara" *Semasa*, Bil.4, 11-20 Ogos 2000, hh.1-2.

diserapkan ke dalam sistem perundangan negara. Bagaimanapun setakat ini ia masih belum dilakukan. Mungkin perlu ditekankan bahawa usaha ini bukanlah usaha untuk menghijaukan sistem perundangan kita dalam masa sekelip mata. Perundangan Islam seharusnya dilihat sebagai sebuah sistem dan nilai yang mempunyai khazanah bernilai yang berguna untuk memperbaiki sistem yang ada<sup>29</sup>. Syariah tidak harus dilihat atau ditonjolkan sebagai sebuah sistem yang kejam dan *barbaric*. Dalam pada itu tradisi-tradisi lain juga tidak harus diremehkan begitu sahaja. Apalagi apabila itu semua tidak bertentangan dengan prinsip keadilan.

Apabila kita membahaskan soal pengisian dan penghayatan kemerdekaan nasib dan kedudukan Bahasa Melayu perlu turut disentuh. Perlu ditegaskan bahawa persoalan bahasa bukan persoalan nasionalisme sempit, sentimen melulu untuk mengekang globalisasi dan seumpamanya. Sebaliknya persoalan bahasa adalah persoalan maruah, jatidiri dan sejarah bangsa. Menilai penggunaan Bahasa Melayu bukan bermakna menolak pembelajaran bahasa-bahasa lain baik Bahasa Arab (yang menjadi tiang seri Bahasa Melayu itu sendiri), Bahasa Inggeris, Perancis atau bahasa Mandarin. Bagaimanapun selepas 43 tahun merdeka kita masih berbahas tentang soal-soal yang remeh temeh ini. Dalam bidang undang-undang penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah sering disaingi oleh alasan bahawa pemakaian penggunaan bahasa tersebut akan menggugat keadilan dan seumpamanya. Soalnya mengapa itu harus berlaku dan dibimbangi selepas lebih empat dekad negara merdeka? Jawapan kepada soalan itu terbayang pada kenyataan bahawa selepas 43 tahun merdeka perlembagaan negara dalam bahasa kebangsaan masih sukar untuk didapat<sup>30</sup>. Kedudukan bahasa ibunda ternyata hanya indah pada peruntukan perlembagaan<sup>31</sup> dan statut berkenaan<sup>32</sup> sedangkan

<sup>29</sup> Untuk perbincangan lanjut lihat Abdul Aziz Bari, "Pelaksanaan Undang-undang Islam melalui Kerangka Perlembagaan dan Perundangan Malaysia – Masalah dan Potensinya" *Jurnal Undang-undang IKIM*, Jilid 3, Bil.2, Julai – Disember 1999, hh.83-105.

<sup>30</sup> Libat Abdul Aziz Bari, "Bahasa Melayu dan Perlembagaan", *Dewan Masyarakat*, Jilid 38, Bil.3, Mac 2000, hh.38-9.

<sup>31</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152.

<sup>32</sup> Akta Bahasa Kebangsaan 1967 (pindaan 1990)

pelaksanaannya masih jauh dari memuaskan. Meskipun demikian perlembagaan dan undang-undang tidak harus disalahkan kerana itu semua hanyalah kertas dan dokumen yang memerlukan semangat dan kemauhan politik (political will) yang kuat untuk terlaksana. Dari satu sudut faktor-faktor ini amat penting bagi menyediakan ruh buat kerangka yang terdiri daripada perlembagaan dan undang-undang tadi<sup>33</sup>.

#### IV. KESIMPULAN DAN PENUTUP

Perlu dijelaskan bahawa bahawa meskipun kertas ini turut menyebut perubahan ia bukanlah sesuatu yang harus dilakukan secara mendadak. Sebahagian daripada apa yang dikatakan sebagai perubahan dan penyesuaian itu sebenarnya tidak semestinya memerlukan usaha positif seperti meminda perlembagaan dan statut-statut yang ada. Ia boleh dimulakan dengan sikap yang positif – terutamanya dalam soal pelaksanaan dan pentafsiran - di kalangan para hakim, pengamal undang-undang, pelaksana dasar dan juga pihak media. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sekiranya perubahan positif dilakukan pun ia mungkin tidak berkesan jika pihak-pihak tadi tidak memainkan peranan secara berkesan. Rungutan yang masih disuarakan berhubung dengan pindaan perlembagaan mengenai kedudukan dan bidang kuasa mahkamah syariah pada 1988 adalah contoh yang paling jelas.

Dalam pada perlu juga disedari bahawa dalam soal menuntut perubahan alternatif yang hendak dikemukakan juga perlu difikir secara matang dan masak terlebih dahulu. Alternatif yang hendak diletakkan sebagai ganti perlu benar-benar berupaya menyelesaikan masalah. Kita perlu sedar bahawa kita menangani perlembagaan yang dalam konteks kemerdekaan adalah suatu dokumen yang merakamkan segala persetiaan, persetujuan dan kompromi yang dicapai pada 1957 dahulu. Jika kita kurang jelas tentang masalah dan masa depan sesuatu perkara atau isu itu adalah lebih baik jika yang peruntukan yang ada ini dikekalkan dahulu.

<sup>33</sup> Lihat Abdul Aziz Bari, "Mampukah 'perlembagaan bertulis' menjamin segala-galanya?", *Dewan Masyarakat*, Jilid 38, Bil.4, April 2000, hh.28-9

Tidak perlulah diperbahaskan betapa sebelum sesuatu peruntukan perlembagaan atau undang-undang dipinda perlu diadakan perbahasan yang lebih luas dan matang<sup>34</sup>. Ini perlu kerana bukan semua masalah berpunca dari undang-undang. Sesetengahnya berpunca daripada pelaksanaan. Dalam pada itu ia mungkin melibatkan hak-hak tertentu yang secara tidak sengaja terjejas sekiranya perubahan yang ditaja tadi tidak benar-benar dihalusi. Kita tidak harus terjebak dalam sebuah percubaan untuk menyelesaikan masalah yang membawa kepada masalah baru yang mungkin lebih buruk akibatnya.

\* Kertas yang dibentangkan dalam *Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia* anjuran Arkib Negara Malaysia bertempat di Hotel Nikko, Kuala Lumpur pada 12 September 2000.

\*\* DPA (UiTM), LLB Hons (UIAM), LLM (Notrm) & PhD (Birmingham), Profesor Madya di Kuliah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor Darul Ehsan.

---

<sup>34</sup> Lihat Abdul Aziz Bari, "Reformasi dan Penyesuaian Sistem Perlembagaan dan Perundangan" *Dewan Masyarakat*, Jilid 38, Bil.1, Januari 2000, hh.36-7

**Pengalaman Pentadbiran**

**oleh**

**Tan Sri Dato' Seri (Dr) Abdullah Bin Ayub**

**Sesi 5 Trek 1**

## **SEMINAR KEBANGSAAN**

**Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia**

**11-13 September 2000**

**TAJUK : PENGALAMAN PENTADBIRAN**

**Disediakan : Tan Sri Dato Seri (Dr.) Abdullah B. Ayub**

## **Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia**

**11-13 September 2000**

### **PENGALAMAN PENTADBIRAN**

**Oleh : Abdullah B. Ayub**

#### **1- Struktur Pemerintahan / Pentadbiran**

- 1-1 Tidak banyak perbezaan di antara struktur pemerintahan dan pentadbiran sebelum dan selepas merdeka. Sebelum merdeka, Tanah Melayu telah diperintah mengikut kaedah persekutuan yang dipanggil Persekutuan Tanah Melayu mulai tahun 1948 untuk menggantikan Malayan Union.
  
- 1-2 Tiap-tiap negeri mempunyai Raja (kecuali Pulau Pinang dan Melaka), Majlis Perundangan Negeri dan Majlis Eksekutif yang diketuai oleh Menteri Besar bersama Penasihat British. Di peringkat Persekutuan, ia diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi British dan dibantu oleh Majlis Perundangan Persekutuan yang dilantik dan Majlis Eksekutif yang diisi oleh pegawai-pegawai British dan beberapa orang cerdik pandai tempatan.

- 1-3 Peralihan pemerintahan telah dibuat dengan memperkenalkan "membership system" di mana beberapa orang ketua-ketua parti atau orang yang berpengalaman diberi portfolio untuk ditadbirkan seperti Dato Onn Jaafar, Dato Thunaisingam, Dato Nik Kamil dan Tunku Yaakub.
- 1-4 Setelah pilihanraya diadakan pada 27hb. Julai 1955, Ketua Menteri dan beberapa orang menteri daripada Parti Perikatan telah dilantik untuk mengetuai portfolio yang tertentu dan apabila merdeka diisytiharkan, jawatan Ketua Menteri telah ditukarkan kepada jawatan Perdana Menteri dan beberapa orang menteri telah dilantik. Bagi mengantikan jawatan Pesuruhjaya Tinggi British, jawatan Yang Dipertuan Agung diadakan tetapi bidang kuasanya tidaklah serupa.

## **2- Persedian Untuk Melaksanakan Peralihan Pemerintahan**

- 2-1 Pelbagai persediaan terpaksa dilaksanakan sebelum sambutan Hari Kemerdekaan. Perkara yang penting ialah penggubalan perlembagaan baru. Untuk tujuan ini, Suruhanjaya Perlembagaan telah ditubuhkan. Peruntukan-peruntukan penting di dalam perlembagaan itu ialah mengenai hak kebebasan asas, kerakyatan, bahasa, agama dan hak istimewa orang-orang Melayu, kuasa-kuasa parlimen, eksekutif dan kehakiman (mahkamah) serta hak-hak dan kuasa negeri-negeri.

2-2 Di dalam hal ini, peranan yang dimainkan oleh sekumpulan pegawai-pegawai Melayu yang dipanggil Malay Forum adalah sangat penting. Kumpulan ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai Melayu telah menyediakan beberapa memorandum mengenai kepentingan orang Melayu yang disalurkan melalui Tun Razak terutama mengenai kerakyatan, bahasa, agama dan hak istimewa orang Melayu dan kebanyakan syor-syor itu telah diterima oleh kerajaan. (Tan Sri Yaakub, Tan Sri Aziz Yeop, Tan Sri Jamil Rais, Raja Mohar, Aminuddin Baki, Ungku Omar dan penulis sendiri menjadi setiausaha). Rujuk gambar.

### **3- Persedian Untuk Menyambut Hari Kemerdekaan**

3-1 Sambutan bagi menyambut Hari Kemerdekaan adalah suatu peristiwa yang unik dan belum pernah lagi belaku di negara ini. Ini adalah :-

- i- Pemilihan dan upacara pertabalan Yang Dipertuan Agung..
- ii- Bentuk perayaan
- iii- Pengistiharaan kemerdekaan
- iv- Para jemputan yang patut dijemput dari luar negeri (tempat menginap, kenderaan dan protokol)

**4- Pengisian Jawatan-Jawatan Yang Penting**

4-1 Pada masa kita mencapai kemerdekaan, hampir kesemua jawatan tertinggi dan penting telah diisi oleh pegawai British seperti:

- i- Setiausaha Tetap Kementerian-Kementerian
- ii- Ketua-Ketua Jabatan
- iii- Ketua-Ketua Angkatan Bersenjata (Darat, Laut & Udara)
- iv- Ketua Polis Negara
- v- Ketua Hakim Negara
- vi- Peguam Negara dan Peguamcara Negara

Jawatan-jawatan ini terpaksa diambil alih oleh pegawai-pegawai tempatan secara beransur-ansur dan “Malayanisation Scheme” telah diwujudkan untuk membayar ganti rugi kepada pegawai-pegawai British yang terpaksa diberhentikan perkhidmatan mereka.

Selain daripada itu, beberapa orang pegawai-pegawai kanan terpaksa dicari untuk mengisi jawatan-jawatan seperti duta dan wakil-wakil di pertubuhan antarabangsa seperti UN, UNESCO dan sebagainya.

- 4-2 Pada masa itu, pegawai-pegawai tempatan yang terkanan dan berpengalaman adalah pegawai-pegawai MCS (PTD) dan oleh kerana bilangan mereka tidak ramai untuk mentadbirkan berbagai-bagai tugas baru, masalah sering berlaku dan pegawai-pegawai baru terpaksa diambil dan mereka ini diberikan latihan tetapi ianya mengambil tempoh masa yang agak lama.
- 4-3 Dalam pada itu, undang-undang baru terpaksa digubal dan undang-undang yang lama dipinda atau dimansuhkan untuk disesuaikan dengan suasana yang telah berubah. Dan ini adalah suatu tugas yang penting dan mencabar.

**5- Mengisi Kemerdekaan**

- 5-1 Dasar dan peranan yang dilakukan oleh Kerajaan British di Tanah Melayu sebelum merdeka ialah menjaga keamanan supaya perniagaan dapat berjalan dengan lancar; dan mengutip hasil untuk membiayai pentadbiran Kerajaan dan memelihara status quo. Segala pembangunan yang dilaksanakan bertujuan untuk kepentingan perniagaan itu – e.g: keretapi, jalan raya dan perlabuhan. Oleh kerana orang Melayu tidak banyak berkecimpung dalam perniagaan, maka mereka telah tertinggal daripada arus kemajuan.

- 5-2 Kerajaan Perikatan yang memerintah selepas merdeka telah mengubah dasar dan peranan ini. Ia mementingkan pembangunan ekonomi dan sosial. Satu jabatan yang dipanggil Unit Perancangan Ekonomi telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk merancang pembangunan seluruh negara. Sistem Buku Merah telah diperkenalkan di mana tiap-tiap daerah telah diperuntukkan rancangan-rancangan terperinci untuk dilaksanakan.
- 5-3 Pada awalnya projek-projek seperti jalan raya, parit dan tali air, bekalan air dan elektrik, sekolah, dewan orang ramai telah diberi penekanan, lepas itu projek-projek yang besar seperti pembukaan tanah baru (Felda) dan kemudian Felcra telah dimulakan. Begitu juga Rancangan Pembangunan Lima Tahun telah diperkenalkan.
- 5-4 Tun Abdul Razak yang menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar akan melawat ke daerah-daerah untuk memantau kemajuan projek-projek ini dan mereka yang gagal melaksanakan projek itu akan diberi amaran keras. Bilik-bilik gerakan diadakan di EPU di negeri-negeri dan daerah-daerah.

- 5-5 Oleh kerana projek-projek ini dilaksanakan dengan begitu pesat dan serentak, masalah telah timbul mengenai kekurangan pegawai-pegawai yang hendak melaksanakannya dan kemampuan kontraktor-kontraktor yang berwibawa dan berpengalaman – tetapi lama-kelamaan masalah itu dapat diatasi.
- 5-6 Banyak orang pada masa itu bertanya di mana Kerajaan mendapat wang yang begitu banyak untuk membiayai projek-projek ini – pada masa British dahulu Kerajaan tidak berbuat demikian. Kita bernasib baik kerana pada tahun-tahun awal merdeka barang-barang kita getah, bijih timah dan kayu-kayan dan kemudian, kelapa sawit, berharga tinggi dan mencetuskan hasil yang banyak. Dan wang simpanan (reserve) Kerajaan juga banyak.

6- **Penubuhan Malaysia**

- 6-1 Pada masa Tanah Melayu sedang sibuk memajukan pentadbiran dan pembangunannya, ura-ura telah timbul untuk mengabungkan Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah dengan Persekutuan Tanah Melayu. Konsep penubuhan Malaysia ini berasal dari keinginan Singapura untuk bersatu dengan Semenanjung Tanah Melayu demi menjaga keselamatan dan kemajuannya yang terancam pada masa itu, terutamanya dari komunis di negeri itu sendiri, Indonesia dan Negeri China.

- 6-2 Pemimpin-pemimpin Tanah Melayu, Singapura dan Britain telah bersetuju dengan konsep itu. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa penduduk Cina di Singapura terlampau ramai dan boleh menyebabkan bilangan penduduk Cina di seluruh negeri menyaingi penduduk Melayu, pemimpin Tanah Melayu yang diketuai oleh Tuanku Abdul Rahman telah bersetuju dengan cadangan Inggeris supaya negeri-negeri di bawah kuasa British di Borneo (Sarawak, Brunei dan Sabah) juga digabungkan bersama Tanah Melayu.
- 6-3 Britain mempunyai kepentingan untuk melepaskan jajahan takluknya pada masa itu kerana negara itu sudah tidak lagi terdaya mempertahankan kawasan-kawasannya yang jauh dari Britain selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Selain daripada itu, ancaman dari komunis di Sarawak sukar hendak dibendung lagi.
- 6-4 Beberapa rundingan telah diadakan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Britain berkenaan dengan syarat-syarat kemasukan negeri-negeri itu di dalam suatu persekutuan yang baru yang di panggil Malaysia. Rundingan-rundingan tersebut telah berakhir dengan satu perjanjian yang dipanggil "Perjanjian Malaysia" (Malaysia Agreement) yang telah ditandatangani pada bulan September, 1963 di London. Walau bagaimanapun, Brunei telah terkeluar.

- 6-5 Penubuhan Malaysia telah mendapat tentangan yang hebat dari Indonesia dan Filipina - Indonesia dengan "konfrontasinya" dan Filipina telah mengistiharkan bahawa Sabah adalah kepunyaannya, walau pun rakyat negeri itu mengesahkan melalui referendum mereka mahu menyertai Malaysia. Walau bagaimanpun, hubungan Malaysia dengan Indonesia dan Filipina telah kembali pulih selepas kejatuhan pemerintahan Presiden Sukarno di Indonesia dalam tahun 1965.
- 6-6 Dengan penubuhan Malaysia, penduduk-penduduk Sarawak dan Sabah mengharapkan kepada pembangunan seperti mana yang telah dinikmati oleh penduduk di Semenanjung. Oleh kerana Sabah dan Sarawak jauh lebih mundur daripada Semenanjung, membangunkan negeri-negeri itu menjadi satu cabaran yang besar kepada pegawai-pegawai Persekutuan dan juga negeri. Wang yang banyak terpaksa dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan infrastuktur terutamanya jalan-jalan raya, sekolah, hospital dan pelbagai projek lagi. Semua usaha yang telah dilakukan ini telah mendatangkan hasil yang membanggakan kepada negeri-negeri itu dan pada hari ini, taraf hidup rakyat Sabah dan Sarawak adalah jauh lebih baik daripada kawasan disekelilingnya.

6-7 Pada logiknya, kemasukan Singapura ke dalam Malaysia boleh mendarangkan kebaikan kepada kedua-dua belah pihak, tetapi oleh kerana perselisihan faham yang mendalam di antara pemimpin kedua belah pihak tersebut, akhirnya Singpura telah terkeluar dari Malaysia dalam tahun 1965.

7- Peristiwa 13hb. Mei 1969

- 7-1 Pada 10hb. Mei 1969, Malaysia telah mengadakan pilihanraya dengan tujuan untuk memilih wakil-wakil ke Dewan Rakyat dan Dewan Undang Negeri-Negeri. Sebelum pilihanraya tersebut diadakan, suasana politik telah menjadi tegang kerana pihak pembangkang telah menyuarakan tuntutannya terhadap beberapa perkara yang boleh mengancam kedudukan orang-orang Melayu.
- 7-2 Keputusan pilihanraya itu menunjukkan bahawa Parti Perikatan yang memerintah telah menang dengan tipis dan kalah di Pulau Pinang dan Kelantan. Manakala di Selangor pula, Parti Perikatan dan pihak pembangkang mempunyai wakil yang sama ramai. Calon-calon daripada MCA dan MIC telah kalah teruk.
- 7-3 Pada 13hb. Mei 1969, parti-parti pembangkang telah berarak - di jalan-jalan raya di sekitar Kuala Lumpur bagi merayakan kemenangan mereka dan mengejek-ejek parti pemerintah terutamanya UMNO. Tindakan ini telah menimbulkan kemarahan

kepada orang-orang Melayu yang telah mencetuskan perkelahian dan akhirnya membawa kepada pertubuhan di antara kaum dan kerusakan harta benda. Kerajaan terpaksa mengisytiharkan darurat dan perintah berkurung dikenakan. Oleh kerana keadaan ini berpanjangan, kerajaan telah membubarkan Parlimen dan Majlis Gerakan Negara ditubuhkan.

- 7-4 Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Pegawai Gerakan sementara ahli-ahli Majlis ini terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan juga beberapa orang ahli politik.
- 7-5 Tugas Majlis Gerakan Negara ialah memulihkan semula keamanan dalam negeri dan merancang cara-cara atau langkah-langkah yang patut diambil untuk mengelakkan perkara-perkara yang menimbulkan peristiwa itu tidak berlaku lagi.
- 7-6 Dari segi politik, peruntukan undang-undang telah dibuat yang menyatakan bahawa adalah menjadi kesalahan di bawah undang-undang hasutan jika seseorang itu mempersoalkan perkara-perkara sensitif seperti soal bahasa, kerakyatan, hak istimewa orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu.
- 7-7 Dan untuk menyakinkan orang Melayu bahawa mereka dapat bersama menikmati faedah daripada kemerdekaan, Dasar Ekonomi Baru telah digubal.

- 7-8 Parlimen telah dihidupkan semula dalam bulan Januari 1971.

#### **8 Dasar Ekonomi Baru – 1971 – 1990**

- 8-1 Pembangunan ekonomi yang berlaku selepas merdeka adalah sangat pesat kerana dasar ekonomi Kerajaan yang liberal dan rancangan-rancangan ekonomi kerajaan yang tersusun. Akan tetapi biarpun orang Melayu telah dapat manfaat daripada projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan, mereka masih tertinggal kebelakang dalam bidang perniagaan, pendidikan, profession dan harta. Pendeknya, kekayaan negara ini tidak sama dirasai oleh orang-orang Melayu. Ini adalah satu daripada beberapa sebab kenapa orang Melayu “lekas bertindak” yang mencetuskan peristiwa 13hb. Mei.
- 8-2 Dasar Ekonomi Baru bertujuan mengeratkan perpaduan rakyat dengan cara-cara dua pendekatan:-
- Menghapuskan kemiskinan di kalangan semua rakyat;
  - Menyusun semula masyarakat supaya semua rakyat dapat mengambil bahagian dalam semua aktiviti ekonomi dan sosial dengan tidak mengira keturunan.

- 8-3 Untuk mencapai cita-cita ini, kerajaan telah mengambil tindakan tegas (affirmative action);
- i- Menetapkan supaya 30% daripada modal dalam syarikat-syarikat berhad dipunyai oleh orang Melayu dalam tempoh 20 tahun;
- ii- Membanyakkan lagi penuntut-penuntut Melayu mendapat pelajaran tinggi di universiti-universiti di dalam dan luar negara;
- iii- Membanyakkan lagi peluang orang-orang Melayu mengisi jawatan penting dalam syarikat-syarikat swasta;
- iv- Penekanan supaya bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di Sekolah Rendah dan kemudian di Sekolah Menengah dan Tinggi.

#### **Kejayaan Dasar Ekonomi Baru**

- 8-4 Sungguhpun ada kelemahan-kelemahannya, Dasar Ekonomi Baru telah dapat mencapai objektif untuk meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu dan ini telah memberi keyakinan kepada mereka bahawa kedudukan mereka dalam negara sendiri adalah terjamin. Di bawah ini disenaraikan sebahagian daripada pencapaian itu.

- i- Setakat 1990 – 20% daripada modal syarikat berhad dipunyaai atau dikawal oleh orang Melayu.
- ii- Ladang-ladang, lombong-lombong yang dahulunya dipunyaai oleh orang British sekarang dipunyaai atau diuruskan oleh orang Melayu. (e.g. Sime Darby, Guthrie, Golden Hope, MMC).
- iii- Kebanyakan bank tempatan dipunyaai atau diuruskan oleh orang Melayu.
- iv- Syarikat-syarikat yang dahulunya dipunyaai oleh kerajaan seperti TNB, Telekom Malaysia, MISC, MAS, PETRONAS sekarang dipunyaai atau dikelolakan oleh orang Melayu.
- v- Kita telah ada lebih daripada 15 buah universiti dengan 200,000 pelajar dan lebih daripada 60% adalah orang Melayu. Hampir kesemua Naib Canselornya orang Melayu dan pensyarah yang teramai juga adalah orang Melayu.
- vi- Hasil daripada (V) bilangan professional kita telah bertambah – doktor, akauntan, peguam, jurutera dan sebagainya.

8-5 Walau apa pun yang telah tercapai melalui Dasar Ekonomi Baru orang Melayu masih ketinggalan kalau dibandingkan dengan kemajuan yang dicapai oleh orang-orang bukan Melayu terutama dalam menghadapi era teknologi yang baru. Tindakan-tindakan yang tegas haruslah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk memastikan supaya semua rakyat dapat menikmati kekayaan negara ini dengan saksama.

9- **Penutup**

9-1 Segala kejayaan yang dicapai oleh negara kita setakat ini adalah hasil daripada dasar-dasar pemerintahan yang baik dan pimpinan politik yang bijak. Tetapi kita hendaklah sedar bahawa dasar-dasar yang baik dan pimpinan yang bijak tidak akan menghasilkan apa-apa sekiranya kita tidak mempunyai pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkebolehan, taat dan setia dan cekap untuk melaksanakan dasar-dasar itu supaya menjadi kenyataan. Negara kita bertuah kerana mempunyai pegawai-pegawai dan kaikatangan seperti itu. Kita patut bersyukur kepada mereka.

**Peranan Perkhidmatan Awam Mengikut Pengalaman  
Seorang Pegawai Tadbir**

oleh  
**Dato' Wan Mansor bin Wan Abdullah**

**Sesi 5 Trek 1**

## PERANAN PERKHIDMATAN AWAM MENGIKUT PENGALAMAN SEORANG PEGAWAI TADBIR

### Pendahuluan

Kertas ini membicarakan peranan perkhidmatan awam dalam usaha mencapai, mengisi dan menghayati kemerdekaan.

Perkhidmatan awam mempunyai liputan yang luas seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan tentera, polis, pendidikan, perundangan dan perkhidmatan tadbir Persekutuan dan Negeri.<sup>1</sup> Oleh sebab perbincangan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti perkhidmatan tentera, polis dan perundangan nampaknya telah diperuntukkan dalam sesi-sesi yang lain, maka saya hanya tumpukan perbincangan saya kepada peranan perkhidmatan tadbir khususnya perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang saya telah menganggotainya selama 30 tahun daripada 1959 hingga 1989.

Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik ini dahulu telah dikenali sebagai Perkhidmatan Tadbir Malaya atau Malayan Civil Service, ringkasnya M.C.S. Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan awam tertinggi negara semenjak dari zaman pemerintahan British lagi dan telah ditubuhkan dengan rasminya dalam tahun 1920 sebagai perkhidmatan tadbir Malaya yang termasuk Negeri-negeri Selat (Singapura, Pulau Pinang dan Melaka), Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (non Federated Malay States). Pada mulanya perkhidmatan ini hanya terbuka kepada pegawai-pegawai Inggeris sahaja, tetapi berdasarkan kepada pendapat Kerajaan British bahawa anak-anak tempatan patut diberi peluang mentadbirkan negeri mereka sendiri, perkhidmatan itu mula menerima kemasukan pegawai-pegawai Melayu pada awal tahun 1930an.

Sebagai jentera pentadbiran yang melaksanakan dasar pemerintahan negara, sumbangan perkhidmatan tadbir ini terhadap kemerdekaan dan peranan yang dimainkan oleh anggota-anggotanya dalam pengisian serta pembangunan kemerdekaan tidak patut dilupakan.

<sup>1</sup> Perlembagaan Persekutuan, Bahagian 10, Fasal 132.

terutamanya oleh generasi selepas merdeka yang mewarisi segala kesenangan dan kemudahan hasil sumbangan pemikiran dan tenaga pegawai-pegawai perkhidmatan tadbir ulung ini.

### **Memimpin Gerakan Kemerdekaan**

Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik telah memainkan peranan penting dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan tanahair dan telah menjadi tulang belakang kerajaan dalam usaha mengisi dan menghayati kemerdekaan. Oleh sebab kesempitan ruang dan masa, saya hanya membentangkan di sini contoh-contoh yang penting mengikut pengalaman yang saya lalui dalam perkhidmatan itu semenjak tahun 1959.

Kemerdekaan Tanah Melayu yang telah dicapai pada 31hb Ogos 1957 itu pada mulanya, iaitu pada masa parti-parti politik belum ditubuhkan, telah diperjuangkan oleh aktivis-aktivis Melayu yang terdiri daripada golongan terpelajar dan kebanyakannya daripada mereka adalah pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Dato Onn bin Jaafar, pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang sekarang ini lebih dikenali dengan nama UMNO itu, adalah seorang pegawai kerajaan. Ishak Haji Mohamad atau Pak Sako yang menanam semangat kemerdekaan melalui tulisan-tulisannya adalah juga seorang pegawai kerajaan. Malahan beliau terpaksa meninggalkan jawatannya sebagai seorang Majistret oleh sebab penglibatannya dalam politik. Selain daripada pegawai-pegawai kerajaan yang berpelajaran Inggeris ini, semangat kemerdekaan turut ditüpukan oleh mereka yang berpelajaran agama terutamanya mereka yang telah menuntut di Universiti Azhar Mesir yang terpengaruh dengan perjuangan kemerdekaan di sana.

Pengasas-pengasas UMNO yang bersama-sama dengan Dato' Onn yang menubuhkan pertubuhan itu boleh dikatakan kebanyakannya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan pentadbiran awam, disokong oleh guru-guru kelulusan Maktab Perguruan Idris Tanjung Malim, yang juga pegawai-pegawai kerajaan. Pada masa itu, ia itu sebelum tahun 1950 mereka inilah yang disifatkan sebagai kaum cerdik pandai atau 'orang-

orang terpelajar' dan mereka yang dipandang sebagai pemimpin masyarakat.

Pegawai-pegawai tadbir yang memegang jawatan seperti Pegawai Daerah atau ketua Jabatan memanglah orang-orang yang dilatih menjadi pemimpin. Oleh yang demikian tanggungjawab kepimpinan terjatuh kepada bahu mereka secara tabii. Mereka yang dipilih memimpin pertubuhan-pertubuhan atau persatuan-persatuan sosial dan sukan pada permulaannya dan apabila pertubuhan politik ditubuhkan mereka jugalah yang dipilih atau dilantik menjadi pemimpinnya.

### **Menuntut Kemerdekaan**

Setelah berjaya menentang cadangan penubuhan Malayan Union dalam tahun 1947 dan Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada 1hb Februari 1948 dan teraju kepimpinan UMNO bertukar tangan daripada Dato Onn kepada Tunku Abdul Rahman, Tunku mula mengatur perancangan dan strategi bagi mendesak kerajaan British untuk memerdekaikan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman sendiri terpaksa meletakkan jawatannya daripada Perkhidmatan Perundangan untuk menceburkan diri sepenuh masa dalam UMNO. Tun Abdul Razak meletakkan jawatannya sebagai Setia Usaha Kerajaan Pahang dalam Perkhidmatan Tadbir Malaya untuk membantu Tunku memimpin UMNO. Dato Onn pula membawa bersama dengannya beberapa orang pegawai kanan Perkhidmatan Tadbir seperti Zainal Abidin Abas bagi menuahkan Parti Negara. Pendeknya pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam yang bertukar menjadi ahli politik (civil servants turn politicians) telah menjadi pejuang-pejuang ulung politik bagi mempelopori perjuangan kemerdekaan tanahair.

Apabila akhirnya Tunku Abdul Rahman mengadakan perbincangan-perbincangan dengan kerajaan British yang memutuskan bagi kemerdekaan Tanah Melayu, ahli-ahli rombongannya turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan Melayu yang dilantik mewakili Sultan-sultan, seperti Tan Sri Nik Ahmad Kamil, Dato' Panglima Bukit Gantang dan Tun Abdul Aziz bin Abdul Majid. Jelaslah bahawa kemerdekaan yang

telah dicapai dengan begitu teratur itu diusahakan bersama oleh pegawai-pegawai awam dan tidak oleh ahli-ahli politik semata-mata.

### **Mengisi Kemerdekaan**

Setelah kemerdekaan dicapai sumbangan terbesar perkhidmatan awam, terutamanya Perkhidmatan Tadbir Malaya ialah mengambil alih dan menjalankan jentera pentadbiran daripada tangan pegawai-pegawai British. Ini telah dapat disempurnakan dengan tertib dan teratur tanpa sebarang kesulitan. Beberapa orang pegawai Inggeris telah dikenalkan untuk membantu pegawai-pegawai tempatan yang kebanyakannya masih muda dan kurang pengalaman itu. Kita telah mengambil tindakan yang bijak tidak menghalau mereka sekali gus seperti yang berlaku di setengah negara yang baru merdeka. Sebaliknya satu rancangan persaraan yang teratur telah ditawarkan kepada mereka yang mana perkhidmatannya tidak dikehendaki dan satu program memelayankan perkhidmatan awam (Malayanisation Scheme) telah dilaksanakan.

Pada hari kemerdekaan diisyitiharkan pegawai-pegawai kanan tempatan serta merta memegang jawatan penting pentadbiran. Umpamanya, Dato' (Tun) Abdul Aziz bin Abdul Majid memegang jawatan Setia Usaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, (sekarang jawatan itu digelar Ketua Setia Usaha Negara), dan Abdul Jamil (Tan Sri) bin Abdul Rais memegang jawatan Setia Usaha Tetap (Ketua Setia Usaha) Kementerian Kewangan, pada hal kedudukan mereka dalam senarai perjawatan masih begitu rendah. Pegawai-pegawai yang lebih kanan dan telah mencapai umur bersara dilantik ke jawatan-jawatan yang tidak kurang pentingnya seperti Dato' Mahmud bin Mat dilantik Speaker Dewan Rakyat yang pertama dan Dato' Othman bin Mohamed dilantik Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu di United Kingdom.

Pegawai-pegawai Inggeris yang tinggal, yang sekarang telah dikenali sebagai pegawai-pegawai dagang (expatriate officers), terutamanya dalam jawatan-jawatan profesional, melepaskan jawatan masing-masing beransur-ansur apabila pegawai-pegawai tempatan bersedia mengambil alih daripada mereka. Pada masa saya mula-mula

berkhidmat, bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Hulu Selangor, dalam tahun 1959 iaitu dua tahun selepas merdeka, Jurutera Daerah dan Ketua Polis Daerah masih lagi disandang oleh pegawai-pegawai dagang. Pada mulanya saya terkejut apabila mereka memanggil saya ‘Sir’ pada hal sebelum merdeka kitalah yang memanggil mereka ‘tuan’!

### Rancangan Pembangunan

Kerajaan Tanah Melayu merdeka tidak lengah-lengah mengambil langkah melaksanakan rancangan pembangunan negara dan di antara dasar pembangunan yang pertama dijalankan ialah menghapuskan kemiskinan yang melibatkan pembangunan luar bandar. Pada mulanya rancangan pembangunan ini dijalankan secara ad hoc sahaja sehingga tahun 1960 apabila Rancangan Lima Tahun yang pertama dilaksanakan.

Bagi menjayakan rancangan pembangunan pertama ini Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar, telah memperkenalkan sistem pentadbiran pembangunan mengikut cara operasi keselamatan yang dijalankan dalam masa darurat 1948-1959. Sistem pentadbiran ini dikenali sebagai sistem ‘bilik gerakan’ atau ‘operation room system’ yang menjadi nadi pembangunan kampung, daerah, negeri dan Persekutuan. Bilik Gerakan ditubuhkan di setiap kampung, daerah dan negeri dan di peringkat pusat ditubuhkan Bilik Gerakan Negara. Di tiap-tiap peringkat pentadbiran ditubuhkan Jawatankuasa Pembangunan yang bertanggungjawab kepada jawatankuasa peringkat yang teratas, misalnya Jawatankuasa Pembangunan Kampung bertanggung jawab kepada Jawatankuasa Pembangunan Daerah, Daerah kepada Negeri, dan seterusnya kepada Jawatankuasa Pembangunan Kebangsaan. Sistem pentadbiran ini telah mendapat sanjungan seluruh dunia sebagai satu sistem pentadbiran pembangunan yang ‘innovative’.

Bagi mengesan atau memantau kemajuan rancangan-rancangan yang dijalankan, pegawai-pegawai terutamanya di peringkat daerah digalakkan melawat dan memeriksa projek-projek yang berkenaan dan menyelesaikan segala masalah yang dihadapi di situ juga. Allahyarham Tun Razak sendiri, sebagai Menteri yang bertanggungjawab, sentiasa

memantau kemajuan projek-projek ini dengan membuat lawatan ke kawasan-kawasan pelaksanaannya. Dengan cara ini pegawai-pegawai daerah terpaksa sentiasa waspada dan mengikuti kemajuan projek-projek di dalam daerahnya. Adalah menjadi satu perkara yang mengecutkan hati Pegawai-pegawai Daerah menerima kunjungan Allahyarham Tun yang tiba-tiba datang dengan helikopter tanpa sebarang notis.

Pada mulanya rancangan-rancangan pembangunan hanya tertumpu kepada usaha membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti membina jalan-jalan kampung, bekalan elektrik, air dan telefon awam, tetapi Rancangan Lima Tahun pertama ini termasuk pelancaran satu rancangan pembukaan tanah yang besar yang sekarang ini dikenali dengan nama Rancangan FELDA.

Berkhidmat di Daerah Hulu Selangor dan bertanggung jawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan Daerah, saya telah terlibat dengan perancangan dan pelaksanaan dua projek pembukaan tanah yang besar di daerah itu , iaitu projek yang sekarang dikenali sebagai FELDA Suharto di Hulu Bernam dan FELDA Sungai Buaya di Rawang. Tanggungjawab saya ialah mengenal pasti kawasan, membuat pemeriksaan kesesuaian secara fizikal dan apabila diserahkan kepada FELDA menguruskan pemilihan calon-calon peneroka.

### **Pembangunan Pelajaran (Pendidikan)**

Pegawai tadbir bukan sahaja menjalankan tugas-tugas pentadbiran semata-mata. Kita juga terlibat dengan menguruskan dan melaksanakan dasar pembangunan yang dianggap sebagai perkara khusus atau tanggungjawab pegawai-pegawai profesional. Daripada tahun 1965 hingga tahun 1973 saya telah ditempatkan di Kementerian Pelajaran (Pendidikan), iaitu satu tempoh penempatan (posting) yang paling lama dalam pengalaman perkhidmatan awam saya. Pada permulaannya (1965-1967) saya ditugaskan mengetuai Bahagian Biasiswa dan Latihan di Kementerian itu, bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program latihan peringkat siswazah bagi menghasilkan pengeluaran guru-guru siswazah seberapa ramai yang boleh terutamanya guru-guru siswazah

yang boleh mengajar mata pelajaran matematik dan sains dalam bahasa kebangsaan. Saya masih ingat bagaimana kami (saya berserta penolong saya, Allahyarham Dato' Abdul Malik Nahu dan seorang pegawai Perkhidmatan Tadbir Melayu) bekerja sehingga jam 7 malam boleh dikatakan setiap hari selama beberapa bulan menyaring, memilih dan menemuduga pelajar-pelajar aliran bahasa Melayu yang pertama Tingkatan Enam Sekolah Menengah Alam Shah untuk dihantar ke Universiti Malaya dalam jurusan Sain dan bagaimana kita terpaksa berhempsah pulas memperjuangkan kemasukan mereka itu kerana pihak Universiti pada ketika itu tidak yakin bahawa pelajar-pelajar aliran bahasa Melayu ini akan berjaya mengikuti kursus B.Sc yang dijalankan dalam bahasa Inggeris.

Pada tahun 1967 hingga 1973 saya telah ditempatkan di Jabatan Penuntut Malaysia di London. Di sana kami dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan pengeluaran pelajar-pelajar siswazah daripada segala jurusan terutama jurusan profesional seperti jurutera, akauntan, perubatan dan sebagainya. Pada permulaannya pelajar-pelajar Malaysia di universiti-universiti di Britain tidak ramai; pelajar-pelajar Melayu sangat kecil bilangannya. Apabila Tun Abdul Razak memegang jawatan Perdana Menteri dan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1971, Allahyarham sendiri dalam satu lawatannya ke London telah meminta kami mengemukakan satu cadangan bagaimana caranya boleh ditambah bilangan pelajar-pelajar Malaysia, istimewa yang mendapat biasiswa kerajaan, memasuki universiti-universiti di Britain. Cadangan kami supaya pelajar-pelajar dihantar mengambil kursus A Level di sana telah dipersetujui serta merta. Kumpulan pertama seramai 100 orang pelajar telah dihantar dengan biasiswa MARA pada tahun berikutnya dan mereka telah dimasukkan ke kolej-kolej untuk mengikuti kursus A Level dalam jurusan-jurusan yang berkenaan. Pada masa saya meninggalkan London akhir tahun 1973, kesemua 100 orang pelajar ini telah berjaya mendapat tempat di universiti-universiti yang diiktiraf di England, Scotland dan Ireland mengikuti kursus-kursus kejuruteraan, perubatan dan sains. Kejayaan program ini mendorong kerajaan melaksanakan program-

program yang serupa di Amerika, Kanada dan Australia. Pada kemuncak pelaksanaan program ini sebelum kemelesetan ekonomi tahun 1987-88 seramai lebih kurang 4,000 orang pelajar telah berpeluang menikmati faedah dari padanya.

### **Pertahanan Negara**

Selain daripada Kementerian Pelajaran (Pendidikan) pegawai tadbir daripada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik juga berkhidmat di kementerian-kementerian profesional yang lain seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertahanan. Memegang jawatan Timbalan Ketua Setia Usaha II Kementerian Pertahanan dari tahun 1974 hingga 1977, saya telah berpeluang menyumbang kepada pembangunan angkatan tentera dan pertahanan negara. Dasar dan strategi pertahanan negara bergantung kepada ancaman yang dihadapi, sama ada ancaman dari luar atau dari dalam. Kejatuhan Vietnam dan Kemboja ke tangan Komunis dalam tahun 1975 menimbulkan teori domino yang dianggap bahawa kejatuhan negara-negara Indo-China itu akan dituruti pula dengan kejatuhan negara-negara lain di Asia Tenggara. Selain daripada itu minyak telah ditemui dalam kawasan ekonomi perairan Semenanjung di Lautan China Selatan. Saki baki gerombolan pengganas-pengganas komunis di sempadan Malaysia-Thailand, barangkali dengan perangsangan daripada kejayaan puak mereka di Vietnam dan Kemboja telah meningkatkan kegiatan mereka dan pasukan keselamatan kita yang menjalankan operasi di kawasan utara Semenanjung ramai terkorban akibat jerangkap samar. Tugas saya antara lainnya ialah menyelaraskan penyediaan Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua Kementerian Pertahanan dan berdasarkan kepada ancaman-ancaman yang dihadapi itu kita telah menyediakan satu rancangan pembangunan yang meliputi pembesaran angkatan tentera dan bekalan alat-alat kelengkapan pertahanan yang lebih moden.

### **Penutup**

Contoh-contoh yang saya bentangkan ini hanya sebahagian daripada apa yang disumbangkan oleh pegawai-pegawai awam khususnya

pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik bagi menegakkan kemerdekaan dan apabila kemerdekaan tercapai telah mengendalikan pentadbiran dengan begitu baik sambil melaksanakan dasar kerajaan yang memerintah untuk mengisi dan mengekalkan kemerdekaan kita. Peranan perkhidmatan awam dalam sebuah kerajaan yang merdeka ialah memberi segala sokongan dan melaksanakan segala dasar dan program kerajaan tersebut. Barangkali perkhidmatan awam kita di peringkat kebangsaan dan di kebanyakan negeri tidak mengalami apa-apa kesulitan kerana kerajaan yang memerintah tidak berubah, tetapi di negeri-negeri seperti Kelantan dan Terengganu serta Sabah yang mengalami perubahan kerajaan yang memerintah mungkin perkhidmatan awamnya mengalami sedikit kesulitan. Walau bagaimana pun keunggulan dan kewibawaan perkhidmatan awam tidak seharusnya tergugat jika anggota-anggotanya berpegang teguh dan mengamalkan prinsip-prinsip profesionalnya. Hanya perkhidmatan awam yang profesional dapat membantu mendirikan negara yang berdaulat dan merdeka

Akhirnya suka cita saya maklumkan iaitu Persatuan Alumni PTD sedang giat berusaha menulis sebuah buku sejarah Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Saya percaya peranan dan sumbangan Perkhidmatan itu dalam pembangunan dan kemerdekaan negara akan mendapat tempat istimewa dalam buku ini.

Kuala Lumpur,  
25hb Ogos, 2000.  
M.S. Word 97/ doc.

**Peranan Pentadbir dan Pembaharuan Pentadbiran  
Awam Dalam Mengisi dan Memperkuatkan  
Kemerdekaan Negara :Penghayatan dan Cabaran**

**oleh  
Prof. Madya Dr. Ahmad Atory Bin Hussain**

**Sesi 5 Trek 1**

**Peranan Pentadbir dan Pembaharuan Pentadbiran Awam  
Dalam Mengisi dan Memperkuatkannya Kemerdekaan  
Negara:Penghayatan dan Cabaran**

**Dibentang di Persidangan**

**Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia Peringkat  
Kebangsaan**

**11 hingga 13 September di Hotel Istana, Kuala Lumpur**

**Oleh Profesor Madya Dr. Ahmad Atory Bin Hussain PPT**

**Sekolah Pembangunan Sosial  
Universiti Utara Malaysia  
Sintok, Kedah darul Aman**

## **Pengenalan: Kepentingan Pentadbiran Awam**

Seperti yang diketahui, negara Malaysia telah mencapai kadar pembangunan yang amat pesat dan termaju dibandingkan dengan negara-negara dunia ketiga yang lain terutama negara-negara yang pernah dijajah sama seperti Malaysia. Justeru, kertas kerja ini cuba mengimbau dan menyingkap, seterusnya menghayati bagaimana kita boleh mencapai kemajuan yang begitu pesat terutama setelah mencapai kemerdekaan. Kita berpendapat bahawa, selain dari faktur sistem ekonomi yang inovatif, sistem masyarakat yang tersusun, harmoni antara kaum, hatta sistem politik dan amalan politik yang kondusif terhadap pembangunan, satu faktur yang tidak kurang pentingnya (yang kadang-kadang diabaikan) ialah faktur kemantapan , kecekapan serta keberkesanan dan tersusunnya sistem pentadbiran awam Malaysia itu dalam mengisi kemerdekaan itu sendiri. Tanpa kemantapan pentadbiran awam, kita percaya pembangunan pesat dan mapan seperti yang dihayati kini tidak akan tercapai. Faktur ini telah diakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang antara lain menyatakan sistem pentadbiran awam yang cekap dan berkesan itu merupakan faktur utama bagi sesebuah negara itu untuk menjayakan segala dasar-dasar ekonomi. Tanpanya, walau sebaik mana pun dasar ekonomi dan wadah pembangunan sesebuah negara itu, pembangunan tidak akan tercapai. Malaysia juga memangnya diakui sebagai negara berpentadbiran seperti yang disebut oleh Milton J. Esman, seorang pakar perunding Amerika Syarikat yang banyak membuat kajian mengenai pembangunan Malaysia satu masa dulu .. “Malaysia is best understood as an administrative state”... Selain itu, boleh dikatakan kesemua Perdana Menteri Malaysia sejak dahulu hingga kini sangat menyokong akan sebarang usaha pembaharuan pentadbiran. Faktur sokongan kepimpinan sangat penting dalam memajukan negara kerana di negara-negara dunia ketiga yang lain, tidak semua pemimpin mereka menyokong akan usaha pembaharuan pentadbiran tersebut. Sebaliknya mereka lebih menumpukan kepada usaha pembaharuan politik yang akhirnya menghalang kepada pembangunan mapan.

### **Sistem Pentadbiran Awam Malaysia: Sebelum merdeka dan Kini**

Sistem pentadbiran di Malaysia adalah cantuman dari beberapa warisan iaitu kesultanan Melayu Melaka dan system Inggeris . Asas-asas penting pentadbiran telah dikekalkan daripada sistem politik tradisi Melayu seperti institusi kesultanan, orang besar, orang besar daerah, penghulu, ketua kampung, majlis mesyuarah dan sebagainya. Manakala sistem dan fungsi pentadbiran yang lain seperti parti politik, parlemen, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, egenasi-agensi kerajaan, polis dan tentera moden banyak diwarisi daripada British seperti institusi pegawai daerah, pentadbiran dan pengurusan moden seperti juruukur, pentadbiran tanah, system pengaliran, bekalan air, api, jalan raya, pengurusan pejabat moden , penggunaan alat-alat teknologi moden dalam pengangkutan darat, laut, udara dan pelbagai sistem kehidupan masyarakat yang lain seperti ekonomi pasaran bebas, pendidikan sekular berasaskan sains dan teknologi dan sebagainya – semunya diambil atau diubahsuai dari sistem barat. Dengan sebab itu

apabila Malaysia mencapai kemerdekaan, pentadbir-pentadbir Melayu meneruskan semua warisan tersebut tanpa ada satu bentuk revolusi sosial dan politik seperti di negara-negara lain yang membuang atau menyangkakan semua bentuk sistem pentadbiran dan pengurusan barat walaupun amat berguna kepada pembangunan negara mereka

Sebelum merdeka pentadbir awam melaksanakan juga peranan politik. Pegawai British bukan sahaja bertindak sebagai pentadbir awam tetapi juga sebagai ahli politik. Ini tidak menghairankan kerana sistem pemerintahan negara belum lagi mengamalkan sistem demokrasi berparlemen seperti yang di amalkan sekarang.

Selepas merdeka, jentera pentadbiran awam dipisahkan daripada struktur politik dan kehakiman. Pentadbir diberi tugas untuk menjalankan kerja-kerja pentadbiran sahaja, manakala hal ehwal pemerintahan berparlemen dijalankan oleh ahli-ahli politik yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya.

Sebelum merdeka juga, peranan pentadbir Melayu menjadi mata dan telinga kehidupan masyarakat Melayu. Tidak banyak yang boleh dimainkan oleh mereka untuk membantu orang Melayu dalam suasana dijajah. Segelintir daripada mereka bergerak dalam gerakan-gerakan kebangsaan. Mereka yang menerima pendidikan barat dan pendikan Melayu kedua-duanya terdedah dengan kehidupan moden barat. Merakalah yang membantu dalam proses pemodenan masyarakat. Apabila negara diambil mencapai kemerdekaan, mereka juga sebahagiannya menjadi pemimpin politik dan pemerintah baru seperti menjadi perdana menteri, menteri atau menteri besar atau wakil rakyat. Justeru, apabila merdeka, Malaysia berasas baik mempunyai pemimpin-pemimpin yang bijak, berwawasan dan tahu mengurus negara dengan ilmu pemerintahan dan pentadbiran moden seperti barat, bukan dengan budaya hawa nafsu. Pemimpin-pemimpin Melayu sedar bahawa untuk membangunkan masyarakat atau mengisi kemerdekaan dengan ekonomi, pendidikan dan perpaduan antara kaum-kaum, pentadbiran awam perlu digembeling dan seterusnya diperbaharui dari masa kesemasa.

### **Erti Peranan Pentadbir dan Pembaharuan Pentadbiran dalam Konteks Malaysia**

Dalam perbincangan ini, perlu ditegaskan bahawa peranan pentadbir merupakan satu variabel, manakala pembaharuan pentadbiran merupakan satu variabel yang lain. Pun begitu kedua-dua variabel tersebut digabungkan iaitu peranan pentadbir lazimnya dihalakkan dengan dasar-dasar yang dirancang untuk dilaksanakan oleh pentadbir tersebut, sedangkan jentera pentadbiran itu sendiri sebagai alat untuk pentadbir itu berperanan. Ertinya, jika jentera pentadbiran tidak sesuai atau tidak diperbaharui atau tidak dimodenkan, maka agak sukarlah pentadbir awam hendak berperanan bagi melaksanakan dasar-dasar ekonomi dan sosial negara. Begitu juga kalau sekiranya tidak ada dasar-dasar yang strategik yang direkabentuk oleh para pembuat dasar maka pegawai kerajaan tidak

mempunyai apa-apa peranan utama yang hendak dilakukan, melainkan tidak lebih hanya membuat tugas-tugas membantu pentadbiran British dan kerja rutin di pejabat.

### **Peranan Pentadbir Era Pra- Merdeka**

Era sebelum Merdeka, dikatakan peranan pentadbir tidak banyak memberi pembangunan kepada masyarakat Melayu. Peranan mereka tidak lebih untuk membantu British dalam menggerudi hasil negara seperti getah dan bijih timah. Selain itu mereka juga diminta menjalankan aktiviti mengutip cukai, menguatkusakan undang-undang dan peraturan, menggalakkan kemasukan buruh asing untuk sektor perlombongan dan perladangan, dan mengekalkan keamanan. Soa-soal pembangunan masyarakat Melayu bukanlah merupakan agenda utama pemerintah British ketika itu. Kalau pun ada, hanya dibidang pendidikan untuk golongan elit dan rakyat biasa kurang sekali mendapat pendidikan. Kalau adapun tidak lebih sekadar melepas batuk ditangga sahaja. Walau bagaimana pun, beberapa elit Melayu berjaya mendapat pendidikan barat di luar negera dan akhirnya dengan pendidikan barat itu berserta dengan semangat kebangsaan yang telah dipupuk oleh golongan ugama dan nasionalisme Melayu telah dapat menuntut kemerdekaan.

Meskipun demikian dalam era penjajah juga (1789-1957), jentera pentadbiran awam terus diperkemaskan oleh pihak British seperti penubuhan jabatan-jabatan, agensi-agensi, perkhidmatan polis dan tentera, menubuhkan hospital, menubuhkan sekolah, makamah, memberi geran/title tanah kepada pengusaha ladang, menghapuskan duti import kecuali cандu dan arak, memperkenalkan sistem pengurusan kewangan moden, pengurusan sistem inventori, pengurusan pejabat ala Max Weber seperti pentadbiran yang mengandungi autoriti, kawalan, peraturan, undang-undang, pegawai yang berkecuali dari hal ewhal politik, hubungan yang formal dan pelbagai lagi aspek pengurusan yang semuanya ini diterajui oleh British.

Satu perkara yang kurang disedari ialah British juga mengadakan usaha-usaha pembaharuan pentadbiran yang dilakukan dari masa kesemasa di era penjajahan. Misalnya dalam tahun 1949 hingga 1956 terdapat beberapa pembaharuan pentadbiran yang dilakukan seperti penubuhan Bahagian Kaedah dan Organisasi di Perbendaharaan (Treasury Organisation and Methods Division) yang lebih memberikan fokus kepada perancangan ekonomi dan pengurusan kewangan yang cekap untuk mengatasi masalah dharurat pada ketika itu. Selain itu ditubuhkan Pusat Latihan Staf Kerajaan yang pada mulanya memberi tumpuan kepada latihan-latihan dalam aspek latihan penyelia dan kerani, kursus untuk eksekutif pegawai division satu dan dua, kursus pengurusan dan pentadbiran kepada pegawai division satu dan dua serta latihan jabatan.

Sebenarnya pegawai-pegawai Melayu elah mendapat banyak pengalaman dari cara-cara pentadbiran British tersebut dan bersedia menjadikannya persediaan dan bekalan yang penting apabila mencapai kemerdekaan nanti. Diambah kemerdekaan, barulah ada sedikit kesedaran dipihak British setelah didesak oleh orang Melayu untuk menubuhkan RIDA

pada tahun 1953 bagi membantu pembangunan orang Melayu di luar Bandar. Dari situ lah pentadbir Melayu mengambil peluang mengembangkan agenda membantu orang Melayu dan seterusnya selepas kemerdekaan RIDA diperluaskan peranannya menjadi agensi penting pembangunan orang Melayu dan Bumiputra hingga kini

### Peranan pentadbir Era 1960an

Era 1960an merupakan era penting bagi pembangunan negara dan bangsa. Era itu juga sebagai asas kepada pembangunan negara serta pembentukan Malaysia. Harus diingat bahawa kemasukan Sabah, Sarawak ke Malaysia adalah juga difakturkan betapa Tanah Melayu dianggap negara yang berkemampuan memberikan kemakuran kepada negara baru yang akan diwujudkan nanti. Tegasnya tidak lain tidak bukan sistem pentadbiran Tanah Melayu yang dianggap moden meyakinkan rakyat terhadap gagasan Malaysia itu.

Terdapat beberapa peranan penting yang dimainkan oleh pentadbir awam di era 1960an; antaranya ialah selain daripada tugas-tugas yang dilaksanakan semasa dalam era penjajah, pentadbir awam diminta menjadi agen perubahan masayarakat atau agent of change dan peranan yang lebih berorientasikan tindakan (action-oriented) yang melibatkan empat unsur peranan iaitu, mengekalkan keamanan, melaksanakan undang-undang dan peraturan, kedua memformulakan dasar-dasar pembangunan, ketiga mengurus dan melaksanakan pembangunan sosio-ekonomi terutama di kawasan-kawasan yang tertinggal di luar bandar dan keempat menjalankan pentadbiran pembangunan perindustrian. Beberapa dasar pembangunan turut dilancarkan seperti Deraf Rancangan Malaya Pertama (1950 –1955) dan Rancangan Malaya Pembangunan Pertama (1955-1960) dan seterusnya Rancangan Malaysia Kedua (1960-1965) dan Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970). Untuk melaksanakan dasar pembangunan melalui rancangan-ancangan digariskan oleh parlemen, usaha-usaha pembaharuan pentadbiran dilakukan oleh kerajaan agar pembangunan dijalankan dengan cepat dan berkesan. Maka lahirlah beberapa dasar pembaharuan pentadbiran seperti melaksanakan usaha “me Malaya kan” dari pentadbir British kepada pentadbir tempatan. Hanya pegawai tempatan sahaja yang dapat menyelami hasrat dan aspirasi rakyat terutama di luar bandar.

Selain itu Allahyarham Tun Razak telah mewujudkan satu pendekatan yang dinamakan “Operation Room Technique” untuk dijadikan panduan kepada pegawai-pegawai kerajaan dalam usaha memajukan rakyat di luar Bandar, kerana ketika ini keutamaan pembangunan diberikan kepada penduduk luar Bandar.

Jentera pentadbiran yang dianggap ketinggalan zaman pada tahun 1960an juga telah diperbaharui. Beberapa perunding luar negara didatangkan khas bagi membantu

memodenkan jentera pentadbiran. Kesan dari itu lahirlah sebuah unit yang dipanggil DAU (Development Administration Unit) yang bertujuan untuk memperbaiki sistem penadbiran. Aspek-aspek yang diperbaharui termasuklah sistem belanjawan, kawalan perbelanjaan, kawalan pembelian dan inventori, sistem personel yang lebih baik (berasaskan beberapa bidang seperti pembangunan personel, perancangan, belanjawan dan kewangan; pembangunan industri, kerajaan tempatan, dasar kenaikan pangkat dan prestasi tahunan, pusat rekod kakitangan, cawangan pengurusan dan sistem kerja kakitangan kerajaan. Pembaharuan juga termasuk penubuhan cawangan perkhidmatan pengurusan pentadbiran.

Walaupun dikatakan tidak banyak kejayaan dicapai dari usaha-usaha pembaharuan di atas, tetapi ia merupakan asas-asas penting bagi pentadbiran negara meneruskan dasar-dasar pembaharuan

### **Peranan pentadbir Era 1970an**

Era tujuh[uluhan dianggap penting kerana dasar-dasar pembangunan yang "affirmative" dilaksanakan setelah berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa tersebut memberi peringatan keopada semua pihak bahawa pembangunan negara perlu memberi pertimbangan yang adil kepada pegawai kaum terutama kaum bumiputra. Dasar Ekonomi baru dilancarkan dengan bertujuan membasmi kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat supaya dalam tahun 1990 akan tercapailah sekurang-kurangnya 30% pencapaian bumiputra dalam bidang ekonomi. Untuk itu sekali lagi peranan pentadbir awam digembelingkan bagi melaksanakan dasar-dasar pembangunan drastik kerajaan. Kali ini peranan pentadbir bukan sahaja dihalakkan untuk memajukan sektor luar bandar tetapi juga bertindak melaksanakan dasar-dasar pembangunan orang Melayu secara menyeluruh. Pembaharuan pentadbiran telah dilakukan dari sudut struktur iaitu dengan cara menubuhkan beberapa buah institusi pentadbiran bagi membantu jentera pentadbiran seperti kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan bagi melaksanakan dasar-dasar pembangunan itu. Maka institusi-institusi kerajaan telah ditubuhkan seperti cendawan tumbuh. Badan-badan berkanun yang bersifat ekonomi, perdagangan, perniagaan, pertanian, kewangan, insuran, pendidikan, penyelidikan, perkapsalan, perbandaran, perladangan, pembukaan tanah, dan pelbagai lagi telah ditubuhkan. Sekadar beberapa contoh, tahun tujuhpuluh kita menyaksikan lahirnya badan-badan seperti Pernas, UDA, Dara, MNI, Mardi, Porla, LKIM, Mardec, Risma, Felcra, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, UKM, UPM, UTM dan pelbagai lagi syarikat-syarikat kerajaan.

Pada tahun 1977, telah ditubuhkan MAMPU (Malaysian Administrative Modernization and Manpower Planning Unit) iaitu suatu agensi yang bertujuan untuk memusatkan semua usaha pemodenan pentadbiran awam seluruh negara dengan lebih sistematik lagi. Serentak dengan itu, pada tahun 1979, kerajaan melancarkan Program Khidmat Cemerlang" bertujuan meniupkan semangat bekerja dan etika yang baik kepada pegawai

kerajaan dalam perkhidmatan awam Dari sinilah bermulanya kesedaran moral dan etika dalam perkhidmatan bagi menentukan pencapaian pembangunan negara dengan cepat dan berkesan.

Jelaslah pembinaan institusi-institusi serta penubuhan MAMPU tersebut sebagai saling membantu bertujuan untuk membangunkan masyarakat sebagaimana yang digariskan di dalam DEB yang mempunyai serampang dua mata yang mana dalam masa 20 tahun dari tahun 1970 diandaikan akan tercapai matlamat yang digariskan itu.

### **Peranan pentadbir dan pembaharuan Pentadbiran Era 1980 hingga 2000**

Dikatakan era 1980an hingga 2000 merupakan suatu era yang amat hebat sekali dalam sejarah pembangunan negara serta juga pembaharuan pentadbiran awam. Ini ada kaitan yang rapat dengan kemunculan kepimpinan YAB Dr. Mahathir Mohamad yang mempunyai kekuatan wawasan yang tinggi dan jauh kehadapan serta cara dan pendekatan pembangunan yang sangat berbeza dengan pembangunan sebelum beliau mengambil alih pentadbiran negara.

Pentadbiran Dr.. mahathir telah melakukan beberapa pembaharuan dari segi struktur ekonomi dan pendidikan serta teknologi. Dari segi ekonomi, struktur lama seperti pertanian dan komoditi ditambah dengan struktur ekonomi perdagangan, perkilangan, pembinaan, pelancongan, perkapalan, pengangkutan, pembinaan dan industri berat. Dari segi pendidikan, struktur pendidikan ditambah paradigma baru iaitu lebih kepada pengurusan, selain dari sains dan teknologi, vokesyenal serta penggunaan teknologi maklumat dan elektronik. Sekali lagi peranan pentadbir digembangkan bagi menyesuaikan dengan dasar-dasar pembangunan yang baru itu. Pegawai kerajaan terpaksa berkerja keras bagi mencapai impian-impian untuk memajukan masyarakat Tegasnya terdapat empat peranan baru pentadbir awam dalam era Dr. Mathatir iaitu pertama peranan menguruskan ekonomi mikro-meneukan sasaran pertumbuhan ekonomi, melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra dan mengenakan kawalan terhadap kadar pertukaran mata wang iaitu US\$1.00 bersamaan RM3.80. Kedua, peranan untuk mewujudkan kesejahteraan social. Tanggungjawap menyediakan kemudahan asas masih terletak di tangan pegawai awam walaupun sebagiannya diserahkan kepada pihak swasta. Walau bagaimana pun, pegawai awam terpaksa memantau akan kegiatan pihak swasta yang mengeluarkan perkhidmatan dan barang kepada orang ramai. Ketiga, berperanan melibatkan diri dalam perancangan pembangunan Bandar, luar Bandar, wilayah, pemuliharaan alam sekitar termasuk hidupan liar dan hutan, serta menangan masalah sozial kesan dari asakan pengaruh globalisasi. Keempat, berperanan menjalin hubungan antarabangsa. Peranan mereka berhubungan dengan isu-isu dari globalisasi boleh disuarakan di dalam pentas dunia seperti APEC, ASEAN, WTO, IMF, OIC, World Bank, UNESCO, PBB, G77, G15, dan

sebagainya. Di samping itu kerjasama dengan badan-badan NGO diteruskan bagi menjamin sifat kebertanggungjawapan kepada pelanggan.

Untuk itu, jentera pentadbiran yang ada dikatakan tidak dapat menampung permintaan-permintaan untuk pembangunan tersebut

Justeru, pentadbiran Dr. Mahathir telah membuat beberapa usaha pembaharuan pentadbiran dengan begitu hebat sekali Terdapat dua strategi/pendekatan pembaharuan pentadbiran bagi memenuhi kehendak paradigma pembangunan yang baru ini. Pertama, Pembaharuan struktur dan prosidur dan kedua, pembaharuan sikap.

#### *Pembaharuan struktur dan Prosidur*

Pembaharuan pentadbiran bersifat struktur ialah penubuhan badan-badan berkanun dan institusi-institusi pengajian tinggi di mana diteruskan sama seperti era 1970an juga. Penubuhan UUM, UIA, UNIMAS atau Universiti Malaysia Sarawak sebagai contoh pembaharuan struktur bagi mengeluarkan tenaga kerja untuk pembangunan negara. Selain itu, kewujudan konsep pengkorpratan dan penswastaan dianggap paling drastik dalam sejarah pentadbiran awam negara. Penswastaan diperkenalkan dengan tujuan mengurangkan beban kewangan kerajaan, mengecilkan saiz pentadbiran awam, meningkatkan penyertaan ekonomi bumiputra dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Konsep ini sejajar dengan dasar pandang ke timur dan konsep persyarikatan Malaysia yang dilancarkan di mana peranan sektor awam, swasta dan rakyat digembeling bersama ke arah mencapai pembangunan yang lebih pesat.

Dari segi pembaharuan prosidur pula termasuklah pengenalan tanda nama pada semua kakitangan awam, punch card system, system fail meja, pengurusan melalui mesyuarat, program produktiviti, manual prosidur kerja, panduan koresponden, piagam pelanggan, konsep pejabat terbuka , meningkatkan kawalan sistem kewangan dan peningkatan penggunaan automasi dan teknologi termasuk IT dan komputer. Ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesan kerja. Usaha-usaha meningkatkan perkhidmatan kaunter awam juga diperkenalkan seperti penubuhan pusat bayaran, perkhidmatan dan lesen setempat, kotak cadangan, system GIRO dan kaunter mesra pelanggan. Semua ini bertujuan meningkat keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan kerajaan.

#### *Pembaharuan Sikap.*

Pembaharuan dari sikap dianggap variabel terpenting dalam pembaharuan pentadbiran. Malah perubahan sikap dianggap agenda utama pentadbir Dr. Mahathir bukan sahaja

dihalakan kepada kakitangan kerajaan tetapi juga rakyat jelata sekalian usaha-usaha untuk mengubah sikap dari yang negatif kepada yang positif sentiasa dilaksanakan. Antaranya ialah konsep bersih, cekap, amanah, penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, kepimpinan melalui teladan dan peningkatan kualiti kepimpinan serta konsep persyarikatan Malaysia yang berkehendakkan golongan pentadbir mesra hubungan dengan golongan peniaga dan orang ramai untuk tujuan pembangunan negara. Selain itu, beberapa etika kerja diperkenalkan untuk diamalkan oleh kakitangan awam. Antaranya ialah kebertanggungjawapan (accountability), pengurusan diri, bekerjasama, pembangunan diri, rajin dan dedikasi, kejujuran intelektual, semangat berpasukan, kreatif dan inovatif, sikap yang positif, integriti, sikap yang responsif, berdisiplin, berorientasikan pelanggan, berorientasikan prestasi yang tinggi dan semangat keushawanan.

Dalam tahun-tahun 1990an, beberapa pembaharuan telah diperkenalkan dalam pentadbiran awam sesuai dengan ledakan teknologi maklumat dan globalisasi serta ekonomi pasaran bebas iaitu misalnya program budaya kerja cemerlang, pengenalan kepada pengurusan kualiti menyeluruh (TQM), piagam pelanggan, automasi pejabat, ketelusuran dan keseragaman membuat keputusan, memperkemaskin system rekod dalam komputer, pembersihan tunggakan kerja, peningkatan penggunaan teknologi maklumat seperti SAGA, SPM, CSL, SITIDEC, SIRILINK, MASTIC, EDI dan GITN dan memperkemaskin pengaduan rakyat.

### **Penilaian terhadap usaha pembaharuan Pentadbiran**

Dikatakan segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan berhubung dengan pembaharuan pentadbiran telah menghasilkan banyak kejayaan. Kertas kerja ini tidak bertujuan memaparkan perangkaan menunjukkan pencapaian negara dalam pembangunan hasil daripada usaha-usaha tersebut tetapi memadai disebut di sini, semenjak mencapai kemerdekaan hingga kini, rakyat telah berjaya mengecapi banyak kemajuan ekonomi dan sosial. Walaupun dikatakan peranan pentadbiran awam merosot kerana adanya penswastaan misalnya, tetapi peranan mereka tetap relevan terutama dalam bidang-bidang yang tidak mungkin diswastakan seperti polis, tentera, hospital dan IPTA serta sekolah. Begitu juga dari segi pencapaian Bumiputra dalam bidang ekonomi masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan, namun, secara umumnya taraf kehidupan mereka jauh lebih baik dibandingkan dengan yang terdapat sebelum merdeka.

### **Cabaran-Cabaran Baru dalam Pentadbiran Awam**

Beberapa cabaran baru telah dikenalpasti yang akan mendepani pentadbiran dan pembaharuan pentadbiran awam seterusnya menjadi cabaran kepada peranan pentadbir. Bidang pentadbiran awam telah mengalami pelbagai perubahan. Ini berikutkan

pentadbiran awam terpaksa berhadapan dengan cabaran intelektual yang memerlukan suatu paradigma baru. Ini disebabkan kesan daripada globalisasi dan kemajuan teknologi, penekanan kepada alam sekitar dan perubahan kepada struktur pentadbiran seperti penswastan dan sebagainya. Konsep pentadbiran pembangunan yang bermula pada tahun 1960an dahulu telah mendapat kritikan di mana dianggap tidak menyeluruh di mana menekankan faktur ekonomi sahaja dan tidak mengambil kira faktur-faktur seperti perkembangan politik dan, alam sekitar dan juga kesan globalisasi. Justeru, pentadbiran pembangunan kini mula dipersoalkan dan diganti dengan konsep pentadbiran mapan atau sustainable development. Pembangunan mapan lebih menyeluruh yang mengambil kira keperluan ekonomi dan sosial secara menyeluruh tanpa menjelaskan faedah-faedah lain pada masa hadapan. Antaranya ialah corak pengurusan dan pentadbiran awam abad ke 21 di kalangan sarjana pentadbiran sering membincangkan falsafah baru seperti learning Organization, Seamless or Boundary Organization, Reinventing Government, konsep pengurusan ala-Max Weber yang menekankan birokrasi digantikan dengan corak pengurusan yang lebih peka kepada kehendak rakyat. Budaya keushawanan dan persaingan telah menjadi budaya dominan dalam pentadbiran awam seperti yang berlaku di dalam sektor swasta. Hal ini memang elah berlaku di dalam perkhidmatan awam Malaysia sejak tahun 1981 lagi. Trend kini juga melanda perkhidmatan awam iaitu ledakan teknologi maklumat yang mana digelar sebagai "digital economy" atau Third Wave. Organisasi dianggap lebih berjaya dengan penggunaan teknologi maklumat. Dengan sebab itu, kerajaan melalui Koridor Raya multimedia (MSC) telah mengorak langkah lebih awal ke arah menjadikan Malaysia sebagai pemangkin kepada perkembangan teknologi maklumat di rantau ini. Selain itu, dari segi konsep "civil society" juga menjadi agenda penting dalam pentadbiran awam.

Begitu juga cabaran-cabaran lain seperti globalisasi yang melahirkan konsep liberalisasi pasaran kewangan, peningkatan syarikat multinasional, migrasi buruh, mobilisasi penduduk yang sukar dikawal, idea-idea baru, penyakit-penyakit baru dan pencemaran alam sekitar yang memaksa pentadbiran awam mengimbangi antara keperluan domestik yang semakin tenggelam dengan tuntutan globalisasi. Rasuah dan akauntabiliti akan terus menjadi ancaman utama dan isu utama dalam pentadbiran awam. Masalah ketelusan juga menjadi isu yang utama yang masih dihadapi oleh pentadbiran awam.

### **Kesan-Kesan Pembaharuan Pentadbiran**

Selain dari cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh pentadbir awam di atas, pada pendapat penulis terdapat beberapa kesan daripada usaha-usaha pembaharuan tersebut. Kesan-kesan yang positif memang diakui telah berjaya dicapai seperti dalam bidang sosial, ekonomi, pendidikan dan taraf hidup yang lebih baik. Selain itu, kecekapan, kebekesanan, motivasi, dan produktiviti di dalam pentadbir awam juga meningkat dengan pesatnya. Walaubagaimana pun, terdapat kesan-kesan sampingan yang lain antaranya ialah lunturnya sikap berkecuali (neutrality) di kalangan pentadbir awam, lunturnya kesetiaan kepada organisasi, kesetiaan kepada negara di kalangan pentadbir

mula disangskian, semangat kebangsaan (patriotik) mula merosot, sahamaan materialistik di kalangan kakitangan dan sebagainya

Secara umumnya terdapat satu faktur utama yang memberi kesan-kesan tersebut. Fakturnya ialah pentadbiran Dr. Mahathir semenjak tahun 1980 telah melaksanakan proses transformasi kepada rakyat dan kakitangan kerajaan dalam aspek ekonomi, pendidikan dan teknologi. Transformasi tersebut menyebabkan wujudnya sikap keterbukaan minda kakitangan awam terhadap bidang perniagaan, persekitaran luar dan isu-isu masyarakat. Kakitangan awam mula merasa mempunyai banyak peluang di luar organisasi kerajaan. Mereka bebas untuk menentukan pendirian dan sikap "politik" misalnya, kerana mereka boleh mendapat peluang di luar kerajaan kalaupun tidak berkhidmat dengan kerajaan. Dengan sebab itu bilangan kakitangan yang meletakkan jawatan bertambah kerana mereka mendapat peluang di sektor swasta. Ini juga membawa lunturnya sikap kesetiaan kepada "establishment", kerana negara sudah maju dan mempunyai banyak peluang ekonomi. Sikap berkecuali juga turut terjejas dengan wujudnya pembaharuan ekonomi dan pendidikan tersebut. Kakitang kerajaan mempunyai lebih banyak pengetahuan professional dan kemahiran yang boleh memberi kehidupan alternatif selain dari perkhidmatan kerajaan. Kini menular pula tentang lunturnya sikap nasionalisme, kerana faktur kemewahan hidup rakyat yang leka dengan kemewahan ekonomi negara.

### Rumusan

Pentadbiran awam Malaysia telah banyak mengalami proses transformasi. Sejarah perkembangannya yang bermula daripada zaman kesultanan Melaka membawa kepada penjajahan British hingga kemerdekaan telah menyebabkan struktur pentadbirannya semakin mantap dan maju. Banyak reformasi pentadbiran telah dilaksanakan terutama selepas kemerdekaan tanahair. Dan kesannya ialah kemajuan pesat negara dicapai dengan sokongan pentadbiran awam yang sentiasa diperbaharui dan dikemaskini.

### Rujukan

Ahmad Atory Bin Hussain.1998. **Reformasi Pentadbiran Awam Malaysia**. Kuala Lumpur.Utusan Publication..

Ahmad Sarji Abdul Hamid.1995. The Changing Civil Service: Malaysia Competitive Edge. Selangor. Pelanduk Publication.

Amad Sarji Abdul Hamid. 1996. Civil Service Reforms Towards Vision 2020. Selangor. Pelanduk Publications.

Abdullah Sanusi Ahmad, "Administrative Reform for Development in Malaysia: Focus on Grassroot Organization", in A.P. Saxena (ed.), **Administrative Reform for Decentralized Development**, Kuala Lumpur: Asian and Pacific Development Administration Centre. 1980

Caiden, E. Gerald. 1969. **Administrative Reforms**. Chicago: Aldine.

Esman Milton, J., **Administration and Development in Malaysia**. 1966. Ithaca, New York: Cornell University Press.

Ghoshi, B.N. 1998. **Malaysia: The Transformation Within**: Kuala Lumpur. Longman Malaysia Sdn. Bhd.

Shafritz, J.M and Hyde, A.C.1997. **Classics of Public Administration**. MO: Harcourt Brace College Publishers.

Sekian

**Projek Pembentukan ‘Bangsa Malaysia’ Sesudah 43  
Tahun Merdeka: Permasalahan dan Cabaran**

oleh  
**Prof. Madya Dr. Mohamed Mustafa Ishak**

**Sesi 5 Trek 2**

# **PROJEK PEMBENTUKAN ‘BANGSA MALAYSIA’ SESUDAH 43 TAHUN MERDEKA: PERMASALAHAN DAN CABARAN<sup>1</sup>**

Oleh

**Profesor Madya Dr. Mohamed Mustafa Ishak**

**Institut Kajian Darul Aman (IDAMAN),**

**Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman.**

## **1. Pengenalan**

Satu-satunya agenda nasional Malaysia yang masih belum selesai dan entah bila pula ianya akan dapat diselesaikan secara sepenuhnya ialah cabaran pembentukan sebuah ‘Bangsa Malaysia’ yang terintegrasi dalam erti kata yang sebenarnya. Hakikat ini bukan sahaja sering dihujahkan oleh para sarjana, tetapi juga diakui sendiri oleh kerajaan Malaysia seperti mana yang terpancar di dalam Wawasan 2020 yang meletakkan cabaran pembentukan ‘Bangsa Malaysia’ sebagai satu-satunya cabaran yang paling utama dan paling asasi yang mesti di atasi dengan sepenuhnya jika sekiranya Malaysia ingin muncul sebagai sebuah negara maju perindustrian dalam acuannya yang tersendiri.<sup>2</sup> Cabaran ini sebenarnya amat rumit dan komplek dan ianya menuntut pula satu upaya yang bersifat nasional dan bersungguh-sungguh dari segenap lapisan masyarakat dan institusi bagi mengatasinya.

Kertas Kerja ini cuba untuk menghuraikan permasalahan dan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh projek besar ini dari perspektif sosiologi politik. Dalam menghuraikan permasalahan ini terdapat dua hujah utama yang ingin diutarakan. Pertama, bahawa asas sistem politik demokrasi konsosyesional (consociational) ala-Malaysia yang telah dibina pada tahun 1957 yang menjadi teras kestabilan politik di Malaysia harus difahami dengan jitu kerana ia menjadi titik-tolak kepada kefahaman tentang cabaran-cabaran utama dalam upaya

---

<sup>1</sup> Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan, Hotel Istana, Kuala Lumpur, 11-13 September 2000.

<sup>2</sup> Lihat Mahathir Mohamad (1991).

pembentukan bangsa di negara ini.<sup>3</sup> Kedua, sistem demokrasi konsosyesional ini pula terbina lantaran wujudnya pertembungan politik etnisiti dan nasionalisme di dalam dan di antara kelompok-kelompok etnik utama dalam arus perdana politik Malaysia sejak era pra-merdeka dan secara konsistennya pula terus mempengaruhi dengan kuatnya proses-proses politik pasca-merdeka.

Kedua-dua faktor penting ini sangat berkait rapat antara satu dengan lain dan ia menjadi asas kepada munculnya pelbagai bentuk cabaran dan permasalahan dalam upaya pembentukan bangsa di Malaysia. Justeru, kertas ini menghujahkan bahawa selagi wujud fenomena pertembungan politik etnisiti dan nasionalisme ‘inter’ dan ‘intra’ etnik di Malaysia; dan asas sistem politik Malaysia pula terus berlandaskan kepada model konsosyesionalisme, maka proses pembentukan bangsa di Malaysia hanya mungkin dapat dimanifestasikan pada tahap ‘supra-etnik’ atau ‘bangsa politik’ (political nation) dan bukannya sebuah ‘bangsa etnik-budaya’ (ethno-cultural nation). Proses ‘ethnogenesis’ ke arah pembentukan sebuah ‘Bangsa Malaysia’ yang bersifat sebuah ‘ethno-cultural nation’, walaupun barangkali akan berlaku juga akhirnya secara evolusi, akan mengambil satu jangka masa yang agak panjang untuk menjadi kenyataan (mungkin dalam tempoh beberapa generasi lagi). Yang penting bagi Malaysia ialah memastikan secara konsisten bahawa proses-proses penting ‘ethnogenesis Bangsa Malaysia’ (terutamanya proses penstrukturran semula aspek-aspek sosio-ekonomi masyarakat) tidak terganggu secara serius oleh insiden-insiden pertembungan politik etnisiti dan nasionalisme yang boleh merosakkan ‘social fabric’ masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan budaya.

## 2. Asas sistem politik demokrasi konsosyesional di Malaysia

Walaupun terdapat gerakan politik ke arah melahirkan gagasan sebuah negara Melayu-Raya yang bergabung dengan Indonesia, dan upaya-upaya membentuk sebuah negara-bangsa Melayu (a Malay nation-state) sebelum Tanah

<sup>3</sup> Demokrasi konsosyesional adalah merujuk kepada demokrasi permuafakatan antara kaum-kaum utama di dalam sesebuah negara yang bersifat majmuk (plural society) di mana keadaan demografi politik tidak memungkinkan mana-mana kaum menguasai politik dan pemerintahan negara secara sendirian melainkan menerusi perkongsian kuasa (lihat: Lipjhart, 1977)

Melayu mencapai kemerdekaan, namun, kedua-dua hasrat ini berakhir dengan kegagalan.<sup>4</sup> Sebaliknya, berdasarkan realiti politik yang wujud sejak sebelum dan selepas perang dunia kedua, serta ditambah pula dengan tekanan-tekanan yang dikenakan oleh British ke atas para nasionalis Melayu, maka apa yang terbentuk pada tahun 1957 semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ialah sebuah negara berbilang etnik yang politiknya adalah berasaskan kepada perkongsian kuasa antara tiga kelompok etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India.

Perkongsian kuasa ini dimanifestasikan menerusi kelahiran parti Perikatan yang menggabungkan tiga buah parti politik iaitu UMNO, MCA dan MIC yang mewakili tiga kelompok etnik utama di Tanah Melayu iaitu Melayu, Cina dan India. Walaupun orang Melayu pada ketika itu mungkin boleh menguasai politik secara mutlak, sekali gus merealisasikan pembentukan sebuah negara-bangsa Melayu, tetapi terdapat sekurang-kurangnya tiga faktor penting yang menghalang hasrat itu daripada menjadi kenyataan.

Pertama, gerakan insurgensi komunis oleh Parti Komunis Malaya (PKM) yang tercetus pada tahun 1948 yang membantah kelahiran perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan projek Malayan Union 1946, adalah merupakan sebuah gerakan politik-militia yang didominasi oleh etnik Cina. Menafikan etnik Cina daripada arus perdana politik Tanah Melayu menerusi pembentukan sebuah negara-bangsa Melayu hanya mendorong mereka menyokong perjuangan PKM yang menjanjikan hak sama rata untuk semua kaum.

Kedua, dikalangan elit-elit kapitalis bukan Melayu yang anti komunis seperti Tan Cheng Lock amat mengharapkan untuk membawa etnik bukan Melayu yang mahu dikenali mereka sebagai 'Malayan' terlibat secara aktif dalam politik Tanah Melayu demi memastikan mereka memperolehi taraf kerakyatan Tanah Melayu (Christie, 1998). Tan Cheng Lock telah memperlihatkan bahawa demi taraf kerakyatan orang-orang bukan Melayu yang telah bermastautin di Tanah Melayu, mereka bersedia menyokong nasionalis kiri Melayu yang turut

<sup>4</sup> Lihat Rustam A. Sani (1976); Firdaus Abdullah (1985); Ariffin Omar (1993); dan Mohamed Mustafa Ishak (1999) untuk perbincangan lanjut tentang isu ini.

membantah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948. Kelahiran gagasan PUTERA-AMCJA pada 1948 dan pelancaran mogok umum oleh para peniaga Cina pada tahun itu adalah bukti nyata kepada hasrat dan kesungguhan Tan Cheng Lock itu.

Kedua-dua faktor dan perkembangan tersebut amat tidak disenangi oleh British kerana ianya bertentangan dengan kepentingan-kepentingan utama mereka di Tanah Melayu yang harus dipertahankan walau apa jua kosnya, demi kejayaan agenda penjajahan. Paling nyata, perbandaharaan British berada dalam keadaan yang hampir muflis selepas perang dunia kedua. Maka kepentingan ekonomi di tanah-tanah jajahan harus dipertahankan dan digunakan sebaik-baiknya untuk tujuan tersebut. Justeru, perkara yang menjadi faktor ketiga yang menggagalkan upaya pembentukan sebuah negara-bangsa Melayu di Tanah Melayu adalah tekanan-tekanan yang dikenakan oleh British ke atas elit-elit nasionalis berfahaman konservatif di dalam UMNO bahawa jawapan kepada permasalahan politik antara etnik di Tanah Melayu ketika itu ialah menjana kompromi politik dan permuafakatan antara Melayu dan bukan Melayu, demi kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi Malaya.

Usaha-usaha ini dapat melemahkan cabaran-cabaran yang lahir daripada faktor pertama dan kedua di atas, sekali gus terus memelihara kepentingan-kepentingan British di Tanah Melayu. Persoalan sama ada British benar-benar yakin bahawa hasrat ini (kerjasama politik antara Melayu dan bukan Melayu) dapat dijana adalah satu perkara lain. Namun, paling nyata, perkara inilah yang menjadi salah satu faktor penting yang mendorong Dato' Onn mencetuskan cadangan bahawa UMNO harus dibuka untuk penyertaan etnik bukan Melayu pada tahun 1951. Kegagalan Dato' Onn menyempurnakan gagasan ini menerusi UMNO telah mendorong beliau meninggalkan parti yang diasaskannya itu untuk terus merealisasikan impianinya menerusi sebuah parti baru berbilang kaum yang ditubuhkannya yang dinamakan Independent Malayan Party (IMP). Tan Cheng Lock turut menyertai Dato' Onn dalam IMP.

Justeru, gagasan Perikatan yang mulanya merupakan kerjasama politik secara longgar antara UMNO dan MCA bagi menghadapi pilihanraya munisipal

Kuala Lumpur pada 1952 adalah pencetus kepada politik kompromi dan permuafakatan antara etnik di Tanah Melayu. Ianya kemudian lahir sebagai asas kepada sistem konsosyesionalisme di Malaysia menerusi pilihanraya Persekutuan yang pertama pada 1955 yang turut disertai oleh MIC, sekali gus terus melemahkan gagasan parti pelbagai etnik Dato' Onn, gagasan parti satu kaum PMIP (atau PAS), dan menggoncang sokongan bukan Melayu kepada perjuangan PKM.

Dari segi teorinya, sistem konsosyesionalisme diwujudkan adalah dengan satu tujuan utama, iaitu bagi membolehkan demokrasi liberal secocok dan terus hidup di dalam masyarakat berbilang etnik dan budaya. Demokrasi liberal yang berasaskan kepada prinsip pemerintahan oleh majoriti (majority rule), digantikan dengan prinsip pemerintahan berdasarkan konsensus (consensual rule) antara kelompok-kelompok etnik menerusi sistem konsosyesionalisme. Disebabkan ciri masyarakat majmuk yang wujud tidak memungkinkan mana-mana satu kelompok etnik mencapai majoriti yang secukupnya untuk memerintah secara selesa berdasarkan prinsip ‘majoriti rule’, maka majoriti yang diperlukan itu hanya dapat diperolehi menerusi sokongan kelompok-kelompok etnik yang lain. Sokongan ini diberikan atas prinsip konsensus bahawa akomodasi dan permuafakatan politik yang dijalin akan terus memelihara kepentingan-kepentingan utama setiap etnik seperti bahasa, agama, budaya dan juga ekonomi mereka.

Bagi menjayakan amalan konsosyesionalisme, para sarjana telah menggariskan bahawa terdapat beberapa pra-syarat yang perlu dipenuhi (Lipjhart, 1977; Van Der Berghe, 1981; Horowitz, 1985). Pertama, elit-elit pelbagai etnik yang berkompromi di peringkat nasional itu haruslah terdiri daripada mereka yang sederhana (moderate) dan tidak terikat dengan sesuatu ideologi politik yang sempit. Satu-satunya ideologi yang biasa wujud ialah ‘ideologi etnik’ untuk memelihara dan memperjuangkan kepentingan kelompok etnik masing-masing di peringkat nasional. Kedua, elit-elit pelbagai kaum tersebut harus memastikan bahawa mereka terus mendapat sokongan yang selesa daripada kelompok etnik masing-masing untuk terus mewakili mereka di peringkat nasional. Sokongan ini

boleh diukur menerusi prestasi parti-parti politik etnik yang terbabit di dalam pilihanraya umum.

Namun terdapat tiga cabaran besar yang perlu sentiasa diperhatikan di dalam sistem ini. Sistem konsosyesionalisme ini akan menghadapi bahaya keruntuhan jika salah satu atau semua cabaran-cabaran berikut gagal diatasi. Cabaran-cabaran tersebut ialah (a) kegagalan elit-elit nasional pelbagai etnik untuk berkompromi atau mencapai akomodasi elit bagi mengatasi isu-isu etnik; (b) kegagalan elit-elit nasional pelbagai etnik untuk mempertahankan sokongan kelompok etnik masing-masing ke atas mereka dan parti etnik yang mereka wakili; dan (c) cabaran dan gugatan ke atas elit-elit nasional pelbagai etnik daripada lain-lain elit etnik yang lebih ekstrim dan radikal yang memperjuangkan isu-isu yang menyentuh kepentingan etnik masing-masing.

Sistem ini tidaklah terbatas bagi Malaysia sahaja walau pun dari segi amalannya terdapat beberapa perbezaan yang ketara antara kes Malaysia dan kes di lain-lain negara. Selain Malaysia, sistem ini turut diamalkan juga oleh beberapa negara demokrasi yang lain yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Belanda, Switzerland, Lebanon, Surinam, Afrika Selatan dan sebagainya. Namun, satu ciri unik yang wujud di dalam amalan konsosyesionalisme di Malaysia ialah kedudukan dominan unsur Melayu di dalam kerajaan (Mohamed Mustafa Ishak, 2000). Atas dasar itulah Milne dan Mauzy (1999:18) menghujahkan bahawa sistem yang wujud di Malaysia adalah berasaskan kepada prinsip ‘hegemonic consociationalism’. Hegemoni Melayu atau ciri-ciri Melayu yang kuat di dalam kerajaan terpancar menerusi penguasaan mereka ke atas badan eksekutif, di mana sehingga kini sangat sukar untuk membayangkan seorang bukan Melayu dapat diterima sebagai Perdana Menteri Malaysia; dominasi Melayu dalam badan kehakiman, di mana selepas era British jawatan Ketua Hakim negara sentiasa dipegang oleh seorang Melayu; begitu juga dominasi Melayu di dalam Perkhidmatan Awam, Tentera dan Polis.

Hegemoni Melayu di dalam sistem demokrasi konsosyesional yang diamalkan di Malaysia juga terserlah menerusi peruntukan Perlembagaan Malaysia bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan (Perkara 3); Bahasa

Melayu adalah Bahasa Kebangsaan (Perkara 152); dan Yang Di Pertuan Agong (yang dipilih dari kalangan sembilan orang Raja-raja Melayu) adalah Ketua Negara bagi Malaysia (Perkara 32). Ketiga-tiga unsur ini adalah asas yang membentuk ciri-ciri kemelayuan atau lebih dikenali sebagai 'the three principle pillars of Malayness' (Shamsul A.B., 1996). Prinsip hegemoni Melayu ini telah diterima oleh kelompok-kelompok etnik bukan Melayu yang utama iaitu etnik Cina dan India dalam satu kompromi politik pra-merdeka antara elit-elit politik Melayu dan bukan Melayu yang mendahului kelahiran Perlembagaan Merdeka 1957, apabila orang Melayu bersedia menerima bukan Melayu sebagai rakyat negara ini menerusi pemberian taraf kerakyatan berasaskan prinsip *Jus Solti*.<sup>5</sup> Sebagai balasannya, bukan Melayu pula bersedia menerima peruntukan Perkara 153 di dalam Perlembagaan berhubung dengan hak-hak istimewa orang Melayu yang memberikan jaminan bahawa orang-orang Melayu akan dibantu oleh pemerintah menerusi kaedah-kaedah tertentu bagi mengatasi ketertinggalan mereka dalam bidang-bidang sosio-ekonomi.

Walaupun wujud unsur hegemoni Melayu yang kuat di dalam sistem demokrasi konsosyional di Malaysia, ia tidaklah sampai menafikan hak dan keinginan orang-orang bukan Melayu untuk mengamal dan memperkembangkan bahasa, budaya, agama dan tradisi-tradisi mereka yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman. Hegemoni Melayu di dalam politik Malaysia masih memberi ruang yang luas kepada kewujudan fenomena kepelbagaian budaya (cultural diversity) di negara ini. Yang menjamin unsur kepelbagaian budaya untuk terus hidup di Malaysia adalah sistem konsosyionalisme itu sendiri dan juga peruntukan Perlembagaan Malaysia yang menghalang mana-mana kelompok etnik daripada memaksakan kebudayaannya ke atas kelompok-kelompok etnik yang lain termasuk kelompok etnik yang paling kecil.

---

<sup>5</sup> *Jus Solti* ialah prinsip pemberian kerakyatan berasaskan negeri kelahiran dan tempat di mana seseorang itu bermastautin. Ini berbeza dengan prinsip kerakyatan berasaskan prinsip *Jus Sanguinis* yang hanya menganugerah taraf kerakyatan berdasarkan darah keturunan. Di negeri China, mereka yang bukan berketurunan China Han walaupun telah lama bermastautin di negara tersebut tidak akan berpeluang menjadi rakyat negara itu. Justeru, semua yang berdarah China Han, walau pun tinggal di luar negeri boleh menjadi warga China dalam sekilip mata jika mereka kembali ke China.

Sistem demokrasi konsosyesional yang wujud di Malaysia telah membuktikan bahawa ia dapat menjadi sandaran kepada kestabilan politik negara ini walau pun masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan budaya pernah dan terus diuji oleh pelbagai tribulasi politik etnik dan keagamaan sejak 1957. Ujian paling getir berlaku pada Mei 1969, tetapi gugatan ke atas model Perikatan kemudiannya digantikan dengan kelahiran parti Barisan Nasional yang lebih besar, kukuh dan hampir menyeluruh keanggotaan kelompok etniknya mulai 1974.

Namun, dalam masa yang sama sistem konsosyesionalisme juga menjadi satu faktor penting yang menyulitkan projek pembentukan bangsa di negara ini. Bentuk ‘Bangsa Malaysia’ yang bagaimanakah yang mungkin dapat dilahirkan jika sekiranya setiap kelompok etnik di Malaysia dari yang terbesar hingga yang sekecil-kecilnya dijamin oleh sistem politik demokrasi konsosyesional untuk terus mengamalkan kepelbagaian budaya masing-masing? Atau, apakah gagasan ‘Bangsa Malaysia’ itu hanya dapat dibayangkan dari sudut politik, tetapi tidak dari sudut etno-budaya (sekurang-kurangnya buat masa sekarang), lantaran realiti kepelbagaian budaya dan masyarakat yang wujud di Malaysia? Justeru, apakah dapat dikatakan bahawa gagasan ‘Bangsa Malaysia’ itu hanyalah satu kerangka bangsa politik (political nation) yang bersifat berbilang etnik dan kebudayaan?

### **3. Pertembungan politik etnisiti dan nasionalisme di Malaysia**

Etnisiti atau sering juga disebut sebagai perkauman adalah asas politik Malaysia. Ini bermaksud bahawa unsur politik etnik mempunyai pengaruh yang sangat kuat ke atas proses politik di negara ini. Kewujudan fenomena ini adalah berlandaskan kepada realiti bahawa hampir semua parti-parti politik yang wujud dan bersaing di dalam arena politik Malaysia tidak dapat membebaskan diri daripada pengaruh-pengaruh etnik, sama ada dilihat dari sudut keanggotaan dan sokongan ke atas parti-parti tersebut atau pun isu-isu utama yang menjadi agenda perjuangan mereka. Di Malaysia parti yang diasaskan kepada ideologi sosialisme atau berpegang kepada falsafah berbilang kaum sekali pun akhirnya terpaksa akur bahawa sokongan ke atas mereka, malah kejayaan parti-parti tersebut dalam

perjuangannya masih bergantung kepada isu-isu etnik. Parti DAP, Gerakan, PBS dan PRM adalah parti-parti yang diasaskan kepada sama ada falsafah parti pelbagai kaum atau perjuangan yang bertolak daripada premis ideologi sosialisme. Namun akhirnya, sama ada diakui oleh parti-parti ini atau tidak, citra politik yang terpancar dan jatuh bangunnya perjuangan parti-parti ini dalam arena politik sangat bergantung kepada sokongan kelompok-kelompok etnik yang tertentu. Justeru, pendekatan klas walau pun pernah dicuba oleh beberapa orang sarjana (B.N. Cham, 1975; K.S. Jomo, 1986; Hua Wu Yin, 1983) dalam menganalisis persaingan politik antara parti-parti utama di Malaysia kelihatannya agak kurang berkesan dalam menanggapi semua isu-isu utama politik Malaysia, khususnya yang berkait dengan projek pembentukan bangsa.

Kontradiksi atau pertembungan politik etnik dan nasionalisme antara parti-parti politik utama di Malaysia adalah merujuk kepada fenomena pertarungan antara parti-parti politik Melayu/Bumiputera dengan parti-parti yang mewakili kepentingan bukan Melayu/bukan Bumiputera dalam memperjuangkan impian politik masing-masing merealisasikan kelahiran sebuah kerangka negara-bangsa Malaysia yang dapat memelihara dan memenuhi dengan berkesan kepentingan kelompok etnik masing-masing di dalam kerangka demokrasi berperwakilan (representative democracy) yang sedia wujud di negara ini. Perjuangan parti-parti berasaskan etnik ini ialah untuk mendapatkan kuasa yang paling maksimum bagi merealisasikan matlamat kepentingan kelompok etnik masing-masing. Pertarungan ini masih berkisar di sekitar sempadan dan kerangka politik sedia ada dan tidaklah sampai kepada tahap pembentukan gerakan pemisahan politik (separatist movement) atau perjuangan nasionalisme yang bersifat pembebasan (self determination) seperti mana yang wujud di beberapa buah negara lain. Pertarungan ini bukan sahaja berlaku di antara kelompok-kelompok etnik (inter ethnic) malah wujud juga pertarungan yang bersifat di kalangan atau di dalam kelompok etnik yang sama (intra ethnic). Dalam pertarungan di antara parti-parti politik Melayu/Bumiputera dan bukan Melayu/Bumiputera ini, pertarungan yang paling ketara dan paling utama ialah pertarungan antara kelompok etnik Melayu dengan kelompok etnik Cina. Malah tidak keterlaluan jika disebutkan bahawa

pertarungan inilah yang telah mewarnai arus perdana politik Malaysia sejak empat dekad yang lalu.

Kerangka politik demokrasi konsosyesional 1957 telah meletakkan asas bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang etnik yang menerima kepelbagaiannya budaya, tetapi dalam masa yang sama mempertahankan hegemoni atau ketuanan Melayu yang merupakan satu ciri penting pensejarahan negara ini. Bagaimana pun, usaha-usaha ke arah memupuk dan menjana integrasi nasional dan pembentukan negara-bangsa yang bersatu padu sering ditanggap, terutamanya oleh kalangan bukan Melayu sebagai percubaan untuk meningkatkan tahap hegemoni Melayu yang mungkin membawa kepada kelahiran sebuah negara-bangsa Melayu di Malaysia. Justeru, projek dan program-program pembentukan bangsa yang dijana menerusi beberapa dasar nasional sejak 1957 seperti dasar bahasa dan pendidikan, dasar kebudayaan, malah dasar-dasar ekonomi sekali pun sering ditanggap oleh bukan Melayu sebagai projek etnik Melayu yang kuat dipengaruhi oleh unsur-unsur nasionalisme Melayu yang mungkin membawa kepada berlakunya proses asimilasi bukan Melayu ke dalam arus perdana masyarakat Melayu.

Tanggapan bukan Melayu ini tidaklah benar sepenuhnya. Dasar asimilasi tidak pernah menjadi dasar pembentukan bangsa di Malaysia. Namun inilah keimbangan utama masyarakat bukan Melayu. Mereka bimbang jika sekiranya tanggapan mereka itu benar, dan upaya-upaya tersebut tidak dihalang, maka ia akhirnya akan membawa kepada kelunturan dan kecairan identiti etnik mereka. Justeru, peranan utama parti-parti politik yang mewakili kelompok etnik bukan Melayu ialah memastikan projek pembentukan bangsa di Malaysia, walau apa jua matlamatnya, tidak akan sekali-kali menghilangkan identiti etnik mereka. Kepada etnik Cina di Malaysia, terdapat tiga unsur penting yang dapat terus menjamin kewujudan dan pengukuhan identiti etnik mereka. Tiga unsur tersebut ialah, (1) sekolah-sekolah Cina (2) pertubuhan-pertubuhan Cina (Hua Tuan atau NGO Cina) dan (3) media Cina (media cetak dan elektronik). Sekolah-sekolah Cina berperanan mengembangkan bahasa dan pendidikan Cina. Pertubuhan-pertubuhan Cina yang berdasarkan kepada statistik sehingga Februari 1996 berjumlah 5762

buah bertanggung-jawab memelihara pelbagai kepentingan budaya, ekonomi, tradisi dan kesukuan Cina (Sia Keng Yek, 1997). Manakala media Cina sebagai saluran penting mengembangkan kebudayaan Cina mempunyai peranan penting dalam memelihara dan memajukan identiti etnik Cina.

Justeru, pemimpin-pemimpin politik Cina walau apa jua parti yang didokonginya akan memastikan bahawa ketiga-ketiga unsur ini tidak tergugat dalam apa jua upaya pembentukan bangsa di Malaysia. Perjuangan mereka ini disokong dengan kuatnya oleh Hua Tuan atau NGO Cina yang besar jumlahnya itu. Malah, dalam isu-isu yang menyentuh kepentingan Cina kelihatannya Hua Tuan ini sebenarnya lebih berpengaruh di dalam masyarakat Cina berbanding parti-parti politik Cina sendiri. Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan dalam kebanyakan kes yang menyentuh kepentingan Cina parti-parti politik Cina terutamanya MCA dan DAP sebenarnya hanya menjadi jurubicara Hua Tuan, atau memperjuangkan agenda Hua Tuan menerusi saluran politik. Parti Gerakan walaupun dibina atas dasar politik pelbagai etnik, masih merupakan parti yang bergantung kepada sokongan etnik Cina, terutama di kubu kuatnya di Pulau Pinang, juga seringkali terpaksa mempelihatkan secara nyata sokongannya kepada perjuangan mempertahankan identiti Cina, jika tidak mahu kehilangan sokongan pengundi Cina di dalam pilihanraya.

Justeru, kepada masyarakat bukan Melayu yang perjuangan politiknya dipimpin oleh gerakan politik etnik Cina, mereka lebih cenderung untuk menyokong kerangka negara-bangsa Malaysia yang bercirikan pluralisme budaya (cultural pluralism) yang dapat menjamin kewujudan kepelbagaian budaya di Malaysia, dan paling penting ‘survival’ identiti etnik Cina. Kepada mereka walau apa jua bentuk identiti nasional atau identiti ‘Bangsa Malaysia’ yang ingin diwujudkan, identiti Cina tidak harus tergugat atau terhakis. Yang menjadi simbol identiti ini ialah sekolah Cina, pertubuhan Cina dan juga media Cina. Kepentingan ekonomi Cina tidaklah menjadi agenda utama parti-parti politik Cina, kerana mereka kelihatannya lebih yakin kepentingan ekonomi Cina dipelihara dan diperjuangkan oleh pertubuhan-pertubuhan yang berdasarkan ekonomi dalam masyarakat Cina dan juga elit-elit ekonomi Cina yang

berpengalaman luas dan pintar dalam hal ehwal ekonomi. Justeru itulah MCA walaupun pada awalnya ditubuhkan untuk kepentingan ekonomi Cina, tetapi setelah berakhirnya era kepimpinan Tan Koon Swan lebih mementingkan perjuangan memartabatkan pendidikan dan kebudayaan Cina. Di bawah Dr. Ling Liong Sik, MCA gigih memperjuangkan isu-isu ini dengan begitu berkesan sehingga mengakibatkan DAP semakin kehilangan pengaruhnya di kalangan masyarakat Cina.

Di dalam masyarakat Melayu dan Bumiputera pula, terdapat perbezaan-perbezaan tanggapan dalam isu hegemoni Melayu dalam politik Malaysia. UMNO yang sejak 1957 menjadi pelindung kepentingan Melayu di dalam kerajaan sering dicabar oleh PAS, saingan utamanya, yang sejak bermulanya era kepimpinan Ulama di dalam PAS pada awal 1980an memperjuangkan agenda menegakkan negara-bangsa Islam (Islamic nation-state). UMNO yang berjuang mempertahankan kedaulatan politik Melayu di Malaysia dituduh oleh PAS sebagai sebuah parti nasionalis Melayu yang perjuangannya tidak secocok dengan perjuangan negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS (Hussin Mutalib, 1990; Ahmad Fawzi Basri, 1992; Alias Mohamed, 1994; Mohamed Mustafa Ishak 1999). PAS menganggap malah menyamakan perjuangan nasionalisme sebagai satu gerakan al-qauumiyyah atau assabiyyah (Ahmad Fawzi Basri, 1992). Disebabkan PAS menolak malah menganggap nasionalisme sebagai tidak secocok dengan perjuangan Islam, maka UMNO yang pada tanggapan PAS berjuang atas landasan nasionalisme Melayu juga ditolak oleh PAS sebagai sebuah perjuangan politik yang bersifat assabiyyah dan menegakkan sekularisme, walaupun UMNO mempertahankan hegemoni Melayu dalam politik Malaysia (Mohamed Mustafa Ishak, 1999).

Walau pun sentimen nasionalisme Melayu menentang Malayan Union pada 1946 melahirkan UMNO, parti ini sebenarnya adalah sebuah gerakan politik yang pragmatis sifatnya dan tidak terikat dengan mana-mana ideologi secara rigid. Matlamat UMNO seperti mana yang termaktub di dalam perlembagaannya ialah mempertahankan kepentingan Bangsa (Melayu), Agama (Islam) dan Tanahair (Malaysia sebagai negara asal-usul orang Melayu). Yang mentarikkan

nasionalisme Melayu yang mana UMNO turut memperjuangkannya adalah berasaskan kepada tiga unsur utama, iaitu (1) Bahasa Melayu (2) Agama Islam (3) Raja-raja Melayu. Di bawah kepimpinan Tun Razak dan dimanifestasikan dengan lebih ketara lagi di bawah kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad, satu lagi unsur penting ditambah dalam perjuangan nasionalisme Melayu iaitu (4) mengangkat martabat ekonomi Melayu supaya setanding atau sekurang-kurangnya tidak tertinggal terlalu jauh berbanding ekonomi bukan Melayu/Cina. Oleh yang demikian, apabila PAS menyatakan bahawa parti itu menolak nasionalisme Melayu, apakah PAS juga bermaksud bahawa mereka juga menolak perjuangan mendaulatkan dan mengangkat martabat (1) Bahasa Melayu (2) Agama Islam (3) Raja-raja Melayu dan (4) Ekonomi Melayu?

Secara ringkas dapatlah dikatakan bahawa konflik antara UMNO dan PAS adalah bertitik tolak daripada pertembungan idea tentang bentuk atau 'ideal-type' negara-bangsa yang ingin diwujudkan di Malaysia. Sementara UMNO berpandangan bahawa sistem demokrasi konsosiesional yang mempertahankan hegemoni Melayu perlu diperkasakan, PAS mahu mewujudkan negara-bangsa Islam. Persoalannya, sejauhmanakah PAS akan berjaya meyakinkan masyarakat bukan Melayu dan bukan Islam di Malaysia bahawa 'Islamic state' yang ingin diwujudkannya itu tidaklah merupakan sebuah sistem hegemoni Melayu yang lebih dominan daripada sistem hegemoni Melayu yang dipertahankan oleh UMNO sejak 1957? Barangkali perkara yang paling digusarkan oleh masyarakat bukan Islam/Melayu di Malaysia ialah apakah mereka masih mempunyai tempat di dalam kerajaan jika sekiranya sebuah negara teokratik 'Islamic state' berjaya diwujudkan oleh PAS? Apakah perjuangan parti-parti etnik bukan Melayu/ Islam mendapatkan kuasa paling maksima dalam melindungi kepentingan dan identiti etnik mereka masih berupaya dilakukan di bawah sistem 'Islamic state' yang PAS mahukan wujudkan? Tentunya pengalaman-pengalaman Kelantan dan Terengganu yang kini berada di bawah penguasaan PAS dapat menjawab sebahagian daripada kemusykilan mereka itu. Yang nyata ialah, dalam upaya PAS menjalin kerjasama dengan DAP dalam Barisan Alternatif (BA) seperti mana yang berlaku dalam pilihanraya 1999, parti Islam itu sudah pun secara

terus-terang bersedia meminggirkan hasrat pembentukan negara Islam di Malaysia dalam manifesto nasional BA. Barangkali PAS baharu menyedari bahawa menerusi kerangka demokrasi konsosyesional yang wujud di Malaysia, impiannya untuk menegakkan negara-bangsa Islam tidak mungkin terlaksana selagi ia tidak mendapat sokongan masyarakat bukan Melayu dan bukan Islam menerusi persetujuan elit-elit mereka di peringkat nasional. Inilah realiti politik, malah kegetiran yang terpaksa diakui oleh PAS dalam mengharungi arena politik etnik dan nasionalisme di Malaysia.

Sementara itu di dalam masyarakat Bumiputera di Sabah dan Sarawak pula, sentimen Kadazanisme dan Dayakisme yang pernah muncul dan masih lagi wujud memperlihatkan bahawa mereka mencabar hegemoni Melayu/Islam di kedua-dua buah negeri tersebut. Sebagai kelompok etnik Bumiputera yang setaraf dengan orang Melayu, gerakan Kadazanisme yang memuncak ketika Parti Bersatu Sabah (PBS) berkuasa, dan sentimen Dayakisme di Sarawak mahukan supaya kelompok etnik Kadazan dan Dayak diiktiraf sebagai etnik pentakrif (definitive ethnic group) sekurang-kurangnya untuk Sabah dan Sarawak kerana mereka adalah kelompok etnik majoriti di kedua-kedua negeri tersebut. Mereka mahukan bahasa dan kebudayaan Bumiputera di Sabah dan Sarawak diiktiraf dengan sewajarnya kerana kedudukan Bumiputera mereka. Bagaimana pun kemasukan UMNO ke Sabah mulai 1991, dan perpecahan masyarakat Dayak yang menyokong pelbagai parti di Sarawak serta kepimpinan dinamik Taib Mahmud di negeri itu telah berjaya mengendurkan sentimen Kadazanisme dan Dayakisme.

Nyatalah bahawa pertembungan politik etnik dan nasionalisme yang wujud dalam arena politik Malaysia baik yang bersifat 'inter' atau pun 'intra' etnik merupakan satu faktor penting yang menyulitkan projek pembentukan bangsa di Malaysia. Persoalannya, apakah prospek bagi pembentukan 'Bangsa Malaysia', jika begini keadaannya yang wujud di Malaysia?

#### 4. Prospek Projek Bangsa Malaysia

Masalah utama dalam projek pembentukan bangsa di Malaysia ialah, sementara upaya-upaya pemupukan identiti nasional dijalankan, kelompok-

kelompok etnik di Malaysia masih begitu kuat ikatan mereka dengan identiti kelompok etnik masing-masing. Kerangka demokrasi konsosyesional dan pertembungan politik etnik dan nasionalisme di antara dan di dalam kelompok-kelompok etnik utama di Malaysia juga merupakan faktor-faktor penting yang mencetuskan pelbagai cabaran dalam projek pembentukan bangsa di Malaysia. Justeru itulah menurut Profesor Shamsul A.B. (1996), wujud apa yang disifatkannya sebagai konflik ‘nation-of-intent’ (negara-bangsa idaman) di antara dan di dalam kelompok-kelompok etnik utama di Malaysia terhadap idea pembentukan bangsa di Malaysia.

Gagasan ‘Bangsa Malaysia’ dengan itu dapatlah ditanggap sebagai satu percubaan kerajaan untuk ‘memujuk’ agar kelompok-kelompok etnik melihat diri mereka sebagai rakyat Malaysia yang berkongsi negara dan impian yang serupa iaitu melahirkan perpaduan yang jitu dalam upaya menuju matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju perindustrian dalam acuannya yang tersendiri menjelang 2020. Dari segi takrifannya, Dr. Mahathir hanya menyebutkan bahawa ‘Bangsa Malaysia bermaksud mereka yang berupaya mengidentifikasi diri dengan negara ini, bertutur Bahasa Malaysia dan menerima Perlembagaan Malaysia’ (*The Star*, 11 September 1995). Setakat ini belum lagi wujud satu takrifan yang lebih komprehensif daripada mana-mana pihak berwajib bagi menghuraikan bentuk dan kaedah-kaedah membentuk ‘Bangsa Malaysia’. Disebabkan gagasan ‘Bangsa Malaysia’ ini masih agak kabur takrifannya, persoalan yang timbul ialah apakah setiap kelompok etnik di Malaysia berkongsi persepsi yang serupa terhadap rupa-bentuk ‘Bangsa Malaysia’ yang ingin dihasilkan itu? Berdasarkan kerumitan-kerumitan yang dibincangkan sebelum ini, agak sukar untuk menyatakan bahawa mereka sebenarnya berkongsi persepsi yang sama dalam hal ini.

Oleh yang demikian, maka dapatlah disimpulkan bahawa konsep ‘Bangsa Malaysia’ barangkali dapat diwujudkan hanya sebagai satu gagasan politik yang bersifat ‘supra-etnik’. Bererti, ‘Bangsa Malaysia’ hanya mungkin diwujudkan sebagai satu ‘bangsa politik’ (political nation) dan bukannya satu ‘bangsa etnik-budaya’ (ethno-cultural nation) kerana kepelbagaiannya etnik dan budaya yang masih

kuat bertahan di negara ini. Sementara menantikan proses etnogenesis ‘Bangsa Malaysia’ berlaku dalam erti kata yang sebenarnya, yang pastinya mengambil jangka waktu beberapa generasi lagi, maka inilah tahap yang mungkin dapat dijadikan sasaran dalam projek pembentukan bangsa di Malaysia. Negara-bangsa atau ‘nation-state’ hanya dapat dilahirkan apabila keseluruhan atau sebahagian besar warga sesebuah negara dapat mengidentifikasi diri mereka dengan negara itu secara padu, kuat dan intim mengatasi identifikasi mereka dengan lain-lain kelompok sosial seperti etnik, kaum, agama atau pun ras. Fenomena sebegini dapat kita perhatikan di beberapa buah negara maju di Eropah, Jepun dan juga Korea di mana ‘nasion politik’(‘political nation’ atau unsur kewarganegaraan dan kesetiaan terhadap negara) berpadu kuat dengan ‘nasion-etno-budaya’(‘ethno-cultural nation’ atau kesatuan etnik dan budaya). Kombinasi yang kuat antara nasion-politik dan nasion etno-budaya inilah yang melahirkan negara-bangsa dalam ertikata yang sebenarnya.

Ertinya, wujud fenomena ‘satu negara dan satu nasion/bangsa’, dan perkara ini agak lebih mudah dicapai (walaupun mungkin setelah melalui satu jangka masa yang panjang), kerana penduduk di negara-negara berkenaan adalah ‘homogeneous’ (terdiri daripada satu kelompok etnik./budaya) atau hampir ‘homogeneous’. Walau pun wujud kelompok-kelompok etnik minoriti yang lain, mereka boleh dianggap hampir terserap ke dalam kelompok utama di dalam masyarakat. Sebaliknya, bagi banyak negara-negara membangun di Asia dan Afrika, mereka hanya mempunyai nasion politik (negara yang merdeka dan berdaulat serta unsur kewarganegaraan yang sama) tetapi masih terumbang-ambing dalam membentuk satu nasion etnik-budaya yang terintegrasi sepenuhnya lantaran penduduknya yang berbilang etnik dan budaya (masyarakat heterogeneous) atau pun masyarakatnya yang dikatakan bersifat majmuk (plural society). Justeru, dapatlah dikatakan bahawa negara-bangsa mereka belum lagi wujud secara sepenuhnya, lalu mengakibatkan proses pembentukan negara-bangsa itu masih menjadi satu agenda penting bagi negara.

Keadaan-keadaan ini berlaku kerana beberapa sebab. Pertamanya, pembentukan negara-negara berkenaan masih lagi baru, rata-ratanya mereka

muncul sebagai sebuah negara moden dan merdeka hanya selepas Perang Dunia Kedua. Sempadan geografi politik mereka biasanya dilukis dan ditentukan oleh penjajah hanya beberapa ketika sebelum mereka mencapai kemerdekaan (Hobsbawm, 1990). Keduanya, dan yang lebih penting dari itu ialah, sebagai negara-negara yang mempunyai penduduk berbilang etnik dan budaya, identifikasi penduduk dengan kelompok-kelompok etnik masing-masing masih begitu kuat, malah mungkin lebih kuat berbanding dengan identifikasi mereka dengan negara yang baru dibina itu. Identifikasi mereka dengan negara menjadi lemah kerana wujudnya fenomena berbilang budaya, bahasa, agama dan ras, sekali gus menyulitkan proses pembentukan identiti nasional yang dikongsi bersama. Pada umumnya keadaan ini juga wujud di Malaysia.

Namun kenyataan ini tidak bermaksud untuk menyatakan bahawa rakyat Malaysia harus bersifat pesimistik terhadap gagasan 'Bangsa Malaysia'. Sejak dua dekad yang lalu lanskap politik, sosial dan ekonomi Malaysia telah berubah dengan pesatnya kesan pembangunan ekonomi yang berlaku. Sensitiviti rakyat Malaysia generasi baru pasca merdeka terhadap isu-isu yang bersifat etnik dan perkauman sangat berbeza dengan fenomena yang pernah wujud dalam tahun-tahun 1960 dan 1970an. Kemungkinan besar keadaan sedemikian wujud akibat daripada kejayaan program kejuteraan sosial yang berlaku menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB 1970-1990) dan kepesatan pembangunan di bawah pemerintahan Dr. Mahathir. Walaupun berlaku kegawatan ekonomi dan gelora politik yang hebat pada tahun 1997 sehingga pilihanraya umum yang lalu, sistem politik Malaysia telah membuktikan kemampuannya menyerap pelbagai cabaran sengit yang melanda dan ini menjadikan sistem itu semakin matang. Kejayaan kerajaan Dr. Mahathir memulih ekonomi negara secara luar biasa tanpa bantuan IMF harus diberikan pujian kerana berjaya menyelamatkan 'social fabric' masyarakat Malaysia daripada mengalami nasib buruk seperti mana yang berlaku di negara-negara jiran, khususnya Indonesia.

Namun cabaran yang masih perlu dihadapi oleh kerajaan terutamanya UMNO ialah untuk memulihkan sokongan orang Melayu ke atasnya kesan gelora politik 2 September 1998. Jika sekiranya UMNO masih bergelut dalam

memulihkan sokongan orang Melayu terhadapnya atau menjadi sebuah parti yang lemah, kekhairan besar yang wujud ialah apakah ada mana-mana parti lain yang boleh dan berupaya mengawal keharmonian antara kaum dan mempertahankan kestabilan politik di negara ini? Cabaran besar bagi projek pembentukan bangsa dan bahaya besar bagi sistem demokrasi konsosional ialah apabila wujudnya unsur-unsur ekstreisme atau pelampau baik yang bersifat etnik atau agama dari mana-mana kelompok etnik atau parti yang mereka wakili kerana ia boleh menggugat kedudukan politik kesederhanaan yang diwakili oleh elit-elit nasional pelbagai kaum yang menerajui kerajaan. Elit-elit moderat dari pelbagai kaum yang berkompromi diperingkat nasional yang menjadi teras kestabilan sistem konsosionalisme akan berdepan dengan perasaan serba-salah dan dilemma politik apabila mereka dicabar oleh elit-elit pelampau dari kaum masing-masing atas isu-isu etnik dan agama.

Justeru itulah sebarang bentuk politik pelampau baik yang bersifat agama atau etnik adalah merupakan cabaran besar dalam menjayakan projek pembentukan bangsa di Malaysia. Selain itu, sebarang bentuk jurang sosio-ekonomi yang wujud khususnya di antara kelompok-kelompok etnik harus terus diatasi supaya perbezaan-perbezaan yang ketara di antara etnik dapat dikurangkan. Lebih banyak perbezaan sosio-ekonomi dan politik yang dapat dikurangkan antara kelompok-kelompok etnik di Malaysia adalah lebih baik bagi kejayaan projek ‘Bangsa Malaysia’. Apabila perbezaan-perbezaan itu sudah semakin tidak ketara, maka adalah lebih mudah untuk memupuk nilai-nilai bersama dan persamaan antara etnik bagi menjayakan gagasan ‘Bangsa Malaysia’. Inilah barangkali agenda penting yang harus mendapat keutamaan dalam projek pembentukan ‘Bangsa Malaysia’ mulai sekarang sehingga menjelangnya fajar 2020.

## Bibliografi

- Ahmad Fawzi Basri (1992) 'The United Malays National Organization (UMNO) 1981-1991: A Study of the Mechanics of A Changing Political Culture', Ph.D Thesis, Centre For Southeast Asian Studies, The University of Hull, United Kingdom.
- Alias Mohamed (1994) *PAS'Platform: Development And Change 1951-1986*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Ariffin Omar (1993) *Bangsa Melayu: Malay Concepts of Democracy and Community, 1945-1950*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cham, B.N. (1975) 'Class and Communal Conflict in Malaysia', *Journal of Contemporary Asia*, Vol.5, No. 4 m.s.446-461.
- Christie, Clive (1998) *Race and Nation: A Reader*, London: I.B. Tauris & Co. Ltd.
- Firdaus Abdullah (1985) *Radical Malay Politics: Its Origins and Early Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Hobsbawm, E.J. (1990) *Nations and Nationalism Since 1780: Programme, Myth and Reality*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Horowitz, Donald L. (1985) *Ethnic Groups in Conflict*, Berkeley, California: University of California Press.
- Hua Wu Yin (1983) *Class and Communalism in Malaysia*, London: Zed.
- Hussin Mutalib (1990) *Islam and Ethnicity in Malay Politics*, Singapore: Oxford University Press.
- Jomo, K.S (1986) *A Question of Class: Capital, the State, and Uneven Development in Malaya*, Oxford: Oxford University Press.
- Lipjhart, Arend (1977) *Democracy in Plural Societies*, New Haven: Yale University Press.
- Mahathir Mahamad (1991) *Malaysia: The Way Forward*, Kertas Kerja di bentangkan di Persidangan Majlis Perdagangan Malaysia, Kuala Lumpur, 28 Februari 1991, Kuala Lumpur: Majlis Perdagangan Malaysia.
- Mohamed Mustafa Ishak (1999) From Plural Society To 'Bangsa Malaysia': Ethnicity And Nationalism In The Politics of Nation-Building In Malaysia', Ph.D Thesis, University of Leeds, United Kingdom.
- (2000) 'Ethnicity and Nationalism in the Politics of Nation-building in Malaysia', Kertas Kerja di 'The 16<sup>th</sup> Conference of the International Association of Historians of Asia (IAHA), 27th-31<sup>st</sup> July 2000, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
- Rustam A. Sani (1986[1976]) 'Melayu Raya as a Malay 'Nation of Intent'', dlm.


H.M. Dahlan (ed.) *The Nascent Malaysian Society*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.


Sia Keng Yek (1997) 'Hua Tuan dan Perkembangan Politik Malaysia: Satu Kajian Tentang Asal Usul dan Perkembangan Gagasan Sistem Dua Barisan (1969-1995)', Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shamsul A.B. (1996) 'Nation-of-Intent in Malaysia', dlm. Stein Tonnesson and Hans Antloev (eds.), *Asian Forms of the Nation*, London: Curzon Press.

The Star , 11 September 1995.

Van Den Berghe (1981) *The Ethnic Phenomenon*, New York: Elsevier.





**SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN  
MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN 11-13 SEPTEMBER 2000**

**PENGISIAN DAN PENGHAYATAN KEMERDEKAAN  
MENERUSI PENDIDIKAN**

**"Pengalaman dan kejayaan bekerja di  
Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran  
mengambil alih tanggungjawab peperiksaan  
dari Cambridge untuk dikendalikan di Malaysia"**  
oleh

**Dato' Omar bin Md. Hashim**

**Pembuka Kata**

Pertama sekali sukalah saya memula mukadimah dengan menyatakan bahawa apabila saya mula berkhidmat pada tahun 1962 di Kementerian Pendidikan ia merupakan satu zaman dalam mana kita giat mencari-cari identiti pendidikan Malaysia dengan visi dan acuan kita sendiri. Walaupun begitu, kita tidak mahu melarikan diri daripada tradisi-tradisi yang baik dan sistem yang elok yang telah kita warisi daripada penjajahan Inggeris. Perpaduan dan pembangunan bangsa merupakan matlamat utama. Demikian laporan-laporan besar telah dihasilkan khasnya Laporan Razak dan Abdul Rahman Talib, keseluruhannya menumpukan kepada matlamat integrasi dan penyatuan, me"malayan"kan sistem pendidikan menerusi perubahan-perubahan dalam kurikulum, meningkat daya pembelajaran, soal memberi lebih peluang pelajaran kepada anak-anak kampung yang terbiar di luar bandar dan lain-lain. Sebahagian besar daripada perencanaan tahun-tahun selepas itu menumpukan kepada soal usaha

mendaulatkan Bahasa Melayu khasnya perubahan pengantar Inggeris kepada pengantar Melayu dalam sistem persekolahan dan universiti. Hal ini, ada hubung kait besar dengan mudhuk yang saya hendak perkatakan iaitu tentang pengambilalihan peperiksaan School Certificate atau MCE daripada Cambridge kepada pentadbiran dan pengendalian kita sendiri di K.L. iaitu satu proses yang berjalan lama dengan senyap-senyap dan penuh hemat kerana ia satu perkara yang amat "delicate" dan amat penting dari segi mengekal kesejahteraan sistem dan taraf pendidikan negara.

#### **Bertugas di Kementerian Pendidikan**

2. Saya sebetulnya datang di Kementerian pada waktu pendidikan sedang mengalami perubahan-perubahan yang paling besar iaitu lantaran wujudnya Akta Pendidikan Razak 1956 yang bertujuan menukar besar-besaran dasar pendidikan tanah air khasnya yang melibatkan sukatan pelajaran, kurikulum dan peperiksaan. Pada tahun 1958 atas desakan kuat guru-guru Melayu sekolah menengah Melayu mula ditubuhkan sesuai dengan tujuan utama dasar pendidikan menjadikan Bahasa Melayu bahasa utama di negara ini. Peperiksaan LCE dalam Bahasa Inggeris juga melahirkan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dalam Bahasa Melayu. Persiapan-persiapan awal telahpun dimulakan untuk mengadakan peperiksaan untuk FMC atau MCE dalam pengantar Melayu iaitu Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 1962 dengan kerjasama Cambridge. Oleh itu

kerja-kerja yang besar sedang menanti pegawai-pegawai pendidikan, khasnya yang berbangsa Melayu.

3. Sebetulnya tidak ramai pegawai-pegawai pendidikan yang berbangsa Melayu pada masa itu di Kementerian untuk bergantung-paut atau berunding. Yang ada pada masa itu di Federal House adalah antara segelintir – Encik Izhab Ismail, Majid Osman dan Syed Nasir Ismail. Malah di Lembaga Peperiksaan sendiri cuma ada Tuan Haji Hamdan dan saya sendiri. Oleh itu pada umur yang muda saya sudahpun dipikul dengan bermacam-macam kerja rencam, juga besar yang seharusnya dikendalikan oleh pegawai tinggi pada zaman biasa dan bebanan dan aneka kerja ini cepat mematang saya dan meningkat tahap profesional saya.

#### **Di Lembaga Peperiksaan**

4. Saya telah bertugas di Lembaga Peperiksaan (LP) selama lebih kurang 14 tahun, pertama sebagai Pegawai Peperiksaan (1962-1969), kemudian sebagai Pengarah Peperiksaan (1976-1984). Sebagaimana semua orang maklum, kerja-kerja di Lembaga adalah satu kerja rencam dan teknikal serta perlu penelitian dan kejituhan. Sejak tahun 1957 apabila LP ditubuhkan, banyak kerja-kerjanya lebih merupakan sebagai agen kepada pihak Cambridge selain daripada mengendalikan peperiksaan-peperiksaan tempatan seperti LCE sejak tahun 1957 dan peperiksaan Junior dan Senior Middle Three China dan MSSEEE tetapi

sebahagian besar kerja-kerja LP adalah bertumpukan kepada pendaftaran calon-calon, pengutipan yuran, organisasi dan pentadbiran pusat peperiksaan dan pengiriman kertas-kertas jawapan kepada Cambridge dan juga akhirnya menyiarangkan keputusan serta sijil kepada calon yang berjaya. Pada masa awal juga banyak kertas-kertas tempatan seperti mata pelajaran Bahasa Melayu, China, Tamil dan Pengajian Islam juga telahpun disiapkan kertas soalannya dan juga diperiksa di Malaysia.

5. Sebetulnya Hamdan yang mengganti Cheong Seik Chim sebagai Pengawal Peperiksaan mempunyai banyak tugas-tugas lain di luar LP khasnya daripada Kementerian yang samada ditugaskan kepadanya atau yang dibebankan oleh kerana ketiadaan pegawai-pegawai lain yang sanggup menjalankannya. Di Kementerian, Aminuddin Baki yang masih muda telah dipikulkan dengan banyak kerja-kerja berat melaksanakan program-program pembaharuan Dasar Pendidikan Kebangsaan, antara lain program Pendidikan Komprehensif. Menghadapi masalah yang kompleks dengan tenaga kerja yang kurang, Aminuddin terpaksa melepaskan banyak kerja-kerja kepada seorang pegawai kanan yang boleh diharapkan. Hamdanlah menjadi orang harapan Aminuddin dan seolah-olah Aminuddin sudahpun mengenalpasti penggantinya dari masa itu lagi.

## **"The Malay Agenda"**

6. Seperkara yang jarang orang tahu sebut ialah peranan LP sebagai pelaksana dasar-dasar kebangsaan yang istimewa, khasnya apa yang disebut "The Malay Agenda". Dasar pendidikan yang terkandung dalam Penyata Razak dan Rahman Talib bukanlah satu "simple educational programme". Ia mengandungi matlamat-matlamat tersirat bagi "nasional reconstruction" dan "social engineering" dan lebih tegas lagi hasrat memperjuang dan membela nasib orang Melayu dan meningkat dan memperluaskan peluang-peluang mereka melalui pendidikan negara. "The Razak and Rahman Talib Reports are instruments of nationalism and social engineering". Kementerian Pendidikan telah merancang dan melaksanakan berbagai-bagai "tindakan affirmative" yang wajar untuk merangsang dan memperluas peluang pendidikan dan latihan kepada anak-anak Melayu khasnya di pelosok-pelosok pendalaman dan di luar bandar.

7. Dalam hal ini saya harap kita selalu ingatkan jasa dua orang: Aminuddin Baki dan Hamdan Sheikh Tahir. Program-program seperti satu peperiksaan khas untuk murid-murid pengantar Melayu Tingkatan Enam untuk memasuki universiti, peperiksaan "Joint Examination Board" yang dipengerusikan oleh Aminuddin Baki dan saya setiausaha, pengecualian-pengecualian untuk memasuki jurusan sains dan juga peluang yang lebih besar menduduki Tingkatan Enam Sains, peperiksaan khas mengagih dan menyaring pelajar-pelajar berotak

baik tetapi miskin daripada kampung-kampung untuk ditempatkan di sekolah-sekolah bandar, menggunakan kuota negeri bagi sekolah asrama penuh yang meningkat bilangannya dan sebagainya – adalah usaha-usaha gigih terbukti amat berjaya yang dijalankan oleh LP sebagai agensi kerajaan dalam memenuhi tuntutan Dasar Ekonomi Baru.

### **Lembaga Peperiksaan Sebagai "Think-Tank"**

8. Lembaga pada masa itu bukan sahaja menjadi pusat "think tank" Kementerian tetapi juga sibuk dengan bermacam-macam kegiatan pendidikan. Keutamaannya sudah tentu peranan sebagai pengelola mutu kepada pendidikan. Bandingkan LP ini sebagai SIRIM yang regulate, menimbang, menilai dan memberi cop kelulusan kepada product pendidikan, mengesahkan bahawa ianya sampai kepiawaian yang ditetapkan. Peranan LP, hatta semua badan peperiksaan di mana saja sebagai "arbiter of standards" tidak dapat dinafikan. Pialawan dan mutu yang kita kenakan kepada peperiksaan kita seperti SPM dan lain-lain adalah ditaraf dunia sebab itu diakui antarbangsa. Pernahkan kita dengar mana-mana pelajar kita ditolak permohonannya masuk universiti di luar negeri hanya kerana diragui mutu sijil Malaysia? Di sinilah letaknya ujian besar kepada keupayaan serta kedewasaan sistem kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai media ujiannya di tahap yang amat tinggi dan satu hal yang belum pernah dibuat orang.

### **L.P. dan peranannya pelaksana BM**

9. Sumbangan besar LP umpamanya yang biasanya dialpa orang ialah perananannya sebagai badan penggerak utama dan pelaksana yang paling efektif dasar pelajaran kebangsaan mendaulatkan Bahasa Melayu. Sebelum tahun 1970 lagi iaitu tahun penukaran pengantar bahasa di sekolah-sekolah rendah Inggeris, LP sudahpun secara senyap-senyap memperkenalkan pembaharuan-pembaharuan dalam sistem peperiksaan yang mempertengah dan menaikkan taraf bahasa dan sastera Melayu. Perancangan dan kemudiannya pelaksanaan secara tersusun dan penjadualan terancang, peraturan mewajibkan Bahasa Melayu baik sebagai mata pelajaran mahupun sebagai pengantar setahun demi setahun di seluruh negara, termasuklah di Sabah dan Sarawak (yang pada masa itu masih terikat dengan sistem bahasa Inggeris) merupakan sumbangan besar LP dalam mendaulatkann bahasa Melayu sebagai pengantar utama dalam sistem pendidikan zaman Malaysia merdeka. Saya rasa tanpa laluan sistem peperiksaan agak sukar kita mencapai kejayaan besar untuk menguatkuasa dasar peralihan bahasa ini dengan begitu tegas, cepat dan teratur.

### **L.P. Pelopor Komputerization**

10. Juga, saya kira tidak ramai orang tahu bahawa LP, Kementerian Pelajaran ialah agensi kerajan yang paling awal menggunakan komputer di negara ini – lebih awal daripada LLN. Bermula dengan hadiah komputer Ford Foundation, kita

telah bermula sejak 1967, memproses kemasukan calon, kemudian lain-lain urusan yang didapati mustahil dapat diproses secara manual lagi, lantaran peningkatan calon yang begitu ramai setiap tahun. Penggunaan borang OMR untuk pendaftaran masuk, juga untuk mencatat markah pemeriksa adalah inovasi kita yang kemudian diikuti oleh peperiksaan lain termasuk Cambridge. Pemprosesan mengenai komputer juga memungkinkan penggunaan kertas-kertas soalan objektif yang kita juga pelopori di dunia sebelah sini.

### **Latihan Pemeriksa**

11. Dari awal-awal lagi kita sedar bahawa LP memerlukan pegawai-pegawai yang terlatih untuk cabaran-cabaran baru dalam pengendalian peperiksaan MCE dan SPM. Wang telah diperolehi daripada Perbendaharaan untuk membuat latihan-latihan secara besar-besaran. Sejak tahun 1961-1973, LP sebetulnya telah mengirim 124 orang pegawai-pegawai kanan untuk mendapat latihan di England dalam berbagai-bagai bidang untuk menjadi Ketua Pemeriksa/Pasukan pemeriksa kertas-kertas soalan di bawah kelolaan Cambridge. Di samping itu dengan bantuan kerajaan British dan kerjasama Cambridge, rancangan besar-besaran telah dilancarkan untuk melatih pemeriksa-pemeriksa kertas jawapan di dalam negeri. Bermula pada tahun 1967, LP telah melatih ribuan guru-guru siswazah mengenai selok-belok peperiksaan di bawah kelolaan Cambridge dan mereka inilah yang menjamin taraf peperiksaan SPM/STPM kita tetap tinggi dan diiktiraf di seluruh dunia hingga hari ini.

## **Meninjau dan Mempelajari Pengalaman Luar Negeri**

12. Di samping itu kita memantau kedudukan mengenai peperiksaan-peperiksaan di taraf O-Level dan A-Level di seluruh Commonwealth. Kita berminat untuk belajar daripada pengalaman di Afrika Timur dan Afrika Barat – usaha-usaha besar sedang dibuat oleh badan-badan peperiksaan membebaskan diri dengan mengambilalih peperiksaan daripada badan-badan peperiksaan Cambridge dan London. Pada tahun 1964 LP telah mengirimkan Oh Bak Kim, Foo Yew Yook (Registrar UM) dan saya sendiri ke Hong Kong, Ceylon dan Brunei untuk mengkaji kedudukan sebenar peperiksaan GCE 'O' level di rantau Asia. Pada ahun 1965, saya telah dikirim memantau hampir ke seluruh dunia untuk melihat secara global perkembangan peperiksaan di taraf tamat sekolah menengah. Pertama sekali saya mengikuti kursus selama 2½ bulan di Education Testing Service (ETS) Princeton. Di Amerika, saya sempat melawat beberapa badan peperiksaan mengenai ujian Bahasa Inggeris dan peperiksaan-peperiksaan lain seperti perubatan dan vokasional. Kemudian saya telah melawat Cambridge dan Universiti London lantas ke West African Examination Council di Ghana dan Nigeria. Dapatan-dapatan, dokumen-dokumen dan laporan-laporan yang lengkap serta pendedahan yang diperolehi tentang perkara ini merupakan asas terpenting untuk LP memulakan usaha-usaha besar nanti berhubung dengan perancangan, pendekatan dan dasar, lebih-lebih lagi soal latihan, pengambilalihan peperiksaan yang dilaksanakan pada tahun 1978.

13. Di samping itu, ramai pegawai-pegawai telah disangkutkan berkhidmat – belajar pada badan-badan peperiksaan seperti London, Manchester dan badan-badan GCE lain di U.K. Segala latihan sangkutan dan pendedahan ini amat berguna sekali kepada LP kerana ia merupakan satu pembukaan ufuk pemikiran dan pandangan yang amat penting kepada pegawai menjalankan kerja-kerja pemeriksaan. Apabila kepastian yang muktamad dibuat oleh kerajaan pada tahun 1976 bahawa peperiksaan Malaysian Certificate of Education dan Sijil Pelajaran Malaysia akan diambilalih pada tahun 1978, Lembaga Peperiksaan telah ditugaskan untuk membuat kajian menyeluruh tentang semua aspek dan implikasi pengambilalihan peperiksaan dan melaporkan seberapa segera kepada Y.B. Menteri Pelajaran, pada masa ini disandang oleh Dr. Mahathir Mohamad. Dr. Mahathir menyumbang satu input yang penting. Beliau mencadang supaya kita berunding dengan Cambridge untuk meletak kenyataan di belakang Sijil SPM/MCE bahawa peperiksaan ini adalah senambungan peperiksaan-peperiksaan kendalian Cambridge dahulu dan bahawa taraf matapelajaran-matapelajarannya adalah sama tinggi dengan GCE O-Level di England. Kenyataan ini kekal sehingga sekarang dan ia menjamin pengiktirafan peperiksaan kita dari seluruh dunia.

14. Selepas mendapat arahan itu, LP telah mula bergerak cergas dengan penubuhan beberapa jawatankuasa teknik dan professional di bawah satu badan Jawatankuasa Penyelaras Pusat yang dipengerusikan oleh Pengarah

Peperiksaan. Dasar yang menjadi titik tolaknya ialah bahawa bentuk organisasi dan peraturan peperiksaan yang sedia ada mestilah dikekalkan sebagai status-quo. Ini amat perlu untuk mengukuhkan lagi kepercayaan umum bahawa tidak terdapat perbezaan yang radikal di antara sistem dan organisasi atau peraturan peperiksaan LP dengan yang dijalankan oleh Cambridge. Pemindahan tanggungjawab haruslah berjalan dengan selicin-licinya sehingga tidak terasa perbezaan kepada umum.

### **Prinsip dan Pedoman Mengambilalih**

15. Di samping itu ada beberapa prinsip yang menjadi pedoman dalam soal mengambilalih; misalnya

- (i) LP haruslah konservatif dan berhemat-hemat dalam pendekatannya. Pengalaman pahit negara-negara membangun seperti Afrika dan Asia yang telah mengalami banyak masalah akibat pengambilalihan secara tergesa-gesa merupakan pengajaran supaya selalu berwaspada dalam operasi perubahan yang "delicate" ini.

- (ii) Peperiksaan yang akan dikendalikan itu akan terus-menerus mendapat pengiktirafan bukan sahaja daripada Cambridge tetapi juga daripada badan-badan peperiksaan lain di luar negeri. Ini penting untuk memastikan bahawa pengambilalihan ini tidak merugikan peluang penuntut kita untuk mendapat tempat di universiti di luar negeri.
- (iii) Kepercayaan orang ramai terhadap sistem pelajaran dan peperiksaan negara mestilah dipupuk dan dijaga.
- (iv) Taraf peperiksaan yang tinggi mestilah dipertahankan untuk menjamin "our certificate should not represent a lower standard of attainment than that of equivalent certificates awarded by examination authorities in United Kingdom, Commonwealth and the rest of the world".

Satu laporan mengenai butiran tentang pentadbiran organisasi kewangan dan soal-soal profesional telah dibentangkan kepada Y.B. Menteri Pelajaran pada bulan Oktober 1977 yang kemudian telah diluluskan untuk pelaksanaan.

## **Memorandum Meminta Pengiktirafan Seluruh Dunia**

16. Berikutnya dengan itu Lembaga Peperiksaan telah mengirim satu memorandum edaran yang komprehensif bagi memperkenalkan peperiksaan yang baru bakal diambil alih dan memohon pengiktirafan sijilnya daripada penguasa-penguasa GCE di United Kingdom dan badan-badan antarabangsa. Sambutan kepada memorandum ini amatlah menggalakkan kerana beberapa buah badan peperiksaan terbesar seperti Educational Testing Service in USA, Joint Matriculation Board, City and Guilds of London, Oxford Delegacy of Local Examination telah segera memberi sokongan dan pengiktirafan.
17. Pada awal bulan November, tiba satu berita yang amat mengembirakan daripada Matriculation Board University of Cambridge, yang mengatakan bahawa pihak University Cambridge telah memutuskan bersetuju mengiktiraf kelulusan dengan kepujian dalam semua mata pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia dan Malaysian Certificate of Education sama tarafnya dengan kelulusan mata pelajaran yang sama dalam GCE peringkat biasa (O), bagi memenuhi keperluan matrikulasi di United Kingdom. Tidak berapa lama, menyusul pula pengiktirafan-pengiktirafan yang serupa daripada University of London dan pihak konsortium universiti-universiti di Scotland.

18. Pengiktirafan yang diterima sebelum peperiksaan MCE/SPM itu selesai dijalankan merupakan kejayaan yang besar dalam cara Lembaga Peperiksaan Malaysia menggendarikan peperiksaan awam untuk tujuan memenuhi keperluan negara di samping menunjukkan keteguhan kepercayaan badan-badan antarabangsa kepada kewibawaan dan keupayaan kita. Ia juga menempelak dan menghapuskan keraguan dan anggapan sesetengah orang tentang kononnya peperiksaan SPM yang dijalankan dengan menggunakan Bahasa Malaysia itu tidak akan laku jauh sekali mempunyai nilai antarabangsa.
19. Pada tahun 1978, selepas 15 tahun perancangan dan persiapan secara senyap-senyap, LP mengambilalih tanggungjawab penggendarian peperiksaan SC/FMC/SPM daripada pihak Cambridge. Ini merupakan satu peristiwa besar yang bersejarah. Pernah saya sebut ianya adalah "the most important educational enterprises ever undertaken since the 2<sup>nd</sup> World War". Ia melambangkan kemampuan profesionalisme anak negeri memikul tanggungjawab penting mengendali urusannya sendiri seiring dan sama penting dengan mengambil tanggungjawab mentadbir negara sendiri (kemerdekaan). Kejayaan ini terbukti dan diakui oleh semua pihak termasuk mereka yang mencurigai kebolehan kita pada awalnya. Kejayaan ini menyakinkan kerajaan untuk mengambil peperiksaan HSC/STPM pada 1982 dan seterusnya memperteguhkan kepercayaan umum kepada sistem peperiksaan di universiti-

universiti tempatan khususnya di UKM yang telah mula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua jurusan ilmu.

### **Sekalung Budi**

20. Saya kira saya bertuah berkesempatan memainkan peranan besar dalam Perancanaan dan pelaksanaan dari awal hingga akhir dalam "perjuangan" mengambilalih peperiksaan dari Cambridge. Dalam hal ini saya menjelaki dan mendapat ilham dan petunjuk dari usaha pemimpin-pemimpin awalan dalam bidang peperiksaan seperti Tun Hamdan Sheikh Tahir, Tan Sri Murad Mohd Noor, Cheong Seik Chim di samping sokongan padu dari rakan-rakan sejawat yang bekerja dibawah saya seperti Oh Bak Kim, Azmi Junid, Mr. Arulampalam, Oswins Pereira, Ali Ithnin, Encik Jamaludin, Puan Badiah dan Rahman Ali dalam soal perancangan, persiapan-persiapan teknikal dan profesional dan proses pelaksanaannya. Umpamanya soal-soal besar, "setting", moderating, assessing dan marking", perundingan dengan Cambridge, soal yuran dan pengagihan dapatan, wang, pengiktirafan sijil SPM oleh dunia antarabangsa, keselamatan urusan cetak mencetak, pemerosesan, "standard fixing" dan kerjasama Cambridge dan bermacam-macam lagi isu-isu kecil dan besar yang mencabar kemampuan dan kebijaksanaan kepimpinan dan setiap pegawai profesional di L.P. Saya tetap berpendapat bahawa rancangan pengambilalihan peperiksaan Cambridge dan pemindahannya dari England ke Kuala Lumpur dipandang dari segi implikasi dan akibatnya dapat dianggap sebagai satu kejayaan atau

achievement yang terpenting dan besar pernah dicapai dalam sistem pendidikan di zaman Malaysia merdeka.

### **Iktibar diperolehi**

20. Beberapa iktibar daripada pengalaman dan penghayatan serta perancangan projek dan kerja di zaman awalan di bawah Kementerian Pendidikan dapat dirumuskan.


Pertamanya, kerja-kerja pengisian dan penghayatan kemerdekaan oleh pegawai-pegawai pendidikan yang merupakan angkatan pelopor adalah amat mencabar penuh kompleks dan walaupun serba kekurangan, ia memberi banyak kepuasan hati kerana ia dijanakan dengan dedikasi beserta perasaan nationalism khasnya dalam usaha membela nasib dan maruah negara dan mengisi "agenda Melayu".

Kedua, projek pengambilalihan tanggungjawab peperiksaan Cambridge oleh Lembaga Peperiksaan adalah satu projek yang dirancang selama 15 tahun dengan teliti dan cermat serta komprehensif dan bukan dibuat secara tergesa-gesa atau ad-hoc.

Ketiganya ia didasarkan atas pendekatan yang konservatif dan berhemat, mengkaji kekuatan dan kelemahan infrastruktur dan tenaga mahir kita, melatih kepakaran kepegawaian yang begitu ramai diperlukan untuk menentukan mutu pelajaran tidak terjejas dan terus diakui dunia. Di samping itu ia wajib mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap mutu serta keutuhan sistem peperiksaan nasional yang dibangunkan.

Keempat, hubungan kita dengan Cambridge dan badan-badan lain di England dan Amerika dikekalk supaya sistem pelajaran kita terus disalir dan "up-to-date" dengan idea-idea, kaedah-kaedah, falsafah serta perkembangan baru dalam alam pendidikan yang terbaik di dunia.

Tarikh: 24 Ogos 2000



**Seminar Penghayatan Dan Pengukuhan Kemerdekaan  
Malaysia Peringkat Kebangsaan, 11-13 September 2000**

**ANTARA HASRAT PENGISIAN KEMERDEKAAN**

oleh

**Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob, D.P.S.K**

D.P.S.K., BDS (Otago), MSc (Lond), FDSRCPS (Glasg), FDSRCS (Eng), FFOP (RCPA),  
CBIol, MiBiol, DIS (IIU), AM (Mal), FASc  
Dekan, Fakulti Pergigian, Universiti Malaya

Kertas ini disediakan untuk membentangkan betapa lemahnya kaum Bumiputera dan sekaligus memberi kejutan kepadanya, supaya dengan segera mengambil langkah untuk mengatasi kelemahannya.

Kemerdekaan negara yang diperjuang dan dimenangi oleh kaum Bumiputera secara majoriti, adalah bertujuan untuk kembali menjadi tuan di negara yang dipusakai setelah hak itu dirampas daripada mereka. Untuk memenuhi tujuan ini kaum Bumiputera mesti maju dalam semua bidang semasa yang menentukan ketuanan. Hakikatnya pada hari ini, kaum Bumiputera belum boleh menjadi tuan yang sebenarnya kerana pencapaian yang tidak setanding tingginya dengan kaum lain dalam banyak bidang. Perkara ini terjadi kerana ramai kaum Bumiputera mempunyai sikap ambil mudah dan kurang usaha dalam menghadapi cabaran, berbanding dengan kaum lain. Selagi kaum Bumiputera tidak mengakui sifat ini, dan tidak berusaha untuk menggantikan dengan yang berlawanan, lalu mengubah sikap, maka kemerdekaan yang diperolehi tidak akan membawa hasrat sepenuhnya. Tuan yang sejati tidak dibendung suruhan; kemerdekaan dan kebebasan yang ada jika tidak dimanfaatkan, akan hilang.

Dalam pendidikan, prestasi Bumiputera tersangat lemah berbanding dengan yang bukan. Jadual 1 memberi gambaran yang amat menyedihkan tentang pencapaian akademik pelajar Bumiputera di sebuah Universiti tempatan awam (IPTA) bagi tahun 2000. Lebih kurang beginilah juga keadaan yang berlaku di IPTA yang lain.

**Jadual 1**

SARJANA EKONOMI

Bumi = 2	Bukan Bumi = 9
----------	----------------

SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN

Bumi = 7	Bukan Bumi = 32
----------	-----------------

SARJANA SAINS KEJURUTERAAN / KEJURUTERAAN

Bumi = 0	Bukan Bumi = 21
----------	-----------------

SARJANA O & G

Bumi = 0	Bukan Bumi = 7
----------	----------------

SARJANA SAINS PERUBATAN

Bumi = 2	Bukan Bumi = 4
----------	----------------

**SARJANA PERUBATAN DALAMAN**

Bumi = 1	Bukan Bumi = 4
----------	----------------

**SARJANA SURGERI**

Bumi = 0	Bukan Bumi 5
----------	--------------

**SARJANA ANAESTESIOLOGI**

Bumi = 3	Bukan Bumi = 7
----------	----------------

**SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT**

KELAS I	Bumi = 0	Bukan Bumi = 3
KELAS II (A)	Bumi = 2	Bukan Bumi = 30
KELAS II (B)	Bumi = 19	Bukan Bumi = 8
KELAS III	Bumi = 2	Bukan Bumi = 1

**SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER**

KELAS I	Bumi = 0	Bukan Bumi = 23
KELAS II (A)	Bumi = 5	Bukan Bumi = 36
KELAS II (B)	Bumi = 30	Bukan Bumi = 30
KELAS III	Bumi = 1	Bukan Bumi = 0

#### SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (ELEKTRIK)

KELAS I	Bumi = 0	Bukan Bumi = 22
KELAS II (A)	Bumi = 14	Bukan Bumi = 13
KELAS II (B)	Bumi = 14	Bukan Bumi = 13

#### SARJANA MUDA PENTAD. PERNIAGAAN

KELAS I	Bumi = 0	Bukan Bumi = 4
KELAS II (A)	Bumi = 8	Bukan Bumi = 48
KELAS II (B)	Bumi = 54	Bukan Bumi = 4
KELAS III	Bumi = 2	Bukan Bumi = 0

#### SARJANA MUDA PERAKAUNAN

KELAS I	Bumi = 0	Bukan Bumi = 20
KELAS II (A)	Bumi = 17	Bukan Bumi = 37
KELAS II (B)	Bumi = 92	Bukan Bumi = 9 (Cina = 0)
KELAS III	Bumi = 25	Bukan Bumi = 0

Mengapa prestasi pelajar Bumiputera sebegitu rendah? Sebagai guru Universiti yang telah berkhidmat selama 25 tahun, saya yakin tanpa waswas bahawa terlalu ramai pelajar –pelajar bumiputera kurang berusaha, dan tidak mengambil berat tentang pelajaran berbanding dengan kaum bukan bumiputera. Sikap kebanyakan mereka yang “mengambil mudah”, “tidak mementingkan kecemerlangan”, dan “sentiasa mengharapkan bantuan kerajaan” membuat mereka menjadi lemah. Saya pernah menulis satu puisi yang menggambarkan kekecewaan kerana pelajar Bumiputera tidak mengambil berat tentang kuliah :-

### **Kerusi Kosong Siapa Punya**

Maka masuklah Maharisi Kala Api  
yang tua dalam bertapa, ke dalam  
Wat Gedi Tujuh Bermas  
menurun ilmu dari dalam dada  
pada muridnya yang tiga puluh:  
sembilanbelasnya Melayu  
sebelasnya lain-lain.

Dari sudut kedut mata tua  
tujuh murid tiada.  
Dihisab dihitung, nyata  
kerusi kosong milik siapa:  
yang pertama Melayu yang punya  
yang kedua Melayu yang punya  
yang ketiga Melayu yang punya  
yang keempat Melayu yang punya  
yang kelima Melayu yang punya  
yang keenam Melayu yang punya  
yang ketujuh Melayu yang punya.

Maharisi kesalnya hati, mesti terus mengajar.  
Kuliah tidak boleh batal.  
Anak-anak yang tiada, mesti tertinggal.

Esok, jika pun kau datang, anakku bertujuh  
dadamu, tak mungkin terisi sepenuh  
dada yang lain-lain.  
Kau kan tinggal di belakang  
mengutip sisa-sisa tak termakan.

Dari segi pengisian pekerjaan, Jadual II (dari Rohana Man, MM Ahad 3 September 2000), menunjukan peratusan kumpulan profesional dari tahun 1970 – 1998.


### Jadual II

#### PERATUSAN KEAHLIAN BUMIPUTERA DALAM KUMPULAN PROFESIONAL YANG BERDAFTAR 1970 – 1998

Profesional	1970	1975	1985	1990	1998
Arkitek	4.3	6.7	16.7	23.6	40.0
Akauntan	6.8	7.7	8.6	11.2	15.2
Jurutera	7.3	7.5	26.9	34.8	42.1
Doktor Gigi	3.1	2.6	23.1	24.3	34.1
Doktor	3.7	4.4	18.0	27.8	35.8
Veterinar	40.0	38.6	28.6	35.9	40.8
Juru Ukur	t.p	t.p	34.8	44.7	46.5
Peguam	t.p	12.8	16.4	22.4	30.9

Dari pada jadual II, jelaslah kaum Bumiputera belum sampai ke tahap yang diingini. Kalau kita lihat pada jadual I, kita akan dapat jawapannya kerana tidak ramai kaum Bumiputera yang berkelulusan, dan lagi yang berkelulusan tidak tinggi pula nilainya berbanding dengan kaum bukan Bumiputera.

Kekurangan yang tersebut diatas hendaklah diisi, dengan cara bukan hanya melalui memperbanyakkan lagi lulusan Bumiputera, tetapi juga tahap kecermerlangan kelulusan itu sendiri. Ini boleh tercapai sekiranya kaum Bumiputera bekerja lebih keras; mempunyai azam untuk bangkit kembali setelah gagal dan tidak menggulung tikar bantal dan pulang ke tempat asal; dan mempunyai hasrat untuk mencapai kedudukan yang tertinggi. Ini tentu sekali akan melibatkan perubahan kepada sikap kaum Bumiputera yang ada dalam diri masing-masing pada waktu ini. Bagaimana untuk mengubahnya? Kita mesti fikirkannya sekarang dan lakukannya sekarang juga.



**Pengisian dan Penghayatan Kemerdekaan  
Cabaran dan harapan masa depan.**

**Jati diri: Analisis Meta, Cabaran dan Peluang.**

**oleh**

**Dr. Idris bin Md.Noor  
Pengarah Bahagian Penyelidikan  
Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.**

## **ABSTRAK**

Jati diri merangkumi aspek-aspek semula jadi individu yang kekal dan berterusan. Ianya juga boleh dikaitkan dengan satu bentuk kefahaman dan perasaan terhadap siapa diri kita. Jati diri boleh dikelaskan kepada dua sifat iaitu individualistik dan kolektif. Jati diri terbina hasil daripada kewujudan elemen-elemen persekitaran dan biologi yang ada pada manusia. Faktor-faktor seperti keturunan biologi, sejarah bangsa, peringkat umur, kependudukan sesebuah negara, jantina, tahap sosio-ekonomi, nilai-nilai amalan masyarakat, bahasa, tahap pendidikan dan prasarana memberi kesan kepada jati diri individu atau kelompok masyarakat. Pertembungan dua atau lebih budaya sering menimbulkan konflik, kekeliruan jati diri atau dilema kepada belia dan remaja. Dalam membincangkan isu yang masih dibincangkan dan dikaji, kertas kerja ini telah mengupas secara ringkas dan komprehensif hal-hal berkaitan tafsiran, teori-teori, analisis kajian dan penyelidikan terdahulu, komponen dan cabaran jati diri. Penulisan kertas kerja ini lebih menampakkan universalnya tetapi ia sekadar memberi kefahaman teoritikal kepada pembaca. Jati diri dalam negara ini adalah lebih dibicarakan dalam suasana perbincangan sewaktu pembentangan di seminar.

### **1.0 Pra-Skrip**

Konsep *kendiri* dan *jati diri* adalah idea yang popular dalam literatur psikologi sosial. Terdapat sekurang-kurangnya 15 istilah yang berbeza yang dikaitkan dengan istilah *diri* (Stein, 1995). Istilah-istilah yang sering digunakan termasuklah konsep kendiri, harga-diri, penerimaan-diri dan sebagainya. Jati diri mempunyai pertalian ketara dengan konsep *waja diri* dan *maruah diri*. Malah kedua-dua istilah ini lebih mudah untuk dibicarakan sekiranya konsep jati diri boleh difahami dan diberi tafsiran tertentu. Diri dan jati diri adalah isu yang sering dibincangkan apabila aspek kewarganegaraan sesebuah masyarakat di dalam sesebuah negara diperdebatkan. Banyak kajian dan penyelidikan telah dilakukan semenjak dahulu lagi dan masih lagi dilakukan khasnya oleh pakar bidang psikologi sosial. Kefahaman konsep dan teori berkaitan jati diri adalah sesuatu yang perlu diperjelaskan sebaik mungkin sebelum kita boleh meneliti dan menganalisis jati diri warga negara Malaysia ini kerana ada kalanya kita terkeliru dengan perkara-perkara yang hampir-hampir mempunyai perkaitan dengannya. Antaranya perkara yang berkaitan dengan ketaatsetiaan, keikhlasan, tolak-ansur, muhibbah, keharmonian, keselesaan dan tidak kurangnya juga dengan aspek negatif seperti gejala sosial, perkauman dan sedikit krisis sosio-politik.

## 2.0 Konsep DIRI, JATI DIRI, MARUAH-DIRI DAN WAJA DIRI.

*DIRI* ialah (a)ekspresi tindakan langsung atau tidak langsung; (b)ekspresi tindakan secara bebas atau tanpa pengaruh luar; (c)ekspresi perhubungan dalam diri; (d)ekspresi tindakan secara tidak seragam.

(Hutchinson Educational Encyclopedia, 2000).

Istilah *diri* boleh dimaksudkan sebagai individu yang berpengalaman, dan agen yang berfikir dan bertindak. *Diri* adalah pusat bahan-bahan pengumpulan personaliti manusia dan perubahan personaliti. *Diri* disebut juga sebagai satu hasilan produk sosial, pembina perhubungan interpersonal dan sering berusaha untuk mencapai keseimbangan. Sub-istilah yang digunakan dalam membicarakan tentang *DIRI* ialah personaliti dan ego. Onorato dan Turner (1997) menganggap konsep kendiri adalah satu struktur personaliti. Personaliti ialah aspek yang lebih ketara dilihat (oleh orang lain), dan ego pula ialah terma psikoanalitik berhubung-kait dengan elemen-elemen tanpa sedar yang sedia ada yang kewujudannya tidak diketahui atau tanpa disedari oleh *diri* itu sendiri.

*Jati diri* (self-identity) pula adalah aspek semulajadi individu dan ciri-cirinya boleh dikenalpasti oleh orang lain. Secara falsafahnya, jati diri mempunyai aspek ciri sedia ada yang berterusan dan bersifat kekal di dalam individu walaupun berlaku perbezaan pada penampilan diri fizikal, personaliti, keupayaan intelektual, daya ingatan dan sebagainya. Dari sudut psikologi, jati diri merujuk kepada konsepsi diri dan perasaan berterusan khasnya berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh dikenalpasti sewaktu proses interaksi dengan orang lain. Purkey (1988) mendefinisikan *jati diri* sebagai keseluruhan sistem pembelajaran mengenai kepercayaan, sikap dan pendapat yang kompleks, tersusun dan dinamik pada setiap individu manusia yang dipegang dan diyakini dan dianggap betul terhadap kewujudan diri.

Muqtedar-Khan (1999) pula berpendapat *jati diri* adalah merupakan satu bentuk kefahaman langsung atau tidak langsung terhadap siapa diri kita. Untuk mengenal diri, kita boleh membandingkan dan melakukan penelitian dalam konteks individual dan secara kolektif. Apabila kita telah mengenalpasti tentang diri kita, kita akan memperolehi penghargaan dan pada waktu itu kita sedang membina jati diri kita. Apabila kita memperkenalkan jati diri kita pada orang lain atau masyarakat kita akan mula mewujudkan perbezaan, dan pada waktu itu kita sedang membina strategi jati diri. Bila kita beritahu orang lain dan mencari satu piawaian atau norma mengikuti landasan amalan masyarakat majoriti dan mencari persamaan dengan diri kita kita sedang menuju kepada jati diri kolektif. Jati diri adalah imaginasi tetapi diri adalah realiti dan tidak berubah.

*Jati diri* sering dikaitkan dengan istilah *maruah-diri* (self-esteem) dan *waja diri* (resilience). Maruah-diri boleh ditafsirkan secara mudah sebagai tatacara seseorang berfikir dan mempunyai perasaan terhadap diri sendiri, dan bagaimana

individu bertindak terhadap sesuatu yang penting untuk dirinya (American Academy of Pediatrics, 1995). Baumeister (2000) pula berpendapat *maruah-diri* ialah paras rasa suka atau penghargaan seseorang terhadap dirinya sendiri, dan lebih bersifat persepsi dan bukan realiti. Fronske Health Center (1999) menyenaraikan asas-asas maruah-diri sebagai kepercayaan, penjagaan diri, otonomi, jati diri dan perhubungan intim. Jati diri adalah nadi kepada waja diri. *Waja diri* boleh didefinisikan sebagai keupayaan dan kebolehan menghadapi situasi yang sulit, sukar dan cabaran, boleh mengatasinya dan berani menghadapi ketakutan dan ancaman. Tiga domain yang mempengaruhi *waja diri* iaitu ciri-ciri sedia ada individu, iklim keluargaan, dan persekitaran sokongan sosial (Brooks, 1997). Elemen-elemen yang membina waja diri dan maruah-diri ialah galakan memberi sumbangan (rasa tanggungjawab); pengajaran cara membuat keputusan, dan kemahiran menyelesaikan masalah (disiplin diri); memberi galakan dan tindak balas positif, dan membantu individu menerima dan menghadapi kesilapan dan kesukaran.

### 3.0 Teori-teori Jati Diri

Hong, Chiu, Yeung dan Tong (1997) mengemukakan rumusan pendapat beberapa pakar *Teori Jati Diri Sosial* sebagai kepercayaan sedia ada memainkan peranan penting dalam dinamik antara kelompok masyarakat. Sub-sub teori identiti sosial ini terbahagi kepada 3 aspek iaitu Teori Implisit, Teori Entiti dan Teori Penaikan. Teori Implisit menekankan bahawa tingkahlaku individu berkait rapat dengan cara bagaimana kelompok sosial masyarakat ia berada dan ianya mempunyai pertalian dengan persepsi individu tersebut dengan persepsi kelompok masyarakatnya. Teori Entiti pula lebih memberi tumpuan kepada paras jati diri sebagai sesuatu yang tetap tetapi masih ada hubung kait dengan kelompok masyarakat. Individu ini akan cuba membina strategi tret sosial perbandingan dengan entiti perdana yang dianuti oleh masyarakatnya. Teori Penaikan, walau bagaimana pun, melihat individu manusia sebagai subjek "malleable" yang sering memberi fokus kepada dinamik kelompok sosialnya, dan entitinya tidak langsung berkaitan dengan pembinaan strategi tret sosial perbandingan dengan apa yang dianuti oleh kelompok perdana masyarakatnya.

Onorato dan Turner (1997) mengemukakan jati diri dalam *Teori Skema-Diri* (self-schema). Teori ini menkategorikan individu dan jati diri dalam bentuk pelbagai skema dan pelbagai personaliti. Teori Skema-Diri menetapkan keupayaan individu yang sering boleh menkategorikan diri dan boleh membina atau mengurangkan perbezaan individu itu sendiri.

Konsep *kendiri* dan *jati diri* boleh dinilai dan diuji melalui 4 teknik seperti yang dikemukakan oleh Stein (1995) iaitu:

- a) Skala Penkadaran. Penyataan soalan dijawab berdasarkan paras persetujuan seperti dalam Skala Likert 5-Mata atau 7-Mata.
- b) Senarai Semakan. Persoalan lebih mirip kepada aplikasi diri sendiri.

- c) Teknik Selesai-Q. Menggunakan kad-kad penyelesaian isu-isu berkaitan deskripsi diri sendiri.
- d) Kaedah Tindak-balas Bebas. Penambahan ayat sendiri dalam pernyataan yang diberi.

#### 4.0 Komponen Jati Diri.

Gerbode (1991) mengemukakan 3 komponen jati diri iaitu (i) Nilai (ii) Kebolehan dan (iii) Integriti. Purkey (1988) pula membahagikan jati diri kepada 3 kualiti utama iaitu (a) boleh dipelajari, (b) tersusun, dan (c) dinamik. Muqtedar-Khan (1999) pula membahagikan jati diri kepada 3 tahap iaitu jati diri berlaku bila subjek dan objek serupa; kepelbagaian jati diri hasil perkahwinan campur antara bangsa seperti Indian-American-Sunni-Hanafi Muslim; dan jati diri yang dipilih.

Umumnya, jati diri remaja atau belia dikaitkan dengan pegangan kepercayaan dan tingkah laku ibu bapa. Tetapi tingkah-laku anak tidak ada kaitan dengan tingkah laku ibu bapa. Kepercayaan ibu bapa dan pencapaian anak tidak mempunyai pertalian signifikan dengan konsep kendiri anak (Halle, Kurtz-Costes dan Mahoney, 1997). Ada pendapat pula beranggapan bahawa jati diri mempunyai pertalian dengan peringkat perkembangan individu itu sendiri. Misalnya, penduduk imigran Asia Tenggara di Amerika pada peringkat awal remaja boleh menerima elemen-elemen remaja tempatan Amerika seperti stail pakaian, stail rambut dan kelakuan remaja Amerika sedia ada. Tetapi apabila mereka berada di peringkat akhir remaja, nampaknya mereka mula mengekalkan identiti negara asal masing-masing dan mula mengadakan pula perhubungan dengan rakan sebangsa daripada negara lain (Ascher, 1989).

Dan dalam hal yang sama, Hoyle, Kernis, Leary dan Baldwin (1999), berpendapat manusia sebagai objek yang aktif sering boleh membentuk jati diri individu dan kelompok yang akhirnya boleh mencipta persekitaran tertentu, dan pada masa yang sama persekitaran ciptaannya itu akan membentuk manusia.

Pena (1998) merumuskan bahawa jati diri individu manusia itu ada kaitannya dengan:

- i) Sokongan dan pengaruh ibu bapa dan persekitaran.
- ii) Guru sebagai model dan memberikan motivasi pada pelajar.
- iii) Interaksi sosial dalam dan luar bilik darjah.
- iv) Tekanan isu-isu semasa politik dan sosial masyarakat.
- v) Perubahan teknologi dan sistem pendidikan.

## **5.0 Analisis Kajian dan Penyelidikan berkaitan Jati Diri.**

### **Kajian 1: Jati diri individu mengikut masyarakat.**

Hong, Chiu, Yeung dan Tong (1997) dalam penyelidikan mereka di kalangan pelajar universiti di Hong Kong mendapati majoriti pelajar mempunyai jati diri yang sama dengan apa yang menjadi amalan dan pegangan masyarakat Hong Kong.

### **Kajian 2: Jati diri berdasarkan perspektif luaran.**

Robins dan John (1996) dalam dua kajian berasaskan mendapati jati diri individu manusia sering berdasarkan perspektif luaran dan perormans kendiri individu juga berlaku melalui perspektif visual diri berdasarkan cara keterbalikan. Dan situasi ini didapati boleh meningkatkan rasa yakin-diri individu itu sendiri.

### **Kajian 3: Jati diri berdasarkan penggunaan bahasa.**

Kashima dan Kashima (1998) dalam kajian terhadap responden daripada 71 budaya pertuturan masyarakat dalam 39 jenis bahasa mendapati masyarakat yang kurang menggunakan katanama “saya” didapati kurang mempunyai sifat individualistik berbanding masyarakat yang kerap menggunakananya.

### **Kajian 4: Jati diri dan penolakan masyarakat.**

Wright, Gronfein dan Owens (2000) yang membuat kajian terhadap pesakit psikiaktrik mendapati antara punca individu tertentu mengalami sakit mental atau berulang kali menerima rawatan mental ialah penolakan sosial oleh masyarakat.

### **Kajian 5: Jati diri orang Malaysia, Sepanyol dan British.**

Tafarodi, Lang dan Smith (in press) yang melakukan kajian terhadap kelompok responden Malaysia dan British mendapati jati diri orang Malaysia lebih mirip bersifat kolektivistik manakala orang British lebih bersifat individualistik. Individu yang bersifatkan kolektivistik mengalami kerendahan daya-saing- diri yang rendah tetapi suka-diri (self-loving) yang tinggi. Dan individu yang bersifat individualistik pula lebih tinggi paras daya-saing-diri tetapi paras suka-siri yang rendah. Suka-diri dan daya-saing-diri ada kaitan dengan peranan adik-beradik dan ibu bapa. Dalam hal sama, Tafarodi dan Walters (in press) dalam kajian yang lain mendapati Orang Sepanyol lebih bersifat kolektivistik dan orang British masih individualistik.

### **Kajian 6: Jati diri orang Jepun dan Amerika.**

Kitayama, Markus, Matsumoto dan Norasakkuntit (1997) dalam kajian bandingan antara masyarakat Jepun dan Amerika mendapati orang Amerika lebih menonjolkan kemajuan diri (self-enhancement), manakala orang Jepun boleh dikategorikan sebagai masyarakat yang sukakan kritikan dan pemberian-diri. Kedua-dua kelompok manusia ini sering mendapat pengaruh dan sokongan daripada pelakuan situasi sosial masyarakat masing-masing. Di Amerika, suasana

sosial masyarakatnya lebih kondusif kepada kemajuan atau pembangunan-diri, manakala Jepun pula lebih kepada suasana kritik-diri.

#### Kajian 7: Paras jati diri berdasarkan sosio-ekonomi.

Croizet dan Claire (1997) dalam kajian mereka di Perancis mendapati pelajar daripada golongan keluarga yang sosio-ekonominya rendah mengalami paras performans dan keupayaan intelektual yang rendah berbanding dengan rakan mereka daripada golongan kaya.

#### Kajian 8: Jati diri dan umur.

Coover dan Murphy (2000) dalam kajian mereka mendapati analisis konsep kendiri di kalangan pelajar berumur 12 tahun dari kelompok Afrika-Amerika dan Mexico-Amerika menunjukkan remaja ini berjaya melakukan "counterstereotypical domain" apabila mereka berumur 18 tahun.

#### Kajian 9: Jati diri dan budaya ketiga.

Kajian Allendoerfer (1999) terhadap pembelajaran Bahasa Inggeris (ESL) di kalangan pelajar Vietnam di Amerika menolak pendapat mengatakan budaya asal individu imigran boleh diasimilasikan dengan budaya tempatan baru. Dapatkan kajian menunjukkan terbina budaya ketiga di kalangan imigran di Amerika yakni percampuran elemen-elemen budaya Vietnam dan Amerika yang berbeza dengan budaya asal Vietnam dan Amerika.

#### Kajian 10: Jati diri individu dan budaya masyarakat.

Jackson (1999) dalam kajiannya terhadap remaja Afrika-Amerika mendapati faktor bangsa dan etnik bukanlah merupakan isu utama yang berlaku dalam jati-dirinya ini tetapi perbezaan yang ada adalah hasil daripada persepsi masyarakat itu sendiri. Malah remaja kelompok ini sudah pun sedia memahami bahawa mereka berada dalam dua dunia budaya iaitu kulit putih dan kulit hitam. Isu utama yang berlaku hanyalah sekadar sedikit kekeliruan untuk memilih tapak atau jalan yang betul dalam impian kehidupan.

#### Kajian 11: Jati diri dan etnik asal.

Purdie (1995) dalam kajian perbandingan antara remaja Australia, remaja Jepun yang belajar di sekolah Jepun dan remaja Jepun yang belajar di sekolah Australia mendapati wujud kelainan gaya pembelajaran di antara dua bangsa iaitu Jepun dan Australia. Remaja Jepun walaupun bersekolah di negara Jepun atau Australia masih memberi tumpuan pada teknik hafalan. Lokasi sekolah nampaknya bukan faktor yang signifikan dalam teknik pembelajaran.

#### Kajian 12: Jati diri dan kahwin campur.

Stephan dan Stephan (1989) dalam kajian kesan perkahwinan campur antara penduduk tempatan dan imigran di Hawaii (Jepun+tempatan; Hispanic+tempatan) mendapati identiti asal individu boleh terhakis apabila berlaku kahwin campur.

### Kajian 13: Jati diri dan IPTA.

Almiccawy (1997) dalam kajiannya di kalangan pelajar Palestin di universiti di Israel mendapati penduduk Palestin mengalami dilema jati-diri apabila berada di Israel kecuali di IPT di mana paras jati-diri pelajar Palestin lebih fleksibel.

### Kajian 14: Jati diri dan keluarga.

Wilson dan Constantine (1999) dalam kajian terhadap pelajar kulit hitam Amerika mendapati peranan keluarga adalah penting dalam memberikan keseimbangan darjah nilai-nilai jati-diri seperti keprihatinan, keselesaan dan keselamatan di kalangan generasi muda imigran.

### Kajian 15: Jati diri, umur dan jantina.

Iida et al (1984) dalam kajian terhadap pelajar Jepun mendapati perempuan lebih mempunyai motivasi diri yang lebih tinggi daripada lelaki. Umur remaja dalam lingkungan 11-14 tahun adalah tempoh yang kritikal dalam perubahan konsep kendiri dan jati-diri.

## **6.0 Cabaran, Cara atasi dan Harapan**

Jati diri adalah perkara dalaman seseorang individu. Persekuturan dan faktor genetik masih mempunyai pertalian signifikan terhadap pembinaan jati diri individu. Individu akan mengalami perubahan jati diri apabila menjadi imigran atau minoriti di dalam sebuah negara dan apabila umur berubah. Tempoh peralihan antara satu peringkat umur dengan peringkat umur yang lain sering menimbulkan dilema dan konflik jati diri. Dalam hal ini, Oosterwegel dan Oppenheimer (1999b) mengemukakan pendapat bahawa remaja lebih berhati-hati apabila menghadapi konflik jati diri. Percubaan untuk mengintegrasikan dua budaya yang berbeza di kalangan remaja boleh menimbulkan ketidakselesaan psikologi. Konflik yang berlaku di kalangan remaja pada setiap peralihan umur boleh mempengaruhi cara hidup mereka.

Bagi negara yang mempunyai pelbagai kaum, pembinaan jati diri adalah sesuatu yang agak komplikated dan ada kalanya problematik. Pembangunan bangsa sebuah negara pelbagai kaum memerlukan masyarakat yang boleh menerapkan pembinaan positif individu melalui nilai hormat menghormati dan nilai penghargaan di antara individu penduduknya (Schwartz, 1998). Biasanya individu daripada negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum sering cuba mengasimilasikan jati dirinya dalam bentuk kepelbagaian jati diri. Kekeliruan jati diri mungkin berlaku apabila faktor sejarah keturunan diambil kira. Ada individu yang dilahirkan dari keluarga atau ibu bapa yang berasal dari satu bangsa sahaja (jati diri tunggal), ibu bapa dari perkahwinan campur bangsa (jati diri dwibangsa) dan keturunan keluarga atau generasi keluarga yang telah berkahwin dengan pelbagai bangsa (jati diri campuran bangsa)(Schwartz, 1998).

## **7.0 Pos Skrip.**

Isu jati diri adalah isu besar. Jati diri mempunyai pertalian rapat dengan waja diri dan maruah diri. Jati diri adalah asas dan pokok kepada kestabilan politik, sosial dan ekonomi negara. Kependudukan menjadi faktor utama kepada perbincangan isu jati diri. Negara yang mempunyai penduduk yang pelbagai bangsa sering menghadapi polemik jati diri. Ramai pakar psikologi sosial berpendapat jati diri setiap individu yang berbeza bangsanya tidak boleh diasimilasikan dengan individu yang berbangsa lain. Diri dan jati diri akan terus kekal selagi persekitaran masih mempunyai perbezaan fizikalnya. Perbezaan dan konflik jati diri antara individu dan individu daripada kalangan pelbagai kaum hanya sekadar boleh diharmonikan melalui perasaan tolak ansur, perasaan hormat menghormati dan perasaan saling faham memahami.


## **BIBLIOGRAFI**


1. Allendoerfer, C. (1999) Creating "Vietnamerica" discourse: Ethnic identity in the ESL classroom. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, Montreal, Canada, April 19-23.
2. Almiccawy, A. (1997) Identity, moral and politic development among Palestinian student activists in the Israeli Universities. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, Chicago IL, March 24-28.
3. American Academy of Pediatrics (1995) **Caring for Your School-age Child: Ages 5 to 12**, Bantam: AAP.
4. Ascher, C. (1989) **Southeast Asian Adolescents: Identity and Adjustment**. ERIC/CUE Digest No. 51, ERIC Clearinghouse on Urban Education, New York NY.
5. Baumeister, R.E. (2000) *Should Schools try to Boost Self-Esteem?* [http://www.rstennison.com/obe/self\\_esteem.html](http://www.rstennison.com/obe/self_esteem.html).
6. Christie, V. (1988) *The Japanese: Conflict and consensus building*. [http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch/d.../all\\_new.html+2548958+255113](http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch/d.../all_new.html+2548958+255113).

7. Coover, G.E. & Murphy, S.T. (2000) *The communicated self: Exploring the interaction between self and social context*, **Human Communication Research**, Vol. 26 (125-47).
8. Criozet, J.C. & Claire, T. (1997) *Extending the concept of stereotype threat to social class: The intellectual underperformance of students from low socioeconomic backgrounds*, **Personality and Social Psychology Bulletin**, [croizet@ciesun.univ-bpclermont.fr](mailto:croizet@ciesun.univ-bpclermont.fr)
9. Fereshteh, M.H. (1992) The US and Japanese education: Should they be compared?. Conference paper. [http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch/d.../all\\_new.html+776682+77977](http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch/d.../all_new.html+776682+77977).
10. Fronske Health Center (1999) **What is Self-Esteem**, Northern Arizona University: Division of Student Affairs.
11. Gerbode, F.A. (1991) *Self-respect and identity*, **Journal of Metapsychology**, Article 83, November.
12. Gollwitzer, P.M. & Brandstdtter, V. (1996) *Implementation intentions and effective goal pursuit*, **Journal of Personality and Social Psychology**.
13. Halle, T., Kurtz-Costes, B. & Mahoney, J. (1997) *Family influences on school achievement in the low-income, African-American children*, **Journal of Educational Psychology**, 89 (527-37).
14. Hong, Y., Chiu, C., Yeung, G. & Tong, Y. (1997) Social comparison during political transition: A longitudinal study. Unpublished research report. The Hong Kong University of Science and Technology.
15. Hoyle, R.H., Kernis, M.H., Leary, M.R. & Baldwin, M.W. (1999) **Selfhood: Identity, Esteem, Regulation**. **Social Psychology Series**, Boulder: Westview Press.
16. Iida, M. et al. (1984) *The impact of short-term adventure camp on self-concept and anxiety in Japanese early adolescents*. [http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch/d.../all\\_new.html+3214509+321727](http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch/d.../all_new.html+3214509+321727).

17. Jackson, L.R. (1999) "Doing" school: Examining the role of ethnic identity and school engagement in academic performance and goal attainment. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, Montreal, Canada, April 19-23.
18. Kashima, E.S. & Kashima, Y. (1998) *Culture and language: The case of cultural dimensions and personal pronoun use*, *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 29 (461-86).
19. Kitayama, S., Markus, H.R., Matsumoto, H. & Norasakkunkit, V. (1997-in press). *Individual and collective processes in the construction of the self: Self-enhancement in the US and self-criticism in Japan*, *Journal of Personality and Social Psychology*.
20. Muqtadar-Khan, M.A., (1999) *Identity and knowledge*, *IJTHAD*, Vol.1, No.6.
21. Onorato, R.S. & Turner, J.C. (1997) Individual differences and social identity: A study of self-categorization processes in the Markus paradigm. Paper presented at The 26<sup>th</sup> Meeting of Australasian Social Psychologist, Wollongong NSW, Australia.
22. Oosterwegel, A. & Oppenheimer, L. (1999a) *Perceived Family Climate and Children's Real, Ideal and Ought-to-be Self*. <http://www.wfu.edu/~leary/self/ablist.htm>.
23. Oosterwegel, A. & Oppenheimer, L. (1999b) *Jumping to Awareness of Conflict between Self-Representations and its Relation to Psychological Well-being*. <http://www.wfu.edu/~leary/self/ablist.htm>.
24. Pauchard-Hafemann, H. (1998) Self-esteem and social personal value. Unpublished paper. Public Health Department, Universidad de la Frontera, Chile.
25. Pena, D.C. (1998) Three teachers' histories: The construction of self-identity. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, San Diego, CA, April.
26. Purdie, N. (1995) *Strategies for Self-Regulated Learning: A Cross-Cultural Comparison*. [http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch/d.../all\\_new.html+797783+80057](http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch/d.../all_new.html+797783+80057).

27. Purkey, W.W. (1988) *An Overview of Self-concept Theory for Counselors, Highlights: An ERIC/CAPS Digest*, University of Michigan: School of Education.
28. Robins, R.W. & John, O.P. (1996-in press) *Effects of visual perspective and narcissism on self-perception: Is seeing believing?*, *Psychological Science*.
29. Schwartz, W. (1998) *The Identity Development of Multiracial Youth*, ERIC/CUE Digest, No.137.
30. Stein, W. (1995) **Assessment of Self-Concept**. Eric Digest, The Educational Resources Information Center, NC: ERIC Clearinghouse on Counseling and Student Series, Greenboro.
31. Stephan, C.W. & Stephan, W.G. (1989) *After Intermarriage: Ethnic Identity among Mixed-Heritage-Americans and Hispanics*. [http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch:/d.../all\\_new.html+2082290+208398](http://www.indiana.edu/cgi-bin-local/dolsearch.pl?Fetch:/d.../all_new.html+2082290+208398).
32. Tafarodi, R.W., Lang, J.M. & Smith, A.J. (In press). *Self-esteem and cultural trade-off: Evidence for the role of individualism-collectivism*, *Journal of Cross-Cultural Psychology*.
33. Tafarodi, R.W. & Walters, P. (In press). *Individualism-collectivism, life events and self-esteem: A test of two trade-offs*, *European Journal of Social Psychology*.
34. Wilson, J.W. & Constantine, M.G. (1999) *Racial identity attitudes, self-concept, dan perceived family cohesion in Black college students*, *Journal of Black Studies*, Vol. 26, No.3 (354-55).
35. Wright, E.R., Gronfein, W.P. & Owens, T.J. (2000-in press) *Deinstitutionalization, social rejection and the self-esteem of former mental patients*, *Journal of Health and Social Behaviour*.





MAJLIS KEBANGSAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA  
MALAYSIA (NCWO)

PERANAN DAN PENCAPAIAN: SATU TINJAUAN  
SEJARAH

Oleh Fatimah Hamid Don  
Naib President NCWO

1. Pendahuluan

Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita atau NCWO adalah satu gabungan pertubuhan-pertubuhan sukarela wanita seluruh Malaysia yang berupa satu badan penasihat, perunding dan juga advokasi mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kemajuan wanita. Penubuhannya pada 25 Ogos tahun 1963 adalah berupa satu titik sejarah dalam pergerakan wanita Malaysia, kerana bukan sahaja ia berjaya menggabungkan suara wanita, malah ia dapat menyatupadukan pertubuhan-pertubuhan yang berlainan kaum, agama dan matlamat di bawah satu payung pergerakan. Ketuanya pada masa itu ialah Fatimah bt. Hashim, yang pada masa itu ialah ketua pergerakan Kaum Ibu UMNO.

Bermula dengan 13 persatuan perintis, gabungan itu beransur membesar, hingga pada hari ini terdapat kira-kira 90 persatuan-persatuan wanita yang bergabung dengan nya. NCWO bertugas melalui ahli gabungannya baik di peringkat akar umbi mahupun di peringkat kebangsaan, bagi membangkitkan kesedaran tentang taraf, hak-hak dan kemajuan wanita, tentang perbedaan-perbezaan taraf dan sikap masyarakat terhadap lelaki dan wanita, dan tentang ketidaksamaan peluang-peluang dan layanan di antara mereka berasaskan kepada kelainan jantina semata-mata. NCWO memainkan peranan bagi menyedarkan wanita-wanita Malaysia tentang pergerakan kemajuan wanita sejagat yang diperjuangkan di peringkat antarabangsa.

Dalam berbagai tindak tanduknya, NCWO menyumbangkan tenaga bagi mengubah sikap pemimpin-pemimpin dan orang ramai (termasuk wanita) terhadap keupayaan dan nilai peranan wanita dalam pelbagai bidang; sehingga pada hari ini sumbangan dan tanggung jawab wanita tidak dipertaikan lagi. Masyarakat Malaysia kini mengiktirafkan wanita

sebagai rakan sekongsi yang sama taraf dalam semua bidang dan sektor pembangunan negara, walaupun ada bidang-bidang tertentu di mana wanita masih ketinggalan. Dalam bidang politik misalnya, penglibatan wanita dalam badan-badan membuat keputusan atau dasar masih tidak seimbang, sedangkan wanita menganggotai lebih 60 peratus parti-parti politik sebagai ahli dan sebagai pengundi.

## 2. Kepimpinan dan kegiatan NCWO.

Kepimpinan NCWO telah berjaya membuka jalan kepada persatuan gabungan untuk mempertingkatkan lagi kegiatan mereka melalui program-program yang positive dan membina. Bukan sahaja wanita dapat dapat diperlengkapkan dengan pelbagai kemahiran sebagai suri rumah, ibu dan warga negara yang kemahiran kraftangan, mereka juga diberi peluang untuk bergaul, bertukar-tukar pendapat, menyedari peranan sebagai warganegara dan juga ahli masyarakat. Wanita dilatih bertutur dan berceramah di khalayak ramai, diberi peluang mengenali negara dan hasrat pembangunan dengan lebih dekat, dan seterusnya mengilap bakat kepimpinan yang ada pada ahli-ahli. Wanita juga disedari tentang betapa pentingnya peluang pendidikan formal diberi kepada anak-anak perempuan seperti juga anak-anak lelaki, dan bagi wanita yang berpelajaran untuk menceburi diri dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan dan profesi.

NCWO berpendapat bahawa mencapai taraf berdikari dari segi ekonomi adalah amat penting bagi membolehkan wanita mempertingkatkan taraf serta menuntut hak-hak mereka yang sah di sisi undang-undang dan berjuang bagi menghapuskan diskriminasi dan layanan yang tidak adil.

Bolehlah dikatakan, NCWO mempunyai peranan sebagai “catalyst” untuk menggalakkan wanita mencapai kemajuan dalam semua bidang. Mulai dengan perjuangan untuk mendapatkan “gaji-sama” untuk pekerja wanita dalam tahun 60an, NCWO meluaskan perjuangannya kepada isu-isu sosial seperti yang berkaitan dengan perkahwinan, penceraian, pemisahan, dan soal menguatuwasakan undang-undang berkaitan dengan nafkah, bantuan, hadanah atau penjagaan anak-anak, pembahagian harta sepencarian dan harta pusaka, hingga ke perlantikan pegawai-pegawai wanita di Jabatan-Jabatan Agama dan Mahkamah Syariah. Untuk

bukan Muslim, NCWO berjaya antara lain, mendapatkan undang-undang monogami diterima pakai.

NCWO bukan sahaja memperjuangkan hak-hak wanita dan kanak-kanak. Malah NCWO sentiasa menyuarakan perihal nasib dan kedudukan mereka yang berpendapatan rendah, yang terpinggir, ibu-ibu tunggal dan yang kurang berupaya. Dalam sesi-sessi Dialog Belanjawan setiap tahun dengan Kerajaan NCWO telah membangkitkan berbagai-bagai isu-isu termasuk : perbekalan perkhidmatan kesihatan yang dimampui oleh orang ramai , pendidikan wajib untuk semua dan usaha-usaha mempertingkatkan mutu pendidikan, kemudahan perumahan bagi mereka yang berpendapatan rendah, membasmi kemiskinan, mengenai penaksiran cukai pendapatan, peluang-peluang ekonomi untuk usahawan wanita , dan penyemakan semula undang-undang bagi mencegah keganasan , eksplotasi , perogolan dan sebagainya.

Namun demikian, NCWO ada zaman pasang-surutnya. Pada tahun-tahun 80an, beberapa persatuan menarik diri daripada menjadi ahli gabungan. Wanita UMNO, Wanita MCA dan Wanita MIC, atas sebab-sebab tertentu, telah menarik diri daripada NCWO. Pada hari ini MCA dan MIC telah kembali ke pangkuhan NCWO, kecuali Wanita UMNO sahaja. Namun demikian , NCWO mempunyai hubungan erat dengan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Wanita UMNO. Kedua-dua bekas dan president semasa NCWO adalah orang -orang kuat Wanita UMNO belaka, masing-masing ialah Tan Sri Datuk Fatimah bt. Hashim dan YB Datin Paduka Zaleha bt. Ismail .

NCWO kini mempunyai wakil-wakilnya dalam berbagai majlis penasihat dan agensi-agensi Kerajaan. Wakil-wakil NCWO turut bergiat dalam Majlis Penasihat Mengenai Intergrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID), dan dalam Jawatankuasa Penyelarasaran Pembangunan Wanita Antara Kementerian-Kementerian. NCWO juga mempunyai hubungan yang erat dengan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA), dan tutur serta memberi kerjasama dalam berbagai- bagi projek, program dan perayaan. Setaip tahun sejak 1963, NCWO merayakan Hari Wanita pada 25 haribulan Ogos, dan lima tahun sekali NCWO mengiktiraf wanita yang cemerlang dalam bidang masing-masing dengan menganugerahkan Pingat Tun Fatimah yang membawa gelaran Srikandi. Pada tahun 2000 NCWO memberi penghormatan ini kepada Datuk Zeti Aziz, wanita pertama yang berjaya menyandang jawatan sebagai Gabenor Bank Negara .

Seterusnya, disenaraikan secara kronologgi, perjuangan dan pencapaian NCWO yang dapat dikumpulkan dari dokumen-dokumen dan pengalaman penulis sendiri.

### 3. Kronologi Tindakan NCWO

- 1962 - PERDANA MENTERI MALAYSIA, TUNKU ABDUL RAHMAN MENGISYIHARKAN TARIKH 25 OGOS SEBAGAI "HARI WANITA" MALAYSIA
- 1963 - PENDAFTARAN NCWO DILULUSKAN PADA 25 OGOS 1963
  - BERSAMA BEBERAPA PERSATUAN DAN KESATUAN WANITA, NCWO MULAI MEMPERJUANGKAN HAK "GAJI SAMA" DAN SYARAT PERKHIDMATAN YANG SAKSAMA UNTUK PEKERJA-PEKERJA WANITA.
- 1965 - SEMINAR KEBANGSAAN DIJADAKAN MENGENAI CADANGAN MEWUJUDKAN "WOMEN'S BUREAU" SEBAGAI AGENSI KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MENGENAI HAL EHWAL WANITA.
- 1968 - TINDAKAN ADVOKASI NCWO MEMBAIKI TARAF WANITA DI SISI UNDANG-UNDANG MULAI BERHASIL.

PARLIAMENT TELAH MELULUSKAN :

  - (1) THE MARRIED WOMEN'S AND CHILDREN'S (ENFORCEMENT MAINTENANCE) ACT 1968
  - (2) THE PENSIONS' AMENDMENT ACT 1968
  - (3) THE EQUAL PAY ACT 1968

(4) SISWAZAH WANITA MULAI DITERIMA MASUK  
BERKHIDMAT DALAM MCS/PTD PADA TAHUN 1967

- 1969 - PRESIDENT NCWO - SELAKU PRESIDENT KAUM IBU UMNO - TAN SRI FATIMAH BT HASHIM DILANTIK SEBAGAI MENTERI KABINET WANITA YANG PERTAMA
- DATIN PADUKA AISHAH GHANI PULA DILANTIK SEBAGAI WAKIL TETAP MALAYSIA YANG PERTAMA KE UN COMMISSION ON THE STATUS OF WOMEN (CSW), VIENNA, 1969 – 1975
- 1975 - SATU PERARAKAN RAKSAKSA “WANITA DAN PEMBANGUNAN” DIADAKAN BAGI MENYAMBUT “TAHUN ANTARABANGSA WANITA SEDUNIA PBB”
- NCWO MENGANJUR DAN MENYERTAI BERBAGAI-BAGAI PERSIDANGAN IWY , TETAPI TIDAK BERJAYA MENGHANTAR WAKIL KE PERSIDANGAN WANITA SEDUNIA YANG PERTAMA DI MEXICO CITY, PADA TAHUN 1975
- NCWO MENGGESA NEGARA-NEGARA ASEAN UNTUK MEMBERI PENGIFTIRAFAN KEPADA SUMBANGAN WANITA. HASILNYA IALAH PENUBUHAN AWP (ASEAN WOMEN'S PROGRAMME) . ACWO (ASEAN CONFEDERATION OF WOMEN'S ORGANIZATIONS) DIWUJUDKAN BAGI MENGGABUNGKAN NGO-NGO WANITA ASEAN.
- 1976 - KERAJAAN MENUBUHKAN “ MAJLIS PENASIHAT KEBANGSAAN MENGENAI INTEGRASI WANITA DALAM PEMBANGUNAN “ ATAU (NACIWID) DI JABATAN PERDANA MENTERI

- KERAJAAN BERSETUJU MEMBENARKAN CUKAI PENDAPATAN PEKERJA WANITA DITAKSIR BERASINGAN DARI PENDAPATAN SUAMI
  - ATAS DESAKAN NCWO, KERAJAAN MEWUJUDKAN SATU SURUHANJAYA DIRAJA BAGI MENGKAJI "THE MARRIAGE AND DIVORCE ACT 1976" UNTUK BUKAN MUSLIM. AKTA INI DILULUSKAN PADA TAHUN 1981.
- 1978 - NCWO MENGANJURKAN SATU PERSIDANGAN KEBANGSAAN SEMPENA TAHUN ANTARABANGSA KANAK-KANAK SEDUNIA 1979. HASIL PERSIDANGAN ITU IALAH SATU MEMORANDUM MENGENAI "PIAGAM KANAK-KANAK" YANG DIKEMUKAKAN KEPADA JABATAN PERDANA MENTERI DAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN YANG BERKAITAN.
- PADA TAHUN 1990 AKTA PERLINDUNGAN KANAK-KANAK 1990 DILULUSKAN BAGI MENGGANTI AKTA KANAK-KANAK DAN REMAJA 1957
- ( LANJUTAN DARIPADA ITU MALAYSIA TURUT SERTA MENANDA-TANGANI "CONVENTION ON THE RIGHTS OF THE CHILD" PADA TAHUN 1994)
- 1980 - PERSIDANGAN PERTENGAHAN DEKAD WANITA SEDUNIA DI COPENHAGEN. PERWAKILAN MALAYSIA TERMASUK AHLI-AHLI NCWO
- 1983 - HAWA DITUBUHKAN DI JABATAN PERDANA MENTERI UNTUK BERTUGAS SEBAGAI URUSETIA KEPADA NACIWID
- 1985 - NCWO BERJAYA MENDAPAT KELULUSAN CUTI TANPA REKORD BAGI AHLI-AHLI PERSATUAN GABUNGAN NCWO UNTUK MENGHADIRI PERSIDANGAN, SEMINAR-SEMINAR BERKAITAN DENGAN PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN WANITA DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA.

- PERSIDANGAN WANITA SEDUNIA KETIGA DI NAIROBI, AHLI-AHLI NCWO TURUT MENYERTAI PERWAKILAN RASMI MALAYSIA YANG DIKETUAII OLEH YB DATUK SERI RAFIDAH AZIZ.

- PERSIDANGAN NCWO DI PERINGKAT KEBANGSAAN MENGHASILKAN BEBERAPA RESOLUSI SEPERTI BERIKUT;

RESOLUSI 1 : ROGOL DAN PERKOSAAN

RESOLUSI 2 : KEGANASAN RUMAH TANGGA

RESOLUSI 3 : CUSTODY, GUARDIANSHIP AND MAINTENANCE

RESOLUSI 4 : WARISAN HARTA PUSAKA DAN HAK MEMILIK HARTA UNTUK WANITA

RESOLUSI 5 : UNDANG-UNDANG PEKERJA

RESOLUSI 6 : UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN

RESOLUSI 7 : KESELAMATAN SOSIAL

1986 - PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI ROGOL DIADAKAN. HASIL PERSIDANGAN IALAH KERAJAAN BERSETUJU BAHAWA SATU PASUKAN PENYIASATAN YANG TERDIRI DARIPADA PEGAWAI POLIS WANITA DITUBUHKAN.

SATU "KIT PENYIASATAN" PEROGOLAN DISEDIAKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN DENGAN KERJASAMA NCWO.

SATU PUSAT KECEMASAN (CRISIS CENTER) DIWUJUDKAN DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR.

1987 - BEBERAPA PERJUMPAAN PERUNDINGAN DIADAKAN BERKAITAN DENGAN CADANGAN PERLUNYA ADA SATU DASAR NENGENAI WANITA NEGARA.

PADA 1988 SATU MEMORANDUM NCWO MENGENAI DASAR WANITA DIKEMUKAKAN KEPADA NACIWID DAN MENTERI YANG BERTANGGUNG JAWAB HAL EHWAL WANITA.

1988. HASIL DARI TINDAKAN ADVOKASI NCWO, KERAJAAN BERSETUJU SUPAYA SEMUA BAS SEKOLAH MEMPUNYAI WARNA YANG SAMA.
1989. JEMAAH MENTERI TERIMA DAN LULUSKAN DERAF "DASAR WANITA NEGARA " YANG DISEDIAKAN BERSAMA OLEH BEBERAPA ORANG AHLI NACIWID DAN NCWO.
  - UNDANG-UNDANG ROGOL DAN PERKOSAAN BERJAYA DIPINDA.
- 1990 - NCWO WUJUDKAN BEBERAPA "COMMISSION" BERKAITAN DENGAN BIDANG-BIDANG TINDAKAN PELAKSANAAN DASAR WANITA NEGARA DAN "NAIROBI FORWARD-LOOKING STRATEGIES FOR THE ADVANCEMENT OF WOMEN 1986 - 2000.
- 1992 - NCWO TERLIBAT DALAM BERBAGAI-BAGAI AKTIVITI BERKAITAN DENGAN PERSEDIAAN BAGI PERSIDANGAN WANITA SEDUNIA KEEMPAT DI BEIJING PADA 1995 - SEPERTI MENGANGGOTAI ASIA PACIFIC NGO WORKING GROUP, DAN AKTIVITI-AKTIVITI DI PERINGKAT KEBANGSAAN.
- 1994 - SATU PUSAT SERENTI UNTUK MANGSA PEROGOLAN DAN KEGANASAN RUMAH TANGGA DITUBUHKAN  
*AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA* DILULUSKAN OLEH PARLIAMENT

- 1995 - LEBIH 150 AHLI GABUNGAN NCWO MENYERTAI "NGO FORUM" DI HUAIROU CHINA, DAN BEBERAPA ORANG AHLI NCWO TURUT MENYERTAI PERWAKILAN RASMI KE PERSIDNAGAN WANITA SEDUNIA KE EMPAT DI BEIJING.
- KERAJAAN MENANDA TANGANI CEDAW - CONVENTION ON THE ELIMINATION OF ALL FORMS OF DISCRIMINATION AGAINST WOMEN.
  - BEBERAPA SEMINAR DIADAKAN UNTUK BERKONGSI-KONGSI PENGALAMAN BERKAITAN DENGAN PERSIDANGAN BEIJING DAN HUAIROU.
- 1996 - PERSIDANGAN "PASCA BEIJING" DIADAKAN BAGI MENYEDIAKAN MEMORANDUM MENGENAI PELAN TINDAKAN NEGARA.
- BENGKEL MENGENAI CEDAW DIADAKAN. NCWO MEMINTA KERAJAAN MENYEMAK DAN MENARIK BALIK BEBERAPA "RESERVATIONS" PADA CEDAW.
- TERJEMAHAN KE BAHASA MALAYSIA BEBERAPA DOKUMEN BERKAITAN DENGAN PERSIDANGAN BEIJING DI HASILKAN.
- NCWO TURUT MEMBERI INPUT KEPADA PASUKAN KONSULTANT (DARI KANADA) BAGI MEMPERTINGKATKAN STATUS HAWA DAN MEMPERKUKUHKAN JENTERA KERAJAAN UNTUK PEMBANGUNAN WANITA. SETERUSNYA, HAWA DINAIKKAN TARAF KEPADA SATU JABATAN PENUH DI KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT.
- 1997 - NCWO MELANCARKAN 'ROAD SHOW' LITERASI UNDANG-UNDANG BERKAITAN DENGAN AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA.

- BENGKEL-BENGKEL NCWO MENGENAI ISU KANAK-KANAK YANG TERHILANG, DAN "MAKING URBAN AREAS CHILD-FRIENDLY" DENGAN KERJASAMA DAN BANTUAN UNICEF.
  - PERSIDANGAN KEBANGSAAN MENGENAI UNDANG-UNDANG KELUARGA (SYARIAH) BERSAMA "SISTERS IN ISLAM". HASILNYA, SATU MEMORANDUM DIKEMUKAN KEPADA KERAJAAN.
  - KERAJAAN MELANTIK NCWO SEBAGAI SECRETARIAT UNTUK PROGRAM "WANITA DAN TABUNGAN."
  - AHLI NCWO DILANTIK MENDUDUKI JAWATANKUASA "INTER-MINISTERIAL" BAGI MEMANTAU PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN WANITA.
- 1998 - PINDAAN PADA "DISTRIBUTION ACT" (BUKAN ISLAM) BERHASIL
- WAKIL NCWO MENYERTAI BENGKEL UNTUK MENYEDIAKAN LAPORAN NGO ICPD +5
- NCWO WUJUDKAN "WOMENWATCH" BAGI MEMANTAU PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN, DAN BEIJING PLATFORM FOR ACTION
- 1999 - NCWO DENGAN KERJASAMA MIMOS MENJALANI PROJEK BERTUJUAN MEREALISASIKAN "E-KOMUNITI" UNTUK MENJALIN-KAITKAN PERSATUAN-PERSATUAN WANITA BERSAMA BAGI MAKSUD BERKONGSI MAKLUMAT DAN MATLAMAT.
- NCWO DILANTIK SEBAGAI "FOCAL POINT" BAGI MENYEDIAKAN "LAPORAN NGO BEIJING +5."
- 2000 - NCWO TURUT MENYERTAI PASUKAN KEBANGSAAN MENYEDIAKAN LAPORAN HABITAT +5

- NCWO SEBAGAI TUAN RUMAH PERSIDANGAN SERANTAU ACWO, MEI 4 - 7 2000 DI KUCHING SARAWAK.
- NCWO TERUS TERLIBAT DALAM PENYEDIAAN LAPORAN "HABITAT + 5", LAPORAN NGO ICPD +5, DAN MESYUARAT-MESYUARAT BERKAITAN DENGAN APEC "WOMEN LEADERS' NETWORK"
- NCWO MENGEMUKAN MEMORANDUM MENGENAI CADANGAN MEWUJUDKAN SISTEM "MAHKAMAH KELUARGA" DAN MENGADAKAN SATU BENGKEL BERSAMA DENGAN AGENSI-AGENSI BERKAITAN UNTUK MENGHALUSI MEMORANDUM BERKENAAN.
- WAKIL-WAKIL NCWO TURUT BERSAMA MENGHADIRI SIDANG KHAS PBB BEIJING + 5 DI NEW YORK.

OGOS 2000: NCWO TURUT TERLIBAT DALAM PERSEDIAAN UNTUK PERAYAAN "WANITA 2000:NUR BERMULA DENGANMU " SECARA BERSAR- BESARAN.

KHUSUSNYA NCWO :  
MENGANJURKAN MAJLIS MAKAN MALAM  
HARI WANITA 2000 PADA 24 OGOS.

MENGELOLAKAN "SUDUT PIDATO" DI  
PERKARANGAN KLCC PADA 28 OGOS,


MENYERTAI PERSIDANGAN KHAS WANITA 2000;  
PERHIMPUNAN "NUR SEJAHTERA", "NUR  
INTERAKTIF", "NUR KREATIF" DAN LAIN-LAIN.

DISEDIAKAN OLEH;  
FATIMAH HAMID DON,  
NAIB PRESIDENT NCWO,  
SEPTEMBER 2000

**Kemerdekaan, Peranan Generasi Anak Merdeka dan  
Pembinaan Bangsa**

oleh  
**En. Saifuddin Abdullah**

**Sesi 5 Trek 3**



# KEMERDEKAAN, PERANAN GENERASI ANAK MERDEKA DAN PEMBINAAN BANGSA

**Saiyuddin Abdullah**  
*Presiden, Majlis Belia Malaysia*

“Sesungguhnya mereka itu orang-orang muda  
yang beriman kepada Tuhan mereka,  
dan Kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk”  
(al-Kahfi: 13)

## 1. PENDAHULUAN

Kemerdekaan bukan sekadar suatu hari atau tarikh. Ia merujuk keadaan batin. Ia adalah persoalan jiwa - jiwa merdeka. Manusia berjiwa merdeka adalah manusia yang insaf akan kedudukannya yang tidak menjadi hamba sesiapa melainkan hanya kepada TuhanYa. Kerana itu, manusia berjiwa merdeka tidak akan dapat ditakluk atau ditunduk oleh walau sesiapa.

Dalam konteks negara ini, kemerdekaan adalah suatu perjuangan mengangkat dan mendaulat martabat bangsa. Walaupun terdapat tarikh pengisytiharannya yang spesifik, tetapi ia bukanlah sesuatu yang statik atau antik. Sebaliknya, ia sesuatu yang dinamik dan berpanjangan, sedinamik dan sepanjang usia negara merdeka ini – dulu, kini dan selamanya.

Kemerdekaan negara ini tidak datang dengan senang. Ia berhasil melalui semangat dan keringat oleh para pejuang. Ramai yang sekadar mengingat proses perundingan di London. Tetapi, rombongan perunding negara itu bukan pergi dengan sejarah perjuangan yang kosong. Mereka pergi dengan latarbelakang sebagai bangsa pertama di wilayah sebelah sini yang mengangkat senjata melawan kuasa besar dari luar – suatu sejarah perjuangan yang sarat air mata, darah dan nyawa.

Jelasnya, kemerdekaan negara ini berhasil melalui perjuangan dan pengorbanan. Ia mesti dipertahankan. Malah, ia mesti diperkaya dengan pengisian yang memintas dan merentas zaman. Kerana itu, dengan perkembangan globalisasi dan liberalisasi kini,

persoalan kemerdekaan amat wajar dibincangkan semula, bahkan perlu secara lebih membawa lagi perkasa. Bukan sebagai langkah reaksi akibat diserang penjajahan bentuk baru oleh kuasa-kuasa besar, tetapi adalah sebagai langkah aspirasi yang menjelma dari bangsa berjiwa merdeka yang telah bersedia berpencak di pentas dunia – dengan bunganya sendiri.

Antara golongan yang turut berjuang itu ialah belia. Tetapi, kertas ini tidak bertujuan menyingkap peranan dan sumbangan belia dalam perjuangan memerdekakan negara. Sejarah telah merakamkannya dengan tinta emas. Sebaliknya, kertas ini bertujuan menganalisa peranan dan sumbangan belia kini dan akan datang, iaitu dalam memastikan kesinambungan dan pengisian kemerdekaan, agar negara menjadi lebih cemerlang lagi gemilang pada zaman ini dan akan datang.

## 2. **BELIA SEBAGAI ANAK MERDEKA**

### 2.1 Statistik Belia

*Dasar Pembangunan Belia Negara* mendefinisikan belia sebagai yang berumur di antara 15-40 tahun, manakala yang menjadi tumpuan utama program pembangunan belia ialah yang berumur 15-25 tahun.

Menurut *Rancangan Malaysia Ketujuh* (1996-2000), peratus belia berbanding penduduk negara ini semakin meningkat. Pada tahun 1995, jumlah belia berumur 15-24 tahun ialah 3.97 juta orang (19.2 peratus daripada penduduk), manakala belia berumur 25-39 tahun ialah 4.85 juta (23.4 peratus daripada penduduk). Anggaran pada tahun 2000 ialah, jumlah belia berumur 15-24 tahun bertambah kepada 4.45 juta orang (19.9 peratus daripada penduduk), manakala belia berumur 25-39 tahun bertambah kepada 5.48 juta orang (23.6 peratus daripada penduduk).

Dari jumlah tersebut, belia yang menjadi ahli persatuan belia, iaitu yang bergabung dalam Majlis Belia Malaysia (MBM) ialah kira-kira 2 juta orang. Ada yang menganggap angka ini kecil. Tetapi, jika dilihat dari sudut *critical mass*, maka sekiranya angka ini tepat dan benar-benar aktif, maka ia adalah angka yang besar.

Dalam Pilihanraya Umum ke-10 pada tahun 1999, dipercayai bahawa majoriti daripada lebih  $\frac{1}{2}$  juta orang yang belum digazet sebagai pengundi adalah belia. Dalam Pilihanraya Umum ke-11, adalah dijangka akan terdapat lebih 1 juta pengundi baru yang terdiri daripada belia.

Dari segi umur, belia negara kini adalah anak merdeka. Persoalannya, sejauhmanakah mereka berjiwa merdeka?

## 2.2 Membetulkan Kekeliruan Terhadap Belia

Terdapat beberapa kekeliruan dari segi perspektif terhadap belia yang perlu dibetulkan. Kekeliruan ini sebahagian besarnya bermula dengan kenyataan bahawa "Belia adalah pemimpin masa hadapan". Kenyataan ini betul, tetapi tidak lengkap dan tidak tepat. Ia mengakibatkan perspektif terhadap belia, yang walaupun betul, tetapi adalah tidak lengkap dan tidak tepat. Kenyataan yang lebih betul, lengkap dan tepat ialah: "Belia adalah pemimpin masa hadapan. Pada masa ini, belia adalah pemimpin generasinya; belia adalah pemimpin generasi yang lebih muda daripadanya; dan belia adalah rakan kongsi pembangunan (*partners in development*) bersama generasi yang lebih dewasa daripadanya."

Kekeliruan kedua yang perlu dibetulkan ialah penyamaan belia dengan masalah sosial. Memanglah, malangnya, yang banyak bermasalah ialah belia. Tetapi, majoriti belia tidak bermasalah. Lagipun, pendekatan meleter dan membebek (*youth bashing*) ini tidak adil, macamlah kumpulan lain tidak bermasalah. Pendekatan ini ternyata tidak mesra-belia. Lebih penting lagi, pendekatan ini seolah-olah melupakan potensi yang sebegini besar yang terdapat pada belia.

Kekeliruan selanjutnya ialah menyamakan persatuan belia dengan persatuan lain. Persatuan belia adalah persatuan belia. Persatuan lain adalah persatuan lain. Keduanya tidak sama dan tidak serupa. Barang diingat, persatuan belia mampu menaikkan dan menjatuhkan kerajaan. Kerana itu, terimalah persatuan belia seadanya.

### **2.3 Kemahuan Belia Kini**

Di samping bersyukur dan berterima kasih, belia kini mempunyai tiga kemahuan utama:

- (1) Belia mahu suara mereka didengar.
- (2) Belia mahu isu-isu mereka diketengahkan.
- (3) Belia mahu peranan mereka dipertingkatkan.

## **3. PERANAN BELIA**

### **3.1 Fungsi Gerakan Belia**

Walaupun perlombagaan persatuan-persatuan belia mencatatkan sebaris panjang pelbagai fungsi, tetapi sebenarnya, wujud tiga fungsi gerakan belia yang paling utama:

- (1) Terlibat aktif dalam proses membuat dasar-dasar pembangunan belia dan pembangunan negara.
- (2) Menganjurkan aktiviti, bakti dan advokasi.
- (3) Menjadi wadah perwakilan belia di pelbagai ruang-lingkup dan peringkat (kawasan kediaman, mukim, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa).

### **3.2 Objektif Generik Gerakan Belia**

Gerakan belia mempunyai objektif-objektif yang generik sifatnya yang dikongsi bersama dalam keluarga besarnya. Terdapat enam objektif generik yang dimaksudkan itu:

- (1) Membantu mengadakan situasi dan kondisi, melalui dasar dan program, yang mendatangkan kesan-kesan positif.
- (2) Membantu mengadakan situasi dan kondisi, melalui dasar dan program, yang menghalang dan memperbaiki kesan-kesan negatif.
- (3) Membantu semasa bencana dan kecemasan.
- (4) Memperjuangkan perkongsian nasib dan keberuntungan sosio-ekonomi yang saksama.
- (5) Memperjuangkan hak asasi manusia.
- (6) Menyediakan pemimpin pewaris.

### 3.3 Orientasi Gerakan Belia

Umumnya gerakan belia menggunakan salah satu di antara dua orientasi: "orientasi operasi" atau "orientasi advokasi".

"Orientasi operasi"nya dapat dibahagikan pula kepada dua, iaitu "aktiviti" dan "bakti". Semua persatuan belia negara ini menjalankan "orientasi operasi" yang bersifat "aktiviti", tetapi "orientasi operasi" yang bersifat "bakti" masih perlu ditingkatkan.

"Orientasi advokasi" biasanya dilaksanakan oleh persatuan belia di peringkat kebangsaan. Antara lain, advokasi meliputi proses pendidikan, kempen kesedaran, membentuk pandangan khalayak (*public opinion*), sebagai perwakilan belia dan sebagai rakan dalam proses membuat keputusan. Tetapi, ia dapat ditingkatkan lagi keberkesanannya jika konsep rakan pembangunan diperluaskan lagi; serta jika gerakan belia lebih artikulatif dalam pembentangan-pembentangannya, dan jika menggunakan teknologi pemasaran sosial yang lebih saintifik dan sistematis.

### **3.4 Sumbangan Gerakan Belia**

Dalam sejarahnya, gerakan belia negara ini telah memberikan pelbagai jenis sumbangan terhadap masyarakat dan negara, terutamanya dari segi pembangunan belia. Sebahagian daripada sumbangan tersebut adalah unik dan telah meninggalkan kesan yang amat bermakna dan berkesinambungan, serta dapat pula dilihat sebagai kekuatan istimewa gerakan belia. Antaranya ialah: kemerdekaan; budaya demokrasi; perpaduan kaum; pemimpin pelapis; hubungan dan citra antarabangsa; pendidikan dan pembangunan sumber daya manusia; bahasa dan kebudayaan kebangsaan; pemasaran sosial (*social marketing*); konsep *doing more with less*; pengurusan sukarela (*non-profit management*); orientasi non-partisan; dan pendekatan *outreach*.

### **3.5 Memperkasa Gerakan Belia**

10 perkara telah dikenalpasti yang perlu ditangani untuk memperkasa gerakan belia semasa, iaitu: pendaftaran; pejabat dan peralatan; keahlian; kepemimpinan; pengurusan; program; kewangan; penilaian dan penyelidikan; pengiktirafan dan motivasi; dan jaringan.

Lebih penting lagi, gerakan belia perlu menyegar-semula (*re-fresh*) dan menjajarsemula (*re-align*) asas-asas perjuangannya. Ia perlu dikembalikan dan dilonjakkan dengan tiga rukun utamanya, iaitu idealisme, aktivisme dan intelektualisme.

“Idealisme” merujuk pegangan atau prinsip fundamental yang dihayati lagi diamali. Ia berasaskan dua perkara pokok: kecintaan (misalnya terhadap kebenaran, keadilan dan keharmonian) dan kebencian (misalnya terhadap kepalsuan, kezaliman dan kehuruhanraaan).

“Aktivisme” pula ialah proses merealisasikan idealisme. Ini termasuk, antaranya, kebijakan menterjemah idealisme agar menjadi langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang praktikal. Di sini lahirnya ehwal perjuangan seperti kesukarelaan dan pengorbanan.

Manakala "intelektualisme" tidak merujuk orientasi menara gading. Sebaliknya, ia adalah proses penghayatan "budaya ilmu" yang terdiri di atas tiga prinsip utama, iaitu: meletakkan ilmu dan ilmuan pada tempatnya yang paling tinggi; setiap individu menyumbang terhadap perjuangan menuntut, menyebar dan mengembangkan ilmu; dan, setiap pandangan dan tindakan adalah berlandaskan ilmu.

Ketiga-tiga rukun ini perlu dimiliki secara komprehensif, seimbang dan bersepada. Hanya memiliki idealisme dan aktivisme, tetapi tanpa intelektualisme, memungkinkan gerakan belia bersemangat dan rajin berbuat program, tetapi kerana tidak berbekal ilmu, ia tidak dapat melonjak dengan kemajuan yang berganda. Hanya memiliki idealisme dan intelektualisme pula, tetapi tanpa aktivisme, memungkinkan gerakan belia amat bersemangat dan rajin mengkritik, tetapi tidak mampu menghasilkan apa-apa yang praktikal dan konkret. Manakala hanya memiliki aktivisme dan intelektualisme, tetapi tanpa idealisme, memungkinkan gerakan belia amat rajin dan cerdik, tetapi kerana tidak berprinsip, ia boleh dijual-beli.

Di samping itu, gerakan belia perlu meneroka bidang-bidang baru dalam pembangunan belia. Ini adalah proses meluaskan horizon pembangunan belia supaya mencakup seluruh spektrum kehidupan secara holistik dan antarabidang, serta tidak lagi bersifat eksklusif dalam kepompong yang lama, tetapi sebaliknya bersifat inklusif dalam kerangka yang baru.

Gerakan belia juga perlu mencari pendekatan-pendekatan baru dalam pembangunan belia dan negara. Ini adalah proses berfikir dan mencipta untuk mendapatkan penembusan-penembusan baru yang strategik untuk membawa hasil-hasil baik yang berlipatganda.

Pendeknya, gerakan belia kini perlu beroperasi dengan corak, cara, dan citra baru.

#### **4. PEMBINAAN BANGSA**

Matlamat pembinaan bangsa Malaysia tercatat dengan jelas dalam beberapa dokumen dasar, seperti *Wawasan 2020*, *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*, *Dasar Pembangunan Belia Negara*, *Dasar Kebudayaan Kebangsaan* dan lain-lain.

Untuk merealisasikan matlamat-matlamat tersebut, beberapa pra-syarat perlu dijawab. Antaranya ialah jati diri belia, patriotisme dan kekuatan ilmu.

##### **4.1 Jati Diri Budaya**

Entah di mana silapnya, kini kebudayaan acap kali difahami sebagai sesuatu yang sempit, yang diwakili oleh budaya rendah (*low culture*) seperti tarian, nyanyian dan bunyian. Aspek-aspek budaya tinggi (*high culture*) seperti falsafah dan nilai-nilai semakin tercincir dan terpinggir.

*Dasar Kebudayaan Kebangsaan* telah digubal melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang diadakan pada 16 Ogos-20 Ogos 1971. Ia berlandaskan tiga prinsip, iaitu: Kebudayaan Kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini; Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan; dan Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu. Objektif utamanya adalah untuk meningkatkan perpaduan rakyat dan membentuk identiti suatu bangsa Malaysia.

Walaupun Dasar ini telah berusia hampir 30 tahun, tetapi ia masih merupakan dasar kelas dua. Mungkin duduk dan wibawa Dasar ini perlu dibetulkan. Mungkin ia kekurangan azam politik untuk dilaksanakan sepenuhnya. Mungkin ia telah tergelincir dari matlamatnya yang asal, lalu memerlukan proses penajaran semula (*re-alignment*).

Namun, pelaksanaan Dasar ini tetap juga tidak boleh diletakkan di atas bahu sesuatu kementerian atau agensi sahaja. Ia perlu kepada kerjasama antara pelbagai pihak, iaitu kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan sebagainya.

Dasar ini sendiri perlu mempunyai perancangan yang lebih sistematis dan praktikal. Untuk membuat perancangan pelaksanaan selama satu alaf adalah tidak praktikal. Yang diperlukan ialah perancangan pelaksanaan untuk tempoh satu atau dua dekad, dengan penilaianya dibuat secara berkala.

Di samping itu, pelaksanaannya memerlukan pendekatan yang sesuai. Sebagai contohnya, oleh kerana kebudayaan kebangsaan bukan rojak, maka pendekatan pelaksanaannya tidak harus berbentuk rojak. Oleh kerana kebudayaan kebangsaan adalah berasaskan kontrak sosial rakyat pelbagai budaya negara ini, maka pendekatan pelaksanaannya tidak boleh melanggar kontrak tersebut. Dan oleh kerana kebudayaan adalah moral, maka pendekatan pelaksanaannya tidak harus berbentuk amoral atau populis.

Dasar ini akan hanya berhasil jika usaha dan tenaga yang secukupnya disasarkan kearah pembinaan jati diri budaya di kalangan belia. Sebagai pemikiran awal, berikut ini digariskan misi dan visi jati diri budaya belia yang perlu dilaksanakan bersama:

- (1) Mewujudkan belia Malaysia yang kaya (dari segi kefahaman dan penghayatan), perkasa (dari segi kreativiti dan ketramplinan) dan bangga dengan jati diri budayanya (yang terdiri daripada literasi budaya, dan amalan seni budaya) sebagai akar nasionalisme dan kehidupan dalam masyarakat global dan perindustrian, dan sebagai benteng apabila berhadapan dengan pengaruh budaya asing dan negatif.
- (2) Melahirkan belia Malaysia yang menguasai literasi budaya, iaitu keseluruhan unsur budaya yang terdiri dari item-item budaya seperti kata-kata, watak dan sebagainya yang diperkongsikan oleh masyarakat.
- (3) Melahirkan belia Malaysia yang memiliki daya apreasi, kreatif dan berketrampilan dalam bidang-bidang seni budaya masyarakat, sama ada yang tradisional atau moden, dan sama ada di peringkat suku kaum, tempatan atau kebangsaan; dan mengamalkannya sebagai

sebahagian dari cara hidupnya yang memperkuuhkan jati diri budayanya.

- (4) Melahirkan belia Malaysia yang menguasai jati diri budaya akar umbinya sendiri, di samping memahami dan menghormati budaya-budaya lain dalam masyarakatnya yang lebih luas di negara ini dan seterusnya mampu berinteraksi secara sinergi di antara satu dengan lain dalam usaha sama mengutuh dan mengukuh jati diri budaya kebangsaan.
- (5) Menggalakkan belia menjadi mereka yang profesional dalam pelbagai bidang seni budaya tanah air.

Dalam kerangka yang lebih luas, jati diri yang dimaksudkan ialah jati diri yang kental dan kebal. Kental sehingga menjadi pembimbing di dalam. Kebal sehingga menjadi pendinding di luar.

Jati diri ini dapat dibayangkan dari tiga sudut: jiwa, wajah dan langkah. Jiwnya adalah jiwa warisan. Warisan bermaksud agama, budaya, sejarah dan sebagainya. Wajahnya adalah wajah wawasan. Wawasan bermaksud dinamik, *futuristic*, sistematis dan lain-lain. Langkahnya adalah langkah wiraan. Wiraan bermaksud disiplin, semangat dan gagah.

#### **4.2 Patriotisme Malaysia Alaf Baru**

“Patriotisme Malaysia” adalah sesuatu yang amat besar. Ia bukan sekadar semangat. Ia juga bukan isu politik. Ia melibatkan semua rakyat. Ia melibatkan sesuatu yang agung, yang antara lain meliputi aspek-aspek seperti keyakinan, keberanian, kebijaksanaan, kesungguhan dan kesinambungan.

Bagi generasi yang melalui pengalaman yang berbeza-beza, makna patriotisme bagi mereka mungkin juga berbeza-beza, walaupun pada hakikatnya ia tetap berpaksi pada perasaan cintakasih yang kekal dan tebal pada negaranya.

Bagi generasi belia negara ini yang hidup pada zaman penjajahan, makna patriotisme bagi mereka ialah memperjuangkan kemerdekaan. Bagi generasi belia selepas itu, makna patriotisme bagi mereka ialah mengisi kemerdekaan. Bagi yang melalui zaman konfrontasi, makna patriotisme ialah mempertahankan kesepadan negara yang baru dibentuk iaitu Malaysia. Manakala bagi mereka yang sempat melalui peristiwa 13 Mei pula, makna patriotisme ialah meningkatkan perpaduan rakyat.

Alaf baru akan tiba pada 1 Januari 2001. Apakah pula makna patriotisme bagi generasi belia alaf baru ini? Sejauhmanakah semangat ini dihayati? Dalam bentuk apakah ia akan diterjemahkan? Bagaimanakah ia dapat dipupuk? Adakah ia terbit sebagai reaksi kepada masalah yang dihadapi negara? Adakah ia semarak pada tarikh-tarikh tertentu sahaja dalam kalendar tahunan negara?

Sementara itu, individualisme semakin semarak. Ini disertai oleh beberapa keadaan seperti “individu autonomi”, “me-generation” yang melahirkan “me-first society”, “institutionalised individual” dan “sovereign individual”. Pada waktu yang sama, melalui teknologi maklumat dan globalisasi, turut semarak ialah pertembungan antara “negara maya” dengan “negara nyata”. Perkembangan-perkembangan ini menuntut supaya diadakan penyegaran makna patriotisme.

Di samping itu, mutakhir ini, ramai yang berbicara tentang prinsip. Ungkapan-ungkapan yang disuarakan, sama ada secara lisan atau tulisan, melaungkan soal-soal prinsip. Tetapi, tindakan-tindakan yang dilakukan seperti bertentangan dengan yang diungkapkan itu.

Patriotisme adalah prinsip. Tetapi, ia bukan sekadar untuk diungkapkan. Ia dilengkapi dengan tindakan. Antara ungkapan dengan tindakan mesti selari. Dan kesannya mestilah kedaulatan dan kebaikan. Ketika Barat menjajah negara ini, pada mereka, iaitu berdasarkan ungkapannya, ia dibuat atas prinsip dan patriotisme, iaitu 3G: “Gold, Glory and God” dan “the white man’s burden”. Adalah jelas tindakan mereka itu, walaupun atas nama prinsip dan patriotisme, sebenarnya adalah imperialism dan kolonialisme. Kerana itu, harus hati-hati dengan ungkapan dan tindakan yang dilakukan atas nama prinsip dan patriotisme. Harus hati-hati kerana bimbang jika kesannya ialah anarkisme.

#### 4.3 Kekuatan Ilmu

Belia perlu bersiap dengan ilmu yang bersepadu, kemahiran yang tersinikinian dan sikap yang kental bagi menghadapi cabaran zaman ini dan zaman depan. Ini ialah bagi memungkinkan belia bersama dengan zaman. Sebaliknya, jika tidak bersiap, belia tidak akan dapat bersama dengan zaman, atau dengan kata-kata lain – akan ketinggalan zaman.

Zaman ini ialah zaman k-ekonomi, iaitu ekonomi yang berasaskan ilmu. Ini bukan lagi zaman p-ekonomi, iaitu ekonomi yang berasaskan pengeluaran. Kerana itu belia perlu bersiap dengan kekuatan ilmu. Ilmu memungkinkan berlakunya penembusan teknologi (*technological breakthrough*) yang menyebabkan terjadi keadaan disekuilibrium yang memungkinkan munculnya perkara-perkara baru yang tiba-tiba sahaja dapat dibuat dengan cara-cara yang baru.

Tetapi, kemajuan dalam ilmu asas dan penembusan teknologi tidak berlaku dengan tiba-tiba. Ia perlu dicariteroka dan dicipta. Tetapi, ciptaan juga berubah mengikut masa. Kerana itu, terdapat empat ciri keilmuan yang perlu ditanam dalam diri setiap belia. Pertama, keinginan bertanya: iaitu merenung mengapa sesuatu itu berlaku dan apa yang terdapat di sebalik setiap yang tidak kelihatan di depannya. Kedua, keinginan meneroka: iaitu berani pergi ke tempat-tempat yang tidak pernah dijejak manusia sebelumnya. Ketiga, keinginan belajar: iaitu sedia mendapatkan ilmu-ilmu baru daripada orang lain. Dan keempat, keinginan membina: iaitu menggunakan ilmu baru untuk membuat sesuatu yang berbeza.

Namun demikian, sebenarnya zaman ini sedang berhadapan dengan masalah mengenai kedudukan ilmu. Ini terutamanya tentang cara menghubungkan ilmu dengan teknologi, iaitu seperti yang terdapat dalam maksud “teknologi maklumat”. Ini adalah akibat obsesi yang keterlaluan terhadap “teknologi”. Masanya telah tiba untuk “maklumat” diberikan perhatian yang lebih wajar.

Tetapi, masalah ini tidak terhenti di sini. Masalah yang lebih fundamental ialah kekeliruan terhadap makna maklumat dan ilmu. Ramai yang menyamakan keduanya. Apabila ini berlaku, berlakulah tragedi.

Sebenarnya, maklumat dan ilmu tidak sama. Maklumat didapati daripada data, manakala ilmu didapati daripada maklumat. Maklumat mempunyai ciri-ciri penafsiran oleh manusia yang menjadikannya lebih daripada data. Manakala ilmu mempunyai sesuatu yang lebih daripada maklumat, iaitu ia melibatkan pembelajaran sehingga munculnya kefahaman dan selanjutnya – makna – bagi manusia. Di samping itu, maklumat tidak semestinya benar. Tetapi, ilmu mesti benar. Sebab itulah definisi ilmu ialah “ketibaan makna daripada maklumat yang benar”.

Negara ini sedang berada dalam zaman transformasi dari p-ekonomi kepada k-ekonomi. Dalam konteks ini, terdapat tiga strategi utama yang perlu dilaksanakan. Pertama, menambahkan intensiti ilmu dalam setiap program yang sedia ada. Kedua, menganjurkan program-program keilmuan yang baru. Dan ketiga, melabur dalam proses penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) untuk menghasilkan penembusan-penembusan baru.

Sebenarnya, yang diperlukan ialah “pengurusan ilmu” (*knowledge management*) yang baik. Ini melibatkan 8 perkara pokok, iaitu: mendefinisi matlamat ilmu, mengidentifikasi ilmu, memperolehi ilmu, mengembangkan ilmu, perkongsian dan penyebaran ilmu, penggunaan ilmu, menyimpan-tahan ilmu, dan penilaian ilmu.

Di samping itu, cara berfikir perlu ditukar. Ramai berpegang kepada cara berfikir yang dikenali sebagai *problem solving*. Dengan cara ini, semua akan asyik menyelesaikan masalah yang berada di hadapannya. Memang masalah perlu diselesaikan. Tetapi, ada masalah yang dapat diselesaikan. Manakala, ada juga masalah yang tidak dapat diselesaikan kerana ia memang tidak boleh diselesaikan. Kalaupun kita dapat menyelesaikan semua masalah, selepas itu, inisiatif masih berorientasi masalah. Kerana itu, kalaupun mampu melihat ke hadapan, iaitu menjadi *futuristic*, perancangannya ialah untuk mengelakkan masalah baru daripada berlaku atau masalah lama daripada berulang. Dalam keadaan sedemikian rupa, perkara-perkara baru atau penembusan-penembusan baru tidak akan mampu dicipta.

Ini perlu ditukar kepada cara berfikir yang baru yang dikenali sebagai *design thinking*. Walaupun masalah yang dihadapi masih perlu diselesaikan setakat yang boleh, tetapi tidak seharusnya menjadi letih dalam masalah itu. Sebaliknya, setiap scorang harus

mampu meletakkan dirinya di atas masalah tersebut dengan sudut pandangan yang lebih tinggi (*helicopter view*). Bahkan, yang lebih penting lagi, ia tidak pernah walau sedetikpun terlupa akan masa depan dan keperluan untuk mencipta perkara-perkara baru atau penembusan-penembusan baru. Kerana itu, ia mempunyai masa dan tenaga untuk mencipta. Dan ciptaananya menjadi semakin baik dari semasa ke semasa. Hanya bangsa yang mampu mencipta dengan lebih baik sahaja yang akan dapat menguasai ekonomi.

## 5. GOVERNANS BARU: KADEAH PEMBINAAN BANGSA

Satu daripada cara untuk pembinaan bangsa Malaysia yang lebih cemerlang lagi gemilang ialah melalui governans baru. Ia juga merupakan satu daripada cara yang berkesan untuk memperhebat dan memartabat peranan dan sumbangan belia.

Governans adalah antara persoalan fundamental yang sedang diperjuangkan MBM supaya dibudayakan dan diamalkan secara tulin dan sistematik dalam sistem bernegara dan berkerajaan di negara ini. Banyak perbincangan mengenainya telah dimulakan atau disertai secara aktif oleh MBM dalam banyak peringkat. Adalah dipercayai bahawa hal yang sama turut diimpikan oleh majoriti golongan belia dan anggota masyarakat civil selain belia di negara ini, bahkan termasuk juga oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ketua-ketua perniagaan.

Dalam sistem bernegara, terdapat tiga sektor utama. Pertama ialah *state*. Kedua ialah perniagaan. Dan ketiga ialah masyarakat civil. Belia adalah sebahagian daripada masyarakat civil.

### 5.1 Rakan Pembangunan

Terdapat beberapa isu penting yang mengaitkan belia/masyarakat civil dan pembangunan.

Belia/masyarakat civil memerlukan pembangunan. Pembangunan banyak memanfaatkan belia/masyarakat civil. Pada waktu yang sama, usaha-usaha

pembangunan juga memerlukan belia/masyarakat civil. Ini adalah kerana belia/masyarakat civil merupakan penggerak dan sumber utama yang membolehkan pembangunan berjalan dan maju.

Sebenarnya, belia/masyarakat civil mampu menjadi “rakan pembangunan” yang berkesan. Tetapi, masyarakat civil, terutamanya belia, selalunya dilihat lebih sebagai “penerima manfaat pembangunan” (*beneficiaries of development*). Masyarakat civil, terutamanya belia, amat jarang diberi peluang dan hakupaya untuk terlibat secara aktif sebagai “rakan tulen” pembangunan, terutamanya dalam struktur dan proses membuat keputusan. Frasa “rakan pembangunan” dan “*empowerment*” tercatat dalam *Dasar Pembangunan Belia Negara* dan *Dasar Wanita Kebangsaan*, tetapi sejauhmana ia dihayati dan diamali masih belum dapat dipastikan.

Tidak ada *state* yang dapat menyediakan semua. Begitu juga, tidak ada perniagaan yang dapat menyediakan semua. Manakala masyarakat civil tidak berhasrat mengantikkan fungsi dan peranan *state* atau perniagaan.

*Bottom-line* bagi *state* ialah undi. *Bottom-line* bagi perniagaan ialah untung. Tetapi, terlalu banyak perkara dalam kehidupan harian yang tidak ada kena mengena dengan undi dan untung. Inilah relevannya masyarakat civil. Sebab itulah sejarah mencatatkan bahawa pelbagai jenis dan bentuk organisasi masyarakat civil telah sentiasa berakar, mekar dan segar pada sepanjang zaman.

Ketiga-tiga rakan pembangunan ini perlu memahami bahawa setiap satu daripadanya mempunyai budaya dan gaya kerja yang amat berbeza di antara satu sama lain. Kerana itu ketiga-tiga sektor ini perlu mempunyai “kesediaan tanpa syarat” dan bersetuju dengan peraturan (*ground rules*) tertentu untuk be-rakan bagi membolehkan konsep dan pendekatan ini diamalkan. Jika kesediaan wujud, dan kerakunan itu dapat dilaksanakan dalam suasana harmoni, maka akan terjelma sinergi yang akan membawa hasil manfaat yang amat ranum buat pembangunan negara.

Demokrasi bukan bermakna sekadar mengundi lima tahun sekali. Ia melibatkan partisipasi yang lebih menyeluruh dan meluas. Ini termasuk, antaranya, keluarga yang demokratik; partisipasi tempatan (*local participation*); partisipasi setiap kumpulan

umur; partisipasi yang sensitif gender; dan kerjasama atau perkongsian antara *state*, perniagaan dan masyarakat.

Ini adalah pendirian sederhana yang berhikmah, yang mengetengahkan peranan belia/masyarakat sivil, konsep partisipasi, konsep rakan pembangunan, dan penghakupayaan (*empowerment*) untuk governans baru pada alaf baru, iaitu suatu ruang yang lebih besar dan segar daripada sekadar “kerajaan” dengan K huruf besar (*government with capital G*) dalam kerangkanya pada masa ini.

Pada waktu yang sama, internet menjadi katalis dalam pendemokrasian maklumat dan ilmu di seluruh dunia. Ia juga menyediakan belia/masyarakat sivil dengan saluran komunikasi dan penyiaran bagi membolehkan suara mereka didengar dalam proses-proses membuat keputusan yang berkaitan dengan kehidupan mereka dan orang lain. Kerana itu, belia/masyarakat sivil yang terhakupaya oleh capaian teknologi komunikasi dan maklumat serta oleh maklumat dan ilmu yang relevan, semakin hari semakin mendesak supaya struktur, keadaan dan proses governans yang diamalkan kini diubah.

Zaman maklumat memerlukan model governans yang baru, bersepadu dan holistik, yang mengikutsertakan semua sektor sebagai rakan pembangunan yang setara. Matlamatnya ialah semata-mata untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang lebih baik dan bahagia untuk semua.

Dalam konteks ini, Dr. Mahathir Mohamad, selaku Pengurus NICT (1998), mendefinisikan governans sebagai “*the fine art of balancing the different interests of subgroups through processes of exercising authority and influence to safeguard the ultimate interest of the whole group while guaranteeing social responsibility and basic human/individual freedoms*”.

Di samping teknologi komunikasi dan maklumat, faktor-faktor kontemporari yang lain, misalnya perkembangan dunia tanpa sempadan, globalisasi dan liberalisasi turut menuntut agar *state* menilai semula kedudukan, peranan dan fungsinya. Malah, politik sebagai institusi terpenting bagi *state* juga mulai berubah. Ini dapat dilihat dengan

jelas menerusi aplikasi internet sebagai pentas baru politik, yang sedang merubah peraturan dan cara gaya berpolitik.

UNDP (1997) menakrifkan governans sebagai: “*the exercise of economic, political and administrative authority to manage a country's affairs at all levels. It comprises the mechanisms, processes and institutions through which citizens and groups articulate their interest, exercise their legal rights, meet their obligations and mediate their differences.*” Antara nilai-nilainya ialah *accountable*, efisien, efektif, telus, amanah, responsif dan *equitable*.

Buat masa ini, definisi paling tepat ialah yang digunakan *World Conference on Governance* di Manila pada 1999, di mana governans ialah “*a system that is transparent, accountable, just, fair, democratic, participatory and responsive to people's needs*”.

Jadi, apakah maksud “governans baru” bagi negara ini? Governans baru “ialah transformasi daripada keadaan kini di mana wujud hubungan tiga segi yang tidak seimbang antara ketiga-tiga sektor (*state, perniagaan dan masyarakat sivil*), kepada keadaan baru di mana wujud hubungan sinergi antara tiga bulatan (ketiga-tiga sektor itu) yang berinterface pada kedudukan yang adil”.

Pada masa ini, belia/masyarakat sivil hanya terlibat dalam proses membuat keputusan pada beberapa peringkat yang amat terbatas.

Antaranya ialah di Parlimen. Di Dewan Rakyat terdapat wakil rakyat yang kabetulannya pemimpin belia yang menang dalam pilihanraya setelah dicalonkan oleh partinya. Tetapi, sebahagian daripada mereka tidak lagi berusia belia. Tetapi masyarakat sivil selain belia mempunyai Senator di Dewan Negara. Manakala keadaan belia di Dewan Undangan Negeri adalah sama seperti di Dewan Rakyat.

Di peringkat kebangsaan, belia terlibat dalam Majlis Perundingan Belia Negara bersama Kementerian Belia dan Sukan. Masyarakat sivil selain belia pula terlibat dalam beberapa majlis perundingan seperti mengenai pekerja, kepenggunaan dan kebijakan di kementerian-kementerian lain. Tetapi, apabila usaha dibuat untuk

diikutsertakan belia dalam majlis perundingan mengenai kepenggunaan, misalnya, kementerian yang berkaitan tidak bersetuju.

Di peringkat negeri pula terdapat Majlis Perundingan Belia Negeri, tetapi tidak semuanya aktif. Di samping itu, terdapat sebuah negeri sahaja yang melibatkan belia dalam Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan Negeri. Belia juga dilantik dalam Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, tetapi tidak di semua negeri. Di peringkat negeri juga, masyarakat sivil selain belia terlibat dalam beberapa jawatankuasa seperti dalam bidang kebudayaan. Jawatankuasa seperti kebudayaan juga wujud di peringkat daerah di mana masyarakat sivil selain belia mempunyai perwakilan.

Selain itu, apabila majlis perundingan yang diwujudkan kerajaan dari semasa ke semasa, misalnya Majlis Perundingan Akta Pendidikan 1990 dan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II), maka belia dilibatkan. Tetapi, masyarakat sivil selain belia telah terlibat sejak MAPEN 1. Di samping itu, masyarakat sivil lain adalah anggota Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Memanglah keadaan ini adalah lebih baik dari dahulu atau dari sesetengah negara lain. Tetapi, ia masih belum mencukupi. Yang diperlukan ialah wakil belia/masyarakat sivil berada dalam semua bidang dan pada setiap peringkat.

Barang diingat, dalam keadaan kehidupan yang semakin kompleks dan canggih, kebahagiaan tidak lagi terhad kepada hanya menerima nikmat dan manfaat pembangunan sahaja, tetapi kebahagiaan termasuk juga keterlibatan aktif dalam proses bagaimana pembangunan dirancang, dilaksanakan dan dinilai.

Sebenarnya, inilah masanya di mana peranan belia/masyarakat sivil dalam governans amat diperlukan, iaitu dalam keadaan di mana seluruh dunia berhadapan dengan impak besar daripada pelbagai masalah global seperti kemerosotan alam sekitar, kemiskinan, penyalahgunaan dadah, HIV/AIDS, dan lain-lain lagi. Inilah masanya di mana idealisme dan altruisme serta semangat kesukarelaan untuk *fastabiqul khairat* (berlumba-lumba berbuat baik baik) melalui badan-badan belia/masyarakat sivil amat diperlukan, iaitu untuk mengetengahkan kembali perkara-perkara yang terpinggir dan

tersingkir oleh putaran ganas dunia yang tidak tergapai oleh sebahagian manusia-manusia kecil yang tidak bernama itu.

### 5.2 Penghakupayaan Belia/Masyarakat Sivil

Konsep belia/masyarakat civil sebagai rakan pembangunan dalam governans tidak akan dapat direalisasikan selagi cara berfikir (*worldview, tasawur*) semua pihak, terutamanya golongan dewasa dan *state*, termasuk juga belia/masyarakat civil sendiri, tidak berubah. Perubahan ini akan hanya berlaku jika landasan untuk konsep rakan pembangunan itu disediakan. Landasan itu ialah kefahaman dan amalan “penghakupayaan” (*empowerment*).

Dalam ehwal governans, penghakupayaan perlu dilihat sebagai falsafah atau konsep, dan sebagai pendekatan atau strategi, yang membentuk landasan bagi membolehkan konsep rakan pembangunan beroperasi.

Penghakupayaan berada dalam satu kontinum, “dari peluang belia/masyarakat civil kepada hak belia/masyarakat civil”, dan “dari perundingan tidak formal kepada keterlibatan secara berstruktur dan formal dalam proses membuat keputusan”. Perpektif ini meliputi konsep-konsep lain seperti “menjana kapasiti”, “hak asasi belia/masyarakat civil/manusia”, “tanggungjawab belia/masyarakat civil”, “autonomi”, “pembangunan partisipatif” dan lain-lain.

Definisi penghakupayaan ialah “membolehkan dan mendapatkan belia/masyarakat civil untuk memahami dan bertindak atas semua isu (seperti peribadi, keluarga, sosial, budaya, ekonomi, politik dan antarabangsa) yang menyentuh dirinya dan segala yang di sekitarnya yang mereka adalah sebahagian daripadanya”.

Konsep penghakupayaan yang sebenar perlu *disensitised* dan difahami. Penghakupayaan belia/masyarakat civil bukan bermakna memberikan kuasa kepada belia/masyarakat civil. Sebaliknya, ia adalah proses menyalurkan idealisme, wawasan, ilmu, pengalaman, aktivisme, motivasi dan tenaga yang mereka telah sedia miliki.

Semua individu, agensi dan organisasi perlu bersedia untuk melakukan anjakan paradigma dari segi cara berfikir dan berbuat. Struktur dan hiraki yang wujud perlu dinipiskan. Peranan *state* dan golongan dewasa juga perlu berubah. Ini tidak pula bermakna yang peranan *state* dan golongan dewasa sebagai perancang, strategis, serta memberi bimbingan dan perkatif akan hilang sebaik sahaja penghakupayaan belia/masyarakat civil dijalankan. Tetapi, cara-cara tradisional yang “dari atas ke bawah”, “memaksa ketataan”, “mengekalkan *conformity*” dan “menghukum apabila silap” perlu ditamatkan. *State* dan golongan dewasa perlu membimbang, menyokong dan menjadi teladan. Masyarakat civil jangan lagi diperbodohkan. Belia jangan lagi diperbudakkan.

Governans cara tradisional menggunakan *state* dan golongan dewasa sebagai paksi. Ia membuat asumsi bahawa *state* dan golongan dewasa memahami objektif-objektif pembangunan negara dan proses pembangunan belia. Sebaliknya, ia membuat asumsi bahawa majoriti belia/masyarakat civil tidak mampu berfikir untuk diri sendiri atau untuk negara, lantas mereka hanya diminta (baca: diarah) untuk menjadi pengikut dasar dan sebagai peserta program. Kedua-dua asumsi ini tidak lagi relevan dan konsisten dengan pengalaman-pengalaman kontemporari. Penghakupayaan tidak menggunakan *state* dan golongan dewasa sebagai paksi. Ia mempunyai asumsi bahawa belia/masyarakat civil memiliki kemampuan yang sama dalam berfikir untuk dirinya dan untuk negara.

Dalam proses merancang, melaksana dan menilai dasar-dasar dan program-program pembangunan negara, harus disedari bahawa dengan kecanggihan dan kekompleksan teknologi, belia/masyarakat civil hari ini mempunyai pengalaman yang amat berbeza daripada apa-apa yang pernah dialami oleh *state*, golongan dewasa, ibu bapa dan datuk neneknya. Kepantasan kemajuan teknologi membolehkan berlakunya komunikasi global yang serta-merta (*real time*) sifatnya, dan belia/masyarakat dari seluruh ceruk dunia dapat berkongsi pengalaman dengan amat cepat, lantas mengakibatkan munculnya suatu bentuk komuniti dunia yang baru di kalangannya.

Pada waktu yang sama, ramai bersungut bahawa belia/masyarakat civil semakin kurang berminat untuk menyertai dan menghadiri program-program pembangunan yang dianjurkan oleh golongan dewasa dan *state*, sehingga dalam keadaan tertentu

terpaksa diundang artis popular untuk menarik minat ramai. Ramai yang mengatakan suasannya "tidak lagi seperti dahulu". Faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku mungkin banyak. Tetapi, antara faktornya mungkin kerana belia/masyarakat sivil melihatnya sebagai "tidak relevan" atau "tidak menggamit imaginasi" atau "tidak memenuhi citarasa".

Terdapat segolongan belia/masyarakat sivil yang merasa "diketepikan", "terpinggir" (*marginalised*) atau "*underserved*" oleh golongan dewasa dan *state*. Manakala terdapat segolongan lagi yang mempunyai pandangan dan gagasan yang telah berkembang "*beyond*" yang tergapai oleh golongan dewasa dan *state*. Sebelum terlambat, *state* dan golongan dewasa perlu memikirkan pendekatan-pendekatan baru yang lebih segar dalam merancang, memasar dan melaksanakan dasar-dasar dan program-program pembangunan belia dan negara.

Kerana itu proses pembangunan negara memerlukan pendekatan yang baru. Satu anjakan paradigma diperlukan. Anjakan yang dimaksudkan ialah berubah dari pendekatan pembangunan "untuk" belia/masyarakat sivil kepada pendekatan pembangunan "bersama" belia/masyarakat sivil. "Bersama" di sini bermakna menjadikan belia/masyarakat sivil terhakupaya sebagai rakan pembangunan yang tulin.

Penghakupayaan belia/masyarakat sivil ialah juga mengenai kepunyaan (*ownership*). Apabila belia/masyarakat sivil terlibat dalam setiap peringkat proses pembangunan negara, mereka akan mempunyai perasaan kepunyaan (*sense of belonging and ownership*) yang kuat terhadap program-program tersebut yang memungkinkan ia menjadi lebih dihargai, bermanfaat dan berkesinambungan (*sustainable*).

Penghakupayaan belia/masyarakat sivil ialah juga mengenai demokrasi. Jika demokrasi dapat didefinisikan sebagai "*government of the people, by the people, for the people*", maka pembangunan negara mestilah berjalan di atas landasan penghakupayaan, supaya ia menjadi "*development of the people, by the people, for the people*)" dan bukan "*development off the people, buy the people, force the people*"!

### 5.3 Governans Global

Tetapi persoalan governans bukan terhad dalam batas sempadan negara sahaja. Bagaimana pula dengan governans dunia? Globalisasi dan liberalisasi menyebabkan governans global menjadi satu kemestian. Tetapi, governans global yang baik belum wujud. Perang Dingin yang tamat dan tembok Berlin yang lumat sepatutnya digantikan oleh *a new world order* yang tanpa paksi. Sebaliknya, ia digantikan oleh *a new world disorder* yang uni-paksi di bawah telunjuk Washington DC.

Institusi-institusi antarabangsa yang ada kini – Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) – tidak ditubuhkan untuk menangani keadaan dunia hari ini. Kerana itu, semua institusi ini perlu direformasi.

Setakat ini, kemakmuran, kesejahteraan dan pembangunan yang dijanjikan oleh globalisasi masih belum tercapai. Ia hanya dinikmati oleh kuasa-kuasa besar ekonomi sahaja. Sebaliknya, jurang pendapatan dankekayaan di antara negara-negara menjadi semakin lebar. Dunia digital zaman ini seperti menjanjikan zaman depan yang brutal.

Dalam konteks ini, ramai telah berbicara mengenai zaman pasca Perang Dingin. Antaranya ialah beberapa penulis seperti Paul M. Kennedy dengan *The Rise and Fall of the Great Powers*, Francis Fukuyama dengan *The End of History*, Samuel P. Huntington dengan *The Clash of Civilization* dan yang terbaru ialah Thomas L. Friedman dengan *The Lexus and the Olive Tree*. Walaupun mereka mengutarakan pandangan-pandangan yang penting, tetapi tidak seorangpun yang dapat memberikan pandangan yang benar-benar holistik, yang menguntungkan semua, terutamanya kita di dunia sebelah sini.

Kennedy cuba menyucikan zaman depan dengan terlalu bergantung kepada zaman lampau. Beliau menghuraikan dengan baik akan kejatuhan empayar-empayar Sepanyol, Perancis dan Inggeris. Tetapi, ramalan beliau bahawa empayar berikut yang bakal jatuh ialah Amerika iaitu akibat empayarnya yang beliau sifatkan *overreaching*, walaupun logik, tetapi perlu kepada analisa yang lebih teliti.

Huntington melihat konflik kebudayaan berlaku di mana-mana lalu mengembangkannya sehingga menjadi satu definisi pertembungan antara kebudayaan-kebudayaan, malah meramalkan bahawa jika berlaku perang dunia yang ketiga, maka ia adalah perang antara kebudayaan-kebudayaan.

Fukuyama agak tepat dalam pandangannya terhadap zaman baru ini, iaitu mengenai kepercayaan Barat tentang liberalisme dan pasaran bebas sebagai cara terbaik menyusun masyarakat, tetapi beliau seperti takjub dan terpesona dengan zaman ini sehingga menganggap inilah penamatnya.

Manakala Friedman adalah pemuja globalisasi. Walaupun beliau menyedari globalisasi ada kelemahannya, beliau lebih berminat menuju sesiapa yang menyalahkan idolanya ini sebagai lemah, dan beliau selesa dengan peranan Amerika yang dianggapnya unik dalam menstabilkan sistem baru dunia ini.

Semua ini seharusnya menambahkan kepercayaan bahawa keadaan pasca Perang Dingin tidak semestinya keadaan yang negara ini ingin. Semua ini seharusnya menguatkan keyakinan bahawa walaupun globalisasi adalah realiti kini, tetapi ia perlu dilihat dengan penuh teliti, sangsi dan persepsi sendiri. Pendeknya, sistem global ini perlu diperbaiki.

Kerana itu, amat perlu ditonjolkan versi negara ini mengenai zaman ini dan zaman depan dunia. Kerana itu, negara ini harus menawarkan gagasan baru buat dunia, bermula dengan keyakinan mengenai *A New Deal for Asia* oleh Mahathir Mohamad: “*I do believe in globalisation and the liberalisation of trade...But surely the liberalisation and deregulation of national economies should not result in exposure to an anarchic world. If globalisation and open markets are to contribute to true growth and enrichment of people, there must be certain regulating mechanisms or laws for everyone to observe. Without these, the strong and the corrupt will rule and dominate and the sheer lust for money will be allowed to set the global economic agenda...Now is not the time for recriminations, but to reexamine the way our global economic functions.*”

Kerana itu, belia dan seluruh rakyat perlu turut berani dan dengan artikulatif perlu *compliment* usaha-usaha kerajaan dalam memperjuangkan dan menegakkan suatu kontrak sosial peringkat dunia yang baru yang benar-benar membolehkan setiap warganya menikmati kehidupan dan kebahagiaan secara *commonwealth* dan *commonwell*.

#### 5.4 Beberapa catatan

Apabila membicarakan mengenai governans baru, perwakilan belia/masyarakat sivil dan penghakupayaan, matlamatnya bukan untuk menggantikan sesiapa, bukan untuk merebut kuasa, bukan untuk mengurangkan kuasa sesiapa, bukan untuk menambahkan kuasa belia, bukan untuk apa-apa agenda tersembunyi. Matlamat belia hanya mahu bersama dengan semua pihak, sebagai rakan pembangunan, sebagai rakan perundingan, sebagai rakan *musyawarah*, demi kemakmuran dan kebahagiaan semua, agar semua akan mendapat lebih banyak rahmat, nikmat dan manfaat, agar semua akan dapat lebih bersyukur dan lebih berterima kasih.

Sebenarnya, governans, masyarakat sivil, perwakilan dan penghakupayaan bukan menjadi matlamat. Semua ini hanyalah alat untuk mencapai matlamat. Matlamat yang hendak dicapai ialah peningkatan kualiti hidup untuk kebahagiaan yang hakiki lagi murni.

Memang wujud beberapa pandangan serong terhadap perbincangan ini. Ada yang menuduh bahawa semua ini adalah konsep barat. Tuduhan ini tidak berasas.

Governans adalah berasaskan prinsip bekerjasama, perkongsian, sinergi, *interface*, perundingan dan *musyawarah*. Ia adalah konsep yang sejagat. Istilah-istilah yang dipinjam dari bahasa Inggeris adalah secara kebetulan sahaja. Dari satu segi, ialah kerana kurang menguasai bahasa antarabangsa lain. Dari segi yang lain, ialah kerana bahasa-bahasa lain kurang berkembang korpus dan istilahnya dalam disiplin yang dibincangkan ini.

Jikapun ada kebenaran yang konsep ini berasal dari barat, maka dengan penuh kesedaran ia tidak diterima secara mentah-mentah atau bulat-bulat. Sebagaimana

makna demokrasi dan kerajaan moden telah ditapis, istilah-istilah yang digunakan ini juga ditapis supaya maknanya tidak tergelincir lalu tercicir dari warisan dan wawasan negara.

Tetapi, sebenarnya, konsep-konsep ini tidaklah asing daripada tradisi bangsa sebelah sini. Ia wujud dalam tradisi bangsa sebelah sini. Malah ia berasal daripada tradisi di sini. Idea-idea ini telah lahir dalam tradisi sini lebih awal daripada Locke dan Rousseau. Masalahnya ialah yang di sini yang malas berfikir.

Perlu juga diinsafi akan dinamika perkembangan dunia hari ini yang menyebabkan kedudukan dan peranan *state*, perniagaan dan masyarakat sivil, hatta governans itu sendiri, akan sentiasa berubah-ubah. Tetapi, perlu juga diinsafi, bahawa manusia juga boleh dan berkuasa menentukan perubahan itu sendiri.

Yang penting ialah untuk melihat governans baru sebagai pendekatan baru sistem berkerajaan di negara ini. Ini bukan disebabkan sistem yang sedia ada mempunyai banyak kelemahan. Tetapi, ini adalah kerana idealisme belia yang sentiasa mencari penembusan dan pendekatan baru yang lebih baik, yang dapat menuiklkan kualiti hidup yang lebih baik, dan yang dapat mengukirkan kebahagiaan yang lebih baik. Sebaliknya, janganlah kerana ketakutan melulu atau kedangkalan ilmu, maka ada yang terlalu menjaga pintu dan menuduh apa-apa yang baru yang ia tidak tahu sebagai berhantu.

## 6. PENUTUP

Negara ini tidak kurang dengan matlamat dan dasar mengenai pembinaan bangsa. Bahkan, negara ini mempunyai matlamat jangka panjang yang cukup berwawasan. Manakala dasar-dasarnya amat mendalam dan cukup bergagasan. Tetapi, walaupun matlamat itu telah diterimakan dan selalu diungkapkan dalam banyak forum, persoalannya, selain pemimpin utama negara, sejauhmanakah ia benar-benar difahami dan dihayati? Manakala, dari segi dasar pula, sejauhmanakah mereka bercakap antara satu dengan lain?

Yang diperlukan sebenarnya ialah pendekatan baru dalam proses pembinaan bangsa Malaysia. Memanglah ini adalah kerja yang susah. Yang biasa, dan kerana itu ia adalah mudah, ialah meneruskan sahaja apa-apa pendekatan yang sedia ada, walaupun ia telah dimakan usia.

Sebenarnya pendekatan baru tidak diperlukan sekiranya belia dan suasana zaman ini masih sama dengan belia dan suasana 40 tahun dahulu. Tetapi, hakikatnya belia dan suasana zaman ini amat berbeza dengan zaman dahulu. Zaman depan akan berbeza lagi.

Kerana itu, perkara ini perlu diambil perhatian utama. Jika tidak, akan sampai masanya di mana jurang antara pendekatan yang dilaksanakan dengan belia dan suasana adalah melaut. Pada masa itu, belia dan suasana akan melihat pendekatan itu dengan meluat. Jika ini berlaku, seluruh matlamat dan proses pembinaan bangsa akan binasa, dan jiwa merdeka akan terluka.

Majlis Belia Malaysia  
Kuala Lumpur  
3 Ogos 2000



## **'Perkembangan Ekonomi dan Sektor Kewangan**

**— Antara Cabaran dan Harapan'**

**oleh**

**(Dr. Sulaiman Mahbob)\***

### **Pendahuluan**

Proses pembinaan negara atau 'nation building' menjangkau segenap aspek kehidupan harian kita semua, - bidang politik, sosial, keselamatan dan ekonomi serta juga bidang perhubungan antarabangsa. Proses ini menjadi lebih mencabar di negara kita, disebabkan terdapatnya corak kaum, budaya dan agama yang berbeza, khususnya di peringkat awal kita merdeka. Cabaran ini telah dihadapi menerusi pendekatan yang positif dan terbuka dengan menjadikan perbezaan ini sebagai satu asset dan bukan satu sumber kelemahan atau 'liability'. Pendekatan ini, yang diolah oleh pemimpin-pemimpin negara dan disesuaikan dari masa ke semasa, telah berjaya membina Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang maju, makmur dan dihormati, serta ekonominya moden dan berasas luas.

### **Struktur Ekonomi dan Sosial Semasa Kemerdekaan**

Setelah kegemilangan Kerajaan Melaka mula pudar pada tahun 1511, pengaruh penajah seperti Portugis, Belanda dan kemudiannya British,

---

\* Dr. Sulaiman ialah Ketua Urusetia MTEN dan Pegawai Khas kepada YB. Menteri Tugas-tugas Khas.

meningkat tetapi mula memalapkan kegiatan perdagangan di ramau Semenanjung Tanah Melayu. Seterusnya, sedikit demi sedikit ekonomi Semenanjung menjadi terjalin dan terikat kepada pertalian ekonomi kolonial antarabangsa. Di bawah pertalian ini, ekonomi jajahan diterokai dan dimajukan sebagai pusat pembekal bahan-bahan mentah dan sumber-sumber asli kepada kuasa-kuasa penjajah, khususnya di Eropah Barat dan juga untuk menjadi pasaran kepada keluaran industri mereka. Dalam kajian-kajian yang menggunakan pendekatan ‘world system’ kuasa-kuasa penjajah ini disebut ‘core’ manakala kawasan-kawasan jajahan disebut sebagai ‘periphery’. Dalam konteks ini Semenanjung Tanah Melayu merupakan ‘periphery’ kepada Britain, kerana peranannya sebagai pembekal getah asli dan bijih timah untuk dieksport ke Britain. Tanah Melayu telah dijajah dan ditadbir untuk memainkan peranan sebegitu rupa.

Di ambang kemerdekaan pada tahun 1957, Semenanjung Malaysia, atau Persekutuan Tanah Melayu ketika itu, mewarisi struktur ekonomi yang hanya sesuai sebagai pembekal bahan mentah untuk negara-negara maju di Eropah Barat. Justeru itu segala pelaburan fizikal dan sosial yang dibina oleh Kerajaan Penjajah, telah dirancang sedemikian untuk mewujudkan satu sistem pengurusan di mana negeri terjajah memainkan peranan sebagai pembekal bahan mentah (dalam konteks kita getah dan bijih timah). Untuk menjayakan sistem ini, maka segala sistem infrastruktur seperti jalanraya, pelabuhan dan keretapi, serta proses pembandaran dan sistem pentadbiran, adalah dimajukan supaya pertalian antara ‘core’ dan ‘periphery’ ini terus berakar-umbi.

Sistem ini pula, kemudiannya telah mewujudkan struktur sosial yang banyak berbeza dan tidak berpadu. Rakyat Melayu dan Bumiputra tinggal di luar bandar sebagai petani, manakala kaum Cina tinggal di bandar sebagai peniaga dan pedagang, manakala kaum India pula tinggal sebagai buruh di estet dan ladang serta perumahan keretapi. Keadaan ini selaras dengan falsafah ‘divide and rule’ pihak penjajah.

Justeru itu, jurang perbezaan ekonomi dan mutu hidup antara-kaum menjadi luar dan ketara. Dari segi pendapatan dan penguasaankekayaan (wealth), suasana yang terdapat ketika itu menyukarkan kaum Bumiputra untuk maju ke hadapan kerana mereka terlibat dalam sektor yang rendah produktivitinya seperti tanaman padi semusim, berkebun kecil, dan menangkap ikan di tepian pantai, di samping mempunyai tahap pendidikan dan kesihatan, yang jauh rendah dari pencapaian kaum di bandar.

Secara ringkasnya sistem ekonomi kolonial ini adalah berteraskan pengeluaran barang mentah dan sistem pendudukan yang berasingan, yang telah mewujudkan tahap ekonomi kaum Bumiputra jauh lebih rendah dari kaum lain.

Apabila negara mencapai kemerdekaan, dasar perancangan ekonomi mula memberi perhatian kepada pembangunan atas luar bandar menerusi program seperti jalan kampung, surau, balai raya. Namun demikian, dalam masa yang sama, kedudukan Darurat (1948-60) masih wujud yang menyebabkan lebih perhatian juga dijuruskan kepada isu keselamatan negara. Berikutnya dari pembentukan Malaysia (1963) serta tindakan

mengatasi ancaman Konfrontasi Indonesia (1963/64), perhatian yang lebih dari Kerajaan terus diperlukan bagi mengukuhkan keselamatan negara.

Selepas tamatnya Konfrontasi Indonesia pada tahun 1964, Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia (1965 – 1970) yang pertama telah digubal dan dilaksanakan. Namun demikian, peristiwa 13 Mei 1969 sekali lagi menggugat keselamatan negara, dan peristiwa ini mewujudkan isu kestabilan sosial dan perpaduan negara sebagai isu penting jangka panjang. Post-mortem kepada peristiwa ini menitikberatkan isu perbezaan ekonomi antara kaum sebagai punca segala-galanya dan perlu diatasi dengan tegas.

### **Dasar Ekonomi Baru (1971-90) dan Selepasnya**

Perbezaan ekonomi menjadi elemen penting dalam usaha menangani isu perhubungan kaum. Perbezaan ekonomi antara kaum yang ketara dianggap punca asas dan utama pergeseran kaum di negara ini pada tahun 1969. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dirangka pada tahun 1970/71, bertujuan mencapai perpaduan negara menerusi dua langkah -- pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat untuk mengurang dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut lunas kegiatan dan fungsi ekonomi. Selepas 13 tahun Merdeka, negara mempunyai perbezaan ekonomi antara kaum dan wilayah (luar bandar dan bandar) terus ketara. Kedudukan ini menyebabkan Kerajaan mengambil perhatian secara langsung untuk mencapai pertumbuhan yang juga menitikberatkan agihan pendapatan dan kekayaan. Dalam ertikata lain, dasar untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang juga menyumbang ke aras kesaksamaan (economic growth with

equity), menjadi tunjang dasar pembangunan ekonomi dan sosial negara seterusnya.

Dasar ini memberi penekanan kepada pembangunan berimbang yang dijangka boleh mengurangkan perbezaan ekonomi antara kaum, antara wilayah serta antara luar bandar dan bandar. Pendekatan ini memerlukan agar pihak yang berpendapatan rendah diberi peluang menyertai secara aktif dan langsung, dalam arus pembangunan negara menerusi program pembangunan tanah, pemodenan luar bandar, pembangunan bandar, perdagangan dan perindustrian serta pembangunan sumber tenaga manusia. Usaha ini diperkuatkan pula dengan program sosial seperti kesihatan, pendidikan, perumahan dan perkhidmatan awam seperti bekalan air dan elektrik.

Pembangunan ekonomi yang juga menitikberatkan kesejahteraan sosial telah berjaya meningkatkan pendapatan luar bandar, mengurangkan kadar kemiskinan dan mengurangkan perbezaan ekonomi antara wilayah. Di bawah DEB, ekonomi negara terus berkembang dengan pesat dan penyusunan semula masyarakat mula menunjukkan hasilnya dengan penguasaan pihak Bumiputra dalam hakmilik saham meningkat dari 2.4 peratus kepada 20.3 peratus dalam tempoh 20 tahun (1971-90), tetapi di bawah matlamat 30 peratus. Jumlah Bumiputra dalam beberapa bidang profesional seperti peguam, akauntan, arkitek dan doctor perubatan telah meningkat, walaupun perbezaan masih wujud.

Struktur ekonomi negara pula berubah dari struktur yang sangat bergantung kepada sector pertanian, kepada struktur yang lebih 'diversified' (berbagai)

di mana sektor pembuatan merupakan 27 peratus dari KDNK pada tahun 1990 berbanding dengan 13.9 pada tahun 1970. Industri elektrik dan bahan elektronik terus menjadi penting hingga menyumbang 57 peratus dari jumlah eksport negara. Sebaliknya sumbangan eksport sektor pertanian berkurangan dari 29 peratus kepada 18.7 peratus pada tahun 1990. Keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi sepanjang tahun 1971 – 1990 ialah 6.7 peratus setahun (selepas mengambil kira kemerosotan ekonomi -1 peratus pada tahun 1985). Bagi tempoh 1971 – 80 sahaja, ekonomi berjaya berkembang 7.5 peratus setahun.

Dari aspek kedudukan sosial pula jelas kelihatan terdapat pemberian dalam beberapa petunjuk kehidupan dan kesejahteraan hidup. Dalam tempoh 1970-1990, misalnya kadar kematian bayi berkurangan dari 39.4 bagi setiap 1,000 kelahiran, pada 13.0 bagi setiap 1,000 kelahiran, manakala jangka hayat (lelaki) meningkat dari 61.6 kepada 68.9 tahun, pengangguran berkurangan kepada 5.1 peratus dari 7.4 peratus, kadar kemiskinan turun kepada 17 peratus dari 49 peratus pada tahun 1970. Angkali Gini (sejenis penguruk perbezaan) untuk agihan pendapatan turun dari 0.513 pada tahun 1970 kepada 0.446 pada tahun 1990. Kegawatan yang baru melanda negara kita mungkin telah meningkatkan semula jurang perbezaan ekonomi antara kaum.

DEB telah berjaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan perbezaan ekonomi antara wilayah dan antara kaum sepanjang tempoh 1971 dan 1990. Dasar ini yang menitikberatkan kesaksamaan (growth and equity) tidak menghakis daya ekonomi untuk terus berkembang, malahan berjaya memberi faedah kepada semua kaum. Semua rakyat mendapat faedah dari

pelaksanaan DEB seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan pendapatan dan agihan hakmilik kekayaan bagi semua kaum dalam tempoh berkenaan. Oleh itu, pelaksanaan dasar DEB yang menitikberatkan agihan tidak bercanggah dengan hasrat dan matlamat pertumbuhan ekonomi.

**Jadual I**  
**Pendapatan Isi Rumah Mengikut Kaum**  
**(RM)**

	<u>1970</u>	<u>1990</u>	<u>1997</u>
Bumiputra	172	940	2038
Cina	394	1631	3737
India	304	1209	2896
Lain-lain	813	955	1680
-----	-----	-----	-----
Keseluruhan	264	1169	2606
-----	-----	-----	-----

- Sumber:
- 1) The Second Outline Perspective Plan (1991-2000)
  - 2) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)
  - 3) Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000

Selain daripada pencapaian di atas, iaitu pengurangan perbezaan ekonomi, DEB dan Dasar Pembangunan Negara (DPN) selepasnya, telah juga membantu proses mengubah struktur ekonomi negara. Sektor pembuatan

menjadi lebih penting dengan menyumbang 33 peratus dari KDNK berbanding dengan 13.9 peratus pada tahun 1970, manakala sektor pertanian pula berkurangan dari 29 peratus kepada 13.5 peratus. Eksport pembuatan juga merupakan sejumlah besar daripada jumlah eksport negara. Di samping itu sektor perkhidmatan terus bertambah moden manakala infrastruktur negara terus dipertingkatkan. Namun demikian, Malaysia terus bergantung kepada perkhidmatan-perkhidmatan asing, seperti pangangkutan dan pendidikan, untuk memenuhi keperluan dan kehendak ekonomi negara yang semakin 'diversified'. Kedudukan ini jelas kelihatan daripada defisit dalam akaun perkhidmatan dalamimbangan pembayaran negara (balance of payments).

**Jadual 2**  
**KDNK Mengikut Sektor**

**Bahagian Daripada KDNK**

<u>Sektor</u>	<u>1970</u>	<u>1990</u>	<u>1997</u>
Pertanian & Perhutanan	29.0	18.7	9.1
Perlombongan	13.7	9.7	7.3
Pembuatan	13.9	27.0	29.9
Pembinaan	3.8	3.5	4.8
Perkhidmatan	36.2	42.3	51.8
Cukai Import ditolak			
Faedah bank	3.4	-1.2	-2.9
KDNK	100	100	100

Keseluruhananya, dasar pembangunan ekonomi selepas DEB (bagi jangkamasa lepas 1990) yang ditujuk sebagai Dasar Pembangunan Negara (DEPAN), bagi jangkamasa selepas tahun 1990, terus menitikberatkan pembangunan berimbang yang tetap mengekalkan hasrat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, khususnya menerusi tindakan memusatkan pembangunan sumber tanaga manusia serta pembangunan keusahawanan di kalangan Bumiputra. Di bawah pelaksanaan DEPAN, ekonomi negara telah berkembang begitu pesat (8-9%) setahun dalam tempoh 1991-1997, khususnya selepas Kerajaan berjaya mengatasi kemelesetan ekonomi pada tahun 1985.

### **Krisis Ekonomi Tahun 1985 dan 1998**

Dalam tempoh selepas kemerdekaan negara telah dilanda oleh dua krisis ekonomi utama, pertama dalam tahun 1985 di mana sektor Kerajaan dan awam terjejas dengan ketara, dan kedua, kegawatan pada tahun 1998, yang telah menjelaskan sektor swasta dengan amat teruk. Kemelesetan pada tahun 1985 (KDNK -1%) yang disebabkan oleh kejatuhan harga-harga eksport dan kejatuhan hasil Kerajaan menyebabkan pihak Kerajaan mengambil langkah untuk memantapkan ekonomi negara, khususnya sektor awam, menerusi tindakan penyesuaian dasar berbentuk pengurangan perbelanjaan awam, perubahan kepada dasar percuakan, pelaksanaan dasar penswastaan, dasar perlonggaran (deregulation) dan liberalisasi, dan sebagainya. Sektor swasta telah diberi peranan jentera pertumbuhan ekonomi. Hasil dari langkah-langkah ini ialah ekonomi negara mencatat pertumbuhan yang sangat pesat (8-9% setahun) selama hampir 10 tahun

(1988 hingga 1997) dengan keadaan inflasi terkawal dan paras gunatenaga penuh.

Sebaliknya pula kegawatan ekonomi ada tahun 1998 (KDNK -7.5%) dan awal 1999, telah menjaskan sektor swasta terutamanya. Ini disebabkan oleh aliran keluar modal jangka pendek secara mendadak, serangan ke atas matawang ringgit, dan kelebihan pelaburan dalam sektor hartanah yang akhirnya menjelas sektor perbankan menerusi kesan peningkatan 'non-performing loans'. Peranan kumpulan pedagang matawang yang menyerang matawang rantau ini pun juga terlibat. Akibatnya terdapat hakisan kepercayaan kepada pasaran saham dan pelaburan di kalangan pelabur. Wang mengalir keluar dan harga asset berkurangan dengan pantas.

Kerajaan menerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), terpaksa mengambil langkah tegas untuk melindung negara dari spekulasi antarabangsa terhadap matawang oleh pedagang-pedagang matawang pada bulan September 1998. Tindakan kawalan modal terpilih, penetapan nilai (pegging) ringgit pada kadar RM3.80 = 1USD, dan penamatian 'international convertability' matawang RM dilaksanakan dengan tujuan untuk melindungi negara dari kegiatan serangan pedagang matawang dan spekulasi terhadap ringgit. Tindakan ini telah mengembalikan kestabilan kepada ekonomi negara.

Langkah yang luar biasa ini terpaksa diambil untuk mengembalikan kebebasan dasar kewangan negara serta mengurangkan pengaruh perdagangan dan spekulasi matawang antarabangsa. Ia juga memberi peluang kepada usaha kita untuk memulihkan ekonomi supaya berkesan,

tanpa digugat oleh unsur-unsur tersebut. Secara langsung ia membolehkan peniaga dan pengusaha kita membuat perancangan perniagaan dan pelaburan tanpa wujudnya ketidak-tentuan dalam nilai matawang Ringgit. Tindakan ini amatlah penting memandangkan eksport dan import merupakan sebahagian besar dalam kegiatan ekonomi negara kita.

Dasar pemulihan negara, iaitu Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN), telah dirangka untuk mempertahankan mutu hidup dan kesejahteraan rakyat dari kesan buruk krisis kewangan serantau yang muncul dari sistem ekonomi antarabangsa yang kurang prihatin kepada kepentingan ekonomi negara membangun dan yang baru muncul, seperti negara-negara di Asia Timur. Dasar pemulihan kita berbeza dengan kaedah Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) yang mencadangkan peningkatan kadar faedah, dasar kewangan yang ketat dan pengurangan perbelanjaan awam. Sebaliknya dasar pemulihan Kerajaan mencadangkan usaha meningkatkan perbelanjaan awam dan memudahkan dasar kewangan, menerusi kadar faedah yang rendah dan meningkatkan kemudahan peminjaman.

Oleh kerana kegawatan ini menjelaskan sektor kewangan dan perbankan, maka Kerajaan telah mewujudkan tiga institusi iaitu Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Menyusun Semula Hutang Korporat (CDRC). Danaharta diwujudkan bagi mengatasi masalah hutang tidak berbayar (NPL), Danamodal ditugaskan untuk menyuntik modal ke dalam bank-bank yang terjejas oleh kegawatan, manakala CDRC diwujudkan untuk membantu penyusunan semula hutang korporat. Hasil dari kegiatan institusi-institusi ini membantu mengurangkan NPL, meningkatkan nisbah kecukupan modal, dan menyusun semula banyak hutang-hutang korporat. Penubuhan institusi-

institusi ini merupakan kaedah negara mengatasi masalah berkenaan, berbeza dari pendekatan IMF yang melibatkan penjualan aset-aset negara.

Pendekatan kita yang berbeza dengan cara IMF telah membantu kepada pemulihan ekonomi sebenar yang cepat. Pertumbuhan ekonomi menjadi positif bagi lima suku tahunan berturut-turut. Bagi tahun 1999, KDNK meningkat 5.8%, manakala bagi enam bulan pertama 2000, ianya meningkat 10.3%. Malaysia telah dapat mencapai pemulihan ini dalam keadaan inflasi yang terkawal serta tanpa pergeseran sosial, berbanding negara-negara jiran yang menggunakan kaedah pemulihan IMF.

Walaupun begitu, kegawatan yang baru lalu ini menunjukkan beberapa aspek pengurusan ekonomi negara yang perlu diperkuatkan. Pertama, keperluan meningkatkan pengawalan sektor perbankan dan kewangan, dan sektor harta tanah, yang sangat terjejas oleh kegawatan itu. Bank-bank banyak memberi pinjaman, khususnya kepada sektor harta tanah, sehingga terdapat lebihan kapasiti yang ketara dalam sektor berkenaan. Pada bulan Disember 1999, sejumlah RM29 ribu juta harta tanah belum terjual. Ini tidak meliputi harta tanah yang telah dijual tetapi belum disewa. Kedua, industri kewangan perlu diperkuatkan lagi dengan penyediaan satu pelan induk mengenai pembangunan sektor perbankan. Ketiga, satu pelan mengenai kemajuan pasaran modal sedang juga disediakan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti bagi mengukuhkan pasaran modal di negara ini.

Di samping itu, Kerajaan telahpun menetapkan beberapa langkah untuk memantapkan sektor kewangan negara yang meliputi sektor perbankan, insurans dan 'stockbroking'. Dasar untuk menggalakkan penggabungan

institusi kewangan adalah bertujuan untuk mengukuhkan sektor kewangan agar berdayasaing dan tangkas bagi menangani cabaran globalisasi dan perdagangan perkhidmatan antarabangsa, serta desakan pembukaan pasaran kepada penyertaan kepentingan asing kepada tahap yang lebih tinggi.

Dalam masa yang sama, sektor kewangan perlu meningkatkan keupayaan menangani isu pengurusan risiko, khususnya yang berkaitan dengan keupayaan peminjaman dan aliran modal jangka pendek. Dalam konteks ini juga, pihak Kerajaan menggalakkan pembangunan pasaran bon di negara ini agar sektor swasta boleh juga mendapatkan pembiayaan modal dari sumber bukan sektor perbankan. Tanda-tanda awal ke arah ini menunjukkan trend yang positif.

### **Ke arah Masa Hadapan**

Negara sedang memasuki alaf baru yang penuh cabaran. Ciri-ciri utama ekonomi dunia dijangka berkait rapat dengan proses globalisasi dan persaingan dalam perdagangan antarabangsa serta ketangkasan pengaruh teknologi, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi. Negara yang hendak berjaya perlu bersedia menghadapi dan berupaya menangani cabaran-cabaran ini. Oleh itu, persediaan kita untuk mengambil faedah dari globalisasi atau mengurangkan kesan negatifnya adalah amat penting.

Dalam konteks ini negara telah menggariskan arah tujuan jangka panjang yang berteraskan satu wawasan. Gagasan Wawasan 2020 yang diutarakan oleh YAB. Perdana Menteri pada awal 1991, meletakkan landasan yang tepat bagaimana negara ingin menjurus ke arah sebuah negara maju, bebas

dan berteknologi tinggi, serta mempunyai dayasaing k-ekonomi dan ketangkasan untuk berhadapan dengan cabaran dari arus globalisasi dan perdagangan antarabangsa yang penuh dengan persaingan.

Untuk tujuan ini ekonomi negara – institusi, sistem pengeluaran dan fungsi kawalan dan pemantauan serta tenaga kerja kita, perlu dimantapkan, disesuaikan dan dikemaskinikan untuk berhadapan dengan harapan dan cabaran yang wujud dan yang akan muncul di masa hadapan. Penyesuaian ke arah ini menjadi mendesak dengan adanya perubahan pesat dalam teknologi, khususnya akibat dari ledakan teknologi maklumat, dan sistem komunikasi serta juga perubahan dalam kuasa pasaran.

Sektor kewangan pula perlu menjadi lebih mantap dan cekap untuk menghadapi persaingan antarabangsa. Sistem kewangan kita bukan sahaja berteraskan pembangunan institusi kewangan tetapi juga pertumbuhan pasaran modal untuk membantu membiayai pembangunan negara. Institusi kewangan kita perlu cekap dan bersifat global. Ini dijangka tercapai dengan adanya dasar penggabungan institusi perbankan negara. Kajian-kajian yang sedang dibuat mengenai pasaran modal dan Pelan Induk Institusi Perbankan akan memberi input kepada kemajuan ke arah ini. Di samping itu, dalam institusi perbankan pula, keupayaan dan kecekapan dalam mengurus risiko adalah amat penting. Justeru itu tahap profesionalisma kakitangan perbankan dan kewangan hendaklah terus dimajukan bagi menemui keperluan dan cabaran sektor perbankan dan kewangan di masa hadapan.

Malaysia terpaksa terus memberi perhatian dalam beberapa bidang dasar penting bagi bersedia menghadapi tuntutan-tuntutan di atas. Pertama, dalam

usaha meneroka bidang-bidang ekonomi baru sebagai sumber pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang selaras dengan perubahan 'factor endowment' negara ini, seperti kekurangan buruh dan peningkatan kos buruh, dan sebagainya. Kedua, terus meningkatkan dayasaing negara untuk menghadapi persaingan sengit di masa hadapan dalam bidang-bidang kemahiran, kos daya pengeluaran serta kecekapan sektor perkhidmatan. Ketiga, usaha meningkatkan daya 'productivity' faktor-faktor pengeluaran atau 'Total Factor Productivity (TFP)' bagi membolehkan pendapatan per kapita dan tahap mutu hidup terus meningkat menerusi peningkatan kecekapan. TFP kita masih jauh di belakang Taiwan dan Korea dan Germany. Keempat, meningkatkan penyerapan teknologi dan amalan pengurusan yang cekap dan baik dalam segenap kegiatan ekonomi, seperti bidang pembuatan, serta bidang tradisional, seperti pertanian dan industri kecil. Kelima, mewujudkan pengurusan sumber tenaga kerja yang cekap dan terlatih serta berupaya menggunakan teknologi semasa khususnya IT. Keenam, mengukuhkan sektor perkhidmatan dan sistem pengurusan bagi membolehkan sektor swasta bersaing di peringkat antarabangsa serta tangkas membuat penyesuaian kepada trend-trend baru, seperti percantuman syarikat-syarikat besar.

Inisiatif dalam perkara di atas menjadi lebih penting dengan pelaksanaan AFTA dan kemungkinan kemasukan China dalam WTO, serta termunculnya ekonomi baru (new economy) yang akan menitikberatkan aspek perkhidmatan, teknologi maklumat dan pengetahuan serta perluasan dalam penggunaan E-dagang. Apa yang disebutkan sebagai K-ekonomi atau ekonomi baru berasaskan pengetahuan dan maklumat akan memaksa kita semua untuk membuat penyesuaian dalam sistem pengeluaran dan operasi

setiap individu, pekerja dan organisasi, supaya kita dapat mengekalkan 'niche' kita di pasaran atau membuat penyesuaian, di samping menerokai peluang-peluang baru.

Pihak Kerajaan telahpun meletakkan landasan kepada pelaksanaan beberapa langkah ke arah mencapai tujuan di atas. Ini termasuk usaha mengadakan Multimedia Supercorridor (MSC), Cyberjaya, penggalakkan penggunaan dan peluasan teknologi maklumat ke seluruh negara, sistem memperbaiki pengurusan produktiviti (TQM, ISO 9000, Pelan Induk Industri Kedua dan sebagainya), mengadakan beberapa tabung pendidikan tinggi serta latihan kemahiran (HRDF) dan penggalakkan penyelidikan (IRPA). Pihak Kerajaan juga sedang menyediakan laporan kajian mengenai K-ekonomi sebagai asas perancangan di masa hadapan. Namun demikian, usaha ke arah meningkatkan penyusunan semula dan kecekapan di kalangan sektor swasta perlu dipergiatkan. Selepas negara mengharungi kegawatan ekonomi dan krisis kewangan yang ketara baru-baru ini, respon-respon tegas dan berani ke arah-arah ini adalah kritikal dan mendesak.

Dengan keadaan dan perspektif ini maka dua golongan perlu peka kepada cabaran-cabaran di atas. Pertama, ialah cabaran kepada generasi dan tenaga kerja muda untuk menyiapkan diri dengan kemahiran teknikal dan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan kehendak pasaran dan global serta perubahan teknologi. Kedua, ialah keseluruhan sektor swasta untuk bersedia menyesuaikan pengurusan dan orientasinya untuk berdepan dengan keadaan ekonomi yang memerlukan keterbukaan, persaingan dan perubahan yang pantas. Begitu juga dengan sektor awam serta jentera pelaksanaannya. Ini amat perlu untuk meningkatkan keseluruhan keupayaan negara menangani

perubahan dan membuat penyesuaian dalam alaf baru dalam bidang ekonomi, kewangan dan perdagangan antarabangsa.

## Rumusan

Setelah Merdeka pada tahun 1957, teras pembangunan ekonomi negara berubah bagi diselaraskan dengan perubahan dan harapan sosial dan politik negara. Pada awalnya pembangunan luar bandar untuk projek asasi dipergiatkan. Seterusnya dalam dekad tujuh-puluhan hingga tahun 1990, perbezaan ekonomi antara kaum dan wilayah mendapat tempat yang lebih penting dalam penggubalan dasar, samada dasar ekonomi atau sosial negara. Pembangunan di bawah DEB, yang menitikberatkan kesaksamaan (equity) menjadi teras pembangunan selepas itu. Teras ini telah disesuaikan dari semasa ke semasa disebabkan berlakunya kemelesetan pada tahun 1985 dan krisis kewangan pada tahun 1998 bagi meletakkan ekonomi negara di atas landasan pertumbuhan yang kukuh. Teras pertumbuhan yang saksama ini dijangka terus dikekalkan di masa hadapan.

Kegawatan ekonomi dalam tahun 1998, akibat krisis kewangan serantau pada tahun 1997 dan 1998, mendesak kita supaya lebih berwaspada dan proaktif kepada isu globalisasi dan perdagangan antarabangsa khususnya pergerakan modal jangka pendek yang tidak terkawal dan tulus. Dalam konteks ini sektor kewangan perlu diperkuatkan lagi bagi menangani isu pengurusan risiko dan tekanan antarabangsa untuk melonggarkan sector perkhidmatan kewangan di masa hadapan.

Dalam konteks ini, Malaysia mesti terus memberi perhatian kepada usaha dan dasar untuk meningkatkan dayasaing dan daya pengeluaran negara, khususnya pihak korporat dan sektor awam, serta mutu, kepakaran dan kemahiran sumber tenaga manusianya, bagi menghadapi arus globalisasi yang semakin deras, dan persaingan antarabangsa yang sengit. Peralihan ke arah K-ekonomi yang berteraskan kepada pengetahuan dan maklumat memerlukan tenaga kerja kita yang muda, lebih terbuka dan bersedia untuk menggunakan teknologi maklumat dengan cara yang lebih produktif.

Sekian, terima kasih.

12 September 2000.

## **CABARAN DAN HARAPAN MASA DEPAN SEKTOR PERIKANAN DI MALAYSIA**

*Oleh*

**Prof.Dr. Mohammad Raduan bin Mohd Ariff**  
**Jabatan Pengajian Asia Tenggara**  
**Fakulti Sastera dan Sains Sosial**  
**Universiti Malaya**  
**KUALA LUMPUR**

## **Cabaran dan Harapan Masa Depan Sektor Perikanan di Malaysia**

### **1.0 Pengenalan**

Perusahaan perikanan memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia dari sumbangannya sebagai sumber protein utama untuk makanan rakyat, sumber pekerjaan dan pertukaran wang asing. Ianya juga menjadi sumber protein yang paling murah dan menyumbangkan hampir dua pertiga daripada keperluan bahan protein bagi penduduk Malaysia. Sektor perikanan telah memberi pekerjaan secara langsung kepada 78,989 orang nelayan dan 19,717 orang penternak ikan yakni 4.2 peratus daripada jumlah tenaga kerja aktif dalam sektor pertanian atau 1.1 peratus daripada gunatenaga seluruh negara. Sektor ini telah mengeksport ikan bermilai RM892.2 juta dalam tahun 1997. Sektor ini telah menyumbangkan 1.57% kepada KDNK.

Pada tahun 1997 jumlah pengeluaran daripada sektor perikanan adalah sebanyak 1,280,907 tan metrik bermilai RM4.35 bilion. Mengikut sektor, perikanan marin menyumbangkan 91% daripada pengeluaran ikan negara iaitu sebanyak 1,168,973 tan metrik bermilai RM3.68 bilion. Di sektor ini, perikanan pantai masih kekal sebagai penyumbang utama dengan pengeluaran sebanyak 1,037,887 tan metrik bermilai RM3.31 bilion. Sektor perikanan laut dalam, yang belum mencapai potensi maksimum menyumbang 10.2% iaitu sebanyak 131,086 tan metrik bermilai RM365 juta. Sektor akuakultur telah mencatatkan pengeluaran sebanyak 107,984 tan metrik menyumbangkan kira-kira 8.4% kepada jumlah pengeluaran ikan. Sementara itu sektor perikanan darat tetap mencatatkan pengeluaran yang rendah iaitu hanya 3,950 tan metrik (0.31% daripada jumlah pengeluaran ikan).<sup>1</sup>

Aliran dan jumlah pendaratan serta penternakan perikanan tahunan telah meningkat sejak empat dekad yang lalu. Mengikut laporan Jabatan Perikanan, kadar peningkatan yang pesat ini disebabkan oleh peningkatan yang pesat dalam daya usaha menangkap ikan. Ini boleh dilihat dalam pertambahan bilangan bot-bot menangkap ikan yang berjentera, khususnya pukat tunda. Penggunaan bot-bot nelayan yang lebih besar dan baik, yang dapat menangkap ikan dalam masa yang lebih panjang dan juga masa memukat yang lebih lama sekarang ini telah juga bertambah bilangannya.

Pengeluaran ikan negara telah mengalami pertambahan daripada 294,296 tan metrik bernilai RM170.9 juta pada tahun 1970<sup>2</sup> kepada 1,003,610 tan metrik bernilai RM2,094 juta pada tahun 1990. Pertambahan seterusnya mencapai kepada 1,280,907 tan metrik bernilai RM4.35 bilion pada tahun 1997 iaitu lebih kurang 1.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau 10.3 peratus KDNK seluruh sektor pertanian.

Peningkatan pengeluaran ikan negara adalah disumbangkan oleh pertambahan dalam pengeluaran perikanan laut dalam dan akuakultur. Sementara itu, pengeluaran perikanan pantai terus stabil. Pendaratan ikan oleh vesel-vesel laut dalam telah meningkat daripada 53,313 tan metrik dengan nilai anggaran RM53 juta pada tahun 1988 kepada 131,086 tan metrik bernilai RM365 juta pada tahun 1997.

Sektor perikanan telah berjaya meningkatkan sumbangannya kepada eksport negara. Dalam tahun 1994, eksport barang perikanan adalah dianggarkan sebanyak 218,030 tan yang bernilai RM847 juta, iaitu sebanyak 0.7 peratus daripada jumlah nilai eksport negara. Di samping itu, Malaysia mempunyai lebihan dagangan sebanyak RM86 juta. Import ikan adalah

dianggarkan sebanyak 288,135 tan dengan nilai RM761 juta.<sup>3</sup>

Walaupun kadar kemiskinan di kalangan nelayan telah berjaya diturunkan namun masih ramai nelayan yang miskin khususnya nelayan tradisi. Adalah didapati kadar kemiskinan telah menurun daripada 73.2 peratus dalam tahun 1970 kepada 45.3% dalam tahun 1980,<sup>4</sup> dan kemudian menurun lagi kepada 24.5 peratus dalam tahun 1987. Pada tahun 1992, kadar kemiskinan di kalangan nelayan telah menurun kepada 17.9 peratus.<sup>5</sup>

Walaupun aliran pendaratan dan penternakan perikanan tahunan meningkat sejak 40 tahun yang lalu, tetapi sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pendaratan yang dihasilkan menunjukkan satu kadar pengembangan yang rendah dalam perusahaan perikanan. Ini disebabkan oleh kemerosotan sumber-sumber ikan akibat eksplotasi yang berlebihan terutama sekali di Selat Melaka. Keadaan ini menjadi bertambah buruk lagi dengan adanya kegiatan pukat-pukat tunda di kawasan perairan 12 batu dari pantai, menyebabkan kawasan-kawasan pembiakan ikan semulajadi binasa.

## 2.0 Cabaran Perusahaan Perikanan Semasa

1. Sumber di Pantai Barat Semenanjung Malaysia telahpun dieksplotasi pada tahap yang maksimum atau dengan kata lain telah dieksplotasi dengan berlebihan (over exploited). Pendaratan yang dibuat telah melebihi Had Maksima Daya Pengeluarannya (Maximum Sustainable Yield)<sup>6</sup> Ini bermakna, sebarang penambahan daya usaha menangkap ikan tidak akan memberi hasil pulangan yang lumayan malah boleh memusnahkan sumber tersebut. Walaupun pertambahan jumlah tangkapan pesat setiap tahun, tetapi pada hakikat sebenarnya pertambahan yang pesat hanya berlaku bagi ikan baja

sahaja, sedangkan ikan dagangan menunjukkan kadar pertambahan yang lembap.

2. Sebenarnya, sumber-sumber perikanan di pesisiran pantai negara ini sedang tertakluk kepada tekanan-tekanan yang hebat, baik dari segi "eksploitasi yang berlebihan" mahupun dari segi keadaan dalam sekitar air yang kian memburuk keadaanya. Terdapat banyak faktor yang bertanggungjawab menyebabkan berlakunya pencemaran air di negara ini. Antaranya disebabkan oleh beban mendapan akibat daripada usaha-usaha memajukan tanah dan operasi-operasi perlombongan; beban organan yang dihasilkan oleh operasi pembentungan najis-najis binatang dan lebihan dari operasi pertanian serta lebihan dari rumah-rumah; beban nutrient; racun serangga; hidrokarbon petroleum akibat dari tumpahan minyak yang tidak disengajakan dan buangan-buangan minyak dari kapal-kapal yang belayar di laut dan lain-lain bahan pencemaran, yang mengandungi logam-logam berat yang dibuang.

Sebab-sebab pencemaran di atas telah memberikan kesan buruk kepada alam sekitar dalam berbagai-bagai bentuk. Pertama, mendapan yang terapung akan mengakibatkan penerobosan cahaya matahari terhad dan seterusnya menghalang proses pengeluaran asas pusingan hayat ikan. Kedua, buangan-buangan organan dan nutrient yang berlebihan juga akan menyebabkan *eutrophication* kepada air dan seterusnya mengakibatkan kemerosotan kandungan oksigen, dan ini boleh membawa ke arah kematian hidupan secara banyak.

Bahan-bahan pencuci dan pembersih cat pada umumnya boleh memabukkan penghidupan air. Sementara itu arus dan buakan air panas

menyebabkan kematian, terutama di perairan tropika di mana banyak organisme hidup di paras atas ketahanan suhu. Pertambahan yang sedikit kepada suhu air boleh menyebabkan kematian. Sebagai contoh, suhu kritisikal atau bahaya bagi udang laut ialah 32°C.

Fenomena *red tide* yang disebabkan oleh pembentukan nutrien luar biasa dan oleh mercuman plankton mengenakan permintaan yang berlebihan terhadap kandungan oksigen di dalam air. Akibatnya adalah sama ada ikan-ikan akan mati atau akan lari ke kawasan-kawasan yang lebih selamat. Fenomena ini telah terjadi buat pertama kalinya di perairan Malaysia dari bulan Januari hingga ke bulan Mac tahun 1976. Kejadian ini berlaku di perairan Sabah di mana ikan-ikan mati telah dilaporkan, mungkin disebabkan oleh radun yang dihasilkan oleh *dinoflagellate, pyrédinium bahamense*. Fenomena yang serupa juga telah berlaku di perairan Pulau Pinang dalam bulan Ogos dan November 1978, tetapi di peringkat yang agak kecil sahaja; ini juga dipercayai telah disebabkan oleh *dinoflagellate, noctiluca scintillans*.<sup>7</sup>

3. Sejak dua dekad kebelakangan ini banyak pihak telah mementingkan pembangunan industri pelancongan. Banyak pusat pelancongan dan industri yang berhubungan dengannya telah dibangunkan di kawasan pantai dan pulau-pulau indah di negara ini. Pembangunan yang tidak mengambil kira kesan terhadap alam sekitar telah memberi kesan buruk kepada industri perikanan. Umpamanya, sikap pelancung-pelancung yang tidak bertanggung-jawab membuang sampah ke dalam laut telah menyebabkan banyak penyu yang mati kerana termakan plastik yang dibuang. Selain daripada itu cahaya lampu berkuasa tinggi di hotel-hotel tepi pantai telah menganggu suasana pembiakan dan pembesaran ikan dan hidupan marin yang lain.

4. Menurut FAO pengeluaran ikan dunia pada tahun 2000 berjumlah 95 juta tan. Daripada jumlah tersebut 32.2% akan didararkan oleh negara-negara Asia. Negara-negara Eropah dan Amerika Utara yang merupakan pengguna utama ikan dan hasil perikanan dunia terus memperlihatkan keluaran yang berkurangan, sekarang ini sangat bergantung kepada keluaran negara-negara sedang membangun khususnya dari Asia. Jumlah pendaratan ikan dunia masa kini tidak dapat menampung permintaan ikan dunia. Keadaan bertambah buruk lagi apabila sebahagian daripada ikan-ikan tersebut tidak digunakan secara segar tetapi diproses untuk dijadikan bahan-bahan bukan makanan.<sup>8</sup>

#### **4.0 Permintaan dan Penawaran Ikan Negara**

Permintaan ikan negara untuk tujuan makanan menjelang tahun 2010 dianggarkan sebanyak 1,579,800 tan metrik. Sementara penawaran ikan dianggarkan sebanyak 1,298,860 tan metrik iaitu 82.2 peratus daripada keperluan negara. Dalam keadaan pengeluaran ikan dunia mengalami kemerosotan, perlu bagi negara mengambil langkah yang lebih berkesan supaya pengeluaran tempatan dapat menampung keperluan negara. Kemerosotan pendaratan ikan dunia adalah akibat dari 70 peratus daripada sumber perikanan dunia telah diterokai sepenuhnya.<sup>9</sup>

Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat, import ikan didapati telah berkembang dengan pesat iaitu dari 237,343 tan metrik dengan nilai RM317 juta pada tahun 1984 kepada 288,135 tan metrik dengan nilai RM761 juta pada tahun 1994. Import yang terus meningkat menyebabkan lebih banyak wang negara mengalir keluar.<sup>10</sup> Untuk mengurangkan import tumpuan perusahaan perikanan cuba dialihkan daripada perikanan pantai kepada perikanan laut dalam.

## 5.0 Perusahaan Perikanan Laut Dalam

Seperti yang telah dijelaskan, perikanan pantai telah mengalami kemerosotan akibat eksplorasi berlebihan yang dilakukan sebelum ini. Dalam pada itu, permintaan untuk ikan terus meningkat akibat pertambahan penduduk. Untuk menangani keadaan ini salah satu pilihan yang ada ialah dengan mengusahakan perusahaan perikanan laut dalam.

Pada 25 April 1980, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan dengan itu perairan negara telah bertambah dari 47,000 kepada 162,000 batu nautika persegi. Pengisytiharan ZEE telah memberi hak kepada rakyat negara ini untuk mengeksplorasi sumber perikanan di kawasan tersebut.<sup>11</sup>

Penemuan kajian menunjukkan jumlah sumber yang boleh diterokai di perairan laut dalam ditahap komersil dianggarkan sebanyak 437,550 tan metrik iaitu 215,050 tan metrik bagi Semenanjung, 143,850 tan metrik bagi Sarawak dan 78,650 tan metrik di perairan Sabah dan Pulau Layang-Layang. Dari segi jenis ikan pula adalah 170,850 tan metrik demersal dan 115,700 tan metrik pelagik dan 100,000 tan metrik ikan tuna.<sup>12</sup>

Dasar Pertanian Negara (DPN) 1984 telah memberi tekanan yang khusus kepada pembangunan industri perikanan laut dalam dan dari situ bermulanya era baru dalam pembangunan industri tersebut. Sehingga 30 Jun 1995 sebanyak 1,176 unit lesen baru telah diluluskan dan dari jumlah tersebut sebanyak 524 buah vesel telahpun mula beroperasi iaitu 419 buah di Semenanjung, 86 di Sarawak, 10 di Wilayah Persekutuan Labuan dan 9 di Sabah. Pada tahun 1997 bilangan vesel yang beroperasi telah menurun kepada 516 buah sahaja.<sup>13</sup>

Perusahaan perikanan laut dalam memperlihatkan perkembangan yang lembab disebabkan menghadapi beberapa halangan yang masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Umpamanya, setakat ini syarikat-syarikat besar tidak berkeinginan menceburi bidang ini kerana melibatkan kos pengeluaran dan risiko yang tinggi jika dibandingkan dengan bidang-bidang yang lain di daratan. Keadaan bertambah buruk lagi apabila institusi kewangan keberatan atau terlampau berhati-hati dalam membiayai projek perusahaan perikanan laut dalam. Lanjutan daripada itu menyebabkan ramai daripada mereka yang telah diluluskan permit tidak dapat meneruskan projek dan seterusnya dibatalkan oleh Jabatan Perikanan. Sehingga Jun 1995 sebanyak 514 unit lesen yang diluluskan telah dibatalkan.<sup>14</sup>

Dari segi kemudahan asas seperti jeti, bilik sejuk, kemudahan penyimpanan, baik pulih bot dan sebagainya didapati masih tidak lengkap, khususnya di kawasan Pantai Timur Semenanjung, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tidak dapat dinafikan terdapat sebilangan komplek pendaratan ikan mempunyai segala kemudahan asas yang diperlukan. Bagaimanapun ianya hanya sesuai untuk vesel-vesel yang bersaiz 40GRT dan ke bawah. Komplek-komplek tersebut kebanyakannya terletak di muara sungai. Pada masa kini, kebanyakan muara-muara sungai adalah cetek akibat mengalami proses pemendapan dan timbunan pasir, menyebabkan vesel-vesel besar hanya boleh menggunakan kompleks tersebut pada waktu tertentu sahaja. Ini telah menimbulkan masalah dalam mendarat dan memasarkan hasil perikanan kerana melibatkan masa dan kos yang tinggi.

Bagi membolehkan perusahaan ini diusahakan pada tahap yang menguntungkan sebilangan daripada pemegang permit telah menyewakan

permit kepada pengusaha-pengusaha dari negara Thai. Perbuatan menyewakan permit akhirnya telah mengakibatkan kebanyakan vesel laut dalam terlepas ke tangan orang asing. Sejajar dengan itu, oleh kerana di negara ini kekurangan kemudahan asas yang diperlukan, menyebabkan vesel-vesel berkenaan telah mendaratkan ikan di negara Thai dan juga mengambil bekalan input dari negara berkenaan. Keadaan seperti ini amat merugikan negara.

Selain daripada kemudahan asas, negara ini juga menghadapi kekurangan industri hiliran. Industri hiliran diperlukan untuk memproses hasil yang didaraskan, kerana sebahagian besar hasil tangkapan tidak sesuai untuk dimakan secara basah. Dengan kurangnya industri hiliran menyebabkan sebahagian besar hasil tangkapan hanya dijadikan ikan baja, sedangkan sumber tersebut boleh dipasarkan dengan harga yang jauh lebih baik sekiranya ia diproses terlebih dahulu.

Tenaga kerja juga merupakan masalah utama dalam perusahaan perikanan laut dalam, disebabkan nelayan dan golongan muda di negara ini tidak berminat untuk melibatkan diri. Mereka mempunyai peluang pekerjaan yang lebih baik dan menarik di sektor industri yang lain. Bagi mengatasi masalah tersebut, program Angkatan Nelayan Laut Dalam (ANLD) telah diperkenalkan tetapi masih belum menampakkan kejayaannya. Daripada 1,269 orang yang dilatih setakat ini hanya lebih kurang 20 peratus sahaja yang menyertai industri ini.<sup>15</sup> Oleh itu, industri perikanan laut dalam terpaksa bergantung kepada penggunaan buruh asing, khususnya dari Thailand. Pada tahun 1997 di negara ini terdapat seramai 11,179 orang nelayan asing, yang hampir separuh daripada mereka iaitu seramai 5,592 orang merupakan nelayan

Thai.<sup>16</sup>

Satu lagi faktor yang melembabkan perkembangan perusahaan perikanan laut dalam di negara ini ialah berlakunya pencerobohan di kawasan perairan ZEE Malaysia oleh vesel-vesel menangkap ikan dari negara-negara jiran seperti Thailand, Taiwan, Kemboja, China, Indonesia, Filipina dan Vietnam. Mereka bukan sahaja memberi saingan dan mengancam sumber perikanan di perairan ZEE Negara, malah telah memberi ancaman kepada keselamatan nelayan tempatan.

Walaupun perusahaan perikanan laut dalam menghadapi beberapa halangan dan masalah, namun begitu ianya telah memberi kesan langsung ke atas pendaratan ikan negara. Pengeluaran ikan dari laut dalam telah meningkat dari 44,665 tan metrik dengan nilai RM70 juta pada tahun 1985 kepada 131,086 tan metrik dengan nilai RM365.38 juta pada tahun 1997 iaitu peningkatan lebih dari tiga kali ganda.<sup>17</sup>

Kuantiti pendaratan perikanan laut dalam pada tahun 1997 tersebut hanya merupakan 11.21% daripada jumlah pendaratan ikan marin di Malaysia. Perlu dijelaskan di sini, pada masa kini usaha mengeksplotasi sumber perikanan di perairan ZEE Semenanjung Malaysia dipercayai hampir mencapai tahap optimum. Dengan yang demikian, pembangunan seterusnya akan tertumpu di perairan Sabah, Sarawak, Pulau Layang-Layang dan perairan antarabangsa.

## **6.0      Strategi Masa Hadapan Perusahaan Perikanan di Malaysia**

Bagi memastikan negara ini masih boleh meneruskan perusahaan perikanannya, Jabatan Perikanan telah merumuskan dua strategi utama. Pertama, pengawalan daya usaha penangkapan ikan dan kedua, pemulihan

serta pemuliharaan ekosistem marin.

Di bawah strategi pertama, tindakan yang diambil antara lain ialah menghadkan kemasukan nelayan melalui perlesenan. Jabatan Perikanan telah membekukan pengeluaran lesen baru mulai tahun 1993. Lesen baru hanya dikeluarkan untuk sumber yang spesifik seperti sumber sotong dan sumber perikanan yang terdapat di kawasan baru, contohnya di laut dalam.

Bagi mengawal kemasukan individu baru ke dalam sektor perikanan, Jabatan Perikanan telah mendaftarkan nelayan sedia ada. Dengan berbuat demikian bilangan nelayan yang beroperasi di sesuatu perairan, khususnya perairan pantai dapat dikawal. Pada masa yang sama pihak kerajaan cuba mengurangkan bilangan nelayan dengan cara melaksanakan program pemindahan nelayan ke sektor bukan perikanan. Selain daripada itu nelayan juga digalakkan menceburkan diri dalam industri-industri yang berdasarkan perikanan, perkilangan, perniagaan dan juga menjalankan kegiatan akuakultur.

Strategi kedua, pemulihan dan memulihara sumber perikanan serta ekosistem marin melalui pengawalan saiz minima kutipan kerang; penzonan kawasan menangkap ikan; mewartakan beberapa kawasan larangan menangkap ikan;<sup>18</sup> mewartakan Taman Laut; pengawalan eksport induk udang; perlepasan benih-benih ikan dan udang di muara-muara sungai<sup>19</sup> dan juga pembinaan tukun tiruan.<sup>20</sup>

Selain daripada itu Jabatan Perikanan juga mencadangkan supaya dihentikan semua aktiviti-aktiviti yang mengancam sumber perikanan seperti operasi pukat-pukat haram; semua projek-projek pembangunan yang dicadangkan di persekitaran tempat pembiakan ikan hendaklah disediakan dengan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA) yang lebih menyeluruh

terhadap sumber perikanan; langkah-langkah kawalan pencemaran dan pembangunan pantai yang ketat hendaklah disediakan; pengharaman perlombongan pasir di muara sungai dan juga di kawasan laut.<sup>21</sup>

## 7.0 Kesimpulan

Sejarah negara ini memperlihatkan bahawa perusahaan perikanan di Malaysia telah mengalami perkembangan yang amat pesat, khususnya selepas negara ini mencapai kemerdekaan. Perkembangan yang pesat dapat dilihat dari segi bot perikanan dan perkakas menangkap ikan yang digunakan. Selain daripada itu perkembangan yang pesat juga berlaku di pusat-pusat pendaratan dan pemasaran hasil perikanan. Perkembangan tersebut membolehkan pendaratan ikan tahunan meningkat setiap tahun dan berjaya memenuhi permintaan domestik dan mendapatkan tukaran wang asing melalui eksport. Selaras dengan itu, taraf hidup kaum nelayan dapat ditingkatkan dan peratus kadar kemsikinan yang tinggi dapat dikurangkan.

Bagaimanapun perkembangan perusahaan perikanan di Malaysia dua dekad kebelakangan ini agak membimbangkan. Perkembangan yang pesat kerana penggunaan teknologi menangkap ikan yang canggih, khususnya pukat tunda telah menyebabkan sumber perikanan di perairan negara ini dieksplotasi secara berlebihan iaitu melebihi *Maximum Sustainable Yield*. Akibatnya pada masa kini sumber perikanan di perairan negara ini khususnya di Pantai Barat, telah berkurangan. Ini terbukti kerana sebahagian besar ikan yang didararkan terdiri daripada ikan baja dan ikan-ikan kurang bermutu yang nilai perdagangannya amat rendah. Keadaan bertambah buruk lagi dengan berlakunya pencemaran air dan persaingan ruang pantai untuk pelbagai penggunaan, seperti pelancongan, perindustrian, perlombongan minyak,

pelabuhan, perbandaran dan sebagainya.

Perkembangan yang dijelaskan di atas, menyebabkan perikanan pantai yang pada masa kini menyumbangkan lebih daripada 80% jumlah pendaratan ikan tahunan berada dalam keadaan "tertekan". Jika tindakan tidak diambil berkemungkinan besar perusahaan perikanan di negara ini akan mencapai tahap tenat seperti yang berlaku di Teluk Siam atau seperti yang berlaku di Teluk Chisso, Jepun.

Untuk mengurangkan tekanan tersebut dan memastikan perusahaan perikanan di negara ini dapat diteruskan, tumpuan aktiviti perikanan pantai perlu dikawal dan jika mungkin dikurangkan. Tumpuan harus diberi kepada kawasan baru iaitu perairan laut dalam dan juga perairan antarabangsa. Nelayan negara ini mampu menerokai perairan laut dalam dan antarabangsa kerana telah pun mempunyai kemampuan dari segi permodalan, kemahiran dan teknologi.

Aktiviti mengeksloitasi sumber perikanan di kawasan ZEE negara bagi Semenanjung Malaysia, khususnya Pantai Barat telah pun hampir mencapai *Maximum Sustainable Yield*. Ruang yang masih terbuka adalah di ZEE perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Nelayan-nelayan Pantai Barat yang berpengalaman sepatutnya menjalankan usahasama dengan nelayan-nelayan dari Pantai Timur, Sabah dan Sarawak di perairan ZEE yang belum diterokai sepenuhnya.

Usahasama tersebut tidak seharusnya terbatas di dalam negara sahaja. Nelayan-nelayan Malaysia yang berpengalaman seharusnya menjalankan operasi menangkap ikan secara usahasama dengan nelayan-nelayan dari negara jiran, kerana sumber perikanan di ZEE negara ini adalah terhad

Penerokaan secara usahasama ini boleh dilaksanakan di kawasan-kawasan yang telah ada kesepakatan di antara negara-negara jiran untuk berkerjasama seperti di perairan Pertumbuhan Tigasegi Indonesia, Malaysia, Thailand (IMT-GT) dan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA).

Selain perikanan laut dalam dan antarabangsa, aktiviti akuakultur juga seharusnya diberikan perhatian. Pada masa ini bidang akuakultur, walaupun berpotensi hanya memberi sumbangan yang kecil sahaja dari segi jumlah pendaratan ikan tahunan kerana bidang ini masih belum dibangunkan sepenuhnya.

## Nota Hujung

- 
- <sup>1</sup> Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1977**, Kuala Lumpur, hal. 29-30.
- <sup>2</sup> Kementerian Pertanian Dan Tanah, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1970**, Kuala Lumpur, hal. 49
- <sup>3</sup> Penjelasan lanjut sila lihat, Mohd. Shaipi b. Derahman, "Status dan Prospek Industri Perikanan Laut Dalam Di Malaysia", dalam Ti Teow Chuan, Mustapha Othman & Shirley Fung (ed.), **Development and Management of Fisheries Resources in Malaysia**, Konrad Adenauer Foundation & Institute For Development Studies (Sabah), Kota Kinabalu.
- <sup>4</sup> **Rancangan Malaysia Ke empat**, hal.45.
- <sup>5</sup> Lui Yean Pong, (1996) "Dasar dan Strategi Pengurusan Sumber Perikanan Malaysia", dalam Ti Teow Chuan, Mustapha Othman & Shirley Fung (ed.), **Development and Management of Fisheries Resources in Malaysia**, Konrad Adenauer Foundation & Institute For Development Studies (Sabah), Kota Kinabalu, hal. 107.
- <sup>6</sup> Majuikan, (1978). "Pendaratan Ikan Laut dan Sumbernya di Pantai Barat Semenanjung Malaysia", *Kertas Rencana Perikanan*, Bil.1 hal.1.
- <sup>7</sup> Mohammad Raduan Mohd Ariff, (1988). **Perusahaan Perikanan di Semenanjung Malaysia**, Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hal.157-158.
- <sup>8</sup> Erik Hempel, "Seafood Marketing: Prospects and Challenges", dalam Kusairi Mohd. Noh, Fatimah Mohd.Arshad & Abdullah Abu Bakar (ed.), **Fish Industry: Prospects and Challenges**, Malaysian Fisheries Society,Occasional Publication No.5, hal.2
- <sup>9</sup> INFOFISH: Fishing Technology Digest For Asia Pasific, No.11.
- <sup>10</sup> Mohd. Shaipi b. Derahman, Op.cit., hal.89.
- <sup>11</sup> Ibid., hal.81.
- <sup>12</sup> Ibid., hal.83.
- <sup>13</sup> Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1997**, Kuala Lumpur, hal.32.
- <sup>14</sup> Mohd. Shaipi b. Derahman, Op.cit., hal.89.
- <sup>15</sup> Ibid., hal.90.

---

<sup>16</sup> Jabatan Perikanan Malaysia, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1997**, Kuala Lumpur, hal.79.

<sup>17</sup> **Ibid.**, hal.36.


<sup>18</sup> Sebanyak 38 buah pulau di perairan negara telah diwartakan sebagai kawasan larangan. Aktiviti-aktiviti penangkapan ikan serta fauna dan flora marin dilarang dalam perairan di antara 1 ke 2 batu nautika dari pulau-pulau tersebut.

<sup>19</sup> Perlepasan benih-benih ikan dan udang dibuat oleh Jabatan Perikanan di muara-muara sungai berdekatan dengan kawasan yang didapati sumber ikan atau udang mula berkurangan.

<sup>20</sup> Pembinaan tukun tiruan bertujuan untuk memperkembangkan dan membaikpulih ekosistem dasar laut dan menambah stok sumber perikanan. Pada masa ini, Jabatan Perikanan telah berjaya membina 56 tukun tayar, 8 tukun vesel, 4 tukun konkrit dan 1 tukun PVC.

<sup>21</sup> Lui Yean Pong, Op.cit., hal. 107.





PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN KEMERDEKAAN  
MALAYSIA

PENGISIAN, PENCAPAIAN DAN CABARAN SERTA  
HARAPAN MASA DEPAN PEMBANGUNAN EKONOMI  
NEGARA

*OLEH:*

**Y.BHG. DATUK DR. ZAINUL ARIFF HUSSAIN,  
KETUA PENGARAH,  
UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN,  
JABATAN PERDANA MENTERI**

## 1. Pendahuluan

1.1 Dalam usia negara mencapai 43 tahun kemerdekaan, negara telah berjaya meletakkan pembangunan ekonominya pada tahap yang membanggakan. Pembangunan ekonomi yang pesat ini telah mendorong negara-negara membangun yang lain untuk belajar bagaimana Malaysia berjaya menguruskan ekonominya dengan cekap. Malaysia juga sentiasa dijadikan contoh sebagai negara sedang membangun yang berjaya dari segi ekonomi mahupun keharmoniannya hidup masyarakatnya yang terdiri dari berbagai kaum, agama dan kebudayaan. Semasa penjajahan British, keharmonian sebegini tidak wujud. British tidak berminat untuk menyatukan kaum-kaum di negara ini untuk hidup dalam satu masyarakat. Sebaliknya mereka hanya berminat untuk mengeksplorasi segala sumber kekayaan yang ada di negara ini untuk memenuhi keperluan perkembangan revolusi perindustrian di Eropah ketika itu.

1.2 British juga telah melaksanakan strategi pecah perintah yang meletakkan semua kaum di dalam kedudukan ekonomi, tempat tinggal, pendidikan yang berbeza-beza sehingga berlanjutan membentuk jurang yang amat ketara di antara kaum terutama dalam bidang ekonomi yang banyak mempengaruhi aspek kehidupan kaum di negara ini. Keterlibatan orang Cina dan India dalam ekonomi kapitalisme British di negeri-negeri selat menyebabkan mereka terdedah dengan pembangunan fizikal, pendidikan, pemikiran dan ekonomi. Mereka berpeluang lebih awal dalam bidang pendidikan dan aktiviti ekonomi seterusnya berpeluang mendapat perkerjaan dan menjawat jawatan-jawatan tinggi. Sebaliknya orang Melayu terus menetap di luar bandar dan meneruskan aktiviti tradisionalnya yang menyebabkan mereka ketinggalan dalam banyak bidang terutama dalam bidang ekonomi.

## **2. Pengisian dan Pencapaian Ekonomi Selepas Merdeka**

2.1 Dalam era negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga tahun 1969, pertumbuhan ekonomi negara agak membanggakan. Walau bagaimanapun, agihan pendapatan dankekayaan pelbagai kaum adalah tidak seimbang. Pembahagian guna tenaga dan kegiatan ekonomi masih dilakukan mengikut kaum. Ekonomi negara ketika itu masih berasaskan kepada sektor pertanian. Perniagaan masih terhad kepada perlombongan timah, penanaman getah dan pengimportan, pengedaran dan penjualan runcit barang keperluan. Hampir tiada langsung aktiviti pembuatan, manakala sektor perkhidmatan baru memulakan aktivitinya.

2.2 Ketidakseimbangan agihan kekayaan antara kaum ini telah mendorong kerajaan mengubal satu dasar yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 yang merupakan satu permulaan usaha kerajaan melaksanakan *socio-economic engineering*. Dasar yang digubal ini adalah untuk mencapai matlamat akhir iaitu perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat. Melalui DEB ini juga diharapkan identifikasi kaum mengikut fungsi ekonomi dapat dihapuskan

2.3 Sepanjang pelaksanaan DEB (1971 - 1990) ekonomi negara telah tumbuh pada kadar 5% hingga 7% setahun. Kecuali pada tahun 1971, 1975, 1985 dan 1986 pertumbuhan ekonomi negara agak merosot disebabkan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun-tahun berkenaan. Sepanjang tempoh ini, kadar keimskinan isirumah dapat dikurangkan daripada 49.3% kepada 16.7%. Sementara dari aspek penyusunan semula masyarakat, peningkatan pemilikan modal saham Bumiputera daripada 2.4% pada tahun 1971 kepada 19.3% pada tahun 1990 (kurang dari sasaran sebenar sekurang-kurangnya 30%). Berakhirnya tempoh DEB, kerajaan telah melancarkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pada tahun 1991 yang menandakan

bermulanya usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

2.4 DPN akan terus mengekalkan strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat untuk memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum. Matlamatnya adalah untuk mencapai pembangunan yang seimbang bagi mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu padu dan adil. Dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan DPN (1991 - 2000), Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatatkan kadar pertumbuhan 9.2 % setahun dalam tempoh 1991 - 1997 iaitu sebelum krisis ekonomi. Sementara kemiskinan dari 16.5% pada tahun 1991 turun kepada 6.1% pada tahun 1997. Hasil dari pelaksanaan dasar-dasar yang telah dilaksanakan, pertumbuhan ekonomi negara dapat dilihat di **Jadual 1** di bawah:

**Jadual 1: Pertumbuhan Ekonomi Negara Mengikut Rancangan (1971 hingga 2000)**

Rancangan	Pertumbuhan
RRJP1 (1971 - 1990)	6.7%
RRJP2 (1991 - 2000)	6.2%
RMK6 (1991 - 1995)	9.5%
RMK7 (1996 - 2000)	3.0%

### **3 Transformasi Ekonomi**

3.1 Ekonomi negara terus mengalami transformasi struktur, di mana sektor pembuatan terus berkembang dan sektor pertanian yang merupakan sektor utama negara satu masa dahulu terus menguncup. Zaman berzaman kekayaan telah dikaitkan dengan pemilikan tanah. Walau bagaimanapun, sekarang ianya telah berubah, tanah sebenarnya tidak lagi memainkan

peranan penting. Faktor pengeluaran ekonomi pula telah berubah mengikut peredaran masa yang dapat dilihat dalam tiga peringkat iaitu *Production Economy (P-Economy)*, *Service Economy (S-Economy)* dan *Knowledge Economy (K-Economy)*.

3.2 Dalam *Production Economy (P-Economy)*, iaanya melibatkan faktor pengeluaran seperti buruh, tanah dan modal. Keduanya *Service Economy (S-Economy)* iaitu peralihan faktor pengeluaran dari buruh, tanah, teknologi dan pengurusan. Sementara yang ketiga *Knowledge Economy (K-Economy)* yang melibatkan peralihan faktor pengeluaran ekonomi dari buruh, tanah, teknologi, pengurusan kepada pengetahuan. Inilah beberapa isu yang perlu kita lihat sama ada kita mahu beralih semula kepada *P-Economy*, *S-Economy* ataupun mahu pergi kepada *K-Economy*.

#### **4. Cabaran dan Harapan Masa Depan Pembangunan Ekonomi**

Cabaran dan harapan masa depan pembangunan ekonomi negara adalah berkait rapat dengan cabaran kelapan dan kesembilan Wawasan 2020. Cabaran kelapan berbunyi *menjamin pembentukan masyarakat yang adil ekonominya. Pengagihan kekayaan negara secara adil lagi saksama dengan kemajuan ekonominya dinikmati bersama oleh setiap rakyat.* Manakala cabaran yang kesembilan berbunyi *membentuk masyarakat yang makmur, dengan ekonomi yang mampu menghadapi persaingan, bersifat dinamis, tangkas dan mempunyai daya ketahanan.* Dalam merealisasikan kedua-dua cabaran ini, negara dan seluruh rakyat negara ini menghadapi berbagai cabaran dan perubahan yang perlu di atasi dan dihadapi.

##### **4.1 Kecepatan Perubahan**

Dalam usaha membangunkan ekonomi masyarakat terutama masyarakat luar bandar, pembangunan pemikirannya juga perlu

dibangunkan bersama. Perubahan pemikiran masyarakat kita terutama Bumiputra terlalu lambat. Masyarakat yang lebih maju, mempunyai perubahan pemikiran secara *leap frogging* kemudian kepada *quantum leap* dan diikuti dengan *warp speed* yang tidak berkaitan dengan perlunya kepada masa yang tertentu untuk mencapai sesuatu perkara atau keadaan. Adakah ini merupakan evolusi atau revolusi pemikiran yang telah berlaku dalam masyarakat kini. Masalahnya ialah masyarakat kita selalu tersangkut pada kelajuan perubahan yang rendah.

#### **4.2 Nilai Tambah**

Masyarakat kita juga sentiasa berada di satu tahap di belakang dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah (value added). Sebagai contoh orang lain melakukan aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah rendah, masyarakat kita melakukan aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah negatif. Apabila orang lain berpindah ke aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah tinggi, masyarakat kita berpindah ke aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai tambah rendah. Seterusnya apabila orang lain berpindah ke nilai tambah luar biasa, masyarakat kita baru berpindah ke nilai tambah tinggi. Dalam kata lain, masyarakat lain berada dalam *S-Economy*, masyarakat kita berada pada aktiviti *P-Economy*. Apabila masyarakat lain memasuki *K-Economy*, masyarakat kita baru memasuki *S-Economy*.

#### **4.3 Keluk Pembelajaran S (S-Curve)**

Dalam menangani kecepatan perubahan dan nilai tambah ini, kita harus mempelajari konsep Keluk Pembelajaran S (S-Curve). Keluk

ini mempunyai 4 kumpulan iaitu *innovators*, *early majority*, *late majority* dan *laggards* seperti digambarkan di **Rajah 1** di bawah.

**Rajah 1: Keluk Pembelajaran S (S-Curve)**



Pembangunan luar bandar semasa zaman Allahyarham Tun Abdul Razak ianya amat inovatif tapi bila luar bandar menjadi statik maka kita yang asalnya di peringkat yang inovatif akan tertinggal di belakang dan menjadi *laggards*. Oleh itu, kita kena berubah dan apakah perubahan yang perlu diteruskan untuk mengekalkan kita sentiasa berada di peringkat inovatif. Masyarakat Bumiputera dianggap sentiasa tertinggal, tetapi jika kita bergerak daripada tahap tertinggal ke peringkat seterusnya kita akan menjadi inovatif. Walau bagaimanapun, jika kita tidak berubah dari tahap inovatif kita akan tertinggal semula. Contohnya kita mula menceburi aktiviti ekonomi yang berasaskan radio setelah ditinggalkan oleh masyarakat lain, begitu juga dengan TV, komputer, komunikasi dan lain. Begitu juga dengan institusi-institusi kemahiran yang ada, mengajar bidang kemahiran industri yang tertinggal. Keadaan ini disebabkan oleh pemikiran kita yang masih berpegang kepada pemikiran yang lama.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memikirkan yang terbaik agar negara sentiasa berada di tahap inovatif. Sebagai contoh satu masa dahulu negara sebagai pengeluar getah dan bijih timah utama

dunia tetapi kini negara beralih kepada tanaman kelapa sawit dan kita berjaya menjadi pengeluar yang terkemuka di dunia. Begitu juga dengan pengeluaran kayu balak, kini kita beralih pula kepada pengeluaran petroleum dan berjaya menjadi yang terbaik. Kini negara beralih pula ke Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor*) yang dijangka akan menjadi asas pertumbuhan ekonomi masa depan. Perubahan yang cuba di bawa oleh Y.A.B. Perdana Menteri menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang cukup strategik. Jika kita meneruskan pada tahap *straight line* kita akan tetap mencapai apa yang kita tujukan tetapi beliau tidak mengizinkan kita berbuat demikian sebaliknya perubahan dibuat dengan pertambahan. Inilah yang dinamakan sebagai perubahan yang sebenarnya di mana kita tidak akan memperlihatkan kebergantungan kita kepada sesuatu produk tetapi kepada pelbagai produk.

#### **4.4      Mobilisasi Modal dan Faktor-Faktor Pengeluaran**

Negara mempunyai kadar pengangguran yang rendah dalam lingkungan 2.7% - 2.9%. Jika ditolak pekerja asing di negara ini, maka kadar pengangguran sebenarnya ialah negatif 17%. Cabaran utama negara menghadapi globalisasi dan liberalisasi ialah bertambahnya aktiviti ekonomi tanpa mengira sempadan-sempadan negara dan antarabangsa secara fizikal. Ini akan menyebabkan faktor-faktor pengeluaran seperti modal, buruh, teknologi, maklumat akan bergerak secara meluas dan sukar dikawal.

#### **4.5      Pendekatan Strategik**

Dalam menghadapi transformasi ekonomi tadi, macam mana perubahan *quantum* akan berlaku. Adakah akan mengikut *trend*

yang biasa berlaku atau sebaliknya. Selalunya kita mengambil pendekatan *continuing the trend* iaitu meneruskan kejayaan dari orang terdahulu. Kita lihat Jepun, satu ketika dahulu terbaik dalam pengeluaran tekstil tetapi bila mereka meninggalkannya Korea pula mengambil alih. Masyarakat kita perlu berubah dari *Comparative advantage* kepada *competitive advantage* dan kepada *collaborative advantage*. Jadi dalam pembangunan luar bandar kita perlu berubah dari *Comparative* kepada *collaborative*.

#### **4.6 Pembangunan Ekonomi Saksama dan Pengagihan Ekuiti**

Di segi pembangunan ekonomi saksama dan pengagihan ekuiti, bagaimana kita melibatkan semua lapisan masyarakat terutama masyarakat luar bandar dalam *equity participation* yang bermakna kepada mereka. Ini adalah selaras dengan cabaran Wawasan 2020 yang kelapan untuk membentuk sebuah masyarakat yang adil ekonominya dan pengagihan kekayaan negara secara adil lagi saksama.

#### **4.7 Penukaran Imej, Label dan Penakrifian Semula**

Mungkin nama luar bandar perlu ditukar kepada nama yang lain. Label juga perlu ditukarkan di mana setengah daripada label program yang laksanakan perlu diubah selaras dengan perubahan semasa. Dalam soal kemiskinan misalnya, label mesti ditukarkan. Sebagai contoh siapa yang makin sukar untuk diubahkan akan dimasukkan dalam kes kebajikan. Jika kita menakrifkan semula (*redefine*) maka tidak akan ada masalah luar bandar dan isu luar bandar. Ini kerana persoalan yang timbul adalah persoalan tentang perbandaran dan modenisasi. Adakah luar bandar itu satu yang terasing daripada bandar dan harus mengikut bandar. Ada yang


menggunakan perkataan desa dan ada pula yang menggunakan perkataan *rural*.


#### **4.8 Menjadikan Setiap Rakyat Sebagai Pembayar Cukai**

*Mind set* Wawasan 2020 adalah setiap rakyat Malaysia pembayar cukai dan bukan penerima subsidi kerana kita akan dipersalahkan untuk selama-lamanya disebabkan subsidi. Ini adalah cabaran kepada seluruh rakyat Malaysia yang merdeka dalam menghadapi Wawasan 2020. Jika semua rakyat membayar cukai, ini bermakna kita telah dapat mengeluarkan masyarakat kita daripada pegangan pergantungan. Hasilnya setiap rakyat negara ini boleh berfungsi dengan sendirinya tanpa bantuan pihak Kerajaan.

### **5. Penutup**

5.1 Dalam menghadapi cabaran ekonomi masa hadapan, negara memerlukan sebuah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri yang baru seperti bersifat dinamik, tangkas, daya ketahanan, mampu bersaing, sedia berubah, keyakinan diri sendiri, bebas dan teguh dalam mengisi kemedekaan negara dan Wawasan 2020. Untuk mencapai hasrat ini, adalah menjadi tanggungjawab setiap individu sebagai sebuah negara yang merdeka untuk bersedia berubah ke arah tersebut.





**Seminar Penghayatan dan Pengukuhan  
Kemerdekaan Malaysia Peringkat Kebangsaan**

**11 – 13 September 2000  
Hotel Istana, Kuala Lumpur**

**Oleh:**

**Profesor Datuk Dr. Anuwar Ali  
Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

## **Cabaran dan Masa Depan Sistem Pendidikan Negara**

### **1. Pendahuluan**

Semenjak negara mencapai Kemerdekaan, ekonominya telah melalui proses pembangunan yang cergas sementara struktur ekonominya telah dipelbagaikan. Kini sektor perindustrian menggerakkan proses pembangunan dan bukan lagi sektor pertanian semasa di peringkat awal Kemerdekaan negara. Dalam hal ini, sistem pendidikan negara tidak ketinggalan memainkan peranan yang penting untuk menyediakan tenaga manusia yang mahir serta berkelayakan dalam pelbagai bidang. Bahkan istilah "pembangunan sumber manusia" kini sentiasa diperbincangkan dan ini jelas membuktikan bahawa pengetahuan yang diperolehi oleh tenaga manusia di semua peringkat adalah satu-satu komponen yang kritikal dalam proses pembangunan sesebuah negara.

Selain daripada menyediakan kemahiran dan kepakaran kepada warga negara Malaysia, sistem pendidikan dan institusi-institusi pendidikan juga menjadi alat memupuk identiti dan menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Sistem ini juga membentuk kesempurnaan moral di samping menyemai lunas-lunas budaya dan sastera masyarakat kepada para pelajar di semua peringkat. Dengan demikian, sistem pendidikan diharapkan berfungsi membentuk pemikiran dan membina tamadun bangsa serta penggerak utama aset negara, iaitu manusia sebagai tenaga pekerja yang aktif, kreatif dan produktif. Dalam konteks Dasar Ekonomi Baru juga, kita melihat peranan pendidikan dalam menentukan pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian Bumiputera dalam

pelbagai sektor ekonomi pada masa ini adalah ekoran daripada peluang pendidikan tinggi yang makin terbuka semenjak awal 1970-an lagi.

Negara telah melalui pelbagai perubahan sepanjang lebih empat dekad selepas Kemerdekaan cetusan daripada dasar-dasar yang pragmatik dalam pelbagai bidang dan sektor. Walaupun begitu, masih terdapat ruang untuk negara memperbaiki serta memantapkan proses pembangunan; dan ini termasuk sistem pendidikannya. Kebelakangan ini juga kita tidak dapat mengelakkan diri daripada perkembangan luar yang sedikit sebanyak mempengaruhi proses pembangunan negara seperti globalisasi, internet dan teknologi maklumat. Kesemua ini mewujudkan pelbagai implikasi serta cabaran ke atas sistem pendidikan negara.

Dalam konteks ini perlulah kita merenung kembali serta meneliti sistem ini agar strategi-strategi baru dapat dikemukakan untuk memastikan sistem ini sentiasa relevan dengan keperluan semasa. Pencapaian yang kelihatan sehingga kini melalui sistem ini dan jugakekangan-kekangan yang dihadapi perlu dilihat semula dengan harapan sistem pendidikan kita boleh diperbaiki lagi supaya kita dapat menghadapi cabaran alaf baru dengan lebih bertekad.

Kertas ini akan membincangkan faktor-faktor semasa yang mempengaruhi halatuju sistem pendidikan pada tahun-tahun akan datang; dan ini termasuk keperluan pembangunan negara; keperluan teknologi maklumat; dan keperluan kualiti dan produktiviti untuk pembangunan. Ini diikuti dengan perbincangan mengenai cabaran-

cabaran yang dihadapi oleh sistem persekolahan dan di institusi pendidikan tinggi. Dalam membincangkan cabaran-cabaran serta isu-isu yang berkaitan, adalah diharapkan kita dapat mengemukakan kaedah-kaedah yang terbaik untuk menangani kekangan-kekangan yang dihadapi oleh sistem pendidikan negara,

## 2. Faktor-faktor Perubahan

### 2.1. Keperluan Orientasi Pembangunan Negara (*Wawasan 2020*)

Untuk mencapai matlamat Wawasan 2000 supaya Malaysia mencapai taraf negara maju pada tahun 2020, di antara kekuatan yang perlu ditonjolkan ialah keupayaan sains dan teknologi. Keupayaan ini juga perlu dikaitkan dengan sistem pendidikan yang membolehkan masyarakat Malaysia pada masa itu menjadi masyarakat berilmu dan mempunyai pengetahuan tinggi. Sementara itu pula, melalui sistem persekolahan dan juga universiti masyarakat tersebut berupaya menjadi kreatif. Dalam masa yang terdekat sumber tenaga manusia di negara ini tidak semestinya mengharapkan teknologi-teknologi yang diimport sahaja, tetapi mesti berdaya untuk mencipta serta mengubahsuai teknologi yang diimport untuk keperluan tempatan. Keupayaan inilah yang akan membezakan kita dengan negara-negara membangun yang lain.

Pada masa itu juga Malaysia dijangka mampu melahirkan masyarakat berasaskan industri yang maju serta berteknologi tinggi. Kemampuan mencipta atau mewujudkan inovasi mestilah berada di tahap yang tinggi. Ini bermakna sumber manusia menjadi asas kepada pencapaian masyarakat Malaysia yang bertamadun dan beracuankan kepada warga negara yang menghayati ciri-ciri murni, berakhhlak tinggi serta berbudi pekerti

luhur. Wawasan 2000 juga memerlukan rakyatnya mempunyai nilai positif sesuai dengan keperluan ekonomi negara yang sedang berubah kepada ekonomi berdasarkan pengetahuan. Nilai-nilai itu antara lainnya termasuklah jujur, tekun, berdisiplin, dan menepati waktu. Sifat-sifat ini akan melahirkan tenaga kerja berkualiti yang akan meningkatkan daya saingan yang diperlukan oleh ekonomi negara.

## ***2.2. Keperluan/Pengaruh ICT dan Globalisasi***

Kemajuan dalam teknologi komputeran telah mengerakkan gelombang globalisasi ke tahap yang lebih cergas dibandingkan dengan masa yang lampau. Memandangkan teknologi telekomunikasi dan maklumat (ICT) makin ketara dalam menentukan halalutu perdagangan antarabangsa, negara ini mesti memberi perhatian yang serius terhadap perkembangan ini kerana Malaysia merupakan negara yang berdagang semenjak beratus tahun. Malaysia sungguhpun sebuah negara kecil tidak dapat mengelak daripada menerima asakkan gelombang globalisasi yang sedang melanda dunia sekarang. Untuk mengekalkan daya saing sektor eksport negara, negara tidak boleh menjadi pemerhati sahaja tetapi mesti aktif untuk menggunakan teknologi-teknologi yang terkini.

Teknologi maklumat kini sudah menjadi suatu hal yang lumrah. Sistem pendidikan kini baik di Malaysia atau negara-negara lain tidak dapat mengetepikan kahadiran komputer dan teknologi maklumat. Oleh itu sistem ini mesti bersiap sedia dan mengambil langkah-langkah yang positif ke arah ini kerana inovasi yang begitu cergas dalam bidang teknologi maklumat membuka ruang yang amat luas untuk sektor pendidikan di negara ini. Selain daripada menimbang kos-kos yang terlibat, perlu juga dilihat kesannya

di semua peringkat pendidikan; dari peringkat sekolah hingga ke universiti. Akhirnya, kemampuan ini akan menentukan peranan negara dalam proses globalisasi akan datang.

### ***2.3. Keperluan Kualiti dan Produktiviti untuk Pembangunan Negara***

Seperti dijelaskan di atas, negara memerlukan jumlah rakyat yang berilmu untuk sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara. Tidak ada tamadun dunia yang dibangunkan tanpa berasaskan ilmu pengetahuan tenaga manusia yang mempunyai kemahiran. Hanya dengan memiliki sejumlah besar rakyat yang berilmu dan mahir, negara dapat meningkatkan produktiviti dalam semua bidang pekerjaan. Dengan meningkatkan produktiviti, proses pembangunan negara dapat dipercepatkan seperti yang telah diperlihat semenjak awal 1970-an apabila Malaysia memulakan strategi perindustriannya.

Produktiviti yang meningkat dalam pelbagai sektor membolehkan ekonomi negara mencapai kadar pertumbuhan yang secara relatif tinggi. Di antara faktor yang membolehkan ini berlaku ialah keupayaan tenaga manusia yang dapat dihasilkan daripada sistem pendidikan. Walau bagaimanapun, untuk menghadapi cabaran alaf baru, usaha ini perlu dipertingkatkan lagi melalui produktiviti tenaga manusia tetapi juga kualiti tenaga tersebut. Kaedah pengajaran dan pembelajaran serta latihan mesti juga dinaikkan tarafnya. Pengalaman di beberapa negara industri baru seperti Korea Selatan, Singapura dan Taiwan menunjukkan bahawa penekanan yang telah diberikan kepada kualiti tenaga manusia masing-masing telah mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi mereka.

### **3. Pelbagai Cabaran Umum pada Tahap Persekolahan**

#### ***3.1. Mengekalkan Kualiti Pendidikan***

Kualiti sistem pendidikan bukan sahaja mesti dikekalkan tetapi juga dipertingkatkan untuk mengambil kira pertambahan pelajar yang begitu pesat. Pertambahan berlaku di semua peringkat persekolahan. Aspek kualiti sistem pendidikan merangkumi piawai atau taraf pembelajaran; keberkesanan pengajaran; kelincinan pengurusan; kepuasan kerja di kalangan guru-guru dan murid-murid; kesesuaian dan kebergunaan ilmu dan kemahiran yang diperoleh oleh pelajar; dan lain-lain lagi. Dalam menghadapi cabaran alaf baru, peningkatan kualiti sistem pendidikan memerlukan perubahan dan inovasi daripada segi pengurusan.

Anjakan paradigma di kalangan guru dan pengurus pendidikan sangat kritikal. Saranan program-program pendidikan dan latihan harus ditunjukkan kepada golongan ini bagi tujuan menghayati kaedah-kaedah pembelajaran dan pengajaran yang lebih inovatif. Ini juga termasuk kaedah pengurusan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Ahli profesional yang terbaik dan mempunyai kelayakan yang sesuai harus ditugaskan mengajar di sekolah-sekolah terutama di peringkat rendah. Untuk membolehkan mereka terus berkhidmat dengan cemerlang, sistem ganjaran dan motivasi haruslah menarik dan mampu bertanding dan bersaing.

#### ***3.2. Nisbah Murid/Pelajar Dibanding dengan Prasarana dan Guru/Latihan Guru***

Sebahagian besar penduduk Malaysia pada hari ini adalah terdiri daripada golongan muda; dan ini bermakna jumlah murid di peringkat sekolah, baik sekolah rendah atau

menengah, sentiasa meningkat. Ini menyebabkan wujudnya tekanan terhadap prasarana persekolahan serta juga guru yang terlatih mengikut perubahan yang berlaku. Keberkesanan penyampaian ilmu kepada golongan muda berkait rapat kepada perkara-perkara ini dan juga ruang yang selesa; alat dan tempat untuk pendidikan; bilangan guru terutama di bidang pengkhususan tersentuh; saiz kelas; sistem pengawalan disiplin; dan buku teks.

Oleh kerana pendidikan merupakan isu yang sentiasa diperbincangkan oleh semua lapisan masyarakat, urusan pendidikan bukan lagi menjadi tanggungjawab pengurus dan pelaksana dasar pendidikan semata-mata. Bahkan bagi memantapkan pengurusan pendidikan adalah juga tanggungjawab semua pihak dalam masyarakat termasuk ibu bapa dan majikan, sama ada Kerajaan atau pihak swasta. Penglibatan badan-badan profesional serta badan-badan bukan Kerajaan perlu digalakkan untuk membantu Kementerian Pendidikan dalam pembentukan dasar pendidikan. Pembuat dasar mestilah lebih terbuka untuk memperolehi pandangan daripada masyarakat. Semua pihak mesti sama-sama memberi sumbangan buah fikiran ke arah memajukan sistem pendidikan.

### ***3.3. Keperluan Kaedah Baru dalam Sistem Mengajar dan Belajar***

Aspek-aspek seperti sistem disiplin murid; kepimpinan guru besar; alat mengajar, corak pengukuran dan penilaian; cara pemikiran dan pemerhatian guru, murid dan para pengurus perlu melalui perubahan paradigma. Perubahan paradigma di kalangan guru, pentadbir atau pengurus sangat diperlukan kerana mereka adalah penggerak utama sesuatu idea baru dan inovasi. Konsep "sekolah bestari" yang diperkenalkan oleh

Kementerian Pendidikan pada 1997 adalah satu konsep persekolahan yang inovatif. Konsep sekolah ini haruslah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh sebagai satu perubahan kepada sistem pendidikan di Malaysia.

Isu yang berkaitan dengan pelaksanaan konsep ini adalah kemampuan negara untuk mengagih peruntukan yang sesuai di semua peringkat; iaitu peringkat negeri dan juga daerah. Dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara, kita tidak boleh meminggirkan keperluan penduduk luar bandar; dan ini termasuk kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Harus juga ditekankan bahawa kemudahan teknologi maklumat yang menjadi teras kepada konsep "sekolah bestari" melibatkan penyediaan infrastruktur yang menyeluruh seperti rangkaian komunikasi, perisian, sistem maklumat dan perkakasannya, perkhidmatan teknikal dan juga program latihan. Jika pelaksanaannya tidak mengambil kira keperluan sekolah di kawasan desa atau bandar kecil, maka jurang keberkesanan penyampaian ilmu akan bertambah dengan sekolah-sekolah di bandar.

Orientasi pengurusan sistem pendidikan perlu lebih terbuka akibat daripada perubahan yang dinyatakan di atas. Kaedah pengurusan berubah daripada yang mementingkan tindakan secara proaktif kerana pengurusan teknologi maklumat juga memerlukan kecepatan untuk membuat keputusan. Struktur birokrasi yang terdapat boleh diperkecilkan lagi dan kepercayaan penuh harus diberi kepada pengurusan berasaskan sekolah. Dalam hal ini juga lebih banyak kuasa mungkin boleh diperturunkan kepada pengurus dan pelaksana di peringkat negeri dan daerah. Falsafah yang diketengahkan

di sini ialah untuk menggalakkan kepelbagaiannya bukan keseragaman untuk mencapai matlamat-matlamat asas yang telah dipersetujui lebih awal. Ini memerlukan budaya baru yang sekali gus memerlukan pihak pengurusan atasan mengambil kira pandangan dari bawah.

### ***3.4. Literasi Komputer dan Penggunaan Teknologi Maklumat***

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, alam pendidikan kita menerima satu lagi cabaran yang besar. Untuk menumbuhkan minat dan kemahiran terhadap komputer dan IT di kalangan pelajar, para guru mestilah terlebih dahulu dicelikkan dan dimahirkan dengan medium baru pendidikan ini. Dalam hal ini, diharapkan konsep “sekolah bestari” dapat membantu supaya para guru dapat berinteraksi dengan pelajar menggunakan kaedah yang terkini.

Kita tidak dapat menolak gelombang baru yang telah tiba di negara kita sekarang. Kerajaan bersedia memperuntukkan berjuta ringgit untuk melabur dalam teknologi maklumat. Akan tetapi sejauh mana para guru bersedia menerima cabaran baru ini? Sebelum komputer dan internet dibenarkan masuk ke semua sekolah para guru mesti terlebih dahulu mahir mengendalikan medium baru yang bakal menyaingi buku dan papan hitam. Demikian juga halnya dengan perpustakaan dan pusat sumber yang kini sudah mula beralih kepada bentuk baru iaitu perpustakaan maya yang menyalurkan maklumat daripada seluruh pelosok dunia.

### *3.5. Pembentukan Personaliti dan Disiplin Diri di Kalangan Pelajar*

Pendidikan yang berkesan membawa perubahan dan pembentukan sahsiah dan personaliti seseorang pelajar; walaupun ada yang berpendapat bahawa latar belakang "rumah" atau keluarga turut memainkan peranan yang penting. Semua murid mempunyai potensi dan bakat peribadi yang perlu dipupuk. Akibat didikan di sekolah, murid-murid sebagai individu bukan sahaja akan berkembang mindanya dan terasah kemahiran vokasionalnya, tetapi akan bertambah yakin, mampu berfikir secara rasional, melihat alam sekeliling secara positif dan optimis dan bangga dengan warisan yang dipusakai. Inilah cabaran yang paling penting untuk sesuatu sistem pendidikan itu.

Nampaknya dengan bertambahnya gejala disiplin dalam tingkah laku, tindakan tidak bermoral, kurang sopan santun dan sebagainya di kalangan pelajar, matlamat pendidikan negara terus dipersoal. Ini adalah satu cabaran yang sukar sekali dicari jalan keluar kerana ia menyentuh isu tamadun dan jatidiri atau maruah bangsa dan yang kurang sekali diberi kupasan mendalam oleh banyak pihak.

Selain daripada itu, idea-idea pengajaran dan pembelajaran yang inovatif dan kreatif perlu disebar luas. Untuk maksud itu, saluran media seperti televisyen dan internet perlu didirikan atau diintegrasikan dengan TV Pendidikan dan rancangan-rancangan TV umum yang lain. Semua pihak harus insaf bahawa sebaran maklumat tentang pendidikan sama pentingnya dengan berita politik, ekonomi dan pembangunan dasar. Hanya dengan terlaksananya hasrat ini sahajalah maklumat atau data tentang proses mengajar, belajar, alat-alat bantu mengajar, sistem penilaian terkini mampu diperolehi dengan mudah oleh

masyarakat. Kerajaan telah memperkenalkan sekolah bestari walaupun keberkesanannya belum lagi dapat diukur setakat ini.

### ***3.6. Imej Guru Tidak Setimpal dengan Peranan Mereka***

Ekoran daripada pembangunan ekonomi yang cergas semenjak awal 1970-an serta bertambahnya golongan kelas menengah di negara ini penghormatan masyarakat secara amnya terhadap golongan pendidik tidak lagi mencerminkan kepentingan peranan yang dimainkan oleh para guru. Berbeza dengan keadaan yang terdapat dua atau tiga dekad yang lepas, guru dianggap berada pada hierarki pekerjaan yang rendah, dibandingkan dengan golongan profesional lain. Perkembangan sektor swasta dalam jangka masa yang sama juga membawa kesan yang sama. Oleh itu, sektor pendidikan tidak berupaya menarik minat para graduan yang menjadikan pekerjaan di sektor swasta sebagai sasaran mereka.

Selain daripada itu kurangnya ganjaran material, ketiadaan kepuasan kerja dan kemerosotan motivasi kerja di kalangan guru juga berada di tahap yang rendah. Ramai guru yang kecewa dengan berleluasanya gejala atau wabak sosial di kalangan pelajar yang kini mendapat perhatian media massa. Para guru kebelakangan ini lebih tertekan apabila masyarakat menudung jari mempersalahkan guru-guru dan sekolah akan setiap gejala yang timbul. Oleh itu, amat wajar sekali masyarakat membincangkan perkara ini supaya ada cara baru untuk meningkatkan imej dan status guru dan pada masa yang sama tidak memudararatkan beban kewangan Kerajaan. Ini adalah di antara cabaran besar yang dihadapi oleh pembuat dasar di Kementerian Pendidikan.

### **3.7. Keperluan Latihan Tenaga Mahir di Peringkat Pertengahan**

Pendidikan vokasional dan teknikal memainkan peranan penting dalam membekalkan tenaga manusia yang mahir khususnya dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara industri. Kini pendidikan vokasional semakin mendapat sambutan daripada pelajar walaupun permintaan yang makin meningkat tidak dapat dipenuhi. Kerajaan juga telah memberi sokongan yang wajar kepada pendidikan ini dengan mendirikan banyak sekolah vokasional dan teknikal di samping memberi pengiktirafan terhadap sijil SPVM yang dianggap setaraf dengan SPM. Sebahagian besar daripada lepasan SPM tidak berpeluang untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat institusi pendidikan tinggi kerana pengambilan keseluruhan di peringkat ini masih lagi kecil. Walau bagaimanapun, dengan tertubuhnya institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dan program kembar, peluang untuk mendapat ijazah makin bertambah semenjak kebelakangan ini.

Kurikulum sekolah-sekolah vokasional dan teknikal dikatakan tidak seiring dengan keperluan perkembangan di bidang industri pada waktu ini. Guru-guru yang terlatih juga tidak mencukupi begitu juga dengan alat-alat pengajaran yang terkini. Rombakan kurikulum perlu dibuat secara teratur dengan perancangan yang rapi dan tumpuan secara menyeluruh untuk merubah dan memajukan kurikulum dan pelaksanaan program. Ini juga memerlukan input atau pandangan daripada industri yang akhirnya akan menjadi penerima kepada keluaran sekolah-sekolah vokasional dan teknikal. Hanya dengan cara ini latihan dan pendidikan vokasional ini menepati permintaan tenaga kerja di sektor industri.

## **4. Cabaran Pendidikan Tinggi**

### ***4.1. Pelaburan Modal Manusia***

Pendemokrasian pendidikan di Malaysia dewasa ini menyaksikan berlakunya perubahan drastik dalam sistem pendidikan negara khususnya di peringkat pengajian tinggi tempatan. Ini memang dapat kita saksikan terutama dalam masa empat atau lima tahun lalu. Persoalan mengenai isu pendidikan sentiasa mendapat perhatian masyarakat kerana pendidikan dilihat sebagai pelaburan jangka panjang, baik dari segi Kerajaan atau ibu bapa. Pelaburan dalam modal manusia menjadi agenda penting bagi sesebuah negara kerana generasi hari ini bakal mencorakkan masa hadapan sesebuah negara; lebih-lebih lagi dalam konteks sistem universiti mengeluarkan golongan pekerja berpengetahuan (knowledge workers). Kepada ibu bapa, kemasukan anak ke universiti adalah cita-cita yang perlu dijadikan realiti; dan lebih-lebih lagi Kerajaan mesti bertanggungjawab untuk memenuhi cita-cita ini.

Sehubungan itu, isu pendidikan tinggi menjadi lebih terserlah serta menyentuh semua lapisan masyarakat di Malaysia, khususnya apabila Kerajaan menggubal pelbagai strategi dan langkah tertentu bagi membolehkan penubuhan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dibenarkan mengorak langkah untuk menjana sumber kewangan kebelakangan ini. Selain daripada itu, perlu juga dinyatakan bahawa peruntukan kewangan daripada pihak Kerajaan untuk mengurus universiti-universiti awam semestinya meningkat bukan sahaja kerana kemasukan pelajar tetapi juga kerana peruntukan prasarana seperti dewan kuliah, alat-alat pengajaran dan juga tempat kediaman pelajar dan lain-lain lagi.

Dari perspektif IPTA, ini membawa bersama pelaksanaan program secara francais, program berkembar dan pengajian jarak jauh. Usaha ini mempunyai misi murni dengan membuka peluang seluas-luasnya kepada semua lapisan masyarakat Malaysia melanjutkan pengajian ke tahap tertinggi dengan kos yang tidak membebankan pelajar atau ibu bapa.

Ekoran itu, pertumbuhan dan perkembangan IPTS di Malaysia juga agak menarik kerana pendidikan tinggi hari ini tidak lagi menjadi suatu keistimewaan kepada IPTA. Pelajar kini boleh memilih IPT yang mereka suka bagi melanjutkan pelajaran sekiranya keputusan peperiksaan memuaskan. Walaupun begitu masih ramai pelajar lepasan sekolah yang tidak berpeluang memasuki IPT. Dalam hal ini, negara kita masih lagi ketinggalan dibandingkan dengan negara-negara industri di mana hampir 40 peratus daripada penduduk mudanya mendapat tempat di universiti-universiti.

#### *4.2. Kualiti Program Akademik*

Jumlah kemasukan pelajar semakin meningkat setiap tahun kebelakangan ini. Apa yang penting setiap IPTA perlu merenung kembali program yang disajikan dari pelbagai perspektif supaya kualiti pembelajaran dan pengajaran sentiasa dijaga di tahap yang tinggi. Persoalan mengenai kualiti perlu menjadi fokus penting kerana pelajar perlu diberikan hanya yang terbaik. Persoalan ini adalah cabaran yang terpaksa dihadapi bukan sahaja oleh pihak kepimpinan universiti tetapi seluruh tenaga akademik di setiap universiti. Dalam hal ini, keperluan penyelidikan merupakan sasaran yang penting bagi setiap universiti selain daripada kaedah-kaedah pembelajaran dan pengajaran. Tanpa

usaha yang gigih dan teratur ke arah ini, universiti akan ketinggalan dan mengeluarkan graduan-graduan yang bermutu rendah.

Dalam hal ini juga, persoalan kualiti program di IPTS selalu dibangkitkan kerana masyarakat berpandangan bahawa IPTS adalah berasaskan “keuntungan” dan tenaga akademiknya tidak setanding dengan apa yang terdapat di IPTA. Sementara itu, kegiatan penyelidikan juga adalah kurang di IPTS buat masa ini kerana fokus mereka adalah tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran sahaja. Oleh itu, kita dapat masyarakat masih lagi tertanya-tanya tentang kualiti program-program IPTS.

Budaya kecemerlangan perlu dipupuk supaya setiap para akademik tidak ketinggalan dalam kegiatan penyelidikan kerana hasilnya bukan sahaja kritikal untuk membangunkan negara bahkan juga untuk mewujudkan program akademik yang terbaik. Khazanah ilmu yang didapati di setiap universiti sewajarnya diperkayakan melalui kegiatan ini. Satu lagi aspek yang perlu dititikberatkan ialah program ijazah lanjutan yang juga mencerminkan kekuatan sesebuah universiti. Enrolmen dalam program-program tersebut boleh dianggap sebagai penggenap kepada kegiatan penyelidikan oleh para akademik.

#### ***4.3. Pencapaian Akademik Pelajar Bumiputera***

Isu prestasi pelajar Melayu/Bumiputera yang tidak membanggakan di IPT sering diperkatakan pada hari ini. Rata-rata diperhatikan keputusan akademik mereka di setiap IPTA tidak memberangsangkan. Dalam persekitaran kampus yang sama, pelajar bukan

Bumiputera jelas mencapai keputusan akademik yang lebih baik. Komitmen untuk menjadi cemerlang dan budaya untuk menimba ilmu dikatakan lebih menonjol di kalangan pelajar bukan Bumiputera. Daya saing rendah di kalangan mahasiswa/i Melayu/Bumiputera menimbulkan pelbagai implikasi ke atas pengurusan IPTA. Pelbagai program khas terpaksa diwujudkan untuk membaiki keadaan ini.

Meskipun pelbagai alasan dikemukakan yang menyentuh sikap pelajar Bumiputera sendiri, namun para akademik atau pun pihak pengurusan universiti mestilah mengambil langkah proaktif untuk memperbaiki keadaan ini. Sementara itu juga, adalah menjadi harapan pengurusan setiap universiti supaya setiap pelajar Bumiputera mengambil sikap yang lebih positif dan berusaha ke arah kecemerlangan akademik.

## 5. Kesimpulan

Kertas ini membincangkan beberapa isu dan cabaran yang sedang dihadapi oleh sistem pendidikan negara pada hari ini. Pada masa negara bergerak pantas menuju matlamat untuk menjadi sebuah negara maju seperti digariskan melalui Wawasan 2020, kita semua bertanggungjawab melahirkan manusia berilmu agar matlamat negara berkembang maju di atas landasan yang betul. Di antara penggerak yang penting ialah sistem pendidikan negara; dari peringkat sekolah hingga ke universiti.

Dalam menghadapi pelbagai cabaran yang tercetus oleh kerana faktor-faktor dalam dan luaran, sistem tersebut mesti berupaya untuk berubah mengikut kehendak semasa dan kehendak masyarakat. Krisis kewangan pada tahun 1997 serta kegawatan

ekonomi berikutan daripada krisis tersebut sewajarnya membuka mata kita semua sebagai rakyat Malaysia untuk mencari strategi-strategi yang terbaik dan terkini bagi memantapkan sistem pendidikan negara. Sumber tenaga manusia di negara ini mestilah bersiap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran semasa.

Walau bagaimanapun, perlu juga dinyatakan bahawa negara telah pun meletakkan asas pendidikan yang kukuh semenjak Malaysia mencapai Kemedekaan dari peringkat sekolah ke universiti. Cabaran yang penting ialah bagaimana kita bersama dapat memantapkan sistem yang sedia ada dengan mengambil kira pelbagai perubahan yang berlaku di sekeliling kita. Untuk maju ke hadapan, sistem pendidikan negara mestilah sentiasa dinamik; lebih-lebih lagi kerana kita terpaksa bersaing di peringkat global sementara mengimbangkan kepentingan semua lapisan masyarakat supaya setiap warga negara yang berpotensi dapat diberi peluang untuk ke universiti.

## Rujukan

*Berita Harian*. 6 Mac 2000. UKM Hadapi Cabaran Lebih Hebat. Hlm.21


Fakulti Pendidikan UKM. 1999. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara: Isu Dasar, Falsafah dan Matlamat*. Jilid 1. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

Fakulti Pendidikan, UKM. 1999. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Negara: Isu-isu Pengajaran dan Pembelajaran*. Jilid 2. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.

Hussein Hj. Ahmad. 1993. *Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahyuddin Hj. Yahaya et al. 1991. *Wawasan 2020: Aspek Politik dan Sosial*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu.

Robiah Sidin. 1999. *Pemikiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.



## Sikap dan Jangkaan Remaja Terhadap Wawasan 2020

Mohd. Fo'ad Sakdan

*Sekolah Pembangunan Sosial*

*Universiti Utara Malaysia*

F0ad437@webmail.uum.edu.my

Pada 28 Februari 1991, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammed di dalam persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia telah membentangkan agenda berhubungan dengan 'Malaysia: Melangkah Ke Hadapan' yang terasnya bercita-citakan membentuk negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020. Cetusan idea yang kemudiannya dikenali sebagai Wawasan 2020 ini berharap agar Malaysia bangkit sebagai sebuah negara membangun dengan acuannya sendiri dan bukannya menerima pakai atau meniru daripada tiap-tiap satu daripada 19 buah negara yang telah membangun.

Justeru itu apa yang ditekankan bahawa Malaysia tidak harus menjadi negara yang maju dari segi ekonomi semata-mata. Malaysia sewajarnya menjadi negara maju dari segala segi sama ada politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Selain daripada itu kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepadan sosial, ketabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan keharmonian juga perlu ditekankan.

Lantaran daripada usaha mencapai matlamat inilah, Dato' Seri Dr. Mahathir telah membentangkan sembilan cabaran yang setiap satunya bagi memastikan bahawa Malaysia akan membangun dengan caranya sendiri. Antara sembilan cabaran yang ditetapkan dibentuk antara lainnya adalah;

1. Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama.
2. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bersih, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada dan yang dicapai serta gagah menghadapi pelbagai masalah .
3. Mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman matang, demokratik Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.
4. Mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika.

5. Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, rakyat pelbagai kaum bebas mengamalkan idea, kebudayaan dan kepercayaan agama masing-masing dan pada masa yang sama meletakan kesetiaan mereka kepada satu negara.
6. Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamaddun saintifik dan teknologi masa depan.
7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi iaitu sistem sosial yang mengutamakan kepentingan masyarakat, kebijakan insan tidak akan berkisar kepada negara atau orang perseorangan, tetapi sekeliling keluarga yang kukuh.
8. Memastikan masyarakat yang adil dalam ekonomi dan,
9. Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Setelah hampir sembilam tahun gagasan wawasan diilhamkan , didapati terdapat pelbagai reaksi telah terpuncul dari kalangan lapisan masyarakat. Ada pihak yang meninjau dari sudut yang positif merasa yakin bahawa Malaysia mampu untuk membangun sebagai sebuah negara industri maju dengan beracuannya sendiri. Begitu pula sebaliknya yang bersisipkan pendekatan negatif merasakan apa yang digariskan oleh wawasan adalah merupakan suatu wadah yang tidak mungkin akan dicapai. Walau apa pun juga persoalan (sama ada dari sudut positif atau negatif) yang pastinya wawasan merupakan suatu agenda yang harus didokong oleh setiap warganegara bagi menjamin kesinambungan pembangunan yang ada sekarang adalah berterusan.

Sehubungan dengan itu dalam konteks remaja masa kini adalah merupakan golongan yang paling signifikan untuk diberikan pendedahan, bekalan, dorongan serta intipati yang sewajarnya bagi menjadikan tercapainya ilham wawasan 2020 itu. Remaja kini yang dikategorikan dalam lingkungan 13 hingga 24 tahun adalah pewaris terdekat yang bakal mengantikan pemimpin yang sedia ada. Persoalannya apakah sebenarnya sikap dan jangkaan mereka ini terhadap wawasan tersebut. Positif ataupun negatif. Jika sekiranya mereka menerima wawasan sebagai satu jalan yang positif bagi mencapai matlamat negara maju maka ini merupakan suatu ganjaran dan peneguhan menarik yang perlu untuk terus diperteguhkan bagi membentulkan tekai serta keazaman yang ada. Manakala jika ia dipandang dari sudut yang negatif maka langkah-langkah yang sewajarnya masih tidak terlewat untuk dirintis bagi membentulkan kesongsangan yang berlaku. Justeru itulah kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti apakah sikap dan jangkaan yang terbenak dijiwa nurani remaja hari ini terhadap wawasan 2020.

## **Definisi Konseptual**

### **Remaja**

Dari segi Psikologi, usia remaja dikatakan berada dalam usia 12 hingga 21 tahun bagi wanita dan 13 hingga 22 tahun bagi lelaki. Jika dikategorikan mengikut tahap remaja awal dan akhir maka remaja awal berada dalam lingkungan usia 12 dan 13 tahun hingga 17 atau 18 tahun. Manakala remaja akhir adalah dilingkungan usia 17 atau 18 tahun hingga 21 hingga 22 tahun (Mappiare, 1982). Situasi ini walau bagaimanapun bergantung kepada keadaan sesuatu masyarakat remaja itu dibesarkan. Justru itu ada pendapat yang menyatakan bahawa peringkat remaja adalah antara 13 hingga 24 tahun.

### **Sikap**

Menurut Allport (1936), sikap adalah sebagai suatu keadaan kesediaan mental dan saraf yang tersusun menerusi pengalaman dan melahirkan penghargaan atau pengaruh dinamik keatas gerakbalas individu terhadap semua objek yang ada kaitan dengannya. Sikap juga adalah merupakan sesuatu yang boleh dipelajari oleh individu dan ia berkembang melalui pengalaman individu itu sendiri.

Manakala Krech, Crutch dan Ballachey (1962) mengaitkan sikap dengan penilaian positif atau negatif terhadap sesuatu objek yakni perasaan dan tendensi sama ada untuk menyokong atau menentang sesuatu objek sosial. Menurut Brouvold (1972) individu yang bertindak positif terhadap sesuatu objek tentu akan mempunyai sikap yang menyenangkan terhadap objek sikap itu berbanding individu yang tindakannya adalah negatif.

Secara umumnya di sini, sikap bolehlah dimaksudkan sebagai kecenderungan yang agak stabil bagi individu atau kumpulan untuk bertindak dan bertingkah laku bila berhadapan dengan rangsangan atau sesuatu keadaan tertentu. Mengikut Krench et. al (1962), sikap mempunyai komponen tertentu iaitu afektif, kognitif dan konatif. Kompenan kognitif adalah bahagian yang membentuk idea, kepercayaan dan pengetahuan yang didapati dari pengalaman dan seharusnya ada sebelum wujudnya sesuatu sikap.

Kompenan afektif adalah bahagian yang mengandungi hal-hal yang berhubung dengan perasaan yang melibatkan emosi individu sama ada suka atau benci. Ia juga merupakan komponen yang berkesan mendorong sikap supaya menentang terhadap sesuatu perubahan. Manakala komponen konatif pula adalah bahagian berhubung dengan tingkah laku iaitu bahagian yang berkecenderungan untuk bertindak terhadap sesuatu objek atau keadaan. Sekiranya individu bersikap positif terhadap sesuatu objek, maka ia akan bersedia menyertai atau memberi bantuan dan begitulah sebaliknya. Ketiga-tiga bahagian ini juga saling berhubungan antara satu sama lain dan sentiasa berkait rapat.

Sehubungan dengan itu secara amnya, sikap remaja terhadap wawasan 2020 adalah merangkumi ketiga-tiga komponen sikap iaitu kognitif, afektif dan konatif . Dalam konteks ini kognitif adalah merujuk kepada beberapa idea atau pengetahuan mereka berkaitan dengan wawasan 2020. Komponen afektif pula adalah meninjau perasaan sama ada mereka bersetuju (suka) atau tidak terhadap segala kandungan yang termaktub di dalam wawasan tersebut. Manakala dari sudut kognatif pula menyelami kecenderungan tingkahlaku mereka sama ada bersedia melibatkan atau mengelakkan diri dari menangani cabaran dalam wawasan 2020 ini.

Seterusnya berdasarkan kepada gambaran sikap yang ditayangkan inilah, jangkaan akan dibuat sama ada berbentuk positif atau negatif terhadap wawasan 2020 pada masa hadapan.

Tingkahlaku positif yang ditekankan di sini adalah tendensi penyertaan mereka untuk sama-sama mendokong atau memperjuangkan gagasan wawasan ini seperti mengambil langkah untuk menghayati atau mempraktikan cabaran yang diutarakan.

## Jangkaan

Jangkaan merupakan cetusan daripada struktur sikap individu. Jangkaan merujuk kepada ekspektasi seseorang individu dalam proses mencapai matlamat atau cita-cita yang diingini. Rehberg (1967) mendefinisikan jangkaan sebagai orientasi matlamat kepada perkara-perkara yang realistik. Ia merupakan suatu keyakinan bahawa sesuatu tingkahlaku akan menghasilkan sesuatu yang diingini.

Mengikut Triandis (1971), individu lazimnya membuat jangkaan yang positif terhadap sesuatu objek-objek sekiranya objek tersebut bertingkahlaku selaras dengan pengalaman masa lepasnya. Maka dengan itu dapat juga dikatakan bahawa lanjutan dari sikap terhadap sesuatu objek yang telah terbentuk iaitu jangkaan terhadap objek tersebut pada masa hadapan.

Secara umumnya jangkaan positif atau negatif boleh dikatakan sebagai hasil penilaian individu terhadap sesuatu objek-sikap yang dibuat berdasarkan pengalaman dan pembelajaran masa lepas dan seterusnya akan menentukan arah dan bentuk sikapnya pada masa akan datang. Malah elemen jangkaan ini dimanifestasikan akhirnya berdasarkan pada kehendak dan cita-cita atau projek-projek masa hadapan yang akan diusahakan oleh individu tersebut (Azhar Basirun, 1981).

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Seramai 1218 orang responden remaja dari kalangan umur 13 hingga 24 tahun terlibat dalam kajian ini. Butiran terperinci responden kajian ini boleh dirujuk pada jadual 1 dibawah.

Jadual 1: Taburan Demografi Responden

Item	Bilangan	Peratus
<b>Jantina</b>		
Perempuan	483	39.7
Lelaki	735	60.3
<b>Bangsa</b>		
Melayu	882	72.5
Cina	255	21.0
India	60	4.9
Lain-lain	20	1.6
<b>Kediaman</b>		
Bandar	495	40.6
Pekan	224	18.4
Luar Bandar	493	40.4
<b>Pendidikan</b>		
SRP	117	9.6
SPM	589	48.3
STPM	394	32.3
Diploma	57	4.7
Ijazah	56	4.6
<b>Negeri</b>		
Johor	148	12.2
Melaka	128	10.5
Negeri Sembilan	159	13.1
Selangor	105	8.6
Wilayah Persekutuan	124	10.2
Perak	79	6.5
Kedah	85	7.0
Pulau Pinang	91	7.5
Perlis	47	3.9
Kelantan	54	4.4
Terengganu	94	7.7
Pahang	94	7.7

Berdasarkan kepada dapatan kajian, secara umumnya diperhatikan bahawa golongan remaja rata-rata mengetahui tentang wawasan ini di peringkat ia mula dilancarkan lagi. Ini dapat dilihat dengan mana 63.1 peratus daripada mereka mengetahui wawasan ini pada tempoh lebih tiga tahun. Manakala hanya 5.2 peratus sahaja di kalangan remaja yang boleh dikategorikan hanya baru mengetahui tentang wawasan.

**Jadual 2 : Tempoh Masa Responden Mengetahui Tentang Wawasan 2020**

Tempoh	Bilangan	Peratus
Kurang satu tahun	63	5.2
Satu Hingga dua tahun	358	29.4
Lebih tiga tahun	769	63.1

Berdasarkan kepada keperihatinan remaja berkaitan tentang wawasan, diperhatikan kebanyakan daripada mereka mempunyai perolehan maklumat yang berbagai mengenai wawasan ini. Dalam konteks ini akhbar merupakan sumber bacaan remaja yang paling utama untuk mendapatkan pengetahuan tentang wawasan iaitu 92.9 peratus diikuti oleh Televisyen 85.9 peratus dan majalah, 72.0 peratus. Hasil kajian ini membuktikan bahawa remaja memiliki pendedahan yang tinggi terhadap media, malahan akhbar merupakan sumber utama mereka mendapatkan maklumat.

Namun begitu diperhatikan responden kurang mendapat pendedahan dari sumber-sumber interpersonal seperti rakan, ahli keluarga, menghadari bengkel mahupun ceramah untuk membincangkan topik-topik yang berkaitan dengan isu-isu semasa terutamanya yang berhubung dengan wawasan. Walhal perkara ini sewajarnya digalakan seperti aktiviti-aktiviti seperti rakan muda dan sebagainya.

**Jadual 3: Perolehan maklumat mengenai Wawasan 2020 oleh Responden**

Perolehan maklumat mengenai wawasan	Bilangan	Peratus
Buku	743	61.0
Suratkhabar	1132	92.9
Majalah	878	72.0
Jurnal	250	20.5
Televisyen	1047	85.9
Radio	835	68.5
Seminar/Bengkel	441	36.2
Perbincangan dengan Keluarga/Jiran/kawan	441	36.2
Ceramah	564	46.3
Lain-lain	348	28.5

Berdasarkan kepada pengetahuan yang diperolehi sama ada melalui media cetak ataupun elektronik, secara umumnya dapat diperhatikan bahawa remaja memahami apa yang dimaksudkan dengan setiap cabaran yang terdapat di dalam wawasan 2020. Ini dapat digambarkan melalui peratusan memahami apa yang dimaksudkan dengan wawasan berlandaskan kepada setiap cabaran yang diutarakan. Hampir keseluruhannya menyatakan sedemikian pada aras 90 peratus ke atas kecuali bagi cabaran keempat yang berkaitan dengan meujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, cabaran kelima iaitu mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur serta cabaran kelapan iaitu memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi (rujuk jadual 4).

**Jadual 4: Tahap Kefahaman, Persetujuan dan Keyakinan Responden terhadap Wawasan 2020**

Cabaran Wawasan	Memahami maksud wawasan	Bersetuju dengan cabaran	Yakin cabaran tersebut boleh dicapai
Cabaran 1	93.3	94.0	80.8
Cabaran 2	90.2	88.9	72.7
Cabaran 3	91.0	89.4	79.4
Cabaran 4	89.3	89.3	62.4
Cabaran 5	92.9	89.2	73.8
Cabaran 6	90.0	90.6	74.9
Cabaran 7	92.6	88.5	68.1
Cabaran 8	86.6	82.7	54.7
Cabaran 9	89.7	89.0	74.8

Berteraskan kepada kefahaman yang mereka ada, didapati remaja ini juga bersetuju dengan pelaksanaan setiap cabaran. Apa yang dimaksudkan di sini ialah cabaran-cabaran tersebut adalah perlu sebagai tunggak pembinaan negara yang dinamis dan maju. Jika dibandingkan antara tahap persetujuan dan pemahaman di dapati wujudnya penurunan peratus bagi setiap cabaran kecuali bagi cabaran pertama yang meningkat 0.7 peratus dan cabaran keenam iaitu mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif yang meningkat sebanyak 0.6 peratus. Manakala cabaran-cabaran yang lainnya menurun pada kadar purata 2.04 peratus dan yang paling ketara sekali ialah bagi cabaran yang ketujuh iaitu mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, merosot sebanyak 4.1 peratus (dari 92.6 peratus kepada 88.5 peratus). Sementara itu cabaran yang pertama dan keenam merupakan dua cabaran yang memperolehi sokongan persetujuan melebihi 90 peratus iaitu 94.0 peratus dan 90.6 peratus.

Berpegangkan kepada tahap kefahaman dan persetujuan mereka, para remaja telah diajukan sejauhmana mereka merasa yakin bahawa setiap cabaran yang digariskan itu akan mencapai matlamatnya pada tahun 2020. Apa yang jelas di sini, kebanyakan daripada mereka merasa yakin sesungguhnya cabaran itu boleh dicapai. Namun tahap keyakinan itu adalah jauh lebih rendah jika hendak dibandingkan dengan tahap kefahaman dan persetujuan mereka. Jika diteliti setiap cabaran sememangnya mengalami tahap kelmelurutan dalam peratusan terutama bagi cabaran kelapan iaitu jatuh sebanyak 28 peratus (perbandingan dengan tahap persetujuan), diikuti oleh cabaran keempat 26.9 peratus. Sementara jatuh yang terendah adalah pada cabaran ketiga iaitu mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang pada hanya 10 peratus. Gambaran keseluruhan perbezaan antara tahap pemahaman, persetujuan dan keyakinan boleh dirujuk kepada jadual 5 di bawah.

**Jadual 5 :Perubahan antara Tahap Kefahaman dengan Tahap Persetujuan dan Tahap Keyakinan terhadap Wawasan 2020**

Wawasan 2020	Peratusan Perubahan antara Kefahaman dan Persetujuan	Peratusan perubahan antara Persetujuan dan keyakinan
Cabaran 1	(+) 0.7	- 13.2
Cabaran 2	- 1.3	- 16.2
Cabaran 3	- 0.6	- 10.0
Cabaran 4	-	- 26.9
Cabaran 5	- 3.7	- 15.4
Cabaran 6	(+) 0.6	- 15.7
Cabaran 7	- 4.1	- 20.4
Cabaran 8	- 3.9	- 28.0
Cabaran 9	- 0.7	- 14.2

#### *Pecahan mengikut kategori Bangsa*

Sekiranya diperincikan secara lebih mendalam terutamanya berhubung dengan tahap keyakinan remaja terhadap wawasan 2020, maka diperolehi perbezaan yang lebih nyata terutama dari aspek bangsa dan pendidikan menikut perkiraan kin yang diperolehi.

Dari aspek bangsa dilihat pada keseluruhan remaja Melayu mempunyai keyakinan yang lebih tinggi untuk mencapai setiap cabaran yang digariskan iaitu pada aras min melebihi 4 kecuali pada cabaran yang ke lapan iaitu hanya 3.90. Namun demikian jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa yang lain min ini adalah jauh lebih tinggi.

**Jadual 7: Tahap Keyakinan Terhadap wawasan 2020 mengikut kategori Bangsa**

	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Cabaran 1	4.56	4.45	4.43	4.30
Cabaran 2	4.41	4.25	4.60	3.90
Cabaran 3	4.56	4.40	4.70	5.00
Cabaran 4	4.09	3.85	4.26	4.20
Cabaran 5	4.31	4.26	4.43	4.70
Cabaran 6	4.40	4.41	4.53	4.50
Cabaran 7	4.30	3.93	4.36	4.10
Cabaran 8	3.90	3.45	3.63	3.50
Cabaran 9	4.44	4.37	4.40	4.00
Purata min	4.33	4.15	4.37	4.24

Keyakinan yang tertinggi sekali dapat diperhatikan di kalangan remaja Melayu ialah pada cabaran yang pertama dan ketiga. Berdasarkan kepada ini dapat diperjelaskan bahawa kebanyakan remaja Melayu mempunyai kecenderungan untuk membina suatu semangat yang tinggi dalam mempelopori bentuk negara yang masyarakatnya saling faham memahami serta bersatu padu. Harapan ini pada pengakhirnya mengharapkan bentuk negara ini kelak akan menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Sementara itu dikalangan bangsa Cina, dilihat bahawa purata min adalah yang terendah sekali di kalangan kategori bangsa yang diuji iaitu 4.15. Ini bermakna bahawa tahap keyakinan untuk mencapai matlamat wawasan di kalangan bangsa Cina adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan bangsa lain. Min yang tinggi dikalangan remaja berbangsa Cina ialah terhadap cabaran yang pertama (4.45) dan keenam iaitu 4.41. Situasi ini seolah-olah membayangkan impian untuk tercapainya wawasan adalah gandingan antara pembentukan Bangsa Malaysia bersatu dengan masyarakat yang saintifik dan progresif.

Manakala di kalangan remaja India pula menonjolkan suatu keyakinan yang tertinggi jika dibandingkan antara bangsa-bangsa yang diuji iaitu purata 4.37. Nilai min tertinggi antara cabaran di dalam wawasan ialah 4.70 bagi cabaran ketiga dan 4.60 bagi cabaran ke kedua. Manakala min terendah adalah yang berkaitan dengan cabaran ke lapan iaitu 3.63 berhubung dengan memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.

Sementara itu bagi lain-lain bangsa pula merasaka yakin bahawa masyarakat demokratik yang matang serta liberal dan bertolak ansur adalah adunan yang disematkan boleh tercapai. Dalam konteks ini mereka meletakan min yang tertinggi sekali kepada cabaran yang ketiga iaitu 5.00 dan ke lima iaitu 4.70.

Berdasarkan kepada senario keyakinan remaja terhadap cabaran yang digariskan, secara umumnya dapat dikatakan bahawa cabaran ketiga iaitu mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk kefahaman matang, demokrasi Malaysia berdasarkan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun adalah calon yang terbaik untuk dicapai dalam matlamat wawasan jika dibandingkan dengan yang lain. Sementara itu cabaran kelapan yang berkaitan dengan memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi adalah merupakan cabaran yang paling kritikal untuk digapai pada tahun 2020 kelak.

#### *Pecahan Mengikut kategori Pendidikan*

Perincian keyakinan berdasarkan kepada pencapaian pendidikan pula memperlihatkan bahawa purata min akan menjadi lebih rendah jika sekiranya remaja itu mendapat pendidikan yang lebih tinggi (rujuk jadual 8). Dalam ertikata lain semakin tinggi pendidikan yang diperolehi oleh seseorang remaja, maka tahap keyakinan mereka terhadap wawasan 2020 adalah lebih rendah. Situasi ini mungkin tercetus lantaran daripada suasana persekitaran terutama dengan tahap pendedahan di mana ia berada. Bagi remaja yang berkelulusan ijazah pastinya mereka lebih terbuka dan berpeluang untuk membuat kajilidik yang lebih mendalam berhubung dengan setiap cabaran melalui seminar, bengkel, forum mahupun perbincangan rakan sebaya. Justeru itu penganalisisan mereka terutama dari sudut corak pemikiran mereka mungkin lebih kritis dalam menilai setiap cabaran dengan didamparkan kepada situasi hari ini dan jangkaan masa hadapan. Keadaan yang sedemikian tentunya berbeza dengan remaja-remaja yang berpendidikan bukan ijazah di manan mereka kelihatan lebih longgar dalam meluahkan buah fikiran mereka terhadap keyakinan untuk mencapai matlamat wawasan.

**Jadual 8: Tahap keyakinan tercapainya Wawasan 2020 mengikut kategori Pendidikan**

	SRP	SPM	STPM	Diploma	Ijazah
Cabaran 1	4.69	4.60	4.48	4.36	3.89
Cabaran 2	4.24	4.45	4.39	4.08	4.07
Cabaran 3	4.58	4.61	4.49	4.15	3.96
Cabaran 4	4.43	4.09	3.95	4.01	3.57
Cabaran 5	4.45	4.35	4.34	4.15	3.64
Cabaran 6	4.47	4.46	4.40	4.26	3.92
Cabaran 7	4.14	4.35	4.14	4.22	3.53
Cabaran 8	3.92	3.97	3.61	3.63	2.89
Cabaran 9	4.58	4.44	4.40	4.33	4.03
Min purata	4.38	4.36	4.24	4.13	3.71

Jika diurut berteraskan kepada tahap pendidikan, remaja yang mendapat pendidikan SRP adalah golongan yang mempunyai sikap keyakinan tinggi dalam jangkaan mereka untuk mencapai wawasan dengan purata minnya 4.38. Mereka meletakan cabaran yang pertama dan ketiga sebagai suatu cabaran yang paling diyakini untuk dicapai. Ini merupakan kombinasi antara masyarakat demokratik yang matang dengan Bangsa Malaysi bersatu. Min terendah yang wujud di kalangan mereka adalah cabaran ke lapan.

Di kalangan remaja berpendidikan SPM juga diperhatikan mempunyai purata min yang tinggi iaitu 4.36. Mereka seperti mana remaja berpendidikan SRP meletakan keyakinan yang tinggi akan tercapainya cabaran yang ketiga dan pertama berbanding dengan cabaran yang lain. Cabaran ke lapan masih lagi diletakkan sebagai memiliki tahap pencapaian keyakinan yang terendah iaitu 3.97. Walaupun demikian tahap ini adalah tertinggi jika dibandingkan dengan latarbelakang pendidikan remaja yang lain.

Bagi mereka yang mendapat pendidikan peringkat STPM turut meletakkan cabaran pertama dan ketiga sebagai suatu yang diyakini akan dicapai. Berlainan dengan mereka yang berpendidikan diploma yang menaruh harapan kepada cabaran pertama dan ke sembilan sebagai pilihannya. Situasi yang berlainan juga berlaku kepada mereka yang berpendidikan ijazah di mana mereka meletakan cabaran kedua dan kesembilan sebagai alternatif keyakinan mereka untuk mencapai matlamat wawasan.

Secara umumnya berlandaskan kepada latarbelakang pendidikan sekali lagi mengesahkan seperti mana dalam kategori bangsa bahawa mereka mempunyai sifat keyakinan yang tinggi kepada cabaran pertama akan dapat dicapai dengan lebih mudah jika dibandingkan dengan cabaran yang lain.

#### Kekuatan dan Kelemahan dalam Mencapai Matlamat Wawasan 2020

Jika diteliti kepada faktor-faktor yang menyebabkan mengapa berlakunya penurunan dari satu tahap (kefahaman) ke satu tahap berikutnya (keyakinan), mungkin ini boleh dikaitkan dengan pandangan remaja yang mengkategorikan antara kekuatan dan kelemahan yang dimiliki negara sebagai aset menuju ke mercu wawasan. Dari jadual 9 dapat diperhatikan antara unsur-unsur yang ditanggapi sebagai tunggak keutuhan negara ke arah kesenimbungan wawasan kelak adalah seperti kemantapan serta keutuhan sistem politik, sistem ekonomi yang menggalakkan pertumbuhan ataupun perkembangan ekonomi, faktor kepimpinan, masyarakat majmuk, keselamatan negara dan sistem pendidikan. Dalam ertikata lain faktor-faktor yang digariskan tersebut merupakan antara pendokong yang mampu menjadi galas kepada tercapai matlamat wawasan.

Sementara itu faktor-faktor seperti kepelbagai politik perkauman atau pun 'politik perkauman' yang diamalkan sekarang adalah merupakan ancaman serius kepada pencapaian wawasan. Ini dapat diperhatikan dengan mana hampir 68.5 peratus daripada remaja mengketegorikan hal tersebut sebagai 'kelemahan utama' dalam merancau liku-liku wawasan. Faktor lain yang tidak kurang penting dijangka akan menjadi duri dalam daging pada pandangan remaja juga adalah persoalan pengagihan ekonomi negara yang tidak seimbang sama ada di antara kaum maupun di kalangan kaum itu sendiri. Seramai 50.6 peratus remaja meletakan elemen ini sebagai pengagu gugat ketahap impian megapai wawasan. Selain daripada itu, faktor yang turut diberi perhatian penting oleh remaja sebagai rintangan-rintangan yang sewajarnya dikikis dari masa kesemasa bagi menjamin kemurnian cita-cita wawasan ialah gelombang pemikiran masyarakat, dan juga persediaan mereka masa kini bagi menuju kepuncak wawasan.

**Jadual 9: Faktor-faktor yang mampu mempengaruhi Pencapaian Matlamat Wawasan 2020**

Item	Kekuatan	Kelemahan
Sistem Politik	81.5	18.2
Pertumbuhan/perkembangan ekonomi	86.1	13.6
Politik Pelbagai Parti	31.5	68.5
Pembahagiankekayaan negara	49.0	50.6
Kepimpinan	86.6	13.1
Masyarakat Majmuk	81.2	18.3
Keselamatan negara	87.8	12.1
Sistem pendidikan	80.2	19.5
Pemikiran masyarakat	59.6	40.4
Guna tenaga dan kemahiran	79.1	20.9
Persediaan masyarakat	56.2	43.2
Sains dan Teknologi	77.4	22.6

#### *Pecahan Mengikut Bangsa*

Secara umumnya penelitian faktor-faktor kekuatan dan kelemahan seperti digariskan di atas, boleh dikategorikan kepada tiga faktor yang utama iaitu Politik, Ekonomi dan Soisal. Sehubungan dengan itu dari aspek politik, faktor-faktor yang dilihat terutamanya oleh bangsa India sebagai ancaman utama yang dikhawatir ialah berkaitan dengan Politik

pelbagai parti ataupun juga dikenali dengan politik perkauman. Manakala unsur-unsur lain seperti sistem politik dan faktor kepimpinan adalah ditatah sebagai kekuatan yang mampu menjadi tunjang wawasan.

**Jadual 10 : Faktor Politik dalam Mempengaruhi Matlamat Pencapaian Wawasan**

	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Sistem Politik	82.0	83.0	73.3	75.0
Politik	32.0	31.9	22.0	35.0
Perkauman				
Kepimpinan	87.6	84.3	88.1	85.0

Kekuatiran setiap remaja mengikut bangsa ini mungkin ada rasionalnya dengan situasi dewasa ini. Kewujudan pelbagai politik yang berteraskan kepada perkauman seperti UMNO, DAP, PAS, MIC, MCA, GERAKAN, Semangat 46 dan sebagainya adalah gambaran yang jelas terpampang seringkali merobekan kesentosaan suasana politik. Apa yang ketara selain daripada kebaikan yang di bawa terutamanya di bawah naungan Barisan Nasional, implikasi sebaliknya ialah berlakunya peperangan, konflik serta pertelagahan dalam parti politik itu sendiri yang akhirnya terbawa kepada kemunculan parti baru yang lain.

Kalau diperhatikan dari faktor ekonomi, ternyata aspek pengagihan kekayaan adalah antara yang mendapat sokongan kecil di kalangan responden sebagai satu unsur kekuatan (rujuk jadual 10 ).

**Jadual 11 : Faktor Ekonomi dalam Mempengaruhi Matlamat Pencapaian Wawasan**

	Melayu	Cina	India	lain-lain
Sistem Ekonomi	86.4	87.0	83.1	85.0
Penagihan kekayaan	51.3	42.9	39.0	60.0
Guna tenaga /kemahiran	81.8	71.0	68.3	90.0

Dalam ertikata lain di kalangan bangsa India 61.0 peratus, Cina 47.1 peratus dan Melayu 48.7 peratus melihat situasi pengagihan kekayaan negara yang ada pada hari ini adalah merupakan eleman kelemahan utama dalam 'faktor ekonomi'. Manakala faktor-faktor yang lain seperti pelaksanaan sistem ekonomi yang ada dan tahap gunatenagan dan kemahiran adalah aset yang menjadi penyokong kearah tuju yang digariskan.

Penkategorian faktor sosial kepada empat elemen utama iaitu sistem pendidikan, masyarakat majmuk, persediaan masyarakat dan pemikiran masyarakat menunjukkan bahawa kebanyakkan remaja menghalakannya sebagai suatu yang akan membantu ke arah tercapai wawasan. Dengan lain perkataan keempat-empat unsur dalam faktor sosial ini adalah kekuatan yang ada pada negara yang perlu digembeling untuk matlamat tersebut.

**Jadual 12 : Faktor Sosial dalam Mempengaruhi Pencapaian Wawasan**

	Melayu	Cina	India	lain-lain
Sistem Pendidikan	83.8	70.5	73.3	80.0
Masyarakat Majmuk	82.8	76.3	83.1	90.0
Persediaan Masyarakat	56.7	56.7	54.2	60.0
Pemikiran masyarakat	60.8	56.1	51.7	75.0

Walaupun demikian bagi kategori persediaan dan pemikiran masyarakat tahap responden yang meletakkan sebagai 'kekuatan' adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan sistem pendidikan dan situasi masyarakat majmuk.

#### *Pecahan dari kategori Pendidikan*

**Jadual 13 : Faktor politik dalam Mempengaruhi Pencapaian Wawasan dari Perspektif pendidikan**

	SRP	SPM	STPM	Diploma	Ijazah
Sistem Politik	<b>66.7</b>	<b>70.9</b>	<b>83.1</b>	83.2	80.7
Politik Perkauman	66.7	35.0	34.5	28.2	26.3
Kepimpinan	80.3	88.1	88.3	80.7	82.1

Dari pandangan responden yang berbeza pendidikan ini jelas meletakkan faktor kepimpinan dan sistem politik yang ada sebagai pengukur kepada gerakan pencapaian wawasan. Sebaliknya politik perkauman masih dilebalkan sebagai ancaman terbesar terutamanya di kalangan mereka yang berpendidikan ijazah. Mereka menyatakan 73.7 peratus 'politik perkauman' adalah kelemahan yang bakal mencorat-caritkan pencapaian wawasan.

**Jadual 14 : Faktor Ekonomi dalam Mempengaruhi Pencapaian Wawasan**

	SRP	SPM	STPM	Diploma	Ijazah
Sistem Ekonomi	82.1	83.6	89.8	91.2	92.9
Pengagihan kekayaan	47.0	53.7	44.5	42.1	48.2
Guna tenaga / Kemahiran	73.0	81.2	77.4	82.5	75.0

Di dalam faktor ekonomi, sekali lagi memperjelaskan bahawa lambang pengagihan yang tidak sempurna masih lagi menjadi agenda yang tentunya akan mengongkong pencapaian cabaran ke lapan pada tahun 2020. Manakala faktor sistem ekonomi sekarang serta gunatenaga dan kemahiran yang wujud dewasa ini adalah harta yang perlu digilap berterusan bagi memantapkan pencapaian wawasan.

**Jadual 15 : Faktor Ekonomi dalam Mempengaruhi Pencapaian Wawasan**

	SRP	SPM	STPM	Diploma	Ijazah
Sistem Pendidikan	78.6	82.3	79.4	75.4	75.0
Masyarakat majmuk	82.8	81.7	82.5	80.7	73.2
Persediaan Masyarakatran	59.0	60.9	58.8	52.6	55.0
Pemikiran Masyarakat	60.0	57.3	56.1	54.4	46.4

Dilihat dari faktor sosial, didapati kedudukan negara yang memiliki masyarakat majmuk bukanlah suatu masalah yang dijangkakan menjadi penghalang kepada pencapaian wawasan, malahan para remaja merujuknya sebagai satu aset yang amat bermakna sekali.

Berdasarkan kepada hujah-hujah kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh negara, maka tidak hairanlah mengapa setengah-setengah remaja meletakan nilai keyakinan yang rendah terhadap sebahagian cabaran yang terdapat di dalam wawasan. Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas apabila dipadankan antara keyakinan terhadap pencapaian dengan kelemahan yang digambarkan oleh mereka. Cabaran kelapan sebagai contoh di mana mengungkap hasrat memastikan masyarakat yang adil dalam ekonomi hanya menarik keyakinan 54.7 peratus. Dan ini seimbang dengan apa yang mereka kuatirkan

sebagai kelemahan dalam wawasan iaitu agihan ekonomi sekarang dengan lambang 'kelemahan' seramai 50.6 peratus.

Walaupun demikian ternyata secara keseluruhannya remaja-remaja dalam kajian ini masih meletakkan banyak input-input positif sebagai satu aset yang kukuh untuk dijadikan sandaran kepada menempu liku-liku kearah tercapainya wawasan 2020.

### **Perbincangan Hipotesis**

Secara umumnya kajian ini juga cuba untuk meninjau perbezaan pandangan remaja terhadap wawasan 2020 . Dalam perkata lain penelitian yang lebih menjurus dibuat bagi mendapatkan data yang lebih terperinci berkaitan dengan sikap dan jangkaan mereka. Bagi tujuan ini dua hipotesis telah dibentuk. Antara lainnya ia cuba melihat sejauhmanakan terdapatnya perbezaan sikap dan jangkaan dikalangan remaja yang berlainan bangsa dan pendidikan.. Kaedah statistik yang digunakan bagi mengukur perbezaan ini adalah Anova dan Post-hoc Duncan.

#### *Hipotesis Pertama*

**Tiada perbezaan yang signifikan di kalangan bangsa dengan sikap dan jangkaan remaja terhadap wawasan 2020.**

Ujian Anova dan Post-Hoc (Duncan) menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan antara sikap dan jangkaan remaja di kalangan bangsa. Apa yang jelas ialah remaja Melayu dilihat mempunyai sikap dan jangkaan yang lebih positif berbanding dengan bangsa-bangsa lain terhadap wawasan 2020 (rujuk lampiran jadual 1,2,3 dan 4).

Wujudnya perkara ini mungkin boleh didasari kepada beberapa andaian. Pertamanya remaja Melayu mungkin bersikap bahawa kepimpinan yang ada dewasa ini adalah dipimpin oleh bangsa Melayu. Lantaran itu tanggapan bahawa ilham wawasan yang begitu ideal yang dilahirkan atau dicetusakan oleh mereka semestinya dan sewajarnya disokong. Situasi ini ditambah lagi dengan mana dalam tempoh sebelum ini tiada perancangan yang merancanakan 'perancangan masa depan' secara terperinci seperti ini apatah lagi ianya adalah gerakan ke arah pembinaan negara maju.

Keduanya para remaja juga berkemungkinan telah mengimbau sejarah sepanjang pemerintahan Dr. Mahathir yang penuh dengan catatan sejarah baru yang menyaksikan kejayaan demi kejayaan dalam setiap perancangan idea yang dikendalikan. Contohnya

seperti pengeluaran kereta sendiri, pembuatan kapal terbang dan sebagainya. Oleh yang demikian dengan berdasarkan ketokohan Dr. Mahathir mereka merasa perlu untuk dihulurkan sokongan yang padu kepada usaha-usaha yang dirintis termasuk wawasan.

Sikap dan jangkaan mereka ini juga mungkin bertitik tolak kepada penghayatan bahawa bangsa Melayu adalah suatu bangsa yang suatu ketika dahulu pernah mengalami zaman kegemilangannya. Justeru itu untuk mengulangan sejarah tersebut berlandaskan wawasan 2020 bukanlah suatu parkara yang mustahil asalkan ada kemauhan. Lantaran itu perlu disematkan sikap yang berlandaskan 'kehadapan' bagi menutup zaman keperitan serta kedaifan yang pernah dialami oleh generasi sebelum ini. Dasar penjajahan yang menindas serta kepahitan mendaki ketika Dasar Ekonomi Baru mungkin mengajar atau memberikan pengajaran kepada remaja bahawa kini adalah masanya yang sesuai untuk bergerak ke arah mengecapi pembangunan yang lebih sempurna dengan mendampingi wawasan.

Manakala bagi bangsa-bangsa lain terutamanya remaja cina dan India tidak dapat dinafikan kemungkinan mereka masih meletakan rasa was-was atau curiga terhadap perancangan yang dibentuk dalam wawasan 2020. Hujah ini beralaskan kepada pengalaman pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di mana mereka sendiri menganggap telah dianaktirikan atau diklasifikasi sebagai 'warganegara kelas dua' Walhal secara praktikalnya mereka telah mengecapi kesamaan yang dirasai oleh bangs melayu juga. Sehubungan dengan itu mungkin mereka lebih suka mengambil sikap dan jangkaan yang berhati-hati dalam meluapkan fikiran terhadap wawasan ini.

#### *Hipotesis 2*

**Tiada perbezaan yang signifikan di kalangan remaja terhadap sikap dan jangkaan terhadap wawasan 2020 berdasarkan kategori tahap pendidikan.**

Berdasarkan ujian yang dijalankan, diadpati wujud perbezaan mengenai sikap dan jangkaan terhadap wawasan di kalangan remaja dari tahap pendidikan yang berbeza (rujuk jadual 5 dan 6 ).

Remaja yang mempunyai tahap pendidikan tinggi (ijazah) dilihat mungkin mempunyai sikap yang lebih kritis berbanding dengan pemegang Diploma, STPM, SPM dan SRP. Ini tidak menghairankan memandangkan tahap pendidikan biasanya akan mencerminkan kematangan fikiran dan pandangan. Berbanding dengan kategori lain remaja yang tinggi tahap pendidikan tentulah dapat berfikir secara kritis dan analitikal dalam membentuk sikap mereka terhadap wawasan. Mereka dapat mengembelingkan idea dan citarasa dalam memahami inspirasi dalam wawasan. Remaja ini tidak akan mempunyai nilai kendiri yang mudah dipengaruhi dengan dakyah-dakyah kosong yang bertujuan menracuni semangat dalam merealisasikan usaha murni ini.

Begitu juga bagi jangkaan terhadap wawasan ini dimana didapati remaja yang berpendidikan peringkat ijazah mempunyai tahap keyakinan yang kelihatan tidak memberangsangkan berbanding dengan kategori dari pendidikan yang lain. Namun ini bukanlah suatu yang perlu dikuatir kerana sebagai remaja yang mendapat dorongan dalam menganalisis tentang sesuatu agenda yang berlaku, maka kemungkinan mereka juga membuat timbangtara yang sewajarnya dengan mengupas sesuatu berlandaskan kekuatan dan kelemahan sebelum membuat keputusan. Bagi mereka dari tahap pendidikan yang lain diperhatikan mereka kesemuanya meletakkan jangkaan yang tinggi bahawa wawasan ini akan mencapai matlamatnya terutama dari tahap pendidikan peringkat SPM.

## Kesimpulan

Dihitung mengikut perkiraan, wawasan hanya mempunyai 25 tahun sahaja lagi untuk disempurnakan segala matlamat serta impian yang diwarisi oleh generasi kepimpinan politik masa kini. Sehubungan dengan itu dalam tempoh tersebut, mereka yang kini di dalam lingkungan 18 hingga 24 tahun adalah dilihat sebagai pewaris terdekat yang berkemampuan untuk mewarnakan harapan tersebut. Berjaya atau sebaliknya adalah merupakan suatu yang pastinya akan diterokai oleh remaja dewasa ini. Berlandaskan kajian ini, ternyata kita masih boleh meletakkan harapan bahawa golongan remaja dilingkungan darwasa ini adalah mereka yang berkemampuan dan mampu merealisasikan segala cabaran yang terpapar di dalam wawasan.

Mereka keseluruhannya tanpa melihat latarbelakang bangsa mahupun pendidikan rata-ratanya bersikap dan mempunyai jangkaan positif serta menaruh penuh keyakinan terhadap tercapainya matlamat wawasan 2020.

Lebih menarik lagi dilihat walaupun terdapat sedikit perbezaan dari aspek tertentu dalam memperihalkan tentang cabaran-cabaran yang ada namun secara umumnya mereka bersetuju bahawa cabaran ketiga adalah merupakan cabaran yang mempunyai tahap yang paling positif untuk dicapai. Manakala cabaran ke lapan adalah dianggap oleh para remaja sebagai suatu yang menuntut kegigihan serta toleransi jika sekiranya ia mahu dicapai.

Sehubungan dengan itu juga dapat diperhatikan sekap remaja terhadap masyarakat yang ingin dibentuk pada masa hadapan berlandaskan kepada keyakinan yang diluahkan. Remaja Melayu kelihatannya lebih yakin dengan corak masyarakat hasil percantuman cabaran yang pertama dan ketiga. Remaja Cina menginginkan masyarakat hasil tunasan cabaran ketiga dan keenam. Remaja India mengutarakan percantuman antara cabaran ketiga dan kedua manakal lain-lain bangsa melihamkan masyarakat yang diadun dari cabaran ketiga dan kelima. Walau apa pun sikap mereka jelas mereka ingin kepada suatu

masyarakat yang hidup penuh dengan kebebasan, kedamaian, keharmonian, bertolak asnur serta berkerjasama antara satu dengan lain.

Seperkara yang tidak dapat dinafikan disebalik keyakinan yang dipanculkan sebenarnya masih terdapat liku-liku kritikal yang perlu diperbetulkan bagi memantap serta menjitukan semangat remaja-remaja ini. Dari segi politik contohnya, purata remaja bersetuju bahawa politik perkauman adalah halangan atau kelemahan yang paling ketara untuk tujuan menikmati hasil wawasan. Manakala dari segi ekonomi pula, gambaran agihan kekayaan yang tidak seimbang mengigai minda remaja dengan persoalan bagaimana ia boleh dibaiki bagi mencapai satu masyarakat yang adil seperti mana yang dicita-citakan oleh wawasan. Sementara dalam faktor sosial, persediaan masyarakat masa kin yang kalau boleh dikatakan kurang bersedia mungkin akan menrencakan kerancakan untuk matlamat tersebut.

Secara keseluruhannya dapat dinyatakan di sini bahawa remaja disamping melahirkan sikap dan jangkaan yang positif dalam masa yang sama meluahkan beberapa gambaran masa kini yang perlu dibaiki. Dalam konteks ini pihak kewajiban perlu mengambil inisiatif yang lebih gigih terutamanya; Pertama membin kesedaran serta menyebarkan maklumat secara tekal agar masyarakat akan sentiasa seolah-olah didamping oleh semangat wawasan sepanjang masa. Keadaan ini perlu agar masyarakat tidak alpa dan lalai di buai dengan keseronokan yang ada pada masa ini. Kedua disamping itu perlu juga usaha-usaha penerangan yang berterusan bagi memastikan tiadanya lagi prasangka di kalangan bangsa terhadap sesuatu dasar atau program yang hendak diajukan. Ketiga, perlunya pendidikan yang berterusan diberikan kepada sama ada kepada mereka yang telah berkerja atau sebaliknya melalui ceramah berkala tentang wawasan agar ia sentiasa bersemadi di naruni masyarakat dan dijadikan panduan yang berterusan.

Kertas kerja ini dibentangkan pada 11-13 September 2000 di Seminar Penghayatan Dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia Peringkat Kebangsaan

**Mohd. Fo'ad Sakdan**  
*Sekolah Pembangunan Sosial*  
*Universiti Utara Malaysia*

## **Rujukan**

- Allport, G.W. 1991. **Personality: A Psychological Interpretation.** London. Penguin Books
- Brouvold. 1972 . **The Scientific Study of Personality.** London: Routledge and Kegan Paul Ltd.
- Krech, D., Cutchfield, R.C, & Balachey, E.L. 1962. **Individual in Society.** New York: Heineman
- Mappiare P.F, 1982. **Psikologi Remaja.** Usaha Nasional. Surabaya Indonesia.
- Rehberg. 1967. **The nature of Human Values.** New York: Collier Macmillan Publishers.
- Triandis, H.C. 1971. **Attitude and Attitude Change.** New York: John Wiley and Sons.

## Lampiran Keputusan Ujian Hipotesis

### Hipotesis 1

Ho Tiada Perbezaan yang signifikan di kalangan bangsa dengan sikap dan jangkaan remaja terhadap wawasan 2020

**Jadual 1 Ujian Anova bagi pembolehubah Bangsa dengan sikap terhadap wawasan 2020**

Source	DF	Sum of Squares	Mean Squares	F Value	Pr > F
Model	3	1.706	.568	5.790	.0006
Error	1170	114.924	.098		
Cor. Total	1173	116.631			

Berdasarkan ujian Anova di atas, jelas menunjukkan  $F < 0.05$ . Jadi Ho ditolak pada aras kesignifikanan 95 peratus. Ini memperjelaskan bahawa terdapatnya perbezaan yang signifikan di remaja antara bangsa dengan sikap terhadap wawasan 2020. Untuk selanjutnya bagi menentukan bangsa mana yang mempunyai sikap yang berbeza ini ujian Post-hoc (Duncan) telah dijalankan.

**Jadual 2: Ujian Post-Hoc (Duncan) bagi Pembolehubah Bangsa**

Bangsa	Purata	Lain-lain	Cina	India	Melayu
Lain-lain	3.9212				
Cina	3.9754				
India	4.0586				
Melayu	4.0615		*		

Daripada jadual di atas jelaslah menunjukkan bahawa bangsa Melayu mencatatkan min yang paling tinggi sekali jika dibandingkan dengan lain-lain bangsa. Namun demikian jika ditinjau dari segi perbezaan sikap ternyata wujud kelainan antara bangsa Melayu dan Cina. Dengan lain perkataan dapat dikatakan bangsa Melayu mempunyai sikap yang lebih positif jika dibandingkan dengan bangsa Cina.

**Jadual 3 Ujian Anova bagi pembolehubah Bangsa dengan Jangkaan terhadap wawasan 2020**

Source	DF	Sum of Squares	Mean Squares	F Value	Pr > F
Model	3	3.791	1.265	6.523	.0002
Error	1209	234.451	.193		
Cor. Total	1212	238.246			

Ujian Anova menunjukkan  $F < 0.05$ . Oleh itu  $H_0$  ditolak. Ini menejelaskan bahawa terdapat perbezaan jangkaan di kalangan bangsa terhadap wawasan 2020.

**Jadual 4:Ujian Post-Hoc (Duncan) bagi Pembolehubah Bangsa**

Bangsa	Purata	India	Lain-lain	Cina	Melayu
India	3.8117				
Lain-lain	3.8365				
Cina	3.8628				
Melayu	3.9754	*		*	

Bagi memperincikan perbezaan yang wujud, ujian Post-hoc (duncan ) telah digunakan. Dalam hal ini jelas menunjukkan bangsa Melayu mempunyai perbezaan jangkaan terhadap wawasan 2020. Ini bererti Bangsa Melayu dilihat mempunyai jangkaan yang lebih positif jika dibandingkan dengan bangsa lain.

### *Hipotesis 2*

Ho      Tiada hubungan yang signifikan di antara pendidikan dengan sikap dan jangkaan remaja terhadap wawasan 2020.

**Jadual 5 : Ujian Anova bagi pembolehubah pendidikan dengan sikap terhadap wawasan 2020**

Source	DF	Sum of Squares	Mean Squares	F Value	Pr > F
Model	4	5.562	.1.112	11.722	.0000
Error	1167	110.743	.0949		
Cor. Total	1172	116.305			

Dari aspek pendidikan, keputusan ujian anova jelas megambarkan bahawa terdapatnya perbezaan yang signifikan antara sikap dengan tahap pendidikan yang diperolehi oleh golongan remaja.

**Jadual 6: Ujian Post-Hoc (Duncan) bagi Pembolehubah Pendidikan**

Bangsa	Purata	Ijazah	Dip.	STPM	SRP	SPM
Ijazah .	3.7803					
Diploma	3.9724	*				
STPM	4.0129	*				
SRP	4.0780	*				
SPM	4.0837	*	*	*	*	

Sehubungan dengan itu diperhatikan perbezaan yang paling ketara melalui ujian Duncan yang dijalankan adalah antara mereka yang berpendidikan SPM, SRP, STPM dan Diploma dengan yang berkelulusan ijazah. Dalam ertikata lain terdapat perbezaan sikap dikalangan mereka yang berkelulusan ijazah dengan kategori bukan ijazah terhadap wawasan 2020 .

**Jadual 7 : Ujian Anova bagi pembolehubah pendidikan dengan jangkaan terhadap wawasan 2020**


Source	DF	Sum of Squares	Mean Squares	F Value	Pr > F
Model	4	11.387	2.277	12.163	.0000
Error	1206	225.815	.195		
Cor. Total	1211	237.203			

Dari segi jangkaan terhadap wawasan 2020 dengan pembolehubah pendidikan juga diperhatikan terdapatnya perbezaan yang signifikan. Ujian Anova menunjukkan hasil bahawa  $F < 0.05$ .

**Jadual 8 :Ujian Post-Hoc (Duncan) bagi Pembolehubah Pendidikan**

Bangsa	Purata	Ijazah	Dip.	STPM	SRP	SPM
Ijazah	3.5502					
Diploma	3.7980	*				
STPM	3.9333	*	*			
SRP	3.9693	*	*			
SPM	3.9919	*	*	*	*	

Penelitian dari aspek perbezaan melalui ujian Post-Hoc (Duncan) menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai latarbelakang pendidikan SPM mempunyai jangkaan yang agak ketara dengan lain-lain kelompok seperti Diploma, STPM dan SRP.





## **Budaya Politik Melayu: Satu Tinjauan Terhadap Perubahan Politik Pengisian Kemerdekaan.**

**Kol.Prof. Dato' Dr.Ahmad Fawzi Mohd.Basri**  
*Universiti Utara Malaysia.*

*"Oleh itu hargailah kemerdekaan negara kita ini, supaya kita akan warisi sebuah negara yang berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain dan maruahnya terpelihara dan dihormati oleh seluruh dunia"*

*(Dr. Mahathir Mohamad, UM 05 September 2000).*

Selama lebih 400 tahun negara kita dijajah , orang Melayu sebagai penduduk asal negara ini menempuh perbagai penindasan dan ketertinggalan di zaman penjajah. Di abad ke 19 kehidupan orang Melayu mula dapat diketahui melalui tulisan Abdullah Munsyi dan penulis yang terdiri dari pegawai tadbir Inggeris. Masyarakat Melayu abad ke-19 memperlihatkan proses perubahan secara mendatar. Dari segi politik , nasionalisme Melayu yang bingkas di awal abad ke-20 yang dipelopori oleh golongan agama, diteruskan oleh golongan pendidikan Melayu dan Inggeris memperlihatkan kesannya selepas pendudukan Jepun. Malayan Union telah menjadi titik awal perpaduan orang Melayu bangkit menentang penjajah. UMNO ditubuhkan pada awalnya adalah untuk menjadi wahana kepada penentangan terhadap Malayan Union yang meletakkan Tanah Melayu ketika sebagai tanah jajahan British. Dari sinilah dirintis usaha memerdekakan negara kita. Hidup Melayu menjadi slogan kebangkitan kesedaran politik Melayu. Diperingkat penubuhannya semua organisasi kepentingan Melayu bergabung dalam UMNO. Perpecahan bermula dengan keluarnya PKMM (Partai Kebangsaan Melayu Malaya).

Sejarah menunjukkan perubahan dalam pembangunan politik dan masyarakat tradisional ke sebuah masyarakat moden melibatkan proses pemodenan, pemodenan atau modenisasi adalah satu proses transisi.<sup>1</sup>

### *Budaya Politik*

Tumpuan kertas ini adalah kepada aspek budaya politik Melayu. Walaupun banyak definisi tentang budaya politik , bagi tujuan perbincangan ini saya menggunakan takrif yang diberikan oleh Almond dan Verba (1963),<sup>2</sup> Almond dan Powell (1966)<sup>3</sup>, Pye

<sup>1</sup> Lihat perbincangan tentang proses pemodenan dalam L.Rudolf dan S.H.Rudolf, *The Modernity of Tradition: Political Development in India* (Chicago and London: Chicago University Press, 1967) ; I. M. Salamon, 'Comparative history and the theory of modernization', *World Politics* , XXIII (Oktober, 1970, p.83-103. Satu kajian aplikasi kes Malaysia lihat Mohd.Dahlan Aman 'Theories and Policies of modernization: An application of A.G. Franks's Critiques with particular reference to Malaysia '(Unpublished M.A.thesis , Dept.of Anthropology and Sociology, Monash University, Australia, 1973).

<sup>2</sup> Gabriel Almond dan Sidney Verba, *The Civic Culture: Political Attitude and Democracy in Five Nations* (Boston: Little, Brown and C. 1963), h. 11-29. Organiski mengemukakan empat tahap dalam pembangunan politik, iaitu pembentukan negara kesatuan, politik industrialisasi, politik kesejahteraan

(1966)<sup>4</sup> dan Rosenbaum (1975)<sup>5</sup>. Terdapat dua cara kita melihat budaya politik ini, pertamanya dengan menggunakan tumpuan psikologi yang menitik beratkan kepada individu, dan keduanya merujuk kepada orientasi kolektif penduduk terhadap elemen asas dalam sistem politik mereka.<sup>6</sup> Umumnya pada sarjana berpendapat bahawa budaya politik perlu dibataskan kepada aspek sikap, kepercayaan dan juga sentimen yang memberi makna atau pengarahan kepada proses politik dan akhirnya menyediakan andaian dan juga aturan yang menguasai tingkah laku politik. Rosenbaum yang menyokong saranan Pye (1965) mencadangkan tiga elemen penting dalam pengarahan politik (*political order*) laitu:<sup>7</sup>

1. Orientasi terhadap struktur kerajaan
2. Orientasi terhadap orang lain dalam sistem politik
3. Orientasi terhadap diri sendiri dalam aktiviti politik.

Terdapat empat tema yang mengaitkan budaya politik dengan pembangunan, iaitu: kepercayaan (trust) dan ketidakpercayaan terhadap institusi politik; hierarki dan *equality* yang berhubung dengankuasa; kebebasan dan paksaan dalam pembinaan negara yang kuat dan tahap kesetiaan dan *commitment*.

Terdapat pula empat isu yang berkekalan yang membawa kepada perkcaian politik atau ketidakpaduan budaya politik, iaitu: I) perpecahan budaya elit-massa; ii) subkultur politik; iii) gangguan sosialisasi; dan iv) perubahan politik. Inilah daya dinamik yang selalunya aktif dalam sistem politik, mencipta ketegangan yang perlu ditangani seperti salahguna kemahiran pemimpin politik, dan pengujian keanjalan (*elasticity*) budaya politik.<sup>8</sup>

#### *Perubahan awal*

Sebelum merdeka elit berkuda atau *power elite* di samping pegawai penjajah ialah Raja-Raja Melayu dan pembesaranya yang dikelaskan sebagai elit aristocrat. Amalan pendekakaan kepada Raja suatu yang agak jarang kita dengar dalam sejarah orang Melayu. Kita pernah disogokkan dengan kisah Hang Jebat yang melawan raja kerana membela ketidakadilan hukuman terhadap Hang Tuah. Namun hukuman untuk Hang Jebat tidak kedengaran pula pembelaan terhadapnya. Dalam konteks nasionalisme

---

bangsa dan politik kemakmuran. Setiap tahap itu pemerintah dan negara menghadapi masalah tersendiri. Keupayaan mengatasi masalah itu memberikan pejuang untuk maju ke tahap berikutnya. Organski percaya dinegara membangun, regim politiknya bersifat sinkratik iaitu campuran dari sifat borjuis dan stalinis seperti yang digambarkan sebagai kombinasi antara liberalisasi dan konsentrasi kekuasaan, sila lihat A.F.K. Organski. *Tahap-tahap Perkembangan Politik*, terj. J.H. Sinaulan, SH (Jakarta: Akademika Pressindo)

<sup>3</sup> Gabriel Almond dan G.Bingham Powell, Jr., *Comparative Politics: A Developmental Approach* (Boston Little, Brown and Co., 1966), h.50.

<sup>4</sup> L.W.Pye, *Aspects of Political Development* (Boston: Little, Brown and Co., 1966)

<sup>5</sup> Walter A. Rosenbaum, *Political Culture* (London: Nelson, 1975).

<sup>6</sup> Diskusi lanjut tentang hal ini sila lihat Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 'The United Malays National Organization (UMNO) 1981-1991. A study of the mechanics of a changing political culture' (Tesis PhD yang belum diterbitkan, Centre for Southeast Asian Studies, University of Hull, 1992). H. xviii-xxii.

<sup>7</sup> Rosenbaum, *Political Culture*, h. 6-7.

<sup>8</sup> Ahmad Fawzi Mohd Basri, UMNO 1981-1991, h.xxi.

Melayu perpecahan budaya elit-massa kelihatan apabila Malayan Union diperkenalkan. Antara Oktober 1945 hingga Januari 1946 orang Melayu kelihatan sibuk menyusun gerakan mereka-menghidupkan organisasi lama dan menyusun yang baru. Nilai politik juga berubah, apabila rakyat di Johor memprotes tindakan Sultan menandatangani perjanjian Malayan Union. Pada 1 Februari 1946, rakyat Johor berhimpun di perkarangan masjid Abu Bakar Johor Bahru. Mereka memprotes dan menuduh Sultan menderhaka kepada rakyat kerana Sultan tidak lagi melindungi rakyat. Ini disebabkan dalam perlumbagaan negeri Johor 1895 ditetapkan Sultan tidak boleh menyerahkan negeri Johor kepada kuasa asing tanpa berunding dengan Majlis Mesyuarat Undangan Negeri dan persetujuan Mesyuarat Kerja Kerajaan (Executive Council). Akbar Majlis terbitan 6 Februari 1946 menuduh Sultan menderhaka kepada rakyat. Akbar itu mendakwa hak bersama rakyat adalah lebih tinggi daripada Sultan, dan tanpa rakyat tidak ada Raja, tetapi tanpa Raja, rakyat boleh memilih sesiapa untuk menjadi Raja.<sup>9</sup> Hubungan Raja dan rakyat kelihatan pulih semula dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Mulai tahun 1948, UMNO sudah kelihatan menjadi broker politik bagi menentukan masa depan Tanah Melayu. UMNO dapat menguasai pemikiran politik orang Melayu untuk merdeka serta mula membentuk dirinya sebagai elit berkuasa bagi negara yang merdeka. Ada pendapat yang menyatakan Inggeris ada di belakang UMNO. Sesungguhnya Inggeris juga ada di belakang Komunis apabila Inggeris bertanggungjawab melatih MPAJA (The Malayan People Anti Japanese Army) dan membekalkan senjata dan kewangan. Inggeris tunggu dan lihat kekuatan orang Melayu, kebangkitan orang Melayu menentang Malayan Union adalah satu kejutan bagi Inggeris.

Antara tahun 1948 hingga 1952 perpaduan orang Melayu masih kukuh. Bagaimanapun perkembangan halatuju dan pendekatan perjuangan telah menimbulkan beberapa subkultur dalam UMNO. Idea Dato' Onn untuk menjadikan UMNO parti pelbagai kaum mendapat tentangan, subkultur baru ciptaan Dato' Onn itu amat futuristik tetapi tidak dapat diterima oleh ahli UMNO dalam suasana politik yang masih 'gawat'. Akhirnya Dato' Onn meninggalkan UMNO menubuhkan IMP (The Independence of Malaya Party) atau Parti Kemerdekaan Tanah Melayu. Elit aristokrat iaitu Tunku Abdul Rahman Putera dipilih menjadi pemimpin UMNO menggantikan Dato Onn, Tunku dibantu oleh Dato' Abdul Razak Hussain iaitu seorang birokrat Melayu dari kalangan elit aristokrat. Tunku dan Abdul Razak terus mengekalkan budaya UMNO yang memperjuangkan kepentingan Melayu.

Di kalangan elit agama dalam UMNO juga melihat kepentingan Islam dalam perjuangan UMNO. Biro Agama UMNO telah mengadakan Persidangan Ulama Seluruh Semenanjung dalam tahun 1951. Dari sidang inilah lahir resolusi penting yang kemudiannya membawa kepada penubuhan PAS. PAS kemudiannya menjadi saingan UMNO.

<sup>9</sup> Ibid., h.40

Pada umumnya perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 sebenarnya masih mengelakkan ciri utama Malayan Union iaitu pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat, namun perlembagaan 1948 itu memperuntukan fasal penubuhan perlembagaan kerajaan-kerajan negeri. Kedudukan istimewa orang Melayu juga disebut di samping mengizinkan orang bukan Melayu yang bermastautin untuk tempoh tertentu menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum tahun 1955 orang Melayu adalah merupakan majoriti penduduk Tanah Melayu dan juga pengundi utama.

Menjelang pilihanraya Dewan Undangan Persekutuan tahun 1955, UMNO menghadapi gangguan sosialisasinya. Namun kekuatan akar umbi UMNO di peringkat kampung dan pimpinan di kalangan guru Melayu terus memantapkan UMNO. Dato Onn yang gagal menjadikan IMP sebagai parti politik pelbagai kaum akhirnya menubuhkan Partai Negara dengan memberi penekanan semula kepada kepentingan perjuangan Melayu. Manakala UMNO mula berubah hasil dari strategi pilihanraya Kerajaan Tempatan mengujudkan kerjasama dengan MCA dan MIC kemudiannya. Kecenderungan menjadi gabungan parti pelbagai kaum telah dijadikan strategi untuk menundukkan saingan politiknya. Manakala beberapa bekas pemimpin kumpulan radikal PKMM kemudiannya meneruskan perjuangan atas nama Partai Rakyat.

Partai Negara berkubur berikutkan dari ketiadaan Dato Onn, namun subbudaya politik Melayu yang dikenali dengan PAS dan Partai Rakyat serta UMNO. Tiga subbudaya inilah yang membentuk budaya politik Melayu sehingga kini.

#### *Politik Perlembagaan*

Dalam pilihanraya tahun 1955, Perikatan UMNO-MCA dan MIC berjaya memenangi 51 daripada 52 kerusi Dewan Undangan Persekutuan. PAS memenangi kerusi tunggal di Kerian Perak. Dengan kemenangan itu Perikatan mempunyai kuasa tawar-menawar yang lebih kuat dalam mencorak bentuk sistem politik bagi Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Memorandum Perikatan banyak mempengaruhi Suruhanjaya Perlembagaan yang diketuai oleh Lord Reid. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang ada adalah juga bersandarkan kepada peruntukan tertentu yang ada dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 pada asasnya tidak banyak bezanya dengan perlembagaan India atau beberapa buah negara komanwel British yang merdeka. Institusi Gabenor Jeneral atau Presiden dalam perlembagaan negara kita dikenali sebagai Yang Dipertuan Agong. Struktur mahupun kuasa kerajaan pusat dan negeri juga tidak jauh berbeza.

Bagaimanapun sehingga hari ini isu-isu utama dalam tolak-ansur kemerdekaan masih menjadi isu yang tidak boleh dibungkem. Ianya menjadi alat politik, alat ugutan dan cabaran yang sering timbul apabila kuasa politik UMNO lemah. Ada lima perkara yang tidak terdapat dalam perlembagaan negara bekas jajahan takluk British, tetapi wujud dalam perlembagaan negara kita, perkara ini disebut dalam pengajian sejarah sebagai 'pakatan murni', manakala dari sudut pandangan perkauman dipanggil 'kontrak sosial'.

Isu pakatan murni ini sering diungkit dan dibangkitkan dalam kumpulan pilihanraya tertentu. Pengundi Cina khususnya sering dipengaruhi oleh parti politik Cina dengan isu Kedudukan Istimewa orang Melayu (selepas penubuhan Malaysia ditambah dengan perkataan bumiputera)<sup>10</sup>; kedudukan Raja-Raja Melayu;<sup>11</sup> Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan;<sup>12</sup> dan Islam sebagai agama Persekutuan<sup>13</sup>. Manakala reaksi orang Melayu terhadap orang Cina lebih merupakan kesalan terhadap memberi kerakyatan secara jus soli menjelang kemerdekaan.

Dalam pilihanraya pertama dalam tahun 1955 isu-isu perkauman menjadi bahan kumpulan dan ianya amat berkesan, namun azam mahu merdeka mengatasi isu perkauman. Sejak tahun 1957, di kalangan UMNO ada pihak yang sering bertolak ansur, sedangkan MCA belum berhenti daripada menyalak habuan merdeka. Orang Melayu melihat keliatan pucuk pimpinan melaksanakan dasar yang menguntungkan orang Melayu.<sup>14</sup> Pilihanraya umum mulai 1959 dapat dijadikan indikator atau indeks orientasi rakyat terhadap regim atau kerajaan.

Babit ketidakpuasan hati terhadap kepemimpinan UMNO amat terasa menjelang pilihanraya 1955. Tunku mengugut untuk meletakkan jawatan jika cadangan pembahagian calon 1955 tidak diterima. Ketika pengundi Melayu 84.2 %, Cina 11.2 %, dan India hanya 4.6%. Dalam UMNO sendiri ada desakan mahukan UMNO mengisi 9% calon bagi kerusi Perikatan atas dasar kawasan itu kebanyakannya majoriti Melayu. Memberi undi kepercayaan kepada Tunku telah menyabarkan beliau menetapkan calon pilihanraya 1955 itu 35 kerusi UMNO, MCA 15 kerusi dan MIC 2 kerusi. Sesungguhnya MCA dan MIC mendapat kerusi yang lebih bukanlah atas usaha mereka *'but thanks to the goodwill of Tunku Abdul Rahman'*<sup>15</sup>. Keresahan dalam UMNO mulai kelihatan melihat cara Tunku mengkaburkan cara memasukkan persetujuan UMNO memberikan kerakyatan secara jus soli kepada orang bukan Melayu. Dalam UMNO sendiri sudah ada pihak yang mempersoalkan cara Tunku memimpin nasib dan masadepan orang Melayu. Sulaiman Palestine dalam Perhimpunan Agung UMNO dalam bulan Ogos 1956 telah meminta Tunku melepaskan jawatan Yang Dipertua Agong UMNO dan patut menumpukan kepada tugasnya sebagai Ketua Menteri.<sup>16</sup>

Apabila negara kaita merdeka pada 31 Ogos 1957, Tunku telah diberi penghormatan sebagai 'bapa kemerdekaan'. Tugas Tunku bertambah berat kerana mengisi kemerdekaan lebih sukar dan mencabar.

<sup>10</sup> Perkara 153 Perlembagaan menyebut (1) *Adalah menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera mana-mana negeri Borneo itu dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan ini.* Terdapat 9 peruntukan dalam perkara 153 ini.

<sup>11</sup> Perkara 32, 33, dan 70 Perlembagaan Persekutuan.

<sup>12</sup> Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan '*Bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagai diperuntukan dengan undang-undang oleh Parlimen.'*

<sup>13</sup> Perkara 3 Perlembagaan menyatakan (1) *Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.*

<sup>14</sup> Lihat Ahmad Fawzi Basri et.al., *Bumi Dipijak Milik Orang* (Kuala Lumpur: DBP, 1991), h.91.

<sup>15</sup> R.K. Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia* (New Delhi: Radiant Publisher, 1980). H.94. dan Ahmad Fawzi Mohd. Basri, UMNO 1981-1991, h.81.

<sup>16</sup> Aziz Ishak et.al., *Tunku Abdul Rahman: The Architect of Merdeka* (Singapura: Tan Jee Kiang, 1957), h.147.

### *Pengisian kemerdekaan*

Terdapat tiga faktor yang merubah budaya politik orang Melayu selepas merdeka, iaitu: konflik kepentingan yang berasaskan kemodenan dan tradisi; keduanya konflik ideologi yang berasaskan pertentangan antara fundamentalisme Islam dengan Nasionalisme Melayu; dan ketiganya ialah konflik kepemimpinan yang paling akhir ini ialah akibat dari Mahathirisme yang berdepan dengan pencabar - pencabarnya. Konflik-konflik ini juga memanifestasikan perubahan.

Setelah 10 tahun merdeka orang Melayu tidak nampak perubahan besar pada diri mereka. Hak atau kedudukan istimewa Melayu masih kabur dan sukar dibuktikan manfaatnya. Orang Melayu merasakan kuasa politik tanpa kuasa ekonomi tidak bermakna, manakala orang bukan Melayu merasakan kuasa ekonomi tanpa kuasa politik tidak selamat. Idea *quid pro quo* Tunku ternyata tidak praktikal lagi kerana masyarakat bukan Melayu mahukan perkongsian kuasa politik yang lebih besar. Manakala orang Melayu merasakan orang bukan Melayu menghalang pelaksanaan dasar-dasar awam untuk Melayu maju. Rasa tidak puashati itu ditunjukkan melalui keputusan pilihanraya umum tahun 1959. Perikatan memenangi 74 kerusi Dewan Rakyat dengan undi 51.8 %, PAS mendapat 13 undi (21.3%). PPP 4 kerusi (6.2%), Barisan Sosialis 8 kerusi (12.9%), Parti Negara 1 kerusi (2.1%) dan Bebas 3 kerusi (4.8%). Rasa tidak puashati ini kian panas yang meletuskan peristiwa 13 Mei 1969. Menurut seorang penyelidik :

*The May 1969 riot have been apotheosized as a symbol and a strong reminder of Malay control over the apparatus of coercion and its potential of development if Malays continued to be economically backward relative to the non-Malays. It potency for quelling non-Malays demand for termination of Malay privileges has been realised by later generations of leaders fighting to hang onto their position. Support from the Malay masses not only served to promote the change in leadership but also strengthened their hand during negotiations with non-Malays fractions of the capitalist class.<sup>17</sup>*

Keputusan pilihanraya umum tahun 1969 menunjukkan protes pengundi Cinda di bandar terhadap MCA yang dikira gagal memperjuangkan kepentingan orang Cina. Bagi orang Melayu kemenangan PAS menawan kerusi UMNO pula dikira sebagai amaran terhadap sikap tolak ansur UMNO tehadap tekanan oleh orang Cina. Dapatlah dikatakan 13 Mei adalah satu manifestasi kekecewaan orang Melayu terhadap pelaksanaan dasar dan program pembangunan orang Melayu dalam aspek sosio-ekonomi. Pembentukan Majlis Gerakan Negara (NOC) dalam tahun 1969 telah mempercepatkan proses pembangunan orang Melayu dalam pendidikan dan ekonomi.<sup>18</sup>

<sup>17</sup> Fatimah Halim, 'The transformation of the Malaysian states', *Journal of Contemporary Asia*, XX (1), 1990, h 72

<sup>18</sup> Ahmad Fawzi Mohd Basri, UMNO 1981-1991, h.96

Perubahan struktur dan bantuan ekonomi atau disebut juga sebagai strategi penajaan kependidikan menjadi kekuatan baru bagi kemajuan orang Melayu. Menjelang tahun 1985 13,475 pelajar bumiputera telah dilatih di peringkat persijilan, dan 226 pelajar pula adalah pelajar lepas universiti luar negeri, di peringkat diploma 27,045 dengan 2,100 orang dilatih di luar negeri. Bumiputera yang memiliki ijazah dalam tahun 1985 dijangkakan berjumlah 29,875 termasuk 6,034 yang dilatih di seberang laut. Dalam tahun 1980 terdapat 5,194 pelajar bumiputera yang melanjutkan pelajaran di luar negara, berbanding dengan 11,538 pelajar Cina dan 2,676 pelajar keturunan India. Perancangan telah dibuat bagi membolehkan peningkatan 86.4% pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran di seberang laut antara tahun 1986-88 dan dijangka angka itu menurun 10 peratus antara tahun 1988-60.<sup>19</sup> Pertambahan pelajar bumiputera di institusi pendidikan tinggi tempatan juga ditingkatkan dalam tahun 1969. Mageran mendapati antara tahun 1959-60 terdapat hanya 62 orang pelajar bumiputera dari jumlah 332 pelajar Universiti Mzalay, dan dari 1,736 pelajar universiti itu dalam tahun 1965, hanya 358 pelajar Melayu. Dalam tahun 1968/69 jumlah pelajar universiti berkenaan meningkat ke jumlah 5,566 orang dan jumlah pelajar Melayu hanya 1,825 orang. Penerbitan kertas putih 'Ke arah Keharmonian Negara' dan penguatkuasaan Akta Perlembagaan (Pindaan) Tahun 1971 telah membolehkan lebih ramai lagi orang Melayu dan bumiputera berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah dan juga pendidikan tinggi. Biasiswa, dermasiswa dan lain-lain bantuan kewangan diberi kepada orang Melayu dan bumiputera untuk mengubah nasib mereka sebagai kaum yang ketinggalan dalam semua bidang kehidupan.

#### Dasar Ekonomi Baru

Dasar ekonomi Baru (DEB) dilancarkan oleh kerajaan dalam tahun 1971 bagi membaiki ketidakseimbangan ras dalam ekonomi. Matlamat DEB dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 iaitu:

1. Mengurangkan dan akhirnya menghapuskan kemiskinan melalui peningkatan tingkat pendapatan dan meningkatkan peluang pekerjaan untuk semua penduduk Malaysia tanpa mengira kaum.
2. Mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat bagi membaiki ketidakseimbangan, seterusnya mengurangkan dan akhirnya menghapuskan identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi.

Ketidakseimbangan itu membuktikan struktur ekonomi kolonial yang terus wujud di era pos-merdeka tanpa sebarang perubahan besar. DEB menyebut tentang pembentukan BCIC -Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Menjelang awal 1980'an matlamat meningkatkan peratusan golongan profesional Melayu dan pekerja bidang teknikal telah dapat dilaksanakan, walaupun golongan diperigkat kepengurusan masih tidak begitu berjaya..

DEB yang bertujuan mencipta kelas menengah Melayu yang berdaya maju dan memastikan 30% penyertaan bumiputera dalam equity dan pekerjaan dalam semuasektor pekerjaan menjelang tahun 1990. DEB secara ideologinya sepatutnya menjadi alat untuk menyelesaikan masalah kemiskinan luar bandar dan lebih khusus lagi penyingkiran massa Melayu daripada sektor kapitalis. Ada juga pendapat yang

<sup>19</sup> Kerajaan Malaysia, *The Fourth Malaysia Plan 1981-1985*, (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Nasional, 1981), h.352, bagian 21.3 dan juga *The Mid-Term Review of the Fifth Malaysia Plan* (Kuala Lumpur, 1989), h.276-278.

mengatakan "In reality, however, the policy is used to justify government intervention in the area of labour organizations and capital restructuring, both fundamental prerogatives of capitalist function".<sup>20</sup>

Peluang yang dicipta oleh DEB tidak sahaja digetu oleh elit Melayu dan sejumlah massa Melayu terpilih, malah diambil peluang oleh UMNO sendiri yang mengambil peluang untuk mentransform parti itu dari keadaan kewangan yang daif kepada keadaan yang lebih kukuh yang akhirnya menjadi satu tarikan kepada pemimpin parti yang bepotensi. Empayar bisnes UMNO membolehkan UMNO tidak lagi bergantung kepada MCA untuk membiayai parti Perikatan dalam pilihanraya umum.<sup>21</sup> Fleet Group menguasai akhbar perdana The New Straits Times, Beria Harian, dan Shin Min Daily News. Kumpulan UtusanMelayu juga dikuasai oleh UMNO. Akhbar-akhbar ini kemudiannya memberi sokongan atau sebaliknya kepada proses pengkreutan elit politik.

*Revolusi Mental*<sup>22</sup> yang diusahakan oleh Pemuda UMNO dan *The Malay Dilemma*<sup>23</sup> karya Dr Mahathir Mohamad adalah dua buah buku yang secara psikologi turut serta mengajak orang Melayu merubah sikap bagi menangani perubahan yang berlaku. Semasa Dr Mahathir mengambil alih kepemimpinan UMNO dan kerajaan perubahan banyak berlaku dalam bidang politik, dan sosio-ekonomi.

Menjelang pertengahan tahun 1970'an, nilai materialistik mula berakar umbi dalam masyarakat Melayu dan yang kaya bertambah kaya dan miskin bertambah miskin.<sup>24</sup> Kelas menengah Melayu juga berkembang, jika di zaman kolonial dan selepas merdeka, elit birokrat Melayu dianggap kelas menengah. Dalam era DEB, wujud elit bisnes Melayu atau golongan borjuis. Penyelidik bukan Melayu mendapati " Malay politician, bureaucrats and aristocrats who have wasted no time in using their influence to enrich themselves."<sup>25</sup> Golongan elit birokrat mula merasakan peranan mereka turut berubah kerana negara ini bukan lagi negara birokrat, mereka bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan untuk elit bisnes yang kini diharapkan menjadi jentera penggerak pembangunan dan kemajuan negara. Golongan elit politik pula sudahpun menguasai apparatus kerajaan menjadikan mereka elit berkuasa menggantikan elit tradisional yang kini menjadi simbolik keagungan kuasa zaman silam.

<sup>20</sup> Fatimah Halim 1990, 'Transformations of Malaysian Society', h.72

<sup>21</sup> Heng Peng Koon, *Chinese Politics in Malaysia: A History of the Malaysian Chinese Association* (Singapore: Oxford University Press, 1988), 164-68. Lihat juga penjelasan Daim Zainuddin tentang penglibatan UMNO dalam bisnes dalam *Far Eastern Economic Review*, 5 Julai 1990, h.50. " UMNO has chosen to do it in an open manner. In the past we never declared that Fleet was a nominee, but by the time Dr Mahathir become prime minister, all nominee companies were known".

<sup>22</sup> Senu Abdul Rahman et al., *Revolusi Mental* (Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu, 1971)

<sup>23</sup> Mahathir Mohamed, *Malay Dilemma* (Kuala Lumpur: 1982).

<sup>24</sup> Mahathir Mohamed, *The Challenge* (Petaling Jaya: Pelanduk, 1986), h.4

<sup>25</sup> Lim Mah Hui, 'Contradiction in the development of Malay capital: state, accumulation and legitimization' *Journal of Contemporary Asia*, 15 (1985), p.44

Dalam konteks budaya politik Melayu, keadaan politik telah menyebabkan elit politik Melayu kembali bertaut membentuk kerajaan campuran di peringkat pusat dan negeri. UMNO dan PAS bergabung tenaga dalam kabinet dan Barisan Nasional. Pilihanraya tahun 1974 dan 1978 **Barisan Nasional** menang dengan mudah menguasai kerajaan pusat dan negeri.

#### *Pertentangan Ideologi.*

UMNO dan PAS bersaing mendapatkan pengaruh orang Melayu melalui propaganda politik. Sebelum tahun 1979, PAS dan UMNO cuba membuktikan ‘aku lebih Melayu dari mu’. PAS memperleceh UMNO yang dikatakan sering bertolak ansur terhadap orang bukan Melayu. Pengaruh PAS mula bertapak di pantai timur Semenanjung dan negeri-negeri Melayu utara.

UMNO adalah sebuah parai politik yang pragmatik. Kata Tunku :

Sebenarnya UMNO ini bukan parti politik yang menamakan dasarnya... UMNO ini parti politik yang menjalankan dasar dan tugas yang didapati sesuai dengan aliran zaman dan kemauhan orang-orang Melayu khasnya... Kiranya pada hari ini UMNO ikut jalan yang disifatkan kanan, pada satu masa kelak UMNO mengikut juga dasar kiri, ini semuanya kena pada kehendak rakyat dan masa.<sup>26</sup>

Dato Senu, Setiausaha Agung UMNO percaya jika parti itu terlalu menekankan ideologinya yang rigid dan ketat, biasanya parti itu tidak dapat menyesuaikan perjuangannya dengan keadaan dan dari itu tidak mendapatkan kepercayaan rakyat kecuali dengan menggunakan kekerasan dan perampasan kuasa.<sup>27</sup> Bagaimanapun UMNO percaya disebabkan namanya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, UMNO berjuang atas dasar nasionalisme yang luas dan ada *flexibility* serta boleh disesuaikan mengikut perubahan zaman. Dato Senu menamakannya sebagai nasionalisme demokratik.<sup>28</sup> Bagi setengah petugas UMNO mereka berpegang kepada falsafah UMNO yang memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan negara. Inilah asas nasionalisme Melayu.

Tidak kelihatan perbezaan ketara antara UMNO dan PAS dalam membela kepentingan orang Melayu. “*Due to certain social and historical factors, Islamic ideals could be realized on the basis of Malay nationalism*”<sup>29</sup> Tahap perjuangan nasionalisme Melayu dalam PAS dapat dibahagikan kepada 3 tahap: 1951-53 di bawah Haji Ahmad Fuad, ‘nasionalisme Melayu belum stabil’, daripada 1953-1956 dengan kemasukan bekas pemimpin PKMM dan Hizbul Muslimin dan bila Dr Haji Abbas Alias memimpin PAS babit ideologi mula kelihatan; dan tahap ketiga ialah dalam tahun 1956 apabila Dr

<sup>26</sup> Ahmad Fawzi Basri et al., 1991, **Bumi Dipijak Milik Orang**, h.79.

<sup>27</sup> Ibid,

<sup>28</sup> Senu Abdul Rahman 1971, ‘Falsafah perjuangan UMNO’ dalam **UMNO 20 Tahun** (Kuala Lumpur: UMNO), h.49

<sup>29</sup> Saife Bin Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology* (Kota Bharu: Nuawi, 1981), 81.

Burhanudin Al-Helmy menjadi Yang Dipertua PAS. Nasionalisme Melayu yang dikatakan diperagakan UMNO tercabar bila Datuk Asri Haji Muda menguasai PAS dan lebih agresif mempengaruhi orang Melayu dengan membuktikan dasar UMNO yang sering dikaitkan tidak menguntungkan orang Melayu.

Dalam tahun 1966 Syed Jaafar Albar mendapat UMNO tidak boleh lagi bergantung kepada projek pembinaan surau dan masjid serta balai raya untuk menang dalam pilihanraya... jika pergantungan kepada projek pembangunan itu berterusan ia boleh mengecewakan.<sup>30</sup>

Diakhir tahun 1960'an dalam UMNO sudahpun ada golongan yang dipanggil ultra yang mula mengkritik UMNO dari dalam kerana mereka melihat kepemimpinan UMNO gagal dalam tugasnya sebagai pelindung orang Melayu, serta bukti kepemimpinan parti gagal memenuhi harapan orang Melayu. Akibat dari tekanan dari dalam dan luar parti, Tunku meletakkan jawatan dan bersara dari politik. Kepemimpinan Tun Razak diharapkan dapat memenuhi harapan orang Melayu. Penubuhan Barisan Nasional bermula dengan perjanjian penubuhan kerajaan campuran Perikatan dan PAS pada 28 Disember 1972 ianya telah dapat menyatukan semula perpaduan politik Melayu. UMNO menyetujui perjanjian 13 perkara<sup>31</sup> dengan PAS yang memberi penekanan kepada nilai-nilai Islam. Kerajaan Barisan dan pemimpin UMNO menggerakkan penubuhan Bank Islam, Yayasan Ekonomi Islam, Universiti Islam Antarabangsa.

Bagaimanapun perkahwinan UMNO dan PAS tidak lama, dalam tahun 1979 NGO yang mirip kepada agama dan PAS amat mengagumi kebangkitan revolusi Iran. Penyingkiran PAS dari Barisan Nasional dan penubuhan kerajaan darurat di Kelantan telah menyebabkan PAS menjadi pembangkang semula. Sejak itu PAS menyerang UMNO. Radikalisme PAS diilhamkan oleh kejayaan revolusi Iran. Strategis PAS menyadur taktik golongan fundamentalis Islam di Iran untuk mempengaruhi publik. Penubuhan kerajaan Islam sudah makin jelas sebagai sasaran perjuangan PAS sedangkan hal itu dikatakan tidak terdapat dalam perlembagaan PAS, matlamat utama PAS sebenarnya ialah 'izzul Islam wal-Muslimin' yang bermaksud untuk kejayaan Islam dan ummahnya.<sup>32</sup>

Sejak itu orientasi regim dikalangan orang Melayu mula celaru. UMNO mengakui ia membela Islam dan Malaysia adalah negara yang diketuati oleh orang Islam. PAS mula menolak dasar-dasar kerajaan yang dikatakan Unislamic. PAS memberikan alternatif menubuhkan kerajaan Islam dan menamakan era kebangkitan Islam.

ABIM dan PAS mengcam nasionalisme Melayu dalam ushanya menghasut sentimen antogonisme dan kebencian terhadap UMNO.<sup>33</sup> Mereka samakan nasionalisme Melayu

<sup>30</sup> Lihat rencana Harvey Stockwin, 'A matter of degree' **Far Eastern Economic Review**, Julai 28, 1990, hal. 36

<sup>31</sup> Lihat Alias Mohammad, 1978. Sejarah Perjuangan Parti PAS, h.187-191.

<sup>32</sup> Ahmad Kamar, **Islam tercabar: Satu Pandangan terhadap Perjuangan PAS** (Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu, 1979), 82. Lihat juga kenyataan bekas ahli PAS Haji Suhaimi Said dalam **Utusan Malaysia**, Julai 18, 1990

<sup>33</sup> Nakhaie Haji Ahmad, Ke Arah Politik Bermaruah (Damansara, Selangor: RAPI), h.219.

dengan pergerakan Kamal Atartuk di Turki yang dikatakan dipengaruhi gerakan Free Mason Yahudi, dan nasionalisme Arab yang diasaskan oleh sarjana Kristian. Oleh itu UMNO dilabelkan sebagai pergerakan Zionis, iaitu musuh Islam.<sup>34</sup>

Pertikaian ideologi UMNO dan PAS ini diperhebatkan lagi oleh pertukaran kepemimpinan PAS di bawah kepemimpinan bekas pemimpin ABIM iaitu Fadzil Nor dan Haji Hadi Awang. Pemimpin ABIM, bekas pemimpin Suara Islam dan IRC yang berpengalaman di luar negara, bersatu untuk mengubah PAS menjadi parti yang radikal. Mereka mahukan penubuhan negara Islam sebagai alternatif kepada UMNO, yang disifatkan oleh ABIM dan PAS sebagai parti sekular. PAS dan kumpulan revivalis ini cuba meyakinkan orang melayu berjuang untuk Islam, jika menentang mereka bererti menentang Islam itu sendiri. ABIM juga mendakwa dirinya sebagai penyumbang terbesar kepada kebangkitan Islam di Malaysia.<sup>35</sup>

Diperingkat desa berlaku isu kafir-mengkafir , manakala di tahap perang psikologinya nasionalisme Melayu dikatakan sebagai satu bentuk assabiyyah atau *sectarianisme* kerana dikatakan hasilnya ialah kesetiaan kepada puak mengatasi kesetiaan kepada Allah.<sup>36</sup> Sejak tahun 1974 lagi konflik diantara golongan fundamentalis dan nasionalis di Mesir telahpun digunakan oleh ABIM dan PAS sebagai model untuk memecahkan pengaruh UMNO dikalangan orang Melayu dan untuk mengujudkan satu daya politik yang baru diMalaysia. UMNO juga diberi gambaran menyeleweng dari prinsip Islam,slogan pemecah diluahkan seperti Islam dan kafir, yang ditindas (*mustazafin*) dan yang menindas (*mustakbirin*).<sup>37</sup> Perpecahan makin memuncak apabila beberapa fatwa dikeluarkan apabila PAS dapat menggunakan Islam sebagai medium protesnya.<sup>38</sup>

Di kalangan pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran di luar negeri seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom gerakan menghasil pelajar ini juga berjalan lancar, sehingga ada di kalangan mereka yang tidak mengakui diri mereka adalah orang Melayu, sebaliknya mereka hanya mengakui diri mereka sebagai orang Islam, mengaku Melayu

<sup>34</sup> Lihat Imam Munawwir, **Mengapa Umat Islam dilanda Perpecahan** (Singapura : Pustaka Nasional, 1985), h.118-131. Nasionalisme Arab bermula di Lebanon melalui gerakan awal oleh Nasir Yazeji (1800-1871) dan Butrus Bustani (1819-1873). American University yang ditubuhkan di Beirut dalam tahun 1866 adalah cetusan rasa nasionalisme Arab. Di Mesir, Lutfi Assayid dan Saad Zaghlul menyebarkan Islam untuk menyokong geakan nasionalis bagi menentang penjajah, maka ini mendakyah idea 'agama untuk Tuhan dan negara untuk penduduknya'. Bagaimanapun Dr. Said Ramadhan dari Ikhwan Muslimun menentang nasionalisme Arab yang disifatkan sebagai assabiyyah baru atau chauvismeyang tidak wujud dalam Islam. Maryam Jamelah, **Islam and Modernism**, ed. Ke-5, (Lahore: M.Y. Khan, 1988), h.161-201.

<sup>35</sup> Lihat editorial buletin ABIM, **Risalah**, Februari 1991, h. 11.

<sup>36</sup> ChandraMuzaffar, **Islamic Resurgence in Malaysia** (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1987), h.56-57.

<sup>37</sup> Ibid , h 85

<sup>38</sup> Lihat Mukhtar Che Ali, 'Kepemimpinan YAB Dato' Dri Amar Diraja, Dato' Haji Wan Mokhtar bin Haji Ahmad dalam politik Trengganu' (latihan Ilmiah yang belum diterbitkan, Jabatan Sains Politik UKM, 1984/85), h.60 PAS dikatakan mengeluarkan fatwa bahawa siapa yang menyokong UMNO itu kafir, penikahan oleh imam yang menyokong UMNO tidak sah, haiwan sembilahan ahliUMNO haram dimakan; ahli PAS dijamin masuk syurga, ahli UMNO masuk neraka, Barisan Nasional keajaan yang menindas dan tidak menyokong undang-undang Islam, dan nasihat serta penjelasan yang diberi oleh ulama yang bekerja dengan kerajaan kafir tidak perlu diikut.

itu bererti assabiyah. Malah mereka juga menentang beberapa dasar kerajaan termasuklah fahaman meeka bahawa DEB itu adalah satu dasar yang menindas kaum lagi atau diskriminasi, oleh itu tidak *Islamic*. Golongan ini kemudiannya menyertai sektor awam dan swasta serta korporat dan turut mencorakkan tingkahlaku pengundi dalam pilihanraya umum selepas tahun 1982.

Perpecahan dalam budaya politik Melayu menjadi lebih gawat apabila kumpulan serpihan UMNO menubuhkan Parti Melayu Semangat 46. PAS dan Semangat 46 membuat pakatan melalui Angkatan Perpaduan Ummah (APU) menggonggong kekuatan UMNO dalam pilihanraya 1990 dan 1995. Dalam konteks ini Kelantan dan Trengganu menjadi model protes orang Melayu terhadap regim Barisan Nasional. Dua bagan di bawah ini dapat melihat aliran perpecahan dan perpaduan dalam budaya politik orang Melayu.

**Bagan I**  
**Jumlah Kerusi Parlimen Mengikut Parti**

Tahun	BN	PAS	46	Berjasa	DAP
1999	148+	27	5+*		
1995	162	7	6	PBS 8	9
1990	127	7	8	-	20
1986	148	15	-		24
1982	132	5		Bebas 8	9
1978	130	5	-	-	16
1974	135**	-	SNAP 9	Pkmas 1-	9
1969	66	12	GRM 8	PPP 4	13
USNO	10*				

+\* Parti KeAdilan

+ UMNO memenangi 72 kerusi berbanding 88 dalam tahun 1995, dan menguasai 175 kerusi DUN berbanding 231 dalam tahun 1995.

\* 10 calon USNO dipilih tanpa bertanding sebelum pilihanraya digantung. Bila disambung semula 1 calon USNO menang tanpa bertanding di Tuaran, 3 calon SCADan dua lagi dari USNO menjadikan Perikatan Sabah menang 16 kerusi. 24 kerusi Parlimen di Sarawak dimenangi Perikatan 7, SUPP 5, Pusaka 2, SNAP 9 dan bebas 1. 1 kerusi Melaka Selatan dimenangi Perikatan dalam pilihanraya 30 Januari 1971.

\*\* BN menang tanpa bertanding 47 kerusi

**Bagan II**  
**Peratusan Undi Parlimen**

Tahun	BN	PAS	DAP	PBS	S46	AKIM	Bebas	PRM
1999	56.5	16.1	11.9	2.1	11.2+*	0.4	1.0	
1995	65.15	7.31	12.06	3.31	10.20	0.08	1.25	0.64
1990	53.38	6.72	17.62	2.29	15.06	*	3.21	1.01
1986	57.28	15.5	21.09	**	-	-	3.18	**
1978	60.54	14.46	19.57	***			3.77	
1982	57.2	15.5	19.1	****			4.6	

\* Parti KeAdilan

\*Permas 0.49%

\*\*Parti-parti lain 2.95%

\*\*\*Parti Lain 1.67%

\*\*\*\*Parti lain 3.4%

### *Barisan Alternatif*

Budaya Politik di Malaysia tidak memungkinkan pembentukan kerajaan Melayu yang majoriti. Sama ada UMNO mahun pun PAS mereka terpaksa menerima hakikat bahawa kawasan majoriti Melayu lebih kurang 109 kerusi, bagi mendapatkan dua pertiga sebanyak 128 kerusi diperlukan dari kesemua 193 kerusi Dewan Rakyat. Oleh itu Barisan Alternatif tiada pilihan melainkan bersekutu dengan DAP yang selalu curiga terhadap perjuangan untuk menegakkan negara Islam oleh PAS..

### *Pilihanraya 1999*

Pada umumnya terdapat tiga pilihanraya umum yang memberikan kesan kepada UMNO khususnya, iaitu pilihanraya 1959 UMNO berdepan dengan krisis dengan Kesatuan Guru-Guru Melayu Semenanjung , kerajaan negeri Kelantan dan Trengganu dikuasai PAS, Japun dan sembilan kerusi Parliment di Kelantan dan tiga dari enam kerusi Parliment Trengganu dikuasai PAS. Dalam tahun 1969 sekali lagi UMNO berdepan dengan PAS yang dikatakan mewakili protes oerang Melayu terhadap regim Perikatan pimpinan UMNO. PAS menguasai 6 daripada 10 kerusi Parliment dan juga menguasai keajaan negeri, Di Trengganu PAS kalah tipis dan memenangi 2 daripada enam kerusi dan 11 kerusi negeri berbanding 3 kerusi sebelum itu . Manakala di Kedah PAS memenangi 3 Parliment dan 8 kerusi DUN . Di Perak PAS menang masing-masing satu kerusi Parliment dan DUN.

Dalam pilihanraya umum 1999, PAS mendapat rakan kongsi baru iaitu parti KeAdilan yang memperjuangkan reformasi. Dengan menggunakan isu kezaliman, ketidak adilan dan kroni , PAS dan Adil serta DAP bergabung atas nama Parti Alternatif berjaya beberapa kerusi Parliment dan DUN. KekalahanUMNO dikawasan tertentu disebabkan kejayaan PAS mempengaruhi pengundi tentang tokoh-tokoh yang bertanding dan juga

isu-isu nasional dan setempat. Perpecahan dalam UMNO amat nyata sehingga kita boleh yakin bahawa adanya orang UMNO mengundi pembangkang dan jentera pilihanraya UMNO yang lemah akibat politik peribadi dan kepemimpin setempat, sesetengah ahli melihat UMNO telah dijadikan alat untuk berebut habuan dan mengenepekan ahli massa.

Kemenangan PAS dan Adil serta kekalahan UMNO dalam menguasai pemikiran politik orang Melayu adalah demi kuasa tanpa memperhitungkan bagaimana kita melihat diri dan orang lain.

**Bagan III  
Kerusi yang dimenangi PAS dan Adil serta DAP**

Negeri	PAS		Adil		DAP	
	Parlimen	Dun	Parlimen	DUN	Parlimen	DUN
Perlis		3				
Kedah	8	12				
P.Pinang		1	1	1	4	1
Perak	2	1		1	1	4
Selangor	4			1		1
Wilayah					4	
Kelantan	10	41	3			
Trengganu	7	28	1			
Pahang		6		1		1
Melaka					1	4
Jumlah	31	92	5	4	10	11

#### *Melihat diri*

Dalam diri pengundi Melayu ini sudahpun timbul keliruan terhadap objek politik. Misalnya penentangan sebenarnya ialah antara PAS dan UMNO tetapi pengundi dan generasi muda difahamkan sebagai menentang kerajaan. Pada hakikatnya pemimpin politik yang menguasai badan ekskutif, dua badan lagi Kehakiman dan Parlimen adalah juga institusi kerajaan. Sebelum ini konsep anti-establishment digunakan, ia tidak semestinya kerajaan, tetapi boleh juga dirujukkan kepada mana-mana pihak berkuasa. Bagaimanapun tafsiran politik kelihatan mengatasi tafsiran perlombagaan, kerajaan institusi kerajaan itu termaktub dalam perlombagaan.

#### *Melihat orang lain*

Orang Melayu harus melihat kebijaksanaan dalam budaya politik orang Cina. Kemenangan MCA dan kekalahan DAP tidak merugikan orang Cina, sebaliknya parti komponen Cina dalam Barisan Nasional boleh menggunakan sebagai alat tawar

menawar yang baru. Ini disebabkan MCA percaya terdapat tiga asas kuasa politik iaitu:<sup>39</sup>

1. Perwakilan pengundi
2. Persempadan kawasan pilihnaraya
3. Perwakilan dalam kabinet.

MCA mendapati walaupun pengundi Melayu berjumlah 84.2% dalam tahun 1955, dalam tahun 1959 angka itu merudum kepada 57.1% dan tidak mungkin pengundi Melayu mendapat mencecah angka melebihi 60% MCA menjangkakan dalam tahun 1980 penduduk Melayu tidak lebih dari 54.2 peratus, Cina 34.7%, India 10.4% dan lain-lain 0.7%.<sup>40</sup>

MCA juga membuktikan indeks perwakilan dalam kabinet telah merosot dari 25% dalam tahun 1957 kepada 19% dalam tahun 1981. Malah usaha mencapaikuasapolitik yang lebih kian kelihatan apabila fokus MCA makin bertambahnya kerusi campuran di kawasan bandar khususnya. Kerusi majoriti kaum khususnya Melayu akan berkuarangan. MCA meramalkan jika dalam tahun 1974 ada 79 kerusi majoriti Melayu berdasarkan 114 kerusi Parlimen ketika itu, dalam tahun 1990 MCA menjangkakan kawasan majoriti Melayu tinggal 30%, kawasan majoriti Cina 20%, dan ayang paling banyak nanti ialah kawasan tiada majoriti mana-mana kaum atau *mixed seat*. Begitulah juga keadaanya diperingkat DUN.

MCA juga mahukan pembahagian kerusi juga wajar mengikut kekuatan kaum, jika dalam tahun 1978 calon Melayu seramai 75 orang atau 68% dalam tahun 1990 sepututnya calon Melayu hanya 63 orang atau 55%, China 40 orang atau 35% (berbanding 34 orang atau 30% dalam tahun 1978), dan India dari 5 orang atau 4% dalam tahun 1978 patut diberikan 10% atau 11 orang dalam tahun 1990.

Tidakkah UMNO dan PAS dapat melihat jangka masa panjang tentang kedudukan politik Melayu dari segi jangka panjang? Bagi UMNO melalui Barisan Nasional atau Perikatan sebelum itu bermula dengan peratus undi diperolehi bermula dengan 81% dalam tahun 1955 mengalami kemerosotan yangmendasar iaitu sebanyak 48.8 % dengan peratusan kerusi sebanyak 63.5 % dalam tahun 1969. Rekod 60% undi diperolehi dalam tahun 1974 dan 1982. Oleh itu undi sebanyak 56.5% dalam tahun 1999 bukanlah rekord terburuk dan UMNO mempunyai waktu yang singkat untuk membaiki kemerosotan undi akibat kekalahan kerusi kepada PAS dan Adil khususnya.

### *Cabarau dan Masa Depan*

Barisan Nasional tetap menjadi parti yang menjadi pilihan majoriti rakyat dalam dekad akan datang sekiranya komponen Barisan Nasional tetap intim hubungannya. Lebih

<sup>39</sup> MCA, *Malaysian Chinese towards National Unity* (Kuala Lumpur: Eastern University Press, 1984).

<sup>40</sup> Ibid., h.83.

penting lagi UMNO perlu memperbaiki imejnya sebagai parti yang bersih , cekap dan amanah serta barisan pemimpinnya yang berakhhlak tinggi. Seorang tokoh UMNO mengakui:<sup>41</sup>

*Imej buruk sesetengah pemimpin UMNO telah banyak mencadangkan wajah UMNO yang telah (dan diakui oleh semua amat berbakti kepada bangsa, agama dan ibu pertiwi) tetapi seperti kata pepatah kerana seekor kerbau membawa lumpur terpalit semua atau sebab nilai setitik rosak susu sebelangan ...*

*Para pemimpin UMNO di semua peringkat yang bermasalah dalam kehidupan peribadi . yang ada kelemahan yang boleh dan bakal mencemar dan melukakan UMNO harus berundur diri. Andainya mereka benar-benar cingakanparti yang telah menukar wajah bangsa Melayu dan lanskap politik MelayuIslam, jangan bebabnkan paerti sebelum skandal dan kemungkaran terbongka.*

*Untuk memulihkan imej UMNO dan mendekati parti itu dengan rakyat - pemimpin yang dilihat oleh rakyat (bukan perwakilan UMNO) sebagai korup, tidak berakhhlak, tidak berwibawadn dicemuh hendaklah berundur diri secara sukarela, kalau tidak mereka tanpa ragu lagi akan menyumbang kepada kekalahan dan kehancuran UMNO.*

Gambaran umum menyebut golongan muda kurang berminat dengan parti pemerintah dan tidak kurang ramainya yang tidak kisah tentang politik. Proses pengkretran politik dalam UMNO dan PAS menampakkan aliran yang berbeza. Faktor materialistik mungkin dijadikan oleh sesetengah orang untuk menyertai UMNO manakala PAS berjaya membawa halatuju perjuangan kearah semangat sukarela yang bersandarkan kepada kemenangan Islam sebagai matlamat akhir perjuangan. Sesungguhnya PAS telah mewarisi sifat volunteerism yang pernah menjadi sumber kekuatan UMNO sebelum kebendaan menjadi 'idaman' penyertaan dalam UMNO. Ternyata kepentingan diri mengatasi kepentingan organisasi, manakala pemimpin PAS dengan menggunakan Islam sebagai mediumnya cuba membuktikan ia sebagai parti alternatif bagi orang Melayu khususnya. Penggunaan internet adalah satu senjata baru yang effektif bagi membantu musuh-musuh UMNO mempengaruhi publik dalam dakyah politik mereka.


Nasionalisme bukan sahaja diperlokkan oleh orang lain, malah ada orang Melayu sendiri sudah menolaknya. Malah dari perkembangan teakhir menunjukkan ada kecenderungan nasionalisme terancam dalam era globalisasi dan menghakim kesahihan kerajaan sebagai objek politik yang mewakili rakyat serta ditetapkan oleh perlembagaan. Peranan NGO sebagai kumpulan penekan jika tidak dikawal boleh merampas fungsi kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam menentukan nasib negara. Hasil dari pengaruh asing bukan mustahil wujudnya petualang negara yang merelakan diri mereka diperalat demi mencapai cita-cita atau hasrat ideologi. Mereka tidak kisah negara musnah yang penting hati puas!

Kita tidak dapat mengelakkan perubahan, namun kelangsungan hidup kita memerlukan kematangan dan kebijaksanaan. Pemimpin yang mencorakkan budaya politik serta

<sup>41</sup> Lihat rencana Abdullah Ahmad, 'UMNO perlu bertindak panas, **Mingguan Malaysia**, September 3, 2000, h.10

pembangunan negara-bangsa. Dapatkah kita mengulangi perpaduan politik Melayu seperti yang pernah kita alami sebelum ini? Jawapannya ialah setiap orang dari kita perlu bersama menjadikan Malaysia negara yang aman dan damai serta sejahtera untuk dihuni. Kestabilan politik adalah penentu masa depan negara.

Di peringkat generasi muda program patriotisme yang mantap dan berterusan amat perlu sebagai satu agenda nasional. Ini termasuklah kefahaman terhadap dasar awam negara yang amat signifikan dalam membentuk masa depan negara ini.




**PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL  
- PANDANGAN JABATAN PERPADUAN NEGARA**

Seminar Kebangsaan Penghayatan Dan Pengukuhan  
Kemerdekaan Malaysia  
Pada 11 - 13 September 2000

Oleh :

Hajah Ainon Bte Hj. Kuntom  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perpaduan Negara  
Kementerian Perpaduan Negara  
Dan Pembangunan Masyarakat  
12 September, 2000



## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1.** Kertas ini adalah bertujuan untuk memberi pengenalan kepada konsep Perpaduan dan Integrasi Nasional dan perihal pentingnya ke arah pembentukan sebuah negara yang bersatu padu.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1.** Malaysia yang satu ketika dulu sering disebut sebagai sebuah "plural society" kini menjadi contoh baik dari segi pembangunan mampu dari segi perpaduan kaum yang wujud di negara ini. Dari segi pengurusan perpaduan, ia terbukti dengan kehadiran dan pengakuan wakil kerajaan negara luar yang ingin mempelajari kejayaan Malaysia dalam menangani isu-isu yang berhubung dengan hubungan kaum.
- 2.2.** Kejayaan Malaysia menguruskan hubungan kaum ini walau bagaimanapun bukanlah satu kebetulan atau sesuatu yang terjadi dengan sendiri. Sebaliknya ia adalah hasil daripada penggubalan dasar dengan pelaksanaan yang rapi terutama sekali setelah berlaku peristiwa 13 Mei 1969. Namun demikian, negara Malaysia masih mempunyai cabaran-cabaran dan halangan-halangan yang perlu di atasi bagi memantapkan lagi perpaduan dan integrasi nasional.
- 2.3.** Halangan-halangan atau cabaran-cabaran yang wujud adalah disebabkan tiga faktor utama, iaitu:-

### **2.3.1. Penduduk Berbilang Kaum**

Malaysia pada asasnya mempunyai 214 suku kaum. Setiap suku kaum ini, masing-masing mempunyai agama, bahasa kepercayaan dan mengamalkan budaya serta cara hidup yang berlainan. Kemajmukan ini menjadi penghalang atau pemisah kepada integrasi dan perpaduan kaum.

### **2.3.2. Geografi**

Faktor geografi khususnya Semenanjung, negeri Sabah dan negeri Sarawak terpisah oleh Laut China Selatan yang jaraknya sejauh 750 batu nautika. Jarak ini menghindar bukan sahaja perhubungan tetapi juga menjarakkan peluang interaksi di antara penduduk-penduduk di kedua-dua wilayah tersebut.

### **2.3.3. Sejarah**

Faktor sejarah juga menjadi penghalang walau pun semakin berkurangan berikutan dari penggubalan dasar dan strategi yang mantap dan berkesan dalam pelaksanaannya. Walau pun kedua-dua wilayah iaitu Sabah, Sarawak dan negeri-negeri di Semenanjung dijajah oleh satu penjajah yang sama tetapi kedua-duanya mempunyai sejarah yang berlainan. Bahkan negeri-negeri di Semenanjung pun mempunyai latarbelakang yang berlainan. Misalnya negeri-negeri berkenaan terbahagi kepada tiga iaitu Negeri-negeri Bersekutu, Negeri-negeri Bukan Bersekutu dan Negeri-

negeri Selat yang mana British mengamalkan sistem pemerintahan yang berlainan. Dasar "compartmentalisation" serta dasar 'pecah dan perintah' yang telah dilakukan oleh penjajah telah mengwujudkan jurang pemisah penduduk mengikut pergerakan fungsi ekonomi, di mana kebanyakan orang Melayu lazimnya bekerja sebagai petani, pekebun kecil, nelayan dan buruh kasar. Orang-orang Cina tinggal di bandar-bandar bekerja sebagai peniaga, pelombong dan pembalak manakala orang-orang India bekerja sebagai penoreh getah di ladang-ladang dan membina landasan keretapi. Selain daripada itu, British juga terus mencorakkan polarisasi ini melalui sistem pendidikan di mana diwujudkan sekolah aliran melayu, tamil dan cina dan dengan sukanan pelajaran yang berbeza di antara satu sama lain

Seterusnya, dari segi sejarah juga, negeri-negeri Semenanjung lebih dahulu mencapai kemerdekaan dari Sabah dan Sarawak, iaitu masing-masing pada tahun 1957 dan tahun 1963 (apabila Malaysia ditubuhkan).

Hasil daripada perbezaan faktor sejarah ini di dapati apa yang berlaku di negeri-negeri Semenanjung boleh dikatakan tidak diketahui oleh masyarakat Sabah atau Sarawak dan sebaliknya. Sebagai contoh pejuang-pejuang yang menentang British seperti Rentap dan Mat Salleh tidak diketahui oleh masyarakat Semenanjung dan begitu juga bila disebut Mat Kilau, Tok Janggut dan Dato' Bahaman adalah tokoh-tokoh yang asing bagi masyarakat Sabah dan Sarawak.

### **3. KONSEP PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

- 3.1.** Bagi maksud situasi di Malaysia, Perpaduan Negara tidak boleh dibincangkan secara berasingan dari Integrasi Nasional kerana ia adalah satu proses berterusan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Secara umumnya Integrasi Nasional ditakrifkan sebagai satu proses, atau satu mekanisme untuk mencapai perpaduan; manakala Perpaduan Negara pula dilihat sebagai satu keadaan iaitu status kesepaduan hasil daripada proses integrasi
  
- 3.2.** Bagi tujuan menentukan halatuju dan peranan serta tanggungjawab Jabatan Perpaduan Negara untuk mencapai objektifnya, maka Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional masing-masing didefinisikan seperti berikut :-

#### **(i) Perpaduan Negara**

**"Perpaduan Negara ialah satu keadaan di mana rakyat dari berbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup dengan aman sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara".**

## (ii) Integrasi Nasional

"Integrasi Nasional merupakan satu proses dinamik untuk merapatkan masyarakat negeri-negeri dalam Malaysia bagi membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai identitinya sendiri berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukunegara".

- 3.3. Oleh itu perpaduan negara merujuk kepada satu keadaan sosial di mana rakyat dari berbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah hidup secara berinteraksi antara satu dengan lain dengan aman damai sebagai satu bangsa yang bersatu, berkongsi masa depan dengan penuh komitmen kepada Perlembagaan dan Rukunegara. Perpaduan negara juga bermakna satu keadaan di mana rakyat majmuk negara ini memberi taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja dan negara serta mempunyai perasaan cinta dan bangga kepada negara yang dapat mengatasi taat setia dan sentimen kepada kaum, agama dan wilayah masing-masing. Perpaduan negara dalam konteks Malaysia tidak bermakna tidak akan ada ketegangan atau konflik dalam masyarakat, tetapi apa-apa ketegangan atau konflik sosial yang muncul pada amnya tidak lagi akan berpunca dari konflik antara kaum, agama dan wilayah.
- 3.4. Dalam usaha mencapai matlamat perpaduan negara, Jabatan Perpaduan Negara menggunakan konsep 'integrasi', iaitu satu konsep yang merapatkan dan seterusnya dalam satu jangka masa yang panjang menyatukan identiti

bangsa sebagai identiti sepunya bagi semua rakyat negara ini. Melalui konsep integrasi, nilai-nilai kaum pribumi yang mewarisi negara ini dijadikan teras. Disamping itu ciri-ciri unik bagi satu-satu kumpulan masyarakat dalam negara ini akan dikekalkan. Pada dasarnya konsep ini telahpun dijalin mesra oleh Perlembagaan Persekutuan dan diikat kuat oleh Rukunegara.

#### 4. LANGKAH-LANGKAH KE ARAH PEWUJUDAN DAN PENGUKUHAN PERPADUAN SERTA INTEGRASI NASIONAL

4.1. Proses pengukuhan perpaduan serta pemupukan integrasi nasional yang dilaksanakan oleh Kerajaan melibatkan bidang-bidang diantaranya, seperti berikut : ideologi, perundangan, dasar-dasar Kerajaan, pemupukan dan pencegahan. (Sila lihat rajah di **Lampiran 1**).

##### (i) Ideologi

- |                  |   |   |
|------------------|---|---|
| (a) Rukunegara   | - | Dokumen awal yang menanamkan semangat kesetiaan, kesopanan dan kesusilaan bagi menyatupadukan pelbagai kaum.                              |
| (b) Wawasan 2020 | - | Termaktub dalam cabaran pertama bagi membentuk satu Bangsa Malaysia yang bersatupadu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama. |

(ii) **Perundangan**

- (a) Perlembagaan Persekutuan - Perkara 1, (1) dan (2) telah termaktub bahawa:-
- ❖ Persekutuan adalah dinamakan Malaysia dalam Bahasa Melayu dan dalam Bahasa Inggeris.
  - ❖ Negeri-negeri Persekutuan adalah terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.
- (b) Kanun Kesiksaan - Seksyen 298A(1) menyatakan bahawa adalah menjadi kesalahan menyebabkan keadaan yang tidak harmoni, perpecahan atau perasaan kegusaran, benci atau sakit hati atas alasan-alasan keagamaan.
- (c) Akta Hasutan - Adalah menjadi kesalahan menyebut perkataan-perkataan yang boleh menyebabkan perpecahan.

(d) Akta Percetakan - Adalah menjadi kesalahan mencetak perkataan yang menyebabkan perpecahan.

**(iii) Pemupukan**

(a) Gabungan Parti Politik - Pimpinan politik negara yang mengambarkan gabungan komposisi pelbagai kaum dan suku kaum yang mempunyai latar belakang dan kepercayaan yang berbeza.

**(iv) Dasar-Dasar Kerajaan**

(a) Dasar Ekonomi Baru - Menyusun semula masyarakat dengan menghapuskan pengenalan etnik dalam bidang ekonomi.

(b) Dasar Pembangunan Negara - Memperkuatkan lagi kestabilan sosial dan politik di samping mengekalkan pembangunan ekonomi.

(c) Dasar Pendidikan - Menubuhkan satu sistem pendidikan yang Kebangsaan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan

politik dengan menekankan kurikulum yang berorientasiakan Malaysia.

- (d) Dasar Kebudayaan - Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan serta memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh dari kebudayaan kebangsaan.
- (e) Pembangunan Masyarakat - Peranan Jabatan Perpaduan Negara selaku urusetia menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang berbentuk pembangunan masyarakat dan hubungan kaum.

## 5. PERANAN JABATAN

- 5.1. Dalam usaha untuk mencapai matlamat Perpaduan dan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara telah menggunakan satu pendekatan yang bersifat serampang dua mata iaitu penggalakan dan pencegahan.

### 5.2. Penggalakan

Antara strategi penggalakan yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara ialah:-

(i) **Lawatan-Lawatan Integrasi**

Program ini diwujudkan berikutan perakuan Jawatankuasa Integrasi Negeri-Negeri Malaysia pada awal 1984. Dalam usaha untuk meningkatkan interaksi dan pergaulan di kalangan rakyat Semenanjung, negeri Sabah, negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Antara lawatan-lawatan tersebut ialah:-

- Lawatan sempena Persidangan Parlimen;
- Lawatan sempena Hari Gawai;
- Lawatan sempena Hari Kaamatan;
- Lawatan sempena Keputeraan DYMM SPB Yang Di Pertuan Agong;
- Lawatan sempena Hari Kebangsaan;
- Lawatan sempena Tilawah Al-Quran dan lain-lain.

Melalui program ini peserta-peserta berpeluang untuk mengenali dan berinteraksi dengan masyarakat setempat serta memahami budaya mereka melalui aturcara-aturcara yang disediakan. Mulai tahun 1997 program ini telah dimantapkan lagi di mana konsep "tinggal bersama keluarga angkat" selama sekurang-kurang satu (1) malam diperkenalkan. Ia bertujuan memberi peluang kepada peserta untuk bermesra dengan lebih dekat dan dengan itu dapat menjalinkan hubungan yang lebih berkekalan.

**(ii) Program Orientasi Bagi Pegawai-Pegawai Persekutuan yang Bertukar Ke Sabah dan Sarawak.**

Program Orientasi Pegawai-pegawai Persekutuan Yang Bertukar Ke Sabah dan Sarawak telah dilaksanakan sejak tahun 1985 lagi. Ia bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai mengenai sistem pentadbiran, cara hidup dan budaya masyarakat di kedua-dua negeri tersebut. Program ini juga telah diperkemaskan lagi pada tahun ini dengan memperkenalkan konsep "**tinggal bersama keluarga angkat**". Ia bertujuan supaya para peserta menjalin hubungan dengan lebih dekat lagi dan memahami serta menghayati budaya masyarakat se tempat. Dengan cara ini ia akan membantu pegawai yang ditugaskan di kedua-dua negeri itu dalam menjalankan kerja-kerja harian mereka lebih-lebih lagi dalam soal-soal yang menyentuh sensitiviti kaum.

**(iii) Kempen Kibar Bendera**

Kempen Kibar Bendera adalah aktiviti yang dijalankan sempena Sambutan Hari Kebangsaan. Ia bertujuan untuk menanamkan semangat kesetiaan dan cintakan tanahair.

**(iv) Rukun Tetangga**

Skim Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975 berikuta dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975. Ianya merupakan satu organisasi masyarakat/institusi sosial yang memberi kesedaran kepada

rakyat jelata akan tanggungjawab mereka untuk menjaga keamanan dan mewujudkan semangat kejiraninan khususnya di peringkat masyarakat setempat serta mengukuhkan semangat kerjasama untuk dijadikan amalan hidup bermasyarakat. Jabatan Perpaduan Negara menjadikan Skim Rukun Tetangga sebagai jentera utama bagi melaksanakan berbagai-bagai aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti sosial, sukan, kebajikan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan. Ini dapat mengurangkan prasangka di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan secara langsung untuk mengekalkan perhubungan kaum yang harmoni di negara ini. Sehingga Julai 2000, sejumlah 1987 kawasan Rukun Tetangga telah diwujudkan di seluruh negara dan sebanyak 12,150 aktiviti telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan masyarakat Rukun Tetangga di seluruh negara seramai kira-kira 1,004,247 juta orang.

### 5.3. Pencegahan

Strategi ini meliputi usaha-usaha memerhati dan mengesan aliran-aliran fenomena yang bercorak konflik khususnya mengenai perhubungan antara kaum serta mengambil langkah sewajarnya dengan tujuan bagi menghindar mana-mana pihak melakukan perbuatan yang boleh menjelaskan keharmoian dan kestabilan perhubungan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Program utama di bawah strategi ini ialah penyelidikan etno-sosial yang antaranya melibatkan aktiviti pengumpulan dan penyebaran maklumat mengenai perpaduan. Di samping itu beberapa

jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengawalselia dan mengawasi proses integrasi nasional. Antaranya ialah:-

(i) **Panel Penasihat Perpaduan Negara**

Panel Penasihat Perpaduan Negara (PANEL) telah berkembang dan berubah selaras dengan perkembangan dan perubahan Jabatan Perpaduan Negara. Pada peringkat awal, badan penasihat perpaduan ini dikenali sebagai Majlis Perundingan Negara yang ditubuhkan oleh kerajaan di bawah Peraturan Perlu Majlis Perundingan Negara 1970. Objektif penubuhannya ialah untuk melahirkan idea-idea baru bagi mempertingkatkan perpaduan nasional. Panel dijadikan sebagai satu 'platform' untuk membincangkan masalah perpaduan, menggalakkan perhubungan sosial yang positif dan mencegah perasaan perkauman yang boleh menimbulkan konflik dan konfrantasi antara kaum.

Bilangan ahli PANEL ialah seramai 34 orang. Pengurusnya ialah YB. Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat manakala Timbalan Menteri Kementerian ini adalah selaku Timbalan Pengurus. Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara ialah Setiausaha PANEL. Ahli-ahli lain terdiri daripada individu-individu yang mempunyai ketokohan di dalam bidang tertentu bagi membantu usaha-usaha untuk meningkatkan perpaduan, Ketua-Ketua Pentadbir di peringkat negeri/Wilayah Persekutuan, ahli-ahli ex-officio dan dua orang ahli khas iaitu masing-masing dari Sabah dan Sarawak.

(ii) Konvensyen Integrasi Nasional

Ia dianjurkan untuk menyediakan satu forum bagi pelbagai pihak yang berminat untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran dalam usaha meningkatkan kefahaman mengenai intipati integrasi nasional ke arah memantap perpaduan negara selari dengan aspirasi pembentukan satu bangsa Malaysia yang bersatupadu.

Secara khusus objektifnya ialah untuk meneroka ciri-ciri utama yang membentuk intipati dan pola integrasi nasional serta mengenalpasti strategi dan program bagi mempercepatkan proses Integrasi Nasional.

## 6. CABARAN DAN RINTANGAN

- 6.1. Sehingga kini, negara ini telah mencapai tahap perpaduan yang amat membanggakan. Kestabilan politik, sosial dan pembangunan ekonomi yang pesat dengan komitmen semua kaum adalah petunjuk pencapaian dan kejayaan ke arah perpaduan. Ini sudah pun diakui oleh media antarabangsa dalam artikel "Malaysia Deserves Good Press" oleh Sin Ming Shaw. Beliau menyatakan bahawa:

**Dr. Mahathir has this vision: a Malaysia that is by year 2020 "prosperous, democratic, economically just, psychologically liberated, ethical, progressive and tolerant, in which citizens of all colours and creeds ..... , feel they belong to one nation".**

Namun demikian, tidak dapat dinafikan terdapat beberapa halangan atau rintangan yang sering mengugat proses integrasi nasional dan seterusnya perpaduan negara.

- 6.2. Persoalannya sekarang bagaimakah caranya Malaysia hendak menyelesaikan masalah-masalah yang masih mengekang proses integrasi dan perpaduan negara? Jawapan kepada persoalan ini termaktub di dalam ucapan YAB Perdana Menteri yang bertajuk "Towards A United Malaysian Nation By The Year 2020" pada 31 Januari 1992. Tegas beliau,


"Pembentukan bangsa atau 'Nation Building' melibatkan satu proses yang lama dan tidak boleh dicapai dalam jangka waktu dua atau tiga puluh tahun sahaja. Perpaduan yang wujud sekarang perlu ditingkatkan lagi ketahap yang lebih mantap dan kukuh supaya mampu menghadapi berbagai-bagai tekanan dan cabaran tanpa mudah tergugat".


Kenyataan yang sama turut dilafazkan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Taib Mahmud pada 24 Oktober 1997 dalam majlis yang dianjurkan oleh Kelab Wartawan Nasional. Menurut beliau, "integration must be gradual" kerana "haste would only cause anxiety among people". (The New Straits Times 24 October 1996).

## 7. PENUTUP

7.1. Proses pemupukan Perpaduan dan Integrasi Nasional memainkan peranan yang amat penting dalam pembentukan sesebuah negara. Di Malaysia, Kerajaan telah mengambil pendekatan yang melibatkan pelbagai dimensi bagi menjayakan proses ini. Beberapa perancangan, program dan aktiviti juga telah dan sedang dilaksanakan berhubung dengan perkara ini. Walau bagaimanapun kejayaan dalam segala perancangan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan terletak di tangan setiap rakyatnya. Penyertaan dan penglibatan setiap rakyat amatlah penting bagi merealisasikan pembentukan bangsa Malaysia yang bersatupadu. Bagi penjawat awam kita mempunyai tanggungjawab bukan sahaja untuk menjalankan tugas rasmi tetapi juga untuk memastikan bahawa usaha Kerajaan untuk memantapkan proses Integrasi Nasional dan seterusnya Perpaduan Negara menjadi kenyataan.

## MODEL PROSES INTEGRASI DAN PERPADUAN NEGARA





## GLOBALISASI DAN NEGARA-BANGSA: KETAHANAN BANGSA, KESELAMATAN NEGARA DAN KELANGSUNGAN JIWA

MOHAMAD ABU BAKAR

Gelombang globalisasi yang memuncak berikutan kehancuran Soviet Union dan kelumpuhan komunisme telah melanda persekitaran dunia melewati batas-batas tradisional, seperti sempadan negara. Nasionalisme sebagai kuasa pendinding masyarakat dengan segala warisan sejarahnya, dan pemaju kepada eksperimen bernegara pasca-merdeka, bukan sahaja semakin diketepikan, dan semakin kehilangan kerelevanannya, tetapi juga sukar untuk dirangsang dan diresureksikan dalam bentuk asalnya. Negara-bangsa (*nation-state*) sebagai wadah fahaman kebangsaan bukan lagi merupakan taman subur untuk pemupukan nasionalisme ini; malah ia sendiri boleh bila-bila masa menjadi korban sepenuhnya kepada pencejagatan nilai semasa, ataupun globalisme yang menjanjikan penganutan dan pemakaian citarasa Barat. Tegasnya, peranan kerajaan dalam konteks pembangunan dan pengurusan negara begitu tercabar sekali, sehingga kedaulatan rakyatnya turut sama terjejas dalam konfrontasi berat sebelah yang terpaksa dihadapinya.<sup>1</sup> Ringkasnya, negara-bangsa sebagai pelakon (*actor*) utama dalam hubungan antarabangsa semakin kehilangan fungsi dalam konteks pemupukan badan-badan global yang berkepentingan besar dan bercengkaman meluas.

<sup>1</sup> Lihat juga Walter C. Opello, Jr. dan Stephen J. Rosow, *The Nation-State and Global Order*, London, 1999, hlm. 232-236, dan Kenichi Ohmae, *The End of The Nation-State*, London, 1996.

## KESAN-AKIBAT GLOBALISASI DAN KELUMPUHAN NEGARA-BANGSA

Persoalan mengenai globalisasi telahpun dihuraikan dalam beberapa pembentangan lain, dan saya tidak akan mengulangi di sini.<sup>2</sup> Cukup dengan penegasan ringkas bahawa globalisasi semasa, dengan muatan liberal-demokrasi, kapitalisme dan hedonismenya, serta nilai-nilai secular moden Barat *hidup Barat*, yang lain, kini sedang berkembang pesat, sambil menghasilkan kesan-akibat yang meluas dan mendalam. Komitmen sejagat Amerika Syarikat sebagai satu-satunya kuasa utama pasca-Perang Dingin, dan kebangkitan syarikat-syarikat gergasi seperti General Motors, Microsoft dan Hewlett Packard di mana-mana, menanda kemaraan dan kelainan pensejagatan Barat abad ini. Sungguhpun globalisasi semasa mempunyai kaitan yang rapat dengan perkembangan ekonomi dan sistem kewangan, ia sebenarnya adalah suatu asakan pelbagai dimensi yang menyentuh kehidupan secara total, sambil meletakkan cara dan gaya hidup tempatan dalam suatu perbandingan dengan *substance* dan *style* hidup Barat. Kalauolah kolonialisme-imperialisme sebagai suatu bentuk globalisme memberi dampak terhad, yakni terbatas pada umumnya kepada kota utama dan kawasan industri dan estet, cengkaman pensejagatan mutakhir adalah menyeluruh dan merata. Ia boleh diibaratkan tolakan dan tebaran air laut yang merempuh masuk melalui muara, dan menular jauh ke daerah pedalaman hingga ke ulu, dengan kemasinannya membunuh kehidupan air tawar.

<sup>2</sup> Lihat Mohamad Abu Bakar, "Dunia dan Barat: Pandangan Hidup dan Pembabitan Antarabangsa", JEBAT, Bil. 23, 1995, *ibid.*, "Dunia Satu Dimensi: Realiti dan Risiko Berkampung dalam Desa Sejagat" PEMIKIR, April-Jun 1998, *ibid.*, "Globalisasi dan Gelora Ummah", Muhadharah Pemikiran Islam (1), Yayasan Islam Terengganu, 19 September 1998, *ibid.*, "Pensejagatan dan Pemodenan: Permasalahan dan Potensi dalam Konteks Pembangunan Ummah di Malaysia", kertas kerja, Kongres Pembangunan Masyarakat Islam Sarawak, 16 Oktober 1999, dan *ibid.*, "Globalisasi, Gelombang Sekularisme dan Gelora Kesatuan Ummah", kertas kerja, Seminar "Islamphobia; K-Islam vs K-Sekular", Persatuan Ulama Malaysia, 10 Jun 2000.

## 1. Warga Dunia dan Wawasan Barat

Beberapa faktor semasa telah memudahkan globalisasi sebagai proses perpindahan nilai. Di samping ketiadaan persaingan antara kuasa-kuasa Barat terlibat yang boleh membantut perjalannya, sebagaimana yang pernah berlaku dalam era kolonialisme-imperialisme, dan kesetiakawan sesama anggota pemerintah global (*global governance*) dalam operasinya,<sup>3</sup> terdapat di kalangan negara yang menjadi sasaran globalisasi ini manusia yang begitu selesa mendakap nilai luar itu, serta berkesanggupan bertindak selaku ejen kepada pencejagatkan berkenaan. Paling tidak mereka ini lemah dari segi ekonomi untuk mengatasi sogokan materialnya, atau jahil untuk memahami selok-belok kehidupan yang dipersejagatkan itu, sehingga mereka tenggelam dalam arus globalisasi. Negara sebagai pelindung menghadapi kesukaran untuk benar-benar berperanan dalam keadaan pencabarnya terdiri daripada badan-badan raksasa dan institusi-institusi perkasa.

Pendedahan kepada nilai luar sememangnya telah lama berlaku, zaman berzaman, menerusi berbagai saluran, seperti pengangkutan, perhubungan dan pelancungan. Dalam dunia semasa yang semakin mengecil akibat daripada penglibatan *multi-national corporations* (MNC) dengan jaringannya yang kuat dan ketat, penundukan ekonomi negara kepada kepentingan pemasaran barang dan modal luar, dan pengembangan teknologi maklumat, warga negara begitu berpotensi menjadi warga dunia berwawasan

<sup>3</sup> Lihat juga Anne-Marie Slaughter, "The Real New World Order", Foreign Affairs, Vol. 75, No. 5, hlm. 184.

Barat. Sementara kemunculan *region-state*<sup>4</sup> sebagai zon ekonomi, dengan kegiatan *cross border* dan rangkaian internasionalnya, telah merancakkan lagi aktiviti asing dalam persekitaran tempatan. Kehadirannya menjadi *transnational foci of loyalty* yang mengukuhkan pertalian antara luar dan dalam. Persyarikatan berteraskan kepentingan bersama yang berpaksikan kejayaan kebendaan mampu membua persyarikatan hati budi, sehingga manusia ini bukan setakat berwajah asing tetapi juga menjadi sebahagian daripada dunia luar dari segi perwatakan dan pendekatan hidupnya. Pengaruh politik dan budaya Barat akan turut terserap dalam pengluasaan wawasan konsumerisme ini, termasuk dalam pembentukan sikap dan penentuan selera anggota kelas atasan dan menengah.<sup>5</sup> Bagi Malaysia, globalisasi bukanlah suatu pengalaman yang baru. Negara merdeka Malaya yang muncul pada tahun 1957 tidak sekadar berkedudukan sebagai pelakun antarabangsa yang telah 'internalized' banyak nilai luar, khususnya yang bersumberkan Barat, tetapi telah juga di antarabangsakan oleh pihak tersebut untuk tujuan antarabangsanya.<sup>6</sup>

Kecintaan kepada negara atau patriotisme tidak semestinya teruji apabila berlakunya peperangan antarabangsa, atau apabila berlakunya persaingan di arena sukan internasional; manusia 'double identity' ini akan kehilangan persepsi ketika berdepan dengan ritorik dan realiti globalisasi, lantaran nilai-nilai universalnya yang menawan.

<sup>4</sup> Lihat Kenichi Ohmae, "The Rise of the Region State", *Foreign Affairs*, Spring 1993.

<sup>5</sup> Lihat juga Abdul Rahman Embong, "Pembinaan Bangsa dalam Arus Persejagat", PEMIKIR, Januari-Mac 1997, hlm. 60.

<sup>6</sup> Untuk kupasan lebih lanjut, lihat Mohamad Abu Bakar, "Ketahanan Bangsa dan Kelangsungan Negara: Malaysia dalam era Globalisasi" dalam A. Latiff A. Bakar (ed.) Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia, IKSEP, Melaka, 1996, hlm. 215-217. Lihat juga kedua-dua kertas kerja penulis berikut: "Pengaruh Luar dan Proses Sejarah: Pembentukan Negara Merdeka Malaysia dalam Konteks Perkembangan Hubungan Antarabangsa, 1957-1967", Konvensyen Kebangsaan sejarah Malaysia, Melaka, 16-18 Ogos 1994 dan "Malaysia dalam Politik Arus Masa Kini dan Agenda Masa Depan", Wacana Minda, Kuala Lumpur, 2 Disember 1994.

Keupayaan dan kekuatan material dan intelektualnya dipersembahkan untuk mempertahankan cara hidup tadi, hatta sebahagian atau keseluruhannya berasal dari sumber-sumber lokal di negaranya sendiri.

Suatu dimensi yang menarik dalam senario ini ialah bagaimana ciri-ciri tempatan di Barat yang berjaya dipersejagatkan semenjak zaman Pembaharuan, menerusi penjajahan, perkembangan sains dan teknologi dan propaganda politik, diterima-pakai dan ditebar-luaskan oleh golongan ini. Tradisi sendiri yang tidak diterokai, jauh sekali dari diterapkan dalam kehidupan, ditolak-tepikan dalam keghairahan mempopularkan perilaku Barat. Nilai Asia yang pernah digembar-gemborkan sebagai nilai positif yang kononnya telah berjaya mengangkatkan martabat beberapa negara di benua ini, sehingga lahirnya 'Harimau Asia' dan 'Naga Asia', sedia diakui kekurangannya, namun beberapa dari aspeknya boleh digarap dan digerak-aktifkan untuk mencapai kemajuan dan kejayaan di peringkat nasional. Globalisasi berjaya membunuh semangat untuk menghidupkan dan menghayati nilai-nilai ini di kalangan golongan ini. Penyeragamaan idea dan budaya sebagai natijah kepada perkembangan ini membawa kepada kemenangan satu pihak sahaja – iaitu Barat. Ia adalah pembaratan yang bersalutkan pmodenan. Setelah kehidupan tradisional di Barat dirempuh dan diranapkan, maka kini kehidupan berbudaya di negara sedang membangun pula yang menjadi sasaran. Sejenis imperialisme budaya.

Tanpa menafikan kebaikan yang sedia dan sedang diperolehi oleh rakyat tempatan hasil daripada globalisasi, terutama sekali dalam bentuk pekerjaan dan peluang

perniagaan, dan perpindahan teknologi, persejagatan nilai Barat ini sesungguhnya juga telah mengikat mereka berkenaan kepada rangkaian bisnes dan komersial *multi-national corporation*, atau firma-firma asing yang berkepentingan, atau menjalinnya kepada badan-badan luar seperti Kesatuan Eropah dan Global Environment Facility yang mempunyai agenda sendiri. Terbabit sama dalam adegan yang melibatkan pengaliran modal dari luar ke dalam, penggunaan tenaga tempatan, dan pembesaran pasaran di merata dunia ini ialah penanaman dan pengembangan falsafah hidup yang berpaksikan materialisme dan sekularisme. Penyempitan peranan agama atau pengosongan kepercayaan ketuhanan boleh berlaku dalam keadaan manusia terpanggil dan terpaut untuk sama-sama mendukung kapitalisme-liberal. Apatah lagi apabila proses ini cuba dipercepat dan dipersetkan dengan mengena pelbagai label negatif dan mengguna pelbagai ancaman seperti “anti-kemajuan”, “konservatif”, dan “reaksioner” terhadap pihak-pihak yang menentang gagasan Barat yang sedang menular itu.

## **2. Kota dan Kosmopolitanisme**

Persinggahan pertama globalisasi biasanya ialah kota, kerana kawasan bandar yang bergayutan dalam dunia antarabangsa adalah paling terdedah kepada pengaruh luar. Penghijrahan manusia dari desa ke pekan besar yang telah merancakkan urbanisasi juga memastikan pendedahan semakin ramai penduduk negara kepada globalisasi. Kosmopolitanisme yang mencirikan kota membuatnya lebih dekat kepada kotaraya Barat, dan dari sudut globalisasi ia memudahkan penyampaian nilai luar menerusi jendela firma.

pusat hiburan dan manusia sendiri yang menjadi penghuni atau pengunjungnya. Oleh yang demikian, bukanlah suatu yang mengejutkan apabila bukan sedikit daripada pendatang dan pelancong luar merasa senang dan selesa bergerak dan bergelut dalam kehidupan kekotaan ini. Kosmopolitanisme Barat bertindak seperti sebuah permaidan besar sehingga ia turut terhampar di kota-kota kita; tidak cukup dengan hotel-hotel lima bintang, makanan *Western*, dan Bahasa Inggeris yang menjadi *sine quo non* dalam industri pelancongan, kita juga menjanji dan menjajakan hiburan *ala* Barat yang memukaukan orang luar dan memabukkan orang kita, dan memaju dan memasarkan pendidikan sebagai barang menerusi kolej swasta dan program berkembar dengan institusi pengajian tinggi negara lain tanpa menghiraukan sama ada ia memudarat dan meruntuhkan nilai-nilai tempatan.

Kuala Lumpur, Johor Bharu, Kuantan dan Seremban adalah milik negara, tetapi ia juga adalah sebahagian daripada kosmopolitanisme Barat yang pesat berkembang. Dunia tanpa sempadan bukan hanya bermakna kemudahan mendapat maklumat luar, kelarisan barang ekspot, dankekenduran sekatan imigresin, tetapi juga penyempadan baru apabila kota-kota ini bertindak sebagai penjuru dan pinggiran kepada kotaraya di Barat. Kehadiran pelacur asing dari berbagai negara, termasuk Rusia, Ukraine dan Uzbekistan,<sup>7</sup> di ibu kota bukan setakat menjelaskan kosmopolitanisme yang sedang berkembang, tetapi juga memperihalkan penerimaan terhadap idea pembangunan Barat yang semakin meluas di kalangan penduduk tempatan. Sistem nilai Barat yang memikat boleh menenggelam manusia bandar dan mengancam manusia luar bandar yang berhijrah. Pembesaran kosmopolitanisme tempatan adalah suatu kepastian.

<sup>7</sup>

Lihat Berita Harian, 14 Ogos 1997, dan Mingguan Malaysia, 5 Oktober 1997.

Menerusi globalisasi, Barat tidak sepenuhnya memerlukan ejen-ejen budayanya, seperti ahli diplomat, tokoh korporat dan wakil pendidik, untuk memasyarakatkan nilai-nilainya; anak-anak tempatan yang telah terserap dalam sistem nilainya mampu memperkasakan lagi kapitalisme-liberal dan hedonisme. Amerika Syarikat sebenarnya tidak kalah dalam perperangan di Vietnam untuk membendong komunisme, sekalipun ia mengalami ketewasan militari dengan kejatuhan Saigon pada tahun 1975. Hari ini musuhnya tidak sekadar lumpuh di mana-mana, sesetengahnya termasuk Vietnam sendiri semakin menerima kapitalisme-liberal untuk membangun. Malaysia yang rancak membudayakan korporatisme telah turut memberi laluan mudah kepada pencegahan nilai Barat, dan merasakan dirinya amat bertuah berbuat demikian atas nama kemajuan. Sebuah *E-Village* yang akan menjadi jendela kepada budaya hiburan luar sedang dalam pembinaan di Dengkil, Selangor. Lantaran itu, konflik nilai seandainya berlaku semestinya berlangsung dalam perkarangan nasional. Ini bermakna mana-mana pihak yang ingin bermusuhan sudahpun berada dalam kawasan negara.

Penanaman nilai Barat akan berlaku berterusan dalam era globalisasi, dan akan berpanjangan pula melarutkan nilai-nilai tempatan. Nasionalisme biasanya dihubungkaitkan dengan perjuangan kemerdekaan setelah tanahair diceroboh dan diperintah secara fizikal, dan diurus secara politik, dan ia bukan mudah untuk dibangkitkan dalam suasana dan susunan hidup yang telah dicipta dan dicampur-aduk oleh proses globalisasi. Globalisasi pernah dilihat sebagai penjajahan bentuk baru, tetapi penjajahnya bukan keseluruhannya terdiri dari orang luar.

### 3. "Kampong Sejagat" dan Sempadan Kampong

Kampong tradisional yang umumnya tersisih dan terselamat dari pengaruh Barat pada zaman penjajahan dahulu, juga telah menjadi mangsa kepada globalisasi semasa. Migrasi penduduk desa ke bandar adalah satu dimensi dari perkembangan ini. Berikut penghijrahan ini, sebilangan penting daripada mereka berkenaan telah menjadi penyalur nilai kosmopolitan kota apabila pulang ke kampong, atau berhubungan dengannya. Lebih ketara lagi apabila kampung tradisional semakin kehilangan sempadannya setelah berinteraksi dalam 'Kampong Sejagat'. Gelombang globalisasi yang telah menerpa masuk sama ada secara langsung dari Barat atau melalui jendela kota telah menolak perbatasan budaya asal, dan mengembangluaskan daerah budaya asing. Penghakisan nilai tempatan yang diakibatkan oleh penularan pengaruh luar ini membantu melemahkan mekanisme pertahanan nasional, iaitu apabila ketahanan sosial masyarakat desa turut terjejas.

Harapan untuk melihat suatu bentuk *ruralization of the urban centres* berlaku, dan seterusnya memantapkan ketahanan bangsa dan menjamin keselamatan negara ternyata tidak menjadi kenaytaan. Penempatan nilai-nilai tradisional yang positif dipercayai boleh mengukuhkan fabrik sosial di bandar, dan apabila transformasi seumpama itu tidak menjadi realiti, dan kawasan luar bandar pula serentak mengalami perubahan negatif, keseluruhan kehidupan kebangsaan pasti akan terjejas. Bandar dan kampong telah

terheret kedalam arus globalisasi, dan semakin berfungsi sebagai pemangkin perkembangan pengaruh Barat. Gejala ini mempunyai dinamismenya tersendiri, dan memandang kepada *momentum* perubahan yang sedang berlaku, globalisasi akan semestinya merangkaikan keseluruhan kehidupan di mana-mana dalam satu kesatuan.

Pembentangan masyarakat luar bandar sukar dilakukan apabila wujudnya hubungan meluas antara kampung dan kota. Kalau dahulunya, elita tempatan seperti penghulu, imam dan guru agama begitu berperanan menjaga dan mengawasi perilaku anak buahnya, dalam keadaan penduduk desa tidak begitu terdedah kepada budaya kosmopolitan, kini segalanya sudah berubah. Kalauolah sebelumnya kenakalan pemudanya terhalang kepada perbuatan mencuri mempelam dan mengintai, dan kegatalan pemudinya terhalang kepada perbuatan bersembang di tepi telaga dan bermandian beramai-ramai dan bercampuran di sungai, sekarang ruang dan peluang untuk beraksi di pentas kehidupan penuh kemaksiatan terbuka luas. Kecanggihan mereka berhubungan dan kerancakan mereka bergerak tidak mudah untuk ditangani oleh elita kampung. Tambahan pula, tokoh rujukan dan idola mereka bukannya lagi dari kalangan elita tersebut, tetapi para korporat, professional dan penyanyi tersyusor.

Kerangka sosial yang telah mengalami perubahan, dan nilai tradisional yang mengalami penghakisan bukanlah suatu tembok yang kukuh bagi menyekat kemaraan globalisasi. Apa yang telah berlaku ialah *urbanization of the rural centres*, dalam erti kata transformasi cara dan gaya hidup kampung akibat daripada penularan pengaruh kota. Akhirnya, dalam keadaan jauh-dekat antara kota dan kampung tidak lagi menjadi

persoalan, keseluruhan negara akan menjadi suatu daerah budaya yang tercemar oleh globalisme dengan pembawaan pelbagai nilai yang positif dan negatif. Corak pakaian, bentuk hiburan dan jenis makanan yang telah diantarabangsakan menjadi pilihan. Asakan sebegini lebih sukar untuk dikawal, kerana ia memerlukan pengetahuan yang betul untuk membuat penyaringan dan pemilihan antara nilai baik dan nilai buruk, dan ia menjadi persoalan lebih membebani lagi apabila terdapat di kalangan anggota masyarakat yang juga berkecenderungan terhadap nilai negatif.

#### **KETAHANAN BANGSA, KESELAMATAN NASIONAL DAN KELANGSUNGAN NEGARA**

Pendekatan holistik dan strategik diperlukan bagi menangani globalisasi, dan bagi mempastikan pencapaian dan perolehan objektif jangka-jauh; di peringkat individu dan sosial, ini bermakna pembentukan kerangka berfikir dan bergerak yang kukuh dan berisikan nilai-nilai positif; di peringkat kebangsaan, ini merujuk kepada pemupukan sesuatu ideologi bertindak yang mampu mewujudkan persekitaran dan perjalanan hidup yang dinamik; dan di peringkat serantau dan antarabangsa, ini melibatkan kerjasama yang boleh membawa kepada kemunculan daerah budaya yang berfungsi sebagai sesuatu sistem penyaringan, sekurang-kurangnya dalam konteks Asia Tenggara. Malaysia mempunyai asas dan alat untuk menggembangkan tenaga manusia dan material, dan mengukir pendekatan yang berkesan dalam menghadapi cabaran pensejagat nilai Barat.

## **1. Kerangka Kehidupan dan Ketahanan Bangsa**

Kerangka kehidupan sememangnya sudahpun sedia wujud dalam sejarah dan masyarakat. Sama ada sebagai individu atau anggota sosial, manusia Malaysia umumnya dan manusia Melayu khususnya telah berinteraksi dan berurusan dengan alam sekelingnya berlandaskan prinsip tertentu, berbekalkan nilai-nilai yang telah diwarisi atau diwasiatkan. Persoalannya ialah sejauh manakah kerangka kehidupan ini, dengan bekalan nilai yang sedia ada, sudah mencukupi bagi menangani kenyataan-kenyataan terbaru akibat globalisasi. Manusia dan masyarakat Melayu ternyata tidak berupaya lagi mendefinisikan persekitaran hidup dengan kelengkapan lamanya, dan ini terbukti apabila ia semakin terlebur dalam acuan globalisme. Gambaran "*when it comes to money, people are of the same religion*" turut menjelaskan predikamen orang Melayu. Respons intelektual yang tidak jelas dan tanpa focus dari para pemikir tanahair terhadap fenomena pensejagatan juga memperlihatkan kekurangan pengetahuan dan kelemahan pendirian mengenainya, dan jauh sekali dari berkeupayaan mendefinisikan persekitaran luar sehingga menimbul kegerunan kepada para pencabarnya. Pegangan yang agak bercelaru ini membolehkan Barat mengambil mudah kehidupan tempatan.

Pegangan agama yang kuat berteraskan tauhid dan berpedomankan pengetahuan yang baik mampu melahirkan suatu gubahan hidup yang mantap bagi mendepani cabaran globalsiasi. Penghayatan Islam ini akan lebih terjamin lagi sekiranya individu dan masyarakat berkenaan turut dilindungi oleh penguasa atau pemerintah yang berwawasan

serupa, sehingga berlaku suatu proses kukuh mengukuhi antara satu sama lain. Kehidupan Islam tradisional berada dalam keadaan cemas dan lemas apabila dilanda arus globalisasi, dan ia seharusnya diselamatkan menerusi pembesaran dan pengukuhan kerangka kehidupan, dan pengisian ilmu agama, dan ilmu dunia yang relevan dengan keperluan masa. Selama ini, bukan sahaja tidak berlaku pengaplikasian Islam secara komprehensif sehingga melibatkan penggunaan khazanah ilmu yang terdapat dalam kesemua mazhab laju sunnah waljamaah umpamanya, pengetahuan yang berkembang hanyalah merupakan sebahagian daripada ajaran yang terkandung dalam Mazhab Shafie. Mungkin dalam persekitaran lama keterlibatan yang terhad itu sudahpun memadai, tetapi dalam suasana dan susunan hidup yang dibentuk oleh globalisasi, penglibatan seperti itu adalah jauh dari mencukupi. Cabaran baru menuntut inovasi, kerana sesetengah formula lama terukir sebagai respons kepada zaman yang berbeda. Kerangka hidup Islam sepatutnya diperhebatkan agar ia boleh berfungsi dengan suatu kedinamikan yang sesuai dengan tuntutan zaman. Jati diri atau perwatakan dan pembawaan Muslim yang berpengaruh hanya dapat lahir dari adunain ini. Apa yang diperlukan sehubungan ini ialah suatu "reinvention" manusia Islam, dengan mengambil kira tuntutan semasa, tetapi tanpa menafikan tinggalan lama berupa ajaran tauhid dan amalan etika yang terkandung dalam al-Quran dan al-Hadith.

Pengasasan jati diri walau bagaimanapun masih merupakan langkah pertama. Tidak kurang juga pentingnya ialah usaha mempastikan perwatakan dan pembawaan Islam ini dimasyarakatkan menjadi pakaian ramai, dan diperkasakan sebegitu rupa sehingga ia mempengaruhi alam sekeliling, terutama sekali di peringkat nasional.

Gubahan hidup yang mendefinisikan persekitaran ialah gubahan hidup yang menjadi basuhan kepada jati diri dan akan menyuluh jalan dalam kehidupan bernegara. Ia mengubah keadaan bagi mengurus dan menjayakan perubahan. Benar dari banyak segi, Amerika Syarikat adalah suatu '*melting pot*' yang telah memberi skop kepada berbagai jenis manusia dan budaya untuk berinteraksi, namun ia juga adalah suatu gubahan kebangsaan yang telah tercipta oleh suatu kumpulan etnik yang paling berpengaruh di negara tersebut, iaitu WASP – Western Anglo-Saxon Protestants. Liberal-demokrasi, kapitalisme dan Bahasa Inggeris adalah nilai-nilai mereka yang telah diabadikan dalam kehidupan Amerika.

Sejarah moden memerihalkan kejayaan beberapa buah negara bertahan dan mengekalkan kedudukan setelah menghadapi situasi krisis yang mampu menghancurkannya. Ketahanan atau *resilience* bangsa yang terlibat membolehkan negara membangun kembali dan seterusnya berkembang maju. Paling tidak, negara tersebut berupaya mengembalikan status asalnya dengan cepat setelah perang berlangsung. Jerman yang terlibat secara besar-besaran dalam dua perang dunia telah bangkit semula apabila tamatnya konflik dan menjadi negara yang gagah dalam politik dan ekonomi antarabangsa. Kualiti bangsa Jerman, di samping keutuhan dan kekuatan birokasi negara berkenaan, menjadi faktor terpenting dalam kebangkitan ini.

## 2.Komitmen Kebangsaan dan Keselamatan Negara

Keselamatan negara biasanya dikaitkan dengan persoalan keupayaan sesebuah negara mengatasi ancaman luar, iaitu kemerdekaannya mempertahankan kedaulatan dan kebolehannya mengekalkan kedudukan. Peranan militari, politik dan ekonomi adalah aspek-aspek *integral* dalam penyusunan dan perancangan untuk menjamin keselamatan negara. Sungguhpun kekuatan ketenteraan, kemantapan politik dan kekuahan ekonomi masih diperlukan dalam era globalisasi, kerana konflik antarabangsa boleh berlaku bila-bila masa, negara-bangsa juga sewajarnya mempunyai kelengkapan lain. Dalam bahasa popular, ia adalah ideologi, tetapi untuk tujuan pembentangan ini, saya menamakannya wagas – dari perkataan wawasan dan gagasan. Wagas yang berjaya membentuk proses nasional boleh menjadi teras kepada komitmen kebangsaan yang lain, termasuk peranan militari. Berbekalkan ideologi dan penterjemahannya di pelbagai peringkat kehidupan kebangsaan, sesebuah negara mampu bertahan dalam persaingan internasional. Nazisme sebagai wagas kepada kebangkitan bangsa Jerman sebelum dan semasa Perang Dunia Kedua, dan komunisme sebagai wagas kepada kejayaan Cuba dan Vietnam ketika Perang Dingin, adalah contoh-contoh kejayaan beberapa wagas dalam hubungan antarabangsa. Israel, dengan bersandarkan ideologi “Yahudi sebagai Bangsa pilihan”, jauh sekali dari mengalami kepupusan sekalipun ia ditekan oleh pelbagai pihak semenjak kelahirannya. Dalam konteks nasional, pemupukan rasa kebencian dan jiwa penentangan terhadap komunisme ketika Dharurat telah melahirkan suatu *counter-ideology* yang berjaya menyatupadukan rakyat berbagai kaum untuk melawan dan melumpuhkan musuh

bersama. Kemelayuan, keislaman, kebangsaan, demokrasi, kapitalisme, feudalisme dan federalisme telah berinteraksi menjadi suatu keseluruhan yang agak bersepadan ketika negara tertekan oleh komunisme yang berinspirasikan Beijing dan Moskow. Komitmen yang perbadankan di peringkat sosial dan nasional ini adalah juga suatu wagas.

Paling tidak sesuatu wagas sepatutnya merupakan nilai-nilai universal atau umum yang mewakili semua kelompak atau kaum dalam masyarakat. Namun begitu, wagas yang terbentuk cara sebegini biasanya longgar kerana ia tidak didasari oleh pegangan yang tertanam dalam satu-satu komuniti; apatah lagi jika ia dibiarkan berkembang dalam wadah *multi-racialism*, *multi-culturalism* dan *multi-lingualism*. Sebaliknya, jika wagas ini bertunjang kepada cara dan gaya hidup sesuatu bangsa, dan diperkembangkan sebagai milik semua, maka ia bukan sahaja akan dipertahankan dengan lebih gigih oleh bangsa berkenaan, tetapi juga mampu pada masa yang sama menjadi milik universal masyarakat. Selama ini, ethos politik Melayu yang telah mewujudkan ketuanan Melayu dalam masyarakat dan negara, berjaya berfungsi sebagai suatu wagas yang telah memberi penerusan dan kelangsungan kepada negara. Kepercayaan dan komitmen politik ini yang telah dimantapkan lagi oleh kegamaan orang Melayu dan kebudayaannya telah menjadi semacam *national architecture* yang membentuk dan mengukir kehidupan bangsa Malaysia. Islam sebagai agama berkeupayaan mewujudkan kesatuan berfikir dan bertindak, dan berbekalkan semangat Islam, pengikut agama tersebut semestinya mempunyai daya tahan, daya juang dan daya saing, iaitu kualiti-kualiti penting dalam politik dan ekonomi dunia. Wagas seperti ini boleh diperpanjangkan ke dalam era globalisasi, dengan suatu pengukuhan khasnya menerusi pembesaran peranan Islam, dan

dengan penerangan kepada pihak-pihak yang belum merestui atau terpikat terhadap kehadirannya.

Dalam ilmu strategi, penyerangan juga dianggap sebahagian daripada pertahanan. Oleh yang demikian, pencejagatan nilai-nilai dominan dalam masyarakat dan negara di peringkat antarabangsa boleh membantu menangani gejala globalisme. Jati diri yang berpengaruh berkedudukan membentuk persekitaran sosial dan nasional, dan jika ia diinstitusikan menerusi pemakaian dan penghayatan di dunia internasional, ia berkedudukan pula mempengaruhi bangsa-bangsa lain yang berinteraksi dengannya. Malah nama-nama tradisional, seperti Awang, Embong, Muda, Cempaka, Kenanga dan Melor, yang semakin luput, wajar dipopularkan kembali sebagaimana nama-nama seperti Bullock, Crossfield dan Stonehouse diabadikan oleh Bangsa Inggeris. WASP bukan sekadar menjadi teras kepada jati diri bangsa Amerika Syarikat, tetapi kini telah dipersejagatkan sedemikian rupa sehingga tanpa begitu disedari ia telah turut mendasari globalisme semasa. Demokrasi-liberal, kapitalisme, dan sistem nilai sosial yang berkembang bersama globalisasi hari ini, yang telah merempuh dunia bekas komunis dan dunia ketiga yang lain, kuat sekali bercirikan nilai-nilai Barat yang diresapi oleh cita-cita WASP. Ertinya, budaya Wasp yang asalnya *parochial* kini telah menjelma menjadi budaya antarabangsa hasil dari suatu pencejagatan dari dalam ke luar sepanjang beberapa kurun yang lalu. Ia menempa kejayaan terbesar akhir-akhir ini apabila hampir seluruh dunia tunduk kepada asakan wagas tersebut, sesuatu yang menyebabkan Francis Fukuyama menamakan kemenangan itu sebagai "*The End of History*".

Untuk memperkasakan wagas tempatan supaya ia menjadi wagas nasional dan internasional, suatu lagi komitmen kebangsaan lain yang seharusnya ada ialah penyelidikan. Penyelidikan biasanya mendahului segala perancangan lain, sama ada ekspedisi biasa, penjajahan, peperangan, atau perdagangan. Pengetahuan adalah kuasa dan pengumpulannya berarti penguasaan ke atas peralatan kuasa seperti kekuatan tentera, teori ekonomi, dan latar belakang sosial. Bangsa British yang pernah menjadi penjajah paling berjaya, dan yang pernah menjadi pengatur kesatuan negara paling hebat pada zaman pasca-kolonial, tidak pernah mengeneptikan penyelidikan dalam perancangan dan pembabitnanya. Pada era penjajahan, ia mempunyai pakar-pakarnya, termasuk para orientalis yang terlatih, dan pusat-pusat penyelidikan dengan pembiayaan yang mencukupi, untuk mendalami dan memahami persekitaran luar bagi memudahkan pengurusan penaklukan dan pemerintahannya. Berbekalkan pengetahuan tentang struktur politik, susunan ekonomi dan sistem budaya daerah yang menjadi sasaran kolonialisme-imperialismenya, British begitu berjaya mengatasi halangan dan menundukkan musuhnya. Berbekalkan pengetahuan serupa, ia mampu mengekalkan kedudukannya sebagai pewaris empayarnya apabila ia bergabung membentuk suatu Komanwel yang paling lama bertahan. Pensejagatan nilai sosial dan nasional boleh dipermudahkan jika penyelidikan tentang dunia lain, khasnya negara jiran, menjadi suatu komitmen bersungguh-sungguh dan berpanjangan. Malaysia seharusnya mengenali alam serantau sebaik-baiknya, dan bukannya sekadar bergantung kepada laporan media massa untuk mendapat maklumat mengenai perjalanan politik, perkembangan ekonomi dan pengaliran budaya di negara-negara seperti Indonesia, Singapura, Vietnam dan Thailand. Kekuatan dan kelemahan pihak-pihak tersebut seharusnya diselidiki, supaya ketika perang atau

damai, negara ini sentiasa berkedudukan strategik untuk menangani cabaran luar. Pensejagatan nilai Malaysia hanya boleh berlaku dengan baik dan berkesan apabila penyelidikan dijalankan tentang kehidupan di luar negara itu. Para akademik yang terlibat sepenuh masa menyelidik patut dipertarungkan sama dalam skim pensejagatan ini menerusi peranan mereka sebagai pejuang di belakang tabir. Sehubungan ini, pengalaman British di Malaysia perlu menjadi contoh.

### **3. Keterlibatan Antarabangsa dan Kelangsungan Jiwa**

Globalisasi adalah fenomena antarabangsa, dan ia hanya dapat diuruskan menerusi keterlibatan antarabangsa juga. Negara-bangsa bukan suatu unit yang berkembang berasingan, dan untuk memastikan kelangsungan ia mahu tidak mahu terpaksa berhubungan dalam dunia internasional atau dalam *community of nations*. Wagas yang berjaya diperkasakan di peringkat sosial dan nasional mungkin sedikit sebanyak dapat mempengaruhi persekitaran luar negara menerusi peranan dan penglibatannya dalam negeri, terutama sekali melalui interaksinya dengan pendatang, pengunjung dan pelancong dari negara lain, tetapi keterlibatan ini tidak mencukupi. Wagas ini juga seharusnya berfungsi juga di peringkat Asia Tenggara atau ASEAN, supaya wujud apa yang pernah saya sebutkan sebagai 'Rantau dalam Rantau', iaitu daerah budaya dalam daerah sosio-politik dan sosio-ekonomi yang lebih besar. Dalam tahun-tahun enam puluhan, ketika komunisme merupakan musuh nasional terbesar, *counter-ideology* yang turut menambah-kukuhkan pertahanan negara juga telah menerima pengukuhan dari

mekanisme serantau. ASAS, ASA dan kemudiannya ASEAN, ketika ia masih dianggotai oleh lima buah negara, adalah gagasan bersama di kalangan negara-negara bukan komunis Asia Tenggara. Wawasan yang terkandung dalam dasar Pengecualian Asia Tenggara, yakni Rantau, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN), turut diresapi oleh perkiraan serupa. Begitu juga di peringkat dunia antarabangsa yang lebih luas; seandainya Malaysia mampu berperanan membentuk wajah ummah, maka wagas Malaysia berpotensi menentu-corak dan menentu-arah pergerakan yang lebih besar dalam rangka usaha mempertabatkan cara Melayu-Muslim negara ini. Wawasan ummah yang mempertalikan orang Islam di seluruh dunia, sekiranya menjadi suatu realiti konkrit, berpotensi memberi sumbangan kepada ketahanan negara. Kecenderongan dan komitmen Islam beberapa negara Muslim, peranan badan internasional Islam, seperti OIC, dan kemunculan komuniti Islam di Eropah dan Timor Jauh, setakat ini belum memadai bagi melahirkan persekitaran yang dimaksudkan. Semakin banyak negara yang berhubungan diplomatik dan bisnes dengan Malaysia, semakin banyak destinasi MAS di luar negara, dan semakin ramai pelajar dan pelancong negara ini yang berada di rantau lain, semakin bertambah keperluan mereka terhadap kemudahan seperti masjid dan surau dan makanan halal. Saya ingin mengesyorkan supaya sebuah buku lengkap tentang "Kod Etika Muslim di Dunia Bukan-Islam" disediakan bagi pengunjung dan pelawat Malaysia di sebagai panduan berjalan.<sup>8</sup> Dari sudut Islam, manusia adalah mesej atau '*The Man is the Message*': malah Rasulullah s.a.w. sendiri digambarkan oleh Siti Aishah sebagai al-Quran yang berjalan. Seandainya umat Islam yang bertaburan di dunia bukan Islam mengamalkan pendekatan Islam, menjalankan Suruhan Allah mengikut yang termampu dan menghayatinya hatta

---

<sup>8</sup> Lihat juga Mohamad Abu Bakar, "Dakwah Di Persimpangan: Hala Tuju dan Masa Depan Islam Di Malaysia", kertas kerja, Seminar Kebangsaan Dakwah dan gerakan Islam Alaf Baru, Universiti Kebangsaan Malaysia, 10 Julai 1999.

dalam persekitaran hidup yang kurang selesa, maka kehadiran mereka akan menjadi suatu pertumpukan sosial atau *social ambience* yang menarik dan berpotensi besar mempengaruhi persekitaran tempatan dan antarabangsa. Dalam keadaan sejumlah besar anggota ummah berada dalam diaspora, peluang persejagatan Islam untuk membesar menjadi bertambah cerah sekiranya mereka bergerak sebagai *homo Islamicus* (manusia Islam sebenar). Kehadiran mereka adalah serentak suatu petanda dan bahagian kepada keseluruhan kewujudan Islam di dunia.<sup>9</sup>

Kelangsungan hidup tidak sekadar bersandarkan kekuatan militari, kejayaan ekonomi dan kehidupan budaya. Ia juga seharusnya diperkuatkan menerusi pembentukan *outer lines of defence*, seperti menjadikan ASEAN sebagai kerangka luarnya, dan garisan pertama yang membantunya mempertahankan diri. Pembentukan *security community* seperti ini membantu pertahanan nasional, apatah lagi jika wagas nasional ini menjelma sebagai pengubah wajah pan-Asia. Maksudnya, apabila wagas Malaysia menguasai persekitaran serantau, atau perjalanan ummah, maka cara dan gaya Malaysia dapat dimajukan di luar perbatasan negara sebagai faktor penentu (*directing spirit*). Kejayaan ekonomi Malaysia suatu masa dahulu, dan kehebatan diplomasi Malaysia dalam OIC akhir-akhir ini, ternyata begitu menawan, dan ini mampu menimbulkan kenyakinan pihak lain untuk turut mendukung dan menganut wagas kita. Di sini globalisasi barangkali boleh menolong pengluasan wagas Malaysia, iaitu apabila sempadan kebangsaan negara lain tidak menjadi penghalang kepada penularan nilai kita.

<sup>9</sup> Mohamad Abu bakar, "Persejagatan Islam dan Perpaduan Ummah. Menelusuri, Politik Antarabangsa Masa Kini", kertas kerja Muadharah Pemikiran Islam Siri (7), Yayasan Islam Terengganu, 25 September, 1999.

Pertarungan secara aktif dengan globalisasi semasa juga memungkinkan pertembungan peradaban yang menguntungkan kedua-dua pihak. Apabila proses berlajar-mempelajari mencirikan perhubungan antara tamadun yang bertentangan, maka wagas Malaysia akan meraih kekuatan baru, dan ini akan memperkasakannya lagi. Wagas Malaysia seharusnya dipupuk dan dipopularkan atas nama kemanusiaan sejagat, sebagai sesuatu yang menjanjikan kebaikan untuk semua. Selama ini, kebanyakan negara bertindak secara pasif terhadap globalisasi, dan ini memudahkan keruntuhannya. Kelamhaan militari, ekonomi dan politik serta komitmen sesetengah pihak dalam negeri untuk berenang bersama globalisasi, menyebabkannya tunduk begitu mudah kepada asakan antarabangsa tersebut. Malaysia seharusnya tidak membiarkan ini berlaku.

## **Penutup**

Perhubungan antara globalisasi dan negara-bangsa dijangka berjalan berterusan, kerana negara-bansa dipercayai akan berkekalan tegak sebagai unit terpenting dalam hubungan antarabangsa.<sup>10</sup> Perbincangan tentang *the end of the nation-state* hanyalah memperlihatkan suatu kebimbangan tentang penghakisan nilai sosial dan masyarakat, kerana hingga kinipun negara-bangsa dengan jumlahnya yang semakin bertambah adalah unit-unit utama dalam konfigurasi kuasa internasional. Kemunculan Timor Timor adalah penambahan terakhir kepada jumlah negara-bangsa di rantau Asia-Pasifik. Persoalannya kini ialah bagaimana untuk mematapkan kedudukan negara-bangsa setelah ia tertekan


---

<sup>10</sup> Lihat juga Peter F. Drucker, "The Global Economy and the Nation-State", *Foreign Affairs*, September-October 1997.

oleh globalisasi, dan memanfaatkan kehadirannya untuk kemanusiaan seluruhnya. Satu cara yang sedang dipopularkan ialah kerjasama di peringkat global sendiri bagi menangani globalisasi, menerusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pembentukan sistem pengurusan kewangan internasional (*global economic governance*) dan sebagainya, lantaran globalisme berpotensi membawa padah kepada semua jika ia tidak dimantau dengan bijak.<sup>11</sup> Serentak dengan perkiraan ini, saya fikir kita juga seharusnya memprkenal dan mencanang pendekatan kebangsaan bagi memajukan diri dan dunia. Wagas Malaysia yang berpaksikan Islam-Melayu mempunyai harapan berperanan sedemikian.

---

<sup>11</sup> Lihat juga Richard Falk, "Humane Government for the World: Reviving The Quest", dalam Jan Nederveen Pieterse (ed.), *Global Futures. Shaping Globalization*, London & new York, 2000.



<b>Tema</b>	<b>: Peranan IT</b>
<b>Tajuk</b>	<b>: Bangsa Malaysia Baru – Erti Kemerdekaan Dalam Dunia Rangkaian Berjaring</b>
<b>Nama Penulis</b>	<b>: Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen Setiausaha, Majlis Teknologi Maklumat Negara Presiden &amp; CEO, MIMOS Berhad</b>

## **MALAYSIA BARU – Erti Kemerdekaan Dalam Dunia Rangkaian Berjaring**

Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, kita sebagai rakyat Malaysia yang merdeka dapat melihat peta dunia dan berbangga di atas kewujudan negara baru kita. Kita dapat melihat sempadan dan merasa selesa kerana sekurang-kurangnya kita kini adalah tuan kepada untung nasib kita sendiri. Sempadan ini menggambarkan lingkungan kekuasaan kita. Tiada sesiapa boleh masuk atau keluar negara kita tanpa keizinan kita.

Namun, akibat globalisasi keadaan indah sebegini tidak kekal lama. Tahun 1997 menyaksikan titik akhir kepada corak lama kemerdekaan kita. Walaupun sempadan fizikal kita kekal selamat, kini integriti ekonomi kita terdedah kepada pelbagai kemungkinan dan ancaman.

Walaupun globalisasi telah wujud untuk sekian lama, kehadiran Internet telah memacu proses ini. Oleh itu, kita perlu mengubah fokus kita dari ruang fizikal ke ruang siber bagi memastikan kita tidak tersasar. Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang tiada sempadan, ancaman terhadap kemerdekaan kita bukanlah sekadar di luar sempadan negara tetapi ianya berada di mana-mana.

### **Ruang Siber – Ruang Kawalan Yang Baru**

Definisi mudah bagi kemerdekaan ialah “kebebasan dari kawalan”. Hari ini, konsep kemerdekaan telah diancam oleh “ruang siber” – dunia data komputer dan komunikasi elektronik tanpa dimensi. Diambil dari perkataan Greek yang bermaksud pengemudi, “kybernetes”, ruang siber diterjemahkan dengan maksud “kawalan ruang siber”.

Pada 1997, kawalan ruang siber membolehkan Soros dan rakan-rakannya menguasai nasib bangsa kita dengan sekelip mata. Penjajah sudah kembali semula, cuma kali ini mereka menggelarkan diri mereka peniaga matawang dan menggunakan komputer dan rangkaian komunikasi untuk mengaut kekayaan kita.

Hari ini, sesiapa yang mengawal ruang siber, turut mengawal sesebuah negara.

### **Bangsa Negara – Ruang Baru Di Bawah Kawalan**

Pada permulaan abad ke-21, kuasa yang dimiliki negara telah diancam. Sekiranya dahulu kegiatan ekonomi dan masyarakat dikawal sendiri oleh sesebuah negara itu, kini negara mendapati ianya dikawal oleh mereka yang berjaya merebut peluang teknologi maklumat dan ruang siber. Kesannya amat menakutkan.

### i) Masyarakat

Hasil tinjauan di Singapura baru-baru ini telah mengejutkan Perdana Menteri Goh. kerana mendapat sebilangan besar rakyat Singapura lebih suka menjadi orang Barat. Akibat terlalu banyak disogokkan dengan glamour hidup cara Barat menerusi kaca TV dan komputer, mereka yakin bahawa Barat adalah lebih kreatif, dinamik dan kaya-raya berbanding dengan masyarakat Timur.

Kesan daripada globalisasi ini dapat dilihat di kompleks-kompleks membeli-belah di seluruh Asia. Mereka sanggup mengorbankan warisan genetik, mengubah warna rambut menjadi perang, bermata biru dan lebih cenderung terhadap jenama-jenama Barat. Kupusamy menjadi Sam Cooper, dan kerana itu kita semua menjadi bertambah miskin.

Negara yang enggan tunduk kepada kuasa-kuasa besar ini, tetapi dalam masa yang sama tidak berupaya mempengaruhi dunia akan terus mundur dan tercincir.

Walau bagaimanapun, kesan globalisasi yang paling ketara terhadap masyarakat adalah sikap daya saing yang mengeneplikan nilai-nilai murni seperti bertimbangrasa dan belas kasihan.

### ii) Ekonomi Yang Rompong

Dalam mana-mana proses pengeluaran, sesetengah bahagian mempunyai tambahan nilai lebih dari yang lain. Penguasaan ke atas bahagian yang mempunyai tambahan nilai yang lebih adalah amat penting. Sebagai contoh, bagi pengeluar kereta, sekiranya kita terpaksa membeli komponen yang lebih mahal daripada negara luar, ianya adalah suatu yang tidak baik. Ini lebih jelas berlaku pada masa kini dengan komponen teknologi yang canggih seperti enjin kawalan dan sistem brek. Sebahagian negara maju hanya mengfokuskan hanya dalam komponen lukaratif tinggi. Malahan, mereka melihat pemilikan keseluruhan proses pembuatan sebagai liabiliti.

Apabila bahagian yang paling baik telah dikuasai oleh orang lain, kita akan ditinggalkan dengan ekonomi yang telah rompong. Hari ini, bahagian yang paling bernilai adalah produk dan proses yang berasaskan maklumat dan pengetahuan. Sebagai contoh, aktiviti syarikat penghantaran segera yang disokong oleh penggunaan teknologi, kini mampu mengendalikan proses penghantaran kiriman bungkusan dengan lebih cekap. Aktiviti penghantaran fizikal yang di bantu oleh teknologi canggih tersebut telah meningkatkan daya saing syarikat tersebut.

Kebangkitan ini telah dimanifestasikan oleh pertumbuhan syarikat-syarikat dot.com. Terbukti, kuasa maklumat dan pengetahuan telah mengatasi proses fizikal. Ini adalah kerana komponen maklumat dan pengetahuan yang akan menentukan nilai dan ganjaran sebenar sesuatu produk.

Malaysia kini tidak dapat mengelak daripada berhadapan dengan persaingan kesan daripada portal-portal asing dan inisiatif e-dagang dari luar negara. Sekiranya kita tidak melakukan sesuatu, kita akhirnya terpaksa akur kepada kuasa barat yang akan menentukan nasib ekonomi kita.

### **iii) Kerajaan Yang Kurang Kuasa**

“Kedaulatan” – atau kuasa eksklusif sesebuah negara terhadap wilayah – adalah prinsip asas undang-undang klasik antarabangsa. Persoalannya sekarang bagaimana caranya untuk menghalang kuasa asing daripada menganjurkan revolusi apabila mereka boleh melakukannya menerusi Internet? Dan bagaimana pula kerajaan dapat mempertahankan kestabilan negara apabila surat layang dan maklumat dapat disebarluaskan melalui Internet? Seperti yang kita ketahui, Internet tidak dikawal oleh sebarang peraturan.

Apabila setiap warga mempunyai capaian tanpa batasan kepada maklumat, kerajaan hari ini diperhatikan oleh berjuta-juta manusia. Dalam beberapa perkara menyentuh isu nasional, segelintir warga siber mempunyai kepakaran yang lebih tinggi dari mereka yang memerintah. Bagaimana kerajaan mempertahankan kredibilitinya apabila berhadapan dengan kritikan yang benar?

Beberapa pakar berkata bahawa Internet membolehkan sesebuah negara mempertahankan dan menambah kuasa mereka. Buktinya adalah pengeksploitasi teknologi panggung wayang, radio dan TV menjelang abad ke-20 oleh penyokong fahaman fasis dan regim totalitarien.

Bagaimanapun, berbeza daripada teknologi yang lebih awal, Internet tidak sekadar menyiarkan maklumat kepada rakyat jelata, malah ia juga membolehkan rakyat memberikan maklum balas dengan segera. Kerajaan yang dahulunya memiliki “Kementerian Penerangan”, kini perlu mengkaji keperluan untuk sebuah “Kementerian Mendengar”. Seorang tokoh terkemuka pernah berkata, “Ahli politik seperti saya suka mendapat audien yang ramai. Tetapi kami mahu audien yang mendengar, dan bukannya berbalas cakap dengan kami. Ini kerana apabila audien berkembang menjadi jutaan menerusi rangkaian internet dan mereka semua mahu berbalas cakap dan memberi pendapat, keadaan akan menjadi sangat mengelirukan.”

Kini pemerintah tidak lagi menjadi pihak yang pakar dalam semua perkara.

Kedaulatan negara bangsa kini berada dalam ancaman. Ramai telah meramalkan kemungkinan bencana kemusnahannya. Salah seorang ialah Nicholas Negroponte dari MIT yang mengatakan kesan daripada Internet, generasi masa hadapan tidak akan memahami apa itu "nasionalisme".

Bagaimana harus kita bertindakbalas terhadap kecenderungan subversif ruang siber dan warga siber?

Kita perlu berdepan dan menghadapi mereka.

Apabila institusi hirarki sebuah negara dibinasakan, sesuatu yang jauh lebih baik muncul dari sisa-sisa kebinasaan tersebut. Sebagai ganti kepada keinginan terhadap kemewahan selepas kemerdekaan pada 1957, kita perlu menakluki cabaran-cabaran e-Malaysia dewasa ini. Ide bangsa negara yang bersifat monolitik perlu digantikan dengan rangkaian-rangkaian perkasaan berunsur patriotik. Bangsa Malaysia yang merdeka perlu dibangunkan.

#### i) Daripada Kuasa kepada Keperkasaan (*empowerment*)

Pada ketika maklumat yang tersedia mengakibatkan kerajaan yang ada kehilangan prestijnya, ia memberi kesan pembebasan kepada warga Malaysia. ICT bukan sahaja memberi manusia capaian kepada maklumat yang diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup mereka, malah ia juga menyediakan saluran untuk menyuarakan pendapat mereka ke peringkat yang tertinggi.

Warga yang aktif dan bermaklumat adalah asas kepada masyarakat berteraskan pengetahuan yang menjadi visi kepada Agenda IT Negara. Untuk mengelakkan dari kebanjiran ideal-ideal asing, rakyat Malaysia perlu berfikir sedalamnya dan menentukan agenda pembangunannya yang tersendiri.

Tafsiran kita tentang pembangunan tidak bersifat kebendaan semata-mata. Manusia bukan sekadar bersifat materialistik tetapi juga adalah bersifat intelek dan memiliki elemen kerohanian.

Sebelum kita dapat mencipta bangsa yang berkeyakinan dan berfikiran merdeka, golongan yang terpinggir dalam jurang digital perlu dibawa bersama. Mereka perlu diperkasakan dan kita perlu memastikan bahawa tiada seorang pun ketinggalan dan tiada siapa pun ketiadaan capaian kepada maklumat dan pengetahuan yang diperlukan untuk meningkatkan taraf hidupnya.

Majlis Teknologi Maklumat Negara telah mengadakan usaha-usaha strategik dalam lima bidang teras e-Malaysia: e-komuniti, e-ekonomi, e-perkhidmatan awam, e-pembelajaran dan e-kedaualatan. Sasaran utama yang diinginkan adalah generasi baru Malaysia, yang cukup bersedia untuk menangani cabaran-cabaran di era teknologi maklumat.

### **ii) Daripada Pekerja Kepada Usahawan**

Koridor Raya Multimedia adalah jawapan Kerajaan Malaysia kepada satu soalan yang pernah dikemukakan pada awal '90an: Apa yang Malaysia perlu lakukan untuk menghalang ekonominya dari dirompongkan?

Pada masa itu, ide ekonomi dirompongkan amat asing dan sukar dipercayai. Sejak itu, kita mengalami demonstrasi kebinasaan tentang apa yang dimaksudkan. Kita jarang sekali bersyukur dengan apa yang telah berlaku pada 1997. Ia memberikan kita gambaran tentang nasib yang menanti mereka yang tidak bersedia menghadapi cabaran era teknologi maklumat.

Koridor Raya Multimedia adalah persiapan untuk menghadapi keimbangan dan kekurangan kita. Daripada hidup dalam keimbangan bahawa ekonomi kita akan dijejaskan oleh kemaraan teknologi barat, kita menjemput para pesaing agresif ke sini sebagai mentor dan rakan kongsi untuk bekerjasama. Ini membolehkan kita belajar dan mendapat manfaat daripada kepakaran mereka.

Ruang siber menawarkan banyak peluang kepada usahawan-usahawan Malaysia. Sekiranya kita mampu memanfaatkan teknologi dan pengetahuan untuk mencipta nilai, kita akan dapat menguasai ekonomi dunia. Semasa negara melaksanakan program industrialisasi, syarikat-syarikat Multinasional (MNC) membawa masuk kilang mereka ke sini. Tetapi kini, kita boleh menembusi pasaran tenaga buruh mereka yang tinggi secara maya dan menggunakan tenaga buruh kita yang lebih murah harganya untuk menyediakan kualiti perkhidmatan yang setanding.

### **iii) Daripada Kedaualatan Kepada Interaktiviti**

Apabila kita berbicara tentang kedaualatan, kita harus ingat bahawa rakyatlah yang bertanggungjawab dalam menentukan kedaualatan negara. Rakyat harus bersatu dan berpegang kepada nilai-nilai murni yang dikongsi bersama.

Agenda IT Negara menitik-beratkan gabungan 3 sektor; sektor awam, swasta dan komuniti. Ketiga-tiga sektor ini perlu berganding bahu bagi memastikan kita terus kekal sebagai rakyat Malaysia yang bersatu.

Penjajahan dahulu berupa penjajahan fizikal. Kini, penjajahan adalah penjajahan ideologi dan ide; minda dan pemikiran.

Barat mempunyai cara untuk menyebarkan ideologi mereka. Mereka mengawal media dan melalui media gergasi seperti CNN, mereka secara terang dan berani mempropagandakan ideologi mereka.

Malaysia adalah sebuah negara berdaulat yang memiliki nilai-nilai murni yang tersendiri. Apakah yang kita lakukan untuk berkongsi bersama dunia nilai-nilai murni tersebut?

Sekarang bukan lagi zaman untuk memperkatakan tentang pengaruh dan penjajahan wilayah. Sekarang adalah zaman dan pengaruh Internet. Seluruh rakyat Malaysia harus memanfaatkan sepenuhnya faedah rangkaian jaringan.

Satu contoh yang baik ialah Rangkaian Dunia Ketiga (TWN). Walaupun ia bukannya sebuah syarikat media, ia telah berjaya membentuk satu pergerakan massa melalui Internet. Melalui Internet, TWN telah bersatu dan berjaya menentang dan menghalang cara WTO menentukan dasar untuk seluruh dunia.

Kejayaan TWN bukan sekadar kejayaan menggunakan faedah Internet. Ia adalah lebih daripada itu dan terutamanya mengenal pasti isu-isu dan nilai-nilai yang digunakan sebagai medium untuk menyatukan masyarakat global.

Malaysia perlu mengambil langkah yang sama. Internet harus digunakan untuk mengenangkan nilai-nilai pegangan kita supaya dikongsi bersama dunia. Persoalannya lagi; apakah nilai-nilai yang hendak dikongsi bersama dan apakah isu yang ingin diketengahkan?

### **Kebergantungan Kemerdekaan**

Kemerdekaan sekarang ditafsirkan sebagai kemampuan dan hak untuk membuat keputusan sendiri tanpa mengenepikan norma-norma dan peraturan antarabangsa. Inilah yang dinamakan Kebergantungan Kemerdekaan atau *Interdependent Independence*


Globalisasi bukanlah satu fenomena yang terpaksa kita terima keseluruhannya atau akur pada kesannya. ICT menjadikan komunikasi dilakukan tanpa sekatan atau batasan tetapi kita berhak menentukan bagaimana teknologi canggih ini mencorak nilai masyarakat dan menjana pembangunan negara.


Wawasan 2020 telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Komitmen kita dalam merealisasikannya dan menentukan seluruh rakyat jelata mendapat faedah daripada pembangunan dan kemajuan adalah satu pegangan yang perlu diterapkan di muka dunia.

5 bidang teras yang telah dikenalpasti oleh Majlis Teknologi Maklumat Negara diharap akan lebih mempersiapkan negara dalam menangani kesan globalisasi untuk berhijrah ke dunia-e:

- E-ekonomi untuk melicin dan menggalakkan aktiviti perdagangan dan perniagaan elektronik bagi menyokong pembangunan ekonomi berdasarkan pengetahuan.
- E-pembelajaran untuk membentuk budaya pembelajaran sepanjang hayat
- E-perkhidmatan awam untuk menyediakan perkhidmatan awam menggunakan kaedah elektronik kepada orang ramai dan ahli perniagaan secara lebih cepat dan cekap
- E-komuniti untuk membolehkan masyarakat memanfaatkan ICT untuk berinteraksi dengan masyarakat global dan mengengahkan nilai-nilai murni kita
- E-kedaulatan untuk memastikan identiti dan keselamatan negara dalam menghadapi era dunia tanpa sempadan

Melalui program-program di dalam 5 bidang teras ini, adalah diharapkan asas kedaulatan dan keselamatan negara akan menjadi lebih kukuh di dalam dunia-e. Kita sebagai bangsa Malaysia baru perlu bersatu untuk memikul tanggungjawab ini bagi memastikan kita tidak lagi perlu tunduk kepada sesiapa.





**SEMINAR PENGHAYATAN DAN PENGUKUHAN  
KEMERDEKAAN MALAYSIA**

**PERANAN IT DAN MULTIMEDIA DALAM PROSES  
MENGHAYATI DAN MENGUKUHKAN KEMERDEKAAN  
NEGARA**

Oleh

**Dr. Mokhtar Mohd Yusof**

Pengurus Projek

Project Monitoring System

Unit Penyelarasian Pelaksanaan

Jabatan Perdana Menteri

13 September 2000

# **PERANAN IT DAN MULTIMEDIA DALAM PROSES MENGHAYATI DAN MENGUKUHKAN KEMERDEKAAN NEGARA**

## **1. PENDAHULUAN**

Kemajuan dalam teknologi komputer dan komunikasi telah membuka peluang perhubungan yang sangat luas di kalangan penduduk dunia. Justeru itu istilah globalisasi dan Internet adalah merupakan istilah yang tidak asing lagi bagi kita yang wujudnya sebagai akibat daripada kemajuan teknologi komputer dan komunikasi tersebut.

Fenomena globalisasi merupakan satu peralihan daripada proses ke negaraan kepada proses globalisasi. Faktor pengeluaran tidak lagi bergantung kepada keupayaan sesuatu negara tetapi lebih bersifat sejagat, pengaliran modal lebih bebas dan lebih cepat. Maka dipertengahan dekad yang lalu satu idea mengenai ekonomi dunia dikemukakan. Ekonomi baru yang berasaskan pengetahuan dikatakan mampu membawa peralihan daripada ekonomi berasaskan industri kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Ekonomi berasaskan pengetahuan memerlukan pencorakkan semula masyarakat untuk menjadi masyarakat berpengetahuan

Tegasnya, perkembangan pesat teknologi komputer seolah-olah memaksa manusia beranjak ke satu paradigma baru yang menuntut pencapaian pendidikan yang tinggi untuk menempuh arus kehidupan yang semakin mencabar.

## **2. SENARIO DI ALAF BARU**

### **2.1 Perkembangan Teknologi Komputer dan Komunikasi**

Internet adalah hasil daripada kemajuan dalam bidang komputer dan komunikasi ini yang telah mampu membawa kita menjelajah keseluruh dunia, dan rumah atau tempat kerja kita. Melalui alat ini manusia dapat menjalinkan perhubungan tanpa

batas masa dan sempadan melibatkan aktiviti ekonomi, pembelajaran dan aktiviti sosial.

Infrastruktur Internet telah diwujudkan oleh sekumpulan penyelidik dengan sokongan daripada pihak kerajaan dan industri sejak awal 1990an. Ia telah memasuki dimensi perdagangan akibat kepcatan jaringan masyarakat perniagaan kini. Kewujudan kumpulan perniagaan dan bukan perniagaan yang begitu pesat menggunakan kemudahan Internet ini telah menimbulkan beberapa persoalan (United Nations, 1999) iaitu:

- i      tiada agensi atau badan yang mengawalnya
- ii     tiada jaminan kualiti perkhidmatannya
- iii    tiada jaminan keselamatan penggunaannya
- iv    maklumat di Internet adalah tidak tersusun, tidak berstruktur dan sukar dicari
- v    perkhidmatannya kerap tidak stabil, dan
- vi    tiada skim pembayaran yang khusus

Tanpa menafikan pengaruh Internet dalam kehidupan masyarakat dunia, walaubagaimanapun, sehingga kesemua isu-isu di atas diatas, kemampuan Internet untuk menjadi saluran utama lebuhraya maklumat yang sebenarnya masih dipersoalkan.

Toffler (1995) telah meramalkan baiawa dalam era "Third Wave" kuasa ekonomi akan beralih daripada kuasa fizikal kepada kuasa pemikiran atau mental (*brain force*). Tapscott (1995) pula telah mengutarkan 12 tema yang penting yang berasaskan kemajuan komputer dan komunikasi. Tema-tema tersebut adalah seperti berikut; Pengctahuan, pengdigitan, pemayaan, *molecularisation*, pengitegrasian (*internetworking*), *disintermediation*, *convergence*, *innovation*, *presumption*, *immediacy*, *globalization* dan *discordance*.

Umpamanya dalam konsep pendigitan maklumat, maklumat yang boleh didigitkan tidak tertumpu kepada bentuk teks tetapi merangkumi data imej, grafik, audio dan video. Kebolehan melakukan pendigitan maklumat merubahkan cara manusia

berkomunikasi dan bertukar maklumat. Pengaliran maklumat menjadi lebih mudah akibat pergerakan maklumat yang lebih laju. Akibat pendigitalan maklumat yang meluas banyak proses kerja manusia telah berubah. Proses kerja telah banyak bergantung kepada penggunaan komputer, pendigitalan maklumat juga menyaksikan produk dan perkhidmatan dihebahkan melalui saluran talian komunikasi. Inovasi menjadi ciri penting dalam kegiatan ekonomi kim. Inovasi sentiasa diperlukan kerana jangka hayat produk telah menjadi lebih pendek dan produk baru perlu dikeluarkan. Untuk menghadapi cabaran inovasi yang berterusan masyarakat sentiasa memerlukan pembelajaran dan latihan semula. Ini bermakna peningkatan pengetahuan sama ada secara formal ataupun tidak formal adalah proses yang berterusan. Pemayaan pula berkisar kepada konsep ketidakhadiran. Aktiviti ekonomi, pembelajaran dan sosial dapat dilakukan tanpa kehadiran fizikal kerana keupayaan rangkaian komputer dan infrastruktur Internet. Manusia berkomunikasi melalui komputer dari mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Perhubungan dijalankan itu tidak memerlukan kehadiran diri individu berkenaan.

Kita telah melihat ekonomi baru semakin diterima oleh dunia. Unsur-unsur penting daripada ekonomi baru ini adalah pengetahuan dan kecekapan menggunakan komputer. Penggunaan komputer tidak terhad di pejabat tetapi meluas hingga kepada aktiviti kehidupan yang lain. Berdasarkan tema-tema yang telah dibincangkan itu telah menjadikan dunia interaksi manusia amat berbeza dari cara tradisi. Ia menyarankan perubahan kepada cara kita beroperasi iaitu semasa kita bekerja ataupun dalam menjalani kehidupan sosial kita. Perubahan-perubahan ini menuntut kita menimba ilmu sepanjang masa.

## 2.2 Konsep Masyarakat Berpengetahuan

Konsep ini telah mula diperkenalkan oleh Druker (1969). Walau bagaimanapun idea mengenai industri pengetahuan telah dicadangkan sejak tahun 1962 oleh Fritz Machlup seorang ahli ekonomi dari Universiti Princeton (*The Production and Distribution of Knowledge in The United States*). Idea ini berkisar ke atas pengeluaran dan edaran pengetahuan dalam ekonomi yang hanya pada pertengahan tahun 90an mula rancak diperkatakan apabila dunia mula beralih kepada ekonomi

berasaskan pengetahuan. Masyarakat juga turut berubah untuk menyesuaikan dengan keadaan ini.

Unsur-unsur penting dalam ekonomi berasaskan pengetahuan ialah pekerja berpengetahuan. Seseorang pekerja berpengetahuan pada dasarnya melakukan kerja pengetahuan dan tidak melakukan kerja fizikal atau pengautomasi. Pekerja pengetahuan merunjuk kepada aktiviti intelek yang menggunakan data, maklumat dan pengetahuan untuk menceroka berbagai pilihan yang terdapat dalam domain pekerjaan. Kerja yang dilakukan termasuk mengumpul data, membuat analisis, menilai, mengubahsuai, mentafsir dan sebagainya. Nilai kerja berpengetahuan terletak kepada kerja yang melibatkan kematangan kandungan. Kematangan ini berlaku apabila data discrap dalam hubungkait persekitaran kerjanya dan menjadi maklumat. Seterusnya maklumat disepadukan dalam proses yang akan menambah nilai kepada maklumat yang sedia ada sehingga menjadi pengetahuan. Dalam kerja pengetahuan ciri penting adalah mengenai penjanjana pengetahuan baru dan memberi nilai tambah kepada pengetahuan yang dicipta oleh orang lain. Masyarakat berpengetahuan terdiri daripada pekerja yang mempunyai kepakaran yang amat tinggi yang menggunakan pengetahuan untuk menyelesaikan masalah. Kita akan beralih dari penggunaan teknologi fizikal kepada teknologi mental.

Sebagai individu, pekerja pengetahuan tidak dapat berfungsi tanpa sokongan pekerja pengetahuan yang lain. Dengan kata lain, mereka perlu berfungsi secara kolektif. Oleh kerana kerjasama pekerja penting dalam masyarakat berpengetahuan persekitaran kerja perlulah memudahkan pekerja berpengetahuan memperkembangkan ilmu pengetahuan. Kemudahan komputer dan komunikasi membolehkan kerjasama antara pekerja berpengetahuan tanpa menghiraukan sempadan tempat dan waktu. Prestasi mereka diukur dengan melihat kebolehannya menggunakan pengetahuan dalam melaksanakan tugas. Tegasnya memiliki pengetahuan adalah menjadi kunci utama untuk bersaing.

Dalam organisasi pula pelaburan dalam peralatan fizikal sahaja tidak lagi mencukupi tanpa pelaburan dalam pekerja berpengetahuan. Pekerja pengetahuan menjadi aset yang penting dalam sesuatu organisasi. Oleh itu agenda penting dalam masyarakat

pengetahuan adalah mendapat pendidikan untuk memperolehi pengetahuan. Proses mendapat pendidikan ini tidak terbatas dan perlu berterusan.

### 2.3 Globalisasi

Kemajuan pesat dalam teknologi komputer dan komunikasi dikatakan telah mencetuskan proses globalisasi. Adalah jelas bahawa globalisasi memberi harapan dan cabaran. Ia adalah satu fenomena yang tidak boleh dielakkan di mana persekitaran yang perlu dihadapi oleh masyarakat akan bercirikan;

- a. Perdagangan tidak mengenal sempadan.
- b. Corak pembangunan persekitaran yang sukar dikenal.
- c. Pencantuman teknologi yang di luar jangkaan.
- d. Komunikasi terbuka dari pelbagai punca dan sukar dikawal.
- e. Pengwujudan masyarakat perdagangan (e-communities) yang tidak bersempadan.
- f. Penghijrahan pekerja berpengetahuan ke tempat-tempat yang kualiti kehidupannya lebih baik
- g. Pendemokrasian golongan minoriti/ suara marginal.

Secara keseluruhannya impak globalisasi secara psikologi ke atas negara melibatkan 3 aspek:

- a. Negara – konsep Kenegaraan (nation state) menjadi faktor yang dipersoalkan.
- b. Masyarakat – Perubahan dan penyesuaian nilai budaya, falsafah dan paradigma yang dianut oleh masyarakat
- c. Individu – Krisis identiti dan persediaan di peringkat individu.

Impak ini akan berlaku di dalam semua bidang kehidupan seperti sosial, ekonomi dan politik yang boleh mengakibatkan sebahagian negara itu hilang daya saingnya. Seksyen berikut seterusnya menghuraikan impak yang disebutkan di atas.

### **3. CABARAN DAN HARAPAN MASA DEPAN**

#### **3.1 Mempertahankan Kedaulatan Negara Melalui Ekonomi**

Keupayaan negara menguruskan ekonomi didapati menjadi semakin terbatas oleh desakan proses globalisasi, saling keterbergantungan dan keperluan untuk meningkatkan daya saing dalam ekonomi global. Ada dua tanggapan terhadap kesan globalisasi ke atas ekonomi:

- i. memberi peluang untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan dengan negara-negara industri yang telah maju
- ii. boleh melemahkan struktur politik, ekonomi dan sosial dunia sedia ada bagi negara-negara yang tidak peka kepada perubahan (Cox, 1994)

Pembentukan asas ekonomi global dalam tempoh tiga dekad kebelakangan ini sebenarnya dijana oleh penglobalan pengeluaran dan penglobalan kewangan. Perancangan pengeluaran secara global, membolehkan para pemodal mengambil kesempatan untuk melakukan pembahagian kegiatan daripada keadaan berbeza-beza di antara negara bagi tujuan mencapai matlamat memaksimumkan kos pengeluaran, penjimatan cukai, pengawalan buruh dan mendapat insentif-insentif dari negara berkenaan. Sementara itu aktiviti global kewangan pula memperolehi kebebasan daripada kawalan yang membolehkan mereka menggerakkan modal dengan cepat selama 24 jam sehari dengan bantuan sistem rangkaian komputer dan komunikasi.

Seperti yang telah dijelaskan, pandangan bahawa globalisasi boleh digunakan untuk tujuan membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat masih boleh dibahaskan. Pada umumnya peningkatan intergrasi ekonomi Malaysia dalam ekonomi global hasil dasar liberalisasi perdagangan telah mengakibatkan kaum buruh di negara ini terpaksa bersaing dengan pekerja lain di dunia, khususnya buruh di negara yang mempunyai lebihan buruh seperti Cina, Indonesia, dan Vietnam. Kemasukan begitu ramai buruh asing telah memperlakukan usaha-usaha

pembasmian kemiskinan dan juga turut menyebabkan bertambah luasnya jurang perbezaan pendapatan dalam masyarakat kita.

Cabarannya ialah bahawa Malaysia dan negara-negara yang membangunannya yang lain bukan sahaja akan terpaksa berhadapan dengan desakan dunia yang menuntut dipercepatkan liberalisasi ekonominya, malah negara perindustrian barat khusus Amerika Syarikat dan agensi antarabangsa seperti IMF dan WHO juga menuntut supaya perdagangan bebas meliputi perdagangan barang, perdagangan perkhidmatan dan juga pelaburan. Perkembangan ini sudah tentu menyukarkan usaha-usaha negara membangun memajukan sektor perindustrian masing-masing dan seterusnya menghalang usaha membasmikan kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan pendapatan. Di samping itu peluasan penguatkuasaan hak harta intelektual, akan menjadikan usaha negara-negara membangun lebih sukar dan lebih mahal memperoleh teknologi dan seterusnya akan menciptakan usaha memajukan proses perindustrian.

Krisis kewangan dan ekonomi yang melanda negara sejak pertengahan tahun 1997 telah mengejutkan pemimpin negara daripada keghairahan meraih faedah yang dijanjikan oleh penyokong-penyokong globalisasi. Telah timbul kesedaran bahawa disebalik manfaat yang dijanjikan terdapat banyak sekali bahaya kepada negara dan rakyat biasa apabila kuasa pasaran diberikan kebebasan beroperasi pada peringkat global dan nasional.

Perubahan ekonomi dan sosial di negara membangunkan seperti Malaysia kini menuntut bahawa pembangunan tidak hanya melibatkan soal pengagihan dan pengeluaran barang dan perkhidmatan semata-mata tetapi juga perubahan kepada struktur ekonomi tersebut. Di samping itu, negara dalam ekonomi membangun perlu memberi perhatian semula kepada isu-isu seperti pembangunan tanah, pelaburan yang mencukupi di bidang pendidikan, kesihatan dan kemahiran penduduknya, kesampaian ilmu pengetahuan (khususnya di bidang sains dan teknologi) kepada semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan daya saingnya di peringkat global.

Oleh itu adalah wajar supaya pengalaman pembangunan di Malaysia yang menunjukkan bahawa peranan negara adalah penting dalam usaha pembasmian

kemiskinan dan usaha mengurangkan jurang perbezaan pendapatan khusus dalam tempoh pelaksanaan DEB dipergiat dan diperkemasukan untuk menghadapi ancaman globalisasi demi mempertahankan kedaulatan negara ini.

### **3.2 Mempromosikan Masyarakat Sains dan Teknologi**

Dalam rancangan Malaysia ke 7, peranan sains dan teknologi ialah untuk meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan berdasarkan produktiviti dan anjakan kepada pembangunan teknologi secara intensif untuk pembangunan industri, dan peningkatan kecekapan perkhidmatan supaya negara boleh terus berdaya saing (Rancangan Malaysia ke 7, 1996). Sains dan teknologi telah diberi keutamaan tinggi sebagai:

- i alat untuk mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi, dan
- ii sebagai alat untuk meningkatkan kualiti hidup.

Untuk mempertingkatkan peranan sains dan teknologi dalam pembangunan Rancangan Malaysia ke 7, pihak kerajaan telah merancang sembilan program sains dan teknologi yakni:

- i melaksanakan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang keutamaan
- ii membina teknologi strategik dan industri baru
- iii memperdagangkan penyelidikan dan teknologi
- iv melibatkan sektor swasta melabur dalam penyelidikan dan pembangunan
- v mempertingkatkan sumber manusia dalam sains dan teknologi
- vi meningkatkan kepiawaian dan menjamin kualiti
- vii melindung harta intelek
- viii meningkatkan kesedaran masyarakat tentang sains dan teknologi dan menyclar dan mengurus strategi dan program sains dan teknologi
- ix

Cabaran ke enam Wawasan 2020 (Mahathir, 1991) adalah untuk melahirkan sebuah masyarakat saintifik dan progresif yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi tetapi dapat menyumbang ke arah pembangunan tamadun yang bersandarkan sains dan teknologi. Pengertian cabaran keenam Wawasan 2020 merujuk kepada penggunaan sains dan teknologi untuk pembangunan ekonomi dan pembangunan masyarakat melalui kegiatan seperti penyelidikan dan pembangunan yang melibatkan aktiviti-aktiviti *Technology Tracking* dan *Technology Scanning*. Dengan itu, masyarakat saintifik atau berpengetahuan bermaksud sebuah masyarakat yang cekik teknologi, boleh berfikir secara saintifik apabila menangani sesuatu masalah dan mempunyai sikap positif terhadap sains dan teknologi.

Kelahiran *Multimedia Super Corridor* (MSC) dan Agenda IT Negara (NITA) adalah merupakan antara usaha-usaha kerajaan untuk merealisasikan program-program di atas. NITA misalnya cuba menggerakkan pembangunan infrastruktur, aplikasi dan kandungan yang berteraskan persekitaran tempatan. Di samping itu, di awal tahun 2000 kerajaan juga telah mengorak langkah ke era ekonomi baru dengan mengisyarkan peralihan ke ekonomi berdasarkan pengetahuan atau *K-Economy* yang memerlukan masyarakat Malaysia menyesuaikan diri dengan budaya masyarakat berpengetahuan.

Beberapa program lain juga wajar dipertimbang dan dipergunakan seperti:

- i penyelidikan dan pembangunan ke arah menghasilkan pakej kejuruteraan sosial bagi membudayakan sains dan teknologi untuk menghasilkan individu yang berkualiti.
- ii menganjak paradigma masyarakat supaya lebih bersifat holistik dalam mengeksplorasi teknologi iaitu dengan mengubah kecenderungan daripada menjadi pengguna teknologi kepada pencipta teknologi tersebut.

Kesemua program di atas hendaklah disokong dengan iklim dan budaya kerja yang sesuai kerana kita mempunyai sumber tenaga kerja di mana jua organisasi yang mempunyai potensi. Akan tetapi potensi tersebut hanya akan terserlah atau menjadi kenyataan hanya apabila iklim dan budaya kerja dapat mewujudkan suasana yang

memberangsangkan dan menghidupkan jiwa untuk terus belajar dan bekerja. Bagi membolehkan semua manusia, khususnya manusia miskin, mempunyai daya kreatif, maka mereka harus sejahtera dan bebas daripada ketertergantungan dan penindasan, perasaan takut dan kejahilan serta sikap rendah diri dan putus asa. Maka dengan itu tumpuan juga harus diberikan kepada keupayaan menciptakan keadaan yang membolehkan manusia mengembangkan kreativitinya yang merupakan intipati pembangunan insan.

### 3.3 Memantapkan Peranan Masyarakat dan Individu

Telah diujahkan bahawa pembangunan insan adalah unsur penting untuk menyediakan individu yang mempunyai daya tahan bagi menghadapi cabaran globalisasi. Peranan individu dan masyarakat amatlah penting untuk dikembangkan. Umpamanya masyarakat atau pertubuhan yang beroperasi dalam ruang di antara keluarga dengan negara tetapi tidak termasuk ekonomi pasaran kapitalis. Untuk mencapai matlamat utama pembangunan insan, masyarakat/ pertubuhan ini bolch memainkan empat peranan penting:

- i. boleh berperanan sebagai kuasa yang dapat mengawal kedua-dua kelemahan pasaran dan negara ataupun pakatan antara negara dan modal.
- ii. untuk menilai semula asas-asas moral dan etika dalam penggunaan pengetahuan oleh masyarakat
- iii. dapat mengupayakan penduduk, terutama penduduk miskin dengan menggalakkan penglibatan mereka dalam semua urusan-urusan yang melibatkan kepentingan mereka dan menonjolkan idealisme baru melalui kekuatan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai baik yang dipupuk di dalam masyarakat.
- iv. mempromosikan rangkakerja ekonomi dan institusi yang mendorong manusia untuk bekerja secara kolaboratif serta bagaimana menggunakan teknologi untuk mewujudkan sistem pentadbiran (*governance*) yang lebih baik.

#### **4. KESIMPULAN**

Perkembangan teknologi komputer dan komunikasi telah mencetuskan keperluan untuk berubah yang menuntut masyarakat supaya bukan sahaja meningkatkan pengetahuan di dalam bidang tersebut tetapi juga pada masa yang sama mengurus perubahan-perubahan yang perlu untuk mengkalkulkan kedudukan kita supaya mampu bersaing dengan negara-negara lain dalam menghadapi era globalisasi ini.


Telah disyorkan supaya negara memainkan peranan aktif dalam pembangunan. Selain daripada negara membangun meningkatkan usaha mengawal modal dan melaksanakan dasar pengagihan semula kekayaan supaya dapat mengurangkan kesan negatif globalisasi terhadap golongan miskin dan berpendapatan rendah, usaha-usaha mempergiat dan mempermudahkan keupayaan dan akses kepada teknologi dan maklumat haruslah dipertingkatkan.

Sementara usaha mencari jalan terbaik diteruskan, yang penting dilakukan pada masa kini adalah mendedahkan sifat sebenar globalisasi, iaitu sebalik manfaat dijanjikan, terutama yang dicetuskan oleh pembangunan pesat dibidang teknologi, globalisasi juga mempunyai kecenderungan membawa unsur ketidaktentuan dan seterusnya menimbulkan krisis dalam sistem ekonomi global. Masyarakat perlu didehdahkan kepada segala sesuatu yang terjadi dalam sistem global kini.

Isu-isu seperti peranan negara, masyarakat dan individu telah diketengahkan, tetapi apakah bentuk sebenar hubungan di antara pasaran, negara dan masyarakat/pertubuhan yang dapat mewujudkan kesejahteraan di bumi ini bagi semua manusia masih perlu difikirkan oleh semua pihak yang cintakan keadilan, kebebasan, kedamaian dan keadilan negara.

## RUJUKAN

- Cox, R. W. 1994. Global Restructuring: Making Sense of the Changing International Political Economy. Dalam Stubbs, R dan Underhill, G.R.D (pnyt.), Political Economy and The Changing Global Order. New York: St. Martin's Press.
- Drucker, P. 1969. The Age of Discontinuity: Guidelines to Our Changing Society. Harper & Row N. Y.
- Tapscott, D. E. 1995. The Digital Economy: Promise and Peril in the Age of Networked Intelligence. Mc-Graw Hill.
- Toffler, A. & Heidi 1995. Third Wave Information Society.
- United Nations 1999. Economic and Social Survey of Asia and the Pacific 1999. United Nations Publication.



**Cabaran Teknologi Maklumat & Komunikasi  
(ICT) Ke Arah Era Ilmu**

oleh  
**Dr. Raja Malik Mohamed**

**Sesi 6 Trek 3**




# KANDUNGAN

- ERA EKONOMI ILMU (K-ECONOMY)
- PENGURUSAN PERUBAHAN
- CABARAN BARU ICT
- PERBINCANGAN

WADAH  
KEDAI




# KANDUNGAN




# ERA ILMU




# PERUBAHAN



# PERUBAHAN



# PERUBAHAN



# CABARAN BARU

## PENGURUSAN MAKLUMAT

### IM STRATEGY

- Organization-based
- Vision oriented
- Relationship focused
- Management

STRATEGIC ALIGNMENT  
OF ICT

STRUKTUR  
•ORGANISASI  
•KOMPETENSI

DASAR  
(BEYOND PHYSICAL ICT)  
•PERUNDANGAN  
•OWNERSHIP (IP)  
•KESELAMATAN

•PROJECT MANAGEMENT  
•OUTSOURCING  
•PERPINDAHAN TEKNOLOGI  
•PROCESS REENGINEERING

MAKLUMAT

PRASARANA  
TEKNOLOGI

PEMBANGUNAN  
SISTEM

PENGGUNAAN  
SISTEM



# CABARAN BARU

## PEMBANGUNAN SISTEM

### IS STRATEGY

- Division/Unit based
- Demand oriented
- Business focus
- Applications

PERANCANGAN STRATEGIK

METODOLOGI SESUAI

INTEGRASI SISTEM & CONVERGENCE

MAKLUMAT

PEMBANGUNAN SISTEM

KEMAHIRAN & PEMBUDAYAAN

KEPAKARAN BARU

PRASARANA TEKNOLOGI

PENGGUNAAN SISTEM

INOVASI



# CABARAN BARU

## TEKNOLOGI MAKLUMAT

### IT STRATEGY

- Activity based
- Supply oriented
- Technology focused
- Delivery

INFRASTRUKTUR

PEMILIHAN  
TEKNOLOGI  
ICT BARU

TEKNOLOGI  
BARU

INTEGRASI  
TEKNOLOGI

MAKLUMAT

PRASARANA  
TEKNOLOGI

PEMBANGUNAN  
SISTEM

PENGGUNAAN  
SISTEM



# CADANGAN 1: PENGURUSAN

## TRANSFORMATIONAL MANAGEMENT

- TM is associated with organizational transformation (or change) and relates to:
  - Organizational re-design - also organizational restructuring; BPR; BIP; Process innovation; Business transformation cycle; organizational learning; TQM
  - People transformation
  - Process orientation
  - Breakthrough thinking reengineering

# **CADANGAN 1: PENGURUSAN**

## **TRANSFORMATIONAL MANAGEMENT**

### **■ Approaches to make large organization change**

- Advanced IT
- Coaching for breakthroughs
- Intentional systems transformation
- Organizational learning
- Soft systems methodology
- Systems dynamic
- Total quality management
- Viable system model



# CADANGAN 2: MENGURUS PERUBAHAN

## CHANGE: FROM VISION TO ACTION

■ Changed has to be managed, and managing change includes

- Mindset shift
- Process change
- New strategic view of IT (IM, IS, IT)
- Strategic business & IT alignment
- Management & leadership
- Organizational facilities
- People skills
- Effective collaboration
- Learning & training

# CADANGAN 2: MENGURUS PERUBAHAN

## CHANGE: FROM VISION TO ACTION

### ■ Proposed actions


- Organizational will to implement change
- Thinking towards change
- Amplify policy information
- Strong leadership & champion
- Readiness for the unexpected
- Plan for change
- Smart partnership
- Training program
- Teamwork strengthening across boundaries



# CADANGAN 3: PENGURUSAN PROSES

## INTRODUCING NEW PROCESSES

### ■ Rate of Process Change



# CADANGAN 3: PENGURUSAN PROSES

## INTRODUCING NEW PROCESSES

### ■ Process Improvement & Reengineering

Operational	Big Process Improvement	Big Process Improvement
Strategic	Small Process Engineering	Total Process Engineering
Organizational Units		Government



# CADANGAN 3: PENGURUSAN PROSES

## INTRODUCING NEW PROCESSES

### ■ Issues

- Organizations unsure on the need to do process change
- Organizations unsure of the extent & scope of change
- Organizations do not do total study on change requirement
  - no capacity
  - no capability

As a result they go for small changes
- Lack attitude to do BPR or BIP
  - not serious on needs
  - lack knowledge of benefits

# **CADANGAN 3: PENGURUSAN PROSES**

## **INTRODUCING NEW PROCESSES**

### **■ Proposals for Improvement**

- Availability of cybernetic tools for organizational design or adjustment
  - Viable System Model, a tool that diagnose organization's capability to be internally stable yet externally adaptable to environmental needs, thereby provide a mechanism for a learning organization
- Holonic network views
  - Process Improvement Grid, a tool that looks at holistically at process improvement
- Mechanisms for Organizational Transformation
  - Refer "Transformational Management" tools and approaches



# CADANGAN 4: PENGURUSAN DATA

## MANAGING DATA, INFORMATION & KNOWLEDGE

- Data Integrity
  - Currency of data
  - Security
  - Relevance
- Information owner & data
- Coordination
  - Data
  - Procedure
  - Standards
  - Documentation
- Ownership
- Sistem Bank Ilmu

# CADANGAN 5: PENGURUSAN TEKNOLOGI

## MANAGING FUTURE & EMERGING TECHNOLOGIES

### ■ Emerging Technologies

- Learning technologies - robotics, fuzzy logic, neural networks
- Office technologies - voice recognition, handwritten character recognition, automatic language translation of voice



# CADANGAN 5: PENGURUSAN TEKNOLOGI

## MANAGING FUTURE & EMERGING TECHNOLOGIES

### ■ Issues

- Ability of IT to change
  - governance
  - the way we working
  - society & culture
    - the way people communicate, use information
    - IT not option any more
  - business - IT change & create business
- Technology is for everyone



# CADANGAN 5: PENGURUSAN TEKNOLOGI

## MANAGING FUTURE & EMERGING TECHNOLOGIES

### ■ Issues

- Keeping up with technology proliferation
  - merge of technologies e.g. computers, telecommunications, broadcasting, office
  - multiplying effects i.e. increase in IT abilities - more sophisticated through additional features, more powerful, more capacity, more integrated
- No stopping the IT surge
  - strategic role - as enabler; built in organizational strategies
  - pivotal role
  - IT reach & range enhanced due to availability

## **CADANGAN 5: PENGURUSAN TEKNOLOGI**

### **MANAGING FUTURE & EMERGING TECHNOLOGIES**

#### **■ Handling Technology Proliferation**

- Get top management to understand technology & give full support
- Move from IT literacy to information & knowledge literacy
- Ability to use IT aggressively if IT prove useful e.g. take advantage of Internet
- IT is at the centre & not periphery - managers to take up technology e.g. use of e-mails; IT should be aligned to the business (technology driven to technology enabled)
- Create smart partners especially if organization lacks IT know-how
- Adjust organizational structure to fit in IT
- Organization has to recognize that knowledge is power



# CADANGAN 6: PENGURUSAN PROJEK MEGA

## Large Projects

- Managing large-scale, complex or mega IT project involves steering a variety of interacting business, technical, economic & human components. Additionally, projects cut across organizational and national boundaries



# CADANGAN 6: PENGURUSAN PROJEK MEGA

## ■ Issues

- Management Issues
  - Managing the change process
  - Developing project-focused teams
  - Identifying core competencies
  - Leading the virtual project organization
  - Ability to abide by the time, cost, specifications
- Technical Issues
  - Availability of technology
  - Operational e.g. maintenance
  - Technology change due to continuously decreasing technology development cycle time e.g. managing obsolete technologies



# CADANGAN 6: PENGURUSAN PROJEK MEGA

## MANAGING LARGE SCALE PROJECTS

### ■ Issues

- People

- Team work between workers that are cross-functional, cross-discipline, cross-organization (intra Government & between Government & private sector), cross-nationals, and therefore conflicting interests, diverse cultures, inadequate communication
- Managers having different styles
- Attitude



MANAGING  
LARGE SCALE  
PROJECTS



# **CADANGAN 6: PENGURUSAN PROJEK MEGA**

## **MANAGING LARGE SCALE PROJECTS**

### **■ Management Strategies**

- Structure
- Planning
- Integration
- Process Reengineering
- Infrastructure
- Leadership
- Smart Partnership
- Team building approach



# CADANGAN 7: MANAGING IT PLAYERS


## ■ Who are the Players?

- Managers who are the key decision-makers
- The IT professionals
- The new end-users
- Knowledge worker



# CADANGAN 7: MANAGING IT PLAYERS

- New Development & Proposals
  - Managing “New” IT Human Resource



# CADANGAN 7: MANAGING IT PLAYERS

## ■ New Development & Proposals

- Involvement of “New” Players
  - Change Management Team
  - Innovation Managers
  - Knowledge Team & Project Coordinator
  - Consultants

# CADANGAN 7: MANAGING IT PLAYERS

## MANAGING IT PLAYERS

### ■ New Development & Proposals

- New Skills & Competencies
  - Motivating subordinates
  - Upward management
  - Number one salesman
  - Chief coordinator
  - Knowledgeable on who's who in IT
  - High managerial & organizational knowledge
  - Smart partners
- Develop competencies model for IT personnel



# **CADANGAN 8: MANAGING OUTSOURCING**

## **■ Why Outsourcing?**

- To reduce financial commitments
- To speed the rate to move to new technologies
- To free management from daily operational concerns, and focus on strategic information management issues, development and innovation
- Reducing workforce and the need to keep all types & levels of personnel
- Smaller organization tend to outsource its core operations

# CADANGAN 8: MANAGING OUTSOURCING

## Implications

- Employees morale
- Managing consultant's performance
- Legal
- Partnership issues
  - sharing strategic information
  - good working relationship
  - knowledge transfer
  - trusts & trade secrets
- Security & confidentiality
- Outsourced partner's organizational standing
- Technology transfer
- Organizational acculturation

# (CADANGAN 9: PENGURUSAN PERPINDAHAN TEKNOLOGI ToT)

## ToT Requirement

- Due to Outsourcing
- Due to technical assistance

## ■ STATUS

- TOT proven unsuccessful
- Reverse situation also happens

## ■ Issues in Managing ToT

- Receiving organization not prepared
  - to manage the new technology
  - due to lack of knowledge of the technology
  - lack understanding of its use strategically

## **(CADANGAN 9: PENGURUSAN PERPINDAHAN TEKNOLOGI ToT)**

### **MANAGING TRANSFER OF TECHNOLOGY**

#### **■ Preparations for TOT**

- R&D must first be carried out prior to ensuring a successful TOT. This ensures better adaptation of the new technology e.g. Japan & Taiwan in electronics
- Manpower training must be done in “just-in-time” approach and continuously

# CADANGAN 10: PEMBUDAYAAN MAKLUMAT

## INFORMATION ACCULTURATION

### ■ Issues

- Resistance to change
  - Conceptual
  - Financial
  - Cultural
  - Lack urgency
  - Technical capabilities
  - Organizational & management support
  - People by nature are slow to change
  - Regulatory problems
  - Institutional

# **CADANGAN 10: PEMBUDAYAAN MAKLUMAT**

## **INFORMATION ACCULTURATION**

### **■ Issues**

- The Internet culture
- Managing new knowledge
  - understanding the meaning of knowledge management
  - relationship between knowledge, information & learning
  - impact of knowledge on employees & the learning organization
  - knowledge management as a core competence & future strategic direction

# CADANGAN 11: INTEGRASI & “CONVERGENCE” SISTEM

## ■ Issues of Integration


- Legacy systems
  - resistance from users
  - legacy system working well
- Complex task
  - multi-applications
  - diverse technologies
  - documentation
  - technology platforms & information infrastructures
  - procedural
- Involve many players, sometimes across-organization
  - unhealthy competition & rivalry

# **CADANGAN 12: MENANGANI KRISIS TEKNOLOGI**

- Crisis can sometimes be anticipated, but not full-proofed
- Internal crisis
  - security system
  - Y2K
  - system failures
- External crisis
  - computer crime
  - security threat
  - hackers
  - virus
  - abuse
  - crash



# CADANGAN 13: STRUKTUR ORGANISASI IT BARU



# **TERIMA KASIH**